

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
TERJEMAHAN AL IQNA'
الإقناع

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَشَرَ لِلْعُلَمَاءِ أَعْلَامًا، وَثَبَّتَ لَهُمْ عَلَى الصِّرَاطِ الْمُسْتَقِيمِ أَقْدَامًا، وَجَعَلَ مَقَامَ الْعِلْمِ أَعْلَى مَقَامٍ، وَفَضَّلَ الْعُلَمَاءَ بِإِقَامَةِ الْحُجَجِ الدِّينِيَّةِ وَمَعْرِفَةِ الْأَحْكَامِ، وَأَوْدَعَ الْعَارِفِينَ لَطَائِفَ سِرِّهِ فَهُمْ أَهْلُ الْمُحَاضِرَةِ وَالْإِلْهَامِ، وَوَفَّقَ الْعَامِلِينَ لِحِدْمَتِهِ فَهَجَرُوا لِدَيْدِ الْمَنَامِ ، وَأَذَاقَ الْمُحِبِّينَ لَذَّةَ قُرْبِهِ وَأَنْسَهُ فُشْغَلَهُمْ عَنِ الْأَنَامِ.

Bismillahirrahmanirrahim. Segala puji bagi Allah yang mengibarkan bendera para ulamak¹, yang menetapkan tapak kaki mereka di atas jalan yang lurus, yang menjadikan makam ilmu setinggi-tinggi makam, yang melebihkan para ulamak dengan mendirikan hujjah-hujjah agama dan mengetahui hukum-hukumnya, yang menyimpankan pada para 'arifin akan rahsiaNya yang seni maka mereka itu ahli muhadharah dan ilham, yang mentaufikkan para 'amilin yang beramal untuk berkhidmat kepadaNya maka mereka meninggalkan kelazatan tidur, dan yang memberi para kekasihnya merasai kelazatan dekat kepadaNya dan jinak denganNya maka ia menyibukkan mereka dari semua makhluk.

أَحْمَدُهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى عَلَى جَزِيلِ الْإِنْعَامِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَامُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ وَصَفِيَّهُ وَخَلِيلَهُ إِمَامَ كُلِّ إِمَامٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّتِهِ الطَّيِّبِينَ الطَّاهِرِينَ، صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Aku memujiNya, yang maha suci dan maha tinggi di atas pemberian ni'mat yang besar, dan aku menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan melainkan Allah sahaja, tidak ada sekutu bagiNya, raja yang maha mengetahui, dan aku menyaksikan bahawa penghulu kita dan nabi kita Muhammad selawat dan salam Allah di atasnya adalah hambaNya dan rasulNya dan orang pilihanNya dan kekasihNya, imam segala imam, dan ke atas keluarganya dan isteri-isterinya dan zuriatnya yang bersih lagi suci, sebagai selawat dan salam yang berkekalan yang lazim hingga Hari Agama.

وَبَعْدُ، فَيَقُولُ الْفَقِيرُ إِلَى رَحْمَةِ رَبِّهِ الْقَرِيبِ الْمُجِيبِ، مُحَمَّدَ الشَّرِيبِيِّ الْخَطِيبِ : إِنَّ مُخْتَصَرَ الْإِمَامِ الْعَالِمِ الْعَلَامَةِ، الْحَبِيبِ الْبَحْرِ الْفَهَامَةِ شَهَابِ الدُّنْيَا وَالِدِينَ أَحْمَدَ ابْنَ الْحُسَيْنِ بْنِ أَحْمَدَ الْأَصْفَهَانِيِّ الشَّهِيرِ بِأَبِي شُجَاعِ الْمُسَمَّى بِغَايَةِ الْإِخْتِصَارِ، لَمَّا كَانَ مِنْ أَوَّلِ مُخْتَصَرِ فِي الْفِقْهِ صُنِّفَ، وَأَجْمَعَ مَوْضُوعَ لَهُ فِيهِ عَلَى مِقْدَارِ حَجْمِهِ أَلْفَ، التَّمَسُّ مَنِي بَعْضِ الْأَعْرَةِ عَلَى الْمُتَرَدِّدِينَ إِلَى أَنْ أَضْعَ عَلَيْهِ شَرْحًا يُوَضِّحُ مَا أَشْكَلَ مِنْهُ وَيَفْتَحُ مَا أُغْلِقَ مِنْهُ ضَامًّا إِلَى ذَلِكَ مِنَ الْفَوَائِدِ الْمُسْتَجَادَاتِ وَالْقَوَاعِدِ الْمُحَرَّرَاتِ الَّتِي وَضَعْتَهَا فِي شُرُوحِي عَلَى التَّنْبِيهِ وَالْمُنْهَاجِ وَالْبَهْجَةِ، فَاسْتَحَرَّتْ اللَّهُ تَعَالَى مُدَّةً مِنَ الزَّمَانِ بَعْدَ أَنْ صَلَّيْتُ رَكَعَتَيْنِ فِي مَقَامِ إِمَامِنَا الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ وَأَرْضَاهُ، وَجَعَلَ الْجَنَّةَ مُتَقَلَّبَةً وَمَثْوَاهُ.

Selepas itu, maka kata si fakir kepada rahmat Tuhannya, yang hampir yang memperkenankan, Muhammad Syarbini al khatib : sesungguhnya mukhtasar imam yang amat alim, dakwat yang melaut, yang amat faham, bintang yang menerangi dunia dan agama, Ahmad bin Husain bin Ahmad al isfahani yang masyhur dengan Abu Syuja' yang dinamakan dengan Ghayah al Ikhtisar, tatkala ianya mukhtasar fekah yang paling indah yang pernah dikarang dan yang paling banyak menghimpunkan masaalah-masaalah dari setiap karangan yang dihantarkan pada fekah di atas kadar tubuhnya

¹. iaitu yang menzahirkan kelebihan pada ulamak seperti kemampuan melihat dengan mata hati.

yang pernah disusun, meminta dari ku sebahagian orang-orang budiman kepada ku dan sentiasa berulang alik kepada ku agar aku letakkan ke atasnya satu syarah yang menjelaskan apa yang musykil darinya dan membuka apa yang dikuncikan darinya hal keadaan aku menghimpunkan kepada demikian itu faedah-faedah yang baik dan kaedah-kaedah yang telah disunting yang aku letakkannya didalam syarah-syarah ku di atas at Tanbih dan al Minhaj dan al Bahjah, lalu aku meminta Allah memilih untuk ku pada satu masa selepas bahawa aku selesai dua rakaat pada makam imam kita Syafi'e, semoga Allah meredhainya dan menjadikan dia redha dan menjadikan syurga tempat kembalinya.

فَلَمَّا انْتَشَرَ لِدَلِّكَ صَدْرِي شَرَعْتُ فِي شَرْحِ تَقْرِئِ بِهِ أَعْيُنُ أَوْلِي الرِّعَابَاتِ، رَاجِيًا بِذَلِكَ جَزِيلَ الْأَجْرِ وَالثَّوَابِ، أَجَافِي فِيهِ الْإِيْجَازَ الْمُخَلَّ وَالْإِطْنَابَ الْمُمِلَّ، حَرِصًا عَلَى التَّقْرِيْبِ لِفَهْمِ قَاصِدِهِ وَالْحُصُولِ عَلَى فَوَائِدِهِ، لِيَكْتَفِيَ بِهِ الْمُبْتَدِئُ عَنِ الْمُطَالَعَةِ فِي غَيْرِهِ، وَالْمُتَوَسِّطُ عَنِ الْمُرَاجَعَةِ لِغَيْرِهِ.

Maka tatkala lapang dada ku aku masuk pada syarah yang tenang dengannya mata orang-orang yang gemar kepadanya, hal keadaan aku mengharapakan dengan demikian itu ganjaran dan pahala yang besar, aku elakkan padanya singkat ibarat yang mencederakan dan panjang ibarat yang menjemukan kerana haloba di atas mendekati kepada fahaman orang yang menuju kepadanya dan menghasilkan faedah-faedahnya, supaya memada dengannya pelajar baru dari mencari-cari pada selainnya dan pelajar yang sederhana dari merujuk kepada selainnya.

فَإِنِّي مُؤَمِّلٌ مِنْ اللَّهِ تَعَالَى أَنْ يَجْعَلَ هَذَا الْكِتَابَ عُمْدَةً وَمَرْجِعًا بِبَرَكَاتِهِ الْكَرِيمِ الْوَهَّابِ، فَمَا كُلُّ مَنْ صَنَّفَ أَجَادًا، وَلَا كُلُّ مَنْ قَالَ وَفَى بِالْمُرَادِ، وَالْفَضْلُ مَوَاهِبُ، وَالنَّاسُ فِي الْفُنُونِ مَرَاتِبُ، وَالنَّاسُ يَتَفَاوَتُونَ فِي الْفَضَائِلِ، وَقَدْ تَطَفَّرَ الْأَوَاخِرُ بِمَا تَرَكَتُهُ الْأَوَائِلُ، وَكَمْ تَرَكَ الْأَوَّلُ لِلْآخِرِ، وَكَمْ لِلَّهِ عَلَى خَلْقِهِ مِنْ فَضْلٍ وَجُودٍ، وَكُلُّ ذِي نِعْمَةٍ مَحْسُودٌ وَالْحَسُودُ لَا يَسُودُ.

Maka sesungguhnya aku mengharapakan dari Allah taala agar menjadikan kitab ini sebagai asas dan rujukkan, dengan keberkatan dari Yang Maha Mulia dan Maha Memberi, kerana tidaklah setiap orang yang mengarang baik karangannya dan tidaklah setiap orang yang bercakap menyampaikan dengan sempurna apa yang dia maksudkan, limpah kurniaan itu adalah pemberian, dan manusia pada bidang-bidang ilmu itu ada berapa martabat, dan manusia berlebih kurang pada fadhilat-fadhilat, terkadang orang yang kemudian mencapai apa yang ditinggalkan oleh orang-orang awal, berapa kerap orang yang awal meninggalkan kepada orang yang kemudian, dan berapa banyak limpah kurnia dan kemurahan Allah kepada makhlukNya, dan setiap ni'mat itu didengikkan, dan orang yang kuat sifat hasadnya tidak memimpin.

وَسَمَّيْتَهُ : (الْإِقْتِنَاعُ فِي حَلِّ الْأَفْظِ أَبِي سُجَاعِ). أَعَانَنِي اللَّهُ تَعَالَى عَلَى إِكْمَالِهِ، وَجَعَلَهُ خَالِصًا لَوَجْهِهِ الْكَرِيمِ بِكَرَمِهِ وَإِفْضَالِهِ فَلَا مَلْجَأَ مِنْهُ إِلَّا إِلَيْهِ ، وَلَا اِعْتِمَادَ إِلَّا عَلَيْهِ، وَهُوَ حَسْبِي وَنِعْمَ الْوَكِيلُ، وَأَسْأَلُهُ السُّتْرَ الْجَمِيلَ.

Aku namakan ia (Iqna' pada menghuraikan lafaz-lafaz Abu Syuja'). Semoga Allah taala membantu aku di atas menyempurnakannya dan menjadikannya tulus bagi wajahNya yang maha mulia dengan kemurahanNya dan limpah kurniaNya, maka tidak ada tempat lari darinya melainkan kepadaNya, dan tidak ada pegangan melainkan di atasNya, Dia memadai bagi ku dan sebaik-baik wakil, dan aku meminta dariNya tutupan indah.

قَالَ الْمُؤَلِّفُ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى : (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) أَيُّ أَبْتَدَيْتُ أَوْ أفتَحْتُ أَوْ أَوَّلْتُ. وَهَذَا أَوْلَى، إِذْ كُلُّ فَاعِلٍ يَبْدَأُ فِي فِعْلِهِ بِبِسْمِ اللَّهِ يُضْمِرُ مَا جَعَلَ التَّسْمِيَةَ مَبْدَأً لَهُ، كَمَا أَنَّ الْمُسَافِرَ إِذَا حَلَّ أَوْ ارْتَحَلَ فَقَالَ : بِسْمِ اللَّهِ كَانَ الْمَعْنَى بِاسْمِ اللَّهِ أَحَلُّ أَوْ بِاسْمِ اللَّهِ ارْتَحَلُ.

Kata muallif rahimahullah taala (Dengan nama Allah yang maha pengasih maha penyayang. . .), iaitu aku mulai atau aku membuat pembukaan atau aku mengarang, yang mana ini terutama, kerana setiap orang yang melakukan suatu yang mula pada perbuatannya dengan nama Allah tidak menyebutkan apa yang dia jadikan tasmiah itu sebagai permulaannya, sepertimana bahawa seorang musafir apabila berangkat atau singgah maka dia berkata : dengan nama Allah, adalah maknanya dengan nama Allah aku berhenti singgah atau dengan nama Allah aku berangkat.

وَإِسْمٌ مُشْتَقٌّ مِنَ السَّمْوِ وَهُوَ الْعُلُوُّ فَهُوَ مِنَ الْأَسْمَاءِ الْمَحْدُوفَةِ الْأَعْجَازُ كَيِّدٍ وَدَمٍ لِكَثْرَةِ الْإِسْتِعْمَالِ، بِنَيْتِ أَوَائِلِهَا عَلَى السُّكُونِ وَأَدْخَلَ عَلَيْهَا هَمْزَةً الْوَصْلِ لِتَعَدُّرِ الْإِبْتِدَاءِ بِالسَّاكِنِ. وَقِيلَ مِنَ الْوَسْمِ وَهُوَ الْعَلَامَةُ. وَفِيهِ عَشْرُ لُغَاتٍ نَظَمَهَا بَعْضُهُمْ فِي بَيْتٍ فَقَالَ : سِمٌ وَسِمَى وَاسْمٌ وَاسْمٌ بِتَثْنِيَّتِ أَوَّلٍ * لَهُنَّ سَمَاءٌ عَاشِرٌ تَمَّتْ أَنْجَلَى.

“اسم” i.e nama diambil dari “سمو” iaitu tinggi. Maka ia satu daripada nama-nama yang dihapuskan ekornya seperti “يد” dan “دم” kerana banyak penggunaannya. Dibina huruf awal isim-isim itu di atas sukun dan dimasukkan hamzah washal ke atasnya kerana teruzur mula dengan huruf yang mati. Dikatakan dari “وسم” iaitu tanda. Padanya sepuluh lughah. Sebahagian mereka menyusunkannya didalam satu bait maka katanya : “ سِمٌ وَسِمَى وَاسْمٌ وَاسْمٌ بِتَثْنِيَّتِ أَوَّلٍ * لَهُنَّ سَمَاءٌ عَاشِرٌ تَمَّتْ أَنْجَلَى ”.

وَاللَّهُ عَلَّمَ عَلَى الذَّاتِ الْوَاجِبِ الْوُجُودِ الْمُسْتَحَقَّ لِجَمِيعِ الْمَحَامِدِ. لَمْ يَتَسَمَّ بِهِ سِوَاهُ. تَسَمَّى بِهِ قَبْلَ أَنْ يُسَمَّى. وَأَنْزَلَهُ عَلَى آدَمَ فِي جُمْلَةِ الْأَسْمَاءِ. قَالَ تَعَالَى : { هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا } أَيُّ هَلْ تَعْلَمُ أَحَدًا سَمِيَ اللَّهُ غَيْرَ اللَّهِ. وَأَصْلُهُ الْإِلَهَ كَامَامٍ، ثُمَّ أَدْخَلُوا عَلَيْهِ الْأَلْفَ وَاللَّامَ، ثُمَّ حَذَفْتَ الْهَمْزَةَ طَلَبًا لِلْخَفَةِ وَنَقَلْتَ حَرَكَتَهَا إِلَى اللَّامِ، فَصَارَ الْإِلَهِ بِلَامَيْنِ مُتَحَرِّكَتَيْنِ ثُمَّ سَكَنْتِ الْأَوْلَى وَأُدْعِمَتْ فِي الثَّانِيَةِ لِلتَّسْهِيلِ.

“الله” nama khas di atas zat yang wajib ujud yang berhak kepada semua sifat-sifat terpuji. Tidak bernama dengannya selain Dia. Bernama Dia dengannya sebelum bahawa Dia dinamakan. Dia menurunkannya ke atas Adam pada sejumlah nama-namaNya. Firman Allah taala “هَلْ تَعْلَمُ لَهُ سَمِيًّا” iaitu adakah kamu tahu seorang yang dinamakan Allah selain Allah? Asalnya “الإله” seperti “إمام”, kemudian mereka memasukkan ke atasnya alif-lam, kemudian dihapuskan hamzah itu kerana meringankan dan dipindahkan barisnya kepada lam maka jadilah “الآله” dengan dua lam yang berbaris, kemudian disukunkan yang pertama dan diidghamkan ia pada yang kedua untuk melunakkan bunyinya.

وَإِلَهِ فِي الْأَصْلِ يَقَعُ عَلَى كُلِّ مَعْبُودٍ بِحَقِّ أَوْ بَاطِلٍ ثُمَّ غَلِبَ عَلَى الْمَعْبُودِ بِحَقِّ، كَمَا أَنَّ النَّجْمَ اسْمٌ لِكُلِّ كَوْكَبٍ ثُمَّ غَلِبَ عَلَى الثَّرْيَاءِ. وَهُوَ عَرَبِيٌّ عِنْدَ الْأَكْثَرِ، وَعِنْدَ الْمُحَقِّقِينَ أَنَّهُ اسْمُ اللَّهِ الْأَعْظَمِ. وَقَدْ ذُكِرَ فِي الْقُرْآنِ الْعَرَبِيِّ فِي الْفَيْنِ وَثَلَاثِمِائَةٍ وَسِتِّينَ مَوْضِعًا. وَاخْتَارَ النَّوَوِيُّ تَبَعًا لِجَمَاعَةٍ أَنَّهُ الْحَيُّ الْفَيُّومُ. قَالَ : وَلِذَلِكَ لَمْ يُذْكَرْ فِي الْقُرْآنِ إِلَّا فِي ثَلَاثَةِ مَوَاضِعَ : فِي الْبَقْرَةِ وَالْإِمْرَانِ وَطِه.

“Ilah” pada asalnya jatuh ke atas setiap yang disembah dengan sebenar atau dengan batil kemudian dimenangkan ia ke atas apa yang disembah dengan sebenar, sepertimana bahawa “najm” nama bagi setiap bintang kemudian di menangkan penggunaannya ke atas bintang thuraya. Ianya bahasa arab di sisi ramai ulamak, sementara di sisi para muhaqqiq ia adalah nama Allah yang maha agong. Sungguh ia di sebutkan di dalam Quran yang mulia pada dua ribu enam puluh tiga tempat. Nawawi dan pengikutnya memilih bahawa namaNya yang maha agong itu adalah yang maha

hidup sentiasa jaga. Katanya : kerana itu tidak disebutkan didalam Quran melainkan pada tiga tempat: pada surah Baqarah dan Ali 'Imran dan Thoha.

وَالرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ صِفَتَانِ مُشَبَّهَتَانِ بِنَيْتِنَا لِلْمُبَالَغَةِ مِنْ مَصْدَرِ رَحِمَ. وَالرَّحْمَنُ أَبْلَغُ مِنَ الرَّحِيمِ، لِأَنَّ زِيَادَةَ الْبِنَاءِ تَدُلُّ عَلَى زِيَادَةِ الْمَعْنَى كَمَا فِي قَطْعٍ بِالتَّخْفِيفِ وَقَطْعٍ بِالتَّشْدِيدِ. وَقَدَّمَ اللَّهُ عَلَيْهِمَا لِأَنَّهُ اسْمٌ ذَاتٌ وَهُمَا اسْمَا صِفَةٍ. وَقَدَّمَ الرَّحْمَنُ عَلَى الرَّحِيمِ لِأَنَّهُ خَاصٌّ، إِذْ لَا يُقَالُ لِغَيْرِ اللَّهِ، بِخِلَافِ الرَّحِيمِ. وَالْخَاصُّ مُقَدَّمٌ عَلَى الْعَامِّ.

“الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ” dua sifat musyabbahah yang di bina untuk makna mendalam dari masdhar “الرَّحْمَنُ” lebih dalam maknanya dari “الرَّحِيمُ” kerana lebih binaan menunjuk ke atas lebih makna sepertimana pada “قَطْعٌ” dan “قَطَعٌ”. Didahulukan Allah ke atas keduanya kerana ia nama zat sementara kedua-duanya nama sifat. Didahulukan “الرَّحْمَنُ” di atas “الرَّحِيمِ” kerana ia khusus kerana tidak dikatakan ia bagi selain Allah, bersalahan “الرَّحِيمِ”, apa yang khusus itu didahulukan ke atas yang umum.

فَأَنَدَّةٌ : قَالَ النَّسْفِيُّ فِي تَفْسِيرِهِ : قِيلَ إِنَّ الْكُتُبَ الْمُنَزَّلَةَ مِنَ السَّمَاءِ إِلَى الدُّنْيَا مِائَةٌ وَأَرْبَعَةٌ : صُحُفٌ شِيثِ سِتُّونَ، وَصُحُفٌ إِبْرَاهِيمَ ثَلَاثُونَ، وَصُحُفٌ مُوسَى قَبْلَ التَّوْرَةِ عَشْرَةٌ، وَالتَّوْرَةُ وَالْإِنْجِيلُ وَالرَّبُّورُ وَالْفُرْقَانُ. وَمَعَانِي كُلِّ الْكُتُبِ مَجْمُوعَةٌ فِي الْقُرْآنِ، وَمَعَانِي الْقُرْآنِ مَجْمُوعَةٌ فِي الْفَاتِحَةِ، وَمَعَانِي الْفَاتِحَةِ مَجْمُوعَةٌ فِي الْبِسْمَلَةِ، وَمَعَانِي الْبِسْمَلَةِ مَجْمُوعَةٌ فِي بَائِهَا، وَمَعْنَاهَا : بِي كَانَ مَا كَانَ وَبِي يَكُونُ مَا يَكُونُ. زَادَ بَعْضُهُمْ وَمَعَانِي الْبَاءِ فِي نَقَطَتِهَا.

Faedah. Kata Nasafi di dalam Tafsirnya : dikatakan kitab-kitab yang di turunkan dari langit ke dunia ini seratus empat buah, suhuf Syith enam puluh, suhuf Ibrahim tiga puluh, suhuf Musa sebelum Taurat sepuluh, Taurat, Injil, Zabur dan Furqan. Makna-makna setiap kitab dihimpunkan di dalam Quran, dan makna-makna Quran dihimpunkan di dalam Fatihah, dan makna-makna Fatihah dihimpunkan di dalam basmalah dan makna-makna basmalah di himpulkan pada ba'nya, dan maknanya “بِي كَانَ مَا كَانَ وَبِي يَكُونُ مَا يَكُونُ” i.e dengan Ku telah ada apa yang telah ada dan dengan Ku ada dan akan ada apa yang ada dan akan ada. Sebahagian ulamak menambah : makna-makna ba' itu berada pada titiknya.

(الْحَمْدُ لِلَّهِ) بَدَأَ بِالْبِسْمَلَةِ ثُمَّ بِالْحَمْدِ افْتِدَاءً بِالْكِتَابِ الْعَزِيزِ، وَعَمَلًا بِخَبَرِ : { كُلُّ أَمْرٍ ذِي بَالٍ } أَيَّ حَالٍ يُهْتَمُّ بِهِ { لَا يُبْدَأُ فِيهِ بِبِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ فَهُوَ أَقْطَعُ } أَيَّ نَاقِصٍ غَيْرِ تَامٍ. فَيَكُونُ قَلِيلَ الْبَرَكَاتِ. وَفِي رِوَايَةٍ رَوَاهَا أَبُو دَاوُدَ : " بِالْحَمْدِ لِلَّهِ ". وَجَمَعَ الْمُصَنِّفُ رَحْمَةَ اللَّهِ تَعَالَى كَعَبْرِهِ بَيْنَ الْإِبْتِدَائِيِّنَ عَمَلًا بِالرَّوَايَتَيْنِ، وَإِشَارَةً إِلَى أَنَّهُ لَا تَعَارُضَ بَيْنَهُمَا، إِذْ الْإِبْتِدَاءُ حَقِيقِيٌّ وَإِضَافِيٌّ، فَالْحَقِيقِيُّ حَصَلَ بِالْبِسْمَلَةِ وَإِضَافِيٌّ بِالْحَمْدِ، أَوْ أَنَّ الْإِبْتِدَاءَ لَيْسَ حَقِيقِيًّا بَلْ هُوَ أَمْرٌ عَرَفِيٌّ يَمْتَدُّ مِنَ الْأَخْذِ فِي التَّأْلِيفِ إِلَى الشَّرُوعِ فِي الْمَقْصُودِ، فَالْكَتُبُ الْمَصْنُفَةُ مَبْدُؤُهَا الْخُطْبَةُ بِتَمَامِهَا.

(Segala puji bagi Allah). Dia mula dengan basmalah kemudian dengan hamdalah kerana bercontohnya dengan kitab yang mulia dan kerana beramal dengan khabar “setiap urusan yang punya kelakuan. . .” iaitu keadaan yang diberi perhatian “yang tidak dimulakan dengan bismillahirrahmanirrahim maka ia kudung” iaitu kurang lagi tidak sempurna, maka adalah ia sedikit berkat. Pada satu riwayat yang diriwayatkan Abu Daud “dengan al hamdulillah”. Musannif rahimahullah taala seperti selainnya menghimpunkan di antara dua permulaan ini kerana beramal dengan dua riwayat ini dan kerana isyarat kepada bahawa tidak ada percanggahan di antara keduanya kerana permulaan itu ada yang hakiki dan yang idhafi maka yang hakiki itu terhasil dengan basmalah dan yang idhafi itu dengan hamdalah, atau bahawa permulaan itu bukannya hakiki bahkan ia perkara yang jenis ‘uruf yang berpanjangan, mula dari masuk pada

mengarang kepada masuk pada maksud. Maka kitab-kitab yang dikarang permulaannya adalah khutbah dengan sempurnanya.

وَالْحَمْدُ اللَّفْظِيَّةُ لُغَةً النَّثَاءُ بِاللِّسَانِ عَلَى الْجَمِيلِ الْاِخْتِيَارِيِّ عَلَى جِهَةِ التَّعْظِيمِ، سَوَاءً تَعَلَّقَ بِالْفَضَائِلِ وَهِيَ النِّعْمُ الْقَاصِرَةُ أَمْ بِالْفَوَاضِلِ وَهِيَ النِّعْمُ الْمُتَعَدِّيَّةُ. فَدَخَلَ فِي النَّثَاءِ الْحَمْدُ وَغَيْرُهُ. وَخَرَجَ بِاللِّسَانِ النَّثَاءُ بِغَيْرِهِ كَالْحَمْدِ النَّفْسِيِّ، وَبِالْجَمِيلِ النَّثَاءُ بِاللِّسَانِ عَلَى غَيْرِ الْجَمِيلِ، إِنَّ قُلْنَا بِرَأْيِ ابْنِ عَبْدِ السَّلَامِ : إِنَّ النَّثَاءَ حَقِيقَةٌ فِي الْخَيْرِ وَالشَّرِّ. وَإِنْ قُلْنَا بِرَأْيِ الْجُمْهُورِ وَهُوَ الظَّاهِرُ إِنَّهُ حَقِيقَةٌ فِي الْخَيْرِ فَقَط. فَفَائِدَةُ ذَلِكَ تَحْقِيقُ الْمَاهِيَةِ أَوْ دَفْعُ تَوْهَمِ إِرَادَةِ الْجَمْعِ بَيْنَ الْحَقِيقَةِ وَالْمَجَازِ عِنْدَ مَنْ يَجُوزُهُ. وَبِالْاِخْتِيَارِيِّ الْمَدْحُ فَإِنَّهُ يَعْمُ الْاِخْتِيَارِيِّ وَغَيْرُهُ. تَقُولُ : مَدَحْتُ اللُّؤْلُؤَةَ عَلَى حُسْنِهَا، دُونَ حَمْدِهَا. وَبَعَلَى جِهَةِ التَّبْجِيلِ مَا كَانَ عَلَى جِهَةِ الْاِسْتِهْزَاءِ وَالسُّخْرِيَّةِ نَحْوَ { دُقْ إِنَّكَ أَنْتَ الْعَزِيزُ الْكَرِيمُ }.

“الْحَمْدُ” i.e puji yang jenis lafaz pada bahasa adalah sebutbaik dengan lidah di atas perkara elok yang jenis pilihan di atas pihak membesarkan, sama sahaja ianya bergantung dengan fadhilat-fadhilat iaitu ni‘mat-ni‘mat yang terhad pada diri sendiri atau dengan fadhilat-fadhilat yang melampau. Maka masuk pada sebut baik itu oleh “حَمْدٌ” dan selainnya. Keluar dengan lidah oleh sebut baik dengan selainnya seperti puji didalam hati, dan dengan yang elok oleh puji dengan lidah di atas selain perkara yang elok, jika kita katakan dengan pendapat Ibnu Abdussalam : bahawa sebutbaik itu adalah hakikat pada kebaikan dan kejahatan. Jika kita katakan dengan pendapat jumhur yang mana ia yang zahir bahawa ianya adalah hakikat pada kebaikan sahaja maka faedah demikian itu adalah mentahkikkan mahiah atau menolak sangkaan kehendak menghimpunkan di antara hakikat dan majaz di sisi orang yang mengharuskannya. Keluar dengan “ikhtiar” oleh “الْمَدْحُ” maka ia meratai elok yang jenis pilihan dan selainnya. Kamu katakan “مَدَحْتُ اللُّؤْلُؤَةَ عَلَى حُسْنِهَا” i.e aku puji mutiara di atas keindahannya, tidak “حَمْدِهَا”. Keluar dengan “di atas wajah membesarkan” oleh puji di atas pihak sindir dan gurau umpama “rasakanlah sesungguhnya kamu orang yang budiman lagi mulia.

وَعُرْفًا فِعْلًا يَنْبِئُ عَنِ تَعْظِيمِ الْمُنْعَمِ مِنْ حَيْثُ إِنَّهُ مُنْعَمٌ عَلَى الْحَامِدِ أَوْ غَيْرِهِ ، سَوَاءً كَانَ ذِكْرًا بِاللِّسَانِ أَمْ اِعْتِقَادًا وَمَحَبَّةً بِالْجَنَانِ أَوْ عَمَلًا وَخِدْمَةً بِالْأَرْكَانِ، كَمَا قِيلَ : أَفَادَتْكُمْ النِّعْمَاءُ مِنِّي ثَلَاثَةً يَدِي وَلسَانِي وَالضَّمِيرَ الْمُحْجَبًا.

“الحمد” pada ‘uruf adalah perbuatan yang timbul dari membesarkan orang yang memberi ni‘mat dari sekira-kira dia si pemberi ni‘mat atau selainnya, samaada ianya sebutan dengan lidah atau iktikad dan kasih dengan hati atau perbuatan dan khidmat dengan anggota sepertimana dikatakan : memberi faedah kepada kamu oleh tiga ni‘mat dari ku : tangan ku dan lidah ku dan hati yang terhibab.

وَالشُّكْرُ لُغَةً هُوَ الْحَمْدُ عُرْفًا، وَعُرْفًا صَرَفُ الْعَبْدِ جَمِيعَ مَا أَنْعَمَ اللَّهُ تَعَالَى بِهِ عَلَيْهِ مِنَ السَّمْعِ وَغَيْرِهِ إِلَى مَا خُلِقَ لِأَجْلِهِ.

Syukur pada bahasa adalah puji pada ‘uruf, dan syukur pada ‘uruf memaling hamba akan semua apa yang Allah taala ni‘matkan dia dengannya daripada pendengaran dan selainnya kepada apa yang ia dijadikan kerananya.

وَالْمَدْحُ لُغَةً النَّثَاءُ بِاللِّسَانِ عَلَى الْجَمِيلِ مُطْلَقًا عَلَى جِهَةِ التَّعْظِيمِ، وَعُرْفًا مَا يَدُلُّ عَلَى اِخْتِصَاصِ الْمَمْدُوحِ بِنَوْعٍ مِنَ الْفَضَائِلِ.

“المدح” i.e puji pada lughah adalah sebutbaik dengan lidah di atas perkara elok semata-mata di atas pihak membesarkan, dan pada ‘uruf perkara yang menunjuk ke atas khusus orang yang dipuji dengan satu bagai daripada kelebihan-kelebihan.

وَجُمْلَةُ الْحَمْدِ لِلَّهِ خَبَرِيَّةٌ لَفْظًا إِنشَائِيَّةٌ مَعْنَى لِحْصُولِ الْحَمْدِ بِالتَّكَلُّمِ مَعَ الإِدْعَانِ لِمَدْلُولِهَا. وَيَجُوزُ أَنْ تَكُونَ مَوْضُوعَةً شَرْعًا لِلإِنشَاءِ.

Jumlah “segala pujian bagi Allah” adalah khabariah pada lafaz dan insyayah pada makna kerana terhasil pujian dengan kata-kata serta pengakuan hati terhadap madlulnya². Harus bahawa ianya dihantarkan pada syara’ untuk insya’.

وَالْحَمْدُ مُخْتَصٌّ لِلَّهِ تَعَالَى كَمَا أَفَادَتْهُ الْجُمْلَةُ، سِوَاءَ أَجْعَلْتُ فِيهِ أَلَّ لِلِاسْتِعْرَاقِ كَمَا عَلَيْهِ الْجُمْهُورُ وَهُوَ ظَاهِرٌ أَمْ لِلْجِنْسِ كَمَا عَلَيْهِ الرَّمْخَسَرِيُّ، لِأَنَّ لَامَ لِلَّهِ لِلِإِخْتِصَاصِ فَلَا فَرْدَ مِنْهُ لِغَيْرِهِ تَعَالَى، أَمْ لِلْعَهْدِ كَأَلْتِي فِي قَوْلِهِ تَعَالَى { إِذْ هُمَا فِي الْعَارِ } كَمَا نَقَلَهُ ابْنُ عَبْدِ السَّلَامِ وَأَجَازَهُ الْوَاحِدِيُّ، عَلَى مَعْنَى أَنَّ الْحَمْدَ الَّذِي حَمَدَ اللَّهُ بِهِ نَفْسَهُ وَحَمِدَهُ بِهِ أَنْبِيَؤُهُ وَأَوْلِيَؤُهُ مُخْتَصٌّ بِهِ، وَالْعِبْرَةُ بِحَمْدِ مَنْ ذَكَرَ فَلَا فَرْدَ مِنْهُ لِغَيْرِهِ. وَأَوْلَى الثَّلَاثَةِ الْجِنْسِ.

Pujian itu khusus bagi Allah taala sepertimana difahamkan oleh jumlah itu samaada dijadikan alif-lam padanya untuk menghabisi seperti apa yang di atasnya jumhur yang mana ia yang zahir, atau untuk jenis sepertimana apa yang Zamakhsyari di atasnya kerana lam “لِلَّهِ” untuk khususiah, maka tidak ada satu butiran dari pujian bagi selain Allah taala, atau untuk maklum seperti yang pada firman Allah taala “إِذْ هُمَا فِي الْعَارِ” i.e ketika keduanya didalam gua itu, sepertimana dinakalkan Ibnu Abdussalam dan diharuskan al Wahidi, di atas makna bahawa pujian yang Allah puji dengannya akan dirinya dan memujinya dengannya oleh para nabiNya dan para waliNya adalah khusus dengannya. Perkiraan adalah dengan pujian orang yang disebutkan itu, maka tidak ada ada satu unit darinya milik selain Dia. Yang terutama daripada tiga ini adalah alif lam itu untuk jenis.

وَقَوْلُهُ (رَبِّ) بِأَجْرٍ عَلَى الصِّفَةِ، مَعْنَاهُ الْمَالِكُ لِجَمِيعِ الْخَلْقِ مِنَ الْإِنْسِ وَالْجِنِّ وَالْمَلَائِكَةِ وَالِدَوَابِّ وَغَيْرِهِمْ، إِذْ كُلٌّ مِنْهَا يُطَلَّقُ عَلَيْهِ عَالَمٌ. يُقَالُ عَالَمُ الْإِنْسِ وَعَالَمُ الْجِنِّ إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ. وَسَمِيَ الْمَالِكُ بِالرَّبِّ لِأَنَّهُ يَحْفَظُ مَا يَمْلِكُهُ وَيَرْبِيهِ. وَلَا يُطَلَّقُ عَلَى غَيْرِهِ إِلَّا مُقَيَّدًا كَقَوْلِهِ تَعَالَى { ارْجِعْ إِلَى رَبِّكَ }.

Katanya (**Rabb i.e Tuan**) dengan jar di atas sifat maknanya pemilik semua makhluk daripada manusia dan jin dan para malaikat dan haiwan dan selain mereka kerana setiap daripadanya dituturkan “alam” ke atasnya. Dikatakan alam manusia dan alam jin hingga kepada selain demikian itu. Dinamakan pemilik dengan tuan kerana dia yang memelihara apa yang dia miliki dan mendidiknya. Tidak dituturkan ia ke atas selainNya melainkan dengan dikaitkan seperti firman Allah taala “kembalilah kepada Tuan kamu”.

وَقَوْلُهُ : (الْعَالَمِينَ) اسْمٌ جَمْعٌ عَالَمٍ بِفَتْحِ اللَّامِ، وَلَيْسَ جَمْعًا لَهُ لِأَنَّ الْعَالَمَ عَامٌّ فِي الْعُقَلَاءِ وَغَيْرِهِمْ وَالْعَالَمِينَ مُخْتَصٌّ بِالْعُقَلَاءِ وَالْخَاصُّ لَا يَكُونُ جَمْعًا لِمَا هُوَ أَعَمُّ مِنْهُ. قَالَهُ ابْنُ مَالِكٍ وَتَبِعَهُ ابْنُ هِشَامٍ فِي تَوْضِيحِهِ. وَذَهَبَ كَثِيرٌ إِلَى أَنَّهُ جَمْعٌ عَالَمٍ عَلَى حَقِيقَةِ الْجَمْعِ. ثُمَّ اخْتَلَفُوا فِي تَفْسِيرِ الْعَالَمِ الَّذِي جُمِعَ هَذَا الْجَمْعُ، فَذَهَبَ أَبُو الْحَسَنِ إِلَى أَنَّهُ أَصْنَافُ الْخَلْقِ الْعُقَلَاءِ وَغَيْرِهِمْ، وَهُوَ ظَاهِرٌ كَلَامِ الْجَوْهَرِيِّ. وَذَهَبَ أَبُو عُبَيْدَةَ إِلَى أَنَّهُ أَصْنَافُ الْعُقَلَاءِ فَقَطْ، وَهُمْ الْإِنْسُ وَالْجِنُّ وَالْمَلَائِكَةُ.

Katanya (“**عالمين**” **sekalian alam**) isim jamak bagi “عالم”, bukannya jamaknya kerana “عالم” meratai pada yang berakal dan selain mereka sedangkan “عالمين” khusus dengan yang berakal, dan yang khusus tidak boleh menjadi jamak bagi apa yang ianya lebih umum darinya. Mengatakannya Ibnu Malik dan mengikutnya Ibnu Hisyam didalam Taudhih-nya. Ramai ulamak berjalan kepada bahawa ianya jamak “عالم” di atas hakikat jamak,

² Yang ditunjuk – yang kena tunjuk.

kemudian mereka berselisih pada tafsir 'alam yang dijamakkan dengan jamak ini, maka berjalan Abu Hasan kepada bahawa ia kelompok-kelompok yang berakal dan selain mereka, yang mana ia zahir kalam Jauhari. Abu 'Ubaidah berjalan kepada bahawa ianya kelompok-kelompok yang berakal sahaja yang mana mereka itu manusia dan jin dan para malaikat.

ثُمَّ قَرَنَ بِالتَّنَاءِ عَلَى اللَّهِ تَعَالَى التَّنَاءَ عَلَى نَبِيِّهِ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقَوْلِهِ : (وَصَلَّى اللَّهُ) وَسَلَّمَ (عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ) ، لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَرَفَعْنَا لَكَ ذِكْرَكَ } أَي لَا أُذَكِّرُ إِلَّا وَتَذَكَّرُ مَعِي ، كَمَا فِي صَحِيحِ ابْنِ حِبَّانَ ، وَلِقَوْلِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ : أَحَبُّ أَنْ يُقَدَّمَ الْمَرْءُ بَيْنَ يَدَيْ خُطْبَتِهِ أَي بِكِسْرِ الخَاءِ وَكُلُّ أَمْرٍ طَلَبَهُ غَيْرَهَا حَمْدُ اللَّهِ وَالتَّنَاءُ عَلَيْهِ وَالصَّلَاةُ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . وَأَفْرَادُ الصَّلَاةِ عَنِ السَّلَامِ مَكْرُوهٌ كَمَا قَالَهُ النَّوَوِيُّ فِي أَدْكَارِهِ وَكَذَا عَكْسُهُ . وَيَحْتَمِلُ أَنَّ الْمُصَنِّفَ أَتَى بِهَا لَفْظًا وَأَسْقَطَهَا خَطًّا ، وَيَخْرُجُ بِذَلِكَ مِنَ الْكِرَاهَةِ .

Kemudian dia menyertakan sebut baik atas Allah taala dengan sebutbaik ke atas nabiNya Muhammad s.a.w.m dengan katanya (**dan selawat Allah**) dan salamNya (**ke atas penghulu kita Muhammad, seorang nabi**) kerana firman Allah taala “dan kami angkatkan bagi kamu sebutan diri mu” iaitu tidak aku disebut melainkan kamu disebut bersama ku sepertimana didalam Sahih Ibnu Hibban, dan kerana kata Syafi'e r.a : aku kasih bahawa seorang itu mendulukan didepan peminangannya dan setiap perkara lain yang dia menuntutnya akan pujian dan sebutan baik ke atasnya dan selawat atas nabi s.a.w.m. Menunggalkan selawat dari salam makruh sepertimana kata Nawawi didalam Azkarnya, begitu juga sebaliknya. Ditanggungkan bahawa musannif mendatangkannya pada lafaz dan mengugurkannya pada tulisan. Keluar dia dengan demikian itu dari karahah.

وَالصَّلَاةُ مِنْ اللَّهِ تَعَالَى رَحْمَةً مَقْرُونَةً بِتَعْظِيمِ ، وَمِنْ الْمَلَائِكَةِ اسْتِغْفَارًا وَمِنْ الْأَدَمِيِّينَ أَيِ وَمِنْ الْجِنِّ تَضَرُّعٌ وَدُعَاءٌ . قَالَهُ الْأَزْهَرِيُّ وَغَيْرُهُ .

Selawat dari Allah taala adalah rahmat yang disertakan dengan pembesaran, dan dari para malaikat istighfar dan dari anak adam begitu juga jin kerendahan diri dan doa. Mengatakannya Azhari dan selainnya.

وَاخْتَلَفَ فِي وَفْتِ وَجُوبِ الصَّلَاةِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَقْوَالٍ : أَحَدُهَا : كُلِّ صَلَاةٍ ، وَاخْتَارَهُ النَّوَوِيُّ فِي التَّشْهُدِ الْأَخِيرِ مِنْهَا . وَالثَّانِي : فِي الْعُمْرِ مَرَّةً . وَالثَّلَاثُ : كُلَّمَا ذُكِرَ . وَاخْتَارَهُ الْحُلَيْمِيُّ مِنَ الشَّافِعِيَّةِ وَالطَّحَاوِيِّ مِنَ الْحَنْفِيَّةِ ، وَاللُّخْمِيُّ مِنَ الْمَالِكِيَّةِ ، وَابْنُ بَطَّةٌ مِنَ الْحَنَابِلَةِ . وَالرَّابِعُ : فِي كُلِّ مَجْلِسٍ . وَالثَّامِسُ : فِي أَوَّلِ كُلِّ دُعَاءٍ وَفِي وَسْطِهِ وَفِي آخِرِهِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { لَا تَجْعَلُونِي كَقَدْحِ الرَّأبِ بَلْ اجْعَلُونِي فِي أَوَّلِ كُلِّ دُعَاءٍ وَفِي وَسْطِهِ وَفِي آخِرِهِ } . رَوَاهُ الطَّبْرَانِيُّ عَنْ جَابِرٍ .

Dikhilafkan pada waktu wajib selawat atas nabi s.a.w.m di atas beberapa pendapat. Satu daripadanya pada setiap sembahyang, dan Nawawi memilihnya pada tasyahhud akhirnya. Keduanya : pada seumur hidup sekali. Ketiganya : setiap kali baginda disebut, memilihnya al Hulaimi dari mazhab Syafi'e dan Thahawi dari mazhab Maliki dan Lakhmi dari mazhab Malik dan ibnu Batthah dari mazhab Hambali. Keempatnya : pada setiap majlis. Kelimanya : pada awal setiap doa dan pada tengahnya dan pada akhirnya, kerana sabda nabi s.a.w.m "jangan kamu jadikan aku seperti mangkok bekas air bagi penunggang kenderaan³, bahkan jadikan aku pada mula doa dan pada tengahnya dan pada akhirnya". Meriwayatkannya Thabarani dari Jabir.

³ Iaitu dia menggunakannya bila ada hajatnya dan selepas itu dia mengantungkannya dibelakang kenderaan.

وَمُحَمَّدٌ عَلَّمَ عَلَى نَبِيِّنَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْقُولٌ مِنْ اسْمِ مَفْعُولِ الْمُضَعَّفِ. سُمِّيَ بِهِ بِإِلْهَامٍ مِنَ اللَّهِ تَعَالَى بِأَنَّهُ يَكْتُرُ حَمْدُ الْخَلْقِ لَهُ لِكَثْرَةِ خِصَالِهِ الْحَمِيدَةِ، كَمَا رُوِيَ فِي السِّيَرِ أَنَّهُ قِيلَ لِجَدِّهِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ، وَقَدْ سَمَاهُ فِي سَابِعِ وَلَادَتِهِ لَمَوْتَ أَبِيهِ قَبْلَهَا : لَمْ سَمَّيْتَ ابْنَكَ مُحَمَّدًا وَلَيْسَ فِي أَسْمَاءِ آبَائِكَ وَلَا قَوْمِكَ ؟ قَالَ : رَجَوْتُ أَنْ يُحْمَدَ فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ. وَقَدْ حَقَّقَ اللَّهُ رَجَاءَهُ كَمَا سَبَقَ فِي عِلْمِهِ.

“محمد” adalah nama khas bagi nabi kita s.a.w.m, yang dipindahkan dari isim maf’ul yang digandakan ‘ainnya. Dinamakan baginda dengannya dengan ilham dari Allah taala dengan bahawa banyak pujian makhluk terhadapnya kerana banyak sifat-sifatnya yang terpuji, sepertimana diriwayatkan didalam sirah bahawa ditanya kepada datuknya Abdul Muttalib walhal dia telah menamakannya pada hari ketujuh kelahirannya kerana bapanya telah mati sebelum kelahiran itu : kerana apa kamu namakan anak lelaki kamu dengan “Muhammad” sedangkan ia bukan daripada nama-nama datuk nenek kamu dan bukan juga kaum kamu? Katanya : aku harap dia akan dipuji di langit dan di bumi. Sungguh Allah telah menyanggahkan harapannya sepertimana telah lalu pada ilmuNya.

وَالنَّبِيُّ إِنْسَانٌ أَوْحِيَ إِلَيْهِ بِشَرَعٍ يَعْمَلُ بِهِ وَإِنْ لَمْ يُؤْمَرْ بِتَبْلِيغِهِ. وَالرَّسُولُ إِنْسَانٌ أَوْحِيَ إِلَيْهِ بِشَرَعٍ وَأَمَرَ بِتَبْلِيغِهِ. فَكُلُّ رَسُولٍ نَبِيٌّ، وَلَا عَكْسَ.

Nabi adalah manusia yang diwahyukan syara’ kepadanya, dia beramal dengannya, sekalipun dia tidak disuruh menyampaikannya. Rasul adalah manusia yang diwahyukan syara’ kepadanya dan disuruh dia menyampaikannya. Maka setiap rasul itu nabi, tidak sebaliknya.

(وَ) عَلَى (آلِهِ) . وَهُمْ عَلَى الْأَصْحَاحِ مُؤْمِنُونَ بِنَبِيِّ هَاشِمٍ وَبِنَبِيِّ الْمُطَّلِبِ، وَقِيلَ كُلُّ مُؤْمِنٍ تَقِيٍّ، وَقِيلَ أُمَّتُهُ، وَأَخْتَارَهُ جَمْعٌ مِنَ الْمُحَقِّقِينَ. وَالْمُطَّلِبُ مُفْتَعِلٌ مِنَ الطَّلَبِ. وَأَسْمُهُ شَيْبَةُ الْحَمْدِ عَلَى الْأَصْحَاحِ لِأَنَّهُ وُلِدَ وَفِي رَأْسِهِ شَيْبَةٌ ظَاهِرَةٌ فِي ذَوَابْنَتَيْهِ. وَهَاشِمٌ لَقَبٌ، وَأَسْمُهُ عَمْرُو. وَقِيلَ لَهُ هَاشِمٌ لِأَنَّ قَرِيْشًا أَصَابَهُمْ فَحَطَّ فَتَحَرَ بَعِيرًا وَجَعَلَهُ لِقَوْمِهِ مَرْقَةً وَثَرِيدًا. فَلِذَلِكَ سُمِّيَ هَاشِمًا لِهُشْمِهِ الْعَظْمِ.

(dan) ke atas (keluarganya). Mereka itu di atas pendapat yang paling sahih adalah orang-orang yang beriman Bani Hasyim dan Bani Muttalib. Dikatakan setiap yang beriman yang bertakwa. Dikatakan umatnya, dan memilihnya sekumpulan dari ulamak muhakkik. “المُطَّلِبُ” adalah “مُفْتَعِلٌ” dari “الطَّلَبِ”. Namanya Syaibah al hamdi di atas pendapat yang paling sahih kerana dia dilahirkan sedang pada kepalanya ada uban yang jelas pada rambut bergulung didepan dua telinganya⁴. Hasyim adalah laqab, dan namanya Amr. Dipanggil dia Hasyim i.e yang menghancurkan kerana kaum Quraisy dilanda kemarau maka dia menyembelih seekor unta dan menjadikannya sup dan dimakan dengan roti untuk untuk kaumnya, maka kerana itu dinamakan dia Hasyim kerana dia menghancurkan tulang.

(وَ) عَلَى (صَحْبِهِ) وَهُوَ جَمْعُ صَاحِبٍ، وَالصَّحَابِيُّ مَنْ اجْتَمَعَ مُؤْمِنًا بِالنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَيَاتِهِ وَلَوْ سَاعَةً وَلَوْ لَمْ يَرَوْا عَنْهُ شَيْئًا، فَيَدْخُلُ فِي ذَلِكَ الْأَعْمَى كَابْنِ أُمِّ مَكْتُومٍ وَالصَّغِيرِ وَلَوْ غَيْرَ مُمَيِّزٍ كَمَنْ حَنَكَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْ وَضَعَ يَدَهُ عَلَى رَأْسِهِ. وَقَوْلُهُ (أَجْمَعِينَ) تَأْكِيدٌ.

dan ke atas (para sahabatnya). “صَاحِبٍ” jamak “صَحْبٍ”. Sahabat adalah orang yang berhimpun dalam keadaan beriman dengan nabi s.a.w.m pada masa hidupnya walaupun sedetik dan walaupun dia tidak meriwayatkan apa-apa darinya, maka masuk pada demikian itu orang buta seperti Ibnu Maktum dan budak kecil walaupun yang tidak mumayyiz seperti orang yang nabi s.a.w.m tahnikkan atau letakkan tangannya di atas kepalanya. Katanya ("أجمعين" i.e sekalian mereka) adalah ta'kid.

⁴ Asalnya sanggul.

وَفِي بَعْضِ النَّسَخِ (أَمَا بَعْدُ) سَاقِطَةٌ فِي أَكْثَرِهَا، أَيُّ بَعْدَ مَا تَقَدَّمَ مِنَ الْحَمْدِ وَغَيْرِهِ. وَهَذِهِ الْكَلِمَةُ يُوتَى بِهَا لِلإِنْتِقَالِ مِنْ أُسْلُوبٍ إِلَى آخَرَ. وَلَا يَجُوزُ الإِثْنَانُ بِهَا فِي أَوَّلِ الْكَلَامِ. وَيُسْتَحَبُّ الإِثْنَانُ بِهَا فِي الْخُطْبِ وَالْمُكَاتَبَاتِ أَفْتِدَاءً بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَقَدْ عَقَدَ الْبُخَارِيُّ لَهَا بَابًا فِي كِتَابِ الْجُمُعَةِ، وَذَكَرَ فِيهِ أَحَادِيثَ كَثِيرَةً. وَالْعَامِلُ فِيهَا أَمَا عِنْدَ سَبِيبِيهِ لِنِيَابَتِهَا عَنِ الْفِعْلِ، أَوْ الْفِعْلُ نَفْسُهُ عِنْدَ غَيْرِهِ. وَالْأَصْلُ مَهْمَا يَكُنْ مِنْ شَيْءٍ بَعْدُ.

Pada sebahagian naskhah ("Adapun selepas itu") gugur pada kebanyakan naskhah. Iaitu selepas apa yang telah lalu daripada pujian dan selainnya. Kalimah ini didatangkan untuk pindah dari satu uslub kepada uslub lain. Tidak harus mendatangkannya pada awal kalam. Sunat mendatangkannya pada ucapan dan penulisan kerana bercontoh dengan Rasulullah s.a.w.m. Sungguhnya Bukhari telah membuatkan satu bab untuknya didalam Kitab Jumaat, dan dia menyebutkan banyak hadith-hadith padanya. 'Amil padanya adalah "أما" di sisi Sibawaih kerana ia menggantikan fe'el, atau fe'el itu sendiri. Asalnya "مهما يكن من شيء بعد" i.e apa-apa suatu yang ada selepas itu.

(فَقَدْ سَأَلَنِي) أَيُّ طَلَبَ مِنِّي (بَعْضُ الْأَصْدِقَاءِ) جَمْعُ صَدِيقٍ وَهُوَ الْخَلِيلُ. وَقَوْلُهُ : (حَفِظَهُمُ اللَّهُ تَعَالَى) جُمْلَةٌ دُعَائِيَّةٌ. (أَنْ أَعْمَلَ) أَيُّ أَصْنَفَ (مُخْتَصِرًا). وَهُوَ مَا قَلَّ لَفْظُهُ وَكَثُرَ مَعْنَاهُ، لَا مَبْسُوطًا وَهُوَ مَا كَثُرَ لَفْظُهُ وَمَعْنَاهُ. قَالَ الْخَلِيلُ : الْكَلَامُ يَبْسُطُ لِيْفْهَمَ وَيُخْتَصِرُ لِيَحْفَظَ. (فِي) عِلْمِ (الْفِقْهِ) الَّذِي هُوَ الْمَقْصُودُ مِنْ بَيْنِ الْعُلُومِ بِالذَّاتِ، وَبَاقِيهَا لَهُ كَالْآلَاتِ، لِأَنَّهُ بِهِ يُعْرَفُ الْحَلَالُ وَالْحَرَامُ وَغَيْرُهُمَا مِنَ الْأَحْكَامِ.

(Maka sungguh telah meminta dari aku) iaitu menuntut dari ku (sebahagian rakan-rakan), "اصدقاء" jamak "صديق" iaitu rakan baik. Katanya (memelihara mereka oleh Allah taala) jumlah yang jenis doa. (agar aku buat) iaitu aku karang (satu mukhtasar) iaitu apa yang sikit lafaznya dan banyak maknanya, tidak yang panjang lebar iaitu apa yang banyak lafaznya dan maknanya. Kata Khalil : kalam itu panjang lebar untuk difahami dan ringkas untuk dihafal. (pada) ilmu (fekah) yang mana ianya maksud dari di antara ilmu-ilmu dengan zatnya, sementara bakinya adalah seperti alat-alat baginya kerana dengannya diketahui halal dan haram dan selain keduanya daripada hukum-hukum.

وَقَدْ تَطَاهَرَتْ الْآيَاتُ وَالْأَخْبَارُ وَالْأَثَارُ وَتَوَاتَرَتْ وَتَطَابَقَتْ الدَّلَائِلُ الصَّرِيحَةُ وَتَوَافَقَتْ عَلَى فَضِيلَةِ الْعِلْمِ وَالْحَثِّ عَلَى تَحْصِيلِهِ وَالِاجْتِهَادِ فِي اِفْتِنَاسِهِ وَتَعْلِيمِهِ : فَمِنْ الْآيَاتِ قَوْلُهُ تَعَالَى : { هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَلْمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ } وَقَوْلُهُ تَعَالَى : { وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا } وَقَوْلُهُ تَعَالَى : { إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ }. وَالْآيَاتُ فِي ذَلِكَ كَثِيرَةٌ مَعْلُومَةٌ.

Sungguhny ayat-ayat dan khabar-khabar dan athar-athar saling menguatkan dan dalil-dalil yang bertalu-talu dan sepakat di atas fadhilat ilmu dan galakkan di atas menghasilkannya dan bersungguh pada menyambarnya dan mengajarkannya. Maka daripada ayat-ayat itu firman Allah taala "adakah sama orang-orang yang tahu dan orang-orang yang tidak tahu" dan firmanNya taala "dan katakan: wahai Tuan ku tambahkanlah ilmu ku" dan firman Allah taala "yang takut kepada Allah taala dari kalangan hambanya hanyalah orang-orang yang berilmu". Ayat-ayat pada demikian itu banyak lagi dimaklumi.

وَمِنْ الْأَخْبَارِ قَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { مَنْ يَرِدْ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهْهُ فِي الدِّينِ } رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ وَمُسْلِمٌ، وَقَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِعَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ : { لِأَنَّ يَهْدِي اللَّهُ بِكَ رَجُلًا وَاحِدًا خَيْرٌ لَكَ مِنْ حُمْرِ النَّعَمِ }، رَوَاهُ سَهْلٌ عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ، وَقَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَالدِّ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ }. وَالْأَحَادِيثُ فِي ذَلِكَ كَثِيرَةٌ مَعْلُومَةٌ مَشْهُورَةٌ.

Sebahagian daripada khabar-khabar itu sabda nabi s.a.w.m “siapa yang Allah hendakkan kebaikan padanya Allah memberi kepadanya kefahaman pada ugama”. Meriwayatkannya Bukhari dan Muslim, dan sabda nabi s.a.w.m kepada Ali r.a “demi sesungguhnya Allah menghidayahkan seorang lelaki dengan sebab kamu lebih baik bagi kamu dari haiwan-haiwan na’am yang merah”, meriwayatkannya Sahl dari Ibnu Mas’ud, dan katanya s.a.w.m “apabila mati anak adam terputus amalannya melainkan dari tiga perkara: sedekah yang mengalir atau ilmu yang dimanfaatkan atau anak soleh yang berdoa untuknya”. Hadith-hadith pada demikian itu banyak lagi masyhur.

وَمِنَ الْأَثَارِ عَنِ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ : كَفَى بِالْعِلْمِ شَرَفًا أَنْ يَدْعِيَهُ مَنْ لَا يُحْسِنُهُ وَيَفْرَحَ بِهِ إِذَا نُسِبَ إِلَيْهِ، وَكَفَى بِالْجَهْلِ ذَمًّا أَنْ يَتَبَرَّأَ مِنْهُ مَنْ هُوَ فِيهِ. وَعَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَيْضًا : الْعِلْمُ خَيْرٌ مِنَ الْمَالِ، الْعِلْمُ يَحْرُسُكَ وَأَنْتَ تَحْرُسُ الْمَالَ، وَالْمَالُ تَنْقُصُهُ النَّقْفَةُ وَالْعِلْمُ يَزْكُو بِالْإِنْفَاقِ. وَعَنِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ : مَنْ لَا يُحِبُّ الْعِلْمَ لَا خَيْرَ فِيهِ فَلَا يَكُنْ بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ مَعْرِفَةٌ وَلَا صَدَاقَةٌ، فَإِنَّهُ حَيَاةُ الْقُلُوبِ وَمِصْبَاحُ الْبَصَائِرِ. وَعَنِ الشَّافِعِيِّ أَيْضًا : طَلَبُ الْعِلْمِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ النَّافِلَةِ. وَعَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا قَالَ : مَجْلِسٌ فِيهِ خَيْرٌ مِنْ عِبَادَةِ سِتِّينَ سَنَةً. وَالْأَثَارُ فِي ذَلِكَ كَثِيرَةٌ مَعْلُومَةٌ.

Daripada athar-athar itu dari Ali r.a “memada dengan kemuliaan ilmu bahawa mendakwa berilmu orang yang tidak pandaikannya dan dia gembira dengannya apabila dibangsakan ia kepadanya, dan memada dengan celaan jahil bahawa berlepas diri darinya orang yang ia ada padanya”. Dari Ali r.a juga “ilmu lebih baik dari harta, ilmu menjaga kamu sedang kamu menjaga harta, dan harta menjadi kurang dengan dibelanjakan sedang ilmu bertambah subur dengan dibelanjakan”. #Dari Syafi’e r.a “orang yang tidak mengasihi ilmu tidak ada kebaikan padanya, maka tidak ada diantara kamu dan diantara dia perkenalan dan persahabatan, maka ia nyawa bagi hati dan pelita bagi matahati”. Dari Syafi’e juga : menuntut ilmu terafdhal dari sembahyang sunat. Dari Ibnu Umar r.anhuma dia berkata : majlis fekah lebih baik dari ibadat enam puluh tahun. Athar-athar pada demikian itu banyak lagi dimaklumi.

ثُمَّ اعْلَمْ أَنَّ مَا ذَكَرْنَاهُ فِي فَضْلِ الْعِلْمِ إِنَّمَا هُوَ فِيمَنْ طَلَبَهُ مُرِيدًا بِهِ وَجَهَ اللَّهُ تَعَالَى. فَمَنْ أَرَادَهُ لِعَرَضِ دُنْيَوِيٍّ كَمَالٍ أَوْ رِيَاسَةٍ أَوْ مَنْصَبٍ أَوْ جَاهٍ أَوْ شَهْرَةٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ فَهُوَ مَذْمُومٌ. قَالَ تَعَالَى : { مَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الْآخِرَةِ نَزِدْ لَهُ فِي حَرْثِهِ وَمَنْ كَانَ يُرِيدُ حَرْثَ الدُّنْيَا نُؤْتِهِ مِنْهَا، وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ نَصِيبٍ } . وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا يَنْتَفِعُ بِهِ فِي الْآخِرَةِ يُرِيدُ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا لَمْ يَرْخِ رَائِحَةَ الْجَنَّةِ } أَي لَمْ يَجِدْ رِيحَهَا. وَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { أَشَدُّ النَّاسِ عَذَابًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَيُّ مَنْ الْمُسْلِمِينَ عَالِمٌ لَا يَنْتَفِعُ بِعِلْمِهِ } . وَفِي ذِمِّ الْعَالِمِ الَّذِي لَمْ يَعْمَلْ بِعِلْمِهِ أَخْبَارٌ كَثِيرَةٌ. وَفِي هَذَا الْقَدْرِ كِفَايَةٌ لِمَنْ وَفَّقَهُ اللَّهُ تَعَالَى.

Kemudian ketahuilah bahawa apa yang kami telah sebutkan pada fadhilat ilmu itu hanyalah pada orang yang menuntutnya dalam keadaan dia hendakkan wajah Allah taala. Maka siapa yang hendakkannya kerana tujuan duniawi seperti harta atau jawatan ketua atau pangkat atau kedudukan atau kemasyhuran atau umpama itu maka dia dicela. Firman Allah taala “siapa yang hendakkan perhumaan akhirat Kami tambahkan baginya perhumaannya dan siapa yang hendakkan perhumaan dunia kami berikan ia kepadanya dan tidak ada baginya habuan di akhirat”. Sabda nabi s.a.w.m “siapa yang mempelajari ilmu yang diambil manfaat dengannya di akhirat sedang dia hendakkan matlamat dunia dengannya tidak dia mencium bau syurga” iaitu tidak dia mendapat baunya. Sabda nabi s.a.w.m “paling teruk manusia diazab pada hari kiamat iaitu dari kalangan orang-orang Islam adalah orang alim yang tidak mendapat manfaat dari ilmunya”. Sabit pada cacian orang ‘alim yang tidak beramal dengan ilmunya khabar-khabar yang banyak. Pada kadar ini cukuplah bagi orang yang Allah taala mentaufikkan dia.

وَالْفَقْهُ لُغَةً الْفَهْمُ مُطْلَقًا كَمَا صَوَّبَهُ الْإِسْنَوِيُّ، وَاصْطِلَاحًا كَمَا فِي قَوَاعِدِ الزَّرْكَشِيِّ مَعْرِفَةُ أَحْكَامِ الْحَوَادِثِ نَصًّا وَاسْتِنْبَاطًا.

Fekah pada lughah adalah faham semata-mata sepertimana yang Isnawi bilang sebagai betul, dan pada istilah sepertimana pada kaedah-kaedah Zarkasyi adalah mengetahui hukum-hukum, nisbah nas dan istinbat.

(عَلَى مَذْهَبٍ) أَي مَا ذَهَبَ إِلَيْهِ (الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ) مِنَ الْأَحْكَامِ فِي الْمَسَائِلِ مَجَازًا عَنْ مَكَانِ الذَّهَابِ، وَإِذْ ذَكَرَ الْمُصَنِّفُ هُنَا الشَّافِعِيَّ (رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ) فَلْتَتَعَرَّضْ إِلَى طَرَفٍ مِنْ أَخْبَارِهِ تَبَرُّكًا بِهِ. فَنَقُولُ : هُوَ حَبْرُ الْأُمَّةِ وَسُلْطَانُ الْأَنْبِيَاءِ مُحَمَّدُ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ بْنِ إِدْرِيسَ بْنِ الْعَبَّاسِ بْنِ عُثْمَانَ بْنِ شَافِعِ بْنِ السَّنَائِبِ بْنِ عَبْدِ بْنِ عَبْدِ يَزِيدَ بْنِ هَاشِمِ بْنِ الْمُطَّلِبِ بْنِ عَبْدِ مَنَافٍ جَدِّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُحَمَّدُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ الْمُطَّلِبِ بْنِ هَاشِمِ بْنِ عَبْدِ مَنَافٍ. وَهَذَا نَسَبٌ عَظِيمٌ كَمَا قِيلَ : نَسَبٌ كَأَنَّ عَلَيْهِ مِنْ شَمْسِ الضُّحَى * نَوْرًا وَمِنْ فَلَقِ الصَّبَاحِ عُمُودًا. مَا فِيهِ إِلَّا سَيِّدٌ مِنْ سَيِّدٍ * حَازَ الْمَكَارِمَ وَالْتَقَى وَالْجُودَ.

(di atas mazhab) iaitu apa yang pergi kepadanya (imam Syafi'e) daripada hukum-hukum, sebagai majaz dari tempat pergi. Tatkala musannif menyebutkan disini "syafi'e" (radhiallahu taala anhu) maka kita masuk pada secebis kisah-kisahannya kerana mengambil berkat dengannya. Maka kita katakan : ia adalah seorang 'alim bagi umat islam dan sultan bagi imam-imam, Muhammad Abu Abdullah bin Idris bin Abbas bin Uthman bin Syafi'e bin Saib bin Ubaid bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdu manaf, datuk nabi s.a.w.m, kerana nabi s.a.w.m Muhammad bin Abdullah bin Abdul Muttalib bin Hasyim bin Abdu Manaf. #Ini adalah titihan yang agong sepertimana dikatakan : titihan yang seolah-olah ada di atasnya cahaya dari matahari dhuha dan cahaya dari waktu subuh. Tidak ada padanya melainkan penghulu dari penghulu yang mencapai kemuliaan dan ketaqwaan dan kemurahan.

وَشَافِعُ بْنُ السَّنَائِبِ : هُوَ الَّذِي يُنْسَبُ إِلَيْهِ الشَّافِعِيُّ، لَقِيَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ مُتَرَعَّرِعٌ، وَأَسْلَمَ أَبُوهُ السَّنَائِبُ يَوْمَ بَدْرٍ، فَإِنَّهُ كَانَ صَاحِبَ رَايَةٍ بَنِي هَاشِمٍ، فَأَسْرَ فِي جُمْلَةٍ مِنْ أُسْرٍ وَقَدِيَ نَفْسَهُ ثُمَّ أَسْلَمَ. وَعَبْدُ مَنَافٍ بْنُ قُصَيِّ بْنِ كِلَابِ بْنِ مِرَّةَ بْنِ كَعْبِ بْنِ لُؤَيٍّ بِالْهَمَزِ وَتَرْكِهِ ابْنُ عَلِيبِ بْنِ فَهْرِ بْنِ مَالِكِ بْنِ النَّضْرِ بْنِ كِنَانَةَ بْنِ حَزِيمَةَ بْنِ مُدْرِكَةَ بْنِ إِلْيَاسَ بْنِ مُضَرَ بْنِ نِزَارِ بْنِ مَعَدِ بْنِ عَدْنَانَ. وَالْإِجْمَاعُ مُنْعَقِدٌ عَلَى هَذَا النَّسَبِ إِلَى عَدْنَانَ. وَلَيْسَ فِيهَا بَعْدَهُ إِلَى آدَمَ طَرِيقٌ صَحِيحٌ فِيمَا يُقَالُ، وَعَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: { كَانَ إِذَا انْتَهَى فِي النَّسَبِ إِلَى عَدْنَانَ أَمْسَكَ ثُمَّ يَقُولُ : كَذَبَ النَّسَابُونَ } أَي بَعْدَهُ.

Syafi' bin Saib adalah orang yang dinisbahkan Syafi'e kepadanya, dia bertemu dengan nabi s.a.w.m sedang dia budak lebih lima tahun. Bapanya Saib memeluk Islam bapanya pada hari Badar, maka dia pemegang panji Bani Hasyim, maka dia ditawan bersama sejumlah orang-orang tawanan. Dia menebus dirinya kemudian memeluk Islam. Abdu Manaf bin Qushay bin Kilab bin Murrah bin Ka'b bin Luay bin Ghalib bin fih bin Malik bin Nadhr bin Kinanah bin Khuzaimah bin Mudrikah bin Ilyas bin Mudhar bin Nizar bin Ma'ad bin 'Adnan. #Ijmak tersimpul di atas nasabnya hingga kepada 'Adnan. Pada apa yang selepasnya tidak ada jalan yang sah, pada apa yang dinakalkan. Dari Ibnu Abbas r.a dari nabi s.a.w.m "selalunya apabila dia sampai pada nasabnya kepada 'Adnan dia berhenti kemudian berkata : berdustalah ahli-ahli nashab", iaitu selepas Adnan.

وُلِدَ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ عَلَى الْأَصْحَ بَعْزَةَ الَّتِي نُوفِيَ فِيهَا هَاشِمٌ جَدُّ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَقِيلَ بِعَسْقَلَانَ ، وَقِيلَ بِمِنَى سَنَةَ خَمْسِينَ وَمِائَةٍ . ثُمَّ حُمِلَ إِلَى مَكَّةَ وَهُوَ ابْنُ سَنَتَيْنِ وَنَشَأَ بِهَا . وَحَفِظَ الْقُرْآنَ وَهُوَ ابْنُ سَبْعِ سِنِينَ ، وَالْمَوْطَأَ وَهُوَ ابْنُ عَشْرَةٍ .

Dilahirkan Syafi'e r.a di atas pendapat yang paling sahih di Ghaza yang diwafatkan Hasyim datuk nabi s.a.w.m padanya, dikatakan di 'Asqalan, dikatakan di Mina, pada tahun seratus lima puluh, kemudian dia dibawa ke Makkah sedang dia berumur dua tahun dan membesar padanya. Dia menghafal Quran sedang dia berumur tujuh tahun dan Muwatta' sedang dia berumur sepuluh tahun.

وَتَفَقَّهَ عَلَى مُسْلِمِ بْنِ خَالِدٍ مُفْتِي مَكَّةَ الْمَعْرُوفِ بِالرَّزْجِيِّ لِشِدَّةِ شَفَرْتِهِ ، مِنْ بَابِ أَسْمَاءِ الْأَضْدَادِ ، وَأَذِنَ لَهُ فِي الْإِفْتَاءِ وَهُوَ ابْنُ خَمْسِ عَشْرَةَ سَنَةً مَعَ أَنَّهُ نَشَأَ يَتِيمًا فِي حَجْرٍ أُمِّهِ فِي قَلَّةٍ مِنَ الْعَيْشِ وَضِيقِ حَالٍ . وَكَانَ فِي صِبَاهٍ يُجَالِسُ الْعُلَمَاءَ وَيَكْتُبُ مَا يَسْتَفِيدُهُ فِي الْعِظَامِ وَنَحْوَهَا حَتَّى مَلَأَ مِنْهَا حُبَايَا . ثُمَّ رَحَلَ إِلَى مَالِكٍ بِالْمَدِينَةِ وَلَا زَمَهُ مُدَّةً ، ثُمَّ قَدِمَ بَغْدَادَ سَنَةَ خَمْسٍ وَتِسْعِينَ وَمِائَةً فَأَقَامَ بِهَا سَنَتَيْنِ فَاجْتَمَعَ عَلَيْهِ عُلَمَاؤُهَا وَرَجَعَ كَثِيرٌ مِنْهُمْ عَنْ مَذَاهِبَ كَانُوا عَلَيْهَا إِلَى مَذْهَبِهِ . وَصَنَّفَ بِهَا كِتَابَهُ الْقَدِيمَ . ثُمَّ عَادَ إِلَى مَكَّةَ فَأَقَامَ بِهَا مُدَّةً ، ثُمَّ عَادَ إِلَى بَغْدَادَ سَنَةَ ثَمَانٍ وَتِسْعِينَ وَمِائَةً فَأَقَامَ بِهَا شَهْرًا ، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى مِصْرَ وَلَمْ يَزَلْ بِهَا نَاشِرًا لِلْعِلْمِ مُلَازِمًا لِلْإِسْتِعَالَ بِجَامِعِهَا الْعَتِيقِ إِلَى أَنْ أَصَابَتْهُ ضَرْبَةٌ شَدِيدَةٌ فَمَرَضَ بِسَبَبِهَا أَيَّامًا عَلَى مَا قِيلَ ، ثُمَّ انْتَقَلَ إِلَى رَحْمَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَهُوَ قُطْبُ الْوُجُودِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ سَلَخَ رَجَبَ سَنَةِ أَرْبَعٍ وَمِائَتَيْنِ ، وَدُفِنَ بِالْقَرَأَةِ بَعْدَ الْعَصْرِ مِنْ يَوْمِهِ . وَانْتَشَرَ عِلْمُهُ فِي جَمِيعِ الْأَفَاقِ وَتَقَدَّمَ عَلَى الْأَيْمَةِ فِي الْخِلَافِ وَالْوَفَاقِ . وَعَلَيْهِ حُمِلَ الْحَدِيثُ الْمَشْهُورُ : {عَالِمٌ فَرِيضٌ يَمْلَأُ طَبَاقَ الْأَرْضِ عِلْمًا} .

Dia mendalami Fekah di atas Muslim bin Khalid mufti Makkah yang dikenali dengan az Zanj⁵ kerana jelas putih kemerahan kulitnya, daripada bab nama-nama berlawanan. Beliau mengizinkan dia pada memberi fatwa sedang dia budak berumur lima belas tahun serta bahawa dia membesar sebagai anak yatim pada ribaan emaknya didalam kehidupan yang serba kekurangan dan sempit keadaan. Sentiasalah dia pada zaman kanak-kanaknya berada semajlis dengan ulamak dan menulis apa yang dia ambil faham darinya pada tulang-tulang dan umpamanya hingga ia memenuhi takar-takar dirumahnya. #Kemudian dia berpindah kepada imam Malik di Madinah dan sentiasa bersamanya dalam satu tempoh masa. Kemudian dia tiba di Baghdad pada tahun seratus enam puluh lima maka bermukim disana dua tahun. Maka berkumpul padanya para ulamak Baghdad dan ramai dari mereka beralih dari mazhab-mazhab yang mereka berada di atasnya kepada mazhabnya. Dia mengarang di Baghdad kitab qadimnya. #Kemudian dia kembali ke Makkah maka bemukim disana dalam satu tempoh, kemudian kembali ke Baghdad pada tahun seratus sembilan puluh lapan, maka bermukim disana sebulan, kemudian keluar ke Mesir dan teruslah dia disana menyebarkan ilmu melazimi tugas-tugas di Universitinya yang tua hingga satu hari dia dipukul orang dengan pukulan yang kuat maka dia sakit dengan sebabnya beberapa hari di atas apa yang diriwayatkan. Kemudian dia kembali ke rahmatullah taala, walhal dia seorang paksi "qutubul ujud"⁶, pada hari jumaat hari akhir bulan rejab tahun dua ratus empat. Dia dikebumikan di Qarafah selepas 'asar hari itu. Tersebarlah ilmunya pada semua pelusuk alam. Dia mendahului imam-imam lain pada khilaf dan kesepakatan. Di atasnya ditanggungkan hadith yang masyhur "tok 'alim Quraisy yang ilmunya memenuhi lapisan-lapisan bumi".

⁵ Orang hitam.

⁶ Satu makam dikalangan ahli-ahli sufi. Maknanya paksi kejujuran.

وَمِنْ كَلَامِهِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ : أَمْتُ مَطَامِعِي فَأَرَحْتُ نَفْسِي * فَإِنَّ النَّفْسَ مَا طَمَعَتْ تَهُونُ * وَأَحْيَيْتُ الْقُتُوعَ وَكَانَ مَيْتًا * فَفِي إِحْيَائِهِ عَرْضُ مَصُونٍ * إِذَا طَمَعَ يَحُلُّ بِقَلْبِ عَبْدٍ عَلَيْهِ مَهَانَةٌ وَعِلَاهُ هُونٌ. وَلَهُ أَيْضًا رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ : مَا حَكَ جِلْدَكَ مِثْلَ ظَفْرِكَ فَتَوَلَّ أَنْتَ جَمِيعَ أَمْرِكَ. وَإِذَا قَصَدْتَ لِحَاجَةً فَاقْصِدْ لِمُعْتَرَفٍ بِقُدْرِكَ. وَقَدْ أَفْرَدَ بَعْضُ أَصْحَابِهِ فِي فَضْلِهِ وَكَرَمِهِ وَنَسَبِهِ وَأَشْعَارِهِ كُتُبًا مَشْهُورَةً. وَفِيمَا ذَكَرْتَهُ تَذَكُّرَةً لِأَوْلِي الْأَلْبَابِ. وَلَوْلَا خَوْفُ الْمَلِكِ لَشَحَنْتُ كِتَابِي هَذَا مِنْهَا بِأَبْوَابٍ. وَذَكَرْتُ فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ وَغَيْرِهِ مَا فِيهِ الْكِفَايَةُ.

49. (Dan pada dua puluh lima) ekor unta (seekor unta binti makhad). Ia adalah yang berumur setahun dan masuk pada yang kedua. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana ibunya selepas setahun dari melahirkannya telah bunting sekali lagi, maka jadilah ia daripada unta-unta yang bunting.

(وَفِي سِتِّ وَثَلَاثِينَ بِنْتُ لَبُونٍ) مِنَ الْإِبِلِ وَهِيَ الَّتِي لَهَا سَنَتَانِ وَطَعَنَتْ فِي الثَّلَاثَةِ ، سُمِّيَتْ بِذَلِكَ لِأَنَّ أُمَّهَا أَنْ لَهَا أَنْ تَلِدَ فَتَصِيرَ لَبُونًا .

50. (Dan pada tiga puluh enam ekor seekor unta binti labun). Ia adalah yang berumur dua tahun dan masuk pada yang ketiga. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana ibunya hampir beranak, maka jadilah ia mempunyai susu.

(وَفِي سِتِّ وَأَرْبَعِينَ حِقَّةً) مِنَ الْإِبِلِ بِكَسْرِ الْحَاءِ . وَهِيَ الَّتِي لَهَا ثَلَاثُ سِنِينَ وَطَعَنَتْ فِي الرَّابِعَةِ . سُمِّيَتْ بِذَلِكَ لِأَنَّهَا اسْتَحَقَّتْ أَنْ تُرَكَّبَ وَيَطْرَفَهَا الْفَحْلُ وَيَحْمِلَ عَلَيْهَا . وَلَوْ أَخْرَجَ بِدَلِّهَا بِنْتِي لَبُونٍ أَجْرَاهُ كَمَا فِي الزَّوَائِدِ .

51. (Dan pada empat puluh enam ekor seekor unta hiqqah). Ia adalah yang berumur tiga tahun dan masuk pada yang keempat. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana ia telah boleh ditunggang dan didatangi bapak jantan dan dimuatkan barang di atasnya. Kalau dia mengeluarkan binti labun ganti darinya ia memadainya sepertimana didalam Zawaid.

(وَفِي إِحْدَى وَسِتِّينَ جِدْعَةً) بِالذَّالِ الْمُعْجَمَةِ مِنَ الْإِبِلِ . وَهِيَ الَّتِي تَمَّ لَهَا أَرْبَعُ سِنِينَ وَطَعَنَتْ فِي الْخَامِسَةِ . سُمِّيَتْ بِذَلِكَ لِأَنَّهَا أَجْدَعَتْ مُقَدَّمَ أَسْنَانِهَا أَيِ اسْقَطْتَهُ . وَقِيلَ لِتَكَامُلِ أَسْنَانِهَا . وَهُوَ آخِرُ أَسْنَانِ الزَّكَاةِ . وَاعْتُبِرَ فِي الْجَمِيعِ الْأَثْوَةُ لِمَا فِيهَا مِنْ رَفْقِ الدَّرِّ وَالنَّسْلِ . وَلَوْ أَخْرَجَ بِدَلِّ الْجِدْعَةِ حِقَّتَيْنِ أَوْ بِنْتِي لَبُونٍ أَجْرَاهُ عَلَى الْأَصْحَ لِأَنَّهُمَا يُجْزَانِ عَمَّا زَادَ .

52. (Dan pada enam puluh satu ekor seekor unta jaz'ah). Ia adalah yang telah sempurna empat tahun dan masuk pada yang kelima. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana ia telah menggugurkan gigi depannya. Dikatakan kerana telah sempurna gigi-giginya. Ianya adalah yang akhir daripada umur unta zakat. Diiktibarkan jantina betina pada semuanya kerana padanya ada kelebihan susu dan anak. Kalau dia mengeluarkan dua ekor hiqqah atau dua binti labun ganti dari jaz'ah ia memadainya di atas yang paling sah kerana keduanya memada dari apa yang lebih.

(وَفِي سِتِّ وَسَبْعِينَ بِنْتًا لَبُونٍ) مِنَ الْإِبِلِ (وَفِي إِحْدَى وَتِسْعِينَ حِقَّتَانِ) مِنَ الْإِبِلِ (وَفِي مِائَةٍ وَإِحْدَى وَعَشْرِينَ ثَلَاثَ بَنَاتِ لَبُونٍ) مِنَ الْإِبِلِ .

53. (Dan pada enam tujuh puluh enam ekor dua ekor) unta (binti labun, dan pada tujuh puluh satu ekor dua ekor) unta (hiqqah, dan pada seratus dua puluh satu ekor tiga ekor) unta (binti labun).

(ثُمَّ) يَسْتَمِرُّ ذَلِكَ إِلَى مِائَةٍ وَثَلَاثِينَ فَيَنْعَيَّرُ الْوَاجِبُ فِيهَا وَفِي كُلِّ عَشْرٍ بَعْدَهَا، (فِي كُلِّ أَرْبَعِينَ) مِنَ الْإِبِلِ (بِنْتُ لَبُونٍ) مِنْهَا (وَفِي كُلِّ خَمْسِينَ حِقَّةً) مِنْهَا كَمَا رَوَى ذَلِكَ كُلَّهُ الْبُخَارِيُّ مُقَطَّعًا فِي عَشْرَةِ مَوَاضِعَ وَأَبُو دَاوُدَ بِكَمَالِهِ.

54. (Kemudian) demikian itu berterusan hingga seratus tiga puluh ekor. Maka berubah yang wajib padanya dan pada setiap sepuluh ekor selepasnya, (pada setiap empat puluh ekor) unta (seekor unta binti labun, dan ada setiap lima puluh ekor seekor hiqqah) sepertimana diriwayatkan demikian itu semuanya oleh Bukhari terpisah-pisah pada sepuluh tempat, dan Abu Daud dengan sempurnanya.

تَنْبِيْهٌ : قَوْلُ الْمُصَنِّفِ "ثُمَّ فِي كُلِّ أَرْبَعِينَ" إِلَى آخِرِهِ قَدْ يَقْتَضِي لَوْلَا مَا قَدَّرْتُهُ أَنْ اسْتِقَامَةَ الْحِسَابِ بِذَلِكَ إِنَّمَا تَكُونُ فِيمَا بَعْدَ مِائَةٍ وَإِحْدَى وَعِشْرِينَ وَلَيْسَ مُرَادًا، بَلْ يَنْعَيَّرُ الْوَاجِبُ بِزِيَادَةِ تِسْعٍ ثُمَّ بِزِيَادَةِ عَشْرٍ عَشْرٍ كَمَا قَرَّرْتُ بِهِ كَلَامَهُ.

55. Tanbih. Kata musannif “kemudian pada setiap empat puluh” hingga akhirnya terkadang menuntut, kalaulah tidak ada apa yang aku takdirkan, bahawa berterusan kiraan dengan demikian itu hanyalah pada apa yang selepas seratus dua puluh satu, sedangkan ia bukan yang dikehendaki, bahkan yang wajib itu berubah dengan bertambah sembilan kemudian dengan bertambah sepuluh-sepuluh sepertimana aku taqirikan dengannya akan kalamnya.

فَإِنْ عَدِمَ بِنْتُ مَخَاضٍ فَابْنُ لَبُونٍ إِنْ كَانَ أَقَلَّ قِيَمَةً مِنْهَا. وَبِنْتُ الْمَخَاضِ الْمَعِيْبَةِ وَالْمَغْضُوبَةِ الْعَاجِزُ عَنِ تَخْلِيصِهَا وَالْمَرْهُونَةُ بِمَوْجَلٍ أَوْ حَالٍ وَعَجَزٌ عَنِ تَخْلِيصِهَا كَمَغْذُومَةٍ.

56. Maka jika dia tidak mendapat binti makhad maka ibnu labun jika ia leih rendah nilai darinya. Binti makhad yang 'aib dan yang dirampas bagi orang yang lemah dari melepaskannya dan yang digadaikan dengan hutang yang ditempokan atau yang sampai tempoh dan dia lemah dari melepaskannya adalah seperti yang tidak ujud.

وَلَا يَكْلَفُ أَنْ يُخْرَجَ بِنْتُ مَخَاضٍ كَرِيْمَةً، لَكِنْ تَمْنَعُ الْكَرِيْمَةَ عِنْدَهُ ابْنُ لَبُونٍ وَحَقًّا لَوْجُودِ بِنْتِ مَخَاضٍ مُجْرِيَةً فِي مَالِهِ. وَيُؤَخِّدُ الْحَقُّ عَنِ بِنْتِ مَخَاضٍ عِنْدَ فَقْدِهَا لَا عَنِ بِنْتِ لَبُونٍ عِنْدَ فَقْدِهَا.

57. Tidak diberati agar dia mengeluarkan binti makhad yang baik, akan tetapi binti makhad yang baik yang ada di sisinya menegah ibnu labun dan hiqq kerana ujud binti makhad yang memadai pada hartanya. Diambil hiqq dari binti makhad di sisi luputnya tidak dari binti labun di sisi luputnya.

+فَصْلٌ : فِي بَيَانِ نِصَابِ الْبُقَرِ وَمَا يَجِبُ إِخْرَاجُهُ . (وَأَوَّلُ نِصَابِ الْبُقَرِ ثَلَاثُونَ، فَيَجِبُ فِيهِ) أَيِ النَّصَابِ (تَبِيْعٌ) ابْنُ سَنَةَ. سُمِّيَ بِذَلِكَ لِأَنَّهُ يَتَّبِعُ أُمَّهُ فِي الْمَرْعَى. (وَفِي كُلِّ أَرْبَعِينَ مُسِنَّةً) لَهَا سَنَتَانِ وَطَعْنَتَانِ فِي الثَّلَاثَةِ. سُمِّيَتْ بِذَلِكَ لِتَكَامُلِ أَسْنَانِهَا. ذَلِكَ لِمَا رَوَى التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ عَنْ مُعَاذٍ، قَالَ : { بَعَثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْيَمَنِ فَأَمَرَنِي أَنْ أَخُذَ مِنْ كُلِّ أَرْبَعِينَ بَقْرَةً مُسِنَّةً، وَمِنْ كُلِّ ثَلَاثِينَ تَبِيْعًا } . وَصَحَّحَهُ الْحَاكِمُ وَغَيْرُهُ.

58. Fasal pada menerangkan nishab lembu dan apa yang wajib mengeluarkannya. (Awal nishab lembu tiga puluh ekor maka wajib pada) nishab itu (seekor tabi') anak jantan setahun. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana ia mengikut ibunya pada tempat gembalaan. (Dan ada setiap empat puluh seekor musinnah) berumur dua tahun dan masuk pada yang ketiga. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana telah sempurna gigi-giginya. Demikian itu kerana apa yang diriwayatkan Turmizi dan selainnya dari Muaz katanya “rasulullah s.a.w.m mengutus aku ke Yaman maka dia menyuruh aku mengambil dari setiap empat puluh ekor lembu

seekor musinnah dan dari setiap tiga puluh ekor seekor tabi”’. Mengesahkannya al Hakim dan selainnya.

وَالْبَقْرَةُ تُقَالُ لِلذَّكَرِ وَالْأُنثَى. وَلَوْ أُخْرِجَ بَدَلُ الْمُسِنَّةِ تَبِيعِينَ أَجْزَاهُ عَلَى الْمَذْهَبِ.

59. “بَقْرَةٌ” dikatakan bagi jantan dan betina. Kalau dia mengeluarkan ganti musinnah itu dua ekor tabi’ ia memadainya di atas mazhab.

(وَعَلَى هَذَا) الْحُكْمُ (أَبَدًا فَفَسَنَ) عِنْدَ الزِّيَادَةِ . فَفِي سَبْتَيْنِ تَبِيعَانِ ، وَفِي سَبْعِينَ تَبِيعَ وَمُسِنَّةً ، وَفِي ثَمَانِينَ مُسِنَّتَانِ ، وَفِي تِسْعِينَ ثَلَاثَةَ أَتْبِعَةٍ ، وَفِي مِائَةٍ مُسِنَّةً وَتَبِيعَانِ ، وَفِي مِائَةٍ وَعَشْرَةٍ مُسِنَّتَانِ وَتَبِيعَ ، وَفِي مِائَةٍ وَعِشْرِينَ ثَلَاثَ مُسِنَّاتٍ أَوْ أَرْبَعَةَ أَتْبِعَةٍ .

60. (Di atas ini) hukum (selama-lama maka hendaklah kamu kiaskan) di sisi lebih darinya. Maka pada enam puluh ekor dua ekor tabi’, dan pada tujuh puluh ekor seekor tabi’ dan seekor musinnah, dan pada lapan puluh ekor dua ekor musinnah, dan pada sembilan puluh ekor tiga ekor tabi’, dan pada seratus ekor seekor musinnah dan dua ekor tabi’, dan pada seratus sepuluh ekor dua ekor musinnah dan seekor tabi’, dan pada seratus dua puluh ekor tiga ekor musinnah atau empat ekor tabi’.

تَنْبِيْهُ : قَدْ تَلَخَّصَ أَنَّ الْفَرْضَ بَعْدَ الْأَرْبَعِينَ لَا يَتَغَيَّرُ إِلَّا بِزِيَادَةِ عِشْرِينَ ، ثُمَّ يَتَغَيَّرُ بِزِيَادَةِ كُلِّ عَشْرَةٍ ، وَفِي مِائَةٍ وَعِشْرِينَ يَتَّفِقُ فَرَضَانِ .

61. Tanbih. Sungguh dirumuskan bahawa fardhunya selepas empat puluh itu tidak berubah melainkan dengan tambahan dua puluh, kemudian berubah dengan tambahan setiap sepuluh, dan pada seratus dua puluh muafakat dua fardhunya.

وَإِذَا اتَّفَقَ فِي إِبِلٍ أَوْ بَقَرٍ فَرَضَانِ فِي نَصَابٍ وَاحِدٍ وَجَبَ فِيهِمَا الْأَعْبَاطُ مِنْهُمَا ، وَهُوَ الْأَنْفَعُ لِلْمُسْتَحِقِّينَ . فَفِي مِائَتَيْ بَعِيرٍ أَوْ مِائَةٍ وَعِشْرِينَ بَقْرَةً يَجِبُ فِيهِمَا الْأَعْبَاطُ مِنْ أَرْبَعِ حَقَاقٍ وَخَمْسِ بَنَاتٍ لَبُونٍ وَثَلَاثِ مُسِنَّاتٍ وَأَرْبَعَةِ أَتْبِعَةٍ إِنْ وُجِدَا بِمَالِهِ بِصِفَةِ الْأَجْزَاءِ ، لِأَنَّ كُلًّا مِنْهُمَا فَرَضُهَا ، فَإِذَا اجْتَمَعَا رُوِعِيَ مَا فِيهِ حَظُّ الْمُسْتَحِقِّينَ إِذْ لَا مَشَقَّةَ فِي تَحْصِيلِهِ .

62. Apabila muafakat dua fardhu unta atau lembu pada nishab yang satu wajib pada keduanya oleh yang paling menguntungkan daripada kedua fardhu itu iaitu yang lebih bermanfaat bagi orang-orang yang berhak zakat. Maka pada dua ratus ekor unta atau seratus dua puluh ekor lembu wajib yang lebih menguntungkan daripada empat hiqqah dan lima binti labun dan tiga musinnah dan empat tabi’, jika kedua-duanya didapati pada hartanya dengan sifat memada, kerana setiap daripada keduanya adalah fardhunya, maka apabila kedua-duanya berhimpun dipelihara apa yang ada padanya keuntungan orang-orang yang berhak kerana tidak ada masyaqqah pada menghasilkannya.

وَأَجْزَاهُ عَيْرُ الْأَعْبَاطِ بِلَا تَقْصِيرٍ مِنَ الْمَالِكِ أَوْ السَّاعِي لِلْعُدْرِ . وَجُبِرَ التَّفَاوُتُ لِنَقْصِ حَقِّ الْمُسْتَحِقِّينَ بِنَفْدِ الْبَلَدِ أَوْ جُزْءٍ مِنَ الْأَعْبَاطِ . أَمَّا مَعَ التَّقْصِيرِ مِنَ الْمَالِكِ بَأَن دَلَّسَ أَوْ مِنَ السَّاعِي بَأَن لَمْ يَجْتَهِدْ وَإِنْ ظَنَّ أَنَّهُ الْأَعْبَاطُ فَلَا يُجْزَى لِتَقْصِيرِهِ .

63. Memadainya selain yang lebih menguntungkan tanpa cuai dari pemilik atau sai’e, kerana uzur. Ditampung kurang hak orang yang berhak itu dengan duit tempatan atau jujuk daripada yang lebih menguntungkan itu. Adapun serta cuai dari pemilik dengan bahawa dia menyembunyikan atau dari sai’e dengan bahawa dia tidak berijtihad sekalipun dia sangkakan bahawa ia yang lebih menguntungkan maka ia tidak memada kerana cuai.

وَأَنْ يُجَدَّ أَحَدُهُمَا بِمَالِهِ أُخِذَ، وَأَنْ يُجَدَّ شَيْءٌ مِنَ الْآخِرِ إِذْ النَّاقِصُ كَالْمَعْدُومِ. وَأَنْ لَمْ يُوجَدَا أَوْ أَحَدُهُمَا بِمَالِهِ بِصِفَةِ الْإِجْزَاءِ فَلَهُ تَحْصِيلُ مَا شَاءَ مِنْهُمَا كَلًّا أَوْ بَعْضًا مُتَمَمًّا بِشِرَاءٍ أَوْ غَيْرِهِ، وَلَوْ غَيْرَ أُغْبِطَ لِمَا فِي تَعْيِينِ الْأَغْبِطِ مِنَ الْمَشَقَّةِ فِي تَحْصِيلِهِ.

64. Jika didapati satu daripada dua fardhu itu pada harta pemilik diambil ia sekalipun didapati sesuatu daripada yang satu lagi, kerana yang kurang itu seperti tidak ada. Jika tidak didapati keduanya atau satu daripada keduanya pada harta pemilik dengan sifat memada maka boleh dia menghasilkan apa yang dia hendak daripada keduanya, semuanya atau sebahagian serta dia menyempurnakan dengan beli atau selainnya, walaupun ia bukan yang lebih menguntungkan kerana menentukan yang lebih menguntungkan itu menyusahkan pada menghasilkannya.

تَمَّتْ : لِمَنْ عَدِمَ وَاجِبًا مِنَ الْإِبِلِ وَلَوْ جَذَعَةً فِي مَالِهِ أَنْ يَصْعَدَ دَرَجَةً وَيَأْخُذَ جُبْرَانًا وَإِبِلُهُ سَلِيمَةً، أَوْ يَنْزِلَ دَرَجَةً وَيُعْطِيَهُ الْجُبْرَانَ، كَمَا جَاءَ ذَلِكَ فِي خَبَرِ أَنَسٍ. فَأَلْخَيْرَةُ فِي الصُّعُودِ وَالنُّزُولِ لِلْمَالِكِ لِأَنَّهَا شُرْعًا تَخْفِيفًا عَلَيْهِ. وَالْجُبْرَانُ شَاتَانِ بِالصَّفَةِ السَّابِقَةِ أَوْ عِشْرُونَ دِرْهَمًا نَفْرَةً خَالِصَةً بِخَيْرَةِ الدَّافِعِ، سَاعِيًا كَانَ أَوْ مَالِكًا. وَلَهُ صُعُودٌ دَرَجَتَيْنِ فَأَكْثَرَ مَعَ تَعَدُّدِ الْجُبْرَانِ. هَذَا عِنْدَ عَدَمِ الْقُرْبَى فِي جِهَةِ الْمُخْرَجَةِ.

65. Tatimmah. Bagi orang yang tidak mendapat apa yang wajib daripada unta walaupun jaz'ah pada hartanya bahawa dia naik kepada satu darjat dan mengambil tampungan, walhal untanya tidak 'aib¹⁰, atau dia turun kepada satu darjat dan memberikan tampungan sepertimana yang datang pada khabar Anas. Maka pilihan pada naik dan turun itu bagi pemilik kerana keduanya disyara'kan untuk meringankannya. Tampungan dua ekor kambing dengan sifat yang lalu atau dua puluh dirham naqrah¹¹ yang murni dengan pilihan orang yang memberikan, samaada dia petugas atau pemilik. Boleh dia naik dua darjat maka lebih dan turun dua darjat maka lebih serta berbilang tampungan. Ini di sisi tidak ada yang dekat pada pihak yang hendak dikeluarkan¹².

وَلَا يَتَّبَعُ جُبْرَانٌ، فَلَا تُجْزَى شَاةٌ وَعَشْرَةٌ دَرَاهِمَ بِجُبْرَانٍ وَاحِدٍ إِلَّا لِمَالِكٍ رَضِيَ بِذَلِكَ لِأَنَّ الْجُبْرَانَ حَقَّهُ فَلَهُ إِسْقَاطُهُ. أَمَّا الْجُبْرَانَانِ فَيَجُوزُ تَبْعِيضُهُمَا فَيُجْزَى شَاتَانِ وَعِشْرُونَ دِرْهَمًا لِجُبْرَانَيْنِ كَالْكَفَارَتَيْنِ. وَلَا جُبْرَانَ فِي غَيْرِ الْإِبِلِ مِنْ بَقَرٍ أَوْ غَنَمٍ.

66. Tidak boleh disetengah-setengahkan tampungan maka tidak memada seekor kambing dan sepuluh dirham pada satu tampungan melainkan bagi pemilik yang redha dengan demikian itu kerana tampungan itu haknya, maka boleh dia menggugurkannya. Adapun dua tampungan maka harus mensetengah-setengahkannya, maka memada dua kambing dan sepuluh dirham untuk dua tampungan seperti dua kifarati. Tidak ada tampungan pada selain unta, daripada lembu dan kambing.

+فَصْلٌ فِي بَيَانِ نَصَابِ الْغَنَمِ وَمَا يَجِبُ إِخْرَاجُهُ. (وَأَوَّلُ نَصَابِ الْغَنَمِ أَرْبَعُونَ شَاةً، وَفِيهَا شَاةٌ جَذَعَةٌ مِنَ الضَّانِ) بِالْهَمْزِ وَتَرْكِهِ، لَهَا سَنَةٌ، (أَوْ ثَنِيَّةٌ مِنَ الْمَعَزِ) بِفَتْحِ الْعَيْنِ لَهَا سَنَتَانِ، (وَفِي مِائَةٍ وَإِخْدَى وَعِشْرِينَ شَاتَانِ وَفِي مِائَتَيْنِ وَوَاحِدَةٍ ثَلَاثَ شِيَاهِ وَفِي أَرْبَعِمِائَةٍ أَرْبَعِ شِيَاهِ ثُمَّ فِي كُلِّ مِائَةٍ شَاةٌ) لِحَدِيثِ أَنَسٍ فِي ذَلِكَ، رَوَاهُ الْبُخَارِيُّ. وَنَقَلَ الشَّافِعِيُّ أَنَّ أَهْلَ الْعِلْمِ لَا يَخْتَلِفُونَ فِي ذَلِكَ.

¹⁰ حَرَجَ الْمَعِينَةَ فَلَا يَصْعَدُ بِالْجُبْرَانَ، لِأَنَّ وَاجِبَهَا مَعِيْبٌ وَالْجُبْرَانُ لِلتَّفَاوُتِ بَيْنَ السَّلِيمَيْنِ وَهُوَ فَوْقَ التَّفَاوُتِ بَيْنَ الْمَعِيْبَيْنِ بِخِلَافِ نَزُولِهِ مَعَ إِعْطَاءِ الْجُبْرَانَ. فَجَائِزٌ لِتَبَرُّعِهِ بِالزِّيَادَةِ شُرْحُ الْمُنْهَجِ.

¹¹ dirham nakrah menyamai setengah fiddhah. Bajrimi.

¹² iaitu tidak boleh dia naik kepada hiqqah dari binti makhad melainkan apabila tidak ada binti labun dan tidak boleh dia turun kepada binti makhad dari hiqqah melainkan apabila tidak ada binti labun.

67. Fasal pada keterangan nishab kambing dan apa yang wajib dikeluarkan. (Awal nishab kambing empat puluh ekor, padanya seekor bebiri jaz'ah) berumur setahun (atau kambing kacang thaniyah) berumur dua tahun, (dan pada seratus dua puluh satu ekor dua ekor kambing dan pada dua ratus satu ekor tiga ekor kambing dan pada empat ratus ekor empat ekor kambing, kemudian pada setiap seratus ekor seekor), kerana hadith Anas pada demikian itu. Meriwayatkannya Bukhari. Syafi'e menakalkan bahawa ahli ilmu tidak bersalah-salahan pada demikian itu.

وَلَوْ تَفَرَّقَتْ مَاشِيَةُ الْمَالِكِ فِي أَمَاكِنَ فَهِيَ كَأَنَّي فِي مَكَانٍ وَاحِدٍ ، حَتَّى لَوْ مَلَكَ أَرْبَعِينَ شَاةً فِي بَلَدَيْنِ لَزِمَتْهُ الزَّكَاةُ. وَلَوْ مَلَكَ ثَمَانِينَ فِي بَلَدَيْنِ فِي كُلِّ بَلَدٍ أَرْبَعُونَ لَا يَلْزِمُهُ إِلَّا شَاةٌ وَاحِدَةٌ، وَإِنْ بَعُدَتْ الْمَسَافَةُ بَيْنَهُمَا، خِلَافًا لِلْإِمَامِ أَحْمَدَ، فَإِنَّهُ يَلْزِمُ عِنْدَهُ عِنْدَ التَّبَاعُدِ شَاتَانِ.

68. Kalau berasingan tempat kambing seorang pemilik pada berapa tempat maka ia seperti yang pada satu tempat, hinggakan kalau dia memiliki empat puluh kambing pada dua tempat lazim zakat di atasnya. Kalau dia memiliki lapan puluh ekor pada dua tempat pada setiap tempat empat puluh ekor tidak melaziminya melainkan seekor, sekalipun jauh jarak di antara keduanya. Bersalahan Imam Ahmad, maka lazim dua ekor kambing di sisi jauh dua kumpulan itu.

تَتِمَّةٌ : يُجْزَى فِي إِخْرَاجِ الزَّكَاةِ نَوْعٌ عَنِ نَوْعٍ آخَرَ كَضَانٍ عَنِ مَعَزٍ وَعَكْسِهِ مِنَ النِّعَمِ، وَأَرْحَبِيَّةٌ عَنِ مَهْرِيَّةٍ وَعَكْسِهِ مِنَ الْإِبِلِ، وَعَرَابٌ عَنِ جَوَامِيسَ وَعَكْسِهِ مِنَ الْبَقَرِ ، بِرِعَايَةِ الْقِيَمَةِ. فَبِي ثَلَاثِينَ عَنَزًا وَهِيَ أَنْثَى الْمَعَزِ وَعَشْرَ نَعَجَاتٍ مِنَ الضَّانِّ عَنَزٌ أَوْ نَعَجَةٌ بِقِيَمَةِ ثَلَاثَةِ أَرْبَاعِ عَنَزٍ وَرُبْعِ نَعَجَةٍ، وَفِي عَكْسِ ذَلِكَ عَكْسُهُ.

69. Tatimmah. Memada pada mengeluarkan zakat oleh satu bagai dari bagai yang lain seperti mengeluarkan bebiri dari kambing kacang dan 'akasnya daripada kambing, dan yang bangsa arhab dari yang bangsa mahrah dan s'akasnya daripada unta, dan 'irab i.e lembu dari kerbau dan 'akasnya daripada jenis lembu, dengan memelihara nilai. Maka pada tiga puluh kambing kacang betina dan sepuluh bebiri betina seekor kambing kacang betina atau seekor bebiri betina dengan nilai tiga perempat kambing kacang betina dan satu perempat bebiri betina, pada 'akas demikian itu 'akasnya.

وَلَا يُؤْخَذُ نَاقِصٌ مِنْ ذَلِكَ وَمَعِيبٌ وَصَغِيرٌ إِلَّا مِنْ مِثْلِهِ، فِي غَيْرِ مَا مَرَّ مِنْ جَوَازِ أَخْذِ ابْنِ اللَّبُونِ وَالْحَقِّ أَوْ الذَّكَرِ مِنَ الشَّيْأِ فِي الْإِبِلِ أَوْ التَّبِيعِ فِي الْبَقَرِ. فَإِنْ اخْتَلَفَ مَالُهُ نَقْصًا وَكَمَالًا وَاتَّحَدَ نَوْعًا أَخْرَجَ كَامِلًا بِرِعَايَةِ الْقِيَمَةِ، وَإِنْ لَمْ يُؤْفَ تَمَّ بِنَاقِصٍ.

70. Tidak diambil yang kurang daripada demikian itu dan yang 'aib dan yang kecil melainkan dari seumpamanya, pada selain apa yang telah lalu daripada harus mengambil ibni labun atau hiq atau kambing jantan pada unta atau tabi' pada lembu. Maka jika bersalah-salahan hartanya, nisbah kurang dan sempurna, dan sama bagainya dia mengeluarkan yang sempurna dengan memelihara nilainya. Jika ia tidak mencukupi dia sempurnakan dengan yang kurang.

وَلَا يُؤْخَذُ خِيَارٌ كَحَامِلٍ وَأَكْوَلَةٌ وَهِيَ الْمُسَمَّنَةُ لِلْأَكْلِ وَرَبِي وَهِيَ الْحَدِيثَةُ الْعَهْدُ بِالتَّجَارِ بِأَنْ يَمْضِيَ لَهَا مِنْ وِلَادَتِهَا نِصْفُ شَهْرٍ كَمَا قَالَه الْأَزْهَرِيُّ، أَوْ شَهْرَانِ كَمَا نَقَلَهُ الْجَوْهَرِيُّ إِلَّا بِرِضَا مَالِكِهَا بِأَخْذِهَا. نَعْمَ إِنْ كَانَتْ كُلُّهَا خِيَارًا أَخْذَ الْخِيَارِ مِنْهَا إِلَّا الْحَوَامِلَ، فَلَا يُؤْخَذُ مِنْهَا حَامِلٌ كَمَا نَقَلَهُ الْإِمَامُ وَاسْتَحْسَنَهُ.

71. Tidak diambil yang terbaik seperti yang bunting dan kuat makan iaitu yang gemuk kerana makan dan yang subur membesar iaitu yang baru beranak dengan bahawa lalu baginya dari beranaknya setengah bulan sepertimana kata Azrai'e, atau dua bulan sepertimana dinakalkan Jauhari, melainkan dengan redha pemiliknya. Na'am jika

semuanya baik-baik diambil yang baik daripadanya, melainkan yang bunting maka tidak diambil darinya akan yang bunting sepertimana dinakalkan Imam dan dia membilangnyanya elok.

وَتَوْخَذُ زَكَاةً سَائِمَةً عِنْدَ وُرُودِهَا مَاءً لِأَنَّهَا أَقْرَبُ إِلَى الضَّبْطِ حِينَئِذٍ. فَلَا يَكْلِفُهُمُ السَّاعِي رَدَّهَا إِلَى الْبَلَدِ كَمَا لَا يَلْزِمُهُ أَنْ يَتَّبِعَ الْمَرَاعِي. فَإِنْ لَمْ تَرُدَّ الْمَاءَ بِأَنْ اِكْتَفَتْ بِالْكَالِ وَقَتِ الرَّبِيعِ فَعِنْدَ بُيُوتِ أَهْلِهَا وَأَفْنِيَّتِهِمْ. وَيُصَدَّقُ مُخْرَجُهَا فِي عَدِّهَا إِنْ كَانَ ثِقَةً وَإِلَّا فَتَعُدُّ.

72. Diambil zakat ternakkan yang makan dipadang ketika ia datang kepada air kerana ia ketika itu lebih mudah dicamkan bilangannya. Maka sai'e tidak memberatkan para gembala dengan menghalauanya pulang kekawasan penempatan sepertimana tidak lazim dia pergi ketempat gembalaan. Maka jika ia tidak mendatangi air dengan bahawa ia cukup dengan padang ragut pada musim bunga maka di sisi rumah-rumah Tuannya dan halamannya. Diperbenarkan orang yang mengeluarkannya pada bilangannya jika dia boleh dipercayai. Jika tidak maka dikira.

وَالْأَسْهَلُ عَدُّهَا عِنْدَ مَضِيقٍ تَمُرُّ بِهِ وَاحِدَةً وَاحِدَةً، وَبِيَدِ كُلِّ مِنَ الْمَالِكِ وَالسَّاعِي أَوْ نَائِبِهِمَا قَضِيبٌ يُشِيرَانِ بِهِ إِلَى كُلِّ وَاحِدَةٍ أَوْ يُصِيبَانِ بِهِ ظَهْرَهَا لِأَنَّ ذَلِكَ أَبْعَدُ عَنِ الْعَطِ. فَإِنْ اِخْتَلَفَا بَعْدَ الْعَدِّ وَكَانَ الْوَاجِبُ يَخْتَلَفُ بِهِ أَعَادَا الْعَدَّ.

73. Yang paling mudah adalah membilangnyanya pada tempat sempit yang ia lalu padanya seekor seekor dan pada tangan setiap pemilik dan sai'e atau naib keduanya ada ranting yang mereka mengisyarat dengannya kepada setiap seekor atau mereka menyentuhkan kepada belakangnya kerana demikian itu menjauhkan dari salah. Maka jika kedua mereka berselisih selepas bilang dan adalah yang wajib bersalahan dengannya mereka mengulang kiraan.

+فَصْلٌ : فِي زَكَاةِ خُلْطَةِ الْأَوْصَافِ ، وَتُسَمَّى خُلْطَةً جَوَارٍ، إِذْ هِيَ الْمَذْكُورَةُ فِي كَلَامِهِ. وَالْخُلَيْطَانِ مِنْ أَهْلِ زَكَاةٍ فِي نِصَابٍ أَوْ فِي أَقَلِّ مِنْهُ وَلِأَحَدِهِمَا نِصَابٌ وَلَوْ فِي غَيْرِ مَاشِيَةٍ مِنْ نَقْدٍ أَوْ غَيْرِهِ كَمَا سَيَأْتِي (يَرْكَبَانِ) وَجُوبًا (زَكَاةً) بِالنِّصَابِ عَلَى نَزْعِ الْخَافِضِ، أَيِ كَزَكَاةِ الْمَالِ (الْوَاحِدِ) إِجْمَاعًا كَمَا قَالَهُ الشَّيْخُ أَبُو حَامِدٍ، (بِشَرَايِطِ سَبْعَةٍ)، بَلْ عَشْرَةٍ مَعَ أَنَّهُ جَرَى عَلَى وَاحِدٍ مِمَّا ذَكَرَهُ عَلَى رَأْيٍ ضَعِيفٍ كَمَا سَتَعْرِفُهُ مَعَ إِبْدَالِهِ بِغَيْرِهِ تَصْحِيحًا لِمَا ذَكَرَهُ مِنَ الْعَدِّ.

74. **Fasal. Pada zakat campuran sifat-sifat**, yang dinamakan ia campuran jiwar kerana ia yang disebutkan pada kalam musannif : **(dua orang yang bercampur)** daripada ahli zakat, pada nishab atau pada kurang darinya, dan seorang daripada keduanya memiliki satu nishab walaupun pada selain ternakkan daripada duit atau selainnya sepertimana akan datang **(mengeluarkan zakat)** di atas jalan wajib **(sebagai satu zakat)** iaitu seperti zakat harta **(seorang)** dengan ijmak sepertimana kata syeikh Abu Hamid, **(dengan syarat-syarat yang tujuh)**, bahkan sepuluh, serta bahawa dia berjalan di atas satu daripada apa yang dia sebutkan di atas pendapat yang dhaif sepertimana akan kamu ketahui, serta menggantikannya dengan selainnya kerana mentashihkan bilangan yang dia sebutkan.

الْأَوَّلِ (إِذَا كَانَ الْمُرَاخُ) وَاحِدًا وَهُوَ بِضَمِّ الْمِيمِ اسْمٌ لِمَوْضِعِ مَبِيتِ الْمَاشِيَةِ.

75. Pertama : **(apabila adalah kandangnya satu)** ia adalah nama bagi tempat ternakkan bermalam.

(وَ) الثَّانِي إِذَا كَانَ (الْمَسْرُوحُ وَاحِدًا) وَهُوَ بَفَتْحِ الْمِيمِ وَإِسْكَانِ الْمُهِمْلَةِ اسْمٌ لِلْمَوْضِعِ الَّذِي تَجْتَمِعُ فِيهِ تَمَّ تَسَاقُ إِلَى الْمَرْعَى.

76. Keduanya : apabila adalah (**masrahnya satu**), nama bagi tempat yang berhimpun ternakkan padanya kemudian dihalau kepada tempat gembalaan.

(وَ) الثَّلَاثُ : إِذَا كَانَ (الْمَرْعَى وَاحِدًا) وَهُوَ بَفَتْحِ الْمِيمِ اسْمٌ لِلْمَوْضِعِ الَّذِي تَرَعَى فِيهِ.

77. Ketiganya : apabila adalah (**tempat gembalaannya satu**), nama bagi tempat yang ia makan meragut padanya.

(وَ) الرَّابِعُ (إِذَا كَانَ الْفَحْلُ) الَّذِي يَضْرِبُهَا (وَاحِدًا) أَوْ أَكْثَرَ بِأَنْ تَكُونَ مُرْسَلَةً تَنْزُو عَلَى كُلِّ مَنْ الْمَاشِيَتَيْنِ بِحَيْثُ لَا تَخْتَصُّ مَاشِيَةً هَذَا بِفَحْلٍ عَنْ مَاشِيَةِ الْآخَرِ، وَإِنْ كَانَ مِلْكًا لِأَحَدِهِمَا أَوْ مُعَارَا لَهُ أَوْ لِهَمَا إِلَّا إِذَا اِخْتَلَفَ النَّوْعُ كَضَّانٍ وَمَعَزٍ فَلَا يَضُرُّ اِخْتِلَافُهُ قَطْعًا لِلضَّرُورَةِ.

78. Keempatnya : (**apabila adalah bapak jantan**) yang menjantannya (**satu**) atau lebih, dengan ia dilepaskan mengawani setiap daripada dua ternakkan itu, sekira-kira tidak khusus ternakan ini dengan seekor bapak jantan dari ternakkan yang satu lagi, sekalipun ia milik bagi seorang daripada mereka atau pinjamannya atau milik kedua mereka, melainkan apabila berlainan bagainya seperti bebiri dan kambing kacang, maka tidak mudharat berlainannya dengan jazam kerana dharurat.

(وَ) الْخَامِسُ إِذَا كَانَ (الْمَشْرَبُ وَاحِدًا) وَهُوَ بَفَتْحِ الْمِيمِ مَوْضِعُ شُرْبِ الْمَاشِيَةِ سِوَاءَ كَانَ مِنْ نَهْرٍ أَمْ مِنْ غَيْرِهِ.

79. Kelimanya : apabila adalah (**masyrabnya satu**). Ia nama bagi tempat minum ternakkan, samaada ianya sungai atau selainnya.

(وَ) السَّادِسُ إِذَا كَانَ (الْحَالِبُ) وَهُوَ الَّذِي يَحْلُبُ اللَّبَنَ (وَاحِدًا) ، عَلَى رَأْيِ ضَعِيفٍ. وَهَذَا هُوَ الشَّرْطُ الَّذِي تَقَدَّمَ الْإِعْلَامُ بِأَنَّ الْمُصَنِّفَ جَرَى فِيهِ عَلَى رَأْيِ ضَعِيفٍ. وَالْأَصَحُّ أَنَّهُ لَا يَشْتَرِطُ اتِّحَادَهُ، كَجَازِ الْعَنَمِ وَالْإِنَاءِ الَّذِي يَحْلُبُ فِيهِ كَالَّةِ الْجَزِّ. وَيُبَدَّلُ بِاتِّحَادِ الرَّاعِي فَإِنَّهُ شَرْطٌ عَلَى الْأَصَحِّ. وَمَعْنَاهُ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ أَنَّهُ لَا يَخْتَصُّ أَحَدُهُمَا بِرَاعٍ. وَلَا يَضُرُّ تَعَدُّدُ الرَّعَاةِ.

80. Keenamnya : apabila adalah (**halibnya**) iaitu orang yang memerah susu (**satu**) di atas pendapat yang lemah. Ini adalah syarat yang terdahulu diberitahukan dengan bahawa musannif berjalan padanya di atas pendapat yang lemah. Yang paling sahih bahawa tidak disyaratkan satunya, sama seperti penggunting bulu kambing dan bejana yang diperah padanya, sama seperti alat menggunting. Digantikan ia dengan satu pengembala maka ia syarat di atas yang paling sahih. Maknanya sepertimana didalam Raudhah bahawa tidak khusus satu daripada dua ternakkan itu dengan seorang pengembala. Tidak mudharat berbilang pengembala.

(وَ) السَّابِعُ إِذَا كَانَ (مَوْضِعُ الْحَلْبِ وَاحِدًا). وَهُوَ بَفَتْحِ اللَّامِ يُقَالُ لِلْبَنِّ وَلِلْمَصْدَرِ، وَهُوَ الْمُرَادُ هُنَا. وَحُكِيَ سَكُونُهَا.

81. Ketujuhnya : apa bila adalah (**tempat perah susunya satu**). “حَلْبُ” dengan fathah lamnya dikatakan bagi susu dan bagi masdhar yang mana ia yang dikehendaki disini. Dihikayatkan sukunnya.

وَالثَّامِنُ إِذَا كَانَتْ الْمَاشِيَتَانِ نِصَابًا كَامِلًا أَوْ أَقَلَّ مِنْ نِصَابٍ وَلَا أَحَدِهِمَا نِصَابٌ كَمَا مَرَّتْ الْإِشَارَةُ إِلَيْهِ.

82. Kelapannya : apabila adalah dua ternakkan itu satu nishab yang sempurna atau kurang dari satu nishab dan seorang daripada mereka memiliki satu nishab sepertimana telah lalu isyarat kepadanya.

وَالتَّاسِعُ مَضَى الحَوْلِ مِنْ وَقْتِ خَلطِهِمَا إِذَا كَانَ المَالُ حَوْلِيًّا. فَلَوْ مَلَكَ كُلُّ مِنْهُمَا أَرْبَعِينَ شاةً فِي أَوَّلِ المَحْرَمِ وَخَلطًا فِي أَوَّلِ صَفَرٍ فَالْجَدِيدُ أَنَّهُ لَا خُلطَةَ فِي الحَوْلِ، بَلْ إِذَا جَاءَ المَحْرَمُ وَجِبَ عَلَى كُلِّ مِنْهُمَا شاةٌ. وَلَوْ تَفَرَّقَتْ مَاشِيَتُهُمَا فِي أَتْناءِ الحَوْلِ نَظَرَ، إِنْ كَانَ زَمَنًا طَوِيلًا عَرَفًا وَلَوْ بِلا قَصْدِ ضَرٍّ، وَإِنْ كَانَ يَسِيرًا وَلَمْ يَعْلَمَا بِهِ لَمْ يَضُرَّ. فَإِنْ عَلِمَا بِهِ وَأَقْرَاهُ أَوْ قَصَدَا ذَلِكَ أَوْ عَلِمَهُ أَحَدُهُمَا فَقَطَّ ضَرَّ كَمَا قَالَه الأَدْرَعِيُّ.

83. Kesembilannya : lalu haul dari waktu pergaulan keduanya apabila adalah harta itu jenis haul. Maka kalau setiap daripada kedua mereka memiliki empat puluh kambing pada awal muharram dan mereka bergaul pada awal safar maka kaul jadid tidak ada gaulan pada haul, bahkan apabila datang muharram wajib di atas setiap seorang daripada keduanya seekor kambing. Kalau terpisah dua ternakkan itu pada tengah haul ditilik, jika ia didalam masa yang lama pada 'uruf walaupun tanpa kasad ia memudharatkan. Jika ianya sekejap dan kedua mereka tidak mengetahuinya tidak memudharatkan. Maka jika mereka tahukannya dan membiarkannya atau mengkasadkan demikian itu atau tahu seorang dari mereka sahaja ia memudharatkan sepertimana kata Azrai'e.

وَالعَاشِرُ أَنْ يَكُونَا مِنْ أَهْلِ الزَّكَاةِ كَمَا مَرَّتِ الإِشَارَةُ إِلَيْهِ. فَلَوْ كَانَ النِّصَابُ المَخْلُوطُ بَيْنَ مُسْلِمٍ وَكَافِرٍ أَوْ مَكْتَابٍ لَمْ تُؤَيَّرْ هَذِهِ الخُلطَةُ شَيْنًا، بَلْ يُعْتَبَرُ نَصِيبُ مَنْ هُوَ مِنْ أَهْلِ الزَّكَاةِ، إِنْ بَلَغَ نِصَابًا زَكَاةَ المُنفَرِدِ، وَإِلَّا فَلَا زَكَاةَ. وَلَا تُشْتَرَطُ نِيَّةُ الخُلطَةِ فِي الأَصَحِّ لِأَنَّ خِيفَةَ المُؤَنَةِ بِاتِّحَادِ المَرَافِقِ لَا تُخْتَلَفُ بِالقَصْدِ وَعَدَمِهِ، وَإِنَّمَا أُشْتَرَطَ الإِتِّحَادُ فِيمَا مَرَّ لِجَمْعِ المَالِ كَالْمَالِ الوَاحِدِ وَلِتَخَفِ المُؤَنَةُ عَلَى المُحْسِنِ بِالزَّكَاةِ.

84. Kesepuluhnya : bahawa keduanya daripada ahli zakat sepertimana telah lalu isyarat kepadanya, maka kalau nishab apa yang bergaul itu di antara muslim dan kafir atau mukatab tidak berkesan gaulan ini sedikitpun, bahkan diiktibarkan nishab orang yang dari ahli zakat, jika ia sampai nishab dia mengeluarkan zakat sebagai zakat seorang, jika tidak maka tidak ada zakat di atasnya. Tidak disyaratkan niat gaul pada yang paling sah kerana ringan kos dengan satu penjagaan tidak berlainan dengan kasad dan tidak kasad. Hanya disyaratkan sama pada apa yang telah lalu supaya berhimpun dua harta itu seperti harta yang satu dan supaya ringan kos di atas orang yang sesuai berzakat.

تَنْبِيءٌ : مِثْلُ خُلطَةِ الجَوَارِ خُلطَةُ الشَّرْكَةِ، وَتُسَمَّى خُلطَةَ أَعْيَانٍ لِأَنَّ كُلَّ عَيْنٍ مُشْتَرَكَةٌ وَخُلطَةُ شِيعِ.

85. Tanbih. Seumpama gaulan jiwar ini gaulan syarikat. Dinamakan ia gaulan 'ain kerana seluruh 'ain itu disyarikatkan, dan gaulan syuyu' i.e meliputi.

تَتَمَّةٌ : الأَظْهَرُ تَأْتِيرُ خُلطَةِ الثَّمَرِ وَالزَّرْعِ وَالنَّقْدِ وَعَرُوضِ التِّجَارَةِ بِاشْتِرَاكِ أَوْ مُجَاوِرَةِ كَمَا فِي المَاشِيَةِ وَإِنَّمَا تُؤَيَّرُ خُلطَةُ الجَوَارِ فِي الثَّمَرِ وَالزَّرْعِ بِشَرطِ أَنْ لَا يَتَمَيَّزَ النَّاظِرُ، وَهُوَ بِالمُهْمَلَةِ أَشْهَرُ مِنَ المُعْجَمَةِ حَافِظُ الزَّرْعِ وَالشَّجَرِ، وَالجَرِينِ وَهُوَ بِفَتْحِ الجِيمِ مَوْضِعُ تَجْفِيفِ الثَّمَارِ، وَالبَيْدَرِ وَهُوَ بِفَتْحِ المُوحَّدَةِ وَالذَّالِّ المُهْمَلَةِ مَوْضِعُ تَصْفِيَةِ الجُنطَةِ، وَفِي البَقْلِ وَعَرُوضِ التِّجَارَةِ بِشَرطِ أَنْ لَا يَتَمَيَّزَ الذَّكَانُ وَالْحَارِسُ وَمَكَانُ الحَفِظِ كخَزَانَةٍ وَنَحْوِ ذَلِكَ كالمِيزَانِ وَالوَزَانِ وَالنَّقَادِ وَالْمُنَادِي وَالْحَرَاثِ وَجَدَادِ النَّخْلِ وَالكَيْالِ وَالْحَمَالِ وَالْمُتَعَهِّدِ وَالْمُلْقِحِ وَالْحَصَادِ وَمَا يَسْقِي بِهِ لهُمَا.

86. Tatimmah. Yang paling zahir berkesan gaulan buah dan tanaman dan duit dan barang perniagaan dengan sebab syarikat atau mujawarah sepertimana pada ternakkan. Hanyalah berkesan gaulan jiwar pada buah dan tanaman dengan syarat

tidak terbeza natur iaitu penjaga tanaman dan pokok, dan jarin iaitu tempat mengeringkan buah, dan baidar iaitu tempat mengirik gandum, dan pada duit dan barang perniagaan dengan syarat tidak terbeza kedai dan pengawal dan tempat simpan serta gudang dan umpama demikian itu seperti timbang dan tukang timbang dan juru wang dan orang yang memanggil pelanggan orang yang menenggala tanah dan pemetik tamar dan tukang sukut dan tukang tanggung dan orang yang merawati pokok dan yang membuat pendebungaan dan yang menuai dan alat yang digunakan untuk menjirus keduanya.

فَإِذَا كَانَ لِكُلِّ مِنْهُمَا نَخِيلٌ أَوْ زَرْعٌ مُجَاوِرَةٌ لِنَخِيلِ الْآخَرِ أَوْ لَزَرْعِهِ، أَوْ لِكُلِّ وَاحِدٍ كَيْسٍ فِيهِ نَقْدٌ فِي صُنْدُوقٍ وَاحِدٍ وَأَمْنَعَةٌ تِجَارَةٌ فِي مَخْرَنٍ وَاحِدٍ، وَلَمْ يَتَمَيَّزْ أَحَدُهُمَا عَنِ الْآخَرِ بِشَيْءٍ مِمَّا سَبَقَ ثَبَتَتْ الْخُلْطَةُ، لِأَنَّ الْمَالَيْنِ يَصِيرَانِ بِذَلِكَ كَالْمَالِ الْوَاحِدِ كَمَا دَلَّتْ عَلَيْهِ السُّنَّةُ فِي الْمَاشِيَةِ.

87. Maka apabila tiap seorang dari dua orang memiliki pokok tamar atau tanaman yang bersebelahan dengan pokok tamar milik yang seorang lagi atau bersebelahan dengan tanamannya atau setiap seorang memiliki kendi yang ada padanya duit didalam peti yang satu, dan barang-barang perniagaan didalam setor yang satu dan tidak terbeza satu daripada keduanya dari yang satu lagi dengan suatu daripada apa yang telah lalu sabitlah gaulan kerana dua harta itu menjadi seperti satu harta dengan demikian itu sepertimana yang ditunjukkan oleh sunnah pada haiwan ternakkan.

+فَصْلٌ : فِي بَيَانِ نِصَابِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَمَا يَجِبُ إِخْرَاجُهُ. وَالْأَصْلُ فِي ذَلِكَ قَبْلَ الْإِجْمَاعِ مَعَ مَا يَأْتِي قَوْلَهُ تَعَالَى {وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ} وَالْكَنْزُ هُوَ الَّذِي لَمْ تُؤَدَّ زَكَاتُهُ.

88. **Fasal pada nishab emas dan perak** dan apa yang wajib mengeluarkannya. Asal pada demikian itu sebelum ijmak serta apa yang akan datang adalah firman Allah taala “dan orang yang tidak mengeluarkan emas dan perak. . . “ . “الكنز” adalah orang yang tidak menunaikan zakatnya.

(وَنِصَابُ الذَّهَبِ) الْخَالِصِ وَلَوْ غَيْرَ مَضْرُوبٍ (عَشْرُونَ مِثْقَالًا) بِالْإِجْمَاعِ يَوْزَنُ مَكَّةَ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ {الْمِكْيَالُ الْمَكِّيَّالُ الْمَدِينَةُ وَالْوَزْنُ وَزْنُ مَكَّةَ} . وَهَذَا الْمَقْدَارُ تَحْدِيدٌ فَلَوْ نَقَصَ فِي مِيزَانٍ وَتَمَّ فِي أُخْرَى فَلَا زَكَاةَ عَلَى الْأَصْحِحِّ لِلشَّكِّ فِي النِّصَابِ. وَالْمِثْقَالُ لَمْ يَتَّعَيَّرْ جَاهِلِيَّةً وَلَا إِسْلَامًا وَهُوَ اثْنَتَانِ وَسَبْعُونَ حَبَّةً. وَهِيَ شَعِيرَةٌ مُعْتَدَلَةٌ لَمْ تُقَسَّرْ وَقُطِعَ مِنْ طَرَفَيْهَا مَا دَقَّ وَطَالَ

89. (Nishab emas) yang murni walaupun belum dicetak (dua puluh mithqal) dengan ijmak dengan timbangan Makkah kerana sabda nabi s.a.w.m “penyukat itu penyukat Madinah dan timbang itu timbangan Makkah”. Kadar ini adalah tahdid. Maka kalau ia kurang pada satu timbang dan sempurna pada yang lain maka tidak ada zakat di atas yang paling sahih kerana syak pada nishab. Mithqal tidak berubah pada jahiliyah dan islam. Lanya tujuh puluh dua butiran iaitu syai’er yang sederhana yang tidak dibuangkan kulit dan dipotong dua hujungnya apa yang halus dan panjang.

(وَفِيهِ) أَي نِصَابِ الذَّهَبِ (رُبْعُ الْعَشْرِ وَهُوَ نِصْفُ مِثْقَالٍ) تَحْدِيدًا لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { لَيْسَ فِي أَقَلِّ مِنْ عَشْرِينَ دِينَارًا شَيْءٌ ، وَفِي عَشْرِينَ نِصْفُ دِينَارٍ } (وَفِيمَا زَادَ) عَلَى النِّصَابِ (بِحِسَابِهِ) وَلَوْ يَسِيرًا.

90. (Padanya) iaitu nishab emas (satu perempat satu persepuluh). Lanya setengah mithqal di atas jalan tahdid kerana sabda nabi s.a.w.m “tidak ada sesuatu pada yang kurang dari dua puluh dinar, dan pada dua puluh dinar setengah dinar”. (Dan pada apa yang lebih) di atas nishab (maka dengan dengan sekira-kiranya) walaupun sedikit.

(وَنِصَابُ الْوَرِقِ) وَهُوَ بِكَسْرِ الرَّاءِ الْفِضَّةُ وَلَوْ غَيْرَ مَضْرُوبَةٍ (مِائَتَا دِرْهَمٍ) خَالِصَةٌ بِوَزْنِ مَكَّةَ تَحْدِيدًا ، لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { لَيْسَ فِيهَا دُونَ خُمْسِ أَوَاقٍ مِنَ الْوَرِقِ صَدَقَةٌ } . وَالْأَوْقِيَّةُ بِضَمِّ الْهَمْزَةِ وَتَشْدِيدِ الْيَاءِ عَلَى الْأَشْهَرِ أَرْبَعُونَ دِرْهَمًا بِالنُّصُوصِ الْمَشْهُورَةِ وَالْإِجْمَاعِ ، قَالَهُ فِي الْمَجْمُوعِ .

91. (Nishab perak), "الْوَرِقُ" dengan kasrah ra' adalah perak walaupun yang tidak dicetak, (dua ratus dirham) yang murni dengan timbangan makkah di atas jalan tahdid, kerana sabda nabis awm "tidak ada sedekah pada apa yang kurang dari lima auqiah perak". "أَوْقِيَّةٌ" dengan dhammah hamzah dan tasydid ya' di atas yang lebih masyhur adalah empat puluh dirham dengan nas-nas yang masyhur dan ijmak. Mengatakannya Nawawi didalam Majmuk.

وَالْمُرَادُ بِالذَّرَاهِمِ الدَّرَاهِمُ الْإِسْلَامِيَّةُ الَّتِي كُلُّ عَشْرَةٍ مِنْهَا سَبْعَةٌ مِثْقَالٌ . وَكُلُّ عَشْرَةٍ مِثْقَالٌ أَرْبَعَةٌ عَشْرَ دِرْهَمًا وَسَبْعُونَ . وَكَانَتْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ مُخْتَلِفَةً ، ثُمَّ ضُرِبَتْ فِي زَمَنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ ، وَقِيلَ عَبْدُ الْمَلِكِ عَلَى هَذَا الْوِزْنِ . وَأَجْمَعَ الْمُسْلِمُونَ عَلَيْهِ .

92. Yang dikehendaki dengan dirham adalah dirham islami yang mana setiap sepuluh daripadanya tujuh mithqal, dan setiap sepuluh mithqal empat puluh tujuh dirham. Adalah ia pada jahiliyah berlain-lainan, kemudian dicetak ia pada zaman Umar r.a. dikatakan : zaman Abdul Malik di atas timbangan ini. Telah ijmak segala orang islam di atasnya.

وَوِزْنُ الدِّرْهَمِ سِتَّةُ دَوَانِقَ وَالدَّانِقُ ثَمَانُ حَبَّاتٍ وَخُمْسًا حَبَّةً ، فَالدِّرْهَمُ خَمْسُونَ حَبَّةً وَخُمْسًا حَبَّةً ، وَمَتَى زَيْدٌ عَلَى الدِّرْهَمِ ثَلَاثَةٌ أَسْبَاعُهُ كَانَ مِثْقَالًا وَمَتَى نَقْصٌ مِنَ الْمِثْقَالِ ثَلَاثَةٌ أَعْشَارِهِ كَانَ دِرْهَمًا لِأَنَّ الْمِثْقَالَ عَشْرَةُ أَسْبَاعٍ ، فَإِذَا نَقْصَ مِنْهَا ثَلَاثَةٌ بَقِيَ دِرْهَمٌ .

93. Timbangan dirham adalah enam danaq. Satu danaq lapan dan satu perlima butiran syei'r. Maka satu dirham itu lima puluh lima butiran syai'er. Bila ditambah di atas satu dirham tiga pertujuhnya adalah ia satu mithqal, dan bila kurang dari satu mithqal tiga persepuluhnya adalah ia satu dirham, kerana mithqal itu sepuluh kali satu pertujuh, maka apabila kurang tiga darinya tinggal satu dirham.

(وَفِيهَا) أَيِ الدَّرَاهِمِ الْمَذْكُورَةِ (رُبْعُ الْعُشْرِ) مِنْهَا . (وَهُوَ خُمْسَةُ دَرَاهِمٍ) لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { وَفِي الرِّقَّةِ رُبْعُ الْعُشْرِ } . (وَمَا زَادَ) عَلَى النِّصَابِ وَلَوْ يَسِيرًا (فَبِحِسَابِهِ) . وَالْفَرْقُ بَيْنَهُمَا وَبَيْنَ الْمَوَاشِي ضَرَرُ الْمَشَارِكَةِ .

94. (Padanya) iaitu dirham-dirham yang disebutkan itu (empat persepuluh) darinya. (Ianya lima dirham) kerana sabda nabi s.a.w.m "dan pada riqqah empat persepuluh". (Apa yang lebih) di atas nishab ini walaupun sedikit (maka dengan sekira-kiranya). Beza di antara keduanya dan di antara ternakkan adalah kemudharatan persyarikatan¹³.

وَالْمَعْنَى فِي ذَلِكَ أَنَّ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ مُعَدَّانِ لِلنَّمَاءِ كَالْمَاشِيَةِ السَّائِمَةِ . وَهُمَا مِنْ أَشْرَفِ نِعَمِ اللَّهِ تَعَالَى عَلَى عِبَادِهِ إِذْ بِهِمَا قِوَامُ الدُّنْيَا وَنِظَامُ أَحْوَالِ الْخَلْقِ ، فَإِنَّ حَاجَاتِ النَّاسِ كَثِيرَةٌ وَكُلُّهَا تَقْضَى بِهِمَا ، بِخِلَافِ غَيْرِهِمَا مِنَ الْأَمْوَالِ . فَمَنْ كَنَزَهُمَا فَقَدْ أَبْطَلَ الْحِكْمَةَ الَّتِي خُلِقَ لَهَا كَمَنْ حَبَسَ قَاضِيَ الْبَلَدِ وَمَنَعَهُ أَنْ يَقْضِيَ حَوَاجِ النَّاسِ .

95. Hikmah pada wajib zakat pada keduanya bahawa emas dan perak disediakan untuk pertambahan nilai sama seperti ternakkan yang makan dipadang, dan keduanya adalah yang paling mulia daripada ni'mat-ni'mat Allah taala ke atas hamba-hambaNya

¹³. persyarikatan dengan para fakir kalau kita katakan "apa yang lebih maka dengan sekira-kiranya".

kerana dengan keduanya terdiri urusan dunia dan tersusun keadaan makhluk, maka hajat-hajat manusia itu banyak dan semuanya perlu kepada keduanya, bersalahan harta-harta selain keduanya. Maka siapa yang tidak mengeluarkan zakatnya maka sungguh dia membatalkan hikmah yang keduanya dijadikan untuknya sama seperti orang yang memenjarakan qadhi satu tempat dan menegahnya dari menunaikan hajat-hajat orang ramai.

وَلَا يُكْمَلُ نِصَابُ أَحَدِ النَّقْدَيْنِ بِالْآخَرِ لِاخْتِلَافِ الْجِنْسِ كَمَا لَا يُكْمَلُ نِصَابُ التَّمْرِ بِالزَّبِيبِ . وَيُكْمَلُ الْجَيْدُ بِالرَّيِّءِ مِنَ الْجِنْسِ الْوَاحِدِ، وَعَكْسُهُ كَمَا فِي الْمَاشِيَةِ. وَالْمُرَادُ بِالْجُودَةِ النُّعُومَةُ وَنَحْوُهَا، وَبِالرَّدَاءَةِ الْخُسُونَةُ وَنَحْوُهَا. وَيُؤَخَذُ مِنْ كُلِّ نَوْعٍ بِقِسْطِهِ إِنْ سَهَّلَ الْأَخْذُ بِأَنْ قَلَّتْ أَنْوَاعُهُ. فَإِنْ كَثُرَتْ وَشَقَّ اعْتِبَارُ الْجَمِيعِ أُخِذَ مِنَ الْوَسْطِ كَمَا فِي الْمَعْشَرَاتِ.

96. Tidak disempurnakan nishab satu daripada dua duit itu dengan yang satu lagi kerana berlainan jenis sepertimana tidak disempurnakan nishab tamar dengan zabib. Disempurnakan yang elok kualiti dengan yang buruk berkualiti dari jenis yang satu dan 'akasnya. Yang dikehendaki dengan yang elok itu yang lembut dan umpamanya dan dengan yang buruk yang kasar dan umpamanya. Diambil dari setiap bagai dengan nisbahnya jika mudah mengambilnya dengan bahawa sedikit bagai-bagainya. Maka jika ianya banyak dan payah mengiktibarkan semuanya diambil yang sederhananya sepertimana pada pada satu persepuluh tanaman.

وَلَا يُجْزَى رَدِيءٌ عَنِ جَيْدٍ وَلَا مَكْسُورٌ عَنِ صَاحِحٍ كَمَا لَوْ أُخْرِجَ مَرِيضَةٌ عَنِ صَاحِحٍ. قَالُوا : وَيُجْزَى عَكْسُهُ، بَلْ هُوَ أَفْضَلُ لِأَنَّهُ زَادَ خَيْرًا . فَيُسَلِّمُ الْمُخْرِجُ الدِّينَارَ الصَّاحِحَ أَوْ الْجَيْدَ إِلَى مَنْ يُوَكِّلُهُ الْفُقَرَاءَ، مِنْهُمْ أَوْ مِنْ غَيْرِهِمْ.

97. Tidak memada yang buruk kualiti dari elok kualiti dan tidak yang pecah-pecah dari yang tak pecah sepertimana kalau dikeluarkan yang sakit dari yang sihat. Kata mereka : memada 'akasnya, bahkan ia terafdhal kerana ia lebih kebaikkkan. Maka orang yang mengeluarkan zakat menyerahkan dinar yang sahih atau yang elok kepada orang yang diwakilkan oleh para fakir, dari kalangan mereka atau dari kalangan selain mereka.

قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : وَإِنْ لَزِمَهُ نِصْفُ دِينَارٍ سَلَّمَ إِلَيْهِمْ دِينَارًا نِصْفُهُ عَنِ الزَّكَاةِ وَنِصْفُهُ يَبْقَى لَهُ مَعَهُمْ أَمَانَةٌ. ثُمَّ يَنْفَاصِلُ هُوَ وَهُمْ فِيهِ بِأَنْ يَبِيعُوهُ لِأَجْنَبِيٍّ وَيَتَقَاسَمُوا ثَمَنَهُ أَوْ يَشْتَرُوا مِنْهُ نِصْفَهُ، أَوْ يَشْتَرِي هُوَ نِصْفَهُمْ لِكِنْ يُكْرَهُ لَهُ شِرَاءُ صَدَقَتِهِ مِمَّنْ تَصَدَّقَ عَلَيْهِ. سِوَاءَ فِيهِ الزَّكَاةِ وَصَدَقَةِ التَّطَوُّعِ.

98. Katanya didalam Majmuk : jika melaziminya setengah dinar dia menyerahkan kepada mereka satu dinar, setengahnya dari zakat dan setengahnya kekal sebagai miliknya bersama mereka sebagai amanah. Kemudian dia dan mereka merincikannya dengan bahawa mereka menjualkannya kepada seorang lain dan mereka berbahagi-bahagi harganya atau mereka membeli darinya akan setengahnya atau dia membeli setengah mereka, akan tetapi makruh dia membeli sedekahnya daripada orang yang dia sedekahkan ke atasnya. Sama padanya zakat dan sedekah sunat.

وَلَا شَيْءٌ فِي الْمَغْشُوشِ وَهُوَ الْمُخْتَلَطُ بِمَا هُوَ أَدْوَنُ مِنْهُ كَذَهَبٍ بِفِضَّةٍ وَفِضَّةٍ بِنَحَاسٍ حَتَّى يَبْلُغَ خَالِصَهُ نِصَابًا. فَإِذَا بَلَغَهُ أُخْرِجَ الْوَاجِبُ خَالِصًا أَوْ مَغْشُوشًا خَالِصَهُ قَدْرُ الْوَاجِبِ وَكَانَ مُنْطَوِّعًا بِالنَّحَاسِ.

99. Tidak ada suatu pada yang tak murni iaitu yang bergaul dengan apa yang ianya lebih rendah darinya seperti emas dengan perak dan perak dengan tembaga hingga sampai yang murninya satu nishab. Maka apabila ia sampai nishab dia mengeluarkan

yang wajib dalam bentuk yang tulen atau bercampur yang mana yang tulennya kadar yang wajib dan adalah dia sukarela dengan tembaganya.

وَيُكْرَهُ لِلْإِمَامِ ضَرْبُ الْمَغْشُوشِ، لَخَبَرِ الصَّحِيحَيْنِ { مَنْ عَشَنَّا فَلَيْسَ مِنَّا }، وَلِنَلَّا يَغْتَنُّ بِهِ بَعْضُ النَّاسِ بَعْضًا. فَإِنْ عَلِمَ مَغْيَارُهَا صَحَّتْ الْمُعَامَلَةُ بِهَا. وَكَذَا إِذَا كَانَتْ مَجْهُولَةً عَلَى الْأَصْحَاحِ كَبَيْعِ الْعَالِيَةِ وَالْمَعْجُونَاتِ. وَيُكْرَهُ لِعَبْرِ الْإِمَامِ ضَرْبُ الدَّرَاهِمِ وَالِدَّنَانِيرِ وَلَوْ خَالِصَةً لِأَنَّهُ مِنْ شَأْنِ الْإِمَامِ وَلِأَنَّ فِيهِ أَفْتِيَاتًا عَلَيْهِ.

100. Makruh bagi imam mencetak emas atau perak yang tidak tulen kerana khabar dua kitab yang sahih “siapa yang mengecoh kita maka dia bukan dari kalangan kita”, dan supaya tidak mengecoh dengannya sebahagian orang akan sebahagian yang lain. Maka jika diketahui kadarnya sah mu’amalah dengannya begitu juga apabila ianya dijahilkan di atas yang paling sahih, sama seperti jualan ghaliyah¹⁴ dan makjun. Makruh bagi selain imam mencetak dirham dan dinar walaupun yang tulen kerana ia dari urusan imam, dan kerana padanya melampaui imam.

(وَلَا تَجِبُ فِي الْخُلِيِّ الْمُبَاحِ) مِنْ ذَهَبٍ أَوْ فِضَّةٍ كَخَلْخَالٍ لِامْرَأَةٍ (زَكَاتٌ) لِأَنَّهُ مُعَدٌّ لِاسْتِعْمَالِ مُبَاحٍ فَاشْتَبَهَ الْعَوَامِلُ مِنَ النَّعَمِ. وَيُرْكَى الْمَحْرَمُ مِنْ خُلِيِّ وَمِنْ غَيْرِهِ كَالْأَوَانِي بِالْإِجْمَاعِ، وَكَذَا الْمَكْرُوهُ كَالضَّبَّةِ الْكَبِيرَةِ مِنَ الْفِضَّةِ لِلْحَاجَةِ وَالصَّغِيرَةِ لِلزَّيْنَةِ. وَمِنْ الْمَحْرَمِ الْمِيلُ لِلْمَرْأَةِ وَغَيْرَهَا فَيُحْرَمُ عَلَيْهِمَا. نَعَمَ لَوْ اتَّخَذَ شَخْصًا مِيلًا مِنْ ذَهَبٍ أَوْ فِضَّةٍ لِجَلَاءِ عَيْنِهِ فَهُوَ مُبَاحٌ فَلَا زَكَاتَ فِيهِ.

101. (Tidak wajib pada barang kemas yang mubah) daripada emas atau perak seperti gelang tangan bagi perempuan (oleh zakat) kerana ia disediakan untuk penggunaan yang mubah maka ia menyerupai haiwan yang digunakan bekerja. Dizakatkan yang haram daripada barang kemas dan selainnya seperti bejana dengan ijmak. Begitu juga yang makruh seperti tampalan besar daripada perak kerana hajat dan yang kecil untuk perhiasan. Daripada yang haram adalah batang celak bagi perempuan dan selainnya maka haram ia di atas mereka. Na’am, kalau seorang membuat batang celak dari emas atau perak untuk menerangkan matanya maka ia mubah, maka tidak ada zakat padanya.

وَالسُّوَارُ وَالْخَلْخَالُ لِلْبَيْسِ الرَّجُلِ بَأَن يَقْصِدَهُ بِاتِّخَاذِهِمَا فَهُمَا مُحْرَمَانِ بِالْقَصْدِ . وَالْخُنْثَى فِي خُلِيِّ النِّسَاءِ كَالرَّجُلِ وَفِي خُلِيِّ الرَّجَالِ كَالْمَرْأَةِ اِحْتِيَاطًا لِلشُّكِّ فِي إِبَاحَتِهِ. فَلَوْ اتَّخَذَ الرَّجُلُ سُوَارًا مِثْلًا بِلَا قَصْدٍ لَا لِلْبَيْسِ وَلَا لِعَيْبِهِ أَوْ بِقَصْدِ إِجَارَتِهِ لِمَنْ لَهُ اسْتِعْمَالُهُ بِلَا كَرَاهَةٍ فَلَا زَكَاتَ فِيهِ لِانْتِفَاءِ الْقَصْدِ الْمُحْرَمِ وَالْمَكْرُوهِ. وَكَذَا لَوْ انْكَسَرَ الْخُلِيُّ الْمُبَاحُ لِاسْتِعْمَالٍ وَقَصْدِ إِصْلَاحِهِ وَأَمَكَّنَ بِلَا صَوْغٍ فَلَا زَكَاتَ أَيْضًا وَإِنْ دَامَ أَحْوَالًا لِذَوَامِ صُورَةِ الْخُلِيِّ أَوْ قَصْدِ إِصْلَاحِهِ.

102. Rantai tengkok dan gelang tangan untuk dipakai lelaki dengan bahawa seorang memaksudkannya dengan membuat keduanya maka keduanya haram dengan kasad. Khunsa pada perhiasan perempuan seperti lelaki dan pada perhiasan lelaki seperti perempuan kerana cermat kerana syak pada harusnya. Maka kalau lelaki membuat rantai tengkok sebagai contoh tanpa kasad tidak untuk dipakai dan tidak untuk selainnya atau dengan kasad menyewakannya kepada orang yang boleh menggunakannya tanpa karahah maka tidak ada zakat padanya kerana ternafi kasad yang haram dan yang makruh. Begitu juga kalau pecah perhiasan yang mubah penggunaannya dan dia berhasrat membaikinya dan ianya terboleh tanpa ditempa maka tidak ada zakat juga, sekalipun ia berterusan beberapa haul kerana berterusan rupa perhiasan itu dan hasrat membaikinya.

¹⁴. sejenis pewangi campuran kapur gaharu dan ambar.

وَحَيْثُ أَوْجَبْنَا الزَّكَاةَ فِي الْحُلِيِّ وَاخْتَلَفَتْ قِيمَتُهُ وَوَزْنُهُ فَالْعَبْرَةُ بِقِيمَتِهِ لَا بِوَزْنِهِ ، بِخِلَافِ الْمُحَرَّمِ لِعَيْنِهِ كَالَأَوَانِي، فَالْعَبْرَةُ بِوَزْنِهِ لَا بِقِيمَتِهِ. فَلَوْ كَانَ لَهُ حُلِيٌّ وَوَزْنُهُ مِائَتًا دِرْهَمٍ وَقِيمَتُهُ ثَلَاثُمِائَةَ تَخَيَّرَ بَيْنَ أَنْ يُخْرِجَ رُبْعَ عَشْرِهِ مَشَاعًا ثُمَّ يَبِيعَهُ السَّاعِي بِغَيْرِ جُنْسِهِ وَيَفَرِّقَ ثَمَنَهُ عَلَى الْمُسْتَحِقِّينَ، أَوْ يُخْرِجَ خُمْسَهُ مَصُوعَةً قِيمَتَهَا سَبْعَةً وَنِصْفًا نَقْدًا. وَلَا يَجُوزُ كَسْرُهُ لِيُعْطِيَ مِنْهُ خُمْسَةً مُكْسَرَةً لِأَنَّ فِيهِ ضَرَرًا عَلَيْهِ وَعَلَى الْمُسْتَحِقِّينَ. أَوْ كَانَ لَهُ إِنَاءٌ كَذَلِكَ تَخَيَّرَ بَيْنَ أَنْ يُخْرِجَ خُمْسَهُ مِنْ غَيْرِهِ أَوْ يُكْسِرَهُ وَيُخْرِجَ خُمْسَهُ أَوْ يُخْرِجَ رُبْعَ عَشْرِهِ مَشَاعًا.

103. Sekira-kira kita wajibkan zakat pada perhiasan dan berlainan nilainya dan timbangannya maka kiraan adalah dengan niainya bukan dengan timbangannya, bersalahan yang haram kerana 'ainnya seperti bejana maka kiraan adalah dengan timbangannya bukan dengan nilainya. Maka kalau seorang punya perhiasan yang beratnya dua ratus dirham dan nilainya tiga ratus dirham dia memilih di antara mengeluarkan suku satu persepuluh darinya di atas jalan umum, kemudian sai'e menjualnya dengan selain jenisnya dan membahagi-bahagikan harganya ke atas orang-orang yang berhak atau dia mengeluarkan lima yang ditempa* yang nilainya tujuh setengah nisbah duit¹⁵. Tidak harus memecahkannya untuk dia memberikan lima darinya dalam keadaan pecah kerana padanya kemudharatan di atasnya dan di atas yang berhak zakat. Atau ada baginya bejana yang seperti itu dia memilih di antara mengeluarkan lima dari selainnya atau dia memecahkannya dan mengeluarkan lima, atau dia mengeluarkan suku satu persepuluhnya di atas jalan umum.¹⁶

وَيَحْرُمُ عَلَى الرَّجُلِ حُلِيُّ الذَّهَبِ وَلَوْ فِي آلَةِ الْحَرْبِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { أَحَلَّ الذَّهَبَ وَالْحَرِيرَ لِأَنَابَتِي وَحَرَّمَ عَلَيَّ ذُكُورَهَا إِلَّا الْأَنْفَ إِذَا جُدِعَ فَإِنَّهُ يَجُوزُ أَنْ يَتَّخَذَ مِنَ الذَّهَبِ }، لِأَنَّ بَعْضَ الصَّحَابَةِ قَطَعَ أَنْفَهُ فِي عَزْوَةٍ فَاتَّخَذَ أَنْفًا مِنْ فِضَّةٍ فَاتَّخَذَ مِنْهَا، فَأَمَرَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يَتَّخَذَهُ مِنْ ذَهَبٍ، وَإِلَّا الْأَنْمَلَةَ فَإِنَّهُ يَجُوزُ اتِّخَاذُهَا لِمَنْ قَطَعَتْ مِنْهُ وَلَوْ لِكُلِّ أَصْبَعٍ مِنَ الذَّهَبِ قِيَاسًا عَلَى الْأَنْفِ، وَإِلَّا السِّنَّ فَإِنَّهُ يَجُوزُ لِمَنْ قَلَعَتْ سِنَّهُ اتِّخَاذَ سِنِّ مَنْ ذَهَبَ وَإِنْ تَعَدَّدَتْ قِيَاسًا أَيْضًا عَلَى الْأَنْفِ.

104. Haram di atas lelaki perhiasan emas walaupun pada alat perang kerana sabda nabi s.a.w.m “dihalalkan emas dan sutera bagi umat ku yang perempuan dan diharamkan ia ke atas lelaki”, melainkan hidung apabila ia rompong maka harus dibuat ia dari emas kerana sebahagian sahabat putus hidungnya didalam perang maka dia membuat hidung dari perak maka hidungnya membusuk, maka nabi s.a.w.m menyuruhnya membuat dari emas, dan melainkan ruas jari maka harus membuatnya daripada emas bagi orang yang putus jarinya walaupun bagi setiap jari kerana kias di atas hidung, dan melainkan gigi maka harus bagi orang yang tertanggal giginya membuat gigi dari emas sekalipun berbilang-bilang kerana kias di atas hidung juga.

وَيَحْرُمُ سَنُّ الْخَاتَمِ مِنَ الذَّهَبِ عَلَى الرَّجُلِ. وَهِيَ الشُّعْبَةُ الَّتِي يُسْتَمْسِكُ بِهَا الْفِصُّ. وَيَحِلُّ لِلرَّجُلِ مِنَ الْفِضَّةِ الْخَاتَمُ بِالْإِجْمَاعِ { وَلِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اتَّخَذَ خَاتَمًا مِنْ فِضَّةٍ }، بَلْ لُبْسُهُ سُنَّةٌ، سِوَاءَ كَانَ فِي الْيَمِينِ أَمْ فِي الْيَسَارِ، لَكِنَّ الْيَمِينَ أَفْضَلُ. وَالسُّنَّةُ أَنْ يُجْعَلَ الْفِصُّ مِمَّا يَلِي كَفَّهُ. وَلَا يُكْرَهُ لِلْمَرْأَةِ لُبْسُ خَاتَمِ الْفِضَّةِ.

105. Haram gigi cincin dari emas di atas lelaki. Ia adalah cabang yang dipegang mata cinggin dengannya. Halal bagi lelaki cincin daripada perak dengan ijmak “dan kerana nabi saw, membuat cincin dari perak” bahkan memakainya sunat samaada ianya pada kanan atau pada kiri, aka ntetapi yang kanan terafdhal. Sunnah bahawa dia menjadikan

¹⁵. iaitu dinar, kerana tujuh setengah itu suku satu persepuluh dari tiga ratus.

¹⁶. Wallahu a'lam.

batu cincin pada papa yang mengiringi tapak tangannya. Tidak makruh bagi perempuan memakai cincin perak.

تَنْبِيْهٌ : لَمْ يَتَعَرَّضْ الْأَصْحَابُ لِمِقْدَارِ الْخَاتَمِ الْمُبَاحِ . وَلَعَلَّهُمْ اِكْتَفَوْا فِيهِ بِالْعُرْفِ أَيْ عُرْفِ تِلْكَ الْبُلْدَةِ وَعَادَةٌ أَمْثَالِهِ فِيهَا، وَهَذَا هُوَ الْمُعْتَمَدُ، وَإِنْ قَالَ الْأَدْرَعِيُّ الصَّوَابُ ضَبَطَهُ بِدُونِ مِثْقَالٍ.

106. Tanbih. Ashab Syafi'e tidak menyentuh kadar cincin yang mubah. Barangkali mereka berpada padanya dengan 'uruf iaitu 'uruf tempatan dan adat orang yang sebandingnya padanya. Ini adalah yang muktamad, sekalipun kata Azrai'e : yang betul mendhabitnya dengan kurang dari satu mithqal.

وَلَوْ اتَّخَذَ الرَّجُلُ خَوَاتِمَ كَثِيرَةً لِيَلْبَسَ الْوَاحِدَ مِنْهَا بَعْدَ الْوَاحِدِ جَازَ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ وَأَصْلُهَا . فَإِنْ لَبَسَهُمَا مَعًا جَازَ مَا لَمْ يُؤَدَّ إِلَى إِسْرَافٍ كَمَا يُؤْخَذُ مِنْ كَلَامِهِمْ . وَلَوْ تَخْتَمَ الرَّجُلُ فِي غَيْرِ الْخَنْصِرِ جَازَ مَعَ الْكِرَاهَةِ فِي شَرْحِ مُسْلِمٍ.

232. Tempat sabit ramadhan dengan seorang adil adalah pada puasa. Kata Zarkasyi dan para pengikutnya : sama seperti sembahyang tarawih dan iktikaf dan ihram dengan umrah yang keduanya digantungkan dengan masuk ramadhan, tidak pada selain demikian itu seperti hutang yang ditempokkan dan jatuh talak dan merdeka haba yang digantungkan keduanya dengannya. Ini sepertimana kata Bughawi : jika menggantungkannya itu mendahului saksi. Maka kalau qadhi menghukumkan masuk ramadhan dengan saksi seorang adil kemudian kata seorang : jika sabit ramadhan maka hamba ku merdeka atau isteri ku tertalak, jatuh keduanya. Tempatnya juga

apabila ia tidak bergantung dengan orang yang menyaksikan, maka jika ia bergantung dengannya sabitlah ia kerana dia mengakuinya.

تَنْبِيْهٌ : يُضَافُ إِلَى الرَّؤْيَةِ وَإِكْمَالِ الْعِدَّةِ ظَنُّ دُخُولِهِ بِالْإِجْتِهَادِ عِنْدَ الْإِسْتِبَاهِ. وَالظَّاهِرُ كَمَا قَالَ الْأَدْرَعِيُّ أَنَّ الْأَمَارَةَ الدَّالَّةَ كَرُؤْيَةِ الْقَنَادِيلِ الْمُعَلَّقَةِ بِالْمَنَابِرِ فِي آخِرِ شَعْبَانَ فِي حُكْمِ الرَّؤْيَةِ.

233 . Tanbih. Disandarkan kepada nampak hilal dan sempurna bilangan sya'ban itu zan masuknya dengan ijthad di sisi kesamaran. Yang zahir sepertimana kata Azrai'e bahawa tanda-tanda yang menunjuk seperti nampak pelita yang digantungankan dimenara-menara pada akhir sya'ban adalah pada hukum nampak hilal.

وَلَا يَجِبُ الصَّوْمُ بِقَوْلِ الْمُنَجِّمِ وَلَا يَجُوزُ، وَلَكِنْ لَهُ أَنْ يَعْمَلَ بِحِسَابِهِ كَالصَّلَاةِ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ. وَقَالَ : إِنَّهُ لَا يُجْرئُهُ عَنْ فَرْضِهِ لَكِنْ صَحَّحَ فِي الْكِفَايَةِ أَنَّهُ إِذَا جَارَ أَجْرَاهُ. وَنَقَلَهُ عَنِ الْأَصْحَابِ، وَهَذَا هُوَ الظَّاهِرُ. وَالْحَاسِبُ وَهُوَ مَنْ يَعْتَمِدُ مَنَازِلَ الْقَمَرِ بِتَقْدِيرِ سَيْرِهِ فِي مَعْنَى الْمُنَجِّمِ. وَهُوَ مَنْ يَرَى أَنَّ أَوَّلَ الشَّهْرِ طُلُوعُ النَّجْمِ الْفَلَانِيِّ.

234 . Tidak wajib puasa dengan kata ahli bintang dan tidak harus, akan tetapi boleh dia beramal dengan kiraannya sama seperti sembahyang, sepertimana didalam Majmuk. Katanya : bahawa ia tidak memadainya dari fardhunya, akan tetapi dia sahkan didalam Kifayah bahawa apabila ianya harus ia memadainya. Dia menakalkannya dari ashab, yang mana ini adalah yang zahir. Ahli hisab itu adalah orang yang berpegang dengan manzilah bulan dengan andaian perjalanannya adalah pada makna ahli bintang, iaitu orang yang melihat bahawa awal bulan adalah terbit bintang yang tertentu.

وَلَا عِبْرَةٌ أَيْضًا بِقَوْلِ مَنْ قَالَ : أَخْبَرَنِي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّوْمِ بِأَنَّ اللَّيْلَةَ أَوَّلَ رَمَضَانَ فَلَا يَصِحُّ الصَّوْمُ بِهِ بِالْإِجْمَاعِ لِفَقْدِ ضَبْطِ الرَّائِي، لَا لِلشَّكِّ فِي الرَّؤْيَةِ.

235 . Tidak ada kiraan dengan kata orang yang berkata : nabi s.a.w.m mengkhabarkan aku didalam tidur ku dengan bahawa malam tadi awal ramadhan maka tidak sah puasa dengannya dengan ijmak kerana luput dhabit orang bermimpi itu tidak kerana syak pada mimpinya.

(وَشَرَائِطُ وَجُوبِ الصِّيَامِ) أَي صِيَامِ رَمَضَانَ (ثَلَاثَةٌ أَشْيَاءٌ) ، بَلْ أَرْبَعَةٌ كَمَا سَتَعْرِفُهُ. الْأَوَّلُ (الْإِسْلَامُ) وَلَوْ فِيمَا مَضَى، فَلَا يَجِبُ عَلَى الْكَافِرِ الْأَصْلِيِّ وَجُوبٌ مُطَالَبَةٌ كَمَا مَرَّ فِي الصَّلَاةِ. (وَ) الثَّانِي (الْبُلُوغُ) فَلَا يَجِبُ عَلَى صَبِيِّ كَالصَّلَاةِ، وَيُؤْمَرُ بِهِ لَسَبْعِ إِنْ أَطَاقَهُ، وَيَضْرَبُ عَلَى تَرْكِهِ لِعَشْرِ. (وَ) الثَّالِثُ (الْعَقْلُ) فَلَا يَجِبُ عَلَى مَجْنُونٍ إِلَّا إِذَا أْتَمَّ بِمُزِيلِ عَقْلِهِ مِنْ شَرَابٍ أَوْ غَيْرِهِ فَيَجِبُ وَيَلْزَمُهُ قَضَاؤُهُ بَعْدَ الْإِفَاقَةِ.

236 . (Syarat-syarat wajib puasa) iaitu puasa ramadhan (tiga perkara) bahkan empat sepertimana kamu akan tahu.

- Pertamanya: (**islam**) walaupun pada apa yang telah lalu, maka tidak wajib ia di atas kafir asli sebagai wajib tuntutan sepertimana yang telah lalu pada sembahyang.
- Keduanya: (**baligh**) maka ia tidak wajib di atas kanak-kanak seperti sembahyang. Disuruh dia dengannya pada tujuh tahun jika dia mampu mananggungnya, dan dipukul dia di atas meninggalkannya pada sepuluh tahun.
- Ketiganya: (**akal**) maka tidak wajib ia di atas orang gila melainkan apabila dia berdosa dengan perkara yang menghilangkan akalanya daripada minuman atau selainnya, maka wajib ia dan lazim dia mengkadahnya selepas siumannya.

وَالشَّرْطُ الرَّابِعُ الَّذِي تَرَكَهُ الْمُصَنِّفُ إِطَاقَةَ الصَّوْمِ، فَلَا يَجِبُ عَلَى مَنْ لَمْ يُطِيقْ حِسًّا أَوْ شَرْعًا لِكِبَرٍ أَوْ مَرَضٍ لَا يَرْجَى بُرُؤُهُ أَوْ حَيْضٍ أَوْ نَحْوِهِ.

237. Syarat keempat yang ditinggalkan musannif : mampu menanggung puasa, maka tidak wajib ia di atas orang yang tidak mampu menanggungnya pada hissi dan pada syara' dengan tua atau sakit yang tidak diharapkan sembuhnya atau haid atau umpamanya.

. تَنْبِيْهٌ : سَكَتَ الْمُصَنِّفُ عَنْ شُرُوطِ الصَّحَّةِ . وَهِيَ أَرْبَعَةٌ أَيْضًا : إِسْلَامٌ وَعَقْلٌ وَنَقَاءٌ عَنْ حَيْضٍ وَنِفَاسٍ، وَوَقْتُ قَابِلٌ لَهُ لِيُخْرَجَ الْعِيدَانِ وَالتَّشْرِيقُ كَمَا سَيَأْتِي.

238. Tanbih. Musannif diam dari syarat-syarat sahnya. Lanya empat juga : islam dan akal dan niqa' dari haid dan nifas dan wiladah, dan waktu yang menerimanya, supaya keluar dua raya dan hari-hari tasyrik sepertimana akan datang.

(وَفَرَانِضُ الصَّوْمِ أَرْبَعَةٌ أَشْيَاءٌ) الْأَوَّلُ (النِّيَّةُ) لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ } وَمَحَلُّهَا الْقَلْبُ، وَلَا تَكْفِي بِاللِّسَانِ قَطْعًا وَلَا يُشْتَرَطُ التَّلَفُّظُ بِهَا قَطْعًا كَمَا قَالَهُ فِي الرَّوْضَةِ.

239. (Fardhu-fardhu puasa itu empat). Pertamanya (niat) kerana sabda nabi s.a.w.m "hanyalah amalan itu dengan niat". Tempatnya hati. Tidak memadai ia pada lidah dengan jazam dan tidak disyaratkan berlafaz dengannya dengan jazam sepertimana apa yang dikatakan didalam Raudhah.

تَنْبِيْهٌ : ظَاهِرُ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ أَنَّهُ لَوْ تَسَحَّرَ لِيَتَّقَوِي عَلَى الصَّوْمِ لَمْ يَكُنْ نِيَّةً . وَبِهِ صَرَاحٌ فِي الْعِدَّةِ . وَالْمُعْتَمَدُ أَنَّهُ لَوْ تَسَحَّرَ لِيَصُومَ أَوْ شَرِبَ لِدَفْعِ الْعَطَشِ نَهَارًا أَوْ اِمْتَنَعَ مِنَ الْأَكْلِ أَوْ الشَّرْبِ أَوْ الْجَمَاعِ خَوْفَ ظُلُوعِ الْفَجْرِ كَانَ ذَلِكَ نِيَّةً إِنْ خَطَرَ بِبَالِهِ الصَّوْمُ بِالصِّغَاتِ الَّتِي يُشْتَرَطُ التَّعَرُّضُ لَهَا لِتَضَمَّنِ كُلٌّ مِنْهَا قَصْدَ الصَّوْمِ.

240. Tanbih. Zahir kalam musannif bahawa kalau seorang bersahur untuk menguatkan tubuh di atas puasa tidak adalah ia menjadi niat. Dengannya dia jelaskan didalam 'Iddah. Yang muktamad bahawa kalau dia bersahur untuk puasa atau minum untuk mengelakkan dahaga pada siangnya atau dia enggan makan atau minum atau jimak kerana takutkan terbit fajar adalah demikian itu menjadi niat jika terlintas didalam hatinya puasa dengan sifat-sifat yang disyaratkan disentuh kerana setiap demikian itu mengandungi kasad puasa.

وَيُشْتَرَطُ لِفَرَضِ الصَّوْمِ مِنْ رَمَضَانَ أَوْ غَيْرِهِ كَقَضَاءٍ أَوْ نَذْرِ التَّنْبِيْهِ . وَهُوَ إِبْقَاعُ النِّيَّةِ لَيْلًا لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { مَنْ لَمْ يَبْيِثِ النِّيَّةَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ } . وَلَا بَدَأَ مِنَ التَّنْبِيْهِ لِكُلِّ يَوْمٍ لظَاهِرِ الْخَبَرِ، لِأَنَّ صَوْمَ كُلِّ يَوْمٍ عِبَادَةٌ مُسْتَقِلَّةٌ لِتَحَلُّلِ الْيَوْمِ بِمَا يَنَاقِضُ الصَّوْمَ كَالصَّلَاةِ يَتَخَلَّلُهَا السَّلَامُ.

241. Disyaratkan memalamkan niat untuk puasa fardhu daripada ramadhan atau selainnya seperti kadha atau nazar. Ia adalah menjatuhkan niat pada malam kerana sabda nabi s.a.w.m "siapa yang tidak memalamkan niat puasa sebelum fajar maka tidak ada puasa baginya". Tidak dapat tidak dari memalamkan niat itu bagi setiap hari kerana zahir khabar itu, kerana puasa setiap hari adalah iadat yang tersendiri kerana diselangi siang dengan apa yang melawani puasa sama seperti sembahyang diselangi oleh salam.

وَالصَّبِيُّ فِي تَنْبِيْهِ النِّيَّةِ لِصِحَّةِ صَوْمِهِ كَأَبَالِغِ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ وَلَيْسَ عَلَى أَصْلَانَا صَوْمٌ نَفْلٌ يُشْتَرَطُ فِيهِ التَّنْبِيْهِ إِلَّا هَذَا . وَلَا يُشْتَرَطُ لِلتَّنْبِيْهِ النِّصْفُ الْأَخِيرُ مِنَ اللَّيْلِ، وَلَا يَضُرُّ الْأَكْلُ وَالْجَمَاعُ بَعْدَهَا . وَلَا يَجِبُ تَجْدِيدُهَا إِذَا نَامَ بَعْدَهَا ثُمَّ تَنَبَّهَ لَيْلًا.

242. Kanak-kanak pada memalamkan niat supaya sah puasanya adalah seperti yang baligh sepertimana didalam Majmuk. Tidak ada di atas kaedah kita puasa sunat yang disyaratkan padanya memalamkan niat melainkan ini. Tidak disyaratkan bagi memalamkannya setengah yang akhir daripada malam. Tidak memudharatkan makan

dan jimak selepasnya dan tidak wajib membaharuinya apabila dia tidur selepasnya kemudian dia terjaga pada malam itu.

وَيَصِحُّ النَّفْلُ بِنِيَّةٍ قَبْلَ الزَّوَالِ . وَيُسْتَرْطُ حُصُولُ شَرْطِ الصَّوْمِ مِنْ أَوَّلِ النَّهَارِ بِأَنْ لَا يَسْبِقَهَا مُنَافٍ لِلصَّوْمِ كَكُفْرٍ وَجَمَاعٍ.

243. Sah puasa sunat dengan niat sebelum zawal. Disyaratkan terhasil syarat puasa dari awal siang dengan bahawa tidak mendahuluinya perkara yang menafikan puasa seperti kufur dan jimak.

(وَ) الثَّانِي (تَعْيِينُ النِّيَّةِ) فِي الْفَرَضِ بِأَنْ يَنْوِي كُلَّ لَيْلَةٍ أَنَّهُ صَائِمٌ عَدَا عَنْ رَمَضَانَ أَوْ عَنْ نَذْرٍ أَوْ عَنْ كَفَّارَةٍ لِأَنَّهُ عِبَادَةٌ مُضَافَةٌ إِلَى وَقْتٍ فَوْجَبَ التَّعْيِينَ فِي نِيَّتِهَا كَالصَّلَوَاتِ الْخَمْسِ، وَخَرَجَ بِالْفَرَضِ النَّفْلُ فَإِنَّهُ يَصِحُّ بِنِيَّةٍ مُطْلَقَةٍ.

244. Keduanya : (menentukan niat) pada puasa fardhu dengan bahawa dia niatkan setiap malam bahawa dia berpuasa esok hari dari ramadhan atau dari nazar atau dari kifarfat kerana ia ibadat yang disandarkan kepada waktu, maka wajib menentukan pada niatnya sama seperti sembahyang lima waktu. Keluar denan fardhu oleh puasa sunat maka ia sah dengan niat yang semata-mata.

فَإِنْ قِيلَ : قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : هَكَذَا أَطْلَقَهُ الْأَصْحَابُ. وَيَنْبَغِي اشْتِرَاطُ التَّعْيِينِ فِي الصَّوْمِ الرَّاتِبِ كَعَرَفَةِ وَعَاشُورَاءَ وَأَيَّامِ الْبَيْضِ وَسَنَةِ مِنْ شَوَّالٍ كَرَوَاتِبِ الصَّلَاةِ! أَجِيبُ بِأَنَّ الصَّوْمَ فِي الْأَيَّامِ الْمَذْكُورَةِ مُنْصَرَفٌ إِلَيْهَا، بَلْ لَوْ نَوَى بِهَا غَيْرَهَا حَصَلَ أَيْضًا كَتَحِيَّةِ الْمَسْجِدِ، لِأَنَّ الْمَقْصُودَ وَجُودَ صَوْمِهَا.

245. Maka jika dikatakan : kata Nawawi didalam majmuk : beginilah yang diitlakkan ashab Syafi'e, dan sayugia mensyaratkan penentuan ini pada puasa ratib seperti Arafah dan Asyura dan hari-hari putih dan enam hari pada syawal, sama seperti rawatib sembahyang! Aku jawab dengan bahawa puasa pada hari-hari yang disebutkan itu terpaling kepadanya bahkan kalau dia niatkan padanya akan selainnya terhasil ia juga sama seperti tahiyat masjid kerana yang dimaksudkan adalah ujud puasa padanya.

تَنْبِيْهُ : قَضِيَّةٌ سَكُوتِ الْمُصَنِّفِ عَنِ التَّعَرُّضِ لِلْفَرَضِيَّةِ أَنَّهُ لَا يُشْتَرَطُ التَّعَرُّضُ لَهَا ، وَهُوَ كَذَلِكَ كَمَا صَحَّحَهُ فِي الْمَجْمُوعِ تَبَعًا لِلْأَكْثَرِينَ، وَإِنْ كَانَ مُقْتَضَى كَلَامِ الْمُنْهَاجِ الْإِشْتِرَاطُ. وَالْفَرْقُ بَيْنَ صَوْمِ رَمَضَانَ وَبَيْنَ الصَّلَاةِ أَنَّ صَوْمَ رَمَضَانَ مِنَ الْبَالِغِ لَا يَقَعُ إِلَّا فَرَضًا، بِخِلَافِ الصَّلَاةِ فَإِنَّ الْمُعَادَةَ تَقَعُ فِي الْجُمُعَةِ بِأَنْ يُصَلِّيَهَا فِي مَكَانٍ تَمَّ يَدْرِكُ جَمَاعَةً فِي أُخْرَى يُصَلُّونَهَا فَيُصَلِّيَهَا مَعَهُمْ فَإِنَّهَا تَقَعُ لَهُ نَافِلَةٌ.

246. Tanbih. Kehendak diam musannif dari menyentuh kefardhuan puasa bahawa tidak disyaratkan menyentuhnya yang mana ia seperti itu sepertimana disahkan didalam Majmuk kerana mengikut kebanyakan ulamak. Sekalipun kehendak kalam Minhaj mensyaratkannya. Beza di antara puasa ramadhan dan di antara sembahyang bahawa puasa ramadhan dari seorang yang baligh tidak jatuh melainkan fardhu, bersalahan sembahyang maka sembahyang ulangan adalah sunat. Tergambar demikian itu pada jumaat dengan bahawa dia sembahyangkannya pada satu tempat kemudian dia mendapat jamaah pada tempat lain yang sembahyang jumaat maka dia sembahyang bersama mereka maka ia jatuh sunat baginya.

وَلَا يُشْتَرَطُ تَعْيِينُ السَّنَةِ كَمَا لَا يُشْتَرَطُ الْأَدَاءُ لِأَنَّ الْمَقْصُودَ مِنْهُمَا وَاحِدٌ . وَلَوْ نَوَى لَيْلَةَ الثَّلَاثِينَ مِنْ شَعْبَانَ صَوْمَ عَدِّ عَنْ رَمَضَانَ إِنْ كَانَ مِنْهُ فَكَانَ مِنْهُ لَمْ يَقَعْ عَنْهُ، إِلَّا إِذَا اعْتَقَدَ كَوْنَهُ مِنْهُ لِقَوْلِ مَنْ يَثِقُ بِهِ مِنْ عَبْدٍ أَوْ امْرَأَةٍ أَوْ فَاسِقٍ أَوْ مُرَاهِقٍ فَيَصِحُّ وَيَقَعُ عَنْهُ.

247. Tidak disyaratkan penentuan tahun sepertimana tidak disyaratkan tunai kerana yang dimaksudkan dari keduanya adalah satu. Kalau dia niatkan pada malam tiga puluh sya'ban puasa esok hari dari ramadhan jika ia darinya maka adalah ia darinya tidak jatuh puasa itu darinya melainkan apabila dia iktikadkan keadaan esok hari itu darinya kerana kata orang yang dia yakini daripada hamba atau perempuan atau fasik atau murahiq maka sah ia dan jatuh ia darinya.

قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : فَلَوْ نَوَى صَوْمَ عِدِّ نَفْلًا إِنْ كَانَ مِنْ شَعْبَانَ وَإِلَّا فَمِنْ رَمَضَانَ، وَلَا أَمَارَةَ، فَبَانَ مِنْ شَعْبَانَ صَحَّ صَوْمُهُ نَفْلًا لِأَنَّ الْأَصْلَ بِقَاؤُهُ. وَإِنْ بَانَ مِنْ رَمَضَانَ لَمْ يَصِحَّ فَرَضًا وَلَا نَفْلًا. وَلَوْ نَوَى لَيْلَةَ الثَّلَاثِينَ مِنْ رَمَضَانَ صَوْمَ عِدِّ إِنْ كَانَ مِنْ رَمَضَانَ أَجْرَاهُ إِنْ كَانَ مِنْهُ لِأَنَّ الْأَصْلَ بِقَاؤُهُ.

248. Kata Nawawi didalam Majmuk : maka kalau dia niatkan puasa esok hari sebagai sunat jika ianya dari sya'ban, jika tidak maka dari ramadhan, dan tidak ada tanda maka nyata ia dari bulan sya'ban sah puasanya sebagai sunat kerana asalnya kekal sya'ban. Jika nyata ia dari ramadhan tidak sah ia sebagai fardhu dan tidak sebagai sunat. Kalau dia niat pada malam tiga puluh ramadhan puasa esok hari jika ia dari ramadhan ia memadainya jika ia darinya kerana asalnya kekal ramadhan.

(وَ) الثَّلَاثُ (الْإِمْسَاكَ عَنْ) كُلِّ مُفْطِرٍ مِنْ (الْأَكْلِ وَالشُّرْبِ وَالْجِمَاعِ) وَلَوْ بَعِيرٍ أَنْزَالَ وَلِقَوْلِهِ تَعَالَى { أَجَلٌ لَكُمْ لَيْلَةَ الصِّيَامِ الرَّفَثِ إِلَى نِسَائِكُمْ } وَالرَّفَثُ الْجِمَاعُ (وَ) عَنْ (تَعَمُّدِ الْفِيءِ)، وَإِنْ تَيَقَّنَ أَنَّهُ لَمْ يَرْجِعْ شَيْءٌ إِلَى جَوْفِهِ لِمَا سَيَأْتِي.

249. Yang ketiganya : **(menahan diri dari)** setiap yang membatalkan puasa daripada **(makan dan minum dan jimak)** walaupun dengan selain inzal, dan kerana firman Allah taala “dihalalkan rafath i.e jimak bagi kamu pada malam puasa dengan isteri kamu”. “rafath” adalah jimak. dan dari **(sengaja muntah)** sekalipun dia yakin bahawa tidak kembali suatu kepada rongganya kerana apa yang akan datang.

(وَ) الرَّابِعُ مِنَ الشُّرُوطِ (مَعْرِفَةُ طَرْفِي النَّهَارِ) يَقِينًا أَوْ ظَنًّا لِتَحَقُّقِ إِمْسَاكَ جَمِيعِ النَّهَارِ.

250. Yang keempat daripada syarat-syaratnya **(mengetahui dua hujung siang)** dengan yakin atau dengan zan kerana terpasti menahan diri pada semua siang.

تَنْبِيْهُ : انْفَرَدَ الْمُصَنِّفُ بِهَذَا الرَّابِعِ . وَكَأَنَّهُ أَخَذَهُ مِنْ قَوْلِهِمْ : لَوْ نَوَى بَعْدَ الْفَجْرِ لَمْ يَصِحَّ صَوْمُهُ، أَوْ أَكَلَ مُعْتَقِدًا أَنَّهُ لَيْلٌ وَكَانَ قَدْ طَلَعَ الْفَجْرُ لَمْ يَصِحَّ أَيْضًا. وَكَذَا لَوْ أَكَلَ مُعْتَقِدًا أَنَّ اللَّيْلَ دَخَلَ فَبَانَ خِلَافَهُ لَزِمَهُ الْقَضَاءُ.

251. Tanbih. Musannif bersendirian dengan yang keempat ini. Seolah-olah dia mengambil dari kata mereka : kalau dia berniat selepas fajar tidak sah puasanya, atau makan dengan mengiktikadkan bahawa ianya malam sedangkan fajar telah terbit, tidak sah juga. Begitu juga kalau dia makan dengan mengiktikadkan bahawa malam telah masuk maka ternyata menyalahinya, lazim dia mengkadha.

وَحَاصِلُ ذَلِكَ أَنَّهُ إِذَا أَفْطَرَ أَوْ تَسَحَّرَ بِلَا تَحَرٍّ وَلَمْ يَتَيَّنَّ الْحَالُ صَحَّ فِي تَسَحُّرِهِ لَا فِي إِفْطَارِهِ لِأَنَّ الْأَصْلَ بِقَاءِ اللَّيْلِ فِي الْأَوَّلَى وَالنَّهَارِ فِي الثَّانِيَةِ. فَإِنْ بَانَ الصَّوَابُ فِيهِمَا صَحَّ صَوْمُهُمَا أَوْ الْغَلَطُ فِيهِمَا لَمْ يَصِحَّ.

252. Hasil demikian itu bahawa apabila dia berbuka atau bersahur tanpa memeriksa waktu dan tidak nyata keadaannya sah ia pada bersahurnya tidak pada berbukanya kerana asalnya kekal malam pada yang pertama dan kekal siang pada yang kedua. Maka jika nyata yang betul pada keduanya sah puasa keduanya atau salah pada keduanya tidak sah ia.

وَلَوْ طَلَعَ الْفَجْرُ وَفِي فَمِهِ طَعَامٌ فَلَمْ يَبْلَعْ شَيْئًا مِنْهُ بِأَنْ طَرَحَهُ أَوْ أَمْسَكَهُ بِفِيهِ صَحَّ صَوْمُهُ، أَوْ كَانَ طَلُوعَ الْفَجْرِ مُجَامِعًا فَتَزَعَّ حَالًا صَحَّ صَوْمُهُ، وَإِنْ أَنْزَلَ لِتَوَلُّدِهِ مِنْ مُبَاشَرَةٍ مُبَاحَةٍ.

253. Kalau terbit fajar sedang pada mulutnya ada makanan maka dia tidak menelan suatu darinya dengan bahawa dia meluakannya atau menahannya didalam mulutnya sah puasanya, atau adalah dia pada ketika terbit fajar sedang berjimak maka dia mencabut ketika itu juga sah puasanya, sekalipun dia inzal kerana ia terjadi dari mubasyarah yang mubah.

وَالَّذِي يَفْطُرُ بِهِ الصَّائِمُ عَشْرَةَ أَشْيَاءَ (الْأَوَّلُ (مَا وَصَلَ) مِنْ عَيْنٍ، وَإِنْ قَلَّتْ كَسْمِسِمَةٍ (عَمْدًا) مُخْتَارًا عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ (إِلَى) مُطْلَقٍ (الْجَوْفِ) مِنْ مَنْفَذٍ مَفْتُوحٍ سِوَاءَ كَانِ يُحِيلُ الْغِذَاءَ أَوْ الدَّوَاءَ أَمْ لَا كِبَاطِنِ الْحَلْقِ وَالْبَطْنِ وَالْأَمْعَاءِ (وَ) بَاطِنِ (الرَّأْسِ)، لِأَنَّ الصَّوْمَ هُوَ الْإِمْسَاكُ عَنِ كُلِّ مَا يَصِلُ إِلَى الْجَوْفِ.

254. (Yang batal puasa dengannya sepuluh perkara). Pertamanya (apa yang sampai) daripada ain sekalipun sedikit seperti sebiji bijan (dengan sengaja) lagi dengan pilihan dan tahukan haramnya (ke) semata-mata (rongga) daripada saluran yang terbuka samaada rongga itu mengubah makanan atau ubat atau tidak seperti batin halkum dan perut dan usus (dan batin kepala) kerana puasa adalah menahan diri dari setiap apa yang sampai ke rongga.

فَلَا يَضُرُّ وَصُولُ دُهْنٍ أَوْ كُحْلِ بِشَرْبِ مَسَامِ جَوْفِهِ، كَمَا لَا يَضُرُّ اغْتِسَالُهُ بِالْمَاءِ، وَإِنْ وَجَدَ أَثْرًا بِبَاطِنِهِ. وَلَا يَضُرُّ وَصُولُ رِيْقِهِ مِنْ مَعْدِنِهِ جَوْفَهُ أَوْ وَصُولُ ذُبَابٍ أَوْ بَعُوضٍ أَوْ عُبَارٍ طَرِيقٍ أَوْ عَرْبَلَةٍ دَقِيقٍ جَوْفَهُ لِتَعَسَّرِ التَّحَرُّزِ عَنْهُ. وَالتَّقْطِيرُ فِي بَاطِنِ الْأُذُنِ مُفْطِرٌ.

255. Maka tidak memudharatkan sampai minyak atau celak dengan diserap liang roma kepada rongganya sepertimana tidak memudharatkan mandi dengan air sekalipun didapati kesan pada batinnya. Tidak memudharatkan sampai air liurnya yang dari lombongnya kepada rongganya atau sampai lalat atau nyamuk atau debu jalan atau debu tepung yang diayak kerongganya kerana payah memelihara darinya. Menitikkan air pada batin telinga membatalkan.

وَلَوْ سَبَقَ مَاءَ الْمَضْمَضَةِ أَوْ الْإِسْتِنْشَاقِ إِلَى جَوْفِهِ نُظِرَ إِنْ بَالَعَ أَفْطَرَ، وَإِلَّا فَلَا. وَلَوْ بَقِيَ طَعَامٌ بَيْنَ أَسْنَانِهِ فَجَرَى بِهِ رِيْقُهُ مِنْ غَيْرِ قَصْدٍ لَمْ يَفْطُرْ إِنْ عَجَزَ عَنْ تَمْيِيزِهِ وَمَجِّهِ لِأَنَّهُ مَعْدُورٌ فِيهِ غَيْرَ مَفْرُطٍ. وَلَوْ أَوْجَرَ كَأَنَّ صَبَّ مَاءٍ فِي حَلْقِهِ مُكْرَهًا لَمْ يَفْطُرْ. وَكَذَا إِنْ أَكْرَهَ حَتَّى أَكَلَ أَوْ شَرِبَ لِأَنَّ حُكْمَ اخْتِيَارِهِ سَاقِطٌ. وَإِنْ أَكَلَ نَاسِيًا لَمْ يَفْطُرْ، وَإِنْ كَثُرَ لِحَبْرِ الصَّحِيحِينَ } مِنْ نَسِيٍّ وَهُوَ صَائِمٌ فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ فَلَيْتَمَ صَوْمَهُ فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللَّهُ وَسَقَاهُ }.

256. Kalau terlancair air madhmadhah atau istinsyaq kerongganya ditilik jika dia mendalami ia membatalkan, jika tidak maka tidak. Kalau tinggal makanan di antara gigi-giginya maka mengalir air liurnya dengannya tanpa kasad ia tidak membatalkan jika dia lemah dari membezakannya dan meluakannya kerana dia diuzurkan padanya dalam keadaan dia tidak cuai. Kalau dilalukan air seperti dituangkan air pada halkumnya dengan dipaksakan ia tidak membatalkan. Begitu juga jika dia dipaksa hingga sampaikan makan atau minum kerana hukum pilihannya gugur. Jika dia makan dalam keadaan lupa ia tidak membatalkan sekalipun banyak kerana khabar dua kitab yang sahih “siapa yang lupa sedang dia puasa maka dia makan atau minum maka hendaklah dia sempurnakan puasanya, hanya Allah memberinya makan dan memberinya minum”.

وَالثَّانِي الْحَقْنَةُ وَهِيَ بَضْمُ الْمُهِمَّةِ إِدْخَالَ دَوَاءٍ أَوْ نَحْوِهِ مِنَ الدُّبْرِ فَتَعْبِيرُهُ بِأَنَّهَا (مِنْ أَحَدِ السَّبَبَيْنِ) فِيهِ تَجَوُّزٌ. فَالْتَفْطِيرُ فِي بَاطِنِ الْأَحْلِيلِ وَإِدْخَالُ عَوْدٍ أَوْ نَحْوِهِ فِيهِ مُفْطِرٌ. وَكَالْحَقْنَةِ دُخُولُ طَرْفِ أُصْبُعٍ فِي الدُّبْرِ حَالَةَ الْإِسْتِنْجَاءِ فَيُفْطِرُ بِهِ إِلَّا أَنْ أَدْخَلَ الْمَبْسُورُ مَقْعَدَتَهُ بِأُصْبُعِهِ فَلَا يُفْطِرُ بِهِ كَمَا صَحَّحَهُ الْبُغْوِيُّ لِاضْطِرَارِهِ إِلَيْهِ.

257. Yang keduanya huqnah. Lanya dengan dhammah ha' adalah memasukkan ubat atau umpamanya dari dubur. Maka ibarat musannif dengan bahawa ia (**dari satu dari dua jalan**) bermudah-mudah. Maka menitikkan ubat pada batin lubang zakar dan memasukkan kayu atau umpamanya kedalamnya membatalkan. Seperti huqnah masuk hujung jari pada dubur ketika istinja' maka batal puasa dengannya melainkan jika orang yang sakit buasir memasukkan maq'adnya dengan jarinya maka tidak batal puasa dengannya sepertimana yang disahkan Bughawi kerana terdesak dia kepadanya.

(وَ) الثَّلَاثُ (الْقِيءُ عَمْدًا) ، وَإِنْ تَيَقَّنَ أَنَّهُ لَمْ يَرْجِعْ مِنْهُ شَيْءٌ إِلَى الْجَوْفِ كَانَ تَقَايَا مُنْكَسًا لَخَبْرِ ابْنِ حَبَّانٍ وَغَيْرِهِ { مَنْ دَرَعَهُ الْقِيءُ أَيْ غَلَبَهُ وَهُوَ صَانِمٌ فَلَيْسَ عَلَيْهِ قَضَاءٌ ، وَمَنْ اسْتَقَى فَلْيَقْضِ } . وَخَرَجَ بِقَوْلِهِ عَمْدًا مَا لَوْ كَانَ نَاسِيًا . وَلَا بُدَّ أَنْ يَكُونَ عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ مُخْتَارًا لِذَلِكَ . فَإِنْ كَانَ جَاهِلًا لِقُرْبِ عَهْدِهِ بِالْإِسْلَامِ أَوْ نَشَأَ بَعِيدًا عَنِ الْعُلَمَاءِ أَوْ مَكْرَهَا لَمْ يُفْطِرْ كَمَا لَوْ غَلَبَهُ الْقِيءُ .

258. Ketiganya (**muntah dengan sengaja**) sekalipun dia yakin bahawa tidak kembali darinya sesuatu kepada rongganya seperti bahawa dia muntah menonggeng kerana khabar Ibnu Hibban dan selainnya "siapa yang digagahi muntah sedang dia puasa maka tidak ada kadha di atasnya dan siapa yang sengaja muntah maka hendaklah dia mengkadha". Keluar dengan katanya "sengaja" oleh keadaan kalau dia lupa. Tidak dapat tidak bahawa dia tahukan haramnya lagi memilih demikian itu. Maka jika dia jahil kerana baru dengan islam atau membesar jauh dari ulamak atau dipaksa ia tidak membatalkan sepertimana kalau digagahi muntah.

وَكَذَا لَوْ افْتَلَحَ نُخَامَةً مِنَ الْبَاطِنِ وَرَمَاهَا ، سَوَاءً افْتَلَعَهَا مِنْ دِمَاعِهِ أَوْ مِنْ بَاطِنِهِ ، لِأَنَّ الْحَاجَةَ إِلَى ذَلِكَ تَتَكَرَّرُ. فَلَوْ نَزَلَتْ مِنْ دِمَاعِهِ وَحَصَلَتْ فِي حَدِّ الظَّاهِرِ مِنَ الفَمِّ وَهُوَ مَخْرَجُ الخَاءِ الْمُعْجَمَةِ وَكَذَا الْمُهِمَّةُ عَلَى الرَّاحِ فِي الرِّوَابِدِ فَلْيَقْطَعْهَا مِنْ مَجْرَاهَا وَلْيَمْجَّهَا إِنْ أَمَكَنَ. فَإِنْ تَرَكَهَا مَعَ الْفُدْرَةِ عَلَى ذَلِكَ فَوَصَلَتْ الْجَوْفَ أَفْطَرَ لِتَقْصِيرِهِ. وَكَالْقِيءِ التَّجَشُّؤُ فَإِنْ تَعَمَّدَهُ وَخَرَجَ شَيْءٌ مِنْ مَعِدَّتِهِ إِلَى حَدِّ الظَّاهِرِ أَفْطَرَ. وَإِنْ غَلَبَهُ فَلَا.

259. Begitu juga kalau dia menanggalkan kahak dari batin tubuhnya dan melontarkannya, samaada dia menanggalkannya dari otaknya atau dari batinnya kerana hajat kepada demikian itu berulang-ulang. Kalau turun kahak dari otaknya dan sampai pada had zahir mulut iaitu makhraj kha' begitu juga ha' di atas yang rajih didalam Zawaid maka hendaklah dia memutuskannya dari alirannya dan hendaklah dia meluahkan jika terbole. Maka jika dia meninggalkannya serta kuasa di atas demikian itu maka sampai ia kepada rongganya ia membatalkan kerana cuainya. Seperti muntah adalah sendawa, maka jika dia sengajakannya dan keluar suatu dari ma'iddahnya kepada had zahir itu ia membatalkan. Jika ia menggagahinya, maka tidak.

(وَ) الرَّابِعُ (الْوَطْءُ) بِإِدْخَالِ حَشْفَةٍ أَوْ قَدْرَهَا مِنْ مَقْطُوعِهَا (عَمْدًا) مُخْتَارًا عَالِمًا بِالتَّحْرِيمِ (فِي الْفَرْجِ) وَلَوْ دُبْرًا مِنْ أَدْمِيٍّ أَوْ غَيْرِهِ ، أَنْزَلَ أَمْ لَا . فَلَا يُفْطِرُ بِالْوَطْءِ نَاسِيًا ، وَإِنْ كَثُرَ ، وَلَا بِالْإِكْرَاهِ عَلَيْهِ إِنْ قُلْنَا بِتَصَوُّرِهِ وَهُوَ الْأَصَحُّ ، وَلَا مَعَ جَهْلِ تَحْرِيمِهِ كَمَا سَبَقَ فِي الْأَكْلِ .

260. Yang keempatnya (**setubuh**) dengan memasukkan hasyafah atau kadarnya dari yang putus hasyafah (**dengan sengaja**) dengan pilihan lagi tahukan pengaharamannya (**kedalam faraj**) walaupun dubur, dari anak adam atau selainnya, inzal atau tidak. Maka tidak batal puasa dengan setubuh dalam keadaan lupa sekalipun banyak, dan tidak

dengan dipaksa jika kita katakana dengan boleh bahawa ia digambarkan yang mana ia yang paling sahih, dan tidak serta jahilkan pengharamannya sepertimana yang telah lalu pada makan.

(وَ) الْخَامِسُ (الْإِنْزَالُ) وَلَوْ قَطْرَةً (عَنْ مُبَاشَرَةٍ) بِنَحْوِ لَمَسٍ كَقَبْلَةٍ بِلَا حَائِلَ لِأَنَّهُ يُفْطَرُ بِالْإِبْلَاجِ بِغَيْرِ
إِنْزَالٍ فَبِالْإِنْزَالِ مَعَ نَوْعِ شَهْوَةٍ أُولَى. بِخِلَافِ مَا لَوْ كَانَ بِحَائِلٍ أَوْ نَظَرَ أَوْ فَكَّرَ وَلَوْ بِشَهْوَةٍ لِأَنَّهُ إِنْزَالٌ بِغَيْرِ
مُبَاشَرَةٍ كَالِإِحْتِلَامِ. وَحَرَّمَ نَحْوُ لَمَسٍ كَقَبْلَةٍ إِنْ حَرَّكَتْ شَهْوَةٌ حَوْفَ الْإِنْزَالِ. وَإِلَّا فَتَرَكُهُ أُولَى

261. Kelimanya (inzal) walaupun setitik (dari bersentuhan kulit i.e mubasyarah) dengan umpama sentuh dengan tapak tangan seperti kucup, tanpa lapik, kerana dia batal puasa dengan “memasukkan” tanpa inzal maka dengan inzal serta satu bagai syahwat terutama, bersalahan keadaan kalau ianya dengan lapik atau dengan pandang atau fikir walaupun dengan syahwat kerana ia iznzal tanpa mubasyarah, sama seperti mimpi. Haram umpama sentuh seperti kucup jika ia menggerakkan syahwat kerana bimbangkan inzal. Jika tidak maka meninggalkannya terutama.

(وَ) السَّادِسُ (الْحَيْضُ) لِلْإِجْمَاعِ عَلَى تَحْرِيمِهِ وَعَدَمِ صِحَّتِهِ. قَالَ الْإِمَامُ : وَكَوْنُ الصَّوْمِ لَا يَصِحُّ مِنْهَا لَا
يُذْرِكُ مَعْنَاهُ لِأَنَّ الطَّهَارَةَ لَيْسَتْ مَشْرُوطَةً فِيهِ. وَهَلْ وَجِبَ عَلَيْهَا ثُمَّ سَقَطَ، أَوْ لَمْ يَجِبْ أَصْلًا، وَإِنَّمَا يَجِبُ
الْقَضَاءُ بِأَمْرِ جَدِيدٍ ؟ وَجَهَانِ أَصْحَهُمَا الثَّانِي. قَالَ فِي الْبَسِيطِ : وَلَيْسَ لِهَذَا الْخِلَافِ فَائِدَةٌ فَفَهِيَّةٌ. وَقَالَ فِي
الْمَجْمُوعِ : يَظْهَرُ هَذَا وَشِبْهُهُ فِي الْإِيْمَانِ وَالتَّعَالِيْقِ بِأَنْ يَقُولَ : مَتَى وَجِبَ عَلَيْكَ صَوْمٌ فَأَنْتَ طَالِقٌ.

262. Keenamnya (haid) kerana ijmak di atas haramnya dan tidak sahnya. Kata Imam : keadaan puasa tidak sah kerananya tidak difahami maknanya kerana toharah tidak disyaratkan padanya. Adakah ia wajib di atas yang berhaid kemudian gugur atau tidak wajib dari asal, hanya wajib kadha kerana perintah yang baru? Dua wajah, yang paling sahih darinya yang kedua. Katanya didalam Basit : tidak ada faedah fekah bagi khilaf ini. Katanya didalam Majmuk : zahir ini dan yang menyerupainya pada sumpah-sumpah dan ta'lik-ta'lik dengan bahawa seorang katakana : bila wajib di atas kamu puasa maka kamu tertalak.

(وَ) السَّابِعُ (النَّفَاسُ) لِأَنَّهُ دَمٌ حَيْضٍ مُجْتَمِعٌ. (وَ) الثَّامِنُ (الْجُنُونُ) لِمَنَافَاتِهِ الْعِبَادَةِ. (وَ) التَّاسِعُ
الرِّدَّةُ (لِمَنَافَاتِهَا الْعِبَادَةِ.

263. Ketujuhnya (nifas) kerana ia darah haid yang terhimpun. Kelapannya (gila) kerana ia menafikan ibadat. Kesembilannya (riddah) kerana ia menafikan ibadat.

وَسَكَتَ الْمُصَنِّفُ عَنْ بَيَانِ الْعَاشِرِ. وَالظَّاهِرُ أَنَّهُ الْوِلَادَةُ، فَإِنَّهَا مُبْطِلَةٌ لِلصَّوْمِ عَلَى الْأَصَحِّ فِي التَّحْقِيقِ، وَهُوَ
الْمُعْتَمَدُ، خِلَافًا لِمَا فِي الْمَجْمُوعِ مِنْ إِحْقَاقِهَا بِالِإِحْتِلَامِ لَوْضُوحِ الْفَرْقِ. وَلَعَلَّ الْمُصَنِّفَ تَرَكَهُ لِهَذَا الْخِلَافِ أَوْ
لِنِسْيَانٍ أَوْ سَهْوٍ.

264. Musannif diam dari menerangkan yang kesepuluh. Yang zahir bahawa ianya wiladah i.e kelahiran anak, maka ia membatalkan puasa di atas yang paling sahih didalam Tahkik yang mana ia yang muktamad, bersalahan apa yang didalam Majmuk daripada menghubungkannya dengan mimpi, kerana jelas bezanya. Barangkali musannif meninggalkannya kerana khilaf ini atau kerana lupa atau lalai.

(وَيُسْتَحَبُّ فِي الصَّوْمِ) وَلَوْ نَفَلًا أَشْيَاءٌ كَثِيرَةٌ الْمَذْكُورُ مِنْهَا هُنَا (ثَلَاثَةٌ أَشْيَاءٌ) . الْأَوَّلُ (تَعْجِيلُ الْفِطْرِ)
إِذَا تَحَقَّقَ غُرُوبُ الشَّمْسِ لِخَبَرِ الصَّحِيحَيْنِ : { لَا تَزَالُ أُمَّتِي بِخَيْرٍ مَا عَجَلُوا الْفِطْرَ } . زَادَ الْإِمَامُ أَحْمَدُ
{ وَأَخْرَجُوا السُّحُورَ } ، وَلِمَا فِي ذَلِكَ مِنْ مُخَالَفَةِ الْيَهُودِ وَالتَّنَصَّارِ . وَيُكْرَهُ لَهُ أَنْ يُؤَخَّرَهُ إِنْ قَصَدَ ذَلِكَ وَرَأَى
أَنْ فِيهِ فُضِيلَةٌ ، وَإِلَّا فَلَا بَأْسَ بِهِ نَقْلَهُ فِي الْمَجْمُوعِ عَنْ نَصِّ الْإِمَامِ .

265. (**Sunat pada puasa**) walaupun sunat beberapa perkara yang banyak yang disebutkan daripadanya disini (**tiga perkara**). Yang pertamanya (**menyegerakan buka**) apabila pasti tenggelam matahari kerana khabar dua kitab yang sahih “sentiasalah umat ku dengan kebaikkkan selama mereka menyegerakan buka puasa”, Imam Ahmad menambah “dan mentakhirkan sahur”, dan kerana demikian itu menyalahi Yahdi dan Nasrani. Makruh bahawa dia mentakhirkannya jika dia kasadkan demikian itu dan melihat bahawa padanya ada fadhilat. Jika tidak maka tidak mengapa dengannya. Menakalkannya didalam Majmuk dari nas Imam.

وَيُسَنُّ كَوْنُهُ عَلَى رُطْبٍ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْهُ فَعَلَى تَمْرٍ، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ فَعَلَى مَاءٍ، لِحَبْرٍ : { كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ عَلَى رُطْبَاتٍ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فَعَلَى تَمْرَاتٍ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ فَإِنَّهُ طُهُورٌ }. رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ.

266. Sunat keadaannya di atas rutob. Maka jika dia tidak mendapatnya maka di atas tamar, maka jika dia tidak mendapatnya maka di atas air kerana khabar “adalah nabi s.a.w.m sentiasa berbuka puasa sebelum dia sembahyang dengan berapa biji rutob. Mska jika tidak ada maka di atas beberapa biji tamar, maka jika tidak ada pada dia menegukk beberapa teguk air, maka ianya suci. Meriwayatkannya Turmizi.

وَيُسَنُّ السُّحُورُ لِحَبْرٍ الصَّحِيحِينَ. { تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السُّحُورِ بَرَكَتًا }، وَلِحَبْرٍ الْحَاكِمِ فِي صَحِيحِهِ } اسْتَعِينُوا بِطَعَامِ السُّحْرِ عَلَى صِيَامِ النَّهَارِ وَبِقِيلُولَةِ النَّهَارِ عَلَى قِيَامِ اللَّيْلِ }.

267. Sunat sahur kerana khabar dua kitab yang sahih “bersahurlah kamu maka pada sahur itu ada keberkatan” dan kerana khabar Hakim didalam Sahihnya “hendaklahlah kamu buat bantuan dengan makanan pada waktu sahur di atas puasa siang dan dengan qailulah siang di atas bangun malam”.

(وَ) الثَّانِي (تَأْخِيرُ السُّحُورِ) مَا لَمْ يَقَعْ فِي شَكِّ فِي طُلُوعِ الْفَجْرِ لِحَبْرٍ : { لَا تَزَالُ أُمَّتِي بِخَيْرٍ مَا عَجَلُوا الْفَطْرَ وَأَخَّرُوا السُّحُورَ }، وَلِأَنَّهُ أَقْرَبُ إِلَى التَّقْوَى عَلَى الْعِبَادَةِ. فَإِنَّ شَكَّ فِي ذَلِكَ كَانَ تَرَدُّدًا فِي بَقَاءِ اللَّيْلِ لَمْ يُسَنَّ التَّأْخِيرُ بِنِ الْأَفْضَلِ تَرْكُهُ لِلْحَبْرِ الصَّحِيحِ : { دَعُ مَا يَرِيْبُكَ إِلَى مَا لَا يَرِيْبُكَ }.

268. Keduanya (**mentakhirkan sahur**) selama tidak jatuh pada terbit fajar kerana khabar “sentiasalah umat ku dengan kebaikkkan selama mereka menyegerakan buka puasa dan mentakhirkan sahur” dan kerana ia lebih dekat kepada menguatkan ibadat. Maka jika dia syak pada demikian itu seperti bahawa dia ragu pada masih malam tidak sunat mentakhirkan, bahkan yang terafdhal meninggalkannya kerana khabar yang sahih “tinggalkan apa yang meragukan kamu kepada apa yang tidak meragukan kamu”.

تَنْبِيْهُ : لَوْ صَرَاحَ الْمُصَنِّفُ بِسَنِّ السُّحُورِ كَمَا ذَكَرْتَهُ لَكَانَ أَوْلَى فَإِنَّ اسْتِحْبَابَهُ مُجْمَعٌ عَلَيْهِ. وَذَكَرَ فِي الْمَجْمُوعِ أَنَّهُ يَحْضُلُ بِكَثِيرِ الْمَأْكُولِ وَقَلِيلِهِ. فَفِي صَحِيحِ ابْنِ حِبَّانَ { تَسَحَّرُوا وَلَوْ بِجُرْعَةٍ مَاءٍ }، وَيَدْخُلُ وَفْتُهُ بِنَصْفِ اللَّيْلِ.

269. Tanbih. Kalau musannif menjelaskan sunat sahur sepertimana yang aku sebutkan nescaya terutama, maka sunatnya diijmakkan. Dia menyebutkan didalam Majmuk bahawa ia terhasil dengan banyak apa yang dimakan dan sedikitnya. Maka pada Sahih Ibnu Hibban “hendaklah mereka bersahur walaupun dengan seteguk air”. Masuk waktunya dengan setengah malam.

(وَ) الثَّلَاثُ (تَرْكُ الْهَجْرَانِ) وَهُوَ بَفَتْحِ الْهَاءِ : تَرْكُ الْهَجْرَانِ (مِنْ الْكَلَامِ) جَمِيعَ النَّهَارِ، لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { رَأَى رَجُلًا قَانِمًا فَسَأَلَ عَنْهُ فَقَالُوا : هَذَا أَبُو إِسْرَائِيلَ نَذَرَ أَنْ يَقُومَ وَلَا يَقْعُدَ وَلَا يَسْتَنْظِلَ وَلَا

يَتَكَلَّمُ وَيَصُومَ. فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مُرُّهُ أَنْ يَتَكَلَّمَ وَلَيْسْتَظِلَّ وَلْيَفْعُدْ وَلْيَيْمَّ صَوْمَهُ { . أَمَا الْهَجْرُ بِضَمِّ
الْهَاءِ وَهُوَ الْإِسْمُ مِنَ الْإِهْجَارِ، وَهُوَ الْإِفْحَاشُ فِي النَّطْقِ فَلَيْسَ مُرَادَ الْمُصْتَفِ إِذْ كَلَّمَهُ فِيمَا هُوَ سُنَّةٌ، وَتَرَكَّ
فُحْشَ الْكَلَامِ مِنْ عَيْبَةٍ وَغَيْرِهَا وَاجِبٌ.

270. Ketiganya : (meninggalkan enggan), “الهَجْرُ” dengan fathah ha’ : meninggalkan enggan, (dari bercakap)sepanjang siangnya, kerana nabi s.a.w.m “melihat seorang lelaki berdiri maka dia bertanya tentangnya, maka kata mereka : ini Bapa Israel dia bernazar untuk berdiri dan tidak duduk dan tidak berteduh dan tidak bercakap dan berpuasa, maka sabda nabi s.a.w.m : suruhlah dia bercakap dan hendaklah dan duduk dan menyempurnakan puasanya”. Adapun “الهَجْرُ” dengan dhammah ha’ iaitu nama dari “الْإِهْجَارُ” iaitu menuturkan yang keji, maka ia bukan yang dikehendaki musannif kerana kalamnya pada apa yang ianya sunat, meninggalkan kata-kata yang keji daripada mengumpat dan selainnya adalah wajib.

وَبَعْضُهُمْ ضَبَطَ كَلَامَ الْمُصْتَفِ بِالضَّمِّ وَاعْتَرَضَ عَلَيْهِ كَمَا أُعْتَرِضَ عَلَى الْمُنْهَاجِ فِي قَوْلِهِ فِي الْمُنْدُوبَاتِ :
وَلْيَصُنْ لِسَانَهُ عَنِ الْكُذْبِ وَالْغَيْبَةِ، بِأَنْ صَوَّنَ اللِّسَانَ عَنِ ذَلِكَ وَاجِبٌ. وَأَجِيبَ بِأَنْ الْمَعْنَى أَنَّهُ يُسَنُّ لِلصَّائِمِ
مِنْ حَيْثُ الصَّوْمِ فَلَا يَبْطُلُ صَوْمُهُ بِإِرْتِكَابِ ذَلِكَ، بِخِلَافِ إِرْتِكَابِ مَا يَجِبُ اجْتِنَابُهُ مِنْ حَيْثُ الصَّوْمِ
كَالِاسْتِنْقَاءَةِ.

271. Sebahagian mereka mendhabitkan kalam musannif itu dengan dhammah dan mengkritiknya sepertimana dia mengkritik Minhaj pada katanya pada perkara yang sunat “dan hendaklah dia memelihara lidahnya dari dusta dan umpat” dengan bahawa menjaga lidah dari demikian itu adalah wajib. Aku jawab dengan bahawa maknanya bahawa ianya disunatkan bagi orang yang puasa dari sekira-kira puasa maka tidak batal puasanya dengan mengerjakan demikian itu. Bersalahan mengerjakan apa yang wajib mengelakkannya dari sekira-kira puasa seperti sengaja muntah.

قَالَ السُّبْكِيُّ: وَحَدِيثُ { خَمْسٌ يُفْطِرْنَ الصَّائِمَ الْغَيْبَةَ وَالنَّمِيمَةَ } إِلَى آخِرِهِ ضَعِيفٌ. وَإِنْ صَحَّ قَالَ الْمَاوَرِدِيُّ
: فَأَلْمَرَادُ بَطْلَانُ التَّوَابِ لَا الصَّوْمِ. قَالَ : وَمِنْ هُنَا حَسَنٌ عَدُّ الْإِحْتِرَازِ عَنْهُ مِنْ آدَابِ الصَّوْمِ، وَإِنْ كَانَ وَاجِبًا
مُطْلَقًا.

272. Kata Subki : hadith “lima perkara membatalkan puasa orang yang puasa : umpat dan namimah. . .” hingga akhirnya adalah dhaif, sekalipun ianya sah kata Mawardi : maka yang dikehendaki adalah batal pahalanya bukan puasa. Katanya : dari itu eloklah membilangkan berjaga-jaga darinya sebahagian dari adab-adab puasa, sekalipun ianya wajib semata-mata.

وَيُسَنُّ تَرَكُّ شَهْوَةِ لَا تُبْطِلُ الصَّوْمَ كَشَمِّ الرِّيحِ وَالنَّظَرِ إِلَيْهَا لِمَا فِيهَا مِنَ التَّرَفِّهِ الَّذِي لَا يُنَاسِبُ حِكْمَةَ
الصَّوْمِ، وَتَرَكُّ نَحْوِ حَجْمِ كَفْصِدٍ لِأَنَّ ذَلِكَ يُضَعِّفُهُ، وَتَرَكُّ ذَوْقِ طَعَامٍ أَوْ غَيْرِهِ خَوْفَ وَصُولِهِ حَلْفَهُ، وَتَرَكُّ عَنكَ
بِفَتْحِ الْعَيْنِ لِأَنَّهُ يَجْمَعُ الرِّيقَ، فَإِنْ بَلَغَهُ أَفْطَرَ فِي وَجْهِهِ، وَإِنْ أَلْقَاهُ عَطَشَهُ وَهُوَ مَكْرُوهٌ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ.

273. Sunat meninggalkan syahwat yang tidak membatalkan puasa seperti cium bau pewangi dan melihat kepadanya kerana apa yang padanya daripada bersenang-senang yang tidak sesuai dengan hikmah puasa, dan meninggalkan umpama bekam seperti petik kerana demikian itu melemahkannya dan meninggalkan mengecap makanan atau selainnya kerana takutkan sampainya kepada halkumnya, dan meninggalkan mengunyah kerana ia menghimpunkan air liur. Maka jika dia melannya ia membatalkan pada satu wajah dan jika dia mencampakkannya ia mendahagakannya yang mana ia makruh sepertimana didalam Majmuk.

وَيُسْنُ أَنْ يَغْتَسِلَ مِنْ حَدَثٍ أَكْبَرَ لَيْلًا لِيَكُونَ عَلَى طَهْرٍ مِنْ أَوَّلِ الصَّوْمِ، وَأَنْ يَقُولَ عَقَبَ فِطْرِهِ { اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ } لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ ذَلِكَ، رَوَاهُ الشَّيْخَانُ.

274. Sunat bahawa dia mandi hadath besar pada malam supaya dia dalam keadaan suci dari awal puasanya, dan bahawa dia berkata mengiringi bukannya “اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ وَعَلَى رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ” kerana nabi s.a.w.m sentiasa mengatakan demikian I,tu meriwayatkannya dua syeikh.

وَأَنْ يُكْتَبَ تِلَاوَةَ الْقُرْآنِ وَمُدَارَسَتَهُ بِأَنْ يَفْرَأَ عَلَى غَيْرِهِ وَيَفْرَأَ عَلَيْهِ غَيْرُهُ فِي رَمَضَانَ لِمَا فِي الصَّحِيحَيْنِ { إِنَّ جِبْرِيْلَ كَانَ يَلْقَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي كُلِّ سَنَةٍ فِي رَمَضَانَ حَتَّى يَنْسَلِخَ، فَيَعْرِضُ عَلَيْهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْقُرْآنَ }.

275. Dan bahawa dia membanyakkan bacaan quran dan bertadarrus dengan bahawa dia membaca didepan orang lain dan orang lain membaca didepannya didalam ramadhan kerana apa yang didalam dua kitab yang sahih “bahawa Jibril sentiasa menemui nabi s.a.w.m pada setiap tahun pada bulan ramadhan hingga ia berlalu, maka dia membentangkan Quran ke atas nabi s.a.w.m”.

وَأَنْ يَعْتَكِفَ فِيهِ لَا سِيَّمَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْهُ لِإِتِّبَاعِ فِي ذَلِكَ وَلِرَجَاءِ أَنْ يُصَادِفَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِذْ هِيَ مُنْحَصِرَةٌ فِيهِ عِنْدَنَا.

276. Dan bahawa dia beriktikaf padanya apatah pula pada sepuluh yang akhir darinya kerana ittiba’ pada demikian itu dan kerana harap bahawa dia membetuli malam qadar kerana ia terhad padanya di sisi kita.

(وَيَحْرُمُ صِيَامَ خَمْسَةِ أَيَّامٍ) أَي مَعَ بَطْلَانِ صِيَامِهَا وَهِيَ (الْعِيدَانِ) الْفِطْرُ وَالْأَضْحَى بِالإِجْمَاعِ الْمُسْتَبَدِّ إِلَى نَهْيِ الشَّارِعِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي حَبْرِ الصَّحِيحَيْنِ (وَأَيَّامِ التَّشْرِيقِ) الثَّلَاثَةُ بَعْدَ يَوْمِ النَّحْرِ وَلَوْ لِمَتَمَّتْ لِلنَّهْيِ عَنْ صِيَامِهَا كَمَا رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ. وَفِي صَحِيحِ مُسْلِمٍ { أَيَّامٌ مِنْهُ أَيَّامٌ أَكُلُ وَشَرِبُ وَذَكَرَ اللَّهُ تَعَالَى }.

277. (Haram puasa lima hari) iaitu serta batal puasanya. Ia adalah (dua raya) fitrah dan adha dengan ijmak yang disandarkan kepada tegahan nabi s.a.w.m pada khabar dua kitab yang sahih. (dan hari-hari tasyrik) yang tiga selepas hari nahar walaupun bagi orang yang mengerjakan haji tamattu’ kerana tegahan dari puasa padanya sepertimana yang diriwayatkan Abu Daud. Pada sahih Muslim “hari-hari Mina adalah hari-hari makan dan minum dan berzikrullah taala”.

(وَيُكْرَهُ صَوْمُ يَوْمِ الشُّكْرِ) كَرَاهَةٌ تَنْزِيهِيَّةٌ. قَالَ الْإِسْنَوِيُّ : وَهُوَ الْمَعْرُوفُ الْمُنْصُوصُ الَّذِي عَلَيْهِ الْأَكْثَرُونَ. وَالْمُعْتَمَدُ فِي الْمَذْهَبِ تَحْرِيمُهُ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ وَالْمُنْهَاجِ وَالْمَجْمُوعِ لِقَوْلِ عَمَّارِ بْنِ يَاسِرٍ " مَنْ صَامَ يَوْمَ الشُّكْرِ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ". تَنْبِيْهُ : يُمَكِّنُ حَمْلُ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ عَلَى كَرَاهَةِ التَّحْرِيمِ فَيُؤَافِقُ الْمُرْجَحَ فِي الْمَذْهَبِ.

278. (Makruh puasa hari syak) sebagai karahah tanzih. Kata Isnawi : ianya yang dimaklumi yang dinaskan yang di atasnya ramai ulamak. Yang muktamad didalam mazhab adalah haramnya sepertimana didalam Raudhah dan Minhaj dan Majmuk kerana kata Ammar bin Yasir “siapa yang puasa pada hari syak maka dia derhaka kepada Abu Qasim s.a.w.m”. Tanbih. Boleh menanggungkan kalam musannif di atas karahah tahrir maka ia muafakat dengan apa yang ditarjihkan didalam mazhab.

(إِلَّا أَنْ يُؤَافِقَ) صَوْمُهُ (عَادَةٌ لَهُ) فِي تَطَوُّعِهِ كَأَنْ كَانَ يَسْرُدُ الصَّوْمَ أَوْ يَصُومُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا أَوْ الْإِثْنَيْنِ وَالْحَمِيْسِ فَوَافِقَ صَوْمُهُ يَوْمَ الشُّكْرِ . وَلَهُ صَوْمُهُ عَنْ قَضَاءٍ أَوْ نَذْرِ كَنْظِيرِهِ مِنَ الصَّلَاةِ فِي الْأَوْقَاتِ

الْمَكْرُوهَةَ لِحَبْرٍ : { لَا تَقْدَمُوا رَمَضَانَ بِصَوْمِ يَوْمٍ أَوْ يَوْمَيْنِ إِلَّا رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا فَلْيَصُمْهُ } . وَقَيْسَ بِالنُّورِ الْبَاقِي بِجَامِعِ السَّبَبِ . فَلَوْ صَامَهُ بِلَا سَبَبٍ لَمْ يَصِحَّ كَيَوْمِ الْعِيدِ بِجَامِعِ التَّحْرِيمِ .

279. (Melainkan bahawa) puasanya (muafakat dengan adatnya) pada puasa sunatnya, seperti bahawa dia mengekali puasa atau puasa sehari dan tak puasa sehari atau puasa isnin dan khamis maka muafakat puasanya dengan hari syak. Boleh dia mempuasakannya dari kadha atau nazar seperti yang sebandingnya daripada sembahyang pada waktu-waktu makruh, kerana khabar “jangan kamu mendulukan ramadhan dengan puasa sehari atau dua hari melainkan lelaki yang sentiasa puasa maka hendaklah dia puasa”. Dikiaskan dengan wirid akan yang tinggal lagi dengan menasabah sebabnya. Maka kalau dia puasakannya tanpa sebab tidak sah ia seperti hari raya dengan menasabah haram.

وَقَوْلُهُ (أَوْ يَصْلُهُ بِمَا قَبْلَهُ) مَبْنِيٌّ عَلَى جَوَازِ ابْتِدَاءِ صَوْمِ النِّصْفِ الثَّانِي مِنْ شَعْبَانَ تَطَوُّعًا ، وَهُوَ وَجْهٌ ضَعِيفٌ . وَالْأَصْحَحُ فِي الْمَجْمُوعِ تَحْرِيمُهُ بِلَا سَبَبٍ إِنْ لَمْ يَصْلُهُ بِمَا قَبْلَهُ أَوْ صَامَهُ عَنْ قَضَاءٍ أَوْ نَذْرٍ أَوْ وَافَقَ عَادَةً لَهُ ، لِحَبْرٍ { إِذَا انْتَصَفَ شَعْبَانَ فَلَا تَصُومُوا } . رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَغَيْرُهُ . فَعَلَى هَذَا لَا يَكْفِي وَصْلُ صَوْمِ يَوْمِ الشُّكِّ إِلَّا بِمَا قَبْلَ النِّصْفِ الثَّانِي . وَلَوْ وَصَلَ النِّصْفَ الثَّانِي بِمَا قَبْلَهُ ثُمَّ أَفْطَرَ فِيهِ حَرَمَ عَلَيْهِ الصَّوْمُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ لَهُ عَادَةٌ قَبْلَ النِّصْفِ الثَّانِي فَلَهُ صَوْمُ أَيَّامِهَا .

280. Katanya (atau dia menyambungkannya dengan puasa yang sebelumnya) dibina di atas harus mula puasa setengah kedua sya'ban sebagai puasa sunat, yang mana ia wajah yang dhaif. Yang paling sahih didalam Majmuk adalah haramnya tanpa sebab jika dia tidak menyambungkannya dengan puasa yang sebelumnya atau dia puasakannya dari kadha atau nazar atau ia muafakat dengan adatnya, kerana khabar “apabila masuk setengah sya'ban maka jangan kamu puasa”. Meriwayatkannya Abu Daud dan selainnya. Maka di atas ini tidak memada sambung puasa hari syak melainkan dengan puasa yang sebelum setengah kedua. Kalau dia menyambungkan setengah kedua dengan puasa yang sebelumnya kemudian dia tak puasa padanya haram dia puasa melainkan bahawa ada baginya adat sebelum setengah kedua, maka boleh dia puasa pada hari-hari adatnya.

فَإِنْ قِيلَ : هَلَّا اسْتَحَبَّ صَوْمُ يَوْمِ الشُّكِّ إِذَا أَطْبِقَ الْعِيْمَ خُرُوجًا مِنْ خِلَافِ الْإِمَامِ أَحْمَدَ حَيْثُ قَالَ بِوَجُوبِ صَوْمِهِ حِينَئِذٍ ؟ أَجِيبُ بِأَنَّ لَا نُرَاعِي الْخِلَافَ إِذَا خَالَفَ سُنَّةَ صَرِيحَةٍ وَهِيَ هُنَا حَبْرٌ { إِذَا عَمَّ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ } .

281. Maka jika dikatakan : hendaklah disunatkan puasa hari syak apabila berlapis awan kerana keluar dari khilaf imam Ahmad sekira-kira dia berkata dengan wajib puasanya ketika itu? Aku jawab dengan bahawa kita tidak memelihara khilaf ini apabila ia menyalahi sunnah dengan jelas yang mana ia disini khabar “apabila kamu ditutupi awan maka sempurnakanlah bilangan sya'ban tiga puluh hari”.

وَيَوْمِ الشُّكِّ هُوَ يَوْمُ الثَّلَاثِينَ مِنْ شَعْبَانَ إِذَا تَحَدَّثَ النَّاسُ بِرُؤْيِيَّتِهِ أَوْ شَهِدَ بِهَا عَدَدٌ تَرَدَّدَتْ شَهَادَتُهُمْ كَصِبْيَانٍ أَوْ نِسَاءٍ أَوْ عِبِيدٍ أَوْ فَسَقَةٍ وَظَنَّ صِدْقَهُمْ كَمَا قَالَه الرَّافِعِيُّ . وَإِنَّمَا لَمْ يَصِحَّ صَوْمُهُ عَنْ رَمَضَانَ لِأَنَّهُ لَمْ يَتَّبِعْ كَوْنَهُ مِنْهُ .

282. Hari syak adalah hari tiga puluh sya'ban apabila orang ramai bercakap-cakap dengan nampak hilal atau menyaksikannya sebilangan orang yang ditolak syahadah mereka seperti kanak-kanak atau perempuan atau hamba atau orang fasik dan dizankan benar mereka itu sepertimana kata Rafi'e. Hanyalah tidak sah puasanya dari ramadhan kerana tidak sabit keadaan hari itu dari ramadhan.

نَعَمْ، مَنْ اعْتَقَدَ صَدَقَ مَنْ قَالَ إِنَّهُ رَأَهُ مِمَّنْ ذَكَرَ يَجِبُ عَلَيْهِ الصَّوْمُ كَمَا تَقَدَّمَ عَنِ الْبَعَوِيِّ وَطَائِفَةِ أَوَّلِ الْبَابِ. وَتَقَدَّمَ فِي أَثْنَانِهِ صِحَّةَ نِيَّةِ الْمُعْتَقِدِ لِذَلِكَ وَوُقُوعَ الصَّوْمِ عَنِ رَمَضَانَ إِذَا تَبَيَّنَ كَوْنُهُ مِنْهُ، فَلَا تَنَافِي بَيْنَ مَا ذَكَرَ فِي الْمَوَاضِعِ الثَّلَاثَةِ لِأَنَّ يَوْمَ الشَّكِّ الَّذِي يَحْرُمُ صَوْمَهُ هُوَ عَلَيَّ مَنْ لَمْ يَظُنَّ الصَّدَقَ هَذَا مَوْضِعٌ. وَأَمَّا مَنْ ظَنَّهُ أَوْ اعْتَقَدَهُ صَحَّتْ النِّيَّةُ مِنْهُ وَوَجِبَ عَلَيْهِ الصَّوْمُ وَهَذَا مَوْضِعَانِ. فَقَوْلُ الْإِسْنَوِيِّ إِنَّ كَلَامَ الشَّيْخَيْنِ فِي الرُّوضَةِ وَشَرَحِ الْمُهَدَّبِ مُتَنَاقِضٌ مِنْ ثَلَاثَةِ أَوْجُهٍ فِي مَوْضِعٍ يَجِبُ وَفِي مَوْضِعٍ يَجُوزُ وَفِي مَوْضِعٍ يَمْتَنَعُ، مَمْنُوعٌ.

283. Na'am, orang yang mengiktikadkan benar orang yang berkata bahawa dia nampak hilal, daripada orang yang disebutkan itu wajib di atasnya puasa sepertimana telah lalu dari Bughawi dan sekumpulan kecil ulamak pada awal bab ini. Telah terdahulu ditengahnya sah niat orang yang mengiktikadkan demikian itu dan jatuh puasanya dari ramadhan apabila ternyata keadaannya dari ramadhan. Maka tidak ada bernafian di antara apa yang dia sebutkan pada tiga tempat ini kerana hari syak yang haram puasanya adalah di atas orang yang tidak menyangkakan kebenarannya, yang mana ini satu tempat. Adapun orang yang menyangkaknya atau mengiktikadkannya sah niat darinya dan wajib puasa di atasnya, yang mana ini dua tempat. Maka kata Isnawi bahawa kalam dua syeikh didalam Raudhah dan syarah Muhazab berlawanan dari tiga wajah, pada tempat ianya wajib dan pada satu tempat harus dan pada satu tempat tertegah adalah tidak dibenarkan.

أَمَّا إِذَا لَمْ يَتَحَدَّثْ أَحَدٌ بِالرُّوْيَةِ فَلَيْسَ الْيَوْمُ يَوْمَ شَكِّ، بَلْ هُوَ مِنْ شَعْبَانَ، وَإِنْ أَطْبِقَ الْعَيْمُ، لِيُخْبِرَ { فَإِنْ عُمَ عَلَيْكُمْ }.

284. Adapun apabila tidak ada seorang pun bercakap dengan melihat hilal maka ia bukan dari hari syak, bahkan ia daripada sya'ban, sekalipun berlapis-lapis awan kerana khabar "maka jika kamu dilindungi awan. . .".

فَرَعٌ : الْفِطْرُ بَيْنَ الصَّوْمَيْنِ وَاجِبٌ إِذِ الْوَصَالُ فِي الصَّوْمِ فَرْضًا كَانَ أَوْ نَفْلًا حَرَامٌ لِلنَّهْيِ عَنْهُ فِي الصَّحِيحَيْنِ. وَهُوَ أَنْ يَصُومَ يَوْمَيْنِ فَأَكْثَرَ وَلَا يَتَنَاوَلُ بِاللَّيْلِ مَطْعُومًا عَمْدًا بِلَا عُدْرٍ. ذَكَرَهُ فِي الْمَجْمُوعِ. وَقَضِيَّتُهُ أَنَّ الْجِمَاعَ وَنَحْوَهُ لَا يَمْنَعُ الْوَصَالَ، لَكِنْ فِي الْبَحْرِ : هُوَ أَنْ يَسْتَدِيمَ جَمِيعَ أَوْصَافِ الصَّائِمِينَ. وَذَكَرَ الْجُرْجَانِيُّ وَابْنُ الصَّلَاحِ نَحْوَهُ. وَهَذَا هُوَ الظَّاهِرُ.

285. Cabangan. Berbuka di antara dua puasa itu wajib kerana menyambung puasa, fardhu atau sunat, adalah haram kerana tegahan darinya didalam dua kitab yang sahih. Ia bahawa seorang puasa dua hari maka lebih dan tidak mencapai makanan pada malamnya dengan sengaja tanpa uzur. Menyebutkannya didalam Majmuk. Kehendaknya bahawa jimak dan umpamanya tidak menegah sambung itu, akan tetapi didalam al Bahr : ia adalah bahawa seorang mengekalkan sifat-sifat orang yang puasa. Jurjani dan Ibnu sholah menyebutkan seumpamanya. Ini adalah yang zahir.

ثُمَّ شَرَعَ فِيْمَا تَجِبُ بِهِ الْكُفَّارَةُ فَقَالَ : (وَمَنْ وَطِئَ) بِتَغْيِيبِ جَمِيعِ الْحَشْفَةِ أَوْ قَدْرَهَا مِنْ مَقْطُوعِهَا (عَامِدًا) مُخْتَارًا عَالِمًا التَّحْرِيمِ (فِي الْفَرْجِ) وَلَوْ دُبْرًا مِنْ أَدَمِيٍّ أَوْ غَيْرِهِ (فِي نَهَارِ رَمَضَانَ) وَلَوْ قَبْلَ تَمَامِ الْعُرُوبِ، وَهُوَ مُكَلَّفٌ صَائِمٌ أَوْ بِالْوَطْءِ بِسَبَبِ الصَّوْمِ (فَعَلَيْهِ) وَعَلَى الْمُؤْطِوَةِ الْمُكَلَّفَةِ (الْقَضَاءُ) لِإِفْسَادِ صَوْمِهَا بِالْجِمَاعِ (وَ) عَلَيْهِ وَحْدَهُ (الْكُفَّارَةُ) دُونَهَا لِنَفْصَانِ صَوْمِهَا بِتَعَرُّضِهِ لِلْبَطْلَانِ بِعُرُوضِ الْحَيْضِ أَوْ نَحْوِهِ فَلَمْ تَكْمُلْ حُرْمَتُهُ حَتَّى تَتَعَلَّقَ بِهَا الْكُفَّارَةُ، فَتَخْتَصُّ بِالرَّجُلِ الْوَاطِئِ، وَلِأَنَّهَا عُرْمٌ مَالِيٌّ يَتَعَلَّقُ بِالْجِمَاعِ كَالْمَهْرِ فَلَا يَجِبُ عَلَى الْمُؤْطِوَةِ وَلَا عَلَى الرَّجُلِ الْمُؤْطِوَةِ كَمَا نَقَلَهُ ابْنُ الرَّفْعَةِ. وَاللَّوَاطُ وَإِتْيَانِ الْبُهَيْمَةِ حُكْمُ الْجِمَاعِ فِيْمَا ذَكَرَ، كَمَا شَمِلَهُ مَا ذَكَرَ فِي الْحَدِّ.

286. Kemudian dia masuk pada apa yang wajib kifarat dengannya maka katanya (siapa yang bersetubuh) dengan meghaibkan semua hasyafah atau kadarnya dari

yang terpotong hasyafah (**dengan sengaja**) dengan pilihan lagi tahukan haramnya (**kedalam faraj**) walaupun dubur dari anak adam atau selainnya, (**pada siang ramadhan**) walaupun sebelum sempurna ghurub sedang dia seorang yang mukallaf yang berpuasa yang berdosa dengan setubuh dengan sebab puasa (**maka kena di atasnya**) dan di atas yang disetubuhi yang mukallaf (**kadha**) kerana kedua mereka merosakkan puasa mereka dengan jimak, (**dan**) di atas dia sahaja (**kifarat**) tidak perempuan yang disetubuhi kerana kurang puasanya dengan terdedah kepada batal dengan kedatangan haid atau seumpamanya, maka tidak sempurna haramnya hinggalan bergantung kifarat dengannya, maka khusus ia dengan lelaki yang menyetubuhi, dan kerana kifarat adalah bayaran harta yang bergantung dengan jimak sama seperti maskahwin maka ia tidak wajib ke atas perempuan yang disetubuhi dan tidak di atas lelaki yang disetubuhi sepertimana yang dinakalkan Ibnu Rif'ah. Liwat dan mendatangi haiwan hukum jimak pada apa yang disebutkan sepertimana yang dilengkapi apa yang dia sebutkan pada bab had.

فَخَرَجَ بِقَيْدِ الْوُطْءِ الْفِطْرُ بِغَيْرِهِ كَالْأَكْلِ وَالشُّرْبِ وَالِاسْتِمْنَاءِ وَالْمُبَاشَرَةِ فِيمَا دُونَ الْفَرْجِ الْمُفْضِيَةِ إِلَى الْإِنْزَالِ فَلَا كَفَّارَةَ بِهِ، وَبِقَيْدِ جَمِيعِ الْحَشْفَةِ أَوْ قَدْرَهَا مِنْ مَقْطُوعِهَا إِذْخَالَ بَعْضُهَا فَلَا كَفَّارَةَ بِهِ لِعَدَمِ فِطْرِهِ بِهِ، وَبِقَيْدِ الْعَمْدِ النَّسِيَانِ لِأَنَّ صَوْمَهُ لَمْ يَفْسُدْ بِذَلِكَ، وَبِالِاخْتِيَارِ الْإِخْرَافِ لِمَا ذَكَرَ، وَبِعِلْمِ التَّحْرِيمِ جَهْلُهُ لِقُرْبِ عَهْدِهِ بِالْإِسْلَامِ أَوْ نَشْنِهِ بِمَكَانٍ بَعِيدٍ عَنِ الْعُلَمَاءِ فَلَا كَفَّارَةَ عَلَيْهِ لِعَدَمِ فِطْرِهِ بِهِ. نَعَمْ، لَوْ عَلِمَ التَّحْرِيمَ وَجْهَلُ وَجُوبِ الْكَفَّارَةِ وَجَبَتْ عَلَيْهِ إِذْ كَانَ مِنْ حَقِّهِ أَنْ يَمْتَنِعَ.

287. Maka keluar dengan kait “setubuh” oleh batal puasa dengan selainnya seperti makan dan minum dan mengeluarkan mani dan bersentuhan kulit pada apa yang selain faraj yang membawa kepada inzal, maka tidak ada kifarat dengannya kerana tidak batal puasa dengannya, dan dengan kait “semua hasyafah atau kadarnya dari yang putus hasyafah” memasukkan sebahagiannya maka tidak ada kifarat dengannya kerana tidak batal puasa dengannya, dan dengan kait “sengaja” oleh lupanya kerana puasanya tidak rosak dengan demikian itu, dan dengan “pilihan” oleh paksaan apa yang disebutkan, dan dengan “tahukan haramnya” oleh jahilnya kerana baru masanya dengan islam atau membesarnya pada tempat yang jauh dari ulamak. Maka tidak ada kifarat di atasnya kerana tidak batal puasa dengannya. Na’am, kalau dia tahukan haramnya dan jahilkan wajib kifarat wajib ia di atasnya kerana daripada haknya adalah bahawa dia menahan dirinya.

الأوَّلُ : (النِّيَّةُ) بِالْقَلْبِ كَعَبْرِهِ مِنَ العِبَادَاتِ، وَتَجِبُ نِيَّةُ فَرَضِيَّةٍ فِي نَذْرِهِ لِيَتِمَّ عَنِ النَّفْلِ وَإِنْ أَطْلُقَ الإِعْتِكَافَ بِأَنْ لَمْ يَقْدَرْ لَهُ مُدَّةٌ كَفَتْهُ نِيَّتُهُ، وَإِنْ طَالَ مُكْتَنُهُ، لَكِنْ لَوْ خَرَجَ مِنَ المَسْجِدِ بِلا عَزْمٍ عَوْدٍ وَعَادَ جَدَّدَهَا سِوَاءَ أَخْرَجَ لِتَبَرُّزٍ أَمْ لِغَيْرِهِ لِأَنَّ مَا مَضَى عِبَادَةٌ تَامَّةٌ، فَإِنْ عَزَمَ عَلَى العَوْدِ كَانَتْ هَذِهِ العَزِيمَةُ قَانِمَةً مَقَامَ النِّيَّةِ،

342. Pertamanya (niat) pada hati seperti selainnya daripada ibadat-ibadat. Wajib niat fardhu pada nazarnya supaya ia terbeza dari yang sunat. Jika dia mengitlakkan iktikaf dengan bahawa dia tidak mengkadarkan tempoh masa untuknya memadainya niat iktikaf sekalipun lama diamnya, akan tetapi kalau dia keluar dari masjid tanpa azam kembali dan dia kembali dia membaharui niat samaada dia keluar untuk kadha hajat atau untuk selainnya kerana apa yang telah lalu adalah ibadat yang sempurna. Maka jika dia berazam di atas kembali adalah azam ini berdiri pada tempat niat.

وَلَوْ قِيدَ بِمُدَّةٍ كَيَوْمٍ وَشَهْرٍ وَخَرَجَ لِغَيْرِ تَبَرُّزٍ وَعَادَ جَدَّدَ النِّيَّةَ أَيْضًا ، وَإِنْ لَمْ يَطُلْ الزَّمَانُ لِقَطْعِهِ الإِعْتِكَافِ. بِخِلَافِ خُرُوجِهِ لِلتَبَرُّزِ فَإِنَّهُ لَا يَجِبُ تَجْدِيدُهَا، وَإِنْ طَالَ الزَّمَانُ فَإِنَّهُ لَا بُدَّ مِنْهُ، فَهُوَ كَالْمُسْتَتْنِي عِنْدَ النِّيَّةِ، لَا إِنْ نَذَرَ مُدَّةً مُتَتَابِعَةً فَخَرَجَ لِغَيْرِهِ، لَا يَفْطَعُ التَّتَابِعَ، فَلَا يَلْزِمُهُ تَجْدِيدُهَا، سِوَاءَ أَخْرَجَ لِتَبَرُّزٍ أَمْ لِغَيْرِهِ.

343. Kalau dia mengkaitkannya dengan tempoh masa seperti sehari dan sebulan dan dia keluar untuk selain kadha hajat dan kembali dia membaharui niat juga, sekalipun tidak lama masanya kerana dia memutuskan iktikafnya. Bersalahan keluarnya untuk kadha hajat maka tidak wajib dia membaharuinya sekalipun panjang masanya kerana ia tidak dapat tidak darinya, maka ia seperti apa yang dikecualikan di sisi niat, tidak jika dia nazarkan tempoh yang berturutan maka dia kelaur kerana uzur, tidak dia memutuskan turutannya, maka tidak lazim dia membaharuinya, samaada dia keluar untu kadha hajat atau untuk selainnya.

(وَ) (الثَّانِي) (النُّبْتُ) بِقَدْرِ مَا يُسَمَّى عُكُوفًا أَيِ إِقَامَةً، بِحَيْثُ يَكُونُ زَمْنُهَا فَوْقَ زَمَنِ الطَّمَأِينَةِ فِي الرُّكُوعِ وَنَحْوِهِ، فَلَا يَكْفِي قَدْرُهَا وَلَا يَجِبُ السُّكُونُ بَلْ يَكْفِي التَّرَدُّدُ فِيهِ.

344. Keduanya (diam) dengan kadar apa yang dinamakan menetap, dengan sekira-ira adalah masanya lebih masa tama'ninah pada rukuk dan umpamanya. Maka tidak

memadai kadar tama'ninah dan tidak wajib tak bergerak, bahkan memadai berulang-alik padanya.

وَأَشَارَ إِلَى الرُّكْنِ الثَّالِثِ بِقَوْلِهِ (فِي الْمَسْجِدِ) ، فَلَا يَصِحُّ فِي غَيْرِهِ لِلاتِّبَاعِ ، رَوَاهُ الشَّيْخَانِ ، وَلِلْجَمَاعِ وَقَوْلِهِ تَعَالَى { وَلَا تَبَاشِرُوهُنَّ وَأَنْتُمْ عَاكِفُونَ فِي الْمَسَاجِدِ } .

345. Dia isyaratkan kepada rukun ketiga dengan katanya: (dalam masjid), maka tidak sah pada selainnya kerana ittiba', meriwayatkannya dua syeikh, dan kerana ijmak dan kerana firman Allah taala "dan jangan kamu jimak mereka sedang kamu beriktikaf didalam masjid".

وَالْجَامِعُ أَوْلَى مِنْ بَقِيَّةِ الْمَسَاجِدِ لِكَثْرَةِ الْجَمَاعَةِ فِيهِ وَلِنَلَّا يَحْتَاجُ إِلَى الْخُرُوجِ لِلْجُمُعَةِ وَخُرُوجًا مِنْ خِلَافِ مَنْ أَوْجَبَهُ ، بَلْ لَوْ نَدَّرَ مَدَّةً مُتَتَابِعَةً فِيهَا يَوْمَ جُمُعَةٍ وَكَانَ مِمَّنْ تَلَزَمَهُ الْجُمُعَةُ وَلَمْ يَشْتَرِطْ الْخُرُوجَ لَهَا وَجَبَ الْجَامِعُ لِأَنَّ خُرُوجَهُ لَهَا يَبْطُلُ تَتَابُعُهُ .

346. Masjid jamik terutama dari baki masjid-masjid kerana banyak jamaah padanya dan supaya dia tidak berhajat kepada keluar untuk jumaat dan kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya, bahkan kalau dia nazarkan satu tempoh yang masa yang berturutan yang padanya hari jumaat dan adalah dia daripada orang yang dilazimi jumaat dan tidak dia mensyaratkan keluar untuk jumaat wajib oleh masjid jamik kerana keluarnya untuk jumaat membatalkan.

وَلَوْ عَيَّنَ النَّادِرُ فِي نَدْرِهِ مَسْجِدَ مَكَّةَ أَوْ الْمَدِينَةَ أَوْ الْأَفْصَى تَعَيَّنَ ، فَلَا يَقُومُ غَيْرُهَا مَقَامَهَا لِمَزِيدٍ فَضْلُهَا . قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { لَا تُشَدُّ الرَّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ : مَسْجِدِي هَذَا ، وَالْمَسْجِدِ الْحَرَامِ ، وَالْمَسْجِدِ الْأَفْصَى } ، رَوَاهُ الشَّيْخَانِ . وَيَقُومُ مَسْجِدُ مَكَّةَ مَقَامَ الْأَخْرَيْنِ لِمَزِيدٍ فَضْلِهِ عَلَيْهِمَا ، وَيَقُومُ مَسْجِدُ الْمَدِينَةَ مَقَامَ الْأَفْصَى لِمَزِيدٍ فَضْلِهِ عَلَيْهِ . فَلَوْ عَيَّنَ مَسْجِدًا غَيْرَ الثَّلَاثَةِ لَمْ يَتَّعَيْنَنَّ . وَلَوْ عَيَّنَ رَمَنَ الْإِعْتِكَافِ فِي نَدْرِهِ تَعَيَّنَ .

347. Kalau orang yang bernazar menentukan masjid Makkah atau Madinah atau Aqsa pada nazarnya tertentu ia, maka tidak berdiri selainnya pada tempatnya kerana lebih kelebihannya. Sabda nabi s.a.w.m "tidak diikatkan kenderaan melainkan kepada tiga masjid : masjid ku ini dan masjid Haram dan masjid Aqsa", meriwayatkannya dua syeikh. Berdiri masjid Makkah pada tempat dua yang lain kerana lebih fadhilatnya di atas keduanya, dan berdiri masjid Madinah pada tempat masjid Aqsa kerana lebih fadhilatnya di atasnya. Maka kalau dia menentukan masjid selain yang tiga ini tidak tertentu ia. Kalau dia menentukan masa iktikaf pada nazarnya tertentu ia.

وَالرُّكْنُ الرَّابِعُ مُعْتَكِفٌ . وَشَرَطَهُ إِسْلَامٌ وَعَقْلٌ وَخُلُوعٌ عَنْ حَدِيثِ أَكْبَرَ . فَلَا يَصِحُّ اعْتِكَافٌ مِنْ اتَّصَفَ بِضِدِّ شَيْءٍ مِنْهَا لِعَدَمِ صِحَّةِ نِيَّةِ الْكَافِرِ وَمَنْ لَا عَقْلَ لَهُ وَحُرْمَةَ مَكْتَبِ مَنْ بِهِ حَدِيثُ أَكْبَرَ بِالْمَسْجِدِ .

348. Rukun keempat : orang yang beriktikaf. Syaratnya islam dan akal dan sunyi dari hadath besar. Maka tidak sah iktikaf orang yang bersifat dengan lawan suatu darinya kerana ketiadaan sah niat kafir dan orang yang tak berakal dan haram diam orang yang ada padanya hadath besar didalam masjid.

(وَلَا يَخْرُجُ مِنْ) الْمَسْجِدِ فِي (الْإِعْتِكَافِ الْمُنْدُورِ) وَلَوْ غَيَّرَ مُقَيِّدٌ بِمُدَّةٍ وَلَا تَتَابِعِ ، (إِلَّا لِحَاجَةِ الْإِنْسَانِ) مِنْ بَوْلٍ وَعَانِطٍ وَمَا فِي مَعْنَاهُمَا كَغَسَلٍ مِنْ جَنَابَةِ . وَلَا يَضُرُّ ذَهَابُهُ لِتَبَرُّزِهِ بِدَارٍ لَهُ لَمْ يَفْحَشْ بَعْدَهَا عَنْ الْمَسْجِدِ وَلَا لَهُ دَارٌ أُخْرَى أَقْرَبَ مِنْهَا ، أَوْ فَحَشَ وَلَمْ يَجِدْ بِطَرِيقِهِ مَكَانًا لَابِقًا بِهِ ، فَلَا يَنْقَطِعُ التَّتَابِعُ بِهِ ، فَلَا يَجِبُ تَبَرُّزُهُ فِي غَيْرِ دَارِهِ كَسِقَايَةِ الْمَسْجِدِ وَدَارِ صَدِيقِهِ الْمُجَاوِرَةِ لَهُ لِلْمَشَقَّةِ فِي الْأُولَى وَالْمِنَّةِ فِي الثَّانِي .

349. (Tidak boleh dia keluar dari) masjid pada (iktikaf yang dinazarkan) walaupun yang tidak dikaitkan dengan tempoh dan tidak dengan turutan (melainkan kerana hajat

kemanusiaan) daripada kencing dan berak dan apa yang pada makna keduanya seperti mandi janabah. Tidak mudharat perginya untuk kadha hajat dirumahnya yang tidak keji jauhnya dari masjid, dan tidak ada rumah baginya lain yang lebih dekat darinya, atau ianya keji dan dia tidak mendapat pada jalannya satu tempat yang layak dengannya, maka tidak putus turutannya dengannya. Maka tidak wajib kadha hajatnya pada selain rumahnya seperti cebuk masjid dan rumah rakannya yang berdekatan masjid kerana masyaqqah pada yang pertama dan kerana ungkitan pada yang kedua.

أَمَّا إِذَا كَانَ لَهُ أُخْرَى أَقْرَبُ مِنْهَا أَوْ فَحَشَ بَعْدَهَا وَوَجَدَ بِطَرِيقِهِ مَكَانًا لَانِقًا بِهِ فَيَنْقَطِعُ التَّتَابُعُ بِذَلِكَ لِاعْتِنَائِهِ بِالْأَقْرَبِ فِي الْأُولَى، وَاحْتِمَالِ أَنْ يَأْتِيَهُ الْبَوْلُ فِي رُجُوعِهِ فِي الثَّانِيَةِ فَيَبْقَى طَوَّلَ يَوْمِهِ فِي الذَّهَابِ وَالرُّجُوعِ. 350. Adapun apabila dia punya rumah lain dari rumah yang jauh itu atau keji jauhnya dan dia mendapat pada jalannya tempat yang layak dengannya maka putus turutannya dengan demikian itu kerana terkaya dia dengan yang lebih dekat pada yang pertama dan ditanggungkan dia akan kencing pada kembalinya pada yang kedua maka kekal dia sepanjang harinya pada pergi dan balik.

وَلَا يُكَلِّفُ فِي خُرُوجِهِ لِدَلِّكَ الْأَسْرَاعِ بَلْ يَمْشِي عَلَى سَجِيَّتِهِ الْمَعْهُودَةِ، وَإِذَا فَرَعَ مِنْهُ وَاسْتَجَبَى فَلَهُ أَنْ يَتَوَضَّأَ خَارِجَ الْمَسْجِدِ لِأَنَّهُ يَقَعُ تَابِعًا لِدَلِّكَ بِخِلَافِ مَا لَوْ خَرَجَ لَهُ مَعَ إِمْكَانِهِ فِي الْمَسْجِدِ فَلَا يَجُوزُ. 351. Tidak diberati dia bergerak cepat pada keluarnya demikian itu cepat bahkan dia berjalan di atas caranya yang biasa. Apabila dia selesai darinya dan beristinja maka boleh dia berwuduk diluar masjid kerana ia jatuh sebagai pengikut demikian itu, bersalahan keadaan kalau dia keluar untuk wudhuk serta ia terbole didalam masjid maka tidak harus.

وَضَبَطَ الْبَغَوِيُّ الْفُحْشَ بِأَنْ يَذْهَبَ أَكْثَرَ الْوَقْتِ فِي التَّبَرُّزِ إِلَى الدَّارِ. 352. Bughawi mendhabit keji itu dengan bahawa hilang yang lebih banyak waktu iktikafnya pada pergi mengkadha hajat dirumahnya.

وَلَوْ عَادَ مَرِيضًا فِي طَرِيقِهِ أَوْ زَارَ قَادِمًا فِي طَرِيقِهِ لِقَضَاءِ حَاجَتِهِ لَمْ يَضُرَّ مَا لَمْ يَعْدِلْ عَنِ طَرِيقِهِ وَلَمْ يَطَّلْ وَفُوفَهُ. فَإِنْ طَالَ أَوْ عَدَلَ انْقَطَعَ بِذَلِكَ تَتَابُعُهُ. وَلَوْ صَلَّى فِي طَرِيقِهِ عَلَى جَنَازَةٍ فَإِنْ لَمْ يَنْتَظِرْهَا وَلَمْ يَعْدِلْ إِلَيْهَا عَنِ طَرِيقِهِ جَازَ. وَإِلَّا فَلَا. 353. Kalau dia melawat orang sakit pada jalannya atau menziarahi orang yang orang yang baru tiba pada jalannya untuk kadha hajatnya ia tidak memudharatkan selama dia tidak menyasar dari jalannya dan tidak lama singgahnya. Maka jika lama singgahnya atau dia menyasar dari jalannya putus turutannya dengan demikian itu. Kalau dia sembahyang jenazah pada jalannya maka jika dia tidak menunggunya dan tidak menyasar kepadanya dari jalannya ianya harus. Jika tidak, maka tidak.

وَلَا يَنْقَطِعُ التَّتَابُعُ بِخُرُوجِهِ بَعْدَ كُنْسِيَانِ لِاعْتِكَافِهِ وَإِنْ طَالَ زَمَنُهُ، (أَوْ عُدْرٍ مِنْ حَيْضٍ) أَوْ نَفَاسٍ إِنْ طَالَتْ مُدَّةُ الْاعْتِكَافِ، بِأَنْ كَانَتْ لَا تَخْلُو عَنْهُ غَالِبًا، أَوْ جَنَابَةً مِنْ اِحْتِلَامٍ لِتَحْرِيمِ الْمُكْتَبِ فِيهِ حِينَئِذٍ، (أَوْ) عُدْرٍ (مَرَضٍ) وَلَوْ جُنُونًا أَوْ إِعْمَاءً (لَا يُمْكِنُ الْمَقَامُ مَعَهُ) أَيِ يَشُقُّ مَعَهُ الْمَقَامُ فِي الْمَسْجِدِ لِحَاجَةِ فَرْشٍ وَخَادِمٍ وَتَرَدُّدِ طَبِيبٍ، أَوْ يَخَافُ مِنْهُ تَلْوِثُ الْمَسْجِدِ كَاسْهَالٍ وَإِدْرَارِ بَوْلٍ . بِخِلَافِ مَرَضٍ لَا يَجُوزُ إِلَى الْخُرُوجِ كَصَدَاعٍ وَحُمَى خَفِيفَةٍ فَيَنْقَطِعُ التَّتَابُعُ بِالْخُرُوجِ لَهُ. وَفِي مَعْنَى الْمَرَضِ الْخَوْفِ مِنْ لِصٍّ أَوْ حَرِيقٍ. 354. Tidak terputus turutan iktikaf dengan dia keluar dengan sebab uzur seperti lupa iktikafnya sekalipun lama masanya, dengan (atau uzur kerana haid) atau nifas sekalipun lama tempoh iktikafnya dengan bahawa tidak sunyi ia darinya pada ghalibnya atau janabah daripada mimpi kerana haram diamnya didalam masjid ketika itu, (atau)

seperti uzur (**sakit**) walaupun gila atau pitam (**yang tidak terbolehduduk tetap bersamanya**) iaitu payah bersamanya diam didalam masjid kerana hajat kepada hamparan lapik dan khadam dan berulang alik doktor atau dia bimbang mencemarkan masjid dengannya, sama seperti cirit dan kencing yang tak putus-putus, bersalahan orang sakit yang tidak perlu kepada keluar seperti pening dan demam yang ringan maka putus turutannya dengan keluar darinya. Pada makna sakit takut dari pencuri atau kebakaran.

وَلَا يَنْقَطِعُ التَّتَابُعُ بِخُرُوجِ مُؤَذِّنِ رَاتِبٍ إِلَى مَنَارَةٍ مُنْفَصِلَةٍ عَنِ الْمَسْجِدِ قَرِيبَةٍ مِنْهُ لِلأَذَانِ لِأَنَّهَا مَبْنِيَّةٌ لَهُ مَعْدُودَةٌ مِنْ تَوَابِعِهِ، وَقَدْ أَعْتَادَ الرَّاتِبُ صُعُودَهَا وَالْفِ النَّاسُ صَوْتَهُ، فَيَعْذُرُ فِيهِ وَيَجْعَلُ زَمْنَ الأَذَانِ كَالْمُسْتَنْتَى مِنْ اِعْتِكَافِهِ.

355. Tidak putus turutan iktikaf dengan keluar muazzin ratib kepada menara yang terpisah dari masjid yang dekat dengannya untuk azan kerana ia dibina untuk masjid dikira sebagai sebahagian dari pengikut-pengikutnya, dan sesungguhnya muazzin ratib itu beradat menaikinya dan gemar orang ramai kepada suaranya maka diuzurkan dia padanya dan dijadikan masa azan itu seperti apa yang dikecualikan dari iktikafnya.

وَيَجِبُ فِي اِعْتِكَافِ مُنْذُورٍ مُتَتَابِعٍ قِضَاءِ زَمَنِ خُرُوجِهِ مِنَ الْمَسْجِدِ لِعِذْرِ لَا يَقْطَعُ التَّتَابُعَ كَزَمَنِ حَيْضٍ وَنِفَاسٍ وَجَنَابَةِ غَيْرِ مُفْطَرَةٍ لِأَنَّهُ غَيْرُ مُعْتَكِفٍ فِيهِ، إِلَّا زَمْنَ نَحْوِ تَبَرُّزٍ مِمَّا يُطْلَبُ الْخُرُوجُ لَهُ وَلَمْ يَطُلْ زَمْنُهُ عَادَةً كَأَكْلِ وَغَسْلِ جَنَابَةٍ وَأَذَانِ مُؤَذِّنِ رَاتِبٍ، فَلَا يَجِبُ قِضَاؤُهُ لِأَنَّهُ مُسْتَنْتَى إِذْ لَا بُدَّ مِنْهُ وَلِأَنَّهُ مُعْتَكِفٌ فِيهِ، بِخِلَافِ مَا يَطُولُ زَمْنُهُ كَمَرَضٍ وَعَدَّةٍ وَحَيْضٍ وَنِفَاسٍ.

356. Wajib pada iktikaf yang dinazarkan turutan mengkada masa keluarnya dari masjid kerana uzur yang tidak memutuskan turutannya seperti masa haid dan nifas dan janabah yang tidak membatalkan puasa, kerana dia tidak beriktikaf padanya, melainkan masa umpama kadha hajat daripada apa yang dituntut keluar untuknya dan lama masanya pada adat seperti makan dan mandi janabah dan azan muazzin ratib, maka tida kwajib mengkadhanya kerana ia dikecualikan kerana tidak dapat tidak darinya dan kerana dia beriktikaf padanya, bersalahan apa yang panjang masanya seperti sakit dan iddah dan haid dan nifas.

(وَيَبْطُلُ) اِلْعِتِكَافِ الْمُنْذُورِ وَغَيْرُهُ (بِالْوَطْءِ) مِنْ عَالِمٍ بِتَحْرِيمِهِ ذَاكِرٍ لِلاِعْتِكَافِ ، سِوَاءِ اَوْطَى فِي الْمَسْجِدِ اَمْ خَارِجَهُ عِنْدَ خُرُوجِهِ لِقِضَاءِ حَاجَةٍ اَوْ نَحْوَهَا لَمَنْ اَفَاتِهِ الْعِبَادَةُ الْبَدَنِيَّةُ .

357. (**Batal**) iktikaf yang dinazarkan dan selainnya (**dengan setubuh**) dari orang yang tahukan haramnya dalam keadaan dia ingatkan iktikaf, samaada dia setubuh didalam masjid atau diluarnya di sisi keluarnya untuk keluar kadha hajat atau umamanya kerana ia bernafian dengan ibadat tubuh.

وَأَمَّا الْمُبَاشَرَةُ بِشَهْوَةٍ فِيمَا دُونَ الْفَرْجِ كَلَمْسٍ وَقُبْلَةٍ فَتُبْطَلُهُ إِنْ أَنْزَلَ، وَإِلَّا فَلَا تُبْطَلُهُ لِمَا مَرَّ فِي الصَّوْمِ. وَخَرَجَ بِالْمُبَاشَرَةِ مَا إِذَا نَظَرَ أَوْ تَفَكَّرَ فَأَنْزَلَ فَإِنَّهُ لَا يُبْطَلُ، وَبِالشَّهْوَةِ مَا إِذَا قَبَّلَ بِقَصْدِ الْاِكْرَامِ أَوْ نَحْوِهِ أَوْ بِلاِ قِصْدٍ فَلَا يُبْطَلُهُ إِذَا أَنْزَلَ. وَالِاسْتِمْنَاؤُ كَالْمُبَاشَرَةِ.

358. Adapun bersentuhan kulit dengan syahwat pada apa yang selain faraj seperti sentuh dengan tapak tangan dan kucup maka ia membatalkannya jika dia inzal, jika tidak maka tidak ia membatalkannya kerana apa yang telah lalu pada puasa. Keluar dengan bersentuhan kulit keadaan kalau dia memandang atau berfikir maka dia inzal maka ia tidak membatalkan, dan dengan syahwat keadaan apabila dia mengucup dengan kasad memuliakan dan umpamanya atau tanpa kasad maka ia tidak membatalkannya apabila dia inzal. Istimna' seperti bersentuhan kulit.

وَلَوْ جَامَعَ نَاسِيًا لِلِاعْتِكَافِ أَوْ جَاهِلًا فَكَجَمَاعِ الصَّائِمِ نَاسِيًا صَوْمَهُ أَوْ جَاهِلًا ، فَلَا يَضُرُّ كَمَا مَرَّ فِي الصِّيَامِ . وَلَا يَضُرُّ فِي الإِعْتِكَافِ التَّطَيُّبُ وَالتَّرْتِيزُ بِاغْتِسَالِ وَقَصِّ شَارِبٍ وَنُبْسِ ثِيَابٍ حَسَنَةٍ وَنَحْوِ ذَلِكَ مِنْ دَوَاعِي الْجَمَاعِ لِأَنَّهُ لَمْ يَنْقَلِ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تَرَكَهُ وَلَا أَمَرَ بِتَرْكِهِ ، وَالْأَصْلُ بَقَاؤُهُ عَلَى الإِبَاحَةِ .

359 . Kalau dia jimak dalam keadaan dia lupa iktikaf atau jahil, maka seperti jimak orang yang puasa dalam keadaan dia lupa puasanya atau jahil, maka ia tidak memudharatkan sepertimana pada puasa. Tidak mudharat pada iktikaf berwangian dan berhias dengan mandi dan gunting misai dan pakai pakaian yang elok dan umpama itu, daripada penyeru-penyeru jimak kerana tidak dinakalkan dari nabi s.a.w.m bahawa dia meninggalkannya dan tidak juga menyuruh meninggalkannya. Dan asalnya adalah kekalnya di atas harus.

وَلَهُ أَنْ يَتَزَوَّجَ وَيُزَوَّجَ ، بِخِلَافِ الْمُحْرِمِ . وَلَا تُكْرَهُ لَهُ الصَّنَاعُ فِي الْمَسْجِدِ كَالْخِيَاطَةِ وَالْكِتَابَةِ مَا لَمْ يُكْتَبْ مِنْهَا . فَإِنْ أَكْثَرَ مِنْهَا كُرِهَتْ لِحُرْمَتِهِ ، إِلَّا كِتَابَةَ الْعِلْمِ فَلَا يُكْرَهُ الْإِكْتِنَارُ مِنْهَا لِأَنَّهَا طَاعَةٌ كَتَلِيمِ الْعِلْمِ ذَكَرَهُ فِي الْمَجْمُوعِ .

360 . Boleh dia berkahwin dan mengahwinkan, bersalahan orang yang berihram. Tidak makruh dia membuat kerja tangan didalam masjid seperti menjahit dan menulis selama tidak membanyakkannya. Maka jika dia membanyakkannya dimakruhkan kerana kehormatan masjid, melainkan menulis ilmu maka tidak makruh membanyakkannya kerana ia ketaatan, sama seperti mengajarkan ilmu. Menyebutkannya Nawawi didalam Majmuk.

وَلَهُ أَنْ يَأْكُلَ وَيَشْرَبَ وَيَغْسِلَ يَدَيْهِ فِيهِ . وَالْأَوْلَى أَنْ يَأْكُلَ فِي سَفْرَةٍ أَوْ نَحْوِهَا ، وَأَنْ يَغْسِلَ يَدَهُ فِي طَسْتٍ أَوْ نَحْوِهَا لِيَكُونَ أَنْظَفَ لِلْمَسْجِدِ . وَيَجُوزُ نَضْحُهُ بِمُسْتَعْمَلٍ ، خِلَافًا لِمَا جَرَى عَلَيْهِ الْبَغْوِيُّ مِنَ الْحُرْمَةِ لِاتِّفَاقِهِمْ عَلَى جَوَازِ الوُضُوءِ فِيهِ وَإِسْقَاطِ مَائِهِ فِي أَرْضِهِ مَعَ أَنَّهُ مُسْتَعْمَلٌ .

361 . Boleh dia makan dan minum dan basuh tangannya didalam masjid, yang terutama bahawa dia makan pada safrah atau umpamanya, dan bahawa dia membasuh tangannya didalam besen atau umpamanya supaya adalah ia lebih membersihkan masjid. Harus mencurahkan air musta'mal, bersalahan apa yang berjalan Bughawi di atasnya daripada haramnya, kerana sepakat mereka di atas harus wudhuk padanya dan menjatuhkan airnya pada buminya serta bahawa ianya musta'mal.

وَيَجُوزُ الإِحْتِجَامُ وَالْفَصْدُ فِي إِنْاءٍ مَعَ الْكِرَاهَةِ إِذَا أَمِنَ تَلَوِيَتَ الْمَسْجِدِ . وَيَحْرُمُ الْبَوْلُ فِيهِ فِي إِنْاءٍ . وَالْفَرْقُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَا تَقَدَّمَ أَنَّ الدَّمَ أَحْفَ مِنْهُ لِمَا مَرَّ أَنَّهُ يُعْفَى عَنْهَا فِي مَحَلِّهَا وَإِنْ كَثُرَتْ إِذَا لَمْ تَكُنْ بِفِعْلِهِ .

362 . Harus berbekam dan berpetik didalam bejana serta makruh apabila aman dari mencemarkan masjid, dan haram kencing didalam masjid pada bejana. Beza di antaranya dan di antara apa yang telah lalu bahawa darah lebih ringan dari kencing kerana apa yang telah lalu bahawa dimaafkan dari darah pada tempatnya sekalipun banyak jika ia bukan dengan perbuatannya.

وَإِنْ اشْتَعَلَ الْمُعْتَكِفُ بِالْقُرْآنِ وَالْعِلْمِ فَرِيَادَةَ خَيْرٍ ، لِأَنَّهُ طَاعَةٌ فِي طَاعَةٍ .

363 . Jika orang yang beriktikaf sibuk dengan quran dan ilmu maka lebih kebajikan kerana ia ketaatan didalam mentaatinya.

خَاتِمَةٌ : يَسُنُّ لِلْمُعْتَكِفِ الصَّوْمُ لِلِاتِّبَاعِ وَاللَّخْرُوجُ مِنْ خِلَافِ مَنْ أَوْجَبَهُ . وَلَا يَضُرُّ الْفِطْرُ ، بَلْ يَصِحُّ اعْتِكَافُ اللَّيْلِ وَحْدَهُ لِخَبَرِ الصَّحِيحِينَ { أَنَّ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنِّي نَذَرْتُ أَنْ أَعْتَكِفَ لَيْلَةً

فِي الْجَاهِلِيَّةِ قَالَ : أَوْفِ بِنَذْرِكَ { فَأَعْتَكَفَ لَيْلَةً، وَلَخَبَّرَ أَنَسٌ : } لَيْسَ عَلَى الْمُعْتَكِفِ صِيَامٌ إِلَّا أَنْ يَجْعَلَهُ عَلَى نَفْسِهِ {.

364 . Khatimah. Sunat bagi orang yang iktikaf berpuasa kerana ittiba' dan kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya. Tidak memudharatkan berbuka puasa, bahkan sah iktikafnya pada malam sahaja kerana khabar dua kitab yang sahih “bahawa Umar r.a berkata : wahai rasullullah sesungguhnya aku bernazar beriktikaf pada malam pada masa jahiliyah. Katanya : sempurnakan nazar mu. Maka dia iktikaf pada waktu malam”, dan kerana khabar Anas “tidak ada di atas yang beriktikaf pausa melainkan bahawa dia mewajibkan di atas dirinya”.

وَلَوْ نَذَرَ اعْتِكَافَ شَهْرٍ بِعَيْنِهِ فَبَانَ أَنَّهُ انْقَضَى قَبْلَ نَذْرِهِ لَمْ يَلْزَمَهُ شَيْءٌ لِأَنَّ اعْتِكَافَ شَهْرٍ قَدْ مَضَى مُحَالٌ.

365 . Kalau dia bernazar sebulan dengan tentunya maka nyata bahawa ia telah berlalu sebelum nazarnya tidak melaziminya sesuatu kerana iktikaf bulan telah lalu adalah mustahil.

وَهَلْ الْأَفْضَلُ لِلْمُتَطَوِّعِ بِالْإِعْتِكَافِ الْخُرُوجِ لِعِيَادَةِ الْمَرِيضِ أَوْ دَوَامِ الْإِعْتِكَافِ ؟ قَالَ الْأَصْحَابُ : هُمَا سَوَاءٌ . وَقَالَ ابْنُ الصَّلَاحِ : إِنَّ الْخُرُوجَ لَهَا مُخَالَفٌ لِلسُّنَّةِ لِأَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَكُنْ يَخْرُجُ لِذَلِكَ وَكَانَ اعْتِكَافُهُ تَطَوُّعًا . وَقَالَ الْبُلْقِينِيُّ : يَنْبَغِي أَنْ يَكُونَ مَوْضِعُ التَّسْوِيَةِ فِي عِيَادَةِ الْأَجَانِبِ . أَمَّا ذُو الرَّحِمِ وَالْأَقْرَابِ وَالْأَصْدِقَاءِ وَالْجِيرَانَ فَالظَّاهِرُ أَنَّ الْخُرُوجَ لِعِيَادَتِهِمْ أَفْضَلُ لَا سِيَّمَا إِذَا عَلِمَ أَنَّهُ يَشْقَى عَلَيْهِمْ . وَعِبَارَةٌ الْقَاضِي الْحُسَيْنِ مُصَرِّحَةً بِذَلِكَ، وَهَذَا هُوَ الظَّاهِرُ .

366 . Adakah yang terafdhal bagi orang yang sukarela dengan iktikaf keluar untuk ziarah orang sakit atau terus beriktikaf? Kata ashab Syafi'e: keduanya sama. Kata Ibnu sholah : bahawa keluarnya untuk ziarah itu menyalahi sunnah kerana nabi s.a.w.m tidak pernah keluar untuk demikian itu, dan adalah i'tikafnya sukarela. Kata Bulqini : sayugia bahawa tempat sama itu pada ziarah ajnabi. Adapun orang yang punya kasih sayang dan kerabat dan rakan baik dan jiran maka yang zahir bahawa keluar untuk ziarah sakit mereka terafdhal apatah pula apabila dia mengetahui bahawa dia menyusahkan mereka. Ibarat qadhi Husain menjelaskan demikian itu, yang mana ini adalah yang zahir.

كِتَابُ الْحَجِّ

بِفَتْحِ الْمُهْمَلَةِ وَكَسْرِهَا لُعْتَانِ فُرِيَ بِهِمَا فِي السَّبْعِ. وَهُوَ لُغَةٌ الْقَصْدُ وَشَرَعًا قَصْدُ الْكَعْبَةِ لِلنَّسِكِ الْآتِي بَيَانُهُ كَمَا قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ. وَهُوَ فَرَضٌ عَلَى الْمُسْتَطِيعِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى { وَبِهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ } الْآيَةُ، وَلِحَدِيثِ : { بَنِي الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسٍ } وَلِحَدِيثِ : { حُجُّوا قَبْلَ أَنْ لَا تَحُجُّوا قَالُوا : كَيْفَ نَحُجُّ قَبْلَ أَنْ لَا نَحُجَّ ؟ قَالَ : أَنْ تَقْعُدَ الْعَرَبُ عَلَى بَطُونِ الْأُودِيَةِ فَيَمْنَعُونَ النَّاسَ السَّبِيلَ }.

367. **Kitab Haji.** “الحج” dengan fathah ha’ dan kasrahnya, dua lughah yang dibaca ia dengan keduanya pada qiraat tujuh. Lanya pada lughah adalah “tuju”, dan pada syara’ menuju ke ka’bah untuk amalan nusuk yang akan datang keterangannya sepertimana Nawawi katakan didalam Majmuk. Lanya fardhu di atas orang yang berdaya kerana firman Allah taala “dan bagi Allah di atas manusia bahawa dia menuju ke baitullah”, dan kerana hadith “dibina islam di atas lima”, dan kerana hadith “hendaklah kamu mengerjakan haji sebelum kamu tidak dapat mengerjakan haji! Kata mereka : bagaimana kami mengerjakan haji sebelum bahawa kami tidak dapat mengerjakan haji? Katanya : bahawa orang-orang arab duduk di atas batin-batin lembah menghalang jalan orang ramai jalan”.

وَهُوَ مَعْلُومٌ مِنَ الدِّينِ بِالضَّرُورَةِ ، يَكْفُرُ جَا حِدُهُ إِلَّا أَنْ يَكُونَ قَرِيبَ عَهْدٍ بِالإِسْلَامِ أَوْ نَشَأَ بِبَادِيَةِ بَعِيدَةٍ عَنِ الْعُلَمَاءِ. وَهُوَ مِنَ الشَّرَائِعِ الْقَدِيمَةِ رُوي أَنَّ آدَمَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ لَمَّا حَجَّ قَالَ لَهُ جِبْرِيْلُ : إِنَّ الْمَلَائِكَةَ كَانُوا يَطُوفُونَ قَبْلَكَ بِهَذَا الْبَيْتِ بِسَبْعَةِ آلَافِ سَنَةٍ.

368. Lanya diketahui daripada ugama dengan mudah, kafir orang yang ingkarkannya melainkan bahawa dia baru masanya dengan islam atau membesar jauh dari ulamak. Lanya syari’at yang kuno. Diriwayatkan bahawa Adam a.s tatkala mengerjakan haji berkata Jibril kepadanya bahawa para malaikat sentiasa tawaf sebelum kamu pada rumah ini tujuh ribu tahun.

وَقَالَ صَاحِبُ التَّعْجِيزِ : إِنَّ أَوَّلَ مَنْ حَجَّ آدَمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ وَإِنَّهُ حَجَّ أَرْبَعِينَ سَنَةً مِنَ الْهُنْدِ مَاشِيًا. وَقِيلَ : مَا مِنْ نَبِيٍّ إِلَّا حَجَّهُ. وَقَالَ أَبُو إِسْحَاقَ : لَمْ يَبْعَثْ اللَّهُ نَبِيًّا بَعْدَ إِبْرَاهِيمَ إِلَّا وَقَدْ حَجَّ الْبَيْتِ. وَادَّعَى بَعْضُ مَنْ أَلْفَ فِي الْمُنَاسِكِ أَنَّ الصَّحِيحَ أَنَّهُ لَمْ يَجِبْ إِلَّا عَلَى هَذِهِ الْأُمَّةِ.

369. Kata pengarang kitab Ta’jiz : bahawa orang pertama yang mengerjakan haji adalah Adam a.s dan bahawa dia mengerjakan haji empat puluh tahun dari Hindi dalam kadaan berjalan. Dikatakan : tidak ada seorang nabi pun melainkan dia mengerjakan haji. Kata Abu Ishaq : tidak Allah bangkitkan seorang nabi selepas Ibrahim melainkan dia mengerjakan haji di baitullah. Sebahagian sebahagian orang yang mengarang tentang ibadat Nusuk mendakwa bahawa yang sah ianya tidak wajib melainkan ke atas umat ini.

وَأَخْتَلَفُوا مَتَى فَرَضَ . فَقِيلَ : قَبْلَ الْهَجْرَةِ حَكَاهُ فِي النَّهَائِيَةِ . وَالْمَشْهُورُ أَنَّهُ بَعْدَهَا . وَعَلَيْهِ قِيلَ : فَرَضَ فِي السَّنَةِ الْخَامِسَةِ مِنَ الْهَجْرَةِ . وَجَزَمَ بِهِ الرَّافِعِيُّ فِي الْكَلَامِ عَلَى أَنَّ الْحَجَّ عَلَى التَّرَاخِي . وَقِيلَ فِي السَّنَةِ السَّادِسَةِ وَصَحَّاحَهُ فِي كِتَابِ السِّيَرِ . وَنَقَلَهُ فِي الْمَجْمُوعِ عَنِ الْأَصْحَابِ . وَهَذَا هُوَ الْمَشْهُورُ .

370 . Mereka berselisih pendapat bila ia difardhukan. Maka dikatakan : sebelum hijrah, dan Rafi'e jazam dengannya pada membicarakan bahawa haji itu di atas berlambatan. Dikatakan: pada tahun keenam, dan kedua mereka mengesahkannya didalam "Kitab Sirah" dan Nawawi menakalkannya didalam Majmuk dari ashab Syafi'e. Ini adalah yang masyhur.

وَلَا يَجِبُ بِأَصْلِ الشَّرْعِ إِلَّا مَرَّةً وَاحِدَةً لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَحْجَّ بَعْدَ فَرَضِ الْحَجِّ، إِلَّا مَرَّةً وَاحِدَةً ، وَهِيَ حَجَّةُ الْوَدَاعِ وَلِخَبَرِ مُسْلِمٍ : { أَحَجَّنَا هَذَا لِعَامِنَا أَمْ لِلْأَبَدِ ؟ قَالَ : بَلْ لِلْأَبَدِ } . وَأَمَّا حَدِيثُ الْبَيْهَقِيِّ الْأَمْرِ بِالْحَجِّ فِي كُلِّ خَمْسَةِ أَعْوَامٍ فَمَحْمُولٌ عَلَى النَّدْبِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { مَنْ حَجَّ حَجَّةً أَدَى فَرَضَهُ، وَمَنْ حَجَّ ثَانِيَةً دَايِنَ رَبِّهِ، وَمَنْ حَجَّ ثَلَاثَ حَجَجٍ حَرَّمَ اللَّهُ شَعْرَهُ وَبَشَرَهُ عَلَى النَّارِ } . وَقَدْ يَجِبُ أَكْثَرُ مِنْ مَرَّةٍ لِعَارِضِ كُنُودٍ وَقَضَاءِ عِنْدِ إِفْسَادِ النَّطْوَعِ .

371 . Tidak wajib haji dengan asal syara' melainkan sekali kerana nabi s.a.w.m tidak mengerjakan haji selepas difardhukan haji melainkan sekali yang mana ia haji wada' dan kerana khabar Muslim "adakah haji kita ini untuk tahun kita ini atau untuk semlamalamanya? Katanya : bahkan untuk selama-lamanya". Adapun hadith Baihaqi yang menyuruh mengerjakan haji pada setiap lima tahun ditanggungkan di atas sunat kerana sabda nabi s.a.w.m "siapa yang mengerjakan sekali haji dia menunaikan fardhunya dan siapa yang mengerjakan haji kali kedua dia menghutangkan Tuhannya dan siapa yang mengerjakan haji tiga kali Allah haramkan rambutnya dan kulitnya di atas neraka". Terkadang ianya wajib lebih dari sekali kerana faktor mendatang seperti nazar dan kadha di sisi merosakkan haji sunat.

وَالْعُمْرَةَ فَرَضَ فِي الْأَطْهَرِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى { وَأَتَمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ } أَيِ اتَّوَّأ بِهَمَا تَامِينَ ، { وَعَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا أَنَّهَا قَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ عَلَى النِّسَاءِ جِهَادٌ ؟ قَالَ : نَعَمْ جِهَادٌ لَا قِتَالَ فِيهِ، الْحُجُّ وَالْعُمْرَةُ } . وَأَمَّا خَبَرُ التِّرْمِذِيِّ { عَنْ جَابِرٍ : سَأَلَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْعُمْرَةِ أَوْاجِبَةٌ هِيَ ؟ قَالَ : لَا، وَأَنْ تَعْتَمِرَ خَيْرٌ } . قَالَ فِي الْمَجْمُوعِ : اتَّفَقَ الْحَفَاطُ عَلَى ضَعْفِهِ، وَلَا تَجِبُ فِي الْعُمْرِ إِلَّا مَرَّةً .

372 . Umrah adalah fardhu pada yang paling zahir kerana firman Allah taala "dan sempurnakanlah haji dan umrah kerana Allah", iaitu datangkan keduanya dalam keadaan sempurna. "dan dari Aisyah r.a bahawa dia berkata : wahai rasulullah! Adakah perempuan kena berjihad? Katanya : ia, jihad yang tidak ada perang padanya, haji dan umrah". Adapun khabar Turmizi "dari Jabir, dia bertanya rasulullah s.a.w.m tentang umrah, adakah ianya wajib? Katanya : tidak dan bahawa kamu melakukan umrah itu lebih baik". Katanya didalam Majmuk : sepakat para penghafaz hadith di atas dhaifnya, dan tidak wajib umrah seumur hidup melainkan sekali.

(وَشَرَائِطُ وَجُوبِ الْحَجِّ) أَيِ وَالْعُمْرَةَ (سَبْعَةٌ) ، بَلْ ثَمَانِيَةٌ كَمَا سَتَعْرِفُهُ . الْأَوَّلُ (الْإِسْلَامُ) ، فَلَا يَجِبَانِ عَلَى كَافِرٍ أَصْلِيٍّ وَجُوبٌ مُطَالِبَةٌ كَمَا فِي الصَّلَاةِ ، أَمَّا الْمُرْتَدُّ بَعْدَ الْإِسْتِطَاعَةِ فَلَا يَسْقُطَانِ عَنْهُ . فَإِنْ أَسْلَمَ مُعْسِرًا اسْتَقْرَّ فِي دِمَّتِهِ بِتِلْكَ الْإِسْتِطَاعَةِ أَوْ مُوسِرًا وَمَاتَ قَبْلَ التَّمَكُّنِ حَجَّ وَاعْتَمَرَ عَنْهُ مَنْ تَرَكْتَهُ . وَلَوْ ارْتَدَّ فِي أَثْنَاءِ نُسُكِهِ بَطُلٌ فِي الْأَصْحَحِ فَلَا يَمْضِي فِي فِاسِدِهِ .

373 . (Syarat-syarat wajib haji) dan umrah (tujuh), bahkan lapan sepertimana kamu akan tahu. Pertamanya (islam), maka tidak wajib keduanya ke atas kafir asli sebagai wajib tuntutan sepertimana pada sembahyang. Adapun yang murtad selepas mampu maka tidak gugur ia darinya. Maka jika dia kembali islam dalam keadaan papa tetap ia

pada zimmahnya dengan kemampuan itu, atau dalam keadaan kaya dan dia mati sebelum terbolelah mengerjakan haji dan umrah dihajikan dan diumrahkan darinya dari harta peninggalannya. Kalau dia murtad ditengah nusuknya batal ia pada yang paling sah, maka tidak boleh dia terus didalam yang rosaknya.

(وَ) الثَّانِي وَالثَّلَاثُ (الْبُلُوغُ وَالْعَقْلُ) ، فَلَا يَجْبَانُ عَلَى صَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ لِعَدَمِ تَكْلِيفِهِمَا كَسَائِرِ الْعِبَادَاتِ .

374 . Keduanya dan ketiganya (**baligh dan akal**), maka keduanya tidak wajib di atas kanak-kanak dan orang gila kerana ketiadaan taklif mereka seperti sekalian ibadat-ibadat.

(وَ) الرَّابِعُ (الْحَرِيَّةُ) فَلَا يَجْبَانُ عَلَى مَنْ فِيهِ رِقٌّ لِأَنَّ مَنَافِعَهُ مُسْتَحَقَّةٌ لِسَيِّدِهِ ، وَفِي إِجَابِ ذَلِكَ عَلَيْهِ إِضْرَارٌ لِلْسَيِّدِ .

375 . Keempatnya (**merdeka**) maka tidak wajib keduanya di atas orang yang ada padanya sifat kehambaan kerana manfaat dirinya dihakkan bagi penghulunya dan pada mewajibkan demikian itu ke atasnya memudharatkan penghulunya.

(وَ) الْخَامِسُ الْإِسْتِطَاعَةُ كَمَا يَعْلَمُ ذَلِكَ مِنْ كَلَامِهِ ، فَلَا يَجْبَانُ عَلَى غَيْرِ مُسْتَطِيعٍ لِمَفْهُومِ الْآيَةِ .

376 . Kelimanya : kemampuan sepertimana diketahui demikian itu dari kalamnya, maka tidak wajib keduanya ke atas orang yang tidak mampu kerana mafhum ayat itu.

وَإِلْتِطَاعَهُ نَوْعَانِ : أَحَدُهُمَا اسْتِطَاعَةُ مُبَاشَرَةً ، وَلَهَا شُرُوطٌ : أَحَدُهَا (وَجُودُ الزَّادِ) الَّذِي يَكْفِيهِ ، وَأُوعِيَتُهُ حَتَّى السَّفَرَةِ وَكُلْفُهُ ذَهَابِهِ لِمَكَّةَ وَرُجُوعِهِ مِنْهَا إِلَى وَطَنِهِ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ أَهْلٌ وَعَشِيرَةٌ ، فَلَوْ لَمْ يَجِدْ مَا ذَكَرَ وَلَكِنْ كَانَ يَكْسِبُ فِي سَفَرِهِ مَا يَفِي بِزَادِهِ وَبَاقِي مَوْنِهِ وَسَفَرُهُ طَوِيلٌ مَرَّحَلَتَانِ فَأَكْثَرُ ، لَمْ يَكْلَفِ النَّسْكَ ، وَلَوْ كَانَ يَكْسِبُ فِي يَوْمٍ كِفَايَةَ أَيَّامٍ لِأَنَّهُ قَدْ يَنْقَطِعُ عَنِ الْكَسْبِ لِعَارِضٍ . وَيَتَّقَدَّرُ عَدَمُ الْإِنْقِطَاعِ فَالْجَمْعُ بَيْنَ تَعَبِ السَّفَرِ وَالْكَسْبِ فِيهِ مَشَقَّةٌ عَظِيمَةٌ .

377 . Kemampuan itu dua bagai. Satu daripadanya mampu mengerjakan sendiri. Baginya beberapa syarat. Satu daripadanya (**ujud bekalan**) dan bekasnya hinggakan sufrah dan kos perginya ke Makkah dan kembali darinya ke tanah airnya sekalipun dia tidak ada keluarganya padanya. Maka kalau dia tidak mendapat apa yang disebutkan itu akan tetapi dia dapat mengusahakan pada safarnya apa yang mencukupi bekalannya dan baki kos-kosnya walhal safarnya jauh dua marhalah maka lebih tidak diberati dia dengan nusuk, walaupun dia dapat mengusahakan pada sehari kecukupannya beberapa hari kerana terkadang dia terputus dari usaha kerana aral yang mendatang. Dengan takdir tidak terputusnya maka himpun di antara letih safar dan usaha pada safar yang panjang adalah kepayahan yang besar.

وَإِنْ قَصَرَ سَفَرُهُ وَكَانَ يَكْسِبُ فِي يَوْمٍ كِفَايَةَ أَيَّامِ الْحَجِّ كَلَّفَ الْحَجَّ بِأَنْ يَخْرُجَ لَهُ لِقَلَّةِ الْمَشَقَّةِ حِينَئِذٍ وَقَدَّرَ فِي الْمَجْمُوعِ أَيَّامَ الْحَجِّ بِمَا بَيْنَ زَوَالِ سَابِعِ ذِي الْحِجَّةِ وَزَوَالِ ثَلَاثِ عَشْرَةَ . وَهُوَ فِي حَقِّ مَنْ لَمْ يَنْفِرْ النَّفْرَ الْأَوَّلَ

378 . Jika safarnya pendek dan dia dapat mengusahakan pada sehari kecukupan beberapa hari haji diberati dia dengan haji dengan bahawa dia keluar untuknya kerana sedikit kesulitan ketika itu. Nawawi mentakdirkan didalam Majmuk hari-hari haji itu dengan apa yang di antara zawal hari ketujuh zul hijjah dan zawal hari ketiga belasnya. Ianya pada hak orang yang tidak nafar awal.

فَإِنْ لَمْ يَجِدْ زَادًا وَاحْتِاجَ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ كُرْهَ لَهُ اعْتِمَادًا عَلَى السُّؤَالِ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ كَسْبٌ، وَإِلَّا مُنِعَ بِنَاءً عَلَى تَحْرِيمِ الْمَسْأَلَةِ لِلْمُكْتَسِبِ كَمَا بَحَثَهُ الْأَدْرَعِيُّ.

379. Maka jika dia tidak mendapat bekalan dan perlu kepada meminta-minta orang ramai dimakruhkan safar baginya dengan berpegang di atas meminta-minta, jika dia tidak punya usaha. Jika tidak, ditegah ia kerana bina di atas pengharaman meminta-minta bagi orang yang boleh berusaha sepertimana dibahaskan Azrai'e.

(وَ) الثَّانِي مِنْ شُرُوطِ الْإِسْتِطَاعَةِ وَجُودُ (الرَّاحِلَةِ) الصَّالِحَةِ لِمِثْلِهِ ، بِشِرَاءٍ أَوْ اسْتِئْجَارٍ بِتَمَنٍ أَوْ أُجْرَةٍ مِثْلَ لِمَنْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَكَّةَ مَرَحِلَتَيْنِ فَأَكْثَرُ، قَدَرَ عَلَى الْمَشْيِ أَمْ لَا، لَكِنْ يَنْدُبُ لِلْقَادِرِ عَلَى الْمَشْيِ الْحَجَّ خُرُوجًا مِنْ خِلَافِ مَنْ أَوْجَبَهُ.

380. Yang kedua daripada syarat-syarat kemampuan itu ujud (**kenderaan**) yang sesuai bagi orang yang seumpamanya dengan beli atau sewa dengan harga atau sewaan seumpama bagi orang yang di antaranya dan di antara Makkah dua marhalah maka lebih, dia kuasa berjalan atau tidak, akan tetapi sunat haji bagi yang kuasa berjalan kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya.

وَمَنْ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَكَّةَ دُونَ مَرَحِلَتَيْنِ وَهُوَ قَوِيٌّ عَلَى الْمَشْيِ يَلْزَمُهُ الْحَجُّ لِعَدَمِ الْمَشَقَّةِ . فَلَا يُعْتَبَرُ فِي حَقِّهِ وَجُودُ الرَّاحِلَةِ. فَإِنْ ضَعْفَ عَنِ الْمَشْيِ بَانَ عَجْرٌ أَوْ لِحْقَهُ ضَرَرٌ ظَاهِرٌ فَكَالْبَعِيدِ عَنْ مَكَّةَ، فَيُشْتَرَطُ فِي حَقِّهِ وَجُودُ الرَّاحِلَةِ.

381. Orang yang di antaranya dan di antara Makkah kurang dari dua marhalah dan dia kuat berjalan melaziminya haji kerana tidak ada masyaqqah, maka tidak diiktibarkan pada haknya ujud kenderaan. Maka jika dia lemah dari berjalan dengan bahawa dia lemah atau menghubunginya kemudharatan yang zahir maka seperti orang yang jauh dari Makkah maka disyaratkan pada haknya ujud kenderaan.

فَإِنْ لِحْقَهُ بِالرَّاحِلَةِ مَشَقَّةٌ شَدِيدَةٌ اشْتَرَطَ مَحْمَلٌ، وَهُوَ الْخَشَبَةُ الَّتِي يَرْكَبُ فِيهَا بَيْعٌ أَوْ إِجَارَةٌ بِعَوَضٍ مِثْلِهِ دَفْعًا لِلضَّرَرِ فِي حَقِّ الرَّجُلِ، وَلِأَنَّهُ اسْتَرَى لِلأَنْثَى وَأَحْوَطُ لِلْخُنْثَى. وَاشْتَرَطَ شَرِيكَ أَيْضًا مَعَ وَجُودِ الْمَحْمَلِ يَجْلِسُ فِي الشِّقِّ الْأَخْرَ لِتَعَدُّرِ رُكُوبِ شِقِّ لَا يُعَادِلُهُ شَيْءٌ. فَإِنْ لَمْ يَجِدْهُ لَمْ يَلْزَمُهُ النَّسْكُ، وَإِنْ وَجَدَ مُؤْنَةَ الْمَحْمَلِ بِتَمَامِهِ أَوْ كَانَتْ الْعَادَةُ جَارِيَةً فِي مِثْلِهِ بِالْمُعَادَلَةِ بِالْأَثْقَالِ، كَمَا هُوَ ظَاهِرُ كَلَامِ الْأَصْحَابِ.

382. Maka jika menghubunginya masyaqqah yang kuat pada kenderaan disyaratkan mahmal iaitu kayu yang ditunggangi di atasnya dengan jual atau sewa dengan bayaran seumpamanya kerana menolak kemudharatan pada hak lelaki dan kerana ia lebih menutupi bagi perempuan dan lebih cermat bagi khunsa. Disyaratkan rakan kongsi juga serta ujud mahmal itu yang duduk pada belah yang satu lagi kerana teruzur menunggang satu belah yang tidak diimbangi oleh suatu. Maka jika dia tidak mendapatnya tidak lazim dia mengerjakan nusuk, sekalipun dia mendapat kos mahmal dengan sempurnanya atau berjalan adat pada orang yang seumpamanya dengan pengimbang dengan barang bebanan sepertimana ia yang zahir dari kalam sahabat Syafi'e.

وَيُشْتَرَطُ كَوْنُ مَا ذَكَرَ مِنَ الرَّادِ وَالرَّاحِلَةِ وَالْمَحْمَلِ وَالشَّرِيكِ فَاضِلِينَ عَنِ دَيْنِهِ خَالًا كَانَ أَوْ مُوَجَّلًا وَعَنْ كُلْفَةٍ مِنْ عَلَيْهِ نَفَقَتُهُمْ مُدَّةَ ذَهَابِهِ وَإِيَابِهِ، وَعَنْ مَسْكِنِهِ اللَّانِقِ بِهِ الْمُسْتَعْرِقِ لِحَاجَتِهِ، وَعَنْ عَيْدٍ يَلِيقُ بِهِ وَيَحْتَاجُ إِلَيْهِ لِخِدْمَتِهِ، وَيَلْزَمُ صَرْفَ مَالِ تِجَارَتِهِ إِلَى الرَّادِ وَالرَّاحِلَةِ وَمَا يَتَعَلَّقُ بِهِمَا.

383. Disyaratkan keadaan apa yang disebutkan itu daripada bekalan dan kenderaan dan mahmal dan rakan syarikat lebih dari hutangnya yang sampai tempoh atau yang ditempokan dan dari belanja orang yang kena di atasnya nafkah mereka dalam

tempoh perginya dan baliknya, dan dari tempat tinggalnya yang layak dengannya yang menghabiskan hajatnya³¹, dan dari hamba yang layak dengannya yang dia perlukan untuk berkhidmat kepadanya. Lazim dia memalingkan harta perniagaannya kepada bekalan dan kenderaan dan apa yang berkaitan dengan keduanya.

(وَ) الشَّرْطُ السَّادِسُ لِلْوُجُوبِ (تَخْلِيَةُ الطَّرِيقِ) أَي أَمْنُهُ وَلَوْ ظَنَّا فِي كُلِّ مَكَانٍ بِحَسَبِ مَا يَلِيقُ بِهِ . فَلَوْ خَافَ فِي طَرِيقِهِ عَلَى نَفْسِهِ أَوْ عَضْوِهِ أَوْ نَفْسٍ مُحْتَرَمَةٍ مَعَهُ أَوْ عَضْوِهَا أَوْ مَالِهِ وَلَوْ يَسِيرًا سَبْعًا أَوْ عَدْوًا أَوْ رَصْدِيًّا³² وَلَا طَرِيقَ لَهُ سِوَاهُ لَمْ يَجِبِ النَّسُكُ عَلَيْهِ لِحُصُولِ الضَّرَرِ . وَالْمُرَادُ بِالْأَمْنِ الْأَمْنُ الْعَامُّ حَتَّى لَوْ كَانَ الْخَوْفُ فِي حَقِّهِ وَحْدَهُ قُضِيَ مِنْ تَرْكِهِ كَمَا نَقَلَهُ الْأَبُلْقِينِيُّ عَنِ النَّصِّ .

384 . Syarat yang keenam (**sunyi jalan**) iaitu amannya walau di atas jalan sangka pada setiap tempat dengan sekira-kira apa yang layak dengannya. Maka kalau dia takut pada jalannya bahaya di atas dirinya atau anggotanya atau nyawa yang dihormati yang bersamanya atau anggotanya atau hartanya walaupun sedikit, dari binatang liar atau musuh dan tidak ada jalan baginya selainnya tidak wajib nusuk di atasnya kerana terhasil mudharat. Yang dikehendaki dengan aman adalah aman yang umum hinggakan kalau ketakutan itu pada haknya sahaja dikadha nusuknya dari peninggalannya sepertimana dinakalkan Bulqini dari nas Syafi'e.

وَيَجِبُ رُكُوبُ الْبَحْرِ إِنْ غَلَبَتِ السَّلَامَةُ فِي رُكُوبِهِ وَتَعَيَّنَ طَرِيقًا كَسَلُوكِ طَرِيقِ الْبَرِّ عِنْدَ غَلَبَةِ السَّلَامَةِ، فَإِنْ غَلَبَ الْهَلَاكُ أَوْ اسْتَوَى الْأَمْرَانِ لَمْ يَجِبْ بَلْ يَحْرُمُ لِمَا فِيهِ مِنَ الْخَطَرِ.

385 . Wajib belayar dilaut jika menang selamat padanya dan tertentu ia sebagai jalan, sama seperti melalui jalan darat di sisi menang selamat. Maka jika menang kebinasaan atau sama dua perkara itu tidak wajib ia bahkan haram, kerana bahaya yang ada padanya.

(وَ) السَّابِعُ (إِمْكَانُ الْمَسِيرِ) إِلَى مَكَّةَ بِأَنْ يَكُونَ قَدْ بَقِيَ مِنَ الْوَقْتِ مَا يَتِمَّكُنُ فِيهِ مِنَ السَّيْرِ الْمُعْتَادِ لِأَدَاءِ النَّسْكِ . وَهَذَا هُوَ الْمُعْتَمَدُ كَمَا نَقَلَهُ الرَّافِعِيُّ عَنِ الْأَنْبِيَاءِ، وَإِنْ اعْتَرَضَهُ ابْنُ الصَّلَاحِ بِأَنَّهُ يُشْتَرَطُ لِاسْتِقْرَارِهِ لَا لِوُجُوبِهِ. فَقَدْ صَوَّبَ النَّوَوِيُّ مَا قَالَهُ الرَّافِعِيُّ. وَقَالَ السُّبْكِيُّ : إِنَّ نَصَّ الشَّافِعِيِّ أَيْضًا يَشْهَدُ لَهُ.

386 . Yang ketujuh (**terboleh perjalanan**) ke Makkah dengan bahawa masih tinggal daripada waktu kadar yang terboleh padanya perjalanan yang biasa untu menunaikan nusuk. Ini adalah yang muktamad sepertimana dinakalkan Rafi'e dari imam-imam, sekalipun Ibnu Sholah mengkritiknya dengan bahawa ia disyaratkan untuk tetapnya, bukan untuk wajibnya. Sungguhnya Nawawi membilang betul apa yang dikatakan Rafi'e. Kata Subki: bahawa nas Syafi'e juga menyaksikannya.

وَلَا بُدَّ مِنْ وُجُودِ رُقْفَةٍ يَخْرُجُ مَعَهُمْ فِي الْوَقْتِ الَّذِي جَرَتْ عَادَةُ أَهْلِ بَلَدِهِ بِالْخُرُوجِ فِيهِ، وَأَنْ يَسِيرُوا السَّيْرَ الْمُعْتَادَ. فَإِنْ خَرَجُوا قَبْلَهُ أَوْ أَخْرَوْا الْخُرُوجَ بِحَيْثُ لَا يَصْلُونَ مَكَّةَ إِلَّا بِأَكْثَرِ مِنْ مَرَّحَلَةٍ فِي كُلِّ يَوْمٍ، أَوْ كَانُوا يَسِيرُونَ فَوْقَ الْعَادَةِ لَمْ يَلْزَمَهُ الْخُرُوجُ. هَذَا إِنْ أُحْتِيجَ إِلَى الرُّقْفَةِ لِدَفْعِ الْخَوْفِ. فَإِنَّ أَمِنَ الطَّرِيقَ بِحَيْثُ لَا يَخَافُ الْوَاحِدُ فِيهَا لَزِمَهُ وَلَا حَاجَةٌ لِلرُّقْفَةِ . وَلَا نَظَرَ إِلَى الْوَحْشَةِ، بِخِلَافِهَا فِيمَا مَرَّ فِي التَّيْمَمِ لِأَنَّهُ لَا بُدَّ لِمَا هُنَا، بِخِلَافِهِ تَمَّ.

387 . Tidak dapat tidak daripada rakan-rakan yang keluar bersama mereka pada waktu yang pada waktu yang berjalan adat ahli negerinya dengan keluar padanya, dan bahawa mereka berjalan dengan pejalanan yang biasa. Maka jika mereka keluar sebelumnya atau mereka mentakhirkan keluar dengan sekira-kira tidak mereka sampai

³¹. maka keluar apa yang lebih dari hajatnya maka ia dijual dan dijadikan belanja haji.

³². orang yang mengendap-ngendap dijalan untuk mengambil harta senyap-senyap.

ke Makkah melainkan dengan lebih dari satu marhalah pada setiap hari atau mereka berjalan melebihi adat tidak lazim dia keluar. Ini jika diperlukan rakan untuk menolak ketakutan. Maka jika aman jalan sekira-kira tidak berasa takut seorang padanya lazim dia mengerjakan haji, dan tidak ada hajat bagi rakan. Tidak ditilik kepada berasa liar hati, bersalahan ianya pada apa yang telah lalu pada tayammum kerana tidak dapat tidak bagi apa yang disini, bersalahan liar hati disana.

وَالثَّامِنُ مِنْ شُرُوطِ الْوُجُوبِ وَهُوَ مِنْ شُرُوطِ الْإِسْتِطَاعَةِ أَنْ يَثْبُتَ عَلَى الرَّاحِلَةِ أَوْ فِي مَحْمَلٍ وَنَحْوِهِ بِلَا مَشَقَّةٍ شَدِيدَةٍ. فَمَنْ لَمْ يَثْبُتْ عَلَيْهَا أَصْلًا أَوْ ثَبَّتَ فِي مَحْمَلٍ عَلَيْهَا، لَكِنْ بِمَشَقَّةٍ شَدِيدَةٍ لِكَبْرِ أَوْ نَحْوِهِ انْتَفَى عَنْهُ اسْتِطَاعَةُ الْمُبَاشَرَةِ. وَلَا تَضُرُّ مَشَقَّةٌ تَحْتَمَلُ فِي الْعَادَةِ.

388. Yang kelapan daripada syarat-syarat wajib haji itu yang mana ia sebahagian dari syarat-syarat kemampuan adalah bahawa dia boleh tetap di atas kenderaan atau pada mahmil dan umpamanya tanpa masyaqqah yang kuat. Maka siapa yang tidak boleh tetap di atas kenderaan sama sekali atau sabit pada mahmil di atasnya akan tetapi dengan masyaqqah yang kuat kerana tua atau umpamanya ternafi kemampuan mengerjakan sendiri darinya. Tidak mudharat masyaqqah yang boleh ditanggung pada adatnya.

وَيُشْتَرَطُ وُجُودُ مَاءٍ وَزَادَ بِمَحَالٍ يَعْتَادُ حَمْلَهَا مِنْهَا بِثَمَنٍ مِثْلَ زَمَانًا وَمَكَانًا، وَوُجُودُ عَافٍ دَابَّةٍ كُلِّ مَرَحَلَةٍ، وَخُرُوجُ نَحْوِ زَوْجِ امْرَأَةٍ كَمَحْرَمِهَا وَعَبْدِهَا أَوْ نِسْوَةٍ ثَقَاتٍ مَعَهَا لِتَأْمَنِ عَلَى نَفْسِهَا وَلِخَيْرِ الصَّاحِبِينَ { لَا تُسَافِرُ الْمَرْأَةُ يَوْمَيْنِ إِلَّا وَمَعَهَا زَوْجُهَا أَوْ مَحْرَمٌ }. وَيَكْفِي فِي الْجَوَازِ لِفَرْضِهَا امْرَأَةً وَاحِدَةً وَسَفَرُهَا وَحْدَهَا إِنْ أَمِنَتْ. وَلَوْ كَانَ خُرُوجُ مَنْ ذَكَرَ بِأَجْرَةٍ فَيَلْزَمُهَا أَجْرَتُهُ إِذَا لَمْ يَخْرُجْ إِلَّا بِهَا. فَيُشْتَرَطُ فِي لُزُومِ النَّسْكِ لَهَا فُذْرَتُهَا عَلَى أَجْرَتِهِ. وَيَلْزَمُهَا أَجْرَةُ الْمَحْرَمِ كَقَائِدِ أَعْمَى.

389. Disyaratkan ujud air dan bekalan pada tempat-tempat yang biasanya ia dibawa darinya dengan harga seumpama nisbah masa dan tempat, dan ujud umpan tunggangan pada setiap marhalah, dan keluar umpama suami perempuan seperti mahramnya dan hambanya atau perempuan-perempuan yang thiqah bersamanya supaya aman dirinya dan kerana khabar dua kitab yang sahih "janganlah perempuan bermusafir dua hari melainkan ada bersamanya suaminya atau mahramnya". Memada pada harus keluarnya untuk haji fardhunya oleh seorang perempuan dan safarnya sendirian jika dia aman. Kalaulah keluar orang yang disebutkan itu dengan upah maka melaziminya upahnya apabila dia tidak keluar melainkan dengannya. Maka disyaratkan pada lazim nusuk bagi perempuan kuasanya di atas upah itu. Melaziminya upah mahram sama seperti pemandu bagi orang buta.

وَالْمَحْجُورُ عَلَيْهِ بِسَفْهِ كَعَيْرِهِ فِي وُجُوبِ النَّسْكِ عَلَيْهِ، فَيَصِحُّ إِحْرَامُهُ. وَيُنْفِقُ عَلَيْهِ مِنْ مَالِهِ لَكِنْ لَا يُدْفَعُ لَهُ الْمَالُ لِنَلَا يُبَدِّرَهُ، بَلْ يَخْرُجُ مَعَهُ الْوَالِيُّ بِنَفْسِهِ إِنْ شَاءَ لِيُنْفِقَ عَلَيْهِ فِي الطَّرِيقِ بِالْمَعْرُوفِ، أَوْ يُنْصَبُ لَهُ شَخْصًا ثَقَّةً يَنْوُبُ عَنِ الْوَالِيِّ وَلَوْ بِأَجْرَةٍ مِثْلِهِ إِنْ لَمْ يَجِدْ مُتَبَرِّعًا لِيُنْفِقَ عَلَيْهِ فِي الطَّرِيقِ بِالْمَعْرُوفِ. وَالظَّاهِرُ أَنَّ أَجْرَتَهُ كَأَجْرَةِ مَنْ يَخْرُجُ مَعَ الْمَرْأَةِ.

390. Orang yang dihijir dengan bodoh seperti orang lain pada wajib nusuk di atasnya, maka sah ihramnya. Dinafkahkan dia dari hartanya, akan tetapi tidak diserahkan harta itu kepadanya supaya dia tidak membazirkannya, bahkan keluar bersamanya walinya sendiri jika dia hendak untuk menafkakhkannya pada jalan dengan cara yang baik atau dilantik untuknya seorang yang thiqah menggantikan wali walaupun dengan upah seumpama, jika wali tidak mendapat orang yang sukarela untuk menafkakhkannya pada jalan dengan cara yang baik. Zahirnya bahawa upahnya sama seperti upah orang yang keluar bersama perempuan.

وَالنَّوْعُ الثَّانِي اسْتِطَاعَةً بغيره ، فَتَجِبُ إِنَابَةٌ عَنْ مَيِّتٍ غَيْرِ مُرْتَدٍّ عَلَيْهِ نُسُكٌ مَنْ تَرَكَتَهُ كَمَا يُقْضَى مِنْهَا دِيُونُهُ، وَلَوْ فَعَلَهُ عَنْهُ أَجْنَبِيٌّ جَازَ وَلَوْ بِلاِ إِذْنٍ كَمَا يَقْضَى دِيُونُهُ بِلاِ إِذْنٍ، وَعَنْ مَعْضُوبٍ بِضَادٍ مُعْجَمَةٍ أَيْ عَاجِزٍ عَنِ النَّسُكِ بِنَفْسِهِ لِكِبَرٍ أَوْ غَيْرِهِ كَمَشَقَّةٍ شَدِيدَةٍ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَكَّةَ مَرَحَلَتَانِ فَأَكْثَرُ،

391. Bagai yang kedua kemampuan dengan orang lain, maka wajib penggantian dari mayat selain yang murtad yang di atasnya nusuk dari peninggalannya sepertimana ditunaikan darinya akan hutang-hutangnya, kalau seorang ajnabi melakukannya darinya harus ia walaupun tanpa izin sepertimana dia menunaikan hutang-hutangnya tanpa izin, dan penggantian dari orang yang lumpuh iaitu yang lemah dari nusuk dengan sendiri kerana tua atau selainnya seperti masyaqqah yang kuat yang di antaranya dan di antara Makkah dua marhalah maka lebih,

إِمَّا بِأَجْرَةٍ مِثْلَ فَضَلْتِ عَمَّا مَرَّ فِي النَّوْعِ الْأَوَّلِ غَيْرَ مُؤْنَةٍ عِيَالِهِ سَفَرًا لِأَنَّهُ إِذَا لَمْ يَفَارِقْهُمْ يُمْكِنُهُ تَحْصِيلُ مُؤْنَتِهِمْ، أَوْ بِوُجُودِ مُطِيعٍ بِنُسُكِ سِوَاكَ كَانَ أَصْلُهُ أَمْ فَرَعُهُ أَمْ أَجْنَبِيًّا بِشَرْطِ كَوْنِهِ غَيْرِ مَعْضُوبٍ مَوْثُوقًا بِهِ أَدَى فَرَضِهِ، وَكَوْنِ بَعْضِهِ غَيْرِ مَاشٍ وَلَا مَعُولًا عَلَى الْكُسْبِ أَوْ السُّؤَالِ إِلَّا أَنْ يَكْتَسِبَ فِي يَوْمٍ كِفَايَةَ أَيَّامِ وَسَفَرِهِ دُونَ مَرَحَلَتَيْنِ. فَلَا يَجِبُ عَلَيْهِ إِنَابَةٌ مُطِيعٍ بِمَالٍ لِلْأَجْرَةِ لِعِظَمِ الْمِنَّةِ، بِخِلَافِ الْمِنَّةِ فِي بَدْلِ الطَّاعَةِ بِنُسُكِ بِدَلِيلٍ أَنَّ الْإِنْسَانَ يَسْتَنْكِفُ عَنِ الْإِسْتِعَانَةِ بِمَالٍ غَيْرِهِ وَلَا يَسْتَنْكِفُ عَنِ الْإِسْتِعَانَةِ بِبَدَنِهِ فِي الْأَسْغَالِ.

392. samaada dengan upah seumpama yang lebih dari apa yang telah lalu pada bagai yang pertama itu selain saraan keluarganya pada safar kerana dia apabila tidak berpisah dari mereka terbolehdia menghasilkan saraan mereka, atau dengan ada orang yang taat dengan nusuk samaada dia asalnya atau fara'nya atau ajnabi, dengan syarat keadaannya bukan orang yang lumpuh yang dipercayai yang telah menunaikan fardhunya, dan keadaan "sebahagiannya"³³ tidak berjalan dan tidak berpegang di atas usaha atau meminta-minta, melainkan dia dapat mengusahakan pada sehari kecukupan beberapa hari dan safarnya kurang dari dua marhalah, maka tidak wajib di atasnya menggantikan orang yang taat dengan harta yang dia berikan untuk upah kerana besar ungkitannya, bersalahan ungkitan pada memberikan ketaatan dengan nusuk dengan dalil bahawa manusia enggan dari meminta bantuan dengan harta orang lain dan tidak enggan meminta bantuan dengan tubuhnya pada kerja-kerja.

تَنْبِيْهٌ : سَكَتَ الْمُصَنِّفُ عَنِ شُرُوطِ صِحَّةِ النَّسُكِ، فَيُشْتَرَطُ لِصِحَّتِهِ الْإِسْلَامُ، فَلَا يَصِحُّ مِنْ كَافِرٍ أَصْلِيٍّ أَوْ مُرْتَدٍّ لِعَدَمِ أَهْلِيَّتِهِ لِلْعِبَادَةِ، وَلَا يُشْتَرَطُ فِيهِ تَكْلِيفٌ. فَلَوْلِيَّ مَالٍ وَلَوْ بِمَادُونِهِ إِخْرَامٌ عَنْ صَغِيرٍ وَلَوْ مُمَيَّرًا، لَخَبِرَ مُسْلِمٌ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقِيَ رَكْبًا بِالرَّوْحَاءِ فَفَرَعَتْ امْرَأَةٌ فَأَخَذَتْ بَعْضَ صَبِيِّ صَغِيرٍ فَأَخْرَجَتْهُ مِنْ مِحْفَتِهَا فَقَالَتْ : يَا رَسُولَ اللَّهِ هَلْ لِهَذَا حَجٌّ ؟ قَالَ : نَعَمْ وَلَكِ أَجْرٌ } . وَعَنْ مَجْنُونٍ قِيَاسًا عَلَى الصَّغِيرِ.

393. Tanbih. Musannif diam dari syarat-syarat sah nusuk, maka disyaratkan Islam untuk sahnya maka tidak sah ia dari kafir asli atau murtad kerana ketiadaan keahliannya untuk ibadat. Tidak disyaratkan taklif padanya, maka bagi wali harta walaupun dengan orang izinannya berihram dari budak kecil walaupun yang mumayyiz kerana khabar Muslim dari Ibnu Abbas "bahawa nabi s.a.w.m bertemu dengan satu rombongan di Rauha' maka dengan cepat seorang perempuan memegang lengan budak kecil maka dia mengeluarkannya dari mihaffahnya³⁴ maka katanya : wahai rasululah adakah bagi ini haji? Katanya : ia, dan bagi kamu pahalanya". Dan tidak sah ia dari orang gila kerana kias di atas budak kecil.

³³. iaitu fara'nya atau asalnya.

³⁴. tempat duduk yang diletakkan diatas tunggangan melintang.

وَيُسْتَرْطُ لِلْمُبَاشَرَةِ مَعَ الْإِسْلَامِ التَّمْيِيزُ وَلَوْ مِنْ صَغِيرٍ أَوْ رَقِيقٍ كَمَا فِي سَائِرِ الْعِبَادَاتِ . فَلِلْمُمَيِّزِ أَنْ يُحْرِمَ بِإِذْنِ وَلِيِّهِ مِنْ أَبِي ثُمَّ جَدِّ ثُمَّ وَصِيِّ ثُمَّ حَاكِمٍ أَوْ قِيَمِهِ.

394 . Disyaratkan tamyiz untuk melakukan haji sendiri beserta dengan islam walaupun dari budak kecil atau hamba sepertimana pada sekalian ibadat-ibadat. Maka boleh bagi yang mumayyiz berihram dengan sendiri dengan izin walinya daripada bapa kemudian datuk kemudian pemegang wasiat kemudian hakim atau yang dilantik hakim.

وَيُسْتَرْطُ لَوْفُوعِهِ عَنْ فَرَضِ الْإِسْلَامِ مَعَ الْإِسْلَامِ التَّمْيِيزُ وَالْبُلُوغُ وَالْحُرِّيَّةُ وَلَوْ غَيْرَ مُسْتَطِيعٍ . فَيُجْزَى ذَلِكَ مِنْ فَقِيرٍ لِكَمَالِ حَالِهِ . فَهُوَ كَمَا لَوْ تَكَفَّفَ الْمَرِيضُ الْمَشَقَّةَ وَحَضَرَ الْجُمُعَةَ . لَا مِنْ صَغِيرٍ وَرَقِيقٍ إِنْ كَمَلَا بَعْدَهُ لَخَبَرٍ : { أَيَّمَا صَبِيٍّ حَجَّ ثُمَّ بَلَغَ فَعَلَيْهِ حِجَّةٌ أُخْرَى ، وَأَيَّمَا عَبْدٍ حَجَّ ثُمَّ عَتَقَ فَعَلَيْهِ حِجَّةٌ أُخْرَى } .

395 . Disyaratkan untuk jatuh nusuknya dari fardhu islam serta islam akan tamyiz dan baligh dan merdeka, walaupun dia tidak ada kemampuan maka memada demikian itu daripada fakir kerana sempurna halnya. Maka dia sepertimana kalau orang sakit menanggung amasyaqqah dan menghadhiri jumaat. Tidak jatu ia dari fardhu islam dari kanak-kanak dan hamba jika keduanya sempurna selepasnya kerana khabar “mana-mana kanak-kanak yang mengerjakan haji kemudian dia baligh maka di atasnya haji yang lain, dan mana-mana hamba yang mengerjakan haji kemudian dia merdeka maka di atasnya haji yang lain”.

فَالْمَرَاتِبُ الْمَذْكُورَةُ لِلصَّحَّةِ وَالْوُجُوبِ أَرْبَعٌ : الْوُجُوبُ وَالصَّحَّةُ الْمُطْلَقَةُ وَصِحَّةُ الْمُبَاشَرَةِ وَالْوُفُوعُ عَنْ فَرَضِ الْإِسْلَامِ.

396 . Maka martabat-martabat yang disebutkan untuk sahnya dan wajibnya ada empat: wajib dan sah semata-mata dan sah mengerjakan sendiri dan jatuh dari fardhu islam.

وَأَرْكَانُ الْحَجِّ أَرْبَعَةٌ ، بَلْ سِتَّةٌ كَمَا سَتَعْرِفُهُ . الْأَوَّلُ (الْإِحْرَامُ) بِهِ (مَعَ النِّيَّةِ) أَي نِيَّةِ الدُّخُولِ فِي الْحَجِّ لَخَبَرٍ : { إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ } .

397 . Rukun-rukun haji itu empat, bahkan enam sepertimana kamu akan lihat. Pertamanya (ihram) dengannya (serta niat) iaitu niat masuk pada haji kerana khabar “hanyalah amalan-amalan itu dengan niat”.

وَالْمُبَّيْعُ شُرُوطٌ خَمْسَةٌ كَمَا فِي الْمِنْهَاجِ، ذَكَرَ الْمُصَنِّفُ مِنْهَا ثَلَاثَةً : الْأَوَّلُ مَا ذَكَرَهُ بِقَوْلِهِ : (وَيَصِحُّ بَيْعُ كُلِّ شَيْءٍ) طَاهِرٍ (عَيْنًا أَوْ يَطْهَرُ بِغَسَلِهِ، فَلَا يَصِحُّ بَيْعُ الْمُتَنَجِّسِ الَّذِي لَا يُمَكِّنُ تَطْهِيرَهُ كَالْخَلِّ وَاللَّبَنِ لِأَنَّهُ فِي مَعْنَى نَجَسِ الْعَيْنِ، وَكَذَا الدَّهْنُ كَالزَّيْتِ فَإِنَّهُ لَا يُمَكِّنُ تَطْهِيرَهُ فِي الْأَصْحِ، فَإِنَّهُ لَوْ أُمِكَنَ لَمَّا أَمَرَ بِإِرَاقَةِ السَّمَنِ فِيمَا رَوَاهُ ابْنُ حَبَّانٍ } أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فِي الْفَارَةِ تَمُوتُ فِي السَّمَنِ : إِنْ كَانَ جَامِدًا فَالْقُوْهُ وَمَا حَوْلَهَا وَإِنْ كَانَ مَائِعًا فَارِيقُوْهُ { أَمَّا مَا يُمَكِّنُ تَطْهِيرَهُ كَالثُّوْبِ الْمُتَنَجِّسِ وَالْأَجْرِ الْمَعْجُونِ بِمَائِعِ نَجَسٍ كَبُوْلٍ فَإِنَّهُ يَصِحُّ بَيْعُهُ لِإِمْكَانِ طَهْرِهِ. وَسَيَأْتِي مُخْتَرَزُ قَوْلِهِ : طَاهِرٍ فِي كَلَامِهِ.

581. Bagi barang jualan lima syarat sepertimana didalam Minhaj. Musannif menyebutkan tiga darinya. Pertamanya apa yang dia sebutkan dengan katanya (sah jual tiap) suatu (yang suci) 'ainnya atau yang suci dengan dibasuh. Maka tidak sah jual benda mutanajjis yang tidak terbolelah menyucikannya seperti cuka dan susu kerana ia pada makna benda najis. Begitu juga minyak kerana tidak mungkin menyucikannya pada yang paling sahih, kerana kalau terbolelah tentu nabi s.a.w.m tidak menyuruh dengan mencurahkan minyak sapi pada apa yang diriwayatkan Ibnu Hibban "bahawa nabi s.a.w.m berkata pada tikus yang mati didalam minyak sapi : jika ianya beku maka campakkannya dan apa yang disekelilingnya, dan jika ia cair maka curahkan ia". Adapun apa yang terbolelah disucikan seperti kain mutanajjis dan bata yang diuli dengan cairan najis seperti kencing maka sah menjualnya kerana terbolelah menyucikannya. Akan datang apa yang dijaga-jagakan bagi katanya "yang suci" pada kalamnya.

⁴⁶. Kesamaran akhir pekerjaannya.

وَالشَّرْطُ الثَّانِي مَا ذَكَرَهُ بِقَوْلِهِ (مُنْتَفِعٌ بِهِ) شَرْعًا وَلَوْ فِي الْمَالِ كَالْجَحْشِ الصَّغِيرِ . وَسَيَّاتِي مُحْتَرَزُهُ فِي كَلَامِهِ .

582. Syarat kedua apa yang dia sebutkan dengan katanya (**yang boleh dimanfaatkan**) pada syara', walaupun pada masa depan seperti anak keldai yang kecil⁴⁷. Akan datang yang dijaga-jagakan pada kalamnya.

وَالشَّرْطُ الثَّلَاثُ مَا ذَكَرَهُ بِقَوْلِهِ (مَمْلُوكٌ) أَيُّ أَنْ يَكُونَ لِلْعَاقِدِ عَلَيْهِ وَلايَةً، فَلَا يَصِحُّ عَقْدُ فُضُولِي وَإِنْ أَجَازَهُ الْمَالِكُ لِعَدَمِ وَلايَتِهِ عَلَى الْمَعْقُودِ عَلَيْهِ. وَيَصِحُّ بَيْعُ مَالٍ غَيْرِهِ ظَاهِرًا إِنْ بَانَ بَعْدَ الْبَيْعِ أَنَّهُ لَهُ كَأَنْ بَاعَ مَالَ مَوْرَثِهِ ظَنًّا حَيَاتَهُ فَبَانَ مَيْتًا لِتَبَيُّنِ أَنَّهُ مَلَكَهُ.

583. Syarat ketiga apa yang dia sebutkan dengan katanya (**yang dimiliki**) iaitu bahawa adalah kuasa di atasnya milik orang yang berakad, maka tidak sah akad fudhuli sekalipun pemilik meluluskannya kerana ketiadaan kuasanya di atas apa yang dia akadkan di atasnya. Sah jual harta orang lain, pada zahir, jika selepas jualan itu ternyata bahawa ia miliknya, seperti bahawa dia menjual harta orang yang mewariskannya dalam keadaan dia sangkakan masih hidup maka nyata dia telah mati, kerana ternyata bahawa ia miliknya.

وَالشَّرْطُ الرَّابِعُ فُذْرُهُ تَسَلَّمَهُ فِي بَيْعٍ غَيْرِ ضَمْنِيٍّ لِيُوثِقَ بِحُصُولِ الْعَوَضِ . فَلَا يَصِحُّ بَيْعٌ نَحْوِ ضَالٍّ كَأَبْقٍ وَمَعْصُوبٍ لِمَنْ لَا يَقْدِرُ عَلَى رَدِّهِ لِعَجْزِهِ عَنْ تَسَلَّمِهِ حَالًا، بِخِلَافِ بَيْعِهِ لِقَادِرٍ عَلَى ذَلِكَ.

584. Syarat keempat kuasa menyerahkannya pada jualan yang bukan didalam tanggungan supaya kejap terhasil tukar menukar. Maka tidak sah jual umpama benda yang hilang, seperti hamba yang melarikan diri dan barang yang dirampas kepada orang yang tidak kuasa mendapatkannya kerana dia lemah dari menerimanya, ketika itu, bersalahan menjualkannya kepada orang yang kuasa di atas demikian itu.

نَعَمْ، إِنْ اِحْتِاجَ فِيهِ إِلَى مُؤَنَةِ الْمَطْلَبِ فَفِيهِ يَنْبَغِي الْمَنْعُ . وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ جُزْءٍ مُعَيَّنٍ تَنْقُصُ بِقَطْعِهِ قِيمَتُهُ أَوْ قِيمَةُ الْبَاقِي كَجُزْءِ إِنْاءٍ أَوْ تَوْبِ نَفِيسٍ يَنْقُصُ بِقَطْعِهِ مَا ذَكَرَ لِلْعَجْزِ عَنْ تَسَلِيمِ ذَلِكَ شَرْعًا لِأَنَّ التَّسْلِيمَ فِيهِ لَا يُمَكِّنُ إِلَّا بِالْكَسْرِ أَوْ الْقَطْعِ، وَفِيهِ نَقْصٌ وَتَضْيِيعٌ مَالٍ، بِخِلَافِ مَا لَا يَنْقُصُ بِقَطْعِهِ مَا ذَكَرَ كَجُزْءِ غَلِيظٍ كَرَبَاسٍ لِانْتِفَاءِ الْمَحْدُورِ.

585. Na'am, jika dia perlu kepada kos mencari maka sayugia tegahan padanya. Tidak sah jual satu jujuk tertentu yang jadi kurang nilainya dengan memotongnya atau nilai bakinya, seperti satu jujuk bejana atau kain yang mahal yang jadi kurang apa yang disebutkan itu dengan memotongnya, kerana lemah dari penyerahan demikian itu pada syara' kerana penyerahan padanya tidak terbolelah melainkan dengan memecahkan atau memotong yang mana padanya terhasil kurang nilai dan mensia-siakan harta, bersalahan apa yang tidak kurang apa yang disebutkan itu dengan memotongnya seperti satu jujuk yang tebal bagi kapas kerana ternafi apa yang dielakkan.

وَالشَّرْطُ الْخَامِسُ الْعِلْمُ بِهِ لِلْعَاقِدَيْنِ عَيْنًا وَقَدْرًا وَصِفَةً عَلَى مَا يَأْتِي بَيَانُهُ حَدْرًا مِنَ الْعَرَرِ، لِمَا رَوَى مُسْلِمٌ : أَنَّهُ {صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ بَيْعِ الْعَرَرِ}. وَيَصِحُّ بَيْعُ صَاعٍ مِنْ صُبْرَةٍ وَإِنْ جُهِلَتْ صِيغَتَاهَا لِعِلْمِهِمَا بِقَدْرِ الْمَبِيعِ مَعَ تَسَاوِيِ الْأَجْزَاءِ فَلَا عَرَرَ.

586. Syarat kelima : tahu dengannya bagi dua yang berakad, nisbah 'ain dan sifat, di atas apa yang akan datang keterangannya kerana berjaga-jaga dari gharar, kerana apa yang diriwayakan Muslim bahawa nabi "s.a.w.m menegah dari jual gharar". Sah jual segantang dari selongkok sekalipun dijahilkan gantang-gantangnya kerana kedua

⁴⁷. yang mati ibunya.

mereka tahukan kadar apa yang dijual serta sama jujuk-jujuknya, maka tidak ada gharar.

وَيَصِحُّ بَيْعُ صُبْرَةٍ وَإِنْ جُهِلَتْ صَيَعَاتُهَا كُلُّ صَاعٍ بِدِرْهَمٍ. وَلَا يَضُرُّ فِي مَجْهُولَةِ الصَّيْعَانِ الْجَهْلُ بِجُمْلَةِ الثَّمَنِ لِأَنَّهُ مَعْلُومٌ بِالتَّفْصِيلِ، وَبَيْعُ صُبْرَةٍ مَجْهُولَةِ الصَّيْعَانِ بِمِائَةِ دِرْهَمٍ كُلُّ صَاعٍ بِدِرْهَمٍ إِنْ خَرَجَتْ مِائَةٌ، وَإِلَّا فَلَا يَصِحُّ لِعَدْرِ الْجَمْعِ بَيْنَ جُمْلَةِ الثَّمَنِ وَتَفْصِيلِهِ،

587. Sah jual satu longgok sekalipun dijahilkan gantang-gantangannya, setiap gantang dengan satu dirham. Tidak mudharat pada barang jualan yang dijahilkan berapa gantangannya oleh jahil dengan jumlah harganya kerana ia dimaklumi dengan tfsil i.e diperincikan, dan jualan selonggok yang dijahilkan berapa gantangannya dengan seratus dirham setiap segantang dengan satu dirham jika ternyata ia seratus gantang. Jika tidak, maka tidak sah ia kerana uzur menghimpunkan di antara jumlah harga dan tafsilnya.

لَا يَبِيعُ أَحَدٌ ثَوْبَيْنِ مِثْلًا مُبَهَمًا، وَلَا يَبِيعُ بِأَحَدِهِمَا وَإِنْ تَسَاوَتْ قِيمَتُهُمَا، أَوْ يَمْلَأُ ذَا الْبَيْتِ بَرًّا أَوْ بَزْنَةً ذِي الْحَصَاةِ ذَهَبًا وَمِلءَ الْبَيْتِ وَزْنَةَ الْحَصَاةِ مَجْهُولَانَ، أَوْ بِالْفِ دِرَاهِمٍ وَدَنَانِيرٍ، لِلْجَهْلِ بِعَيْنِ الْمَبِيعِ فِي الْأَوَّلَى وَبِعَيْنِ الثَّمَنِ فِي الثَّانِيَةِ وَبِقَدْرِهِ فِي الْبَاقِي. فَإِنْ عَيَّنَ الْبَرَّ كَأَنَّ قَالَ: بِعْتُكَ مِلءَ ذَا الْبَيْتِ مِنْ ذَا الْبَرِّ صَحَّ لِإِمْكَانِ أَخْذِهِ قَبْلَ تَلْفِهِ، فَلَا عَرَرٍ. وَقَدْ بَسَطْتُ الْكَلَامَ عَلَيْهِ فِي غَيْرِ هَذَا الْكِتَابِ.

588. Tidak sah jual satu daripada dua kain sebagai contoh dalam keadaan mubham, dan tidak jual dengan satu daripada keduanya sekalipun sama nilai keduanya, atau dengan sepenuh bilik ini nisbah gandum, atau dengan setimbang anak batu ini nisbah emas, yang mana sepenuh bilik dan setimbang anak batu itu dijahilkan, atau dengan seribu dirham dan dinar, kerana jahil dengan 'ain barang jualan pada yang pertama dan dengan 'ain harga pada yang kedua dan dengan kadarnya pada bakinya. Maka jika dia menentukan gandum itu seperti bahawa dia katakan : aku jualkan kepada kamu sepenuh bilik ini dari gandum ini sah ia kerana terbolelah mengambilnya sebelum binasanya maka tidak ada gharar.

ثُمَّ أَخَذَ الْمُصَنِّفُ فِي مُحْتَرَزِ قَوْلِهِ ظَاهِرٍ بِقَوْلِهِ : (وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ عَيْنِ نَجَسَةٍ) سِوَاءَ أَمْكَانِ تَطْهِيرِهَا بِالِاسْتِحَالَةِ كَجَلْدِ الْمَيْتَةِ أَمْ لَا، كَالسَّرَجِينَ وَالْكَلْبِ وَلَوْ مُعَلَّمًا وَالْحَمْرَ وَلَوْ مُحْتَرَمَةً لِخَبَرِ الصَّحِيحِينَ : { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ ثَمَنِ الْكَلْبِ } وَقَالَ : { إِنْ اللَّهُ تَعَالَى حَرَّمَ بَيْعَ الْحَمْرِ وَالْمَيْتَةِ وَالْخِنْزِيرِ } وَقَبَسَ بِهَا مَا فِي مَعْنَاهَا.

589. Kemudian musannif masuk pada yang dijaga-jagakan dengan katanya “yang zahir” dengan katanya : (tidak sah jual 'ain najis) sama sahaja terbolelah menyucikannya dengan berubah zat seperti kulit bangkai atau tidak, dan seperti baja dari tahi dan anjing walaupun yang terlatih dan arak walaupun yang dihormati kerana khabar dua kitab yang sahih “bahawa nabi s.a.w.m menegah dari harga anjing” dan berkata “sungguhnya Allah taala mengharamkan jualan arak dan bangkai dan babi”. Dikiaskan dengannya apa yang pada makna nya.

ثُمَّ أَخَذَ فِي مُحْتَرَزِ قَوْلِهِ مُنْتَفِعٌ بِهِ بِقَوْلِهِ : (وَلَا) يَصِحُّ (بَيْعُ مَا لَا مَنَفَعَةَ فِيهِ) لِأَنَّهُ لَا يُعَدُّ مَالًا، فَأَخَذَ الْمَالَ فِي مُقَابَلَتِهِ مُمْتَنِعٌ لِلنَّهْيِ عَنْ إِضَاعَةِ الْمَالِ وَعَدَمِ مَنَفَعَتِهِ إِمَّا لِخِسَّتِهِ كَالْحَشْرَاتِ الَّتِي لَا نَفْعَ فِيهَا كَالْخُنْفِسَاءِ وَالْحِيَّةِ وَالْعَقْرَبِ، وَلَا عِبْرَةَ بِمَا يُذَكَّرُ مِنْ مَنَافِعِهَا فِي الْخَوَاصِّ،

590. Kemudian dia masuk pada apa yang dijaga-jagakan dengan katanya “yang diambil manfaat dengannya” dengan katanya : (tidak) sah (jual apa yang tidak ada manfaat padanya) kerana ia tidak dikirakan sebagai harta, maka mengambil harta pada

membetulkannya tidak dibenarkan kerana tegahan dari mensia-siakan harta dan kerana ketiadaan manfaatnya, samaada kerana lekehnya seperti serangga yang tidak ada manfaat padanya seperti lipas dan ular dan kala, tidak ada kiraan dengan apa yang disebutkan daripada manfaat-manfaatnya pada orang-orang yang khusus.

وَلَا يَبِيعُ كُلَّ سَبْعٍ أَوْ طَيْرٍ لَا يَنْفَعُ كَالْأَسَدِ وَالذَّنْبِ وَالْحِدَاةِ وَالغُرَابِ غَيْرِ الْمَأْكُولِ. وَلَا نَظَرَ لِمَنْفَعَةِ الْجِدِّ بَعْدَ الْمَوْتِ، وَلَا لِمَنْفَعَةِ الرِّيشِ فِي النَّبْلِ، وَلَا لِإِفْتِنَاءِ الْمُلُوكِ لِبَعْضِهَا لِلْهَيْبَةِ وَالسِّيَاسَةِ. أَمَّا مَا يَنْفَعُ مِنْ ذَلِكَ كَالْفَهْدِ لِلصَّيْدِ وَالْفِيلِ لِلْقِتَالِ وَالنَّحْلَ لِلْعَسَلِ وَالطَّاوُوسَ لِلأَنْسِ بَلْوْنِهِ فَيَصِحُّ.

591 . Tidak sah jualan setiap binatang buas atau burung yang tidak ada manfaat seperti singa dan serigala dan helang dan gagak yang tidak dimakan, dan tidak dipandang kepada manfaat kulitnya selepas matinya, dan tidak kepada manfaat bulu pada anak panah, dan tidak kepada peliharaan raja-raja akan sebahagiannya untuk megah dan siasah. Adapun apa yang bermanfaat daripada demikian itu seperti beruang untuk memburu dan gajah untuk perang dan lebah untuk madu dan merak untuk menikmati warnanya maka ianya sah.

وَأَمَّا لِقَلْتِهِ كَحَبْتَيْ الْحِنْطَةِ وَالشَّعِيرِ وَلَا أَنْتَرِ لِيَضَمَّ ذَلِكَ إِلَى أَمْثَالِهِ أَوْ وَضَعِهِ فِي فَخٍّ . وَمَعَ هَذَا يَحْرَمُ عَصْبُهُ وَيَجِبُ رَدُّهُ، وَلَا ضَمَانَ فِيهِ إِنْ تَلَفَ إِذْ لَا مَالِيَّةَ.

592 . Dan samaada kerana sedikitnya seperti dua bijian gandum. Tidak ada kesan bagi himpun demikian itu kepada segala yang seumpamanya atau meletakkannya pada perangkap. Serta ini haram merampasnya dan wajib memulangkannya. Tidak ada dhaman padanya jika ia binasa kerana tidak ada nilai harta.

وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ آلَةِ اللّهُوِ الْمُحْرَمَةِ كَالطَّنْبُورِ وَالْمِرْمَارِ وَالرَّبَابِ ، وَإِنْ اتَّخَذَ الْمَذْكُورَاتِ مِنْ نَقْدٍ إِذْ لَا نَفْعَ بِهَا شَرْعًا. وَيَصِحُّ بَيْعُ آنِيَةِ الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ لِأَنَّهُمَا الْمَقْصُودَانِ. وَلَا يُشْكَلُ بِمَا مَرَّ مِنْ مَنَعِ بَيْعِ آلَاتِ الْأَمْلاهِ الْمُتَّخَذَةِ مِنْهُمَا لِأَنَّ آنِيَتَهُمَا يُبَاحُ اسْتِعْمَالُهَا لِلْحَاجَةِ، بِخِلَافِ تِلْكَ.

593 . Tidak sah jualan alat kelalaian yang haram seperti kecapi dan seruling dan rebab, sekalipun segala yang disebutkan itu dibuat dari emas perak kerana tidak ada manfaat dengannya pada syara'. Sah jual bejana emas dan perak kerana keduanya dimaksudkan. Tidak dimusykilkan ia dengan apa yang telah lalu daripada tegahan jual alat-alat kelalaian yang dibuat daripada keduanya kerana bejana dari keduanya diharuskan penggunaannya kerana hajat, bersalahan yang itu.

وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ كُتُبِ الْكُفْرِ وَالنَّجِيمِ وَالشَّعْبَدَةِ وَالْفَلَسَفَةِ كَمَا جَرَمَ بِهِ فِي الْمَجْمُوعِ وَلَا بَيْعُ السَّمَكِ فِي الْمَاءِ إِلَّا إِذَا كَانَ فِي بَرْكَةٍ صَغِيرَةٍ لَا يَمْنَعُ الْمَاءُ رُؤْيَتَهُ وَسَهْلٌ أَخْذُهُ فَيَصِحُّ فِي الْأَصْحِ، فَإِنْ كَانَتْ الْبَرْكَةُ كَبِيرَةً لَا يُمَكِّنُ أَخْذَهُ إِلَّا بِمَشَقَّةٍ شَدِيدَةٍ لَمْ يَصِحَّ عَلَى الْأَصْحِ. وَيَبِيعُ الْحَمَامَ فِي الْبُرْجِ عَلَى هَذَا التَّفْصِيلِ.

594 . Tidak sah jual kitab kufur dan ilmu nujum dan sya'bazah* dan falsafah sepertimana yang dijazamkan didalam Majmuk, dan tidak jual ikan didalam air melainkan apabila ia didalam kolam yang kecil yang mana airnya tidak menegah pandangan kepadanya dan mudah menangkapnya maka sah ia pada yang paling sah. Maka jika kolam itu besar tidak dapat menangkapnya melainkan dengan kepayahan yang kuat tidak sah ia di atas yang paling sah. Jual merpati didalam sarangnya adalah di atas tafsil ini.

وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ الطَّيْرِ فِي الْهَوَاءِ وَلَوْ حَمَامًا اعْتِمَادًا عَلَى عَادَةِ عَوْدِهَا عَلَى الْأَصْحِ لَعَدَمِ الْوُثُوقِ بِعَوْدِهَا ، إِلَّا النَّحْلَ فَيَصِحُّ بَيْعُهُ طَائِرًا عَلَى الْأَصْحِ فِي الزَّوَانِدِ. وَقِيْدَةٌ فِي الْمُهَمَّاتِ تَبَعًا لِابْنِ الرَّفْعَةِ بِأَنْ يَكُونَ الْيَعْسُوبُ

فِي الْخَلِيَّةِ، فَارْقًا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْحَمَامِ بِأَنَّ النَّحْلَ لَا يُقْصَدُ بِالْجَوَارِحِ بِخِلَافِ غَيْرِهَا مِنَ الطُّيُورِ فَإِنَّهَا تُقْصَدُ بِهَا. وَيَصِحُّ بَيْعُهُ فِي الْكُوَارَةِ إِنْ شَاهَدَ جَمِيعَهُ وَإِلَّا فَهُوَ مِنْ بَيْعِ الْعَائِبِ فَلَا يَصِحُّ.

595. Tidak sah jual burung diudara walaupun merpati dengan berpegang di atas adat kembalinya, di atas yang paling sahih, kerana tidak kejam dengan kembalinya, melainkan lebah, maka sah jualannya sedang ia terbang di atas yang paling sahih didalam Zawaid, dan dia mengkaitkannya didalam Muhimmat kerana mengikut Ibnu Rif'ah dengan bahawa ia adalah ratu lebah didalam selnya, hal keadaan dia membezakan di antara lebah dan di antara merpati dengan bahawa lebah tidak dimaksudkan anggota-anggota bersalahan selainnya daripada burung maka ia dimaksudkan anggotanya. Sah menjual lebah didalam selnya jika dia nampak semuanya jika tidak maka ia sebahagian daripada jualan benda yang ghaib, maka ia tidak sah.

تَنْبِيْهُ : سَكَتَ الْمُصْتَفَى عَنْ أَرْكَانِ الْبَيْعِ وَهِيَ ثَلَاثَةٌ كَمَا فِي الْمَجْمُوعِ . وَهِيَ فِي الْحَقِيقَةِ سِتَّةٌ : عَاقِدٌ بَائِعٌ وَمُشْتَرٍ وَمَعْقُودٌ عَلَيْهِ ثَمَنٌ وَثَمَنٌ وَصِيعَةٌ وَلَوْ كِنَايَةً، وَهِيَ إِجَابٌ كَيْفَتُكَ وَمَلَكَّتُكَ، وَاشْتَرٍ مِنِّي وَكَجَعَلْتَهُ لَكَ بَيْعًا نَائِيًا الْبَيْعِ.

596. Tanbih. Musannif diam dari rukun-rukun jualan yang mana ianya tiga sepertimana didalam Majmuk. Ianya pada hakikatnya enam : orang yang berakad : penjual dan pembeli, dan benda yang diakadkan di atasnya : harga dan yang diperharga, sighth walaupun kinayah, ia adalah ijab seperti “aku jual kepada kamu dan aku memilikkan kamu” dan “belilah dari aku” dan “aku jadikan ia milik kamu dengan sekian” hal keadaan dia meniatkan jual,

وَقَبُولٌ كَمَا اشْتَرَيْتُ وَتَمَلَّكْتُ وَقَبِلْتُ وَإِنْ تَقَدَّمَ عَلَى الْإِجَابِ كَيْفِي بَيْعًا لِأَنَّ الْبَيْعَ مَنُوطٌ بِالرِّضَا لَخَبَرٍ : { إِنَّمَا الْبَيْعُ عَنْ تَرَاضٍ } وَالرِّضَا خَفِيٌّ فَاعْتَبِرْ مَا يَدُلُّ عَلَيْهِ مِنَ اللَّفْظِ، فَلَا بَيْعَ بِمُعَاطَاةٍ وَيَرُدُّ كُلَّ مَا أَخَذَهُ بِهَا أَوْ بَدَلَهُ إِنْ تَلَفَ.

597. dan qabul seperti “aku beli” dan “aku memiliki” dan “aku menerima”, sekalipun ia terdahulu di atas ijab seperti “jualkan kepada aku dengan sekian” kerana jual digantungkan dengan redha kerana khabar “jualan itu hanyalah dari redha”, dan redha itu tersulit maka diiktibarkan apa yang menunjuk ke atasnya, daripada lafaz. Maka tidak ada jualan dengan unjuk mengunjuk, dan dia memulangkan setiap apa yang dia ambil dengannya atau gantinya jika ia binasa.

وَشَرْطٌ فِي الْإِجَابِ وَالْقَبُولِ وَلَوْ بِكِتَابَةٍ أَوْ إِشَارَةٍ أُخْرَسَ أَنْ لَا يَتَخَلَّلَهُمَا كَلَامٌ أَجْنَبِيٌّ عَنِ الْعَقْدِ، وَلَا سَكُوتٌ طَوِيلٌ وَهُوَ مَا أَشْعَرَ بِإِعْرَاضِهِ عَنِ الْقَبُولِ، وَأَنْ يَتَوَافَقَ الْإِجَابُ وَالْقَبُولُ مَعْنَى، فَلَوْ أَوْجَبَ بِأَلْفٍ مُكْسَرَةٍ فَقَبِلَ بِصَحِيحَةٍ أَوْ عَكْسِهِ لَمْ يَصِحَّ.

598. Disyaratkan pada ijab dan qabul walaupun dengan tulisan atau isyarat orang bisu bahawa tidak menyelangi keduanya kalam yang asing dari akad dan tidak diam yang lama, iaitu apa yang memahami berpalingnya dari qabul, dan bahawa muafakat ijab dan qabul pada makna. Maka kalau seorang mengijabkan dengan seribu duit pecah maka pembeli qabul dengan duit yang sahih atau ‘akasnya, tidak sah ia.

وَيُشْتَرَطُ أَيْضًا عَدَمُ التَّغْلِيْقِ وَالتَّأْفِيْتِ . فَلَوْ قَالَ : إِنْ مَاتَ أَبِي فَقَدْ بَعْتُكَ هَذَا بَيْعًا أَوْ بَعْتُكَ بَيْعًا شَهْرًا لَمْ يَصِحَّ.

599. Disyaratkan juga tidak ada ta'lik dan ta'qit i.e had waktu. Maka kalau dia berkata : jika bapa ku mati maka aku jualkan kepada kamu ini dengan sekian, atau aku jualkannya dengan sekian selama sebulan, tidak sah ia.

وَشَرَطَ فِي الْعَاقِدِ بَانِعًا أَوْ مُشْتَرِيًا إِطْلَاقُ تَصَرُّفٍ، فَلَا يَصِحُّ عَقْدُ صَبِيِّ أَوْ مَجْنُونٍ أَوْ مَحْجُورٍ عَلَيْهِ بِسَفْهِهِ، وَعَدَمُ إِكْرَاهٍ بِغَيْرِ حَقٍّ، فَلَا يَصِحُّ عَقْدُ مُكْرَهٍ فِي مَالِهِ بِغَيْرِ حَقٍّ لِعَدَمِ رِضَاهُ، وَيَصِحُّ بِحَقِّ كَأَنَّ تَوَجُّهَ عَلَيْهِ بَيْنَ مَالِهِ لَهُ وَفَاءَ دَيْنٍ فَأَكْرَهَهُ الْحَاكِمُ عَلَيْهِ. وَلَوْ بَاعَ مَالَ غَيْرِهِ بِإِكْرَاهِهِ عَلَيْهِ صَحَّ لِأَنَّهُ أَبْلَغُ فِي الْإِذْنِ.

600. Disyaratkan pada yang berakad penjual atau pembeli bebas tasarruf maka tidak sah akad kanak-kanak atau orang gila atau yang dihijir dengan sebab dungu, dan tidak ada paksaan tanpa hak, maka tidak sah akad orang yang dipaksa pada hartanya tanpa hak kerana ketiadaan redhanya, dan sah ia dengan hak seperti bahawa menghadap ke atasnya jual hartanya kerana hak sebagai penyempurnaan hutang maka hakim memaksa dia menjualnya. Kalau seorang menjual harta orang lain dengan orang itu memaksanya sah ia kerana ia lebih mendalam pada izin.

وَإِسْلَامُ مَنْ يَشْتَرِي لَهُ وَلَوْ بِوَكَالَةٍ مُصَحَّفٍ أَوْ نَحْوِهِ كَكُتُبِ حَدِيثٍ أَوْ كُتُبِ عِلْمٍ فِيهَا آثَارُ السَّلَفِ، أَوْ مُسْلِمٍ أَوْ مُرْتَدٍّ لَا يُعْتَقُ عَلَيْهِ، لِمَا فِي مِلْكِ الْكَافِرِ لِلْمُصَحَّفِ وَنَحْوِهِ مِنَ الْإِهَانَةِ وَالْمُسْلِمِ مِنَ الْإِذْلَالِ، وَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : { وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكَافِرِينَ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا } وَلِبَقَاءِ عِلْقَةِ الْإِسْلَامِ فِي الْمُرْتَدِّ، بِخِلَافِ مَنْ يُعْتَقُ عَلَيْهِ كَأَبِيهِ أَوْ ابْنِهِ، فَيَصِحُّ لِانْتِفَاءِ إِذْلَالِهِ بِعَدَمِ اسْتِقْرَارِ مِلْكِهِ.

601. dan islam orang yang dia membelikan untuknya walaupun dengan wakilan membeli mushaf atau umpamanya seperti kitab hadith atau kitab ilmu yang padanya ada athar salaf, atau wakilan membeli orang islam atau orang yang murtad yang tidak jadi merdeka di atasnya kerana sabit kehinaan pada pemilikan kafir akan mushaf dan orang islam, yang mana sesungguhnya Allah taala berkata “Allah tidak menjadikan jalan bagi orang-orang kafir di atas orang-orang beriman” dan kerana kekal kaitan islam pada orang yang murtad, bersalahan orang yang merdeka di atasnya seperti bapanya atau anaknya, maka sah ia kerana ternafi penghinaannya dengan tidak kekal pemilikannya.

فَأَيُّهَا : يُتَصَوَّرُ دُخُولَ الرَّقِيقِ الْمُسْلِمِ فِي مِلْكِ الْكَافِرِ فِي مَسَائِلَ نَحْوِ الْأَرْبَعِينَ صُورَةً. وَقَدْ ذَكَرْتُهَا فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ وَأَفْرَدَهَا الْبُلْقِينِي بِتَصْنِيفٍ دُونَ الْكُرَاسَةِ. وَالشَّامِلُ لِجَمِيعِهَا ثَلَاثَةٌ أَسْبَابٍ. الْأَوَّلُ الْمِلْكُ الْقَهْرِيُّ. الثَّانِي : مَا يُفِيدُ الْفَسْخَ. الثَّلَاثُ : مَا اسْتَعْقَبَ الْعِتْقَ. فَاسْتَفَدَهُ فَإِنَّهُ ضَابِطٌ مَهُمٌّ.

602. Faedah. Digambarkan masuknya hamba yang islam pada pemilikan kafir pada beberapa masaalah, kadar empat puluh rupa masaalah. Aku telah menyebutkannya didalam Syarah Minhaj. Bulqini menunggalkannya dengan satu karangan yang kurang dari satu kurras. Yang melengkapinya semuanya tiga sebab. Pertamanya : pemilikan cara kekerasan. Keduanya : apa yang mengakibatkan fasakh. Ketiganya apa yang diiringi oleh merdeka. Hendaklah kamu ambil faedah darinya kerana ia dhabit yang penting.

لِبَعْضِهِمْ فِي ذَلِكَ نَظْمٌ، وَهُوَ : وَمُسْلِمٌ يَدْخُلُ مِلْكَ كَافِرٍ * بِالْإِزْتِ وَالرَّدِّ بِعَيْبٍ ظَاهِرٍ * إِقَالَةٌ وَفَسْخُهُ وَمَا وَهَبَ * أَصْلٌ وَمَا اسْتَعْقَبَ عِتْقًا بِسَبَبٍ.

603. Ada satu nazam pada demikian itu bagi sebahagian mereka, iaitu : masuk muslim pada pemilikan kafir dengan pusaka dan pemulangan dengan 'aib yang zahir dan iqalah dan fasakh dan apa yang dihibahkan oleh asal dan apa yang mengiringkan merdeka dengan sebab.

وَتَقَدَّمَتْ شُرُوطُ الْمَغْفُودِ عَلَيْهِ. وَلَوْ بَاعَ بِنْفِدٍ مِثْلًا وَتَمَّ نَفْدٌ غَالِبٌ تَعَيَّنَ لِأَنَّ الظَّاهِرَ إِرَادَتُهُمَا لَهُ، أَوْ نَفْدَانِ مِثْلًا وَلَوْ صَحِيحًا وَمُكَسَّرًا وَلَا غَالِبَ اسْتَشْرَطَ التَّعْيِينَ لَفَطًا إِنْ اخْتَلَفَتْ قِيمَتُهُمَا. فَإِنْ اسْتَوَتْ لَمْ يَشْتَرَطْ تَعْيِينَ.

604. Telah lalu syarat-syarat benda yang diakadkan di atasnya. Kalau seorang menjual dengan duit sebagai contoh dan disana ada duit yang ghalib tertentu ia kerana yang

zahir kedua mereka menghendakinya, atau dua duit sebagai contoh walaupun yang sah dan yang pecah dan tidak ada yang ghalib disyaratkan penentuan dengan lafaz jika bersalah-salahan nilai keduanya. Maka jika ianya sama tidak disyaratkan penentuan.

وَتَكْفِي مُعَايَنَةُ عَوْضٍ عَنِ الْعِلْمِ بِقَدْرِهِ اِكْتِفَاءً بِالتَّخْمِينِ الْمَصْحُوبِ بِالْمُعَايَنَةِ. وَتَكْفِي رُؤْيَةَ قَبْلَ عَقْدٍ فِيمَا لَا يَغْلِبُ تَغْيِرُهُ إِلَى وَقْتِ الْعَقْدِ. وَيُشْتَرَطُ كَوْنُهُ دَاكِرًا لِلْأَوْصَافِ عِنْدَ الْعَقْدِ بِخِلَافِ مَا يَغْلِبُ تَغْيِرُهُ كَالْأَطْعَمَةِ.

605. Memada pandang bayaran dari tahu dengan kadarnya kerana memadakan dengan agakkan yang disertai pandang. Memada pandang sebelum akad pada apa yang ghalibnya tidak berubah hingga waktu akad. Disyaratkan keadaannya ingatkan sifat-sifatnya di sisi akad bersalahan apa yang ghalib berubah seperti makanan.

وَتَكْفِي رُؤْيَةَ بَعْضِ مَبِيعٍ إِنْ دَلَّ عَلَى بَاقِيهِ كظَاهِرِ صُبْرَةِ نَحْوِ بَرِّ كَشَعِيرٍ أَوْ لَمْ يَدَلَّ عَلَى بَاقِيهِ، بَلْ كَانَ صَوَانًا لِلْبَاقِي لِإِقْبَانِهِ كَقَشْرٍ رُمَانٍ وَبَيْضٍ وَقَشْرَةِ سَفْلَى لَجُوزٍ أَوْ لُوزٍ. فَتَكْفِي رُؤْيَتُهُ لِأَنَّ صَلَاحَ بَاطِنِهِ فِي إِقْبَانِهِ فِيهِ. وَخَرَجَ بِالسَّفْلَى وَهِيَ الَّتِي تُكْسِرُ حَالَةَ الْأَكْلِ الْعُلْيَا لِأَنَّهَا لَيْسَتْ مِنْ مَصَالِحِ مَا فِي بَطْنِهِ. نَعَمْ، إِنْ لَمْ تَنْعَقِدِ السَّفْلَى كَاللُّوزِ الْأَخْضَرِ كَفَتْ رُؤْيَةَ الْعُلْيَا لِأَنَّ الْجَمِيعَ مَأْكُولٌ. وَيَجُوزُ بَيْعُ قَصَبِ السُّكَّرِ فِي قَشْرِهِ الْأَعْلَى لِأَنَّ قَشْرَهُ الْأَسْفَلَ كَبَاطِنِهِ لِأَنَّهُ قَدْ يَمَسُّ مَعَهُ، وَلِأَنَّ قَشْرَهُ الْأَعْلَى لَا يَسْتُرُ جَمِيعَهُ.

606. Memada pandang sebahagian barang jualan jika ia menunjuk ke atas bakinya seperti zahir timbunan gandum, atau tidak menunjuk ke atas bakinya sebaliknya ia memelihara bakinya supaya kekal, seperti kulit limau dan telur dan kulit bawah bagi kelapa atau badam maka memada melihatnya kerana baik batinnya pada mengekalkannya didalamnya. Keluar dengan “yang bawah” iaitu yang dipecahkan ketika dimakan oleh yang atas kerana ia bukan daripada maslahat apa yang didalam batinnya. Na’am, jika belum terbentuk yang bawah seperti badam yang hijau memada melihat yang atas kerana semuanya dimakan. Harus jual tebu didalam kulitnya yang atas kerana kulit bawahnya seperti batinnya kerana terkadang ia dihisap bersamanya dan kerana kulitnya yang atas tidak menutup semuanya.

وَيَصِحُّ سَلْمُ الْأَعْمَى وَإِنْ عَمِيَ قَبْلَ تَمْيِيزِهِ بِعَوْضٍ فِي ذِمَّتِهِ يُعَيَّنُ فِي الْمَجْلِسِ وَيُوكَلُ مَنْ يُفْبِضُ عَنْهُ أَوْ مَنْ يُفْبِضُ لَهُ رَأْسَ مَالِ السَّلْمِ وَالْمُسَلَّمِ فِيهِ، وَلَوْ كَانَ رَأَى قَبْلَ الْعَمَى شَيْئًا مِمَّا لَا يَتَغَيَّرُ قَبْلَ عَقْدِهِ صَحَّ عَقْدُهُ عَلَيْهِ كَالْبَصِيرِ. وَلَا يَصِحُّ بَيْعُ الْبَصَلِ وَالْجَزْرِ وَنَحْوَهُمَا فِي الْأَرْضِ لِأَنَّهُ غَرَّرَ.

607. Sah salam orang buta sekalipun dia buta sebelum mumayyiz dengan bayaran didalam zimmahnya yang ditentukan didalam majlis, dan dia mewakilkan orang lain menyerahkan bagi pihaknya atau orang lain menerima serahan untuk dirinya akan modal salam dan benda yang disalamkan padanya. Kalau dia pernah melihat sebelum buta suatu yang tidak berubah sebelum akadnya sah akadnya di atas benda itu sama seperti orang yang melihat. Tidak sah jual bawang dan lobak dan umpama keduanya didalam tanah kerana ia gharar.

فَصْلٌ : فِي الرِّبَا. وَهُوَ بِالْقَصْرِ لُغَةً الزِّيَادَةُ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى { اِهْتَرَّتْ وَرَبَّتْ } أَي زَادَتْ وَنَمَتْ، وَشَرَعًا عَقْدٌ عَلَى عَوْضٍ مَخْصُوصٍ غَيْرِ مَعْلُومِ التَّمَاتِلِ فِي مَعْيَارِ الشَّرْعِ حَالَةَ الْعَقْدِ أَوْ مَعَ تَأْخِيرِ فِي الْبَدَلَيْنِ أَوْ أَحَدِهِمَا.

608. Fasal pada riba. Ianya dengan pendek pada bahasa adalah lebih. Firman Allah taala “اهْتَرَّتْ وَرَبَّتْ” iaitu bertambah dan subur membesar ia. Dan pada syara’ : akad di atas tukaran yang khusus yang tidak dimaklumi kesamaannya pada ukuran syara’ ketika akad atau serta tangguh pada dua gantian atau satu daripada keduanya.

وَهُوَ عَلَى ثَلَاثَةِ أَنْوَاعٍ : رَبَا الْفَضْلِ وَهُوَ الْبَيْعُ مَعَ زِيَادَةِ أَحَدِ الْعَوَضَيْنِ عَلَى الْآخَرِ، وَرَبَا الْيَدِ وَهُوَ الْبَيْعُ مَعَ تَأْخِيرِ قَبْضِهِمَا أَوْ قَبْضِ أَحَدِهِمَا، وَرَبَا النَّسَاءِ، وَهُوَ الْبَيْعُ لِأَجْلِ.

609. Ianya tiga bagai:

- riba fadhl i.e lebih iaitu jual serta lebih satu daripada dua tukaran di atas yang satu lagi.
- riba yad i.e tangan iaitu jual serta lewat terimaserahan keduanya atau satu daripada keduanya.
- riba nasa' iaitu jual bertempoh.

(وَالرِّبَا حَرَامٌ) لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا } وَلِقَوْلِهِ : صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { لَعَنَ اللَّهُ آكِلَ الرِّبَا وَمُؤْكِلَهُ وَشَاهِدَهُ وَكَاتِبَهُ } وَهُوَ مِنَ الْكَبَائِرِ.
 قَالَ الْمَاوَرِدِيُّ : لَمْ يَحَلَّ فِي شَرِيعَةٍ قَطُّ لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَأَخَذِهِمُ الرِّبَا وَقَدْ نُهُوا عَنْهُ } يَعْنِي فِي الْكُتُبِ السَّابِقَةِ.

610. Riba itu haram kerana firman Allah taala “dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba” dan kerana sabda nabi s.a.w.m “Allah melaknat pemakan riba dan yang mewakilkannya dan saksinya dan penulisnya”. Ianya satu daripada dosa-dosa besar. Kata Mawardi : ianya tidak halal pada syariat selama-lama kerana firman Allah taala “dan pengambilan mereka akan riba walhal mereka telah ditegah darinya” iaitu pada kitab-kitab yang terdahulu.

وَالْقَصْدُ بِهَذَا الْفَصْلِ بَيْعُ الرَّبَوِيِّ وَمَا يُعْتَبَرُ فِيهِ زِيَادَةٌ عَلَى مَا مَرَّ وَهُوَ لَا يَكُونُ إِلَّا فِي (الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ) وَلَوْ غَيْرَ مَضْرُوبَيْنِ (وَ) فِي (الْمَطْعُومَاتِ)، لَا فِي غَيْرِ ذَلِكَ.

611. Tujuan dengan fasal ini adalah jualan yang berunsur riba dan apa yang diiktibarkan lebih padanya di atas apa yang telah lalu, yang mana ianya tidak ujud melainkan pada (emas dan perak) walaupun yang tidak dicetak, dan pada (barang-barang makanan), tidak pada selain demikian itu.

وَالْمُرَادُ بِالْمَطْعُومِ مَا قُصِدَ لِلطَّعْمِ افْتِيَاتًا أَوْ تَفَكُّهًا أَوْ تَدَاوِيًا، كَمَا يُؤْخَذُ ذَلِكَ مِنْ قَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { الذَّهَبُ بِالذَّهَبِ وَالْفِضَّةُ بِالْفِضَّةِ وَالْبُرُّ بِالْبُرِّ وَالشَّعِيرُ بِالشَّعِيرِ وَالتَّمْرُ بِالتَّمْرِ وَالْمِلْحُ بِالمِلْحِ مِثْلًا بِمِثْلٍ سِوَاءٍ بِسِوَاءٍ، يَدًا بِيَدٍ. فَإِذَا اخْتَلَفَتْ هَذِهِ الْأَجْنَاسُ فَبِيعُوا كَيْفَ شِئْتُمْ إِذَا كَانَ يَدًا بِيَدٍ } أَيِ مِقَابَضَةً، فَإِنَّهُ نَصٌّ فِيهِ عَلَى الْبُرِّ وَالشَّعِيرِ وَالْمَقْصُودُ مِنْهُمَا التَّقْوَى فَالْحَقُّ بِهِمَا مَا فِي مَعْنَاهُمَا كَالْأَرْزِ وَالذَّرَّةِ، وَنَصٌّ عَلَى التَّمْرِ وَالْمَقْصُودُ مِنْهُ التَّفَكُّهُ وَالتَّادِمُ، فَالْحَقُّ بِهِ مَا فِي مَعْنَاهُ كَالْمِصْطَكِيِّ وَالزَّنْجَبِيلِ. وَلَا فَرْقَ بَيْنَ مَا يُصْلِحُ الْعِدَاءَ أَوْ يُصْلِحُ الْبَدْنَ، فَإِنَّ الْأَعْدِيَّةَ تَحْفَظُ الصِّحَّةَ وَالْأَدْوِيَّةُ تَرُدُّ الصِّحَّةَ.

612. Yang dikehendaki dengan makanan adalah apa yang dimaksudkan untuk kenyang atau bersedap-sedap atau perubatan sepertimana difaham demikian itu dari sabda nabi s.a.w.m “emas dengan emas dan perak dengan perak dan gandum dengan gandum dan sya'ier dengan sya'ier dan tamar dengan tamar dan garam dengan garam, sama dengan sama, tangan dengan tangan. Maka apabila jenis-jenis ini bersalah-salahan maka hendaklah kamu jual bagaimana kamu suka apabila ianya tangan dengan tangan” iaitu saling terima menerima”, maka dia menerangkan padanya tentang gandum dengan sya'ier yang mana masud daripada keduanya adalah kenyang maka dihubungi dengan keduanya apa yang pada makna keduanya seperti beras dan jagung, dan dia menerangkan tentang tamar yang mana yang dimaksudkan darinya bersedap-sedap dan lauk maka dihubungkan denganya apa yang pada maknanya seperti buah tin dan zabib, dan menerangkan tentang garam yang mana yang dimaksudkan darinya adalah

pembaikan, maka dihubungkan dengannya apa yang pada maknanya seperti mustaki dan halia. Tidak ada beza di antara apa yang sesuai untuk zat pemakanan atau sesuai untuk tubuh, maka zat makanan itu memelihara kesihatan dan ubat mengembalikan kesihatan.

وَلَا رِبَا فِي حَبِّ الْكَتَّانِ وَدُهْنِهِ وَدُهْنِ السَّمَكِ لِأَنَّهَا لَا تَقْصَدُ لِلطَّعْمِ، وَلَا فِيمَا اخْتَصَّ بِهِ الْجِنُّ كَالْعَظْمِ أَوْ
الْبَهَائِمِ كَالثَّيْنِ وَالْحَشِيشِ أَوْ غَلَبَ تَنَاوُلُهَا لَهُ. أَمَّا إِذَا كَانَا عَلَى حَدِّ سَوَاءٍ فَلِأَصْحُ ثُبُوتِ الرِّبَا فِيهِ. وَلَا رِبَا
فِي الْحَيَوَانَ مُطْلَقًا سِوَاءَ جَارَ بَلْعُهُ كَصِغَارِ السَّمَكِ أَمْ لَا لِأَنَّهُ لَا يُعَدُّ لِلْأَكْلِ عَلَى هَيْئَتِهِ.

613. Tidak ada riba pada biji kattan dan minyaknya dan minyak ikan kerana ia tidak dimaksudkan sebagai makanan, dan tidak pada apa yang khusus jin dengannya seperti tulang, atau khusus bahimah dengannya seperti jerami dan rumput, atau ghalib sebagai makanan bahimah. Adapun apabila keduanya di atas had sama maka yang paling sah sabit riba padanya. Tidak ada riba pada haiwan semata-mata, sama sahaja harus melannya seperti ikan kecil atau tidak kerana ia tidak disediakan untuk dimakan di atas kelakuannya.

(وَلَا يَجُوزُ بَيْعُ) عَيْنِ (الذَّهَبِ بِالذَّهَبِ وَ) لَا يَبِيعُ عَيْنِ (الْفِضَّةَ كَذَلِكَ) أَي بِالْفِضَّةِ، (إِلَّا) بِثَلَاثَةِ شُرُوطٍ.
الْأَوَّلُ : كَوْنُهُ (مُتَمَاثِلًا) أَي مُتَسَاوِيًا فِي الْقَدْرِ مِنْ غَيْرِ زِيَادَةِ حَبَّةٍ وَلَا نَقْصِهَا. وَالثَّانِي كَوْنُهُ (نَقْدًا) أَي
حَالًا مِنْ غَيْرِ نَسِيئَةٍ فِي شَيْءٍ مِنْهُ. وَالثَّالِثُ : كَوْنُهُ مَقْبُوضًا قَبْلَ التَّفَرُّقِ أَوْ التَّخَايُرِ لِلْخَبَرِ السَّابِقِ.

614. (Tidak harus jual) 'ain (emas dengan emas dan) tidak jual 'ain (perak seperti demikian itu) iaitu dengan perak (melainkan) denantiga syarat.

- Pertamanya keadaannya (saling sama) pada kadar tanpa lebih sebutir dan kurangnya.
- Keduanya keadaannya (tunai) iaitu tak bertanggung pada suatu daripadanya.
- Ketiganya keadaannya diterima serahan sebelum berpisah atau khidar kerana khabar yang lalu itu.

وَعَلَّةِ الرِّبَا فِي الذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ جُنْسِيَّةِ الْأَثْمَانِ غَالِبًا كَمَا صَحَّحَهُ فِي الْمَجْمُوعِ وَيُعْبَرُ عَنْهُ أَيْضًا بِجَوْهَرِيَّةِ
الْأَثْمَانِ غَالِبًا وَهُوَ مُنْتَفِيَةٌ عَنِ الْفُلُوسِ وَغَيْرِهَا مِنْ سَائِرِ الْعُرُوضِ.

615. Illat riba pada emas dan perak adalah jenis harga pada ghalibnya sepertimana yang disahkan didalam Majmuk. Diibaratkan darinya juga dengan yang paling tinggi daripada harga-harga pada ghalibnya. Ianya ternafi dari tembaga dan selainnya daripada sekalian barang-barang yang lain.

وَاحْتِرَزَ بِغَالِبًا عَنِ الْفُلُوسِ إِذَا رَاجَتْ فَاتَهُ لَا رِبَا فِيهَا كَمَا مَرَّ. وَلَا أَثَرَ لِقِيَمَةِ الصَّنْعَةِ فِي ذَلِكَ حَتَّى لَوْ اشْتَرَى
بِدَنَائِيرَ ذَهَبًا مَصُوعًا قِيَمَتُهُ أَضْعَافُ الدَّنَائِيرِ أُعْتَبِرَتْ الْمَمَاتَلَةُ وَلَا نَظَرَ إِلَى الْقِيَمَةِ.

616. Dijaga-jagakan dengan "pada ghalibnya" dari duit tembaga apabila ianya laku, maka tidak ada riba padanya sepertimana telah lalu. Tidak ada kesan bagi nilai pertukangan pada demikian itu hinggakan kalau dia membeli dengan beberapa dinar akan emas yang telah ditempa, nilainya beberapa ganda dinar-dinar itu diiktibarkan kesamaannya, dan tidak ada perhatian kepada nilainya.

وَالْحِيلَةُ فِي تَمْلِيكِ الرَّبْوِيِّ بِجُنْسِهِ مُتَفَاضِلًا كَبَيْعِ ذَهَبٍ بِذَهَبٍ مُتَفَاضِلًا أَنْ يَبِيعَهُ مِنْ صَاحِبِهِ بِدَرَاهِمٍ أَوْ
عَرَضٍ، وَيَشْتَرِي مِنْهَا أَوْ بِهِ الذَّهَبَ بَعْدَ التَّقَابُضِ فَيَجُوزُ وَإِنْ لَمْ يَتَفَرَّقَا وَلَمْ يَتَخَايَرَا.

617. Helah pada memberi milik barang berunsur riba dengan jenisnya secara berlebihan kurang seperti jual emas dengan emas berlebihan kurang bahawa dia menjualkannya kepada rakannya dengan dirham atau dengan barang, dan dia membeli emas darinya

dengan dirham atau dengan barang selepas terima menerima, maka harus ia sekalipun keduanya tidak berpisah dan tidak khiair.

(وَلَا) يَجُوزُ وَلَا يَصِحُّ (بِنَيْعِ مَا ابْتَاعَهُ) وَلَا الْإِشْرَاكَ فِيهِ وَلَا التَّوَلِيَةَ (حَتَّى يَقْبِضَهُ) ، سِوَاءَ كَانَ مَنْفُوعًا أَمْ عَقَارًا ، أَدْنِ الْبَائِعِ وَقَبْضِ الثَّمَنِ أَمْ لَا ، لِحَبْرِ : { مَنْ ابْتَاعَ طَعَامًا فَلَا يَبِيعُهُ حَتَّى يَسْتَوْفِيَهُ } . قَالَ ابْنُ عَبَّاسٍ : وَلَا أَحْسِبُ كُلَّ شَيْءٍ إِلَّا مِثْلَهُ رَوَاهُ الشَّيْخَانِ . وَيَبِيعُهُ لِلْبَائِعِ كغَيْرِهِ . فَلَا يَصِحُّ لِعُمُومِ الْأَخْبَارِ وَلِضَعْفِ الْمَلِكِ .

618. (Tidak) harus dan tidak sah (jual apa yang dia beli) dan tidak mensyariatkan padanya dan tidak memerintahnya (hingga dia menerima serahannya), samaada ianya barang nakal atau 'aqar⁴⁸, penjualnya mengizinin dan telah menerima harga atau tidak, kerana khabar “siapa yang membeli makanan maka janganlah dia menjualnya hingga dia menerimanya”. Kata Ibnu Abbas : tidak aku sangka tiap suatu melainkan seumpamanya. Meriwayatkannya dua syeikh. Jual kepada penjual itu seperti jual kepada orang lain, maka tidak sah ia kerana umum khabar-khabar itu dan kerana lemah pemilikan.

وَالْإِجَارَةُ وَالْكِتَابَةُ وَالرَّهْنُ وَالصَّدَاقُ وَالْهَبَةُ وَالْإِقْرَاضُ وَجَعْلُهُ عِوَضًا فِي نِكَاحٍ أَوْ خُلْعٍ أَوْ صُلْحٍ أَوْ سَلْمٍ أَوْ غَيْرِ ذَلِكَ كَالْبَيْعِ ، فَلَا يَصِحُّ بِنَاءً عَلَى أَنَّ الْعِلَّةَ فِي الْبَيْعِ ضَعْفُ الْمَلِكِ .

619. Menyewakan dan mengkitabahkan dan menggadaikan dan menjadikan maskahwin dan hibah dan memberi hutang dan menjadikannya bayaran pada nikah* atau tebus talak atau suluh atau salam atau selain itu adalah sama seperti jual, maka tidak sah ia kerana bina di atas bahawa 'illat pada jual itu lemah pemilikan.

وَيَصِحُّ الْإِعْتَاقُ لِتَشَوُّفِ الشَّرْعِ إِلَيْهِ . وَنَقَلَ ابْنُ الْمُنْذِرِ فِيهِ الْإِجْمَاعَ وَسِوَاءَ أَكَانَ لِلْبَائِعِ حَقُّ الْحَبْسِ أَمْ لَا لِقُوَّتِهِ وَضَعْفِ حَقِّ الْحَبْسِ . وَالْإِسْتِيلَادُ وَالتَّرْوِيجُ وَالْوَقْفُ كَالْعِنَقِ .

620. Sah memerdekakan hamba kerana rindu Syari' kepadanya. Ibnu Munzir menakalkan ijmak padanya. Dan samaada penjual mempunyai hak menahan⁴⁹ atau tidak kerana kuat memerdekakan hamba dan lemah hak tahanan. Menjadikannya ummu walad dan mengahwinkan dan mewakafkan sama seperti memerdekakan.

وَالثَّمَنِ الْمَعْيَنِ كَالْمَبِيعِ قَبْلَ قَبْضِهِ فِيمَا مَرَّ .

621. Harga yang ditentukan sama seperti barang jualan sebelum diterima serahan pada apa yang telah lalu.

وَأَلَهُ التَّصَرُّفُ فِي مَالِهِ وَهُوَ فِي يَدِ غَيْرِهِ أَمَانَةٌ كَوَدِيعَةٍ وَمُشْتَرَكٍ وَقِرَاضٍ وَمَرْهُونٍ بَعْدَ انْفِكَاحِهِ وَمَوْزُوتٍ وَبَاقٍ فِي يَدِ وَلِيِّهِ بَعْدَ فَكِّ الْحَجْرِ عَنْهُ ، لِتَمَامِ مَلِكِهِ عَلَى ذَلِكَ .

622. Boleh seorang tasarruf hartanya walhal ia pada tangan orang lain sebagai amanah seperti wadiah dan barang yang disyariatkan dan qiradh dan yang digadaikan selepas terombaknya dan yang diwarisi dan yang kekal pada tangan walinya selepas terombak hijir darinya, kerana sempurna pemilikannya di atas demikian itu.

وَلَا يَصِحُّ بِنَيْعِ الْمُسْلِمِ فِيهِ وَلَا الْإِعْتِيَاضُ عَنْهُ قَبْلَ قَبْضِهِ . وَيَجُوزُ الْإِسْتِبْدَالُ عَنِ الثَّمَنِ الثَّابِتِ فِي الذِّمَّةِ ، فَإِنْ اسْتَبْدَلَ مُوَافِقًا فِي عِلَّةِ الرَّبَا كَدَرَاهِمٍ عَنْ دَنَائِيرٍ أَوْ عَكْسِهِ اشْتَرَطَ قَبْضُ الْبَدَلِ فِي الْمَجْلِسِ حَدْرًا مِنَ الرَّبَا ، وَلَا يُشْتَرَطُ تَعْيِينُهُ فِي الْعَقْدِ لِأَنَّ الصَّرْفَ عَلَى مَا فِي الذِّمَّةِ جَائِزٌ .

⁴⁸. boleh dipindah-pindahkan dan tidak boleh dipindah-pindahkan.

⁴⁹. dengan bahawa harganya tak bertanggung dan dia belum menerimanya.

623. Tidak sah jual muslim fih dan tidak mengantikan darinya sebelum terimaserahannya. Harus mengantikan dari harga yang sabit didalam zimmah. Maka jika dia mengantikan suatu yang muafakat pada 'illat riba seperti dirham dari dinar atau 'akasnya disyaratkan terima gantian itu didalam majlis kerana takutkan riba. Tidak disyaratkan menentukannya pada akad kerana tasarruf di atas apa yang didalam zimmah adalah perkara yang harus.

وَيَصِحُّ بَيْعُ الدَّيْنِ بِغَيْرِ دَيْنٍ لِّغَيْرِ مَنْ هُوَ عَلَيْهِ كَأَنْ بَاعَ بَكْرٌ لِعَمْرٍو مِائَةً لَهُ عَلَى زَيْدٍ بِمِائَةٍ، كَبَيْعِهِ مِمَّنْ هُوَ عَلَيْهِ كَمَا رَجَّحَهُ فِي الرَّوْضَةِ وَإِنْ رَجَّحَ فِي الْمُنْهَاجِ الْبُطْلَانَ. أَمَّا بَيْعُ الدَّيْنِ بِالْأَيِّينِ فَلَا يَصِحُّ سِوَاءَ اتِّحَادِ الْجِنْسِ أَمْ لَا، لِلنَّهْيِ عَنِ الْكَالِيِّ بِالْكَالِيِّ، وَفَسَّرَ بَيْعَ الدَّيْنِ بِالْأَيِّينِ.

624. Sah menjualkan hutang dengan selain hutang kepada selain orang yang hutang itu di atasnya, seperti bahawa Bakar menjual kepada Umar seratus miliknya yang ada di atas Zaid dengan seratus, sama seperti dia menjual kepada orang yang hutang itu di atasnya sepertimana yang ditarijihkan didalam Raudhah sekalipun dia mentarijihkan didalam Minhaj batilnya. Adapun jual hutang dengan hutang maka tidak sah, sama sahaja sama jenisnya atau tidak, kerana tegahan dari jual hutang dengan hutang

وَقَبْضُ غَيْرِ مَنْقُولٍ مِنْ أَرْضٍ وَشَجَرٍ وَنَحْوِ ذَلِكَ بِتَخْلِيهِ لِمُشْتَرِيٍّ بِأَنْ يُمَكِّنَهُ مِنْهُ الْبَائِعُ وَيُسَلِّمَهُ الْمِفْتَاحَ، وَبِتَفْرِيعِهِ مِنْ مَتَاعٍ غَيْرِ الْمُشْتَرِيِّ نَظْرًا لِلْعُرْفِ فِي ذَلِكَ.

625. Terima serahan barang yang tidak boleh dipindah-pindahkan daripada tanah dan pokok dan umpama itu adalah dengan memberikan laluan kepada pembeli dengan bahawa penjual membenarkan dia padanya dan menyerahkan anak kunci kepadanya dan mengosongkannya dari barang-barang milik selain pembeli itu kerana memandang kepada 'uruf pada demikian itu.

وَقَبْضُ الْمَنْقُولِ مِنْ سَفِينَةٍ وَحَيَوَانَ وَغَيْرِهِمَا بِنَقْلِهِ مَعَ تَفْرِيعِ السَّفِينَةِ الْمَشْحُونَةِ بِالْأَمْتَعَةِ نَظْرًا لِلْعُرْفِ فِيهِ.

626. Terimaserah barang yang boleh pindahkan, daripada kapal dan haiwan dan selain keduanya adalah dengan memindahkannya serta mengosongkan kapal yang dimuatkan dengan barang-barang kerana memandang kepada 'uruf padanya.

وَيَكْفِي فِي قَبْضِ الثَّوْبِ وَنَحْوِهِ مِمَّا يُتَنَاوَلُ بِالْيَدِ التَّنَاوُلُ. وَإِتْلَافُ الْمُشْتَرِيِّ الْمَبِيعِ قَبْضٌ لَهُ. وَلَوْ كَانَ الْمَبِيعُ تَحْتَ يَدِ الْمُشْتَرِيِّ أَمَانَةً أَوْ مَضْمُونًا وَهُوَ حَاضِرٌ وَلَمْ يَكُنْ لِلْبَائِعِ حَقُّ الْحَبْسِ صَارَ مَقْبُوضًا بِنَفْسِ الْعَقْدِ، بِخِلَافِ مَا إِذَا كَانَ لَهُ حَقُّ الْحَبْسِ فَإِنَّهُ لَا بَدَّ مِنْ إِذْنِهِ.

627. Memada pada terimaserahan kain dan umpamanya daripada apa yang boleh diambil dengan tangan oleh mengambilnya. Pembinaan oleh pembeli akan barang jualan adalah terima serahannya. Kalau barang jualan itu dibawah tangan pembeli sebagai amanah atau jaminan⁵⁰ sedang ianya hadir dan penjual tidak punya hak menahan jadilah ia diterima serahan dengan diri akad, bersalahan keadaan apabila dia memiliki hak menahan maka tidak dapat tidak daripada izinnya.

وَلَوْ اشْتَرَى الْأَمْتَعَةَ مَعَ الدَّارِ صَفْقَةً اشْتَرَطَ فِي قَبْضِهَا نَقْلَهَا كَمَا لَوْ أُفْرِدَتْ . وَلَوْ اشْتَرَى صُبْرَةً ثُمَّ اشْتَرَى مَكَانَهَا لَمْ يَكْفِ.

628. Kalau dia membeli barang-barang bersama dengan rumah dengan satu akad disyaratkan pada terimaserahannya memindahkannya sepertimana kalau ia

⁵⁰. iaitu jaminan untuk dipulangkan seperti barang itu dirampas atau dipinjam.

ditunggalkan. Kalau dia membeli satu longgokkan kemudian dia membeli tempatnya tidak memada.

وَالسَّفِينَةُ مِنَ الْمُنْقُولَاتِ كَمَا قَالَ ابْنُ الرَّفْعَةِ، فَلَا بُدَّ مِنْ تَحْوِيلِهَا، وَهُوَ ظَاهِرٌ فِي الصَّغِيرَةِ وَفِي الْكَبِيرَةِ فِي مَاءٍ تَسِيرُ بِهِ.
أَمَّا الْكَبِيرَةُ فِي الْبَرِّ فَكَالْعَقَارِ فَيَكْفِي فِيهَا التَّخْلِيَةُ لِعُسْرِ النُّقْلِ.

629. Kapal termasuk pada benda-benda yang boleh dipindah-pindahkan sepertimana dikatakan Ibnu Rif'ah, maka tidak dapat tidak daripada mengalihkannya yang mana ianya zahir pada yang kecil dan pada yang besar didalam air yang boleh dia berjalan padanya. Adapun yang besar didaratan maka seperti 'aqar, maka memada padanya memberikan laluan kepada pembelinya kerana payah memindahkan.

فُرُوعٌ : لِلْمُشْتَرِي اسْتِفْلَالًا بِقَبْضِ الْمَبِيعِ إِنْ كَانَ التَّمَنُّ مُوجِبًا، وَإِنْ حَلَّ أَوْ كَانَ حَالًا كُلُّهُ أَوْ بَعْضُهُ وَسَلَّمَ الْحَالَ لِمُسْتَحِقِّهِ.

630. Beberapa Cabang. Pembeli boleh bebas menerimaserahan barang jualan jika harganya ditempokkan sekalipun ia telah sampai tempoh, atau adalah ianya tunai semuanya atau sebahagiannya dan dia telah menyerahkan yang tunai itu kepada orang yang berhak kepadanya.

وَشَرَطٌ فِي قَبْضِ مَا يَبِيعُ مُقَدَّرًا مَعَ مَا مَرَّ نَحْوَ ذَرْعٍ مِنْ كَيْلٍ وَوَزْنٍ وَلَوْ كَانَ لِبَكْرٍ طَعَامٌ مَثَلًا مُقَدَّرٌ عَلَى زَيْدٍ كَعَشْرَةِ أَصْعٍ وَلِعَمْرٍو عَلَيْهِ مِثْلُهُ فَلْيَكْتَلْ لِنَفْسِهِ مِنْ زَيْدٍ ثُمَّ يَكْتَلْ لِعَمْرٍو لِيَكُونَ الْقَبْضُ وَالْإِقْبَاضُ صَحِيحَيْنِ. وَيَكْفِي اسْتِدْأَمَتُهُ فِي نَحْوِ الْمِكْيَالِ. فَلَوْ قَالَ بَكْرٌ لِعَمْرٍو : أَقْبِضْ مِنْ زَيْدٍ مَالِي عَلَيْهِ لَكَ فَعَلَّ فُسَدَ الْقَبْضُ لَهُ لِاتِّحَادِ الْقَابِضِ وَالْمُقْبِضِ

631. Disyaratkan pada terimaserahan apa yang dijual dengan dikadarkan serta apa yang telah lalu itu akan sukut dari sukatan dan timbangan. Kalau Bakar mempunyai makanan sebagai contoh yang dikadarkan di atas Zaid seperti sepuluh gantang dan Umar punya seumpamanya di atas dia maka hendaklah dia menyukat untuk dirinya dari Zaid kemudian dia menyukat untuk Umar supaya adalah kedua terimaserahan dan beriterima itu sah. Memada mengekalkannya pada umpama yang disukat. Maka kalau Bakar berkata kepada Umar : terimalah dari Zaid, harta ku di atasnya bagi kamu, maka dia melakukan fasad terimaserahan itu kerana satu yang menerima dan yang memberiterima.

وَلِكُلِّ مِنَ الْعَاقِدَيْنِ حَبْسٌ عَوِضَهُ حَتَّى يَقْبِضَ مُقَابِلَهُ إِنْ خَافَ فَوْتَهُ بِهَرَبٍ أَوْ غَيْرِهِ، فَإِنْ لَمْ يَخَفْ فَوْتَهُ وَتَنَازَعَا فِي الْإِبْتِدَاءِ أُجْبِرَا إِنْ عَيَّنَ التَّمَنُّ كَالْمَبِيعِ، فَإِنْ كَانَ فِي الذِّمَّةِ أُجْبِرَ الْبَائِعُ . فَإِذَا سَلَّمَ أُجْبِرَ الْمُشْتَرِي إِنْ حَضَرَ التَّمَنُّ. وَإِلَّا فَإِنْ أَعْسَرَ بِهِ فَلِلْبَائِعِ الْفَسْخُ بِالْفَلْسِ. وَإِنْ أَيْسَرَ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ مَالُهُ بِمَسَافَةِ الْقَصْرِ حُجْرٍ عَلَيْهِ فِي أَمْوَالِهِ كُلِّهَا حَتَّى يُسَلَّمَ التَّمَنُّ. وَإِنْ كَانَ مَالُهُ بِمَسَافَةِ الْقَصْرِ كَانَ لَهُ الْفَسْخُ. فَإِنْ صَبَرَ فَالْحَجْرُ كَمَا مَرَّ. وَمَحَلُّ الْحَجْرِ فِي هَذَا وَمَا قَبْلَهُ إِذَا لَمْ يَكُنْ مَحْجُورًا عَلَيْهِ بِفَلْسٍ، وَإِلَّا فَلَا حَجْرَ. وَأَمَّا التَّمَنُّ الْمُوجِبُ فَلَيْسَ لِلْبَائِعِ حَبْسٌ الْمَبِيعِ بِهِ لِرِضَاهُ بِتَأْخِيرِهِ وَلَوْ حَلَّ قَبْلَ التَّسْلِيمِ فَلَا حَبْسَ أَيْضًا.

632. Boleh setiap dari yang berakad menahan tukarannya hingga dia menerima apa yang membetulinya jika dia takut luputnya sebab larikan diri atau selainnya. Maka jika dia tidak takutkan luputnya dan kedua mereka berbantah pada mula digagahi keduanya jika harganya ditentukan, sama seperti barang jualan. Maka jika ianya didalam zimmah digagahi penjual. Maka apabila dia menyerahkan digagahi pembeli jika harganya hadhir. Jika tidak, maka jika dia papa dengannya maka boleh penjual fasakh dengan sebab mullis, dan jika dia senang maka jika hartanya tidak berada pada jarak qasar dihijir dia

di atasnya pada harta-hartanya semuanya hingga dia menyerahkan harga itu. Jika hartanya pada jarak qasar boleh penjual fasakh. Maka jika dia sabar maka hijir sepertimana yang telah lalu. Tempat hijir pada masaalah ini dan apa yang sebelumnya apabila dia tidak dihijir dengan muflis. Jika tidak maka tidak ada hijir. Adapun harga yang ditempokkan maka tidak boleh penjual menahan barang jualan dengan sebabnya kerana dia redha dengan mentakhirkannya. Kalau sampai tempoh sebelum penyerahan maka tidak ada tahan juga.

(وَلَا) يَجُوزُ (بَيْعُ اللَّحْمِ) وَمَا فِي مَعْنَاهُ كَالشَّحْمِ وَالْكَبِدِ وَالْقَلْبِ وَالْخَلْيَةِ وَالطَّحَالِ وَالْأَلْيَةِ. (بِالْحَيَوَانِ) مِنْ جَنْسِهِ أَوْ بغيرِ جَنْسِهِ مِنْ مَأْكُولٍ، كَبَيْعِ لَحْمِ الْبَقَرِ بِالضَّانِّ وَغَيْرِهِ كَبَيْعِ لَحْمِ ضَّانِّ بِحِمَارٍ، لِانْتِهَائِهِ عَنِ بَيْعِ اللَّحْمِ بِالْحَيَوَانِ. أَمَّا بَيْعُ الْجُلْدِ بِالْحَيَوَانِ فَيَصِحُّ بَعْدَ دَبْعِهِ بِخِلَافِهِ قَبْلَهُ.

633. (Tidak harus jual daging) dan apa yang pada maknanya seperti lemak dan hati dan jantung dan buah pinggang dan limpa dan ekor (dengan haiwan) yang dari jenisnya atau dengan selain jenisnya daripada apa yang dimakan seperti jual daging lembu dengan kambing dan selainnya seperti jual daging kambing dengan himar, kerana tegahan dari jual daging dengan haiwan. Adapun jual kulit dengan haiwan maka sah selepas disamak, bersalahan sebelum samak.

(وَيَجُوزُ بَيْعُ الذَّهَبِ بِالْفِضَّةِ) وَعَكْسُهُ (مُتَّفَاضِلًا) أَي زَائِدًا أَحَدُهُمَا عَلَى الْآخَرِ بِشَرْطَيْنِ : الْأَوَّلُ : كَوْنُهُ نَقْدًا (أَي حَالًا). وَالثَّانِي : كَوْنُهُ مَقْبُوضًا بِيَدِ كُلِّ مِنْهُمَا قَبْلَ تَفَرُّقِهِمَا أَوْ تَخَايُرِهِمَا. (وَكَذَا الْمَطْعُومَاتُ) الْمُتَقَدِّمُ بَيَانُهَا.

634. (Harus jual emas dengan perak) dan 'akasnya (berlebihkurang) iaitu lebih satu daripada keduanya di atas yang satu lagi dengan dua syarat. Pertamanya : keadaannya (tunai) iaitu tak bertanggung. Keduanya : keadaannya diterimaserahan dengan tangan setiap daripada kedua mereka, sebelum berpisah atau sebelum khair. (Begitu juga barang makanan) yang terdahulu keterangannya.

(لَا يَجُوزُ بَيْعُ الْجَرْنِ مِنْهَا) أَي الْمَطْعُومَاتُ (بِمِثْلِهِ) سِوَاءَ اتَّفَقَ نَوْعُهُ أَمْ اِخْتَلَفَ، (إِلَّا) بِثَلَاثَةِ شُرُوطٍ : الْأَوَّلُ كَوْنُهُ (مُتَمَّائًا). وَالثَّانِي : كَوْنُهُ (نَقْدًا). وَالثَّلَاثُ : كَوْنُهُ مَقْبُوضًا بِيَدِ كُلِّ مِنْهُمَا قَبْلَ تَفَرُّقِهِمَا أَوْ تَخَايُرِهِمَا كَمَا مَرَّ بَيَانُهُ فِي بَيْعِ النَّقْدِ بِمِثْلِهِ.

635. (Tidak harus jual jenis daripadanya) makanan (dengan seumpamanya) sama sahaja muafakat bagainya atau berlainan, (melainkan) dengan tiga syarat. Pertamanya keadaannya (saling sama). Keduanya : keadaannya (tunai). Ketiganya : keadaannya diterimaserahan dengan tangan setiap daripada kedua mereka sebelum mereka berpisah atau khair sepertimana telah lalu keterangannya pada jual duit dengan seumpamanya.

وَالْمَمَاتَلَةُ تُعْتَبَرُ فِي الْمَكِيلِ كَيْلًا وَإِنْ تَفَاوَتْ فِي الْوِزْنِ، وَفِي الْمَوْزُونِ وَزْنًا وَإِنْ تَفَاوَتْ فِي الْكَيْلِ. وَالْمُعْتَبَرُ فِي كَوْنِ الشَّيْءِ مَكِيلًا أَوْ مَوْزُونًا غَالِبُ عَادَةِ أَهْلِ الْحِجَازِ فِي عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِظُهُورِ أَنَّهُ أُطْلِعَ عَلَى ذَلِكَ وَأَقْرَهُ. وَمَا لَمْ يَكُنْ فِي ذَلِكَ الْعَهْدِ أَوْ كَانَ وَجْهٌ حَالُهُ وَجِزْمُهُ كَالْتَّمْرِ يُرَاعَى فِيهِ عَادَةُ بَلَدِ الْبَيْعِ. فَإِنْ كَانَ أَكْبَرَ مِنْهُ فَالْوِزْنُ.

636. Kesamaan itu diiktibarkan pada benda yang disukat dengan sukat sekalipun ia berlebih kurang pada timbang, dan pada benda yang ditimbang dengan timbangan sekalipun ia berlainan pada sukatan. Yang diiktibarkan pada keadaan suatu itu disukat atau ditimbang adalah ghalib adat ahli Hijaz pada zaman rasulullah s.a.w.m kerana zahir bahawa dia s.a.w.m melihat demikian itu dan mengakuinya. Apa yang tidak ada pada zaman itu atau ada dan dijahilkan keadaannya dan jirimnya seperti tamar

dipelihara padanya adat negeri jualan. Maka jika ia lebih besar dari penyukat maka timbangan.

وَلَوْ بَاعَ جُزْأًا نَقْدًا أَوْ طَعَامًا بِجَنْسِهِ تَخْمِينًا لَمْ يَصِحَّ الْبَيْعُ وَإِنْ خَرَجَا سِوَاءَ لِلْجَهْلِ بِالْمَمَاتِلَةِ عِنْدَ الْبَيْعِ. وَهَذَا مَعْنَى قَوْلِ الْأَصْحَابِ الْجَهْلُ بِالْمَمَاتِلَةِ كَحَقِيقَةِ الْمَفَاضِلَةِ.

637. Kalau seorang menjual dengan tak menimbang akan duit atau makanan dengan jenisnya secara anggaran tidak sah jualan itu sekalipun keduanya ternyata sama, kerana jahil dengan kesamaan di sisi jualan. Inilah makna kata ashab Syafi'e : jahil dengan kesamaan itu seperti hakikat berlebih kurang.

وَتُعْتَبَرُ الْمَمَاتِلَةُ لِلرَّبْوِيِّ حَالَ الْكَمَالِ، فَتُعْتَبَرُ فِي الثَّمَارِ وَالْحُبُوبِ وَقَتَّ الْجَفَافِ وَتَنْقِيَّتِهَا، فَلَا يُبَاعُ رَطْبُ الْمَطْعُومَاتِ بِرَطْبِهَا بِفَتْحِ الرَّاءِ فِيهِمَا، وَلَا بِجَافِهَا إِذَا كَانَتْ مِنْ جَنْسٍ إِلَّا فِي مَسْأَلَةِ الْعَرَايَا. وَلَا تَكْفِي مَمَاتِلَةُ الدَّقِيقِ وَالسُّوْبِقِ وَالْخُبْزِ بَلْ تُعْتَبَرُ الْمَمَاتِلَةُ فِي الْحُبُوبِ حَبًّا وَفِي الْحُبُوبِ الدُّهْنِ كَالسَّمْسِمِ بِكَسْرِ السِّينَيْنِ حَبًّا أَوْ دُهْنًا، وَفِي الْعَنْبِ وَالرُّطْبِ زَبِيبًا أَوْ تَمْرًا أَوْ حَلَّ عَنْبٍ وَرُطْبٍ أَوْ عَصِيرِ ذَلِكَ، وَفِي اللَّبَنِ لَبْنًا أَوْ سَمْنًا خَالِصًا مُصَفًى بِشَمْسٍ أَوْ نَارٍ فَيَجُوزُ بَيْعُ بَعْضِهِ بِبَعْضٍ وَرِزًّا وَإِنْ كَانَ مَائِعًا عَلَى النَّصِّ، فَلَا تَكْفِي مَمَاتِلَةُ مَا أَثَرَتْ فِيهِ النَّارُ بِالطَّبِيخِ أَوْ الْقَلْيِ أَوْ الشِّيِّ، وَلَا يَضُرُّ تَأْثِيرُ تَمْيِيزِ كَالْعَسَلِ وَالسَّمْنِ.

732. Asal padanya sebelum ijmak firman Allah taala "maka gadaian yang diterima serahan". Kata Qadhi: maknanya maka hendaklah kamu menggadaikan dan menerimaserahan" kerana ia masdhar yang dijadikan jaza' bagi syarat dengan fa' maka ia berjalan pada perjalanan amar seperti firman Allah taala "maka memerdekakan hamba" i.e hendaklah kamu merdekakan hamba, dan khabar dua kitab yang sahih "bahawa nabi s.a.w.m mengadaikan baju besinya di sisi seorang berbangsa Yahudi yang dipanggil Abu Syahm di atas tiga gantang gandum untuk keluarganya.

وَالْوَثَائِقُ بِالْحُقُوقِ ثَلَاثَةٌ : شَهَادَةٌ وَرَهْنٌ وَضَمَانٌ، فَالشَّهَادَةُ لِحُوفِ الجَدِّ وَالْآخِرَانِ لِحُوفِ الإِفْلَاسِ.

733. Perteguhan hak-hak itu tiga : saksi dan gadaian dan jaminan maka saksi itu kerana takutkan ingkar, dan dua lagi kerana takut muflis.

وَأَرْكَانُهُ أَرْبَعَةٌ : مَرَهُونٌ وَمَرَهُونٌ بِهِ وَصِيعَةٌ وَعَاقِدَانِ . وَقَدْ بَدَأَ بِذِكْرِ الرُّكْنِ الأوَّلِ وَهُوَ الْمَرَهُونُ فَقَالَ : (وَكُلُّ مَا جَارَ بَيْعُهُ) مِنْ الأَعْيَانِ (جَارَ رَهْنُهُ) . فَلَا يَصِحُّ رَهْنٌ دَيْنٌ وَلَوْ مِمَّنْ هُوَ عَلَيْهِ لِأَنَّهُ غَيْرُ مَقْدُورٍ عَلَى تَسْلِيمِهِ، وَلَا رَهْنٌ مَنْفَعَةٌ كَأَنْ يَرَهْنَ سَكْنَى دَارِهِ مُدَّةً لِأَنَّ الْمَنْفَعَةَ تَتَلَفُّ فَلَا يَحْصُلُ بِهَا اسْتِثْنَاءٌ، وَلَا رَهْنٌ عَيْنٌ لَا يَصِحُّ بَيْعُهَا كَوَقْفٍ وَمُكَاتَبٍ وَأَمٍّ وَوَلَدٍ.

734. Rukun-rukunnya empat : barang yang digadaikan dan hutang yang digadaikan padanya dan sighth dan dua orang yang berakad. Sungguhnya musannif mula dengan menyebutkan yang pertama iaitu barang yang digadaikan maka katanya : (**setiap apa yang harus dijual**) daripada 'ain-'ain (**harus menggadaikannya**), maka tidak sah menggadaikan hutang walaupun kepada orang yang ia di atasnya kerana ia tidak dikuasai di atas menyerahkannya, dan tidak mengadaikan manfaat seperti bahawa dia menggadaikan manfaat tinggal pada rumahnya pada satu tempoh, kerana manfaat jadi binasa maka tidak terhasil perteguhan dengannya, dan tidak menggadaikan 'ain yang tidak sah dijual seperti barang wakaf dan mukatab dan ummu walad.

وَيَصِحُّ رَهْنُ الْمَشَاعِ مِنَ الشَّرِيكِ وَغَيْرِهِ وَيُقْبَضُ بِتَسْلِيمِ كُلِّهِ كَمَا فِي الْبَيْعِ. فَيَكُونُ بِالتَّخْلِيَةِ فِي غَيْرِ الْمُنْقُولِ وَبِالنَّقْلِ فِي الْمُنْقُولِ. وَلَا يَجُوزُ نَقْلُهُ بِغَيْرِ إِذْنِ الشَّرِيكِ. فَإِنْ أَبِي الْأَدْنِ فَإِنْ رَضِيَ الْمُرْتَهِنُ بِكَوْنِهِ فِي يَدِ الشَّرِيكِ جَازَ وَنَابَ عَنْهُ فِي الْقَبْضِ، وَإِنْ تَنَازَعَ عَا نَصَبَ الْحَاكِمِ عَدْلًا يَكُونُ فِي يَدِهِ لُهُمَا.

735. Sah gadaian musya⁶⁵ dari ahli syarikat dan selainnya. Diterimaserahannya dengan diserahkan semuanya sepertimana pada jualan, maka adalah ia dengan beri laluan pada barang yang tidak boleh dipindahkan dan dengan pindah pada yang boleh dipindahkan. Tidak harus memindahkannya tanpa izin rakan syarikatnya. Maka jika dia enggan mengizinkan maka jika pemegang gadai itu redha dengan keadaannya berada pada tangan rakan syarikat itu harus ia dan dia menggantikannya pada terimaserahan. Jika keduanya berbantah hakim melantik seorang adil yang barang itu pada tangannya untuk kedua mereka.

وَيُسْتَنْتَى مِنْ مَنْطُوقِ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ صُورَتَانِ لَا يَصِحُّ رَهْنُهُمَا وَيَصِحُّ بِيَعُهُمَا : الْأُولَى الْمُدِيرُ رَهْنُهُ بَاطِلٌ وَإِنْ جَازَ بِيَعُهُ لِمَا فِيهِ مِنَ الْغَرَرِ لِأَنَّ السَّيِّدَ قَدْ يَمُوتُ فَجَاءَ فَيَبْطُلُ مَقْصُودُ الرَّهْنِ. الثَّانِيَّةُ : الْأَرْضُ الْمَرْزُوعَةُ يَجُوزُ بِيَعُهَا وَلَا يَجُوزُ رَهْنُهَا.

736. Dikecualikan dari manthuk kalam musannif dua rupa masaalah yang tidak sah gadaian keduanya dan sah jualan keduanya. Pertamanya mudabbar, gadaianya batil sekalipun harus menjualnya kerana padanya gharar kerana penghulunya terkadang mati terkejut maka batal maksud gadaian itu. Keduanya : bumi yang ditanam, harus menjualnya dan tidak harus menggadaikannya.

وَمِنْ مَفْهُومِهِ صُورَةٌ يَصِحُّ رَهْنُهَا وَلَا يَصِحُّ بِيَعُهَا الْأُمَّةُ الَّتِي لَهَا وَلَدٌ غَيْرٌ مُمَيِّزٌ لَا يَجُوزُ إِفْرَادُ أَحَدِهِمَا بِالْبَيْعِ، وَيَجُوزُ بِالرَّهْنِ. وَعِنْدَ الْحَاجَةِ يُبَاعَانِ، وَيَقُومُ الْمَرْهُونُ مِنْهُمَا مَوْصُوفًا بِكَوْنِهِ حَاضِنًا أَوْ مَحْضُونًا، ثُمَّ يَقُومُ مَعَ الْآخِرِ فَالزَّائِدُ عَلَى قِيَمَتِهِ قِيَمَةُ الْآخِرِ، وَيُوزَعُ الثَّمَنُ عَلَيْهِمَا بِتِلْكَ النِّسْبَةِ. فَإِذَا كَانَتْ قِيَمَةُ الْمَرْهُونِ مِائَةً وَقِيَمَتُهُ مَعَ الْآخِرِ مِائَةً وَخَمْسِينَ فَالنِّسْبَةُ بِالْأَثَلَاتِ فَيَتَعَلَّقُ حَقُّ الْمُرْتَهِنِ بِثَلَاثِي الثَّمَنِ.

737. Daripada mafhumnya satu rupa masaalah yang sah menggadaikannya dan tidak sah menjualkannya iaitu amah yang punya anak yang tidak mumayyiz, tidak harus menunggalkan satu daripada keduanya dengan jualan dan harus dengan gadaian. Di sisi hajat dijual kedua-duanya. Dinilai yang digadai daripada keduanya dalam keadaan dia disifatkan dengan keadaannya yang mengasuh atau yang diasuh kemudian dinilai dia bersama yang seorang lagi maka yang lebih di atas nilainya adalah nilai yang seorang lagi. Diagihkan harga itu di atas kedua-duanya dengan nisbah itu. Maka apabila nilai yang digadaikan seratus dan nilainya bersama dengan yang seorang lagi seratus lima puluh maka nisbah itu dengan tiga jujuk satu pertiga maka bergantung hak pemegang gadai dengan dua pertiga harga itu.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الرُّكْنِ الثَّانِي وَهُوَ الْمَرْهُونُ بِهِ فَقَالَ : (فِي الدِّيُونِ) . أَيَّ وَشَرَطُ الْمَرْهُونِ بِهِ كَوْنُهُ دَيْنًا، فَلَا يَصِحُّ بِالْعَيْنِ الْمَضْمُونَةَ كَالْمَعْصُوبَةِ وَالْمُسْتَعَارَةَ، وَلَا بِغَيْرِ الْمَضْمُونَةِ كَمَالِ الْقَرَاظِ وَالْمُودِعِ لِأَنَّهُ تَعَالَى ذَكَرَ الرَّهْنَ فِي الْمُدَايِنَةِ فَلَا يَثْبُتُ فِي غَيْرِهَا، وَلِأَنَّهَا لَا تَسْتَوْفَى مِنْ ثَمَنِ الْمَرْهُونِ، وَذَلِكَ مُخَالَفٌ لِغَرَضِ الرَّهْنِ عِنْدَ الْبَيْعِ.

738. Kemudian dia masuk pada rukun yang kedua iaitu apa yang digadaikan padanya, maka katanya (**pada hutang-hutang**). Artinya syarat apa yang digadaikan padanya adalah keadaannya hutang, maka tidak sah ia pada 'ain yang dijamin seperti yang

⁶⁵.Barang yang dimiliki dengan peratusan, iaitu yang dikongsikan, tidak tertentu jujuknya, seperti tiga puluh peratus dari sebuah rumah.

dirampas dan yang dipinjam, dan tidak pada 'ain yang tidak dijamin seperti harta qiradh dan wadiah kerana Allah taala menyebutkan gadaian pada hutang maka tidak sabit ia pada selainnya, dan kerana 'ain-'ain itu tidak dibayar dari harga barang yang digadaikan, yang mana demikian itu menyalahi tujuan gadaian.

تَنْبِيهٌ : يُؤْخَذُ مِنْ ذَلِكَ مَسْأَلَةٌ كَثِيرَةٌ الْوُقُوعِ ، وَهِيَ أَنَّ الْوَاقِفَ يَعْفُ كُتْبًا وَيَشْرُطُ أَنْ لَا يَخْرُجَ مِنْهَا كِتَابٌ مِنْ مَكَانٍ يَحْبِسُهَا فِيهِ إِلَّا بِرَهْنٍ. وَذَلِكَ لَا يَصِحُّ كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْمَاوَرِدِيُّ وَإِنْ أَفْتَى الْقَفَّالُ بِخِلَافِهِ. وَضَعَفَ بَعْضُهُمْ مَا أَفْتَى بِهِ الْقَفَّالُ بِأَنَّ الرَّاهِنَ أَحَدَ الْمُسْتَحِقِّينَ ، وَالرَّاهِنُ لَا يَكُونُ مُسْتَحِقًّا إِذَ الْمَقْصُودُ بِالرَّهْنِ الْوَفَاءُ مِنْ ثَمَنِ الْمَرْهُونِ عِنْدَ التَّلْفِ ، وَهَذَا الْمَوْقُوفُ لَوْ تَلَفَ بغيرِ تَعَدٍّ وَلَا تَفْرِيطٍ لَمْ يَضْمَنْ. وَعَلَى الْإِعْاءِ الشَّرْطِ لَا يَجُوزُ إِخْرَاجُهُ بِرَهْنٍ وَلَا بغيرِهِ فَكَأَنَّهُ قَالَ : لَا يَخْرُجُ مُطْلَقًا.

739. Tanbih. Diambil faham dari demikian itu satu masaalah yang kerap berlaku. Ianya bahawa seorang mewakafkan kitab-kitab dan mensyaratkan bahawa tidak dikeluarkan satu kitab darinya dari tempat yang ia disimpan padanya melainkan dengan gadaian, yang mana demikian itu tidak sah sepertimana dijelaskan Mawardi, sekalipun Qaffal memfatwakan sebaliknya. Sebahagian mereka mendhaifkan apa yang Qaffal fatwakan dengan bahawa orang yang menggadai itu adalah seorang daripada orang-orang yang berhak ke atas kitab yang diwakafkannya sedangkan penggadai itu bukanlah orang yang berhak⁶⁶, kerana yang dimaksudkan dengan gadaian adalah pembayaran dari harga barang yang digadaikan di sisi binasa, sedangkan barang yang diwakafkan kalau binasa dengan tidak ada melampau had dan tidak ada cuai tidak didhaman. Di atas melaghakan syarat itu tidak harus mengeluarkannya dengan gadaian dan tidak dengan tanpa gadaian, maka seolah-olah dia berkata : tidak dikeluarkan ia tanpa kait.

نَعَمْ، إِنْ تَعَدَّرَ الْإِنْتِفَاعُ بِهِ فِي الْمَحَلِّ الْمَوْقُوفِ فِيهِ وَوُثِقَ بِمَنْ يَنْتَفِعُ بِهِ فِي غَيْرِ ذَلِكَ الْمَحَلِّ أَنْ يَرُدَّهُ إِلَى مَحَلِّهِ بَعْدَ قَضَاءِ حَاجَتِهِ جَازَ إِخْرَاجُهُ كَمَا أَفْتَى بِهِ بَعْضُ الْمُتَأَخِّرِينَ.

740. Na'am, jika teruzur pengambilan manfaat dengannya pada tempat yang diwakafkan padanya dan diyakinkan orang yang mengambil manfaat dengannya pada selain tempat itu dapat memlangkannya kepada tempatnya selepas menunaikan hajatnya harus mengeluarkannya sepertimana difatwakan sebahagian ulamak mutakhir.

وَيُشْتَرَطُ فِي الدَّيْنِ الَّذِي يُرَهْنُ بِهِ ثَلَاثَةٌ شُرُوطٌ : الْأَوَّلُ كَوْنُهُ ثَابِتًا فَلَا يَصِحُّ بغيرِهِ كَنَفَقَةِ زَوْجَتِهِ فِي الْعَدْلِ لِأَنَّ الرَّهْنَ وَثِيقَةٌ حَقٌّ فَلَا يَتَقَدَّمُ عَلَيْهِ. وَالثَّانِي : كَوْنُهُ مَعْلُومًا لِلْعَاقِدِينَ. فَلَوْ جَهْلَاهُ أَوْ أَحَدَهُمَا لَمْ يَصِحَّ. وَالثَّلَاثُ : كَوْنُهُ لَازِمًا أَوْ آيِلًا إِلَى اللُّزُومِ، فَلَا يَصِحُّ فِي غَيْرِ ذَلِكَ كَمَالِ الْكُتَابَةِ، وَلَا بِجَعْلِ الْجَعَالَةِ قَبْلَ الْفَرَاغِ مِنَ الْعَمَلِ. وَيَجُوزُ الرَّهْنُ بِالثَّمَنِ فِي مَدَّةِ الْخِيَارِ لِأَنَّهُ آيِلٌ إِلَى اللُّزُومِ، وَالْأَصْلُ فِي وَضْعِهِ اللُّزُومُ، بِخِلَافِ مَالِ الْكُتَابَةِ وَجَعْلِ الْجَعَالَةِ. وَظَاهِرٌ أَنَّ الْكَلَامَ حَيْثُ قُلْنَا مَلِكُ الْمُشْتَرِي الْمَبِيعِ لِيَمْلِكِ الْبَائِعُ الثَّمَنَ كَمَا أَشَارَ إِلَيْهِ الْإِمَامُ.

741. Disyaratkan pada hutang yang digadaikan padanya tiga syarat. Pertamanya : keadaannya sabit, maka tidak sah ia dengan selainnya seperti nafkah esok hari untuk isterinya kerana gadaian adalah perteguhan hak maka ia tidak mendahuluinya. Keduanya : keadaannya diketahui bagi dua yang berakad, maka kalau mereka atau seorang dari mereka jahilkannya tidak sah ia. Ketiganya : keadaannya lazim atau membawa keada lazim, maka tidak sah ia pada selain itu seperti harta kitabah, dan tidak upahan kerja sebelum selesai dari kerja. Harus gadaian pada harga didalam tempoh khair kerana ia membawa kepada lazim, yan mana asal pada meletakkannya adalah lazim, bersalahan harta kitabah dan upah. Yang zahir bahawa sekira-kira kita

⁶⁶. kerana berpindah pemilikan ke atas barang wakaf kepada Allah taala.

katakan pembeli memiliki barang jualan nescaya penjual memiliki harga sepertimana Imam isyaratkan kepadanya.

وَلَا حَاجَةَ لِقَوْلِ الْمُصْتَفِ (إِذَا اسْتَقَرَّ ثُبُوتُهَا) أَيِ الدِّيُونِ (فِي الدِّمَةِ) ، بَلْ هُوَ مُضِرٌّ إِذْ لَا فَرْقَ بَيْنَ كَوْنِهِ مُسْتَقَرًّا كَثْمَنِ الْمَبِيعِ الْمَقْبُوضِ وَدَيْنِ الْمُسْلِمِ وَأَرْشِ الْجَنَائِيَةِ، أَوْ عَيْرِ مُسْتَقَرٍّ كَالْأَجْرَةِ قَبْلَ اسْتِيفَاءِ الْمُنْفَعَةِ. وَسَكَتَ الْمُصْتَفِ عَنِ الرُّكْنَيْنِ الْأَخِيرَيْنِ.

742. Tidak hajat kepada kata musannif (**apabila tetap sabitnya**) iaitu hutang (**didalam zimmah**), bahkan ia memudharatkan kerana tidak ada beza di antara keadaanya tetap seperti harga barang jualan yang diterima serahan dan hutang muslim dan imbuah jenayah atau yang tidak tetap seperti sewa sebelum disempurnakan manfaat. Musannif diam dari dua rukun yang lain.

أَمَّا الصِّيغَةُ فَيُسْتَرْطُ فِيهَا مَا مَرَّ فِيهَا فِي الْبَيْعِ. فَإِنْ شَرِطَ فِي الرَّهْنِ مُقْتَضَاهُ كَتَقَدَّمَ الْمُرْتَهَنُ بِالْمَرْهُونِ عِنْدَ تَرَاحُمِ الْغَرْمَاءِ أَوْ شَرِطَ فِيهِ مَصْلَحَةٌ لَهُ كَإِسْهَادِهِ بِهِ أَوْ مَا لَا غَرَضَ فِيهِ كَأَنْ يَأْكُلَ الْعَبْدُ الْمَرْهُونُ كَذَا صَحَّ الْعَقْدُ وَلَعَا الشَّرْطُ الْأَخِيرُ.

743. Adapun sighth maka disyaratkan padanya apa yang telah lalu pada sighth jual beli, maka jika disyaratkan pada gadaian akan kehendaknya seperti terdahulu pemegang gadai dengan barang gadaian di sisi bersesak tuan-tuan hutang, atau disyaratkan padanya maslahatnya seperti mengadakan saksi dengannya, atau apa yang tidak ada tujuan padanya seperti bahawa hamba yang digadaikan makan sekian makanan sah akad itu dan lagha syarat yang akhir.

وَإِنْ شَرِطَ مَا يَضُرُّ الْمُرْتَهَنَ أَوْ الرَّاهِنَ كَأَنْ لَا يُبَاعَ عِنْدَ الْمَحَلِّ أَوْ أَنْ مَنَّفَعَتُهُ لِلْمُرْتَهِنِ أَوْ أَنْ تَحْدُثَ زَوَائِدُهُ مَرْهُونَةً لَمْ يَصِحَّ الرَّهْنُ فِي الثَّلَاثِ لِإِخْلَالِ الشَّرْطِ بِالْغَرَضِ مِنْهُ فِي الْأُولَى، وَلِتَغْيِيرِ قَضِيَةِ الْعَقْدِ فِي الثَّانِيَةِ، وَلِجَهَالَةِ الزَّوَائِدِ وَعَدَمِهَا فِي الثَّلَاثَةِ.

744. Jika disyaratkan apa yang memudharatkan pemegang gadai atau penggadai seperti bahawa ia tidak dijual di sisi sampai tempohnya atau bahawa manfaatnya bagi pemegang gadai atau bahawa pertambahannya yang baru timbul digadaikan tidak sah gadaian pada ketiga-tiga ini kerana syarat itu mencederakan tujuan gadaian pada yang pertama dan kerana berubah kehendak akad pada yang kedua dan kerana dijahilkan akan ujud tambahan-tambahan dan tidak ujudnya pada yang ketiga.

وَأَمَّا الْعَاقِدَانِ فَيُسْتَرْطُ فِيهِمَا أَهْلِيَةُ التَّبَرُّعِ وَالِاخْتِبَارِ كَمَا فِي الْبَيْعِ وَنَحْوِهِ. فَلَا يَرَهْنُ الْوَلِيُّ أَبًا كَانَ أَوْ غَيْرَهُ مَالِ الصَّبِيِّ وَالْمَجْنُونِ، وَلَا يَرْتَهِنُ لَهُمَا إِلَّا لِضُرُورَةٍ أَوْ غِبْطَةٍ ظَاهِرَةٍ ، فَيَجُوزُ لَهُ الرَّهْنُ وَالِارْتِهَانُ فِيهِمَا دُونَ غَيْرِهِمَا.

745. Adapun dua orang yang berakad maka disyaratkan pada keduanya keahlian tabarru' dan ihtiar⁶⁷ sepertimana pada jualan dan umpamanya maka tidak boleh wali bapa atau selainnya menggadaikan harta kanak-kanak dan orang gila dan tidak boleh memegang gadai untuk kedua mereka melainkan kerana dharurat atau untung yang zahir maka harus dia menggadaikan dan memegang gadai pada keduanya, tidak pada selain keduanya.

مِثْلُهُمَا لِلضَّرُورَةِ أَنْ يَرَهْنَ عَلَى مَا يَقْتَرِضُ لِحَاجَةِ الْمُؤْنَةِ لِيُوفِيَ مِمَّا يَنْتَظِرُ مِنْ عِلَّةٍ أَوْ حُلُولِ دَيْنٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ كَنَفَاقِ مَتَاعِ كَاسِدٍ، وَأَنْ يَرْتَهِنَ عَلَى مَا يُفْرِضُهُ أَوْ يَبِيعُهُ مُوجِبًا لِضُرُورَةٍ نَهَبٍ أَوْ نَحْوِهِ. وَمِثْلُهُمَا

⁶⁷. Tabarru' iaitu membelanjakan harta untuk orang lain diatas jalan sukarela. Ikhtiar iaitu bebas membuat keputusan.

لِلْغِبْطَةِ أَنْ يَرْهَنَ مَا يُسَاوِي مِائَةً عَلَى تَمَنٍّ مَا اشْتَرَاهُ بِمِائَةِ نَسِينَةٍ وَهُوَ يُسَاوِي مِائَتَيْنِ، وَأَنْ يَزْتَهِنَ عَلَى تَمَنٍّ مَا يَبِيعُهُ نَسِينَةً لِبِغْبِطَةٍ.

746. Contoh menggadai dan memegang gadai kerana dharurat bahawa dia menggadaikan di atas apa yang dia hutangi kerana keperluan perbelanjaan untuk dia bayarkan dari apa yang dia tunggu daripada hasil tanah atau sampai tempoh hutang atau umpama itu seperti laku barang yang tak laku dan bahawa dia memegang gadai di atas apa yang dia hutangkan atau dia jualkan bertempoh kerana dharurat rompakkan atau seumpamanya. Contoh menggadai dan memegang gadai kerana untung bahawa dia menggadaikan apa yang menyamai seratus di atas harga apa yang dia beli dengan seratus bertanggung yang mana ia menyamai dua ratus, dan bahawa dia memegang gadai di atas harga apa yang dia jualkannya bertanggung kerana untung

وَلَا يَلْزَمُ الرَّهْنُ إِلَّا بِقَبْضِهِ كَمَا مَرَّ فِي الْبَيْعِ بِإِذْنِ مَنْ الرَّاهِنِ أَوْ إِقْبَاضٍ مِنْهُ مِمَّنْ يَصِحُّ عَقْدُهُ لِلرَّهْنِ. وَلِلْعَاقِدِ إِتَابَةٌ غَيْرُهُ فِيهِ كَالْعَقْدِ لَا إِتَابَةَ مُقْبِضٍ مِنْ رَاهِنٍ أَوْ نَائِبِهِ لِئَلَّا يُوَدِّيَ إِلَى اتِّحَادِ الْقَابِضِ وَالْمُقْبِضِ.

747. Tidak lazim gadaian melainkan dengan terimaserahan sepertimana telah lalu pada jualan, dengan izin orang yang menggadai atau dengan dia menyerahkan, daripada orang yang sah akadnya untuk gadaian. Boleh bagi dua orang yang berakad menggantikan orang lain padanya, sama seperti akad, tidak menggantikan orang yang memberi terima, daripada yang menggadai atau naibnya⁶⁸, supaya tidak membawa kepada satu yang menerima serahan dan yang menyerahkan.

(وَلِلرَّاهِنِ الرَّجُوعُ فِيهِ) أَي الْمَرْهُونِ (مَا لَمْ يُقْبِضْهُ) الْمُرْتَهِنُ أَوْ نَائِبُهُ . وَيَحْصُلُ الرَّجُوعُ قَبْلَ قَبْضِهِ بِتَصَرُّفٍ يُزِيلُ مِلْكَ كَهَبَةٍ مَقْبُوضَةٍ لِرُؤَالِ مَحَلِّ الرَّهْنِ، وَيَرْهِنُ مَقْبُوضٌ لِتَعَلُّقِ حَقِّ الْغَيْرِ بِهِ. وَتَقْيِيدُهُمَا بِالْقَبْضِ هُوَ مَا جَزَمَ بِهِ الشَّيْخَانِ. وَقَضِيَّتُهُ أَنَّ ذَلِكَ بِدُونِ قَبْضٍ لَا يَكُونُ رُجُوعًا. لَكِنَّ نَقْلَ السُّبُكِيِّ وَغَيْرَهُ عَنِ النَّصِّ وَالْأَصْحَابِ أَنَّهُ رُجُوعٌ، وَصَوَّبَهُ الْأَدْرَعِيُّ وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ.

748. (Boleh orang yang menggadai rujuk pada) barang gadaianya (selama dia belum menyerahkannya) kepada pemegang gadai atau naibnya. Terhasil rujuk itu sebelum terimaserahan dengan tasarruf yang menghilangkan milik seperti hibah yang telah diterimaserahan kerana hilang tempat gadaian, dan dengan gadaian yang telah diterimaserahan kerana bergantung hak orang lain dengannya. Mengkaitkan keduanya dengan terimaserahan adalah apa yang jazam dua syeikh dengannya. Kehendaknya bahawa demikian itu tanpa terimaserahan bukanlah rujuk, akan tetapi Subki dan selainnya menakalkan dari nas dan ashab Syafi'e bahawa ianya rujuk, dan Azrai'e membilangnya betul yang mana ia yang muktamad.

وَيَحْصُلُ الرَّجُوعُ أَيْضًا بِكِتَابَةٍ وَتَدْبِيرٍ وَإِحْبَالٍ لِأَنَّ مَقْصُودَهَا الْعِتْقُ وَهُوَ مُنَافٍ لِلرَّهْنِ. وَلَا يَحْصُلُ بِوَطْءٍ وَتَرْوِيجٍ لِعَدَمِ مُنَافَاتِهِمَا لَهُ، وَلَا بِمَوْتِ عَاقِدٍ وَجُنُونِهِ وَإِعْمَائِهِ وَتَحْمُرِ عَصِيرٍ وَإِبَاقِ رَقِيقٍ.

749. Terhasil rujuk juga dengan kitabah dan tadbir dan menghamilkan amah kerana maksud tiga ini adalah kemerdekaan hamba yang mana ia menafikan gadaian. Tidak terhasil ia dengan setubuh dan mengahwinkan kerana keduanya tidak menafikan gadaian, dan tidak dengan mati yang berakad dan gilanya dan pitamnya dan bertukar arak kepada cuka dan lari hamba.

⁶⁸. iaitu pemegang gadai tidak boleh menyuruh orang yang menggadai atau wakilnya untuk menerima serahan bagi pihaknya.

وَلَيْسَ لِرَاهِنٍ مَقْبُضٍ رَهْنٌ وَلَا وَطْءٌ وَإِنْ كَانَتْ مِمَّا لَا تَحْبُلُ، وَلَا تَصْرَفُ يَزِيلُ مِلْكًا كَوَقْفٍ أَوْ يَنْقُصُهُ كَتَرْوِيجٍ، فَلَا يَنْفَعُ شَيْءٌ مِنْ هَذِهِ التَّصْرِفَاتِ إِلَّا إِعْتَاقُ مُوسِرٍ وَإِبْلَادُهُ. وَيَعْرَمُ قِيمَتُهُ وَقَتَ إِعْتَاقِهِ وَإِحْبَالِهِ، وَتَكُونُ رَهْنًا مَكَانَهُ بِغَيْرِ عَقْدٍ لِقِيَامِهَا مَقَامَهُ. وَالْوَلَدُ الْحَاصِلُ مِنْ وَطْءِ الرَّاهِنِ حُرٌّ نَسِيبٌ، وَلَا يَعْرَمُ قِيمَتَهُ.

750. Penggadai yang telah menyerahkan barang gadaianya tidak boleh mengadaikannya dan tidak menyeturubuhnya sekalipun amah itu tidak boleh hamil, dan tidak melakukan tasarruf yang menghilangkan milik seperti wakaf atau mengurangkannya seperti mengahwinkan, maka tidak lulus suatu dari taarruf-tasarruf ini melainkan memerdekakan hamba oleh orang yang kaya dan menghamilkan amah, dan dia membayar nilainya pada waktu dia memerdekakan dan menghamilkan itu. Jadilah nilai itu gadaian pada tempatnya tanpa akad kerana ia berdiri pada tempatnya. Anak yang terhasil dari persetubuhan penggadai itu merdeka lagi mempunyai titihan, dan tidak dia membayar nilainya.

وَإِذَا لَمْ يَنْفَعِ الْعَتَقُ وَالْإِبْلَادُ لِكَوْنِهِ مُعْسِرًا فَانْفَكَّ الرَّهْنُ نَفَذَ الْإِبْلَادُ لَا الْإِعْتَاقَ لِأَنَّ الْإِعْتَاقَ قَوْلٌ فَإِذَا رُدَّ لَعَا، وَالْإِبْلَادُ فِعْلٌ لَا يُمْكِنُ رَدُّهُ فَإِذَا زَالَ الْحَقُّ تَبَتَّ حُكْمُهُ.

751. Apabila memerdekakan dan membuat ummu walad itu tidak lulus kerana keadaannya papa lalu terombak gadaian itu luluslah membuat ummu walad itu, tidak memerdekakan kerana memerdekakan adalah kata-kata maka apabila ia ditolak laghalah ia sementara membuat emak anak adalah perbuatan tidak boleh menolaknya maka apabila hilang hak itu sabitlah hukumnya.

وَلِلرَّاهِنِ انْتِفَاعٌ بِالْمَرْهُونِ لَا يَنْقُصُهُ كَرْكُوبٌ وَسُكْنَى، لَا بِنَاءٌ وَغِرَاسٌ لِأَنَّهُمَا يَنْقُصَانِ قِيمَةَ الْأَرْضِ. ثُمَّ إِنْ أُمِّكَنْ بِلَا اسْتِرْدَادِ الْمَرْهُونِ انْتِفَاعٌ يُرِيدُهُ الرَّاهِنُ مِنْهُ لَمْ يَسْتَرِدْ، وَإِلَّا فَيَسْتَرِدُّهُ، كَأَنْ يَكُونَ دَارًا يَسْكُنُهَا. وَيَشْهَدُ عَلَيْهِ بِالْاسْتِرْدَادِ إِنْ اتَّهَمَهُ.

752. Boleh penggadai memanfaatkan barang gadaian yang tidak mengurangkannya seperti menunggang dan mendiaminya, tidak membina binaan dan menanam pokok saka kerana kedua-duanya mengurangkan nilai tanah. Kemudian jika termungkin ambilan manfaat yang dikehendaki oleh penggadai padanya tanpa meminta balik tidak dia meminta balik, jika tidak maka dia meminta balik seperti bahawa ianya rumah untuk dia diami. Pemegang gadai mengadakan saksi di atas penggadai dengan meminta balik itu jika dia mentohmahnya.

وَلَهُ بِإِذْنِ الْمُرْتَهِنِ مَا مَنَعَاهُ مِنْهُ. وَلَهُ رُجُوعٌ عَنِ الْإِذْنِ قَبْلَ تَصْرَفِ الرَّاهِنِ كَمَا لِلْمَوْكَلِّ الرُّجُوعُ قَبْلَ تَصْرَفِ الْوَكِيلِ. فَإِنْ تَصْرَفَ بَعْدَ رُجُوعِهِ لَعَا تَصْرَفُهُ كَتَصْرَفِ وَكَيْلٍ عَزَلَهُ مَوْكَلُّهُ.

753. Boleh dia dengan izin pemegang gadai apa yang kita tegah dia darinya. Boleh pemegang gadai rujuk dari izin sebelum tasarruf pengadai sepertimana boleh tuan wakil rujuk sebelum tasarruf wakil. Maka jika pengadai tasarruf selepas rujuk pemegang gadai lagha tasarrufnya sama seperti tasarruf wakil yang tuan wakilnya memecatnya.

وَعَلَى الرَّاهِنِ الْمَالِكِ مُؤَنَةَ الْمَرْهُونِ كَنَفَقَةِ رَقِيقٍ وَعَلْفِ دَابَّةٍ وَأَجْرَةِ سَقْيِ أَشْجَارٍ. وَلَا يُمْنَعُ مِنْ مَصْلَحَةِ الْمَرْهُونِ كَفُصْدٍ وَحِجَامَةٍ. وَهُوَ أَمَانَةٌ بِيَدِ الْمُرْتَهِنِ.

754. Kena di atas penggadai perbelanjaan barang gadaian seperti saraan hamba dan umpan haiwan tunggangan dan upah jirus pokok. Tidak boleh ditegah dari maslahat barang gadaian seperti petik dan bekam. Ianya amanah pada tangan pemegang gadai.

(وَلَا يَضْمَنُهُ الْمُزْتَهِنُ) بِمَثَلٍ وَلَا قِيمَةً إِذَا تَلَفَ (إِلَّا بِالتَّعَدِّيِّ) بِالتَّقْرِيطِ ، فَيَضْمَنُهُ حِينَئِذٍ لِخُرُوجِ يَدِهِ عَنِ الْأَمَانَةِ . وَلَا يَسْقُطُ بِتَلْفِهِ شَيْءٌ مِنَ الدَّيْنِ وَيُصَدَّقُ الْمُزْتَهِنُ فِي دَعْوَى التَّلْفِ بِيَمِينِهِ . وَلَا يُصَدَّقُ فِي الرَّدِّ عِنْدَ الْأَكْثَرِينَ وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ .

755. (Pemegang gadai tidak mendhaman) dengan seumpama dan tidak dengan nilai apabila ia binasa, (melainkan dengan melampau) dengan melebihi batasan maka dia mendahamannya ketika itu kerana keluarnya tangannya dari amanah. Tidak gugur dengan binasanya oleh suatu daripada hutang. Dibenarkan pemegang gadai pada dakwa binasa dengan sumpahnya. Tidak dibenarkan dia pada pemulangan di sisi kebanyakan ulamak yang mana ia yang muktamad.

ضَابِطٌ : كُلُّ أَمِينٍ ادَّعَى الرَّدَّ عَلَى مَنْ انْتَمَنَهُ صُدَّقَ بِيَمِينِهِ إِلَّا الْمُزْتَهِنَ وَالْمُسْتَأْجَرَ .

756. Dhabit. Setiap orang amanah yang mendakwa telah memulangkan barang kepada orang yang mengamanahkannya dibenarkan dia dengan sumpahnya melainkan pemegang gadai dan penyewa.

(وَإِذَا قَضَى) بِمَعْنَى أَدَّى ، الرَّاهِنُ (بَعْضَ الْحَقِّ) أَي الدَّيْنَ الَّذِي تَعَلَّقَ بِهِ الرَّهْنُ (لَمْ يَخْرُجْ) أَي لَمْ يَنْفَكْ (شَيْءٌ مِنَ الرَّهْنِ حَتَّى يَقْضَى) أَي يُؤَدَّى (جَمِيعَهُ) لِتَعَلُّقِهِ بِكُلِّ جُزْءٍ مِنَ الدَّيْنِ كَرَقَبَةِ الْمُكَاتَبِ . وَيَنْفَكُ أَيْضًا بِفَسْخِ الْمُرْتَهِنِ وَلَوْ بَدُونَ الرَّاهِنِ لِأَنَّ الْحَقَّ لَهُ ، وَبِالْبَرَاءَةِ مِنْ جَمِيعِ الدَّيْنِ .

757. (Apabila)penggadai (membayar sebahagian hak) iaitu hutang yang bersangkutan gadaian dengannya (tidak keluar) iaitu tidak terombak (sedikitpun daripada gadaian itu hingga dia membayar semuanya) kerana bersangkutan gadaian itu dengan setiap jujuk daripada hutang itu, sama seperti tengkok hamba mukatab. Terombak ia juga dengan pemegang gadai memfasakhkan walaupun penggadai tidak, kerana hak itu miliknya, dan dengan bebasnya dari semua hutang.

وَلَوْ رَهْنٌ نِصْفَ عَبْدٍ بَدَيْنَ وَنِصْفَهُ بِآخَرَ فِي صَفْقَةٍ أُخْرَى فَبَرِيٌّ مِنْ أَحَدِهِمَا أَنْفَكَ قِسْطُهُ لِتَعَدُّ الصَّفْقَةِ بِتَعَدُّ الْعَقْدِ . وَلَوْ رَهْنَاهُ بَدَيْنَ فَبَرِيٌّ أَحَدُهُمَا مِمَّا عَلَيْهِ أَنْفَكَ نَصِيبُهُ لِتَعَدُّ الصَّفْقَةِ بِتَعَدُّ الْعَاقِدِ . وَلَوْ رَهْنَهُ عِنْدَ اثْنَيْنِ فَبَرِيٌّ مِنْ دَيْنِ أَحَدِهِمَا أَنْفَكَ قِسْطُهُ لِتَعَدُّ مُسْتَحَقِّ الدَّيْنِ .

758. Kalau seorang menggadaikan setengah dari seorang hamba pada satu hutang dan setengah lagi pada hutang yang lain didalam kontrak yang lain maka dia bebas dari satu daripada keduanya terombak agihannya kerana berbilang urusaniaga dengan berbilang akad. Kalau dua orang menggadaikannya pada satu hutang maka seorang dari mereka bebas daripada hutang yang sabit di atasnya terombaklah habuannya kerana berbilang urusaniaga dengan berbilang orang yang berakad. Kalau seorang menggadaikannya di sisi dua orang maka dia bebas dari hutang seorang daripada keduanya terombaklah agihannya kerana berbilang orang yang berhak kepada hutang itu.

فُرُوعٌ : لَوْ رَهْنُ شَخْصٍ آخَرَ عَبْدَيْنِ فِي صَفْقَةٍ وَسَلَّمْ أَحَدُهُمَا لَهُ كَانَ مَرَهُونًا عَلَى جَمِيعِ الْمَالِ كَمَا لَوْ سَلَّمَهُمَا وَتَلَفَ أَحَدُهُمَا . وَلَوْ مَاتَ الرَّاهِنُ عَنْ وَرَثَةٍ فَقَدَى أَحَدُهُمْ نَصِيبَهُ لَمْ يَنْفَكْ كَمَا فِي الْمَوْرَثِ . وَلَوْ مَاتَ الْمُزْتَهِنُ عَنْ وَرَثَةٍ فَوَقَى أَحَدُهُمْ مَا يَخْصُهُ مِنَ الدَّيْنِ لَمْ يَنْفَكْ نَصِيبُهُ كَمَا لَوْ وَقَى مَوْرَثَهُ بَعْضَ دَيْنِهِ ، وَإِنْ خَالَفَ فِي ذَلِكَ ابْنُ الرَّفْعَةِ .

759. Cabang. Kalau seorang menggadaikan kepada seorang lain akan dua hamba didalam dua akad dan dia menyerahkan seorang daripada dua hamba itu kepadanya adalah ia digadaikan di atas semua harta itu sepertimana kalau dia menyerahkan kedua hamba itu dan binasa seorang daripadanya. Kalau mati penggadai meninggalkan

beberapa waris maka seorang daripada mereka menebus habuannya tidak terombak ia sepertimana ada yang mewariskan. Kalau pemegang gadai mati meninggalkan beberapa waris maka disempurnakan bagi seorang daripada mereka hutang yang khusus dengannya tidak terombak habuannya sepertimana kalau disempurnakan bagi yang mewariskan sebahagian hutangnya, sekalipun Ibnu Rif'ah menyalahi pada demikian itu.

تَمَّتْ : لَوْ اِخْتَلَفَ الرَّاهِنُ وَالْمُرْتَهِنُ فِي اَصْلِ الرَّهْنِ اَوْ فِي قَدْرِهِ صَدَقَ الرَّاهِنُ الْمَالِكُ بِيَمِينِهِ لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمٌ مَا يَدْعِيهِ الْمُرْتَهِنُ. هَذَا إِنْ كَانَ رَهْنًا تَبَرُّعًا. أَمَّا الرَّهْنُ الْمَشْرُوطُ فِي بَيْعٍ فَإِنْ اِخْتَلَفَا فِي اشْتِرَاطِهِ فِيهِ أَوْ اتَّفَقَا عَلَيْهِ وَاخْتَلَفَا فِي شَيْءٍ مِمَّا مَرَّ غَيْرَ الْأُولَى فَيَتَخَالَفَانِ فِيهِ كَسَائِرِ صَوَرِ الْبَيْعِ إِذَا اِخْتَلَفَا فِيهَا.

760. Tatimah. Kalau penggadai dan pemegang gadai berselisih pada asal gadaian atau pada kadarnya dibenarkan penggadai yang juga pemilik dengan sumpahnya kerana asalnya tidak ujud apa yang didakwa oleh pemegang gadai. Ini apabila gadaian itu gadaian sukarela. Adapun gadaian yang disyaratkan didalam jualan maka jika kedua mereka berselisih pada mensyaratkannya didalam jualan atau mereka sepakat di atasnya dan berselisih pada suatu daripada apa yang telah lalu itu selain yang pertama maka kedua mereka bersumpah-sumpah padanya sama seperti sekalian rupa-rupa masaalah jualan apabila kedua mereka berselisih padanya.

وَلَوْ ادَّعَى أَنَّهَا رَهْنَاهُ عَبْدُهُمَا بِمَانَةٍ وَأَقْبَضَاهُ وَصَدَّقَهُ أَحَدُهُمَا، فَنَصَبِيهِ رَهْنٌ بِخَمْسِينَ مُوَآخَذَةً لَهُ بِإِقْرَارِهِ . وَخَلَفَ الْمَكْذُوبُ لِمَا مَرَّ، وَتَقَبَّلُ شَهَادَةَ الْمُصَدَّقِ عَلَيْهِ لِحُلُوقِهَا عَنِ التَّهْمَةِ.

761. Kalau seorang mendakwa bahawa dua orang menggadaikannya kepadanya hamba mereka dengan seratus dan mereka telah menyerahkan kepadanya, dan seorang dari mereka membenarkannya maka habuannya adalah gadaian pada lima puluh kerana mengenakan dia dengan ikrarnya. Orang yang mendustakan bersumpah kerana apa yang telah lalu. Diterima saksi orang yang diperbenarkan di atasnya kerana sunyinya dari tohmahan.

وَلَوْ اِخْتَلَفَا فِي قَبْضِ الْمَرْهُونِ وَهُوَ بِيَدِ رَاهِنٍ أَوْ مُرْتَهِنٍ وَقَالَ الرَّاهِنُ : غَصَبْتَهُ أَوْ أَقْبَضْتَهُ عَلَى جِهَةِ أُخْرَى كإِعَارَةٍ، صَدَقَ بِيَمِينِهِ.

762. Kalau kedua mereka berselisih pada terima serahan barang gadaian walhal ia berada pada tangan penggadai atau pemegang gadai, kata penggadai : kamu merampasnya atau aku menyerahkannya dari jaan lain seperti pinjam, dibenarkan dia dengan sumpahnya.

وَمَنْ عَلَيْهِ أَلْفَانِ مَثَلًا بِأَحَدِهِمَا رَهْنٌ فَأَدَّى أَلْفًا وَقَالَ : أَدَيْتَهُ عَنْ أَلْفِ الرَّهْنِ، صَدَقَ بِيَمِينِهِ لِأَنَّهُ أَعْلَمُ بِقَصْدِهِ وَكَيْفِيَّةِ أَدَائِهِ. وَإِنْ لَمْ يَبْنُو شَيْئًا جَعَلَهُ عَمَّا شَاءَ مِنْهُمُ .

763. Orang yang ada di atasnya dua ribu sebagai contoh, pada satu daripada dua ribu itu ada gadaian, maka dia membayar seribu dan berkata : aku bayarnya dari seribu gadaian itu, dibenarkan dia dengan sumpahnya kerana ia lebih tahu dengan kasadnya dan kaifiat bayarannya. Jika dia tidak niatkan apa-apa dia menjadikannya dari apa yang dia hendak daripada keduanya.

وَمَنْ مَاتَ وَعَلَيْهِ دَيْنٌ تَعَلَّقَ بِتَرْكِهِ كَمَرْهُونٍ وَلَا يَمْنَعُ التَّعَلُّقُ إِزْتِئًا فَلَا يَتَعَلَّقُ الدَّيْنُ بِزَوَائِدِ التَّرَكَةِ. وَلِلْوَارِثِ إِمْسَاكُهَا بِالْأَقْلَمِ مِنْ قِيَمَتِهَا وَالْدَّيْنِ. وَلَوْ تَصَرَّفَ الْوَارِثُ وَلَا دَيْنَ فَظَهَرَ دَيْنٌ بِنَحْوِ رَدِّ مَبِيعٍ بِعَيْبٍ تَلَفَ ثَمَنُهُ وَلَمْ يَسْقُطْ الدَّيْنُ بِإِدَائِهِ أَوْ إِبْرَاءِهِ أَوْ نَحْوِهِ فَسُخَّ النَّصْرُفُ لِأَنَّهُ كَانَ سَائِعًا لَهُ فِي الظَّاهِرِ.

764. Orang yang mati dan di atasnya ada hutang yang bersangkutan dengan peninggalannya seperti barang gadaian dan sangkutan itu tidak menegah pusaka maka tidak bersangkutan hutang itu dengan peninggalan yang selebihnya. Boleh waris menahannya dengan yang paling rendah daripada nilainya dan hutang itu. Kalau waris melakukan tasarruf dan tidak ada hutang yang zahir maka zahir satu hutang dengan umpama pemulangan barang jualan dengan sebab 'aib yang telah binasa harganya dan tidak gugur hutang itu dengan bayaran atau ibra' atau umpamanya difasakhkan tasarruf itu kerana ia meliputi pada zahir.

+فَصْلٌ : فِي الْحَجْرِ وَهُوَ لُغَةٌ الْمَنْعِ وَشَرْعًا الْمَنْعُ مِنَ التَّصَرُّفَاتِ الْمَالِيَّةِ. وَالْأَصْلُ فِيهِ قَوْلُهُ تَعَالَى : { وَابْتَلُوا الْيَتَامَى حَتَّى إِذَا بَلَغُوا النِّكَاحَ } الْآيَةَ. وَقَوْلُهُ تَعَالَى : { فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا } الْآيَةَ.

765. Fasal pada hijiri i.e sekatan urus niaga. Ia pada lughah adalah tegah, dan pada syara' tegahan dari tasarruf harta. Asal padanya firman Allah taala "dan ujilah anak-anak yatim hingga apabila mereka sampai had nikah. . .", dan firman Allah taala "maka jika orang yang sabit hak di atasnya seorang yang safih. . .".

(وَالْحَجْرُ) يُضْرَبُ (عَلَى) جَمَاعَةً الْمَذْكُورُ مِنْهَا هُنَا (سِتَّةٌ) . وَالْحَجْرُ نَوْعَانِ : نَوْعٌ شَرَعٌ لِمَصْلَحَةِ الْمَحْجُورِ عَلَيْهِ، وَنَوْعٌ شَرَعٌ لِمَصْلَحَةِ الْغَيْرِ.

766. Hijir dikenakan (**ke atas**) sekumpulan orang yang disebutkan disini daripadanya (**enam**). Hijir itu dua bagai : hijir yang disyara'kan untuk maslahat orang yang dihijir, dan satu bagai lagi disyara'kan untuk maslahat orang lain.

فَالنَّوْعُ الْأَوَّلُ الَّذِي شَرَعٌ لِمَصْلَحَةِ نَفْسِهِ يُضْرَبُ عَلَى ثَلَاثَةِ فِئَاتٍ : الْأَوَّلُ الْحَجْرُ عَلَى (الصَّبِيِّ) أَيِ الصَّغِيرِ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أُنْثَى وَلَوْ مُمَيَّرًا إِلَى بُلُوغِهِ، فَيُنْفَكُ بِلَا قَاضٍ لِأَنَّهُ حَجْرٌ ثَبَتَ بِلَا قَاضٍ فَلَا يَتَوَقَّفُ زَوَالُهُ عَلَى فَكِّ قَاضٍ. وَعَبَّرَ فِي الْمَنْهَاجِ كَثِيرٌ بِبُلُوغِهِ رَشِيدًا. قَالَ الشَّيْخَانِ : وَلَيْسَ اخْتِلَافًا بَلْ مَنْ عَبَّرَ بِالثَّانِي أَرَادَ الْإِطْلَاقَ الْكُلِّيَّ، وَمَنْ عَبَّرَ بِالْأَوَّلِ أَرَادَ حَجْرَ الصَّبَا، وَهَذَا أَوْلَى لِأَنَّ الصَّبَا سَبَبٌ مُسْتَقْبَلٌ بِالْحَجْرِ وَكَذَا التَّبْدِيرُ وَأَحْكَامُهُمَا مُتَغَايِرَةٌ.

767. Maka bagai pertama yang disyaratkan untuk maslahat dirinya dikenakan ke atas tiga sahaja. Pertamanya hijir ke atas (**kanak-kanak**) iaitu yang kecil lelaki adalah dia atau perempuan walaupun yang mumayyiz hingga kepada balighnya. Maka ia terombak tanpa kadhi, maka tidak terhenti hilangnya di atas pembatalan qadhi. Dia ibaratkan didalam Minhaj seperti ramai ulamak dengan "balighnya dalam keadaan cerdik". Kata dua syeikh : ianya bukan perselisihan pendapat, bahkan orang yang mengibaratkan dengan yang kedua hendakkan itlak yang menyeluruh dan orang yang mengibaratkan dengan yang pertama hendakkan hijir sifat keanakan yang mana ini terutama kerana siat kenakkan itu sebab yang tersendiri pada hijir, begitu juga membazir. Hukum-hukum keduanya berlainan.

(وَ) الثَّانِي : الْحَجْرُ عَلَى (الْمَجْنُونِ) إِلَى إِفَاقَتِهِ مِنْهُ، فَيُنْفَكُ بِلَا فَكِّ قَاضٍ كَمَا مَرَّ فِي الصَّبِيِّ.

768. Keduanya : hijir di atas (**orang gila**) hingga dia siuman darinya. Maka ia terombak tanpa pembatalan qadhi sepertimana telah lalu pada kanak-kanak.

(وَ) الثَّلَاثُ الْحَجْرُ عَلَى الْبَالِغِ (السَّفِيهِ الْمُبَدَّرِ لِمَالِهِ)، كَأَنَّ يَرْمِيهِ فِي بَحْرٍ أَوْ نَحْوِهِ أَوْ يُضَيِّعُهُ بِاخْتِمَالٍ غَبْنٍ فَاحْشَ فِي مُعَامَلَةٍ أَوْ يَصْرِفُهُ فِي مُحَرَّمٍ، لَا فِي خَيْرٍ كَصَدَقَةٍ، وَلَا فِي نَحْوِ مَطَاعِمٍ، وَمَلَائِسَ وَشِرَاءِ إِمَاءٍ كَثِيرَةٍ لِلتَّمَتُّعِ وَإِنْ لَمْ تَلْقَ بِحَالِهِ لِأَنَّ الْمَالَ يَنْخَدُ لِيَنْتَفِعَ وَيَلْتَدَّ بِهِ. وَقَضِيَّتُهُ أَنَّهُ لَيْسَ بِحَرَامٍ وَهُوَ كَذَلِكَ. نَعَمْ، إِنْ صَرَفَهُ فِي ذَلِكَ بِطَرِيقِ الْإِقْتِرَاضِ لَهُ وَلَمْ يَكُنْ لَهُ مَا يُؤْفِيهِ بِهِ فَحَرَامٌ.

769 . Ketiganya : hijir ke atas orang baligh (**yang safih yang membazirkan hartanya**) seperti bahawa dia melontarkannya kelaut atau umpamanya atau dia mensia-siakannya dengan menanggung rugi yang keji pada mu'amalah atau dia memalingkannya pada perkara haram, tidak pada kebajikan seperti sedekah dan tidak pada umpama makanan dan pakaian dan membeli ramai hamba perempuan untuk tamattu' sekalipun tidak layak dengan keadaannya kerana harta dibuat untuk dimanfaatkan dan berlazat-lazat dengannya. Kehendaknya bahawa ianya tidak haram yang mana ia seperti itu. Na'am, jika dia memalingkannya pada demikian itu dengan jalan berhutang dan dia tidak punya harta untuk membayarnya maka ianya haram.

(وَ) النَّوْعُ الثَّانِي الَّذِي شَرَعَ لِمَصْلَحَةِ الْغَيْرِ يُضْرَبُ عَلَى (الْمُفْلِسِ) وَهُوَ الَّذِي ارْتَكَبَتْهُ الدُّيُونُ الْحَالَةَ اللَّازِمَةَ الرَّائِدَةَ عَلَى مَالِهِ إِذَا كَانَتْ لِأَدَمِيٍّ . فَيُحْجَرُ عَلَيْهِ وَجُوبًا فِي مَالِهِ إِنْ اسْتَقَلَّ ، أَوْ عَلَى وَلِيِّهِ فِي مَالِ مُوَلِّيهِ إِنْ لَمْ يَسْتَقِلَّ ، بَطْلِيهِ أَوْ سُؤَالَ الْغُرَمَاءِ وَلَوْ بِنَوَائِبِهِمْ كَأَوْلِيَانِهِمْ . فَلَا حَجَرَ بِالْمَوْجَلِ لِأَنَّهُ لَا يُطَالَبُ بِهِ فِي الْحَالِ . وَإِذَا حَجَرَ بِحَالٍ لَمْ يَحِلَّ الْمَوْجَلُ لِأَنَّ الْأَجَلَ مَقْصُودٌ لَهُ فَلَا يَفُوتُ عَلَيْهِ .

770 . Bagai kedua yang disyara'kan untuk maslahat orang lain dikenakan ke atas (**orang yang muflis**) iaitu orang yang ditambahi hutang yang sampai tempoh yang lazim yang lebih dari hartanya, apabila ianya bagi anak adam, maka dia dihijir di atas jalan wajib pada hartanya jika dia tersendiri atau dihijir walinya pada harta anak waliannya jika dia tidak tersendiri, dengan tuntutan atau dengan tuntutan tuan-tuan hutangnya walauun dengan pengganti mereka seperti wali mereka. Maka tidak ada hijir dengan sebab hutang yang bertempoh kerana dia tidak dituntut dengannya pada masa yang hadir. Apabila seorang dihijir dengan hutang yang telah sampai tempoh tidak sampai tempoh hutang yang bertempoh kerana tempohan itu dimaksudkan maka tidak diluputkan ia.

وَلَوْ جُنَّ الْمُدْيُونُ لَمْ يَحِلَّ دَيْنُهُ . وَمَا وَقَعَ فِي أَصْلِ الرَّوْضَةِ مِنْ تَصْحِيحِ الْخُلُولِ بِهِ نُسَبَ فِيهِ إِلَى السَّهْوِ . وَلَا يَحِلُّ إِلَّا بِالمَوْتِ أَوْ الرَّدِّ الْمُتَّصِلَةِ بِالمَوْتِ ، أَوْ اسْتِزْقَاقِ الْحَرْبِيِّ كَمَا نَقَلَهُ الرَّافِعِيُّ عَنِ النَّصِّ ، وَلَا بِدَيْنٍ غَيْرِ لِأَزْمِ كُنُجُومِ كِتَابَةِ لِتَمَكَّنِ الْمُدْيُونُ مِنْ اسْقَاطِهِ ، وَلَا بِدَيْنٍ مُسَاوٍ لِمَالِهِ أَوْ نَاقِصٍ عَنْهُ ، وَلَا بِدَيْنٍ لِلَّهِ تَعَالَى وَإِنْ كَانَ قُورِيًّا كَمَا قَالَهُ الْإِسْنَوِيُّ ، خِلَافًا لِمَا بَحَثَهُ بَعْضُ الْمُتَأَخِّرِينَ .

771 . Kalau orang yang berhutang gila tidak sampai tempoh hutangnya. Apa yang jatuh didalam Asal Raudhah daripada pentashihan sampai tempohnya dengan sebab gila dinisbahkan dia padanya kepada kelalaian. Tidak sampai tempoh ia melainkan dengan mati atau riddah yang bersambung dengan mati atau diperhambakan harbi sepertimana dinakalkan Rafi'e dari nas Syafi'e, dan tidak dengan hutang yang tidak lazim seperti ansuran kitabah kerana mungkin tuan hutang menggugurkannya, dan tidak dengan hutang yang menyamai hartanya atau kurang darinya, dan tidak dengan hutang bagi Allah taala sekalipun ianya di atas jalan segera sepertimana kata Isnawi, bersalahan apa yang dibahaskan sebahagian ulamak mutakhir.

وَالْمُرَادُ بِمَالِهِ مَالُهُ الْعَيْنِيُّ أَوْ الدِّيْنِيُّ الَّذِي يَتَيَسَّرُ الْأَدَاءُ مِنْهُ ، بِخِلَافِ الْمَنَافِعِ وَالْمَغْصُوبِ وَالْغَائِبِ وَنَحْوِهِمَا .

772 . Yang dikehendaki dengan hartanya adalah hartanya yang jenis 'ain yang mudah pembayaran dengannya, bersalahan manfaat dan yang dirampas dan yang ghaib dan umpama keduanya.

وَيُبَاعُ فِي الدُّيُونِ بَعْدَ الْحَجْرِ عَلَيْهِ مَسْكَنُهُ وَخَادِمُهُ وَمَرْكُوبُهُ ، وَإِنْ اِحْتَجَّ إِلَى خَادِمٍ أَوْ مَرْكُوبٍ لِرَمَائَتِهِ أَوْ مَنْصِبِهِ لِأَنَّ تَحْصِيلَهَا بِالْكَرَاءِ أَسْهَلُ فَإِنْ تَعَدَّرَ فَعَلَى الْمُسْلِمِينَ . وَتَرَكَ لَهُ دَسْتُ ثَوْبٍ يَلِيْقُ بِهِ وَهُوَ فَمِيصٌّ

وَسَرَائِيلَ وَمَنْدِيلٌ وَمُكْعَبٌ. وَيَزَادُ فِي الشَّتَاءِ جُبَةً أَوْ فَرَوَةَ. وَلَا يَجِبُ عَلَيْهِ أَنْ يُوجِرَ نَفْسَهُ لِبَقِيَّةِ الدَّيْنِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَإِنْ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ }.

773. Dijual pada hutang-hutang itu selepas dia dihijir akan tempat tinggalnya dan khadamnya dan tunggangannya, sekalipun dia perlu kepada khadam atau tunggangan kerana lumpuhnya atau pangkatnya kerana menghasilkannya dengan sewa lebih mudah, maka jika teruzur maka di atas kaum muslimin. Ditinggalkan untuknya pakaian yang layak dengannya iaitu sehelai gamis dan seluar dan tuala dan selipar. Ditambah pada musim sejuk akan jubah atau farwah i.e kulit yang masih ada bulunya. Tidak wajib di atasnya menyewakan dirinya untuk baki hutangnya kerana firman Allah taala “dan jika dia orang yang papa maka tunggulah kepada kayanya”.

وَإِذَا ادَّعَى الْمَدْيُونُ أَنَّهُ مُعْسِرٌ، أَوْ قَسَمَ مَالَهُ بَيْنَ عَرْمَانِهِ وَرَعَمَ أَنَّهُ لَا يَمْلِكُ غَيْرَهُ وَأَنْكَرُوا مَا زَعَمَهُ، فَإِنْ لَزِمَهُ الدَّيْنُ فِي مُقَابَلَةِ مَالٍ كَشِرَاءٍ أَوْ قَرْضٍ فَعَلَيْهِ الْبَيْتَةُ بِإِعْسَارِهِ فِي الصُّورَةِ الْأُولَىٰ وَبِأَنَّهُ لَا يَمْلِكُ غَيْرَهُ فِي الثَّانِيَةِ. وَإِنْ لَزِمَهُ لَا فِي مُقَابَلَةِ مَالٍ سَوْءٍ أَكَانَ بِاخْتِيَارِهِ كَضْمَانٍ وَصَدَاقٍ أَمْ بِغَيْرِ اخْتِيَارِهِ كَارْشٍ جُنَايَةٍ صَدَقَ بِيَمِينِهِ.

774. Apabila orang yang berhutang mendakwa bahawa dia papa atau dia telah membahagi-bahagikan hartanya di antara tuan-tuan hutangnya dan dia menyangkakan bahawa dia tidak memiliki selainnya dan mereka ingkarkan sangkaannya maka jika hutang itu melaziminya pada membetuli harta seperti belian atau hutang duit maka di atasnya keterangan dengan kepapaannya pada rupa masaalah pertama, dan dengan bahawa dia tidak memiliki selainnya pada yang kedua, dan jika ia melaziminya tidak pada membetuli harta sama ada ia dengan pilihannya seperti jaminan dan maskahwin atau tanpa ikhtiarnya seperti imbuh jenayah dibenarkan dia dengan sumpahnya.

(وَ) يُضْرَبُ عَلَى (الْمَرِيضِ الْمَخُوفِ عَلَيْهِ) بِمَا سَتَعْرِفُهُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْوَصِيَّةِ (فِيمَا زَادَ عَلَى الثَّلَثِ) لِحَقِّ الْوَرِثَةِ وَفِي الْجَمِيعِ إِنْ كَانَ عَلَيْهِ دَيْنٌ مُسْتَعْرَقٌ.

775. Dikenakan hijir ke atas (orang sakit yang dibimbangkan mati) dengan apa yang akan kamu ketahui insyaallah taala pada wasiat, (pada apa yang lebih di atas satu pertiga) kerana hak waris, dan pada semuanya jika ada di atasnya hutang yang menghabisi.

(وَ) يُضْرَبُ عَلَى (الْعَبْدِ الَّذِي لَمْ يُؤْذَنْ لَهُ فِي التَّجَارَةِ) لِحَقِّ سَيِّدِهِ وَعَلَى الْمَكَاتِبِ لِحَقِّ سَيِّدِهِ وَبِاللهِ تَعَالَى. زَادَ الشَّيْخَانُ فِي هَذَا النَّوْعِ : وَعَلَى الرَّاهِنِ فِي الْعَيْنِ الْمَرْهُونَةِ لِحَقِّ الْمُرْتَهِنِ، وَعَلَى الْمُرْتَدِّ لِحَقِّ الْمُسْلِمِينَ. وَأُورِدَ عَلَيْهِمَا فِي الْمُهَمَّاتِ ثَلَاثِينَ نَوْعًا فِيهَا الْحَجْرُ لِحَقِّ الْغَيْرِ. وَسَبَقَهُ إِلَى بَعْضِهَا شَيْخُهُ السُّبْكِيُّ. فَمَنْ أَرَادَ فَلْيُرَاجِعْ ذَلِكَ فِي الْمُهَمَّاتِ. وَقَلِيلٌ مَنْ صَارَ لَهُ هِمَّةٌ لِذَلِكَ.

776. Dikenakan hijir ke atas (hamba yang tidak diizinkan berniaga) kerana hak penghulunya, dan ke atas mukatab kerana hak penghulu dan kerana hak Allah taala. Dua syeikh menambah pada bagai ini : dan ke atas penggadai pada ‘ain yang digadai kerana hak pemegang gadai, dan ke atas murtad kerana hak kaum muslimin. Dia mendatangkan ke atas mereka didalam al Muhimmat tiga puluh bagai yang padanya sabit hijir kerana hak orang lain. Mendahuluinya kepada sebahagiannya syeikhnya Subki. Maka siapa yang hendak maka rujuklah demikian itu didalam Muhimmat. Sedikitlah orang yang punya himmah sedemikian itu.

(وَتَصَرَّفَ) كُلٌّ مِنْ (الصَّبِيِّ وَالْمَجْنُونِ وَالسَّفِيهِ) فِي مَالِهِ (غَيْرُ صَحِيحٍ) . أَمَّا الصَّبِيُّ فَمَسْلُوبُ الْعِبَارَةِ وَالْوَلَايَةِ إِلَّا مَا أَسْتَنْتَيْ مِنْ عِبَادَةِ مُمَيِّزٍ، وَإِذْنٍ فِي دُخُولِ وَإِصَالِ هَدِيَّةٍ مِنْ مُمَيِّزٍ مَأْمُونٍ. وَأَمَّا الْمَجْنُونُ

فَمَسْلُوبُ الْعِبَارَةِ مِنْ عِبَادَةٍ وَغَيْرِهَا، وَالْوَلَايَةِ مِنْ وِلَايَةِ نِكَاحٍ وَغَيْرِهَا. وَأَمَّا السَّفِيهُ فَمَسْلُوبُ الْعِبَارَةِ فِي النَّصْرِفِ الْمَالِي كَبَيْعٍ وَلَوْ بِغِبْطَةٍ أَوْ بِإِذْنِ الْوَلِيِّ. وَيَصِحُّ إِفْرَارُهُ بِمُوجِبِ عَفْوَبَةٍ كَحَدِّ وَقُودٍ. وَتَصِحُّ عِبَادَتُهُ بِدَنِيَّةٍ كَانَتْ أَوْ مَالِيَّةً وَاجِبَةً لَكِنْ لَا يَدْفَعُ الْمَالَ مِنْ زَكَاةٍ وَغَيْرِهَا بِإِذْنٍ مِنْ وَلِيِّهِ، وَلَا تَعَيَّنَ مِنْهُ لِلْمَدْفُوعِ إِلَيْهِ لِأَنَّهُ تَصَرَّفَ مَالِيًّا. أَمَّا الْمَالِيَّةُ الْمُنْدُوبَةُ كَصَدَقَةِ التَّطَوُّعِ فَلَا تَصِحُّ مِنْهُ. فَإِنْ زَالَ الْمَانِعُ بِالْبُلُوغِ وَالْإِفَاقَةِ وَالرُّشْدِ صَحَّ النَّصْرِفُ مِنْ حَيْثُ دُونَ.

777. (Tasarruf) setiap daripada (kanak-kanak dan orang yang gila dan yang safih) pada hartanya (tidak sah). Adapun kanak-kanak maka ditanggalkan ibarat dan kuasanya melainkan apa yang dikecualikan, daripada ibadat kanak-kanak mumayyiz, dan pada izin dan menyampaikan hadiah dari mumayyiz yang amanah. Adapun orang gila maka ditanggalkan ibaratnya dari ibadat dan selainnya, dan dari kuasa daripada kewalian nikah dan selainnya. Adapun safih maka ditanggalkan ibaratnya pada tasarruf harta seperti jual walaupun dengan untung atau dengan izin walinya. Sah pengakuannya dengan perkara yang mewajibkan had dan qawad. Sah ibadatnya samaada ibadat tubuh atau harta yang wajib, akan tetapi tidak boleh dia memberikan harta dari zakat dan selainnya tanpa izin dari walinya dan tidak penentuannya akan orang yang diberikan zakat kerana ia tasarruf harta. Adapun tasarruf harta yang sunat seperti sedekah sunat maka tidak sah ia darinya. Maka jika hilang penghalang ini dengan baligh dan siuman dan cerdik sah tasarruf mula dari ketika itu.

وَالْبُلُوغُ يَحْصُلُ إِذَا بَلَغَ الْإِنْسَانُ خَمْسَ عَشْرَةَ سَنَةً قَمَرِيَّةً تَحْدِيدِيَّةً. وَإِبْتِدَاؤُهَا مِنْ انْفِصَالِ جَمِيعِ الْوَالِدِ، أَوْ بِإِمْنَاءٍ لَيْلِيَّةٍ : {وَإِذَا بَلَغَ الْأَطْفَالُ مِنْكُمُ الْحُلُمَ}. وَالْحُلُمُ الْإِحْتِلَامُ. وَهُوَ لُغَةٌ مَا يَرَاهُ النَّائِمُ. وَالْمُرَادُ بِهِ هُنَا خُرُوجُ الْمَنِيِّ فِي نَوْمٍ أَوْ يَقِظَةٍ بِجَمَاعٍ أَوْ غَيْرِهِ. وَوَقْتُ إِمْكَانِ الْإِمْنَاءِ كَمَا لَا تَسْعُ سِنِينَ قَمَرِيَّةً بِالْإِسْتِقْرَاءِ وَهِيَ تَحْدِيدِيَّةٌ بِخِلَافِ الْحَيْضِ، فَإِنَّ السِّنِينَ فِيهِ تَقْرِيْبِيَّةٌ.

778. Baligh terhasil samaada dengan sempurna lima belas tahun dengan kiraan bulan di atas jalan tadhdid. Mulanya dari tercerai semua tubuh anak yang diahirkan atau dengan keluar mani kerana ayat “apabila kanak-kanak kamu sampai kepada mimpi”. Mimpi adalah apa yang dilihat oleh orang yang tidur. Yang dikehendaki dengannya disini adalah keluar mani didalam tidur atau jaga dengan jimak atau selainnya. Waktu terbolelah keluar mani itu sempurna sembilan tahun dengan kiraan bulan dengan istiqra' yang mana ia dengan tahdid, bersalahan haid maka tahun-tahunnya di atas jalan taqrib,

أَوْ حَيْضٍ فِي حَقِّ أَنْثَى بِالْإِجْمَاعِ. وَأَمَّا حَبْلُهَا فَعَلَامَةٌ عَلَى بُلُوغِهَا بِالْإِمْنَاءِ فَلَيْسَ بُلُوعًا لِأَنَّهُ مَسْبُوقٌ بِالْإِنْزَالِ، فَيَحْكُمُ بَعْدَ الْوَضْعِ بِالْبُلُوغِ قَبْلَهُ بِسِتَّةِ أَشْهُرٍ وَشَيْءٍ.

779. Atau haid pada hak perempuan, dengan ijmak. Adapun buntingnya maka ia tanda balighnya dengan sebab keluar mani bukannya baligh kerana ia didului dengan inzal. Maka selepas melahirkan anak dihukumkan dia dengan baligh sebelumnya dengan enam bulan dan sesuatu.

وَالرُّشْدُ يَحْصُلُ ابْتِدَاءً بِصَلَاحِ دِينٍ وَمَالٍ حَتَّى مِنْ كَافِرٍ كَمَا فَسِّرَ بِهِ آيَةٌ : {فَإِنْ آتَيْتُمْ مِنْهُمْ رُشْدًا} بِأَنْ لَا يَفْعَلَ فِي الْأَوَّلِ مُحَرَّمًا يُبْطِلُ الْعَدَالَهَ مِنْ كَبِيرَةٍ أَوْ إِصْرَارٍ عَلَى صَغِيرَةٍ وَلَمْ تَغْلِبْ طَاعَاتُهُ عَلَى مَعَاصِيهِ.

780. Cerdik itu terhasil mula-mula dengan elok ugama dan harta hinggakan dari kafir sepertimana ditafsirkan dengannya ayat “maka jika tahu mereka telah cerdik” dengan bahawa pada yang pertama dia tidak melakukan perkara yang diharamkan yang membatalkan sifat adil dari orang dewasa atau tidak mengekalkan dosa kecil dan tidak ghalib taaatnya di atas maksiatnya.

وَيُخْتَبَرُ رُشْدُ الصَّبِيِّ فِي الدِّينِ وَالْمَالِ لِيُعْرَفَ رُشْدُهُ وَعَدَمَ رُشْدِهِ قَبْلَ بُلُوغِهِ لِأَيَّةٍ : { وَابْتَلُوا الْيَتَامَىٰ }
وَالْيَتِيمَ إِنَّمَا يَقَعُ عَلَىٰ غَيْرِ الْبَالِغِ، فَوْقَ مَرَّةٍ، بِحَيْثُ يُظَنُّ رُشْدُهُ، فَلَا تَكْفِي الْمَرَّةُ لِأَنَّهُ قَدْ يُصِيبُ فِيهَا اتِّفَاقًا.
أَمَّا فِي الدِّينِ فَبِمُشَاهَدَةِ حَالِهِ فِي الْعِبَادَاتِ بِقِيَامِهِ بِالْوَاجِبَاتِ وَاجْتِنَابِهِ الْمَحْظُورَاتِ وَالشُّبُهَاتِ. وَأَمَّا فِي الْمَالِ
فَيُخْتَلَفُ بِمَرَاتِبِ النَّاسِ، فَيُخْتَبَرُ وَلَدٌ تَاجِرٌ بِمُشَاحَاةٍ فِي مُعَامَلَةٍ وَيُسَلَّمُ لَهُ الْمَالُ لِيُشَاحِحَ لَا لِيَعْقُدَ، ثُمَّ إِنْ أُرِيدَ
الْعَقْدُ عَقِدَ وَلِيُّهُ. وَيُخْتَبَرُ وَلَدٌ زُرَّاعٌ بِزِرَاعَةٍ وَنَفَقَةٍ عَلَيْهَا بِأَنْ يَنْفِقَ عَلَى الْقِيَامِ بِمَصَالِحِ الزَّرْعِ، وَالْمَرْأَةُ بِأَمْرِ
عَزْلِ وَصَوْنٍ نَحْوِ أَطْعَمَةٍ عَنِ نَحْوِ هَرَّةٍ.

781 . Diuji kecerdikkan kanak-kanak pada ugama dan harta untuk diketahui cerdik dan tidak cerdiknyanya sebelum dia balighnya kerana ayat “dan ujilah anak-anak yatim”, yatim itu hanyalah jatuh di atas yang belum baligh, lebih dari sekali dengan sekira-kira dizankan cerdiknyanya. Maka tidak memadai sekali kerana dia terkadang betul secara kebetulan. Adapun pada ugama maka dengan disaksikan keadaannya pada ibadat-ibadat dengan dia mendirikan yang wajib dan menjauhi yang ditegah dan yang syubhah. Adapun pada harta maka ia berlainan dengan martabat-martabat manusia. Maka diuji anak peniaga dengan tawar menawar⁶⁹ pada urusaniaga dan diserahkan harta kepadanya untuk dia tawar menawar, tidak untuk dia melakukan akad, kemudian jika diperlukan akad walinya mengkakadkan. Diuji anak peladang dengan bertanam dan perbelanjaan di atasnya⁷⁰ dengan bahawa dia menafkahkan di atas keperluan masalah tanaman, dan perempuan dengan disuruh memintal benang dan memelihara umpama makanan dari umpama kucing.

فَلَوْ فَسَقَ بَعْدَ بُلُوغِهِ رَشِيدًا فَلَا حَجَرَ عَلَيْهِ، أَوْ بَدَّرَ بَعْدَ ذَلِكَ حَجَرَ عَلَيْهِ الْقَاضِي لَا غَيْرَهُ وَهُوَ وَلِيُّهُ، أَوْ جُنَّ
بَعْدَ ذَلِكَ فَوَلِيُّهُ وَلِيُّهُ فِي الصِّغَرِ. وَوَلِيُّ الصِّغِيرِ أَبٌ فَأَبُو أَبٍ وَإِنْ عَلَا كَوْلِي النِّكَاحِ فَوَصِيٌّ فَقَاضٍ

782 . Maka kalau dia fasik selepas dia baligh dalam keadaan cerdik maka tidak ada hijir di atasnya, atau dia membazir selepas demikian itu qadhi menghijirnya, tidak selainnya iaitu walinya, atau dia gila selepas itu maka walinya adalah walinya pada ketika dia kecil. Wali budak kecil adalah bapa maka bapa bapa sekalipun terke atas seperti wali nikah, maka pemegang wasiat maka qadhi.

وَيَتَصَرَّفُ بِمَصْلَحَةٍ وَلَوْ كَانَ تَصَرَّفُهُ بِأَجَلٍ بِحَسَبِ الْعُرْفِ وَبِعَرْضِيٍّ وَأَخَذَ شَفْعَةً. وَيَشْهَدُ حَتْمًا فِي بَيْعِهِ
لِلْأَجْلِ، وَيَزْتَهُنَ بِالتَّمَنِ رَهْنًا وَافِيًا. وَيَبْنِي عَقَارَهُ بَطِينٍ وَأَجْرٌ وَلَا يَبِيعُهُ إِلَّا لِحَاجَةٍ كَنَفَقَةِ أَوْ غِبْطَةِ بِأَنْ يَرْعَبَ
فِيهِ بِأَكْثَرَ مِنْ تَمَنِ مِثْلِهِ وَهُوَ يَجِدُ مِثْلَهُ بِبَعْضِ ذَلِكَ التَّمَنِ أَوْ خَيْرًا مِنْهُ بِكُلِّهِ. وَيُرَكِّي مَالَهُ وَيَمُونُهُ بِالْمَعْرُوفِ.

783. Wali melakukan tasarruf dengan masalah walaupun tasarrufnya dengan tempohan dengan sekira-kira ‘uruf dan dengan barangan dan dengan ambil syuf’ah. Dia mengadakan saksi di atas jalan wajib pada jualan dengan tempohan, dan dia mengambil gadai dengan harga gadaian yang penuh. Dia membina ‘aqarnya dengan tanah dan bata bakar dan tidak menjualnya melainkan kerana hajat seperti nafkah atau untung dengan bahawa ia diminati dengan lebih dari harga seumpama dan dia mendapati seumpamanya dengan sebahagian harga itu atau lebih baik darinya dengan semuanya. Dia menzakatkan hartanya dan menguruskan kos harta itu dengan baik.

فَإِنْ ادَّعَى بَعْدَ كَمَالِهِ بَيْعًا بِلا مُصْلَحَةٍ عَلَى وَصِيٍّ أَوْ أَمِينٍ حَلَفَ الْمُدَّعِي أَوْ ادَّعَى ذَلِكَ عَلَى أَبٍ أَوْ أَبِيهِ حَلَفَ
لِأَنَّهَا غَيْرُ مُتَهَمِينَ بِخِلَافِ الْوَصِيِّ وَالْأَمِينِ. أَمَّا الْقَاضِي فَيُقْبَلُ قَوْلُهُ بِلا تَحْلِيفٍ.

784 . Maka jika dia mendakwa selepas dia sempurna ada satu jualan tanpa masalah ke atas wali yang diwasiatkan atau pemegang amanahnya si pendakwa itu bersumpah,

⁶⁹. iaitu mendapatkan lebih untung disisi jual dan menyerahkan harga yang rendah disisi beli.

⁷⁰. iaitu mengupah.

atau dia mendakwa ketas bapa atau datuknya dia bersumpah kerana keduanya tidak ditohmahkan bersalahan wali yang diwasiatkan dan pemegang amanah itu. Adapun qadhi maka diterima sumpahnya tanpa disuruh sumpah.

(وَتَصَرَّفُ الْمُفْلِسُ) بَعْدَ ضَرْبِ الْحَجْرِ عَلَيْهِ فِي مَالِهِ (يَصِحُّ) فِيمَا يُثْبِتُهُ (فِي ذِمَّتِهِ) كَأَن بَاعَ سَلْمًا طَعَامًا أَوْ غَيْرَهُ أَوْ اشْتَرَى شَيْئًا بِثَمَنٍ فِي ذِمَّتِهِ، أَوْ بَاعَ فِيهَا لَا يَلْفِظُ السَّلْمَ أَوْ اقْتَرَضَ أَوْ اسْتَأْجَرَ صَحًّا وَثَبَّتَ الْمَبِيعَ وَالثَّمَنَ وَنَحْوَهُمَا فِي ذِمَّتِهِ إِذْ لَا ضَرَرَ عَلَى الْغُرَمَاءِ فِيهِ.

785. (Tasarruf muflis) selepas dia dikenakan hijir pada hartanya (sah) pada apa yang dia sabitkan (didalam zimahnya) seperti dia menjual makanan atau selainnya secara salam atau dia membeli sesuatu dengan harga didalam zimmahnya, atau dia menjual didalam zimahnya tidak dengan lafaz salam, atau dia berhutang atau menyewa sah ia dan sabitlah barang jualan dan harga itu dan umpama keduanya didalam zimmahnya kerana tidak ada mudharat di atas tuan-tuan hutang padanya.

(دُونَ) تَصَرَّفِهِ فِي شَيْءٍ مِنْ (أَعْيَانِ مَالِهِ) الْمَفُوتِ فِي الْحَيَاةِ بِالْإِنْشَاءِ مُبْتَدَأً كَأَن بَاعَ أَوْ اشْتَرَى بِالْعَيْنِ أَوْ أَعْتَقَ أَوْ أَجَرَ أَوْ وَقَفَ، فَلَا يَصِحُّ لِتَعَلُّقِ حَقِّ الْغُرَمَاءِ بِهِ كَالْمَرْهُونِ، وَلِأَنَّهُ مَحْجُورٌ عَلَيْهِ بِحُكْمِ الْحَاكِمِ فَلَا يَصِحُّ تَصَرُّفُهُ عَلَى مُرَاعِمَةِ مَقْصُودِ الْحَجْرِ كَالسَّوْفِيِّهِ.

786. (tidak) tasarrufnya pada suatu daripada ('ain-'ain hartanya) yang meluputkan pada masa hidupnya dengan memperjadikan yang dia mulakan seperti bahawa dia menjual atau membeli dengan 'ain atau dia memerdekakan atau menyewakan atau mewakafkan, maka tidak sah ia kerana bersangkutan hak tuan-tuan hutang dengannya, sama seperti barang gadaian, dan kerana dia dihijir dengan hukuman hakim maka tidak sah tasarrufnya di atas menggagahi maksud hijir itu, sama seperti safih.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ الْحَيَاةِ مَا يَتَعَلَّقُ بِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ وَهُوَ التَّدْبِيرُ وَالْوَصِيَّةُ، فَيَصِحُّ مِنْهُ، وَيَقِيدُ الْإِنْشَاءَ الْإِقْرَارَ. فَلَوْ أَقْرَبَعَيْنِ أَوْ دَيْنٍ وَجَبَ قَبْلَ الْحَجْرِ قَبْلَ فِي حَقِّ الْغُرَمَاءِ. وَإِنْ أَسْنَدَ وَجُوبَهُ إِلَى مَا بَعْدَ الْحَجْرِ بِمُعَامَلَةٍ أَوْ لَمْ يُقَيِّدْهُ بِمُعَامَلَةٍ وَلَا غَيْرَهَا لَمْ يُقْبَلْ فِي حَقِّهِمْ. وَإِنْ قَالَ عَنْ جِنَايَةٍ بَعْدَ الْحَجْرِ قَبْلَ فَيَزَاحِمُهُمُ الْمَجْنِيُّ عَلَيْهِ لِعَدَمِ تَقْصِيرِهِ. وَيَقِيدُ مُبْتَدَأً رَدًّا مَا كَانَ اشْتِرَاهُ قَبْلَ الْحَجْرِ ثُمَّ اطَّلَعَ عَلَى عَيْبٍ فِيهِ بَعْدَ الْحَجْرِ إِذَا كَانَتْ الْغِبْطَةُ فِي الرَّدِّ.

787. Keluar dengan kait "hidup" oleh apa yang bersangkutan dengan apa yang selepas mati iaitu tadbir dan wasiat maka ia sah darinya. Keluar dengan kaid memperjadikan oleh pengakuan maka kalau dia mengaku dengan satu 'ain atau hutang yang wajib sebelum hijir diterima ia pada hak tuan-tuan hutangnya. Jika dia menyandarkan wajibnya kepada apa yang selepas hijir dengan mu'amalah atau tidak mengkaitkannya dengan mu'amalah dan tidak selainnya tidak diterima ia pada hak mereka. Jika dia katakan dari jenayah selepas hijir diterima ia, maka mangsa jenayah itu bersesak dengan mereka itu kerana ketiadaan cuainya. Keluar dengan kaid "dimulakan" oleh pemulangan apa yang telah dia beli sebelum hijir kemudian timbul 'aib padanya selepas hijir, apabila untung pada memulangkannya.

وَيَصِحُّ نِكَاحُهُ وَطَلَّاقُهُ وَخُلْعُهُ زَوْجَتَهُ وَاسْتِيفَاؤُهُ الْقِصَاصَ وَإِسْقَاطُهُ الْقِصَاصَ وَلَوْ مَجَانًّا إِذْ لَا يَتَعَلَّقُ بِهِهِ الْأَشْيَاءُ مَالًا. وَيَصِحُّ اسْتِحْقَاقُهُ النَّسَبَ وَنَفْيُهُ بِاللِّعَانِ.

788. Sah nikahnya dan talaknya dan khulu'nya akan isterinya dan menyemurnakan qisas dan menggugurkan qisas walaupun percuma kerana tidak bersangkutan harta dengan perkara-perkara ini. Sah dia menghubungi nasab dan menafikannya dengan li'an.

(وَتَصَرَّفَ الْمَرِيضُ) الْمَتَّصِلُ مَرَضُهُ بِالْمَوْتِ (فِيمَا زَادَ عَلَى الثَّلَاثِ) مِنْ مَالِهِ (مَوْفُوفٌ) تَنْفِيذُهُ (عَلَى إِجَارَةِ) جَمِيعِ (الْوَرَثَةِ) بِالْفَيْوُودِ الْأَتِي بَيَانُهَا فِي الْوَصِيَّةِ (مِنْ بَعْدِهِ) أَي بَعْدَ مَوْتِهِ لَا قَبْلَهُ . وَلَوْ حَذَفَ لَفِظَةٌ مِنْ لُكَّانٍ أَخْصَرَ .

789. (Tasarruf orang sakit) yang bersambung sakitnya dengan kematian (pada apa yang lebih di atas satu pertiga) dari hartanya (dihentikan) lulusnya (di atas kelulusan) semua (para waris) dengan kaid-kaid yang akan datang keterangannya pada wasiat (selepasnya) iaitu selepas kematiannya tidak sebelumnya.

(وَتَصَرَّفَ الْعَبْدُ) أَي الرَّقِيقُ . قَالَ ابْنُ حَرْمٍ : لَفْظُ الْعَبْدِ يَشْمَلُ الْأَمَةَ ، فَكَانَهُ قَالَ : الرَّقِيقُ الَّذِي يَصِحُّ تَصَرُّفُهُ لِنَفْسِهِ لَوْ كَانَ حُرًّا يَنْقَسِمُ إِلَى ثَلَاثَةِ أَقْسَامٍ : مَا لَا يَنْفَعُ وَإِنْ أَدِنَ فِيهِ السَّيِّدُ كَالْوَلَايَاتِ وَالشَّهَادَاتِ ، وَمَا يَنْفَعُ بغيرِ إِدْنِهِ كَالْعِبَادَاتِ وَالطَّلَاقِ ، وَمَا يَنْتَوَقَفُ عَلَى إِدْنِ كَالْبَيْعِ وَالْإِجَارَةِ . فَإِنْ لَمْ يُؤَدَّنْ لَهُ بِالتَّجَارَةِ لَمْ يَصِحَّ شِرَاؤُهُ بِغَيْرِ إِدْنِ سَيِّدِهِ لِأَنَّهُ مَحْجُورٌ عَلَيْهِ لِحَقِّ سَيِّدِهِ كَمَا مَرَّ فَيَسْتَرُدُّهُ الْبَائِعُ ، سِوَاءَ أَكَانَ فِي يَدِ الْعَبْدِ أَمْ فِي يَدِ سَيِّدِهِ . فَإِنْ تَلَفَ فِي يَدِ الْعَبْدِ فَإِنَّهُ (يَكُونُ فِي ذِمَّتِهِ يَتَّبَعُ بِهِ إِذَا عَتَقَ) لِثَبُوتِهِ بِرِضَا مَالِكِهِ وَلَمْ يَأْدُنْ فِيهِ السَّيِّدُ .

790. (Tasarruf hamba) iaitu raiq, kata Ibnu Hazm : lafaz “abdi” meliputi amah maka seolah-olah dia katakan : raiq yang sah tasarrufnya untuk dirinya andai dia merdeka terbahagi keada tiga bahagian : apa yang tidak lulus sekalipun penghulunya izinkan dia padanya seperti kewalian dan saksi, dan apa yang lulus tanpa izin penghulunya seperti ibadat dan talak, dan apa yang terhenti ke atas izin penghulunya seperti jual dan sewa. Maka jika dia tidak diizinkan berniaga tidak sah beliannya tanpa izin penghulunya kerana dia dihijir demi hak penghulunya sepertimana telah lalu. Maka penjual meminta balik samaada ia berada pada tangan hamba atau pada tangan penghulunya. Maka jika ia telah binasa pada tangan hamba itu maka (adalah ia didalam zimmahnya dituruti dia dengannya apabila dia merdeka) kerana sabitnya dengan redha pemiliknya walhal penghulunya tidak mengizinkan padanya.

وَالضَّابِطُ فِيمَا يَنْتَلِفُهُ الْعَبْدُ أَوْ يَنْتَلِفُ تَحْتَ يَدِهِ : إِنْ لَزِمَ بِغَيْرِ رِضَا مُسْتَحَقِّهِ كَاتْلَافٍ أَوْ تَلَفٍ بِعَصَبٍ تَعَلَّقَ الضَّمَانَ بِرَقَبَتِهِ وَلَا يَتَعَلَّقُ بِذِمَّتِهِ ، وَإِنْ لَزِمَ بِرِضَا مُسْتَحَقِّهِ كَمَا فِي الْمُعَامَلَاتِ فَإِنْ كَانَ بِغَيْرِ إِدْنِ السَّيِّدِ تَعَلَّقَ بِذِمَّتِهِ يَنْبَغُ بِهِ بَعْدَ عَتَقِهِ سِوَاءَ رَأَى السَّيِّدُ فِي يَدِ الْعَبْدِ أَمْ لَا ، أَوْ بِإِذْنِهِ تَعَلَّقَ بِذِمَّتِهِ وَكَسْبِهِ وَمَالَ تِجَارَتِهِ ، وَإِنْ تَلَفَ فِي يَدِ السَّيِّدِ كَانَ لِلْبَائِعِ تَضْمِينُ السَّيِّدِ لَوْضِعَ يَدِهِ عَلَيْهِ ، وَلَهُ مُطَالَبَةُ الْعَبْدِ أَيْضًا بَعْدَ الْعِتْقِ لِتَعَلُّقِهِ بِذِمَّتِهِ لَا قَبْلَهُ لِأَنَّهُ مُعْسِرٌ .

791. Dhabit pada apa yang dibinasakan oleh hamba atau ia binasa dibawah tangannya : jika ia lazim tanpa redha orang yang berhak ke atasnya seperti dia membinasakan atau ia binasa sendiri dengan rampasan bersangkutan dhaman pada tengkoknya dan tidak bersangkutan pada zimmahnya, jika ia lazim dengan redha orang yang berhak ke atasnya sepertimana pada mu'amalah, maka jika ianya tanpa izin penghulunya bersangkutan ia pada zimmahnya, diikuti dia dengannya selepas dia merdeka, samaada penghulunya melihatnya ada pada tangan hamba itu atau tidak, atau dengan izin penghulunya bersangkutan ia pada zimmahnya dan usahanya dan harta perniagaannya, jika ia binasa pada tangan penghulunya boleh penjual menhamankan penghulu itu kerana dia meletakkan tangan di atasnya, dan boleh dia menuntut hamba itu juga selepas merdekanya kerana bersangkutan ia dengan zimmahnya, tidak sebelumnya kerana dia seorang yang papa.

وَإِنْ أَدَانَ لَهُ سَيِّدُهُ فِي التِّجَارَةِ تَصَرَّفَ بِالإِجْمَاعِ بِحَسَبِ الإِذْنِ لِأَنَّهُ تَصَرَّفَ مُسْتَفَادًا مِنَ الإِذْنِ فَأَقْتَصَرَ عَلَى الْمَادُونِ فِيهِ. فَإِنْ أَدَانَ لَهُ فِي نَوْعٍ لَمْ يَتَجَاوَزْهُ كَالْوَكِيلِ. وَلَيْسَ لَهُ بِالإِذْنِ فِي التِّجَارَةِ النِّكَاحُ وَلَا يُوجِرُ نَفْسَهُ وَلَا يَتَبَرَّعُ لِأَنَّهُ لَيْسَ مِنْ أَهْلِ التَّبَرُّعِ. وَلَا يُعَامِلُ سَيِّدَهُ وَلَا رَقِيقَهُ الْمَادُونُ لَهُ فِي التِّجَارَةِ بَيْعٌ وَشِرَاءٌ وَغَيْرُهُمَا لِأَنَّ تَصَرُّفَهُ لِلسَّيِّدِ وَيَدُ رَقِيقِ السَّيِّدِ كَالسَّيِّدِ، بِخِلَافِ الْمُكَاتَبِ. وَلَا يَتَمَكَّنُ مِنْ عَزْلِ نَفْسِهِ، وَلَا يَصِيرُ مَادُونًا لَهُ بِسُكُوتِ سَيِّدِهِ. وَيُقْبَلُ إِفْرَارُهُ بِدْيُونِ الْمُعَامَلَةِ.

792. Jika penghulunya mengizinkan dia berniaga boleh dia melakukan tasarruf dengan ijmak sekira-kira izinya itu kerana ia tasarruf yang diambil faedah dari izin maka ia terhad di atas apa yang diizinkan padanya. Maka jika dia izinkannya pada satu bagai perniagaan tidak boleh dia melampauinya, sama seperti wakkil. Tidak boleh dia bernikah dengan izin berniaga dan tidak menyewakan dirinya dan tidak melakukan tabarru' kerana ia bukan dari ahli tabaru'. Tidak boleh dia bermuamalah dengan penghulunya dan tidak dengan hambanya yang diizinkan berniaga dengan jual dan beli dan selain keduanya kerana tasarrufnya untuk penghulunya dan tangan hamba penghulu seperti tangan penghulunya, bersalahan mukatab. Tidak boleh dia memecat dirinya dan tidak jadi dia orang yang diizinkan dengan diam penghulunya. Diterima pengakuannya dengan hutang mu'amalah.

وَمَنْ عَرَفَ رِقَّ شَخْصٍ لَمْ يَجْزُ لَهُ مُعَامَلَتُهُ حَتَّى يَعْلَمَ الإِذْنَ لَهُ بِسَمَاعِ سَيِّدِهِ أَوْ بِبَيِّنَةٍ أَوْ شُيُوعِ بَيْنِ النَّاسِ . وَلَا يَكْفِي قَوْلَ الْعَبْدِ : أَنَا مَادُونٌ لِي، لِأَنَّهُ رِقٌّ. وَلَا يَمْلِكُ الْعَبْدُ بِتَمْلِكِ سَيِّدِهِ وَلَا بِتَمْلِكِ غَيْرِهِ لِأَنَّهُ لَيْسَ أَهْلًا لِلْمَلِكِ لِأَنَّهُ مَمْلُوكٌ فَأَشْبَهَ الْبَيْهَمَةَ.

793. Orang yang tahukan kehambaan sesorang tidak harus dia bermuamalah dengannya hingga dia tahukan ada izin baginya dengan dengar penghulunya atau dengan keterangan atau masyhur dikalangan orang ramai. Tidak memada kata hamba itu : aku diizinkan, kerana dia hamba. Tidak memilik hamba dengan diberi milik oleh penghulunya dan tidak dengan diberi milik oleh orang lain kerana dia bukan ahli bagi memilik kerana dia dimiliki maka dia menyerupai bahimah.

+فَصْلٌ : فِي الصُّلْحِ وَمَا يُذَكَّرُ مَعَهُ مِنْ إِشْرَاعِ الرَّوْشَنِ فِي الطَّرِيقِ وَالصُّلْحِ لُغَةً قَطْعَ النَّزَاعِ وَشِرْعًا عَقْدٌ يَحْصُلُ بِهِ ذَلِكَ، وَهُوَ أَنْوَاعٌ : صُلْحٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْكَفَّارِ، وَبَيْنَ الإِمَامِ وَالْبُعَاةِ، وَبَيْنَ الزَّوْجَيْنِ عِنْدَ الشَّقَاقِ، وَصُلْحٌ فِي الْمُعَامَلَاتِ وَهُوَ الْمُرَادُ هُنَا.

794. Fasal pada sulh dan apa yang disebutkan bersamanya daripada mengeluarkan rausyan dijalanan. Sulh pada lughah memutuskan pertelingkahan, dan pada syara' : akad yang terhasil dengannya demikian itu. Ianya beberapa bagai : sulh di antara muslimin dan kuffar dan di antara imam dan bughah dan di antara dua suami isteri di sisi betengkar dan sulh pada mu'amalah, yang mana ia yang dikehendaki disini.

وَالْأَصْلُ فِيهِ قَبْلَ الإِجْمَاعِ قَوْلُهُ تَعَالَى : { وَالصُّلْحُ خَيْرٌ } وَخَيْرٌ : { الصُّلْحُ جَانِزٌ بَيْنَ الْمُسْلِمِينَ إِلاَّ صُلْحًا أَحَلَّ حَرَامًا أَوْ حَرَّمَ حَلَالًا } وَلَفْظُهُ يَتَعَدَّى لِلْمَثْرُوكِ بِمِنْ وَعَنْ وَلِلْمَأْخُودِ بِعَلَى وَالْبَاءِ غَالِبًا.

795. Asal padanya sebelum ijmak firman Allah taala "dan sulh itu baik", dan khabar "sulh itu harus di antara orang islam melainkan sulh yang menghalalkan yang haram atau mengharamkan yang halal". Lafaznya melampau kepada barang yang ditinggalkan dengan "daripada" dan "dari" dan kepada barang yang diambil dengan "di atas" dan "dengan" pada ghalibnya.

وَهُوَ قِسْمَانِ صُلْحٍ عَلَى إِفْرَارٍ وَعَلَى إِنْكَارٍ. وَقَدْ بَدَأَ بِالْقِسْمِ الْأَوَّلِ فَقَالَ : (وَيَصِحُّ الصُّلْحُ مَعَ الإِفْرَارِ فِي الْأَمْوَالِ الثَّابِتَةِ فِي الدِّمَةِ). فَلَا يَصِحُّ عَلَى غَيْرِ إِفْرَارٍ مِنْ إِنْكَارٍ أَوْ سُكُوتٍ كَمَا قَالَ فِي الْمَطْلَبِ عَنْ سُلَيْمِ

الرَّازِيَّ وَغَيْرِهِ، كَانَ الدَّعَى عَلَيْهِ دَارًا فَأَتَكَرَّ أَوْ سَكَتَ ثُمَّ تَصَالَحَا عَلَيْهَا أَوْ عَلَى بَعْضِهَا، أَوْ عَلَى غَيْرِ ذَلِكَ كَثُوبٍ أَوْ دَيْنٍ لِأَنَّهُ فِي الصُّلْحِ عَلَى غَيْرِ الدَّعَى بِهِ صُلْحٌ مُحَرَّمٌ لِلْحَلَالِ إِنْ كَانَ الدَّعَى صَادِقًا لِتَحْرِيمِ الدَّعَى بِهِ أَوْ بَعْضِهِ عَلَيْهِ، أَوْ مُحَلَّلٌ لِلْحَرَامِ إِنْ كَانَ الدَّعَى كَاذِبًا بِأَخْذِهِ مَا لَا يَسْتَحِقُّهُ. وَيَلْحَقُ بِذَلِكَ الصُّلْحُ عَلَى الدَّعَى بِهِ أَوْ بَعْضِهِ. فَقَوْلُ الْمُنْهَاجِ "إِنْ جَرَى عَلَى نَفْسِ الدَّعَى بِهِ" صَحِيحٌ، وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي الْمُحَرَّرِ وَلَا غَيْرِهِ مِنْ كُتُبِ الشَّيْخَيْنِ.

796. Ianya dua bahagian: sulh di atas pengakuan dan suluh di atas ingkar. Sungguhnya musannif mula dengan bahagian pertama itu maka katanya : (**Sah sulh bersama pengakuan pada harta-harta yang sabit didalam zimmah**). Maka tidak sah ia di atas selain pengakuan, daripada ingkar atau diam diri sertimana yang dikatakannya didalam al Matlab dari Sulaim ar razi dan selainnya, seperti seorang mendakwa sebuah rumah di atas seorang lain maka dia ingkar atau diam kemudian keduanya melakukan sulh di atas rumah itu atau di atas sebahagiannya atau di atas selain demikian itu seperti kain atau hutang, kerana ia pada sulh di atas selain benda yang didakwa adalah sulh yang mengharamkan yang halal jika si pendakwa itu benar kerana dia mengharamkan barang yang didakwa atau sebahagiannya di atas dirinya, atau yang mengahalalkan yang haram jika si pendakwa itu berdusta dengan dia mengambil apa yang dia tidak hakkan. Dhubungkan dengan demikian itu sulh di atas barang yang didakwa atau sebahagiannya itu. Maka kalam Minhaj "jika ia berjalan di atas diri barang yang didakwa" adalah sahih, sekalipun ia tidak ada didalam Muharrar dan tidak didalam selainnya daripada kitab dua syekh.

وَالْقَوْلُ بَأَنَّهُ لَا يَسْتَقِيمُ لِأَنَّ عَلَى وَالْبَاءِ يَدْخُلَانِ عَلَى الْمَأْخُودِ وَمِنْ وَعَنْ عَلَى الْمَتْرُوكِ مَرْدُودٌ بِأَنَّ ذَلِكَ جَرَى عَلَى الْغَالِبِ كَمَا مَرَّتِ الْإِشَارَةُ إِلَيْهِ، وَبِأَنَّ الدَّعَى الْمَذْكُورَ مَأْخُودٌ وَمَتْرُوكٌ بِاعْتِبَارَيْنِ . غَايَتُهُ أَنَّ الْغَاءَ الصُّلْحُ فِي ذَلِكَ لِلْإِنْكَارِ وَلِفَسَادِ الصِّيغَةِ بِاتِّحَادِ الْعَوَظِيِّينَ. وَقَوْلُهُ : صَالِحِي عَمَّا تَدْعِيهِ لَيْسَ إِقْرَارًا لِأَنَّهُ قَدْ يُرِيدُ بِهِ قَطْعَ الْخُصُومَةِ.

797. Pendapat dengan bahawa ianya tidak betul kerana "atas" dan "dengan" masuk ke atas yang diambil dan "daripada" dan "dari" ke atas yang ditinggalkan adalah ditolak dengan bahawa demikian itu berjalan di atas ghalib sepertimana telah lalu isyarat kepadanya dan dengan bahawa barang yang didakwa yang disebutkan itu diambil dan ditinggalkan dengan dua iktibar. Ghayahnya bahawa mengabaikan sulh pada demikian itu kerana ingkar dan kerana fasad sighthnya dengan sama dua bayaran. Katanya "buatlah suluh dengan ku daripada apa yang kamu dakwa" bukannya ikrar kerana ia terkadang hendak memutuskan pertengkaran dengannya.

وَيُسْتَنْتَى مِنْ بَطْلَانِ الصُّلْحِ عَلَى الْإِنْكَارِ مَسَائِلٌ : مِنْهَا اصْطِلَاحُ الْوَرَثَةِ فِيمَا وَقَفَ بَيْنَهُمْ إِذَا لَمْ يَبْدُلْ أَحَدُهُمْ عَوْضًا مِنْ خَالِصِ مَلِكِهِ. وَمِنْهَا مَا إِذَا أَسْلَمَ عَلَى أَكْثَرِ مِنْ أَرْبَعِ نِسْوَةٍ وَمَاتَ قَبْلَ الْإِخْتِيَارِ، أَوْ طَلَّقَ إِحْدَى زَوْجَتَيْهِ وَمَاتَ قَبْلَ الْبَيَانِ أَوْ التَّعْيِينِ، وَوَقَفَ الْمِيرَاثَ بَيْنَهُنَّ فَاصْطَلَحْنَ. وَمِنْهَا مَا لَوْ تَدَاعَا وَدِيْعَةٌ عِنْدَ رَجُلٍ فَقَالَ : لَا أَعْلَمُ لِأَيِّكُمَا هِيَ، أَوْ دَارًا فِي يَدَيْهِمَا وَأَقَامَ كُلُّ بَيْتَةٍ ثُمَّ اصْطَلَحَا.

798. Dikecualikan dari tidak sahnya sulh di atas ingkar itu beberapa masaalah. Daripadanya para waris melakukan sulh pada apa yang diwakafkan di antara mereka apabila seorang dari mereka tidak memberikan bayaran dari miliknya yang semata-mata. Daripadanya keadaan apabila seorang memeluk Islam di atas lebih dari empat perempuan dan mati sebelum memilih atau dia telah mentalakkan seorang dari dua isterinya dan dia mati sebelum menerangkan atau menentukan, dan dibekukan pusaka itu di antara mereka, maka mereka melakukan sulh. Daripadanya keadaan kalau dua orang saling mendakwa barang wadiah di sisi seorang lelaki maka kata lelaki itu : tidak aku tahu ianya bagi mana seorang dari kamu berdua, atau mereka mendakwa sebuah

rumah pada tangan kedua mereka dan setiap seorang mendirikan keterangan kemudian mereka melakukan sulh.

وَإِذَا تَصَالَحَا ثُمَّ اخْتَلَفَا فِي أَنَّهُمَا تَصَالَحَا عَلَى إِفْرَارٍ أَوْ انْكَارٍ فَأَلْذِي نَصَّ عَلَيْهِ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّ الْقَوْلَ قَوْلٌ مُدْعَى الْإِنْكَارِ لِأَنَّ الْأَصْلَ أَنْ لَا عَقْدَ . وَلَوْ أُقِيمَتْ عَلَيْهِ بَيِّنَةٌ بَعْدَ الْإِنْكَارِ جَازَ الصُّلْحُ كَمَا قَالَهُ الْمَاوَرِدِيُّ لِأَنَّ لُزُومَ الْحَقِّ بِالْبَيِّنَةِ كَلْزُومِهِ بِالْإِفْرَارِ . وَلَوْ أَقَرَّ ثُمَّ أَنْكَرَ جَازَ الصُّلْحُ . وَلَوْ أَنْكَرَ فَصُولِحَ ثُمَّ أَقَرَّ كَانَ الصُّلْحُ بَاطِلًا . قَالَهُ الْمَاوَرِدِيُّ .

799. Apabila dua orang melakukan sulh kemudian berselisih pada bahawa mereka melakukan sulh di atas pengakuan atau di atas ingkar maka yang dinaskan Syafi'e bahawa kata-kata yang dipegangi adalah kata orang yang mendakwa ingkar kerana asalnya tidak ada akad. Kalau didirikan keterangan di atas seorang selepas dia ingkar harus sulh sepertimana kata Mawardi kerana lazim suatu hak dengan keterangan seperti lazimnya dengan ikrar. Kalau seorang mengaku kemudian ingkar harus sulh. Kalau dia ingkar maka dibuat sulh kemudian dia mengaku adalah sulh itu batal sepertimana kata Mawardi.

(وَ) يَصِحُّ الصُّلْحُ أَيضًا فِي كُلِّ (مَا يُفْضَى) أَيْ يَتَوَلَّى (إِلَيْهَا) أَيِ الْأَمْوَالِ كَالْعَفْوِ عَنِ الْقِصَاصِ ، كَمَنْ ثَبَّتَ لَهُ عَلَى شَخْصٍ قِصَاصٌ فَصَالَحَهُ عَلَيْهِ عَلَى مَالٍ بَلْفِظِ الصُّلْحِ كَصَالِحْتُكَ مِنْ كَذَا عَلَى مَا تَسْتَحِقُّهُ عَلَى مِنْ قِصَاصٍ فَإِنَّهُ يَصِحُّ ، أَوْ بَلْفِظِ الْبَيْعِ فَلَا .

800. Sah suluh juga pada setiap (apa yang membawa kepada) harta seperti maaf di atas qisas seperti orang yang sabit baginya qisas di atas seorang lain maka dia buat sulh dengannya di atas harta dengan lafaz sulh seperti aku buat sulh dengan kamu dari sekian di atas apa yang kamu hakkan di atas ku daripada qisas, maka ianya sah, atau dengan lafaz jual maka tidak.

(وَهُوَ) أَيِ الصُّلْحِ ضَرْبَانِ : صُلْحٌ عَنِ دَيْنٍ وَصُلْحٌ عَنِ عَيْنٍ ، وَكُلُّ مِنْهُمَا (نَوْعَانِ) فَأَلَّوْلُ مِنْ نَوْعِي الدَّيْنِ وَعَلَيْهِ ائْتَصَرَ الْمُصْتَفِ (إِبْرَاءٌ) وَسَيَأْتِي فِي كَلَامِهِ . وَالثَّانِي مِنْ نَوْعِي الدَّيْنِ وَتَرَكَهُ الْمُصْتَفِ اخْتِصَارًا مُعَاوَضَةً وَهُوَ الْجَارِي عَلَى غَيْرِ الْعَيْنِ الْمُدْعَاةِ . فَإِنْ صَالَحَ عَنْ بَعْضِ أَمْوَالِ الرَّبَا عَلَى مَا يُوَافِقُهُ فِي الْعِلَّةِ اشْتَرَطَ قَبْضُ الْعَوْضِ فِي الْمَجْلِسِ ، وَلَا يَشْتَرَطُ تَعْيِينُهُ فِي نَفْسِ الصُّلْحِ عَلَى الْأَصَحِّ . وَإِنْ لَمْ يَكُنِ الْعَوْضَانِ رَبَوِيَيْنِ فَإِنْ كَانَ الْعَوْضُ عَيْنًا صَحَّ الصُّلْحُ وَإِنْ لَمْ يُقْبَضْ فِي الْمَجْلِسِ ، وَإِنْ كَانَ دَيْنًا صَحَّ عَلَى الْأَصَحِّ . وَيَشْتَرَطُ تَعْيِينُهُ فِي الْمَجْلِسِ .

801. (Ianya) iaitu sulh dua bentuk : sulh dari hutang dan sulh dari 'ain. Setiap dari keduanya (dua bagai) maka yang pertama dari dua bagi sulh hutang yang di atasnya musannif menghadkan adalah (ibra'). Akan datang pada kalamnya. Yang kedua dari dua bagai sulh hutang itu yang musannif tinggalkan untuk meringkaskan adalah mu'awadhah i.e bayaran iaitu sulh hutang yang berjalan di atas 'ain yang didakwa. Maka jika dia buat sulh dari sebahagian harta riba di atas barang yang sama dengannya pada 'illat riba disyaratkan terimaserahan bayaran itu didalam majlis, tidak disyaratkan menentukannya pada diri sulh itu di atas yang paling sah. Jika dua bayaran itu bukan berunsur riba maka jika bayaran itu 'ain sah sulh itu sekalipun ia tidak diterimaserah didalam majlis, dan jika ianya hutang sah ia di atas yang paling sah, dan disyaratkan menentukannya didalam majlis.

وَالنَّوْعُ الْأَوَّلُ مِنْ نَوْعِي الْعَيْنِ وَتَرَكَهُ الْمُصْتَفِ اخْتِصَارًا صُلْحُ الْحَطِيطَةِ وَهُوَ الْجَارِي عَلَى بَعْضِ الْعَيْنِ الْمُدْعَاةِ ، كَمَنْ صَالَحَ مِنْ دَارٍ عَلَى بَعْضِهَا أَوْ مِنْ تَوْبَيْنِ عَلَى أَحَدِهِمَا . وَهَذَا هَبَةٌ لِبَعْضِ الْعَيْنِ الْمُدْعَاةِ لِمَنْ هُوَ فِي يَدِهِ . فَيَشْتَرَطُ لِصِحَّتِهِ الْقَبُولُ وَمُضِيُّ مَدَّةِ الْإِمْكَانِ الْقَبْضِ .

802. Bagai yang pertama dari dua bagai sulh pada 'ain itu dan musannif meninggalkannya untuk meringkaskan adalah sulh hathithah i.e pengurangan, iaitu yang berjalan di atas sebahagian 'ain yang didakwa seperti orang yang membuat sulh dari sebuah rumah diatas sebahagiannya atau dari dua helai kain di atas sehelai daripada keduanya. Ini adalah hibah sebahagian 'ain yang didakwa kepada orang yang ia pada tangannya. Maka disyaratkan untuk sahnya qabul dan berlalu tempoh terbolelah terimaserahan.

وَيَصِحُّ فِي الْبَعْضِ الْمَتْرُوكِ بِلَفْظِ الْهَبَةِ وَالتَّمْلِيكِ وَشَبَّهَهُمَا. وَكَذَا بِلَفْظِ الصُّلْحِ عَلَى الْأَصَحِّ كَصَالِحَتِكَ مِنْ الدَّارِ عَلَى رُبْعِهَا. وَلَا يَصِحُّ بِلَفْظِ الْبَيْعِ لِعَدَمِ الثَّمَنِ.

803. Sah ia pada sebahagian barang yang ditingalkan dengan lafaz hibah dan beri milik dan yang menyerupai keduanya. Begitu juga dengan lafaz sulh di atas yang paling sah seperti “aku buat sulh dengan kamu dari rumah itu di atas satu perempatnya”. Tidak sah ia dengan lafaz jual kerana tidak ujud harga.

(وَ) الثَّانِي مِنْ نَوْعِي الْعَيْنِ وَعَلَيْهِ افْتَصَرَ الْمُصْتَفَى (مُعَاوَضَةً) وَسَيَأْتِي فِي كَلَامِهِ.

804. Yang kedua daripada dua bagai sulh pada 'ain itu dan di atasnya musannif menghadkan adalah (mu'awadhah), dan akan datang ia pada kalamnya.

(فَأَلْبِرَاءُ) الَّذِي هُوَ النَّوْعُ الْأَوَّلُ مِنْ نَوْعِي الدَّيْنِ (افْتِصَارُهُ مِنْ حَقِّهِ) مِنَ الدَّيْنِ الْمُدْعَى بِهِ (عَلَى بَعْضِهِ) . وَيُسَمَّى صُلْحَ الْأَحْطِيطَةِ، وَيَصِحُّ بِلَفْظِ الْإِبْرَاءِ وَالْحَطِّ وَنَحْوَهُمَا كَالْوَضْعِ وَالْإِسْقَاطِ، لِمَا فِي الصَّحِيحَيْنِ أَنَّ { كَعْبَ بْنَ مَالِكٍ طَلَبَ مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي حَدْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا دَيْنًا لَهُ عَلَيْهِ، فَأَرْتَفَعَتْ أَصْوَاتُهُمَا فِي الْمَسْجِدِ حَتَّى سَمِعَهُمَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَخَرَجَ إِلَيْهِمَا وَنَادَى : يَا كَعْبُ فَقَالَ : لَبَيْكَ يَا رَسُولَ اللَّهِ، فَأَشَارَ بِيَدِهِ أَنْ ضَعِ الشُّطْرَ فَقَالَ : قَدْ فَعَلْتُ، فَقَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : قُمْ فَاقْضِهِ }.

805. (Maka ibra',) yang mana ianya bagai yang pertama dari dua bagai suluh pada hutang adalah (menghad seorang dari haknya) daripada hutang yang didakwa (di atas sebahagiannya). Dinamakan ia sulh hathithah i.e pengurangan. Sah ia dengan lafaz ibra' dan kurangkan dan umpama keduanya seperti rendahkan dan gugurkan kerana apa yang sabit pada dua kitab yang sah bahawa “Ka'b bin Malik menuntut dari Abdullah bin Abu Hadrud r.anhuma akan hutangnya di atas dia, maka tinggilah suara mereka didalam masjid hingga rasulullah s.a.w.m mendengarnya maka dia keluar kepada mereka dan menyeru : wahai Ka'b maka katanya : labbaika ya rasulullah! maka dia isyaratkan dengan tangannya yang maknanya “turunkan setengah” maka katanya : sesungguhnya telah aku buat. Maka sabda nabi s.a.w.m: bangunlah maka bayar kepadanya”.

وَإِذَا جَرَى ذَلِكَ بِصِغَةِ الْإِبْرَاءِ : كَأَبْرَأْتُكَ مِنْ خَمْسِمِائَةٍ مِنَ الْأَلْفِ الَّذِي لِي عَلَيْكَ أَوْ نَحْوَهَا مِمَّا تَقَدَّمَ كَوَضَعْتُهَا أَوْ أَسْقَطْتُهَا عَنْكَ . لَا يُشْتَرَطُ الْقَبُولُ عَلَى الْمَذْهَبِ، سِوَاءَ أَقْلْنَا الْإِبْرَاءَ إِسْقَاطَ أَمْ تَمْلِيكَ. وَكَوْنُهُ إِسْقَاطًا أَوْ تَمْلِيكًا اخْتِلَافٌ تَرْجِيحٌ أَوْضَحْتَهُ فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ وَغَيْرِهِ.

806. Apabila demikian itu berjalan di atas sighthah ibra' seperti : aku lepaskan kamu dari lima ratus dari seribu yang sabit bagi ku di atas kamu, atau umpamanya daripada apa yang telah lalu seperti aku rendahkannya atau aku gugurkannya dari kamu. Tidak disyaratkan qabul di atas mazhab. Sama sahaja kita katakan ibra' itu menggugurkan atau memberi milik. Keadaannya menggugurkan atau memberi milik adalah perselisihan tarjih yang aku jelaskan didalam Syarah Minhaj dan selainnya.

وَيَصِحُّ بِلَفْظِ الصُّلْحِ فِي الْأَصَحِّ كَصَالِحْتُكَ عَنْ الْأَلْفِ الَّذِي لِي عَلَيْكَ عَلَى حَمِيمَانَةٍ . وَهَلْ يُشْتَرَطُ الْقَبُولُ فِي هَذِهِ الْحَالَةِ؟ فِيهِ خِلَافٌ. مُدْرَكَةٌ مَرَاغَاةُ اللَّفْظِ أَوْ الْمَعْنَى. وَالْأَصَحُّ مَا دَلَّ عَلَيْهِ كَلَامُ الشَّيْخَيْنِ هُنَا اشْتِرَاطُهُ. وَلَا يَصِحُّ هُنَا الصُّلْحُ بِلَفْظِ الْبَيْعِ كَنْظِيرِهِ فِي الصُّلْحِ عَنِ الْعَيْنِ.

807. Sah ia dengan lafaz sulh pada yang paling sahih seperti aku buat sulh dengan kamu dari seribu yang ia sabit bagi ku di atas kamu di atas lima ratus. Adakah disyaratkan qabul pada keadaan ini? Padanya khilaf tempat pemahamannya adalah pemeliharaan lafaz atau makna. Yang paling sahih daripada apa yang ditunjukkan kalam dua syeikh disini adalah ianya disyaratkan. Tidak sah disini sulh dengan lafaz jual seperti yang sebandingnya pada sulh dari 'ain.

(وَلَا يَجُوزُ) أَي وَلَا يَصِحُّ (فِعْلُهُ) أَي تَعْلِيْقُ الصُّلْحِ بِمَعْنَى الْإِبْرَاءِ (عَلَى شَرْطٍ) كَقَوْلِهِ : إِذَا جَاءَ رَأْسُ الشَّهْرِ فَقَدْ صَالِحْتُكَ.

808. (Tidak harus) iaitu tidak sah (melakukannya) iaitu menta'likkan sulh dengan makna ibra' (di atas syarat) seperti katanya : apabila datang kepala bulan maka sungguh aku sulh dengan kamu.

(وَالْمُعَاوَضَةُ) الَّذِي هُوَ النَّوْعُ الثَّانِي مِنْ نَوْعَيْ الْعَيْنِ عُدُولُهُ عَنْ حَقِّهِ الْمُدْعَى بِهِ إِلَى غَيْرِهِ كَأَنَّ ادَّعَى عَلَيْهِ دَارًا أَوْ شَيْئًا مِنْهَا فَأَقْرَّ لَهُ بِذَلِكَ وَصَالِحَهُ مِنْهُ عَلَى ثَوْبٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ كَعَبْدٍ صَحَّ

809. (Mu'awadhah itu) yang mana ia satu bagai daripada dua bagai sulh 'ain adalah berpaling seorang dari haknya yang dia dakwa kepada selainnya seperti bahawa dia mendakwa sebuah rumah di atas seorang lain atau satu bahagian darinya maka orang itu mengakui demikian itu baginya dan membuat sulh dengannya dari rumah itu di atas kain atau umpama demikian itu seperti hamba, sah ia.

(وَيَجْرِي عَلَيْهِ) أَي عَلَى هَذَا الصُّلْحِ (حُكْمُ الْبَيْعِ) مِنَ الرَّدِّ بَعِيْبٍ وَثُبُوتِ الشُّفْعَةِ وَمَنْعِ تَصَرُّفِهِ فِي الْمُصَالِحِ عَلَيْهِ قَبْلَ قَبْضِهِ وَفَسَادِهِ بِالْغَرَرِ وَالْجَهَالَةِ وَالشَّرْطِ الْفَاسِدَةِ إِلَى غَيْرِ ذَلِكَ، سِوَاءَ أَعْقَدَ بِلَفْظِ الصُّلْحِ أَمْ بَعِيْرِهِ لِأَنَّ حَدَّ الْبَيْعِ يَصْدُقُ عَلَى ذَلِكَ.

810. (Berjalan di atasnya) iaitu di atas sulh ini (hukum jual beli) daripada memulangkan dengan 'aib dan sabit syuf'ah dan ditegah dia melakukan tasarruf pada barang yang dibuat suluh di atasnya sebelum diterimaserah dan rosaknya dengan gharar dan jahil dan syarat-syarat yang fasid hingga selain demikian itu, samaada dia mengakadkan dengan lafaz sulh atau dengan selainnya kerana takrifan jualan terbenar di atas demikian itu.

وَلَوْ صَالِحَ مِنَ الْعَيْنِ عَلَى دَيْنٍ، فَإِنْ كَانَ ذَهَبًا أَوْ فِضَّةً فَهُوَ بَيْعٌ أَيْضًا، وَإِنْ كَانَ عَبْدًا أَوْ ثَوْبًا مَثَلًا مَوْصُوفًا بِصِفَةِ السَّلْمِ فَهُوَ سَلْمٌ تَثْبُتُ فِيهِ أَحْكَامُهُ، وَإِنْ صَالِحَ مِنَ الْعَيْنِ الْمُدْعَاةَ عَلَى مَنَفْعَةٍ لِغَيْرِ الْعَيْنِ الْمُدْعَاةَ كَخِدْمَةِ عَبْدٍ مُدَّةً مَعْلُومَةً فَاجَارَةٌ تَثْبُتُ أَحْكَامُ الْإِجَارَةِ فِي ذَلِكَ لِأَنَّ حَدَّ الْإِجَارَةِ صَادِقٌ عَلَيْهِ، فَإِنْ صَالِحَ عَلَى مَنَفْعَةِ الْعَيْنِ فَهُوَ عَارِيَّةٌ تَثْبُتُ أَحْكَامُ الْعَارِيَّةِ فِيهَا، فَإِنْ عَيْنٌ مُدَّةً فَاعَارَةٌ مُوَقَّتَةٌ وَإِلَّا فَمُطْلَقَةٌ.

811. Kalau dia buat sulh dari satu 'ain di atas satu hutang maka jika ianya emas atau perak maka ianya juga adalah jualan, dan jika ianya hamba atau kain sebagai contoh yang disifatkan dengan sifat salam maka ia salam sabit padanya hukum-hukumnya, dan jika dia buat sulh dari 'ain yang didakwa di atas manfaat bagi selain 'ain yang didakwa seperti khidmat hamba didalam satu tempohan yang maklum maka ianya sewaan, sabit hukum-hukum sewaan pada demikian itu kerana had sewaan terbenar di atasnya, maka jika dia buat sulh di atas manfaat 'ain itu maka ianya pinjaman sabit hukum-hukum

pinjaman padanya, maka jika dia menentukan tempoh maka ia pinjaman yang diwaktukan jika tidak maka yang tidak dikaitkan.

وَلَوْ قَالَ : صَالِحِي عَن دَارِكَ مَثَلًا بِكَذَا مِنْ غَيْرِ سَبَقِ خُصُومَةٌ فَأَجَابَهُ، فَأَلْصَحُ بِطُلَانِهِ لِأَنَّ لَفْظَ الصُّلْحِ يَسْتَدْعِي الْخُصُومَةَ سَوَاءً كَانَتْ عِنْدَ حَاكِمٍ أَمْ لَا.

812. Kalau dia kata : buat sulh dengan ku dari rumah kamu sebagai contoh dengan sekian, tanpa terdahulu perbalahan maka orang itu menurut, maka yang paling sah adalah batalnya kerana lafaz suluh itu menuntut perbalahan samaada ianya di sisi hakim atau tidak.

تَنْبِيْهٌ : قَدْ عَلِمَ مِمَّا تَقَرَّرَ أَنَّ أَقْسَامَ الصُّلْحِ سَبْعَةٌ : الْبَيْعُ وَالْإِجَارَةُ وَالْعَارِيَّةُ وَالْهَبَةُ وَالسَّلْمُ وَالْإِبْرَاءُ وَالْمُعَاوَضَةُ مِنْ دَمِ الْعَمْدِ . وَبَقِيَ مِنْهَا أَشْيَاءٌ أُخْرَى : مِنْهَا الْخُلْعُ كَصَالِحَتِكَ مِنْ كَذَا عَلَى أَنْ تُطَلِّقَنِي طَلْقَةً . وَمِنْهَا الْجَعَالَةُ كَصَالِحَتِكَ مِنْ كَذَا عَلَى رِدِّ عَبْدِي . وَمِنْهَا : الْفِدَاءُ كَقَوْلِهِ لِلْحَرَبِيِّ : صَالِحَتِكَ مِنْ كَذَا عَلَى إِطْلَاقِ هَذَا الْأَسِيرِ . وَمِنْهَا : الْفَسْخُ كَأَنْ صَالِحَ مِنَ الْمُسْلِمِ فِيهِ عَلَى رَأْسِ الْمَالِ .

813. Tanbih. Sungguh telah diketahui daripada apa yang telah lalu bahawa bahagian-bahagian sulh itu tujuh : jual dan sewa dan pinjam dan hibah dan salam dan ibra' dan mu'awadhah dari darah sengaja. Tinggal darinya beberapa perkara yang lain. Daripadanya khulu' seperti : aku suluh dengan kamu dari sekian di atas bahawa kamu talakkan aku satu talak. Daripadanya adalah upah seperti : aku sulh dengan kamu dari sekian di atas bahawa kamu pulangkan hamba ku. Daripadanya tebusan seperti katanya kepada kafir harbi : aku suluh dengan kamu dari sekian di atas melepaskan tawanan ini. Daripadanya fasakh seperti bahawa dia buat suluh dari muslim fih di atas kepala harta.

تَتَمَّةٌ : لَوْ صَالِحَ مِنْ دَيْنٍ حَالَ عَلَى مُوَجَّلٍ مِثْلِهِ أَوْ صَالِحَ مِنْ مُوَجَّلٍ عَلَى حَالَ مِثْلِهِ لَعَا الصُّلْحُ لِأَنَّهُ وَعَدَّ فِي الْأُولَى مِنَ الدَّائِنِ بِالْحَاقِ الْأَجَلِ وَصِفَةِ الْحُلُولِ لَا يَصِحُّ إِحْقَاقُهَا، وَفِي الثَّانِيَةِ وَعَدَّ مِنَ الْمَدْيُونِ بِإِسْقَاطِ الْأَجَلِ وَهُوَ لَا يَسْقُطُ.

814. Tatimmah. Kalau dia buat suluh dari hutang yang sampai tempoh di atas hutang yang bertempoh seumpamanya atau dia buat suluh dari yang bertempoh di atas yang sampai tempoh seumpamanya lagha sulh itu kerana ia pada yang pertama adalah janji dari orang yang berhutang dengan menghubungi tempoh itu sedangkan sifat sampai tempoh itu tidak sah menghubunginya, dan pada yang kedua adalah janji dari tuan hutang dengan menggugurkan tempoh yang mana ia tidak boleh gugur.

فَلَوْ صَالِحَ مِنْ عَشْرَةِ حَالَةٍ عَلَى خَمْسَةِ مُوَجَّلَةٍ بَرَى مِنْ خَمْسَةٍ وَبَقِيَ خَمْسَةٌ حَالَةٌ لِأَنَّهُ سَامَحَ بِحَطِّ الْبَعْضِ وَوَعَدَ بِتَأْجِيلِ الْبَاقِي، وَالْوَعْدُ لَا يُلْزَمُ وَالْحَطُّ صَحِيحٌ.

815. Maka kalau dia buat sulh dari sepuluh yang sampai tempoh di atas lima yang ditempokkan dia lepas dari lima lagi dan kekal lima yang sampai tempoh itu kerana dia bertolak ansur dengan mengurangkan sebahagiannya dan berjanji dengan menempokkan bakinya, janji itu tidak lazim dan pengurangan itu sah.

وَلَوْ عَكْسَ بَأَنْ صَالِحَ مِنْ عَشْرَةٍ مُوَجَّلَةٍ عَلَى خَمْسَةِ حَالَةٍ لَعَا الصُّلْحُ لِأَنَّ صِفَةَ الْحُلُولِ لَا يَصِحُّ إِحْقَاقُهَا، وَالْخَمْسَةُ الْأُخْرَى إِنَّمَا تَرَكَهَا فِي مُقَابَلَةِ ذَلِكَ. فَإِذَا لَمْ يَحْصُلْ الْحُلُولُ لَا يَصِحُّ التَّرْكُ.

816. Kalau di'akaskan dengan bahawa dia buat sulh dari sepuluh yang ditempokkan di atas lima yang sampai tempoh lagha sulh itu kerana sifat sampai tempoh itu tidak sah

menghubunginya, dan lima yang lain dia tinggalkan hanyalah pada pada membetuli demikian itu. Maka apabila tidak terhasil sampai tempoh itu tidak sah meninggalkannya.

(وَيَجُوزُ لِلْإِنْسَانِ أَنْ يُشْرَعَ) بِضَمِّ أَوَّلِهِ وَإِسْكَانِ ثَانِيهِ، أَي يُخْرَجُ (رَوْشَنَا) أَي جَنَاحًا وَهُوَ الْخَارِجُ مِنْ نَحْوِ الْخَشَبِ، وَسَابِطًا وَهُوَ السَّقِيْفَةُ عَلَى حَائِطَيْنِ وَالطَّرِيقُ بَيْنَهُمَا (فِي طَرِيقِ نَافِذٍ) وَيَعْبَرُ عَنْهُ بِالشَّارِعِ وَقِيلَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الطَّرِيقِ اجْتِمَاعٌ وَافْتِرَاقٌ لِأَنَّهُ يَخْتَصُّ بِالْبُنْيَانِ، وَلَا يَكُونُ إِلَّا نَافِذًا وَالطَّرِيقُ يَكُونُ بَيْنِيَانٍ أَوْ صَحْرَاءَ وَنَافِذًا أَوْ غَيْرَ نَافِذٍ، وَيَذَكَّرُ وَيُؤنَّثُ

817. (**Harus seorang mengeluarkan rausyan**) iaitu kepek iaitu yang keluar⁷¹ daripada umpama kayu, dan sabat iaitu bumbung di atas dua dinding walhal jalan di antara keduanya, (**pada jalan yang lurus**) diibaratkan darinya dengan syari'. Dikatakan di antara syari' dan di antara thariq itu ada persamaan dan kelainan kerana syari' khusus dengan kawasan bangunan-bangunan dan tidak adalah ia melainkan yang lurus, dan thariq adalah ia pada binaan-binaan atau padang dan lurus atau tidak lurus dan ia dimuzakkarkan dan dimuannathkan.

بِحَيْثُ (لَا يَضُرُّ) كُلُّ مَنْ الْجَنَاحِ وَالسَّابِطِ (الْمَارَّة) فِي مُرُورِهِمْ فِيهِ فَيُشْتَرَطُ انْزِعَافُ كُلِّ مِنْهُمَا بِحَيْثُ يَمُرُّ تَحْتَهُ الْمَاشِي مُنْتَصِبًا مِنْ غَيْرِ احْتِيَاجٍ إِلَى أَنْ يُطَاطَى رَأْسَهُ لِأَنَّ مَا يَمْنَعُ ذَلِكَ إِضْرَارَ حَقِيقِي . وَيُشْتَرَطُ مَعَ هَذَا أَنْ يَكُونَ عَلَى رَأْسِهِ الْحُمُولَةُ الْعَالِيَةُ كَمَا قَالَهُ الْمَاورِدِيُّ. وَإِنْ كَانَ مَمَرُ الْفَرَسَانِ وَالْقَوَافِلِ فَلْيُزَفَّ ذَلِكَ بِحَيْثُ يَمُرُّ تَحْتَهُ الْمُحْمِلُ عَلَى الْبَعِيرِ مَعَ أَخْشَابِ الْمِظَلَّةِ لِأَنَّ ذَلِكَ قَدْ يَنْفَقُ وَإِنْ كَانَ نَادِرًا.

818. dengan sekira-kira setiap daripada janah dan sabat itu (**tidak memudharatkan orang yang lalu**) pada laluan mereka padanya. Maka disyaratkan tinggi setiap daripada keduanya kadar boleh lalu dibawahnya orang yang berjalan tegak tanpa perlu kepada membongkokkan kepalanya kerana apa yang menghalang demikian itu sebenar memudharatkan. Disyaratkan serta ini bahawa ada arang junjungan yang tinggi pada kepalanya sepertimana kata Mawardi. Jika ia tempat lalu penunggang kuda dan unta maka hendaklah demikian itu tinggi kadar yang boleh lalu dibawahnya sekeduk di atas unta serta tiang payungnya kerana demikian itu terkadang berlaku sekalipun nadir.

وَالْأَصْلُ فِي جَوَازِ ذَلِكَ : { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَصَبَ بِيَدِهِ الشَّرِيفَةَ مِيزَابًا فِي دَارِ عَمِّهِ الْعَبَّاسِ } .
رَوَاهُ الْإِمَامُ أَحْمَدُ وَالْبَيْهَقِيُّ. وَقَالَ : إِنَّ الْمِيزَابَ كَانَ شَارِعًا لِمَسْجِدِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

819. Asal pada harus demikian itu "bahawa nabi s.a.w.m membina dengan tangannya yang mulia akan bumbung pada rumah bapa saudaranya Abbas". Meriwayatkannya imam Ahmad dan Baihaqi. Katanya : bahawa mizab itu adalah jalan untuk kemasjidnya s.a.w.m.

فَإِنْ فَعَلَ مَا مَنَعَ أُزِيلَ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ فِي الْإِسْلَامِ } . وَالْمُزِيلُ لَهُ الْحَاكِمُ لَا كُلِّ أَحَدٍ لِمَا فِيهِ مِنْ تَوَقُّعِ الْفِتْنَةِ. لَكِنْ لِكُلِّ أَحَدٍ مُطَالَبَتُهُ بِإِزَالَتِهِ، لِأَنَّهُ مِنْ إِزَالَةِ الْمُنْكَرِ.

820. Maka jika dia melakukan apa yang ditegah dihilangkan ia kerana nabi s.a.w.m "tidak ada perbuatan memudharatkan dan tidak ada kemudharatan didalam Islam". Yang menghilangkannya adalah hakim, tidak setiap orang kerana apa yang padanya daripada kemungkinan fitnah. Akan tetapi boleh setiap orang menuntut hakim menghilangkannya kerana ia menghilangkan yang mungkar.

⁷¹. iaitu yang terpacul dari dinding daripada umpama kayu, seperti dibuat umpama kotak yang padanya ada tingkap.

تَنْبِيْهٌ : مَا ذُكِرَ مِنْ جَوَازِ إِخْرَاجِ الْجَنَاحِ غَيْرِ الْمَضْرَبِ هُوَ فِي الْمُسْلِمِ، أَمَّا الْكَافِرُ فَلَيْسَ لَهُ الْإِشْرَاعُ إِلَى شَوَارِعِ الْمُسْلِمِينَ وَإِنْ جَازَ اسْتِطْرَافُهُ، لِأَنَّهُ كَمَا عَلَاءِ الْبِنَاءِ عَلَى الْمُسْلِمِ فِي الْمَنْعِ. وَيُمنَعُونَ أَيْضًا مِنْ آبَارِ حُسُوشِهِمْ، فِي أَفْنِيَةِ دُورِهِمْ.

821. Tanbih. Apa yang disebutkan daripada harus mengeluarkan janah yang tidak memudharatkan adalah pada orang Islam. Adapun orang kafir maka tidak boleh dia mengeluarkannya kepada syari' orang islam sekalipun harus dia melaluinya kerana ia seperti meninggikan binaan di atas orang islam pada tegahan. Ditegah mereka juga dari telaga-telaga tandas orang islam pada halaman rumah-rumah orang islam.

قَالَ الْأَدْرَعِيُّ : وَيُشْبِهُ أَنْ لَا يُمنَعُوا مِنْ إِخْرَاجِ الْجَنَاحِ وَلَا مِنْ حَفْرِ آبَارِ حُسُوشِهِمْ فِي مَحَالِّهِمْ وَشَوَارِعِهِمْ الْمُخْتَصَّةِ بِهِمْ فِي دَارِ الْإِسْلَامِ، كَمَا فِي رَفْعِ الْبِنَاءِ. وَهُوَ بَحْثٌ حَسَنٌ. وَحُكْمُ الشَّارِعِ الْمَوْقُوفِ حُكْمٌ غَيْرُهُ فِيمَا مَرَّ كَمَا افْتَضَاهُ كَلَامُ الشَّيْخَيْنِ.

822. Kata Azrai'e : serupalah bahawa tidak ditegah mereka dari mengeluarkan janah itu dan tidak dari menggali telaga tandas mereka pada tempat mereka dan syari' mereka yang khusus dengan mereka didaam negeri islam sepertimana pada meninggikan binaan, yang mana ia bahasan yang elok. Hukum syari' yang diwakafkan hukum yang selainnya pada apa yang telah lalu itu sepertimana dituntut kalam dua syeikh.

وَالطَّرِيقُ مَا جُعِلَ عِنْدَ إِحْيَاءِ الْبَلَدِ أَوْ قَبْلَهُ طَرِيقًا أَوْ وَقْفَهُ الْمَالِكُ وَلَوْ بَعِيرٍ إِحْيَاءٍ، كَذَلِكَ. وَصَرَّحَ فِي الرَّوْضَةِ نَقْلًا عَنِ الْإِمَامِ بِأَنَّهُ لَا حَاجَةَ فِي ذَلِكَ إِلَى لَفْظٍ. قَالَ فِي الْمُهَمَّاتِ : وَمَحَلُّهُ فِيمَا عَدَا مَلَكُهُ. أَمَّا فِيهِ فَلَا بُدَّ مِنْ لَفْظٍ يُصَيِّرُهُ بِهِ وَقْفًا عَلَى قَاعِدَةِ الْأَوْقَافِ. انْتَهَى. وَهَذَا ظَاهِرٌ. وَحَيْثُ وَجَدْنَا طَرِيقًا اعْتَمَدْنَا فِيهِ الظَّاهِرَ، وَلَا يُلْتَقَتُ إِلَى مَبْدَأٍ جَعَلَهُ طَرِيقًا.

823. Thariq adalah apa yang dibuat di sisi membuka penempatan atau sebelumnya sebagai jalan atau diwakafkan pemilik walaupun tanpa memajukannya, seperti demikian itu. Nawawi menjelaskan didalam Raudhah dengan menakalkan dari Imam dengan bahawa tidak ada hajat pada menjadikannya jalan kepada lafaz. Kata Isnawi didalam Muhimmat : tempatnya pada apa yang selain miliknya. Adapun padanya maka tidak dapat tidak dari lafaz yang dia menjadikannya sebagai wakaf dengannya di atas kaedah wakaf. Intaha. Ini yang zahir. Sekira-kira kita dapati satu thariq kita pegangi apa yang zahir padanya dan tidak ditoleh kepada mula menjadikannya sebagai jalan.

فَإِنْ اخْتَلَفُوا عِنْدَ الْإِحْيَاءِ فِي تَقْدِيرِهِ قَالَ النَّوَوِيُّ : جُعِلَ سَبْعَةَ أَدْرَعٍ لِحَبْرِ الصَّحِيحِينَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ {قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عِنْدَ الْإِخْتِلَافِ فِي الطَّرِيقِ أَنْ يُجْعَلَ عَرْضُهُ سَبْعَةَ أَدْرَعٍ}. وَقَالَ الزَّرْكَاشِيُّ : مَذْهَبُ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ اعْتِبَارُ قَدْرِ الْحَاجَةِ، وَالْحَدِيثُ مَحْمُولٌ عَلَيْهِ هـ. وَهَذَا ظَاهِرٌ.

824. Maka jika mereka berselisih di sisi membuka tanah pada menentukan kadarnya kata Isnawi : dijadikan ia tujuh hasta kerana khabar dua kitab yang sahih dari Abu Hurairah r.a "rasulullah s.a.w.m menghukumkan di sisi ujud perselisihan pendapat pada kadar jalan bahawa ia dijadikan lebarnya tujuh hasta". Kata Zarkasyi : mazhab Syafi'e r.a ; diiktibarkan kadar hajat, dan hadith itu ditanggungkan di atasnya. Intaha. Ini adalah yang zahir.

فَإِنْ كَانَ أَكْثَرَ مِنْ سَبْعَةِ أَدْرَعٍ أَوْ مِنْ قَدْرِ الْحَاجَةِ عَلَى مَا مَرَّ لَمْ يَجْزُ لِأَحَدٍ أَنْ يَسْتَوْلِيَ عَلَى شَيْءٍ مِنْهُ وَإِنْ قَلَّ، وَيَجُوزُ إِحْيَاءُ مَا حَوْلَهُ مِنَ الْمَوَاتِ بِحَيْثُ لَا يَضُرُّ بِالْمَارِّ، وَأَمَّا إِذَا كَانَتْ الطَّرِيقُ مَمْلُوكَةً يُسَبِّلُهَا مَالِكُهَا فَتَقْدِيرُهَا إِلَى خَيْرَتِهِ. وَالْأَفْضَلُ لَهُ تَوْسِيعُهَا.

825. Maka jika ianya lebih dari tujuh hasta atau lebih dari kadar hajat di atas apa yang telah lalu itu tidak harus bagi seorang pun menguasai suatu daripadanya sekalipun sedikit. Harus memajukan apa yang disekitarnya daripada bumi yang mati dengan sekira-kira tidak memudharatkan orang yang lalu. Adapun apabila jalan itu dimiliki disabilkan oleh pemiliknya maka kadarnya terserah kepada pilihannya. Yang terafdhal baginya adalah meluaskannya.

وَيَحْرَمُ الصُّلْحَ عَلَى إِشْرَاعِ الْجَنَاحِ، أَوْ السَّابِطِ بَعْوَضٍ وَإِنْ صَالَحَ عَلَيْهِ الْإِمَامُ لِأَنَّ الْهَوَاءَ لَا يُفْرَدُ بِالْعَقْدِ. وَيَحْرَمُ أَنْ يُبْنَى فِي الطَّرِيقِ دِكَّةٌ أَوْ غَيْرُهَا أَوْ يُعْرَسَ فِيهَا شَجَرَةٌ، وَلَوْ اتَّسَعَ الطَّرِيقُ وَأَدْنَى الْإِمَامِ وَأَنْتَقَى الضَّرْرَ، لَمَنْعَ الطَّرُوقِ فِي ذَلِكَ الْمَحَلِّ وَلِتَعَثَّرَ الْمَارِّ بِهِمَا عِنْدَ الْإِزْدِحَامِ، وَلِأَنَّهُ إِذَا طَالَتْ الْمُدَّةُ أَشْبِهَهُ مَوْضِعُهُمْ الْأَمْلَاقَ وَأَنْقَطَعَ أَثَرُ اسْتِحْقَاقِ الطَّرِيقِ فِيهِ بِخِلَافِ الْأَجْنَحَةِ وَنَحْوِهَا.

826. Haram sulh di atas mengeluarkan janah* atau serambi dengan bayaran sekalipun dia membuat sulh dengan imam di atasnya kerana udara tidak ditunggalkan dengan akad. Haram membina dakkah⁷² dijalanan atau selainnya atau menanam pokok padanya, walaupun jalan itu luas dan imam mengizinkan dan ternafi kemudharatan kerana mendatang halangan untuk berjalan pada tempat itu dan kerana tersandung orang yang lalu pada keduanya di sisi sesak dan kerana apabila lama tempohnya tempat menyerupai tepat yang dimiliki dan putus kesan hak untuk berjalan padanya, bersalahan janah dan umpamanya.

(وَلَا يَجُوزُ) إِخْرَاجُ رَوْشِنٍ (فِي الدَّرَبِ الْمُشْتَرَكِ) وَهُوَ غَيْرُ النَّافِذِ الْخَالِي عَنِ نَحْوِ مَسْجِدٍ كَرِبَاطٍ وَيَنْبِرٍ مَوْقُوفِينَ عَلَى جِهَةِ عَامَّةٍ لِعَيْرِ أَهْلِهِ وَلِبَعْضِهِمْ (إِلَّا بِإِذْنِ الشَّرَكَاءِ) كُلِّهِمْ فِي الْأُولَى وَمِنْ بَاقِيهِمْ مِمَّنْ بَابُهُ أَبْعَدُ عَنِ رَأْسِهِ مِنْ مَحَلِّ الْمَخْرَجِ، أَوْ مُقَابِلُهُ فِي الثَّانِيَةِ. فَلَوْ أَرَادُوا الرَّجُوعَ بَعْدَ الْإِخْرَاجِ بِالْإِذْنِ قَالَ فِي الْمَطْلَبِ : فَيُشْبِهُ مَنْعَ قَلْعِهِ لِأَنَّهُ وَضِعَ بِحَقِّ، وَمَنْعَ إِبْقَائِهِ بِأَجْرَةٍ لِأَنَّ الْهَوَاءَ لَا أَجْرَةَ لَهُ. وَيُعْتَبَرُ إِذْنُ الْمُكْتَرِي إِنْ تَضَرَّرَ كَمَا فِي الْكِفَايَةِ.

827. (Tidak harus) mengeluarkan rausyan (pada lorong yang disyarikatkan) walhal ia tidak tembus i.e mati lagi sunyi dari umpama masjid seperti ribat dan telaga yang diwakafkan ke atas pihak awam, bagi selain ahlinya dan bagi sebahagian mereka, (melainkan dengan izin ahli syarikat), semua mereka pada yang pertama dan dari baki mereka daripada orang yang pintunya lebih jauh dari kepala lorong itu dari tempat dikeluarkan rausyan itu atau yang setentang dengannya pada yang kedua. Maka kalau mereka hendak membatalkan izin selepas ia dikeluarkan dengan izin, katanya didalam Matlab : maka ia menyerupai tegah mencabutnya kerana ia diletakkan dengan hak, dan menyerupai tegah mengekalkannya dengan bayaran kerana udara tidak ada sewaan baginya. Diiktibarkan izin orang yang menyewa jika dia kemudharatan sepertimana didalam al Kifayah.

وَأَهْلُ غَيْرِ النَّافِذِ مَنْ نَفَذَ بَابُهُ إِلَيْهِ، لَا مَنْ لَاصَقَ جِدَارُهُ مِنْ غَيْرِ نَفْوذِ بَابِ إِلَيْهِ. وَتَخْتَصُّ شَرِكَةٌ كُلٌّ مِنْهُمْ بِمَا بَيْنَ بَابِهِ وَرَأْسِ غَيْرِ النَّافِذِ لِأَنَّهُ مَحَلٌّ تَرَدُّدِهِ.

828. Ahli lorong yang tidak lulus itu adalah orang yang pintunya terbuka kepadanya bukan orang yang berdemppek dindingnya tanpa bukaan pintu kepadanya. Khusus syarikat setiap daripada mereka itu dengan apa yang di antara pintunya dan kepala lorong mati itu kerana ia tempat ulang aliknya.

⁷². Satu tapak yang ditinggikan hal keadaanya rata untuk duduk-duduk berbual atau meletakkan kerusi.

(وَيَجُوزُ) لِمَنْ لَهُ بَابٌ (تَقْدِيمُ الْبَابِ) بِغَيْرِ إِذْنِ بَقِيَّةِ الشَّرَكَاءِ (فِي الدَّرْبِ الْمُشْتَرَكِ) إِذَا سَدَّ الْبَابَ الْقَدِيمَ لِأَنَّهُ تَرَكَ بَعْضَ حَقِّهِ . فَإِنَّ لَمْ يَسُدَّهُ فَلِشُرْكَائِهِ مَنَعُهُ ، لِأَنَّ انْضِمَامَ الثَّانِي إِلَى الْأَوَّلِ يُورِثُ رَحْمَةً وَوُقُوفَ الدَّوَابِّ فِي الدَّرْبِ فَيَتَضَرَّرُونَ بِهِ .

829. (Harus) bagi tuan pintu (mengkedepankan pintunya) tanpa izin baki ahli syarikat (pada lorong yang disyarikatkan) apabila dia mematikan pintu lamanya kerana dia meninggalkan sebahagian haknya. Maka jika dia tidak mematakannya maka boleh ahli syarikatnya menegahannya kerana menghimpunkan yang kedua kepada yang pertama mewariskan sesak dan berhenti haiwan-haiwan tunggangan dilorong itu maka mereka kemudharatan dengan sebabnya.

وَلَوْ كَانَ بَابُهُ آخِرَ الدَّرْبِ فَأَرَادَ تَقْدِيمَهُ وَجَعَلَ الْبَاقِيَ دَهْلِيْزًا لِذَارِهِ جَازًا .

830. Kalau pintunya pada akhir lorong maka dia hendak mengkedepankannya dan menjadikan bakinya sebagai halaman rumahnya nesacaya harus.

(وَلَا يَجُوزُ) لِمَنْ لَهُ بَابٌ فِي رَأْسِ الدَّرْبِ الْمُشْتَرَكِ (تَأْخِيرُهُ) أَيُّ الْبَابِ الْجَدِيدِ إِلَى أَسْفَلِ الدَّرْبِ سِوَاءَ أَقْرَبَ مِنَ الْقَدِيمِ أَمْ بَعْدَ عَنَّهُ ، وَسِوَاءَ أَسَدَّ الْأَوَّلِ أَمْ لَا (إِلَّا بِإِذْنِ) مِمَّنْ تَأَخَّرَ بَابُ دَارِهِ (مِنَ الشَّرَكَاءِ) عَنِ بَابِ دَارِ الْمُرِيدِ لِذَلِكَ ، لِأَنَّ الْحَقَّ فِي زِيَادَةِ الْإِسْتِطْرَاقِ لِمَنْ تَأَخَّرَ دَارُهُ فَجَازَ لَهُ إِسْقَاطُهُ ، بِخِلَافِ مَنْ بَابُهُ بَيْنَ الْمَفْتُوحِ وَرَأْسِ الدَّرْبِ ، أَوْ مُقَابِلَ لِلْمَفْتُوحِ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ عَنِ الْإِمَامِ أَيُّ الْمَفْتُوحِ الْقَدِيمِ كَمَا فَهَمَهُ السُّبْكِيُّ وَغَيْرُهُ . وَفَهُمُ الْبُلْقِينِيُّ أَنَّهُ الْجَدِيدُ فَاعْتَرَضَ عَلَيْهِ بِأَنَّ الْمُقَابِلَ لِلْمَفْتُوحِ مُشَارِكٌ فِي الْقَدْرِ الْمَفْتُوحِ فِيهِ ، فَلَهُ الْمَنَعُ .

831. Tidak harus orang yang punya pintu pada kepala lorong yang disyarikatkan (menganjakkan kebelakang) pintu yang baru kepada sebelah dalam lorong itu, samaada ianya dekat dengan pintu yang lama atau jauh darinya, dan samaada dia mematikan yang pertama atau tidak, (melainkan dengan izin) dari orang yang terkebelakang pintu rumahnya (dari kalangan ahli-ahli syarikat) dari pintu rumah orang yang hendakkan melakukan demikian itu kerana hak pada melebihi kawasan yang didatangi adalah milik orang yang terkebelakang rumahnya maka harus dia menggugurkannya, bersalahan orang yang pintunya di antara pintu yang sedia terbuka dan kepala lorong atau setentang dengan pintu yang sedia terbuka, sepertimana didalam Raudhah dari al Imam, iaitu pintu lama yang terbuka sepertimana difahami oleh Subki dan selainnya. Bulqini memahami bahawa ianya pintu yang baru maka dia mengkritik Subki dengan bahawa yang setentang dengan yang terbuka beryarkat pada kadar yang terbuka padanya, maka boleh dia menegah.

وَخَرَجَ بِالْخَالِي عَنْ نَحْوِ مَسْجِدٍ مَا لَوْ كَانَ بِهِ ذَلِكَ فَلَا يَجُوزُ الْإِخْرَاجُ بِقَيْدِهِ السَّابِقِ عِنْدَ الْإِضْرَارِ وَإِنْ أَذِنَ الْبَاقُونَ . وَلَا يَصِحُّ الصَّلْحُ بِمَالٍ عَلَى إِخْرَاجِ جَنَاحٍ أَوْ فَتْحِ بَابٍ لِأَنَّ الْحَقَّ فِي الْإِسْتِطْرَاقِ لِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ .

832. Keluar dengan yang sunyi dari umpama masjid oleh keadaan kalau demikian itu ada padanya maka tidak harus mengeluarkan yang demikian itu dengan kaitnya yang lalu itu di sisi ujud kemudharatan, sekalipun ahli syarikat yang lain mengizinkan. Tidak sah sulh dengan harta di atas mengeluarkan janah atau membuka pintu kerana hak pada mendatangi lorong itu bagi sekalian orang Islam.

تَتِمَّةٌ : يَجُوزُ لِمَنْ لَاصَقَ جِدَارُهُ الدَّرْبِ الْمَسْدُودَ أَنْ يَفْتَحَ فِيهِ بَابًا لِاسْتِضَاءَةٍ وَغَيْرِهَا ، سِوَاءَ أَسْمَرَهُ أَمْ لَا ، لِأَنَّ لَهُ رَفَعَ الْجِدَارِ فَبَعْضُهُ أَوْلَى ، لَا فَتْحُهُ لِيَتَطَرَّقَ بِغَيْرِ إِذْنِهِمْ لِيَتَضَرَّرَ هُمْ بِمُرُورِ الْفَاتِحِ أَوْ بِمُرُورِهِمْ عَلَيْهِ . وَلَهُمْ بَعْدَ الْفَتْحِ بِإِذْنِهِمْ الرَّجُوعُ مَتَى شَاءُوا وَلَا عَرْمَ عَلَيْهِمْ .

833. Tatimmah. Harus bagi orang yang dinding rumahnya berdemppek dengan lorong yang mati bahawa dia membuka pintu padanya untuk mendapatkan sinar matahari dan selainnya, samaada dia memakunya atau tidak, kerana boleh dia membuang dindingnya maka sebahagiannya terutama, tidak harus membukanya untuk boleh dikunjungi tanpa izin mereka kerana kemudharatkan mereka dengan lalu orang yang membuka itu atau dengan lalu mereka di atasnya. Boleh mereka rujuk selepas dibuka pintu itu dengan izin mereka bila mereka hendak dan tidak ada bayaran di atas mereka.

وَالْمَالِكِ فَتُحُ الطَّاقَاتِ لِاسْتِضَاءَةٍ وَعَبْرَهَا، بَلْ لَهُ إِزَالَةٌ بَعْضِ الْجِدَارِ وَجَعْلُ شِبَاكَ مَكَانَهُ وَفَتْحُ بَابٍ بَيْنَ دَارِيهِ، وَإِنْ كَانَتْ تَفْتَحَانِ إِلَى دَرَبَيْنِ أَوْ دَرَبٍ وَشَارِعٍ لِأَنَّهُ تَصَرَّفَتْ مُصَادِفَةً لِلْمَلِكِ ، فَهُوَ كَمَا لَوْ أزالَ الْحَائِطَ بَيْنَهُمَا وَجَعَلَهُمَا دَارًا وَاحِدَةً وَتَرَكَ بَابَيْهِمَا بِحَالِهِمَا.

834. Boleh pemilik membuka lubang didinding untuk mendapatkan cahaya dan selainnya bahkan boleh dia menghilangkan sebahagian dinding dan membuat tingkap pada tempatnya dan membuka pintu di antara dua rumahnya sekalipun keduanya dibuka kepada dua lorong atau satu lorong dan satu jalan kerana ia tasarruf yang membetuli miliknya maka ia sepertimana kalau dia menghilangkan dinding di antara kedua rumahnya dan menjadikan keduanya rumah yang satu dan membiarkan dua pintu dua rumah itu dengan keadaannya.

وَلَوْ تَنَازَعَا جِدَارًا أَوْ سَقْفًا بَيْنَ مَلِكَيْهِمَا فَإِنْ عَلِمَ أَنَّهُ بَنَى مَعَ بِنَاءِ أَحَدِهِمَا فَلَهُ الْيَدُ لِظُهُورِ أَمَارَةِ الْمَلِكِ بِذَلِكَ، وَإِنْ لَمْ يَعْلَمْ ذَلِكَ فَلَهُمَا الْيَدُ لِعَدَمِ الْمَرْجَحِ. فَإِنْ أَقَامَ أَحَدُهُمَا بَيْتَهُ أَنَّهُ لَهُ أَوْ حَلَفَ وَنَكَلَ الْآخَرَ قَضَى لَهُ بِهِ، وَإِلَّا جَعَلَ بَيْنَهُمَا لِظَاهِرِ الْيَدِ، فَيَنْتَفِعَ بِهِ كُلُّ مِمَّا يَلِيهِ.

835. Kalau dua orang berebut satu dinding atau satu bumbung yang di antara dua milik mereka maka jika diketahui bahawa ia dibina bersama binaan seorang dari mereka maka baginya tangan kerana zahir tanda pemilikan dengan demikian itu, dan jika tidak diketahui demikian itu maka bagi kedua mereka tangan kerana tidak ada yang memberatkan. Maka jika seorang dari mereka mendirikan keterangan bahawa ia miliknya atau bersumpah dan seorang lagi enggan sumpah dihukumkan ia miliknya dengan sebabnya. Jika tidak, dijadikan ia di antara kedua mereka kerana zahir tangan itu, maka tiap seorang mengambil manfaat dengannya dari apa yang mengiringinya.

فَصْلٌ : فِي الْحَوَالَةِ . وَهِيَ بِفَتْحِ الْحَاءِ أَفْصَحُ مِنْ كَسْرِهَا لُغَةً النَّحْوُ وَالْإِنْتِقَالُ، وَشَرَعًا عَقْدٌ يَقْتَضِي نَقْلَ دَيْنٍ مِنْ ذِمَّةٍ إِلَى ذِمَّةٍ أُخْرَى. وَتَطَّلُقُ عَلَى انْتِقَالِهِ مِنْ ذِمَّةٍ إِلَى أُخْرَى. وَالْأَوَّلُ هُوَ غَالِبُ اسْتِعْمَالِ الْفُقَهَاءِ

836. Fasal pada hiwalah i.e pindah hutang. "الْحَوَالَةِ" dengan fathah ha' lebih fasih dari kasrahnya pada lughah adalah berubah dan berpindah, dan pada syara' adalah akad yang menuntut pemindahan hutang dari satu zimmah kepada zimmah yang lain. Diturunkan ia di atas perpindahan hutang dari satu zimmah kepada satu zimmah yang lain. Yang pertama adalah yang ghalib penggunaan fuqaha'.

وَالْأَصْلُ فِيهَا قَبْلَ الْإِجْمَاعِ خَبَرُ الصَّحِيحَيْنِ { مَطْلُ الْعَنِيِّ ظَلَمٌ وَإِذَا أَتَبَعَ أَحَدُكُمْ عَلَى مَلِيٍّ فَلْيَتَّبِعْ } ، بِاسْتِئْذَانِ النَّاسِ فِي الْمَوْضِعَيْنِ أَيِ فَلْيَحْتَلْ، كَمَا رَوَاهُ هَكَذَا النَّبِيهَقِيُّ. وَيُسْنُ قَبُولُهَا عَلَى مَلِيٍّ لِهَذَا الْحَدِيثِ. وَصَرَفَهُ عَنِ الْوُجُوبِ الْقِيَاسِ عَلَى سَائِرِ الْمُعَاوَضَاتِ. وَيُعْتَبَرُ فِي الْإِسْتِحْبَابِ كَمَا بَحَثَهُ الْأَدْرَعِيُّ أَنْ يَكُونَ الْمَلِيُّ عَاقِلًا وَفِيًّا وَلَا شَبَهَةً فِي مَالِهِ.

837. Asal padanya sebelum ijmak khabar dua kitab yang sahih "pidai orang kaya itu zalim. Apabila diperikutkan seorang kamu di atas seorang yang berharta maka hendaklah dia turuti", iaitu maka hendaklah dia terima pindahan hutang itu sepertimana Baihaqi riwayatkan seperti ini. Sunat menerimanya di atas orang yang berharta kerana

hadith ini. Yang memalingkannya dari wajib adalah kias di atas sekalian urusan bayar-membayar. Diiktibarkan pada menghukumkan sunat itu sepertimana Azrai'e bahas adalah bahawa orang yang berharta itu jenis membayar hutang lagi tidak ada syubhah pada hartanya.

وَمِنَ الْمُثَلِّي نَبْرُ الدَّرَاهِمِ وَالدَّنَانِيرِ، فَتَصَحُّ الشَّرَكَةُ فِيهِ. فَمَا أَطْلَقَهُ الْأَكْثَرُونَ هُنَا مِنْ مَنَعِ الشَّرَكَةِ فِيهِ وَلَعَلَّ مِنْهُمْ الْمُصَنِّفُ مَبْنِيٌّ عَلَى أَنَّهُ مُتَقَوِّمٌ كَمَا نَبَّهَ عَلَيْهِ فِي أَصْلِ الرُّوْضَةِ، وَهِيَ لَا تَصَحُّ فِي الْمُتَقَوِّمِ إِذْ لَا يُمَكِّنُ الْخَلْطُ فِي الْمُتَقَوِّمَاتِ لِأَنَّهَا أَعْيَانٌ مُتَمَيِّزَةٌ، وَحِينَئِذٍ قَدْ يَتَلَفُ مَالٌ أَحَدِهِمَا أَوْ يَنْقُصُ فَلَا يُمَكِّنُ قِسْمَةَ الْآخَرِ بَيْنَهُمَا.

897. Daripada yang jenis umpama itu adalah dirham dan dinar yang mentah, maka sah syarikat padanya maka apa yang diitlakkan oleh ramai ulamak disini daripada tegahan syarikat padanya dan barangkali dari kalangan mereka itu musannif dibina di atas bahawa ia barang yang diperharga sepertimana dia sedarkan didalam asal Raudhah, yang mana ia tidak sah pada yang diperharga kerana tidak mungkin gaulan pada barang-barang yang diperharga kerana ia adalah 'ain-'ain yang terbeza. Ketika itu, terkadang binasa harta seorang dari mereka atau kurang maka tidak mungkin dibahagikan harta yang lain di antara kedua mereka.

إِذَا عَلِمْتَ ذَلِكَ فَالْمُعْتَمَدُ حِينَئِذٍ أَنَّ الشُّرُوطَ أَرْبَعَةٌ فَقَطْ : الْأَوَّلُ مِنْهَا (أَنْ يَتَّفَقَا) أَي الْمَالَانِ (فِي الْجِنْسِ وَالنَّوْعِ)، دُونَ الْقَدْرِ، إِذْ لَا مَحْدُورَ فِي التَّفَاوُتِ فِيهِ لِأَنَّ الرِّبْحَ وَالْخُسْرَانَ عَلَى قَدْرِهِمَا.

898. Apabila kamu tahukan demikian itu maka yang muktamad ketika itu bahawa syarat-syaratnya empat sahaja. Pertama daripadanya (**bahawa sama**) dua harta itu (**pada jenis dan bagai**) tidak pada kadar kerana tidak dibibangkan pada berlebih kurang padanya kerana untung dan rugi adalah di atas kadar keduanya.

(وَ) الثَّانِي (أَنْ يَخْلُطَا الْمَالَيْنِ) بِحَيْثُ لَا يَتَمَيَّزَانِ، لِمَا مَرَّ فِي امْتِنَاعِ الْمُتَقَوِّمِ. وَلَا بُدَّ مِنْ كَوْنِ الْخَلْطِ قَبْلَ الْعَقْدِ. فَإِنْ وَقَعَ بَعْدَهُ وَلَوْ فِي الْمَجْلِسِ لَمْ يَكْفِ إِذْ لَا اشْتِرَاكَ حَالَ الْعَقْدِ، فَيُعَادُ الْعَقْدُ بَعْدَ ذَلِكَ. وَلَا يَكْفِي الْخَلْطُ مَعَ إِمْكَانِ التَّمْيِيزِ لِنَحْوِ اخْتِلَافِ جِنْسِ كَدْرَاهِمٍ وَدَّنَانِيرٍ أَوْ صِفَةِ كَصِحَاحٍ وَمُكْسَرَةٍ وَحِنْطَةٍ جَدِيدَةٍ وَحِنْطَةٍ عَتِيقَةٍ أَوْ بَيْضَاءَ وَسَوْدَاءَ لِإِمْكَانِ التَّمْيِيزِ وَإِنْ كَانَ فِيهِ عُسْرٌ.

899. Keduanya (**bahawa mereka menggaulkan dua harta itu**) sekira-kira tidak terbeza keduanya kerana apa yang telah lalu pada tertegah barang yang diperharga, dan tidak dapat tidak dari keadaan gaul itu sebelum akad, maka jika ia jatuh selepasnya didalam majlis tidak memada kerana tidak ada perkongsian ketika akad maka diulang akad selepas demikian itu. Tidak memada gaulan serta terboleah pembezaan seperti kerana berlainan jenis seperti dirham dan dinar atau sifat seperti yang sah dan yang pecah dan hinthah yang baru dan hinthah yang using, atau yang putih dan yang hitam kerana terboleah pembezaan sekalipun payah.

تَنْبِيْهُ : قَضِيَّةُ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ أَنَّهُ لَا يَشْتَرِطُ تَسَاوِي الْمَثْلَيْنِ فِي الْقِيَمَةِ، وَهُوَ كَذَلِكَ. فَلَوْ خَلَطَا قَفِيْزًا مُقَوِّمًا بِمِائَةِ بَقْفِيْزٍ مُقَوِّمٍ بِخَمْسِينَ صَحَّ، وَكَانَتْ الشَّرَكَةُ أَتْلَاتًا بِنَاءً عَلَى قَطْعِ النَّظَرِ فِي الْمُثَلِّيِّ عَنِ تَسَاوِي الْأَجْزَاءِ فِي الْقِيَمَةِ، وَإِلَّا فَلَيْسَ هَذَا الْقَفِيْزُ مَثَلًا لِهَذَا الْقَفِيْزِ وَإِنْ كَانَ مَثَلِيًّا فِي نَفْسِهِ.

900. Tanbih. Kehendak kalam musannif bahawa tidak disyaratkan sama dua barang yang jenis seumpama pada nilai, yang mana ia seperti itu. Maka kalau keduanya menggaulkan sekampit yang dinilai dengan seratus dan sekampit yang dinilai dengan lima puluh sah ia, dan adalah syarikat itu tiga jujuk kerana bina di atas memutuskan tilikkan pada benda yang jenis umpama dari sama jujuk-jujuk pada nilai. Jika tidak maka kampil ini tidak seumpama dengan kampil yang ini sekalipun ia jenis umpama pada dirinya.

وَلَوْ كَانَ كُلُّ مِنْهُمَا يَعْرِفُ مَالَهُ بِعَلَامَةٍ لَا يَعْرِفُهَا غَيْرُهُ وَلَا يَتَمَكَّنُ مِنَ التَّمْيِيزِ هَلْ تَصِحُّ الشَّرِكَةُ نَظْرًا إِلَى حَالِ النَّاسِ، أَوْ لَا نَظْرًا إِلَى حَالِهِمَا؟ قَالَ فِي الْبَحْرِ: يَحْتَمِلُ وَجْهَيْنِ أَنْتَهَى. وَالْأَوْجَهُ عَدَمُ الصِّحَّةِ أَخْذًا مِنْ عُمُومِ كَلَامِ الْأَصْحَابِ.

901. Kalau setiap daripada kedua mereka mengenali hartanya dengan tanda yang tidak diketahui orang lain dan tidak terbolelah pembezaan adakah sah syarikat itu kerana memandang kepada kelakuan orang ramai atau tidak, kerana memandang kepada kelakuan kedua mereka? Katanya didalam al Bahri : ditanggungkan dua wajah. Intaha. Yang paling ada wajah tidak sahnya kerana faham dari umum kalam ashab Syafi'e.

وَمَحَلُّ هَذَا الشَّرْطِ إِنْ أُخْرِجَا مَالَيْنِ وَعَقْدًا، فَإِنْ كَانَ مَلَكًا مُشْتَرِكًا مِمَّا تَصِحُّ فِيهِ الشَّرِكَةُ أَوْ لَا كَالْعَرُوضِ بِإِرْثٍ وَشِرَاءٍ وَغَيْرِهِمَا وَأَدْنَى كُلِّ مِنْهُمَا لِلْآخِرِ فِي التِّجَارَةِ تَمَّتْ الشَّرِكَةُ لِأَنَّ الْمَعْنَى الْمَقْصُودَ بِالْخَلْطِ حَاصِلٌ.

902. Tempat syarat ini jika kedua mereka mengeluarkan dua harta dan berakad, maka jika ianya milik yang disyarikatkan daripada apa yang sah syarikat padanya atau tidak, seperti barang-barang dengan pusaka dan belian dan selain keduanya dan setiap kedua mereka mengizinkan yang seorang lagi pada berniaga sempurnalah syarikat itu kerana makna yang dimaksudkan dengan gaulan itu terhasil.

وَمِنْ الْحِيلَةِ فِي الشَّرِكَةِ فِي الْمُتَقَوِّمَاتِ أَنْ يَبِيعَ أَحَدُهُمَا بَعْضَ عَرَضِهِ بِبَعْضِ عَرَضِ الْآخَرِ، كَنَصْفِ بِنَصْفٍ أَوْ ثُلْثِ بِثُلْثَيْنِ، ثُمَّ يَأْذِنُ لَهُ بَعْدَ التَّقَابُضِ وَغَيْرِهِ مِمَّا شَرِطَ فِي الْبَيْعِ فِي التَّصَرُّفِ فِيهِ لِأَنَّ الْمَقْصُودَ بِالْخَلْطِ حَاصِلٌ، بَلْ ذَلِكَ أَبْلَغُ مِنَ الْخَلْطِ، لِأَنَّ مَا مِنْ جُزْءٍ هُنَا إِلَّا هُوَ مُشْتَرَكٌ بَيْنَهُمْ وَهُنَاكَ وَإِنْ وَجِدَ الْخَلْطُ فَإِنَّ مَالَ كُلِّ وَاحِدٍ مُمْتَازٌ عَنِ مَالِ الْآخَرِ. وَحِينَئِذٍ فَيَمْلِكَانِهِ بِالسُّوِيَّةِ إِنْ بَاعَ نِصْفَ بِنِصْفٍ، فَإِنْ بَاعَ ثُلْثَ بِثُلْثَيْنِ لِأَجْلِ تَفَاوُتِهِمَا فِي الْقِيَمَةِ مَلَكَاةً عَلَى هَذِهِ النِّسْبَةِ.

903. Daripada helah untuk bersyarikat pada benda-benda yang diperharga bahawa seorang dari mereka menjual sebahagian barangnya dengan sebahagian barang milik yang seorang lagi seperti setengah dengan setengah atau satu pertiga dengan dua pertiga, kemudian selepas terima menerima dan selainnya daripada apa yang disyaratkan pada jualan dia mengizinkaninya melakukan tasarruf padanya kerana maksud gaulan itu terhasil, bahkan demikian itu lebih mendalam dari gaulan kerana tidak ada satu jujuk disini melainkan ia disyarikatkan di antara mereka, sedangkan disana sekalipun didapati gaulan maka harta setiap seorang terbeza dari harta yang seorang lagi. Ketika itu maka kedua mereka memilikinya dengan sama jika dijual setengah dengan setengah, maka jika dijual satu pertiga dengan dua pertiga kerana berlebihi kurang keduanya pada nilai mereka memilikinya di atas nisbah ini.

(وَ) الثَّلَاثُ (أَنْ يَأْذِنَ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا لِصَاحِبِهِ فِي التَّصَرُّفِ) بَعْدَ الْخَلْطِ. وَفِي هَذَا الشَّرْطِ إِشَارَةٌ إِلَى الصِّيغَةِ. وَهِيَ مَا يَدُلُّ عَلَى الْإِذْنِ مِنْ كُلِّ مِنْهُمَا لِلْآخِرِ فِي التَّصَرُّفِ لِمَنْ يَتَّصَرَّفُ مِنْ كُلِّ مِنْهُمَا، أَوْ مِنْ أَحَدِهِمَا، لِأَنَّ الْمَالَ الْمُسْتَرَكَ لَا يَجُوزُ لِأَحَدِ الشَّرِيكَيْنِ التَّصَرُّفُ فِيهِ إِلَّا بِإِذْنِ صَاحِبِهِ، وَلَا يَعْرِفُ الْإِذْنَ إِلَّا بِصِيغَةٍ تَدُلُّ عَلَيْهِ.

904. Ketiganya (bahawa setiap orang dari mereka mengizinkan rakannya pada tasarruf) selepas gaul. Pada syarat ini ada isyarat kepada sighthah. Ia adalah apa yang menunjuk ke atas izin dari tiap seorang daripada mereka bagi yang seorang lagi pada tasarruf bagi orang yang melakukan tasarruf daripada setiap mereka, atau dari seorang daripada mereka, kerana harta yang disyarikatkan tidak harus bagi seorang daripada dua rakan syarikat melakukan tasarruf padanya melainkan dengan izin rakannya, dan tidak diketahui izin itu melainkan dengan sighthah yang menunjuk ke atasnya.

فَإِنْ قَالَ أَحَدُهُمَا لِلْآخَرِ : اتَّجِرْ أَوْ تَصَرَّفْ، اتَّجَرَ فِي الْجَمِيعِ فِيمَا شَاءَ، وَلَوْ لَمْ يَقُلْ فِيمَا شِئْتَ، كَالْقِرَاضِ. وَلَا يَتَصَرَّفُ الْقَائِلُ إِلَّا فِي نَصِيبِهِ مَا لَمْ يَأْذَنْ لَهُ الْآخَرُ، فَيَتَصَرَّفُ فِي الْجَمِيعِ أَيْضًا. فَإِنْ شَرَطَ أَنْ لَا يَتَصَرَّفَ أَحَدُهُمَا فِي نَصِيبِ نَفْسِهِ لَمْ يَصِحَّ الْعَقْدُ لِمَا فِيهِ مِنَ الْحَجْرِ عَلَى الْمَالِكِ فِي مَلِكِهِ. فَلَوْ اقْتَصَرَ كُلُّ مِنْهُمَا عَلَى "اشْتَرَكْنَا" لَمْ يَكْفِ الْإِذْنُ الْمَذْكُورُ، وَلَمْ يَتَصَرَّفْ كُلُّ مِنْهُمَا إِلَّا فِي نَصِيبِهِ لِاحْتِمَالِ كَوْنِ ذَلِكَ إِخْبَارًا عَنِ حُصُولِ الشَّرِكَةِ فِي الْمَالِ، وَلَا يَلْزَمُ مِنْ حُصُولِهَا جَوَازُ التَّصَرُّفِ بِدَلِيلِ الْمَالِ الْمَمْرُوثِ شَرِكَةً.

905. Maka jika kata serang dari mereka kepada seorang lagi : berniaga atau tasarruf, dia berniaga pada semuanya pada apa yang dia hendak, walaupun dia tidak katakana : pada apa yang kamu hendak, sama seperti qiradh. Tidak boleh orang yang berkata itu tasarruf melainkan pada habuannya selama mana yang seorang lagi tidak mengizinkannya, maka dia tasarruf pada semuanya juga. Maka jika disyaratkan bahawa seorang daripada keduanya tidak boleh tasarruf pada habuan dirinya tidak sah akad itu kerana padanya sekatan di atas pemilik daripada miliknya. Maka kalau setiap dari mereka menghadkan di atas "kita bersyarikat" tidak memadai izin yang disebutkan itu, dan tidak boleh tasarruf setiap dari mereka melainkan pada habuannya kerana ihtimal keadaan demikian itu adalah perkhabaran dari terhasil syarikat pada harta yang mana tidak lazim dari terhasilnya harus tasarruf dengan dalil harta yang diwarisi dalam keadaan ia disyarikatkan.

(وَ) الرَّابِعُ (أَنْ يَكُونَ الرَّبْحُ وَالْخُسْرَانُ عَلَى قَدْرِ الْمَالَيْنِ) بِاعْتِبَارِ الْقِيَمَةِ لَا الْأَجْزَاءِ، سِوَاءَ شَرَطَا ذَلِكَ أَمْ لَا، تَسَاوَى الشَّرِيكَانِ فِي الْعَمَلِ أَمْ تَفَاوَتَا فِيهِ، لِأَنَّ ذَلِكَ نَمْرَةٌ الْمَالَيْنِ فَكَانَ ذَلِكَ عَلَى قَدْرِهِمَا، كَمَا لَوْ كَانَ بَيْنَهُمَا شَجَرَةٌ فَأَتَمَّرَتْ أَوْ شَاةٌ فَتَنَجَّتْ. فَإِنْ شَرَطَا خِلَافَهُ بِأَنْ شَرَطَا التَّسَاوِي فِي الرَّبْحِ وَالْخُسْرَانِ مَعَ التَّقَاضِي فِي الْمَالَيْنِ أَوْ التَّفَاضُلِ فِي الرَّبْحِ وَالْخُسْرَانِ مَعَ التَّسَاوِي فِي الْمَالَيْنِ فَسَدَ الْعَقْدُ لِأَنَّهُ مُخَالِفٌ لِمَوْضُوعِ الشَّرِكَةِ.

906. Keempatnya (bahawa adalah untung dan rugi di atas kadar dua harta itu) dengan iktibar nilai bukan jujuk, samaada mereka mensyaratkan demikian itu atau tidak, sama kedua ahli syarikat itu pada kerja atau berlebih kurang padanya kerana demikian itu adalah faedah dari dua harta maka adalah demikian itu di atas kadar keduanya, sepertimana kalau di antara mereka sebatang pokok maka ia berbuah atau seekor kambing maka ia beranak. Maka jika mereka mensyaratkan yang bersalahan dengannya dengan bahawa mereka mensyaratkan sama pada untung dan rugi serta tak sama pada dua harta atau lebih kurang pada untung dan rugi serta sama dua harta mereka rosaklah akad itu kerana ia menyalahi tajuk syarikat.

وَلَوْ شَرَطَا زِيَادَةَ فِي الرَّبْحِ لِأَكْثَرِ مِنْهُمَا عَمَلًا بَطَلَ الشَّرْطُ كَمَا لَوْ شَرَطَا التَّفَاوُتَ فِي الْخُسْرَانِ. فَيَرْجِعُ كُلُّ مِنْهُمَا عَلَى الْآخَرِ بِأَجْرَةِ عَمَلِهِ فِي مَالِ الْآخَرِ كَالْقِرَاضِ إِذَا فَسَدَ. وَتَنْفُذُ التَّصَرُّفَاتِ مِنْهُمَا لَوْجُودِ الْإِذْنِ. وَالرَّبْحُ بَيْنَهُمَا عَلَى قَدْرِ الْمَالَيْنِ.

907. Kalau mereka mensyaratkan lebih pada untung bagi orang yang lebih kerja daripada mereka batal syarat itu sepertimana kalau mereka mensyaratkan lebih kurang pada rugi, maka setiap mereka merujuk ke atas yang seorang lagi dengan upah kerjanya pada harta orang itu, sama seperti qiradh apabila ianya rosak. Lulus tasarruf dari mereka kerana ujud izin, dan untung di antara kedua mereka di atas kadar dua harta itu.

وَيَتَسَلَّطُ كُلُّ مِنْهُمَا عَلَى التَّصَرُّفِ إِذَا وَجِدَ الْإِذْنَ مِنَ الطَّرَفَيْنِ بِلَا ضَرَرٍ، فَلَا يَبِيعُ نَسِيئَةً لِلْغَرَرِ، وَلَا بَعِيرَ نَقْدِ الْبَلَدِ، وَلَا يَشْتَرِي بَعْبِينَ وَلَا يَسَافِرُ بِالْمَالِ الْمُشْتَرَكِ لِمَا فِي السَّفَرِ مِنَ الْخَطَرِ، فَإِنْ سَافَرَ ضَمِنَ، فَإِنْ بَاعَ صَحَّ

الْبَيْعُ وَإِنْ كَانَ ضَامِنًا وَلَا يَدْفَعُهُ لِمَنْ يَعْمَلُ فِيهِ لِأَنَّهُ لَمْ يَرْضَ بِغَيْرِ يَدِهِ، فَإِنْ فَعَلَ ضَمِنَ. هَذَا كُلُّهُ إِذَا فَعَلَهُ بِغَيْرِ إِذْنِ شَرِيكِهِ. فَإِنْ أَذِنَ لَهُ فِي شَيْءٍ مِمَّا ذَكَرَ جَازَ.

908. Setiap daripada mereka berkuasa untuk tasarruf apabila didapati izin dari dua tepi itu, tanpa mudharat, maka tidak boleh dia menjual bertanggung kerana gharar, dan tidak dengan selain duit tempatan, tidak boleh dia membeli dengan rugi, tidak boleh dia bermusafir dengan harta yang disyarikatkan kerana pada safar itu ada bahaya, maka jika dia bermusafir dia menjamin, maka jika dia menjual sah jualan itu sekalipun dia menjamin, dan tidak boleh dia menyerahkannya kepada orang yang bekerja padanya kerana rakannya syarikatnya tidak redha dengan selain tangannya. Maka jika dia buat dia menjamin. Ini semuanya apabila dia melakukannya tanpa izin rakan syarikatnya. Maka jika dia mengizinkan pada suatu daripada apa yang disebutkan itu harus ia.

وَيُشْتَرَطُ فِي الْعَاقِدِ أَهْلِيَّةٌ تَوْكِيْلٌ وَتَوَكُّلٌ لِأَنَّ كِلَا مِنْهُمَا وَكِيْلٌ عَنِ الْآخَرِ. فَإِنْ كَانَ أَحَدُهُمَا هُوَ الْمُتَصَرِّفُ اشْتَرَطَ فِيهِ أَهْلِيَّةٌ التَّوَكُّلُ وَفِي الْآخَرِ أَهْلِيَّةٌ التَّوَكُّلِ فَقَطْ حَتَّى يَجُوزَ كَوْنُهُ أَعْمَى كَمَا قَالَ فِي الْمَطْلَبِ.

909. Disyaratkan pada yang berakad keahlian mewakilkan dan menerima wakil kerana setiap daripada mereka adalah wakil dari yang seorang lagi. Maka jika seorang dari mereka yang melakukan tasarruf disyaratkan padanya keahlian menerima wakil dan pada yang seorang lagi keahlian mewakilkan sahaja hinggakan harus keadaannya buta sepertimana dikatakan didalam al Matlab.

(وَلِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا) أَيِ الشَّرِيكَيْنِ (فَسَخَّهَا) أَيِ الشَّرِكَةِ (مَتَى شَاءَ) وَلَوْ بَعْدَ النَّصْرِفِ لِأَنَّهَا عَقْدٌ جَائِزٌ مِنَ الْجَائِزِينَ. وَيَنْعَزِلَانِ عَنِ التَّصَرُّفِ بِفَسْخِ كُلِّ مِنْهُمَا. فَإِنْ قَالَ أَحَدُهُمَا لِلْآخَرِ : عَزَلْتُكَ، أَوْ لَا تَتَصَرَّفْ فِي نَصِيْبِي، لَمْ يَنْعَزِلِ الْعَازِلُ فَيَتَصَرَّفْ فِي نَصِيْبِ الْمَعْرُولِ.

910. (Bagi tiap seorang dari mereka) iaitu dua ahli syarikat (memfasakhkannya) iaitu syarikat itu (bila dia hendak), walaupun selepas tasarruf kerana ia akad yang harus dari dua pihak. Keduanya terpecat dari tasarruf dengan fasakh setiap dari kedua mereka. Maka jika seorang berkata kepada yang seorang lagi : aku pecat kamu, atau jangan kamu tasarruf pada habuan ku, tidak terpecat orang yang memecat maka dia boleh tasarruf pada habuan orang yang dipecat.

(وَمَتَى مَاتَ أَحَدُهُمَا) أَوْ جُنَّ أَوْ أَعْمِيَ عَلَيْهِ أَوْ حُجِرَ عَلَيْهِ بِسَفْهِهِ (بَطَلَتْ) أَيِ انْفُسَخَتْ لِمَا مَرَّ أَنَّهُ عَقْدٌ جَائِزٌ مِنَ الْجَائِزِينَ. وَاسْتَنْتَى فِي الْبَحْرِ إِعْمَاءٌ لَا يَسْقُطُ بِهِ فَرَضُ صَلَاةٍ ، فَلَا فُسْخَ بِهِ لِأَنَّهُ خَفِيفٌ. وَظَاهِرٌ كَلَامُ الْأَصْحَابِ يُخَالِفُهُ.

911. (Bila seorang dari mereka mati) atau gila atau pitam atau dihijir dengan sebab safih (batal) iaitu terfasakhlah ia kerana apa yang telah lalu bahawa ianya akad yang harus dari dua pihak. Dia kecualikan didalam al Bahr akan pitam, tidak gugur dengannya fardhu sembahyang maka tidak ada fasakh dengannya kerana ianya ringan. Zahir kalam ashab Syafi'e menyalahinya.

تَتَمَّةٌ : يَدُ الشَّرِيكِ يَدُ أَمَانَةٍ كَالْمُودَعِ وَالْوَكِيْلِ . فَيَقْبَلُ قَوْلُهُ فِي الرَّبْحِ وَالْخُسْرَانِ وَفِي التَّلْفِ إِنْ ادَّعَاهُ بِلَا سَبَبٍ، أَوْ بِسَبَبٍ خَفِيِّ كَالسَّرِقَةِ. فَإِنْ ادَّعَاهُ بِسَبَبٍ ظَاهِرٍ كَحْرِيقِ طَوْلَبٍ بِبَيْتَةٍ بِالسَّبَبِ. ثُمَّ بَعْدَ إِقَامَتِهَا يُصَدَّقُ فِي التَّلْفِ بِهِ بِيَمِينِهِ. فَإِنْ عَرَفَ الْحَرِيْقُ دُونَ عُمُومِهِ صَدَقَ بِيَمِينِهِ أَوْ عُمُومِهِ صَدَقَ بِلَا يَمِينٍ.

912. Tatimmah. Tangan ahli syarikat tangan amanah seperti orang yang menyimpan taruh dan wakil. Maka diterima katanya pada untung dan rugi dan pada binasa jika dia mendakwanya tanpa sebab, atau dengan sebab yang tersulit seperti kecurian maka jika dia mendakwanya dengan sebab yang zahir seperti kebakaran dituntut dia dengan keterangan sebab itu. Kemudian selepas dia mendirikan dibenarkan dia pada binasa

dengan sebabnya dengan sumpahnya. Maka jika diketahui kebakaran itu tidak umumnya dibenarkan dia dengan sumpahnya atau diketahui umumnya dibenarkan dia tanpa sumpah.

وَلَوْ قَالَ مَنْ فِي يَدِهِ الْمَالُ : هُوَ لِي، وَقَالَ الْآخَرُ : هُوَ مُشْتَرِكٌ، أَوْ قَالَ مَنْ فِي يَدِهِ الْمَالُ : هُوَ مُشْتَرِكٌ، وَقَالَ الْآخَرُ هُوَ لِي صَدَقَ صَاحِبُ الْيَدِ بِيَمِينِهِ لِأَنَّهَا تَدُلُّ عَلَى الْمَلِكِ.

913. Kalau berkata orang yang harta itu pada tangannya : ianya milik ku, dan kata seorang lagi ianya disyarikatkan, atau kata orang yang harta itu pada tangannya: ianya disyarikatkan, dan kata yang seorang lagi : ia milik ku, dibenarkan tuan tangan itu dengan sumpahnya kerana ia menunjuk ke atas pemilikan.

وَلَوْ قَالَ صَاحِبُ الْيَدِ افْتَسَمْنَا وَصَارَ مَا فِي يَدِي لِي، وَقَالَ الْآخَرُ : بَلْ هُوَ مُشْتَرِكٌ، صَدَقَ الْمُنْكَرُ بِيَمِينِهِ لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُ الْقِسْمَةِ.

914. Kalau tuan tangan berkata : kita telah berbahagi-bahagi dan jadilah apa yang ada pada tangan ku bagi ku dan kata yang seorang lagi : bahkan ia disyarikatkan, dibenarkan orang yang ingkar dengan sumpahnya kerana asalnya tidak ada pembahagian.

وَلَوْ اشْتَرَى أَحَدُهُمَا شَيْئًا وَقَالَ : اشْتَرَيْتُهُ لِلشَّرِكَةِ أَوْ لِنَفْسِي وَكَذَّبَهُ الْآخَرُ، صَدَقَ الْمُشْتَرِي لِأَنَّهُ اعْرَفَ بِقَصْدِهِ.

915. Kalau seorang dari mereka membeli sesuatu dan berkata : aku membelinya untuk syarikat atau untuk diri ku dan yang seorang lagi mendustakannya dibenarkan pembeli itu kerana dia lebih tahukan kasadnya.

+فَصْلٌ : فِي الْوَكَالَةِ . هِيَ بَفَتْحِ الْوَاوِ وَكَسْرِهَا لُغَةٌ التَّفْوِيضُ. يُقَالُ وَكَّلَ أَمْرَهُ إِلَى فُلَانٍ، فَوَضَعَهُ إِلَيْهِ وَاعْتَقَى بِهِ. وَمِنْهُ {تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ} وَشَرَعًا تَفْوِيضُ شَخْصٍ مَا لَهُ فِعْلُهُ مِمَّا يَقْبَلُ النِّيَابَةَ إِلَى غَيْرِهِ لِيَفْعَلَهُ فِي حَيَاتِهِ.

916. **Fasal pada wakalah.** “وكالة” dengan fathah wau dan kasrahnya pada lughah adalah menyerahkan. Dikatakan : “وَكَّلَ أَمْرَهُ إِلَى فُلَانٍ” i.e dia mewakilkan urusannya kepada sifulan - dia menyerahkannya kepadanya dan memada dengannya. Daripadanya “aku bertawakkal ke atas Allah”. Dan pada syara’ : penyerahan seorang akan apa yang dia berhak buat daripada perkara yang menerima gantian kepada orang lain untuk dia melakukannya pada masa hidupnya.

وَالْأَصْلُ فِيهَا مِنَ الْكِتَابِ الْعَزِيزِ قَوْلُهُ تَعَالَى {فَابْعَثُوا حَكَمًا مِنْ أَهْلِهِ وَحَكَمًا مِنْ أَهْلِهَا}، وَمِنْ السُّنَّةِ أَحَادِيثُ مِنْهَا خَبَرُ الصَّحِيحَيْنِ {أَنَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَعَثَ السُّعَاةَ لِأَخْذِ الزَّكَاةِ}.

917. Asal padanya dari kitab yang mulia firman Allah taala “maka hantarkan seorang pengantara dari keluarga suami dan seorang pengantara dari keluarga isteri”, dan dari sunnah beberapa hadith yang daripadanya khabar dua kitab yang sahih “bahawa nabi s.a.w.m mengutuskan Su’ah untuk mengambil zakat”.

وَأَرْكَانُهَا أَرْبَعَةٌ مُوَكَّلٌ وَوَكِيلٌ وَمُوَكَّلٌ فِيهِ وَصِيغَةٌ. وَبَدَأَ الْمُصَنِّفُ بِالْمُوَكَّلِ فَقَالَ :

918. Rukun-rukunnya empat : yang mewakilkan, wakil, yang diwakilkan padanya dan sighah. Musannif mulakan dengan orang yang mewakilkan i.e muwakkil maka katanya :

(وَكُلُّ مَا جَازَ لِلْإِنْسَانِ التَّصَرُّفُ فِيهِ بِنَفْسِهِ) بِمَنْكَ أَوْ وَلايَةِ (جَازَ لَهُ أَنْ يُوكِّلَ فِيهِ) غَيْرَهُ لِأَنَّهُ إِذَا لَمْ يَفِدِرْ عَلَى التَّصَرُّفِ بِنَفْسِهِ فَبِنَائِبِهِ أَوْلَى. وَهَذَا فِي الْغَالِبِ، وَإِلَّا فَقَدْ أُسْتَنْتِي مِنْهُ مَسَائِلُ طُرْدًا وَعَكْسًا.

919. (Setiap perkara yang harus seorang melakukan tasarruf padanya dengan dirinya sendiri) dengan pemilikan atau kekuasaan (harus dia mewakili padanya) kepada orang lain kerana apabila dia tidak kuasa di atas tasarruf dengan dirinya sendiri maka dengan naibnya terutama. Ini pada ghalibnya. Jika tidak maka sungguh telah dikecualikan darinya beberapa masaalah nisbah kias dan 'akas.

فَمِنْ الطَّرْدِ الظَّافِرُ بِحَقِّهِ فَلَا يُوكَّلُ فِي كَسْرِ الْبَابِ وَأَخْذِ حَقِّهِ، وَكَوَكَيْلٍ قَادِرٍ وَعَبْدٍ مَأْدُونٍ لَهُ وَسَفِيهِ مَأْدُونٍ لَهُ فِي نِكَاحٍ. وَمِنْ الْعَكْسِ كَأَعْمَى يُوكَّلُ فِي تَصَرُّفٍ وَإِنْ لَمْ تَصَحَّ مُبَاشَرَتُهُ لَهُ لِلضَّرُورَةِ، وَكَالْمُحْرَمِ يُوكَّلُ حَلَالًا فِي النِّكَاحِ بَعْدَ التَّحْلُلِ فَيَصِحُّ تَوْكِيْلُ وَلِيِّ عَنِ نَفْسِهِ أَوْ مُوَلِّيهِ مِنْ صَبِيِّ وَمَجْنُونٍ وَسَفِيهِ لِصِحَّةِ مُبَاشَرَتِهِ لَهُ.

920. Maka daripada kias adalah orang yang boleh mendapatkan haknya maka tidak boleh dia mewakili pada memecahkan pintu dan mengambil haknya, dan seperti wakil yang kuasa dan hamba yang diizinkan berniaga dan safih yang diizinkan pada nikah. Daripada 'akas adalah seperti orang buta yang mewakili pada tasarruf sekalipun tidak sah dia melakukannya sendiri, kerana dharurat, dan seperti muhrim yang mewakili orang yang halal pada nikah selepas tahallul, maka sah dia mewakili dari dirinya atau anak waliannya, daripada kanak-kanak dan orang gila dan safih kerana sah dia melakukan sendiri.

وَسَكَتَ الْمُصْتَفَى عَنِ شَرْطِ الْمُوكَّلِ فِيهِ. وَشَرْطُهُ أَنْ يَمْلِكَهُ الْمُوكَّلُ حِينَ التَّوَكُّيلِ. فَلَا يَصِحُّ التَّوَكُّيلُ فِيمَا لَا يَمْلِكُهُ وَمَا سَيَمْلِكُهُ وَطَلَّاقٍ مَنْ سَيَنْكِحُهَا لِأَنَّهُ لَا يُبَاشِرُ ذَلِكَ بِنَفْسِهِ فَكَيْفَ يَسْتَنْبِئُ غَيْرَهُ إِلَّا تَبَعًا؟ فَيَصِحُّ التَّوَكُّيلُ بِبَيْعِ مَا لَا يَمْلِكُهُ تَبَعًا لِلْمَمْلُوكِ، كَمَا نُقِلَ عَنِ الشَّيْخِ أَبِي حَامِدٍ وَغَيْرِهِ.

921. Musannif diam dari perkara yang diwakilkan padanya. Syaratnya bahawa ia dimiliki oleh muwakkil ketika lantikan wakil maka tidak sah lantikan wakil pada apa yang tidak dia miliki dan apa yang akan dia miliki dan talak orang yang akan dia nikahi kerana dia tidak boleh melakukan demikian itu dengan sendiri, maka bagaimana dia boleh menggantikan orang lain, melainkan di atas jalan ikutan? Maka sah lantikan wakil dengan jualan apa yang dia tidak miliki di atas jalan mengikut yang dia miliki sepertimana dinakalkan dari syeikh Abu Hamid dan selainnya.

وَيُشْتَرَطُ أَنْ يَقْبَلَ نِيَابَةً. فَيَصِحُّ التَّوَكُّيلُ فِي كُلِّ عَقْدٍ كَبَيْعٍ وَهَبَةٍ، وَكُلِّ فَسْخٍ كَأَقَالَةٍ وَرَدِّ بَعِيْبٍ وَقَبِيْضٍ وَإِقْبَاضٍ وَخُصُومَةٍ مِنْ دَعْوَى وَجَوَابٍ وَتَمْلِكٍ مُبَاحٍ كَأَحْيَاءٍ وَاصْطِيَادٍ وَاسْتِيفَاءٍ عَقُوبَةٍ، لَا فِي إِفْرَارٍ، فَلَا يَصِحُّ التَّوَكُّيلُ فِيهِ، وَلَا فِي التَّقَاطُطِ وَلَا فِي عِبَادَةٍ كَصَلَاةٍ إِلَّا فِي نَسْكِ مِنْ حَجٍّ أَوْ عُمْرَةٍ وَدَفْعِ نَحْوِ زَكَاةٍ كَكَفَّارَةٍ، وَدَبْحِ نَحْوِ أَصْحِيَّةٍ كَعَقِيْقَةٍ. وَلَا يَصِحُّ فِي شَهَادَةِ إِحْقَاقٍ لَهَا بِالْعِبَادَةِ، وَلَا فِي نَحْوِ ظَهَارٍ كَقَتْلِ، وَلَا فِي نَحْوِ يَمِيْنٍ كَأَيْلَاءٍ.

922. Disyaratkan bahawa ia menerima gantian maka sah lantikan wakil pada setiap akad seperti jual dan hibah, dan setiap fasakh seperti iqalah dan pemulangan dengan aib, dan terimaserahan dan penyerahan dan perbalahan daripada dakwaan dan jawab dakwaan, dan pemilikan yang harus seperti menghidupkan bumi dan berburu dan menyempurnakan siksaan, tidak sah ia pada ikrar, maka tidak sah lantikan wakil padanya dan tidak pada memungut barang dan tidak pada ibadat seperti sembahyang melainkan pada nusuk daripada haji atau umrah, dan memberikan umpama zakat sama seperti kifarah dan sembelih umpama korban seperti 'aqiqah, dan tidak sah ia pada saksi kerana menghubungkannya dengan ibadat, dan tidak pada umpama zakat seperti bunuh dan tidak pada umpama sumpah seperti iila'.

وَلَا بُدَّ أَنْ يَكُونَ الْمُوَكَّلُ فِيهِ مَعْلُومًا وَلَوْ مِنْ وَجْهِ كَوَكَلْتُكَ فِي بَيْعِ أَمْوَالِي وَعِثْقِ أَرْقَانِي، لَا فِي نَحْوِ كُلِّ أُمُورِي كَكُلِّ قَلِيلٍ وَكَثِيرٍ وَإِنْ كَانَ تَابِعًا لِمُعِينٍ. وَالْفَرْقُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ مَا مَرَّ بِأَنَّ التَّابِعَ ثُمَّ مُعِينٌ، بِخِلَافِهِ هُنَا.

923. Tidak dapat tidak bahawa perkara yang diwakilkan diketahui, walaupun dari satu wajah, seperti : aku wakikan kamu pada jual harta ku dan memerdekakan hamba ku, tidak pada umpama semua urusan ku, sama seperti setiap yang sedikit dan yang banyak, sekalipun ia mengikut yang tertentu. Beza di antaranya dan di antara apa yang telah lalu bahawa yang mengikut disana tertentu, bersalahan yang mengikut disini.

وَيَجِبُ فِي تَوْكِيلِهِ فِي شِرَاءِ عَبْدٍ بَيَانُ نَوْعِهِ كَتَرْكِي، وَفِي شِرَاءِ دَارٍ مُحَلَّةٍ وَسَكَّةٍ. وَلَا يَجِبُ بَيَانُ ثَمَنِ فِي الْمَسْأَلَتَيْنِ لِأَنَّ عَرَضَ الْمُوَكَّلِ قَدْ يَتَعَلَّقُ بِوَاحِدٍ مِنْ ذَلِكَ نَفِيسًا كَانَ ذَلِكَ أَوْ خَسِيسًا. ثُمَّ مَحَلُّ بَيَانِ مَا ذَكَرَ إِذَا لَمْ يَقْصِدِ التِّجَارَةَ. وَإِلَّا، فَلَا يَجِبُ بَيَانُ شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ.

924. Wajib pada lantikan wakil pada membeli hamba oleh keterangan bagainya seperti bangsa Turki dan pada beli rumah oleh kawasannya dan lorongnya. Tidak wajib menerangkan harga pada dua masaalah ini kerana tujuan muwakkil itu terkadang bergantung dengan satu daripada demikaian, samaada dianya mahal atau murah. Kemudian tempat keterangan apa yang disebutkan itu apabila dia tidak maksudkan perniagaan. Jika tidak maka tidak wajib menerangkan suatu daripada demikian itu.

وَأَشَارَ إِلَى الْوَكِيلِ بِقَوْلِهِ : (أَوْ يَتَوَكَّلُ) فِيهِ عَن غَيْرِهِ . فَأَوْ هُنَا تَقْسِيمِيَّةٌ، أَي شَرَطُ الْوَكِيلِ صِحَّةَ مُبَاشَرَتِهِ التَّصَرُّفِ الْمَأْدُونِ فِيهِ لِنَفْسِهِ، وَإِلَّا فَلَا يَصِحُّ تَوَكُّلُهُ، لِأَنَّهُ إِذَا لَمْ يَقْدِرْ عَلَى التَّصَرُّفِ لِنَفْسِهِ فَلِغَيْرِهِ أَوْلَى. فَلَا يَصِحُّ تَوَكُّلُ صَبِيِّ وَمَجْنُونٍ وَمُعْمَى عَلَيْهِ، وَلَا تَوَكُّلُ امْرَأَةٍ فِي نِكَاحٍ وَلَا مُحْرِمٍ لِيَعْفِدَهُ فِي إِحْرَامِهِ.

925. Dia isyaratkan kepqda wakil dengan katanya : (atau dia menerima wakil) padanya dari orang lain. Maka “atau” disini untuk pembahagian. Artinya syarat wakil adalah sah melakukan sendiri akan tasarruf yang diizinkan padanya untuk dirinya sendiri. Jika tidak, maka tidak sah penerimaan wakilnya, kerana dia apabila tidak kuasa di atas tasarruf untuk dirinya maka untuk orang lain terutama. Maka tidak sah penerimaan wakil kanak-kanak dan orang gila dan orang yang pitam, dan tidak penerimaan wakil perempuan pada nikah dan tidak muhrim untuk dia akadkannya pada ihramnya.

وَهَذَا فِي الْعَالِبِ. وَإِلَّا فَقَدْ أُسْتُنْتِنِي مِنْ ذَلِكَ مَسَائِلٌ . مِنْهَا لِلْمَرْأَةِ فَتَتَوَكَّلُ فِي طَلَاقِ غَيْرِهَا وَمِنْهَا السَّفِيهُ وَالْعَبْدُ فَيَتَوَكَّلَانِ فِي قَبُولِ النِّكَاحِ بِغَيْرِ إِذْنِ الْوَالِيِّ وَالسَّيِّدِ لَا فِي إِجَابِهِ. وَمِنْهَا الصَّبِيُّ الْمَأْدُونُ فَيَتَوَكَّلُ فِي الْإِذْنِ فِي دُخُولِ وَإِصَالِ هَدِيَّةٍ وَإِنْ لَمْ تَصِحَّ مُبَاشَرَتُهُ لَهُ بِلَا إِذْنِ.

926. Ini pada ghalibnya, jika tidak maka dikecualikan dari demikian itu beberapa masaalah. Daripadanya : boleh perempuan menerima wakil pada talak orang yang selain dirinya. Daripadanya safih dan hamba, maka keduanya menerima wakil pada menerima nikah tanpa izin walinya dan penghulunya, tidak pada mengijabkannya. Daripadanya kanak-kanak yang diizinkan, maka dia menerima wakil pada izin memasuki rumah dan pada menyampaikan hadiah sekalipun tidak sah dia mengerjakan sendiri tanpa izin.

وَيُشْتَرَطُ تَعْيِينُ الْوَكِيلِ. فَلَوْ قَالَ لِاثْنَيْنِ : وَكَلْتُ أَحَدَكُمَا فِي بَيْعِ كَذَا لَمْ يَصِحَّ. نَعَمْ لَوْ قَالَ : وَكَلْتُكَ فِي بَيْعِ كَذَا مَثَلًا وَكُلُّ مُسْلِمٍ صَحَّ كَمَا بَحَثَهُ بَعْضُ الْمُتَأَخِّرِينَ وَعَلَيْهِ الْعَمَلُ.

927. Disyaratkan menentukan wakil, maka kalau dia berkata kepada dua orang : aku wakikan seorang dari kamu berdua pada menjualkan ini, tidak sah ia. Na'am, kalau seorang kata : aku wakikan kamu pada menjual sekian sebagai contoh, dan setiap

orang islam, sah ia sepertimana dibahaskan sebahagian ulamak mutakhir dan di atasnya amalan.

وَشُرْطُ فِي الصِّيغَةِ مِنْ مُوَكَّلٍ وَلَوْ بِنَائِبِهِ مَا يُشْعِرُ بِرِضَاهُ، كَوَكَّلْتِكَ فِي كَذَا أَوْ بَعِ كَذَا كَسَائِرِ الْعُقُودِ وَالْأَوَّلُ
إِجَابٌ وَالثَّانِي قَائِمٌ مَقَامَهُ.

928. Disyaratkan pada sighth dari muwakkil walaupun dengan naibnya apa yang menyedarkan redhanya, seperti “aku wakikan kamu pada sekian” atau “juallah sekian”, seperti sekelian akad-akad. Yang pertama itu ijab dan yang kedua berdiri pada tempatnya.

أَمَّا الْوَكِيلُ فَلَا يَشْتَرَطُ قَبُولُهُ لَفْظًا أَوْ نَحْوَهُ الْحَقَاقًا لِلتَّوَكِيلِ بِالْإِبَاحَةِ. أَمَّا قَبُولُهُ مَعْنَى وَهُوَ عَدَمُ رَدِّ الْوَكَاةِ فَلَا
بُدَّ مِنْهُ. فَلَوْ رَدَّ فَقَالَ: لَا أَقْبَلُ أَوْ لَا أَفْعَلُ بَطُلَتْ. وَلَا يَشْتَرَطُ فِي الْقَبُولِ هُنَا الْفَوْرُ وَلَا الْمَجْلِسُ.

929. Adapun wakil maka tidak disyaratkan qabulnya dengan lafaz atau umpamanya kerana menghubungkan lantikan wakil dengan pengharusan. Adapun qabulnya pada makna iaitu tidak menolak wakilan itu maka tidak dapat tidak darinya. Maka kalau dia menolak maka katanya : tidak aku terima atau tidak aku buat, batal ia. Tidak disyaratkan segera pada qabul disini, dan tidak majlis.

وَيَصِحُّ تَوْقِيتُ الْوَكَاةِ نَحْوَ وَكَّلْتِكَ فِي كَذَا إِلَى رَجَبٍ، وَتَعْلِيقُ التَّصَرُّفِ نَحْوَ: وَكَّلْتِكَ الْآنَ فِي بَيْعِ كَذَا، وَلَا
تَبِعُهُ حَتَّى يَجِيءَ رَمَضَانَ، لَا تَعْلِيقُ الْوَكَاةِ نَحْوَ: إِذَا جَاءَ شَعْبَانَ فَقَدْ وَكَّلْتِكَ فِي كَذَا. فَلَا يَصِحُّ كَسَائِرِ الْعُقُودِ،
لَكِنْ يَنْفَعُ تَصَرُّفُهُ بَعْدَ وُجُودِ الْمُعْلَقِ عَلَيْهِ لِلْإِذْنِ فِيهِ.

930. Sah mewaktukan wakilan umpama “aku wakikan kamu pada sekian hingga bulan rejab”, dan menta’lik tasarruf umpama aku “wakikan kamu sekarang pada menjual sekian” dan “jangan kamu jualnya hingga datang ramadhan”, tidak sah ta’lik wakilan umpama “apabila datang sya’ban maka aku wakikan kamu pada sekian”. Maka tidak sah ia seperti sekelian akad-akad, akan tetapi lulus tasarruf selepas ujud apa yang dita’likkan ia di atasnya kerana ada izin padanya.

(وَ) الْوَكَاةُ وَلَوْ بِجُعِلَ غَيْرُ لَازِمَةٍ مِنْ جَانِبِ الْمُوَكَّلِ وَالْوَكِيلِ، فَيَجُوزُ (لِكُلِّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا فَسْخُوحًا مَتَى شَاءَ)
(وَلَوْ بَعْدَ التَّصَرُّفِ، سِوَاءَ أَنْتَلَقَ بِهَا حَقٌّ ثَالِثٌ كَبَيْعِ الْمَرْهُونِ أَمْ لَا.

931. Wakilan itu walaupun dengan upah tidak lazim dari pihak muwakkil dan wakil maka harus (bagi setiap kedua mereka memfasakhkannya bila dia hendak) walaupun selepas tasarruf, samaada bergantung dengannya hak ketiga seperti jual barang gadaian, atau tidak.

(وَتَنْفَسَخُ) حُكْمًا (بِمَوْتِ أَحَدِهِمَا) وَبِجُنُونِهِ وَبِإِعْمَانِهِ، وَشَرْعًا بَعْرَلُ أَحَدِهِمَا بَأَنْ يَعْزَلَ الْوَكِيلُ نَفْسَهُ أَوْ
بِعْزَلِهِ الْمُوَكَّلَ سِوَاءَ أَكَانَ بِلَفْظِ الْعَزْلِ أَمْ لَا، كَفَسَخْتُ الْوَكَاةَ أَوْ أَبْطَلْتُهَا أَوْ رَفَعْتُهَا، وَبِتَعَمُّدِهِ إِنْكَارَهَا بِلَا
عَرَضٍ لَهُ فِيهِ، بِخِلَافِ إِنْكَارِهِ لَهَا نِسْيَانًا أَوْ لِعَرَضٍ كَاخْفَانِهَا مِنْ ظَالِمٍ، وَبِطَرَوْ رِقٍّ وَحَجْرٍ كَحَجْرٍ سَفَهُ أَوْ
فَلْسٍ عَمَّا لَا يَنْفَعُ مِمَّنْ اتَّصَفَ بِهَا، وَبِفَسْقِهِ فِيمَا فِيهِ الْعَدَالَةُ شُرْطُ كَوَكَاةِ النِّكَاحِ وَالْوَصَايَا، وَبِزَوَالِ مَلِكِ
مُوَكَّلٍ عَنِ مَجَلِّ التَّصَرُّفِ أَوْ مَنْفَعَتِهِ كَبَيْعِ وَوَقْفِ لِرِزْوَالِ الْوَالِيَّةِ وَإِجَارِ مَا وَكَّلَ فِي بَيْعِهِ. وَمِثْلُهُ تَرْوِجُهُ
وَرَهْنُهُ مَعَ قَبْضِ لِشَعَارِهَا بِالنَّدَمِ عَنِ التَّصَرُّفِ، بِخِلَافِ نَحْوِ الْعَرَضِ عَلَى الْبَيْعِ.

932. (Terfasakh wakilan) nisbah hukum (dengan mati seorang dari keduanya) dan dengan sebab gilanya dan dengan pitamnya, dan pada syara’ dengan memecat seorang dari mereka, dengan bahawa wakil memecat dirinya sendiri atau muwakkil memecatnya, samaada ianya dengan lafaz pecat atau tidak, seperti “aku fasakhkan wakilan ini” atau “aku batalkannya” atau “aku angkatkannya”, dan dengan dia sengaja

ingkarkannya tanpa tujuan baginya pada ingkar itu, bersalahan ingkarnya akan wakilan itu di atas jalan lalai atau kerana satu tujuan seperti menyembunyikannya dari orang zalim dan dengan kedatangan sifat hamba dan hijir seperti hijir safih atau muflis dari perkara yang tidak lulus dari orang yang bersifat dengannya, dan dengan fasiknya pada perkara yang keadilan disyaratkan padanya seperti wakilan nikah dan wasiat, dan dengan hilang pemilikan muwakkil dari tempat tasarruf atau manfaatnya seperti jual dan wakaf kerana hilang kuasanya dan menyewakan apa yang diwakilkan pada menjualnya. Seumpamanya adalah dia mengahwinkan dan menggadaikannya serta terima serahan kerana ia menyedarkan kesalnya⁷³ di atas tasarruf wakil, bersalahan umpama mempamerkan untuk jual.

(وَالْوَكِيلُ) وَلَوْ جُعِلَ (أَمِينٌ فِيْمَا يَقْبِضُهُ) لِمُوَكَّلِهِ (وَفِيْمَا يَصْرِفُهُ) مِنْ مَالِ مُوَكَّلِهِ عَنْهُ ، (وَلَا يَضْمَنُ) مَا تَلَفَ فِي يَدِهِ مِنْ مَالِ مُوَكَّلِهِ (إِلَّا بِالتَّقْرِيطِ) فِي حَقِّهِ كَسَائِرِ الْأَمْنَاءِ .

933. (Wakil) walaupun dengan upah (adalah orang kepercayaan pada apa yang dia terima) untuk muwakkilnya (dan pada apa yang dia palingkan) daripada harta muwakkilnya dari pihaknya. (Tidak dia mendhaman) apa yang binasa pada tangannya daripada harta muwakkilnya (melainkan dengan melampau) pada haknya sama seperti baki orang-orang kepercayaan.

تَنْبِيْهٌ : لَوْ عَبَّرَ بِالتَّعَدِي لَكَانَ أَوْلَى لِأَنَّهُ يَلْزَمُ مِنَ التَّعَدِي التَّقْرِيطُ ، وَلَا عَكْسَ لِاحْتِمَالِ نَسِيَانٍ وَنَحْوِهِ .

934. Tanbih. Kalau dia mengibaratkan dengan ta'addi nescaya terutama kerana lazim dari ta'addi oleh tafrit dan tidak sebaliknya kerana kemungkinan lupa dan umpamanya.

وَيُصَدَّقُ بِمِمينِهِ فِي دَعْوَى التَّلْفِ وَالرَّدِّ عَلَى الْمُوَكَّلِ لِأَنَّهُ انْتَمَنَهُ ، بِخِلَافِ دَعْوَى الرَّدِّ عَلَى غَيْرِ الْمُوَكَّلِ كَرِسُولِهِ . وَإِذَا تَعَدَّى كَأَنَّ رَكِبَ الدَّابَّةِ أَوْ لَبِسَ الثَّوْبَ تَعَدَّى ضَمِنَ كَسَائِرِ الْأَمْنَاءِ . وَلَا يَنْعَزَلُ لِأَنَّ الْوَكَالَاتَةَ إِذْنٌ فِي التَّصْرِيفِ وَالْأَمَانَةِ حُكْمٌ يَتَرْتَبُ عَلَيْهَا ، وَلَا يَلْزَمُ مِنْ ارْتِفَاعِهِ بَطْلَانُ الْإِذْنِ ، بِخِلَافِ الْوَدِيعَةِ فَإِنَّهَا مَحْضٌ انْتِمَانٍ . فَإِذَا بَاعَ وَسَلَّمَ الْمُبِيعُ زَالَ الضَّمَانُ عَنْهُ . وَلَا يَضْمَنُ الثَّمَنُ . وَلَوْ رُدَّ الْمُبِيعُ عَلَيْهِ بِعَيْبٍ عَادَ الضَّمَانُ .

935. Dibenarkan dia dengan sumpahnya pada dakwaan binasa dan dan pemulangan kepada muwakkilnya kerana dia mempercayainya, bersalahan dakwaan pemulangan ke atas selain muwakkilnya seperti utusannya. Apabila dia melampau seperti bahawa dia menunggang haiwan tunggangan atau memakai kain dengan cara melampau dia mendhaman sama seperti sekalian orang-orang kepercayaan, dan dia tidak terpecat kerana wakilan itu izin pada tasarruf dan amanah hukum yang tersusun di atasnya, tidak lazim dari terangkatnya batal izin itu, bersalahan wadih maka ia semata-mata penerimaan amanah. Maka apabila dia menjual dan menyerahkan barang jualan hilanglah dhaman itu darinya. Tidak dia mendhaman harganya. Kalau barang jualan itu dipulangkan ke atasnya dengan 'aib kembalilah dhaman itu.

(وَلَا يَجُوزُ) لِلْوَكِيلِ (أَنْ يَبِيعَ وَيَشْتَرِيَ) بِالْوَكَالَاتَةِ الْمُطْلَقَةِ (إِلَّا بِثَلَاثَةِ شَرَائِطٍ) . الْأَوَّلُ : أَنْ يَعْقِدَ (بِثَمَنِ الْمِثْلِ) إِذَا لَمْ يَجِدْ رَاغِبًا بِزِيَادَةِ عَلَيْهِ . فَإِنْ وَجَدَهُ فَهُوَ كَمَا لَوْ بَاعَ بِدُونِهِ ، فَلَا يَصِحُّ إِذَا كَانَ بِعَبْنٍ فَاحِشٍ ، وَهُوَ مَا لَا يُحْتَمَلُ غَالِبًا ، بِخِلَافِ الْيَسِيرِ وَهُوَ مَا يُحْتَمَلُ غَالِبًا فَيُعْتَفَرُ . فَيُبِيعُ مَا يُسَاوِي عَشْرَةَ بَتْسَعَةٍ مُحْتَمَلٍ وَبِثَمَانِيَةٍ غَيْرِ مُحْتَمَلٍ . وَالثَّانِي كَوْنُ الثَّمَنِ (نَقْدًا) أَيْ حَالًا فَلَا يَبِيعُ نَسِيئَةً وَالثَّلَاثُ أَنْ يَبِيعَ (بِنَقْدِ الْبَلَدِ) أَيْ بَلَدِ الْبَيْعِ لَا بَلَدِ التَّوَكِيلِ .

936. (Tidak harus) bagi wakil (menjual dan membeli) dengan wakilan yang mutlak (melainkan dengan tiga syarat).

⁷³. Iaitu kesal muwakkil diatas tasarruf yang keluar dari wakil.

- Pertamanya : bahawa dia mengakadkan (**dengan harga seumpama**) apabila dia tidak mendapat orang yang minat dengan lebih darinya. Maka jika dia mendapatinya maka ia sepertimana kalau dia menjual tanpanya, maka tidak sah ia apabila ianya dengan rugi yang keji, iaitu rugi yang ghalibnya tidak boleh ditanggung. Bersalahan yang sedikit iaitu rugi yang boleh ditanggung ghalibnya maka ia dimaafkan.
- Keduanya : keadaan harga itu (**duit**), iaitu tunai, maka dia tidak boleh dia menjual bertanggung.
- Ketiganya : bahawa dia menjual (**dengan duit tempatan**) iaitu tempat jualan itu, bukan tempat lantikan wakil.

فَلَوْ خَالَفَ فَبَاعَ عَلَىٰ أَحَدٍ هَذِهِ الْأَنْوَاعَ وَسَلَّمَ الْمَبِيعَ ضَمِنَ بَدْلَهُ لِتَعَدِيهِ بِتَسْلِيمِهِ بِبَيْعِ فَاسِدٍ، فَيَسْتَرُدُّهُ إِنْ بَقِيَ. وَلَهُ بَيْعُهُ بِالْأَدْنِ السَّابِقِ وَلَا يَضْمَنُ ثَمَنَهُ. وَإِنْ تَلَّفَ الْمَبِيعَ عَرِمَ الْمُوَكَّلُ بَدْلَهُ مِنْ شَاءَ مِنَ الْوَكِيلِ وَالْمُشْتَرِي. وَالْقَرَارُ عَلَيْهِ.

937. Maka kalau dia menyalahi, maka dia menjual di atas satu daripada bagai-bagai ini dan menyerahkan barang jualan dia mendhaman gantinya kerana melampaunya dengan dia menyerahkannya dengan jualan yang fasid, maka dia meminta balik jika ianya kekal. Boleh dia menjualnya dengan izin yang terdahulu, dan tidak dia mendhaman harganya. Jika barang jualan itu telah binasa muwakkil membayar gantinya kepada orang yang dia hendak, daripada wakil dan pembeli. Keputusan di atasnya.

تَنْبِيْهٌ : لَوْ كَانَ بِالْبَلَدِ نَقْدَانِ لَزِمَهُ الْبَيْعُ بِأَعْلِيَّهِمَا. فَإِنْ اسْتَوَيَا فِي الْمَعَامَلَةِ بَاعَ بِأَنْفَعِهِمَا لِلْمُوَكَّلِ. فَإِنْ اسْتَوَيَا تَخَيَّرَ بَيْنَهُمَا. فَإِذَا بَاعَ بِهِمَا قَالَ الْإِمَامُ : فِيهِ تَرَدُّدٌ لِلْأَصْحَابِ، وَالْمَذْهَبُ الْجَوَازُ.

938. Tanbih. Kalau pada tempat itu ada dua duit lazim dia menjual dengan yang ghalib daripada keduanya. Maka jika keduanya sama pada mu'amalah dia menjual dengan yang lebih manfaat bagi muwakkilnya. Maka jika keduanya sama dia memilih di antara keduanya. Maka apabila dia menjual dengan keduanya kata al Imam : berlah bagi para syahabat Syafi'e padanya. Pendapat mazhab adalah harusnya.

وَلَوْ وَكَّلَهُ لِبَيْعِ مُوَجَّبًا صَحَّ، وَإِنْ أَطْلَقَ الْأَجَلَ. وَحَمَلَ مُطْلَقُ أَجَلٍ عَلَىٰ عُرْفٍ فِي الْبَيْعِ بَيْنَ النَّاسِ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ عُرْفٌ رَاعَى الْوَكِيلُ الْأَنْفَعَ لِلْمُوَكَّلِ. وَيُسْتَشْرَطُ الْإِشْهَادُ.

939. Kalau dia mewakilkannya untuk menjual bertempoh sah ia, sekalipun dia mengitlakkan tempoh itu. Ditanggungkan ia ke atas uruf pada jual di antara orang ramai. Maka jika tidak ada uruf wakil memelihara yang lebih bermanfaat bagi muwakkilnya. Disyaratkan mengadakan saksi.

وَحَيْثُ قَدَرَ الْأَجَلَ اتَّبَعَ الْوَكِيلُ مَا قَدَّرَهُ الْمُوَكَّلُ. فَإِنْ بَاعَ بِحَالٍ أَوْ نَقَصَ عَنِ الْأَجَلِ كَانَ بَاعَ إِلَىٰ شَهْرٍ مَا قَالَ الْمُوَكَّلُ بَعْدَهُ إِلَىٰ شَهْرَيْنِ صَحَّ الْبَيْعُ إِنْ لَمْ يَنْهَهُ الْمُوَكَّلُ وَلَمْ يَكُنْ عَلَيْهِ فِيهِ ضَرَرٌ كَنَقَصَ ثَمَنًا أَوْ خَوْفًا أَوْ مُؤَنَةً حَفْظًا. وَيَنْبَغِي كَمَا قَالَ الْإِسْنَوِيُّ حَمْلُهُ عَلَىٰ مَا إِذَا لَمْ يَعْيِنِ الْمُشْتَرِي، وَإِلَّا فَلَا يَصِحُّ لِظُهُورِ قَصْدِ الْمُحَابَاةِ.

940. Sekira-kira dikadarkan tempohan itu wakil mengikut apa yang muwakkil kadarkan. Maka jika dia menjual dengan tunai atau dia mengurangkan dari tempohan itu seperti bahawa dia menjual bertanggung sebulan apa yang muwakkilnya kata : jualkannya bertanggung hingga dua bulan, sah jualan itu jika muwakkil tidak menegahnya dan tidak ada kemudharatan di atas muwakkil padanya seperti kurang harga atau bahaya atau kos penjagaan. Sayugia sepertimana kata Isnawi menanggungkannya ke atas keadaan apabila dia tidak menentukan pembeli, jika tidak maka tidak sah ia kerana zahir kasad kasih sayang.

فَرَعٌ : لَوْ قَالَ لَوْكَيْلِهِ : بَعِ هَذَا بِكَمْ شَيْئًا، فَلَهُ بَيْعُهُ بِعَيْنٍ فَاحِشٌ لَا بِنَسِيئَةٍ وَلَا بِغَيْرِ نَقْدِ الْبَلَدِ، أَوْ : بِمَا شِئْتَ، أَوْ : بِمَا تَرَاهُ، فَلَهُ بَيْعُهُ بِغَيْرِ نَقْدِ الْبَلَدِ لَا بِعَيْنٍ وَلَا بِنَسِيئَةٍ، : وَبِكَيْفِ شِئْتَ، فَلَهُ بَيْعُهُ بِنَسِيئَةٍ لَا بِعَيْنٍ وَلَا بِغَيْرِ نَقْدِ الْبَلَدِ، أَوْ : بِمَا عَرَّ وَهَانَ فَلَهُ بَيْعُهُ بِعَرَضٍ وَعَيْنٍ لَا بِنَسِيئَةٍ. وَذَلِكَ لِأَنَّ كَمَّ لِلْعَدَدِ فَشَمِلَ الْقَلِيلَ وَالكَثِيرَ، وَمَا لِلْجِنْسِ فَشَمِلَ النَّقْدَ وَالْعَرَضَ، لَكِنَّهُ فِي الْأَخِيرَةِ لَمَّا قَرَنَ بَعْرَ وَهَانَ شَمِلَ عَرَفًا الْقَلِيلَ وَالكَثِيرَ أَيْضًا، وَكَيْفَ لِلْحَالِ فَشَمِلَ الْحَالَ وَالْمَوْجَلَ.

941. Cabangannya. Kalau dia kata kepada wakilnya : jualkan ini dengan berapa kamu suka, maka boleh dia menjualnya dengan rugi yang keji tidak dengan bertanggung dan tidak dengan selain duit tempatan, atau : dengan apa yang kamu hendak atau dengan apa yang kamu Nampak baik, maka boleh dia menjualnya dengan selain duit tempatan tidak dengan rugi dan tidak dengan bertanggung, dan : dengan bagaimana kamu hendak, maka boleh dia menjualnya bertanggung tidak dengan rugi dan tidak dengan selain duit tempatan, atau : dengan apa yang baik dan teruk maka boleh dia menjualnya dengan barang dan dengan rugi, tidak dengan bertanggung. Demikian itu kerana “berapa” adalah untuk bilangan maka ia meliputi yang sedikit dan yang banyak, dan “apa” untuk jenis maka ia meliputi duit dan barang, akan tetapi ia pada yang akhir tatkala dia menyertakan dengan “yang baik” dan “yang teruk” ia meliputi pada urufnya akan yang sedikit dan yang banyak juga, dan “bagaimana” untuk hal maka ia meliputi tunai dan tempoh.

(وَلَا يَجُوزُ) لِلْوَكِيلِ (أَنْ يَبِيعَ) مَا وَكَّلَ فِيهِ (مِنْ نَفْسِهِ) وَلَا مِنْ مَوْلِيهِ وَإِنْ أَدَانَ لَهُ فِي ذَلِكَ لِأَنَّهُ مَتَّهَمٌ فِي ذَلِكَ، بِخِلَافِ غَيْرِهِمَا كَأَبِيهِ وَوَلَدِهِ الرَّشِيدِ.

942. (Tidak harus) bagfi wakil (menjual) apa yang dia diwakilkan padanya (kepada dirinya) dan tidak kepada anak waliannya sekalipun dia diizinkan pada demikian itu kerana dia ditohmahkan pada demikian itu, bersalahan selain keduanya seperti bapanya dan anaknya yang cerdik.

وَلَهُ قَبْضٌ تَمَّنَ حَالَ تَمَّ يُسَلِّمُ الْمُبِيعَ الْمُعَيَّنَ إِنْ تَسَلَّمَهُ لِأَنَّهَا مِنْ مُقْتَضِيَّاتِ الْبَيْعِ. فَإِنْ سَلَّمَ الْمُبِيعَ قَبْلَ قَبْضِ التَّمَنِ ضَمِنَ قِيمَتَهُ وَقَتَ التَّسْلِيمِ لِتَعَدِيهِ، وَإِنْ كَانَ التَّمَنُ أَكْثَرَ مِنْهَا. فَإِذَا عَرَمَهَا تَمَّ قَبْضُ التَّمَنِ دَفَعَهُ إِلَى الْمُوَكَّلِ وَاسْتَرَدَّ مَا عَرَمَ. أَمَّا التَّمَنُ الْمَوْجَلُ فَلَهُ فِيهِ تَسْلِيمُ الْمُبِيعِ. وَلَيْسَ لَهُ قَبْضُ التَّمَنِ إِذَا حَلَّ إِلَّا بِإِذْنِ جَدِيدٍ.

943. Boleh dia terima serahan harga yang tunai kemudian menyerahkan barang jualan yang tertentu jika dia telah menerimanya. Maka jika dia menyerahkan barang jualan sebelum terimaserahan harganya dia mendhaman nilainya pada waktu penyerahan kerana melampaunya, sekalipun harga itu lebih darinya. Maka apabila dia membayar nilainya kemudian dia menerimanya harganya dia memberikan harga itu kepada muwakkil dan meminta balik apa yang dia telah bayar. Adapun harga yang ditempohkan maka boleh dia padanya menyerahkan barang jualan. Tidak boleh dia menerima harga apabila sampai tempohnya melainkan dengan izin baru.

وَلَيْسَ لَوْكَيْلٍ بِشِرَاءٍ شِرَاءً مَعِيبَ لِاِقْتِضَاءِ الْإِطْلَاقِ عَرَفًا السَّلِيمِ. وَلَهُ تَوَكُّيلٌ بِإِذْنٍ فِيمَا لَمْ يَتَأْتِ مِنْهُ لِكُونِهِ لَا يَلِيقُ بِهِ أَوْ كَوْنِهِ عَاجِزًا عَنْهُ عَمَلًا بِالْعَرَفِ لِأَنَّ التَّفْوِيضَ لِمِثْلِ هَذَا لَا يَقْصَدُ مِنْهُ عَيْنُهُ، فَلَا يُوَكَّلُ الْعَاجِزُ إِلَّا فِي الْقَدْرِ الَّذِي عَجَزَ عَنْهُ. وَلَا يُوَكَّلُ الْوَكِيلُ فِيمَا ذَكَرَ عَنْ نَفْسِهِ بَلْ عَنْ مُوَكَّلِهِ.

944. Tidak boleh bagi wakil belian membeli barang aib kerana itlak beli menuntut yang tidak ‘aib pada urufnya. Boleh dia mewakilkan tanpa izin pada apa yang tidak terdatang darinya kerana keadaannya tidak layak dengan dia atau keadaan dia lemah darinya,

kerana mengamalkan uruf kerana penyerahan urusan yang seumpama ini tidak dimaksudkan darinya akan 'ainnya, maka tidak boleh orang yang lemah mewakilkan melainkan pada kadar yang dia lemah darinya dan tidak boleh dia wakilkkan wakil pada apa yang disebutkan dari dirinya bahkan dari muwakkilnya.

(وَلَا) يَجُوزُ لَهُ أَنْ (يَقْرَ عَلَى مُوَكَّلِهِ) بِمَا يَلْزِمُهُ (إِلَّا بِإِذْنِهِ) عَلَى وَجْهِ ضَعِيفٍ وَالْأَصْحَ عَدَمَ صِحَّةِ التَّوَكِيلِ فِي الْإِفْرَارِ مُطْلَقًا فَإِذَا قَالَ لِغَيْرِهِ : وَكَذَلِكَ لَتَقْرَ عَنِّي لِفُلَانٍ بِكَذَا فَيَقُولُ التَّوَكِيلُ أَفَرَرْتُ عَنْهُ بِكَذَا أَوْ جَعَلْتَهُ مُفَرًّا بِكَذَا لَمْ يَصِحَّ لِأَنَّهُ إِخْبَارٌ عَنِ حَقِّ فَلَا يَقْبَلُ التَّوَكِيلُ كَالشَّهَادَةِ. لَكِنَّ التَّوَكِيلَ يَكُونُ مُفَرًّا بِالتَّوَكِيلِ عَلَى الْأَصْحَ فِي الرُّوْضَةِ لِإِسْعَارِهِ بِثُبُوتِ الْحَقِّ عَلَيْهِ. وَمَحَلُّ الْخِلَافِ إِذَا قَالَ : وَكَذَلِكَ لَتَقْرَ عَنِّي لِفُلَانٍ بِكَذَا كَمَا مَثَّلْتَهُ.

945. (Tidak) harus dia (mengaku ke atas muwakkilnya) dengan apa yang melaziminya (melainkan dengan izinnya), di atas wajah dhaif. Yang paling sah tidak sah lantikan wakil pada ikrar semata-mata. Maka apabila dia berkata kepada orang lain : aku wakilkkan kamu untuk mengaku dari aku bagi si fulan dengan sekian, maka kata wakil : aku mengaku darinya dengan sekian, atau aku jadikan dia mengaku dengan sekian, tidak sah ia kerana ia pekhabaran dari hak maka ia tidak menerima perwakilan wakil sama seperti saksi, akan tetapi muwakkil itu menjadi orang yang mengaku dengan dia mewakilkan di atas yang paling sah didalam Raudhah kerana ia menyedarkan sabit hak di atas dirinya. Tempat khilaf itu apabila dia katakan : aku wakilkkan kamu untuk mengaku dari diri ku bagi si fulan dengan sekian, sepertimana yang telah aku contohkan.

فَلَوْ قَالَ : أَقْرَ عَنِّي لِفُلَانٍ بِأَلْفٍ لَهُ عَلَى كَأَنَ إِفْرَارًا قَطْعًا. وَلَوْ قَالَ : أَقْرَ لَهُ عَلَى بِأَلْفٍ، لَمْ يَكُنْ إِفْرَارًا قَطْعًا، صَرَخَ بِهِ صَاحِبُ التَّعْجِيزِ.

946. Maka kalau dia kata : mengakulah dari aku bagi fulan dengan seribu miliknya di atas ku, adalah ia ikrar dengan putus. Kalau dia kata : mengakulah baginya di atas aku dengan seribu, ia bukanlah ikrar dengan putus, menjelaskannya tuan kitab Ta'jiz.

تَتَمَّةٌ : أَحْكَامُ عَقْدِ التَّوَكِيلِ كَرُؤِيَةِ الْمَبِيعِ وَمَفَارَقَةِ مَجْلِسِ وَتَقَابُضِ فِيهِ تَتَعَلَّقُ بِهِ، لَا بِالتَّوَكِيلِ، لِأَنَّهُ الْعَاقِدُ حَقِيقَةً.

947. Tatimmah. Hukum-hukum akad wakil seperti nampak barang jualan dan berpisah dari majlis akad dan terima menerima padanya berta'luk dengannya, bukan dengan muwakkil, kerana dia yang berakad pada hakikatnya.

وَاللَّبَّاعِ مُطَالِبَةُ التَّوَكِيلِ كَالْمُؤَكَّلِ بِئَمَّا إِنْ قَبِضَهُ مِنَ التَّوَكِيلِ، سِوَاءَ إِشْتَرَى بِعَيْنِهِ أَمْ فِي الدِّمَّةِ. فَإِنْ لَمْ يَقْبِضْهُ مِنْهُ لَمْ يُطَالِبْهُ إِنْ كَانَ التَّمَنُّ مَعِينًا لِأَنَّهُ لَيْسَ بِيَدِهِ، وَإِنْ كَانَ فِي الدِّمَّةِ طَالِبَهُ بِهِ إِنْ لَمْ يَعْتَرَفْ بِوَكَاالَتِهِ بِأَنْ أَنْكَرَهَا أَوْ قَالَ : لَا أَعْرِفُهَا. فَإِنْ اعْتَرَفَ بِهَا طَالِبَ كُلًّا مِنْهُمَا بِهِ.

948. Boleh penjual menuntut wakil sama seperti muwakkil dengan harga jika dia menerimanya dari muwakkil, samaada dia membeli dengan 'ain harga atau didalam zimmahnya. Maka jika dia tidak menerimanya dari muwakkil tidak boleh dia menuntutnya jika harga itu tertentu kerana ia tidak berada pada tangannya, dan jika ianya didalam zimmah dia menuntut muwakkil itu dengannya jika dia i.e penjual tidak mengaku dengan wakilannya, dengan bahawa dia ingkarkannya atau dia kata : tidak aku tahu. Maka jika dia mengakuinya dia menuntut setiap daripada kedua mereka dengannya.

وَالْوَكِيلُ كَضَامِنٍ وَالْمُوكَّلُ كَأَصِيلٍ. فَإِذَا عَرِمَ رَجَعَ بِمَا عَرِمَهُ عَلَى الْمُوكَّلِ. وَلَوْ تَلَفَ تَمَنُّ قَبْضَهُ وَاسْتَحَقَّ مَبِيعَ طَلْبِهِ مُشْتَرٍ بِبَدَلِ الثَّمَنِ، سَوَاءً اعْتَرَفَ الْمُشْتَرِي بِالْوَكَاةِ أَمْ لَا. وَالْفَرَارُ عَلَى الْمُوكَّلِ، فَيَرْجِعُ الْوَكِيلُ بِمَا عَرِمَهُ لِأَنَّهُ عَرَهُ.

949. Wakil itu sama seperti penjamin dan muwakkil seperti asal i.e yang dijamin, maka apabila dia membayar dia merujuk apa yang dia bayar ke atas muwakkil. Kalau binasa harga yang dia telah terima dan ternyata barang jualan itu hak orang lain pembeli menuntutnya dengan ganti harga, samaada pembeli mengaku dengan wakilan atau tidak. Keputusan di atas muwakkil, maka wakil merujuk dengan apa yang dia telah bayar kerana dia mempunya.

وَمَنْ ادَّعَى أَنَّهُ وَكِيلٌ بِقَبْضِ مَا عَلَى زَيْدٍ لَمْ يَجِبْ دَفْعُهُ لَهُ إِلَّا بَيِّنَةً بَوَكَالَتِهِ لِاحْتِمَالِ انْكَارِ الْمُوكَّلِ لَهَا، وَلَكِنْ يَجُوزُ لَهُ دَفْعُهُ إِنْ صَدَّقَهُ فِي دَعْوَاهُ لِأَنَّهُ مُحَقٌّ عِنْدَهُ، أَوْ ادَّعَى أَنَّهُ مُحْتَالٌ بِهِ أَوْ أَنَّهُ وَارِثٌ لَهُ أَوْ وَصِيٌّ أَوْ مُوصَى لَهُ مِنْهُ وَصَدَّقَهُ وَجِبَ دَفْعُهُ لَهُ لِاعْتِرَافِهِ بِانْتِقَالِ الْمَالِ إِلَيْهِ.

Orang yang mendakwa bahawa dia wakil pada menerimaserahan barang yang ada di atas Zaid tidak wajib dia memberikan barang itu kepadanya melainkan dengan keterangan wakilannya kerana mungkin muwakkil ingkarkannya, akan tetapi harus dia memberikannya jika dia membenarkannya pada dakwaannya kerana dia orang yang bercakap benar di sisinya, atau dia mendakwa bahawa dia dihiwalahkan dengannya atau bahawa dia warisnya atau orang yang diwasiatkan atau diwasiatkan baginya padanya dan dia membenarkannya wajib menyerahkan barang itu kepadanya kerana dia mengakui dengan perpindahan harta itu kepadanya.

+فصل : في الإفراز وهو لغة الإثبات من قر الشيء أي ثبت وشرعا إخبار الشخص بحق عليه فإن كان بحق له على غيره فدعوى أو لغيره على غيره فشهادة

950. **Fasal pada ikrar** i.e pengakuan. Ia pada lughah mensabitkan, dan pada syara' mengkhobar seorang akan satu hak di atas dirinya. Maka jika ianya dengan satu hak bagi dirinya di atas orang lain maka dakwaan, atau bagi orang lain di atas orang lain maka saksi.

وَالْأَصْلُ فِيهِ قَبْلَ الْإِجْمَاعِ قَوْلُهُ تَعَالَى { أَفَرَرْتُمْ وَأَخَذْتُمْ عَلَىٰ ذَلِكُمْ إِصْرِي } أَيَّ عَهْدِي { قَالُوا أَفَرَرْنَا }، وَخَبَرُ الصَّحِيحِينَ { أَعْدِيَا أَنَيْسُ إِلَىٰ امْرَأَةٍ هَذَا فَإِنْ اعْتَرَفَتْ فَارْجُمِيهَا } . وَأَجْمَعَتِ الْأُمَّةُ عَلَىٰ الْمُواخَذَةِ بِهِ.

951. Asal padanya sebelum ijmak firman Allah taala “adakah kamu mengaku dan mengambil perjanjian di atas demikian itu? mereka berkata kami mengaku”, dan khabar dua kitab yang sahih “wahai Unais pagi-pagi esok pergilah kepada perempuan ini maka jika dia mengaku maka rejamlah dia”. Telah ijmak ummah di atas mengambil kira pengakuan itu.

وَأَزْكَانُهُ أَرْبَعَةٌ : مُقَرٌّ وَمَقَرٌّ لَهُ وَصِيعَةٌ وَمَقَرٌّ بِهِ. (وَالْمَقَرُّ بِهِ) مِنْ الْحُقُوقِ (ضَرْبَانِ) أَحَدُهُمَا : (حَقُّ اللَّهِ تَعَالَى) . وَهُوَ يَنْقَسِمُ إِلَىٰ مَا يَسْقُطُ بِالشَّبْهِهِ كَالزَّانِ وَشَرْبِ الخَمْرِ وَقَطْعِ السَّرِقَةِ وَعَلَيْهِ ائْتَصَرَ الْمُصَنِّفُ، وَإِلَىٰ مَا لَا يَسْقُطُ بِالشَّبْهِهِ كَالزَّكَاةِ وَالْكَفَّارَةِ. (وَ) الثَّانِي : (حَقُّ الْآدَمِيِّ) كَحَدِّ الْقَذْفِ لِشَخْصٍ.

وَيُسْتَنْتَنِي مِنْ رُجُوعِ الْمُعِيرِ مَا إِذَا أَعَارَ أَرْضًا لِدْفَنِ مَيِّتٍ مُحْتَرَمٍ، فَلَا يَرْجِعُ الْمُعِيرُ فِي مَوْضِعِهِ الَّذِي دُفِنَ فِيهِ. وَامْتَنَعَ أَيْضًا عَلَى الْمُسْتَعِيرِ رَدُّهَا، فَهِيَ لِأَزْمَةِ مَنْ جَهَّتْهُمَا حَتَّى يَنْدَرِسَ أَثَرُ الْمُدْفُونِ، إِلَّا عَجَبَ الذَّنْبِ، وَهُوَ مِثْلُ حَبَّةِ خَرْدَلٍ فِي طَرْفِ الْعُصْعُصِ لَا يَكَادُ يَتَحَقَّقُ بِالْمُشَاهَدَةِ مُحَافِظَةً عَلَى حُرْمَةِ الْمَيِّتِ. وَلَهُمَا الرَّجُوعُ قَبْلَ وَضْعِهِ فِي الْقَبْرِ لَا بَعْدَ وَضْعِهِ وَإِنْ لَمْ يُوَارَ بِالتُّرَابِ كَمَا رَجَحَهُ فِي الشَّرْحِ الصَّغِيرِ، خِلَافًا لِلْمُنَوَّلِيِّ.

1004. Dikecualikan dari rujuk pemberi pinjam itu keadaan apabila dia meminjamkan bumi untuk kebumi mayat yang dihormati, maka tidak boleh pemberi pinjam itu rujuk pada tempat yang ditanam ia padanya. Tertegah juga di atas peminjam memulangkannya. Maka ianya lazim dari pihak keduanya hingga pupus kesan yang ditanam itu melainkan 'ajbi zanab, iaitu yang seumpama biji sawi pada hujung tulang belakang hampir-hampir tidak dapat dipastikan dengan pandangan zahir kerana memelihara kehormatan mayat itu. Boleh kedua mereka rujuk sebelum meletakkannya didalam kubur tidak selepas meletakkannya sekalipun ia belum ditutupi tanah sepertimana ditarjihkan didalam Syarah Saghir, bersalahan Mutawalli.

وَذَكَرْتُ فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ وَغَيْرِهِ مَسَائِلَ كَثِيرَةً مُسْتَنْتَنَةٌ مِنَ الرَّجُوعِ فَلَا نُطِيلُ بِذِكْرِهَا، فَمَنْ أَرَادَهَا فَلْيُرَاجِعْهَا مِنْ تِلْكَ الْكُتُبِ. وَلَكِنْ الْهَمَمُ قَدْ قَصُرَتْ

1005. Sungguh telah aku sebutkan didalam Syarah Minhaj dan selainnya banyak masaalah yang dkecualikan dari rujuk itu maka kita tidak memanjang pada menyebutkannya. Maka siapa yang hendakkannya maka rujuklah dari kitab-kitab itu. Akan tetapi sungguhnya ceteklah himmah-himmah.

وَإِنْ أَعَارَ لِبِنَاءٍ أَوْ غَرَسَ وَلَوْ إِلَى مُدَّةٍ ثُمَّ رَجَعَ بَعْدَ أَنْ بَنَى الْمُسْتَعِيرُ أَوْ غَرَسَ، فَإِنْ شَرَطَ عَلَيْهِ قَلْعَ ذَلِكَ لَزِمَهُ قَلْعُهُ. فَإِنْ امْتَنَعَ قَلْعَهُ الْمُعِيرُ. وَإِنْ لَمْ يَشَرِّطْ عَلَيْهِ ذَلِكَ فَإِنْ اخْتَارَهُ الْمُسْتَعِيرُ قَلْعَ مَجَانًا وَلَزِمَهُ تَسْوِيَةُ الْأَرْضِ.

1006. Jika seorang meminjamkan tanah untuk peminjam membuat binaan atau menanam pokok walaupun hingga satu tempohan kemudian pemberi pinjam rujuk selepas peminjam itu membina atau menanam, maka jika dia syaratkan cabut demikian itu ke atas peminjam lazim dia mencabutnya. Maka jika dia enggan pemberi pinjam

mencabutnya. Jika dia tidak mensyaratkan demikian itu ke atasnya maka jika peminjam memilikinya dia mencabut dengan percuma dan lazim dia meratakan tanah.

وَإِنْ لَمْ يَخْتَرْ قَلْعَهُ خَيْرَ الْمُعِيرِ بَيْنَ ثَلَاثَةِ أُمُورٍ، وَهِيَ تَمَلُّكُهُ بَعْدَ بَقِيْمَةِ مُسْتَحَقِّ الْقَلْعِ حِينَ التَّمَلُّكِ، أَوْ قَلْعِهِ بِضَمَانِ أَرْضِ نَفْسِهِ، أَوْ تَبَقِيْتِهِ بِأَجْرَةٍ. فَإِنْ لَمْ يَخْتَرْ الْمُعِيرُ شَيْئًا تَرَكَا حَتَّى يَخْتَارَ أَحَدُهُمَا مَا لَهُ اخْتِيَارُهُ.

1007. Maka jika dia tidak memilih cabut pemberi pinjam diberi tiga pilihan, iaitu memilikinya dengan akad dengan nilai hal keadaan ia dihakkan cabut ketika dia memilikinya, atau mencabutnya dengan dhaman imbuh kurangnya, atau mengekalkannya dengan sewaan. Maka jika pemberi pinjam itu tidak memilih suatu dibiarkan kedua mereka hingga seorang dari mereka memilih apa yang dia berhak pilih.

وَلِكُلِّ مِنْهُمَا بَيْعٌ مَلِكِهِ مِمَّنْ شَاءَ. وَإِذَا رَجَعَ الْمُعِيرُ قَبْلَ إِدْرَاكِ زَرْعٍ لَمْ يُعْتَدَ قَلْعُهُ لِرَمِّهِ تَبَقِيْتَهُ إِلَى قَلْعِهِ. وَلَوْ عَيَّنَ مَدَّةً وَلَمْ يُدْرِكْ فِيهَا لِتَقْصِيرِ مَنْ الْمُسْتَعِيرِ قَلْعَهُ الْمُعِيرُ مَجَانًا كَمَا لَوْ حَمَلَ نَحْوَ سَيْلٍ كَهَوَاءٍ بَدْرًا إِلَى أَرْضِهِ فَتَبَّتْ فِيهَا فَإِنَّ لَهُ قَلْعَهُ مَجَانًا.

1008. Bagi setiap seorang dari mereka jual miliknya kepada orang yang dia hendak. Apabila pemberi pinjam rujuk sebelum dapat hasilan tanaman yang tidak diadatkan mencabutnya lazim dia mengekalkannya hingga peminjam mencabutnya. Kalau dia menentukan satu tempohan dan tidak didapati hasilan padanya kerana cuai dari peminjam pemberi pinjam mencabutnya dengan percuma sepertimana kalau umpama banjir seperti udara membawa benih kepada buminya maka ia tumbuh padanya maka boleh dia mencabutnya dengan percuma.

(وَهِيَ) أَيِ الْعَيْنِ الْمُسْتَعَارَةِ (مَضْمُونَةٌ عَلَى الْمُسْتَعِيرِ) إِذَا تَلَفَتْ بِغَيْرِ الْإِسْتِعْمَالِ الْمَأْدُونِ فِيهِ ، وَإِنْ لَمْ يُفْرِطْ كَتَلَفَهَا بِأَفْعٍ سَمَاوِيَّةٍ لَخَيْرٍ { عَلَى الْيَدِ مَا أَخَذَتْ حَتَّى تُؤَدِّيَهُ } . وَحِينَئِذٍ يَضْمَنُهَا (بِقِيْمَتِهَا) ، مُتَقَوِّمَةٌ كَانَتْ أَوْ مِثْلِيَّةً ، (يَوْمَ تَلَفَهَا) . هَذَا مَا جَزَمَ بِهِ فِي الْأَنْوَارِ وَأَفْتَضَاهُ كَلَامُ جَمْعٍ . وَقَالَ ابْنُ أَبِي عَصْرُونَ : يَضْمَنُ الْمِثْلِيَّ بِالْمِثْلِ . وَجَرَى عَلَيْهِ السُّبْكِيُّ . وَهَذَا هُوَ الْجَارِي عَلَى الْقَوَاعِدِ فَهُوَ الْمُعْتَمَدُ .

1009. (lanya) iaitu 'ain yang dipinjam (didhaman di atas peminjam) apabila ia binasa tanpa penggunaan yang diizinkan padanya sekalipun dia tidak melampau had seperti binasanya dengan malapetaka kerana khabar “di atas tangan apa yang ia ambil hingga ia tunaikan”. Ketika itu dia mendhamannya (dengan nilainya) yang diperharga barang itu atau yang seumpama (pada hari binasanya). Ini apa yang dijazamkan didalam al Anwar dan dituntut oleh kalam sekumpulan ulamak. Kata Ibnu Abi Ashrun : mendhaman yang jenis umpama dengan yang seumpama, dan berjalan di atasnya Subki. Ini adalah yang berjalan di atas kaedah-kaedah, maka ia yang muktamad.

وَلَوْ اسْتَعَارَ عَبْدًا عَلَيْهِ ثِيَابٌ لَمْ تَكُنْ مَضْمُونَةً عَلَيْهِ، لِأَنَّهُ لَمْ يَأْخُذْهَا لِإِسْتِعْمَالِهَا، بِخِلَافِ إِكَافِ الدَّابَّةِ قَالَهُ الْبُغْوِيُّ فِي فَتَاوِيهِ.

1010. Kalau dia meminjam hamba yang ada kain di atasnya tidak adalah kain itu didhamankan di atasnya kerana dia tidak mengambilnya untuk menggunakannya, bersalahan pelana dabbah. Mengatakannya Bughawi didalam fatwa-fatwanya.

تَنْبِيْهُ : يُسْتَنْبَى مِنْ ضَمَانِ الْعَارِيَّةِ مَسَائِلٍ مِنْهَا : جُلْدُ الْأُضْحِيَّةِ الْمُنْدُورَةِ، فَإِنَّ إِعَارَتَهُ جَائِزَةٌ وَلَا يَضْمَنُهُ الْمُسْتَعِيرُ إِذَا تَلَفَ فِي يَدِهِ. وَمِنْهَا الْمُسْتَعَارُ لِلرَّهْنِ إِذَا تَلَفَ فِي يَدِ الْمُرْتَهِنِ لَا ضَمَانَ عَلَيْهِ وَلَا عَلَى الْمُسْتَعِيرِ. وَمِنْهَا مَا لَوْ اسْتَعَارَ صَيْدًا مِنْ مَحْرَمٍ فَتَلَفَ فِي يَدِهِ لَمْ يَضْمَنْهُ فِي الْأَصَحِّ. وَمِنْهَا مَا لَوْ أَعَارَ الْإِمَامُ شَيْئًا مِنْ بَيْتِ الْمَالِ لِمَنْ لَهُ حَقٌّ فِيهِ فَتَلَفَ فِي يَدِ الْمُسْتَعِيرِ لَمْ يَضْمَنْهُ. وَمِنْهَا مَا لَوْ اسْتَعَارَ الْفَقِيْهُ كِتَابًا

مَوْفُوفًا عَلَى الْمُسْلِمِينَ، لِأَنَّهُ مِنْ جُمْلَةِ الْمَوْفُوفِ عَلَيْهِمْ. أَمَا مَا تَلَفَ بِالِاسْتِعْمَالِ الْمَادُونَ فِيهِ فَإِنَّهُ لَا يَضْمَنُهُ لِإِلَادِنِ فِيهِ.

1011. Tanbih. Dikecualikan dari dhaman pinjaman beberapa masalah. Daripadanya : kulit korban nazar maka pinjamannya harus dan peminjam tidak mendhamannya apabila ia binasa pada tangannya. Daripadanya barang pinjaman untuk gadaian apabila ia binasa pada tangan pemegang gadai tidak ada dhaman di atasnya dan tidak di atas peminjam. Daripadanya keadaan kalau dia meminjam haiwan buruan dari tanah haram maka ia binasa pada tangannya tidak dia mendhamannya pada yang paling sah. Daripadanya keadaan kalau imam meminjamkan suatu dari baitul mal kepada orang yang berhak kepadanya maka ia binasa pada tangan peminjam itu, tidak dia mendhamannya. Daripadanya keadaan kalau fakih meminjam kitab yang diwakafkan ke atas orang islam kerana ia dari jumlah barang yang diwakafkan ke atas mereka. Adapun apa yang binasa dengan penggunaan yang diizinkan padanya maka dia tidak mendhamannya kerana izin padanya.

تَتَمَّةٌ : لَوْ قَالَ مَنْ فِي يَدِهِ عَيْنٌ كَذَابَةٌ وَأَرْضٌ لِمَالِكِهَا : أَعْرَبْتَنِي ذَلِكَ، فَقَالَ لَهُ مَالِكُهَا : بَلْ أَجْرَتُكَ أَوْ غَصْبَتَنِي، وَمَضَتْ مُدَّةٌ لِمِثْلِهَا أُجْرَةٌ صَدَقَ الْمَالِكُ، كَمَا لَوْ أَكَلَ طَعَامَ غَيْرِهِ وَقَالَ : كُنْتُ أَبْحَثُهُ لِي، وَأَنْكَرَ الْمَالِكُ. أَمَا إِذَا لَمْ تَمُضْ مُدَّةٌ لِمِثْلِهَا أُجْرَةٌ وَالْعَيْنُ بَاقِيَةٌ فَيُصَدَّقُ مَنْ بِيَدِهِ الْعَيْنُ بِيَمِينِهِ فِي الْأُولَى. وَلَا مَعْنَى لِهَذَا الْإِخْتِلَافِ فِي الثَّانِيَةِ.

1012. Tatimmah. Kalau orang yang pada tangannya 'ain seperti dabbah dan tanah berkata kata kepada pemiliknya : kamu pinjamkan aku demikian itu! maka kata pemilik 'ain itu kepadanya : bahkan aku sewakan kepada kamu atau kamu rampas dari aku, dan telah berlalu satu tempoh yang sabit sewaan bagi seumpamanya dibenarkan pemilik itu, sepertimana kalau seorang memakan makanan orang lain dan berkata : kamu haruskannya bagi aku, dan pemilik ingkarkannya. Adapun apabila tidak berlalu tempoh yang sabit sewaan bagi yang seumpamanya dan 'ain itu masih kekal maka dibenarkan orang yang 'ain itu pada tangannya dengan sumpahnya pada masalah pertama. Tidak ada makna bagi khilaf ini pada yang kedua.

وَلَوْ ادَّعَى الْمَالِكُ الْإِعَارَةَ وَذُو الْيَدِ الْعُصْبَ فَلَا مَعْنَى لِلنِّزَاعِ فِيمَا إِذَا كَانَتْ الْعَيْنُ بَاقِيَةً وَلَمْ تَمُضْ مُدَّةٌ لَهَا أُجْرَةٌ. فَإِنْ مَضَتْ فَذُو الْيَدِ مُقَرَّرٌ بِالْأُجْرَةِ لِمُنْكَرِهَا.

1013. Kalau pemilik mendakwa pinjaman dan tuan tangan mendakwa rampasan maka tidak ada maka bagi perbalahan itu pada keadaan apabila 'ain itu kekal dan belum lalu tempoh yang ada sewaan baginya. Maka jika ia berlalu maka tuan tangan itu orang yang mengaku dengan sewaan bagi orang yang ingkarkannya.

وَلَوْ اخْتَلَفَ الْمُعِيرُ وَالْمُسْتَعِيرُ فِي رَدِّ الْعَارِيَةِ صَدَقَ الْمُعِيرُ بِيَمِينِهِ، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمَ الرَّدِّ . وَلَوْ اسْتَعْمَلَ الْمُسْتَعِيرُ الْعَارِيَةَ جَاهِلًا بِرُجُوعِ الْمُعِيرِ لَمْ تَلْزَمْهُ أُجْرَةٌ. فَإِنْ قِيلَ : الضَّمَانُ لَا فَرْقَ فِيهِ بَيْنَ الْجَهْلِ وَعَدَمِهِ أُجِيبَ بِأَنَّ ذَلِكَ عِنْدَ عَدَمِ تَسْلِيْطِ الْمَالِكِ وَهَذَا بِخِلَافِهِ. وَالْأَصْلُ بَقَاءُ السَّلْطَنَةِ ، وَبِأَنَّ الْمَالِكَ مُقَصِّرٌ بِتَرْكِ الْإِعْلَامِ.

1014. Kalau berselisih pemberi pinjam dan peminjam pada memulangkan barang pinjaman dibenarkan pemberi pinjam, kerana asalnya ia tidak dipulangkan. Kalau peminjam menggunakan barang pinjaman itu dalam keadaan jahil tentang rujuk pemberi pinjam tidak melaziminya sewaan. Maka jika dikatakan : dhaman itu tidak ada beza padanya di antara jahil dan tidak jahil! Aku jawab dengan bahawa itu di sisi tidak ada kuasa pemilik yang mana ia disini menyalahinya, dan asalnya kekal kuasanya, dan dengan bahawa pemilik itu cuai dengan tidak memaklumkan.

+فَصْلٌ : فِي الْغَضَبِ . وَهُوَ لُغَةٌ أَخَذَ الشَّيْءَ ظُلْمًا، وَقِيلَ أَخَذَهُ ظُلْمًا جَهَارًا، وَشَرَعًا اسْتِيْلَاءً عَلَى حَقِّ الْغَيْرِ بِلَا حَقِّ.

1015. Fasal pada rampasan. Ianya pada lughah : mengambil sesuatu di atas jalan zalim, dikatakan : mengambilnya di atas jalan zalim terang-terangan, dan pada syara' : menguasai hak orang lain tanpa hak.

وَالْأَصْلُ فِي تَحْرِيمِهِ قَبْلَ الْإِجْمَاعِ آيَاتٌ كَقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ } أَي لَا يَأْكُلُ بَعْضُكُمْ مَالَ بَعْضٍ بِالْبَاطِلِ، وَأَخْبَارٌ كَخَبَرِ : { إِنَّ دِمَاءَكُمْ وَأَمْوَالَكُمْ وَأَعْرَاضَكُمْ عَلَيْكُمْ حَرَامٌ } رَوَاهُ الشَّيْخَانُ.

1016. Asal pada pengharamannya sebelum ijmak beberapa ayat seperti firman Allah taala “dan jangan kamu makan harta-harta kamu dikalangan kamu dengan batil” iaitu janganlah sebahagian kamu makan akan harta sebahagian yang lain dengan batil, dan beberapa khabar seperti khabar “sungguhnya darah kamu dan harta kamu dan maruah kamu di atas kamu adalah haram”.

وَدَخَلَ فِي التَّعْرِيفِ الْمَذْكُورِ مَا لَوْ أَخَذَ مَالَ غَيْرِهِ يَظُنُّهُ مَالَهُ فَإِنَّهُ غَضِبَ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهِ إِثْمٌ. وَقَوْلُ الرَّافِعِيِّ : إِنَّ النَّابِتَ فِي هَذِهِ حُكْمُ الْغَضَبِ لَا حَقِيقَتُهُ مَمْنُوعٌ وَهُوَ نَاطِرٌ إِلَى أَنْ الْغَضَبُ يَقْتَضِي الْإِثْمَ مُطْلَقًا وَلَيْسَ مُرَادًا وَإِنْ كَانَ غَالِبًا، فَلَوْ رَكِبَ دَابَّةً لِغَيْرِهِ أَوْ جَلَسَ عَلَى فِرَاشِهِ فَعَاصَبَ، وَإِنْ لَمْ يَنْقُلْ ذَلِكَ وَلَمْ يَقْصِدِ الْإِسْتِيْلَاءَ.

1017. Masuk pada ta'rif yang disebutkan itu keadaan kalau dia mengambil harta orang lain yang dia sangkakan hartanya maka ianya rampasan sekalipun tidak ada dosa padanya. Kata Rafi'e: sesungguhnya yang sabit pada ini adalah hukum rampasan bukan hakikatnya” tertegah

(وَمَنْ غَضِبَ مَالًا) أَوْ غَيْرَهُ (لِأَحَدٍ) وَلَوْ ذِمِّيًّا وَكَانَ بَاقِيًّا (لِزِمِّهِ رَدُّهُ) عَلَى الْفُورِ عِنْدَ التَّمَكُّنِ وَإِنْ عَظُمَتِ الْمُؤْنَةُ فِي رَدِّهِ، وَلَوْ كَانَ غَيْرَ مَمْمُولٍ كَحَبَّةِ بَرٍّ أَوْ كَلْبٍ يَقْتَضِي لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { عَلَى الْيَدِ مَا أَخَذْتَ حَتَّى تُؤَدِّيَهُ }.

1018. (Siapa yang merampas harta) atau selainnya (bagi seorang) walaupun zimmi dan ianya masih kekal (lazim dia memulangkannya) dengan segera di sisi terbole, sekalipun besar belanja memulangkannya, walaupun ia tidak dibilang harta seperti sebutir gandum atau anjing yang boleh dipelihara, kerana sabda nabi s.a.w.m “di atas tangan itu apa yang ia ambil hingga ia menunaikannya”.

فَلَوْ لَقِيَ الْغَاصِبُ الْمَالِكَ بِمَفَازَةٍ وَالْمَغْصُوبُ مَعَهُ فَإِنْ اسْتَرَدَّهُ لَمْ يَكُفْ أَجْرَةَ النَّقْلِ. وَإِنْ اِمْتَنَعَ فَوَضَعَهُ بَيْنَ يَدَيْهِ بَرِيًّا إِنْ لَمْ يَكُنْ لِنَقْلِهِ مُؤْنَةٌ. وَلَوْ أَخَذَهُ الْمَالِكُ وَشَرَطَ عَلَى الْغَاصِبِ مُؤْنَةَ النَّقْلِ لَمْ يَجْزُ، لِأَنَّهُ يَنْقُلُ مَلِكٌ نَفْسَهُ. وَلَوْ رَدَّ الْغَاصِبُ الدَّابَّةَ لِاصْطَبْلِ الْمَالِكِ بَرِيًّا إِنْ عَلِمَ الْمَالِكُ بِهِ بِمُشَاهَدَةٍ أَوْ إِخْبَارِ ثِقَةٍ. وَلَا يَبْرَأُ قَبْلَ الْعِلْمِ.

1019. Maka kalau perampas itu bertemu si pemilik dipadang dan barang rampasan itu ada bersamanya maka jika pemilik itu meminta dia memulangkannya tidak diberati dia dengan upah memindahkannya. Maka jika pemilik itu enggan maka perampas itu meletakkannya dihadapannya bebaslah dia jika tidak ada belanja untuk memindahkannya. Kalau si pemilik mengambilnya dan mensyaratkan belanja pemindahan ke atas perampas tidak harus ia kerana dia memindahkan milik dirinya sendiri. Kalau si perampas memulangkan dabbah ke kandang pemilik bebaslah dia jika pemilik itu tahukannya dengan nampak atau dikhabarkan orang thiqah. Tidak dia bebas sebelum pemilik itu tahu.

وَلَوْ غَصَبَ مِنَ الْمُودَعِ أَوْ الْمُسْتَأْجِرِ أَوْ الْمُرْتَهَنِ بَرِيءٌ بِالرَّدِّ إِلَى كُلِّ مَنْ أَخَذَ مِنْهُ لَا إِلَى الْمُلتَقَطِ، لِأَنَّهُ غَيْرُ مَادُونٍ لَهُ مِنْ جِهَةِ الْمَالِكِ. وَفِي الْمُسْتَعِيرِ وَالْمُسْتَأْمِ وَجِهَانِ. أَوْجُهُمَا أَنَّهُ يَبْرَأُ، لِأَنَّهُمَا مَادُونٌ لَهُمَا مِنْ جِهَةِ الْمَالِكِ لِكُنْهُمَا ضَامِنَانِ.

1020. Kalau dia merampas dari orang yang menyimpan taruh atau penyewa atau pemegang gadai bebaslah dia dengan memulangkan kepada orang yang dia ambil darinya, tidak kepada orang yang memungut. Pada orang yang meminjam dan orang yang membuat tawar menawar ada dua wajah. Yang paling ada wajah dari keduanya bahawa dia bebas kerana keduanya diizinkan dari pihak pemilik akan tetapi mereka menjamin.

تَنْبِيْهٌ : قَضِيَّةٌ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ أَنَّهُ لَا يَجِبُ عَلَى الْغَاصِبِ مَعَ رَدِّ الْعَيْنِ الْمَغْصُوبَةِ بِحَالِهَا شَيْءٌ. وَيُسْتَنْتَنَى مَسْأَلَةٌ يَجِبُ فِيهَا مَعَ الرَّدِّ الْقِيَمَةُ، وَهِيَ مَا لَوْ غَصَبَ أَمَةٌ فَحَمَلَتْ بِحَرْ فِي يَدِهِ ثُمَّ رَدَّهَا لِمَالِكِهَا فَإِنَّهُ يَجِبُ عَلَيْهِ قِيَمَتُهَا لِلْحَيْلُولَةِ، لِأَنَّ الْحَامِلَ بِحَرْ لَا تَبَاعُ ذَكَرَهُ الْمُحِبُّ الطَّبْرِيُّ. قَالَ : وَعَلَى الْغَاصِبِ التَّغْزِيرُ لِحَقِّ اللَّهِ تَعَالَى وَاسْتِيفَاؤُهُ لِلْإِمَامِ. وَلَا يَسْقُطُ بِإِبْرَاءِ الْمَالِكِ.

1021. Tanbih. Kehendak kalam musannif bahawa tidak wajib di atas perampas sesuatu beserta memulangkan 'ain rampasan itu dengan keadaannya. Dikecualikan satu masaalah, wajib padanya serta memulangkannya oleh nilainya, iaitu keadaan kalau dia merampas amah maka amah itu bunting dengan lelaki merdeka pada tangannya, kemudian dia memulangkannya kepada pemiliknya, maka wajib di atasnya nilai amah itu kerana halangan, kerana amah yang hamil dengan merdeka tidak boleh dijual. Menyebutkannya Muhibbu Thabari. Katanya : di atas perampas ituu ta'zir kerana hak Allah taala, dan imam menyempurnakannya. Tidak gugur ia dengan ibra' pemilik.

وَيُسْتَنْتَنَى مِنْ وَجُوبِ الرَّدِّ عَلَى الْفَوْرِ مَسْأَلَتَانِ. الْأُولَى مَا لَوْ غَصَبَ لَوْحًا وَأَدْرَجَهُ فِي سَفِينَةٍ وَكَانَتْ فِي لُجَّةٍ، وَخِيفَ مِنْ نَزْعِهِ هَلَاكَ مُحْتَرَمٍ فِي السَفِينَةِ وَلَوْ لِلْغَاصِبِ عَلَى الْأَصْحِ، فَلَا يُنَزَعُ فِي هَذِهِ الْحَالَةِ. الثَّانِيَةُ : تَأْخِيرُهُ لِلْإِشْهَادِ وَإِنْ طَالَبَهُ الْمَالِكُ. فَإِنْ قِيلَ : هَذَا مُشْكَلٌ لِاسْتِمْرَارِ الْعَصَبِ. أَجِيبُ بِأَنَّهُ زَمَنٌ يَسِيرٌ أَعْتَقَرُ لِلضَّرُورَةِ، لِأَنَّ الْمَالِكَ قَدْ يُنْكَرُهُ وَهُوَ لَا يَقْبَلُ قَوْلَهُ فِي الرَّدِّ.

1022. Dikecualikan dari wajib memulangkan dengan segera itu dua masaalah. Pertamanya : keadaan kalau dia merampas sekeping papan dan memasangnya pada kapal dan adalah ia dilautan yang gelora dan ditakuti dari mencabutnya binasa apa yang dihormati didalam kapal itu walaupun ia milik si perampas itu, di atas yang paling sah, mak tidak dicabut ia pada keadaan ini. Keduanya : mentakhirkannya untuk mengadakan saksi sekalipun pemilik menuntutnya. Maka jika dikatakan : ini musykil kerana berterusan rampasan itu! Aku jawab dengan bahawa ia masa yang singkat yang dimaafkan kerana dharurat kerana pemilik terkadang ingkarkannya dan dia tidak menerima katanya pada pemulangan harta itu.

(وَ) لَزِمَهُ مَعَ رَدِّهِ (أَرَشَ نَقْصِهِ) أَي نَقْصُ عَيْنِهِ كَقَطْعِ يَدِهِ أَوْ صِفْتِهِ كِنَسْيَانِ صَنْعَةٍ لَا نَقْصُ قِيَمَتِهِ ، (وَ) لَزِمَهُ مَعَ الرَّدِّ وَالْأَرْضِ (أَجْرَةٌ مِثْلُهُ) لِمُدَّةِ إِقَامَتِهِ فِي يَدِهِ وَلَوْ لَمْ يَسْتَوْفِ الْمُنْفَعَةَ. وَلَوْ تَفَاوُتَتِ الْأَجْرَةُ فِي الْمُدَّةِ ضَمِنَ فِي كُلِّ بَعْضٍ مِنْ أَبْعَاضِ الْمُدَّةِ أَجْرَةٌ مِثْلُهُ فِيهِ.

1023. Melazimi perampas beserta memulangkan harta rampasa itu (**imbuh kurangnya**) iaitu kurang 'ainnya seperti putus tangannya, atau sifatnya seperti lupa pertukangan, tidak kurang nilainya, (**dan**) melaziminya serta memulangkan dan imbuh itu (**sewaan seumpamanya**) bagi tempoh harta rampasan itu berada pada tangannya sekalipun dia tidak menyempurnakan manfaatnya. Kalau sewaan tidak sama

didalam tempoh itu dia mendhaman pada setiap juzuk daripada juzuk-juzuk tempoh itu akan sewaan seumpamanya padanya.

وَإِذَا وَجِبَتْ أُجْرَتُهُ فَدَخَلَهُ نَقْصٌ فَإِنْ كَانَ بِسَبَبِ الْإِسْتِعْمَالِ كُنُبِ الثُّوبِ وَجِبَ مَعَ الْأُجْرَةِ أَرْضُهُ عَلَى الْأَصْحَ، وَإِنْ كَانَ بِسَبَبِ غَيْرِ الْإِسْتِعْمَالِ كَانَ عَصَبٌ عَبْدًا فَانْقَصَتْ قِيمَتُهُ بِأَفَةِ سَمَاوِيَّةٍ كَسَقُوطِ عَضْوٍ بِمَرَضٍ وَجِبَ مَعَ الْأُجْرَةِ الْأَرْضُ أَيْضًا ثُمَّ الْأُجْرَةُ حِينَئِذٍ لِمَا قَبْلَ حَدُوثِ النَّقْصِ أُجْرَةٌ مِثْلَهُ سَلِيمًا وَلِمَا بَعْدَهُ أُجْرَةٌ مِثْلَهُ مَعِيًّا. وَإِطْلَاقُ الْمُصْنَفِ شَامِلٌ لِذَلِكَ كُلِّهِ

1024. Apabila sewaan itu wajib kemudian masuk padanya kekurangan maka jika ianya dengan sebab penggunaan seperti pakai kain wajib serta sewaan itu oleh imbuhnya di atas yang sah, jika ianya dengan sebab selain penggunaan seperti bahawa dia merampas hamba maka kurang niainya dengan malapetaka seperti gugur anggotanya dengan sebab sakit wajib serta sewaan itu oleh imbuh juga, kemudian ketika itu sewaan itu bagi apa yang sebelum terjadi kurang sewaan seumpamanya dalam keadaan dia tidak 'aib dan bagi apa yang selepasnya dalam keadaan dia 'aib. Itlak musannif meliputi demikian itu semuanya.

(فَإِنْ تَلَفَ) الْمُعْصُوبُ الْمُتَمَوَّلُ عِنْدَ الْغَاصِبِ بِأَفَةِ أَوْ إِتْلَافٍ كُلِّهِ أَوْ بَعْضِهِ (ضَمْنَهُ) الْغَاصِبُ بِالْإِجْمَاعِ. أَمَّا غَيْرُ الْمُتَمَوَّلِ كَحَبَّةِ بَرٍّ وَكَلْبٍ يُقْتَنَى وَرَبْلٍ وَحَشْرَاتٍ وَنَحْوِ ذَلِكَ فَلَا يَضْمَنُهُ. وَلَوْ كَانَ مُسْتَحِقُّ الرِّبْلِ قَدْ غَرِمَ عَلَى نَفْلِهِ أُجْرَةً لَمْ يُوجِبْهَا عَلَى الْغَاصِبِ.

1025. (Maka jika binasa) barang rampasan yang dibilang harta di sisi perampas dengan malapetaka atau dibinasakan, semuanya atau sebahagiannya, perampas itu (mendhamannya) dengan ijmak. Adapun yang tidak dibilang harta seperti sebutir gandum dan anjing yang dibela dan najis haiwan dan serangga dan umpama demikian itu maka dia tidak mendhamannya. Kalau orang yang berhak kepada najis haiwan telah membayar upah di atas memindahkannya tidak ia mewajibkannya ke atas si perampas.

وَيُسْتَتْنَى مِنْ ضَمَانِ الْمُتَمَوَّلِ إِذَا تَلَفَ مَسَائِلُ : مِنْهَا مَا لَوْ عَصَبَ الْحَرْبِيِّ مَالٍ مُسْلِمٍ أَوْ دِمِّيٍّ ثُمَّ أَسْلَمَ أَوْ عَقِدَتْ لَهُ دِمَّةٌ بَعْدَ التَّلَفِ فَإِنَّهُ لَا ضَمَانَ . وَلَوْ كَانَ بَاقِيًا وَجِبَ رَدُّهُ . وَمِنْهَا : مَا لَوْ عَصَبَ عَبْدًا وَجِبَ قَتْلُهُ لِحَقِّ اللَّهِ تَعَالَى بِرَدِّهِ أَوْ نَحْوَهَا فَقَتْلُهُ فَلَا ضَمَانَ عَلَى الْأَصْحَ . وَمِنْهَا : مَا لَوْ قَتَلَ الْمُعْصُوبُ فِي يَدِ الْغَاصِبِ وَاقْتَصَّ الْمَالِكُ مِنَ الْقَاتِلِ فَإِنَّهُ لَا شَيْءَ عَلَى الْغَاصِبِ ، لِأَنَّ الْمَالِكَ أَخَذَ بَدْلَهُ . قَالَهُ فِي الْبَحْرِ .

1026. Dikecualikan beberapa masaalah dari dhaman barang yang dibilang harta apabila ia binasa. Daripadanya keadaan kalau harbi merampas harta orang islam atau zimmi kemudian dia islam atau diakadkan zimmah baginya selepas binasanya maka tidak ada dhaman. Kalau ianya kekal wajib memulangkannya. Daripadanya keadaan kalau dia merampas hamba yang wajib dibunuh kerana hak Allah taala dengan sebab riddah atau umpamanya maka dia membunuhnya maka tidak ada dhaman, di atas yang paling sah. Daripadanya keadaan kalau dibunuh hamba rampasan pada tangan perampas dan pemilik mengambil qisas dari pembunuhnya maka tidak ada suatu di atas perampas, kerana pemilik telah mengambil gantinya. Mengatakannya didalam al Bahr.

تَنْبِيْهٌ : قَوْلُ الْمُصْنَفِ " تَلَفَ " لَا يَتَنَاوَلُ مَا إِذَا أَتْلَفَهُ هُوَ أَوْ أَجْنَبِيٍّ لَكِنَّهُ مَأْخُودٌ مِنْ بَابِ أَوْلَى، وَلِذَا قُلْتُ أَوْ إِتْلَافٌ لَكِنَّهُ لَوْ أَتْلَفَهُ الْمَالِكُ فِي يَدِ الْغَاصِبِ أَوْ أَتْلَفَهُ مَنْ لَا يَعْقِلُ أَوْ مَنْ يَرَى طَاعَةَ الْأَمْرِ بِأَمْرِ الْمَالِكِ بَرِيٍّ مِنَ الضَّمَانِ.

1027. Tanbih. Kata musannif "telah binasa" tidak mencakup keadaan apabila dia atau seorang ajnabi membinasakannya, akan tetapi ia difaham dari bab utama. Kerana ini aku katakan "atau dibinasakan" akan tetapi kalau pemiliknya membinasakannya hal

keadaan ia pada tangan perampas atau membinasakannya orang yang tidak berakal atau orang yang berpendapat wajib taat perintah dengan perintah si pemilik itu bebaslah dia dari dhaman.

نَعَمْ لَوْ صَالَ الْمَغْصُوبُ عَلَى الْمَالِكِ فَقَتَلَهُ دَفْعًا لِصِيَالِهِ لَمْ يَبْرَأِ الْغَاصِبُ سِوَاءَ أَعْلَمَ أَنَّهُ عَبْدُهُ أَمْ لَا، لِأَنَّ الْإِتْلَافَ بِهَذِهِ الْجِهَةِ كَتَلَفِ الْعَبْدِ نَفْسِهِ، وَخَرَجَ بِقَوْلِنَا عِنْدَ الْغَاصِبِ مَا لَوْ تَلَفَ بَعْدَ الرَّدِّ فَإِنَّهُ لَا ضَمَانَ،

1028. Na'am, kalau yang dirampas menerkam pemilik maka dia membunuhnya kerana menolak terkamannya itu tidak lepas si perampas, samaada pemilik itu tahu bahawa dia hambanya atau tidak, kerana pembinasaan dengan pihak ini sama seperti hamba itu membinasakan dirinya sendiri. Keluar dengan kata kita "di sisi perampas" oleh keadaan kalau dia binasa selepas riddah maka tidak ada dhaman.

وَاسْتُنْتَبَى مِنْ ذَلِكَ مَا لَوْ رَدَّهُ عَلَى الْمَالِكِ بِإِجَارَةٍ أَوْ رَهْنٍ أَوْ وَدِيعَةٍ وَلَمْ يَعْلَمْ الْمَالِكُ فَتَلَفَ عِنْدَ الْمَالِكِ، فَإِنَّ ضَمَانَهُ عَلَى الْغَاصِبِ، وَمَا لَوْ قُتِلَ بَعْدَ رُجُوعِهِ إِلَى الْمَالِكِ بِرَدِّهِ أَوْ جُنَايَةٍ فِي يَدِ الْغَاصِبِ فَإِنَّهُ يَضْمَنُهُ.

1029. Dikecualikan dari demikian itu keadaan kalau dia memulangkannya ke atas pemilik dengan sewaan atau gadaian atau wadhiah, dan pemilik itu tidak tahu maka ia binasa di sisi pemilik itu, maka dhamannya di atas perampas, dan keadaan kalau dia dibunuh selepas kembalinya kepada pemilik dengan sebab riddah atau jenayah pada tangan perampas, maka dia mendhamannya.

وَيُضْمَنُ مَغْصُوبٌ تَلَفَ (بِمِثْلِهِ إِنْ كَانَ لَهُ مِثْلٌ) مَوْجُودًا. وَالْمِثْلِيُّ مَا حَصَرَهُ كَيْلٌ أَوْ وَزْنٌ وَجَارَ السَّلْمُ فِيهِ كَمَا وَلَوْ أَعْلَى وَتُرَابٌ وَنَحَاسٌ وَمِسْكٌ وَقُطْنٌ وَإِنْ لَمْ يُنْزَعْ حَبُّهُ وَدَقِيقٌ وَنُخَالَةٌ كَمَا قَالَهُ ابْنُ الصَّلَاحِ، وَإِنَّمَا ضَمِنَ بِمِثْلِهِ لِأَيَّةٍ: {فَمَنْ اعْتَدَى عَلَيْكُمْ}، وَلِأَنَّهُ أَقْرَبُ إِلَى التَّالِفِ وَمَا عَدَا ذَلِكَ مُتَقَوِّمٌ، وَسَيَأْتِي كَالْمَذْرُوعِ وَالْمَعْدُودِ وَمَا لَا يَجُوزُ السَّلْمُ فِيهِ كَمَعْجُونٍ وَغَالِيَةٍ وَمَعِيبٍ،

1030. Didhaman barang rampasan yang binasa (dengan yang seumpamanya jika ia punya umpama) yang ujud. Yang jenis umpama itu apa yang dihad oleh sukat atau timbang dan harus salam padanya seperti air walaupun digelegakkan, dan tanah dan tembaga dan kasturi dan kapas sekalipun belum dibuangkan bijinya, dan tepung dan antah suatu yang diayak sepertimana kata Ibnu Sholah. Dia mendhamannya dengan seumpamanya hanya kerana ayat "maka siapa yang melampau di atas kamu. . ." dan kerana ia lebih dekat dengan yang binasa. Apa yang selain demikian itu barang yang diperharga. Akan datang ia, seperti yang dihasta dan dibilang dan apa yang tidak harus salam padanya seperti makjun dan ghaliyah⁷⁵ dan barang yang 'aib.

وَأُورِدَ عَلَى التَّعْرِيفِ الْبُرِّ الْمُخْتَلِطُ بِالشَّعِيرِ فَإِنَّهُ لَا يَجُوزُ السَّلْمُ فِيهِ مَعَ أَنَّ الْوَاجِبَ فِيهِ الْمِثْلُ، لِأَنَّهُ أَقْرَبُ إِلَى التَّالِفِ! فَيُخْرَجُ الْقَدْرُ الْمُحَقَّقُ مِنْهُمَا. وَأَجِيبُ بِأَنَّ إِجَابَ رَدِّ مِثْلِهِ لَا يَسْتَلْزِمُ كَوْنَهُ مِثْلِيًّا كَمَا فِي إِجَابِ رَدِّ مِثْلِ الْمُتَقَوِّمِ فِي الْقَرْضِ، وَبِأَنَّ امْتِنَاعَ السَّلْمِ فِي جُمْلَتِهِ لَا يُوجِبُ امْتِنَاعَهُ فِي جُزْأَيْهِ الْبَاقِيَيْنِ بِحَالِهِمَا، وَرَدُّ الْمِثْلِ إِنَّمَا هُوَ بِالنَّظْرِ إِلَيْهِمَا وَالسَّلْمُ فِيهِمَا جَائِزٌ.

1031. Didatangkan ke atas ta'rif itu akan gandum yang dicampurkan dengan syai'er maka tidak harus salam padanya serta bahawa yang wajib padanya adalah yang seumpamanya kerana dia lebih dekat kepada yang binasa maka, maka dikeluarkan kadar yang pasti daripada keduanya! Aku jawab dengan bahawa mewajibkan pemulangan seumpamanya tidak melazimi keadaannya jenis umpama sepertimana pada mewajibkan pemulangan yang seumpama barang yang diperharga pada hutang, dan dengan bahawa tertegah salam pada keseluruhannya tidak mewajibkan

⁷⁵. sejenis wangian.

tertegangnya pada dua juzuknya yang masih kekal dengan keadaan keduanya, dan pemulangan yang seumpama hanyalah dengan tilikkan kepada keduanya yang mana salam pada keduanya adalah harus.

وَيَضْمَنُ الْمُثْلِيَّ بِمِثْلِهِ فِي أَيِّ مَكَانٍ حَلَّ بِهِ . وَإِنَّمَا يَضْمَنُ الْمُثْلِيَّ بِمِثْلِهِ إِذَا بَقِيَ لَهُ قِيَمَةٌ، فَلَوْ أَتَلَفَ مَاءٌ بِمَفَازَةٍ مِثْلًا ثُمَّ اجْتَمَعَا عِنْدَ نَهْرٍ وَجِبَتْ قِيَمَتُهُ بِالْمَفَازَةِ . وَلَوْ صَارَ الْمُثْلِيُّ مُتَقَوِّمًا أَوْ مِثْلِيًّا أَوْ الْمُتَقَوِّمُ مِثْلِيًّا كَجَعَلَ الدَّقِيقُ خُبْرًا أَوْ السَّمْسِمِ شِيرَجًا أَوْ الشَّاةَ لَحْمًا ثُمَّ تَلَفَ ضَمِنَهُ بِمِثْلِهِ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ الْآخِرُ أَكْثَرَ قِيَمَةً فَيَضْمَنُ بِهِ فِي الثَّانِي وَبِقِيَمَتِهِ فِي الْآخَرَيْنِ . وَالْمَالِكُ فِي الثَّانِي مُخَيَّرٌ بَيْنَ الْمُثْلَيْنِ . أَمَا لَوْ صَارَ الْمُتَقَوِّمُ مُتَقَوِّمًا كَانَاءً نَحَاسَ صَبِغَ مِنْهُ حُلِيٌّ فَيَجِبُ فِيهِ أَقْصَى الْقِيَمِ كَمَا يُؤْخَذُ مِمَّا مَرَّ .

1032. Dia mendhaman yang jenis umpama dengan yang seumpamanya pada mana-mana tempat ia jatuh padanya. Hanyalah dia mendhaman yang jenis umpama dengan seumpamanya apabila kekal nilai baginya, maka kalau dia membinasakan air dipadang sebagai contoh kemudian kedua mereka berhimpun di sisi sungai wajib nilainya pada padang. Kalau barang yang jenis umpama menjadi barang yang diperharga atau menjadi jenis umpama yang lain, atau barang yang diperharga menjadi barang yang jenis umpama seperti tepung menjadi roti atau bijan menjadi minyak atau kambing menjadi daging kemudian ia binasa dia mendhamannya dengan yang seumpamanya melainkan bahawa yang satu lagi lebih tinggi nilainya maka dia mendhaman dengannya pada yang kedua dan dengan nilainya pada dua yang lain. Pemilik diberi pilih di antara dua yang jenis seumpama pada yang kedua. Adapun kalau barang yang diperharga menjadi barang diperharga seperti bejana tembaga ditempa perhiasan darinya maka wajib padanya oleh nilai yang tertinggi sepertimana difaham dari apa yang telah lalu.

وَوَجَرَ بِقَيْدِ الْوُجُودِ مَا إِذَا فَقَدَ الْمُثْلُ حِسًّا أَوْ شَرَعًا كَانَ لَمْ يُوجَدَ بِمَكَانِ الْعَصَبِ وَلَا حَوَالِيهِ أَوْ وَجَدَ بِأَكْثَرِ مِنْ ثَمَنِ مِثْلِهِ فَيَضْمَنُ بِأَقْصَى قِيَمِ الْمَكَانِ الَّذِي حَلَّ بِهِ الْمُثْلِيُّ مِنْ حِينِ عَصَبِ إِلَى حِينِ فَقْدِ الْمُثْلِيِّ، لِأَنَّ وُجُودَ الْمُثْلِ كِبَقَاءِ الْعَيْنِ فِي وُجُوبِ تَسْلِيمِهِ فَيَلْزَمُهُ ذَلِكَ كَمَا فِي الْمُتَقَوِّمِ . وَلَا نَظَرَ إِلَى مَا بَعْدَ الْفَقْدِ كَمَا لَا نَظَرَ إِلَى مَا بَعْدَ تَلَفِ الْمُتَقَوِّمِ . وَصُورَةُ الْمَسْأَلَةِ إِذَا لَمْ يَكُنْ الْمُثْلُ مَفْقُودًا عِنْدَ التَّلَفِ كَمَا صَوَّرَهُ الْمُحَرَّرُ، وَالْأَكْثَرُ مِنَ الْعَصَبِ إِلَى التَّلَفِ .

1033. Keluar dengan kait “yang ujud” keadaan apabila tidak kedapatan seumpamanya pada hissi atau syara’ seperti bahawa ia tidak ditemui pada tempat rampasan dan tidak sekitarnya atau didapati dengan lebih dari harga seumpama maka dia mendhaman dengan setinggi-tinggi harga tempat yang jatuh yang seumpama itu padanya, mula dari ketika rampas hingga ketika luput yang seumpama itu kerana ujud yang seumpamanya seperti kekal ‘ainnya pada wajib menyerahkannya, maka demikian itu melaziminya sepertimana pada benda yang diperharga. Tidak ada tilikkan kepada apa yang selepas luputnya sepertimana tidak ada tilikkan kepada apa yang selepas binasa barang yang diperharga itu. Rupa masaalah ini apabila yang seumpama itu tidak luput di sisi binasa harta rampasan sepertimana yang digambarkan oleh Muharrar. Jika tidak, dia mendhaman yang paling banyak mula dari rampas hingga binasanya.

(أَوْ) يَضْمَنُ الْمَغْضُوبَ (بِقِيَمَتِهِ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُ مِثْلٌ) بِأَنْ كَانَ مُتَقَوِّمًا فَيَلْزَمُهُ قِيَمَتُهُ إِنْ تَلَفَ بِاتِّلَافٍ أَوْ بِدُونِهِ، حَيَوَانًا كَانَ أَوْ غَيْرَهُ وَلَوْ مَكَاتِبًا وَمُسْتَوْلَدَةً (أَكْثَرَ مَا كَانَتْ مِنْ يَوْمٍ) (أَيَّ حِينٍ) (الْعَصَبِ إِلَى يَوْمٍ) (أَيَّ حِينٍ) (التَّلَفِ) وَإِنْ زَادَ عَلَى دِيَةِ الْحَرِّ لِتَوَجُّهِ الرَّدِّ عَلَيْهِ حَالَ الزِّيَادَةِ فَيَضْمَنُ الرَّائِدَ . وَالْعَبْرَةُ فِي ذَلِكَ بِنَقْدِ مَكَانِ التَّلَفِ إِنْ لَمْ يَنْقَلَهُ . وَإِلَّا فَيَتَّجُهُ كَمَا فِي الْكِفَايَةِ اعْتِبَارُ نَقْدِ أَكْثَرِ الْأَمْكِنَةِ .

1034. (atau) dia mendhaman barang yang dirampas (dengan nilainya jika ia tidak punya umpama) dengan bahawa ia barang yang diperharga, maka melazimi dia nilainya jika ia binasa dengan dibinasakan atau dengan selainnya, haiwan adalah ia atau selainnya walaupun mukatab dan mustauladah (akan yang paling tinggi nilai yang didapati mula dari hari) iaitu ketila (rampas hingga kehari) iaitu ketika (binasa) sekalipun ia lebih di atas diat orang merdeka kerana pemulangan itu mengadap ke atasnya ketika lebihnya maka dia mendhaman yang lebih itu. Perkiraan pada demikian itu dengan duit tempat binasa jika dia tidak memindahkannya. Jika tidak, maka ada wajah sepertimana didalam al Kifayah mengiktibarkan duit yang paling tinggi pada tempat-tempat itu.

وَتُضْمَنُ أَبْعَاضُهُ بِمَا نَقَصَ مِنَ الْأَقْصَى إِلَّا إِنْ أُتْلِفَتْ بِأَنْ أُتْلِفَهَا الْغَاصِبُ أَوْ غَيْرُهُ مِنْ رَفِيقٍ، وَلَهَا أَرْضٌ مُقَدَّرٌ مِنْ حَرِّ كَيْدٍ وَرَجُلٍ. فَيُضْمَنُ بِأَكْثَرِ الْأَمْرَيْنِ مِمَّا نَقَصَ وَنِصْفَ قِيَمَتِهِ لِاجْتِمَاعِ الشَّبْهِينِ. فَلَوْ نَقَصَ بِقَطْعِهَا ثَلَاثًا قِيَمَتِهِ لَزِمَاهُ النَّصْفُ بِالْقَطْعِ وَالسُّدُسُ بِالْغَصْبِ. نَعَمْ إِنْ قَطَعَهَا الْمَالِكُ ضَمِنَ الْغَاصِبُ الزَّائِدَ عَلَى النِّصْفِ فَقَطُّ. وَزَوَائِدُ الْمَغْضُوبِ الْمُتَّصِلَةِ كَالسِّمَنِ وَالْمُنْفَصِلَةِ كَالْوَالِدِ مَضْمُونَةٌ عَلَى الْغَاصِبِ كَالْأَصْلِ وَإِنْ لَمْ يَطْلُبْهَا الْمَالِكُ بِالرَّدِّ.

1035. Didaman jujuk-jujuk harta rampasan dengan apa yang kurang dari setinggi-tinggi nilainya, melainkan jika ia dibinasakan dengan bahawa perampas atau orang lain membinasakannya dari hamba yang dirampas dan ada baginya imbuhan yang dikadarkan daripada orang merdeka seperti tangan dan kaki, maka didhaman ia dengan yang paling tinggi daripada dua perkara, daripada apa yang kurang dan setengah nilainya, kerana berhimpun dua yang sama. Maka kalau kurang dua pertiga nilainya dengan sebab dipotong jujuknya melazimi perampas itu setengah dengan sebab potong dan satu perenam dengan sebab rampasan. Na'am, jika pemilik memotongnya perampas mendhaman apa yang lebih di atas setengah sahaja. Tambahan-tambahan nilai barang rampasan yang berhubung seperti gemuk dan yang tercerai seperti anak didhaman di atas perampas, sama seperti asalnya, sekalipun pemilik tidak menuntut dipulangkan.

وَيُضْمَنُ مُتَقَوِّمٌ أُتْلِفَ بِلَا غَصْبٍ بِقِيَمَتِهِ وَقَتَّ تَلْفٌ، لِأَنَّهُ بَعْدَهُ مَعْدُومٌ. وَضَمَانُ الزَّائِدِ فِي الْمَغْضُوبِ إِنَّمَا كَانَ بِالْغَصْبِ وَلَمْ يَوْجَدْ هُنَا. وَلَوْ أُتْلِفَ عَبْدًا مُغْنِيًا لَزِمَهُ تَمَامُ قِيَمَتِهِ أَوْ أَمَةٌ مُغْنِيَةٌ لَمْ يَلْزِمَهُ مَا زَادَ عَلَى قِيَمَتِهَا بِسَبَبِ الْغِنَاءِ عَلَى النَّصِّ الْمُخْتَارِ فِي الرُّوْضَةِ، لِأَنَّ اسْتِمَاعَهُ مِنْهَا مُحَرَّمٌ عِنْدَ حَوْفِ الْفِتْنَةِ. وَقَضِيَّتُهُ أَنَّ الْعَبْدَ الْأَمْرَدَ الْحَسَنَ كَذَلِكَ. فَإِنْ تَلَفَ بِسِرَايَةٍ جِنَايَةٍ ضَمِنَ بِالْأَقْصَى مِنَ الْجِنَايَةِ إِلَى التَّلْفِ، لِأَنَّا إِذَا اعْتَبَرْنَا الْأَقْصَى فِي الْغَصْبِ فِي نَفْسِ الْإِتْلَافِ أَوْلَى.

1036. Didhaman barang yang diperharga yang dibinasakan tanpa rampasan dengan nilainya pada waktu binasa kerana ia selepasnya dikira tidak ujud. Dhaman apa yang lebih pada barang rampasan hanyalah dengan sebab rampas yang mana ia tidak didapati disini. Kalau dia membinasakan hamba yang pandai menyanyi melaziminya nilainya yang sempurna, atau amah yang pandai menyanyi tidak melaziminya apa yang lebih di atas nilainya dengan sebab nyanyian itu di atas nas yang dipilih didalam Raudhah, kerana mendengar nyanyian darinya haram di sisi takutkan fitnah. Kehendaknya bahawa hamba yang remaja yang kacak seperti itu. Maka jika ia binasa dengan melarat jenayah dia mendhamaan dengan yang paling tinggi mula dari jenayah hingga binasanya, kerana kita apabila mengiktibarkan yang paling tinggi pada rampasan maka pada diri peminasaan terutama.

تَمَّتْ : لَوْ وَقَعَ فَصِيلٌ فِي بَيْتٍ أَوْ دِينَارٌ فِي مَحْبَرَةٍ، وَلَمْ يَخْرُجِ الْأَوَّلُ إِلَّا بِهِدْمِ الْبَيْتِ وَالثَّانِي إِلَّا بِكَسْرِ الْمَحْبَرَةِ فَإِنْ كَانَ الْوُقُوعُ بِتَفْرِيطِ صَاحِبِ الْبَيْتِ وَالْمَحْبَرَةِ فَلَا غَرَمَ عَلَى مَالِكِ الْفَصِيلِ وَالْدِينَارِ وَالْأَغْرَمِ الْأَرَشِ، فَإِنْ كَانَ الْوُقُوعُ بِتَفْرِيطِهِمَا فَالْوَجْهُ كَمَا قَالَهُ الْمَاوَرِدِيُّ أَنَّهُ إِنَّمَا يَغْرَمُ النَّصْفَ لِاشْتِرَاكِهِمَا فِي التَّفْرِيطِ كَالْمُتَّصَادِمِينَ.

1037. Tatimmah. Kalau jatuh anak unta kedalam sebuah rumah atau dinar kedalam tempat dakwat dan tidak boleh dikeluarkan yang pertama itu melainkan dengan diruntuhkan rumah itu dan yang kedua melainkan dengan dipecahkan bekas dakwat itu maka jika jatuhnya itu dengan kecuaiannya tuan rumah dan bekas dakwat maka tidak ada bayaran di atas pemilik anak unta dan dinar itu. Jika tidak dia membayar imbuhnya. Maka jika jatuhnya itu dengan kecuaiannya kedua mereka maka wajahnya sepertimana kata Mawardi bahawa dia hanya membayar setengah kerana mereka bersyariat pada cuai, sama seperti dua orang yang berlanggar.

وَلَوْ أَدْخَلْتَ بِهِيمَةً رَأْسَهَا فِي قَدْرٍ وَلَمْ تَخْرُجْ إِلَّا بِكَسْرِهَا كُسِرَتْ لِتَخْلِيصِهَا وَلَا تُدْبِحُ الْمَأْكُولَةَ لِذَلِكَ. ثُمَّ إِنْ صَحِبَهَا مَالِكُهَا فَعَلَيْهِ الْأَرَشُ لِتَفْرِيطِهِ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهَا فَإِنَّ تَعَدَّى صَاحِبَ الْقَدْرِ بَوَاضَعَهَا بِمَوْضِعٍ لَا حَقَّ لَهُ فِيهِ أَوْ لَهُ فِيهِ حَقٌّ لَكِنَّهُ قَدَرَ عَلَى دَفْعِ الْبَهِيمَةِ فَلَمْ يَدْفَعْهَا فَلَا أَرَشَ لَهُ. وَلَوْ تَعَدَّى كُلٌّ مِنْ مَالِكِ الْقَدْرِ وَالْبَهِيمَةِ فَحُكْمُهُ حُكْمُ مَا مَرَّ عَنِ الْمَاوَرِدِيِّ.

1038. Kalau bahimah memasukkan kepalanya kedalam periuk dan tidak keluar ia melainkan dengan dipecahkan periuk itu dipecahkan ia untuk melepaskannya. Tidak disembelih haiwan yang boleh dimakan untuk demikian itu. Kemudian jika pemilik bahimah itu ada bersamanya maka di atasnya imbuhnya kerana cuainya, maka jika dia tidak ada bersamanya maka jika tuan periuk itu cuai dengan meletakkannya pada tempat yang dia tidak ada hak padanya atau dia ada hak padanya akan tetapi mampu menolak bahimah itu maka dia tidak menolaknya maka tidak ada imbuhan baginya. Kalau setiap dari pemilik periuk dan bahimah itu melampau maka hukumnya hukum apa yang telah lalu dari Mawardi itu.

وَلَوْ ابْتَلَعَتْ بِهِيمَةً جَوْهَرَةً لَمْ تُدْبِحْ لِتَخْلِيصِهَا وَإِنْ كَانَتْ مَأْكُولَةً، بَلْ يَغْرَمُ مَالِكُهَا إِنْ فَرَطَ فِي حِفْظِهَا قِيمَةَ الْجَوْهَرَةِ لِلْحَيْلُولَةِ. فَإِنْ بَلَعَتْ مَا يَفْسُدُ بِالْإِبْتِلَاعِ غَرَمَ قِيمَتَهُ لِلْفَيْصُولَةِ.

1039. Kalau bahimah menelan permata tidak disembelih ia untuk melepaskannya sekalipun ia boleh dimakan, bahkan pemiliknya membayar jika dia cuai menjaganya akan nilai permata itu, kerana halangan. Maka jika ia menelan apa yang rosak dengan ditelah dia membayar nilainya kerana meluputkan*.

فَصْلٌ : فِي الشَّفْعَةِ. وَهِيَ إِسْكَانُ الْفَاءِ وَحِكْيِ ضَمِّهَا لَعْنَةُ الضَّمِّ وَشَرْعًا حَقُّ تَمَلُّكِ قَهْرِيٍّ يَثْبُتُ لِلشَّرِيكِ الْقَدِيمِ عَلَى الشَّرِيكِ الْحَادِثِ فِيمَا مَلَكَ بِعَوَضٍ.

1040. Fasal pada syuf'ah. "الشَّفْعَةُ" dengan sukun fa' dan dikhayatkan dhammahnya pada lughah adalah himpun, dan pada syara' : hak memilik di atas jalan mengerasi yang sabit bagi ahli syarikat lama di atas ahli syarikat baru pada apa yang dia miliki dengan bayaran.

وَالْأَصْلُ فِيهَا خَبْرُ الْبُخَارِيِّ عَنِ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ { قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِالشَّفْعَةِ فِيمَا لَمْ يَفْسَمْ، فَأَذَا وَقَعَتْ الْحُدُودُ وَصَرَّفَتْ الطَّرِيقُ فَلَا شَفْعَةَ } وَفِي رِوَايَةٍ لَهُ " فِي أَرْضٍ أَوْ رِيحٍ أَوْ حَائِطٍ " وَالرِّيْحُ الْمُنْزَلُ، وَالْحَائِطُ الْبُسْتَانُ، وَالْمَعْنَى فِيهِ دَفْعُ ضَرَرِ مُؤْنَةِ الْقِسْمَةِ وَاسْتِحْدَاثِ الْمَرَافِقِ كَالْمِصْعِدِ وَالْمُنُورِ وَالْبَالُوعَةِ فِي الْحِصَّةِ الصَّائِرَةِ إِلَيْهِ.

1041. Asal padanya khabar Bukhari dari jabir r.a “rasulullah s.a.w.m menghukumkan dengan syuf’ah pada apa yang tidak dibahagi-bahagikan maka apabila dibuatkan sempadan-sempadan dan dipisahkan jalan-jalan⁷⁶ maka tidak ada syuf’ah”. Pada satu riwayat baginya “pada tanah atau rumah atau kebun”. Hikmah padanya adalah menolak kemudharatan kos pembahagian dan mengujudkan prasarana seperti tangga dan atap kaca dan kumbahan pada habuan yang menjadi milik rakan syarikat lama.

وَذُكِرَتْ عَقَبَ الْعَصَبِ، لِأَنَّهَا تُوْخَذُ قَهْرًا فَكَانَتْهَا مُسْتَثْنَاءً مِنْ تَحْرِيْمِ أَخْذِ مَالِ الْغَيْرِ قَهْرًا. وَأَرْكَانَهَا ثَلَاثَةٌ أَخْذُ وَمَأْخُودٌ مِنْهُ وَمَأْخُودٌ وَالصِّيغَةُ إِنَّمَا تَجِبُ فِي التَّمَلُّكِ. وَبَدَأَ الْمُصَنِّفُ بِشَرْطِ الْأَخْذِ فَقَالَ :

1042. Aku sebutkan ia mengiringi rampasan kerana ia diambil dengan kekerasan maka seolah-olah ianya dikecualikan dari pengharaman mengambil harta orang lain dengan kekerasan. Rukun-rukunnya tiga : yang mengambil dan yang diambil darinya dan yang diambil. Sighah hanyalah wajib pada memilik. Musannif mulakan dengan syarat orang yang mengambil maka katanya:

(وَالشُّفْعَةُ وَاجِبَةٌ) أَي ثَابِتَةٌ لِلشَّرِيكِ (بِالْخُلْطَةِ) أَي خُلْطَةُ الشُّيُوعِ، وَلَوْ كَانَ الشَّرِيكُ مُكَاتَبًا أَوْ غَيْرَ عَاقِلٍ كَمَسْجِدٍ لَهُ شِقْصٌ لَمْ يُوقَفْ بِأَعِ شَرِيكِهِ يَأْخُذُ لَهُ النَّاطِرَ بِالشُّفْعَةِ (دُونَ) خُلْطَةِ (الْجَوَارِ) بِكَسْرِ الْجِيمِ، فَلَا تَتَّبِعُ لِلْجَارِ وَلَوْ مُلَاصِقًا لِخَبْرِ الْبُخَارِيِّ الْمَارِ، وَمَا وَرَدَ فِيهِ مَحْمُولٌ عَلَى الْجَارِ الشَّرِيكِ جَمْعًا بَيْنَ الْأَحَادِيثِ.

1043. (Syuf’ah itu wajib) bagi ahli syarikat (dengan gaulan) iaitu gaulan shuyu’ i.e melengkapi, walaupun ahli syarikat itu mukatab atau tidak berakal seperti masjid yang padanya ada satu bahagian yang tidak diwakafkan yang rakan syarikatnya menjualkannya, nazir mengambil untuknya dengan syuf’ah, (tidak) gaulan (jiwar i.e bersebelahan), maka tidak sabit ia bagi yang bersebelahan walaupun ia berdemppek kerana khabar Bukhari yang lalu itu. Apa yang datang padanya ditanggungkan di atas yang berjiran yang bersyarikat kerana himpun di antara hadith-hadith.

وَلَوْ قَضَى بِالشُّفْعَةِ لِلْجَارِ حَنْفِيٌّ لَمْ يَنْقُضِ حُكْمَهُ وَلَوْ كَانَ الْقَضَاءُ بِهَا لِشَافِعِيِّ كَنظَائِرِهِ مِنَ الْمَسَائِلِ الْإِجْتِهَادِيَّةِ.

1044. Kalau qadhi bermazhab hanafi menghukum dengan syuf’ah bagi orang yang bersebelahan tidak batal hukumannya walaupun hukuman dengannya itu bagi orang yang bermazhab Syafi’e, seperti segala yang sebandingnya daripada masaalah-masaalah ijthad.

وَلَا تَتَّبِعُ أَيْضًا لِشَرِيكِ فِي الْمَنْفَعَةِ فَقَطُّ كَانَ مَلَكًا بِوَصِيَّةٍ. وَتَتَّبِعُ لِذِمِّي عَلَى مُسْلِمٍ وَمُكَاتَبٍ عَلَى سَيِّدِهِ كَعَكْسِهِمَا.

1045. Tidak sabit ia juga bagi rakan syarikat pada manfaat sahaja seperti bahawa dia memilikinya dengan wasiat. Sabit ia bagi zimmi di atas muslim dan mukatab di atas penghulunya sama seperti ‘akas keduanya.

وَلَوْ كَانَ لِيَبَيْتِ الْمَالِ شَرِيكٌ فِي أَرْضٍ فَبَاعَ شَرِيكُهُ كَانَ لِلْإِمَامِ الْأَخْذُ بِالشُّفْعَةِ إِنْ رَأَهُ مَصْلَحَةً. وَلَا شُفْعَةَ لِصَاحِبِ شِقْصٍ مِنْ أَرْضٍ مُشْتَرَكَةٍ مَوْفُوفٍ عَلَيْهِ إِذَا بَاعَ شَرِيكُهُ نَصِيْبَهُ، وَلَا لِشَرِيكِ إِذَا بَاعَ شَرِيكٌ آخَرَ نَصِيْبَهُ كَمَا أَفْتَى بِهِ الْبُلْقَيْنِيُّ لِامْتِنَاعِ قِسْمَةِ الْوَقْفِ عَنِ الْمَلِكِ، وَلِإِنْفَاءِ مَلِكِ الْأَوَّلِ عَنِ الرَّقْبَةِ. نَعَمْ، عَلَى مَا اخْتَارَهُ الرَّوْيَانِيُّ وَالنُّوَوِيُّ مِنْ جَوَارِ قِسْمَتِهِ عَنْهُ لَا مَانِعَ مِنْ أَخْذِ الثَّانِي وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ إِنْ كَانَتْ الْقِسْمَةُ قِسْمَةً إِفْرَازًا.

⁷⁶. Iaitu dengan bahawa dibuat pembahagian.

1046. Kalau baitul mal mempunyai ahli syarikat pada satu bumi maka rakan syarikat itu menjual boleh imam mengambil dengan syuf'ah jika dia nampak ada masalah. Tidak ada syufah bagi tuan satu bahagian bumi yang disyarikatkan yang diwakafkan ke atasnya apabila rakan syarikatnya menjual habuannya, dan tidak bagi rakan syarikatnya apabila rakan syarikat yang lain menjual habuannya sepertimana difatwakan Bulqini kerana tertegah pembahagian wakaf dari milik dan kerana ternafi pemilikan orang yang pertama dari tubuhnya. Na'am, di atas apa yang dipilih Ruyani dan Nawawi daripada harus pembahagian wakaf dari milik tidak ada halangan dari mengambil syuf'ah yang kedua, yang mana ia yang muktamad, jika pembahagian itu pembahagian ifraz⁷⁷.

وَيُسْتَرْطُ فِي الْمَأْخُودِ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّانِي أَنْ يَكُونَ : (فِيمَا يَنْقَسِمُ) أَي فِيمَا يَقْبَلُ الْقِسْمَةَ إِذَا طَلَبَهَا الشَّرِيكَ بِأَنْ لَا يَبْطُلَ نَفْعُهُ الْمَقْصُودُ مِنْهُ لَوْ قَسِمَ بِأَنْ يَكُونَ بِحَيْثُ يَنْتَفِعُ بِهِ بَعْدَ الْقِسْمَةِ مِنَ الْوَجْهِ الَّذِي كَانَ يَنْتَفِعُ بِهِ قَبْلَهَا، كَطَاحُونَ وَحَمَامٍ كَبِيرَيْنِ وَذَلِكَ، لِأَنَّ عِلَّةَ تَبَوُّتِ الشُّفْعَةِ فِي الْمُنْقَسِمِ كَمَا مَرَّ دَفْعَ ضَرَرٍ مُؤَنَةِ الْقِسْمَةِ وَالْحَاجَةَ إِلَى إِفْرَادِ الْحِصَّةِ الصَّانِرَةِ لِلشَّرِيكَ بِالْمَرَافِقِ، وَهَذَا الضَّرَرُ حَاصِلٌ قَبْلَ الْبَيْعِ، وَمِنْ حَقِّ الرَّاعِبِ فِيهِ مِنَ الشَّرِيكَيْنِ أَنْ يُخْلِصَ صَاحِبَهُ مِنْهُ بِالْبَيْعِ لَهُ، فَلَمَّا بَاعَ لِغَيْرِهِ سَلَطَهُ الشَّرْعُ عَلَى أَخْذِهِ مِنْهُ

1047. Disyaratkan pada barang yang diambil iaitu rukun kedua bahawa adalah ia (pada apa yang menerima pembahagian) iaitu apabila rakan syarikat menuntutnya, dengan bahawa tidak batal manfaatnya yang dimaksudkan darinya kalau ia dibahagi-bahagikan dengan bahawa ia boleh dimanfaatkan selepas pembahagian dari wajah yang ia dimanfaatkan sebelumnya seperti batu kisar dan hammam yang besar. Demikian itu kerana 'illat sabit syuf'ah pada yang menerima pembahagian sepertimana telah lalu adalah mengelakkan kemudharatan kos pembahagian dan keperluan kepada menunggalkan habuan yang menjadi milik rakan syarikat lama dengan prasarana. Kemudharatan ini terhasil sebelum jual dan daripada hak orang yang gemar pada menjual daripada dua rakan syarikat bahawa dia melepaskan rakannya dari mudharat ini dengan dia menjual kepadanya. Maka tatkala dia menjual kepada orang lain syara' memberi dia kuasa di atas mengambilnya dari orang itu.

(دُونَ مَا لَا يَنْقَسِمُ) بِأَنْ يَبْطُلَ نَفْعُهُ الْمَقْصُودُ مِنْهُ لَوْ قَسِمَ كَحَمَامٍ وَطَاحُونَ صَغِيرَيْنِ. وَبِذَلِكَ عَلِمَ أَنَّ الشُّفْعَةَ تَتَبُّتُ لِمَالِكٍ عَشْرَ دَارٍ صَغِيرَةٍ إِنْ بَاعَ شَرِيكُهُ بِقَيْتِهَا لَا عَكْسَهُ، لِأَنَّ الْأَوَّلَ يُجْبَرُ عَلَى الْقِسْمَةِ دُونَ الثَّانِي.

1048. (Tidak apa yang tidak menerima pembahagian) dengan bahawa batal manfaatnya yang dimaksudkan darinya kalau ia dibahagi-bahagikan seperti hammam dan batu kisar yang kecil. Dengan demikian itu diketahui bahawa syuf'ah itu sabit bagi pemilik satu persepuluh rumah yang kecil jika rakan syarikatnya menjual baki rumah itu, tidak 'akasnya kerana yang pertama itu digagahi di atas pembahagian, tidak yang kedua.

(وَ) أَنْ يَكُونَ (فِي كُلِّ مَا لَا يَنْقَلُ مِنَ الْأَرْضِ) بِأَنْ يَكُونَ أَرْضًا بِتَوَابِعِهَا كَشَجَرٍ وَشَمْرٍ غَيْرِ مُؤَبَّرٍ وَبِنَاءٍ وَتَوَابِعِهِ مِنْ أَبْوَابٍ وَغَيْرِهَا، غَيْرَ نَحْوِ مَمَرٍ كَمَجْرَى نَهْرٍ لَا غَنَى عَنْهُ. فَلَا شُّفْعَةَ فِي بَيْتٍ عَلَى سَقْفٍ وَلَوْ مُشْتَرَكًا، وَلَا فِي شَجَرٍ أَفْرَدَ بِالْبَيْعِ أَوْ بَيْعٍ مَعَ مَعْرِسِهِ فَقَطُّ، وَلَا فِي شَجَرٍ جَافٍ شَرِطَ دُخُولَهُ فِي بَيْعِ أَرْضٍ لِإِنْتِفَاءِ التَّبَعِيَّةِ، وَلَا فِي نَحْوِ مَمَرٍ دَارٍ لَا غَنَى عَنْهُ. فَلَوْ بَاعَ دَارَهُ وَلَهُ شَرِيكٌ فِي مَمَرِّهَا الَّذِي لَا غَنَى عَنْهُ فَلَا شُّفْعَةَ فِيهِ حَذْرًا مِنَ الْإِضْرَارِ بِالْمُشْتَرِي، بِخِلَافِ مَا لَوْ كَانَ لَهُ غَنَى عَنْهُ بِأَنْ كَانَ لِلدَّارِ مَمَرٌّ آخَرَ أَوْ أَمَكْنَهُ إِحْدَاثُ مَمَرٍ لَهَا إِلَى شَارِعٍ أَوْ نَحْوِهِ.

⁷⁷. dengan bahawa bumi itu sama jujuk-jujuknya.

1049. Dan bahawa ia (**pada setiap apa yang tidak boleh dipindahkan dari bumi**) dengan bahawa ia adalah bumi dengan ikutan-ikutannya seperti pokok dan buah yang belum dita'bir⁷⁸ dan binaan dan ikutan-ikutannya daripada pintu dan selainnya, melainkan umpama tempat laluan seperti tempat laluan sungai yang tidak terkaya darinya. Maka tidak ada syuf'ah pada bilik yang di atas bumbung walaupun disyarikatkan dan tidak pada pokok yang ditunggalkan dengan jualan atau dijual bersama tempat tanamnya sahaja, dan tidak pada pokok kering yang disyaratkan masuknya pada jualan tanah kerana ternafi ikutan, dan tidak pada umpama tempat laluan rumah yang tidak terkaya darinya. Maka kalau dia menjual rumahnya dan dia mempunyai rakan syarikat pada tempat laluannya yang tidak terkaya darinya maka tidak ada syuf'ah padanya kerana takut memudharatkan pembeli. Bersalahan keadaan kalau dia terkaya darinya dengan bahawa rumah itu mempunyai tempat laluan yang lain atau terbolehdia mengujudkan laluan lain untuknya kepada jalan raya atau umpamanya.

وَمَثَلُ الْمُصَنَّفِ لِمَا لَا يُنْقَلُ بِقَوْلِهِ (كَالْعَقَارِ) بِفَتْحِ الْعَيْنِ وَهُوَ اسْمٌ لِلْمَنْزِلِ وَاللَّارِضِ وَالضِّيَاعِ كَمَا فِي تَهْذِيبِ النَّوَوِيِّ وَتَحْرِيرِهِ حِكَايَةً عَنِ أَهْلِ اللُّغَةِ (وَعَيْرِهِ) أَيِ الْعَقَارِ مِمَّا فِي مَعْنَاهُ كَالْحَمَامِ الْكَبِيرِ إِذَا أَمَكْنَ جَعْلُهُ حَمَامَيْنِ، وَالْبِنَاءِ وَالشَّجَرِ تَبَعًا لِلَّارِضِ كَمَا تَقَدَّمَ.

1050. Musannif mencontohkan aa yang tidak boleh dpindahkan dengan katanya (**seperti 'aqar**), nama bagi rumah dan bagi bumi dan kampong kecil sepertimana didalam Tahzib Nawawi dan Tahrirnya hal keadaan dia menghikayatkan dari ahli lughah, (**dan selain 'aqar**) daripada apa yang pada maknanya seperti hammam yang besar apabila boleh menjadikannya dua hammam, dan binaan dan pokok kerana mengikut buminya sepertimana telah lalu.

تَنْبِيْهٌ : قَدْ عَلِمَ مِنْ كَلَامِهِ أَنَّ كُلَّ مَا يُنْقَلُ لَا يَثْبُتُ فِيهِ شُفْعَةٌ وَهُوَ كَذَلِكَ إِنْ لَمْ يَكُنْ تَابِعًا كَمَا مَرَّ. وَمِنْ الْمَنْقُولِ الَّذِي لَا تَثْبُتُ فِيهِ شُفْعَةُ الْبِنَاءِ عَلَى الْأَرْضِ الْمُحْتَكِرَةِ فَلَا شُفْعَةَ فِيهِ كَمَا ذَكَرَهُ الدَّمِيرِيُّ. وَهِيَ مَسْأَلَةٌ كَثِيرَةٌ الْوُقُوعِ.

1051. Tanbih. Sungguh telah diketahui dari kalamnya bahawa setiap apa yang boleh dipindahkan tidak sabit syuf'ah padanya, yang mana ia seperti demikian itu jika ia bukan pengikut sepertimana telah lalu. Daripada apa yang boleh dipindahkan yang tidak sabit syuf'ah padanya adalah binaan di atas bumi yang disewa, maka tidak ada syuf'ah padanya sepertimana Damiri sebutkan. Lanya masaalah yang banyak berlaku.

وَأَنْ يُمْلِكَ الْمَأْخُودُ بَعُوضَ كَمَبِيعٍ وَمَهْرٍ وَعَوْضَ خُلْعٍ وَصَلْحِ دَمٍ، فَلَا شُفْعَةَ فِيْمَا لَمْ يُمْلِكَ وَإِنْ جَرَى سَبَبٌ مِلْكِهِ كَالْجُعْلِ قَبْلَ الْفِرَاعِ مِنَ الْعَمَلِ وَلَا فِيْمَا مِلْكٌ بَعِيْرٌ عَوْضِ كَارْتٍ وَوَصِيَّةٍ وَهَبَةٍ بِلَا تَوَابٍ.

1052. Dan bahawa apa yang diambil itu dimiliki dengan bayaran seperti barang jualan dan mahar dan bayaran tebus talak dan sulh darah, maka tidak ada syuf'ah pada apa yang tidak dimiliki sekalipun telah berjalan sebab pemilikannya seperti upah sebelum selesai kerja dan tidak pada apa yang dimiliki tanpa bayaran seperti pusaka dan wasiat dan hibah tanpa balasan.

وَيُسْتَرْطُ فِي الْمَأْخُودِ مِنْهُ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّلَاثُ تَأْخِيْرُ سَبَبِ مِلْكِهِ عَنِ سَبَبِ مِلْكِ الْآخِذِ. فَلَوْ بَاعَ أَحَدُ الشَّرِيْكَيْنِ نَصِيْبَهُ بِشَرْطِ الْخِيَارِ لَهُ فَبَاعَ الْآخَرَ نَصِيْبَهُ فِي زَمَنِ الْخِيَارِ بَيْعَ بَتٍ فَالْشُّفْعَةُ لِلْمُسْتَرْطِ الْأَوَّلِ وَإِنْ لَمْ يَشْفَعْ بِأَعُوْثٍ لَتَقَدَّمَ سَبَبُ مِلْكِهِ عَلَى سَبَبِ مِلْكِ الثَّانِي، لَا لِلثَّانِي وَإِنْ تَأَخَّرَ عَنِ مِلْكِهِ الْأَوَّلِ لِتَأَخُّرِ سَبَبِ مِلْكِهِ عَنِ سَبَبِ مِلْكِ الْأَوَّلِ.

⁷⁸. ta'bir mengemaskan pokok tamar seperti membuangkan pelepahnya supaya ia berbuah.

1053. Disyaratkan pada orang yang diambil darinya yang mana ia rukun ketiga terkemudian sebab pemilikannya dari sebab pemilikan orang yang mengambil. Maka kalau seorang dari dua rakan syarikat menjual habuannya dengan syarat khair miliknya, maka yang seorang lagi menjual habuannya pada masa khair itu sebagai jual yang putus, maka syuf'ah bagi pembeli pertama sekalipun penjualnya tidak mengambil syuf'ah kerana terdahulu sebab pemilikannya di atas sebab pemilikan pembeli kedua, tidak bagi pembeli yang kedua sekalipun terkemudian dari miliknya milik pembeli yang pertama kerana terkemudian sebab pemilikannya dari sebab pemilikan yang pertama.

وَكَذَا لَوْ بَاعَا مُرْتَبًا بِشَرْطِ الْخِيَارِ لَهُمَا دُونَ الْمُشْتَرِي، سَوَاءً أَجَازَا مَعًا أَمْ أَحَدُهُمَا قَبْلَ الْآخَرِ، بِخِلَافِ مَا لَوْ اشْتَرَى اثْنَانِ دَارًا أَوْ بَعْضَهَا مَعًا، فَلَا شُفْعَةَ لِأَحَدِهِمَا عَلَى الْآخَرِ لِعَدَمِ السَّبْقِ.

1054. Begitu juga kalau mereka menjual berturutan dengan syarat khair bagi kedua mereka tidak pembeli, sama sahaja mereka meluluskan serentak atau seorang dari mereka sebelum yang seorang lagi. Bersalahan keadaan kalau dua orang membeli sebuah rumah atau sebahagiannya serentak maka tidak ada syuf'ah bagi seorang dari kedua mereka di atas yang seorang lagi kerana tidak ada yang terdahulu.

وَيَأْخُذُ الشَّفِيعُ الشَّفِصَ مِنَ الْمُشْتَرِي (بِالثَّمَنِ) الْمَعْلُومِ (الَّذِي وَقَعَ عَلَيْهِ) عَقْدُ (الْبَيْعِ) أَوْ غَيْرُهُ، فَيَأْخُذُ فِي ثَمَنِ مِثْلِي كَنَفْدٍ وَحَبٍّ بِمِثْلِهِ إِنْ تَيْسَّرَ، وَإِلَّا فَبِقِيمَتِهِ، وَفِي مَنَقُومٍ كَعَبْدٍ وَتُوبٍ بِقِيمَتِهِ كَمَا فِي الْعَصَبِ. وَتَعْتَبَرُ قِيمَتُهُ وَقْتُ الْعَقْدِ مِنْ بَيْعٍ وَنِكَاحٍ وَخُلْعٍ وَغَيْرِهَا، لِأَنَّهُ وَقْتُ ثُبُوتِ الشَّفْعَةِ، وَلِأَنَّ مَا زَادَ زَادَ فِي مَلِكِ الْمَأْخُودِ مِنْهُ.

1055. Orang yang mengambil syuf'ah i.e syafi' mengambil bahagian itu dari pembeli (dengan harga) yang dimaklumi (yang jatuh di atasnya) akad (jual) atau selainnya, maka dia mengambil pada harga yang jenis seumpama seperti duit dan bijian dengan seumpamanya jika mudah, jika tidak maka dengan nilai, dan pada harga yang diperharga seperti hamba dan kain dengan nilainya sepertimana pada harta rampasan. Diiktikbarkan nilainya pada waktu akad daripada jual dan nikah dan tebus talak dan selainnya kerana ia waktu sabit syuf'ah itu dan kerana apa yang bertambah bertambah pada milik orang yang diambil darinya.

وَخَيْرَ الشَّفِيعِ فِي ثَمَنِ مُوَجَّلٍ بَيْنَ تَعْجِيلِهِ مَعَ أَخْذِهِ حَالًا وَبَيْنَ صَبْرِهِ إِلَى الْخُلُودِ ثُمَّ يَأْخُذُ، وَإِنْ حَلَّ الْأَجَلَ بِمَوْتِ الْمَأْخُودِ مِنْهُ لِاخْتِلَافِ الدَّمَمِ، وَإِنْ أُلْزِمَ بِالْأَخْذِ حَالًا بِنَظِيرِهِ مِنَ الْحَالِ أَضْرَبَ بِالشَّفِيعِ، لِأَنَّ الْأَجَلَ يُقَابَلُهُ قِسْطٌ مِنَ الثَّمَنِ. وَعَلِمَ بِذَلِكَ أَنَّ الْمَأْخُودَ مِنْهُ لَوْ رَضِيَ بِذِمَّةِ الشَّفِيعِ لَمْ يُخَيَّرْ وَهُوَ الْأَصَحُّ.

1056. Diberi pilih syafi' pada harga yang ditempokkan di antara menyegerakannya serta mengambilnya ketika itu juga dan di antara sabar hingga sampai tempohnya kemudian dia mengambil, jika tempoh itu kesampaian dengan sebab mati orang yang diambil darinya kerana berlainan zimmah-zimmah itu, dan jika dilazimkan mengambilnya ketika itu juga dengan sebab yang sebandingnya daripada yang tak bertempoh nescaya ia memudharatkan syafi' kerana tempohan itu dibetuli oleh satu satu jujuk daripada harga. Diketahui dengan demikian itu bahawa orang yang diambil darinya kalau redha dengan zimmah syafi' tidak diberi pilih dia, yang mana ia yang paling sah.

وَلَوْ بَيْعَ شِفْصٍ وَغَيْرَهُ كَتُوبٍ أَخَذَ الشَّفِصَ بِقَدْرِ حِصَّتِهِ مِنَ الثَّمَنِ بِاعْتِبَارِ الْقِيَمَةِ، فَلَوْ كَانَ الثَّمَنُ مِائَتَيْنِ وَقِيَمَةُ الشَّفِصِ ثَمَانَيْنِ وَقِيَمَةُ الْمَضْمُونِ إِلَيْهِ عَشْرَيْنِ أَخَذَ الشَّفِصَ بِأَرْبَعَةِ أَخْمَاسِ الثَّمَنِ. وَلَا خِيَارَ لِلْمُشْتَرِي بِتَفْرِيقِ الصَّفْقَةِ عَلَيْهِ لِدُخُولِهِ فِيهَا عَالِمًا بِالْحَالِ.

1057. Kalau dijual satu juzuk beserta selainnya seperti kain dia mengambil satu juzuk itu dengan kadar habuannya daripada harga itu dengan mengiktibarkan nilainya. Maka kalau harga itu dua ratus dan nilai juzuk itu lapan puluh dan nilai barang yang dihimpunkan kepadanya dua puluh dia mengambil juzuk itu dengan empat perlima dari harga itu. Tidak ada khiair bagi pembeli dengan menceraian akad di atasnya kerana dia masuk padanya dalam keadaan dia tahukah hal itu.

وَوَجَرَ بِالْمَعْلُومِ الَّذِي قَدَّرْتَهُ فِي كَلَامِهِ مَا إِذَا اشْتَرَى بِجُزْأٍ نَقْدًا كَانَ أَوْ غَيْرَهُ، اِمْتَنَعَ الْأَخْذُ بِالشُّفْعَةِ لِتَعَدُّرِ الْوُقُوفِ عَلَى الثَّمَنِ وَالْأَخْذُ بِالْمَجْهُولِ غَيْرُ مُمَكِّنٍ. وَهَذَا مِنَ الْحِيلِ الْمُسْقَطَةِ لِشُّفْعَةِ. وَهِيَ مَكْرُوهَةٌ لِمَا فِيهَا مِنْ إِبْقَاءِ الضَّرَرِ.

1058. Keluar dengan “yang dimaklumi” yang aku takdirkan pada kalamnya keadaan apabila dia membeli dengan jangkaan, duit atau selainnya, tertengah mengambil dengan syuf’ah kerana teruzur berdiri di atas harga itu, sedangkan mengambil dengan harga yang majhul tidak terbole. Ini daripada helah-helah yang menggugurkan syuf’ah. Ianya makruh kerana ia mengekalkan kemudharatan.

وَصُورُهَا كَثِيرَةٌ. مِنْهَا أَنْ يَبِيعَهُ الشَّقِصَ بِأَكْثَرِ مِنْ ثَمَنِهِ بِكَثِيرٍ، ثُمَّ يَأْخُذُ بِهِ عَرْضًا يُسَاوِي مَا تَرَاضِيَا عَلَيْهِ عَوْضًا عَنِ الثَّمَنِ، أَوْ يَحْطُ عَنِ الْمُشْتَرِي مَا يَزِيدُ عَلَيْهِ بَعْدَ انْقِضَاءِ الْخِيَارِ.

1059. Rupa masaalah helah-helah itu banyak. Daripadanya bahawa dia menjual kepadanya juzuk itu dengan lebih dari harganya dengan banyak. Kemudian dia mengambil dengannya barangan yang menyamai apa yang kedua mereka setuju di atasnya sebagai ganti dari harga itu atau dia menggugurkan dari pembeli apa yang lebih di atasnya selepas terhabis khiair.

وَمِنْهُ أَنْ يَبِيعَهُ بِمَجْهُولٍ مُشَاهِدٍ وَيَقْبِضَهُ وَيَخْلُطُهُ بِغَيْرِهِ بِلاَ وَزْنٍ فِي الْمَوْزُونِ، أَوْ يُنْفِقَهُ أَوْ يُتْلِفَهُ. وَمِنْهَا أَنْ يَشْتَرِيَ مِنَ الشَّقِصِ جُزْءًا بِقِيَمَةِ الْكُلِّ ثُمَّ يَهَبُهُ الْبَاقِي.

1060. Daripadanya bahawa dia menjualnya dengan suatu yang majhul yang disaksikan dan dia menerima serahannya dan menggaulkannya dengan yang lain tanpa timbang pada yang ditimbang atau dia membelanjakannya atau membinasakannya. Daripadanya bahawa dia membeli dari juzuk itu akan satu juzuk dengan nilai semuanya kemudian dia menghibahkan bakinya.

وَمِنْهَا أَنْ يَهَبَ كُلُّ مَنْ مَالِكِ الشَّقِصِ وَأَخَذَهُ لِلْآخِرِ بِأَنْ يَهَبَ لَهُ الشَّقِصَ بِلاَ ثَوَابٍ، ثُمَّ يَهَبَ لَهُ الْآخَرَ قَدْرَ قِيَمَتِهِ. فَإِنْ خَشِيَ عَدَمَ الْوَفَاءِ بِالْهَبَةِ وَكَلَّا أَمِينَيْنِ لِيَقْبِضَاهُمَا مِنْهُمَا مَعًا بِأَنْ يَهَبَهُ الشَّقِصَ وَيَجْعَلَهُ فِي يَدِ أَمِينٍ لِيَقْبِضَهُ إِيَّاهُ، ثُمَّ يَتَقَابِضَا فِي حَالَةٍ وَاحِدَةٍ.

1061. Daripadanya bahawa setiap dari pemilik juzuk dan yang mengambilnya menghibahkan kepada yang seorang lagi, dengan bahawa dia menghibahkan kepadanya juzuk itu tanpa balasan, kemudian yang seorang lagi itu menghibah kepadanya kadar nilainya. Maka jika dia takut rakannya tidak menyempurnakan hibah itu mereka mewakili dua orang amanah untuk kedua mereka menerima keduanya dari dua orang amanah itu serentak, dengan bahawa dia menghibahkan kepadanya juzuk itu dan meletakkannya pada tangan seorang amanah untuk dia serahkannya kepadanya, kemudian kedua mereka terima-menerima pada satu waktu.

وَمِنْهَا أَنْ يَشْتَرِيَ بِمُنْقَوْمٍ قِيَمَتُهُ مَجْهُولَةٌ كَقَصِّ ثُمَّ يَصِيغُهُ أَوْ يَخْلُطُهُ بِغَيْرِهِ. فَإِنْ كَانَ غَائِبًا لَمْ يَلْزَمْ الْبَائِعُ إِخْضَارَهُ وَلَا الْإِخْبَارَ بِقِيَمَتِهِ.

1062. Daripadanya bahawa dia membeli dengan barang yang diperharga yang nilainya majhul seperti batu cincin kemudian dia dia menghilangkannya atau mencampurnakannya dengan yang lain. Maka jika ianya ghaib tidak lazim penjual menghadhirkannya dan tidak mengkhabarkan nilainya.

وَلَوْ عَيَّنَ الشَّفِيعُ قَدْرَ ثَمَنِ الشَّقِصِ كَقَوْلِهِ لِمُشْتَرِي : اشْتَرَيْتَهُ بِمِائَةِ دِرْهَمٍ، وَقَالَ الْمُشْتَرِي : لَمْ يَكُنْ الثَّمَنُ مَعْلُومَ الْقَدْرِ حَلْفَ عَلَى نَفِي الْعِلْمِ بِقَدْرِهِ، لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُ عِلْمِهِ بِهِ. فَإِنْ ادَّعَى الشَّفِيعُ عِلْمَ الْمُشْتَرِي بِالثَّمَنِ وَلَمْ يُعَيِّنْ لَهُ قَدْرًا لَمْ تُسْمَعْ دَعْوَاهُ، لِأَنَّهُ لَمْ يَدَّعِ حَقًّا لَهُ.

1063. Kalau Syafi'e menentukan kadar harga jujuk itu seperti katanya kepada pembeli : kamu belinya dengan seratus dirham, dan kata pembeli : harganya tidak dimaklumi kadarnya, dia bersumpah di atas menafikan tahu tentang kadarnya, kerana asalnya dia tidak tahukannya. Maka jika syafi' itu mendakwa pembeli tahukan harganya dan dia tidak menentukan baginya satu kadar tidak didengar dakwaannya kerana dia tidak mendakwa hak miliknya.

تَنْبِيهٌ : لَوْ ظَهَرَ الثَّمَنُ مُسْتَحَقًّا بَعْدَ الْأَخْذِ بِالشُّفْعَةِ فَإِنْ كَانَ مُعَيَّنًا كَانَ اشْتَرَى بِهِذِهِ الْمِائَةِ بَطَلَ الْبَيْعُ وَالشُّفْعَةُ لِعَدَمِ الْمَلِكِ. وَإِنْ اشْتَرَى بِثَمَنِ فِي الذِّمَّةِ وَدَفَعَ عَمَّا فِيهَا فَخَرَجَ الْمُدْفُوعُ مُسْتَحَقًّا أَبَدَلِ الْمُدْفُوعِ وَبَقِيَ الْبَيْعُ وَالشُّفْعَةُ. وَإِنْ دَفَعَ الشَّفِيعُ مُسْتَحَقًّا لَمْ تَبْطُلِ الشُّفْعَةُ، وَإِنْ عِلِمَ أَنَّهُ مُسْتَحَقٌّ، لِأَنَّهُ لَمْ يَقْصُرْ فِي الطَّلَبِ وَالْأَخْذِ، سِوَاءَ أَخْذٍ بِمُعَيَّنٍ أَمْ لَا. فَإِنْ كَانَ مُعَيَّنًا فِي الْعَقْدِ احْتِاجَ تَمَلُّكًا جَدِيدًا. وَكَخُرُوجِ مَا ذَكَرَ مُسْتَحَقًّا خُرُوجَهُ نَحَاسًا.

1064. Tanbih. Kalau ternyata harga itu hak milik orang lain selepas pengambilan dengan syuf'ah maka jika ianya tertentu seperti bahawa dia membeli dengan seratus ini batal jualan dan syufah itu kerana ketiadaan milik. Jika dia membeli dengan harga yang didalam zimmah dan menyerahkan apa yang padanya maka ternyata yang diserahkan itu hak milik orang lain dia menggantikan apa yang dia serahkan itu dan kekal jualan dan syuf'ah itu. Jika syafi' menyerahkan harga yang dimiliki orang lain tidak batal syuf'ah itu, sekalipun dia tahukan bahawa ia milik orang lain kerana dia tidak cuai pada menuntut dan mengambil, sama sahaja dia mengambil dengan yang tertentu atau tidak. Maka jika ianya ditentukan didalam akad dia perlu kepada memilik yang baru. Seperti ternyata apa yang disebutkan itu hak orang lain adalah ternyata tembaga.

وَلِمُشْتَرٍ تَصَرَّفَ فِي الشَّقِصِ لِأَنَّهُ مَلِكُهُ، وَلِشَّفِيعٍ فَسَخُّهُ بِأَخْذِ الشَّقِصِ، سِوَاءَ كَانَ فِيهِ شُّفْعَةٌ كَبِيرَةٌ أَمْ لَا كَوَقْفٍ وَهَبَةٍ لِأَنَّ حَقَّهُ سَابِقٌ عَلَى هَذَا التَّصَرُّفِ. وَلَهُ أَخْذُ بِمَا فِيهِ شُّفْعَةٌ مِنَ التَّصَرُّفِ كَبِيرَةٍ لِأَنَّهُ رَبُّمَا كَانَ الْعَوَضُ فِيهِ أَقَلُّ أَوْ مِنْ جِنْسٍ هُوَ عَلَيْهِ أُيسَرُ.

1065. Pembeli berhak tasarruf pada jujuk itu kerana ia miliknya. Syafi' berhak memfasakhkannya dengan mengambil jujuk itu samaada ada padanya syuf'ah seperti jual atau tidak seperti wakaf dan hibah, kerana haknya mendahului tasarruf ini. Boleh dia mengambil dengan apa yang sabit syuf'ah padanya daripada bagai-bagai tasarruf seperti jualan kerana demikian itu dan kerana terkadang bayaran padanya lebih rendah atau dari jenis yang ianya lebih mudah di atasnya.

(وَهِيَ) أَيِ الشُّفْعَةِ بَعْدَ عِلْمِ الشَّفِيعِ بِالْبَيْعِ (عَلَى الْفَوْرِ) ، لِأَنَّهَا حَقٌّ تَبَتَّ لِذَفْعِ الضَّرْرِ فَكَانَ عَلَى الْفَوْرِ كَالرَّدِّ بِالْعَيْبِ. وَالْمُرَادُ بِكَوْنِهَا عَلَى الْفَوْرِ هُوَ طَلِبُهَا وَإِنْ تَأَخَّرَ التَّمَلُّكُ.

1066. (Ianya) iaitu syuf'ah selepas tahu syafi' dengan jualan (adalah di atas segera) kerana ia hak yang sabit untuk menolak mudharat maka adalah ia di atas

segera sama seperti pulangan dengan aib. Yang dihendaki dengan keadaannya di atas segera adalah menuntutnya sekalipun terkemudian memilikinya.

وَاسْتَنْتَى مِنَ الْفُورِيَّةِ عَشْرَ صُورٍ ذَكَرْتَهَا فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ. مِنْهَا أَنَّهُ لَوْ قَالَ : لَمْ أَعْلَمْ أَنَّ لِي الشُّفْعَةَ، وَهُوَ مِمَّنْ يَخْفَى عَلَيْهِ ذَلِكَ. وَمِنْهَا : مَا لَوْ قَالَ الْعَامِيُّ : لَا أَعْلَمْ أَنَّ الشُّفْعَةَ عَلَى الْفُورِ فَإِنَّ الْمَذْهَبَ هُنَا وَفِي الرَّدِّ بِالْعَيْبِ قَبُولُ قَوْلِهِ.

1067. Dikecualikan dari keadaan segera itu sepuluh rupa masaalah yang aku sebutkan didalam Syarah Minhaj. Daripadanya bahawa kalau dia kata : aku tidak tahu bahawa aku berhak syuf'ah, dan dia daripada orang yang tersulit demikian itu darinya. Daripadanya keadaan kalau orang awam kata : tidak aku tahu bahawa syuf'ah itu di atas segera maka pendapat mazhab disini dan pada pulangan dengan 'aib adalah menerima katanya.

فَإِذَا عِلِمَ بِالْبَيْعِ مَثَلًا فَلْيُبَادِرْ عَقِبَ عِلْمِهِ بِالشَّرَاءِ عَلَى الْعَادَةِ. وَلَا يُكْفَى الْبِدَارُ عَلَى خِلَافِهَا بِالْعُدْوِ وَنَحْوِهِ، بَلْ يَرْجَعُ فِيهِ إِلَى الْعُرْفِ، فَمَا عَدَهُ تَفْصِيرًا وَتَوَانِيًا كَانَ مُسْقِطًا وَمَا لَا فَلَا.

1068. Maka apabila dia tahukan jualan itu sebagai contoh maka hendaklah dia segera membelinya mengiringi tahunya itu di atas adat. Tidak diberati segera di atas menyalahinya dengan berlari dan umpamanya, bahkan dirujuk padanya kepada 'uruf maka apa yang 'uruf bilangannya sebagai cuai dan lambat adalah ia mengugurkan, dan apa yang tidak maka tidak.

(فَإِنْ أَخْرَهَا) أَيِ الشُّفْعَةَ مَعَ الْعِلْمِ بِالْبَيْعِ مَثَلًا بَأَنَّ لَمْ يَطْلُبْهَا (مَعَ الْفُدْرَةِ عَلَيْهَا) بَأَنَّ لَمْ يَكُنْ عُدْرٌ (بَطَلَتْ) أَيِ الشُّفْعَةَ لِتَفْصِيرِهِ. وَخَرَجَ بِالْعِلْمِ مَا إِذَا لَمْ يَعْلَمْ فَإِنَّهُ عَلَى شُفْعَتِهِ وَلَوْ مَضَى سِنُونَ.

1069. (Maka jika dia mentakhirkan syuf'ah) serta tahukan jualan itu sebagai contoh, dengan bahawa dia tidak menuntutnya (serta kuasa di atasnya) dengan bahawa tidak ada uzur, (batal ia) iaitu syuf'ah itu kerana cuainya. Keluar dengan "tahu" keadaan apabila dia tidak tahu maka dia di atas syuf'ahnya walaupun lalu beberapa tahun.

وَلَا يُكْفَى الْإِشْهَادُ عَلَى الطَّلَبِ إِذَا سَارَ طَالِبًا فِي الْحَالِ، أَوْ وَكَلَّ فِي الطَّلَبِ فَلَا تَبْطُلُ شُفْعَتُهُ لِتَرْكِهِ.

1070. Tidak diberati dia mengadakan saksi di atas tuntutan apabila dia berjalan sambil menuntut pada masa yang hadhir, atau apabila dia mewakilkan pada menuntutnya maka tidak batal syuf'ahnya kerana meninggalkannya.

وَخَرَجَ بَعْدَ الْعُدْرِ مَا إِذَا كَانَ مَعْدُورًا كَكَوْنِهِ مَرِيضًا مَرَضًا يَمْنَعُ مِنَ الْمُطَالَبَةِ لَا كَصُدَاعِ يَسِيرٍ، أَوْ كَانَ مَحْبُوسًا ظَلْمًا أَوْ بَدِينٍ وَهُوَ مُعْسِرٌ وَعَاجِزٌ عَنِ الْبَيْتَةِ، أَوْ غَانِبًا عَنِ بَلَدِ الْمُشْتَرِي، فَلَا تَبْطُلُ شُفْعَتُهُ بِالتَّأخِيرِ. فَإِنْ كَانَ الْعُدْرُ يَزُولُ عَنْ قُرْبِ كَالْمُصَلِّي وَالْأَكِلِ وَقَاضِي الْحَاجَةِ وَالَّذِي فِي الْحَمَّامِ كَانَ لَهُ التَّأخِيرُ أَيْضًا إِلَى زَوَالِهِ. وَلَا يُكْفَى الْقَطْعُ عَلَى خِلَافِ الْعَادَةِ. وَلَا يُكْفَى الْإِقْتِصَارُ فِي الصَّلَاةِ عَلَى أَقَلِّ مَا يُجْزَى، بَلْ لَهُ أَنْ يَسْتَوْفِيَ الْمُسْتَحَبَّ لِلْمُنْفَرِدِ. فَإِنْ زَادَ عَلَيْهِ فَالَّذِي يَظْهَرُ أَنَّهُ لَا يَكُونُ عُدْرًا. وَلَمْ أَرَ مَنْ تَعَرَّضَ لِذَلِكَ.

1071. Keluar dengan "ketiadaan uzur" keadaan apabila dia uzur seperti keadaannya sakit dengan sakit yang menegah dari menuntutnya, tidak seperti pening yang ringan, atau dia dipenjara di atas jalan zalim atau dengan hutang sedang dia papa dan lemah dari keterangan, atau dia gaib dari tempat pembeli itu, maka tidak batal syuf'ahnya dengan lambat. Maka jika uzur itu hilang dalam masa yang dekat seperti orang yang sembahyang dan makan dan mengkadha hajat dan yang didalam hammam boleh dia mentakhirkan juga kepada hilangnya. Tidak diberati memutuskannya di atas menyalahi adat, dan tidak diberati menghadkan pada sembahyang di atas sekurang-

kurang yang memada, bahkan dia menyempurnakan yang sunat bagi yang sembahyang sendirian. Maka jika dia melebihkan di atasnya maka yang zahir ia bukannya uzur. Tidak aku nampak orang yang menentang demikian itu.

وَلَوْ حَضَرَ وَقْتُ الصَّلَاةِ أَوْ الطَّعَامِ أَوْ قَضَاءِ الْحَاجَةِ جَازَ لَهُ أَنْ يُقَدِّمَهَا وَأَنْ يَلْبَسَ ثَوْبَهُ، فَإِذَا فَرَغَ طَالِبٌ بِالشَّفْعَةِ. وَإِنْ كَانَ فِي لَيْلٍ فَحَتَّى يُصْبِحَ. وَلَوْ أَخَّرَ الطَّلِبَ لَهَا وَقَالَ: لَمْ أَصْدَقِ الْمُخْبِرَ بِبَيْعِ الشَّرِيكِ الشَّقِصَ، لَمْ يُعْذَرْ إِنْ أَخْبَرَهُ عَدْلَانِ أَوْ عَدْلٍ وَامْرَأَتَانِ بِذَلِكَ. وَكَذَا إِنْ أَخْبَرَهُ ثِقَةً حُرًّا أَوْ عَبْدًا أَوْ امْرَأَةً فِي الْأَصْحَحِ، لِأَنَّهُ إِخْبَارٌ وَخَيْرُ الثَّقَةِ مَقْبُولٌ. وَيُعْذَرُ فِي خَيْرٍ مَنْ لَا يَقْبَلُ خَبْرَهُ كِفَاسِقٍ وَصَبِيٍّ وَلَوْ مُمَيَّرًا.

1072. Kalau hadhir waktu sembahyang atau makan atau kadha hajat harus dia mendulukannya dan bahawa dia memakai kainnya, maka apabila dia selesai dia menuntut dengan syuf'ah itu. Jika dia berada pada malam maka hingga masuk subuh. Kalau dia melambatkan tuntutan itu dan berkata : aku tidak percaya orang yang mengkhabarkan jualan rakan syarikatnya akan jujuk itu, tidak diuzurkan dia jika mengkhabarkannya dua lelaki adil atau seorang lelaki dan dua perempuan adil tentang demikian itu. Begitu juga jika mengkhabarkannya seorang thiqah yang merdeka atau hamba atau perempuan pada yang paling sahih kerana ianya perkhabaran dan khabar orang thiqah itu diterima. Diuzurkan dia pada khabar orang yang tidak diterima khabarnya seperti orang fasik dan kanak-kanak walaupun mumayyiz.

وَلَوْ أَخْبَرَ الشَّفِيعُ بِالْبَيْعِ بِأَلْفٍ فَتَرَكَ الشَّفْعَةَ فَبَانَ بِخَمْسِمِائَةٍ بَقِيَ حَقُّهُ فِي الشَّفْعَةِ، لِأَنَّهُ لَمْ يَتْرُكْهُ زُهْدًا بَلْ لِلْعَلَاءِ فَلَيْسَ مَقْصَرًا. وَإِنْ بَانَ بِأَكْثَرَ مِمَّا أَخْبَرَ بِهِ بَطُلَ حَقُّهُ، لِأَنَّهُ إِذَا لَمْ يَزَعْ فِيهِ بِالْأَقْلِ فَبِالْأَكْثَرِ أَوْلَى.

1073. Kalau syafi' dikhabarkan jualan itu dengan seribu maka dia meninggalkan syuf'ahnya maka ternyata ianya dengan lima ratus kekal haknya pada syuf'ah itu kerana dia tidak meninggalkannya di atas jalan tak suka bahkan kerana mahal maka dia bukan orang yang cuai. Jika ia ternyata lebih dari apa yang dia dikhabarkan dengannya batal haknya kerana apabila dia tidak gemar padanya dengan yang lebih rendah maka dengan yang lebih tinggi terutama.

وَلَوْ لَقِيَ الشَّفِيعُ الْمُشْتَرِيَّ فَسَلَّمَ عَلَيْهِ أَوْ سَأَلَهُ الثَّمَنَ أَوْ قَالَ لَهُ: بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي صَفَقَتِكَ لَمْ يَبْطُلْ حَقُّهُ. أَمَّا فِي الْأُولَى فَلِأَنَّ السَّلَامَ سُنَّةٌ قَبْلَ الْكَلَامِ، وَأَمَّا فِي الثَّانِيَةِ فَلِأَنَّ جَاهِلَ الثَّمَنِ لَا بُدَّ لَهُ مِنْ مَعْرِفَتِهِ وَقَدْ يُرِيدُ الْعَارِفُ إِفْرَارَ الْمُشْتَرِي، وَأَمَّا فِي الثَّلَاثَةِ فَلِأَنَّهُ قَدْ يَدْعُو بِالْبَرَكَةِ لِيَأْخُذَ صَفْقَةً مُبَارَكَةً.

1074. Kalau syafi' bertemu pembeli maka dia mengucap salam ke atasnya atau bertanya dia harganya atau dia kata kepadanya : Allah berkati kamu pada akad kamu, tidak batal haknya. Adapun pada yang pertama maka kerana salam itu sunat sebelum bercakap, dan adapun yang kedua maka kerana orang yang jahilkan harganya tidak dapat tidak dari dia mengetahuinya dan terkadang orang yang tahu mahukan pengakuan si pembeli, dan adapun pada yang ketiga maka kerana terkadang dia berdoa dengan keberkatan untuk dia melakukan urusan yang diberkati.

(وَإِذَا تَزَوَّجَ امْرَأَةً) أَوْ خَالَعَهَا (عَلَى شَفِصٍ) فِيهِ شَفْعَةٌ. وَهُوَ بِكَسْرِ الشِّينِ الْمُعْجَمَةِ وَإِسْكَانِ الْقَافِ اسْمٌ لِلْقِطْعَةِ مِنَ الْأَرْضِ وَلِلطَّائِفَةِ مِنَ الشَّيْءِ كَمَا اتَّفَقَ عَلَيْهِ أَهْلُ اللُّغَةِ. (أَخَذَهُ الشَّفِيعُ) أَي شَرِيكَ الْمُصْذِقِ أَوْ الْمُخَالِعِ مِنَ الْمَرْأَةِ فِي الْأُولَى وَمِنَ الْمُخَالِعِ فِي الثَّانِيَةِ (بِمَهْرٍ أَمْثَلِ) مُعْتَبَرًا بِيَوْمِ الْعَقْدِ، لِأَنَّ الْبَيْعَ مُتَقَوِّمٌ وَقِيمَتُهُ مَهْرٌ أَمْثَلِ، وَتَجِبُ فِي الْمُتَعَةِ مُتَعَةٌ مِثْلَهَا لَا مَهْرٌ مِثْلَهَا، لِأَنَّهَا الْوَاجِبَةُ بِالْفِرَاقِ وَالشَّقِصُ عَوَضٌ عَنْهَا.

1075. (Apabila seorang mengahwini seorang perempuan) atau menebus talaknya (di atas satu jujuk) yang sabit syuf'ah padanya – “شقص” dengan kasrah syin

dan sukun kaf nama bagi sepotong tanah dan bagi satu kumpulan dari suatu sepertimana sepakat ahli lughah di atasnya - (**syafi' mengambilnya**) iaitu rakan syarikat orang yang memberi maskahwin atau yang ditebus talak dari perempuan itu pada yang pertama dan dari yang menebus talak pada yang kedua (**dengan maskahwin seumpama**) dengan iktibar hari akad kerana kemaluan perempuan itu dinilai dan nilainya adalah maskahwin seumpama dan wajib pada mut'ah oleh mut'ah seumpamanya bukan mahar seumpamanya, kerana ia wajib dengan perceraian dan jujuk itu ganti darinya.

وَلَوْ اٰخْتَلَفَا فِي قَدْرِ الْقِيَمَةِ الْمَأخُوذِ بِهَا الشِّفْعُ الْمَشْفُوعُ صَدَقَ الْمَأخُوذُ مِنْهُ بِبَيْمِينِهِ قَالَهُ الرَّوْيَانِيُّ.

1076. Kalau kedua mereka berselisih pada kadar nilai yang diambil dengannya jujuk yang diambil syuf'ah dibenarkan orang yang diambil darinya dengan sumpahnya. Mengatakannya Ruyani.

(وَإِنْ كَانَ الشُّفْعَاءُ جَمَاعَةً) مِنَ الشَّرَكَاءِ (اسْتَحَقُّوْهَا عَلَى قَدْرِ الْأَمْلاكِ) ، لِأَنَّهُ حَقٌّ مُسْتَحَقٌّ بِالْمَلِكِ فَفَسَطَ عَلَى قَدْرِهِ كَالْأَجْرَةِ وَالشَّمْرَةِ . فَلَوْ كَانَتْ أَرْضٌ بَيْنَ ثَلَاثَةِ لَوَاحِدٍ نَصْفَهَا لِوَأَخْرَ ثَلَاثُهَا لِوَأَخْرَ سُدُسُهَا فَبَاعَ الْأَوَّلُ حِصَّتَهُ أَخَذَ الثَّانِي سَهْمَيْنِ وَالثَّلَاثُ سَهْمًا . وَهَذَا مَا صَحَّحَهُ الشَّيْخَانِ وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ . وَقِيلَ : يَأْخُذُونَ بِعَدَدِ الرَّءُوسِ وَاعْتَمَدَهُ جَمْعٌ مِنَ الْمُتَأَخِّرِينَ . وَقَالَ الْإِسْنَوِيُّ : إِنَّ الْأَوَّلَ خِلَافَ مَذْهَبِ الشَّافِعِيِّ .

1077. (Jika yang mengambil syuf'ah itu sekumpulan orang) rakan-rakan syarikat (**mereka berhak ke atasnya di atas kadar milik-milik mereka**) kerana ia hak yang dihakkan dengan milik maka diagihkan ia di atas kadarnya sama seperti sewaan dan buah. Maka kalau sekeping tanah di antara tiga orang, bagi seorang setengahnya dan seorang yang lain satu pertiganya dan yang seorang lagi satu perenamnya maka yang pertama menjual habuannya yang kedua mengambil dua saham dan yang ketiga satu saham. Ini apa yang disahkan syeikh yang mana ia muktamad. Dikatakan mereka mengambil dengan bilangan kepala, dan memegangnya sekumpulan ulamak mutakhir. Kata Isnawi : bahawa yang pertama itu menyalahi mazhab Syafi'e.

وَلَوْ بَاعَ أَحَدُ الشَّرِيكَيْنِ بَعْضَ حِصَّتِهِ لِرَجُلٍ ثُمَّ بَاقِيهَا لِأَخْرَ فَالْشُّفْعَةُ فِي الْبَعْضِ الْأَوَّلِ لِلشَّرِيكِ الْقَدِيمِ لِأَنَّهُ بَاعَ بِالْحَقِّ . فَإِنْ عَفَا عَنْهُ شَارِكُهُ الْمُشْتَرِي الْأَوَّلُ فِي الْبَعْضِ الثَّانِي ، لِأَنَّهُ صَارَ شَرِيكًا مِثْلَهُ قَبْلَ الْبَيْعِ الثَّانِي . فَإِنْ لَمْ يَعْفُ عَنْهُ بَلْ أَخَذَهُ لَمْ يُشَارِكْهُ فِيهِ لِزَوَالِ مَلِكِهِ .

1078. Kalau seorang dari dua rakan syarikat menjual sebahagian habuannya kepada seorang lelaki kemudian bakinya kepada seorang lain maka syuf'ah itu pada sebahagian yang pertama adalah bagi rakan syarikat lama kerana dia tersendiri dengan hak itu. Maka jika dia memaafkan darinya pembeli yang pertama bersyarikat dengannya pada sebahagian yang kedua itu, kerana dia menjadi rakan syarikat yang sama dengannya sebelum jualan yang kedua itu. Maka jika dia tidak memaafkannya bahkan dia mengambilnya pembeli pertama itu tidak bersyarikat dengannya pada bahagian yang kedua itu kerana hilang miliknya.

وَلَوْ عَفَا أَحَدُ شَرِيكَيْنِ عَنْ حَقِّهِ أَوْ بَعْضِهِ سَقَطَ حَقُّهُ كَالْقَوْدِ وَأَخَذَ الْأَخْرَ الْكُلَّ أَوْ تَرَكَهُ ، فَلَا يَفْتَصِرُ عَلَى حِصَّتِهِ لِنَلَا تَتَّبَعُ الصَّفَقَةُ عَلَى الْمُشْتَرِي ، أَوْ حَضَرَ أَحَدُهُمَا وَعَاقَبَ الْأَخْرَ أَخْرَ الْأَخْرَ إِلَى حُضُورِ الْغَائِبِ لِعُدْرِهِ فِي أَنْ لَا يَأْخُذُ مَا يُؤْخَذُ مِنْهُ أَوْ أَخَذَ الْكُلَّ . فَإِذَا حَضَرَ الْغَائِبُ شَارِكَهُ فِيهِ ، لِأَنَّ الْحَقَّ لَهُمَا فَلَيْسَ لِلْحَاضِرِ الْاِقْتِصَارُ عَلَى حِصَّتِهِ لِنَلَا تَتَّبَعُ الصَّفَقَةُ عَلَى الْمُشْتَرِي لَوْ لَمْ يَأْخُذْ الْغَائِبُ . وَمَا اسْتَوْفَاهُ الْحَاضِرُ مِنَ الْمَنَافِعِ كَالْأَجْرَةِ وَالشَّمْرَةِ لَا يَزَاحِمُهُ فِيهِ الْغَائِبُ .

1079. Kalau seorang dari dua syafi' memaafkan haknya atau sebahagiannya gugur haknya sama seperti qawad, dan yang seorang lagi mengambil semuanya atau meninggalkannya, maka dia tidak boleh menghadkan di atas habuannya supaya tidak jadi setengah akad di atas pembeli itu, atau hadir seorang dari kedua mereka dan ghaib yang seorang lagi dia takhirkan ambil syuf'ah kepada hadir yang ghaib itu kerana dia uzur pada bahawa dia tidak boleh mengambil apa yang diambil darinya atau dia mengambil semuanya. Maka apabila yang ghaib itu hadir dia bersyarikat dengannya padanya kerana hak itu milik kedua mereka maka tidak boleh yang hadir menghadkan di atas habuannya supaya tidak jadi setengah akad di atas pembeli kalau yang ghaib itu tidak mengambilnya. Apa yang disempurnakan oleh yang hadir daripada manfaat-manfaat seperti sewaan dan buah tidak menyesakkan dia padanya orang yang ghaib.

وَتَتَعَدَّدُ الشُّفْعَةُ بِتَعَدُّدِ الصَّفَقَةِ أَوْ الشَّقْصِ. فَلَوْ اشْتَرَى اثْنَانِ مِنْ وَاحِدٍ شِقْصًا أَوْ اشْتَرَاهُ وَاحِدٌ مِنْ اثْنَيْنِ فَلِلشَّفِيعِ أَخْذُ نَصِيبٍ أَحَدِهِمَا وَحْدَهُ لِانْتِفَاءِ تَبْعِيضِ الصَّفَقَةِ عَلَى الْمُشْتَرِي، أَوْ وَاحِدٌ شِقْصَيْنِ مِنْ دَارَيْنِ فَلِلشَّفِيعِ أَخْذُ أَحَدِهِمَا لِأَنَّهُ لَا يُفْضِي إِلَى تَبْعِيضِ شَيْءٍ وَاحِدٍ فِي صَفَقَةٍ وَاحِدَةٍ.

1080. Berbilang-bilang syuf'ah dengan berbilang akad dan jujuk. Maka kalau dua orang membeli dari seorang akan satu jujuk atau seorang membelinya dari dua orang maka boleh syafi' mengambil habuan seorang dari mereka sahaja kerana ternafi menyetengahkan akad di atas pembeli, atau seorang membeli dua jujuk dari dua rumah maka boleh syafi' mengambil satu daripada keduanya kerana ia tidak membawa kepada menyetengahkan suatu yang satu pada akad yang satu.

تَتَمَّةٌ: لَوْ كَانَ لِمُشْتَرٍ حِصَّةٌ فِي أَرْضٍ كَأَنَّ كَانَتْ بَيْنَ ثَلَاثَةٍ أَثْلَاثًا فَبَاعَ أَحَدُهُمَا نَصِيبَهُ لِأَحَدٍ صَاحِبِيهِ اشْتَرَكَ مَعَ الشَّفِيعِ فِي الْمَبِيعِ بِقَدْرِ حِصَّتِهِ لِاسْتَوَائِهِمَا فِي الشَّرَكَةِ، فَيَأْخُذُ الشَّفِيعُ فِي الْمِثَالِ السُّدُسَ لَا جَمِيعَ الْمَبِيعِ كَمَا لَوْ كَانَ الْمُشْتَرِي أَجْنَبِيًّا.

1081. Tatimmah. Kalau pembeli mempunyai satu habuan pada tanah seperti bahawa ianya di antara tiga orang dengan dibahagi tiga maka seorang dari kedua mereka menjual habuannya kepada seorang dari dua sahabatnya dia bersyarikat dengan syafi' pada barang jualan dengan kadar habuannya kerana sama kedua mereka pada syarikat, maka syafi' itu mengambil pada contoh ini satu perenam bukan semua barang jualan itu sepertimana kalau pembeli itu orang asing.

وَلَا يَشْتَرَطُ فِي ثُبُوتِ الشُّفْعَةِ حُكْمٌ بِهَا مِنْ حَاكِمٍ لِثُبُوتِهَا بِالنَّصِّ، وَلَا حُضُورُ ثَمَنِ كَالْمَبِيعِ، وَلَا حُضُورُ مُشْتَرٍ وَلَا رِضَاهُ كَالرَّدِّ بِعَيْبٍ.

1082. Tidak disyaratkan pada sabit syuf'ah itu hukuman hakim denganya kerana sabitnya dengan nas, dan tidak kadhir harga sama seperti jualan dan tidak hadir pembeli dan tidak redhanya wqmq seperti memulangkan dengan 'aib.

وَشَرَطٌ فِي تَمَلُّكِ بِهَا رُؤْيَا شَفِيعِ الشَّقْصِ وَعَلْمُهُ بِالثَّمَنِ كَالْمُشْتَرِي. وَلَيْسَ لِلْمُشْتَرِي مَنَعُهُ مِنْ رُؤْيَا. وَشَرَطٌ فِيهِ أَيْضًا لَفْظٌ يَشْعُرُ بِالتَّمَلُّكِ. وَفِي مَعْنَاهُ مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ كَتَمَلَّكَتْ أَوْ أَخَذْتُ بِالشُّفْعَةِ مَعَ قَبْضِ مُشْتَرِ الثَّمَنِ أَوْ مَعَ رِضَاهُ بِكَوْنِ الثَّمَنِ فِي ذِمَّةِ الشَّفِيعِ وَلَا رَبًّا أَوْ مَعَ حُكْمٍ لَهُ بِالشُّفْعَةِ إِذَا حَضَرَ مَجْلِسَهُ وَأَثْبَتَ حَقَّهُ فِيهَا وَطَلَبَهُ.

1083. Disyarat pada memilik dengan syuf'ah bahawa syafi' nampak jujuk itu dan tahu harganya, sama seperti pembeli. Tidak boleh pembeli menegah dia dari melihatnya. Disyaratkan juga lafaz yang memahamkan memilik, dan pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman, seperti "aku memilik" atau "aku ambil dengan syuf'ah" serta pembeli mengambil harganya atau serta redhanya dengan keadaan harga itu

didalam zimah syafi' dan tidak ada riba, atau beserta hukum syuf'ah baginya apabila dia hadir majlis hukum dan dia mensabitkan haknya pada syuf'ah dan menuntutnya.

فَصْلٌ : فِي الْقِرَاضِ . وَهُوَ مُسْتَقٌّ مِنَ الْقَرْضِ وَهُوَ الْقَطْعُ . سُمِّيَ بِذَلِكَ لِأَنَّ الْمَالِكَ قَطَعَ لِلْعَامِلِ قِطْعَةً مِنْ مَالِهِ يَتَصَرَّفُ فِيهَا وَقِطْعَةً مِنَ الرَّبْحِ . وَيُسَمَّى أَيْضًا مُضَارَبَةً وَمُقَارَضَةً .

1084. **Fasal pada qiradh** i.e berbagi laba. “قِرَاضٌ” diambil dari “قَرْضٌ” iaitu memotong. Dinamakan ia dengan demikian itu kerana pemilik memotong bagi pekerja i.e ‘amil sepotong dari hartanya yang ‘amil itu melakukan tasarruf padanya dan sepotong dari keuntungan. Dinamakan ia juga sebagai mudharabah dan muqaradhadh.

وَالْأَصْلُ فِيهِ الْإِجْمَاعُ وَالْحَاجَةُ وَاحْتِجَّ لَهُ الْمَأْوَرِدِيُّ بِقَوْلِهِ تَعَالَى : { لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَبْتَغُوا فَضْلًا مِنْ رَبِّكُمْ } { وَبِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ضَارَبَ لِخَدِيجَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا بِمَالِهَا إِلَى الشَّامِ ، وَأَنْفَقَتْ مَعَهُ عَبْدَهَا مَيْسِرَةَ } .

1085. Asal padanya adalah ijmak dan hajat. al Mawardi berhujjah untuknya dengan firman Allah taala “tidak ada dosa di atas kamu bahawa kamu cari kelebihan dari Tuhan kamu”, dan “dengan bahawa nabi s.a.w.m bermudharabah dengan Khadijah r.a dengan hartanya ke Syam, dan Khadijah menghantar bersama dia hambanya Maisarah”.

وَحَقِيقَتُهُ تَوْكِيلُ مَالِكَ بِجَعْلِ مَالِهِ بِيَدِ آخَرَ لِيَتَجَرَ فِيهِ وَالرَّبْحُ مُشْتَرَكٌ بَيْنَهُمَا . وَأَرْكَانُهُ سِتَّةٌ : مَالِكٌ وَعَامِلٌ وَعَمَلٌ وَرِبْحٌ وَصِيعَةٌ وَمَالٌ . يُعْرَفُ بَعْضُهَا مِنْ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ وَبِأَقْبَابِهَا مِنْ شَرْحِهِ .

1086. Hakikat qiradh adalah perwakilan pemilik dengan meletakkan hartanya pada tangan orang lain untuk dia berniaga padanya yang mana keuntungan disyarikatkan di antara kedua mereka. Rukun-rukunnya enam : pemilik dan ‘amil dan kerja dan untung dan sighth dan harta. Diketahui sebahagiannya dari kalam musannif dan bakinya dari syarahnya.

(وَلِلْقِرَاضِ أَرْبَعَةٌ شَرَائِطُ) . الْأَوَّلُ : (أَنْ يَكُونَ) عَقْدُهُ (عَلَى نَاصٍ) بِالْمَدِّ وَتَشْدِيدِ الْمُعْجَمَةِ وَهُوَ مَا ضَرَبَ (مِنَ الدَّرَاهِمِ) الْفِضَّةَ الْخَالِصَةَ (وَ) مِنْ (الدَّنَانِيرِ) الْخَالِصَةِ . وَفِي هَذِهِ إِشَارَةٌ إِلَى أَنَّ شَرْطَ الْمَالِ الَّذِي هُوَ أَحَدُ الْأَرْكَانِ أَنْ يَكُونَ نَقْدًا خَالِصًا . وَلَا بُدَّ أَنْ يَكُونَ مَعْلُومًا جِنْسًا وَقَدْرًا وَصِفَةً ، وَأَنْ يَكُونَ مُعَيَّنًا بِيَدِ الْعَامِلِ .

1087. **(Bagi qiradh itu empat syarat)**. Pertamanya **(bahawa adalah)** akadnya **(di atas duit)** i.e “ناصٍ” dengan tasydid dhad iaitu apa yang dicetak **(daripada dirham)** perak yang murni **(dan)** dari **(dinar)** yang murni. Padanya ada isyarat kepada bahawa syarat harta yang mana ia satu daripada rukun-rukunnya adalah bahawa ianya duit yang murni. Tidak dapat tidak bahawa ianya dimaklumi jenis dan kadar dan sifat, dan bahawa ianya ditentukan pada tangan ‘amil.

فَلَا يَصِحُّ عَلَى عَرَضٍ وَلَوْ فُلُوسًا وَتَبْرًا وَخَلِيًّا وَمَنْفَعَةً ، لِأَنَّ فِي الْقِرَاضِ إِغْرَارًا ، إِذِ الْعَمَلُ فِيهِ غَيْرُ مَضْبُوطٍ وَالرَّبْحُ غَيْرُ مَوْثُوقٍ بِهِ ، وَإِنَّمَا جُوزَ لِلْحَاجَةِ فَاحْتَصَّ بِمَا يَرُوجُ بِكُلِّ حَالٍ وَتَسَهَّلَ التِّجَارَةُ بِهِ ، وَلَا عَلَى نَقْدٍ مَعْتُوشٍ وَلَوْ رَانِجًا لِانْتِفَاءِ خُلُوصِهِ . نَعَمْ إِنْ كَانَ غِشُّهُ مُسْتَهْلَكًا جَارَ قَالَهُ الْجُرْجَانِيُّ .

1088. Maka tidak sah ia di atas barangan walaupun duit tembaga dan butiran emas dan perhiasan emas dan manfaat, kerana pada qiradh itu risiko tipudaya kerana kerja padanya tidak didhabit dan untung tidak diyakini, dan ia hanya diharuskan kerana hajat maka ia khusus dengan apa yang laku pada setiap keadaan dan mudah berniaga

dengannya. Dan tidak ke atas emas perak yang bercampur walaupun laku kerana ternafi murninya. Na'am jika campurannya lebur harus ia. Mengatakannya Jurjani.

وَلَا عَلَى مَجْهُولٍ جِنْسًا أَوْ قَدْرًا أَوْ صِفَةً، وَلَا عَلَى غَيْرِ مُعَيَّنٍ كَأَنْ قَارَضَهُ عَلَى مَا فِي الدِّمَّةِ مِنْ دَيْنٍ أَوْ غَيْرِهِ، وَكَأَنْ قَارَضَهُ عَلَى إِحْدَى صَرْتَيْنِ وَلَوْ مُتَسَاوِيَتَيْنِ. وَلَا يَصِحُّ بِشَرْطِ كَوْنِ الْمَالِ بِيَدِ غَيْرِ الْعَامِلِ كَالْمَالِكِ لِيُوفِيَ مِنْهُ ثَمَنٌ مَا اشْتَرَاهُ الْعَامِلُ، لِأَنَّهُ قَدْ لَا يَجِدُهُ عِنْدَ الْحَاجَةِ.

1089. Dan tidak di atas yang majhul jenis atau kadar atau sifat, dan tidak di atas yang tidak tertentu seperti bahawa dia qiradh dengan seorang di atas apa yang didalam zimmahnya daripada hutang atau selainnya, dan seperti bahawa dia qiradh dengannya di atas satu daripada dua berkas yang sama. Tidak sah ia dengan syarat keadaan harta itu pada tangan selain 'amil seperti pemilik untuk dia sempurnakan darinya akan harga apa yang 'amil beli kerana terkadang 'amil tidak mendapatinya di sisi hajat.

وَشَرْطٌ فِي الْمَالِكِ مَا شَرْطٌ فِي مُوَكَّلٍ، وَفِي الْعَامِلِ مَا شَرْطٌ فِي وَكِيْلٍ، وَهُمَا الرُّكْنَانِ الْأَوَّلَانِ، لِأَنَّ الْقِرَاضَ تَوْكِيْلًا وَتَوْكِيْلًا، وَأَنْ يَسْتَقِلَّ الْعَامِلُ بِالْعَمَلِ لِيَتِمَّكَنَ مِنَ الْعَمَلِ مَتَى شَاءَ، فَلَا يَصِحُّ شَرْطُ عَمَلٍ غَيْرِهِ مَعَهُ، لِأَنَّ انْقِسَامَ الْعَمَلِ يَفْتَضِي انْقِسَامَ الْيَدِ. وَيَصِحُّ شَرْطُ إِعَانَةِ مَمْلُوكِ الْمَالِكِ مَعَهُ فِي الْعَمَلِ، وَلَا يَدُ لِلْمَمْلُوكِ، لِأَنَّهُ مَالٌ فَجَعَلَ عَمَلَهُ تَبَعًا لِلْمَالِ. وَشَرْطُهُ أَنْ يَكُونَ مَعْلُومًا بِرُؤْيَا أَوْ وَصْفٍ. وَإِنْ شَرِطْتَ نَفَقَتَهُ عَلَيْهِ جَازًا.

1090. Disyaratkan pada pemilik apa yang disyaratkan pada muwakkil, dan pada 'amil apa yang disyaratkan pada wakil, yang mana kedua mereka adalah dua rukun yang pertama kerana qiradh adalah mewakilkan dan menerima wakil, dan bahawa amil tersendiri dengan kerja supaya dia terbolelah melakukan kerja bila dia hendak, maka tidak sah syarat kerja orang lain bersamanya kerana pembahagian kerja menuntut pembahagian tangan. Sah syarat bantuan hamba pemilik bersamanya pada kerja. Tidak ada tangan bagi hamba itu kerana dia adalah harta maka dijadikan kerjanya mengikut harta. Syarat hamba itu bahawa ia dimaklumi dengan nampak atau sifat. Jika disyaratkan perbelanjaannya di atas 'amil nya harus ia.

(وَ) الشَّرْطُ الثَّانِي (أَنْ يَأْذَنَ رَبُّ الْمَالِ لِلْعَامِلِ فِي التَّصَرُّفِ) فِي الْبَيْعِ وَالشِّرَاءِ (مُطْلَقًا). وَفِي هَذَا إِشَارَةٌ إِلَى الرُّكْنِ الرَّابِعِ وَهُوَ الْعَمَلُ. فَشَرْطُهُ أَنْ يَكُونَ فِي تِجَارَةٍ.

1091. Syarat kedua (bahawa tuan harta itu mengizinkan 'amil tasarruf) pada menjual dan membeli (semata-mata). Pada ini terdapat isyarat kepada rukun keempat iaitu kerja. Maka syaratnya bahawa qiradh adalah pada perniagaan.

وَأَشَارَ بِقَوْلِهِ : مُطْلَقًا إِلَى اشْتِرَاطِ أَنْ لَا يُضَيِّقَ الْعَمَلُ عَلَى الْعَامِلِ . فَلَا يَصِحُّ عَلَى شِرَاءِ بَرٍّ يَطْحَنُهُ وَيَخْبِزُهُ، أَوْ عَزْلٍ يَنْسِجُهُ وَيَبِيعُهُ، لِأَنَّ الطَّحْنَ وَمَا مَعَهُ أَعْمَالٌ لَا تَسْمَى تِجَارَةً ، بَلْ أَعْمَالٌ مَضْبُوطَةٌ يَسْتَأْجِرُ عَلَيْهَا، وَلَا عَلَى شِرَاءِ مَتَاعٍ مُعَيَّنٍ كَقَوْلِهِ : وَلَا تَشْتَرِ إِلَّا هَذِهِ السِّلْعَةَ، لِأَنَّ الْمَقْصُودَ مِنَ الْعَقْدِ حُصُولَ الرَّبْحِ وَقَدْ لَا يَحْصُلُ فِيْمَا يُعَيَّنُهُ فَيَخْتَلُ الْعَقْدُ.

1092. Dia isyaratkan dengan katanya "semata-mata" kepada mensyaratkan bahawa pemilik tidak menyempitkan kerja di atas 'amil, maka tidak sah qiradh di atas membeli gandum dia kisarnya dan jadikan roti, atau pintalan benang dia tenun dan jualkannya kerana kisar dan apa yang bersamanya adalah kerja yang tidak dinamakan perniagaan, bahkan kerja yang dihabit yang diupah di atas melakukannya, dan tidak sah ia di atas membeli barangan yang tertentu seperti katanya : jangan kamu beli melainkan barang ini, kerana yang dimaksudkan dari akad itu adalah terhasil keuntungan walhal terkadang tidak terhasil ia pada apa yang dia tentukan maka cederalah akad itu.

(أَوْ) أَي لَا يَضُرُّ فِي الْعَقْدِ إِذْنُهُ (فِيمَا لَا يَنْقَطِعُ وَجُودُهُ غَالِبًا) كَالْبُرِّ. وَيَضُرُّ فِيمَا يَنْدُرُ وَجُودُهُ كَالْيَاقُوتِ الْأَحْمَرِ وَالْخَيْلِ الْبَلْقِ لِحُصُولِ الْمَقْصُودِ وَهُوَ الرِّبْحُ فِي الْأَوَّلِ دُونَ الثَّانِي. وَلَا يَصِحُّ عَلَى مُعَامَلَةِ شَخْصٍ كَقَوْلِهِ : وَلَا تَبِعْ إِلَّا لِرَيْدٍ أَوْ لَا تَشْتَرِ إِلَّا مِنْهُ.

1093. (atau) iaitu tidak memudharatkan pada akad itu oleh izinnya (pada apa yang tidak putus ujudnya ada ghalibnya) seperti gandum, dan mudharatkan ia pada apa yang nadir ujudnya seperti delima merah dan kuda berbelang putih hitam kerana terhasil maksudnya iaitu untung pada yang pertama, tidak yang kedua. Tidak sah qiradh di atas bermuamalah dengan seorang seperti katanya : jangan kamu jual melainkan kepada Zaid, atau jangan kamu beli melainkan darinya.

(وَ) الشَّرْطُ الثَّلَاثُ وَهُوَ الرُّكْنُ الْخَامِسُ (أَنْ يَشْتَرِطَ) الْمَالِكُ (لَهُ) أَيِ لِلْعَامِلِ فِي صُلْبِ الْعَقْدِ. (جُزْءًا) وَلَوْ قَلِيلًا (مَعْلُومًا) لَهُمَا (مِنَ الرِّبْحِ) بِجُزْئِيَّتِهِ كَنَصْفٍ أَوْ ثُلُثٍ. فَلَا يَصِحُّ الْفِرَاضُ عَلَى أَنْ لِأَحَدِهِمَا مَعِينًا أَوْ مُبَهَمًا مِنَ الرِّبْحِ، أَوْ أَنْ لِعَاطِلٍ مِنْهُ شَيْئًا لِعَدَمِ كَوْنِهِ لَهُمَا. وَالْمَشْرُوطُ لِمَمْلُوكٍ أَحَدِهِمَا كَالْمَشْرُوطِ لَهُ. فَيَصِحُّ فِي الثَّانِيَةِ دُونَ الْأُولَى.

1094. Syarat ketiga iaitu rukun kelima (bahawa) pemilik (mensyaratkan kepada 'amil) didalam diri akad (satu juzuk) walaupun sedikit (yang dimaklumi) oleh kedua mereka (daripada keuntungan) dengan peratusannya seperti setengah atau satu pertiga, maka tidak sah qiradh di atas bahawa bagi seorang dari mereka sejumlah yang tertentu atau suatu yang mubham daripada keuntungan, atau bahawa bagi orang selain mereka sesuatu dari keuntungan kerana keadaan untung itu milik mereka berdua. Yang disyaratkan bagi hamba seorang dari mereka sama seperti yang disyaratkan baginya, maka sah yang kedua tidak yang pertama.

أَوْ عَلَى أَنْ لِأَحَدِهِمَا شَرِكَةً أَوْ نَصِيبًا فِيهِ لِلْجَهْلِ بِحِصَّةِ الْعَامِلِ، أَوْ عَلَى أَنْ لِأَحَدِهِمَا عَشْرَةً أَوْ رِبْحَ صِنْفٍ لِعَدَمِ الْعِلْمِ بِالْجُزْئِيَّةِ، وَلِأَنَّهُ قَدْ لَا يَرِبُّغُ غَيْرَ الْعَشْرَةِ أَوْ غَيْرِ رِبْحِ ذَلِكَ الصَّنْفِ فَيَفُوزُ أَحَدُهُمَا بِجَمِيعِ الرِّبْحِ، أَوْ عَلَى أَنْ لِلْمَالِكِ النِّصْفَ مَثَلًا، لِأَنَّ الرِّبْحَ فَائِدَةٌ رَأْسُ الْمَالِ فَهُوَ لِلْمَالِكِ إِلَّا مَا يُنْسَبُ مِنْهُ لِلْعَامِلِ وَلَمْ يُنْسَبْ لَهُ شَيْءٌ مِنْهُ، بِخِلَافِ مَا لَوْ قَالَ عَلَى أَنْ لِلْعَامِلِ النِّصْفَ مَثَلًا فَيَصِحُّ، وَيَكُونُ الْبَاقِي لِلْمَالِكِ، لِأَنَّهُ بَيْنَ مَا لِلْعَامِلِ وَالْبَاقِي لِلْمَالِكِ بِحُكْمِ الْأَصْلِ.

1095. Atau di atas bahawa bagi seorang dari kedua mereka syarikat atau habuan padanya kerana jahil dengan habuan 'amil, atau di atas bahawa bagi seorang dari kedua mereka sepuluh atau untung satu bagai barangan kerana tidak diketahui dengan juzuknya dan kerana terkadang tidak untung selain sepuluh atau selain untung bagai itu maka seorang dari mereka mendapat semua untung itu, atau di atas bahawa bagi pemilik setengah sebagai contoh kerana untung itu faedah modal maka ia bagi pemilik melainkan apa yang dinisbahkan darinya kepada 'amil walhal tidak dinisbahkan baginya suatu darinya, bersalahan keadaan kalau dia kata : di atas bahawa bagi 'amil itu setengah sebagai contoh, maka sah ia dan adalah bakinya bagi pemilik kerana dia menerangkan apa yang bagi 'amil dan bakinya bagi pemilik dengan hukum asal.

وَصَحَّ فِي قَوْلِهِ : قَارَضْتُكَ وَالرِّبْحُ بَيْنَنَا، وَكَانَ نِصْفَيْنِ كَمَا لَوْ قَالَ : هَذِهِ الدَّارُ بَيْنَ رَيْدٍ وَعَمْرٍو.

1096. Sah ia pada katanya : aku qiradh dengan kamu dan untung di antara kita, adalah ia setengah-setengah sepertimana kalau dia kata : ini rumah di antara Zaid dan Umar.

وَشَرَطَ فِي الصِّعَةِ وَهُوَ الرُّكْنُ السَّادِسُ مَا مَرَّ فِيهَا فِي الْبَيْعِ بِجَامِعٍ أَنَّ كُلًّا مِنْهُمَا عَقْدٌ مُعَاوَضَةٌ، كَقَارَضَتِكَ أَوْ عَامَلْتِكَ فِي كَذَا عَلَى أَنَّ الرِّبْحَ بَيْنَنَا، فَقَبِلَ الْعَامِلُ لَفْظًا.

1097. Disyaratkan pada sighthah iaitu rukun yang keenam apa yang telah lalu pada sighthah jualan dengan menasabah bahawa setiap dari keduanya adalah akad bayar membayar, seperti “aku qiradh dengan kamu” atau “aku buat kamu pekerja pada sekian di atas bahawa untung di antara kita” maka ‘amil menerima dengan lafaz.

(وَ) الزَّايِعُ مِنَ الشَّرْطِ (أَنْ لَا يُقَدَّرَ) أَحَدُهُمَا الْعَمَلُ (بِمُدَّةٍ) كَسَنَةِ سَوَاءٍ أَسَكَتَ أَمْ مَنَعَهُ التَّصَرُّفَ أَمْ الْبَيْعَ بَعْدَهَا أَمْ الشِّرَاءَ لِاحْتِمَالِ عَدَمِ حُصُولِ الْمَقْصُودِ وَهُوَ الرِّبْحُ فِيهَا. فَإِنْ مَنَعَهُ الشِّرَاءَ فَقَطْ بَعْدَ مُدَّةٍ كَقَوْلِهِ : وَلَا تَشْتَرِ بَعْدَ سَنَةِ صَحَّ لِحُصُولِ الْإِسْتِرْبَاحِ بِالْبَيْعِ الَّذِي لَهُ فِعْلُهُ بَعْدَهَا، وَمَحَلُّهُ كَمَا قَالَ الْإِمَامُ أَنْ تَكُونَ الْمُدَّةُ يَتَأْتَى فِيهَا الشِّرَاءُ لِعَرَضِ الرِّبْحِ بِخِلَافِ نَحْوِ سَاعَةٍ.

1098. Keempat daripada syarat-syaratnya (**bahawa**) seorang dari mereka (**tidak mengkadarkan**) kerja (**dengan tempohan**) seperti setahun, sama sahaja samaada dia diam atau menegahnya dari tasarruf atau jual selepasnya atau beli kerana ihtimal tidak terhasil maksudnya itu untung didalam setahun. Maka jika dia menegahnya dari menjual sahaja selepas tempohan itu seperti katanya : jangan kamu beli selepas setahun, sah ia kerana terhasil mendapatkan untung dengan jual yang boleh dia lakukan selepasnya. Tempatnya sepertimana kata Imam bahawa adalah tempoh itu terbole padanya membeli kerana tujuan untung, bersalahan umpama sejam.

تَنْبِيْهٌ : قَدْ عَلِمَ مِنْ امْتِنَاعِ التَّأْقِيْتِ امْتِنَاعَ التَّعْلِيْقِ، لِأَنَّ التَّأْقِيْتِ أَسْهَلُ مِنْهُ بِدَلِيْلِ احْتِمَالِهِ فِي الْإِجَارَةِ وَالْمُسَاقَاةِ. وَيَمْتَنِعُ أَيْضًا تَعْلِيْقُ التَّصَرُّفِ، بِخِلَافِ الْوَكَالَةِ لِمُنَافَاتِهِ غَرَضُ الرِّبْحِ.

1099. Tanbih. Sungguh diketahui dari tertegah menetapkan waktu tertegah ta'lik, kerana menetapkan waktu lebih mudah darinya dengan dalil ia diterima pada sewaan dan musaqah. Tertegah juga ta'lik tasarruf, bersalahan wakilan kerana bernafiannya dengan tujuan untung.

وَيَجُوزُ تَعَدُّ كُلِّ مَنْ الْمَالِكِ وَالْعَامِلِ . فَلِلْمَالِكِ أَنْ يُقَارِضَ اثْنَيْنِ مُتَّفَاضِلًا وَمَتَسَاوِيًّا فِي الْمَشْرُوطِ لِهَمَا مِنَ الرِّبْحِ، كَأَنْ يَشْرُطَ لِأَحَدِهِمَا ثُلُثَ الرِّبْحِ وَلِلْآخَرِ الرُّبْعَ، أَوْ يَشْرُطَ لِهَمَا النِّصْفَ بِالسَّوِيَّةِ، سِوَاءٍ أَشْرَطَ عَلَى كُلِّ مِنْهُمَا مُرَاجَعَةَ الْآخَرِ أَمْ لَا.

1100. Harus berbilang setiap dari pemilik dan ‘amil. Maka boleh seorang pemilik membuat qiradh dengan dua orang dengan berlebih kurang dan sama pada apa yang disyaratkan bagi kedua mereka dari keuntungan. Seperti bahawa dia mensyaratkan bagi seorang dari mereka satu pertiga keuntungan dan bagi seorang lagi satu perempatnya, atau dia mensyaratkan bagi mereka setengah dengan sama banyak, sama sahaja dia mensyaratkan di atas setiap dari kedua mereka merujuk yang seorang lagi atau tidak.

وَلِلْمَالِكَيْنِ أَنْ يُقَارِضَا وَاحِدًا وَيَكُونَ الرِّبْحُ بَعْدَ نَصِيْبِ الْعَامِلِ بَيْنَهُمَا بِحَسَبِ الْمَالِ. فَإِذَا شَرَطَا لِلْعَامِلِ نِصْفَ الرِّبْحِ وَمَالٌ أَحَدُهُمَا مِائَتَانِ وَمَالُ الْآخَرِ مِائَةٌ اقْتَسَمَا النِّصْفَ الْآخَرَ أَثْلَاثًا، فَإِنْ شَرَطَا غَيْرَ مَا تَقْضِيهِ النِّسْبَةُ فَسَدَ الْعَقْدُ

1101. Boleh dua pemilik membuat qiradh dengan seorang ‘amil, dan adalah untung selepas habuan ‘amil di antara kedua mereka sekira-kira harta mereka. Maka apabila keduanya mensyaratkan bagi ‘amil setengah keuntungan dan harta seorang dari kedua mereka dua ratus dan harta yang seorang lagi seratus kedua mereka

membahagikan setengah yang lain kepada tiga bahagi. Maka jika mereka mensyaratkan selain apa yang dituntut oleh nisbah itu rosaklah akad itu.

وَأِنْ فَسَدَ قِرَاضٌ صَحَّ تَصَرُّفُ الْعَامِلِ لِلْأَدْنِ فِيهِ، وَالرَّبْحُ كُلُّهُ لِلْمَالِكِ، لِأَنَّهُ نَمَاءٌ مِلْكِهِ وَعَلَيْهِ لِلْعَامِلِ إِنْ لَمْ يَقُلْ
وَالرَّبْحُ لِي أَجْرَةٌ مِثْلُهُ، لِأَنَّهُ لَمْ يَعْمَلْ مَجَانًا وَقَدْ فَاتَهُ الْمُسَمَّى

1102. Jika rosak qiradh sah tasarruf 'amil kerana ada izin padanya, dan untung semuanya bagi pemilik kerana ia kesuburan miliknya. Kena di atasnya bagi 'amil upah seumpama jika dia tidak katakan : untung bagi ku, kerana dia tidak bekerja percuma walhal luput darinya apa yang disebutkan.

وَيَتَصَرَّفُ الْعَامِلُ وَلَوْ بَعْرُضٍ بِمَصْلَحَةٍ، لِأَنَّ الْعَامِلَ فِي الْحَقِيقَةِ وَكَيْلٌ لَا بَعْبِنِ فَاحِشٍ وَلَا بِنَسِيئَةٍ بِلَا إِذْنٍ.
وَلِكُلِّ مِنَ الْمَالِكِ وَالْعَامِلِ رَدٌّ بِعَيْبٍ إِنْ فُقِدَتْ مَصْلَحَةُ الْإِبْقَاءِ. فَإِنْ اِخْتَلَفَا عَمِلَ بِالْمَصْلَحَةِ فِي ذَلِكَ. وَلَا يُعَامِلُ
الْمَالِكُ كَأَنْ يَبِيعَهُ شَيْئًا مِنْ مَالِ الْقِرَاضِ، لِأَنَّ الْمَالَ لَهُ.

1103. 'Amil melakukan tasarruf walaupun dengan barangan dengan maslahat, kerana 'amil pada hakikatnya adalah wakil, tidak dengan rugi yang keji dan tidak dengan bertanggung tanpa izin. Bagi setiap dari pemilik dan 'amil memulangkan dengan 'aib jika luput maslahat mengekalkan. Maka jika keduanya berselisih di'amalkan dengan maslahat pada demikian itu. Tidak boleh 'amil bermu'amalah dengan pemilik seperti dia menjual kepadanya sesuatu dari harta qiradh kerana harta itu miliknya.

وَلَا يَشْتَرِي بِأَكْثَرِ مِنْ مَالِ الْقِرَاضِ رَأْسَ مَالٍ وَرَبْحًا. وَلَا يَشْتَرِي زَوْجَ الْمَالِكِ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أَنْثَى وَلَا مَنْ
يُعْتَقُ عَلَيْهِ لِحْوَنِهِ بَعْضَهُ بِلَا إِذْنٍ مِنْهُ. فَإِنْ فَعَلَ ذَلِكَ بغيرِ إِذْنِهِ لَمْ يَصِحَّ الشِّرَاءُ فِي غَيْرِ الْأُولَى وَلَا فِي الزَّائِدِ
فِيهَا، لِأَنَّهُ لَمْ يَأْذَنْ فِي الزَّائِدِ فِيهَا، وَلِتَضَرُّرِهِ بِانْفِسَاخِ النِّكَاحِ وَتَفْوِيتِ الْمَالِ فِي غَيْرِهَا، إِلَّا إِنْ اشْتَرَى فِي
دَمْتِهِ فَيَقَعُ لِلْعَامِلِ.

1104. Tidak boleh dia membeli dengan lebih dari harta qiradh, nisbah modal dan untung. Tidak boleh dia membeli suami atau isteri pemilik dan tidak orang yang dimerdekakan di atasnya kerana keadaannya sebahagian diri pemilik itu tanpa izin darinya. Maka jika dia melakukan demikian itu tanpa izinnnya tidak sah belian itu pada selain yang pertama dan tidak pada yang lebih padanya, kerana dia tidak diizinkan pada yang lebih padanya, dan kerana kemudharatan pemilik dengan terfasakh nikah dan luput harta pada selainnya, melainkan jika dia membeli didalam zimmahnya maka ia jatuh bagi 'amil itu.

وَلَا يُسَافِرُ بِالْمَالِ بِلَا إِذْنٍ لِمَا فِيهِ مِنَ الْخَطَرِ. فَإِنْ أَذِنَ لَهُ جَازَ، لَكِنْ لَا يَجُوزُ فِي الْبَحْرِ إِلَّا بِنَصِّ عَلَيْهِ. وَلَا
يُؤْمَنُ مِنْهُ نَفْسُهُ حَضْرًا وَلَا سَفْرًا. وَعَلَيْهِ فَعْلُ مَا يُعْتَادُ فِعْلُهُ كَطَيِّ تَوْبٍ وَوَزْنِ خَفِيفٍ كَذَهَبٍ.

1105. Tidak boleh dia bermusafir dengan harta qiradh tanpa izin kerana padanya bahaya. Maka jika dia mengizinkannya harus ia, akan tetapi tidak harus dilautan melainkan dengan nas di atasnya. Tidak boleh dia menyara darinya akan dirinya, pada hadhir dan tidak pada safar. Kena dia melakukan apa yang adatnya dia melakukannya seperti lipat kain dan timbang barang yang ringan seperti emas.

(وَلَا ضَمَانَ عَلَى الْعَامِلِ) يَتَلَفُ الْمَالُ أَوْ بَعْضُهُ، لِأَنَّهُ أَمِينٌ فَلَا يَضْمَنُ، (إِلَّا بَعْدُوانِ) مِنْهُ كَتَفْرِيطٍ أَوْ سَفَرٍ
فِي بَرٍّ أَوْ بَحْرِ بِغَيْرِ إِذْنٍ. وَيُقْبَلُ قَوْلُهُ فِي التَّلَفِ إِذَا أُطْلِقَ. فَإِنْ أَسْنَدَهُ إِلَى سَبَبٍ فَعَلَى التَّفْصِيلِ الْآتِي فِي
الْوَدِيعَةِ.

1106. (Tidak ada dhaman di atas 'amil) dengan binasa harta itu atau sebahagiannya kerana dia orang yang diamanahkan maka dia tidak mendahaman

(melainkan dengan melampau) seperti cuai atau safar didaratan atau lautan tanpa izin. Diterima katanya pada binasanya apabila dia tidak mengkaitkan. Maka jika dia menyandarkannya kepada sebab maka di atas tafsil yang akan datang pada wadhiah.

وَيَمْلِكُ حَصَّتَهُ مِنَ الرَّبْحِ بِقِسْمَةٍ لَا يَظْهَرُ، لِأَنَّهُ لَوْ مَلَكَهَا بِالظُّهُورِ لَكَانَ شَرِيكًا فِي الْمَالِ فَيَكُونُ النَّقْصُ الْحَاصِلُ بَعْدَ ذَلِكَ مَحْسُوبًا عَلَيْهِمَا، وَلَيْسَ كَذَلِكَ، لَكِنَّهُ إِنَّمَا يَسْتَقَرُّ مِلْكُهُ بِالْقِسْمَةِ إِنْ نَصَّ رَأْسَ الْمَالِ وَفُسِّخَ الْعَقْدُ، حَتَّى لَوْ حَصَلَ بَعْدَ الْقِسْمَةِ فَقَطْ نَقْصٌ جَبَرَ بِالرَّبْحِ الْمَقْسُومِ. وَيَسْتَقَرُّ مِلْكُهُ أَيْضًا بِنُضُوضِ الْمَالِ وَالْفُسْخِ بِلا قِسْمَةٍ.

1107. Dia memiliki habuannya daripada untung itu dengan pembahagian bukan dengan zahirnya, kerana kalau dia memiliki dengan zahirnya nescaya dia adalah rakan syarikat pada harta itu maka jadilah kurang yang terhasil selepas demikian itu dikirakan di atas keduanya, sedangkan ia tidak seperti itu, akan tetapi pemilikannya hanya tetap dengan pembahagian jika modal itu menjadi duit dan difasakhkan akad, hingga kalau terhasil selepas pembahagian sahaja oleh kurang ditampung ia dengan untung yang telah dibahagi-bahagikan. Tetap miliknya juga dengan jadi duit harta itu dan fasakh tanpa pembahagian.

وَالْمَالِكِ مَا حَصَلَ مِنْ مَالٍ قِرَاضٍ كَثْمَرٍ وَنِتَاجٍ وَكَسْبٍ وَمَهْرٍ وَغَيْرِهَا مِنْ سَائِرِ الرِّوَايَةِ الْعَيْنِيَّةِ الْحَاصِلَةِ بِغَيْرِ تَصَرُّفِ الْعَامِلِ، لِأَنَّهُ لَيْسَ مِنْ فَوَائِدِ التِّجَارَةِ.

1108. Bagi pemilik apa yang terhasil dari harta qiradh seperti buah dan anak dan usaha dan mahar dan selainnya daripada sekalian tambahan-tambahan 'ain yang terhasil tanpa tasarruf amil kerana bukan dari faedah-faedah perniagaan.

(وَإِذَا حَصَلَ) فِيمَا بِيَدِهِ مِنَ الْمَالِ (رِبْحٌ وَخُسْرَانٌ) بَعْدَهُ بِسَبَبِ رُخْصٍ أَوْ عَيْبٍ حَادِثٍ (جُبِرَ الْخُسْرَانُ) الْحَاصِلُ بِرُخْصٍ أَوْ عَيْبٍ حَادِثٍ (بِالرَّبْحِ) لِإِفْتِضَاءِ الْعُرْفِ ذَلِكَ. وَكَذَا لَوْ تَلَفَ بَعْضُهُ بِأَفَةِ سَمَاوِيَّةٍ بَعْدَ تَصَرُّفِ الْعَامِلِ بِبَيْعٍ أَوْ شِرَاءٍ قِيَاسًا عَلَى مَا مَرَّ.

1109. (Apabila terhasil) pada harta yang ada pada tangannya (untung dan rugi) selepas untung dengan sebab murah atau 'aib yang baru (ditampung rugi) yang terhasil dengan murah atau 'aib baru itu (dengan untung) kerana 'uruf menuntut demikian itu. Begitu juga kalau sebahagiannya binasa dengan malapetaka selepas tasarruf 'amil dengan jual atau beli kerana kias di atas apa yang telah lalu.

وَلَوْ أَخَذَ الْمَالِكُ بَعْضَهُ قَبْلَ ظُهُورِ رِبْحٍ وَخُسْرٍ رَجَعَ رَأْسُ الْمَالِ لِلْبَاقِي بَعْدَ الْمَأْخُودِ، أَوْ أَخَذَ بَعْضَهُ بَعْدَ ظُهُورِ رِبْحٍ فَالْمَالُ الْمَأْخُودُ رِبْحٌ وَرَأْسُ مَالٍ. مِثَالُهُ الْمَالُ مِائَةٌ وَالرَّبْحُ عَشْرُونَ وَأَخَذَ عَشْرِينَ فَسُدَّسُهَا وَهُوَ ثَلَاثَةٌ وَتَلَّتْ مِنَ الرَّبْحِ، لِأَنَّ الرَّبْحَ سُدَّسُ الْمَالِ فَيَسْتَقَرُّ لِلْعَامِلِ الْمَشْرُوطِ لَهُ مِنْهُ، وَهُوَ وَاحِدٌ وَتَلْتَانِ إِنْ شَرِطَ لَهُ نِصْفَ الرَّبْحِ.

1110. Kalau pemilik mengambil sebahagian harta itu sebelum nyata untung dan rugi dirujukkan modal itu kepada bakinya selepas apa yang diambil, atau dia mengambil sebahagiannya selepas nyata untung maka harta yang diambil itu untung dan modal. Contohnya : harta itu seratus dan ungunya dua puluh dan dia mengambil dua puluh, maka satu perenam dari duapuluh itu iaitu tiga satu pertiga adalah dari untung kerana untung itu satu perenam harta, maka tetap bagi 'amil apa yang disyaratkan baginya darinya iaitu satu dua pertiga jika disyaratkan baginya setengah keuntungan.

أَوْ أَخَذَ بَعْضَهُ بَعْدَ ظَهْوَرِ خُسْرِ فَالْخُسْرُ مُوزَعٌ عَلَى الْمَأْخُودِ وَالْبَاقِي . مِثَالُهُ الْمَالُ مِائَةٌ وَالْخُسْرُ عِشْرُونَ وَأَخَذَ عِشْرِينَ فَحِصَّتْهَا مِنْ الْخُسْرِ رُبْعُ الْخُسْرِ فَكَانَتْ أَخَذَ خَمْسَةَ وَعِشْرِينَ، فَيَعُودُ رَأْسُ الْمَالِ إِلَى خَمْسَةِ وَسَبْعِينَ.

1111. atau dia mengambil sebahagiannya selepas nyata rugi maka rugi itu diagihkan ke atas apa yang diambil dan bakinya. Contohnya : harta itu seratus dan rugi dua puluh, dan dia mengambil dua puluh, maka habuan seratus dari rugi itu adalah satu perempat rugi⁷⁹, maka seolah-olah dia mengambil dua puluh lima, maka kembalilah modal itu kepada tujuh puluh lima.

وَيُصَدَّقُ الْعَامِلُ فِي عَدَمِ الرَّبْحِ وَفِي قَدْرِهِ لِمُؤَافَقَتِهِ فِيمَا نَفَاهُ لِلأَصْلِ، وَفِي شِرَاءٍ لَهُ أَوْ لِلْقِرَاضِ وَإِنْ كَانَ خَاسِرًا. وَلَوْ اخْتَلَفَا فِي الْقَدْرِ الْمَشْرُوطِ لَهُ تَخَالُفًا، كَاخْتِلَافِ الْمُتَبَايِعِينَ فِي قَدْرِ الثَّمَنِ.

1112. Dibenarkan 'amil pada tidak ada untung dan pada kadar untung kerana muafakatnya dengan asal pada apa yang dia nafikan, dan pada belian untuk dirinya atau untuk qiradh sekalipun ianya rugi. Kalau kedua mereka berselisih pada kadar yang disyaratkan baginya mereka bersumpah-sumpah sama seperti berselisih dua orang yang berjual beli pada kadar harga.

وَاللُّعَامِلُ بَعْدَ الْفَسْحِ أَجْرُهُ الْمِثْلُ وَيُصَدَّقُ فِي دَعْوَى رَدِّ الْمَالِ لِلْمَالِكِ، لِأَنَّهُ انْتَمَنَهُ كَالْمُودِعِ، بِخِلَافِ نَظِيرِهِ فِي الْمُرْتَهَنِ وَالْمُسْتَأْجِرِ.

1113. Wajib bagi 'amil selepas fasakh upah seumpama. Dibenarkan dia pada dakwaan memulangkan harta kepada pemilik kerana dia mempercayainya seperti orang yang diletakkan barang taruhan, bersalahan yang sebandingnya pada pemegang gadai dan penyewa.

فَأَيُّهُ : كُلُّ أَمِينٍ ادَّعَى الرَّدَّ عَلَى مَنْ انْتَمَنَهُ صِدْقَ بَيْمِينِهِ إِلَّا الْمُرْتَهَنَ وَالْمُسْتَأْجِرِ.

1114. Satu faedah : setiap orang yang diamanahkan yang mendakwa telah memulangkan ke atas orang yang mengamanahkannya dibenarkan dia dengan sumpahnya melainkan pemegang gadai dan penyewa.

تَتِمَّةٌ : الْقِرَاضُ جَائِزٌ مِنَ الطَّرْفَيْنِ، لِكُلِّ مَنْ الْمَالِكِ وَالْعَامِلِ فَسَخُهُ مَتَى شَاءَ، وَيَنْفَسِخُ بِمَا تَنْفَسِخُ بِهِ الْوَكَاةُ كَمَوْتِ أَحَدِهِمَا وَجُنُونِهِ لِمَا مَرَّ أَنَّهُ تَوْكِيلٌ وَتَوَكُّلٌ.

1115. Tatimmah : qiradh itu harus dari dua tepi, boleh setiap daripada pemilik dan 'amil memfasahkannya bila dia hendak. Terfasakh ia dengan apa yang terfasakh wakilan dengannya seperti mati seorang dari keduanya dan gilanya kerana apa yang telah lalu bahawa ia adalah mewakilkan dan menerima wakilan.

ثُمَّ بَعْدَ الْفَسْحِ أَوْ الْإِنْفِسَاحِ يُلْزَمُ الْعَامِلُ اسْتِيفَاءُ الدَّيْنِ لِأَنَّهُ لَيْسَ فِي قَبْضَتِهِ وَرَدُّ قَدْرِ رَأْسِ الْمَالِ لِمِثْلِهِ بِأَنْ يَنْبُضَهُ وَإِنْ كَانَ قَدْ بَاعَهُ بِنَفْسِهِ عَلَى غَيْرِ صِفَتِهِ أَوْ لَمْ يَكُنْ رِبْحٌ لِأَنَّهُ فِي عَهْدَةِ رَدِّ رَأْسِ الْمَالِ كَمَا أَخَذَهُ. هَذَا إِذَا طَلَبَ الْمَالِكُ الْإِسْتِيفَاءَ أَوْ التَّنْضِيضَ، وَإِلَّا فَلَا يُلْزَمُهُ ذَلِكَ إِلَّا أَنْ يَكُونَ لِمَحْجُورٍ عَلَيْهِ وَحَظَّهُ فِيهِ.

1116. Kemudian, selepas fasakh atau terfasakh qiradh lazim 'amil membayar hutang kerana ia tidak lagi didalam genggamannya, dan mengembalikan kadar modal kepada yang seumpamanya dengan bahawa dia menjadikannya duit sekalipun dia telah menjualnya dengan duit yang melaini sifat modal itu atau tidak ada untung, kerana dia berada didalam tanggung jawab mengembalikan modal itu sepertimana dia mengambilnya. Ini apabila pemilik menuntut pembayaran hutang atau mengembalikan

⁷⁹. iaitu lima.

kepada duit, jika tidak maka tidak melazimi dia demikian itu melainkan bahawa ianya bagi orang yang dihijir dan yang terbaik baginya demikian itu.

وَلَوْ تَعَاقَدَا عَلَى نَقْدٍ وَتَصَرَّفَ فِيهِ الْعَامِلُ فَأَبْطَلَ السُّلْطَانُ ذَلِكَ النَّقْدَ ثُمَّ فَسِخَ الْعَقْدُ، فَلَيْسَ لِلْمَالِكِ عَلَى الْعَامِلِ إِلَّا مِثْلَ النَّقْدِ الْمَعْقُودِ عَلَيْهِ عَلَى الصَّحِيحِ فِي الرِّوَايِدِ.

1117. Kalau dua orang berakad di atas satu kadar duit dan 'amil telah tasarruf padanya maka sultan membatalkan duit itu kemudian difasakhkan akad maka tidak ada bagi pemilik di atas 'amil melainkan seumpama duit yang diakadkan di atasnya di atas yang sah didalam Zawaid.

فَصْلٌ : فِي الْمَسَاقَاةِ . وَهِيَ لَعَّةٌ مَأْخُودَةٌ مِنَ السَّقْيِ بِفَتْحِ السِّينِ وَسُكُونِ الْقَافِ الْمُحْتَاجِ إِلَيْهِ فِيهَا غَالِبًا لَا سِيَّمَا فِي الْحِجَازِ فَإِنَّهُمْ يَسْقُونَ مِنَ الْآبَارِ لِأَنَّهُ أَنْفَعُ أَعْمَالِهَا وَحَقِيقَتُهَا أَنْ يُعَامَلَ غَيْرَهُ عَلَى نَخْلِ أَوْ شَجَرٍ عِنَبٍ لِيَتَعَهَّدَهُ بِالسَّقْيِ وَالتَّرْبِيَةِ عَلَى أَنْ الثَّمَرَةُ لَهُمَا.

1118. **Fasal pada musaqah.** "مساقاة" pada lughah diambil dari "سقي" i.e jirus yang ghalibnya dihajati pada musaqah, apatah pula di Hijaz maka mereka menjirus dari telaga-telaga, kerana jirus itu adalah yang paling bermanfaat daripada kerja-kerjanya. Hakikatnya bahawa seorang menjadikan orang lain bekerja pada pokok tamar atau pokok anggur untuk dia menguruskannya dengan jirus dan mengasuhnya di atas bahawa buahnya bagi kedua mereka.

وَالْأَصْلُ فِيهَا قَبْلَ الْإِجْمَاعِ خَبَرُ الصَّحِيحَيْنِ : { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَامَلَ أَهْلَ خَيْبَرَ } وَفِي رِوَايَةٍ : { دَفَعَ إِلَى يَهُودِ خَيْبَرَ نَخْلَهَا وَأَرْضَهَا بِشَطْرِ مَا يَخْرُجُ مِنْهَا مِنْ ثَمَرٍ أَوْ زَرْعٍ } . وَالْحَاجَةُ دَاعِيَةٌ إِلَيْهَا، لِأَنَّ مَالِكَ الْأَشْجَارِ قَدْ لَا يُحْسِنُ تَعَهُّدَهَا أَوْ لَا يَتَفَرَّغُ لَهُ وَمَنْ يُحْسِنُ وَيَتَفَرَّغُ قَدْ لَا يَمْلِكُ الْأَشْجَارَ فَيَحْتَاجُ ذَلِكَ إِلَى الْإِسْتِعْمَالِ وَهَذَا إِلَى الْعَمَلِ، وَلَوْ أَكْثَرَى الْمَالِكُ لَزِمَتْهُ الْأَجْرَةُ فِي الْحَالِ وَقَدْ لَا يَحْصُلُ لَهُ شَيْءٌ مِنَ الثَّمَرِ وَيَتَهَاوَنُ الْعَامِلُ قَدَعَتْ الْحَاجَةَ إِلَى تَجْوِيزِهَا.

1119. Asal padanya sebelum ijmak khabar dua kitab yang sahih "bahawa nabi s.a.w.m menjadikan penduduk Khaibar sebagai pekerja" pada satu riwayat "menyerahkan kepada Yahudi Khaibar akan pokok tamarnya dan buminya dengan sebahagian buah atau hasil tanaman yang keluar darinya", dan hajat yang menyeru kepadanya, kerana pemilik pokok terkadang tidak pandai menguruskannya atau tidak lapang untuknya sementara orang yang pandai dan lapang terkadang tidak memiliki pokok maka orang yang itu perlu mencari pekerja dan yang ini kepada kerja, dan kalau pemilik mengupah nescaya lazimi dia membayar upah pada masa itu juga dan terkadang tidak terhasil buah baginya dan sambil lewa pekerja, maka hajat menyeru kepada mengharuskannya.

وَأَرْكَانُهَا سِتَّةٌ عَاقِدَانِ وَعَمَلٌ وَثَمَرٌ وَصِيغَةٌ وَمَوْرِدُ الْعَمَلِ. وَالْمُصَنَّفُ ذَكَرَ بَعْضَهَا وَنَذَرَ الْبَاقِي فِي الشَّرْحِ

1120. Rukun-rukunnya enam : dua yang berakad dan kerja dan buah dan sighth dan tempat diletakkan kerja itu. Musannif menyebutkan sebahagiannya dan kita sebutkan bakinya didalam syarah.

(وَالْمَسَاقَاةُ جَانِزَةٌ) لِلْحَاجَةِ إِلَيْهَا كَمَا مَرَّ وَلَا يَصِحُّ عَقْدُهَا إِلَّا (عَلَى) شَجَرٍ (النَّخْلِ وَالْأُكْرَمِ) . هَذَا أَحَدُ الْأَرْكَانِ وَهُوَ الْمَوْرِدُ . أَمَّا النَّخْلُ فَلِلْخَبَرِ السَّابِقِ وَلَوْ ذَكَرْنَا كَمَا اقْتَضَاهُ إِطْلَاقُ الْمُصَنَّفِ وَصَرَّحَ بِهِ الْخَفَافُ . وَيُسْتَنْرَطُ فِيهِ أَنْ يَكُونَ مَعْرُوسًا مُعَيَّنًا مَرْنِيًّا بِيَدِ عَامِلٍ لَمْ يَبْدُ صَلَاحَهُ .

1121. (Musaqah itu harus) kerana hajat kepadanya sepertimana telah lalu. Tidak sah akadnya melainkan (di atas) pokok (tamar dan pokok anggur). Ini satu

daripada rukun-rukunnya iaitu tempat kerja. Adapun pokok tamar maka kerana khabar yang lalu itu, walaupun jantan sepertimana dikehendaki itlak musannif dan dijelaskan oleh Khaffaf. Disyaratkan padanya bahawa ianya ditanam, tertentu, dipandang, berada pada tangan pekerja, tidak nyata eloknya.

وَمِثْلُهُ الْعِنْبُ، لِأَنَّهُ فِي مَعْنَى النَّخْلِ بِجَامِعِ وَجُوبِ الزَّكَاةِ وَتَأْتِي الْخَرْصِ. وَتَسْمِيَةُ الْعِنْبِ بِالْكَرْمِ وَرَدَ النَّهْيُ عَنْهَا. قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: { لَا تَسْمُوا الْعِنْبَ كَرْمًا إِنَّمَا الْكَرْمُ الرَّجُلُ الْمُسْلِمُ }. رَوَاهُ مُسْلِمٌ.

1122. Umpamanya pokok anggur kerana ia pada makna pokok tamar dengan menasabah wajib zakat dan boleh dijangka. Menamakan anggur dengan karm datang tegahan darinya, sabda nabi s.a.w.m “jangan kamu namakan anggur sebagai karm, karm i.e mulia itu hanyalah lelaki yang islam”. Meriwayatkannya Muslim.

وَاخْتَلَفُوا أَيُّهُمَا أَفْضَلُ. وَالرَّاجِحُ أَنَّ النَّخْلَ أَفْضَلُ لِرُؤُودِ: { أَكْرَمُوا عَمَاتِكُمُ النَّخْلَ الْمُطْعَمَاتِ فِي الْمَحَلِّ وَأَنَّهَا خُلِقَتْ مِنْ طِينَةِ آدَمَ }، وَالنَّخْلُ مَقْدَمٌ عَلَى الْعِنْبِ فِي جَمِيعِ الْقُرْآنِ، وَشَبَّهَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ النَّخْلَةَ بِالْمُؤْمِنِ فَإِنَّهَا تَشْرَبُ بِرَأْسِهَا وَإِذَا قُطِعَتْ مَاتَتْ، وَيَنْتَفِعُ بِجَمِيعِ أَجْزَائِهَا، وَشَبَّهَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَيْنَ الدَّجَالِ بِحَبَّةِ الْعِنْبِ، لِأَنَّهَا أَصْلُ الْخَمْرِ، وَهِيَ أُمُّ الْخَبَائِثِ.

1123. Mereka berselisih pendapat; mana satu dari keduanya terafdhal. Yang rajih bahawa pokok tamar terafdhal kerana datang “muliakanlah emak saudara kamu, pokok tamar, yang dimakan pada kemarau dan bahawa ianya dijadikan dari tanah Adam”, dan kerana pokok tamar didulukan di atas pokok anggur pada seluruh Quran, dan nabi s.a.w.m menyerupakan pokok tamar dengan orang beriman kerana ia minum dengan kepalanya dan apabila ia dipotong ia mati, dan dimanfaatkan ia dengan semua juzuk-juzuknya, dan nabi menyerupakan Dajjal dengan biji anggur kerana ia asal arak dan ia ibu segala kekejian.

فَلَا تَصِحُّ الْمُسَاقَاةُ عَلَى غَيْرِ نَخْلٍ وَعِنْبٍ اسْتِقْلَالًا كَتَيْنِ وَتَفَاحٍ وَمِشْمِشٍ وَبَطِيخٍ، لِأَنَّهُ يَنْمُو مِنْ غَيْرِ تَعَهُدٍ، بِخِلَافِ النَّخْلِ وَالْعِنْبِ، وَلَا عَلَى غَيْرِ مَرْئِيٍّ وَلَا عَلَى مُبْهَمٍ كَأَحَدِ الْبُسْتَانَيْنِ كَمَا فِي سَائِرِ عُقُودِ الْمُعَاوَضَةِ، وَلَا عَلَى كَوْنِهِ بِيَدِ غَيْرِ الْعَامِلِ كَأَنْ جُعِلَ بِيَدِهِ وَبِيَدِ الْمَالِكِ كَمَا فِي الْقِرَاضِ، وَلَا عَلَى وَدَيْ يَغْرُسُهُ وَيَتَعَهُدُهُ وَالنَّمْرَةَ بَيْنَهُمَا كَمَا لَوْ سَلَّمَهُ بَدْرًا لِيَزْرَعَهُ، وَلِأَنَّ الْغَرْسَ لَيْسَ عَمَلُ الْمُسَاقَاةِ فَضْمُهُ إِلَيْهِ يَفْسِدُهَا، وَلَا عَلَى مَا بَدَأَ صِلَاحَ ثَمَرِهِ لِفَوَاتِ مُعْظَمِ الْأَعْمَالِ.

1124. Maka tidak sah musaqah di atas selain pokok tamar dan anggur di atas jalan tersendiri seperti tin dan epal dan misymisy dan timun kerana ia subur tanpa penjagaan, bersalahan pokok tamar dan pokok anggur, dan tidak di atas yang tidak dilihat dan tidak di atas yang mubham seperti satu daripada dua kebun sepertimana pada sekalian akad-akad tukar menukar, dan tidak di atas keadaannya pada tangan selain pekerja seperti ia diletakkan pada tangannya dan pada tangan pemilik sama seperti pada qiradh, dan tidak di atas lembah yang dia menanamnya dan mengurusinya dan buah di antara kedua mereka sepertimana kalau pemilik menyerahkan kepadanya benih untuk dia tanam, dan kerana menanam pokok itu bukan kerja musaqah maka menghimpunkannya kepada mengurusinya merosakkan musaqah, dan tidak di atas apa yang telah nyata elok buahnya kerana luput sebahagian besar kerja-kerjanya.

وَشَرَطٌ فِي الْعَاقِدَيْنِ وَهُمَا الرُّكْنُ الثَّانِي وَالثَّلَاثُ مَا مَرَّ فِيهِمَا فِي الْقِرَاضِ وَتَقَدَّمَ بَيَانُهُ. وَشَرِيكَ مَالِكٍ كَأَجْنَبِيٍّ فَتَصِحُّ مُسَاقَاتُهُ لَهُ إِنْ شَرَطَ لَهُ زِيَادَةً عَلَى حِصَّتِهِ.

1125. Disyaratkan pada dua yang berakad yang mana keduanya rukun kedua dan ketiga apa yang telah lalu pada keduanya pada qiradh dan terdahulu

keterangannya. Rakan syarikat seorang pemilik sama seperti ajnabi maka sah musaqah dia dengannya jika dia syaratkan lebih di atas habuannya baginya.

وَشَرَطَ فِي الْعَمَلِ وَهُوَ الرُّكْنُ الرَّابِعُ أَنْ لَا يُشْتَرَطَ عَلَى الْعَاقِدِ مَا لَيْسَ عَلَيْهِ. فَلَوْ شَرَطَ ذَلِكَ كَانَ شَرَطَ عَلَى الْعَامِلِ أَنْ يَبْنِيَ جِدَارَ الْحَدِيقَةِ، أَوْ عَلَى الْمَالِكِ تَنْقِيَةَ النَّهْرِ لَمْ يَصِحَّ الْعَقْدُ.

1126. Disyaratkan pada kerja yang mana ia rukun keempat bahawa tidak disyaratkan ke atas yang berakad apa yang tidak kena di atasnya. Maka kalau disyaratkan demikian itu seperti bahawa disyaratkan ke atas pekerja bahawa dia membina pagar kebun atau ke atas pemilik bahawa dia membersihkan sungai tidak sah akad itu.

وَشَرَطَ فِي الثَّمَرِ وَهُوَ الرُّكْنُ الْخَامِسُ شَرْوْطًا ذَكَرَ الْمُصَنِّفُ مِنْهَا شَرْطَيْنِ بِقَوْلِهِ : (وَلَهَا شَرْطَانِ أَحَدُهُمَا أَنْ يَقْدَرَهَا) أَيِ الْعَاقِدَانِ (بِمُدَّةٍ مَعْلُومَةٍ) يُثْمَرُ فِيهَا الشَّجَرُ غَالِبًا كَسَنَةِ أَوْ أَكْثَرَ كَالْإِجَارَةِ . فَلَا تَصِحُّ مُؤَبَّدَةً وَلَا مُطْلَقَةً وَلَا مُوقَّتَةً بِإِدْرَاكِ الثَّمَرِ لِلْجَهْلِ بِوَقْتِهِ فَإِنَّهُ يَتَقَدَّمُ تَارَةً وَيَتَأَخَّرُ أُخْرَى، وَلَا مُوقَّتَةً بِزَمَنِ لَا يُثْمَرُ فِيهِ الشَّجَرُ غَالِبًا لِحُلُوقِ الْمَسَاقَاةِ عَنِ الْعَوْضِ وَلَا أَجْرَةَ لِلْعَامِلِ إِنْ عِلْمٌ أَوْ ظَنٌّ أَنَّهُ لَا يُثْمَرُ فِي ذَلِكَ الزَّمَنِ. وَإِنْ اسْتَوَى الْإِحْتِمَالَانِ أَوْ جَهَلَ الْحَالُ فَلَهُ أَجْرَتُهُ، لِأَنَّهُ عَمِلَ طَامِعًا وَإِنْ كَانَتْ الْمَسَاقَاةُ بَاطِلَةً.

1127. Disyaratkan pada buah yang mana ia rukun kelima beberapa syarat, musannif sebutkan dua darinya dengan katanya (**baginya dua syarat, satu daripadanya bahawa**) kedua yang berakad itu (**mengkadarkannya dengan tempohan yang dimaklumi**) yang ghalibnya pokok itu berbuah padanya seperti setahun atau lebih sama seperti sewaan. Maka tidak sah musaqah selama-lama, dan tidak dengan tidak dikaitkan, dan tidak dengan diwaktukan dengan mendapat buah kerana dijahilkan waktunya maka ia sekali cepat dan kali yang lain lambat, dan tidak dengan diwaktukan dengan masa yang ghalibnya pokok itu tidak berbuah padanya kerana sunyi musaqah itu dari gentian. Tidak ada upah bagi pekerja jika dia tahu atau zan bahawa ianya tidak berbuah pada masa itu. Jika sama dua tanggungan itu atau dijahilkan keadaannya maka baginya upahnya kerana dia bekerja dalam keadaan tamak sekalipun musaqah itu batal.

(وَ) الشَّرْطُ (الثَّانِي أَنْ يُعَيَّنَ) الْمَالِكُ (لِلْعَامِلِ جُزْءًا) كَثِيرًا كَانَ أَوْ قَلِيلًا (مَعْلُومًا) كَالثَّلْثِ فِي الثَّمَرَةِ الَّتِي وَقَعَ عَلَيْهَا الْعَقْدُ.

1128. Syaratnya (**yang kedua bahawa**) pemilik (**menentukan bagi pekerja satu jujuk**) banyak atau sedikit (**yang dimaklumi**) seperti satu pertiga pada buah yang jatuh akad di atasnya.

وَالشَّرْطُ الثَّلَاثُ اخْتِصَاصُهُمَا بِالثَّمَرَةِ. فَلَا يَجُوزُ شَرْطُ بَعْضِهِ لِغَيْرِهِمَا وَلَا كُلَّهُ لِلْمَالِكِ. قَالَ فِي الرَّوْضَةِ. وَفِي اسْتِحْقَاقِ الْأَجْرَةِ عِنْدَ شَرْطِ الْكُلِّ لِلْمَالِكِ وَجِهَانِ كَالْقِرَاضِ، أَصَحُّهُمَا الْمُنْعُ.

1129. Syaratnya yang ketiga : khusus kedua mereka dengan buah itu maka tidak harus syarat sebahagiannya bagi selain mereka dan tidak semuanya bagi pemilik. Katanya didalam Raudhah: pada berhak upah di sisi syarat semuanya bagi pemilik ada dua wajah sama seperti qiradh, yang paling sahinya ditegah.

وَشَرَطَ فِي الصِّيغَةِ وَهُوَ الرُّكْنُ السَّادِسُ مَا مَرَّ فِيهَا فِي الْبَيْعِ عَيْرَ عَدَمِ التَّأْفِيتِ بِقَرِينَةٍ مَا مَرَّ أَنْفَاءً، كَسَاقِيتِكَ أَوْ عَامَلْتِكَ عَلَى هَذَا عَلَى أَنْ الثَّمَرَةُ بَيْنَنَا، فَيُقْبَلُ الْعَامِلُ، لَا تَفْصِيلُ أَعْمَالٍ بِنَاحِيَةٍ بِهَا عُرْفٌ غَالِبٌ فِي الْعَمَلِ عَرَفَهُ الْعَاقِدَانِ، فَلَا يُشْتَرَطُ. فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِيهَا عُرْفٌ غَالِبٌ أَوْ كَانَ وَلَمْ يَعْرِفَاهُ أُشْتَرَطُ. وَيُحْمَلُ الْمَطْلُوقُ عَلَى الْعُرْفِ الْغَالِبِ الَّذِي عَرَفَاهُ فِي نَاحِيَةٍ.

1130. Disyaratkan pada sighthah iaitu rukun keenam apa yang telah lalu pada sighthah jualan selain tidak mewaktukan dengan karenah apa yang telah lalu sebentar tadi, seperti “aku bermusaqah dengan kamu” atau “aku buat kamu pekerja di atas ini di atas bahawa buahnya di antara kita”, maka pekerja itu menerima. Tidak disyaratkan perincian kerja-kerja pada satu-satu tempat yang padanya ada ‘uruf yang ghalib pada kerja yang diketahui oleh dua yang berakad itu, maka tidak disyaratkan ia. Maka jika tidak ada uruf yang ghalib padanya atau ada dan tidak diketahui oleh kedua mereka disyaratkan ia. Ditanggungkan yang mutlak di atas ‘uruf yang ghalib yang mereka tahukannya pada satu-satu tempat.

(ثُمَّ الْعَمَلُ فِيهَا عَلَى ضَرْبَيْنِ). هَذَا شُرُوعٌ فِي بَيَانِ حُكْمِهَا. الْأَوَّلُ (عَمَلٌ يَعُودُ نَفْعُهُ عَلَى الثَّمَرَةِ) لِزِيَادَتِهَا أَوْ صَلَاحِهَا أَوْ يَتَكَرَّرُ كُلَّ سَنَةٍ كَسَفَى وَتَنْقِيَةِ مَجْرَى الْمَاءِ مِنْ طِينٍ وَنَحْوِهِ، وَإِصْلَاحِ أَجَاجِينِ يَقِفُ فِيهَا الْمَاءُ حَوْلَ الشَّجَرِ لِيَشْرَبَهُ، شُبُهَتْ بِأَجَاجِينِ الْعَسِيلِ، جَمْعُ إِجَانَةٍ، وَتَلْقِيحِ النَّخْلِ وَتَنْحِيَةِ حَشِيشٍ وَقَضْبَانٍ مُضَرَّةٍ بِالشَّجَرِ وَتَعْرِيشِ اللَّعْنَبِ إِنْ جَرَتْ بِهِ عَادَةٌ، وَهُوَ أَنْ يَنْصَبَ أَعْوَادًا وَيُظَلِّلُهَا وَيَرْفَعُهُ عَلَيْهَا ، وَيَحْفَظُ الثَّمَرَ عَلَى الشَّجَرِ وَفِي الْبَيْدَرِ عَنِ السَّرْقَةِ وَالشَّمْسِ وَالطَّيْرِ بِأَنْ يَجْعَلَ كُلَّ عُنُقُودٍ فِي وَعَاءٍ يُهَيِّئُهُ الْمَالِكُ كَقَوْصِرَةٍ، وَقَطْعِهِ وَتَجْفِيفِهِ، (فَهُوَ) كُلُّهُ (عَلَى الْعَامِلِ) دُونَ الْمَالِكِ لِإِقْتِضَاءِ الْعُرْفِ ذَلِكَ فِي الْمُسَاقَاةِ. قَالَ فِي الرَّوْضَةِ : وَإِنَّمَا أُعْتَبِرَ التَّكَرُّرُ لِأَنَّ مَا لَا يَتَكَرَّرُ يَبْقَى أَثَرُهُ بَعْدَ فِرَاقِ الْمُسَاقَاةِ، وَتَكْلِيفِ الْعَامِلِ مِثْلُ هَذَا إِجْحَافٌ بِهِ.

1131. (Kemudian kerja padanya di atas dua bentuk). Ini masuk pada penerangan hukumnya. Yang pertama (**kerja yang kembali manfaatnya ke atas buah**) supaya ia lebih bayak dan elok, dan berulang-ulang ia sepanjang tahun seperti jirus dan membersihkan laluan air dari tanah dan umpamanya dan membaiki ajajin⁸⁰ yang berhenti air padanya disekeliling pokok untuk ia menyedutnya, diserupakan ia dengan bekas airi untuk membasuh, jamak “إِجَانَةٌ”, dan seperti mendebungkan pokok tamar dan menajak rumput dan pokok renek yang memudharatkan pokok dan membuat para pokok anggur jika berjalan adat dengannya iaitu menegakkan ranting-kayu dan mengikatnya dengan tali dan meninggikannya di atas para itu, dan dia menjaga buah yang di atas pokok dan yang pada jelapang dari kecurian dan matahari dan burung, dengan bahawa dia menjadikan setiap gugusan atau tandan didalam bekas yang disediakan pemilik seperti qausharrah*, dan mengetamnya dan mengeringkannya, (**maka ia**) semuanya (**di atas pekerja**) bukan pemilik kerana ‘uruf menuntut demikian itu pada musaqah. Katanya didalam Raudhah : hanyalah diiktibarkan berulang kerana perkara yang tidak berulang kekal kesannya selepas selesai musaqah. Memberati pekerja dengan seumpama ini adalah tidak adil di atasnya.

(وَ) الضَّرْبُ الثَّانِي (عَمَلٌ يَعُودُ نَفْعُهُ إِلَى الْأَرْضِ) مِنْ غَيْرِ أَنْ يَتَكَرَّرَ كُلَّ سَنَةٍ وَلَكِنْ يُفْصَدُ بِهِ حِفْظُ الْأَصُولِ كَبِنَاءِ حَبِطَانِ الْبُسْتَانِ وَحَفْرِ نَهْرٍ وَإِصْلَاحِ مَا أَنهَارَ مِنَ النَّهْرِ، وَنَصْبِ الْأَبْوَابِ وَالِدُّوَالِبِ وَنَحْوِ ذَلِكَ وَالْأَلَاتِ الْعَمَلِ كَالْفَأْسِ وَالْمِعْوَلِ وَالْمِنْجَلِ وَالطَّلْعِ الَّذِي يُلْقَحُ بِهِ النَّخْلُ وَالْبَهِيمَةَ الَّتِي تُدِيرُ الدُّوَالِبَ (فَهُوَ) كُلُّهُ (عَلَى رَبِّ الْمَالِ) دُونَ الْعَامِلِ لِإِقْتِضَاءِ الْعُرْفِ ذَلِكَ،

1132. Bentuk yang kedua (**kerja yang kembali manfaatnya kepada tanah**) tanpa berulang-ulang sepanjang tahun, akan tetapi tujuannya penjagaan umbi pokok-pokok seperti membina pagar kebun dan mengalikan anak sungai dan membaiki apa runtuh pada sungai dan mendirikan pintu dan kincir dan umpama demikian itu, dan alat-alat kerja seperti kapak dan kapak besar dan sabit dan mayang yang didebungkan pokok

⁸⁰. bekas untuk membasuh.

tamar dengannya dan bahimah yang memutarakan kincir itu (**maka ia**) semuanya (**di atas tuan harta**) bukan pekerja kerana 'uruf menuntut demikian itu.

وَيَمْلِكُ الْعَامِلُ حَصَّتَهُ مِنَ الثَّمَرِ بِالظُّهُورِ إِنْ عَقِدَ قَبْلَ ظُهُورِهِ . وَفَارَقَ الْفَرَاضَ حَيْثُ لَا يَمْلِكُ فِيهِ الرِّبْحَ إِلَّا بِالْقِسْمَةِ كَمَا مَرَّ بِأَنَّ الرِّبْحَ وَقَايَةُ لِرَأْسِ الْمَالِ وَالثَّمَرُ لَيْسَ وَقَايَةُ لِلشَّجَرِ . أَمَا إِذَا عَقِدَ بَعْدَ ظُهُورِهِ فَيَمْلِكُهَا بِالْعَقْدِ .

1133. Amil memilik habuannya daripada buah itu dengan zahirnya jika ia diakadkan sebelum zahirnya. Ia melaini qiradh sekira-kira dia tidak memilik keuntungan padanya melainkan dengan pembahagian sepertimana telah lalu dengan bahawa untung itu memelihara modal dan buah bukan memelihara pokok. Adapun apabila ia diakadkan selepas zahirnya maka dia memilikinya dengan akad.

وَحَرَاجَ بِالثَّمَرِ الْجَرِيدُ وَالْكَرْنَفُ وَاللَّيْفُ فَلَا يَكُونُ مُشْتَرَكًا بَيْنَهُمَا بَلْ يَخْتَصُّ بِهِ الْمَالِكُ كَمَا جَزَمَ بِهِ فِي الْمَطْلَبِ تَبَعًا لِلْمَاوَرِدِيِّ وَغَيْرِهِ . قَالَ : وَلَوْ شَرَطَ جَعْلَهُ بَيْنَهُمَا عَلَى حَسَبِ مَا شَرَطَاهُ فِي الثَّمَرِ فَوَجَّهَانَ فِي الْحَاوِي . ١ هـ . وَالظَّاهِرُ مِنْهُمَا الصِّحَّةُ كَمَا نَقَلَهُ الزَّرْكَشِيُّ وَغَيْرُهُ عَنِ الصَّيْمَرِيِّ . وَلَوْ شَرَطَهَا لِلْعَامِلِ بَطْلَ قِطْعًا .

1134. Keluar dengan buah oleh pelepas dan kirnaf dan sabut maka ia tidak disyarikatkan di antara mereka bahkan khusus pemilik dengannya sepertimana dia jazamkan didalam al Matlab kerana mengikut Mawardi dan selainnya. Katanya : kalau disyaratkan menjadikannya di antara mereka di atas sekira-kira apa yang mereka syaratkan pada buah maka dua wajah didalam al Hawi. Intaha. Yang zahir daripada keduanya adalah sah sepertimana dinakalkan Zarkasyi dan selainnya dari Shaimuri. Kalau pemilik mensyaratkannya bagi pekerja batal ia dengan jazam.

وَعَامِلُ الْمُسَاقَاةِ أَمِينٌ بِاتِّفَاقِ الْأَصْحَابِ . وَلَا يَصِحُّ كَوْنُ الْعَوْضِ غَيْرَ الثَّمَرِ . فَلَوْ سَاقَاهُ بِدَرَاهِمٍ أَوْ غَيْرِهَا لَمْ تُنْعَقِدْ مُسَاقَاةٌ وَلَا إِجَارَةٌ إِلَّا إِنْ فَصَّلَ الْأَعْمَالَ وَكَانَتْ مَعْلُومَةً .

1135. 'Amil musaqah itu orang yang dipercayai, dengan ittifak ashab Syafie. Tidak sah keadaan bayaran itu selain buah. Maka kalau pemilik bermusaqah dengan 'amil dengan dirham atau selain keduanya tidak terjadi musaqah itu dan tidak upahan, melainkan jika dia memperincikan kerja-kerja dan ianya dimaklumi.

وَلَوْ سَاقَاهُ عَلَى نَوْعٍ بِالنِّصْفِ عَلَى أَنْ يُسَاقِيَهُ عَلَى آخَرٍ بِالثَّلْثِ فَسَدَ الْأَوَّلُ لِلشَّرْطِ الْفَاسِدِ . وَأَمَّا الثَّانِي فَاِنْ عَقَدَهُ جَاهِلًا بِفَسَادِ الْأَوَّلِ فَكَذَلِكَ . وَإِلَّا فَيَصِحُّ .

1136. Kalau pemilik bermusaqah dengan 'amil di atas satu jenis pokok⁸¹ bagai dengan setengah di atas bahawa dia bermusaqah dengannya di atas jenis lain dengan satu pertiga rosak yang pertama kerana syarat yang fasid. Adapun yang kedua maka jika dia mengakadkannya dalam keadaan dia jahil dengan fasad yang pertama itu maka seperti itu juga. Jika tidak, maka sah.

تَتَمَّةٌ : الْمُسَاقَاةُ لِأَزْمَةِ كَالْإِجَارَةِ . فَلَوْ هَرَبَ الْعَامِلُ أَوْ عَجَزَ بِمَرَضٍ أَوْ نَحْوِهِ قَبْلَ الْفَرَاغِ مِنَ الْعَمَلِ وَتَبَرَّعَ غَيْرُهُ بِالْعَمَلِ بِنَفْسِهِ أَوْ بِمَالِهِ بَقِيَ حَقُّ الْعَامِلِ . فَإِنْ لَمْ يَتَبَرَّعْ غَيْرُهُ وَرَفَعَ الْأَمْرَ إِلَى الْحَاكِمِ أَكْثَرَى الْحَاكِمِ عَلَيْهِ مَنْ يَعْمَلُ بَعْدَ ثُبُوتِ الْمُسَاقَاةِ وَهَرَبَ الْعَامِلُ مِثْلًا وَتَعَدَّرَ إِحْضَارُهُ ، مِنْ مَالِهِ إِنْ كَانَ لَهُ مَالٌ . وَإِلَّا أَكْثَرَى

⁸¹. seperti musaqah pada pokok tamar dengan setengah dengan syarat musaqah pada pokok anggur dengan satu pertiga.

بِمَوْجَلٍ إِنْ تَأْتَى. نَعَمْ، إِنْ كَانَتْ الْمُسَاقَاةُ عَلَى الْعَيْنِ فَالَّذِي جَزَمَ بِهِ صَاحِبُ الْمُعِينِ الْيَمِينِيِّ وَالنَّشَائِيُّ أَنَّهُ لَا يَكْتَرِي عَلَيْهِ لِتَمَكُّنِ الْمَالِكِ مِنَ الْفُسْخِ.

1137. Tatimmah. Musaqah itu lazim sama seperti sewaan. Maka kalau 'amil lari atau lemah dengan sakit atau umpamanya sebelum selesai kerja dan orang lain tabarru' pada kerja itu dengan dirinya sendiri atau dengan hartanya kekal hak 'amil itu. Maka jika tidak ada orang lain yang melakukan tabarru' dan pemilik mengangkat perkara itu kepada hakim, hakim itu mengupah di atas pekerja itu orang yang bekerja selepas sabit musaqah dan lari 'amil itu sebagai contoh, dan teruzur menghadhirkannya, dari hartanya jika dia punya harta. Jika tidak, dia mengupah dengan bertanggung jika terbole. Na'am, jika musaqah itu di atas 'ain maka yang jazam dengannya tuan kitab Mui'en al yamani dan Nasyaie bahawa hakim tidak mengupah di atasnya kerana pemilik boleh fasakh.

ثُمَّ إِنْ تَعَدَّرَ أَكْثَرَاوُهُ اقْتَرَضَ عَلَيْهِ مِنَ الْمَالِكِ أَوْ غَيْرِهِ وَيُوقَى نَصِيْبَهُ مِنَ الثَّمَرِ. ثُمَّ إِنْ تَعَدَّرَ اقْتِرَاضَهُ عَمَلِ الْمَالِكِ بِنَفْسِهِ أَوْ أَنْفَقَ بِإِشْهَادٍ بِذَلِكَ إِنْ شَرَطَ فِيهِ رُجُوعًا بِأَجْرَةٍ عَمَلِهِ أَوْ بِمَا أَنْفَقَهُ.

1138. Kemudian jika dia tidak dapat mengupah orang lain dia berhutang di atasnya dari pemilik atau orang lain dan menyempurnakan habuan 'amil dari buah itu. Kemudian jika teruzur berhutang di atasnya pemilik bekerja dengan dirinya sendiri atau dia mengeluarkan belanja dengan mengadakan saksi dengan demikian itu jika dia syaratkan meminta balik upahan atau apa yang dia belanjakan padanya.

وَلَوْ مَاتَ الْمُسَاقَى فِي ذِمَّتِهِ قَبْلَ تَمَامِ الْعَمَلِ وَخَلَّفَ تَرْكَةً عَمَلٍ وَارْتَهَ إِمَّا مِنْهَا بِأَنْ يَكْتَرِي عَلَيْهِ لِأَنَّهُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى مَوْرَثِهِ، أَوْ مِنْ مَالِهِ أَوْ بِنَفْسِهِ. وَيُسَلِّمُ لَهُ الْمَشْرُوطُ. فَلَا يُجْبَرُ عَلَى الْإِنْفَاقِ مِنَ التَّرَكَةِ. وَلَا يَلْزَمُ الْمَالِكُ تَمَكِّيْنَهُ مِنَ الْعَمَلِ بِنَفْسِهِ إِلَّا إِذَا كَانَ أَمِينًا عَارِفًا بِالْأَعْمَالِ. فَإِنْ لَمْ تَكُنْ تَرْكَةً فَلِلْوَارِثِ الْعَمَلُ وَلَا يَلْزَمُهُ.

1139. Kalau mati orang yang dimusaqahkan pada zimmahnya⁸² sebelum sempurna kerja dan dia meninggalkan peninggalan warisnya bekerja samaada dari peninggalan itu dengan bahawa dia mengupah di atasnya kerana ia hak yang wajib di atas orang yang mewariskannya, atau dari hartanya sendiri atau dengan dirinya sendiri. Diserahkan kepadanya apa yang disyaratkan. Maka tidak digagahi dia di atas menafkahkan dari peninggalan itu. Tidak lazim pemilik membenarkan dia bekerja dengan dirinya sendiri melainkan apabila dia orang yang amanah lagi tahukan kerja-kerja itu. Maka jika tidak ada peninggalan maka boleh waris bekerja, dan ia tidak melaziminya.

وَلَوْ أُعْطِيَ شَخْصٌ آخَرَ دَابَّةً لِيَعْمَلَ عَلَيْهَا أَوْ يَتَعَهَّدَهَا وَفَوَائِدُهَا بَيْنَهُمَا لَمْ يَصِحَّ الْعَقْدُ، لِأَنَّهُ فِي الْأَوَّلَى يُمَكِّنُهُ إِيجَارُ الدَّابَّةِ فَلَا حَاجَةَ إِلَى إِبْرَادِ عَقْدٍ عَلَيْهَا فِيهِ غَرَرٌ، وَفِي الثَّانِيَةِ الْفَوَائِدُ لَا تَحْصُلُ بِعَمَلِهِ.

1140. Kalau seorang memberikan kepada seorang lain seekor dabbah untuk dia bekerja dengannya atau memeliharanya dan faedahnya di antara mereka berdua tidak sah akad itu kerana pada yang pertama terbole dia menyewakan dabbah itu maka tidak ada hajat kepada kedatangan akad yang ada gharar ke atasnya, dan pada yang kedua faedah-faedah itu tidak terhasil dengan kerjanya.

+فَصْلٌ فِي الْإِجَارَةِ. وَهِيَ بِكَسْرِ الْهَمْزَةِ أَشْهَرُ مِنْ ضَمِّهَا وَفَتْحِهَا لَعْنَةٌ لِأَجْرَةٍ، وَشَرْعًا تَمْلِكُ مَنْفَعَةَ بَعْضِ بَشْرُوطٍ تَأْتِي.

⁸². keluar dengan dimusaqahkan dengan 'ain dirinya, iaitu dia sendiri yang kena buat kerja itu.

1141. **Fasal pada ijarah** i.e sewaan. “إِجَارَةٌ” dengan kasrah hamzah lebih masyhur dari dhammahnya dan fathahnya pada lughah adalah nama bagi upahan, dan pada syara’ memilikkan manfaat dengan bayaran dengan syarat-syarat yang akan datang.

وَالْأَصْلُ فِيهَا قَبْلَ الْإِجْمَاعِ آيَةٌ { فَإِنْ أَرْضَعْنَ لَكُمْ } . وَجَهُ الدَّلَالَةِ أَنَّ الْإِرْضَاعَ بِلَا عَقْدٍ تَبَرُّعٌ لَا يُوجِبُ أَجْرَةً، وَإِنَّمَا يُوجِبُهَا ظَاهِرًا الْعَقْدُ فَتَعَيَّنَ . وَخَيْرٌ مُسْلِمٍ { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ الْمُزَارَعَةِ وَأَمَرَ بِالْمُؤَاجَرَةِ } . وَالْمَعْنَى فِيهَا أَنَّ الْحَاجَةَ دَاعِيَةً إِلَيْهَا إِذْ لَيْسَ لِكُلِّ أَحَدٍ مَرْكُوبٌ وَمَسْكَنٌ وَخَادِمٌ فَجُوزَتْ لِدَلِيلِكَ كَمَا جُوزَ بَيْعُ الْأَعْيَانِ .

1142. Asal padanya sebelum ijmak ayat “maka jika mereka menyusukan anak bagi kamu”. Wajah pendalilannya bahawa menyusukan anak tanpa akad adalah tabarru’ yang tidak mewajibkan upahan, ia hanya diwajibkan pada zahir oleh akad maka tertentu ia. Dan khabar Muslim “bahawa nabi s.a.w.m menegah dari muzara’ah dan menyuruh dengan sewa menyewa”. Hikmah padanya bahawa hajat menyeru kepadanya kerana tidak setiap orang memiliki tanggungan dan tempat tinggal dan khadam maka diharuskan ia kerana demikian itu sama sepertimana diharuskan jual ‘ain.

وَأَرْكَانُهَا أَرْبَعَةٌ صِغَةً وَأَجْرَةٌ وَمَنْفَعَةٌ وَعَاقِدَانِ مُكْرٍ وَمُكْتَرٍ . وَأَشَارَ الْمُصَنِّفُ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى إِلَى أَحَدِ الْأَرْكَانِ وَهُوَ الْمَنْفَعَةُ بِقَوْلِهِ (وَكُلُّ مَا أَمَكَنَ الْإِنْتِفَاعَ بِهِ) مَنْفَعَةٌ مَقْصُودَةٌ مَعْلُومَةٌ قَابِلَةٌ لِلبَدْلِ وَالْإِبَاحَةِ بِعَوَضٍ مَعْلُومٍ (مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ) مُدَّةُ الْإِجَارَةِ (صَحَّتْ إِجَارَتُهُ) ، بِصِغَةٍ، وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّانِي، كَأَجْرَتِكَ هَذَا الثُّوبُ مَثَلًا، فَيَقُولُ الْمُسْتَأْجِرُ : قَبِلْتُ أَوْ اسْتَأْجَرْتُ .

1143. Rukun-rukunnya empat : sighth dan upahan dan manfaat dan dua yang berakad, yang menyewakan dan yang menyewa. Musannif rahimahullah taala isyaratkan kepada satu daripada rukun-rukun itu iaitu manfaat dengan katanya (**setiap apa yang terboleah ambilan manfaat dengannya**) sebagai manfaat yang dimaksudkan lagi dimaklumi yang boleh diberikan dan diibahahkan dengan bayaran yang dimaklumi (**serta kekal ‘ainnya**) pada masa sewaan itu (**sah menyewakannya**) dengan sighth. Lanya rukun yang kedua seperti : aku sewakan kamu kain ini sebagai contoh, maka kata penyewa : aku terima atau aku sewa.

وَتَتَعَقَّدُ أَيْضًا بِقَوْلِ الْمُؤَجَّرِ لِدَارٍ مَثَلًا : أَجْرَتُكَ مَنْفَعَتُهَا سَنَةً مَثَلًا عَلَى الْأَصَحِّ، فَيَقْبَلُ الْمُسْتَأْجِرُ فَهُوَ كَمَا لَوْ قَالَ أَجْرَتُكَ، وَيَكُونُ ذِكْرُ الْمَنْفَعَةِ تَأْكِيدًا كَقَوْلِ الْبَائِعِ بَعْتُكَ عَيْنَ هَذِهِ الدَّارِ وَرَقَبْتُهَا .

1144. Terjadi ia juga dengan kata orang yang menyewakan rumah sebagai contoh : aku sewakan kamu manfaatnya setahun, sebagai contoh di atas yang paling sah, maka penyewa menerima. Maka ia sepertimana kalau dia katakan : aku menyewakan kamu, dan sebutan manfaat itu sebagai ta’kid, sama seperti kata penjual aku jual kepada kamu ‘ain rumah ini dan aku muraqabkannya.

فَخَرَجَ بِمَنْفَعَةِ الْعَيْنِ وَبِمَقْصُودَةِ التَّافِهَةِ كَأَسْتَبْجَارِ بَيَّاعٍ عَلَى كَلِمَةٍ لَا تُتَعَبُّ، وَبِمَعْلُومَةِ الْقِرَاضِ وَالْجَعَالَةِ عَلَى عَمَلٍ مَجْهُولٍ، وَبِقَابِلَةٍ لِمَا ذَكَرَ مَنْفَعَةُ الْبُضْعِ فَإِنَّ الْعَقْدَ عَلَيْهَا لَا يُسَمَّى إِجَارَةً، وَبِعَوَضِ هِبَةِ الْمَنْفَعِ وَالْوَصِيَّةِ بِهَا وَالشَّرْكَةِ وَالْإِعَارَةَ، وَبِمَعْلُومِ الْمَسَافَةِ وَالْجَعَالَةِ عَلَى عَمَلٍ مَعْلُومٍ بِعَوَضِ مَجْهُولٍ كَالْحَجِّ بِالرِّزْقِ وَدَلَالَةِ الْكَافِرِ لَنَا عَلَى قَلْعَةِ بَجَارِيَةٍ مِنْهَا، وَبِبَقَاءِ عَيْنِهِ مَا تَذَهَبُ عَيْنُهُ فِي الْاسْتِعْمَالِ كَالشَّمْعِ لِلْسِّرَاجِ فَلَا تَصِحُّ الْإِجَارَةُ فِي هَذِهِ الصُّورِ . وَذَكَرْتُ لَهَا شُرُوطًا أُخْرَى أَوْضَحْتُهَا فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ وَعَیْرِهِ .

1145. Maka keluar dengan manfaat oleh ‘ain, dan dengan yang dimaksudkan oleh yang yang remeh seperti mengupah juru jual di atas satu perkataan yang tidak memenatkan, dan dengan yang dimaklumi oleh qiradh dan upah di atas kerja yang

dijahilkan, dan dengan yang menerima apa yang disebutkan itu oleh manfaat kemaluan maka akad di atasnya tidak dinamakan sewa, dan dengan bayaran oleh hibah manfaat dan wasiat dengannya dan syarikat dan pinjaman, dan dengan yang dimaklumi oleh musaqah dan upah di atas kerja yang maklum dengan bayaran yang majhul seperti haji dengan nafkah dan tunjuk jalan oleh kafir kepada kita di atas satu kota dengan seorang hamba perempuan dari kota itu dan dengan kekal 'ainnya oleh apa yang hilang 'ainnya pada penggunaan seperti lilin untuk pelita maka tidak sah sewaan pada rupa masalah ini. Aku sebutkan baginya beberapa syarat lain yang aku jelaskannya didalam syarah Minhaj dan selainnya.

وَأَيْمَا تَصَحُّ إِجَارَةٌ مَا أَمَكَنَ الْإِنْتِفَاعُ بِهِ مَعَ هَذِهِ الشَّرُوطِ (إِذَا قُدِّرَتْ مَنَفَعَتُهُ) فِي الْعَقْدِ (بِأَحَدِ أَمْرَيْنِ) .
 الْأَوَّلُ : أَنْ يَكُونَ بَتَّعِيْن (مُدَّة) فِي الْمَنْفَعَةِ الْمَجْهُوْلَةِ الْقَدْرَ كَالسُّكْنَى وَالرِّضَاعِ وَسَقْيِ الْأَرْضِ وَنَحْوِ ذَلِكَ ،
 إِذِ السُّكْنَى وَمَا يُشْبِعُ الصَّبِيَّ مِنَ اللَّبَنِ وَمَا تَرَوَى بِهِ الْأَرْضُ مِنَ السَّقْيِ يَخْتَلِفُ وَلَا يَنْضَبُ فَاحْتِيَجُ فِي
 مَنَفَعَتِهِ إِلَى تَقْدِيرِهِ بِمُدَّةٍ .

1146. Hanyalah sah sewaan barang yang terboleah ambilan manfaat dengannya serta syarat-syarat ini (**apabila dikadarkan manfaatnya**) didalam akad (**dengan satu daripada dua perkara**). Pertamanya bahawa ianya dengan ditentukan (**tempoh**) pada manfaat yang dijahilkan kadarnya seperti tempat tinggal dan susuan dan jirusan tanah dan umpama demikian itu kerana tempat tinggal dan susu yang mengenyangkan kanak-kanak dan air yang melembabkan tanah berlainan kadarnya dan tidak terdhabit maka diperlukan pada manfaatnya kepada mengkadarkannya dengan tempohan.

(أَوْ) أَيِ وَالْأَمْرُ الثَّانِي بَتَّعِيْن مَحَلَّ (عَمَلٍ) فِي الْمَنْفَعَةِ الْمَعْلُومَةِ الْقَدْرَ فِي نَفْسِهَا كَخِيَاطَةِ الثَّوْبِ
 وَالرُّكُوبِ إِلَى مَكَانٍ ، فَتَّعِيْنُ الْعَمَلِ فِيهَا طَرِيقٌ إِلَى مَعْرِفَتِهَا . فَلَوْ قَالَ : لَتَخِيَطُ لِي ثَوْبًا ، لَمْ يَصِحَّ ، بَلْ يُشْتَرَطُ
 أَنْ يَبَيِّنَ مَا يَرِيدُ مِنَ الثَّوْبِ مِنْ قَمِيصٍ أَوْ غَيْرِهِ ، وَأَنْ يَبَيِّنَ نَوْعَ الْخِيَاطَةِ أَهِيَ فَارَسِيَّةٌ أَوْ رُومِيَّةٌ ، إِلَّا أَنْ
 تَطَرَّدَ عَادَةً بِنَوْعِ فَيَحْمَلُ الْمَطْلُوقُ عَلَيْهِ .

1147. (atau) iaitu perkara yang kedua adalah dengan menentukan tempat (**kerja**) pada manfaat yang dimaklumi kadarnya pada dirinya seperti menjahit kain dan menunggang ke satu tempat, maka menentukan kerja padanya adalah jalan kepada mengetahuinya. Maka kalau dia kata : untuk kamu jahit kain ini bagi ku, tidak sah ia, bahkan disyaratkan bahawa dia menerangkan apa yang dia kehendaki dari kain itu daripada gamis atau selainnya, dan bahawa dia menerangkan jenis jahitan itu, adakah ianya jahitan farsi atau jahitan rom, melainkan bahawa berjalan adat dengan satu jenis maka ditanggungkan yang mutlak itu di atasnya.

تَنْبِيْهُ : بَقِيَ عَلَى الْمُصَنِّفِ قِسْمٌ ثَالِثٌ ، وَهُوَ تَقْدِيرُهَا بِهِمَا مَعًا كَقَوْلِهِ فِي اسْتِنْجَارِ عَيْنٍ : اسْتَأْجَرْتُكَ لِتَعْمَلَ
 لِي كَذَا شَهْرًا . أَمَا لَوْ جَمَعَ بَيْنَ الزَّمَنِ وَمَحَلِّ الْعَمَلِ كَأَكْتَرَيْتُكَ لِتَخِيَطَ لِي هَذَا الثَّوْبَ بِيَاضَ النَّهَارِ ، لَمْ يَصِحَّ ،
 لِأَنَّ الْعَمَلَ قَدْ يَتَقَدَّمُ وَقَدْ يَتَأَخَّرُ . كَمَا لَوْ أَسْلَمَ فِي قَفِيْزٍ حَنْطَةً بِشَرْطِ كَوْنِ وَزْنِهِ كَذَا لَا يَصِحُّ لِاحْتِمَالِ أَنْ يَزِيدَ
 أَوْ يَنْقُصَ . وَبِهَذَا أُنْفَعُ مَا قَالَهُ السُّبْكِيُّ مِنْ أَنَّهُ لَوْ كَانَ الثَّوْبُ صَغِيرًا يَقْطَعُ بِفِرَاعِهِ فِي الْيَوْمِ فَاتَّهَ يَصِحُّ .

1148. Tanbih. Tinggal lagi di atas musannif bahagian ketiga iaitu mengkadarkan manfaat itu dengan kedua-duanya sekali seperti katanya pada menyewa 'ain⁸³ : aku sewa\upah kamu untuk kamu membuat sekian bagi ku selama sebulan. Adapun kalau dia menghimpunkan di antara masa dan tempat kerja seperti "aku sewa kamu untuk kamu jahit bagi ku kain ini sepanjang siang" tidak sah ia kerana kerja terkadang cepat dan lambat, sama sepertimana kalau dia membeli salam sekampit gandum dengan

⁸³. menyewa tubuh, iaitu mengupah sesaorang dirinya sendiri.

syarat keadaan beratnya sekian tidak sah ia kerana ihtimal bahawa timbangannya lebih atau kurang. Dengan ini tertolaklah apa yang dikatakan Subki daripada bahawa kalaulah kain itu kecil dikerat ia dengan selesainya pada siang hari, maka ianya sah.

وَشُرْطُ فِي الْعَاقِدَيْنِ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّلَاثُ مَا شُرْطَ فِي الْمُتَبَاعِيَيْنِ . وَتَقَدَّمَ بَيَانُهُ تَمَّ . نَعَمْ، إِسْلَامُ الْمُشْتَرِي شَرْطٌ فِيمَا إِذَا كَانَ الْمَبِيعُ عَبْدًا مُسْلِمًا وَهُنَا لَا يُشْتَرَطُ . فَيَصِحُّ مِنَ الْكَافِرِ اسْتِنْجَارُ الْمُسْلِمِ إِجَارَةً ذِمَّةً، وَكَذَا إِجَارَةُ عَيْنٍ عَلَى الْأَصْحِ مَعَ الْكِرَاهَةِ . وَلَكِنْ يُؤْمَرُ بِإِزَالَةِ مَلِكِهِ عَنِ الْمَنَافِعِ عَلَى الْأَصْحِ فِي الْمَجْمُوعِ بِأَنْ يُوجِرَهُ لِمُسْلِمٍ .

1149. Disyaratkan pada dua yang berakad yang mana ia rukun ketiga apa yang disyaratkan pada dua yang berjual beli. Telah terdahulu keterangannya disana. Na'am, islamnya pembeli syarat pada keadaan apabila barang jualan hamba yang muslim sementara disini tidak disyaratkan, maka sah dari kafir sewa \upah muslim sebagai sewaan zimmah, begitu juga sewaan 'ain di atas yang paling sah serta karahah, walau begitu diperintahkan dia menghilangkan miliknya dari manfaat-manfaat itu di atas yang paling sah didalam Majmuk dengan bahawa dia menyewakannya kepada orang islam.

وَلَا تَتَعَقَدُ الْإِجَارَةُ بِلَفْظِ الْبَيْعِ عَلَى الْأَصْحِ، لِأَنَّ لَفْظَ الْبَيْعِ مَوْضُوعٌ لِمَلِكِ الْأَعْيَانِ فَلَا يُسْتَعْمَلُ فِي الْمَنَافِعِ، كَمَا لَا يَتَعَقَدُ الْبَيْعُ بِلَفْظِ الْإِجَارَةِ . وَكَالْفِظِ الْبَيْعِ لَفْظُ الشِّرَاءِ . وَلَا يَكُونُ كِنَايَةً فِيهَا أَيْضًا، لِأَنَّ قَوْلَهُ بِعْتُكَ يَنَافِي قَوْلَهُ سَنَةٌ مَثَلًا، فَلَا يَكُونُ صَرِيحًا وَلَا كِنَايَةً، خِلَافًا لِمَا بَحَثْنَاهُ بَعْضُهُمْ مِنْ أَنَّهُ فِيهَا كِنَايَةٌ .

1150. Tidak terjadi sewaan dengan lafaz jual di atas yang paling sah kerana lafaz jual dihantarkan kepada pemilikan 'ain maka ia tidak digunakan pada manfaat-manfaat sepertimana tidak terjadi jualan dengan lafaz sewa. Seperti lafaz jual adalah lafaz beli. Tidak ada kinayah padanya juga kerana katanya "aku jualkan kamu" menafikan katanya "setahun" sebagai contoh, maka ianya bukan jelas dan bukan kinayah, bersalahan apa yang dibahaskan sebahagian mereka daripada bahawa ada kinayah padanya.

وَتَرَدُّ الْإِجَارَةُ عَلَى عَيْنٍ كَإِجَارَةِ مُعَيَّنٍ مِنْ عَقَارٍ وَرَقِيقٍ وَنَحْوِهِمَا، كَأَكْتَرِيئِكَ لَكَذَا سَنَةٌ . وَإِجَارَةُ الْعَقَارِ لَا تَكُونُ إِلَّا عَلَى الْعَيْنِ . وَعَلَى ذِمَّةٍ كَإِجَارَةِ مَوْصُوفٍ مِنْ دَابَّةٍ وَنَحْوِهَا لِحَمَلٍ مَثَلًا، وَالزَّامِ ذِمَّتَهُ عَمَلًا كَخِيَاطَةٍ وَبِنَاءٍ .

1151. Datang sewaan itu ke atas 'ain seperti sewaan suatu yang tertentu daripada 'aqar dan hamba dan umpama keduanya seperti "aku sewa\upah kamu untuk sekian selama setahun". Sewaan 'aqar tidak adalah ia melainkan di atas 'ain. dan datang juga ke atas zimmah seperti sewaan apa yang disifatkan daripada dabbah dan umpamanya untuk membawa muatan sebagai contoh, dan seperti melazimkan zimmahnya dengan kerja seperti menjahit dan membina.

وَمَوْرِدُ الْإِجَارَةِ الْمُنْفَعَةُ، لَا الْعَيْنُ عَلَى الْأَصْحِ سِوَاءَ أَوْرَدَتْ عَلَى الْعَيْنِ أَمْ عَلَى الذِّمَّةِ .

1152. Tempat datang sewaan itu adalah manfaat bukan 'ain di atas yang paling sah, samaada ia datang ke atas 'ain atau ke atas zimmah.

وَشُرْطُ فِي الْأَجْرَةِ وَهِيَ الرُّكْنُ الرَّابِعُ مَا مَرَّ فِي النَّهْنِ . فَيُشْتَرَطُ كَوْنُهَا مَعْلُومَةً جِنْسًا وَقَدْرًا وَصِفَةً ، إِلَّا أَنْ تَكُونَ مُعَيَّنَةً، فَتَكْفِي رُؤْيُوتُهَا . فَلَا تَصِحُّ إِجَارَةُ دَارٍ أَوْ دَابَّةٍ بِعِمَارَةٍ وَعَلْفٍ لِلْجَهْلِ فِي ذَلِكَ . فَإِنْ ذَكَرَ مَعْلُومًا وَأَذِنَ لَهُ خَارِجَ الْعَقْدِ فِي صَرْفِهِ فِي الْعِمَارَةِ أَوْ الْعَلْفِ صَحَّ . وَلَا لِسَلْخِ شَاةٍ بِجُلْدِهَا وَلَا لِطَخْنِ الْبُرِّ مَثَلًا بِبَعْضِ دَقِيقِهِ كَثَلْتُهُ لِلْجَهْلِ بِنَخَانَةِ الْجِلْدِ وَبِقَدْرِ الدَّقِيقِ وَلِعَدَمِ الْقُدْرَةِ عَلَى الْأَجْرَةِ حَالًا . وَفِي مَعْنَى الدَّقِيقِ النَّخَالَةُ .

1153. Disyaratkan pada bayaran sewa yang mana ia rukun keempat apa yang telah lalu pada harga. Maka disyaratkan keadaannya dimaklumi jenis dan kadar dan sifat, melainkan bahawa sewaan itu ditentukan maka memada melihatnya. Maka tidak sah sewaan rumah atau dabbah dengan imarah dan umpan kerana jahil pada demikian itu. Maka jika dia menyebutkan suatu yang maklum dan mengizinkan dia diluar akad melakukan tasarruf pada imarah atau umpan sah ia. dan tidak sah upah untuk melapah kambing dengan kulitnya dan tidak untuk mengisar gandum sebagai contoh dengan sebahagian tepungnya seperti satu pertiganya kerana dijahilkan ketebalan kulit dan kadar tepung itu dan kerana tidak dikuasai upah itu ketika itu juga. Pada makna tepung adalah antah ayakkannya.

وَتَصِحُّ إِجَارَةُ امْرَأَةٍ مِثْلًا بِبَعْضِ رَقِيقٍ حَالًا لِإِرْضَاعِ بَاقِيهِ لِلْعَمَلِ بِالْأَجْرَةِ. وَالْعَمَلُ الْمُكْتَرَى لَهُ إِنَّمَا وَقَعَ فِي مَلِكٍ غَيْرِ الْمُكْتَرَى تَبَعًا⁸⁴.

1154. Sah mengupah perempuan sebagai contoh dengan sebahagian hamba hal keadaan tak bertempoh untuk menyusukan baki hamba itu kerana dimaklumi bayaran upahannya. Kerja yang disewa untuknya hanyalah jatuh pada milik selain orang yang mengupah di atas jalan ikutan.

وَيُشْتَرَطُ فِي صِحَّةِ إِجَارَةِ الدِّمَّةِ تَسْلِيمُ الأَجْرَةِ فِي المَجْلِسِ، وَأَنْ تَكُونَ حَالَةً كَرَأْسِ مَالِ السَّلْمِ لِأَنَّهَا سَلَّمَ فِي المَنَافِعِ. فَلَا يَجُوزُ فِيهَا تَأْخِيرُ الأَجْرَةِ وَلَا تَأْجِيلُهَا وَلَا الإِسْتِئْذَالَ عَنْهَا وَلَا الحَوَالَةَ بِهَا وَلَا عَلَيْهَا، وَلَا الإِبْرَاءَ مِنْهَا.

1155. Disyaratkan pada sah sewaan zimmah penyerahan bayaran upah didalam majlis, dan bahawa ianya tak bertempoh sama seperti modal salam kerana ia adalah salam pada manfaat-manfaat maka tidak harus padanya mentakhirkan sewaan dan tidak menyegerakannya dan tidak menggantikan darinya dan tidak hiwalah dengannya dan di atasnya dan tidak ibra' darinya.

وَإِجَارَةُ العَيْنِ لَا يُشْتَرَطُ فِي صِحَّتِهَا تَسْلِيمُ الأَجْرَةِ فِي المَجْلِسِ، مُعَيَّنَةً كَانَتْ الأَجْرَةُ أَوْ فِي الدِّمَّةِ كَالثَّمَنِ فِي المَبِيعِ.

1156. Sewaan 'ain tidak disyaratkan pada sahnya penyerahan bayaran sewa didalam majlis, tertentu sewaan itu atau didalam zimmah seperti harga ada barang jualan.

ثُمَّ إِنْ عَيَّنَ لِمَكَانِ التَّسْلِيمِ مَكَانًا تَعَيَّنَ، وَإِلَّا فَمَوْضِعُ العَقْدِ. وَيَجُوزُ فِي الأَجْرَةِ فِي إِجَارَةِ العَيْنِ تَعْجِيلُ الأَجْرَةِ وَتَأْجِيلُهَا إِنْ كَانَتْ الأَجْرَةُ فِي الدِّمَّةِ كَالثَّمَنِ.

1157. Kemudian jika dia menentukan satu tempat untuk tempat penyerahan tertentu ia. Jika tidak, maka tempat akad. Harus pada bayaran sewa pada sewaan 'ain menyegerakan bayaran sewa dan menangguhkannya jika bayaran sewa itu didalam zimmah, sama seperti harga.

(وَإِطْلَاقُهَا يَقْتَضِي تَعْجِيلَ الأَجْرَةِ) ، فَتَكُونُ حَالَةً كَالثَّمَنِ فِي المَبِيعِ المَطْلُوقِ، (إِلاَّ أَنْ يُشْتَرَطَ التَّأْجِيلُ) فِي صُلْبِ العَقْدِ فَتَتَأَجَّلُ كَالثَّمَنِ. وَيَجُوزُ الإِسْتِئْذَالَ عَنْهَا وَالحَوَالَةَ بِهَا وَعَلَيْهَا وَالإِبْرَاءَ مِنْهَا. فَإِنْ كَانَتْ مُعَيَّنَةً لَمْ يَجْزُ التَّأْجِيلُ، لِأَنَّ الأَعْيَانَ لَا تُؤَجَّلُ. وَتَمْلُكُ فِي الحَالِ بِالعَقْدِ سِوَاءَ كَانَتْ مُعَيَّنَةً أَوْ مُطْلَقَةً أَمْ فِي الدِّمَّةِ مِلْكًا مُرَاعَى، بِمَعْنَى أَنَّهُ كَلَّمَا مَضَى زَمَنٌ عَلَى السَّلَامَةِ بَانَ أَنَّ المُوَجَّرَ اسْتَقَرَّ مِلْكُهُ مِنَ الأَجْرَةِ عَلَى مَا يَقَابِلُ ذَلِكَ

(وَالْعَمَلُ الْمُكْتَرَى لَهُ) وَهُوَ الإِرْضَاعُ. (إِنَّمَا وَقَعَ فِي مَلِكٍ غَيْرِ الْمُكْتَرَى) وَالعَيْزُ هُوَ المَرْأَةُ المُرْضِعَةُ وَالمُكْتَرَى هُوَ مَالِكُ الرَّقِيقِ، لِأَنَّهُ اكْتَرَاهَا⁸⁴ لِلإِرْضَاعِ.

إِنْ قَبِضَ الْمُكْتَرِي الْعَيْنَ أَوْ عَرِضَتْ عَلَيْهِ فَاْمْتَنَعَ. فَلَا تَسْتَقِرُّ كُلُّهَا إِلَّا بِمُضِيِّ الْمُدَّةِ سِوَاءَ انْتَفَعِ الْمُكْتَرِي أَمْ لَا لِتَلْفِ الْمُنْفَعَةِ تَحْتَ يَدِهِ.

1158. (Sewaan yang mutlak menuntut disegerakan sewaan itu) maka adalah ianya tak bertempoh sama seperti harga pada jualan yang mutlak, (melainkan bahawa disyaratkan tangguhan) pada teras akad maka ianya bertanggung sama seperti harga. Harus menggantikannya dan hiwalah dengannya dan di atasnya dan ibra' darinya. Maka jika ia ditentukan tidak harus tangguh kerana 'ain tidak ditangguhkan. Dimiliki ia pada masa itu juga dengan akad sama sahaja ia ditentukan atau mutlak atau didalam zimmah sebagai milik yang dipelihara, dengan makna bahawa setiap kali lalu masa dengan selamat ternyata bahawa tuan sewa itu tetap miliknya daripada sewaan di atas apa yang membetuli demikian itu, jika penyewa telah menerima 'ain itu atau dibentangkan ia ke atasnya maka dia enggan. Maka tidak tetap semuanya melainkan dengan lalu tempoh itu, sama sahaja penyewa mengambil manfaat atau tidak kerana binasa manfaat itu dibawah tangannya.

وَتَسْتَقِرُّ فِي إِجَارَةٍ فَاسِدَةٍ أُجْرَةٌ مِثْلُ بِمَا يَسْتَقِرُّ بِهِ مُسَمًّى فِي صَحِيحَةٍ، سِوَاءَ أَكَانَ مِثْلَ الْمُسَمًّى أَمْ أَقَلَّ أَمْ أَكْثَرَ.

1159. Tetap pada sewaan yang fasid bayaran sewa seumpama dengan apa yang tetap dengannya oleh bayaran sewa yang disebutkan pada yang sahnya, samaada ianya seumpama yang disebutkan atau lebih rendah atau lebih tinggi.

هَذَا هُوَ الْغَالِبُ. وَقَدْ تَخَالَفَ فِي أَشْيَاءَ : مِنْهَا التَّخْلِيَةُ فِي الْعَقَارِ، وَمِنْهَا الْوَضْعُ بَيْنَ يَدَيِ الْمُكْتَرِي، وَمِنْهَا الْعَرَضُ عَلَيْهِ وَامْتِنَاعُهُ مِنَ الْقَبْضِ إِلَى انْقِضَاءِ الْمُدَّةِ، فَلَا تَسْتَقِرُّ فِيهَا الْأُجْرَةُ فِي الْفَاسِدَةِ وَيَسْتَقِرُّ بِهَا الْمُسَمًّى فِي الصَّحِيحَةِ.

1160. Ini adalah yang ghalib. Terkadang ia menyalahinya pada beberapa perkara. Daripadanya takhlich pada aqar, daripadanya meletakkanya dihadapan pembeli, daripadanya membentangkannya ke atasnya dan dia engganya dari terima hingga selesai tempohnya, maka tidak tetap padanya bayaran sewa pada bayaran sewa yang fasid, dan tetap padanya bayaran sewa yang disebutkan pada sewaan yang sah.

وَشَرَطُ فِي إِجَارَةِ دَابَّةٍ إِجَارَةَ عَيْنٍ لِرُكُوبٍ أَوْ حَمَلِ رُؤْيَةِ الدَّابَّةِ كَمَا فِي الْبَيْعِ. وَشَرَطُ فِي إِجَارَتِهَا إِجَارَةَ ذِمَّةٍ لِرُكُوبٍ ذَكَرَ جَنْسَهَا كَابِلٍ أَوْ حَيْلٍ وَنَوَعِهَا كَبَخَاتِيٍّ أَوْ عَرَابٍ، وَذُكُورَةٍ أَوْ أُنُوثَةٍ، وَصِفَةِ سَيْرِهَا مِنْ كَوْنِهَا مَهْمَلَجَةً أَوْ بَحْرًا أَوْ قَطُوفًا، لِأَنَّ الْأَعْرَاضَ تَخْتَلَفُ بِذَلِكَ.

1161. Disyaratkan pada sewaan dabbah sebagai sewaan 'ain untuk ditanggung atau membawa muatan nampak dabbah itu sepertimana pada jualan. Disyaratkan pada sewaan dabbah sebagai sewaan zimmah untuk ditanggung menyebutkan jenisnya seperti unta atau kuda, dan bagainya seperti bakhati atau irabi, dan jantan atau betina dan sifat berjalannya daripada keadaannya berjalan pantas atau lambat atau sederhana kerana tujuan-tujuan berbeza dengan demikian itu.

وَشَرَطُ فِي إِجَارَةِ الْعَيْنِ وَالذِّمَّةِ لِلرُّكُوبِ ذَكَرَ قَدْرَ سُرْيٍ وَهُوَ السَّيْرُ لَيْلًا أَوْ قَدْرَ تَأْوِيلٍ وَهُوَ السَّيْرُ نَهَارًا حَيْثُ لَمْ يَطْرُدْ عُرْفٌ. فَإِنْ اطْرَدَ عُرْفٌ حَمِلَ ذَلِكَ عَلَيْهِ. وَشَرَطُ فِيهِمَا لِحَمَلِ رُؤْيَةِ الْمَحْمُولِ إِنْ حَضَرَ أَوْ امْتِحَانَهُ بِبَدٍ أَوْ تَقْدِيرُهُ حَضَرَ أَوْ غَابَ، وَذَكَرَ جَنْسَ مَكِيلٍ.

1162. Disyaratkan pada sewaan 'ain dan zimmah untuk tanggung menyebutkan kadar perjalanan, perjalanan malam atau perjalanan siang sekira-kira tidak berjalan 'uruf. Maka jika bejalan 'uruf ditanggungkan demikian itu di atasnya. Disyaratkan pada

kedua-dua sewaan itu untuk membawa muatan nampak barang muatan jika ia hadir, atau diuji dengan tangan atau mengkadarkannya samaada ia hadir atau ghaib, dan menyebutkan jenis barang yang disukat.

وَعَلَى مُكْرِي دَابَّةٍ لِرُكُوبِ إِكَافٍ وَهُوَ مَا تَحْتَ الْبُرْدَعَةِ وَبِرْدَعَةٌ وَجَزَامٌ وَتَفْرٌ وَبِرَةٌ وَهِيَ الْحَلْقَةُ تُجْعَلُ فِي أَنْفِ الْبَعِيرِ وَخَطَامٌ وَهُوَ زِمَامٌ يُجْعَلُ فِي الْحَلْقَةِ وَيُتْبَعُ فِي نَحْوِ سَرْجٍ وَحَبْرٍ وَكُحْلٍ وَخَيْطٍ وَصَبْعٍ وَنَحْوِ ذَلِكَ عُرْفٌ مُطَرَّدٌ فِي مَحَلِّ الْإِجَارَةِ، لِأَنَّهُ لَا ضَابِطَ لَهُ فِي الشَّرْعِ وَلَا فِي اللَّغَةِ، فَمَنْ اطَّرَدَ فِي حَقِّهِ مِنَ الْعَاقِدِينَ شَيْءٌ مِنْ ذَلِكَ فَهُوَ عَلَيْهِ، فَإِنْ لَمْ يَكُنْ عُرْفٌ أَوْ اخْتَلَفَ الْعُرْفُ فِي مَحَلِّ الْإِجَارَةِ وَجَبَ الْبَيَانُ.

1163. Di atas pemberi sewa dabbah untuk ditanggung ikaf iaitu apa yang dibawah lapik pelana, dan lapik pelana dan tali pinggang i.e ringka dan tali ringka keekor dan gelung yang diletakkan pada hidung unta dan khitam iaitu tali yang diletakkan pada gelung hidung. Diikutkan 'uruf yang berjalan pada umpama pelana dan dakwat dan celak dan benang dan pencilup dan umpama demikian itu pada tempat sewaan kerana tidak ada dhabit baginya pada syara' dan tidak pada lughah, maka siapa daripada dua yang berakad yang berjalan pada haknya suatu dari demikian itu maka ia kena di atasnya. Maka jika tidak ada'uruf atau berlainan 'uruf pada tempat sewaan wajib keterangan.

وَتَصِحُّ الْإِجَارَةُ مُدَّةً تَبْقَى فِيهَا الْعَيْنُ الْمَوْجِرَةُ غَالِبًا. فَيُوجَرُ الرَّقِيقُ وَالِدَارُ ثَلَاثِينَ سَنَةً، وَالِدَابَّةُ عَشْرَ سِنِينَ وَالنَّوْبُ سَنَةً أَوْ سَنَتَيْنِ عَلَى مَا يَلِيقُ بِهِ، وَالْأَرْضُ مِائَةَ سَنَةٍ أَوْ أَكْثَرَ.

1164. Sah sewaan dalam tempoh yang kekal 'ain yang disewakan padanya ghalibnya, maka disewakan hamba dan rumah tiga puluh tahun, dan dabbah dua puluh tahun, dan kain setahun atau dua tahun di atas apa yang layak dengannya, dan bumi seratus tahun atau lebih.

(وَلَا تَبْطُلُ الْإِجَارَةُ) سَوَاءً كَانَتْ وَارِدَةً عَلَى الْعَيْنِ أَمْ عَلَى الدِّمَّةِ (بِمَوْتِ أَحَدِ الْمُتَعَاقِدِينَ) وَلَا بِمَوْتِهِمَا، بَلْ تَبْقَى إِلَى انْقِضَاءِ الْمُدَّةِ، لِأَنَّهَا عَقْدٌ لَازِمٌ، فَلَا تَنْفَسِحُ بِالمَوْتِ كَالْبَيْعِ. وَيَخْلَفُ الْمُسْتَأْجِرُ وَارثُهُ فِي اسْتِيفَاءِ الْمَنْفَعَةِ.

1165. (Tidak batal sewaan) samaada ianya datang di atas 'ain atau di atas zimmah (dengan mati seorang daripada dua yang berakad), dan tidak dengan kematian keduanya, bahkan ia kekal kepada selesai tempoh itu kerana ia akad yang lazim, maka tidak terfasakh ia dengan mati, sama seperti jualan. Menggantikan penyewa warisnya pada menyempurnakan manfaat.

وَتَنْفَسِحُ بِمَوْتِ الْأَجِيرِ الْمُعَيَّنِ، لِأَنَّهُ مُورِدُ الْعَقْدِ، لَا لِأَنَّهُ عَاقِدٌ. فَلَا يُسْتَنْبَى ذَلِكَ مِنْ عَدَمِ الْإِنْفِسَاحِ، لَكِنْ أُسْتَنْبَى مِنْهُ مَسَائِلٌ.

1166. Terfasakh ia dengan mati barang sewaan yang tertentu kerana ia tempat didatangkan akad bukan kerana ia yang melakukan akad, maka tidak dikecualikan demikian itu dari ketiadaan terfasakhnya. Walaubagaimana pun tetapi dikecualikan darinya beberapa masaalah.

مِنْهَا مَا لَوْ أَجَرَ عَبْدُهُ الْمُعَلَّقَ عِتْقُهُ بِصِفَةٍ، فَوُجِدَتْ مَعَ مَوْتِهِ فَإِنَّ الْإِجَارَةَ تَنْفَسِحُ عَلَى الْأَصَحِّ. وَمِنْهَا مَا لَوْ أَجَرَ أُمَّ وَوَلَدَهُ وَمَاتَ فِي الْمُدَّةِ فَإِنَّ الْإِجَارَةَ تَنْفَسِحُ بِمَوْتِهِ. وَمِنْهَا الْمُدَبَّرُ فَإِنَّهُ كَالْمُعَلَّقِ عِتْقُهُ بِصِفَةٍ. وَأُسْتَنْبَى غَيْرُ ذَلِكَ مِمَّا ذَكَرْتَهُ فِي شَرْحِ الْبَهْجَةِ وَغَيْرِهِ.

1167. Daripadanya keadaan kalau seorang menyewakan hambanya yang digantungkan merdekanya dengan sifat maka ia didapati serta matinya, maka sewaan

itu terfasakh dengan matinya di atas yang paling sah. Daripadanya keadaan kalau dia menyewakan ummu waladnya dan dia mati didalam tempohan itu, maka sewaan itu terfasakh dengan matinya. Daripadanya hamba mudabbar maka ia seperti yang digantungkan merdekannya dengan sifat. Dikecualikan selain demikian itu daripada apa yang aku sebutkan didalam syarah Bahjah dan selainnya.

وَلَا تَنْفَسُخُ بِمَوْتِ نَاطِرِ الْوَقْفِ مِنْ حَاكِمٍ أَوْ مَنْصُوبِهِ أَوْ مَنْ شَرَطَ لَهُ النَّظْرَ عَلَى جَمِيعِ الْبُطُونِ. وَيُسْتَنْتَنِي مَنْ ذَلِكَ مَا لَوْ كَانَ النَّاطِرُ هُوَ الْمُسْتَحَقُّ لِلْوَقْفِ وَأَجَرَ بِدُونِ أُجْرَةِ الْمَثَلِ فَإِنَّهُ يَجُوزُ لَهُ ذَلِكَ . فَإِذَا مَاتَ فِي أَثْنَاءِ الْمُدَّةِ انْفَسَخَتْ كَمَا قَالَ ابْنُ الرَّفْعَةِ.

1168. Tidak terfasakh sewaan dengan kematian nazir wakaf daripada hakim atau lantikannya atau orang yang disyaratkan jawatan nazir baginya di atas semua ahli puak. Dikecualikan dari demikian itu keadaan kalau nazir itu orang yang berhak kepada wakaf itu dan dia menyewakan tanpa sewaan seumpama, maka harus demikian itu baginya. Maka bila dia mati ditengah tempoh itu terkafasakh ia sepertimana dikatakan Ibnu Rif'ah.

أَمَّا إِذَا كَانَتْ الْأَرْضُ بِيَلَادِهِمْ فَلَهُمْ إِحْيَاؤُهَا ، لِأَنَّهُ مِنْ حُقُوقِهِمْ وَلَا ضَرَرَ عَلَيْنَا فِيهِ . وَكَذَا لِلْمُسْلِمِ إِحْيَاؤُهَا إِنْ لَمْ يَدْبُونَهَا عَنْهَا ، بِخِلَافِ مَا يَدْبُونَهَا عَنْهَا وَقَدْ صَوْلَحُوا عَلَى أَنْ الْأَرْضَ لَهُمْ .

1218. Adapun apabila bumi itu dinegeri mereka maka boleh mereka menghidupkannya kerana ia daripada hak-hak mereka dan tidak ada mudharat di atas kita padanya. Begitu juga boleh muslim menghidupkannya jika mereka tidak menghalang* kita darinya, bersalahan keadaan mereka menolak kita darinya walhal mereka didamaikan di atas bahawa bumi mereka milik mereka.

(وَ) الشَّرْطُ الثَّانِي (أَنْ تَكُونَ الْأَرْضُ) الَّتِي يُرَادُ مِلْكُهَا بِالْإِحْيَاءِ (حُرَّةً) وَهِيَ الَّتِي (لَمْ يَجْرَ عَلَيْهَا مَلِكٌ لِمُسْلِمٍ) وَلَا لغيرِهِ. فَإِنْ جَرَى عَلَيْهِ مَلِكٌ وَإِنْ كَانَ خَرَابًا فَهُوَ لِمَالِكِهِ ، مُسْلِمًا كَانَ أَوْ كَافِرًا. فَإِنْ جُهِلَ مَالِكُهُ وَالْعِمَارَةُ إِسْلَامِيَّةٌ فَمَالٌ صَانِعٌ الْأَمْرِ فِيهِ إِلَى رَأْيِ الْإِمَامِ فِي حِفْظِهِ أَوْ بَيْعِهِ وَحِفْظِ ثَمَنِهِ أَوْ اقْتِرَاضِهِ عَلَى بَيْتِ الْمَالِ إِلَى ظُهُورِ مَالِكِهِ، أَوْ جَاهِلِيَّةٌ فَيَمْلِكُ بِالْإِحْيَاءِ كَالرِّكَازِ. نَعَمْ، إِنْ كَانَ بِبِلَادِهِمْ وَدَبُّوْنَا عَنْهُ وَقَدْ صَوْلِحُوا عَلَى أَنْ الْأَرْضَ لَهُمْ فَظَاهِرٌ أَنَا لَا نَمْلِكُهُ بِالْإِحْيَاءِ.

1219. Syaratnya yang kedua (**bahawa adalah bumi**) yang hendak dimiliki dengan menghidupkannya itu (**merdeka**) iaitu bumi yang (**tidak berjalan di atasnya pemilikan muslim**) dan tidak bagi selainnya. Maka jika berjalan di atasnya satu pemilikan sekalipun ia telah runtuh maka ia bagi pemiliknya, muslim adalah dia atau kafir. Maka jika dijahilkan pemiliknya dan pembangunannya berciri islam maka harta yang hilang, urusan padanya terserah kepada pandangan imam pada memeliharanya atau menjualnya dan memelihara harganya atau menghutangkannya kepada baitul mal hingga pemiliknya muncul, atau berciri jahiliyah maka ia dimiliki dengan menghidupkannya, sama seperti rikaz. Na'am, jika ia dinegeri mereka dan mereka menolak kita darinya walhal mereka didamaikan di atas bahawa bumi milik mereka maka zahir bahawa kita tidak memilikinya dengan menghidupkannya.

وَلَا يُمْلِكُ بِالْإِحْيَاءِ حَرِيمٌ عَامِرٍ، لِأَنَّهُ مَمْلُوكٌ لِمَالِكِ الْعَامِرِ . وَحَرِيمُ الْعَامِرِ مَا يُحْتَاجُ إِلَيْهِ لِتَمَامِ الْإِنْتِفَاعِ بِالْعَامِرِ. فَالْحَرِيمُ لِقَرْيَةٍ مُحْيَاةٍ نَادٍ، وَهُوَ مُجْتَمَعُ الْقَوْمِ لِلْحَدِيثِ وَمُرْتَكُضُ الْخَيْلِ وَنَحْوِهَا، وَمَنَاخُ إِبِلٍ وَهُوَ الْمَوْضِعُ الَّذِي تُنَاخُ فِيهِ، وَمَطْرَحُ رَمَادٍ، وَسِرْجِينٌ وَنَحْوُهَا كَمَرَاخِ عَنَمٍ وَمَلْعَبِ صَبِيَّانٍ.

1220. Tidak dimiliki dengan menghidupkan harim bagi kawasan yang dimajukan kerana ia milik pemilik yang memajukannya. Harim bagi kawasan yang dimajukan adalah kawasan yang diperlukan kepadanya untuk kesempurnaan ambilan manfaat dengan yang dimajukan itu. Maka harim bagi kampung yang dihidupkan adalah kelab iaitu tempat orang ramai berkumpul untuk berbual dan tempat memecut kuda dan umpamanya, dan tempat terung unta iaitu tempat yang diterungkan ia padanya, dan tempat buangan abu dan tahi dan umpamanya seperti kandang kambing dan tempat permainan budak-budak.

وَالْحَرِيمُ لِبِنْرِ اسْتِقَاءٍ مُحْيَاةٍ مَوْضِعُ نَارِحٍ مِنْهَا وَمَوْضِعُ دُولَابٍ إِنْ كَانَ الْإِسْتِقَاءُ بِهِ، وَهُوَ يُطْلَقُ عَلَى مَا يَسْتَقِي بِهِ النَّارِحُ وَمَا تَسْتَقِي بِهِ الدَّابَّةُ وَنَحْوَهُمَا كَالْمَوْضِعِ الَّذِي يَصُبُّ فِيهِ النَّارِحُ الْمَاءَ، وَمُتَرَدِّدُ الدَّابَّةِ إِنْ كَانَ الْإِسْتِقَاءُ بِهَا، وَالْمَوْضِعُ الَّذِي يَطْرَحُ فِيهِ مَا يَخْرُجُ مِنْ مَصَبِ الْمَاءِ أَوْ نَحْوِهِ.

1221. Harim bagi telaga bekalan air bagi bumi yang dihidupkan adalah tempat orang yang mengambil air darinya dan tempat takal jika diambil air dengannya. Lanya tuturkan ke atas apa yang orang mengambil air menceduk air dengannya dan apa yang dabbah ceduk air dengannya dan umpama keduanya seperti tempat yang mengambil air tuangkan air padanya dan tempat berulang alik dabbah jika diveduk air dengannya dan tempat yang dia campakkan padanya apa yang keluar dari tempat tuangkan air atau umpamanya.

وَالْحَرِيمُ لِبِنْرِ قَنَاةٍ مَا لَوْ حَفَرَ فِيهِ نَقَصَ مَاوُهَا أَوْ خِيفَ انْتِهَارُهَا. وَيَخْتَلِفُ ذَلِكَ بِصَلَابَةِ الْأَرْضِ وَرَخَاوَتِهَا. وَلَا يَحْتَاجُ إِلَى مَوْضِعِ نَارِحٍ وَلَا غَيْرِهِ مِمَّا مَرَّ فِي بِنْرِ الْإِسْتِقَاءِ.

1222. Harim bagi telaga untuk tali air adalah apa yang kalau digali padanya kurang airnya atau ditakuti runtuhnya. Bersalah-salahan demikian itu dengan keras

bumi dan perainya dan tidak perlu ia kepada tempat orang yang mengambil air dan tidak selainya daripada apa yang telah lalu pada telaga cedukkan air.

وَالْحَرِيمُ لِذَارٍ مَمْرٌ وَفَنَاءٌ لِحُدْرَانِهَا وَمَطْرَحٌ نَحْوِ رَمَادٍ كَكُنَاسَةٍ وَتَلْجٌ. وَلَا حَرِيمٌ لِذَارٍ مَحْفُوفَةٍ بِدُورٍ بَأَنَّ أَحْيَيْتَ كُلَّهَا مَعًا، لِأَنَّ مَا يُجْعَلُ حَرِيمًا لَهَا لَيْسَ بِأَوْلَى مِنْ جَعْلِهِ حَرِيمًا لِأُخْرَى.

1223. Harim bagi rumah adalah tempat laluan dan sekeliling dinding-dindingnya dan tempat buangan umpama debu seperti sampah dan salju. Tidak ada harim bagi rumah yang dikelilingi dengan rumah-rumah dengan bahawa dimajukan semuanya serentak kerana apa yang dijadikan sebagai harim baginya tidak terutama dari menjadikannya harim bagi rumah yang lain.

وَيَتَصَرَّفُ كُلُّ مَنْ الْمَلِكِ فِي مَلِكِهِ عَادَةً وَإِنْ أَدَّى إِلَى ضَرَرٍ جَارِهِ أَوْ إِتْلَافٍ مَالِهِ، كَمَنْ حَفَرَ بِنْرِ مَاءٍ أَوْ حَشَى فَأَخْتَلَّ بِهِ جِدَارُ جَارِهِ أَوْ تَغَيَّرَ بِمَا فِي الْحَشَى مَاءً بِنْرِهِ. فَإِنْ جَاوَزَ الْعَادَةَ فِيمَا ذَكَرَ ضَمِنَ بِمَا جَاوَزَ فِيهِ كَأَنَّ دَقَّ دَقًّا عَيْفًا أَوْ عَجَّ الْأَبْنِيَّةَ أَوْ حَبَسَ الْمَاءَ فِي مَلِكِهِ فَأَنْتَشَرَتِ النَّدَاوَةُ إِلَى جِدَارِ جَارِهِ.

1224. Setiap pemilik boleh tasarruf pada miliknya di atas adat sekalipun membawa kepada kemudharatan jirannya atau binasa hartanya seperti bahawa dia menggali telaga air atau tandas maka cedera dengannya dinding jirannya atau berubah dengan apa yang pada tandas itu air telaganya. Maka jika ia melampaui adat pada apa yang disebutkan itu dia mendhaman apa yang dia lampau padanya seperti bahawa dia mengetuk ketukkan yang keras yang menggoncang binaan atau dia menahan air pada miiknya maka merebaklah lembapan kepada dinding jirannya.

وَلَهُ أَنْ يَتَّخِذَ مَلِكَهُ وَلَوْ بِحَوَانِيَتِ بَرَازِينَ حَمَامًا وَإِصْطَبْلًا وَطَاخُونَةً وَحَانُوتَ حَدَادٍ ، إِنْ أَحَكَمَ جُدْرَانَهُ بِمَا يَلِيقُ بِمَقْصُودِهِ، لِأَنَّ ذَلِكَ لَا يَضُرُّ الْمَلِكُ وَإِنْ ضَرَّ الْمَالِكُ بِنَحْوِ رَائِحَةٍ كَرِيهَةٍ.

1225. Boleh dia membuat miliknya walaupun ditengah kedai-kedai kain menjadi hammam dan kandang kuda dan tempat kisar dan kedai besi jika kukuh dindingnya dengan apa yang layak dengan tujuannya kerana demikian itu tidak memudharatkan pemilikan sekalipun memudharatkan pemilik dengan umpama bau busuk.

(وَصِفَةُ الْإِحْيَاءِ) الَّذِي يُمَلِّكُ بِهِ الْمَوَاتُ شَرْعًا (مَا كَانَ فِي الْعَادَةِ) الَّتِي هِيَ الْعُرْفُ الَّذِي يُعَدُّ مِثْلَهُ (عِمَارَةً لِلْمُحْيَا). وَيَخْتَلِفُ ذَلِكَ بِحَسَبِ الْغَرَضِ مِنْهُ. وَضَابِطُهُ أَنْ يُهَيِّئَ الْأَرْضَ لِمَا يُرِيدُهُ.

1226. (Sifat menghidupkan bumi) yang dimiliki bumi mati dengannya pada syara' (adalah apa yang ianya pada adat) yang mana ia adalah 'uruf yang mengirakan seumpamanya (sebagai memajukan apa yang dihidupkan itu). Bersalah-salahan demikian itu dengan sekira-kira tujuan darinya. Dhabitnya bahawa dia menyediakan bumi itu untuk apa yang dia hendakkan.

فَيُعْتَبَرُ فِي مَسْكَنِ تَحْوِيْطٍ لِلْبُقْعَةِ بِأَجْرٍ أَوْ لِبِنٍ أَوْ طِينٍ أَوْ أَلْوَا حِ خَشْبٍ بِحَسَبِ الْعَادَةِ وَنَصَبُ بَابٍ وَسَفْفٍ بَعْضُ الْبُقْعَةِ لِيُهَيِّئَهَا لِلسُّكْنَى. وَفِي زُرْبِيَّةٍ لِلدَّوَابِّ أَوْ غَيْرِهَا كَنَمَارٍ وَغَلَالِ التَّحْوِيْطِ وَنَصَبُ الْبَابِ لَا السَّفْفِ عَمَلًا بِالْعَادَةِ. وَلَا يَكْفِي التَّحْوِيْطُ بِنَصَبِ سَعْفٍ أَوْ أَحْجَارٍ مِنْ غَيْرِ بِنَاءٍ. وَفِي مَزْرَعَةٍ جَمْعُ تَرَابٍ كَقَصَبٍ وَشَوْكٍ حَوْلَهَا لِيُنْفَصَلَ الْمُحْيَا عَنْ غَيْرِهِ، وَتَسْوِيئُهَا بِطَمٍ مُنْخَفِضٍ وَكَسْحٍ مُسْتَعْلٍ. وَيُعْتَبَرُ حَرْثُهَا إِنْ لَمْ تُزْرَعْ إِلَّا بِهِ، فَإِنْ لَمْ يَتَسَيَّرْ إِلَّا بِمَا يُسَاقُ إِلَيْهَا فَلَا بُدَّ مِنْهُ لِتَنْتَهَابِ لِلزَّرَاعَةِ، وَتَهْيِئَةِ مَاءٍ لَهَا إِنْ لَمْ يَكْفِهَا مَطَرٌ مُعْتَادًا. وَفِي بُسْتَانٍ تَحْوِيْطٌ وَلَوْ بِجَمْعِ تَرَابٍ حَوْلَ أَرْضِهِ وَتَهْيِئَةِ مَاءٍ لَهُ بِحَسَبِ الْعَادَةِ وَغَرْسٍ لِيَقَعَ عَلَى الْأَرْضِ اسْمُ الْبُسْتَانِ.

1227. Maka diiktibarkan pada tempat tinggal memagar tapaknya dengan bata baker atau bata mentah atau tanah atau kepingan kayu dengan sekira-kira adapt, dan

menegakkan pintu dan membubungkan sebahagian tapaknya untuk menyediakannya sebagai tempat ditinggal. Dan pada kandang ternakkan atau selainnya seperti buah dan hasil tanaman memagarkannya dan menegakkan pintu, tidak bumbung kerana megamalkan adat. Tidak memadai pagar dengan menegakan pelepah tamar atau batu tanpa binaan. Dan pada tempat bercucuk tanam mengumpulkan umpama tanah seperti buluh dan duri sekelilingnya supaya terpisah yang dihidupkan itu itu dari selainnya, dan meratakannya dengan mengambus yang rendah dan menarah yang tinggi. Diiktibarkan tenggalanya jika ia tidak ditanam melainkan dengannya. Maka jika tidak mudah tenggala melainkan dengan apa yang dibawa kepadanya maka tidak dapat tidak darinya supaya ia tersedia untuk ditanam, dan menyediakan air untuknya jika tidak memadainya hujan yang biasa. Dan pada kebun memagarnya walaupun dengan menghimpunan tanah sekeliling buminya dan menyediakan air untuknya sekira-kira adapt, dan menanam pokok supaya jatuh di atas bumi itu nama kebun.

وَمَنْ شَرَعَ فِي إِحْيَاءِ مَا يَقْدِرُ عَلَى إِحْيَائِهِ وَلَمْ يَزِدْ عَلَى كِفَايَتِهِ ، أَوْ نَصَبَ عَلَيْهِ عَلَامَةً كَنَصَبِ أَحْجَارٍ ، أَوْ أَقْطَعَهُ لَهُ إِمَامٌ فَمُتَحَجِّرَ لِذَلِكَ الْقَدْرِ ، وَهُوَ مُسْتَحَقٌّ لَهُ دُونَ غَيْرِهِ . وَلَكِنْ لَوْ أَحْيَاهُ آخَرَ مَلَكَهُ . وَلَوْ طَالَتْ عَرْفًا مُدَّةً تَحَجَّرَ بِهَا غَدْرٌ وَلَمْ يُحْيِ قَالَ لَهُ الْإِمَامُ : أَحْيِ أَوْ أَتْرُكْ ، فَإِنْ اسْتَمَهَلَ بِغَدْرٍ أَمَهَلَ مُدَّةً قَرِيبَةً .

1228. Siapa yang masuk pada menghidupkan apa yang dia kuasa menghidupkannya dan tidak lebih ia di atas kecukupannya atau menegakkan tanda di atasnya seperti menegakkan batu-batu, atau imam menguntukkan baginya maka dia orang yang menempah kadar itu dan dia berhak kepadanya, tidak orang selainnya, akan tetapi kalau orang lain menghidupkannya dia memilikinya⁸⁷. Kalau lama pada 'uruf tempoh tempahannya itu tanpa uzur dan dia tidak menghidupkannya imam kata kepadanya : hendaklah kamu menghidupkannya atau meninggalkannya. Maka jika dia meminta tangguh dengan uzur ditangguhkan dia dengan tempoh yang singkat.

تَنْبِيْهٌ : مَنْ أَحْيَا مَوَاتًا فَظَهَرَ فِيهِ مَعْدِنٌ ظَاهِرٌ وَهُوَ مَا يَخْرُجُ بِلاَ عِلَاجٍ كَنِفْطٍ وَكَبْرِيْتٍ وَقَارٍ وَمُومِيَا ، أَوْ مَعْدِنٌ بَاطِنٌ وَهُوَ مَا لَا يَخْرُجُ إِلَّا بِعِلَاجٍ كَذَهَبٍ وَفِضَّةٍ وَحَدِيدٍ مَلَكَهُ ، لِأَنَّهُ مِنْ أَجْزَاءِ الْأَرْضِ ، وَقَدْ مَلَكَهَا بِالْإِحْيَاءِ . وَخَرَجَ بِظُهُورِهِ مَا لَوْ عَلِمَهُ قَبْلَ الْإِحْيَاءِ فَإِنَّهُ إِنَّمَا يَمْلِكُ الْمَعْدِنَ الْبَاطِنَ دُونَ الظَّاهِرِ كَمَا رَجَّحَهُ ابْنُ الرَّفْعَةِ وَغَيْرُهُ وَأَقْرَبُ النَّوَوِيِّ عَلَيْهِ صَاحِبُ التَّنْبِيْهِ . أَمَّا بُقْعَتُهُمَا فَلَا يَمْلِكُهَا بِإِحْيَائِهَا مَعَ عِلْمِهِ بِهِمَا لِفَسَادِ قَصْدِهِ ، لِأَنَّ الْمَعْدِنَ لَا يَتَّخِذُ دَارًا وَلَا بُسْتَانًا وَلَا مَزْرَعَةً أَوْ نَحْوَهَا .

1229. Tanbih. Orang yang menghidupkan bumi mati maka timbul padanya galian yang zahir iaitu apa yang keluar tanpa rawatan⁸⁸ seperti petrol dan belerang dan tar dan mumia⁸⁹, atau galian yang batin iaitu apa yang tidak keluar melainkan dengan rawatan seperti emas dan perak dan besi, dia memilikinya kerana ia sebahagian dari jujuk-jujuk bumi walhal dia telah memilikinya dengan menghidupkannya. Keluar dengan timbulnya keadaan kalau dia mengetahuinya sebelum dia menghidupkannya maka dia hanya memiliki galian batin tidak galian zahir sepertimana ditarjihkan Ibnu Rif'ah dan selainnya dan Nawawi menetapkan tuan kitab Tanbih di atasnya. Adapun tapak keduanya maka tidak dia memilikinya dengan menghidupkannya serta tahunya dengan keduanya kerana fasad kasadnya kerana lombong tidak dibuat rumah dan tidak kebun dan tidak tempat tanaman atau umpamanya.

⁸⁷. serta berdosa.

⁸⁸. selepas sampai kepadanya.

⁸⁹. suatu yang dicampakkan oleh laut kepantai lalu ia beku dan menjadi seperti tar.

وَالْمِيَاهُ الْمُبَاهَاةُ مِنَ الْأَوْدِيَةِ كَالنَّيْلِ وَالْفُرَاتِ وَالْعُيُونِ فِي الْجِبَالِ وَغَيْرَهَا وَسَيُؤَلِّمُ الْأَمْطَارَ يَسْتَوِي النَّاسُ فِيهَا لِحَبْرٍ : { النَّاسُ شُرَكَاءُ فِي ثَلَاثَةِ فِي الْمَاءِ وَالْكَلا وَالنَّارِ } ، فَلَا يَجُوزُ لِأَحَدٍ تَحْجَرُهَا وَلَا لِلْإِمَامِ إِقْطَاعُهَا بِالْإِجْمَاعِ. فَإِنْ أَرَادَ قَوْمٌ سَقَى أَرْضَهُمْ مِنَ الْمِيَاهِ الْمُبَاهَاةِ فَضَاقَ الْمَاءُ عَنْهُمْ سَقَى الْأَعْلَى فَالْأَعْلَى، وَحَبَسَ كُلُّ مَنْهُمُ الْمَاءَ حَتَّى يَبْلُغَ الْكَعْبَيْنِ، لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَضَى بِذَلِكَ. فَإِنْ كَانَ فِي أَرْضٍ ارْتِفَاعٌ وَإِنْخِفَاضٌ أَفْرَدَ كُلُّ طَرَفٍ بِسَقَى. وَمَا أُخِذَ مِنْ هَذَا الْمَاءِ الْمُبَاهَاةِ فِي إِنْاءٍ أَوْ بَرْكَةٍ أَوْ حُفْرَةٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ مِلْكٌ عَلَى الصَّحِيحِ كَالِإِحْتِطَابِ وَالِإِحْتِشَاشِ. وَحَكَى ابْنُ الْمُنْذِرِ فِيهِ الْإِجْمَاعَ.

1230. Air yang mubah dari lembah-lembah seperti Nil dan Furat dan dari mata-mata air bukit dan selainnya dan air hujan yang mengalir sama manusia padanya kerana khabar “manusia bersyariat pada tiga, pada air dan padang rumput dan api”, maka tidak harus seorang menyekat untuk dirinya dan tidak boleh imam memperuntukkannya dengan ijma. Maka jika satu kaum hendak mengairkan bumi mereka dari air yang mubah maka sempitlah air itu dari semua mereka diairkan yang tinggi maka yang tinggi, dan setiap mereka menahan air itu hingga sampai dua buku lali kerana nabis s.a.w.m menghukumkan dengan demikian itu. Maka jika tanah itu tinggi rendah ditunggalkan setiap kepingnya dengan jirus. Apa yang diambil dari air mubah ini didalam bekas atau kolam atau lubang yang digali atau umpama demikian itu adalah dimiliki di atas yang sah sama seperti mengambil kayu api dan rumput. Ibnu Munzir menghidayatkan ijmak padanya.

وَحَافِرُ بئرِ بِمَوَاتٍ لَا لِلتَّمْلِكِ بَلْ لِلارْتِفَاقِ بِهَا لِنَفْسِهِ مَدَّةَ إِقَامَتِهِ هُنَاكَ أَوْلَى بِهَا مِنْ غَيْرِهِ حَتَّى يَرْتَحَلَ لِحَدِيثِ : { مَنْ سَبَقَ إِلَى مَا لَمْ يَسْبِقْ إِلَيْهِ مُسْلِمٌ فَهُوَ أَحَقُّ بِهِ } . وَالْبئرُ الْمَحْفُورَةُ فِي الْمَوَاتِ لِلتَّمْلِكِ أَوْ فِي مِلْكِهِ يَمْلِكُ الْحَافِرُ مَاءَهَا، لِأَنَّهَا نَمَاءٌ مِلْكِهِ كَالثَّمَرَةِ وَاللَّبَنِ.

1231. Orang yang menggali telaga pada bumi mati tidak untuk memilikinya bahkan untuk kemudahan dirinya dalam tempoh dia bermukim disana terutama dengannya dari orang lain hingga dia berangkat kerana hadith “siapa dulu sampai kepada apa yang tidak mendahului kepadanya seorang muslim maka dia lebih berhak dengannya”. Telaga yang digali pada bumi mati untuk memilikinya atau pada miliknya orang yang menggalnya memiliki airnya kerana ia kesuburan miliknya sama seperti buah dan susu.

(وَيَجِبُ) عَلَيْهِ (بَدْلُ الْمَاءِ بِثَلَاثَةِ شَرَانِطٍ ، بَلْ بِسِنَّةٍ كَمَا سَتَعْرِفُهُ) . الْأَوَّلُ (أَنْ يَفْضَلَ عَنْ حَاجَتِهِ) لِنَفْسِهِ وَمَاشِيَتِهِ وَشَجَرِهِ وَزَّرْعِهِ . (وَ) الشَّرْطُ الثَّانِي (أَنْ يَحْتَاجَ إِلَيْهِ غَيْرُهُ لِنَفْسِهِ) ، فَيَجِبُ بَدْلُ الْفَاضِلِ مِنْهُ عَنْ شَرْبِهِ لِشَرْبِ غَيْرِهِ الْمُحْتَرَمِ مِنَ الْأَدْمِيِّينَ . وَقَوْلُهُ : (أَوْ لِبَهِيمَتِهِ) أَي يَجِبُ بَدْلُ مَا فَضَلَ عَنْ مَاشِيَتِهِ وَزَّرْعِهِ لِبَهِيمَةِ غَيْرِهِ الْمُحْتَرَمَةِ لِحَبْرِ الصَّحِيحِينَ : { لَا تَمْنَعُوا فَضْلَ الْمَاءِ لِتَمْنَعُوا بِهِ الْكَلًّا } .

1232. (Wajib) di atasnya (memberikan air dengan tiga syarat, bahkan dengan enam sepertimana kamu akan tahu). Pertamanya (bahawa ia lebih dari hajatnya) untuk dirinya dan ternakkannya dan pokoknya dan tanamannya. Syart kedua (bahawa orang lain berhajat kepadanya untuk dirinya) maka wajib memberikan air yang lebih dari minumannya untuk minum orang selainnya yang dihormati daripada anak adam. Katanya (atau untuk bahimah) iaitu wajib memberikan apa yang lebih dari ternakkannya dan tanamannya kepada bahimah orang lain yang dihormati kerana khabar dua kitab yang sah “jangan kamu tegah lebih air untuk kamu tegah padang rumput dengannya”.

تَنْبِيْهُ : أَطْلَقَ الْمُصَنِّفُ الْحَاجَةَ وَقَيْدَهَا الْمَآوِرِدِيَّ بِالنَّاجِرَةِ. قَالَ : فَلَوْ فَضَلَ عَنْهُ الْآنَ وَاحْتِجَ إِلَيْهِ فِي ثَانِي الْحَالِ وَجِبَ بَدْلُهُ، لِأَنَّهُ يُسْتَحْلَفُ. وَخَرَجَ بِقَيْدِ الْمُحْتَرَمِ غَيْرُهُ كَالرَّانِي الْمُحْصَنِ وَتَارِكِ الصَّلَاةِ، وَكَذَا تَارِكِ

الْوُضُوءُ فِي الْأَصْحَ فِي الرُّوضَةِ، وَالْمُرْتَدُّ وَالْحَرْبِيُّ وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ وَالْبَهِيمَةُ الْمَأْكُولَةُ إِذَا وُطِئَتْ مُحْتَرَمَةً، فَإِنَّ الْأَصْحَ أَنَّهَا لَا تَدْخُجُ فَيَجِبُ الْبَدْلُ لَهَا.

1233. Tanbih. Musannif mengitlakkan hajat sementara Mawardi mengkaitkannya dengan “yang lulus”. Katanya : kalau lebih darinya sekarang dan dia perlu kepadanya pada keadaan kedua wajib memberikannya kerana air bergantian. Keluar dengan kait yang dihormati oleh selainnya seperti penzina muhsan dan yang meninggalkan sembahyang, begitu juga yang meninggalkan wudhuk pada yang paling sah didalam raudhah, dan murtad dan harbi dan anjing gila dan bahimah yang dimakan apabila disetubuh dalam keadaan ia dihormati, maka yang paling sah bahawa ia tidak disembelih maka wajib memberikan air kepadanya.

(وَ) الشَّرْطُ الثَّلَاثُ (أَنْ يَكُونَ) الْمَاءُ الْفَاضِلُ عَمَّا تَقَدَّمَ (مِمَّا يُسْتَخْلَفُ) بِالْبِنَاءِ لِلْمَفْعُولِ أَيَّ يَخْلُفُهُ مَاءٌ غَيْرُهُ (فِي بِنْرِ أَوْ عَيْنٍ) فِي جَبَلٍ أَوْ غَيْرِهِ . وَأَمَّا الَّذِي لَا يَخْلُفُ كَالْقَارِ فِي إِنَاءٍ أَوْ حَوْضٍ مَسْدُودٍ فَلَا يَجِبُ بَدْلُ فَضْلِهِ عَلَى الصَّحِيحِ . وَالْفَرْقُ أَنَّهُ فِي صُورَةِ الْإِسْتِخْلَافِ لَا يَلْحَقُهُ ضَرَرٌ بِالْإِحْتِيَاجِ إِلَيْهِ فِي الْمُسْتَقْبَلِ ، بِخِلَافِهِ فِي غَيْرِهِ .

1234. Syarat ketiga (**bahawa adalah**) air yang lebih dari apa yang telah lalu itu (**daripada air yang berganti**) iaitu menggantikannya air yang lain (**didalam telaga atau mata air**) pada bukit atau selainnya. Adapun yang tidak berganti seperti yang tetap didalam bejana atau kolam yang tersumbat maka tidak wajib memberikan lebihnya di atas yang sah. Bezanya bahawa ia pada rupa ada gantian tidak menghubunginya kemudharatan dengan berhajat kepadanya pada masa depan, bersalahan pada selainnya.

وَالشَّرْطُ الرَّابِعُ أَنْ يَكُونَ بِقُرْبِ الْمَاءِ كَلًّا مُبَاحًا تَرَعَاهُ الْمَوَاشِي، وَإِلَّا فَلَا يَجِبُ عَلَى الْمَذْهَبِ لِخَبَرِ الصَّحِيحَيْنِ { لَا تَمْنَعُوا فَضْلَ الْمَاءِ لِمَنْعُوا بِهِ الْكَلًّا } أَيَّ مِنْ حَيْثُ إِنَّ الْمَاشِيَةَ إِنَّمَا تَرَعَى بِقُرْبِ الْمَاءِ ، فَإِذَا مَنَعَ مِنَ الْمَاءِ فَقَدْ مَنَعَ مِنَ الْكَلِّ .

1235. Syarat keempat bahawa ada dekat air itu padang rumput yang ternakkan meragut padanya. Jika tidak maka tidak wajib ia di atas mazhab kerana khabar dua kitab yang sah “jangan kamu tegah lebihan air untuk kamu tegah padang rumput dengannya” iaitu dari sekira-kira bahawa ternakkan itu hanyalah meragut dekat air maka apabila dihalang ia dari air maka dihalang ia dari padang itu.

وَالشَّرْطُ الْخَامِسُ أَنْ لَا يَجِدَ مَالِكُ الْمَاشِيَةِ عِنْدَ الْكَلِّ مَاءً مُبَاحًا، وَإِلَّا فَلَا يَجِبُ بَدْلُهُ.

1236. Syarat kelima bahawa pemilik ternakkan tidak mendapat air yang mubah. Jika tidak maka tidak wajib memberikannya.

وَالشَّرْطُ السَّادِسُ أَنْ لَا يَكُونَ عَلَى صَاحِبِ الْبِنْرِ فِي وُرُودِ الْمَاشِيَةِ إِلَى مَائِهِ ضَرَرٌ فِي زَرْعٍ وَلَا مَاشِيَةٍ، فَإِنَّ لِحَقَّهُ فِي وُرُودِهَا ضَرَرٌ مُنِيعٌ، لَكِنْ يَجُوزُ لِلرَّعَاةِ اسْتِقَاءَ فَضْلِ الْمَاءِ لَهَا.

1237. Syarat keenam bahawa tidak ujud mudharat atas tuan telaga pada datang ternakkan kepada airnya pada tanaman dan tidak pada ternakkannya. Maka jika menghubunginya mudharat pada datangnya ditegah ia, akan tetapi harus pengembala mengambil lebihan air itu untuknya.

وَلَا يَجِبُ بَدْلُهُ لِزَرْعِ الْغَيْرِ كَسَائِرِ الْمَمْلُوكَاتِ، وَإِنَّمَا وَجِبَ بَدْلُهُ لِلْمَاشِيَةِ لِحُرْمَةِ الرُّوحِ . وَلَا يَجِبُ بَدْلُ فَضْلِ الْكَلِّ، لِأَنَّهُ لَا يُسْتَخْلَفُ فِي الْحَالِ وَيَتَمَوَّلُ فِي الْعَادَةِ وَزَمَنَ رَعِيهِ يَطُولُ بِخِلَافِ الْمَاءِ .

1238. Tidak wajib memberikannya untuk tanaman orang lain seperti sekalian barang-barang yang dimiliki. Hanyalah wajib memberikannya kepada ternakkan kerana kehormatan roh. Tidak wajib memberikan lebih padang rumput kerana ia tidak digantikan pada masa yang hadir dan ia dibilang harta pada adatnya dan masa meragut rumput itu panjang, bersalahan air.

وَحَيْثُ لَزِمَهُ بَدْلُ الْمَاءِ لِلْمَاشِيَةِ لَزِمَهُ أَنْ يُمَكِّنَهَا مِنْ وُرُودِ الْبِنْرِ إِنْ لَمْ يَضُرَّ بِهِ، وَإِلَّا فَلَا كَمَا مَرَّ. وَحَيْثُ لَزِمَهُ الْبَدْلُ لَمْ يَجْزُ أَخْذُ عَوْضٍ عَلَيْهِ وَإِنْ صَحَّ بَيْعُ الطَّعَامِ لِلْمُضْطَّرِّ، لِصِحَّةِ النَّهْيِ عَنِ بَيْعِ فَضْلِ الْمَاءِ. رَوَاهُ مُسْلِمٌ. وَلَا يَجِبُ عَلَى مَنْ وَجِبَ عَلَيْهِ الْبَدْلُ إِعَارَةٌ آتَى الْإِسْتِقَاءَ.

1239. Sekira-kira lazim dia memberikannya air kepada ternakkan lazim dia membenarkannya datang ketelaga jika dia tidak kemudharatan dengannya. Jika tidak maka tidak, sepertimana telah lalu. Sekira-kira lazim dia memberikannya tidak harus dia mengambil bayaran di atasnya, sekalipun sah jual makanan kepada orang yang suntuk kerana sah tegahan dari jual lebih air. Meriwayatkannya Muslim. Tidak wajib di atas orang yang wajib memberikannya meminjamkan alat mengambil air.

تَمَّتْ : يُشْتَرَطُ فِي بَيْعِ الْمَاءِ التَّقْدِيرُ بِكَيْلٍ أَوْ وَزْنٍ ، لَا بِرَيِّ الْمَاشِيَةِ وَالزَّرْعِ. وَالْفَرْقُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ جَوَازِ الشَّرْبِ مِنْ مَاءِ السِّقَاءِ بَعْوِضِ أَنْ الْإِخْتِلَافُ فِي شَرْبِ الْأَدْمِيِّ أَهْوَنُ مِنْهُ فِي شَرْبِ الْمَاشِيَةِ وَالزَّرْعِ. وَيَجُوزُ الشَّرْبُ وَسَقْيُ الدَّوَابِّ مِنَ الْجَدِّ أَوَّلِ وَالْأَنْهَارِ الْمَمْلُوكَةِ إِذَا كَانَ السَّقْيُ لَا يَضُرُّ بِمَالِكِهَا إِقَامَةً لِلأَذْنِ الْعُرْفِيِّ مَقَامَ اللَّفْظِيِّ. قَالَهُ ابْنُ عَبْدِ السَّلَامِ. ثُمَّ قَالَ : نَعَمْ، لَوْ كَانَ النَّهْرُ لِمَنْ لَا يُعْتَبَرُ إِذْنُهُ كَالْيَتِيمِ وَالْأَوْقَافِ الْعَامَّةِ فَعِنْدِي فِيهِ وَفْقَةٌ. وَالظَّاهِرُ الْجَوَازُ.

1240. Tatimmah. Disyaratkan pada jual air mengkadarkannya dengan sukat atau timbang, tidak dengan hilang dahaga ternakkan dan tanaman. Beza di antaranya dan di antara harus minum dari air untuk minuman dengan bayaran bahawa tak sama pada minum anak adam lebih ringan tak sama pada minum ternakkan dan tanaman. Harus minum dan beri minum dabbah dari anak sungai dan sungai yang dimiliki apabila minum itu tidak memudharatkan pemiliknya kerana mendirikan izin 'urfi pada tempat izin lafzi. Mengatakannya Ibnu Abdussalam. Kemudian katanya : na'am, kalau sungai itu milik orang yang tidak diiktibarkan izinnya seperti anak yatim dan wakaf umum maka di sisi aku padanya "terhenti". Intaha. Yang zahir harusnya.

وَالْقَنَاءُ أَوْ الْعَيْنُ الْمُشْتَرَكَةُ يُقَسَّمُ مَاوُهَا عِنْدَ ضَيْقِهِ عَنْهُمْ بِنَصَبِ خَشَبَةٍ فِي عَرْضِ النَّهْرِ فِيهَا تُقَبُّ مُتَسَاوِيَةً أَوْ مُتَفَاوِتَةً عَلَى قَدْرِ الْحَصَصِ مِنَ الْقَنَاءِ أَوْ الْعَيْنِ. وَلِلشَّرْكَاءِ الْقِسْمَةُ مُهَيَّأَةً وَهِيَ أَمْرٌ يَتَرَاضُونَ عَلَيْهِ كَأَنْ يَسْقِيَ كُلُّ مِنْهُمْ يَوْمًا، أَوْ بَعْضُهُمْ يَوْمًا وَبَعْضُهُمْ أَكْثَرَ بِحَسَبِ حِصَّتِهِ.

1241. Terusan atau mata air yang disyarikatkan dibahagi-bahagikan airnya di sisi sempitnya dari semua mereka dengan mendirikan kayu pada lintang sungai yang padanya lubang yang sama atau berlainan di atas kadar habuan-habuan mereka dari tali air atau mata air itu. Bagi ahli syarikat itu pembahagian yang ditetapkan iaitu perkara yang mereka saling redha di atasnya seperti bahawa setiap mereka menjirus sehari atau sebahagian mereka sehari dan sebahagian mereka lebih banyak sekira-kira habuannya.

وَإِذَا سَقَى زَرْعَهُ بِمَاءٍ مَغْصُوبٍ ضَمِنَ الْمَاءَ بِبَدْلِهِ وَالْغَلَّةَ لَهُ، لِأَنَّهُ الْمَالِكُ لِلْبَدْرِ. فَإِنْ غَرِمَ الْبَدْلَ وَتَحَلَّلَ مِنْ صَاحِبِ الْمَاءِ كَانَتْ الْغَلَّةُ أَطْيَبَ لَهُ مِمَّا لَوْ غَرِمَ الْبَدْلَ فَقَطً.

1242. Apabila dia menjirus tanamannya dengan air yang dirampas dia mendhaman air itu dengan gantinya dan hasilnya miliknya kerana dia pemilik benih.

Maka jika dia membayar gantinya dan minta halal dari tuan air itu adalah hasilan itu lebih baik daripada keadaan kalau dia membayar gantinya sahaja.

وَلَوْ أَشْعَلَ نَارًا فِي حَطَبٍ مَبَّاحٍ لَمْ يَمْنَعْ أَحَدًا الْإِنْتِفَاعَ بِهَا، وَلَا الْإِسْتِصْبَاحَ مِنْهَا. فَإِنْ كَانَ الْحَطَبُ لَهُ فَلَهُ الْمَنْعُ مِنَ الْأَخْذِ مِنْهَا كَالْمَاءِ، لَا الْإِصْطِلَاءَ بِهَا وَلَا الْإِسْتِصْبَاحَ مِنْهَا.

1243. Kalau dia memingat api pada kayu yang mubah tidak boleh dia menegah seorang pun dari mengambil manfaat dengannya dan tidak berpelita dengannya. Maka jika kayu itu miliknya maka boleh dia menghalang dari ambil darinya sama seperti air, tidak berdiang dengannya dan tidak berpelita dengannya.

+فَصْلٌ : فِي الْوُقُوفِ . هُوَ وَالتَّحْيِيسُ وَالتَّسْبِيلُ بِمَعْنَى . وَهُوَ لُغَةٌ الْحَبْسِ . يُقَالُ : وَقَفْتُ كَذَا أَي حَبَسْتُهُ وَلَا يُقَالُ أَوْقَفْتُهُ إِلَّا فِي لُغَةٍ تَمِيمِيَّةٍ وَهِيَ رَدِيئَةٌ وَعَلَيْهَا الْعَامَّةُ . وَهُوَ عَكْسُ حَبَسَ فَإِنَّ الْفَصِيحَ أَحْبَسَ . وَأَمَّا حَبَسَ فَلُغَةٌ رَدِيئَةٌ . وَشَرَعًا حَبَسَ مَالٌ يُمَكِّنُ الْإِنْتِفَاعَ بِهِ مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ بِقَطْعِ التَّصَرُّفِ فِي رَقَبَتِهِ عَلَى مَصْرُفٍ مَبَّاحٍ مُوجُودٍ . وَيَجْمَعُ عَلَى وَقُوفٍ وَأَوْقَافٍ .

1244. **Fasal pada wakaf.** “وقف” dan “تحبيس” i.e menahan dan “تسبيل” i.e mensabilkan adalah dengan satu makna. Ianya pada lughah : menahan. Dikatakan “وقفت كذا” i.e aku wakafkan sekian iaitu “حبسته” i.e aku menahannya. Tidak dikatakan “أوقفته” melainkan pada lughah Bani Tamim yang mana ianya tak cantik dan di atasnya orang awam. Ianya ‘akas “حبس” kerana yang fasih “أحبس”, adapun “حبس” maka lughah yang tak cantik. Dan pada syara’ : menahan harta yang boleh diambil manfaat dengannya serta kekal ‘ainnya dengan memutuskan tasarruf pada zatnya di atas tempat tasarruf yang mubah yang ujud. Dijamakkan ia di atas “وقوف” dan “أوقاف”.

وَالْأَصْلُ فِيهِ قَبْلَ الْإِجْمَاعِ قَوْلُهُ تَعَالَى { لَنْ تَتَّالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ } ، فَإِنَّ أَبَا طَلْحَةَ لَمَّا سَمِعَهَا رَغِبَ فِي وَقْفٍ بَيْرْحًا وَهِيَ أَحَبُّ أَمْوَالِهِ إِلَيْهِ ، وَخَبِرَ مُسْلِمٌ { إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٌ جَارِيَةٌ أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ } . وَالصَّدَقَةُ الْجَارِيَةُ مَحْمُولَةٌ عِنْدَ الْعُلَمَاءِ عَلَى الْوُقُوفِ كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ .

1245. Asal padanya sebelum ijmak firman Allah taala “tidak akan kamu capai kebajikan hingga kamu belanjakan apa yang kamu kasihi”. Maka Abu Talhah tatkala mendengarnya gemarlah dia pada mewakafkan Bairuha yang mana ia hartanya yang paling dia kasihi. Dan khabar Muslim “apabila anak Adam mati putuslah amalannya melainkan tiga : sedekah yang mengalir dan ilmu yang dimanfaatkan dan anak soleh yang mendoakannya”. Sedekah yang mengalir itu ditanggungkan di sisi para ulamak di atas wakaf sepertimana kata Rafi’e.

وَأَرْكَانُهُ أَرْبَعَةٌ : وَاقِفٌ وَمَوْقُوفٌ وَمَوْقُوفٌ عَلَيْهِ وَصِيعَةٌ . وَالْمُصَنَّفُ ذَكَرَ بَعْضَهَا مُعَيَّرًا عَنْهُ بِالشَّرْطِ فَقَالَ : (وَالْوُقُوفُ) أَي مِنْ مُخْتَارِ أَهْلِ تَبَرُّعٍ (جَائِزٌ) أَي صَحِيحٌ ، وَهَذَا هُوَ الرُّكْنُ الْأَوَّلُ ، وَهُوَ الْوَاقِفُ فَيَصِحُّ مِنْ كَافِرٍ وَلَوْ لِمَسْجِدٍ ، وَمِنْ مُبْعَضٍ لَا مِنْ مُكْرَهٍ وَمَكَاتِبٍ . وَمَحْجُورٌ عَلَيْهِ بِفُلْسٍ أَوْ غَيْرِهِ . وَلَوْ بِمُبَاشَرَةٍ وَلِيهِ . وَقَوْلُهُ : (بِثَلَاثَةِ شَرَائِطٍ) ذَكَرَ أَرْبَعَةً وَأَسْقَطَ خَامِسًا وَسَادِسًا وَسَابِعًا وَثَامِنًا كَمَا سَتَعْرِفُهُ .

1246. Rukun-rukunnya empat : yang mewakafkan dan yang diwakafkan dan yang diwakafkan ke atasnya dan sighth. Musannif menyebutkan sebahagiannya dengan dia mengibaratkan darinya dengan syarat-syarat, maka katanya (**wakaf**) iaitu dari orang yang bebas memilih lagi ahli tabarru’ (**adalah suatu yang harus**) iaitu sah. Ini adalah rukun pertama iaitu orang yang mewakafkan maka sah ia dari kafir walaupun bagi masjid, dan dari muba’ad, tidak dari orang yang dipaksa dan mukatab dan orang yang dihijir dengan mufliis atau selainnya, walaupun dengan dikerjakan walinya. Katanya

(dengan tiga syarat) dia sebutkan empat dan menggugurkan kelima dan keenam dan ketujuh dan delapan sepertimana kamu akan ketahui.

الشَّرْطُ الْأَوَّلُ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّانِي وَهُوَ الْمُوقُوفُ (أَنْ يَكُونَ مِمَّا يُنْتَفَعُ بِهِ) عَيْنًا مُعَيَّنًا (مَعَ بَقَاءِ عَيْنِهِ) مَمْلُوكًا لِلْوَاقِفِ. نَعَمْ، يَصِحُّ وَقْفُ الْإِمَامِ مِنْ بَيْتِ الْمَالِ وَلَا بَدَّ أَنْ يَقْبَلَ النَّقْلَ مِنْ مَلِكٍ شَخْصٍ إِلَى مَلِكٍ آخَرَ وَيُقِيدُ لَا بِفَوَاتِهِ نَفْعًا مُبَاحًا مَقْصُودًا وَسِوَاءَ أَكَانَ النِّفْعُ فِي الْحَالِ أَمْ لَا كَوَقْفِ عَبْدٍ وَجَحْشِ صَغِيرَيْنِ، وَسِوَاءَ كَانَ عَقَارًا أَمْ مَنْقُولًا كَمُشَاعٍ وَلَوْ مَسْجِدًا، وَكَمَدْبَرٍ وَمَعْلَقٍ عَثْفَهُ بِصِفَةٍ. قَالَ فِي الرَّوْضَةِ كَأَصْلِهَا : وَيُعْتَقَانِ بَوُجُودِ الصِّفَةِ. وَيَبْطُلُ الْوَقْفُ بَعْتِقِهِمَا وَبِنَاءِ وَغِرَاسٍ وَضِعَا بِأَرْضٍ بِحَقِّ.

1247. Syarat pertama yang mana ia rukun kedua iaitu apa yang diwakafkan (bahawa adalah ia daripada apa yang dimanfaatkan) hal keadaan ia 'ain yang tertentu (serta kekal 'ainnya) lagi dimiliki bagi yang mewakafkan. Na'am, sah wakaf imam dari baitul mal. Tidak dapat tidak bahawa ia menerima pindahan dari milik seorang kepada milik yang lain, dan memberi faedah tidak dengan luputnya akan manfaat yang mubah yang dimaksudkan, samaada manfaat itu pada masa yang hadir atau tidak seperti wakaf hamba dan anak keldai yang kecil, dan samaada ianya 'aqar atau manqul seperti suatu yang melengkapinya walaupun ianya masjid, dan seperti hamba yang ditadbir dan digantungkan merdekanya dengan sifat. Katanya didalam Raudhah seperti asalnya : dimerdekakan keduanya dengan ujud sifat itu. Batal wakaf dengan merdeka keduanya dan dengan membina dan menanam pokok yang diletakkan keduanya pada bumi dengan hak.

فَلَا يَصِحُّ وَقْفُ مَنْفَعَةٍ، لِأَنَّهَا لَيْسَتْ بِعَيْنٍ، وَلَا مَا فِي الذِّمَّةِ وَلَا أَحَدَ عَبْدِيهِ لِعَدَمِ تَعْيِينِهِمَا وَلَا مَا لَا يُمْلِكُ لِلْوَاقِفِ كَمُكْتَرَى وَمَوْصَى بِمَنْفَعَتِهِ لَهُ وَحَرِّ وَكَلْبٍ وَلَوْ مُعَلَّمًا، وَلَا مُسْتَوْلَدَةَ وَمُكَاتِبَ، لِأَنَّهُمَا لَا يَقْبَلَانِ النَّقْلَ، وَلَا آلَةَ لَهْوٍ وَلَا دَرَاهِمَ لِزِينَةٍ لِأَنَّ آلَةَ الْهَوِّ مُحَرَّمَةٌ وَالزَّيْنَةُ غَيْرُ مَقْصُودَةٍ، وَلَا مَا لَا يُفِيدُ نَفْعًا كَرَمَنِ لَا يُرْجَى بُرُؤُهُ، وَلَا مَا لَا يُفِيدُ إِلَّا بِفَوَاتِهِ كَطَعَامٍ وَرِيحَانٍ غَيْرِ مَزْرُوعٍ لِأَنَّ نَفْعَهُ فِي فَوَاتِهِ وَمَقْصُودُ الْوَقْفِ الدَّوَامُ، بِخِلَافِ مَا يَدُومُ كَمِسْكٍ وَعَنْبَرٍ وَرِيحَانٍ مَزْرُوعٍ.

1248. Maka tidak sah wakaf manfaat kerana ia bukannya 'ain, dan tidak apa yang pada zimmah, dan tidak wakaf satu daripada dua hambanya kerana tidak tertentu keduanya, dan tidak wakaf apa yang tidak dimiliki pewakaf seperti barang sewaan dan barang yang diwasiatkan manfaatnya bagi seorang dan orang merdeka dan anjing walaupun terlatih, dan tidak wakaf ummu walad dan mukatab kerana keduanya tidak menerima pindahan milik, dan tidak wakaf alat kelalaian dan tidak wakaf dirham untuk perhiasan kerana alat kelalaian itu haram dan hiasan itu tidak dimaksudkan, dan tidak wakaf apa yang tidak berfaedah apa-apa manfaat seperti hamba lumpuh yang tidak diharapkan sembuh, dan tidak wakaf apa yang tidak berfaedah satu manfaat melainkan dengan luputnya seperti makanan dan tumbuhan wangi yang tidak ditanam kerana manfaatnya pada luputnya sedangkan maksud wakaf itu adalah berpanjangan, bersalahan apa yang berpanjangan seperti kasturi dan ambar dan tumbuhan wangi yang ditanam.

(وَ) الشَّرْطُ الثَّانِي وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّلَاثُ وَهُوَ الْمُوقُوفُ عَلَيْهِ : (أَنْ يَكُونَ) الْوَقْفُ (عَلَى أَصْلِ مَوْجُودٍ) فِي الْحَالِ. وَهُوَ عَلَى قِسْمَيْنِ : مُعَيَّنٍ وَغَيْرِ مُعَيَّنٍ. فَإِنْ وَقَّفَ عَلَى مُعَيَّنٍ اشْتَرَطَ إِمْكَانَ تَمْلِيكِهِ فِي حَالِ الْوَقْفِ عَلَيْهِ بِوُجُودِهِ فِي الْخَارِجِ. فَلَا يَصِحُّ الْوَقْفُ عَلَى وَلَدِهِ وَهُوَ لَا وَلَدَ لَهُ، وَلَا عَلَى فُقَرَاءِ أَوْلَادِهِ وَلَا فَقِيرٍ فِيهِمْ. فَإِنْ كَانَ فِيهِمْ فَقِيرٌ وَعَيْنٌ صَحٌّ. وَيُعْطَى مِنْهُ أَيْضًا مَنْ افْتَقَرَ بَعْدَ كَمَا قَالَهُ الْبَعُوثِيُّ. وَلَا عَلَى جَنِينٍ لِعَدَمِ صِحَّةِ تَمْلِكِهِ، وَسِوَاءَ أَكَانَ مَقْصُودًا أَمْ تَابِعًا حَتَّى لَوْ كَانَ لَهُ أَوْلَادٌ وَهُوَ جَنِينٌ عِنْدَ الْوَقْفِ لَمْ يَدْخُلْ. نَعَمْ إِنْ انفَصَلَ دَخَلَ مَعَهُمْ، إِلَّا أَنْ يَكُونَ الْوَاقِفُ قَدْ سَمَى الْمَوْجُودِينَ أَوْ ذَكَرَ عَدَدَهُمْ، فَلَا يَدْخُلُ كَمَا قَالَهُ الْأَدْرَعِيُّ.

1249. Syarat kedua yang mana ia rukun ketiga iaitu yang diwakafkan ke atasnya (**bahawa adalah**) wakaf itu (**di atas asal yang ujud**) pada masa itu. Ianya di atas dua bahagian, yang tertentu dan yang tidak tertentu. Maka jika dia wakafkan ke atas yang tertentu disyaratkan terbolelah memberi milik kepadanya pada ketika wakaf ke atasnya dengan ujudnya pada luaran, maka tidak sah wakaf ke atas anaknya sedang dia tidak punya anak, dan tidak ke atas yang fakir daripada anak-anaknya sedangkan tidak ada yang fakir pada mereka. Maka jika pada mereka itu ada yang fakir dan yang kaya sah ia, dan diberikan darinya juga orang yang fakir selepas itu, sepertimana dikatakan Bughawi. Dan tidak wakaf ke atas janin kerana tidak sah dia memilik sesuatu, samaada dia yang dimaksudkan atau yang mengikut, hinggakan kalau dia mempunyai beberapa orang anak dan mempunyai janin di sisi wakaf tidak dia masuk. Na'am jika janin itu telah bercerai dia masuk bersama mereka, melainkan bahawa pewakaf itu menamakan yang ujud atau dia menyebutkan bilangan mereka, maka janin itu tidak masuk sepertimana kata Azrai'e.

تَنْبِيْهٌ : قَدْ عَلِمَ مِمَّا ذُكِرَ أَنَّ الْوَقْفَ عَلَى الْمَيِّتِ لَا يَصِحُّ، لِأَنَّهُ لَا يَمْلِكُ. وَبِهِ صَرَخَ الْجُرْجَانِيُّ، وَلَا عَلَى أَحَدٍ هَذَيْنِ الشَّخْصَيْنِ لِعَدَمِ تَعْيِينِ الْمَوْقُوفِ عَلَيْهِ، وَلَا عَلَى نَفْسِ الْعَبْدِ، لِأَنَّهُ لَيْسَ أَهْلًا لِلْمَلِكِ. فَإِنْ أُطْلِقَ الْوَقْفُ عَلَيْهِ فَإِنْ كَانَ لَهُ لَمْ يَصِحَّ لِأَنَّهُ يَقَعُ لِلْوَاقِفِ، وَإِنْ كَانَ لِغَيْرِهِ فَهُوَ وَقْفٌ عَلَى سَيِّدِهِ. وَأَمَّا الْوَقْفُ عَلَى الْمُبْعُضِ فَالظَّاهِرُ أَنَّهُ إِنْ كَانَ مُهَيَّأَةً وَصَدَرَ الْوَقْفُ عَلَيْهِ يَوْمَ تَوْبَتِهِ فَكَالْحَرِّ أَوْ يَوْمَ تَوْبَةِ سَيِّدِهِ فَكَالْعَبْدِ. وَإِنْ لَمْ تَكُنْ مُهَيَّأَةً وَرَزَعَ عَلَى الرِّقِّ وَالْحَرِيَّةِ.

1250. Tanbih. Sungguh telah diketahui dari apa yang disebutkan itu bahawa wakaf ke atas mayat tidak sah kerana dia tidak memilik, dan dengannya Jurjani menjelaskan, dan tidak ke atas seorang dari dua orang ini kerana tidak tertentu yang diwakafkan ke atasnya, dan tidak ke atas diri hamba kerana dia bukan ahli bagi memilik. Maka jika pewakaf mengitlakkan wakaf ke atas hamba maka jika dia miliknya tidak sah ia kerana ia jatuh bagi pewakaf itu, dan jika dia milik orang lain maka ia wakaf ke atas penghulunya. Adapun wakaf ke atas hamba muba'ad maka yang zahir bahawa jika dia diatarkan dan keluar wakaf itu ke atasnya pada hari gilirannya maka seperti orang merdeka atau pada hari giliran penghulunya maka seperti hamba. Jika dia tidak diatarkan dihincirkan ia ke atas kehambaan dan kemerdekaanya.

وَلَوْ وَقَفَ عَلَى بَهِيمَةٍ مَمْلُوكَةٍ لَمْ يَصِحَّ الْوَقْفُ، لِأَنَّهَا لَيْسَتْ أَهْلًا لِلْمَلِكِ بِحَالٍ. فَإِنْ قَصَدَ بِهِ مَالَكَهَا فَهُوَ وَقْفٌ عَلَيْهِ. وَخَرَجَ بِالْمَمْلُوكَةِ الْمَوْقُوفَةِ كَالْخَيْلِ الْمَوْقُوفَةِ فِي الثُّغُورِ وَنَحْوِهَا، فَيَصِحُّ الْوَقْفُ عَلَى عَاقِبِهَا. وَيَصِحُّ عَلَى ذِمِّيٍّ مُعَيَّنٍ مِمَّا يُمْكِنُ تَمْلِيكُهُ لَهُ. فَيَمْتَنِعُ وَقْفُ الْمُصْحَفِ وَكُتُبِ الْعِلْمِ وَالْعَبْدِ الْمُسْلِمِ عَلَيْهِ. وَلَا يَصِحُّ الْوَقْفُ عَلَى مُرْتَدٍّ وَحَرَبِيٍّ وَلَا وَقْفُ الشَّخْصِ عَلَى نَفْسِهِ، لِأَنَّ الْأَوَّلَيْنِ لَا دَوَامَ لَهُمَا مَعَ كُفْرِهِمَا، وَالثَّلَاثُ لِتَعَدُّرِ تَمْلِيكِ الْإِنْسَانِ مَلِكَةً لِنَفْسِهِ، لِأَنَّهُ حَاصِلٌ، وَتَخْصِيْلُ الْحَاصِلِ مُحَالٌ.

1251. Kalau dia mewakafkan ke atas bahimah yang dimiliki tidak sah wakaf itu kerana ia bukan ahli bagi milik dalam satu keadaan pun. Maka jika dia maksudkan pemilikannya maka ia wakaf ke atasnya. Keluar dengan yang dimiliki oleh yang diwakafkan seperti kuda yang diwakafkan pada sempadan negeri dan umpamanya maka sah wakaf ke atas umpannya. Sah wakaf ke atas zimmi yang tertentu apa yang mungkin memilikkannya kepadanya. Maka tertegah wakaf mushaf dan kitab ilmu dan hamba muslim ke atasnya, dan tidak wakaf ke atas murtad dan harbi, dan tidak wakaf seorang ke atas dirinya kerana dua yang pertama itu tidak kekal lama serta kufur keduanya, dan yang ketiga kerana teruzur seorang memilikkan miliknya kepada dirinya sendiri kerana ia sedia terhasil, dan menghasilkan perkara yang sedia terhasil adalah mustahil.

(وَ) الشَّرْطُ الثَّلَاثُ أَنْ يَكُونَ الْوَقْفُ مُؤَبَّدًا عَلَى (فَرَعٍ لَا يَنْقَطِعُ) سِوَاءِ أَظْهَرَ فِيهِ جِهَةٌ قُرْبَةً كَالْوَقْفِ عَلَى الْفُقَرَاءِ وَالْعُلَمَاءِ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمَسَاجِدِ وَالرَّبِطِ، أَمْ لَمْ تَظْهَرْ كَالْأَغْنِيَاءِ وَأَهْلِ الذِّمَّةِ وَالْفَسَقَةِ، لِأَنَّ الصَّدَقَةَ عَلَيْهِمْ جَائِزَةٌ، وَلَوْ وَقَفَ شَخْصٌ عَلَى الْأَغْنِيَاءِ وَادَّعَى شَخْصٌ أَنَّهُ غَنِيٌّ لَمْ يَقْبَلْ إِلَّا بَيِّنَةً، بِخِلَافِ مَا لَوْ وَقَفَ عَلَى الْفُقَرَاءِ وَادَّعَى شَخْصٌ أَنَّهُ فَقِيرٌ وَلَمْ يُعْرَفْ لَهُ مَالٌ فَيُقْبَلُ بِلَا بَيِّنَةٍ نَظْرًا لِلْأَصْلِ فِيهِمَا.

1252. Syarat ketiga bahawa adalah wakaf itu selama-lama di atas (**cabangan yang tidak putus**) samaada zahir padanya pihak dampingan diri seperti wakaf ke atas para fakir dan ulamak dan mujahidin dan masjid dan ribat, atau tidak zahir seperti orang kaya dan ahli zimmah dan orang fasik, kerana sedekah ke atas mereka adalah harus. Kalau seorang mewakafkan ke atas orang kaya dan seorang mendakwa bahawa dia kaya tidak diterima katanya melainkan dengan keterangan, bersalahan keadaan kalau dia mewakafkan ke atas para fakir dan seorang mendakwa bahawa dia fakir dan tidak diketahui ada baginya harta maka diterima katanya tanpa keterangan kerana memandang kepada asal pada kedua masaalah ini.

تَنْبِيْهٌ : فَضِيَّةٌ عَطْفُ الْمُصَنِّفِ قَوْلُهُ " وَفَرَعٌ لَا يَنْقَطِعُ " عَلَى مَا قَبْلَهُ أَنَّهَا شَرْطٌ وَاحِدٌ. وَلِهَذَا عَدَّ الشَّرْطَ ثَلَاثَةً. وَالَّذِي فِي الرَّوْضَةِ أَنَّهَا شَرْطَانِ كَمَا قَرَّرْتُ بِهِ كَلَامَهُ.

1253. Tanbih. Kehendak 'ataf musannif katanya "dan fara' yang tidak putus" ke atas apa yang sebelumnya bahawa keduanya syarat yang satu, kerana ini dia membilangkan syarat-syaratnya tiga. Yang didalam Raudhah bahawa keduanya dua syarat sepertimana aku tetapkan kalamnya dengannya.

(وَ) الشَّرْطُ الرَّابِعُ (أَنْ لَا يَكُونَ فِي مَحْظُورٍ) بِالْحَاءِ الْمُهْمَلَةِ وَالظَّاءِ الْمُشَالَةِ، أَيِ مُحَرَّمٍ كَعِمَارَةِ الْكُنَائِسِ وَنَحْوَهَا مِنْ مُتَعَبَّدَاتِ الْكُفَّارِ لِلتَّعَبُّدِ فِيهَا، أَوْ حَصْرُهَا أَوْ قَنَادِيلِهَا أَوْ خُدَامِهَا، أَوْ كُتُبِ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ أَوْ السِّلَاحِ لِقَطَاعِ الطَّرِيقِ لِأَنَّهُ إِعَانَةٌ عَلَى مَعْصِيَةٍ، وَالْوَقْفُ شُرْعٌ لِلتَّقَرُّبِ فَهِيَ مُتَضَادَّتَانِ.

1254. Syarat keempat (**bahawa ia tidak pada perkara yang ditegah**) iaitu yang haram seperti membina gereja dan umpamanya daripada tempat-tempat ibadat kuffar untuk ibadat padanya atau tikarnya atau lampunya atau khadamnya atau kitab taurat dan injil atau pedang bagi pemotong jalan kerana ia bantuan di atas maksiat sedangkan wakaf disyara'kan untuk dampingan diri, maka kedua-duanya berlawanan.

وَشَرْطٌ فِي الصِّيغَةِ وَهُوَ الرُّكْنُ الرَّابِعُ لَفْظٌ يُشْعَرُ بِالْمُرَادِ كَالْعَتَقِ بَلْ أَوْلَى، وَفِي مَعْنَاهُ مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ صَرِيحُهُ كَوَقَفْتُ وَسَبَّ لْتُ وَحَبَسْتُ كَذَا أَوْ تَصَدَّقْتُ بِكَذَا عَلَى كَذَا صَدَقَةٌ مُحَرَّمَةٌ أَوْ مُؤَبَّدَةٌ أَوْ مَوْقُوفَةٌ، أَوْ لَا تَبَاعُ أَوْ لَا تُوَهَّبُ، وَجَعَلْتُ هَذَا الْمَكَانَ مَسْجِدًا.

1255. Syarat pada sighth iaitu rukun keempat : lafaz yang menyedarkan apa yang dikehendaki sama seperti memerdekakan hamba bahkan terutama. Pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman. Yang jelasnya seperti "aku wakafkan" dan "aku sabilkan" dan "aku tahan sekian di atas sekian", atau "aku sedekahkan sekian ke atas sekian sebagai sedekah yang diharamkan atau yang selama-lama atau dibekukan atau yang tidak dijual atau yang tidak dihibahkan", dan "aku jadikan tempat ini sebagai masjid".

وَكَنَائِيَّتُهُ كَحَرَمْتُمْ وَأَبَدْتُمْ هَذَا لِلْفُقَرَاءِ، لِأَنَّ كَلِمَاتَهُمَا لَا يُسْتَعْمَلُ مُسْتَقْلَلًا، وَإِنَّمَا يُؤَكَّدُ بِهِ فَلَا يَكُونُ صَرِيحًا، وَكَتَصَدَّقْتُ بِهِ مَعَ إِضَافَتِهِ لِجِهَةٍ عَامَّةٍ كَالْفُقَرَاءِ. وَالْحَقُّ الْمَاوَرِدِيُّ بِاللَّفْظِ أَيْضًا مَا لَوْ بَنَى مَسْجِدًا بِنَيْتِهِ بِمَوَاتٍ.

1256. Kinayahnya seperti “aku haramkan” dan “aku abadikan ini bagi para fakir” kerana setiap dari keduanya tidak digunakan dalam keadaan tersendiri hanya dita’kidkan dengannya maka ianya tidak jelas, dan seperti “aku sedekah dengannya” serta mengidhafatkannya kepada pihak yang umum seperti para fakir. Mawardi menghubungkan dengan lafaz juga keadaan kalau dia membina masjid dengan niat masjid pada bumi mati.

وَالشَّرْطُ الْخَامِسُ : التَّابِيدُ كَالْوَقْفِ عَلَى مَنْ لَمْ يَنْقَرِضْ قَبْلَ قِيَامِ السَّاعَةِ كَالْفُقَرَاءِ ، أَوْ عَلَى مَنْ يَنْقَرِضُ ثُمَّ عَلَى مَنْ لَا يَنْقَرِضُ كَزَيْدٍ ثُمَّ الْفُقَرَاءِ ، فَلَا يَصِحُّ تَأْفِيتُ الْوَقْفِ . فَلَوْ قَالَ : وَقَفْتُ هَذَا عَلَى كَذَا سَنَةً ، لَمْ يَصِحَّ لِفَسَادِ الصِّيغَةِ . فَإِنْ أَعَقَبَهُ بِمَصْرَفٍ كَوَقَفْتُهُ عَلَى زَيْدٍ سَنَةً ثُمَّ عَلَى الْفُقَرَاءِ صَحَّ .

1257. Syarat kelima : menjadikannya selama-lama, seperti wakaf ke atas orang yang tidak pupus sebelum berdiri kiamat seperti para fakir atau ke atas orang yang pupus kemudian ke atas yang tidak pupus seperti Zaid kemudian para fakir, maka tidak sah mewaktukan wakaf itu. Maka kalau dia kata : aku wakafkan ini ke atas sekian setahun, tidak sah ia kerana fasad sighthah itu. Maka jika dia mengiringkannya dengan tempat palingan seperti “aku wakafkannya ke atas zaid setahun kemudian ke atas para fakir” sah ia.

وَرُوعِي فِيهِ شَرْطُ الْوَأَقْفِ . وَهَذَا فِيمَا لَا يُضَاهِي التَّحْرِيرَ ، أَمَّا مَا يُضَاهِيهِ كَالْمَسْجِدِ وَالْمَقْبَرَةِ وَالرِّبَاطِ كَقَوْلِهِ : جَعَلْتُهُ مَسْجِدًا سَنَةً ، فَإِنَّهُ يَصِحُّ مُؤَبَّدًا ، كَمَا لَوْ ذَكَرَ فِيهِ شَرْطًا فَاسِدًا وَهُوَ لَا يَفْسُدُ بِالشَّرْطِ الْفَاسِدِ .

1258. Dipelihara padanya syarat pewakaf. Ini pada apa yang tidak menyamai memerdekakan hamba. Adapun apa yang menyerupainya seperti masjid dan kuburan dan ribat seperti katanya : aku jadikannya masjid setahun, maka ianya sah dalam keadaan selama-lama, sepertimana kalau dia sebutkan padanya syarat yang rosak walhal ia tidak rosak dengan syarat yang fasid.

وَلَوْ قَالَ : وَقَفْتُ عَلَى أَوْلَادِي أَوْ عَلَى زَيْدٍ ثُمَّ تَسْلِهِ ، وَنَحْوَهُ مِمَّا لَا يَدُومُ وَلَمْ يَزِدْ عَلَى ذَلِكَ مَنْ يُصْرَفُ إِلَيْهِ بَعْدَهُمْ صَحَّ ، لِأَنَّ مَقْصُودَ الْوَقْفِ الْقُرْبَى وَالِدَوَامَ ، فَإِذَا بَيَّنَّ مَصْرَفَهُ ابْتِدَاءً سَهْلَ إِدَامَتِهِ عَلَى سَبِيلِ الْخَيْرِ . وَيُسَمَّى مُنْقَطِعَ الْآخِرِ . فَإِذَا انْقَرَضَ الْمَذْكُورُ صُرِفَ إِلَى أَقْرَبِ النَّاسِ إِلَى الْوَأَقْفِ يَوْمَ انْقِرَاضِ الْمَذْكُورِ . وَيَخْتَصُّ الْمَصْرَفُ وَجُوبًا بِفُقَرَاءِ قَرَابَةِ الرَّحِمِ لَا الْإِرْتِ فِي الْأَصْحَ . فَيُقَدَّمُ ابْنُ بِنْتِ عَلَى ابْنِ عَمِّ .

1259. Kalau dia kata : aku wakafkan ke atas anak-anak ku atau ke atas Zaid kemdian titihannya, dan umpamanya daripada apa yang tidak berterusan dan dia tidak menambah di atas demikian itu orang yang dipalingkan wakaf itu kepadanya selepas mereka itu sah ia kerana tujuan wakaf adalah dampingan diri dan berterusan. Maka apabila dia menerangkan tempat palingannya mula-mula mudahlah meneruskannya di atas jalan kebajikan. Dinamakan ia yang putus akhir. Maka apabila pupus apa yang disebutkan it dipalingkan ia kepada orang yang paling dekat kepada pewakaf pada hari pupus yang disebutkan. Khusus tempat palingan itu di atas jalan wajib dengan para fakir kerabat rahim, bukan kerabat pusaka pada yang paling sah. Maka didulukan anak lelaki bagi anak perempuan di atas anak lelaki bapa saudara sebelah bapa.

وَلَوْ كَانَ الْوَقْفُ مُنْقَطِعَ الْأَوَّلِ كَوَقَفْتُهُ عَلَى مَنْ سَيُولَدُ لِي ثُمَّ عَلَى الْفُقَرَاءِ لَمْ يَصِحَّ ، لِأَنَّ الْأَوَّلَ بَاطِلٌ لِعَدَمِ إِمْكَانِ الصَّرْفِ إِلَيْهِ فِي الْحَالِ ، فَكَذَا مَا تَرْتَبَ عَلَيْهِ ، أَوْ كَانَ الْوَقْفُ مُنْقَطِعَ الْوَسْطِ كَوَقَفْتُ عَلَى أَوْلَادِي ثُمَّ عَلَى رَجُلٍ مِنْهُمْ ثُمَّ عَلَى الْفُقَرَاءِ صَحَّ لَوْجُودِ الْمَصْرَفِ فِي الْحَالِ وَالْمَالِ . ثُمَّ بَعْدَ أَوْلَادِهِ يُصْرَفُ لِلْفُقَرَاءِ .

1260. Kalau wakaf itu putus awalnya seperti “aku wakafkannya ke atas orang yang akan dilahirkan bagi ku kemudian ke atas para fakir” tidak sah ia kerana yang awalnya batil kerana tidak boleh memalingkan kepadanya pada masa itu juga, maka

begini juga apa yang tersusun di atasnya, atau adalah wakaf itu putus tengah seperti “aku wakafkan ke atas anak-anak ku kemudian ke atas yang lelaki dari mereka kemudian ke atas para fakir” sah ia kerana ujud tempat dipalingkan ia pada masa itu dan masa depan. Kemudian selepas anak-anaknya dipalingkan ia kepada para fakir.

وَالشَّرْطُ السَّادِسُ : بَيَانُ الْمَصْرُفِ . فَلَوْ افْتَصَرَ عَلَى قَوْلِهِ " وَقَفْتُ كَذَا " وَلَمْ يَذْكَرْ مَصْرُفَهُ لَمْ يَصِحَّ لِعَدَمِ ذِكْرِ مَصْرُفِهِ ، وَلَوْ ذَكَرَ الْمَصْرُفَ إِجْمَالًا كَقَوْلِهِ " وَقَفْتُ هَذَا عَلَى مَسْجِدِ كَذَا " كَفَى وَصْرَفَ إِلَى مَصَالِحِهِ عِنْدَ الْجُمْهُورِ .

1261. Syarat keenam : keterangan tempat palingan. Maka kalau dia menghadkan ke atas katanya “aku wakafkan sekian” dan dia tidak menyebutkan tempat palingannya tidak sah ia kerana tidak disebutkan tempat palingannya. Kalau dia menyebutkan tempat palingannya dengan ringkas seperti katanya : aku wakafkan ini ke atas masjid sekian, memada dan dipalingkan ia kepada maslahatnya di sisi jumbuhur.

وَالشَّرْطُ السَّابِعُ : أَنْ يَكُونَ مُنْجَزًا فَلَا يَصِحُّ تَعْلِيْقُهُ كَقَوْلِهِ : إِذَا جَاءَ زَيْدٌ فَقَدْ وَقَفْتُ كَذَا عَلَى كَذَا ، لِأَنَّهُ عَقْدٌ يَغْتَضِي نَقْلَ الْمَلِكِ فِي الْحَالِ لَمْ يُبَيَّنْ عَلَى التَّغْلِيْبِ وَالسَّرَايَةِ ، فَلَا يَصِحُّ تَعْلِيْقُهُ عَلَى شَرْطِ كَالْبَيْعِ وَالْهَبَةِ وَمَحَلُّ الْبُطْلَانِ فِيمَا لَا يُضَاهِي التَّخْرِيرَ .

1262. Syarat ketujuh : bahawa ianya lulus, maka tidak sah menta'likkannya, seperti katanya : apabila datang Zaid maka aku wakafkan sekian di atas sekian, kerana ia akad yang menuntut pemindahan milik pada masa itu juga, tidak dibina ia di atas memenangkan dan melarat, maka tidak sah menta'likkannya di atas syarat seperti jualan dan hibah. Tempat batal itu pada apa yang tidak menyerupai memerdekakan hamba.

أَمَّا مَا يُضَاهِيهِ كَجَعَلْتُهُ مَسْجِدًا إِذَا جَاءَ رَمَضَانَ فَالظَّاهِرُ صِحَّتُهُ كَمَا ذَكَرَهُ ابْنُ الرَّفْعَةِ . وَمَحَلُّهُ أَيْضًا مَا لَمْ يُعْلَقْهُ بِالْمَوْتِ . فَإِنْ عُلِقَ بِهِ كَقَوْلِهِ وَقَفْتُ دَارِي بَعْدَ مَوْتِي عَلَى الْفُقَرَاءِ فَإِنَّهُ يَصِحُّ . قَالَ الشَّيْخَانُ : وَكَأَنَّهُ وَصِيَّةٌ لِقَوْلِ الْقَفَّالِ إِنَّهُ لَوْ عَرَضَهَا لِلْبَيْعِ كَانَ رُجُوعًا . وَلَوْ نَجَزَ الْوَقْفَ وَعَلِقَ الْإِعْطَاءَ لِلْمَوْقُوفِ عَلَيْهِ بِالْمَوْتِ جَارَ نَقْلَهُ الزَّرْكَشِيُّ عَنِ الْقَاضِي حُسَيْنٍ .

1263. Adapun apa yang menyerupainya seperti “aku jadikannya sebagai masjid” apabila datang ramadhan maka yang zahir sahnya sepertimana disebutkan Ibnu Rif’ah. Tempatnya juga selama dia tidak menta'likkannya dengan mati. Maka jika dia mentalikkannya dengannya seperti katanya : aku wakafkan rumah ku selepas mati ku ke atas para fakir, maka ianya sah. Kata syeikh kami seolah-olah ianya wasiat kerana kata Qaffal bahawa kalau dia menawarkannya untuk jual adalah ia rujuk. Kalau dia meluluskan wakaf dan menta'likkan pemberian kepada orang yang diwakafkan ke atasnya dengan mati harus ia. Menakalkannya Zarkasyi dari Qadhi Husain.

وَلَوْ قَالَ : وَقَفْتُ عَلَى مَنْ شِئْتُ أَوْ فِيمَا شِئْتُ وَكَانَ قَدْ عَيَّنَ لَهُ مَا شَاءَ أَوْ مَنْ يَشَاءُ عِنْدَ وَقْفِهِ صَحَّ ، وَأَخَذَ بَيِّنَاتِهِ . وَإِلَّا فَلَا يَصِحُّ لِلْجَهَالَةِ . وَلَوْ قَالَ : وَقَفْتُهُ فِيمَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ بَاطِلًا ، لِأَنَّهُ لَا يَعْلَمُ مَشِيئَةَ اللَّهِ تَعَالَى .

1264. Kalau dia kata : aku wakafkan ke atas orang yang aku hendak atau pada apa yang aku hendak dan adalah dia telah menentukan bagi wakaf itu apa yang dia hendak atau orang yang dia hendak di sisi wakafnya sah ia dan diambil keterangannya. Jika tidak, maka tidak sah ia kerana jahil. Kalau dia kata : aku wakafkannya pada apa yang Allah kehendaki adalah ianya batal kerana tidak dia mengetahui kehendak Allah taala.

وَالشَّرْطُ التَّامِنُ : الإلزام، فُلُو قَالَ : وَقَفْتُ هَذَا عَلَى كَذَا، بِشَرْطِ الْخِيَارِ لِنَفْسِهِ فِي إِبْقَاءِ وَفِيهِ أَوْ الرُّجُوعِ فِيهِ مَتَى شَاءَ، أَوْ شَرْطُهُ لغيره أَوْ شَرْطُ عَوْدِهِ إِلَيْهِ بِوَجْهِ مَا كَانَ شَرْطًا أَنْ يَبِيعَهُ أَوْ شَرْطُ أَنْ يَدْخُلَ مَنْ شَاءَ وَيَخْرُجُ مَنْ شَاءَ لَمْ يَصِحَّ قَالَ الرَّافِعِيُّ كَالْعِتْقِ. قَالَ السَّبْكِیُّ : وَمَا أَقْتَضَاهُ كَلَامُهُ مِنْ بَطْلَانِ الْعِتْقِ غَيْرُ مَعْرُوفٍ. وَأَفْتَى الْفَقَّالُ بِأَنَّ الْعِتْقَ لَا يَبْطُلُ بِذَلِكَ، لِأَنَّهُ مَبْنِيٌّ عَلَى الْعَلْبَةِ وَالسَّرَايَةِ.

1265. Syarat kelapan : melazimkan. Maka kalau dia kata : aku wakafkan ini ke atas sekian, dengan syarat khair bagi dirinya pada mengekalkan wakafnya atau rujuk padanya bila dia hendak, atau dia mensyaratkannya bagi orang lain atau dia mensyaratkan kembali barang wakafnya kepadanya dengan sebarang wajah seperti dia mensyaratkan bahawa dia boleh menjualnya atau dia mensyaratkan bahawa masuk orang yang dia hendak dan keluar orang yang dia hendak, tidak sah ia. Kata Rafi'e : sama seperti memerdekakan hamba. Kata Subki : apa yang dikehendaki kalamnya daripada batal memerdekakan hamba itu tidak makruf. Qaffal memfawakan dengan bahawa memerdekakan hamba tidak batal dengan demikian itu kerana ia dibina di atas menang dan melarat.

(فَإِنْ لَمْ يُوْجَدْ مَعَهُ مَالٌ) وَلَا عُرِفَ لَهُ مَالٌ (فَتَنَفَّقَتْهُ) حِينَئِذٍ (مِنْ بَيْتِ الْمَالِ) مِنْ سَهْمِ الْمَصَالِحِ . فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فِي بَيْتِ الْمَالِ مَالٌ أَوْ كَانَ تَمَّ مَا هُوَ أَهَمُّ مِنْهُ أَفْتَرَضَ عَلَيْهِ الْحَاكِمُ. فَإِنْ عَسَرَ الْإِفْتِرَاضُ وَجِبَ عَلَى مُوسِرِينَا قَرْضًا بِإِلْقَافٍ- عَلَيْهِ إِنْ كَانَ حُرًّا وَإِلَّا فَعَلَى سَيِّدِهِ.

1376. (Maka jika tidak didapati harta bersamanya) dan tidak diketahui ada harta baginya (maka nafkahnya)ketika itu (dari baitulmal) dari saham masalahat. Maka

jika pada baitul mal tidak ada harta atau ada disana apa yang lebih penting darinya hakim berhutang di atasnya. Maka jika payah berhutang wajib di atas orang-orang kaya kita menghutangkan ke atasnya jika dia merdeka jika, tidak maka di atas penghulunya.

وَلِلْأَقْرَبِ مَا لَمْ يَجِدْ الْحَاكِمَ أَنْفَقَ عَلَيْهِ بِإِشْهَادِهِ، فَإِنْ أَنْفَقَ بِدُونِ ذَلِكَ ضَمَنَ.

1377. Boleh laqit sendiri menjaga hartanya seperti menjaganya. Dia hanya menyarannya dari harta itu dengan izin hakim kerana penguasaan harta tidak sabit bagi selain bapa dan datuk daripada kaum kerabat, maka ajnabi terutama. Maka jika dia tidak mendapat hakim dia menafkahkan ke atasnya dengan mengadakan saksi. Maka jika dia menafkahkan tanpa saksi dia mendhaman.

تَتِمَّةٌ : اللَّقِيطُ مُسْلِمٌ تَبَعًا لِلدَّارِ وَمَا أُلْحِقَ بِهَا، وَإِنْ اسْتَلْحَقَهُ كَافِرٌ بِلَا بَيِّنَةٍ، إِنْ وُجِدَ بِمَحَلٍّ وَلَوْ بِدَارِ الْكُفْرِ بِهِ مُسْلِمٌ يُمْكِنُ كَوْنُهُ مِنْهُ. وَيُحْكَمُ بِإِسْلَامِ غَيْرِ لَقِيطٍ صَبِيٍّ أَوْ مَجْنُونٍ تَبَعًا لِأَحَدِ أَصُولِهِ وَلَوْ مِنْ قَبْلِ الْأَمِّ، وَتَبَعًا لِسَابِيهِ الْمُسْلِمِ إِنْ لَمْ يَكُنْ مَعَهُ فِي السَّبْيِ أَحَدٌ أَصُولِهِ لِأَنَّهُ صَارَ تَحْتَ وَلايَتِهِ. فَإِنْ كَفَرَ بَعْدَ كَمَالِهِ بِالْبُلُوغِ أَوْ الْإِفَاقَةِ فِي التَّبَعِيَّتَيْنِ الْأَخِيرَتَيْنِ فَمُرْتَدٌّ لِسَبْقِ الْحُكْمِ بِإِسْلَامِهِ، بِخِلَافِهِ فِي التَّبَعِيَّةِ الْأُولَى وَهِيَ تَبَعِيَّةُ الدَّارِ وَمَا أُلْحِقَ بِهَا فَإِنَّهُ كَافِرٌ أَصْلِيٌّ لَا مُرْتَدٌّ لِبِنَانِهِ عَلَى ظَاهِرِهَا. وَهَذَا مَعْنَى قَوْلِهِمْ تَبَعِيَّةُ الدَّارِ ضَعِيفَةٌ.

1378. Tatimmah. Laqit itu muslim kerana mengikut negeri i.e kawasan penempatan dan apa yang dihubungkan dengannya, sekalipun kafir menghubunginya tanpa keterangan, jika dia didapati pada satu tempat walaupun dinegeri kafir yang ada orang islam padanya yang terbolehd keadaan dia darinya. Dihukumkan dengan islam akan selain laqit, kanak-kanak atau orang gila, kerana mengikut satu daripada asal-asalnya walaupun dari pihak emaknya, dan kerana mengikutkan orang yang menawannya yang muslim jika tidak ada bersamanya ketika ditawan seorang dari asal-asalnya kerana dia jadi berada dibawah kuasanya. Maka jika dia kufur selepas sempurnanya dengan baligh atau siuman pada dua ikutan yang akhir itu maka dia murtad kerana terdahulu hukum islamnya, bersalahan dia pada ikutan yang pertama iaitu ikutan negeri dan apa yang dihubungkan dengannya maka dia kafir asli bukan murtad kerana binaannya di atas zahir negerinya. Ini adalah makna kata mereka ikutan negeri itu lemah.

وَهُوَ حُرٌّ وَإِنْ ادَّعَى رَقَّهُ لَأَقْطٍ أَوْ غَيْرِهِ إِلَّا أَنْ تَقَامَ بَرَقُهُ بَيِّنَةٌ مُتَعَرِّضَةٌ لِسَبَبِ الْمَلِكِ كَارِثٍ أَوْ شِرَاءٍ أَوْ يُعْزَرُ بِهِ بَعْدَ كَمَالِهِ وَلَمْ يُكْذِبْهُ الْمُقَرُّ لَهُ وَلَمْ يَسْبِقْ إِفْرَارُهُ بَعْدَ كَمَالِهِ بِحَرِّيَّتِهِ.

1379. Dan dia merdeka sekalipun dia atau orang lain mendakwa hamba melainkan bahawa didirikan keterangan dengan kehambaannya yang membentangkan sebab pemilikan seperti pusaka atau belian, atau dia mengaku dengannya selepas sempurnanya dan tidak mendustakannya orang yang diakui baginya dan tidak terdahulu pengakuannya dengan merdeka selepas sempurnanya.

وَلَا يُقْبَلُ إِفْرَارُهُ بِالرَّقِّ فِي تَصَرُّفِ مَاضٍ مُضَرٍّ بغيرِهِ . فَلَوْ لَزِمَهُ دَيْنٌ فَأَقْرَرَ بِرَقٍّ وَبِيَدِهِ مَالٌ قَضَى مِنْهُ وَلَا يَجْعَلُ لِلْمُقَرِّ لَهُ بِالرَّقِّ إِلَّا مَا فَضَلَ عَنِ الدَّيْنِ. فَإِنْ بَقِيَ مِنَ الدَّيْنِ شَيْءٌ أَتْبَعَ بِهِ بَعْدَ عِتْقِهِ. أَمَّا التَّصَرُّفُ الْمَاضِي الْمُضَرُّ بِهِ فَيُقْبَلُ إِفْرَارُهُ بِالنِّسْبَةِ إِلَيْهِ.

1380. Tidak diterima pengakuannya dengan kehambaan pada tasarruf yang lalu yang memudharatkan orang lain. Maka kalau melaziminya hutang maka dia mengaku sebagai hamba dan pada tangannya ada harta dia membayar darinya dan tidak dijadikan ia bagi orang yang diakui baginya melainkan apa yang lebih dari hutang itu. Maka jika tinggal dari hutang itu sesuatu diperikutkan dia dengannya selepas

merdekanya. Adapun tasarruf yang lalu yang memudharatkan dirinya maka diterima pengakuannya dengan nisbah kepada dirinya

وَلَوْ كَانَ اللَّقِيطُ امْرَأَةً مُتَزَوِّجَةً وَلَوْ مِمَّنْ لَا يَحِلُّ لَهُ نِكَاحُ الْأُمَّةِ وَأَقْرَبَتْ بِالرَّقِّ لَمْ يَنْفَسِحْ نِكَاحَهَا. وَتَسَلَّمَ لِرُؤُوسِهَا لَيْلًا وَنَهَارًا، وَيَسَافِرُ بِهَا رُؤُوسَهَا بِغَيْرِ إِذْنِ سَيِّدِهَا. وَوَلَدَهَا قَبْلَ إِقْرَارِهَا حُرًّا، وَبَعْدَهُ رَقِيقًا.

1381. Kalau laqit itu perempuan yang bersuami walaupun dengan orang yang tidak halal mengahwini amah dan dia mengaku sebagai hamba tidak terfasakh nikahnya. Diserahkan dia kepada suaminya pada malam dan siang, dan suaminya boleh bermusafir bersamanya tanpa izin penghulunya, dan anaknya sebelum pengakuannya itu merdeka, dan selepasnya hamba.

فَصْلٌ : فِي الْوَدِيعَةِ . تُقَالُ عَلَى الْإِيدَاعِ وَعَلَى الْعَيْنِ الْمُوَدَعَةِ . وَمُنَاسِبَةٌ ذَكَرَهَا بَعْدَ اللَّقِيطِ ظَاهِرَةٌ . وَالْأَصْلُ فِيهَا قَوْلُهُ تَعَالَى { إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا } ، وَخَبَرَ { أَدِ الْأَمَانَةَ إِلَىٰ مَنْ أَنْتَمَنَّا وَلَا تَخُنْ مَنْ خَانَكَ } وَلِأَنَّ بِالنَّاسِ حَاجَةً بَلْ ضَرُورَةً إِلَيْهَا .

1382. **Fasal pada wadhiah.** Dikatakan ia ke atas perbuatan menaruh dan ke atas barang yang ditaruh. Menasabah menyebutkannya selepas laqit adalah zahir. Asal padanya firman Allah taala “sungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah-amanah kepada ahlinya”, dan khabar “tunaikan amanah kepada orang yang mengamanahkan kamu dan jangan kamu khianati orang yang khianati kamu” kerana ada hajat pada manusia, bahkan dharurat kepadanya.

وَأَرْكَانُهَا بِمَعْنَى الْإِيدَاعِ أَرْبَعَةٌ : وَدِيعَةٌ بِمَعْنَى الْعَيْنِ الْمُوَدَعَةِ، وَصِيعَةٌ، وَمُوَدِعٌ، وَوَدِيعٌ. وَشَرْطٌ فِي الْمُوَدِعِ وَالْوَدِيعِ مَا مَرَّ فِي مُوَكَّلٍ وَوَكِيلٍ لِأَنَّ الْإِيدَاعَ اسْتِنَابَةٌ فِي الْحِفْظِ. فَلَوْ أُوْدِعَهُ نَحْوَ صَبِيٍّ كَمَجْنُونٍ ضَمِنَ مَا أَخَذَهُ مِنْهُ. وَإِنْ أُوْدِعَ شَخْصًا نَحْوَ صَبِيٍّ إِنَّمَا يَضْمَنُ بِإِثْلَافِهِ.

1383. Rukun-rukun wadhiah dengan makna perbuatan menyimpan taruh empat : wadhiah dengan makna benda yang ditaruhkan, dan sighthah dan mudhi' i.e yang menaruhkan barang, dan wadh'i' i.e yang menaruh barang orang. Disyaratkan pada mudhi' dan wadh'i' apa yang telah lalu pada tuan wakil dan wakil kerana taruhan barang itu penggantian pada penjagaan. Maka kalau umpama kanak-kanak seperti orang gila menaruh barang padanya dia mendhaman apa yang dia ambil darinya. Jika seorang menaruh barang pada umpama kanak-kanak dia hanya mendhaman dengan pembinaannya.

وَشَرْطٌ فِي الصِّيعَةِ مَا مَرَّ فِي الْوَكَالَةِ فَيُسْتَنْتَرَطُ اللَّفْظُ مِنْ جَانِبِ الْمُوَدِعِ وَعَدَمُ الرَّدِّ مِنْ جَانِبِ الْوَدِيعِ. نَعَمْ لَوْ قَالَ الْوَدِيعُ : أُوْدِعْنِيهِ مَثَلًا، فَدَفَعَهُ لَهُ سَاكِنًا فَيُشْبِهُ أَنْ يَكْفِيَ ذَلِكَ كَالْعَارِيَةِ. وَعَلَيْهِ فَالشَّرْطُ اللَّفْظُ مِنْ أَحَدِهِمَا، نَبَأَهُ عَلَيْهِ الرَّزْكَسِيُّ. وَالْإِيجَابُ إِذَا صَرِيحٌ كَأُوْدِعْتِكَ هَذَا أَوْ اسْتَحْفَظْتَكَةَ أَوْ كِنَايَةً مَعَ النَّيَّةِ كَحُذِّهِ.

1384. Disyaratkan pada sighthah apa yang telah lalu pada wakilan, maka disyaratkan lafaz dari pihak mudhi' dan tidak ada penolakkan dari pihak wadh'i'. Na'am kalau wadh'i' kata : dia menaruh barang pada ku, sebagai contoh, maka dia menyerahkan barang itu kepadanya dalam keadaan dia diam maka mirip bahawa demikian itu memada, sama seperti pinjaman. Di atasnya maka syaratnya adalah lafaz dari seorang dari kedua mereka. Menyedarkan Zarkasyi. Ijabnya samaada jelas seperti “aku taruhkan ini pada kamu” atau “aku minta kamu menjaganya”, atau kinayah serta niat serti “ambillah ia”.

(الْوَدِيعَةُ أَمَانَةٌ) أَصَالَةٌ فِي يَدِ الْوَدِيعِ (يُسْتَحَبُّ) لَهُ (قَبُولُهَا) أَيَّ أَخَذَهَا (لِمَنْ قَامَ بِالْأَمَانَةِ فِيهَا) ، بِأَنَّ قَدَرَ عَلَى حِفْظِهَا وَوَثِقَ بِأَمَانَةِ نَفْسِهِ فِيهَا . هَذَا إِنْ لَمْ يَتَّعِنَ عَلَيْهِ أَخَذَهَا لِخَبَرِ مُسْلِمٍ : { وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ

مَا دَامَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ . فَإِنْ تَعَيَّنَ بِأَنْ لَمْ يَكُنْ تَمَّ غَيْرُهُ وَجَبَ عَلَيْهِ أَخْذُهَا، لَكِنْ لَا يُجْبَرُ عَلَى إِتْلَافِ مَنْفَعَتِهِ وَمَنْفَعَةِ حِرْزِهِ مَجَانًا.

1385. (Wadhiah itu amanah) asalnya pada tangan wadhī'. (Sunat) bagi seorang (menerima) iaitu mengambilnya (bagi orang yang dapat mendirikan amanah padanya) dengan bahawa dia kuasa menjaganya dan kejam dengan amanah diri padanya. Ini jika tidak tertentu dia mengambilnya kerana khabar Muslim “Allah membantu hambanya selama mana hamba itu membantu saudaranya”. Maka jika tertentu dengan bahawa tidak ada disana orang lain wajib dia mengambilnya, akan tetapi tidak dipaksa dia menggunakan manfaatnya dan manfaat dirinya dengan percuma.

فَإِنْ عَجَزَ عَنْ حِفْظِهَا حَرَّمَ عَلَيْهِ قَبُولُهَا لِأَنَّهُ يُعْرَضُهَا لِلتَّأَلُّفِ. قَالَ ابْنُ الرَّفْعَةِ : وَمَحَلُّهُ إِذَا لَمْ يَعْلَمْ الْمَالِكُ بِحَالِهِ، وَإِلَّا فَلَا تَحْرِيمَ. وَهَذَا هُوَ الْمُعْتَمَدُ، وَإِنْ خَالَفَ فِي ذَلِكَ الزَّرْكَاشِيُّ.

1386. Maka jika dia lemah dari memeliharanya haram dia menerimanya kerana dia mendedahkannya kepada binasa. Kata Ibnu Rif'ah tempatnya apabila pemilik tidak tahukan keadaannya, jika tidak maka tidak haram. Ini adalah yang muktamad sekalipun Zarkasyi menyalahi pada demikian itu

وَإِنْ قَدَرَ عَلَى الْحِفْظِ وَهُوَ فِي الْحَالِ أَمِينٌ ، وَلَكِنْ لَمْ يَثِقْ بِأَمَانَتِهِ بَلْ خَافَ الْخِيَانَةَ مِنْ نَفْسِهِ فِي الْمُسْتَقْبَلِ كَرِهَ لَهُ قَبُولُهَا خَشْيَةَ الْخِيَانَةِ فِيهَا. وَهَذَا هُوَ الْمُعْتَمَدُ كَمَا فِي الْمُنْهَاجِ. قَالَ ابْنُ الرَّفْعَةِ : وَيُظْهِرُ أَنَّ هَذَا إِذَا لَمْ يَعْلَمْ الْمَالِكُ الْحَالَ، وَإِلَّا فَلَا تَحْرِيمَ وَلَا كَرَاهَةَ كَمَا عَلِمَ مِمَّا مَرَّ.

1387. Jika dia kuasa memeliharanya dan dia pada masa itu seorang yang amanah akan tetapi tidak kejam dengan amanah dirinya, bahkan dia takut khianat dari dirinya pada masa depan makruh dia menerimanya kerana takutkan khianat padanya. Ini adalah yang muktamad sepertimana didalam Minhaj. Kata Ibnu Rif'ah : zahir bahawa ini apabila pemilik tidak tahukan keadaannya, jika tidak maka tidak haram dan tidak makruh sepertimana diketahui dari apa yang telah lalu.

تَنْبِيْهُ : أَحْكَامُ الْوَدِيْعَةِ ثَلَاثَةٌ : الْحُكْمُ الْأَوَّلُ الْأَمَانَةُ، وَالْحُكْمُ الثَّانِي الرَّدُّ، وَالْحُكْمُ الثَّلَاثُ الْجَوَازُ. وَقَدْ أَشَارَ إِلَى الْأَوَّلِ بِقَوْلِهِ : الْوَدِيْعَةُ أَمَانَةٌ وَقَدْ تَصِيرُ مَضْمُونَةً بِعَوَارِضٍ، غَالِبُهَا يُؤْخَذُ مِنْ قَوْلِ الْمُصَنِّفِ (وَلَا يَضْمَنُ إِلَّا بِالْتَّعَدِي) فِي تَلْفِئِهَا كَأَنَّ نَقْلَهَا مِنْ مَحَلَّةٍ وَدَارٍ لِأُخْرَى دُونَهَا حِرْزًا، وَإِنْ لَمْ يَنْهَهُ الْمُودِعُ عَنْ نَقْلِهَا لِأَنَّهُ عَرَضُهَا لِلتَّأَلُّفِ. نَعَمْ إِنْ نَقَلَهَا يَظُنُّ أَنَّهَا مِلْكُهُ وَلَمْ يَنْتَفِعْ بِهَا لَمْ يَضْمَنْ.

1388. Tanbih. Hukum-hukum wadhiah itu tiga : hukum yang pertama amanah, hukum yang kedua pemulangan, dan hukum yang ketiga harus. Dia isyarat kepada yang pertama dengan katanya “wadhiah itu amanah”. Terkadang ia menjadi didhaman dengan sebab perkara-perkara mendatang, kebanyakannya difaham dari kata musannif : (tidak dia mendhaman melainkan dengan melampau had) pada binasanya, seperti bahawa dia memindahkannya dari satu tempat dan rumah ketempat dan rumah yang lain yang kurang sebagai tempat simpanan, sekalipun mudhi' tidak menegah dia dari memindahkannya kerana dia mendedahkannya kepada binasa. Na'am, jika dia memindahkannya dalam keadaan dia menyangkakan bahawa ia miliknya dan dia tidak memanfaatkannya dia tidak mendhaman.

وَكَأَنَّ يُودِعَهَا غَيْرَهُ وَلَوْ قَاضِيًا بِلَا إِذْنٍ مِنَ الْمُودِعِ وَلَا عُذْرَ لَهُ ، لِأَنَّ الْمُودِعَ لَمْ يَرْضَ بِذَلِكَ، بِخِلَافِ مَا لَوْ أُوْدِعَهَا غَيْرَهُ لِغُدْرٍ كَمَرَضٍ وَسَفَرٍ. وَلَهُ اسْتِعَانَةٌ بِمَنْ يَحْمِلُهَا لِحِرْزٍ أَوْ يَغْلِفُهَا أَوْ يَسْقِيهَا لِأَنَّ الْعَادَةَ جَرَتْ

بِذَلِكَ. وَعَلَيْهِ لِعُذْرٍ كَارِدَةٍ سَفَرٍ وَمَرَضٍ رَدَّهَا لِمَالِكِهَا أَوْ وَكَيْلِهِ فَإِنْ فَقَدَهُمَا رَدَّهَا لِلْقَاضِي. وَعَلَيْهِ أَخْذُهَا. فَإِنْ فَقَدَهُ رَدَّهَا الْأَمِينُ. وَلَا يَكْتَفُ تَأْخِيرَ السَّفَرِ.

1389. dan seperti dia menaruhkannya pada orang lain, walaupun qadhi, tanpa izin dari mudhi' dan tidak ada padanya kerana mudhi' tidak redha dengan demikian itu, bersalahan keadaan kalau dia menyimpannya pada orang lain kerana uzur seperti sakit dan safar. Boleh dia meminta bantuan dengan orang yang menanggung barang taruhan kepada tempat simpan atau memberinya umpan atau memberinya minum kerana adat berjalan di atas demikian itu. Kena di atasnya kerana uzur seperti hendak bermusafir dan sakit memulangkannya kepada pemiliknya atau wakilnya. Maka jika dia tidak mendapati keduanya dia menghantarkannya kepada qadhi. Kena qadhi mengambilnya. Maka jika dia tidak mendapat qadhi dia menghantarkannya kepada seorang amanah. Tidak diberati dia melambatkan safarnya.

وَيُعْنِي عَنِ الرَّدِّ إِلَى الْقَاضِي أَوْ الْأَمِينِ الْوَصِيَّةَ بِهَا إِلَيْهِ، فَهُوَ مُخَيَّرٌ عِنْدَ فَقْدِ الْمَالِكِ وَوَكَيْلِهِ بَيْنَ رَدِّهَا لِلْقَاضِي وَالْوَصِيَّةَ بِهَا إِلَيْهِ، وَعِنْدَ فَقْدِ الْقَاضِي بَيْنَ رَدِّهَا لِلْأَمِينِ وَالْوَصِيَّةَ بِهَا إِلَيْهِ. وَالْمُرَادُ بِالْوَصِيَّةِ بِهَا الْأَعْلَامُ بِهَا. وَالْأَمْرُ بِرَدِّهَا مَعَ وَصْفِهَا بِمَا تَتَمَيَّزُ بِهِ أَوْ الْإِشَارَةَ لِعَيْنِهَا. وَمَعَ ذَلِكَ يَجِبُ الْإِشْهَادُ كَمَا فِي الرَّافِعِيِّ عَنِ الْعَزَالِيِّ. فَإِنْ لَمْ يَرُدَّهَا وَلَمْ يُوصَ بِهَا لِمَنْ ذَكَرَ كَمَا ذَكَرَ ضَمِنَ إِنْ تَمَكَّنَ مِنْ رَدِّهَا أَوْ الْإِيصَاءِ بِهَا لِأَنَّهُ عَرَضَهَا لِلْقَوَاتِ.

1390. Memada dari mengantarkan kepada qadhi atau orang amanah itu oleh memesankan wadhiah itu kepadanya, maka dia diberi pilih di sisi tidak mendapati pemilik dan wakilnya di antara menghantarkan wadhiah itu kepada qadhi atau memesankan kepadanya, dan di sisi luput qadhi di antara menghantarkannya kepada seorang amanah dan memesankan kepadanya. Yang dikehendaki dengan memesankan wadhiah itu memaklulkannya. Perintah ini adalah dengan menghantarkan wadhiah serta mensifatkannya dengan apa yang terbeza ia dengannya atau mengisyaratkan kepada 'ainnya. Serta demikian itu wajib mengadakan saksi sepertimana pada Rafi'e dari Ghazali. Maka jika dia tidak menghantarkannya dan tidak mewasiatkannya kepada orang yang disebutkan itu sepertimana disebutkan dia mendahaman jika terbolehdia menghantarkannya atau memesankannya, kerana dia mendedahkannya kepada luput.

وَكَأَنَّ يَدْفِنَهَا بِمَوْضِعٍ وَيُسَافِرُ وَلَمْ يُعْلَمَ بِهَا أَمِينًا يُرَاقِبُهَا لِأَنَّهُ عَرَضَهَا لِلضِّيَاعِ، بِخِلَافِ مَا إِذَا أَعْلَمَ بِهَا مَنْ ذَكَرَ لِأَنَّ إِعْلَامَهُ بِهَا بِمَنْزِلَةٍ إِبْدَاعِهِ فَشَرَطُهُ فَقَدْ الْقَاضِي.

1391. dan seperti bahawa dia menanamnya pada satu tempat dan bemusafir dan tidak dia memaklulkannya kepada orang amanah yang mengawasinya kerana dia mendedahkannya kepada sia-sia, bersalahan keadaan apabila dia memaklulkannya kepada orang yang disebutkan itu kerana dia memaklumkan wadhiah itu samalah dengan dia menaruhkannya, maka syaratnya luput qadhi.

وَكَأَنَّ لَا يَدْفَعُ مُتْلَفَاتِهَا كَتَرَكَ تَهْوِيَةَ ثِيَابِ صُوفٍ أَوْ تَرَكَ لُبْسَهَا عِنْدَ حَاجَتِهَا لِذَلِكَ وَقَدْ عَلِمَهَا لِأَنَّ الدُّودَ يُفْسِدُهَا بِتَرَكَ ذَلِكَ، وَكُلُّ مِنَ الْهَوَاءِ وَعُبُوقِ رَائِحَةِ الْأَدَمِيِّ بِهَا يَدْفَعُهُ. أَوْ تَرَكَ عِلْفَ دَابَّةٍ بِسُكُونِ اللَّامِ لِأَنَّهُ وَاجِبٌ عَلَيْهِ لِأَنَّهُ مِنَ الْحَفْظِ، لَا إِنْ نَهَاهُ عَنِ التَّهْوِيَةِ وَاللُّبْسِ وَالْعِلْفِ فَلَا يَضْمَنُ لَكِنَّهُ يَعْصِي فِي مَسْأَلَةِ الدَّابَّةِ لِحُرْمَةِ الرُّوحِ. فَإِنْ أَعْطَاهُ الْمَالِكُ عِلْفًا عِلْفَهَا مِنْهُ، وَإِلَّا رَاجَعَهُ أَوْ وَكَيْلَهُ لِيَعْلِفَهَا أَوْ يَسْتَرِدَّهَا. فَإِنْ فَقَدَهُمَا رَاجَعَ الْقَاضِي لِيَقْتَرِضَ عَلَى الْمَالِكِ أَوْ يُوجِرَهَا أَوْ يَبِيعَ جُزْءًا مِنْهَا فِي عِلْفِهَا بِحَسَبِ مَا يَرَاهُ.

1392. Dan seperti dia tidak menolak apa yang membinasakan wadhiah seperti tidak menganginkan kain bulu atau tidak memakainya di sisi wadhiah perlukan demikian

itu walhal dia mengetahuinya, kerana ulat merosakkannya dengan ditinggalkan demikian itu, yang mana setiap daripada udara dan semerbak bau anak adam padanya menolak ulat, atau dia tidak memberi umpan dabbah kerana ia wajib di atasnya kerana ia sebahagian daripada penjagaan. Tidak jika pemilik menegahnyanya dari menaingkan dan memakai dan memberi umpan, maka dia tidak mendhaman, akan tetapi dia maksiat pada masaalah dabbah kerana kehormatan roh. Maka jika pemilik memberikannya umpan dia mengumpangi darinya, jika tidak dia merujuknya atau wakilnya untuk dia mengumpainya atau mengambil balik dabbah itu. Maka jika dia tidak mendapati keduanya dia merujuk qadhi untuk berhutang ke atas pemilik atau menyewakannya atau menjual satu juzuk darinya pada umpannya sekira-kira apa yang qadhi nampak baik.

وَكَانَ تَلَفَتْ بِمُخَالَفَةِ حِفْظِ مَأْمُورٍ بِهِ كَقَوْلِهِ : لَا تَرْفُذْ عَلَى الصُّنْدُوقِ الَّذِي فِيهِ الْوَدِيعَةُ فَرَقَدَ وَانْكَسَرَ بِثِقَلِهِ وَتَلَفَ مَا فِيهِ بِانْكَسَارِهِ، لَا إِنْ تَلَفَ بَعِيرُهُ كَسْرِقَةٍ فَلَا يَضْمَنُ، وَلَا إِنْ نَهَاهُ عَنِ قُفْلَيْنِ فَأَقْفَلَهُمَا لِأَنَّ رُقَادَهُ وَقَفَلَهُ ذَلِكَ زِيَادَةً فِي الْحِفْظِ.

1393. dan seperti bahawa ia binasa dengan menyalahi penjagaan yang disuruh dia dengannya seperti kata pemilik : jangan kamu baring di atas peti yang ada wadhiah padanya, maka dia baring dan pecahlan ia dengan sebab beratnya dan binasa apa yang ada didalamnya dengan sebab pecah itu, tidak jika ia binasa dengan selainnya seperti kecurian maka dia tidak mendhaman, dan tidak jika dia menegahnyanya dari dua pedal maka dia menasang dua pedal kerana baringnya dan mempedalkannya dua pedal itu lebih pada penjagaan.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْحُكْمِ الثَّانِي وَهُوَ الرَّدُّ بِقَوْلِهِ : (وَقَوْلُ الْمُودَعِ) بَفَتْحِ الدَّالِ (مَقْبُولٌ فِي رَدِّهَا عَلَى الْمُودَعِ) بِكَسْرِهَا بِبَيْمِينِهِ، وَإِنْ أَشْهَدَ عَلَيْهِ بِهَا عِنْدَ دَفْعِهَا لِأَنَّهُ انْتَمَنَهُ.

1394. Kemudian dia masuk pada hukum kedua iaitu pemulangan dengan katanya (kata mudha' i.e orang yang ditaruhkan barang diterima pada pemulangannya ke atas yang menaruhkan barang) dengan sumpahnya, sekalipun dia mengadakan saksi di atasnya dengan wadhiah itu di sisi menyerahkannya, kerana dia mengamanahkannya.

تَنْبِيْهُ : مَا ذَكَرَهُ الْمُصَنِّفُ يَجْرِي فِي كُلِّ أَمِينٍ كَوَكِيلٍ وَشَرِيكَ وَعَامِلٍ قِرَاضٍ وَجَابٍ فِي رَدِّ مَا جَبَاهُ عَلَى الَّذِي اسْتَأْجَرَهُ لِلْجَبَايَةِ كَمَا قَالَهُ ابْنُ الصَّلَاحِ. وَضَابِطُ الَّذِي يُصَدَّقُ بِبَيْمِينِهِ فِي الرَّدِّ هُوَ كُلُّ أَمِينٍ ادَّعَى الرَّدَّ عَلَى مَنْ انْتَمَنَهُ صَدِيقٌ بِبَيْمِينِهِ، إِلَّا الْمُرْتَهَنَ وَالْمُسْتَأْجِرَ فَإِنَّهُمَا لَا يُصَدَّقَانِ فِي الرَّدِّ لِأَنَّهُمَا أَخَذَا الْعَيْنَ لِغَرَضِ أَنْفُسِهِمَا.

1395. Tanbih. Apa yang disebutkan musannif berjalan pada setiap orang yang diamanahkan seperti wakil dan rakan syarikat dan 'amil qiradh dan orang yang mengumpulkan hasil pada memulangkan apa yang dia kumpulkan ke atas orang yang mengupahnya untuk mengupulkan hasil sepertimana kata Ibnu Solah. Dhabit orang yang dibenarkan dengan sumpahnya pada pemulangan adalah : setiap orang yang diamanahkan yang mendakwa memulangkan ke atas orang yang mengamanahkannya dibenarkan dia dengan sumpahnya, melainkan pemegang gadai dan penyewa maka keduanya tidak dibenarkan pada pemulangan kerana keduanya mengambil 'ain kerana tujuan diri mereka.

فَإِنْ ادَّعَى الرَّدَّ عَلَى غَيْرِ مَنْ انْتَمَنَهُ كَوَارِثِ الْمَالِكِ، أَوْ ادَّعَى وَارِثُ الْمُودَعِ بَفَتْحِ الدَّالِ رَدَّ الْوَدِيعَةَ عَلَى الْمَالِكِ، أَوْ أودَعَ الْمُودَعُ عِنْدَ سَفَرِهِ أَمِينًا فَادَّعَى الْأَمِينُ الرَّدَّ عَلَى الْمَالِكِ، طَوَّلِبَ كُلُّ مِمَّنْ ذَكَرَ بَيْمِينَهُ بِالرَّدِّ عَلَى مَنْ ذَكَرَ إِذَا الْأَصْلُ عَدَمَ الرَّدِّ وَلَمْ يَأْتَمَنَهُ.

1396. Maka jika dia mendakwa telah memulangkan ke atas selain orang yang mengamanahkannya seperti waris pemilik, atau waris mudha' mendakwa telah dipulangkan wadhiah ke atas pemilik, atau mudhi' menaruhkan di sisi safarnya pada seorang amanah maka orang amanah itu mendakwa telah memulangkan ke atas pemilik, dituntut setiap daripada orang yang disebutkan dengan keterangan pemulangan ke atas orang yang disebutkan itu kerana asal tidak ada pemulangan dan dia tidak mengamanahkannya.

(وَعَلَيْهِ) أَي الْوَدِيعِ (أَنْ يَحْفَظَهَا) أَي الْوَدِيعَةَ لِمَالِكِهِ أَوْ وَارِثِهِ (فِي حِرْزٍ مِثْلِهَا) فَإِنْ أَخْرَجَ إِخْرَازَهَا مَعَ التَّمَكُّنِ أَوْ دَلَّ عَلَيْهَا سَارِقًا بِأَنْ عَيَّنَ لَهُ مَكَانَهَا وَضَاعَتْ بِالسَّرْقَةِ، أَوْ دَلَّ عَلَيْهَا مَنْ يُصَادِرُ الْمَالِكِ بِأَنْ عَيَّنَ لَهُ مَوْضِعَهَا فَضَاعَتْ بِذَلِكَ ضَمِنَهَا لِمَنَافَاةِ ذَلِكَ لِلْحَفِظِ بِخِلَافِ مَا إِذَا أَعْلَمَ بِهَا غَيْرُهُ.

1397. (Di atasnya) iaitu wadhi' (memeliharanya) iaitu wadhi'ah bagi pemiliknya atau warisnya (pada tempat simpanan seumpamanya). Maka jika dia lewat menyimpannya serta terbolelah atau dia menunjukkan pencuri ke atasnya dengan bahawa dia menentukan baginya setempatnya dan ia hilang dengan kecurian, atau dia menunjuk ke atasnya orang yang tamakkan harta pemilik dengan bahawa dia menentukan baginya tempatnya maka ia hilang dengan demikian itu dia mendahamannya kerana demikian itu bernafian dengan jagaan, bersalahan keadaan apabila dia memberitahu orang lain tentangnya.

فَلَوْ أَكْرَهَ الْوَدِيعَ ظَالِمٌ عَلَى تَسْلِيمِ الْوَدِيعَةِ حَتَّى سَلَّمَهَا إِلَيْهِ فَلِلْمَالِكِ تَضْمِينُ الْوَدِيعِ لِتَسْلِيمِهِ ثُمَّ يَرْجِعُ عَلَى الظَّالِمِ لِاسْتِيْلَانِهِ عَلَيْهَا. وَيَجِبُ عَلَى الْوَدِيعِ إِتْكَارُ الْوَدِيعَةِ مِنْ ظَالِمٍ وَالْإِمْتِنَاعُ مِنْ إِعْلَامِهِ بِهَا جَهْدَهُ. فَإِنْ تَرَكَ ذَلِكَ مَعَ الْقُدْرَةِ عَلَيْهِ ضَمَّنَ وَلَهُ أَنْ يَخْلُفَ عَلَى ذَلِكَ لِمَصْلَحَةِ حِفْظِهَا. قَالَ الْأَدْرَعِيُّ: وَيَتَّبَعُهُ وَجُوبُ الْخَلْفِ إِذَا كَانَتْ الْوَدِيعَةُ رَقِيقًا وَالظَّالِمُ يُرِيدُ قَتْلَهُ أَوْ الْفُجُورَ بِهِ.

1398. Kalau orang zalim memaksa wadhi' menyerahkan wadhiah hingga dia menyerahkannya kepadanya maka boleh pemilik menyuruh wadhi' mendhaman kerana menyerahkannya kemudian dia merujuk ke atas orang zalim itu kerana dia merampasnya. Wajib di atas wadhi' ingkarkan wadhiah dari orang zalim dan enggan dari memberitahunya tentang wadhi'ah sekuasanya. Maka jika dia meninggalkan demikian itu serta kuasa di atasnya dia mendhaman. Boleh dia bersumpah di atas demikian itu demi maslahat menjaganya. Kata Azrai'e : ada wajah wajib sumpah itu apabila wadhiah itu hamba dan orang zalim itu hendak membunuhnya atau berbuat keji dengannya.

وَيَجِبُ أَنْ يُؤَرِّيَ فِي يَمِينِهِ إِذَا حَلَفَ وَأَمَعْنَهُ التَّوْرِيَةَ وَكَانَ يَعْرِفُهَا لِنَلَا يَخْلُفَ كَاذِبًا. فَإِنْ لَمْ يُؤَرِّ كَفَرَ عَنْ يَمِينِهِ لِأَنَّهُ كَاذِبٌ فِيهَا. فَإِنْ حَلَفَ بِالطَّلَاقِ أَوْ الْعَتَقِ مُكْرَمًا عَلَيْهِ أَوْ عَلَى اعْتِرَافِهِ فَحَلَفَ حَنْثٌ لِأَنَّهُ قَدَى الْوَدِيعَةَ بِرُؤُجَتِهِ أَوْ رَقِيقَهُ، إِنْ اعْتَرَفَ بِهَا وَسَلَّمَهَا ضَمِنَهَا لِأَنَّهُ قَدَى رُؤُجَتَهُ أَوْ رَقِيقَهُ بِهَا.

1399. Wajib dia berpura-pura pada sumpahnya apabila dia bersumpah dan terbolelah dia berpura-pura dan adalah dia mengetahuinya supaya dia tidak bersumpah bohong. Maka jika dia tidak berpura-pura dia membayar kifarati dari sumpahnya kerana dia berbohong padanya. Maka jika dia bersumpah dengan talak atau memerdekakan hamba dalam keadaan dia dipaksa di atasnya atau di atas mengakuinya maka dia bersumpah dia melanggar sumpah kerana dia menebus wadhi'ah itu dengan isterinya atau hambanya, dan jika dia mengakui wadhiah itu dan menyerahkannya dia mendhamannya kerana dia menebus isterinya atau hambanya dengannya.

وَلَوْ أَعْلَمَ اللُّصُوصَ بِمَكَانِهَا فَضَاعَتْ بِذَلِكَ ضَمِنَ لِمُنَافَاةِ ذَلِكَ لِلْحِفْظِ ، لَا إِنْ أَعْلَمَهُمْ بِأَنَّهَا عِنْدَهُ مِنْ غَيْرِ تَعْيِينِ مَكَانِهَا فَلَا يَضْمَنُ بِذَلِكَ.

1400. Kalau dia memberi tahu pencuri tempat wadhī'ah maka ia hilang dengan demikian itu dia mendahamkan kerana demikian itu melawani penjagaan. Tidak, jika dia memberitahu mereka dengan bahawa ia di sisinya tanpa menentukan tempatnya maka dia tidak mendahamkan dengan demikian itu.

(وَإِذَا طُوبِىَ) أَي طَلَبَ الْمَالِكُ أَوْ وَارِثُهُ الْوَدِيعَ أَوْ وَارِثَهُ (بِهَا) أَي بِرَدِّهَا (فَلَمْ يُخْرِجْهَا) أَي لَمْ يَرُدَّهَا عَلَيْهِ (مَعَ الْقُدْرَةِ عَلَيْهَا) وَقَتَّ طَلِبَهَا (حَتَّى تَلْفَتْ ضَمْنَهَا) بِبَدْلِهَا مِنْ مِثْلِ إِنْ كَانَتْ مِثْلِيَّةً أَوْ قِيَمَةً إِنْ كَانَتْ مُتَقَوِّمَةً لِتَرْكِهِ الْوَاجِبَ عَلَيْهِ، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى قَالَ : { إِنْ اللَّهُ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تَوَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَى أَهْلِهَا } . وَلَيْسَ الْمُرَادُ بِرَدِّ الْوَدِيعَةِ حَمْلَهَا إِلَى مَالِكِهَا، بَلْ يَحْصُلُ بِأَنْ يُخْلَى بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا فَقَطُّ.

1401. (Apabila dia dituntut) iaitu pemilik atau warisnya menuntut wadhī' atau warisnya (dengannya) iaitu dengan memulangkannya (maka dia tidak mengeluarkannya) iaitu tidak dia memulangkannya (serta kuasa di atasnya) pada waktu tuntutan itu (hingga ia binasa dia mendhamannya) dengan gantinya daripada seumpamanya jika ia jenis umpama atau nilai jika ia dinilai kerana dia meninggalkan yang wajib di atasnya, maka sesungguhnya Allah taala berkata "sesungguhnya Allah menyuruh kamu menunaikan amanah kepada ahlinya". Bukanlah yang dikehendaki dengan memulangkan wadhiah itu menanggungnya kepada pemiliknya, bahkan ia terhasil dengan bahawa dia membiarkan di antaranya dan di antara wadhiah itu sahaja.

وَلَيْسَ لَهُ أَنْ يُلْزِمَ الْمَالِكَ الْإِشْهَادَ وَإِنْ كَانَ أَشْهَدَ عَلَيْهِ عِنْدَ الدَّفْعِ، فَإِنَّهُ يَصَدِّقُ فِي الدَّفْعِ بِبَيْمِنِهِ، بِخِلَافِ مَا لَوْ طَلَبَهَا وَكَبِلَ الْمُودِعَ لِأَنَّهُ لَا يَقْبَلُ قَوْلُهُ فِي دَفْعِهَا إِلَيْهِ. وَلَوْ قَالَ مَنْ عِنْدَهُ وَدِيعَةٌ لِمَالِكِهَا : خُذْ وَدِيعَتَكَ ، لَزِمَهُ أَخْذُهَا كَمَا فِي الْبَيَانِ. وَعَلَى الْمَالِكِ مُؤَنَةُ الرَّدِّ.

1402. Tidak boleh dia melazimkan pemilik mengadakan saksi sekalipun dia mengadakan saksi di atasnya di sisi menyerahkan, kerana dia dibenarkan pada menyerahkan dengan sumpahnya, bersalahan keadaan kalau menuntutnya wakil mudhi' kerana tidak diterima katanya pada menyerahkan wadhiah kepadanya. Kalau orang yang ada wadhiah di sisinya kata kepada pemiliknya : ambil wadhī'ah kamu, lazim dia mengambilnya sepertimana didalam al Bayan. Di atas pemilik kos pemulangan.

وَخَرَجَ بِقَوْلِهِ مَعَ الْقُدْرَةِ عَلَيْهَا مَا إِذَا لَمْ يَفْزُرْ عَلَى ذَلِكَ لِعُذْرٍ كَأَنَّ كَانَ فِي جُنْحٍ لَيْلٍ وَالْوَدِيعَةُ فِي خِرَازِنَةٍ لَا يَتَأْتَى فَتْحَ بَابِهَا فِي ذَلِكَ الْوَقْتِ، أَوْ كَانَ مَشْغُولًا بِصَلَاةٍ أَوْ قَضَاءِ حَاجَةٍ، أَوْ فِي حَمَامٍ أَوْ بِأَكْلِ طَعَامٍ، فَلَا ضَمَانَ عَلَيْهِ لِعَدَمِ تَقْصِيرِهِ.

1403. Keluar dengan katanya "serta kuasa di atasnya" oleh keadaan apabila dia tidak kuasa di atas demikian itu kerana uzur seperti bahawa dia berada ditengah malam sementara wadhiah itu didalam gudang yang tidak boleh membuka pintunya pada waktu itu, atau dia sibuk dengan sembahyang atau kadha hajat atau didalam hammam atau makan makanan, maka tidak ada dhaman di atasnya kerana tidak ada kecuaianya.

الْحُكْمُ الثَّلَاثُ الْجَوَازُ . فَلِلْمُودِعِ الْإِسْتِرْدَادُ وَلِلْوَدِيعِ الرَّدُّ فِي كُلِّ وَقْتٍ . أَمَّا الْمُودِعُ فَلِأَنَّهُ الْمَالِكُ وَأَمَّا الْوَدِيعُ فَلِأَنَّهُ مُتَبَرِّعٌ بِالْحِفْظِ . قَالَ ابْنُ النَّقِيبِ : وَيَتَّبَعِي أَنْ يَقْبَلَ جَوَازَ الرَّدِّ لِلْوَدِيعِ بِحَالَةٍ لَا يَلْزِمُهُ فِيهَا الْقَبُولُ . وَالْأَحْرَمُ الرَّدُّ . فَإِنْ كَانَ بِحَالَةٍ يَنْدُبُ فِيهَا الْقَبُولُ فَالرَّدُّ خِلَافُ الْأُولَى إِنْ لَمْ يَرْضَ بِهِ الْمَالِكُ .

1404. Hukum ketiga : harus. Maka boleh mudhi' meminta balik dan boleh wadhī' memulangkan pada setiap waktu. Adapun mudhi' maka kerana dia pemilik, dan adapun wadhī' maka kerana dia sukarela dengan menyimpannya. Kata Ibnu Naqib : sayugia

bahawa dikaitkan harus memulangkan bagi wadhi' dengan keadaan tidak lazim dia menerimanya, jika tidak haram memulangkan. Maka jika dia pada keadaan yang sunat dia menerimanya maka memulangkan itu menyalahi utama jika pemilik tidak redha.

وَتَنْفَسُخُ بِمَا تَنْفَسُخُ بِهِ الْوَكَّالَةُ مِنْ مَوْتِ أَحَدِهِمَا أَوْ جُنُونِهِ أَوْ إِعْمَانِهِ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ مِمَّا مَرَّ فِيهَا.

1405. Terafasakh ia dengan apa yang terfasakh wakilan dengannya daripada mati seorang dari keduanya atau gilanya atau pitamnya atau umpama demikian itu daripada apa yang telah lalu pada wakilan.

خَاتِمَةٌ : لَوْ ادَّعَى الْوَدِيعَ تَلَفَ الْوَدِيعَةَ وَلَمْ يَذْكَرْ لَهُ سَبَبًا، أَوْ ذَكَرَ لَهُ سَبَبًا خُفِيًّا كَسَرَقَةٍ صَدَقَ فِي ذَلِكَ بِيَمِينِهِ. قَالَ ابْنُ الْمُنْذِرِ : بِالْإِجْمَاعِ. وَلَا يَلْزَمُهُ بَيَانُ السَّبَبِ فِي الْأُولَى. نَعَمْ، يَلْزَمُهُ أَنْ يَخْلِفَ لَهُ أَنَّهَا تَلَفَتْ بِغَيْرِ تَفْرِيطٍ.

1406. Khatimah. Kalau wadhi' mendakwa binasa wadhi'ah dan dia tidak menyebutkan apa-apa sebab baginya atau dia menyebutkan sebab yang tersulit baginya seperti kecurian dibenarkan dia pada demikian itu dengan sumpahnya. Kata Ibnu Munzir : dengan ijmak. Tidak lazim dia menerangkan sebab itu pada yang pertama. Na'am, lazim dia bersumpah bahawa ia binasa dengan tidak ada kecuaiannya.

وَإِنْ ذَكَرَ سَبَبًا ظَاهِرًا كَحَرِيقٍ، فَإِنْ عُرِفَ الْحَرِيقُ وَعُمُومُهُ وَلَمْ يُحْتَمَلْ سَلَامَةُ الْوَدِيعَةِ كَمَا قَالَهُ ابْنُ الْمُقْرِيِّ صَدَقَ بِلَا يَمِينٍ لِأَنَّ ظَاهِرَ الْحَالِ يُغْنِيهِ عَنِ الْيَمِينِ. أَمَّا إِذَا أُحْتَمِلَ سَلَامَتُهَا بِأَنْ عَمَّ ظَاهِرًا لَا يَقِينًا فَيُخْلِفُ لِاحْتِمَالِ سَلَامَتِهَا. فَإِنْ عُرِفَ الْحَرِيقُ دُونَ عُمُومِهِ صَدَقَ بِيَمِينِهِ لِاحْتِمَالِ مَا ادَّعَاهُ. وَإِنْ جَهَلَ مَا ادَّعَاهُ مِنَ الظَّاهِرِ طُوبِ بِبَيْتَةِ عَلَيْهِ ثُمَّ يَخْلِفُ عَلَى التَّلَفِ لِاحْتِمَالِ أَنَّهَا لَمْ تَتَلَفْ بِهِ. وَلَا يَكْفَى الْبَيْتَةَ عَلَى التَّلَفِ بِهِ لِأَنَّهُ مِمَّا يَخْفَى.

1407. Jika dia menyebutkan sebab yang zahir seperti kebakaran, maka jika diketahui kebakaran itu dan umumnya dan tidak diihtimalkan selamat wadhiah itu sepertimana kata Ibnu Muqri dibenarkan dia tanpa sumpah kerana zahir keadaan itu memadatkan dia dari sumpah. Adapun apabila diihtimalkan selamatnya dengan bahawa ia meratai pada zahir tidak pada yakin maka dia bersumpah kerana ihtimal selamatnya. Maka jika diketahui kebakaran itu tidak umumnya dibenarkan dia dengan sumpahnya kerana ihtimal apa yang dia dakwa. Jika dijahilkan apa yang dia dakwa dari apa yang zahir dituntut dia dengan keterangan di atasnya, kemudian dia bersumpah di atas binasanya kerana ihtimal bahawa ia tidak binasa dengannya. Tidak diberati dia dengan keterangan di atas binasa dengannya kerana ia daripada apa yang tersulit.

وَلَوْ أَوْدَعَهُ وَرَقَةً مَكْتُوبًا فِيهَا الْحَقُّ الْمَقْرَرُ بِهِ كِمَائَةِ دِينَارٍ وَتَلَفَتْ بِتَقْصِيرِهِ ضَمِنَ قِيَمَتَهَا مَكْتُوبَةً وَأَجْرَةَ الْكِتَابَةِ كَمَا قَالَهُ الشَّيْخَانُ، بِخِلَافِ مَا لَوْ أَتَلَفَ ثَوْبًا مُطْرَرًا فَإِنَّهُ يَلْزَمُهُ قِيَمَتُهُ، وَلَا يَلْزَمُهُ أَجْرَةُ التَّطْرِيزِ، لِأَنَّ التَّطْرِيزَ يَزِيدُ قِيَمَةَ الثَّوْبِ عَالِبًا، وَلَا كَذَلِكَ الْكِتَابَةُ فَإِنَّهَا قَدْ تَنْقُصُهَا. وَاللَّهُ أَعْلَمُ.

1408. Kalau seorang menaruhkan pada seorang lain sekeping kertas yang tertulis padanya hak yang diakui seperti seratus dinar dan ia binasa dengan kecuaiannya dia mendhama nilai kertas itu dalam keadaan ia bertulisan dan upah tulisan itu sepertimana kata dua syeikh, bersalahan keadaan kalau dia membinasakan kain yang disulam maka tidak melazimi dia nilainya dan tidak melazimi dia upah sulamannya, kerana sulaman menambah nilai kain ghalibnya dan tidak seperti itu tulisan maka ia terkadang mengurangkannya. Wallahu a'lam.

كِتَابُ بَيَانِ أَحْكَامِ الْفَرَائِضِ وَالْوَصَايَا

الْفَرَائِضُ جَمْعُ فَرِيضَةٍ بِمَعْنَى مَفْرُوضَةٍ أَيْ مُقَدَّرَةٍ لِمَا فِيهَا مِنَ السَّهَامِ الْمُقَدَّرَةِ فَغَلَبَتْ عَلَى غَيْرِهَا. وَالْفَرَضُ لُغَةٌ التَّقْدِيرُ، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى { فَانصَفْ مَا فَرَضْتُمْ } أَيْ قَدَرْتُمْ، وَشَرَعًا نَصِيبٌ مُقَدَّرٌ شَرَعًا لِلْوَارِثِ. 1409. **Kitab keterangan hukum-hukum faraidh dan wasiat.** “فَرَائِضُ” jamak “فَرِيضَةٌ” dengan makna “مَفْرُوضَةٌ” iaitu apa yang dikadarkan kerana apa yang sabit padanya daripada saham-saham yang dikadarkan. Maka dimenangkan ia ke atas selainnya. Fardhu itu pada lughah : takdir i.e mengkadarkan, firman Allah taala “maka setengah apa yang kamu fardhukan” iaitu kamu kadarkan, dan pada syara’ : habuan yang dikadarkan pada syara’ bagi waris.

وَأَصْلُ فِيهِ قَبْلَ الْإِجْمَاعِ آيَاتُ الْمَوَارِيثِ وَالْأَخْبَارُ كَخَبَرِ الصَّحِيحِينَ { أَلْحَقُوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا فَمَا بَقِيَ فَلَأُولَىٰ رَجُلٍ ذَكَرَ } . فَإِنْ قِيلَ : مَا فَايِدَةُ ذَكَرَ (ذَكَرَ) بَعْدَ (رَجُلٍ) ؟ أُجِيبُ بِأَنَّهُ لِلتَّكْيِيدِ لِئَلَّا يُتَوَهَّمُ أَنَّهُ مُقَابِلُ الصَّبِيِّ ، بَلْ الْمُرَادُ أَنَّهُ مُقَابِلُ الْأُنثَى .

1410. Asal padanya sebelum ijmak beberapa ayat berkenaan orang-orang yang mempusakakan pusaka dan beberapa khabar seperti khabar dua kitab yang sahih “hendaklah kamu hubungkan fardhu-fardhu dengan ahlinya maka apa yang tinggal maka bagi lelaki yang terutama”. Maka jika dikatakan : apa faedah disebutkan “ذَكَرَ” selepas “رَجُلٍ”? Aku jawab dengan bahawa ia untuk ta’kid supaya tidak diwahamkan bahawa ia membetuli kanak-kanak, bahkan yang dikehendaki bahawa ia membetuli perempuan.

فَإِنْ قِيلَ : لَوْ اقْتَصَرَ عَلَىٰ ذَكَرٍ ذَكَرَ كَفَىٰ ، فَمَا فَايِدَةُ ذَكَرٍ رَجُلٍ مَعَهُ ؟ أُجِيبُ بِأَنَّهُ لَا يُتَوَهَّمُ أَنَّهُ عَامٌّ مَخْصُوصٌ وَكَانَ فِي الْجَاهِلِيَّةِ مَوَارِيثُ يُورَثُونَ الرِّجَالَ دُونَ النِّسَاءِ وَالْكَبَارَ دُونَ الصِّغَارِ . وَكَانَ فِي ابْتِدَاءِ الْإِسْلَامِ بِالْحَلْفِ وَالنُّصْرَةِ ثُمَّ نَسِخَ فَنَوَارَثُوا بِالْإِسْلَامِ وَالْهَجْرَةِ ، ثُمَّ نَسِخَ فَكَانَتِ الْوَصِيَّةُ وَاجِبَةً لِلْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ ، ثُمَّ نَسِخَ بِآيَتِي الْمَوَارِيثِ . فَلَمَّا نَزَلْنَا قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { إِنَّ اللَّهَ أَعْطَىٰ كُلَّ ذِي حَقٍّ حَقَّهُ إِلَّا لَوَاثِمٍ وَصِيَّةَ لَوَارِثٍ } .

1411. Maka jika dikatakan : kalau dia menghadkan di atas menyebutkan “ذَكَرَ” nescaya memada, maka apa faedah menyebutkan “رَجُلٍ” besamanya? Aku jawab dengan bahawa tidak diwahamkan bahawa ianya umum lagi khusus, dan adalah pada masa jahiliyah para pewaris mewariskan lelaki tidak perempuan dan yang dewasa tidak yang kecil, dan adalah pada permulaan islam dengan janji setia dan tolong-menolong⁹⁷ kemudian dinasahkan maka mereka waris mewarisi dengan Islam dan hijrah, kemudian dinasahkan maka adalah wasiat wajib bagi dua ibu bapa dan kerabat, kemudian dinasahkan dengan dua ayat pewaris, maka tatkala keduanya turun sabda nabi s.a.w.m “sungguhnya Allah telah memberi setiap orang yang punya hak akan haknya, jaga-jaga! tidak ada wasiat bagi waris”.

وَاشْتُهِرَتْ الْأَخْبَارُ بِالْحَثِّ عَلَىٰ تَعْلِيمِهَا وَتَعَلُّمِهَا . مِنْهَا : { تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ وَعَلِّمُوهُ - أَيَّ عِلْمِ الْفَرَائِضِ - النَّاسَ فَإِنِّي أَمْرٌ مَقْبُوضٌ ، وَإِنَّ هَذَا الْعِلْمَ سَيَقْبُضُ وَتَظْهَرُ الْفِتْنُ حَتَّىٰ يَخْتَلَفَ اثْنَانِ فِي الْفَرِيضَةِ ، فَلَا يَجِدَانِ مَنْ يَقْضِي فِيهَا } . وَمِنْهَا : { تَعَلَّمُوا الْفَرَائِضَ فَإِنَّهُ مِنْ دِينِكُمْ وَإِنَّهُ نِصْفُ الْعِلْمِ وَإِنَّهُ أَوَّلُ عِلْمٍ يَنْزِعُ مِنْ أُمَّتِي } .

1412. Masyhur khabar-khabar dengan galakkan mengajarkan dan mempelajarinya. Daripadanya “belajarlah faraidh dan ajarilah ia -iaitu ilmu faraidh- kepada orang ramai, maka sesungguhnya aku akan digenggam dan sesungguhnya ilmu ini akan digenggam dan zahir fitnah-fitnah hingga berselisih faham dua orang pada satu fardhu maka keduanya tidak mendapati orang yang menghukum padanya”. Daripadanya “belajarlah faraidh maka ia sebahagian dari ugama kamu dan ianya setengah ilmu, dan sesungguhnya ia ilmu pertama yang dicabut dari umat ku”.

وَإِنَّمَا سُمِّيَ نِصْفَ الْعِلْمِ لِأَنَّ لِلْإِنْسَانَ حَالَتَيْنِ حَالَةَ حَيَاةٍ وَحَالَةَ مَوْتٍ ، وَلِكُلِّ مِنْهُمَا أَحْكَامٌ تَخْصُهُ . وَقِيلَ : النِّصْفُ بِمَعْنَى الصِّنْفِ . قَالَ الشَّاعِرُ : إِذَا مِتُّ كَانَ النَّاسُ نِصْفَانِ شَامِتٌ * وَأَخْرَ مَثْنٌ بِالَّذِي كُنْتُ أَصْنَعُ .

1413. Hanyalah dinamakan ia dengan setengah ilmu kerana manusia itu dua keadaannya keadaan hidup dan keadaan mati dan bagi setiap dari keduanya ada hukum-hukum yang khusus dengannya. Dikatakan : setengah itu dengan makna satu

⁹⁷. seperti seorang berkata : darah ku darah mu dan keselamatan ku keselamatan mu dan kehormatan ku kehormatan mu, dan kamu mewarisi aku dan aku mewarisi aku dan kamu menolong aku dan aku menolong aku.

cabang. Kata penyair : apabila aku mati adalah manusia dua bagai, yang mencerca dan satu lagi yang memuji dengan sebab perkara yang aku buat.

وَاعْلَمَنَّ أَنَّ الْإِرْثَ يَتَوَقَّفُ عَلَى ثَلَاثَةِ أُمُورٍ : وَجُودِ أَسْبَابِهِ وَوُجُودِ شُرُوطِهِ وَانْتِفَاءِ مَوَانِعِهِ.

1414. Ketahuilah bahawa pusaka itu terhenti di atas tiga perkara : ujud sebabnya dan ujud syarat-syaratnya dan ternafi penegah-penegahnya.

فَأَمَّا أَسْبَابُهُ فَأَرْبَعَةٌ : قَرَابَةٌ وَنِكَاحٌ وَوَلَاءٌ وَجِهَةٌ الْإِسْلَامِ.

1415. Maka adapun sebab-sebabnya maka empat : kerabat dan nikah dan wala' dan pihak islam.

وَشُرُوطُهُ أَيْضًا أَرْبَعَةٌ : تَحَقُّقُ مَوْتِ الْمُوْرَثِ أَوْ إِحْقَاقِهِ بِالْمَوْتِ حُكْمًا كَمَا فِي حُكْمِ الْقَاضِي بِمَوْتِ الْمَفْقُودِ اجْتِهَادًا، وَتَحَقُّقُ حَيَاةِ الْوَارِثِ بَعْدَ مَوْتِ مُوْرَثِهِ وَلَوْ بِلِحْظَةٍ، وَمَعْرِفَةُ إِدْلَالِهِ لِلْمَيِّتِ بِقَرَابَةٍ أَوْ نِكَاحٍ أَوْ وِلَاءٍ وَالْجِهَةُ الْمُقْتَضِيَةُ لِلْإِرْثِ تَفْصِيْلًا.

1416. Syarat-syaratnya juga empat : tahkik kematian pewaris atau dihubungkan dia dengan kematian pada hukum seperti mana pada hukuman qadhi dengan kematian orang yang hilang dengan ijihad, dan tahkik hidup waris selepas mati pewarisnya walaupun dengan sedetik, dan diketahui terjulukannya dari mayat dengan kerabat atau nikah atau wala' dan pihak yang menghukumkan pusaka di atas jalan tafsil.

وَالْمَوَانِعُ أَيْضًا أَرْبَعَةٌ كَمَا قَالَهُ ابْنُ الْهَنَامِ فِي شَرْحِ كَافِيَّتِهِ : الرِّقُّ، وَالْقَتْلُ، وَاخْتِلَافُ الدِّينِ وَالذُّوْرِ الْحُكْمِيِّ. وَهُوَ أَنْ يَلْزَمَ مِنْ تَوْرِيْثِ شَخْصٍ عَدَمَ تَوْرِيْثِهِ كَأَخٍ أَوْ بَابِنٍ لِلْمَيِّتِ، فَيُثْبِتُ نَسَبُ الْإِبْنِ وَلَا يَرِثُ.

1417. Penegah-penegahnya juga empat sepertimana kata Ibnu Haim didalam Syarah Kafiahnya. Kehambaan dan pembunuhan dan kelainan ugama dan putaran hukum, iaitu bahawa lazim dari mewariskan seorang oleh tidak mewariskannya seperti saudara lelaki yang mengakui ada anak lelaki bagi mayat, maka sabitlah nasab anak lelaki itu serta dia tidak mewarisi.

(وَالْوَارِثُونَ مِنْ) جِنْسِ (الرِّجَالِ) لِيَدْخُلَ فِيهِ الصَّغِيرُ (عَشْرَةٌ) بِطَرِيقِ الْإِخْتِصَارِ. مِنْهُمْ اثْنَانِ مِنْ أَسْفَلِ النَّسَبِ، وَهُمَا (الْإِبْنُ وَابْنُ الْإِبْنِ وَإِنْ سَقَلَ) بِفَتْحِ الْفَاءِ عَلَى الْأَفْصَحِ، أَيِ نَزَلَ. وَاثْنَانِ مِنْ أَعْلَاهُ (وَ) هُمَا (الْأَبُ وَالْجَدُّ) أَبُو الْأَبِ (وَإِنْ عَلَا). وَأَرْبَعَةٌ مِنَ الْخَوَاشِي (وَ) هُمْ (الْأَخُ) لِأَبَوَيْنِ أَوْ مِنْ أَحَدِهِمَا (وَابْنُهُ) أَيِ ابْنِ الْأَخِ لِلأَبَوَيْنِ أَوْ لِأَبٍ فَقَطْ لِيُخْرَجَ ابْنُ الْأَخِ لِلأَمِّ فَلَا يَرِثُ لِأَنَّهُ مِنْ ذَوِي الْأَرْحَامِ (وَإِنْ تَرَاحِيَا) أَيِ وَإِنْ سَقَلَ الْأَخُ الْمَذْكُورُ وَابْنُهُ (وَالْعَمُّ) لِأَبَوَيْنِ أَوْ لِأَبٍ فَقَطْ لِيُخْرَجَ الْعَمُّ لِلأَمِّ فَلَا يَرِثُ لِأَنَّهُ مِنْ ذَوِي الْأَرْحَامِ (وَابْنُهُ) أَيِ الْعَمِّ الْمَذْكُورِ (وَإِنْ تَبَاعَدَا) أَيِ الْعَمِّ الْمَذْكُورِ وَابْنُهُ. وَالْمَعْنَى أَنَّهُ لَا فَرْقَ فِي الْعَمِّ بَيْنَ الْقَرِيبِ كَعَمِّ الْمَيِّتِ وَالْبَعِيدِ كَعَمِّ أَبِيهِ وَعَمِّ جَدِّهِ إِلَى حَيْثُ يَنْتَهِي وَكَذَلِكَ ابْنُهُ.

1418. (Waris-waris dari) jenis (lelaki) supaya masuk padanya yang kecil (sepuluh) dengan jalan ringkas. Daripada mereka itu dua dari titihan yang bawah, iaitu

- (anak lelaki dan anak lelaki bagi anak lelaki sekalipun terkebawah) iaitu menurun.
- dan dua dari titihan yang atas, iaitu
- (bapa dan datuk), bapa bagi bapa (sekalipun terke atas), dan empat dari tepi-tepi titihan iaitu
- (saudara lelaki) seibu sebapa atau dari seorang dari keduanya,
- (dan anak lelakinya) iaitu anak lelaki bagi saudar lelaki seibu sebapa atau sebapa sahaja, supaya keluar anak lelaki bagi saudara lelaki seibu, maka dia tidak

mewarisi kerana dia daripada zawil arham (**sekalipun terke bawah**) saudara lelaki yang disebutkan itu dan anak lelakinya,

- (**dan bapa saudara**) seibu sebapa atau sebapa sahaja, supaya keluar bapa saudara seibu maka dia tidak mewarisi kerana dia daripada zawil arham,
- (**dan anak lelakinya**) iaitu bapa saudara yang tersebut itu (**sekalipun keduanya jauh**) iaitu bapa saudara yang disebutkan itu dan anak lelakinya. Maknanya tidak ada beza pada bapa saudara itu di antara yang dekat seperti bapa saudara mayat dan yang jauh seperti bapa saudara bapanya dan bapa saudara datuknya hingga seterusnya. Begitu juga anak lelakinya.

وَأَثَانِ بِغَيْرِ النَّسَبِ. (وَ) هُمَا (الزَّوْجُ) وَلَوْ فِي عِدَّةٍ رَجْعِيَّةٍ، (وَالْمَوْلَى). وَيُطْلَقُ عَلَى نَحْوِ عَشْرِينَ مَعْنَى. الْمُرَادُ مِنْهَا هُنَا السَّيِّدُ (الْمُعْتِقُ) بِكَسْرِ التَّاءِ. وَالْمُرَادُ بِهِ مَنْ صَدَرَ مِنْهُ الْإِعْتَاقُ أَوْ وَرِثَ بِهِ فَلَا يَرُدُّ عَلَى الْحَصْرِ فِي الْعَشْرَةِ عَصَبَةَ الْمُعْتِقِ وَمُعْتِقُ الْمُعْتِقِ.

1419. Dua dengan tidak ada nasab. Mereka itu (**suami**) walaupun didalam 'iddah raj'ie, (**dan maula**). Dituturkan ia ke atas kadar dua puluh makna. Yang dikehendaki daripadanya disini adalah penghulu hamba (**yang memerdekakan hambanya**). Yang dikehendaki dengannya adalah orang yang keluar darinya pembebasan hamba atau orang yang mewarisi dengan sebabnya. Maka ia tidak datang ke atas had waris pada sepuluh.

وَطَرِيقُ الْبَسِطِ هُنَا أَنْ يُقَالَ الْوَارِثُونَ مِنَ الرِّجَالِ خَمْسَةٌ عَشْرَ : الْأَبُ وَأَبُوهُ وَإِنْ عَلَا، وَالْإِبْنُ وَابْنُهُ وَإِنْ سَقَلَ، وَالْأَخُ الشَّقِيقُ، وَالْأَخُ لِلْأَبِ، وَالْأَخُ لِلْأُمِّ، وَإِبْنُ الْأَخِ الشَّقِيقُ، وَإِبْنُ الْأَخِ لِلْأَبِ، وَالْعَمُّ لِأَبَوَيْنِ، وَالْعَمُّ لِأَبٍ، وَإِبْنُ الْعَمِّ لِأَبَوَيْنِ، وَإِبْنُ الْعَمِّ لِأَبٍ، وَالزَّوْجُ، وَالْمُعْتِقُ.

1420. Jalan panjang disini bahawa dikatakan : waris-waris dari kalangan lelaki lima belas. Bapa dan bapanya sekalipun terke atas, dan anak lelaki dan anak lelakinya sekalipun terke bawah, dan saudara lelaki seibu sebapa i.e syaqiq dan saudara lelaki sebapa dan saudara lelaki seibu, dan anak lelaki saudara lelaki syaqiq dan anak lelaki saudara lelaki sebapa dan bapa saudara seibu sebapa dan bapa saudara sebapa dan anak lelaki bapa saudara seibu sebapa dan anak lelaki bapa saudara sebapa dan suami dan lelaki yang memerdekakan hamba.

(وَالْوَارِثَاتُ مِنْ) جِنْسِ (النِّسَاءِ) لِيَدْخُلَ فِيهِنَّ الصَّغِيرَةُ (سَبْعَ) بِتَقْدِيمِ السِّينِ عَلَى الْمُوَحَّدَةِ بِطَرِيقِ الْإِخْتِصَارِ. مِنْهُنَّ ثِنْتَانِ مِنْ أَسْفَلِ النَّسَبِ، وَهُمَا (الْبِنْتُ وَبِنْتُ الْإِبْنِ)، وَفِي بَعْضِ النُّسخِ (وَإِنْ سَقَلَتْ). وَهُوَ فِي بَعْضِ نُسَخِ الْمُحَرَّرِ أَيْضًا. وَصَوَابُهُ وَإِنْ سَقَلَ بِحَذْفِ الْمُثَنَاءِ، إِذِ الْفَاعِلُ ضَمِيرٌ يَعُودُ عَلَى الْمُضَافِ إِلَيْهِ، أَيْ وَإِنْ سَقَلَ الْإِبْنُ فَإِنَّ بِنْتَهُ تَرِثُ. وَإِنْبَاتُ الْمُثَنَاءِ يُؤَدِّي إِلَى دُخُولِ بِنْتِ الْإِبْنِ فِي الْإِرْثِ وَهُوَ خَطَأٌ فُتِّمَلَهُ.

1421. (**Waris-waris dari**) jenis (**perempuan**), supaya masuk pada mereka itu perempuan yang kecil, (**tujuh**) dengan jalan ringkas. Daripada mereka itu dua dari titihan yang bawah. Keduanya (**anak perempuan dan anak perempuan bagi anak lelaki**). Pada sebahagian naskah-naskah (“ وَإِنْ سَقَلَتْ ” i.e **sekalipun terke bawah**). Ianya juga sabit pada sebahagian naskah-naskah Muharrar. Yang betulnya “ وَإِنْ سَقَلَ ” dengan hazaf ta', kerana fa'elnya adalah dhamir yang kembali ke atas mudhaf ilaih, iaitu sekalipun anak lelaki itu terke bawah maka anak perempuannya mewarisi. Mensabitkan ta' itu membawa kepada masuk anak perempuan bagi anak perempuan bagi anak lelaki pada pusaka yang mana ia salah. Maka hendaklah kamu mengamatinya.

وَتِثْتَانِ مِنْ أَعْلَى النَّسَبِ (وَ) هُمَا (الْأُمُّ وَالْجَدَّةُ) الْمُدْلِيَّةُ بِوَارِثِ كَأَمِّ الْأَبِ وَأُمِّ الْأُمِّ ، (وَإِنْ عَلَتْ) . فَخَرَجَ بِالْمُدْلِيَّةِ بِوَارِثِ أُمِّ أَبِي الْأُمِّ فَلَا تَرِثُ .

1422. Dua orang perempuan dari titihan yang atas. Keduanya (ibu dan nenek) yang menjulur dari yang mewarisi seperti emak bapa dan emak emak, (sekalipun terke atas). Maka keluar dengan yang menjulur dari yang mewarisi oleh ibu bagi bapa ibu maka dia tidak mewarisi.

وَوَاحِدَةٌ مِنَ الْحَوَاشِي (وَ) هِيَ (الْأُخْتُ) لِأَبَوَيْنِ أَوْ مِنْ أَحَدِهِمَا .

1423. Seorang perempuan dari tepi-tepi titihan iaitu (saudara perempuan) seibu sebapa atau dari seorang dari keduanya.

وَأَتْنَتَانِ بغيرِ النَّسَبِ ، (وَ) هُمَا (الزَّوْجَةُ) وَلَوْ فِي عِدَّةٍ رَجْعِيَّةٍ ، (وَ) السَّيِّدَةُ (الْمُعْتَقَةُ) بِكِسْرِ الْمُتَنَاءِ . وَهِيَ مَنْ صَدَرَ مِنْهَا الْعَتَقُ أَوْ وَرِثَتْ بِهِ ، كَمَا مَرَّ .

1424. Dua orang perempuan dengan tidak ada titihan. Keduanya (isteri) walaupun didalam iddah raj'ie (dan) penghulu (yang memerdekakan hamba), iaitu perempuan yang memerdekakan hamba atau mewarisi dengan sebabnya sepertimana yang telah lalu.

تَنْبِيْهُ : الْأَفْصَحُ أَنْ يُقَالَ فِي الْمَرْأَةِ زَوْجٌ ، وَالزَّوْجَةُ لَعْنَةٌ مَرْجُوحَةٌ ، قَالَ النَّوَوِيُّ : وَاسْتِعْمَالُهَا فِي بَابِ الْفَرَائِضِ مُتَعَيَّنٌ لِيَحْصَلَ الْفَرْقُ بَيْنَ الزَّوْجَيْنِ أَنْتَهَى . وَالشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ يَسْتَعْمَلُ فِي عِبَارَتِهِ الْمَرْأَةَ وَهُوَ حَسَنٌ .

1425. Tanbih. Yang lebih fasih dikatakan pada perempuan "زَوْج" dan "زَوْجَة" itu lughah yang dhaif. Kata Nawawi : penggunaannya pada bab faraidh tertentu supaya terhasil beza di antara dua suami isteri. Intaha. Syafi'e r.a menggunakan pada ibaratnya "مَرْأَة" yang mana ianya elok.

وَطَرِيقُ الْبَسْطِ هُنَا أَنْ يُقَالَ : الْوَارِثَاتُ مِنَ النِّسَاءِ عَشْرَةٌ : الْأُمُّ ، وَالْجَدَّةُ لِلْأَبِ ، وَالْجَدَّةُ لِلْأُمِّ وَإِنْ عَلَتْ ، وَالْبِنْتُ وَبِنْتُ الْإِبْنِ وَإِنْ سَقَلْ ، وَالْأُخْتُ الشَّقِيقَةُ ، وَالْأُخْتُ لِلْأَبِ ، وَالْأُخْتُ لِلْأُمِّ ، وَالزَّوْجَةُ وَالْمُعْتَقَةُ .

1426. Jalan panjang lebar disini bahawa dikatakan : waris-waris dari kalangan perempuan itu sepuluh : ibu dan nenek dari bapa dan nenek dari ibu sekalipun keduanya terke atas, dan anak perempuan dan anak perempuan bagi anak perempuan bagi anak* lelaki sekalipun dia* terkebawah, dan saudara perempuan seibu sebapa dan saudara perempuan sebapa dan saudara perempuan seibu, dan isteri dan perempuan yang memerdekakan hamba.

فَلَوْ اجْتَمَعَ كُلُّ الذُّكُورِ فَقَطْ ، وَلَا يَكُونُ إِلَّا وَالْمَيْتِ أَنْثَى ، وَرِثَ مِنْهُمْ ثَلَاثَةٌ : الْأَبُ ، وَالْإِبْنُ ، وَالزَّوْجُ فَقَطْ لِأَنَّهُمْ لَا يُحْجَبُونَ . وَمَنْ بَقِيَ مَحْجُوبٌ بِالْإِجْمَاعِ فَابْنُ الْإِبْنِ بِالْإِبْنِ وَالْجَدُّ بِالْأَبِ . وَتَصِحُّ مَسْأَلَتُهُمْ مِنْ اثْنَيْ عَشَرَ لِأَنَّ فِيهَا رُبْعًا وَسُدُسًا . لِلزَّوْجِ الرَّبْعُ وَاللَّابِ السُّدُسُ وَاللَّابِنِ الْبَاقِي .

1427. Maka kalau berhimpun semua lelaki-lelaki sahaja yang mana tidak ujud ia melainkan mayat itu perempuan mewarisi daripada mereka itu tiga orang : bapa dan anak lelaki dan suami sahaja kerana mereka itu tidak dihijab sementara yang tinggal lagi dihijab, dengan ijmak. Maka anak lelaki bagi anak lelaki dihijab dengan anak lelaki dan datuk dengan bapa. Sah masaalah mereka dari dua belas kerana sabit padanya satu perempat dan satu perenam. Bagi suami satu perempat, bagi bapa satu perenam dan bakinya bagi anak lelaki.

أَوْ اجْتَمَعَ كُلُّ الْإِنَاثِ فَقَطْ ، وَلَا يَكُونُ إِلَّا وَالْمَيِّتِ ذَكَرًا ، فَأَلْوَارِثُ مِنْهُنَّ خَمْسٌ ، وَهِيَ الْبِنْتُ وَبِنْتُ الْإِبْنِ وَالْأُمُّ وَالْأُخْتُ لِأَبَوَيْنِ وَالرَّوْجَةَ . وَالْبَاقِي مِنْ الْإِنَاثِ مَحْجُوبٌ : الْجَدَّةُ بِالْأُمِّ وَالْأُخْتُ لِلْأُمِّ بِالْبِنْتِ وَكُلٌّ مِنَ الْأُخْتِ لِلْأَبِ وَالْمُعْتَقَةُ بِالشَّقِيقَةِ لِكُونِهَا مَعَ الْبِنْتِ وَبِنْتُ الْإِبْنِ عَصَبَةٌ تَأْخُذُ الْفَاضِلَ عَنِ الْفَرُوضِ . وَتَصِحُّ مَسْأَلَتُهُمْ مِنْ أَرْبَعَةٍ وَعَشْرِينَ لِأَنَّ فِيهَا سُدُسًا وَثَمَنًا ، لِلْأُمِّ السُّدُسُ وَلِلرَّوْجَةِ الثَّمَنُ وَلِلْبِنْتِ النِّصْفُ ، وَلِبِنْتِ الْإِبْنِ السُّدُسُ وَلِلْأُخْتِ الْبَاقِي وَهُوَ سَهْمٌ .

1428. atau berhimpun semua perempuan-perempuan sahaja, yang mana ia tidak ujud melainkan mayat itu lelaki, maka yang mewarisi dari kalangan mereka lima orang : anak perempuan dan anak perempuan bagi anak lelaki dan ibu dan saudara perempuan seibu sebapa dan isteri. Baki waris-waris perempuan dihijab : nenek dengan emak dan saudara perempuan seemak dengan anak perempuan, dan setiap dari saudara perempuan sebapa dan mu'tiqah dengan saudara perempuan seibu sebapa kerana dia bersama dengan anak perempuan dan anak perempuan dari anak lelaki adalah 'asabah yang mengambil apa yang lebih dari fardhu-fardhu. Sah masaalah mereka dari dua puluh empat kerana sabit padanya satu perenam dan satu perlapan. Bagi emak satu perenam dan bagi isteri satu perlapan dan bagi anak perempuan setengah dan bagi anak perempuan dari anak lelaki satu perenam dan bagi saudara perempuan bakinya iaitu satu saham.

أَوْ اجْتَمَعَ الَّذِينَ يُمَكِّنُ اجْتِمَاعُهُمْ مِنَ الصَّنَفَيْنِ الذُّكُورِ وَالْإِنَاثِ بِأَنَّ اجْتِمَاعَ كُلِّ الذُّكُورِ وَكُلِّ الْإِنَاثِ إِلَّا الزَّوْجَةَ فَإِنَّهَا الْمَيِّتَةُ ، أَوْ كُلُّ الْإِنَاثِ وَكُلُّ الذُّكُورِ إِلَّا الزَّوْجَ فَإِنَّهُ الْمَيِّتُ ، وَرِثَ مِنْهُمْ فِي الْمَسْأَلَتَيْنِ الْإِبْنَ وَالْأَبَوَانَ وَالْبِنْتَ وَأَحَدَ الزَّوْجَيْنِ وَهُوَ الزَّوْجُ حَيْثُ الْمَيِّتُ الزَّوْجَةَ ، وَهِيَ حَيْثُ الْمَيِّتُ الزَّوْجُ ، لِحَبَابِهِمْ مِنْ عَدَاهُمْ

1429. atau berhimpun orang-orang yang boleh berhimpun dari dua kumpulan itu, para lelaki dan para perempuan, dengan bahawa berhimpun semua lelaki-lelaki dan semua perempuan-perempuan melainkan isteri kerana dia mayat, atau semua para perempuan dan semua para lelaki melainkan suami kerana dia mayat, mewarisi dari kalangan mereka pada dua masaalah ini oleh anak lelaki dan dua ibu bapa dan anak perempuan dan seorang dari dua suami isteri iaitu suami sekira-kira mayat itu isteri dan isteri sekira-kira mayat itu suami, kerana mereka ini menghijab waris yang selain mereka.

فَالْأُولَى مِنْ اثْنَيْ عَشَرَ لِلْأَبَوَيْنِ السُّدُسَانِ أَرْبَعَةٌ وَلِلزَّوْجِ الرَّبْعُ ثَلَاثَةٌ ، وَالْبَاقِي وَهُوَ خَمْسَةٌ بَيْنَ الْإِبْنِ وَالْبِنْتِ أَثَلَاثًا وَلَا ثَلَاثَ لَهُ صَحِيحٌ . فَتَضْرِبُ ثَلَاثَةً فِي اثْنَيْ عَشَرَ تَبْلُغُ سِتَّةً وَثَلَاثِينَ وَمِنْهَا تَصِحُّ .

1430. Maka masaalah yang pertama dari dua belas. Bagi dua ibu bapa satu perenam iaitu empat, dan bagi suami satu perempat iaitu tiga, dan bakinya iaitu lima di antara anak lelaki dan anak perempuan dalam keadaan tiga bahagian. Tidak ada satu pertiga bagi tiga bahagian itu yang sah maka didharabkan tiga itu pada dua belas yang menghasilkan tiga puluh enam yang mana darinya sah masaalah ini.

وَالثَّانِيَةُ أَصْلُهَا أَرْبَعَةٌ وَعَشْرُونَ لِلزَّوْجَةِ الثَّمَنُ وَلِلْأَبَوَيْنِ السُّدُسَانِ وَالْبَاقِي وَهُوَ ثَلَاثَةٌ عَشْرًا بَيْنَ الْإِبْنِ وَالْبِنْتِ أَثَلَاثًا وَلَا ثَلَاثَ لَهُ صَحِيحٌ ، فَتَضْرِبُ ثَلَاثَةً فِي أَرْبَعَةٍ وَعَشْرِينَ تَبْلُغُ اثْنَيْنِ وَسَبْعِينَ ، وَمِنْهَا تَصِحُّ .

1431. Masaalah kedua asalnya dua puluh empat, bagi isteri satu perlapan, dan bagi dua ibu bapa dua perenam, dan bakinya iaitu dua puluh tiga di antara anak lelaki dan anak perempuan dalam keadaan tiga bahagian, dan tidak ada satu pertiga bagi tiga bahagian itu yang sah, maka didharabkan tiga pada dua puluh empat menghasilkan tujuh puluh dua, yang mana daripadanya sah masaalah ini.

ضَابِطٌ : كُلُّ مَنْ انْفَرَدَ مِنَ الذُّكُورِ حَازَ جَمِيعَ التَّرَكَةِ إِلَّا الزَّوْجَ وَالْأَخَ لِلْأُمِّ . وَمَنْ قَالَ بِالرِّدِّ لَا يَسْتَنْبِي إِلَّا
 الزَّوْجَ وَكُلُّ مَنْ انْفَرَدَ مِنَ الْإِنَاثِ لَا يَحُوزُ جَمِيعَ الْمَالِ إِلَّا الْمُعْتَقَةَ . وَمَنْ قَالَ بِالرِّدِّ لَا يَسْتَنْبِي مِنْ حَوْزِ جَمِيعِ
 الْمَالِ إِلَّا الزَّوْجَةَ.

1432. Dhabit. Orang yang sendirian daripada waris-waris lelaki mencapai semua peninggalan melainkan suami dan saudara lelaki seibu, dan mereka yang berpendapat dengan “memulangkan”⁹⁸ tidak mengecualikan melainkan suami. Orang yang sendirian daripada waris-waris perempuan tidak mencapai semua harta melainkan mu'tiqah dan mereka yang berpendapat dengan “memulangkan” tidak mengecualikan dari mencapai semua harta melainkan isteri.

تَنْبِيَةٌ. قَدْ عَلِمَ مِنْ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ كَعْبِرَهُ أَنَّ ذَوِي الْأَرْحَامِ لَا يَرْتُونَ، وَهُمْ كُلُّ قَرِيبٍ لَيْسَ بِذِي فَرْضٍ وَلَا
 عَصَبَةٍ وَهُمْ أَحَدٌ عَشَرَ صِنْفًا جَدًّا وَجَدَّةً سَاقِطَانِ كَأَبِي أُمِّ وَأُمِّ أَبِي أُمِّ وَإِنْ عَلِيًّا، وَهَذَا صِنْفٌ وَاحِدٌ ، وَأَوْلَادُ
 بَنَاتٍ لَصْنِبٍ أَوْ لِابْنٍ مِنْ ذُكُورٍ وَإِنَاثٍ ، وَبَنَاتُ إِخْوَةٍ لِأَبَوَيْنِ أَوْ لِأَبٍ أَوْ لِأُمِّ وَأَوْلَادُ أَخَوَاتٍ كَذَلِكَ، وَبَنُو إِخْوَةٍ
 لِأُمِّ وَعَمِّ لِأُمِّ أَيْ أَخُو الْأَبِ لِأُمِّهِ، وَبَنَاتُ أَعْمَامٍ لِأَبَوَيْنِ أَوْ لِأَبٍ أَوْ لِأُمِّ، وَعَمَّاتٌ بِالرَّفْعِ، وَأَخْوَالٌ وَخَالَاتٌ،
 وَمُدُلُونَ بِهِمْ أَيُّ بِمَا عَدَا الْأَوَّلَ إِذْ لَمْ يَبْقَ فِي الْأَوَّلِ مَنْ يُدْلِي بِهِ.

1433. Tanbih. Sungguh telah diketahui dari kalam musannif seperti orang lain bahawa zawil arham tidak mewarisi. Mereka itu setiap kerabat dekat yang tidak mempunyai fardhu dan 'asabah. Mereka itu sebelas kelompok :

- datuk dan nenek yang gugur seperti bapa emak dan emak bapa emak sekalipun keduanya terke atas, dua ini adalah kelompok yang satu,
- dan anak bagi anak perempuan sulbi⁹⁹ atau anak perempuan bagi anak lelaki daripada yang lelaki dan perempuan,*
- dan anak perempuan bagi saudara lelaki seibu sebapa atau sebapa atau seibu
- dan anak-anak saudara perempuan seperti demikian itu,
- dan anak-anak saudara lelaki seibu
- dan bapa saudara seibu iaitu saudara bapa dari ibunya
- dan anak perempuan bagi bapa saudara seibu sebapa atau sebapa atau seibu,
- dan emak saudara
- dan bapa saudara sebelah emak
- dan emak saudara sebelah emak,
- dan orang yang menjulur dengan mereka iaitu dengan apa yang selain yang pertama kerana tidak kekal pada yang pertama itu orang yang menjulur dengannya.

وَمَحَلُّ هَذَا إِذَا اسْتَقَامَ أَمْرُ بَيْتِ الْمَالِ، فَإِذَا لَمْ يَسْتَقِمِ أَمْرُ بَيْتِ الْمَالِ وَلَمْ يَكُنْ عَصَبَةٌ وَلَا ذُو فَرْضٍ مُسْتَعْرِقٌ
 وَرِثَ ذُوو الْأَرْحَامِ كَمَا صَحَّحَهُ فِي الزَّوَانِدِ.

1434. Tempat zawil arham tidak mewarisi adalah apabila betul urusan baitul mal, maka apabila tidak betul urusan baitul mal dan tidak ada 'asabah dan tidak orang yang punya fardhu yang menghabisi zawil arham itu mewarisi sepertimana yang disahkan didalam Zawaid.

⁹⁸. memulangkan yang lebih kepada kadar saham-saham sepertimana pada anak perempuan dan anak perempuan bagi anak lelaki, asal masalah mereka dari enam dan kembali kepada empat.

⁹⁹. anak betul - anak sendiri, mengeluarkan anak bagi anak iaitu cucu kerana bahasa didalam arab mereka itu dikira anak diatas jalan majaz.

وَفِي كَيْفِيَّةِ تَوْرِيثِهِمْ مَذْهَبَانِ . أَحَدُهُمَا وَهُوَ الْأَصَحُّ مَذْهَبُ أَهْلِ التَّنْزِيلِ، وَهُوَ أَنْ يُنْزَلَ كُلُّ مِنْهُمُ مَنْزِلَةً مِنْ يُدْلِي بِهِ. وَالثَّانِي مَذْهَبُ أَهْلِ الْقَرَابَةِ : وَهُوَ تَفْدِيمُ الْأَقْرَبِ مِنْهُمْ إِلَى الْمَيِّتِ.

1435. Pada kaifiat mewariskan mereka ada dua mazhab. Satu daripada keduanya iaitu yang paling sahih adalah mazhab ahli tanzil iaitu bahawa ditempatkan setiap dari mereka pada tempat orang yang dia menjulur darinya. Keduanya mazhab ahli kerabat iaitu mendulukan yang lebih dekat daripada mereka kepada mayat.

فَفِي بِنْتِ بِنْتٍ وَبِنْتِ بِنْتِ ابْنِ الْمَالِ عَلَى الْأَوَّلِ بَيْنَهُمَا أَرْبَاعًا ، وَعَلَى الثَّانِي لِبِنْتِ الْبِنْتِ لِقُرْبَاهَا إِلَى الْمَيِّتِ . وَقَدْ بَسَطْتُ الْكَلَامَ عَلَى ذَلِكَ فِي غَيْرِ هَذَا الْكِتَابِ.

1436. Maka pada anak perempuan bagi anak perempuan dan anak perempuan bagi anak perempuan bagi anak lelaki harta peninggalan itu di atas kaifiat yang pertama adalah di antara kedua mereka dalam keadaan empat bahagian, dan di atas kaifiat yang kedua adalah milik anak perempuan bagi anak perempuan kerana dekatnya kepada mayat. Sungguh telah aku luaskan bicara di atas demikian itu pada selain kitab ini.

هَذَا كُلُّهُ إِذَا وَجَدَ أَحَدٌ مِنْ ذَوِي الْأَرْحَامِ ، وَإِلَّا فَحُكْمُهُ كَمَا قَالَ الشَّيْخُ عَزَّ الدِّينُ بْنُ عَبْدِ السَّلَامِ أَنَّهُ إِذَا جَارَتْ الْمُلُوكُ فِي مَالِ الْمَصَالِحِ فَظَفَرَ بِهِ أَحَدٌ يَعْرِفُ الْمَصَارِفَ أَخَذَهُ وَصَرَفَهُ فِيهَا كَمَا يَصْرِفُهُ الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَهُوَ مَأْجُورٌ عَلَى ذَلِكَ. قَالَ : وَالظَّاهِرُ وَجُوبُهُ.

1437. Ini semuanya apabila didapati seorang daripada zawil arham, jika tidak maka hukumnya sepertimana kata syeikh 'Izzuddin bin Abdul Salam bahawa apabila raja-raja berlaku zalim pada harta maslahat-maslahat maka seorang mendapati harta pusaka itu yang tahukan tempat dipalingkan harta maslahat dia mengambilnya dan memalingkannya pada tempat itu sepertimana imam yang adil memalingkannya, dan dia diupah di atas demikian itu. Katanya : yang zahir wajibnya.

ثُمَّ شَرَعَ فِيمَنْ يُحْجَبُ وَمَنْ لَا يُحْجَبُ بِقَوْلِهِ : (وَمَنْ) أَيُّ الَّذِي (لَا يَسْقُطُ بِحَالٍ) أَيُّ الَّذِي لَا يُحْجَبُ حَجَبِ حِرْمَانٍ. وَالْحَجَبُ فِي اللُّغَةِ هُوَ الْمَنْعُ، وَشَرَعًا مَنَعٌ مَنْ قَامَ بِهِ سَبَبٌ الْإِرْثِ مِنَ الْإِرْثِ بِالْكَلِّيَّةِ أَوْ مِنْ أَوْفَرِ حَظِّيهِ.

1438. Kemudian dia msuk pada orang yang dihijab dan orang yang tidak dihijab dengan katanya : **(orang yang tidak gugur pada satu keadaan pun)** iaitu orang yang tidak dihijab sebagai hijab hirman i.e tegah. Hijab pada lughah adalah tegahan dan pada syara' tegahan pada orang yang berdiri padanya sebab pusaka dari pusaka dengan keseluruhan atau dari yang paling sempurna daripada dua habuannya.

وَيُسَمَّى الْأَوَّلُ حَجَبِ حِرْمَانٍ ، وَالثَّانِي حَجَبِ نَفْصَانٍ . فَالْثَّانِي كَحَجَبِ الْوَالِدِ الزَّوْجِ مِنَ النَّصْفِ إِلَى الرَّبْعِ . وَيُمْكِنُ دُخُولُهُ عَلَى جَمِيعِ الْوَرَثَةِ . وَالْأَوَّلُ قِسْمَانِ : حَجَبٌ بِالْوَصْفِ، وَيُسَمَّى مَنْعًا كَالْقَتْلِ وَالرَّقِّ وَسَيَاتِي، وَيُمْكِنُ دُخُولُهُ عَلَى جَمِيعِ الْوَرَثَةِ أَيْضًا، وَحَجَبٌ بِالشَّخْصِ أَوْ الْإِسْتِعْرَاقِ وَهُوَ الْمُرَادُ هُنَا كَمَا يُؤْخَذُ مِنْ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ.

1439. Dinamakan yang pertama itu hijab hirman i.e tegah dan yang kedua hijab nuqshan i.e kurang. Maka yang kedua itu seperti hijab anak akan suami dari setengah kepada satu perempat. Terboleh masuknya ke atas semua para waris. Yang pertama itu dua bahagian : hijab dengan sifat dan dinamakan ia tegahan seperti bunuh dan kehambaan, dan akan datang. Terboleh masuknya ke atas semua para waris juga. Dan hijab dengan tubuh atau dengan menghabisi yang mana ia yang dikehendaki disini sepertimana difaham dari kalam musannif.

وَمَنْ لَا يَسْفُطُ بِحَالٍ : (حَمْسَةٌ) وَهُمْ (الزَّوْجَانِ وَالْأَبْوَانِ وَوَلَدُ الصُّلْبِ) ، ذَكَرًا كَانَ أَوْ أُنْثَى . وَهَذَا إِجْمَاعٌ لِأَنَّ كُلًّا مِنْهُمُ يُدْلِي إِلَى الْمَيِّتِ بِنَفْسِهِ بِنَسَبٍ أَوْ نِكَاحٍ وَلَيْسَ فَرَعًا لِعَیْرِهِ ، وَالْأَصْلُ مُقَدَّمٌ عَلَى الْفَرَعِ

1440. Orang yang tidak gugur pada satu keadaan pun (lima) mereka itu (dua suami isteri dan dua ibu bapa dan anak sulbi) lelaki atau perempuan. Ini adalah ijmak kerana setiap dari mereka menjulur kepada mayat dengan dirinya sendiri, dengan titihan atau nikah, dan dia bukannya cabang bagi selainnya, yang mana asal didulukan ke atas cabang.

فَخَرَجَ بِقَوْلِنَا : وَلَيْسَ فَرَعًا لِعَیْرِهِ الْمُعْتَقُ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أُنْثَى ، فَإِنَّهُ وَإِنْ أَدْلَى بِنَفْسِهِ يُحْجَبُ لِأَنَّهُ فَرَعٌ لِعَیْرِهِ وَهُوَ النَّسَبُ . وَهَذَا أَوْلَى مِنْ قَوْلِ بَعْضِهِمْ : وَضَابِطٌ مَنْ لَا يَدْخُلُ عَلَيْهِ الْحَجَبُ بِالشَّخْصِ حَجَبٌ حِرْمَانٍ كُلِّ مَنْ أَدْلَى إِلَى الْمَيِّتِ بِنَفْسِهِ إِلَّا الْمُعْتَقُ وَالْمُعْتَقَةُ .

1441. Maka keluar dengan kata kita “dan dia bukannya fara’ bagi selainnya” oleh mu’tiq, lelaki atau perempuan, maka dia sekalipun menjulur dengan dirinya sendiri adalah dihijab kerana dia cabang bagi selainnya iaitu nasab. Ini terutama dari kata sebahagian mereka : dhabit orang yang tidak masuk hijab ke atasnya dengan tubuh sebagai hijab hirman adalah setiap orang yang menjulur kepada mayat dengan dirinya sendiri melainkan mu’tiq dan mu’tiqah.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْحَجَبِ بِالْوَصْفِ بِقَوْلِهِ : (وَمَنْ) أَيُّ الَّذِي (لَا يَرِثُ بِحَالٍ) أَيُّ مُطْلَقًا سَبْعَةٌ ، بَلْ أَكْثَرُ ، كَمَا سَتَعْرِفُهُ . الْأَوَّلُ : (الْعَبْدُ) . قَالَ ابْنُ حَزْمٍ : وَهُوَ يَشْمَلُ الذَّكَرَ وَالْأُنْثَى . وَقَالَ فِي الْمُحْكَمِ : الْعَبْدُ هُوَ الْمَمْلُوكُ ذَكَرًا كَانَ أَوْ أُنْثَى .

1442. Kemudian dia masuk pada hijab dengan sifat dengan katanya (orang yang tidak mewarisi pada satu keadaan pun) iaitu tanpa kait tujuh orang, bahkan lebih sepertimana akan kamu tahu. Pertamanya (hamba). Kata Ibnu Hazm : “عبد” i.e hamba meliputi lelaki dan perempuan. Katanya didalam al Muhkam: hamba itu orang yang dimiliki, lelaki atau perempuan.

(وَ) الثَّانِي : الرَّقِيقُ (الْمُدْبِرُ وَ) الثَّلَاثُ : (أُمُّ الْوَلَدِ وَ) الرَّابِعُ : الرَّقِيقُ (الْمَكَاتِبُ) لِنَقْصِهِمْ بِالرَّقِّ . وَكَانَ الْأَخْصَرُ لِلْمُصْتَفِ أَنْ يَقُولَ أَرْبَعَةً بَدَلَ سَبْعَةٍ ، وَيَعْبَرُ عَنْ هَوْلَاءِ بِالرَّقِّ إِلَى آخِرِ كَلَامِهِ .

1443. Keduanya : hamba (mudabbar dan) ketiganya : (ummu walad dan) keempat : hamba (mukatab) kerana kurang mereka itu dengan sifat hamba. Adalah lebih ringkas bagi musannif bahawa dia katakan : empat ganti dari tujuh, dan dia mengibaratkan dari mereka itu dengan “رق” i.e hamba hingga akhir kata-katanya.

تَنْبِيْهٌ : إِطْلَافُهُ مُشْعِرٌ بِأَنَّهُ لَا فَرْقَ بَيْنَ كَامِلِ الرَّقِّ وَعَیْرِهِ ، وَهُوَ كَذَلِكَ ، إِذْ الصَّحِيْحُ أَنَّ الْمُبْعَضَ لَا يَرِثُ بِقَدْرِ مَا فِيهِ مِنَ الْحُرِّيَّةِ لِأَنَّهُ نَاقِصٌ بِالرَّقِّ فِي النِّكَاحِ وَالطَّلَاقِ وَالْوَلَايَةِ فَلَمْ يَرِثْ كَالْقَيْنِ .

1444. Tanbih. Itlak musannif menyedarkan bahawa tidak ada beza di antara hamba yang sempurna dan selainnya, yang mana ia seperti demikian itu kerana yang betul bahawa muba’ad tidak mewarisi dengan kadar merdeka yang adapadanya kerana dia seorang yang kurang dengan sebab kehambaan pada nikah dan talak dan kewalian maka dia tidak mewarisi, sama seperti hamba penuh

وَلَا يُوْرَثُ الرَّقِيقُ كُلَّهُ . وَأَمَّا الْمُبْعَضُ فَيُوْرَثُ عَنْهُ مَا مَلَكَهُ بِبَعْضِهِ الْحُرِّ لِأَنَّهُ تَامَ الْمَلِكُ عَلَيْهِ فَيَرِثُهُ عَنْهُ قَرِيبُهُ الْحُرُّ أَوْ مُعْتَقٌ بَعْضُهُ وَرَوْجَتِهِ . وَلَا شَيْءَ لِسَيِّدِهِ لِاسْتِيفَانِهِ حَقَّهُ مِمَّا اكْتَسَبَهُ بِالرَّقِيَّةِ .

1445. Tidak diwarisi hamba sepenuhnya. Adapun muba’ad maka diwarisi darinya apa yang dia miliki dengan sebahagian dirinya yang merdeka kerana dia orang yang

sempurna pemilikan di atasnya maka ia diwarisi darinya oleh kerabatnya yang merdeka atau yang merdeka sebahagiannya dan isterinya. Tidak ada suatu bagi penghulunya kerana dia menyempurnakan haknya dari apa yang muba'ad itu usahakan dengan kehambaannya.

وَاسْتَنْتَبِي مِنْ كَوْنِ الرَّقِيقِ لَا يُورَثُ كَافِرٌ لَهُ أَمَانٌ وَجَبَتْ لَهُ جُنَايَةٌ حَالَ حُرِّيَّتِهِ وَأَمَانِهِ، ثُمَّ نَقَضَ الْأَمَانَ فَسُبِّيَ
وَاسْتَرْقَ وَحَصَلَ الْمَوْتُ بِالسَّرَايَةِ فِي حَالِ رِقِّهِ، فَإِنَّ قَدْرَ الْأَرْضِ مِنْ قِيَمَتِهِ لَوَرَّثَتْهُ عَلَى الْأَصْح. قَالَ
الزَّرْكَاسِيُّ : وَلَيْسَ لَنَا رَقِيقٌ كُلُّهُ يُورَثُ إِلَّا هَذَا.

1446. Dikecualikan dari keadaan hamba tidak diwarisi akan kafir yang punya aman yang wajib baginya satu imbuh jenayah ketika dia merdeka dan didalam amannya, kemudian dia membatalkan aman itu maka dia ditawan dan dijadikan hamba dan terhasil kematiannya dengan melarat pada ketika dia hamba maka kadar imbuh dari nilainya adalah bagi para warisnya di atas yang paling sah. Kata Zarkasyi : tidak ada bagi kita seorang hamba penuh diwarisi melainkan ini.

(وَ) الْخَامِسُ (الْقَاتِلُ) فَلَا يَرِثُ الْقَاتِلُ مِنْ مَقْتُولِهِ مُطْلَقًا لِحَبْرِ التَّرْمِذِيِّ وَغَيْرِهِ : { لَيْسَ لِلْقَاتِلِ شَيْءٌ }
أَيُّ مِنَ الْمِيرَاثِ، وَلِأَنَّهُ لَوْ وَرِثَ لَمْ يُؤْمَنْ أَنْ يُسْتَعَجَلَ بِالْقَتْلِ فَافْتَضَّتْ الْمَصْلَحَةُ حُرْمَانَهُ، وَلِأَنَّ الْقَتْلَ قَطَعَ
الْمُؤَالَاةَ وَهِيَ سَبَبُ الْإِرْثِ، وَسِوَاءِ أَكَّانِ الْقَتْلُ عَمْدًا أَمْ غَيْرَهُ، مَضْمُونًا أَمْ لَا، بِمُبَاشَرَةٍ أَمْ لَا، قَصْدًا مَصْلَحَتَهُ
كَضَرْبِ الْأَبِّ أَوْ الزَّوْجِ أَوْ الْمُعَلِّمِ أَمْ لَا، مُكْرَهًا أَمْ لَا. فَكُلُّ ذَلِكَ تَنَاوَلَهُ إِطْلَاقُهُ.

1447. Kelimanya (pembunuh). Maka pembunuh tidak mewarisi dari mangsa bunuhnya semata-mata, kerana khabar Turmizi dan selainnya "tidak ada suatu bagi pembunuh" iaitu dari harta pusaka, dan kerana kalau dia mewarisi tidak diamankan bahawa ia dicepatkan dengan bunuh maka maslahat menuntut tegahan ke atasnya dan kerana bunuh itu memutuskan hubungan tolong menolong yang mana ia sebab pusaka, samaada bunuh itu sengaja atau tak sengaja, didhaman atau tidak, dengan mubasyarah atau tidak, dia bertujuan kebajikannya seperti pukulan bapa atau suami atau guru atau tidak, dalam keadaan dipaksa atau tidak. Maka semua demikian itu mencapai itlak bunuh.

(وَ) السَّادِسُ (الْمُرْتَدُّ) وَنَحْوُهُ كِيَهُودِيٍّ تَنَصَّرَ. فَلَا يَرِثُ أَحَدًا إِذْ لَيْسَ بَيْنَهُ وَبَيْنَ أَحَدٍ مُؤَالَاةٌ فِي الدِّينِ لِأَنَّهُ
تَرَكَ دِينًا كَانَ يُقَرُّ عَلَيْهِ، وَلَا يُقَرُّ عَلَى دِينِهِ الَّذِي انْتَقَلَ إِلَيْهِ. وَظَاهِرُ كَلَامِهِمْ أَنَّهُ لَا يَرِثُ وَلَوْ عَادَ بَعْدَهُ
لِلْإِسْلَامِ بَعْدَ مَوْتِ مُوَرِّثِهِ وَهُوَ كَذَلِكَ كَمَا حَكَى الْإِجْمَاعُ عَلَيْهِ الْأَسْتَاذُ أَبُو مَنْصُورِ الْبَغْدَادِيِّ. وَمَا وَقَعَ لِابْنِ
الرَّفْعَةِ فِي الْمَطْلَبِ مِنْ تَقْيِيدِهِ بِمَا إِذَا مَاتَ مُرْتَدًّا وَأَنَّهُ إِذَا أَسْلَمَ تَبَيَّنَ إِرْثُهُ غَلَطُهُ فِي ذَلِكَ صَاحِبُهُ السُّبْكِيُّ فِي
الْإِبْتِهَاجِ. وَقَالَ إِنَّهُ فِيهِ خَارِقٌ لِلْإِجْمَاعِ.

1448. Keenamnya (orang yang murtad) dan umpamanya seperti yang beragama yahudi bertukar ke ugama nasrani. Maka dia tidak mewarisi sesorang kerana tidak ada hubungan tolong menolong di antara dia dan di antara seorang pun pada ugama kerana dia meninggalkan ugama yang asalnya dia ditetapkan di atasnya dan tidak ditetapkan dia di atas ugama yang dia berpindah kepadanya. Zahir kalam mereka bahawa dia tidak mewarisi walaupun dia kembali kepada islam selepas mati pewarisnya yang mana ia seperti itu sepertimana ijmak yang hikayatkan Ustaz Abu Mansur al Baghdadi. Apa yang jatuh bagi Ibnu Rif'ah didalam al Matlab daripada mengkaitkannya dengan keadaan apabila dia mati dalam keadaan murtad dan bahawa dia apabila memeluk islam ternyata dia mewarisi menghukumkan dia silap pada demikian itu oleh sahabatnya Subki didalam al Ibtihaj. Katanya : dia padanya mencarikkan ijmak.

تَنْبِيْهٌ : تَنَاوَلَ إِطْلَاقَ الْمُصَنَّفِ الْمُعْلَنَ وَغَيْرَهُ وَهُوَ كَذَلِكَ، وَكَمَا لَا يَرِثُ الْمُرْتَدُّ لَا يُوْرَثُ لِمَا مَرَّ لَكِنْ لَوْ قَطَعَ شَخْصٌ طَرَفَ مُسْلِمٍ فَارْتَدَّ الْمَقْطُوعُ وَمَاتَ سِرَايَةً وَجَبَ قَوْدُ الطَّرْفِ وَيَسْتَوْفِيهِ مَنْ كَانَ وَارِثُهُ لَوْلَا الرَّدَّةُ، وَمِثْلُهُ حَدُّ الْقَذْفِ.

1449. Tanbih. Itlak musannif mencakup orang yang teranga-terangan murtad dan selainnya yang mana ia seperti itu. Sepertimana murtad tidak mewarisi dia tidak diwarisi kerana apa yang telah lalu, akan tetapi kalau seorang memotong anggota seorang islam maka murtad yang dipotong itu dan mati secara melarat wajib qawad anggota itu, dan menyempurnakannya orang yang menjadi warisnya kalau dia tidak murtad. Seumpamanya had tuduh.

(وَ) السَّابِعُ (أَهْلُ مِلَّتَيْنِ) مُخْتَلَفَتَيْنِ كَمِلَّتِي الْإِسْلَامِ وَالْكَفْرِ، فَلَا يَرِثُ الْمُسْلِمُ الْكَافِرَ لِانْقِطَاعِ الْمَوَالَاةِ بَيْنَهُمَا. وَانْعَقَدَ الْإِجْمَاعُ عَلَى أَنَّ الْكَافِرَ لَا يَرِثُ الْمُسْلِمَ، وَاخْتَلَفُوا فِي تَوْرِيثِ الْمُسْلِمِ مِنْهُ، فَالْجُمْهُورُ عَلَى الْمَنْعِ.

1450. Ketujuhnya : (ahli dua agama) yang berlainan seperti dua agama, islam dan kufur, maka muslim tidak mewarisi kafir kerana terputus tolong-menolong diantra keduanya. Telah tersimpul ijmak di atas bahawa kafir tidak mewarisi muslim, sementara mereka berselisih pendapat pada mewarisi muslim darinya, maka jumbuh ulamak di atas menegahnya.

فَإِنْ قِيلَ : يُرَدُّ عَلَى مَا ذُكِرَ مَا لَوْ مَاتَ كَافِرٌ عَنْ زَوْجَةٍ كَافِرَةٍ حَامِلٍ وَوَقِفَ الْمِيرَاثُ فَأَسْلَمَتْ ثُمَّ وَلَدَتْ فَإِنَّ الْوَلَدَ يَرِثُ مِنْهُ مَعَ حُكْمِنَا بِإِسْلَامِهِ بِإِسْلَامِ أُمِّهِ. أُجِيبُ بِأَنَّهُ كَانَ مَحْكُومًا بِكُفْرِهِ يَوْمَ مَوْتِ أَبِيهِ وَقَدْ وَرِثَ مِنْهُ كَانَ حَمَلًا. وَلِهَذَا قَالَ الْكُتَاتَانِيُّ مِنْ مُحَقِّقِي الْمُتَأَخِّرِينَ : إِنَّ لَنَا جَمَادًا يَمْلِكُ وَهُوَ النُّطْفَةُ. وَاسْتَحْسَنَهُ السُّبْكِيُّ. قَالَ الدَّمِيرِيُّ : وَفِيهِ نَظَرٌ إِذِ الْجَمَادُ مَا لَيْسَ بِحَيَوَانَ وَلَا كَانَ حَيَوَانًا. يَعْنِي وَلَا أَصْلَ حَيَوَانَ.

1451. Maka jika dikatakan : didatangkan sebagai bangkangan ke atas apa yang telah disebutkan itu keadaan kalau seorang kafir mati meninggalkan isteri yang kafir yang hamil dan dibekukan pusaknya maka isteri itu memeluk islam kemudian beranak maka anak itu mewarisi darinya serta kita hukumkan islamnya dengan islam emaknya! Aku jawab dengan bahawa dia dulu dihukumkan dengan kufurnya pada hari kematian bapanya dan dia mewarisi sejak dia sebagai kandungan. Kerana ini kata al Katnani dari kalangan muhakkik mutakhir : sesungguhnya bagi kita ada satu jamad yang mewarisi iaitu ketulan darah. Subki membilanginya elok. Kata Damiri : padanya renungan kerana jamad apa yang bukannya haiwan dan bukan asal haiwan.

وَخَرَجَ بِمِلَّتِي الْإِسْلَامِ وَالْكَفْرِ مِلَّتَا الْكَفْرِ إِذَا كَانَ لَهُمَا عَهْدٌ فَيَتَوَارَثَانِ كِيَهُودِيٍّ مِنْ نَصْرَانِيٍّ، وَنَصْرَانِيٍّ مِنْ مَجُوسِيٍّ، وَمَجُوسِيٍّ مِنْ وَثْنِيٍّ وَبِالْعَكْسِ لِأَنَّ جَمِيعَ مِلَلِ الْكَفْرِ فِي الْبُطْلَانِ كَالْمِلَّةِ الْوَّاحِدَةِ قَالَ تَعَالَى : { فَمَاذَا بَعْدَ الْحَقِّ إِلَّا الضَّلَالُ }.

1452. Keluar dengan dua agama, Islam dan kufur, oleh dua agama kufur apabila ada perjanjian bagi keduanya maka mereka waris mewarisi seperti yahudi dari nasrani dan nasrani dari majusi dan majusi dari wathani dan 'akasnya kerana semua agama-agama kufur itu pada keadaannya batil seperti agama yang satu. Firman Allah taala "maka tidak ada selepas kebenaran melainkan kesesatan".

فَإِنْ قِيلَ : كَيْفَ يَتَصَوَّرُ ارْثُ الْيَهُودِيٍّ مِنَ النَّصْرَانِيِّ وَعَكْسُهُ فَإِنَّ الْأَصْحَاحَ أَنَّ مَنْ انْتَقَلَ مِنْ مِلَّةٍ إِلَى مِلَّةٍ لَا يُفْرُ؟ أُجِيبُ بِتَصَوُّرِ ذَلِكَ فِي الْوَلَاءِ وَالنِّكَاحِ وَفِي النَّسَبِ أَيْضًا فِيمَا إِذَا كَانَ أَحَدُ أَبْوَيْهِ يَهُودِيًّا وَالْآخَرَ نَصْرَانِيًّا، إِمَّا بِنِكَاحٍ أَوْ وَطْءٍ شُبْهَةٍ فَإِنَّهُ يَتَخَيَّرُ بَعْدَ بُلُوغِهِ كَمَا قَالَه الرَّافِعِيُّ قَبِيلَ نِكَاحِ الْمُشْرِكِ، حَتَّى لَوْ كَانَ

لَهُ وَوَلَدَانِ وَاخْتَارَ أَحَدَهُمَا الْيَهُودِيَّةَ وَالْآخَرَ النَّصْرَانِيَّةَ جُعِلَ التَّوَارُثُ بَيْنَهُمَا بِالْأَبُوَّةِ وَالْأُمُوَّةِ وَالْأُخُوَّةِ مَعَ اخْتِلَافِ الدِّينِ. أَمَّا الْحَرْبِيُّ وَغَيْرُهُ كَذِمِّي وَمُعَاهِدٍ فَلَا تَوَارُثَ بَيْنَ الْحَرْبِيِّ وَغَيْرِهِ لِانْقِطَاعِ الْمُوَالَاةِ بَيْنَهُمَا.

1453. Maka jika dikatakan : bagaimana boleh digambarkan pusaka yahudi dari nasrani dan akasnya kerana yang paling sahih bahawa orang yang berpindah dari satu agama kepada agama lain tidak diakui? Aku jawab dengan bahawa demikian itu tergambar juga pada wala' dan nikah dan pada nasab, pada keadaan apabila seorang dari dua ibu bapanya yahudi dan yang seorang lagi nasrani samaada dengan nikah atau setubuh syubhah maka dia diberi pilih selepas balighnya sepertimana kata Rafi'e dulu sedikit dari pernikahan musyrik, hinggakan kalau dia memunyai dua anak dan seorang memilih yahudi dan seorang lagi memilih nasrani dijadikan waris-mewaris di antara kedua mereka dengan status bapa dan emak dan saudara serta berlainan agama. Adapun harbi dan selainnya seperti zimmi dan mu'ahad maka tidak ada waris mewarisi di antara harbi dan selainnya kerana putus mualat di antara kedua mereka.

وَالْتَّامِينَ إِبْهَامَ وَفَتِ الْمَوْتِ، فَلَوْ مَاتَ مُتَوَارِثَانِ بِعَرَقٍ أَوْ حَرَقٍ أَوْ هَدْمٍ أَوْ فِي بِلَادٍ غُرْبَةٍ مَعًا أَوْ جُهَلٍ أَوْ سَبْقُهُمَا أَوْ عِلْمِ سَبْقٍ وَجُهَلٍ، لَمْ يَرِثْ أَحَدُهُمَا مِنَ الْآخَرِ شَيْئًا لِأَنَّ مِنْ شَرْطِ الْإِرْثِ كَمَا مَرَّ تَحَقُّقَ حَيَاةِ الْوَارِثِ بَعْدَ مَوْتِ الْمُوَرَّثِ، وَهُوَ هُنَا مُنْتَفٍ وَالْجُهَلُ بِالسَّبْقِ صَادِقٌ بِأَنْ يُعْلَمَ أَسْلُ السَّبْقِ وَلَا يُعْلَمَ عَيْنُ السَّابِقِ وَبِأَنْ لَا يُعْلَمَ سَبْقٌ أَصْلًا.

1454. Kelapannya : kesamaran waktu kematian. Maka kalau mati dua orang yang waris mewarisi dengan sebab lemas atau kebakaran atau runtuh atau pada negeri yang jauh, serentak atau dijahilkan yang terdahulu daripada keduanya atau diketahui yang terdahulu dan jahil, tidak mewarisi seorang dari kedua mereka dari yang seorang lagi akan sesuatu kerana daripada syarat pusaka itu sepertimana telah lalu adalah tahkik hidup waris selepas kematian pewarisnya yang mana ia disini ternafi. Jahil dengan terdahulu terbenar dengan bahawa diketahui asal terdahulu dan tidak diketahui ain yang mendahului dan dengan bahawa tidak diketahui ada yang terdahulu sama sekali.

وَصَوْرُ الْمَسْأَلَةِ خَمْسٌ : الْعِلْمُ بِالْمَعِيَّةِ، الْعِلْمُ بِالسَّبْقِ وَعَيْنُ السَّابِقِ، الْجُهَلُ بِالْمَعِيَّةِ وَالسَّبْقِ، الْجُهَلُ بِعَيْنِ السَّابِقِ مَعَ الْعِلْمِ بِالسَّبْقِ، التَّبَاسُ السَّابِقِ بَعْدَ مَعْرِفَةِ عَيْنِهِ. فِي الصُّورَةِ الْأَخِيرَةِ يُوقَفُ الْمِيرَاثُ إِلَى الْبَيَانِ أَوْ الصَّلْحِ، وَفِي الصُّورَةِ الثَّانِيَةِ تُقَسَّمُ التَّرَكَةُ، وَفِي الثَّلَاثَةِ الْبَاقِيَةِ تَرَكَهُ كُلٌّ مِنَ الْمَيِّتِينَ بِعَرَقٍ وَنَحْوِهِ لِبَاقِي وَرَثَتِهِ لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى إِنَّمَا وَرَثَ الْأَحْيَاءَ مِنَ الْأَمْوَاتِ، وَهَذَا لَمْ تُعْلَمَ حَيَاتُهُ عِنْدَ مَوْتِ صَاحِبِهِ فَلَمْ يَرِثْ كَالْجَنِينِ إِذَا خَرَجَ مَيِّتًا.

1455. Rupa-rupa masaalah ini lima : tahu kebersamaan, tahu dengan ada yang terdahulu dan 'ain yang terdahulu, jahil dengan kebersamaan dan terdahulu, jahil dengan 'ain yang mendahului serta tahukan ada yang terdahulu, kesamaran selepas mengetahui 'ainnya. Maka pada gambaran yang akhir ini dibekukan pusaka hingga ujud keterangan atau sulh, dan pada gambaran kedua dibahagi-bahagikan peninggalan itu, dan pada tiga lagi peninggalan setiap daripada dua mayat dengan sebab lemas dan umpamanya bagi baki para warisnya kerana Allah taala hanyalah mewariskan orang-orang yang hidup dari yang mati dan disini tidak diketahui hidupnya di sisi mati rakannya maka dia tidak mewarisi sama seperti janin apabila keluar dalam keadaan mati.

وَالْتَّاسِعُ الدَّوْرُ الْحُكْمِيُّ وَقَدْ مَرَّ مِثْلَهُ. وَالْعَاشِرُ اللِّعَانُ فَإِنَّهُ يَقْطَعُ التَّوَارُثَ. ذَكَرَهُ الْغَزَالِيُّ.

1456. Kesembilannya : putaran hukum. Sungguh telah lalu contohnya. Kesepuluhnya : li'an, maka ia memutuskan waris mewarisi. Menyebutkannya Ghazali.

وَقَالَ ابْنُ الْأَثَمِ فِي شَرْحِ كَافِيَتِهِ الْمَوَانِعَ الْحَقِيقِيَّةَ أَرْبَعَةً : الْقَتْلُ وَالرِّقُّ وَاخْتِلَافُ الدِّينِ وَالذُّورُ الْحُكْمِيُّ . وَمَا زَادَ عَلَيْهَا فَتَسْمِيَّتُهُ مَانِعًا مَجَازًا . وَقَالَ فِي غَيْرِهِ : إِنَّهَا سِتَّةٌ ، الْأَرْبَعَةُ الْمَذْكُورَةُ وَالرَّدَّةُ وَاخْتِلَافُ الْعَهْدِ ، وَأَنَّ مَا زَادَ عَلَيْهَا مَجَازٌ . وَانْتِفَاءُ الْإِرْتِ مَعَهُ لَا لِأَنَّهُ مَانِعٌ بَلْ لِانْتِفَاءِ الشَّرْطِ كَمَا فِي جَهْلِ التَّارِيخِ . وَهَذَا أَوْجَهُ .

1457. Kata Ibnu Haim didalam syarah Kafiahnya : penghalang-penghalang itu hakikatnya empat : bunuh dan kehambaan dan kelainan ugama dan putaran hukum, dan apa yang lebih di atasnya maka menamakannya sebagai penghalang adalah majaz. Katanya pada selainnya : bahawa ianya enam, empat yang disebutkan itu dan riddah dan kelainan perjanjian, dan bahawa apa yang lebih di atasnya adalah majaz. Ternafi pusaka bersamanya bukan kerana ia penghalang, bahkan kerana ternafi syaratnya sepertimana pada jahil tentang tarikh. Ini yang paling ada wajah.

وَعَدَّ بَعْضُهُمْ مِنَ الْمَوَانِعِ النَّبُوَّةَ لِحَبْرِ الصَّحِيحِينَ : { نَحْنُ مَعَاشِرَ الْأَنْبِيَاءِ لَا نُورِثُ مَا تَرَكَنَاهُ صَدَقَةً } . وَالْحِكْمَةُ فِيهِ أَنْ لَا يَتَمَنَّى أَحَدٌ مِنَ الْوَرَثَةِ مَوْتَهُمْ لِذَلِكَ فِيهِلِكَ ، وَأَنْ لَا يُظَنَّ بِهِمُ الرَّعْبَةُ فِي الدُّنْيَا ، وَأَنْ يَكُونَ مَالُهُمْ صَدَقَةً بَعْدَ وَفَاتِهِمْ تَوْفِيرًا لِأَجُورِهِمْ .

1458. Sebahagian mereka membilang daripada penghalang-penghalang itu kenabian kerana khabar dua kitab yang sahih “kami sekalian para nabi tidak diwarisi, maka apa yang kami tinggalkan adalah sedekah”. Hikmah padanya supaya tidak ada sorang pun daripada para pewaris mencita kematian mereka kerana demikian itu maka dia tidak binasa, dan supaya tidak disangkakan mereka itu gemar pada dunia dan supaya harta mereka itu menjadi sedekah selepas wafat mereka kerana menyempurnakan ganjaran mereka.

وَقَدْ عَلِمَ مِمَّا تَقَرَّرَ أَنَّ النَّاسَ فِي الْإِرْتِ عَلَى أَرْبَعَةِ أَقْسَامٍ : مِنْهُمْ مَنْ يَرِثُ وَيُورِثُ ، وَعَكْسُهُ فِيهِمَا . وَمِنْهُمْ مَنْ يُورِثُ وَلَا يَرِثُ وَعَكْسُهُ . فَأَلْوَلَى كَزَوْجَيْنِ وَأَخْوَيْنِ ، وَالثَّانِي كَرَقِيقٍ وَمُرْتَدٍ ، وَالثَّلَاثُ كَمُبْعُضٍ وَجَنِينٍ فِي عُرْتِهِ فَقَطُّ فَإِنَّهَا تُورِثُ عَنْهُ ، لَا غَيْرَهَا . وَالرَّابِعُ الْأَنْبِيَاءُ عَلَيْهِمُ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ فَإِنَّهُمْ يَرِثُونَ وَلَا يُورِثُونَ .

1459. Sungguh telah diketahui dari apa yang telah lalu bahawa manusia pada pusaka berada di atas empat bahagian. Daripada mereka itu orang yang mewarisi dan diwarisi dan ‘akasnya pada keduanya, dan daripada mereka itu orang yang diwarisi dan tidak mewarisi dan ‘akasnya. Maka yang pertama itu seperti dua suami isteri dan dua saudara lelaki, yang kedua seperti hamba dan murtad, yang ketiga seperti muba’ad dan janin pada hambanya sahaja maka hamba itu diwarisi darinya, tidak selainnya*, keempatnya para nabi a.s maka mereka mewarisi dan tidak diwarisi.

(وَأَقْرَبُ الْعَصَبَاتِ) مِنْ النَّسَبِ الْعَصَبَةُ بِنَفْسِهِ وَهُمْ (الْإِبْنُ) لِأَنَّهُ يُدْلِي إِلَى الْمَيِّتِ بِنَفْسِهِ (ثُمَّ ابْنُهُ) وَإِنْ سَقَلَ لِأَنَّهُ يَقُومُ مَقَامَ أَبِيهِ فِي الْإِرْتِ فَكَذَا فِي التَّعْصِيبِ (ثُمَّ الْأَبُ) لِإِدْلَاءِ سَائِرِ الْعَصَبَاتِ بِهِ (ثُمَّ أَبُوهُ) وَإِنْ عَلَا (ثُمَّ الْأَخُ لِلْأَبِ وَالْأُمُّ) أَيِ الشَّقِيقِ ، وَلَوْ عَبَّرَ بِهِ كَانَ أَحْصَرَ (ثُمَّ الْأَخُ لِلْأَبِ) لِأَنَّ كُلًّا مِنْهُمَا يُدْلِي بِنَفْسِهِ (ثُمَّ ابْنُ الْأَخِ لِلْأَبِ وَالْأُمُّ) أَيِ الشَّقِيقِ (ثُمَّ ابْنُ الْأَخِ لِلْأَبِ) لِأَنَّ كُلًّا مِنْهُمَا يُدْلِي بِنَفْسِهِ كَأَبِيهِ (ثُمَّ الْعَمُّ عَلَى هَذَا التَّرْتِيبِ) أَيِ فَيَقْدَمُ الْعَمُّ الشَّقِيقُ عَلَى الْعَمِّ لِلْأَبِ لِأَنَّ كُلًّا مِنْهُمَا ابْنُ الْجَدِّ وَيُدْلِي لِلْمَيِّتِ بِنَفْسِهِ ، (ثُمَّ ابْنُهُ) أَيِ الْعَمِّ عَلَى تَرْتِيبِ أَبِيهِ ، فَيَقْدَمُ ابْنُ الْعَمِّ الشَّقِيقُ عَلَى ابْنِ الْعَمِّ لِلْأَبِ ، ثُمَّ عَمُّ الْأَبِ مِنَ الْأَبَوَيْنِ ، ثُمَّ مِنَ الْأَبِ ثُمَّ بَنُوهُمَا كَذَلِكَ ، ثُمَّ عَمُّ الْجَدِّ مِنَ الْأَبَوَيْنِ ، ثُمَّ مِنَ الْأَبِ ثُمَّ بَنُوهُمَا كَذَلِكَ إِلَى حَيْثُ يَنْتَهِي . قَالَهُ فِي الرُّوضَةِ وَتَرَكَهُ الْمُصَنِّفُ اخْتِصَارًا .

1460. (Yang paling dekat daripada ‘asabah-‘asabah) dari titihan adalah ‘asabah dengan dirinya sendiri. Mereka itu adalah

- (anak lelaki) kerana dia menjulur kepada mayat dengan dirinya sendiri,
- (kemudian anak lelakinya) sekalipun terke bawah kerana dia berdiri pada tempat bapanya pada pusaka maka begitu juga pada ‘asabah,

- (kemudian bapa) kerana menjulur sekalian ‘asabah-‘asabah dengannya,
 - (kemudian bapanya) sekalipun terke atas,
 - (kemudian saudara lelaki sebapa dan seibu) iaitu syaqiq, kalau dia ibaratkan dengannya adalah lebih ringkas,
 - (kemudian saudara lelaki sebapa) kerana setiap dari kedua mereka menjulur dengan dirinya sendiri sama seperti bapanya,
 - (kemudian anak lelaki saudara lelaki sebapa dan seibu) iaitu syaqiq,
 - (kemudian anak lelaki saudara lelaki sebapa) kerana setiap dari mereka menjulur dengan sendirinya serti bapanya,
 - (kemudian bapa saudara di atas susunan ini) iaitu maka didulukan bapa saudara syaqiq di atas bapa saudara sebapa kerana setiap dari keduanya anak bagi datuk dan menjulur kepada mayat dengan dirinya sendiri.
 - (kemudian anak lelakinya) iaitu anak lelaki bapa saudara di atas tertib bapanya, maka didulukan anak lelaki bapa saudara syaqiq di atas anak lelaki bapa saudara sebapa,
 - kemudian bapa saudara bapa dari dua ibu bapa, kemudian dari bapa,
 - kemudian anak-anak mereka seperti itu,
 - kemudian bapa saudara datuk dari dua ibu bapa, kemudian dari bapa, kemudian anak-anak lelaki mereka seperti itu, hingga sekira-kira ianya terhenti.
- Nawawi mengatakannya didalam Raudhah dan musannif meninggalkannya kerana meringkaskan.

(فَإِذَا عُدِمَتِ الْعَصَبَاتُ) مِنْ النَّسَبِ الَّذِينَ يَتَعَصَّبُونَ بِأَنْفُسِهِمْ (فَأَلْمَوْلَى الْمُعْتَقُ) وَالْعَصَبَاتُ جَمْعُ عَصَبَةٍ وَيُسَمَّى بِهِ الْوَاحِدُ وَالْجَمْعُ وَالْمُدَّكَّرُ وَالْمُؤَنَّثُ قَالَهُ الْمُطَرِّزِيُّ وَتَبِعَهُ النَّوَوِيُّ، وَأَنْكَرَ ابْنُ الصَّلَاحِ إِطْلَاقَهُ عَلَى الْوَاحِدِ لِأَنَّهُ جَمْعُ عَاصِبٍ.

1461. (Apabila ketiadaan ‘asabah-‘asabah) dari titihan yang mengambil ‘asabah dengan diri mereka sendiri (maka maula mu’tiq) i.e pemilik hamba yang memerdekakannya. “عَصَبَات” adalah jamak “عَصَبَة”. Dinamakan dengannya seorang dan ramai dan yang lelaki dan yang perempuan. Mengatakannya Muttarizi dan mengikutnya Nawawi. Ibnu Sholah ingkarkan dari menuturkannya ke atas seorang kerana ia jamak “عَاصِب”.

وَمَعْنَى الْعَصَبَةِ لُغَةً : قَرَابَةُ الرَّجُلِ لِأَبِيهِ، وَشَرَعًا : مَنْ لَيْسَ لَهُمْ سَهْمٌ مُقَدَّرٌ مِنَ الْوَرِثَةِ، فَيَرِثُ التَّرَكَةَ إِذَا انْفَرَدَ أَوْ مَا فَضَلَ بَعْدَ الْفُرُوضِ. فَقَوْلُنَا يَرِثُ التَّرَكَةَ صَادِقٌ بِالْعَصَبَةِ بِنَفْسِهِ وَهُوَ مَا تَقَدَّمَ وَبِنَفْسِهِ وَغَيْرِهِ مَعًا.

1462. Makna ‘asabah pada lughah : kerabat lelaki sebelah bapanya, dan pada syara’ : orang yang tidak punya saham yang dikadarkan daripada waris-waris, maka dia mewarisi peninggalan apabila sendirian atau apa yang lebih selepas fardhu-fardhu. Maka kata kita “mewarisi peninggalan” terbenar dengan ‘asabah dengan dirinya sendiri iaitu apa yang telah terdahulu, dan dengan ‘asabah dengan dirinya sendiri dan dengan orang lain hal keadaan bersama-sama.

وَالْعَصَبَةُ بِغَيْرِهِ مِنَ الْبَنَاتِ وَالْأَخَوَاتِ غَيْرُ وُلْدِ الْأُمِّ مَعَ أَخِيهِنَّ. وَقَوْلُنَا : أَوْ مَا فَضَلَ إِلَى آخِرِهِ صَادِقٌ بِذَلِكَ وَبِالْعَصَبَةِ مَعَ غَيْرِهِ. وَهِنَّ الْأَخَوَاتُ مَعَ الْبَنَاتِ وَبَنَاتُ الْإِبْنِ فَلَيْسَ لَهُنَّ حَالٌ يَسْتَعْرِفْنَ فِيهِ التَّرَكَةَ.

1463. ‘Asabah dengan sebab orang lain dari kaangan anak-anak perempuan dan saudara-saudara perempuan adalah selain anak emak bersama saudara mereka. Kata kita “atau apa yang lebih” hingga akhirnya terbenar dengan demikian itu dan

dengan 'asabah bersama dengan orang lain. Para perempuan itu adalah saudara-saudara perempuan bersama anak-anak perempuan bagi anak lelaki, maka tidak ada bagi mereka itu satu keadaan pun yang mereka menghabiskan padanya akan harta peninggalan.

وَالْمُعْتِقُ يَشْمَلُ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى لِإِطْلَاقِ قَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { إِنَّمَا الْوَلَاءُ لِمَنْ أَعْتَقَ } وَلِأَنَّ الْإِنْعَامَ بِالْإِعْتِقَاقِ مَوْجُودٌ مِنَ الرَّجُلِ وَالْمَرْأَةِ فَاسْتَوَى فِي الْإِرْثِ. وَحَكَى ابْنُ الْمُنْذِرِ فِيهِ الْإِجْمَاعَ.

1464. Mu'tiq itu mencakup lelaki dan perempuan kerana itlak sabda nabi s.a.w.m "hanyalah wala' itu bagi orang yang memerdekakan", dan kerana memberi ni'mat dengan memerdekakan ujud dari lelaki dan perempuan, maka keduanya sama pada pusaka. Ibnu Munzir mengikayatkan ijmak padanya.

وَإِنَّمَا قَدَّمَ النَّسَبَ عَلَيْهِ لِقُوَّتِهِ. وَيُرْشِدُ إِلَيْهِ " الْوَلَاءُ لِحَمَةٍ كُلِّ حَمَةٍ النَّسَبِ ". شُبِّهَ بِهِ، وَالْمُشَبَّهَ دُونَ الْمُشَبَّهِ بِهِ.

1465. Hanyalah didulukan titihan di atas memerdekakan hamba kerana kuatnya. Menunjuk kepadanya "wala' itu satu tambatan seperti tambatan nasab". Diserupakan ia dengannya, dan apa yang diserupakan kurang dari apa yang diserupakan dengannya.

(ثُمَّ عَصَبَتْهُ) أَيِ الْمُعْتِقِ بِنَسَبِ الْمُتَعَصِّبُونَ بِأَنْفُسِهِمْ كَابْنِهِ وَأَخِيهِ، لَا كَبْنَتِهِ وَأُخْتِهِ وَلَوْ مَعَ أَحْوَيْهِمَا الْمُعَصِّبِينَ لَهُمَا لِأَنَّهُمَا مِنْ أَصْحَابِ الْفُرُوضِ، وَلَا لِلْعَصَبَةِ مَعَ غَيْرِهِ.

1466. (Kemudian 'asabahnya) iaitu 'asabah mu'tiq dengan titihan yang mengambil 'asabah dengan diri mereka sendiri seperti anak lelakinya dan saudara lelakinya, tidak seperti anak perempuannya dan saudara perempuannya walaupun bersama dua saudara lelaki mereka yang meng'asabahkan mereka kerana kedua mereka daripada pemilik-pemilik fardhu, dan tidak bagi 'asabah bersama orang lain.

وَالْمَعْنَى فِيهِ أَنَّ الْوَلَاءَ أَوْضَعُفَ مِنَ النَّسَبِ الْمُتَرَاحِي، وَإِذَا تَرَاحَى النَّسَبُ وَرِثَ الذَّكَورُ دُونَ الْإِنَاثِ كَبْنِي الْأَخِ وَبَنِي الْعَمِّ دُونَ أَحْوَاتِهِمْ، فَإِذَا لَمْ تَرِثْ بِنْتُ الْأَخِ وَبِنْتُ الْعَمِّ فَبِنْتُ الْمُعْتِقِ أَوْلَى أَنْ لَا تَرِثَ لِأَنَّهَا أَبْعَدُ مِنْهُمَا.

1467. Hikmah padanya bahawa wala' itu lebih lemah dari nasab yang terkebelakang. Apabila terkebelakang titihan mewarisi para lelaki tidak para perempuan seperti anak-anak lelaki saudara lelaki dan anak-anak lelaki bapa saudara, tidak saudara-saudara perempuan mereka, maka apabila anak perempuan saudara lelaki dan anak perempuan bapa saudara tidak mewarisi maka anak perempuan mu'tiq terutama tidak mewarisi kerana dia lebih jauh dari kedua mereka itu.

وَالْمُعْتَبَرُ أَقْرَبُ عَصَبَاتِهِ يَوْمَ مَوْتِ الْعَتِيقِ . فَلَوْ مَاتَ الْمُعْتِقُ وَخَلَّفَ ابْنَيْنِ، ثُمَّ مَاتَ أَحَدُهُمَا وَخَلَّفَ ابْنًا، ثُمَّ مَاتَ الْعَتِيقُ فَوَلَاؤُهُ لِابْنِ الْمُعْتِقِ، دُونَ ابْنِ ابْنِهِ.

1468. Yang diiktibarkan adalah yang paling dekat daripada 'asabah-'asabahnya pada hari kematian hamba kemerdekaan itu. Maka kalau mu'tiq mati dan dia meninggalkan dua anak lelaki, kemudian mati seorang darinya dan dia meninggalkan anak lelaki, kemudian mati hamba kemerdekaan itu maka wala'nya bagi anak lelaki mu'tiq itu, tidak anak lelaki bagi anak lelakinya.

تَنْبِيْهُ : كَلَامُ الْمُصْتَفِ كَالصَّرِيحِ فِي أَنَّ الْوَلَاءَ لَا يَثْبُتُ لِلْعَصَبَةِ فِي حَيَاةِ الْمُعْتِقِ، بَلْ إِنَّمَا يَثْبُتُ بَعْدَهُ، وَلَيْسَ بِمَرَادٍ بَلْ الْوَلَاءُ ثَابِتٌ لَهُمْ فِي حَيَاةِ الْمُعْتِقِ عَلَى الْمَذْهَبِ الْمَنْصُوصِ فِي الْأَمِّ، إِذْ لَوْ لَمْ يَثْبُتْ لَهُمْ الْوَلَاءُ إِلَّا

بَعْدَ مَوْتِهِ لَمْ يَرْتُوا. وَقَالَ السُّبْكِيُّ : يُتَلَخَّصُ لِلْأَصْحَابِ فِيهِ وَجْهَانِ، أَصْحَهُمَا أَنَّهُ لَهُمْ مَعَهُ لَكِنْ هُوَ الْمُقَدَّمُ عَلَيْهِمْ فِيمَا يُمَكِّنُ جَعْلَهُ لَهُ كَارِثِ الْمَالِ وَنَحْوِهِ هـ.

1469. Tanbih. Kalam musannif seperti suatu yang jelas pada bahawa wala' itu tidak sabit bagi 'asabah pada masa hidup mu'tiq, sebaliknya ia hanyalah sabit selepasnya yang mana ia bukan yang dikehendaki, bahkan wala' itu sabit bagi mereka pada masa hidup mu'tiq di atas mazhab yang dinaskan didalam al Umm, kerana kalau wala' itu tidak sabit bagi mereka melainkan selepas mati mu'tiq nescaya mereka tidak mewarisi. Kata Subki: dirumuskan bagi ashab Syafi'e dua wajah padanya. Yang paling sahah dari keduanya bahawa ia bagi mereka bersama dengan mu'tiq, akan tetapi mu'tiq itu didulukan di atas mereka itu pada apa yang terbolehd dijadikan baginya seperti pusaka harta dan umpamanya. Intaha.

وَتَرْتِيبُهُمْ هُنَا كَالْتَرْتِيبِ الْمُتَقَدِّمِ فِي النَّسَبِ إِلَّا فِي مَسَائِلَ مِنْهَا : إِذَا اجْتَمَعَ الْجَدُّ وَالْأَخُ الشَّقِيقُ أَوْ لِأَبٍ قُدِّمَ الْأَخُ هُنَا فِي الْوَلَاءِ عَلَى الْأَظْهَرِ، بِخِلَافِهِ فِي النَّسَبِ لَوْ اجْتَمَعَا مَعَهُ، فَلَا يُقَدَّمُ أَوْلَادُ الْأَبِ عَلَى الْجَدِّ عَلَى الْأَصَحِّ، بَلْ يُفْتَسِمُ الْجَدُّ مَعَ الشَّقِيقِ فَقَطُّ.

1470. Susunan mereka itu disini sama seperti susunan yang terdahulu pada titihan melainkan pada beberapa masaalah. Daripadanya apabila berhimpun datuk dan saudara lelaki syaqiq atau sebapa didulukan saudara lelaki disini pada wala' di atas yang paling zahir, bersalahan datuk pada titihan kalau kedua mereka berhimpun bersamanya, maka tidak didulukan anak-anak bapa di atas datuk di atas yang paling sahah, bahkan berbahagi-bahagi datuk bersama syaqiq sahaja.

وَمِنْهَا مَا إِذَا كَانَ مَعَ الْجَدِّ ابْنُ الْأَخِ فَلِأَظْهَرِ تَقْدِيمُ ابْنِ الْأَخِ فِي الْوَلَاءِ لِقُوَّةِ الْبُنُوَّةِ. وَمِنْهَا إِذَا كَانَ لِلْمُعْتِقِ ابْنًا عَمَّ أَحَدَهُمَا أَخٌ لِأَمٍّ فَالْمَذْهَبُ تَقْدِيمُهُ.

1471. Daripadanya apabila ada bersama datuk anak lelaki bagi saudara lelaki maka yang paling zahir mendulukan anak lelaki saudara lelaki itu pada wala' kerana kuat status anak. Daripadanya apabila mu'tiq itu punya dua anak lelaki bagi bapa saudara, seorang dari mereka saudara seibu maka mazhab mendulukannya*.

وَسَكَتَ الْمُصَنِّفُ عَمَّا إِذَا لَمْ يَكُنْ لِلْمُعْتِقِ عَصَبَةٌ. وَحُكْمُهُ أَنَّ التَّرِكََةَ لِلْمُعْتِقِ الْمُعْتِقِ، ثُمَّ لِعَصَبَتِهِ عَلَى التَّرْتِيبِ الْمُعْتَبَرِ فِي عَصَبَاتِ الْمُعْتِقِ، ثُمَّ لِلْمُعْتِقِ الْمُعْتِقِ. وَهَكَذَا كَمَا فِي الرَّوْضَةِ. فَإِنْ فُقِدُوا فَمُعْتِقُ الْأَبِ ثُمَّ عَصَبَتُهُ ثُمَّ مُعْتِقُ الْجَدِّ ثُمَّ عَصَبَتُهُ. وَهَكَذَا.

1472. Musannif diam dari keadaan apabila tidak ada 'asabah bagi mu'tiq. Hukumnya bahawa peninggalan itu bagi mu'tiq mu'tiq kemudian bagi 'asabahnya di atas susunan yang diiktibarkan pada 'asabah-'asabah mu'tiq, kemudian bagi mu'tiq mu'tiq mu'tiq. Beginilah sepertimana didalam Raudhah. Maka jika mereka itu tidak ujud maka mu'tiq bapa mayat kemudian 'asabahnya, kemudian mu'tiq datuk mayat, kemudian 'asabahnya. Beginilah seterusnya.

فَإِنْ لَمْ يَكُنْ وَارِثٌ انْتَقَلَ الْمَالُ لِبَيْتِ الْمَالِ إِرْتَاءً لِلْمُسْلِمِينَ ، إِذَا انْتَضَمَ أَمْرُ بَيْتِ الْمَالِ. أَمَا إِذَا لَمْ يَنْتَظَمْ لِكُونَ الْأِمَامِ غَيْرَ عَادِلٍ فَإِنَّهُ يَرُدُّ عَلَى أَهْلِ الْفُرُوضِ غَيْرِ الرُّوجِينَ لِأَنَّ عِلَّةَ الرَّدِّ الْقَرَابَةُ وَهِيَ مَفْقُودَةٌ فِيهِمَا. وَنَقَلَ ابْنُ سَرِيحٍ فِيهِ الْإِجْمَاعَ.

1473. Maka jika tidak ujud waris berpindahlah harta itu kepada baitul mal sebagai pusaka kepada orang-orang islam apabila teratur urusan baitul mal itu. Adapun apabila ia tidak tersusun kerana keadaan imam tidak adil maka ia dipulangkan ke atas

ahli fardhu selain dua suami isteri kerana 'illat pemulangan itu adalah kerabat yang mana ia luput pada kedua mereka itu. Ibnu Sarraj menakalkan ijmak padanya.

هَذَا إِذَا لَمْ يَكُونَا مِنْ ذَوِي الْأَرْحَامِ . فَلَوْ كَانَ مَعَ الزَّوْجِيَّةِ رَحِمٌ رَدَّ عَلَيْهِ مَا كَانَتْ الْخَالَةَ وَبِنْتِ الْعَمِّ، لَكِنْ الصَّرْفَ إِلَيْهِمْ مِنْ جِهَةِ الرَّحِمِ لَا مِنْ جِهَةِ الزَّوْجِيَّةِ.

1474. Ini apabila kedua suami isteri itu bukan daripada zawil arham. Maka kalau ada bersama status kelamin itu status rahim dipulangkan harta itu ke atasnya, sama seperti anak perempuan bagi emak saudara belah emak dan anak perempuan bapa saudara, akan tetapi memalingkan kepada mereka itu dari pihak rahim bukan dari pihak kelaminan.

وَإِنَّمَا يَرُدُّ مَا فَضَلَ عَنْ فُرُوضِهِمْ بِالنِّسْبَةِ لِسَهَامِ مَنْ يَرُدُّ عَلَيْهِ طَلَبًا لِلْعَدْلِ فِيهِمْ . فَفِي بِنْتِ وَأُمِّ بِنْتَى بَعْدَ إِخْرَاجِ فَرُضِهِمَا سَهْمَانِ مِنْ سِتَّةٍ . لِلْأُمِّ رُبْعُهُمَا نِصْفَ سَهْمٍ، وَلِلْبِنْتِ ثَلَاثَةَ أَرْبَاعِهِمَا . فَتَصِحُّ الْمَسْأَلَةُ مِنْ اثْنَيْ عَشَرَ . وَتَرْجِعُ بِالِاخْتِصَارِ إِلَى أَرْبَعَةٍ، لِلْبِنْتِ ثَلَاثَةً وَلِلْأُمِّ وَاحِدًا.

1475. Hanyalah dipulangkan apa yang lebih dari fardhu-fardhu mereka dengan nisbah saham orang yang dipulangkan ke atasnya kerana memastikan adil pada mereka itu. Maka pada anak perempuan dan emak tinggal selepas mengeluarkan fardhu kedua mereka dua saham dari enam, bagi emak satu perempat dari dua saham itu iaitu setengah saham, dan bagi anak perempuan tiga perempat dari dua saham itu, maka sah masalah ini dari dua belas. Kembali ia dengan ringkas kepada empat, bagi anak perempuan tiga dan bagi emak satu.

وَذَكَرْتُ أَشْيَاءَ مِنْ ذَلِكَ مِمَّا لَا يَحْتَمِلُهُ هَذَا الْمُخْتَصَرُ فِي شَرْحِ التَّنْبِيهِ وَغَيْرِهِ.

1476. Aku sebutkan beberapa perkara dari demikian itu daripada apa yang tidak ditanggung mukhtasar ini didalam syarah Tanbih dan selainnya.

ثُمَّ شَرَعَ فِي بَيَانِ الْفُرُوضِ وَأَصْحَابِهَا ، وَهُمْ كُلُّ مَنْ لَهُ سَهْمٌ مُقَدَّرٌ شَرْعًا لَا يَزِيدُ وَلَا يَنْقُصُ ، وَقَدَرُ مَا يَسْتَحِقُّهُ كُلُّ مَنْهُمْ بِقَوْلِهِ : (وَالْفُرُوضُ) جَمْعُ فَرَضٍ بِمَعْنَى نَصِيبِ أَيِّ الْأَنْصِبَاءِ الْمَذْكُورَةِ أَيِّ الْمَحْصُورَةِ لِلْوَرَثَةِ بَأَنَّ لَا يَزَادُ عَلَيْهَا وَلَا يَنْقُصُ عَنْهَا إِلَّا لِعَارِضٍ كَعَوْلِ فَيَنْقُصُ أَوْ رَدِّ فَيَزَادُ ، (فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى) لِلْوَرَثَةِ وَخَبَرِ الْفُرُوضِ (سِتَّةٌ) بِعَوْلِ وَبِدُونِهِ.

1477. Kemudian dia masuk pada keterangan fardhu-fardhu dan tuan-tuannya, yang mana mereka itu setiap orang yang punya saham yang dikadarkan pada syara' yang tidak lebih dan tidak kurang, dan pada keterangan kadar apa yang setiap mereka hakkan, dengan katanya : (**Fardhu-fardhu**), "فُرُوضٌ" jamak "فَرَضٌ" dengan makna habuan, iaitu habuan-habuan yang disebutkan, iaitu yang dihadkan bagi para waris dengan bahawa tidak ditambah di atasnya dan tidak dikurangkan darinya melainkan kerana perkara yang mendatang seperti 'aul maka ia dikurangkan atau dengan pemulangan maka ia ditambah, (**dididalam kitab Allah taala**) bagi para waris, dan didalam khabar berkenaan fardhu-fardhu (**enam**) dengan 'aul dan tanpanya.

وَيُعَبَّرُ عَنْهَا بِعِبَارَاتٍ ، أَوْضَحَهَا (النِّصْفُ وَالرُّبْعُ وَالثُّمُنُ وَالثَّلَاثَانُ وَالثَّلَاثُ وَالسُّدُسُ) . وَأَخْصَرَهَا الرَّبْعُ وَالثَّلَاثُ وَالصِّغْفُ كُلٌّ وَنِصْفُهُ . وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ : النِّصْفُ وَنِصْفُهُ وَنِصْفُ نِصْفِهِ ، وَالثَّلَاثَانِ وَنِصْفُهُمَا وَنِصْفُ نِصْفِهِمَا . وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ : النِّصْفُ وَنِصْفُهُ وَرُبْعُهُ وَالثَّلَاثَانِ وَنِصْفُهُمَا وَرُبْعُهُمَا .

1478. Diibaratkan darinya dengan beberapa ibarat, yang paling jelasnya (**setengah dan satu perempat dan satu perlapan dan satu pertiga dan satu perenam**). Yang lebih ringkasnya : satu perempat dan satu pertiga dan gandaan setiapnya dan setengahnya. Jika kamu hendak kamu katanya : setengah dan

setengahnya dan setengah setengahnya, dan dua pertiga dan setengahnya dan setengah setengahnya. Dan jika kamu hendak kamu katakan : setengah dan setengahnya dan satu perempatnya, dan dua pertiga dan setengahnya dan satu perempatnya.

وَخَرَجَ بِقَوْلِهِ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى السُّدُسُ الَّذِي لِلْجَدَّةِ وَلِبْنَتِ الْإِبْنِ، إِلَّا أَنْ يُقَالَ : السُّدُسُ مَذْكَورٌ فِي كِتَابِ اللَّهِ تَعَالَى لَا مَعَ كَوْنٍ مَنْ يَسْتَحِقُّهُ أُمًّا أَوْ جَدَّةً أَوْ بِنْتَ ابْنٍ، وَالسُّبُعُ وَالشُّعُ فِي مَسَائِلِ الْعَوْلِ إِلَّا أَنْ يُقَالَ الْأَوَّلُ ثَلَاثُ عَائِلٍ وَالثَّانِي ثَمَنُ عَائِلٍ، وَثَلَاثُ مَا بَقِيَ فِي الْعَرَاوِينِ كَرُوجٍ وَأَبْوَيْنِ وَرُوجَةٍ وَأَبْوَيْنِ وَفِي مَسَائِلِ الْجِدِّ حَيْثُ مَعَهُ ذُو فَرَضٍ كَأَمٍّ وَجَدٍّ وَخَمْسَةَ إِخْوَةٍ فَإِنَّهُ مِنْ قَبِيلِ الْأَجْنَهَادِ.

1479. Keluar dengan katanya “didalam kitab Allah taala” satu perenam yang sabit bagi nenek dan bagi anak perempuan dari anak lelaki, melainkan bahawa dikatakan satu perenam itu yang disebutkan didalam Kitab Allah taala bukan bersama keadaan orang yang berhak kepadanya ibu atau nenek atau anak perempuan dari anak lelaki, dan satu pertujuh dan satu persepuluh pada masaalah ‘aul, melainkan bahawa dikatakan yang pertama satu pertiga yang ‘aul dan yang kedua satu perempat yang ‘aul, dan satu pertiga apa yang tinggal pada masaalah gharrawain seperti suami dan dua ibu bapa dan isteri dan dua ibu bapa, dan pada masaalah datuk sekira-kira ada bersamanya orang yang punya fardhu seperti emak dan datuk dan lima saudara lelaki maka ia dari pihak ijihad.

(ف) الْفَرَضُ الْأَوَّلُ (النِّصْفُ) بَدَأَ الْمُصَنِّفُ بِهِ كَعَبْرَةٍ لِكَوْنِهِ أَكْبَرَ كَسْرِ مُفْرَدٍ . قَالَ السُّبْكِيُّ : وَكَانَتْ أَوْدًا أَنْ لَوْ بَدَعُوا بِالثَّلَاثِينَ لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى بَدَأَ بِهِمَا حَتَّى رَأَيْتَ أَبَا النَّجَاءِ وَالْحُسَيْنَ بِنَ عَبْدِ الْوَاحِدِ الْوَلِيِّ بَدَعَا بِهِمَا فَأَعْجَبَنِي ذَلِكَ

1480. (Maka) fardhu yang pertama (setengah). Musannif mula dengannya seperti orang lain kerana keadaannya yang paling besar daripada pecahan yang tersendiri. Kata Subki : aku suka kalau mereka mulakan dengan dua pertiga kerana Allah taala memulakan dengannya, hingga aku nampak Abu Naja’ dan Husain bin Abdul Wahid alwanni memulakan dengannya maka demikian itu mengkagumkan aku.

وَهُوَ (فَرَضُ خَمْسَةِ) أَحَدُهَا (الْبِنْتُ) إِذَا انْفَرَدَتْ عَنْ جِنْسِ الْبُنُوَّةِ وَالْأُخُوَّةِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَإِنْ كَانَتْ وَاحِدَةً فَلَهَا النِّصْفُ } .

1481. Ianya (fardhu lima orang) seorang daripadanya (anak perempuan) apabila sendirian dari jenis anak dan saudara kerana firman Allah taala “dan jika dia seorang maka baginya setengah”.

(وَ) ثَانِيهَا (بِنْتُ الْإِبْنِ) وَإِنْ سَفَلَ بِالْإِجْمَاعِ (إِذَا انْفَرَدَتْ) عَنْ تَعْصِيبٍ وَتَنْقِيسٍ . فَخَرَجَ بِالتَّعْصِيبِ مَا إِذَا كَانَ مَعَهَا أَخٌ فِي دَرَجَتِهَا فَإِنَّهُ يُعْصَبُهَا وَيَكُونُ لَهَا نِصْفٌ مَا حَلَّ لَهُ، وَبِالتَّنْقِيسِ مَا إِذَا كَانَ مَعَهَا بِنْتُ صُلْبٍ فَإِنَّ لَهَا مَعَهَا السُّدُسُ تَكْمِلَةَ الثَّلَاثِينَ.

1482. Keduanya (anak perempuan dari anak lelaki) sekalipun terkebawah dengan ijmak (apabila sendirian) dari dijadikan ‘asabah dan pengurangan. Maka keluar dengan dijadikan ‘asabah kedaan apabila ada bersamanya saudara lelaki pada darjatnya maka dia meng’asabkannya dan adalah baginya setengah apa yang jatuh bagi saudaranya itu, dan keluar dengan pengurangan keadaan apabila ada bersamanya anak perempuan sulbi maka bagi dia bersamanya satu perenam, penyempurnaan dua pertiga.

(وَ) ثَالِثُهَا (الْأُخْتُ مِنَ الْأَبِ وَالْأُمِّ) إِذَا انفردتْ عَنْ جِنْسِ الْبُنُوَّةِ وَالْأُخُوَّةِ. وَلَوْ عَبَّرَ بِالشَّقِيقَةِ لَكَانَ أَخْصَرَ.

1483. Ketiganya (saudara perempuan seibu sebapa) apabila sendirian dari jenis anak dan saudara. Kalau dia ibaratkan dengan syaqiqah nescaya lebih ringkas.

(وَ) رَابِعُهَا (الْأُخْتُ مِنَ الْأَبِ) إِذَا انفردتْ عَنْ جِنْسِ الْبُنُوَّةِ وَالْأُخُوَّةِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَلَهُ أُخْتٌ فَلَهَا نِصْفٌ مَّا تَرَكَ } قَالَ ابْنُ الرَّفْعَةِ : أَجْمَعُوا عَلَى أَنَّ الْمُرَادَ بِهَا الْأُخْتُ الشَّقِيقَةَ وَالْأُخْتُ مِنَ الْأَبِ . وَخَرَجَ بِقَيْدِ الْإِنْفِرَادِ عَمَّنْ ذَكَرَ فِي الْأَرْبَعَةِ الزَّوْجِ فَإِنَّ لِكُلِّ وَاحِدَةٍ مَعِ وَجُودِهِ النِّصْفَ أَيْضًا.

1484. Keempatnya (saudara perempuan sebapa) apabila dia sendirian dari jenis anak dan saudara kerana firman Allah taala “dan ada baginya saudara perempuan maka baginya setengah apa yang dia tinggalkan”. Kata Ibnu rif’ah : mereka telah ijmak di atas bahwa yang dikehendaki dengannya saudara perempuan syaqiqah dan saudara perempuan sebapa. Keluar dengan “sendirian” dari orang yang disebutkan itu pada empat ini oleh suami maka bagi setiap seorang bersama ujudnya setengah juga.

(وَ) خَامِسُهَا (الزَّوْجُ إِذَا لَمْ يَكُنْ لَهَا) أَي لِرِزْوَجَتِهِ (وَوَلَدٌ) مِنْهُ أَوْ مِنْ غَيْرِهِ. وَيَصْدُقُ الْوَلَدُ بِالذَّكَرِ وَالْأُنْثَى (وَلَا وَوَلَدٌ ابْنٌ) لَهَا وَإِنْ سَقَلَ، مِنْهُ أَوْ مِنْ غَيْرِهِ. أَمَّا مَعَ عَدَمِ الْوَلَدِ فَلِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَلَكُمْ نِصْفٌ مَّا تَرَكَ أَزْوَاجُكُمْ إِنْ لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَوَلَدٌ } . وَأَنْعَقَدَ الْإِجْمَاعُ عَلَى أَنَّ وَوَلَدَ الْإِبْنِ كَوَلَدِ الصُّلْبِ فِي حَجَبِ الزَّوْجِ مِنَ النَّصْفِ إِلَى الرَّبْعِ، إِمَّا لِصِدْقِ اسْمِ الْوَلَدِ عَلَيْهِ مَجَازًا، وَإِمَّا قِيَاسًا عَلَى الْإِرْثِ وَالتَّعَصُّبِ فَإِنَّهُ فِيهِمَا كَوَلَدِ الصُّلْبِ إِجْمَاعًا.

تَنْبِيهٌ يُشْتَرَطُ فِي الْمَوْصَى بِهِ كَوْنُهُ مَقْصُودًا كَمَا فِي الرَّوْضَةِ، فَلَا تَصِحُّ بِمَا لَا يُقْصَدُ كَالدَّمِّ وَكَوْنِهِ يَقْبَلُ النَّقْلَ مِنْ شَخْصٍ إِلَى شَخْصٍ، فَمَا لَا يَقْبَلُ النَّقْلَ كَالْقِصَاصِ وَحَدِّ الْقُدْفِ لَا تَصِحُّ الْوَصِيَّةُ بِهِ، لِأَنَّهَا وَإِنْ أُنْقِلَتْ بِالْإِرْثِ لَا يَتِمَّكَنُ مُسْتَحِقُّهُمَا مِنْ نَقْلِهِمَا. نَعَمْ لَوْ أَوْصَى بِهِ لِمَنْ هُوَ عَلَيْهِ صَحَّ كَمَا صَرَّحُوا بِهِ فِي بَابِ الْعُقُوبِ عَنِ الْقِصَاصِ.

1544. Tanbih. Disyaratkan pada apa yang diwasiatkan keadaannya dimaksudkan sepertimana didalam Raudhah, maka tidak sah ia dengan apa yang tidak dimaksudkan seperti darah, dan keadaannya boleh dipindahkan dari seorang kepada seorang lain, maka apa yang tidak menerima pindahan seperti qisas dan had tuduh tidak sah wasiat dengannya kerana keduanya sekalipun berpindah dengan sebab pusaka tidak boleh orang yang berhak kepada keduanya memindahkan keduanya. Na'am kalau dia berwasiat dengannya bagi orang yang ia di atasnya sah ia sepertimana mereka jelaskan didalam bab maaf dari qisas.

(وَهِيَ) أَيُّ الْوَصِيَّةِ مُعْتَبَرَةٌ (مِنْ الثَّلَاثِ) سِوَاءَ أَوْصَى بِهِ فِي صِحَّتِهِ أَوْ مَرَضِهِ لِاسْتِوَاءِ الْكُلِّ وَقَفَتْ لِلزُّوْمِ حَالِ الْمَوْتِ.

1545. (Ianya) iaitu wasiat diiktibarkan (dari satu pertiga), samaada dia berwasiat dengannya pada sihatnya atau sakitnya, kerana sama setiap satu daripada keduanya pada waktu lazim wasiat itu iaitu ketika mati.

تَنْبِيهٌ : يُعْتَبَرُ الْمَالُ الْمَوْصَى بِهِ يَوْمَ الْمَوْتِ، لِأَنَّ الْوَصِيَّةَ تَمْلِكُ بَعْدَ الْمَوْتِ . فَلَوْ أَوْصَى بِعَبْدٍ وَلَا عَبْدَ لَهُ ثُمَّ مَلَكَ عِنْدَ الْمَوْتِ عَبْدًا تَعَلَّقَتْ الْوَصِيَّةُ بِهِ. وَلَوْ زَادَ مَالَهُ تَعَلَّقَتْ الْوَصِيَّةُ بِهِ. وَلَا يَخْفَى أَنَّ الثَّلَاثَ الَّذِي تَنْفَعُ فِيهِ الْوَصِيَّةُ هُوَ الثَّلَاثُ الْفَاضِلُ بَعْدَ الدَّيْنِ. فَلَوْ كَانَ عَلَيْهِ دَيْنٌ مُسْتَعْرَقٌ لَمْ تَنْفَعِ الْوَصِيَّةُ فِي شَيْءٍ لَكِنَّهَا تَنْعَقِدُ حَتَّى تَنْفَعَهَا لَوْ أَبْرَأَ الْعَرِيمُ أَوْ قَضَى عَنْهُ الدَّيْنُ كَمَا جَزَمَ بِهِ الرَّافِعِيُّ وَغَيْرُهُ.

1546. Tanbih. Diiktibarkan harta yang diwasiatkan dengan satu pertiganya pada hari kematian, kerana wasiat adalah memberi milik selepas mati. Maka kalau dia berwasiat dengan seorang hamba dan dia tidak punya hamba kemudian dia memiliki di sisi kematiannya akan seorang hamba bergantung wasiat itu dengannya. Kalau lebih hartanya bergantung wasiat itu dengannya. Tidak tersulit bahawa satu pertiga yang lulus wasiat padanya adalah satu pertiga yang lebih selepas hutang. Maka kalau ada di atasnya hutang yang menghabisi tidak lulus wasiat itu pada suatu pun, akan tetapi ianya

¹⁰¹. iaitu tanpa 'ainnya.

terjadi hingga kita luluskannya kalau tuan hutang melepaskan hutang atau dibayar hutang itu darinya sepertimana jazam Rafi'e dan selain dia dengannya.

وَيُعْتَبَرُ مِنَ التُّلْتِ تَبَرُّعٌ نُجَزَّ فِي مَرَضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ كَوَفِّ وَهَبَةٍ وَعِثْقٍ وَإِبْرَاءٍ لِحَبْرٍ : { إِنَّ اللَّهَ تَعَالَى
تَصَدَّقَ عَلَيْكُمْ عِنْدَ وَفَاتِكُمْ بِثُلُثِ أَمْوَالِكُمْ زِيَادَةً لَكُمْ فِي أَعْمَالِكُمْ } . رَوَاهُ ابْنُ مَاجَهَ . وَفِي إِسْنَادِهِ مَقَالٌ . وَلَوْ
وَهَبَ فِي الصِّحَّةِ وَأَفْبِضَ فِي الْمَرَضِ أَعْتَبِرَ مِنَ التُّلْتِ أَيْضًا إِذْ لَا أَثَرَ لِتَقَدُّمِ الْهَبَةِ .

1547. Diktibarkan dari satu pertiga juga tabarru' yang lulus pada sakitnya yang dia mati padanya seperti wakaf dan hibah dan memerdekakan hamba dan pelepasan hutang kerana khabar "sungguhnya Allah taala bersedekah ke atas kamu di sisi wafat kamu dengan satu pertiga harta kamu sebagai tambahan bagi kamu pada amalan-amalan kamu", meriwayatkannya Ibnu Majjah. Pada isnadnya ada bahasan. Kalau dia menghibah pada sihatnya dan memberi terima pada sakitnya diiktibarkan ia dari satu pertiga juga kerana tidak ada kesan bagi terdahulu hibah.

وَخَرَجَ بِتَبَرُّعٍ مَا لَوْ اسْتَوْلَدَ فِي مَرَضٍ مَوْتِهِ فَإِنَّهُ لَيْسَ تَبَرُّعًا ، بَلْ إِتْلَافٌ وَاسْتِمْتَاعٌ ، فَهُوَ مِنْ رَأْسِ الْمَالِ ،
وَبِمَرَضِهِ تَبَرُّعٌ نُجَزَّ فِي صِحَّتِهِ فَيُحْسَبُ مِنْ رَأْسِ الْمَالِ ، لَكِنْ يُسْتَنْبَى مِنَ الْعِثْقِ فِي مَرَضِ الْمَوْتِ عِثْقُ أُمَّ
الْوَالِدِ إِذَا أَعْتَقَهَا فِي مَرَضٍ مَوْتِهِ فَإِنَّهُ يَنْفَدُ مِنْ رَأْسِ الْمَالِ كَمَا سَيَأْتِي فِي مَحَلِّهِ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى مَعَ أَنَّهُ
تَبَرُّعٌ نُجَزَّ فِي الْمَرَضِ .

1548. Keluar dengan tabarru' keadaan kalau dia mendapat anak dari amah pada sakit matinya maka ia bukannya tabarru', bahkan pembinasaan dan istimta', maka dia dari kepala harta. Dan keluar dengan sakitnya oleh tabarru' yang lulus pada sihatnya maka ia dikira dari kepala harta, akan tetapi dikecualikan dari memerdekakan hamba pada sakit mati memerdekakan ummu walad apabila dia memerdekakannya pada sakit matinya maka ianya lulus dari kepala harta sepertimana akan datang pada tempatnya insya Allah taala, serta bahawa ianya tabarru' yang lulus pada sakit.

فَأَنذَرُ : قِيمَةُ مَا يَفُوتُ عَلَى الْوَرَثَةِ يُعْتَبَرُ بِوَقْتِ التَّفْوِيتِ فِي الْمُنَجَّزِ وَبِوَقْتِ الْمَوْتِ فِي الْمُضَافِ إِلَيْهِ ، وَفِيمَا
يَبْقَى لِلْوَرَثَةِ يُعْتَبَرُ بِأَقْلٍ قِيمِهِ مِنْ يَوْمِ الْمَوْتِ إِلَى يَوْمِ الْقَبْضِ ، لِأَنَّهُ إِنْ كَانَ يَوْمَ الْمَوْتِ أَقْلٌ فَالزِّيَادَةُ حَصَلَتْ
فِي مِلْكِ الْوَارِثِ أَوْ يَوْمِ الْقَبْضِ أَقْلٌ فَمَا نَقَصَ قَبْلَهُ لَمْ يَدْخُلْ فِي يَدِهِ فَلَا يُحْسَبُ عَلَيْهِ .

1549. Faedah. Nilai apa yang luput di atas para waris diiktibarkan pada waktu meluputkannya pada yang lulus dan pada waktu mati pada yang disandarkan kepadanya, dan pada apa yang kekal bagi para waris diiktibarkan dengan yang paling rendah dari nilai-nilainya mula dari hari mati hingga hari terima serahan, kerana jika ianya pada hari mati lebih rendah maka lebihan terhasil pada milik waris, atau pada hari terima lebih rendah maka apa yang kurang sebelumnya tidak masuk pada tangannya maka tidak dikira ia di atasnya.

وَكَفَيْفِيَّةُ اعْتِبَارِهَا مِنَ التُّلْتِ أَنَّهُ إِذَا اجْتَمَعَ فِي وَصِيَّةٍ تَبَرُّعَاتٌ مُتَعَلِّقَةٌ بِالْمَوْتِ وَإِنْ كَانَتْ مُرْتَبَةً وَلَمْ يُوفَ
التُّلْتِ بِهَا ، فَإِنَّ تَمَحُّصَ الْعِثْقِ كَأَنَّ قَالَ : إِذَا مِتَ فَأَنْتُمْ أَحْرَارٌ أَوْ غَنَائِمٌ وَسَالِمٌ وَبَكْرٌ أَحْرَارٌ أَفْرَعَ بَيْنَهُمْ ، فَمَنْ
فَرَعَ عِثْقَ مَنْهُ مَا يَبْقَى بِالتُّلْتِ وَلَا يُعْتَقُ مِنْ كُلِّ بَعْضِهِ ، لِأَنَّ الْمَقْصُودَ مِنَ الْعِثْقِ تَخْلِيصُ الشَّخْصِ مِنَ الرِّقِّ .

1550. Kaifiat mengiktibarkannya dari satu pertiga bahawa apabila berhimpun pada wasiat tabarru'-tabarru' yang bersangkutan dengan kematian sekalipun ianya berturutan dan satu pertiga itu tidak mencukupinya, maka jika semata-mata memerdekakan hamba seperti bahawa dia kata : apabila aku mati maka kamu semua merdeka atau Ghanim dan Salim dan Bakar merdeka, diundi di antara mereka, maka siapa keluar undiannya merdeka darinya apa yang cukup dengan satu pertiga. Tidak

dimerdekakan dari setiap mereka akan sebahagiannya, kerana maksud dari memerdekakan hamba adalah melepaskan seorang dari kehambaan.

وَأَمَّا لَمْ يُعْتَبَرِ تَرْتِيبُهَا مَعَ إِضَافَتِهَا لِلْمَوْتِ لِإِشْتِرَاكِهَا فِي وَفْتِ نَفَادِهَا وَهُوَ وَفْتُ الْمَوْتِ. نَعَمْ إِنْ اُعْتَبِرَ الْمَوْصِي وَفُوعَهَا مُرْتَبَةً كَأَنَّ قَالَ: أَعْتَقُوا سَالِمًا بَعْدَ مَوْتِي ثُمَّ عَانِمًا ثُمَّ بَكْرًا، قَدَّمَ مَا قَدَّمَهُ، لِأَنَّ الْمَوْصِيَّ اُعْتَبَرَ وَفُوعَهَا مُرْتَبَةً مِنْ غَيْرِهِ فَلَا بُدَّ أَنْ تَقَعَ كَذَلِكَ، بِخِلَافِ مَا مَرَّ،

1551. Hanya tidak diiktibarkan susunan tabarru'-tabarru' itu serta ianya disandarkan kepada mati kerana bersyarikat kesemuanya pada waktu lulusnya iaitu waktu mati. Na'am, jika yang berwasiat mengiktibarkan jatuh tabarru'-tabarru' itu beraturan seperti dia katakan : hendaklah kamu merdekakan Salim selepas aku mati kemudian Ghanim kemudian Bakar, didulukan apa yang dia dulukannya, kerana yang berwasiat itu mengiktibarkan jatuhnya beraturan dari selainnya* maka tidak dapat tidak bahawa ianya jatuh seperti demikian itu. Bersalahan apa yang telah lalu.

أَوْ تَمَحَّضَ تَبَرُّعَاتٍ غَيْرِ الْعَتَقِ فَسَطَّ الثَّلَاثُ عَلَى الْجَمِيعِ بِاعْتِبَارِ الْقِيَمَةِ أَوْ الْمَقْدَارِ كَمَا تَقَسَّطُ التَّرَكَةُ بَيْنَ أَرْبَابِ الدُّيُونِ، أَوْ اجْتَمَعَ عَتَقٌ وَغَيْرُهُ كَأَنَّ أَوْصَى بِعَتَقِ سَالِمٍ وَلِزَيْدٍ بِمِائَةِ فَسَطَّ الثَّلَاثُ عَلَيْهِمَا بِالْقِيَمَةِ لِلْعَتَقِ لِاتِّحَادِ وَفْتِ الْإِسْتِحْقَاقِ. فَإِذَا كَانَتْ قِيَمَتُهُ مِائَةً وَالثَّلَاثُ مِائَةً عَتَقَ نِصْفَهُ وَلِزَيْدٍ خَمْسُونَ. نَعَمْ لَوْ دَبَّرَ عَبْدَهُ وَقِيَمَتُهُ مِائَةٌ وَأَوْصَى لَهُ بِمِائَةٍ وَثَلَاثُ مِائَةٍ فَإِنَّهُ يُعْتَقُ كُلُّهُ وَلَا شَيْءَ لِلْوَصِيَّةِ عَلَى الْأَصَحِّ.

1552. Atau tabarru'-tabarru' itu semata selain memerdekakan hamba, diagihkan satu pertiga itu ke atas semuanya dengan iktibar nilai atau kadarnya sepertimana diagihkan harta peninggalan di antara tuan-tuan hutang, atau berhimpun memerdekakan hamba dan selainnya seperti bahawa dia berwasiat dengan memerdekakan Salim dan seratus bagi Zaid, diagihkan satu pertiga itu ke atas keduanya dengan nilai hamba yang dimerdekakan kerana sama waktu berhaknyanya. Maka apabila nilainya seratus dan satu pertiga itu seratus merdekalah setengahnya dan bagi Zaid lima puluh. Na'am, kalau dia mentadbir hambanya yang nilainya seratus dan dia wasiatkan baginya seratus walhal satu pertiga hartanya seratus maka hamba itu merdeka sepenuhnya dan tidak ada suatu bagi wasiat itu di atas yang paling sah.

أَوْ اجْتَمَعَ تَبَرُّعَاتٌ مُنْجَرَةٌ قَدَّمَ الْأَوَّلُ مِنْهَا فَلِأَوَّلِ، حَتَّى يَتِمَّ الثَّلَاثُ سِوَاءَ أَكَانَ فِيهَا عَتَقٌ أَمْ لَا، وَيَتَوَقَّفُ مَا بَقِيَ عَلَى إِجَارَةِ الْوَارِثِ. فَإِنْ وَجِدَتْ هَذِهِ التَّبَرُّعَاتُ دَفْعَةً إِمَّا مِنْهُ أَوْ بِوَكَالَةٍ وَاتَّخَذَ الْجِنْسُ فِيهَا كَعَتَقِ عَبِيدٍ أَوْ إِبْرَاءِ جَمْعٍ كَقَوْلِهِ: أَعْتَقْتُكُمْ أَوْ أَبْرَأْتُكُمْ أَفْرَعٌ فِي الْعِنَقِ خَاصَّةً حَذْرًا مِنَ التَّشْقِيقِ. وَفَسَطَّ بِالْقِيَمَةِ فِي غَيْرِهِ كَمَا مَرَّ.

1553. atau berhimpun beberapa tabarru' yang lulus, didulukan yang pertama daripadanya maka yang pertama hingga sempurna satu pertiga itu, samada padanya ada memerdekakan hamba atau tidak, dan dihentikan bakinya di atas kelulusan waris. Maka jika didapati tabarru'-tabarru' ini serentak samaada darinya atau dengan wakilan dan satu jenisnya padanya seperti memerdekakan berapa hamba atau melepaskan hutang sekumpulan orang seperti katanya : aku merdekakan kamu semua atau aku lepaskan hutang kamu semua diundi pada khusus merdeka hamba kerana takutkan dari menyetengah-setengahkan. Diagihkan ia dengan nilai pada selain memerdekakan hamba sepertimana telah lalu.

وَإِنْ كَانَتْ التَّبَرُّعَاتُ مُنْجَرَةً وَمُعَلَّقَةً بِالْمَوْتِ قَدَّمَ الْمُنْجَرُ، لِأَنَّهُ يُفِيدُ الْمَلِكَ حَالًا وَلَا زَمًا، لَا يُمَكِّنُ الرَّجُوعُ فِيهِ.

1554. Jika ianya tabarru'-tabarru' lulus dan digantungkan dengan mati didulukan yang lulus, kerana ia memberi faedah pemilikan yang semasa dan lazim, tidak mungkin rujuk padanya.

فُرُوعٌ : لَوْ قَالَ إِنْ أَعْتَقْتُ غَانِمًا فَسَالِمٌ حُرٌّ فَأَعْتَقَ غَانِمًا فِي مَرَضٍ مَوْتِهِ تَعَيَّنَ لِلْعِتْقِ إِنْ خَرَجَ وَخَذَهُ مِنْ التُّلْثِ وَلَا إِفْرَاعَ.

1555. Beberapa cabang. Kalau dia kata : jika aku merdekakan Ghanim maka Salim merdeka, maka dia memerdekakan Ghanim pada sakit matinya tertentu dia untuk merdeka jika dia sendiri sahaja terkeluar dari satu pertiga, dan tidak ada undian.

وَلَوْ أَوْصَى بِحَاضِرٍ هُوَ تُلْثُ مَالِهِ وَبَاقِيَهُ غَائِبٌ لَمْ يَتَسَلَّطْ مُوصِيٌّ لَهُ عَلَى شَيْءٍ مِنْهُ حَالًا. وَلَوْ أَوْصَى بِالتُّلْثِ وَلَهُ عَيْنٌ وَدَيْنٌ دَفَعَ لِلْمُوصَى لَهُ ثُلْثَ الْعَيْنِ وَكُلَّمَا نَصَّ مِنَ الدَّيْنِ شَيْءٌ دَفَعَ لَهُ ثُلْثَهُ.

1556. Kalau dia berwasiat dengan yang suatu hadir yang mana ia satu pertiga hartanya dan baki hartanya ghaib orang yang diwasiatkan baginya tidak menguasai sesuatu darinya pada masa itu. Kalau dia wasiatkan dengan satu pertiga hartanya dan dia memiliki 'ain dan hutang diserahkan kepada orang yang diwasiatkan baginya satu pertiga 'ain itu dan setiap kali sesuatu dari hutang itu menjadi duit diserahkan kepadanya satu pertiganya.

وَيُنْدَبُ لِلْمُوصِي أَنْ لَا يُوصِيَ بِأَكْثَرَ مِنْ ثُلْثِ مَالِهِ. وَالْأَوْلَى أَنْ يُنْقِصَ مِنْهُ شَيْئًا لِخَيْرِ الصَّحِيحِينَ } التُّلْثِ وَالتُّلْثُ كَثِيرٌ {.

1557. Sunat bahawa orang yang berwasiat tidak mewasiatkan lebih dari satu pertiga hartanya. Yang terutama bahawa dia mengurangkan darinya sedikit kerana khabar dua kitab yang sahih “satu pertiga, dan satu pertiga itu banyak”.

(فَإِنْ زَادَ) عَلَى التُّلْثِ ، وَالزِّيَادَةُ عَلَيْهِ مَكْرُوهَةٌ وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ كَمَا قَالَهُ الْمُتَوَلَّى وَعَيْرُهُ وَإِنْ قَالَ الْقَاضِي وَعَيْرُهُ إِنَّهَا مُحَرَّمَةٌ ، (وَقَفَ) الرَّائِدُ (عَلَى إِجَازَةِ الْوَرَثَةِ) . فَتَبْطُلُ الْوَصِيَّةُ بِالرَّائِدِ إِنْ رَدَّهُ وَارِثٌ خَاصٌّ مُطْلَقٌ التَّصَرُّفِ ، لِأَنَّهُ حَقٌّ . فَإِنْ لَمْ يَكُنْ وَارِثٌ خَاصٌّ بَطُلَتْ فِي الرَّائِدِ ، لِأَنَّ الْحَقَّ لِلْمُسْلِمِينَ فَلَا مُجِيزَ ، أَوْ كَانَ وَهُوَ عَيْرٌ مُطْلَقٌ التَّصَرُّفِ فَالظَّاهِرُ كَمَا بَحَثَهُ بَعْضُهُمْ أَنَّهُ إِنْ تَوَقَّعَتْ أَهْلِيَّتُهُ وَقَفَ الْأَمْرُ إِلَيْهَا . وَإِلَّا بَطُلَتْ . وَعَلَيْهِ يُحْمَلُ مَا أَفْتَى بِهِ السُّبْكِيُّ مِنَ الْبُطْلَانِ . وَإِنْ أَجَازَهُ فَاجَازَتُهُ تَنْفِيدٌ لِلْوَصِيَّةِ بِالرَّائِدِ .

1558. (Maka jika dia melebihi) di atas satu pertiga yang mana lebih di atasnya itu makruh dan ia yang muktamad sepertimana kata Mutawalli dan selainnya, sekalipun kata Qadhi dan selainnya bahawa ianya haram, (dihentikan) yang lebih itu (di atas kelulusan para waris). Maka batal wasiat pada yang lebih itu jika waris khas yang bebas tasarruf menolaknya kerana ia haknya. Maka jika tidak ada waris khas batal ia pada yang lebih itu kerana hak itu bagi orang-orang islam maka tidak ada orang yang mengharuskan, atau ada tetapi dia tidak mutlak tasarruf maka yang zahir sepertimana dibahaskan sebahagian mereka bahawa jika dijangkakan keahliannya dihentikan urusannya kepada terhasilnya. Jika tidak batal ia. Di atasnya ditangungkan apa yang difatwakan Subki daripada batalnya, dan jika dia mengharuskannya maka hukum harus olehnya adalah meluluskan wasiat pada yang lebih itu.

(وَلَا تَجُوزُ الْوَصِيَّةُ) أَي تَكْرَهُ كَرَاهَةً تَنْزِيهِ (لِوَارِثِ) خَاصِّ غَيْرِ حَازِرٍ بِرَّائِدٍ عَلَى حِصَّتِهِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { لَا وَصِيَّةَ لِوَارِثٍ } رَوَاهُ أَصْحَابُ السُّنَنِ (إِلَّا أَنْ يُجِيزَهَا بَاقِي الْوَرَثَةِ) الْمُطْلَقِينَ التَّصَرُّفِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { لَا وَصِيَّةَ لِوَارِثٍ إِلَّا أَنْ يُجِيزَهَا بَاقِي الْوَرَثَةِ } رَوَاهُ الْبَيْهَقِيُّ بِإِسْنَادٍ . قَالَ الدَّهَبِيُّ صَالِحٌ وَقِيَاسًا عَلَى الْوَصِيَّةِ لِأَجْنَبِيٍّ بِالرَّائِدِ عَلَى التُّلْثِ ،

1559. (Tidak harus wasiat) iaitu makruh sebagai karahah tanzih (bagi waris) khas yang tidak menghabisi peninggalan dengan yang lebih di atas habuannya kerana sabda nabi s.a.w.m “tidak ada wasiat bagi waris”. Meriwayatkannya tuan tuan kitab

hadith, (melainkan baki waris-waris) yang mutlak tasarruf (mengharuskannya) kerana sabda nabi s.a.w.m “tidak ada wasiat bagi waris melainkan bahawa baki para waris mengharuskannya”, meriwayatkannya Baihaqi dengan beberapa sanad-sanad. Kata Zahabi : yang soleh, dan kerana kias di atas wasiat kepada ajnabi dengan yang lebih di atas satu pertiga.

وَحَرَاجَ بِالْخَاصِّ الْوَارِثِ لِلْعَامِّ كَمَا لَوْ أَوْصَى لِإِنْسَانٍ بِشَيْءٍ ثُمَّ انْتَقَلَ إِرْثُهُ لِنَبِيَّتِ الْمَالِ فَإِنَّ ذَلِكَ يُصْرَفُ إِلَيْهِ وَلَا يَحْتَاجُ إِلَى إِجَازَةِ الْإِمَامِ، وَيَغْيِرُ حَائِزِ مَا لَوْ أَوْصَى لِحَائِزِ بِمَالِهِ كُلِّهِ فَإِنَّهَا بَاطِلَةٌ عَلَى الْأَصَحِّ، وَيَزِيدُ عَلَى حَصَّتِهِ مَا لَوْ أَوْصَى لِوَارِثٍ بِقَدْرِ إِرْثِهِ فَإِنَّ فِيهِ تَفْصِيلًا يَأْتِي بَيْنَ الْمُشَاعِ وَالْمُعَيَّنِ، وَبِالْمُطْلَقِينَ النَّصْرُفُ مَا لَوْ كَانَ فِيهِمْ صَغِيرٌ أَوْ مَجْنُونٌ أَوْ مَحْجُورٌ عَلَيْهِ بِسَفْهِهِ فَلَا تَصِحُّ مِنْهُ الْإِجَازَةُ وَلَا مِنْ وَلِيِّهِ.

1560. Keluar dengan “yang khas” oleh waris yang umum sepertimana kalau dia wasiatkan sesuatu bagi seorang kemudian pusakanya berpindah kepada baitul mal maka demikian itu dipalingkan kepadanya dan tidak diperlukan kepada kelulusan imam, dan dengan “yang tidak menghabisi” oleh keadaan kalau dia wasiatkan kepada orang yang menghabisi semua peninggalannya maka ianya batal di atas yang paling sah, dan dengan “yang lebih di atas habuannya” keadaan kalau dia wasiatkan bagi waris dengan kadar pusakanya maka padanya tafsil yang akan datang di antara kadar* yang melengkap dan kadar yang tertentu, dan dengan “yang mutlak tasarruf” keadaan kalau ada pada mereka itu budak kecil atau orang gila atau yang dihijir dengan safih maka tidak sah kelulusan darinya dan tidak dari walinya.

تَنْبِيْهٌ : فِي مَعْنَى الْوَصِيَّةِ لِلْوَارِثِ الْوَقْفُ عَلَيْهِ وَإِبْرَاؤُهُ مِنْ دَيْنٍ عَلَيْهِ أَوْ هِبَتُهُ شَيْئًا، فَإِنَّهُ يَتَوَقَّفُ عَلَى إِجَازَةِ بَقِيَّةِ الْوَرَثَةِ.

1561. Tanbih. Pada makna wasiat bagi waris adalah wakaf ke atasnya dan melepaskan hutang yang sabit di atasnya atau menghibahkan sesuatu kepadanya maka ia terhenti di atas kelulusan para waris.

نَعَمْ، يُسْتَنْتَى مِنَ الْوَقْفِ صُورَةٌ وَاحِدَةٌ وَهِيَ مَا لَوْ وَقَفَ مَا يَخْرُجُ مِنَ الثَّلَاثِ عَلَى قَدْرِ نَصِيْبِهِمْ كَمَنْ لَهُ ابْنٌ وَبِنْتُ وَلَهُ دَارٌ تَخْرُجُ مِنْ ثُلُثِهِ فَوْقَ ثُلُثَيْهَا عَلَى الْإِبْنِ وَثُلُثُهَا عَلَى الْبِنْتِ فَإِنَّهُ يَنْفَدُ وَلَا يَحْتَاجُ إِلَى إِجَازَةِ فِي الْأَصَحِّ.

1562. Na'am, dikecualikan dari wakaf itu satu rupa masaalah iaitu keadaan kalau dia mewakafkan apa yang keular dari satu pertiga di atas kadar habuan mereka seperti orang yang punya seorang anak lelaki dan seorang anak perempuan dan baginya sebuah rumah yang keluar dari satu pertiga peninggalannya maka dia mewakafkan dua pertiganya ke atas anak lelaki dan satu pertiganya ke atas anak perempuan maka ianya lulus dan tidak perlu kepada kelulusan pada yang paling sah.

فَأَيُّهَا : مِنَ الْحَيْلِ فِي الْوَصِيَّةِ لِلْوَارِثِ أَنْ يَقُولَ : أَوْصَيْتُ لَزَيْدٍ بِأَلْفٍ إِنْ تَبَرَّعَ لَوْلَدِي بِخَمْسِمِائَةٍ مَثَلًا ، فَإِذَا قَبِلَ لَزِمَهُ دَفْعُهَا إِلَيْهِ. وَلَا عِبْرَةَ بِرَدِّ بَقِيَّةِ الْوَرَثَةِ وَإِجَازَتِهِمْ لِلْوَصِيَّةِ فِي حَيَاةِ الْمُوصِي إِذْ لَا اسْتِحْقَاقَ لَهُمْ قَبْلَ مَوْتِهِ، وَالْعِبْرَةُ فِي كَوْنِ الْمُوصِي لَهُ وَارِثًا بِوَقْتِ الْمَوْتِ . فَلَوْ أَوْصَى لِأَخِيهِ فَحَدَّثَ لَهُ ابْنٌ قَبْلَ مَوْتِهِ صَحَّتْ، أَوْ أَوْصَى لِأَخِيهِ وَلَهُ ابْنٌ فَمَاتَ قَبْلَ مَوْتِ الْمُوصِي فَهِيَ وَصِيَّةٌ لِوَارِثٍ.

1563. Faedah. Daripada helah-helah pada wasiat kepada waris bahawa dia katakan : aku wasiatkan bagi Zaid dengan seribu jika dia tabarru' bagi anak ku dengan lima ratus sebagai contoh. Maka bila Zaid menerima lazim dia menyerahkan lima ratus itu kepada anaknya. Tidak ada kiraan dengan penolakkan baki para waris dan kelulusan mereka terhadap wasiat itu pada masa hidup orang yang berwasiat itu kerana tidak ada hak bagi mereka sebelum matinya, dan kiraan pada keadaan orang yang diwasiatkan

kepadanya sebagai waris adalah pada waktu matinya. Maka kalau dia wasiatkan kepada saudara lelakinya maka timbul anak lelaki baginya sebelum matinya sah ia, atau dia wasiatkan kepada saudara lelakinya sedang dia punya anak lelaki maka dia mati sebelum mati yang berwasiat itu maka ia wasiat bagi waris.

وَالْوَصِيَّةُ لِكُلِّ وَارِثٍ بِقَدْرِ حَصَّتِهِ شَائِعًا مِنْ نِصْفٍ أَوْ غَيْرِهِ لَعَوُ، لِأَنَّهُ يَسْتَحِقُّهُ بغيرِ وَصِيَّةٍ. وَخَرَجَ بِكُلِّ وَارِثٍ مَا لَوْ أَوْصَى لِبَعْضِهِمْ بِقَدْرِ حَصَّتِهِ، كَأَنَّ أَوْصَى لِأَحَدٍ بِنَيْهِ الثَّلَاثَةِ بِنُتْ مَالِهِ فَإِنَّهُ يَصِحُّ وَيَتَوَقَّفُ عَلَى الْإِجَارَةِ. فَإِنْ أُجِيزَ أَخَذَهُ، وَقَسِمَ الْبَاقِي بَيْنَهُمْ بِالسُّوِيَّةِ.

1564. Wasiat bagi setiap waris dengan kadar habuannya hal keadaan ianya melengkap, daripada setengah atau selainnya, adalah lagha kerana dia berhak kepada tanpa wasiat. Keluar dengan semua waris keadaan kalau dia wasiatkan bagi sebahagian mereka dengan kadar habuannya, seperti dia wasiatkan bagi seorang dari tiga anak lelakinya dengan satu pertiga hartanya maka ianya sah, dan dihentikan ia di atas kelulusan. Maka jika diluluskan dia mengambilnya dan bakinya dibahagi-bahagikan di antara mereka dengan sama banyak.

وَالْوَصِيَّةُ لِكُلِّ وَارِثٍ بِعَيْنٍ هِيَ قَدْرُ حَصَّتِهِ كَأَنَّ أَوْصَى لِأَحَدٍ ابْنَيْهِ بِعَيْنٍ قِيمَتُهُ أَلْفٌ وَلِلْآخَرِ بِدَارٍ قِيمَتُهَا أَلْفٌ وَهُمَا مَا يَمْلِكُهُ صَحِيحَةٌ، كَمَا لَوْ أَوْصَى بِبَيْعِ عَيْنٍ مِنْ مَالِهِ لَزِيدٌ ، وَلَكِنْ يُفْتَقَرُ إِلَى الْإِجَارَةِ فِي الْأَصَحِّ لِاخْتِلَافِ الْأَعْرَاضِ بِالْأَعْيَانِ وَمَنَافِعِهَا.

1565. Wasiat kepada setiap waris dengan ain yang ianya kadar habuannya seperti bahawa dia wasiatkan kepada seorang daripada dua anak lelakinya seorang hamba yang nilainya seribu dan bagi yang seorang lagi sebuah rumah yang nilainya seribu, dan kedua-duanya apa yang dia miliki, adalah sah sepertimana kalau dia wasiatkan dengan jual satu 'ain dari hartanya kepada Zaid, akan tetapi ia perlu kepada kelulusan pada yang paling sahih kerana berlain-lainan tujuan-tujuan pada 'ain-'ain dan manfaatnya.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الرُّكْنِ الثَّانِي وَهُوَ الْمُوصِي بِقَوْلِهِ : (وَتَجُوزُ) أَي تَصِحُّ (الْوَصِيَّةُ مِنْ كُلِّ مَالِكٍ) بَالِغٍ (عَاقِلٍ) حُرٍّ مُخْتَارٍ بِالْإِجْمَاعِ، لِأَنَّهَا تَبَرُّعٌ، وَلَوْ كَافِرًا حَرَبِيًّا أَوْ غَيْرَهُ، أَوْ مَخْجُورًا عَلَيْهِ بِسَفَهٍ أَوْ فُلْسٍ لَصَحَّتْ عِبَارَتُهُمْ وَاحْتِيَاجُهُمْ لِلنُّوَابِ، فَلَا تَصِحُّ مِنْ صَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَمُعْمَى عَلَيْهِ وَرَقِيقٍ وَلَوْ مُكَاتَبًا، وَمَكْرَهَ كَسَائِرِ الْعُقُودِ، وَلِعَدَمِ مِلْكِ الرَّقِيقِ أَوْ ضَعْفِهِ. وَالسُّكْرَانُ كَالْمُكْتَفِ.

1566. Kemudian dia masuk pada rukun kedua iaitu orang yang berwasiat dengan katanya (**harus**) iaitu sah (**wasiat dari setiap pemilik**) yang baligh (**yang berakal**) yang merdeka yang memilih, dengan ijmak kerana ia tabarru', walaupun dia kafir harbi atau selainnya atau dihijir dengan safih atau mufliis kerana sah ibarat mereka dan hajat mereka kepada pahala. Maka tidak sah ia dari kanak-kanak dan orang gila dan orang yang pitam dan hamba walaupun mukatab dan yang dipaksa seperti sekalian akad-akad kerana tidak ada pemilikan hamba atau lemahnya. Orang mabuk sama seperti mukallaf.

تَنْبِيْهٌ : دَخَلَ فِي الْكَافِرِ الْمُرْتَدِّ فَتَصِحُّ وَصِيَّتُهُ. نَعَمْ إِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ كَافِرًا بَطَلَتْ وَصِيَّتُهُ، لِأَنَّ مِلْكَهُ مَوْقُوفٌ عَلَى الْأَصَحِّ.

1567. Tanbih. Masuk pada "kafir" oleh murtad maka sah wasiatnya. Na'am, jika dia mati atau dibunuh batal wasiatnya kerana miliknya dibekukan di atas yang paling sahih.

وَالْمُوصَى لَهُ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّلَاثُ إِمَّا أَنْ يَكُونَ مُعَيَّنًا أَوْ غَيْرَ مُعَيَّنٍ. وَقَدْ شَرَعَ الْمُصَنِّفُ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى فِي الْقِسْمِ الْأَوَّلِ بِقَوْلِهِ : (لِكُلِّ مَتَمَّكَ) أَي بَأَنْ يَتَصَوَّرَ لَهُ الْمَلِكُ عِنْدَ مَوْتِ الْمُوصِي وَلَوْ بِمُعَاقَدَةٍ وَلِيَّهِ، فَلَا تَصِحُّ الْوَصِيَّةُ لِذَاتِهِ، لِأَنَّهَا لَيْسَتْ أَهْلًا لِلْمَلِكِ.

1568. Yang diwasiatkan baginya iaitu rukun ketiga samaada ianya tertentu atau tidak tertentu. Sungguhnya musannif rahimahullah masuk pada bahagian yang pertama dengan katanya (**bagi setiap yang boleh memilik**) iaitu dengan bahawa boleh digambarkan pemilikan baginya di sisi mati orang yang berwasiat walaupun dengan diakadkan oleh walinya, maka tidak sah wasiat bagi dabbah kerana ia bukan ahli bagi memilik.

وَقَضِيَّةٌ هَذَا أَنَّهَا لَا تَصِحُّ لِمَيِّتٍ، وَهُوَ كَذَلِكَ. وَقَوْلُ الرَّافِعِيِّ فِي بَابِ التَّيْمَمِ إِنَّهُ لَوْ أَوْصَى بِمَاءٍ لِأَوْلَى النَّاسِ بِهِ وَهُنَاكَ مَيِّتٌ قَدِمَ عَلَى الْمُتَنَجِّسِ أَوْ الْمُحَدِّثِ الْحَيِّ عَلَى الْأَصَحِّ لَيْسَ فِي الْحَقِيقَةِ وَصِيَّةٌ لِمَيِّتٍ بَلْ لَوْلِيَّهِ، لِأَنَّهُ الَّذِي يَتَوَلَّى أَمْرَهُ.

1569. Kehendak ini bahawa tidak sah ia bagi mayat yang mana ia seperti demikian itu. Kata Rafi'e didalam bab tayammum "kalau seorang mewasiatkan air kepada manusia yang terutama dengannya dan disana ada mayat didulukan dia di atas orang yang bernajis atau yang berhadath yang hidup di atas yang paling sah" pada hakikatnya bukan wasiat bagi mayat bahkan bagi walinya kerana dia orang yang menguruskan urusannya.

وَيُسْتَرْطُ فِيهِ أَيْضًا عَدَمُ الْمَعْصِيَةِ وَأَنْ يَكُونَ مُعَيَّنًا، وَأَنْ يَكُونَ مَوْجُودًا. فَلَا تَصِحُّ لِكَافِرٍ بِمُسْلِمٍ لِكُونِهَا مَعْصِيَةً، وَلَا لِأَحَدٍ هَدْيَيْنِ الرَّجُلَيْنِ لِلْجَهْلِ بِهِ، نَعَمْ إِنْ قَالَ : أَعْطُوا هَذَا لِأَحَدٍ هَدْيَيْنِ، صَحَّ كَمَا لَوْ قَالَ لِوَكِيلِهِ : بَعْهُ لِأَحَدٍ هَدْيَيْنِ، وَلَا لِحَمَلٍ سَيَحْدُثُ.

1570. Disyaratkan padanya juga tidak ada maksiat dan bahawa ianya tertentu dan bahawa ianya ujud. Maka tidak sah wasiat bagi kafir dengan muslim kerana keadaannya maksiat, dan tidak bagi seorang daripada dua lelaki ini kerana dijahilkan dia, na'am jika dia kata : berikanlah ini bagi seorang dari dua orang ini sah ia sepertimana kalau dia kata kepada wakilnya : jualkannya kepada seorang dari dua orang ini, dan tidak bagi kandungan yang akan ujud.

تَنْبِيْهُ : يُؤْخَذُ مِنْ اِعْتِبَارِ تَصَوُّرِ الْمَلِكِ اِشْتِرَاطُ كَوْنِ الْمُوصَى بِهِ مَمْلُوكًا لِلْمُوصِي فَتَمْتَنِعُ الْوَصِيَّةُ بِمَالِ الْغَيْرِ وَهُوَ قَضِيَّةٌ كَلَامِ الرَّافِعِيِّ فِي الْكِتَابَةِ. وَقَالَ النَّوَوِيُّ : قِيَاسُ الْبَابِ الصِّحَّةِ، أَي يَصِيرُ مُوصَى بِهِ إِذَا مَلَكَهُ قَبْلَ مَوْتِهِ.

1571. Tanbih. Difaham dari mengiktibarkan tergambar pemilikan itu disyaratkan keadaan benda yang diwasiatkan milik orang yang berwasiat, maka tidak boleh wasiat dengan harta orang lain, yang mana ia kehendak kalam Rafi'e pada kitabah. Kata Nawawi : kias bab kitabah itu adalah sahnya, iaitu jadalah ia barang yang diwasiatkan apabila dia memilikinya sebelum dia mati.

وَلَوْ فَسَّرَ الْوَصِيَّةَ لِلذَّابَةِ بِالصَّرْفِ فِي عِلْفِهَا صَحَّ، لِأَنَّ عِلْفَهَا عَلَى مَالِكِهَا فَهُوَ الْمَقْصُودُ بِالْوَصِيَّةِ. فَيُسْتَرْطُ قَبُولُهُ. وَيَتَعَيَّنُ الصَّرْفُ إِلَى جِهَةِ الذَّابَةِ رِعَايَةً لِعَرَضِ الْمُوصِي. وَلَا يُسَلَّمُ عِلْفُهَا لِلْمَالِكِ بَلْ يَصْرَفُهُ الْوَصِيُّ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ فَالْقَاضِي وَلَوْ بِنَائِبِهِ.

1572. Kalau dia mentafsirkan wasiat kepada dabbah dengan memalingkannya kepada umpannya sah ia kerana umpannya wajib di atas pemiliknya maka dia adalah yang dimaksudkan dengan wasiat itu. Maka disyaratkan penerimaannya, dan tertentu memalingkannya kepada pihak dabbah itu kerana memelihara tujuan orang yang

berwasiat itu. Tidak diserahkan umpannya kepada pemiliknya, sebaliknya pemegang amanah yang memalingkannya, maka jika dia tidak ada maka qadhi walaupun dengan naibnya.

وَتَصِحُّ لِكَافِرٍ وَلَوْ حَرْبِيًّا وَمُرْتَدًّا وَقَاتِلَ بِحَقِّ أَوْ غَيْرِهِ كَالصَّدَقَةِ عَلَيْهِمَا وَالْهَبَةِ لَهُمَا. وَصُورَتُهَا فِي الْقَاتِلِ أَنْ يُوصِيَ لِرَجُلٍ فَيُقْتَلُهُ، وَلِحَمَلٍ إِنْ انفَصَلَ حَيًّا حَيَاةً مُسْتَقَرَّةً لِدُونِ سِتَّةِ أَشْهُرٍ مِنْهَا لِلْعَمَلِ بِأَنَّهُ كَانَ مُوجُودًا عِنْدَهَا، أَوْ لِأَكْثَرِ مِنْهُ وَلِأَرْبَعِ سِنِينَ فَأَقَلَّ مِنْهَا وَلَمْ تَكُنْ الْمَرْأَةُ فِرَاشًا لِزَوْجٍ أَوْ سَيِّدٍ، فَإِنْ كَانَتْ فِرَاشًا لَهُ أَوْ انفَصَلَ لِأَكْثَرِ مِنْ أَرْبَعِ سِنِينَ لَمْ تَصِحَّ الوَصِيَّةُ لِاحْتِمَالِ خُدُوثِهِ مَعَهَا أَوْ بَعْدَهَا فِي الْأُولَى وَلِعَدَمِ وُجُودِهِ عِنْدَهَا فِي الثَّانِيَةِ.

1573. Sah wasiat bagi kafir walaupun harbi dan murtad dan orang yang membunuh dengan hak atau tanpa hak sama seperti sedekah ke atas kedua mereka dan hibah bagi mereka. Rupanya pada yang membunuh bahawa dia wasiatkan kepada seorang lelaki maka dia membunuhnya. Dan sah ia bagi kandungan jika ia bercerai dalam keadaan hidup mustaqirrah dalam tempoh yang kurang dari enam bulan dari wasiat itu kerana mengamalkan dengan bahawa dia ujud ketika wasiat itu atau dalam tempoh yang lebih darinya, dan dalam tempoh empat tahun maka kurang dari wasiat itu dan perempuan itu tidak menjadi hamparan bagi suami atau penghulu. Maka jika dia hamparan baginya atau bercerai kandungan itu pada masa yang lebih dari empat tahun tidak sah wasiat itu kerana ihtimal kandungan itu baru bersamanya* atau selepasnya pada yang pertama, dan kerana tidak ujudnya ketika wasiat pada yang kedua.

وَتَصِحُّ لِعِمَارَةِ مَسْجِدٍ وَمَصَالِحِهِ وَمُطْلَقًا. وَتُحْمَلُ عِنْدَ الْإِطْلَاقِ عَلَيْهِمَا عَمَلًا بِالْعُرْفِ فَإِنْ قَالَ: أَرَدْتُ تَمْلِيكَهُ، فَقِيلَ تَبْطُلُ الوَصِيَّةُ. وَبَحَثَ الرَّافِعِيُّ صِحَّتَهَا بِأَنَّ لِلْمَسْجِدِ مِلْكًا وَعَلَيْهِ وَقَفًا. قَالَ النَّوَوِيُّ: هَذَا هُوَ الْأَفْقَهُ الْأَرْجَحُ.

1574. Sah wasiat untuk membangunkan masjid dan maslahatnya dan semata-mata. Ditanggungkan ia di sisi tidak dikaitkan ke atas keduanya kerana mengamalkan uruf. Maka jika dia kata : aku hendak memilikkannya, maka dikatakan batal wasiat itu. Rafi'e membahaskan sahnya dengan sebab bahawa "bagi masjid" adalah milik dan "di atasnya" adalah wakaf. Kata Nawawi : ini yang lebih fekah dan lebih rajih.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الثَّانِي وَهُوَ الوَصِيَّةُ لِغَيْرِ مَعِينٍ بِقَوْلِهِ: (وَ) تَجُوزُ الوَصِيَّةُ (فِي سَبِيلِ اللَّهِ) تَعَالَى، لِأَنَّهُ مِنَ الْقُرْبَاتِ، وَتُصَرَّفُ إِلَى الْعُرَاةِ مِنْ أَهْلِ الزَّكَاةِ، لِثُبُوتِ هَذَا الْإِسْمِ لَهُمْ فِي عُرْفِ الشَّرْعِ. وَيُسْتَنْرَطُ فِي الوَصِيَّةِ لِغَيْرِ الْمُعِينِ أَنْ لَا تَكُونَ جِهَةً مَعْصِيَةً كَعِمَارَةِ كَنِيسَةٍ لِلتَّعَبُّدِ فِيهَا وَكِتَابَةِ التَّوْرَةِ وَالْإِنْجِيلِ وَقِرَاءَتِهِمَا وَكِتَابَةِ كُتُبِ الْفُلْسُفَةِ وَسَائِرِ الْعُلُومِ الْمُحَرَّمَاتِ.

1575. Kemudian dia masuk pada bahagian kedua iaitu wasiat kepada yang tidak tertentu dengan katanya : (dan) harus wasiat (pada jalan Allah) taala kerana ia daripada dampingan-dampingan diri. Dipalingkan ia kepada orang-orang yang berperang yang dari kalangan ahli zakat kerana sabit nama ini bagi mereka pada 'uruf syara'. Disyaratkan pada wasiat kepada yang tidak tertentu itu bahawa ia bukannya pihak maksiat seperti memajukan gereja untuk ibadat padanya dan menulis Taurat dan Injil dan membaca keduanya dan menulis kitab-kitab falsafah dan sekalian ilmu-ilmu yang haram.

وَمِنْ ذَلِكَ الوَصِيَّةُ لِذَهْنِ سِرَاجِ الْكَنِيسَةِ تَعْظِيمًا لَهَا. أَمَا إِذَا قَصَدَ انْتِفَاعَ الْمُقِيمِينَ وَالْمُجَاوِرِينَ بِضَوْنِهَا فَالْوَصِيَّةُ جَائِزَةٌ وَإِنْ خَالَفَ فِي ذَلِكَ الْأَدْرَعِيُّ، وَسَوَاءٌ أَوْصَى بِمَا ذَكَرَ مُسْلِمٌ أَوْ كَافِرٌ.

1576. Daripada demikian itu wasiat untuk menyalakan lampu gereja demi mengagongkannya. Adapun apabila dia maksudkan ambilan manfaat orang yang berada didalamnya i.e yang tidak beribadat dan orang yang berjiran dengan cahayanya maka wasiat itu harus sekalipun Azrai'e menyalahi pada demikian itu. Sama sahaja yang berwasiat dengan apa yang disebutkan itu muslim atau kafir.

وَإِذَا انْتَفَتِ الْمَعْصِيَةُ فَلَا فَرْقَ بَيْنَ أَنْ تَكُونَ قُرْبَةً كَالْفُقَرَاءِ وَبِنَاءِ الْمَسَاجِدِ أَوْ مَبَاحَةً لَا يَظْهَرُ فِيهَا قُرْبَةٌ كَالْوَصِيَّةِ لِلْأَغْنِيَاءِ وَفَكَ أَسَارَى الْكُفَّارِ مِنَ الْمُسْلِمِينَ، لِأَنَّ الْقَصْدَ مِنَ الْوَصِيَّةِ تَدَارُكُ مَا فَاتَ فِي حَالِ الْحَيَاةِ مِنَ الْإِحْسَانِ، فَلَا يَجُوزُ أَنْ تَكُونَ مَعْصِيَةً.

1577. Apabila ternafi maksiat maka tidak ada beza di antara ianya dampingan diri seperti para fakir dan bina masjid atau mubah yang tidak zahir dampinan diri padanya seperti wasiat bagi orang-orang kaya dan melepaskan lawanan kafir dari orang islam kerana tujuan wasiat itu memperdapatkan apa yang luput pada masa hidup daripada perbuatan baik maka tidak harus bahawa ianya maksiat.

تَنْبِيْهٌ : سَكَتَ الْمُصْتَفَى رَحِمَهُ اللهُ تَعَالَى عَنِ الصِّيغَةِ وَهُوَ الرُّكْنُ الرَّابِعُ، وَشَرْطٌ فِيهَا لَفْظٌ يُشْعِرُ بِالْوَصِيَّةِ وَفِي مَعْنَاهُ مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ.

1578. Tanbih, musannif rahimahullah taala diam dari sighth yang mana ia rukun keempat. Disyaratkan padanya lafaz yang memahamkan wasiat. Pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman.

وَهِيَ تَنْقَسِمُ إِلَى صَرِيحٍ كَأَوْصَيْتُ لَهُ بِكَذَا أَوْ أَعْطُوهُ لَهُ أَوْ هُوَ لَهُ أَوْ وَهَيْتُهُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِي فِي الثَّلَاثَةِ، وَإِلَى كِنَايَةٍ كَهُوَ لَهُ مِنْ مَالِي . وَمَعْلُومٌ أَنَّ الْكِتَابَةَ تَفْتَقِرُ إِلَى النِّيَّةِ. وَالْكِتَابَةُ كِنَايَةٌ فَتَنْعَقِدُ بِهَا مَعَ النِّيَّةِ كَالْبَيْعِ وَأُولَى. فَلَوْ اقْتَصَرَ عَلَى قَوْلِهِ هُوَ لَهُ فَقَطْ فَأِقْرَارٌ لَا وَصِيَّةٌ.

1579. Sighth itu terbahagi kepada yang jelas seperti “aku wasiatkan baginya dengan sekian” atau “aku berikan ia kepadanya” atau “ia baginya” atau “aku hibahkan kepadanya selepas aku mati” pada tiga ini, dan kepada yang kinayah seperti “ia baginya daripada harta ku”, dan maklum bahawa kinayah berhajat kepada niat. Tulisan adalah kinayah, maka terjadi wasiat dengannya beserta niat, sama seperti jualan dan terutama. Maka kalau dia menghadkan di atas katanya “ia baginya” sahaja maka ikrar bukan wasiat.

وَتَلَزَمَ الْوَصِيَّةَ بِمَوْتٍ، لَكِنْ مَعَ قَبُولِ بَعْدَهُ وَلَوْ بِنَرَاخٍ فِي مُوصَى لَهُ مُعَيَّنٍ، وَإِنْ تَعَدَّدَ. وَلَا يُشْتَرَطُ الْقَبُولُ فِي غَيْرِ مُعَيَّنٍ كَالْفُقَرَاءِ. وَيَجُوزُ الْإِقْتِصَارُ عَلَى ثَلَاثَةٍ مِنْهُمْ، وَلَا تَجِبُ التَّسْوِيَةُ بَيْنَهُمْ.

1580. Lazim wasiat dengan mati, akan tetapi serta qabul selepasnya walaupun lambat, pada yang diwasiatkan baginya yang tertentu, sekalipun berbilang-bilang. Tidak disyaratkan qabul pada yang tidak tertentu seperti para fakir. Harus menghadkan di atas tiga orang dari mereka, dan tidak wajib menyamakan di antara mereka.

وَإِنَّمَا لَمْ يُشْتَرَطِ الْقَبُولُ فِي الْقَبُولِ، لِأَنَّهُ إِنَّمَا يُشْتَرَطُ فِي الْعُقُودِ الَّتِي يُشْتَرَطُ فِيهَا ارْتِبَاطُ الْقَبُولِ بِالْإِجَابِ، فَلَا يَصِحُّ قَبُولٌ وَلَا رَدٌّ فِي حَيَاةِ الْمُوصِي إِذْ لَا حَقَّ لَهُ قَبْلَ الْمَوْتِ، فَأَشْبَهَ إِسْقَاطَ الشُّفْعَةِ قَبْلَ الْبَيْعِ. فَلِمَنْ قَبِلَ فِي الْحَيَاةِ الرَّدُّ بَعْدَ الْمَوْتِ وَبِالْعَكْسِ.

1581. Hanyalah tidak disyaratkan segera pada qabul kerana ia hanyalah disyaratkan pada akad-akad yang disyaratkan padanya tambatan qabul dengan ijab sedangkan tidak sah qabul dan tidak tolakkan ketika yang berwasiat masih hidup kerana tidak ada hak baginya sebelum matinya. Maka ia serupa dengan menggugurkan syuf'ah

sebelum jual. Maka orang yang menerima pada masa hidup orang yang berwasiat boleh menolak selepas matinya, dan 'akasnya.

وَيَصِحُّ الرَّدُّ بَيْنَ الْمَوْتِ وَالْقَبُولِ لَا بَعْدَهُمَا وَبَعْدَ الْقَبْضِ . وَأَمَّا بَعْدَ الْقَبُولِ وَقَبْلَ الْقَبْضِ فَأَلَاوَجُهُ عَدَمُ الصِّحَّةِ كَمَا صَحَّحَهُ النَّوَوِيُّ فِي الرِّوَايَةِ كَأَصْلِهَا، وَإِنْ صَحَّحَ فِي تَصْحِيحِهِ الصِّحَّةَ .

1582. Sah menolak di antara mati dan qabul, tidak selepas keduanya dan selepas terimaserahan. Adapun selepas qabul dan sebelum terimaserahan maka yang paling ada wajah tidak sahnya sepertimana disahkan Nawawi didalam Raudhah seperti asalnya, sekalipun dia mengesahkan didalam Tashihnya sahnya

فَإِنْ مَاتَ الْمُوصِي لَهُ قَبْلَ الْمُوصِي بَطَلَتْ الْوَصِيَّةُ، لِأَنَّهَا قَبْلَ الْمَوْتِ غَيْرُ لَازِمَةٍ فَبَطَلَتْ بِالْمَوْتِ . وَإِنْ مَاتَ بَعْدَ الْمُوصِي وَقَبْلَ الْقَبُولِ وَالرَّدِّ خَلْفَهُ وَارِثُهُ فِيهِمَا . فَإِنْ كَانَ الْوَارِثُ بَيْتَ الْمَالِ فَالْقَابِلُ وَالرَّادُّ هُوَ الْإِمَامُ .

1583. Maka jika orang yang diwasiatkan baginya mati sebelum yang berwasiat batal wasiat itu kerana ia sebelum matinya tidak lazim maka batal ia dengan mati. Jika dia mati selepas mati yang berwasiat dan sebelum terima dan tolak menggantikannya warisnya pada keduanya. Maka jika waris itu baitul mal maka yang menerima dan menolak adalah imam.

وَمِنْكَ الْمُوصَى لَهُ الْمُعَيَّنَ لِلْمُوصَى بِهِ الَّذِي لَيْسَ بِإِعْتَاقِ بَعْدَ مَوْتِ الْمُوصِي وَقَبْلَ الْقَبُولِ مَوْفُوتٍ ، إِنْ قَبِلَ بَانَ أَنَّهُ مَلَكَهُ بِالْمَوْتِ، وَإِنْ رُدَّ بَانَ أَنَّهُ لِلْوَارِثِ . وَيَتَّبَعُهُ فِي الْوَقْفِ الْفَوَائِدُ الْحَاصِلَةُ مِنَ الْمُوصَى بِهِ كَثْمَرَةٍ وَكَسْبٍ وَالْمُونَةَ وَلَوْ فِطْرَةً .

1584. Pemilikan orang yang diwasiatkan baginya terhadap barang yang diwasiatkan yang bukannya kemerdekaan hamba selepas mati yang berwasiat dan sebelum terima adalah dibekukan, jika ia diterima ternyata bahawa ia miliknya dengan sebab kematian itu, dan jika ia ditolak ternyata bahawa ia bagi waris. Mengikutnya pada pembekuan itu faedah-faedah yang terhasil dari apa yang diwasiatkan seperti buah dan usaha dan saraan walaupun fitrah.

وَيُطَالَبُ الْوَارِثُ الْمُوصَى لَهُ أَوْ الرَّقِيقَ الْمُوصَى بِهِ أَوْ الْقَائِمَ مَقَامَهُمَا مِنْ وَلِيِّ وَوَصِيِّ بِالْمُؤْنِ إِنْ تَوَقَّفَ فِي قَبُولِ وَرَدٍ كَمَا لَوْ ائْتَمَعَ مُطْلَقُ إِحْدَى زَوْجَتَيْهِ مِنَ التَّعْيِينِ . فَإِنْ لَمْ يَقْبَلْ أَوْ يَرُدَّ خَيْرَهُ الْحَاكِمُ بَيْنَ الْقَبُولِ وَالرَّدِّ . فَإِنْ لَمْ يَفْعَلْ حُكْمَ الْبَيْطَانِ كَالْمُتَحَجَّرِ إِذَا ائْتَمَعَ مِنَ الْإِحْيَاءِ . أَمَّا لَوْ أَوْصَى بِإِعْتَاقِ رَقِيقٍ فَالْمَلِكُ فِيهِ لِلْوَارِثِ إِلَى إِعْتَاقِهِ، فَالْمُونَةُ عَلَيْهِ .

1585. Dituntut waris orang yang diwasiatkan baginya atau hamba yang diwasiatkan dengannya atau orang yang berdiri pada tempat kedua mereka daripada wali dan pemegang amanah wasiat dengan saraan-saraan itu jika wasiat* itu terhenti pada penerimaan dan tolakkan sepertimana kalau orang yang mentalakkan seorang dari dua isterinya enggan dari menentukan. Maka jika dia tidak menerima atau menolak hakim memberinya pilihan di antara terima dan tolak. Maka jika dia tidak buat dihukumkan dengan batalnya sama seperti orang yang menempah tanah mati bila enggan dari menghidupkannya. Adapun kalau dia wasiat dengan memerdekakan hamba maka milik padanya bagi waris hingga merdekanya, maka saraan kena di atasnya

وَالْمُوصَى رُجُوعٌ فِي وَصِيَّتِهِ وَعَنْ بَعْضِهَا بَنَحُو نَقَضَتْهَا كَأَبْطَلْتَهَا وَبَنَحُو قَوْلُهُ هَذَا لِوَارِثِي مُشِيرًا إِلَى الْمُوصَى بِهِ، وَبَنَحُو بَيْعٌ وَرَهْنٌ وَكِتَابَةٌ لِمَا وَصَى بِهِ وَلَوْ بِلَا قَبُولِ، وَبِوَصِيَّةٍ بِذَلِكَ وَتَوَكُّيلٌ بِهِ وَعَرْضٌ عَلَيْهِ، وَخَلْطُهُ بَرًّا مُعَيَّنًا وَصَى بِهِ وَخَلْطُهُ صُبْرَةً وَصَى بِصَاعٍ مِنْهَا بِأَجُودٍ مِنْهَا ، وَطَخْنُهُ بَرًّا وَصَى بِهِ وَبَدْرَهُ لَهُ،

وَعَجْنِهِ دَقِيقًا وَصَيَّ بِهِ، وَعَزَلَهُ فُطْنًا وَصَيَّ بِهِ، وَتَسَجِهَ عَزْلًا وَصَيَّ بِهِ، وَقَطَعَهُ نُوْبًا وَصَيَّ بِهِ فَمِيصًا،
وَبِنَانِهِ وَغِرَاسِهِ بِأَرْضٍ وَصَيَّ بِهَا.

1586. Boleh orang yang berwasiat rujuk pada wasiatnya dan dari sebahagiannya dengan umpama “aku batalkan” dan dengan umpama katanya “ini bagi para waris aku” hal keadaan dia mengisyarat kepada apa yang diwasiatkan, dan dengan umpama jual dan gadai dan kitabah apa yang dia wasiatkan walaupun tanpa qabul, dan dengan wasiat dengan demikian itu dan dengan dia wakikan dengannya dan menawarkan di atasnya, dan dengan dia menggaulkan gandum yang tertentu yang dia wasiatkan dan dengan dia menggaulkan satu longgok yang dia wasiatkan segantang darinya dengan yang lebih baik darinya, dan dengan dia mengisar gandum yang dia wasiatkan, dan dengan dia menjadikannya benih, dan dengan dia menguli tepung yang dia wasiatkan, dan dengan dia pintal kapas yang dia wasiatkan, dan dengan dia tenun benang yang dia wasiatkan, dan dengan dia potong menjadi gamis kain yang dia wasiatkan, dan dengan dia membuat binaan dan menanam pada tanah yang dia wasiatkan.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْإِيصَاءِ وَهُوَ إِثْبَاتُ تَصَرُّفٍ مُضَافٍ لِمَا بَعْدَ الْمَوْتِ بِقَوْلِهِ : (وَتَصَحُّ الْوَصِيَّةِ) بِمَعْنَى الْإِيصَاءِ فِي التَّصَرُّفَاتِ الْمَالِيَّةِ الْمُبَاحَةِ يُقَالُ : أَوْصَيْتُ لِفُلَانٍ بَكْدًا وَأَوْصَيْتُ إِلَيْهِ، وَوَصَيْتُهُ إِذَا جَعَلْتَهُ وَصِيًّا. وَقَدْ أَوْصَى ابْنُ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ فَكَتَبَ : وَصَيْتِي إِلَى اللَّهِ تَعَالَى وَإِلَى الرَّبِيرِ وَابْنِهِ عَبْدَ اللَّهِ.

1587. Kemudian dia masuk pada pesanan¹⁰² iaitu mensabitkan tasarruf yang disandarkan kepada apa yang selepas mati dengan katanya : (**sah pesan**) dengan makna pesan pada tasarruf-tasaruf harta yang mubah. Dikatakan “أَوْصَيْتُ لِفُلَانٍ بَكْدًا” dan “أَوْصَيْتُ إِلَيْهِ” dan “وَصَيْتُهُ” apabila kamu jadikannya sebagai pemegang wasiat. Sungguhnya Ibnu Mas’ud r.a berpesan maka dia menulis : wasiat aku kepada Allah taala dan kepada Zubair dan anak lelakinya Abdullah.

وَأَرْكَانُ الْإِيصَاءِ أَرْبَعَةٌ : مُوصٍ وَوَصِيٌّ وَمُوصَى فِيهِ وَصِيغَةٌ.

1588. Rukun-rukunnya empat : yang berpesan dan yang dipesani dan yang dipesankan padanya dan sighthah.

وَشَرَطٌ فِي الْمَوْصِي بِقَضَاءِ حَقِّ كَدَيْنٍ وَتَنْفِيذِ وَصِيَّةٍ وَرَدِّ وَدِيْعَةٍ وَعَارِيَّةٍ مَا مَرَّ فِي الْمَوْصِي بِمَالٍ وَقَدْ مَرَّ بِيَانِهِ. وَشَرَطٌ فِي الْمَوْصِي بِنَحْوِ أَمْرِ طِفْلِ كَمَجْنُونٍ وَمَحْجُورٍ بِسَفْهِ مَعَ مَا مَرَّ وَلايَةٌ عَلَيْهِ ابْتِدَاءً مِنَ الشَّرْعِ لَا بِتَفْوِيضٍ، فَلَا يَصِحُّ الْإِيصَاءُ مِمَّنْ فَقَدَ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ كَصَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَمُكْرَهٍ وَمَنْ بِهِ رِقٌّ وَأَمٍّ وَعَمٌّ وَوَصِيٌّ لَمْ يُؤَدِّنْ لَهُ فِيهِ.

1589. Disyaratkan pada orang yang berpesan dengan menunaikan hak seperti hutang dan melaksanakan wasiat dan memulangkan barang wadhiah dan barang pinjaman apa yang telah lalu pada orang yang berwasiat dengan harta, sungguh telah lalu keterangannya. Disyaratkan pada yang berpesan dengan umpama urusan kanak-kanak seperti orang gila dan yang dihijir dengan safih serta apa yang telah lalu akan kewalian di atasnya pada mula-mula dari syara’ tidak dengan penyerahan, maka tidak sah pesan dari orang yang luput suatu dari demikian itu seperti kanak-kanak dan orang gila dan orang yang dipaksa dan orang yang ada kehambaan padanya dan emak dan bapa saudara dan pemegang wasiat yang tidak diizinkan dia padanya.

¹⁰². iaitu wasiat pada melakukan tasarruf. ia juga adalah “wasiat” pada istilah melayu yang meluas, akan tetapi disini diterjemahkan dengan pesan untuk membezakan dengan wasiat dengan harta.

وَيَصِحُّ الْإِيصَاءُ (إِلَى مَنْ اجْتَمَعَتْ فِيهِ خَمْسُ شَرَائِطٍ) عِنْدَ الْمَوْتِ . وَتَرَكَ سَادِسًا وَسَابِعًا كَمَا سَتَعْرِفُهُ .
 الْأَوَّلُ (الْإِسْلَامُ) فِي مُسْلِمٍ . (وَ) الثَّانِي : (الْبُلُوغُ وَ) الثَّلَاثُ : (الْعَقْلُ وَ) الرَّابِعُ : (الْحُرِّيَّةُ وَ) الْخَامِسُ :
 (الْأَمَانَةُ) وَعَبَّرَ بَعْضُهُمْ عَنْهَا بِالْعَدَالَةِ وَلَوْ ظَاهِرَةً وَكِلَاهُمَا صَحِيحٌ . وَالسَّادِسُ : الْإِهْتِدَاءُ إِلَى التَّصَرُّفِ
 كَمَا هُوَ الصَّحِيحُ فِي الرُّوْضَةِ . وَالسَّابِعُ : عَدَمُ عِدَاوَةٍ مِنْهُ لِلْمَوْلَى عَلَيْهِ، وَعَدَمُ جَهَالَةٍ .

1590. Sah pesan (kepada orang yang berhimpun padanya lima syarat) di sisi matinya. Dia meninggalkan yang keenam sepertimana akan kamu tahu.

- Pertamanya : (islam) pada orang Islam.
- keduanya : (baligh)
- ketiganya : (akal)
- keempatnya (merdeka)
- kelimanya : (amanah). Sebahagian mereka mengibaratkan darinya dengan adil walaupun pada zahir. Kedua-duanya betul.
- keenamnya : mampu melakukan tasarruf sepertimana ianya didalam Raudhah.
- ketujuhnya : tidak ada perseteruan darinya terhadap anak waliannya dan tidak dijahilkan.

فَلَا يَصِحُّ الْإِيصَاءُ إِلَى مَنْ فَقَدَ شَيْئًا مِنْ ذَلِكَ كَصَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَفَاسِقٍ وَمَجْهُولٍ وَمَنْ بِهِ رِقٌّ أَوْ عِدَاوَةٌ ،
 وَكَافِرٍ عَلَى مُسْلِمٍ، وَمَنْ لَا يَكْفِي فِي التَّصَرُّفِ لِسَفَهٍ أَوْ هَرَمٍ أَوْ لِعَيْرِهِ لِعَدَمِ الْأَهْلِيَّةِ فِي بَعْضِهِمْ وَلِلتَّهْمَةِ فِي
 الْبَاقِي . وَيَصِحُّ الْإِيصَاءُ إِلَى كَافِرٍ مَعْصُومٍ عَدْلٍ فِي دِينِهِ عَلَى كَافِرٍ .

1591. Maka tidak sah pesan kepada orang yang luput suatu daripada demikian itu seperti kanak-kanak dan orang gila dan orang fasik dan orang yang tidak dikenali dan orang yang ada sifat kehambaan padanya atau perseteruan, dan kafir di atas muslim dan orang yang tidak memada pada tasarruf kerana safih atau tua atau kerana selainnya kerana tidak ada keahlian pada sebahagian mereka dan kerana tohmah pada bakinya. Sah pesan kepada kafir yang terpelihara darah yang adil pada ugamanya ke atas kafir.

وَاعْتَبِرْتَ الشَّرْطَ عِنْدَ الْمَوْتِ لَا عِنْدَ الْإِيصَاءِ وَلَا بَيْنَهُمَا، لِأَنَّهُ وَقْتُ التَّسَلُّطِ عَلَى الْقَبُولِ حَتَّى لَوْ أَوْصَى لِمَنْ
 خَلَا عَنِ الشَّرْطِ أَوْ بَعْضِهَا كَصَبِيٍّ وَرَقِيقٍ ثُمَّ اسْتَكْمَلَهَا عِنْدَ الْمَوْتِ صَحَّ .

1592. Diiktibarkan syarat-syarat ini di sisi mati orang yang berwasiat bukan di sisi ketika dia berpesan, dan tidak di antara keduanya, kerana ia waktu kuasa di atas menerima hinggakan kalau dia berpesan kepada orang yang sunyi dari syarat-syarat ini atau sebahagiannya seperti kanak-kanak dan hamba, kemudian dia lengkap dengannya di sisi matinya, sah ia.

وَلَا يَضُرُّ عَمَى، لِأَنَّ الْأَعْمَى مَتَمَكِّنٌ مِنَ التَّوَكُّيلِ فِيمَا لَا يَتِمَكَّنُ مِنْهُ، وَلَا أُتُوْتُهُ لِمَا فِي سُنَنِ أَبِي دَاوُدَ أَنَّ عُمَرَ
 أَوْصَى إِلَى حَفْصَةَ . وَالْأُمُّ أَوْلَى مِنْ غَيْرِهَا إِذَا حَصَلَتْ الشَّرْطُ فِيهَا عِنْدَ الْمَوْتِ . وَيَنْعَزِلُ وَلِيٌّ بِفِسْقٍ، لَا إِمَامٌ
 لِيَتَعَلَّقَ الْمَصَالِحَ الْكُلِّيَّةَ بِوَلَايَتِهِ .

1593. Tidak memudharatkan oleh buta, kerana orang buta terbolelah mewakilkan apa yang dia tidak boleh buat, dan tidak keperempuanan kerana apa yang sabit didalam sunan Abi Daud bahawa Umar berpesan kepada Hafsah. Emak terutama dari selainnya apabila terhasil syarat-syarat ini padanya di sisi matinya. Terpecat wali dengan fasik, tidak imam kerana bersangkutan maslahat-maslahat yang umum dengan kekuasaannya.

وَشَرْطٌ فِي الْمَوْصَى فِيهِ كَوْنُهُ تَصَرُّفًا مَالِيًّا مُبَاهَاً . فَلَا يَصِحُّ الْإِيصَاءُ فِي تَرْوِيحٍ، لِأَنَّ غَيْرَ الْأَبِ وَالْجَدِّ لَا
 يَزُوجُ الصَّغِيرَ وَالصَّغِيرَةَ، وَلَا فِي مَعْصِيَةِ كِنَانٍ كَنِيْسَةٍ لِمُنَافَاتِهَا لَهُ لِكَوْنِهِ قُرْبَةً .

1594. Disyaratkan pada yang dipesanan padanya keadaannya tasarruf harta yang mubah. Maka tidak sah pesan pada mengahwinkan kerana selain bapa dan datuk tidak boleh mengahwinkan budak kecil lelaki dan perempuan, dan tidak pada maksiat seperti membina gereja, kerana berlawanan dengannya kerana keadaannya dampingan diri.

وَشَرَطٌ فِي الصِّيغَةِ إِجَابَ بِلَفْظِ يُشْعِرُ بِالْإِصَاءِ وَفِي مَعْنَاهُ مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ كَأَوْصَيْتَ إِلَيْكَ أَوْ فَوَضْتُ إِلَيْكَ أَوْ جَعَلْتُكَ وَصِيًّا، وَلَوْ كَانَ الْإِجَابُ مُوقَّتًا وَمُعَلَّقًا كَأَوْصَيْتَ إِلَيْكَ إِلَى بُلُوغِ ابْنِي أَوْ قُدُومِ زَيْدٍ، فَإِذَا بَلَغَ أَوْ قَدِمَ فَهُوَ الْوَصِيُّ، لِأَنَّهُ يَحْتَمِلُ الْجَهَالَاتِ وَالْأَخْطَارَ. وَقَبُولُ كَوَالَةٍ، فَيُكْتَفَى بِالْعَمَلِ. وَيَكُونُ الْقَبُولُ بَعْدَ الْمَوْتِ مَتَى شَاءَ كَمَا فِي الْوَصِيَّةِ بِمَالٍ مَعَ بَيَانٍ مَا يُوصَى فِيهِ. فَلَوْ افْتَصَرَ عَلَى أَوْصَيْتَ إِلَيْكَ مَثَلًا لَعَا.

1595. Disyaratkan pada sighth akan ijab dengan lafaz yang memahamkan pesan. Pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman seperti “aku pesankan kepada kamu” atau “aku serahkan kepada kamu” atau “aku jadikan kamu orang yang dipesani”, walaupun ijab itu diwaktukan dan digantungkan seperti “aku pesan kepada kamu hingga baligh anak ku atau tiba Zaid. Maka apabila dia baligh atau tiba maka dia lah pemegang pesanan itu” kerana ia menanggung kejahilan dan bahaya. Dan disyaratkan qabul sama seperti wakilan, maka dipadakan ia dengan kerja. Adalah qabul itu selepas mati bila dia hendak sepertimana pada wasiat dengan harta. Serta¹⁰³ keterangan apa yang dipesanan padanya. Maka kalau dia menghadkan di atas “aku pesan kepada kamu” sebagai contoh lagha ia.

خَاتِمَةٌ : يَسُنُّ إِصَاءَ بِأَمْرِ نَحْوِ طِفْلِ كَمَجْنُونٍ، وَبِقَضَاءِ حَقِّ إِنْ لَمْ يَعْجِزْ عَنْهُ حَالًا أَوْ عَجَزَ وَبِهِ شُهُودٌ. وَلَا يَصِحُّ الْإِصَاءُ عَلَى نَحْوِ طِفْلِ وَالْجَدِّ بِصِفَةِ الْوَلَايَةِ عَلَيْهِ، لِأَنَّ وَلايَتَهُ ثَابِتَةٌ شَرْعًا. وَلَوْ أَوْصَى اثْنَيْنِ وَقَبِلَا لَمْ يَنْفَرِدْ وَاحِدٌ مِنْهُمَا بِالتَّصَرُّفِ إِلَّا بِإِذْنِهِ لَهُ بِالْأَنْفِرَادِ عَمَلًا بِالإِذْنِ. نَعَمْ لَهُ الْإِنْفِرَادُ بِرَدِّ الْحُقُوقِ وَتَنْفِيذِ وَصِيَّةٍ مُعَيَّنَةٍ وَقَضَاءِ دَيْنٍ فِي التَّرَكَةِ جِنْسُهُ وَإِنْ لَمْ يَأْذَنْ لَهُ.

1596. Khatimah. Sunat berpesan dengan urusan umpama kanak-kanak kecil seperti orang gila, dan dengan menunaikan hak jika dia tidak lemah darinya ketika itu atau dia lemah dan ada saksi tentangnya. Tidak sah pesan di atas umpama kanak-kanak sedangkan datuk dengan sifat kewalian di atasnya kerana kewaliannya sabit dengan syara'. Kalau dia wasiatkan dua orang maka keduanya menerima tidak bersendirian seorang dari mereka dengan tasarruf melainkan dengan dia mengizinkannya bersendirian kerana mengamalkan izinnya.

وَلِكُلِّ مِنَ الْمُوصِي وَالْوَصِيِّ رُجُوعٌ عَنِ الْإِصَاءِ مَتَى شَاءَ، لِأَنَّهُ عَقْدٌ جَائِزٌ إِلَّا أَنْ يَتَّعِنَ الْوَصِيُّ أَوْ يَغْلِبَ عَلَى ظَنِّهِ تَلَفُ الْمَالِ بِاسْتِيْلَاءِ ظَالِمٍ مِنْ قَاضٍ أَوْ غَيْرِهِ فَلَيْسَ لَهُ الرُّجُوعُ.

1597. Boleh setiap dari yang berpesan dan yang pemegang pesanan merujuk dari pesanan bila dia hendak kerana ia akad yang harus melainkan bahawa pemegang pesanan itu tertentu atau ghalib di atas sangkaannya akan binasa harta yang dipesan padanya dengan penguasaan orang zalim, daripada qadhi atau selainnya, maka tidak boleh dia rujuk.

وَصَدَقَ بِبَيْمِينِهِ وَلِيُّ وَصِيًّا كَانَ أَوْ قَيْمًا أَوْ غَيْرَهُ فِي انْفَاقٍ عَلَى مُوَلِّيهِ لِأَنَّهُ بِالْحَالِ لَا فِي دَفْعِ الْمَالِ إِلَيْهِ بَعْدَ كَمَالِهِ فَلَا يُصَدَّقُ، بَلْ الْمُصَدَّقُ مُوَلِّيهِ إِذْ لَا يَعْسُرُ إِقَامَةُ النَّبِيَّةِ عَلَيْهِ بِخِلَافِ الْإِنْفَاقِ. وَلَوْ قَالَ : أَوْصَيْتُ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى وَإِلَى زَيْدٍ حَمَلٌ ذَكَرُ اللَّهُ عَلَى التَّبَرُّكِ.

¹⁰³. berta'luk dengan memahamkan atau dengan “aku wasiatkan”

(وَ) الضَّرْبُ (الْخَامِسُ النَّظْرُ لِلْمُدَاوَاةِ) كَقَصْدِ وَحِجَامَةٍ وَعِلَاجٍ وَلَوْ فِي فَرْجٍ (فَيَجُوزُ إِلَى الْمَوَاضِعِ الَّتِي يُحْتَاجُ إِلَيْهَا فَقَطْ) ، لِأَنَّ فِي التَّحْرِيمِ حِينَئِذٍ حَرَجًا فَلِلرَّجُلِ مُدَاوَاةَ الْمَرْأَةِ وَعَكْسُهُ ، وَلَيْكُنْ ذَلِكَ بِحَضْرَةِ مَحْرَمٍ أَوْ زَوْجٍ أَوْ امْرَأَةٍ ثِقَةٍ إِنْ جُوزْنَا خُلُوءَ أَجْنَبِيٍّ بِامْرَأَتَيْنِ وَهُوَ الرَّاجِحُ .

1653. Bentuknya (yang kelima pandangan untuk perubatan) seperti petik dan bekam dan rawatan walaupun pada faraj (maka harus ia kepada tempat-tempat yang perlu kepadanya sahaja) kerana sabit kesulitan pada mengharamkannya ketika itu, maka boleh lelaki mengubati perempuan dan sebaliknya. Hendaklah demikian itu pada kehadiran mahram atau suami atau perempuan yang thiqah jika kita haruskan khalwat seorang ajnabi dengan dua perempuan yang mana ia yang rajih.

وَيُشْتَرَطُ عَدَمَ امْرَأَةٍ يُمَكِّنُهَا تَعَاطِي ذَلِكَ مِنْ امْرَأَةٍ وَعَكْسُهُ كَمَا صَحَّحَهُ فِي زِيَادَةِ الرَّوْضَةِ ، وَأَنْ لَا يَكُونَ ذِمِّيًّا مَعَ وَجُودِ مُسْلِمٍ . وَقِيَاسُهُ كَمَا قَالَ الْأَدْرَعِيُّ أَنْ لَا تَكُونَ كَافِرَةً أَجْنَبِيَّةً مَعَ وَجُودِ مُسْلِمَةٍ عَلَى الْأَصَحِّ .

1654. Disyaratkan tidak ada perempuan yang boleh melakukan demikian itu pada perempuan, dan 'akasnya, sepertimana disahkan didalam Ziadah Raudhah, dan bahawa lelaki itu bukannya zimmi serta ujud muslim. Kiasnya sepertimana kata Azrai'e bahawa perempuan itu bukannya kafir yang ajnabi serta ujud muslimah di atas yang paling sahih.

وَلَوْ لَمْ نَجِدْ لِعِلَاجِ الْمَرْأَةِ إِلَّا كَافِرَةً وَمُسْلِمًا فَالظَّاهِرُ أَنَّ الْكَافِرَةَ تَقَدَّمُ ، لِأَنَّ نَظْرَهَا وَمَسَّهَا أَخَفُّ مِنَ الرَّجُلِ ، بَلْ الْأَسْبَبُ عَنِ الشَّيْخَيْنِ أَنَّهَا تَنْظُرُ مِنْهَا مَا يَبْدُو عِنْدَ الْمُهَنْتَةِ ، بِخِلَافِ الرَّجُلِ . وَقَيَّدَ فِي الْكَافِي الطَّبِيبُ بِالْأَمِينِ فَلَا يُعَدُّ إِلَى غَيْرِهِ مَعَ وَجُودِهِ . وَشَرَطَ الْمَاوَرِدِيُّ أَنْ يَأْمَنَ الْإِفْتِتَانُ وَلَا يَكْشِفُ إِلَّا قَدْرَ الْحَاجَةِ . وَفِي مَعْنَى مَا ذَكَرَ نَظْرَ الْخَاتَنِ إِلَى فَرْجٍ مَنْ يَخْتِنُهُ وَنَظْرَ الْقَابِلَةِ إِلَى فَرْجِ الَّتِي تُوَلِّدُهَا .

1655. Kalau kita tidak dapati untuk merawat perempuan melainkan perempuan kafir dan lelaki muslim maka yang zahir bahawa yang kafir itu didulukan kerana pandangan dan sentuhannya lebih ringan dari lelaki, bahkan yang lebih mirip* dari dua syekh bahawa dia boleh menandang kepadanya apa yang nyata di sisi kerja, bersalahan lelaki. Dikaitkan didalam al Kafi Tabib itu dengan amanah maka tidak dipalingkan kepada selainnya serta ujudnya. Mawardi mensyaratkan aman dari timbul fitnah, dan tidak dia mendedahkan melainkan kadar hajat. Pada makna apa yang disebutkan itu pandangan mudim kepada faraj orang yang dia khatankan dan pandangan bidan kepada faraj yang dia bidankan.

وَيُعْتَبَرُ فِي النَّظْرِ إِلَى الْوَجْهِ وَالْكَفَيْنِ مُطْلَقُ الْحَاجَةِ ، وَفِي غَيْرِهِمَا مَا عَدَا السَّوَاتَيْنِ تَأْكُذُّهَا بِأَنْ يَكُونَ مِمَّا يُبِيحُ النَّيْمَ كَشِدَّةِ الضَّنَا ، وَفِي السَّوَاتَيْنِ مَزِيدُ تَأْكُذُّهَا بِأَنْ لَا يُعَدَّ الْكَشْفُ بِسَبَبِهَا هَتَاكَ لِلْمَرْوَةِ .

1656. Diiktibarkan pada pandangan kepada muka dan dua tapak tangan mutlak hajat, dan pada selain keduanya selain dua kemaluan kuat hajat itu dengan bahawa ia daripada apa yang mengharuskan tayammum seperti kuat sakitnya, dan pada dua kemaluan lebih kuatnya dengan bahawa tidak dibilang dedah aurat itu dengan sebabnya sebagai mencarikkan maruah.

(وَ) الضَّرْبُ (السَّادِسُ النَّظْرُ لِلشَّهَادَةِ) تَحْمَلًا وَأَدَاءً أَوْ لِلْمُعَامَلَةِ مِنْ بَيْعٍ وَغَيْرِهِ ، (فَيَجُوزُ) حَتَّى يَجُوزَ فِي الشَّهَادَةِ النَّظْرُ إِلَى الْفَرْجِ لِلشَّهَادَةِ عَلَى الزَّوْنِ وَالْوَالِدَةِ ، وَإِلَى النَّدْيِ لِلشَّهَادَةِ عَلَى الرَّضَاعِ . وَإِذَا نَظَرَ

إِلَيْهَا تَحَمَّلَ الشَّهَادَةَ عَلَيْهَا كُفِّتِ الْكُشْفُ عَنْ وَجْهِهَا عِنْدَ الْأَدَاءِ إِنْ لَمْ يَعْرِفْهَا فِي نِقَابِهَا. فَإِنْ عَرَفَهَا لَمْ يُفْتَقَرْ إِلَى الْكُشْفِ بَلْ يَحْرَمُ النَّظْرُ حِينَئِذٍ.

1657. Bentuk (**keenam pandangan kerana saksi**), nisbah menanggung dan menunaikan, atau kerana mu'amalah daripada jual dan selainnya (**maka ianya harus**), hinggakan harus pada saksi memandang kepada faraj kerana saksi zina dan kelahiran dan kepada puting tetek kerana saksi susuan. Apabila seorang lelaki memandang kepada perempuan dan menanggung saksi di atasnya diberatkan perempuan itu mendedahkan mukanya ketika saksi itu ditunaikan jika dia tidak mengenalinya pada niqabnya maka jika dia mengenalinya tidak perlu kepada mendedahkan muka, bahkan haram memandang ketika itu.

وَيَجُوزُ النَّظْرُ إِلَى عَانَةِ وَالدِّ الْكَافِرِ لِيَنْظُرَ هَلْ نَبَتَتْ أَوْ لَا، وَيَجُوزُ لِلنِّسْوَةِ أَنْ يَنْظُرْنَ إِلَى ذَكَرِ الرَّجُلِ إِذَا ادَّعَتْ الْمَرْأَةُ عِبَالَتَهُ وَامْتَنَعَتْ عَنِ التَّمَكِينِ.

1658. Harus memandang kepada ari-ari budak kafir untuk tengok adakah ia telah tumbuh atau tidak. Harus bagi perempuan-perempuan memandang kepada zakar lelaki apabila seorang perempuan mendakwa besarnya dan dia enggan dari serah tubuh.

تَنْبِيْهٌ : هَذَا كُلُّهُ إِنْ لَمْ يَخَفْ فِتْنَةً. فَإِنْ خَافَهَا لَمْ يَنْظُرْ إِلَّا إِنْ تَعَيَّنَ عَلَيْهِ فَيَنْظُرُ وَيَضْبِطُ نَفْسَهُ. وَأَمَّا فِي الْمُعَامَلَةِ فَيَنْظُرُ إِلَى الْوَجْهِ فَقَطَّ كَمَا جَزَمَ بِهِ الْمَاوَرِدِيُّ وَغَيْرُهُ.

1659. Tanbih. Ini semuanya jika dia tidak takutkan fitnah. Maka jika dia takutkannya tidak boleh dia memandang melainkan jika tertentu saksi itu di atasnya, maka dia memandang dan mendhabit didalam hatinya*. Adapun pada mu'amalah maka dia memandang kepada mukanya sahaja sepertimana jazam Mawardi dengannya dan selainnya.

(وَ) الضَّرْبُ (السَّابِعُ النَّظْرُ إِلَى) بَدَنِ (الْأَمَةِ عِنْدَ ابْتِيَاعِهَا) أَي إِذَا أَرَادَ أَنْ يَشْتَرِيَهَا رَجُلٌ أَوْ إِلَى بَدَنِ عَبْدٍ إِذَا أَرَادَتْ أَنْ تَشْتَرِيَهُ امْرَأَةٌ، (فَيَجُوزُ إِلَى الْمَوَاضِعِ الَّتِي يَحْتَاجُ إِلَى تَقْلِيْبِهَا) . فَيَنْظُرُ الرَّجُلُ إِذَا اشْتَرَى جَارِيَةً أَوْ اشْتَرَتْ امْرَأَةً عَبْدًا مَا عَدَا مَا بَيْنَ السَّرَّةِ وَالرُّكْبَةِ. قَالَ الْمَاوَرِدِيُّ : وَلَا يَزَادُ عَلَى النَّظَرِ الْوَّاحِدَةِ إِلَّا أَنْ يَحْتَاجَ إِلَى ثَانِيَةٍ لِلتَّحْقُقِ، فَيَجُوزُ.

1660. Bentuknya yang (**ketujuh pandangan kepada**) tubuh (**amam di sisi membelinya**) iaitu apabila lelaki hendak membelinya atau kepada tubuh hamba lelaki apabila perempuan hendak membelinya (**maka harus ia kepada tempat-tempat yang dia perlu kepada membeleknya**). Maka memandang lelaki apabila dia membeli hamba perempuan atau membeli perempuan akan hamba lelaki selain apa yang di antara pusat dan lutut. Kata Mawardi: tidak dilebihkan di atas sekali pandang melainkan apabila dia perlu kepada kali kedua untuk memastikan, maka harus.

تَنْبِيْهٌ : سَكَتَ الْمُصَنِّفُ عَنِ النَّظْرِ إِلَى أَشْيَاءٍ اخْتِصَارًا. مِنْهَا النَّظْرُ إِلَى التَّعْلِيمِ كَمَا قَالَ النَّوَوِيُّ فِي الْمَنْهَاجِ. وَاخْتَلَفَ الشَّرَاحُ فِي مَعْنَى ذَلِكَ فَقَالَ السُّبْكِيُّ : إِنَّمَا يَظْهَرُ فِيْمَا يَجِبُ تَعْلَمُهُ وَتَعْلِيمُهُ كَالْفَاتِحَةِ، وَمَا يَتَعَيَّنُ تَعْلِيمُهُ مِنَ الصَّنَائِعِ الْمُحْتَاجِ إِلَيْهَا بِشَرْطِ النَّعْدْرِ مِنْ وَرَاءِ حِجَابٍ. وَأَمَّا غَيْرُ ذَلِكَ فَكَلَامُهُمْ يَقْتَضِي الْمَنْعَ.

1661. Tanbih. Musannif diam dari pandangan kerana beberapa perkara kerana meringkaskan. Daripadanya pandangan kerana mengajar sepertimana kata Nawawi didalam Minhaj. Berselisih pendapat para pensyarahnya pada makna demikian itu maka kata Subki : ia hanyalah zahir pada apa yang wajib mempelajarinya dan mengajarkannya seperti fatihah dan apa yang tertentu mengajarkannya daripada pertukangan yang perlu kepadanya dengan syarat ia teruzur dari belakang hijab. Adapun selain demikian itu maka kalam mereka menuntut tegahan.

وَمِنْهُمْ النَّوْويُّ حَيْثُ قَالَ فِي الصَّدَاقِ : وَلَوْ أَصْدَقَهَا تَعْلِيمُ قُرْآنٍ فَطَلَّقَ قَبْلَهُ، فَأَلْأَصَحُّ تَعَدُّرُ تَعْلِيمِهِ. وَقَالَ الْجَلَالُ الْمَحَلِّيُّ: وَهُوَ أَيُّ التَّعْلِيمِ لِلْأَمْرَدِ خَاصَّةً لِمَا سَيَأْتِي. وَيُشِيرُ بِذَلِكَ إِلَى مَسْأَلَةِ الصَّدَاقِ. وَالْمُعْتَمَدُ أَنَّهُ يَجُوزُ النَّظَرُ لِلتَّعْلِيمِ لِلْأَمْرَدِ وَغَيْرِهِ وَاجِبًا كَانَ أَوْ مَتَدُونًا. وَإِنَّمَا مَنَعَ مِنَ تَعْلِيمِ الزَّوْجَةِ الْمُطَلَّغَةِ، لِأَنَّ كُلًّا مِنَ الزَّوْجَيْنِ تَعَلَّقَتْ أَمَالُهُ بِالْآخِرِ فَصَارَ لِكُلِّ مِنْهُمَا طَمَعَةٌ فِي الْآخِرِ فَمَنَعَ مِنْ ذَلِكَ.

1662. Daripada mereka itu Nawawi sekira-kira dia berkata pada maskahwin : kalau seorang memberikan isterinya maskahwin pengajaran Quran maka dia mentalakkan sebelumnya maka yang paling sah teruzur mengajarkannya. Kata Jalal al mahalli : mengajar itu khusus bagi remaja lelaki. Dia isyaratkan dengan demikian itu kepada masaalah maskahwin. Yang muktamad bahawa harus memandang untuk mengajar remaja dan selainnya, wajib adalah ia atau sunat. Hanyalah ditegah mengajar isteri yang ditalakkan kerana setiap dari dua suami isteri itu bersangkut angan-angannya dengan yang seorang lagi maka jadilah ia rasa tamak bagi setiap mereka pada yang lain, maka ditegah ia kerana demikian itu.

وَمِنْهَا نَظَرُ الْمَرْأَةِ إِلَى مَحَارِمِهَا وَحُكْمُهُ كَعَكْسِهِ. فَتَنْظُرُ مِنْهُ مَا عَدَا مَا بَيْنَ سُرَّتِهِ وَرُكْبَتِهِ. وَمِنْهَا نَظَرُ الْمَرْأَةِ إِلَى بَدَنِ أَجْنَبِيٍّ. وَالْأَصَحُّ أَنَّهُ كَنْظَرُهُ إِلَيْهَا. وَمِنْهَا نَظَرُ رَجُلٍ إِلَى رَجُلٍ، فَيَحِلُّ بِلَا شَهْوَةٍ إِلَّا مَا بَيْنَ سُرَّةٍ وَرُكْبَةٍ فَيَحْرُمُ.

1663. Daripadanya pandangan perempuan kepada mahramnya, yang hukumnya seperti 'akasnya. Maka dia memandang darinya selain apa yang di antara pusat dan lutut. Daripadanya pandangan perempuan kepada tubuh lelaki ajnabi. Yang paling sah bahawa ia seperti pandangan ajnabi kepadanya. Daripadanya pandangan lelaki kepada lelaki maka halal tanpa syahwat melainkan apa yang di antara pusat dan lutut maka ianya haram.

وَمِنْهَا نَظَرُ الْأَمْرَدِ وَهُوَ الشَّابُّ الَّذِي لَمْ تَنْبُتْ لِحْيَتُهُ. وَلَا يُقَالُ لِمَنْ أَسَنَّ وَلَا شَعَرَ بِوَجْهِهِ أَمْرَدٌ بَلْ يُقَالُ لَهُ نَظٌّ بِالتَّاءِ الْمُتَحِيَّةِ. فَإِنْ كَانَ بِشَهْوَةٍ فَهُوَ حَرَامٌ بِالْإِجْمَاعِ. وَلَا يَخْتَصُّ ذَلِكَ بِالْأَمْرَدِ كَمَا مَرَّ بَلْ النَّظَرُ إِلَى الْمُتَحِيِّ وَإِلَى النِّسَاءِ الْمَحَارِمِ بِشَهْوَةٍ حَرَامٌ قَطْعًا.

1664. Daripadanya pandangan kepada "amrud" i.e remaja lelaki, iaitu pemuda yang belum tumbuh janggutnya. Tidak dikatakan bagi berumur yang tidak ada bulu pada mukanya sebagai "amrud" bahkan dikatakan baginya "نظٌّ". Maka jika ianya dengan syahwat maka ia haram dengan ijmak. Tidak khusus demikian itu dengan "amrud" sepertimana telah lalu, bahkan pandangan kepada lelaki berjanggut dan kepada perempuan mahram dengan syahwat haram dengan putus.

وَصَابِطُ الشَّهْوَةِ فِيهِ كَمَا قَالَ فِي الْإِحْيَاءِ أَنَّ كُلَّ مَنْ تَأَثَّرَ بِجَمَالِ صُورَةِ الْأَمْرَدِ بِحَيْثُ يَظْهَرُ مِنْ نَفْسِهِ الْفَرْقُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْمُتَحِيِّ فَهُوَ لَا يَحِلُّ لَهُ النَّظَرُ. وَلَوْ انْتَفَتَّ الشَّهْوَةُ وَخِيفَ الْفِتْنَةُ حَرَّمَ النَّظَرَ أَيْضًا. قَالَ ابْنُ الصَّلَاحِ : وَلَيْسَ الْمَعْنَى بِخَوْفِ الْفِتْنَةِ غَلْبَةُ الظَّنِّ بِوُقُوعِهَا، بَلْ يَكْفِي أَنْ لَا يَكُونَ ذَلِكَ نَادِرًا. وَأَمَّا نَظَرُهُ بِغَيْرِ شَهْوَةٍ وَلَا خَوْفِ فِتْنَةٍ فَيَحْرُمُ عِنْدَ النَّوْويِّ أَيْضًا، وَالْأَكْثَرُونَ عَلَى خِلَافِهِ.

1665. Dhabit syahwat padanya sepertimana katanya didalam Ihya' bahawa setiap orang yang terkesan dengan kecantikan rupa amrud itu dengan sekira-kira zahir pada dirinya perbezaan di antaranya dan di antara lelaki yang berjanggut maka amrud itu tidak halal dia memandangnya. Kalau ternafi syahwat dan takut fitnah haram memandang juga. Kata Ibnu Sholah : bukanlah makna dengan takut fitnah itu termenang sangka dengan jatuhnya, bahkan memada bahawa demikian itu bukannya

nadir. Adapun pandangan kepadanya tanpa syahwat dan tanpa takut fitnah maka haram juga di sisi Nawawi, sementara kebanyakan ulamak menyalahinya.

وَمِنْهَا النَّظَرُ إِلَى الْأَمَةِ وَهِيَ كَالْحُرَّةِ عَلَى الْأَصَحِّ عِنْدَ الْمُحَقِّقِينَ. وَمِنْهَا نَظَرُ الْمَرْأَةِ إِلَى مِثْلِهَا وَهُوَ كَنَظَرِ رَجُلٍ إِلَى رَجُلٍ.

1666. Daripadanya pandangan kepada amah. Ianya seperti perempuan merdeka di atas yang paling sah di sisi para muhakkik. Daripadanya pandangan perempuan kepada seumpamanya yang mana ia seperti pandangan lelaki kepada lelaki.

وَأَمَّا الْخُنْثَى الْمُشْكَلُ فَيُعَامَلُ بِالْأَشَدِّ فَيَجْعَلُ مَعَ النِّسَاءِ رَجُلًا وَمَعَ الرِّجَالِ امْرَأَةً، إِذَا كَانَ فِي سِنِّ يَحْرَمُ فِيهِ نَظَرُ الْوَاضِحِ كَمَا جَزَمَ بِهِ النَّوَوِيُّ فِي بَابِ الْأَحْدَاثِ مِنَ الْمَجْمُوعِ. وَلَا يَجُوزُ أَنْ يَخْلُوَ بِهِ أَجْنَبِيٌّ وَلَا أَجْنَبِيَّةٌ، وَلَوْ كَانَ مَمْلُوكًا لِامْرَأَةٍ فَهُوَ مَعَهَا كَعَبْدِهَا.

1667. Adapun khunsa musykil maka diperamalkan dia dengan yang paling keras maka dijadikan dia bersama perempuan sebagai lelaki dan bersama lelaki sebagai perempuan apabila dia pada umur yang haram padanya pandangan orang yang jelas jantina, sepertimana jazam Nawawi dengannya didalam bab hadath-hadath didalam Majmuk. Tidak harus bahawa lelaki ajnabi dan perempuan ajnabi berkhalwat dengannya. Kalau dia dimiliki oleh perempuan maka dia bersama perempuan itu sama seperti hamba lelakinya.

وَمِنْهَا نَظَرُ الْكَافِرَةِ إِلَى الْمُسْلِمَةِ فَهُوَ حَرَامٌ، فَتَحْتَجِبُ الْمُسْلِمَةُ عَنْهَا لِقَوْلِهِ تَعَالَى: { أَوْ نِسَائِهِنَّ } . فَلَوْ جَازَ لَهَا النَّظَرُ لَمْ يَبْقَ لِلتَّخْصِيصِ فَائِدَةٌ. وَصَحَّ عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَنَعَ الْكِتَابِيَّاتِ دُخُولَ الْحَمَامِ مَعَ الْمُسْلِمَاتِ. هَذَا مَا فِي الْمَنْهَاجِ كَأَصْلِهِ. وَالْأَشْبَهُ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ وَأَصْلُهَا أَنَّهُ يَجُوزُ أَنْ تَرَى مِنْهَا مَا يَبْدُو عِنْدَ الْمُهَنْتَةِ، وَهَذَا هُوَ الظَّاهِرُ. وَمَحَلُّ ذَلِكَ فِي كَافِرَةٍ غَيْرِ مُحْرَمٍ لِلْمُسْلِمَةِ وَغَيْرِ مَمْلُوكَةٍ لَهَا. أَمَّا هُمَا فَيَجُوزُ لهُمَا النَّظَرُ إِلَيْهَا كَمَا أَقْتَى بِهِ النَّوَوِيُّ فِي الْمَمْلُوكَةِ. وَبَحْتَهُ الرَّزْكَانِيُّ فِي الْمُحْرَمِ، وَهُوَ ظَاهِرٌ.

1668. Daripadanya pandangan perempuan kafir kepada perempuan muslimah. Maka ianya haram. Maka muslimah menghibab diri darinya kerana firman Allah taala "atau perempuan-perempuan mereka". Maka kalau harus perempuan kafir memandang tidak kekal faedah bagi pengkhususan itu. Sah dari Umar r.a tegahan perempuan kitabiah masuk hammam bersama dengan perempuan muslimah. Ini apa yang didalam Minhaj seperti asalnya. Yang paling menasabah* sepertimana didalam Raudhah dan asalnya bahawa harus dia melihat darinya apa yang nampak di sisi kerja. Ini adalah yang zahir. Tempat demikian itu pada perempuan kafir yang bukan mahram bagi perempuan islam dan bukan miliknya. Adapun kedua mereka itu maka harus mereka memandang kepadanya sepertimana Nawawi fatwakan pada perempuan yang dimiliki. Zarkasyi membahaskannya pada mahram yang mana ianya zahir.

تَتَمَّةٌ : مَتَى حَرَّمَ النَّظَرُ حَرَّمَ الْمَسَّ، لِأَنَّهُ أَبْلَغُ مِنْهُ فِي اللَّدَّةِ وَإِثَارَةِ الشَّهْوَةِ، بِدَلِيلِ أَنَّهُ لَوْ مَسَّ فَأَنْزَلَ أَفْطَرَ وَلَوْ نَظَرَ فَأَنْزَلَ لَمْ يُفْطَرَ. وَكُلُّ مَا حَرَّمَ نَظْرَهُ مُنْصَلًا حَرَّمَ نَظْرَهُ مُنْفَصِلًا كَشَعْرِ عَانِهِ وَلَوْ مِنْ رَجُلٍ وَقَلَامَةٍ ظَفْرِ حُرَّةٍ وَلَوْ مِنْ يَدَيْهَا.

1669. Tatimmah. Bila haram pandang haram sentuh kerana ia lebih mendalam darinya pada lazat dan membangkitkan syahwat, dengan dalil bahawa kalau dia menyentuh lalu keluar mani dia batal puasa dan kalau dia memandang maka dia keluar mani tidak dia batal puasa. Semua apa yang haram memandangnya dalam keadaan bersambung haram memandangnya dalam keadaan tercerai seperti bulu ari-ari walaupun dari lelaki dan keratan kuku perempuan merdeka walaupun dari dua tangannya.

وَيَحْرُمُ اضْطِجَاعُ رَجُلَيْنِ أَوْ امْرَأَتَيْنِ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ إِذَا كَانَ عَارِيَيْنِ، وَإِنْ كَانَ كُلُّ مِنْهُمَا فِي جَانِبٍ مِنَ الْفِرَاشِ لِحَبْرِ مُسْلِمٍ : { لَا يَفْضُ الرِّجُلُ إِلَى الرِّجُلِ فِي الثَّوْبِ الْوَاحِدِ، وَلَا الْمَرْأَةُ إِلَى الْمَرْأَةِ فِي الثَّوْبِ الْوَاحِدِ }.

1670. Haram berbaringan dua lelaki didalam sehelai kain apabila dia mereka telanjang sekalipun setiap dari kedua mereka pada satu sisi hamparan kerana khabar Muslim “tidak bersentuhan kulit lelaki dengan lelaki didalam kain yang sehelai, dan tidak perempuan dengan perempuan didalam kain yang sehelai”.

وَتُسَنُّ مُصَافَحَةُ الرَّجُلَيْنِ وَالْمَرَأَتَيْنِ لِحَبْرِ، { مَا مِنْ مُسْلِمَيْنِ يَلْتَقِيَانِ يَتَصَافَحَانِ إِلَّا غُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَتَفَرَّقَا } وَتَكْرَهُ الْمَعَانِقَةَ وَالتَّقْبِيلَ فِي الرَّأْسِ إِلَّا لِقَادِمٍ مِنْ سَفَرٍ، أَوْ تَبَاعُدٍ لِقَاءَ عُرْفًا فَسُنَّةٌ لِلاتِّبَاعِ.

1671. Sunat berjabat tangan dua lelaki dan dua perempuan kerana khabar “tidak ada daripada dua orang islam yang bertemu lalu berjabat tangan melainkan kedua mereka diampuni sebelum mereka berpisah”. Makruh berpelukkan dan kucup dikepala melainkan kerana orang baru tiba dari safar atau tinggal berjauhan ketika berjumpa pada uruf, maka sunnah kerana ittiba’.

وَيُسَنُّ تَقْبِيلُ يَدِ الْحَيِّ لِصَلَاحٍ أَوْ نَحْوِهِ مِنَ الْأُمُورِ الدِّينِيَّةِ كَعِلْمٍ وَزُهْدٍ . وَيَكْرَهُ ذَلِكَ لِعِغَاهُ أَوْ نَحْوِهِ مِنَ الْأُمُورِ الدُّنْيَوِيَّةِ كَشَوْكَةٍ وَوَجَاهَةٍ . وَيُسَنُّ الْقِيَامُ لِأَهْلِ الْفَضْلِ إِكْرَامًا لَا رِيَاءَ وَتَفْخِيمًا.

1672. Sunat mengucup tangan orang hidup kerana kesolehannya atau umpamanya daripada perkara-perkara ugama seperti ilmu dan zuhud. Makruh demikian itu kerana kayanya atau umpamanya daripada perkara-perkara duniawi seperti kekuatan dan pangkat kebesaran. Sunat berdiri kerana orang yang punya kelebihan kerana memuliakan bukan riak dan membesarkan diri.

فَصْلٌ : فِي أَرْكَانِ النِّكَاحِ . وَهِيَ خَمْسَةٌ : صِبْغَةٌ وَرُؤُوجَةٌ وَرُؤُوجٌ وَوَلِيٌّ وَهُمَا الْعَاقِدَانِ، وَشَاهِدَانِ . وَعَلَى الْأَخِيرَيْنِ وَهُمَا الْوَلِيُّ وَالشَّاهِدَانِ افْتَصَرَ الْمُصْتَفَى مُشِيرًا إِلَيْهِمَا بِقَوْلِهِ :

1673. **Fasal pada rukun-rukun nikah.** Ianya lima : sighth dan isteri dan suami dan wali yang mana keduanya dua yang berakad, dan dua saksi. Di atas dua yang akhir iaitu wali dan dua saksi musannif menghadkan hal keadaan dia mengisyaratkan kepada keduanya dengan katanya :

(وَلَا يَصِحُّ عَقْدُ النِّكَاحِ إِلَّا بِوَلِيِّ) أَوْ مَادُونِهِ أَوْ الْقَائِمِ مَقَامَهُ كَالْحَاكِمِ عِنْدَ فَقْدِهِ أَوْ غَيْبَتِهِ الشَّرْعِيَّةِ أَوْ عَضْلِهِ أَوْ إِحْرَامِهِ، (وَ) حُضُورِ (شَاهِدَيْنِ عَدْلٍ)، لِحَبْرِ ابْنِ حَبَّانٍ فِي صَحِيحِهِ عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا : { لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيِّ وَشَاهِدَيْنِ عَدْلٍ، وَمَا كَانَ مِنْ نِكَاحٍ عَلَى غَيْرِ ذَلِكَ فَهُوَ بَاطِلٌ، فَإِنْ تَشَاحَوْا فَالْسُّلْطَانُ وَوَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَ لَهُ }.

1674. (Tidak sah akad nikah melainkan dengan wali) atau orang izinannya atau orang yang berdiri pada tempatnya seperti hakim ketika dia tidak ditemui atau ghaib pada syara’, atau menegah atau berihram, (dan) dengan hadir (dua saksi yang adil), kerana khabar Ibnu Hibban didalam sahihnya dari Aisyah r.a “tidak ada nikah melainkan dengan wali dan dua saksi adil, dan sebarang nikah yang tidak di atas demikian itu maka ianya batal. Maka jika mereka enggan maka sultan adalah wali orang yang tidak ada wali baginya”.

وَالْمَعْنَى فِي إِحْضَارِ الشَّاهِدَيْنِ الْإِحْتِيَاظُ لِلْأُبْضَاعِ وَصِيَانَةُ الْأَنْكِحَةِ عَنِ الْجُحُودِ . وَيُسَنُّ إِحْضَارُ جَمْعٍ زِيَادَةً عَلَى الشَّاهِدَيْنِ مِنْ أَهْلِ الْخَيْرِ وَالِدِينِ.

1675. Hikmah pada menghadrirkan dua saksi adalah cermat tentang kemaluan-kemaluan perempuan dan memelihara perkahwinan-perkahwinan dari diingkarkan. Sunat menghadrirkan sekumpulan orang sebagai tambahan dua saksi daripada ahli kebajikan dan ugama.

(وَيَفْتَقِرُ الْوَلِيُّ وَالشَّاهِدَانِ) الْمُعْتَبِرُونَ لِصِحَّةِ النِّكَاحِ (إِلَى سِتَّةِ شَرَائِطٍ) ، بَلْ إِلَى أَكْثَرِ ، كَمَا سَيَأْتِي الْأَوَّلُ (الْإِسْلَامِ) وَهُوَ فِي وَلِيِّ الْمُسْلِمَةِ إِجْمَاعًا وَسَيَأْتِي أَنَّ الْكَافِرَ يَلِي الْكَافِرَةَ . وَأَمَّا الشَّاهِدَانِ فَالْإِسْلَامُ شَرْطٌ فِيهِمَا سِوَاءَ أَكَانَتْ الْمُنْكَوْحَةُ مُسْلِمَةً أَمْ ذِمِّيَّةً إِذْ الْكَافِرُ لَيْسَ أَهْلًا لِلشَّهَادَةِ .

1676. (Wali dan dua saksi) yang diiktibarkan untuk sah nikah itu (perlu kepada enam syarat) bahkan lebih sepertimana akan datang. Pertamanya (Islam). Ianya pada wali bagi perempuan muslimah dengan ijmak dan akan datang bahawa kafir mewalikan perempuan kafir. Adapun dua saksi maka Islam syarat pada keduanya samaada perempuan yang dikahwini itu Islam atau zimmi, kerana kafir bukan ahli bagi saksi.

(وَ) الثَّانِي (الْبُلُوغُ . وَ) الثَّلَاثُ : (الْعَقْلُ) فَلَا وَلايَةَ لِصَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَلَيْسَا مِنْ أَهْلِ الشَّهَادَةِ . (وَ) الرَّابِعُ (الْحُرِّيَّةُ) فَلَا وَلايَةَ لِرَقِيقٍ وَلَا يَكُونُ شَاهِدًا .

1677. Keduanya (baligh) dan ketiganya (akal) maka tidak ada kewalian bagi kanak-kanak dan orang gila dan keduanya bukan dari ahli saksi. Keempatnya (merdeka) maka tidak ada kewalian bagi hamba dan tidak boleh dia menjadi saksi.

(وَ) الْخَامِسُ : (الذُّكُورَةُ) فَلَا تَمْلِكُ الْمَرْأَةُ تَزْوِيجَ نَفْسِهَا بِحَالٍ ، لَا بِإِذْنٍ وَلَا بِغَيْرِهِ ، سِوَاءَ الْإِجَابِ وَالْقَبُولِ ، إِذْ لَا يَلِيقُ بِمَحَاسِنِ الْعَادَاتِ دُخُولُهَا فِيهِ لِمَا قُصِدَ مِنْهَا مِنَ الْحَيَاءِ وَعَدَمِ ذِكْرِهِ أَصْلًا . وَقَدْ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى { الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ } .

1678. Kelimanya (kelakian) maka perempuan tidak memiliki hak mengahwinkan dirinya pada satu keadaan pun, tidak dengan izin dan tidak tanpanya, samaada ijab dan qabul, kerana tidak layak dengan adat-adat yang indah masuk seorang perempuan pada perkahwinan, kerana apa yang dimaksudkan darinya daripada sifat malu dan tidak menyebutkannya sama sekali. Sungguhnya Allah taala kata "lelaki itu penguasa perempuan".

وَلَا تَزُوجُ غَيْرَهَا بِوَلايَةِ وَلَا وَكَالَةِ لِحَبَرٍ : { لَا تَزُوجُ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ ، وَلَا الْمَرْأَةَ نَفْسَهَا } . نَعَمْ ، لَوْ أُبْتُلِيْنَا وَالْعِيَادُ بِاللَّهِ تَعَالَى بِإِمَامَةِ امْرَأَةٍ فَإِنَّ أَحْكَامَهَا تَنْفُذُ لِلضَّرُورَةِ كَمَا قَالَ ابْنُ عَبْدِ السَّلَامِ وَغَيْرُهُ . وَقِيَاسُهُ تَصْحِيحُ تَزْوِيجِهَا .

1679. Tidak boleh perempuan mengahwinkan perempuan lain dengan kewalian dan tidak dengan wakilan kerana khabar "tidak mengahwinkan seorang perempuan akan perempuan lain, dan tidak seorang perempuan akan dirinya". Na'am, kalau kita dibala –perlindungan dengan Allah taala- dengan kepimpinan perempuan maka hukum-hukumannya lulus kerana dharurat sepertimana dikatakan Abdussalam dan selainnya. Kiasnya adalah menghukumkan sah tindakannya mengahwinkan perempuan lain.

وَلَا يُعْتَبَرُ إِذْنُ الْمَرْأَةِ فِي نِكَاحِ غَيْرِهَا إِلَّا فِي مَلِكِهَا أَوْ فِي سَفِيهِ أَوْ مَجْنُونٍ هِيَ وَصِيَّةٌ عَلَيْهِ . وَلَيْسَتْ الْمَرْأَةُ أَهْلًا لِلشَّهَادَةِ فَلَا يَنْعَقِدُ النِّكَاحُ بِشَّهَادَةِ النِّسَاءِ ، وَلَا بِرَجُلٍ وَامْرَأَتَيْنِ لِأَنَّهُ لَا يَتَّبِثُ بِقَوْلِهِمْ .

1680. Tidak diiktibarkan izin perempuan pada perkahwinan perempuan lain melainkan pada perempuan miliknya atau pada safih atau orang gila yang dia orang yang diwasiatkan ke atasnya. Perempuan bukan ahli bagi saksi maka tidak terjadi perkahwinan dengan saksi beberapa orang perempuan dan tidak dengan seorang lelaki dan dua perempuan kerana ia tidak sabit dengan kata-kata mereka.

تَنْبِيْهٌ : أَفْهَمَ كَلَامُهُ أَنَّهُ لَا يَنْعَقِدُ بِخُنْتَيْنِ وَلَوْ بَانَا رَجُلَيْنِ، لَكِنَّ الْأَصْحَاحَ فِي زِيَادَةِ الرَّوْضَةِ الصَّحَّةَ . فَإِنْ قِيلَ : لَوْ عَقِدَ عَلَى خُنْتَى أَوْ لَهُ ثُمَّ تَبَيَّنَ كَوْنُهُ أَنْثَى فِي الْأَوَّلِ أَوْ ذَكَرًا فِي الثَّانِي، لَا يَصِحُّ. أُجِيبُ بِأَنَّ الْخُنْتَى أَهْلٌ لِلشَّهَادَةِ فِي الْجُمْلَةِ، فَإِنْ بَانَ رَجُلًا اكْتَفَيْنَا بِذَلِكَ فِي النِّكَاحِ، بِخِلَافِ الْعَقْدِ عَلَى الْخُنْتَى أَوْ لَهُ فَإِنَّهُ لَيْسَ أَهْلًا لِعَقْدِ النِّكَاحِ عَلَيْهِ وَلَا لَهُ فِي حَالٍ مِنَ الْأَحْوَالِ.

1681. Tanbih. Kalam mereka memahamkan bahawa tidak tersimpul perkahwinan dengan saksi dua khunsa walaupun keduanya ternyata lelaki, akan tetapi yang paling sahih didalam Ziadah Raudhah adalah sahnya. Maka jika dikatakan : kalau diakadkan nikah di atas khunsa atau baginya kemudian ternyata keadaannya perempuan pada yang pertama atau lelaki pada yang kedua, tidak sah nikah itu! Aku jawab dengan bahawa khunsa pada dasarnya adalah ahli bagi saksi. Maka jika ternyata dia lelaki kita padakan dengan demikian itu pada nikah itu, bersalahan akad di atas khunsa atau baginya maka dia tidak ada keahlian untuk diakadkan nikah di atasnya dan tidak baginya pada satu keadaan pun daripada keadaan-keadaan.

(وَ) السَّادِسُ (الْعَدَالَةُ) . وَهِيَ مَلَكَةٌ فِي النَّفْسِ تَمْنَعُ مِنَ افْتِرَافِ الذُّنُوبِ، وَلَوْ صَغَائِرِ الْخِسَّةِ وَالرَّدَائِلِ الْمُبَاحَةِ، فَلَا يَنْعَقِدُ بَوْلِي فَاسِقٍ غَيْرِ الْإِمَامِ الْأَعْظَمِ مُجْبِرًا كَانَ أَمْ لَا ، فَسَقَ بِشُرْبِ الْخَمْرِ أَمْ لَا، أَعْلَنَ بِفِسْقِهِ أَمْ لَا، لِحَدِيثِ : { لَا نِكَاحَ إِلَّا بِوَلِيِّ مُرْشِدٍ } . قَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : وَالْمُرَادُ بِالْمُرْشِدِ الْعَدْلُ.

1682. Keenamnya (**keadilan**) ia adalah bakat didalam diri yang menghalang dari perlakuan dosa, walaupun yang kecil yang remeh dan perkara keji yang mubah. Maka tidak tersimpul nikah dengan wali yang fasik selain pemimpin agong, samaada dia mujbir atau tidak, fasik dengan minum arak atau tidak, menzahirkan fasiknya atau tidak kerana hadith “tidak ada nikah melainkan dengan wali yang mursyid”. Kata imam Syafi'e r.a : yang dikehendaki dengan mursyid adalah adil.

وَأَفْتَى الْغَزَالِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى بِأَنَّهُ لَوْ كَانَ لَوْ سَلَبَ الْوِلَايَةَ لَأَنْتَقَلَتْ إِلَى حَاكِمٍ فَاسِقٍ وَوَلِيِّ ، وَإِلَّا فَلَا . قَالَ : وَلَا سَبِيلَ إِلَى الْفِتْوَى بِغَيْرِهِ إِذِ الْفِسْقُ قَدْ عَمَّ الْبِلَادَ وَالْعِبَادَ . وَالْأَوْجَهُ إِطْلَاقُ الْمَتْنِ، لِأَنَّ الْحَاكِمَ يَرْوَجُ لِلضَّرُورَةِ وَقَضَاؤُهُ نَافِذٌ . أَمَّا الْإِمَامُ الْأَعْظَمُ فَلَا يَقْدَحُ فِسْقُهُ، لِأَنَّهُ لَا يَنْعَزِلُ بِهِ، فَيَرْوَجُ بِنَاتِهِ وَبِنَاتِ غَيْرِهِ بِالْوِلَايَةِ الْعَامَّةِ تَفْخِيمًا لِشَأْنِهِ . فَعَلَيْهِ إِنَّمَا يَرْوَجُ بِنَاتِهِ إِذَا لَمْ يَكُنْ لَهُنَّ وَوَلِيِّ غَيْرِهِ كِبَاتِ غَيْرِهِ.

1683. Ghazali rahimahullah taala memfatwakan dengan bahawa andainya wali fasik kalau dicabut kewalian darinya nescaya ia berpindah kepada hakim yang fasik, dijadikan dia wali. Jika tidak, maka tidak. Katanya : tidak ada jalan kepada fatwa dengan selainnya kerana kefasikkan sungguh telah meratai negeri dan umat manusia. Yang paling ada wajah adalah itlak matan ini. Ini kerana hakim mengahwinkan kerana dharurat dan hukumannya lulus. Adapun pemimpin besar maka tidak fasiknya mencederakan kerana dia tidak terpecat dengannya, maka dia mengahwinkan anak-anak perempuannya dan anak perempuan orang lain dengan kewalian yang umum kerana membesarkan urusannya. Maka di atasnya dia hanya mengahwinkan anak-anak perempuannya apabila mereka tidak punya wali selain dia sama seperti anak-anak perempuan orang lain.

تَنْبِيْهٌ : لَا يَلْزَمُ مِنْ أَنَّ الْفَاسِقَ لَا يَرْوَجُ اشْتِرَاطُ أَنْ يَكُونَ الْوَلِيُّ عَدْلًا، لِأَنَّ بَيْنَهُمَا وَاسِطَةً، فَإِنَّ الْعَدَالَةَ مَلَكَةٌ تَمْنَعُ صَاحِبَهَا مِمَّا مَرَّ، وَالصَّبِيَّ إِذَا بَلَغَ وَوَلَّمَ تَصَدَّرَ مِنْهُ كَبِيرَةٌ وَلَمْ تَحْضُرْ لَهُ تِلْكَ الْمَلَكَةُ لَا عَدْلٌ وَلَا فَاسِقٌ.

1684. Tanbih. Tidak lazim daripada bahawa orang fasik tidak boleh mengahwinkan oleh mensyaratkan bahawa keadaan wali itu adil kerana ada petengahan di antara keduanya, kerana keadilan itu bakat yang menegah tuannya

daripada apa yang telah lalu, dan kanak-kanak apabila baligh dan tidak keluar darinya dosa besar dan tidak terhasil baginya bakat itu adalah bukannya adil dan bukan fasik.

وَقَدْ نَقَلَ الْإِمَامُ الْعَرَالِيُّ الْإِتْفَاقَ عَلَى أَنَّ الْمَسْتَوْرَ يَلِي. وَحَيْثُ مَنَعْنَا وَلَايَةَ الْفَاسِقِ فَقَالَ الْبُغَوِيُّ : إِذَا تَابَ زَوْجٌ فِي الْحَالِ. وَوَجَّهَهُ بِأَنَّ الشَّرْطَ فِي وَلِيِّ النِّكَاحِ عَدَمُ الْفِسْقِ، لَا قَبُولَ الشَّهَادَةِ.

1685. Sungguhnyanya imam Ghazali menakalkan sepakatan di atas bahawa orang yang tertutup kadilannya boleh menjadi wali. Sekira-kira kita tegah kewalian orang fasik maka kata Bughawi: apabila dia taubat dia mengahwinkan pada ketika itu juga dan dia mewajarkan dengan bahawa syarat pada wali nikah adalah tidak fasik, bukan diterima kesaksian.

وَلَا يَنْعَقِدُ بِشَهَادَةِ فَاسِقَيْنِ، لِأَنَّهُ لَا يَثْبُتُ بِهِمَا. وَيَنْعَقِدُ بِمَسْتَوْرِي الْعَدَالَةِ وَهُمَا الْمَعْرُوفَانِ بِهَا ظَاهِرًا لَا بَاطِنًا بِأَنَّ عُرْفَتِ بِالْمَخَالِطَةِ دُونَ التَّرَكِيَةِ عِنْدَ الْحَاكِمِ، لِأَنَّ الظَّاهِرَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ الْعَدَالَةَ . وَلَا فَرْقَ بَيْنَ أَنْ يَنْعَقِدَ بِهِمَا الْحَاكِمُ أَوْ غَيْرُهُ عَلَى الْمُعْتَمَدِ لَا بِمَسْتَوْرِي الْإِسْلَامِ وَالْحُرِّيَّةِ، بِأَنَّ يَكُونَا فِي مَوْضِعٍ يَخْتَلِطُ فِيهِ الْمُسْلِمُونَ بِالْكَفَّارِ وَالْأَحْرَارِ بِالْأَرْقَاءِ، بَلْ لَا بُدَّ مِنْ مَعْرِفَةِ حَالِهِمَا بَاطِنًا لِسَهُولَةِ الْوُقُوفِ عَلَى ذَلِكَ، بِخِلَافِ الْعَدَالَةِ وَالْفِسْقِ.

1686. Tidak terjadi nikah dengan saksi dua orang fasik kerana ia tidak sabit dengan keduanya. Terjadi ia dengan dua orang yang tertutup keadilan. Mereka itu orang yang diketahui adil pada zahir tidak pada batin dengan bahawa ia diketahui dengan pergaulan tanpa tazkiah di sisi hakim kerana yang zahir pada orang islam adalah adil. Tidak ada beza di antara bahawa hakim yang mengakadkan dengan kedua mereka atau orang lain di atas yang muktamad. Tidak, dengan dua yang tertutup islam dan merdeka, dengan bahawa keduanya tinggal pada tempat yang bergaul padanya orang islam dengan orang kafir dan orang merdeka dengan hamba, bahkan tak dapat tidak dari tahu keadaan keduanya pada batin kerana mudah memastikan demikian itu, bersalahan adil dan fasik.

ثُمَّ شَرَعَ فِي كَوْنِ الْكَافِرِ الْأَصْلِيِّ يَلِي الْكَافِرَةَ الْأَصْلِيَّةَ بِقَوْلِهِ : (إِلَّا أَنَّهُ لَا يَفْتَقِرُ نِكَاحُ الدِّمِيَّةِ إِلَى إِسْلَامِ الْوَلِيِّ)، وَلَوْ كَانَتْ الدِّمِيَّةُ عَتِيقَةً مُسْلِمًا وَاخْتَلَفَ اعْتِقَادُ الزَّوْجَةِ وَالْوَلِيِّ. فَيَزَوِّجُ الْيَهُودِيَّ نَصْرَانِيَّةً وَالنَّصْرَانِيَّ يَهُودِيَّةً كَالْإِرْثِ، لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَالَّذِينَ كَفَرُوا بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ } . وَقَضِيَّةُ التَّشْبِيهِ بِالْإِرْثِ أَنَّهُ لَا وَلَايَةَ لِحَرْبِيِّ عَلَى دِمِيَّةٍ وَبِالْعَكْسِ، وَأَنَّ الْمُسْتَأْمَنَ كَالدِّمِيِّ، وَهُوَ ظَاهِرٌ كَمَا صَحَّحَهُ الْبُلْقِينِيُّ.

1687. Kemudian dia masuk pada keadaan kafir asli mewalikan perempuan kafir asli dengan katanya (**walaupun begitu perkahwinan perempuan zimmi tidak berhajat kepada islam walinya**) walaupun perempuan zimmi itu hamba kemerdekaan orang islam dan bersalahan iktikad bakal isteri dan wali itu. Maka yahudi mengahwinkan perempuan nasrani dan nasrani akan perempuan yahudi sama seperti pusaka kerana firman Allah taala “orang-orang kafir itu sebahagian mereka penolong sebahagian yang lain”. Kehendak penyerupaan dengan pusaka bahawa tidak ada kewalian bagi harbi di atas zimmi dan sebaliknya dan bahawa kafir yang diamankan seperti zimmi, yang mana ia yang zahir sepertimana disahkan Bulqini.

وَمُرْتَكِبُ الْمُحَرَّمِ الْمُفْسَقُ فِي دِينِهِ مِنْ أَوْلِيَاءِ الْكَافِرَةِ كَالْفَاسِقِ عِنْدَنَا فَلَا يَزَوِّجُ مُوَلِّيَّتَهُ بِخِلَافِ مَا إِذَا لَمْ يَرْتَكِبْ ذَلِكَ، وَإِنْ كَانَ مَسْتَوْرًا فَيَزَوِّجُهَا كَمَا تَقَرَّرَ.

1688. Orang yang mengerjakan perkara haram yang dihukumkan fasik pada ugamanya, daripada wali-wali perempuan kafir, sama seperti yang fasik di sisi kita. Maka dia tidak mengahwinkan perempuan waliannya. Bersalahan apabila dia tidak

mengerjakan demikian itu. Jika dia tertutup fasiknya maka dia mengahwinkannya sepertimana yang telah tetap.

وَفَرَّقُوا بَيْنَ وَلَايَتِهِ وَشَهَادَتِهِ حَيْثُ لَا تُقْبَلُ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ مُرْتَكِبًا ذَلِكَ بَأَنَّ الشَّهَادَةَ مَحْضٌ وَلَايَةٌ عَلَى الْغَيْرِ فَلَا يُوْهَلُ لَهَا الْكَافِرُ، وَالْوَلِيُّ فِي التَّرْوِيجِ كَمَا يَرَاعِي حَظَّ مُوَلِّيَّتِهِ يَرَاعِي حَظَّ نَفْسِهِ أَيْضًا فِي تَحْصِينِهَا وَدَفْعِ الْعَارِ عَنِ النَّسَبِ.

1689. Mereka membezakan kewaliannya dengan saksiannya sekira-kira ia tidak diterima sekalipun dia tidak mengerjakan demikian itu dengan bahawa kesaksian semata-mata penguasaan ke atas orang lain maka kafir tidak berkeahlian baginya sementara wali pada mengahwinkan sepertimana dia memelihara habuan anak waliannya dia memelihara habuan dirinya juga pada mengelokkan nafsu anak waliannya dan menolak ke'aiban dari titihannya.

تَنْبِيْهٌ : ظَاهِرُ كَلَامِهِ أَنَّهُ لَا فَرْقَ بَيْنَ أَنْ يَكُونَ زَوْجَ الْكَافِرَةِ كَافِرًا أَوْ مُسْلِمًا وَهُوَ كَذَلِكَ، لَكِنْ لَا يُزَوِّجُ الْمُسْلِمَ قَاضِيَهُمْ بِخِلَافِ الزَّوْجِ الْكَافِرِ، لِأَنَّ نِكَاحَ الْكَافِرِ مَحْكُومٌ بِصِحَّتِهِ وَإِنْ صَدَرَ مِنْ قَاضِيَهُمْ. أَمَّا الْمُرْتَدُّ فَلَا يَلِي مَطْلَقًا لَا عَلَى مُسْلِمَةٍ وَلَا عَلَى مُرْتَدَّةٍ وَلَا عَلَى غَيْرِهِمَا لِانْقِطَاعِ الْمُوَالَاةِ بَيْنَهُ وَبَيْنَ غَيْرِهِ.

1690. Tanbih. Zahir kalam mereka tidak ada beza di antara bahawa suami perempuan kafir itu kafir atau muslim, yang mana ia seperti demikian itu, akan tetapi tidak mengahwinkan suami yang muslim oleh qadhi mereka, bersalahan suami yang kafir kerana nikah kafir dihukumkan dengan sahnya sekalipun ia keluar dari qadhi mereka. Adapun murtad maka dia tidak menjadi wali semata-mata tidak di atas perempuan muslim dan tidak di atas perempuan murtad dan tidak di atas selain keduanya, kerana terputus tolong menolong di antara dia dan orang lain.

(وَلَا) يَفْتَقِرُ (نِكَاحُ الْأَمَةِ) مِنْ عَبْدٍ أَوْ حُرٍّ بِشَرْطِهِ (إِلَى عَدَالَةِ السَّيِّدِ)، لِأَنَّهُ يُزَوِّجُ بِالْمَلِكِ لَا بِالْوَلَايَةِ، لِأَنَّهُ يَمْلِكُ التَّمَتُّعَ بِهَا فِي الْجُمْلَةِ وَالتَّصَرُّفَ فِيهَا يُمْكِنُ اسْتِيفَاؤُهُ، وَنَقَلَهُ إِلَى الْغَيْرِ يَكُونُ بِحُكْمِ الْمَلِكِ كَاسْتِيفَاءِ سَائِرِ الْمَنَافِعِ، وَنَقَلَهَا بِالْإِجَارَةِ. فَيُزَوِّجُ مُسْلِمًا وَلَوْ فَاسِقًا أَوْ مَكَاتِبًا أُمَّتَهُ الْكَافِرَةَ الْأَصْلِيَّةَ، بِخِلَافِ الْكَافِرِ لَيْسَ لَهُ أَنْ يُزَوِّجَ أُمَّتَهُ الْمُسْلِمَةَ إِذْ لَا يَمْلِكُ التَّمَتُّعَ بِهَا أَصْلًا بَلْ وَلَا سَائِرَ النَّصْرَفَاتِ فِيهَا سِوَى إِزَالَةِ الْمَلِكِ عَنْهَا وَكِتَابَتِهَا. بِخِلَافِ الْمُسْلِمِ فِي الْكَافِرَةِ.

1691. (Tidak) berhajat (perkahwinan amah) dengan hamba lelaki atau orang merdeka dengan syarat-syaratnya (kepada keadilan penghulu) kerana dia mengahwinkan dengan pemilikan bukan dengan kewalian, kerana pada dasarnya dia memilik tamattu' dengannya dan tasarruf pada apa yang boleh dia sempurnakan manfaatnya, dan dia memindahkannya kepada orang lain adalah dengan hukum pemilikan seperti penyempurnaan sekalian manfaat-manfaat dan memindahkannya dengan sewaan. Maka penghulu yang islam walaupun fasik atau mukatab mengahwinkan amahnya yang kafir asli, bersalahan yang kafir, tidak boleh dia mengahwinkan amahnya yang muslimah kerana dia tidak memilik tamaattu' dengannya pada asal, bahkan tidak sekalian tasarruf-tasarruf padanya selain menghilangkan milik darinya dan mengkitabkannya, bersalahan penghulu yang islam pada amah yang kafir.

وَإِذَا مَلَكَ الْمُبْعَضُ بَعْضَهُ الْحُرَّ أُمَّةً زَوَّجَهَا كَمَا قَالَهُ الْبُعَوِيُّ فِي تَهْذِيبِهِ، وَإِنْ خَالَفَ فِي فَتَاوِيهِ، كَالْمَكَاتِبِ بَلْ أَوْلَى، لِأَنَّ مَلَكَه تَامًا. وَلِهَذَا تَجِبُ عَلَيْهِ الرِّكَاتُ.

1692. Apabila muba'ad memiliki dengan sebahagian dirinya yang merdeka akan amah dia mengahwinkannya sepertimana dikatakan Bughawi didalam Tahzibnya,

sekalipun dia menyalahi pada fatwanya, sama seperti mukatab, bahkan terutama kerana miliknya sempurna. Kerana ini wajib zakat di atasnya.

تَنْبِيْهٌ : مِمَّا تَرَكَهُ الْمُصَنِّفُ مِنْ شُرُوطِ الْوَلِيِّ أَنْ لَا يَكُونَ مُخْتَلَّ النَّظَرِ بِهَرَمٍ أَوْ حَبْلِ، وَأَنْ لَا يَكُونَ مَحْجُورًا عَلَيْهِ بِسَفِهِ. وَمَتَى كَانَ الْأَقْرَبُ بِبَعْضِ هَذِهِ الصِّفَاتِ الْأَمَانَةِ لِلْوَلَايَةِ فَالْوَلَايَةُ لِلْأَبْعَدِ. وَأَمَّا الْإِعْمَاءُ فَتَنْتَظَرُ إِفَاقَتَهُ مِنْهُ.

1693. Tanbih. Daripada apa yang musannif tinggalkan daripada syarat-syarat wali bahawa dia bukan orang yang cedera tilik fikir dengan sangat tua atau rosak akal dan bahawa dia tidak dihijir dengan safih. Bila wali yang lebih dekat dengan sebahagian sifat-sifat yang menegah kewalian ini maka kewalian itu bagi yang lebih jauh. Adapun pitam maka ditunggu sedarnya darinya.

وَلَا يَفْدُخُ الْعَمَى فِي وِلَايَةِ التَّرْوِيحِ لِحُصُولِ الْمَقْصُودِ بِالْبَحْثِ وَالسَّمَاعِ. وَإِحْرَامُ أَحَدِ الْعَاقِدَيْنِ مِنْ وَلِيِّ وَلَوْ حَاكِمًا أَوْ زَوْجًا أَوْ وَكِيْلًا عَنْ أَحَدِهِمَا يَمْتَنِعُ صِحَّةَ النِّكَاحِ لِحَدِيثِ : { الْمَحْرَمُ لَا يَنْكِحُ وَلَا يَنْكَحُ } الْكَافِ مَكْسُورَةً فِيهِمَا، وَالْيَاءُ مَفْتُوحَةٌ فِي الْأَوَّلِ مَضْمُومَةٌ فِي الثَّانِي. وَلَا يَنْقُلُ الْإِحْرَامُ الْوَلَايَةَ لِلْأَبْعَدِ، فَيَزَوِّجُ السُّلْطَانُ عِنْدَ إِحْرَامِ الْوَلِيِّ الْأَقْرَبِ، لَا الْأَبْعَدِ.

1694. Buta tidak mencederakan pada kewalian mengahwinkan kerana tehasil maksud dengan selidik dan dengar. Ihram seorang dari dua yang berakad daripada wali walaupun hakim atau suami atau wakil bagi seorang dari keduanya menegah sah nikah kerana hadith “yang berihram itu tidak berkahwin dan tidak mengahwinkan”. Ihram tidak memindahkan kewalian kepada wali yang jauh, maka sultan mengahwinkan di sisi ihram wali dekat, bukan wali yang jauh.

وَمِمَّا تَرَكَهُ مِنْ شُرُوطِ الشَّاهِدَيْنِ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالضَّبْطَ وَلَوْ مَعَ النَّسِيَانِ عَنْ قُرْبٍ ، وَمَعْرِفَةَ لِسَانِ الْمُتَعَاقِدَيْنِ وَكَوْنَهُ غَيْرَ مُتَعَيِّنٍ لِلْوَلَايَةِ كَأَبٍ وَأَخٍ مُنْفَرِدٍ وَكُلَّ وَحَصَرَ مَعَ الْآخِرِ. وَيَنْعَقِدُ النِّكَاحُ بِابْنِي الزَّوْجَيْنِ وَعَدُوَيْهِمَا، لِأَنَّهُمَا مِنْ أَهْلِ الشَّهَادَةِ. وَيَنْعَقِدُ بِهِمَا النِّكَاحُ فِي الْجُمْلَةِ.

1695. Daripada apa yang dia tinggalkan dari syarat-syarat dua saksi adalah pendengaran dan penglihatan dan dhabit walaupun beserta lupa pada masa yang dekat, dan tahu bahasa dua yang berakad dan keadaannya tidak tertentu untuk kewalian seperti bapa dan saudara lelaki yang bersendirian yang mewakili dan hadir bersama dengan seorang saksi lain. Terjadi nikah dengan dua anak lelaki suami isteri dan musuh keduanya kerana keduanya daripada ahli kesaksian dan pada dasarnya¹⁰⁶ terjadi nikah dengan keduanya.

وَمِمَّا تَرَكَهُ مِنَ الْأَرْكَانِ الصَّيغَةِ. وَشُرْطُ فِيهَا مَا شُرْطَ فِي صَيْغَةِ الْبَيْعِ، وَقَدْ مَرَّ بَيَانُهُ. وَمِنْهُ عَدَمُ التَّغْلِيْقِ وَالتَّاقِيْتِ، وَلَفْظُ مَا يُسْتَقَى مِنْ تَرْوِيحٍ أَوْ إِنْكَاحٍ وَلَوْ بِعَجْمِيَّةٍ يَفْهَمُ مَعْنَاهَا الْعَاقِدَانِ وَالشَّاهِدَانِ، وَإِنْ أَحْسَنَ الْعَاقِدَانِ الْعَرَبِيَّةَ اِغْتِبَارًا بِالْمَعْنَى، فَلَا يَصِحُّ بِغَيْرِ ذَلِكَ كَلْفِظِ بَيْعٍ وَتَمْلِيكِ وَهَبَةٍ لِحَبْرِ مُسْلِمٍ : { اتَّقُوا اللَّهَ فِي النِّسَاءِ فَإِنَّكُمْ أَخَذْتُمُوهُنَّ بِأَمَانَةِ اللَّهِ وَاسْتَحْلَلْتُمْ فُرُوجَهُنَّ بِكَلِمَةِ اللَّهِ }.

1696. Daripada apa yang dia tinggalkan dari rukun-rukun itu adalah sighth. Syarat padanya apa yang disyaratkan pada sighth jualan yang mana ianya telah lalu. Daripadanya tidak menta'likkan dan mewaktukan, dan lafaz yang dipecahkan dari “mengahwinkan” atau “menikahkan” walaupun dengan bahasa ‘ajam yang difahami maknanya oleh dua yang berakad dan dua saksi sekalipun kedua yang berakad itu pandai bahasa arab kerana mengiktibarkan makna. Maka tidak sah ia dengan selain demikian itu seperti lafaz jual dan memilikkan dan hibah kerana khabar Muslim

¹⁰⁶. Iaitu pada selain nikah kedua mereka.

“takutilah Allah pada perempuan-perempuan kamu, maka kamu mengambil mereka itu denga amanah Allah dan kamu halalkan faraj-faraj mereka dengan kalimah Allah”.

وَصَحَّ النِّكَاحُ بِتَقْدِيمِ قَبُولِ، وَبِرَوْجِنِي مِنْ قِبَلِ الرُّوجِ، وَبِتَرَوُّجَتَهَا مِنْ قِبَلِ الْوَلِيِّ مَعَ قَوْلِ الْآخَرِ عَقِبَهُ رَوْجَتِكَ فِي الْأَوَّلِ أَوْ تَرَوُّجَتَهَا فِي الثَّانِي لَوْجُودِ الْإِسْتِدْعَاءِ الْجَازِمِ الدَّالِّ عَلَى الرِّضَا.

1697. Sah nikah dengan mendulukan qabul dan dengan “kahwinkan aku” dari pihak suami dan dengan “kamu mengahwininya” dari pihak wali serta kata yang seorang lagi mengiringinya “aku kahwinkan kamu” pada yang pertama atau “aku mengahwininya” pada yang kedua kerana ujud permintaan yang jazam yang menunjuk ke atas redha.

لَا بِنَايَةِ فِي الصَّيغَةِ كَأَخْلَلْتُكَ بِنْتِي إِذْ لَا بُدَّ فِي الْكِنَايَةِ مِنَ النِّيَّةِ وَالشُّهُودُ رُكْنٌ فِي النِّكَاحِ كَمَا مَرَّ وَلَا إِطْلَاعَ لَهُمْ عَلَى النِّيَّةِ. أَمَّا الْكِنَايَةُ فِي الْمَعْفُودِ عَلَيْهِ كَمَا لَوْ قَالَ : رَوْجَتِكَ بِنْتِي فَقَبْلَ وَنَوِيًا مُعَيَّنَةً فَيَصِحُّ النِّكَاحُ بِهَا.

1698. Tidak, dengan kinayah pada sighthah seperti “aku halalkan kamu anak perempuan ku” kerana tidak dapat tidak pada kinayah daripada niat sedangkan saksi-saksi adalah rukun pada nikah sepertimana telah lalu dan tidak dapat dipandang niat mereka. Adapun kinayah pada yang diakadkan ke atasnya seperti kalau wali kata “aku kahwinkan kamu dengan anak perempuan ku” maka suami menerima dan kedua mereka niatkan yang tertentu maka sah nikah dengannya.

وَمِمَّا تَرَكَهُ مِنَ الْأَرْكَانِ أَيْضًا الزَّوْجَةُ. وَشَرِطٌ فِيهَا حِلٌّ وَتَعْيِينٌ وَخُلُوفٌ مِنْ نِكَاحٍ وَعِدَّةٌ. فَلَا يَصِحُّ نِكَاحُ مُحْرَمَةٍ لِلْخَبَرِ السَّابِقِ، وَلَا إِحْدَى امْرَأَتَيْنِ لِلإِيْهَامِ، وَلَا مَنْكُوحَةٍ وَلَا مُعْتَدَةٍ مِنْ غَيْرِهِ لِتَعَلُّقِ حَقِّ الْغَيْرِ بِهَا.

1699. Daripada apa yang dia tinggalkan dari rukun-rukun itu juga adalah isteri. Disyaratkan padanya halal dan tertentu dan sunyi dari nikah dan iddah. Maka tidak sah nikah perempuan yang berihram kerana khabar yang lalu itu, dan tidak satu daripada dua perempuan kerana kesamaran dan tidak yang didalam perkahwinan dan tidak yang beriddah dari orang lain kerana bersangkutan hak orang lain dengannya.

+فَصْلٌ فِي بَيَانِ أَحْكَامِ الْأَوْلِيَاءِ تَرْتِيْبًا وَإِجْبَارًا وَعَدَمِهِ وَبَعْضِ أَحْكَامِ الْخُطْبَةِ بِكِسْرِ الْمُعْجَمَةِ . وَفِي بَعْضِ النَّسْخِ ذَكَرَ هَذَا الْفَصْلَ، وَأَسْقَطَهُ فِي بَعْضِهَا فَقَالَ :

1700. **Fasal** pada keterangan hukum hakam para wali, susunan dan hak menggagahi dan tidak ada hak itu dan sebahagian hukum-hukum peminangan. Pada sebahagian naskhah dia sebutkan fasal ini dan mengugurkannya pada sebahagian yang lain maka katanya.

(وَأَوْلَى الْوَالَاةِ) أَيِ مِنَ الْأَقْرَابِ فِي التَّرْوِيحِ (الْأَبُ)، لِأَنَّ سَائِرَ الْأَوْلِيَاءِ يُدْلُونَ بِهِ كَمَا قَالَهُ الرَّافِعِيُّ، (ثُمَّ الْجَدُّ أَبُو الْأَبِ) وَإِنْ عَلَا لِاخْتِصَاصِ كُلِّ مِنْهُمْ عَنْ سَائِرِ الْعَصَبَاتِ بِالْوِلَادَةِ مَعَ مُشَارَكَتِهِ فِي الْعُصُوبَةِ ، (ثُمَّ الْأَخُ لِلْأَبِ وَالْأُمُّ) لِإِدْلَالِهِ بِهِمَا، (ثُمَّ الْأَخُ لِلْأَبِ) لِإِدْلَالِهِ بِهِ فَهُوَ أَقْرَبُ مِنْ ابْنِ الْأَخِ، (ثُمَّ ابْنُ الْأَخِ لِلْأَبِ وَالْأُمُّ) وَإِنْ سَقَلْ، (ثُمَّ ابْنُ الْأَخِ لِلْأَبِ) وَإِنْ سَقَلْ، لِأَنَّ ابْنَ الْأَخِ أَقْرَبُ مِنَ الْعَمِّ، (ثُمَّ الْعَمُّ) لِابْتَوَيْنِ ثُمَّ الْعَمُّ لِأَبِ، (ثُمَّ ابْنُهُ) أَبِي الْعَمِّ لِابْتَوَيْنِ وَإِنْ سَقَلْ، ثُمَّ ابْنُ الْعَمِّ لِأَبِ وَإِنْ سَقَلْ وَهَذَا مَعْنَى قَوْلِهِ : (عَلَى هَذَا التَّرْتِيْبِ) لِزِيَادَةِ الْقُرْبِ وَالشَّفَقَةِ كَالْإِزْتِ. وَعَلَى هَذَا لَوْ غَابَ الشَّقِيْقُ لَمْ يُزَوَّجِ الَّذِي لِأَبِ، بَلِ السُّلْطَانُ.

1701. (Yang terutama daripada wali-wali) dari kaum kerabat pada mengahwinkan

- (adalah bapa), kerana baki wali-wali menjulur dengannya sepertimana kata Rafi'e.

- **(Kemudian datuk, bapa bapa)** sekalipun terke atas, kerana khusus setiap dari mereka dari baki 'asabah-'asabah dengan melahirkan serta bersyarikatnya pada hak 'asabah.
- **(Kemudian saudara lelaki seibu sebapa)** kerana dia menjulurnya dengan keduanya, maka dia lebih dekat dari anak lelaki saudara lelaki.
- **(Kemudian anak lelaki saudara lelaki seibu sebapa)** sekalipun terkebawah.
- **(Kemudian anak lelaki saudara lelaki sebapa)** sekalipun terkebawah kerana anak lelaki saudara lelaki lebih dekat dari bapa saudara. (Kemudian bapa saudara) seibu sebapa kemudian anak saudara sebapa.
- **(Kemudian anak lelakinya)** iaitu bapa saudara seibu sebapa sekalipun dia terkebawah. Ini adalah makna katanya : **(di atas susunan ini)** kerana lebih dekat dan lebih kasih sayang, sama seperti pusaka. Di atas keadaan kewalian itu bagi syaqiq, kalau syaqiq ghaib tidak mengahwinkan oleh yang sebapa, sebaliknya sultan.

نَعَمْ لَوْ كَانَ ابْنًا عَمَّ أَحَدُهُمَا لِأَبَوَيْنِ وَالْآخَرَ لِأَبٍ لَكِنَّهُ أَخُوهَا لِأُمِّهَا فَالْتَّانِي هُوَ الْوَلِيُّ، لِأَنَّهُ يُدْلِي بِالْجَدِّ وَالْأُمِّ، وَالْأَوَّلُ يُدْلِي بِالْجَدِّ وَالْجَدَّةِ . وَلَوْ كَانَ ابْنًا عَمَّ أَحَدُهُمَا ابْنُهَا وَالْآخَرَ أَخُوهَا مِنَ الْأُمِّ فَالْإِبْنُ هُوَ الْمَقْدَمُ، لِأَنَّهُ أَقْرَبُ. وَلَوْ كَانَ ابْنًا عَمَّ أَحَدُهُمَا مُعْتَقٌ فِدَمِ الْمُعْتَقِ. وَمِنْهُ يُؤْخَذُ أَنَّهُ لَوْ كَانَ الْمُعْتَقُ ابْنَ عَمِّ لِأَبٍ وَالْآخَرَ شَقِيقًا فِدَمِ الشَّقِيقِ. وَبِهِ صَرَّحَ الْبُلْقِينِيُّ.

1702. Na'am, kalau ada dua anak lelaki bapa saudara, seorang darinya seibu sebapa dan seorang lagi sebapa akan tetapi dia saudara lelaki perempuan itu dari ibunya maka yang kedua ini adalah wali, kerana dia menjulur dari datuk dan ibu sedang yang pertama itu menjulur dari datuk dan nenek. Kalau ada dua anak lelaki bapa saudara, seorang darinya anak lelakinya¹⁰⁷ dan seorang lagi saudara lelakinya¹⁰⁸ dari sebelah emak maka anak lelaki itu adalah yang didulukan, kerana dia lebih dekat. Kalau ada dua anak lelaki bapa saudara seorang darinya mu'tiq didulukan yang mu'tiq itu. Darinya diambil bahawa kalau mu'tiq itu anak lelaki bapa saudara sebapa dan yang seorang lagi syaqiq didulukan yang syaqiq. Dengannya Bulqini menjelaskan.

تَنْبِيهٌ : ظَاهِرُ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ تَسْمِيَةَ كُلِّ مَنْ غَيْرِ الْأَبِ وَالْجَدِّ مِنَ الْأَخِ وَالْعَمِّ وَلِيًّا وَهُوَ كَذَلِكَ، وَإِنْ تَوَقَّفَ فِيهِ الْإِمَامُ وَجَعَلَ الْوِلَايَةَ حَقِيقَةً لِلْأَبِ وَالْجَدِّ فَقَطُّ.

1703. Tanbih. Zahir kalam musannif dinamakan setiap dari selain bapa dan datuk daripada saudara lelaki dan bapa saudara sebagai wali yang mana ia seperti demikian itu, sekalipun Imam tawaqquf padanya dan menjadikan kewalian sebenarnya bagi bapa dan datuk sahaja.

وَلَا يَزُوجُ ابْنَ أُمِّهِ بِبُنُوَّةِ مَحْضَةٍ ، خِلَافًا لِلْأَئِمَّةِ الثَّلَاثَةِ وَالْمَرْنِيِّ، لِأَنَّهُ لَا مُشَارَكَةَ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا فِي النَّسَبِ إِذْ انْتَسَابُهَا إِلَى أَبِيهَا وَانْتِسَابُ الْإِبْنِ إِلَى أَبِيهِ، فَلَا يَعْتَبَرُ بِدَفْعِ الْعَارِ عَنِ النَّسَبِ. فَإِنْ كَانَ ابْنُ عَمِّ لَهَا أَوْ مُعْتَقًا لَهَا أَوْ عَاصِبٌ مُعْتَقٌ لَهَا أَوْ قَاضِيًا أَوْ وَكِيلاً عَنْ وَلِيِّهَا كَمَا قَالَهُ الْمَاوَرِدِيُّ زَوْجٌ بِمَا ذَكَرَ، فَلَا تَضُرُّ الْبُنُوَّةُ، لِأَنَّهَا غَيْرُ مُقْتَضِيَةٍ، لَا مَانِعَةٍ. فَاذَا وَجِدَ مَعَهَا سَبَبٌ آخَرَ مُقْتَضٍ لِلْوِلَايَةِ لَمْ تَمْنَعَهُ.

1704. Anak lelaki tidak mengahwinkan ibunya dengan semata-mata status anak, bersalahan imam-imam yang tiga itu dan Muzani, kerana tidak ada perkongsian di antara dia dan di antara emaknya pada titihan, kerana emaknya terbangsa kepada bapanya dan anak lelaki itu terbangsa kepada bapanya, maka dia tidak cermat pada menolak cacat cela dari titihan ibunya. Maka jika anak itu anak lelaki bapa saudara

¹⁰⁷. anak saudara sepupunya.

¹⁰⁸. sepupunya.

perempuan itu atau anak lelaki mu'tiqnya atau 'asabah mu'tiqnya atau qadhi atau wakil dari walinya sepertimana kata Mawardi dia boleh mengahwinkan dengan apa yang disebutkan itu, maka tidak memudaratkan status anaknya, kerana ia tidak dimaksudkan, bukan perkara yang menegah. Maka apabila didapati bersama status anak itu sebab yang lain yang menuntut kewalian ia tidak menegahnya.

(فَإِذَا عَدِمَتِ الْعَصَبَاتُ) مِنْ النَّسَبِ (فَأَلْمَوْلَى) أَي السَّيِّدِ (الْمُعْتَقُ) الرَّجُلُ (ثُمَّ عَصَبَاتُهُ) بِحَقِّ الْوَلَاءِ سَوَاءً أَكَانَ الْمُعْتَقُ رَجُلًا أَوْ امْرَأَةً. وَالتَّرْتِيبُ هُنَا كَالْإِرْثِ فِي تَرْتِيبِهِ. فَيُقَدَّمُ بَعْدَ عَصَبَةِ الْمُعْتَقِ مُعْتَقُ الْمُعْتَقِ ثُمَّ عَصَبَتُهُ وَهَكَذَا، لِحَدِيثٍ : { الْوَلَاءُ لِحَمَةِ كُلِّ حَمَةِ النَّسَبِ } وَلِأَنَّ الْمُعْتَقَةَ أَخْرَجَهَا مِنَ الرَّقِّ إِلَى الْخُرَيْةِ، فَأَشْبَهَ الْأَبَ فِي إِخْرَاجِهَا لَهَا مِنَ الْعَدَمِ إِلَى الْوُجُودِ.

1705. (Maka apabila tidak kedapatan 'asabah-'asabah) dari titihan (maka maula) iaitu penghulu (yang memerdekakan) yang lelaki, (kemudian 'asabah-'asabahnya) dengan hak wala', samaada mu'tiq itu lelaki atau perempuan. Susunan disini seperti pusaka pada susunannya. Maka didulukan selepas 'asabah mu'tiq akan mu'tiq bagi mu'tiq, kemudian 'asabahnya begitu juga, kerana hadith "wala' itu satu paduan seperti paduan titihan" dan kerana mu'tiq mengeluarkannya dari kehambaan kepada kemerdekaan maka dia menyerupai bapa pada mengeluarkannya dari tidak ada kepada ada.

وَيَزَوِّجُ عَتِيقَةَ الْمَرْأَةِ إِذَا فُقِدَ وَلِيُّ الْعَتِيقَةِ مِنَ النَّسَبِ كُلُّ مَنْ يَزَوِّجُ الْمُعْتَقَةَ مَا دَامَتْ حَيَّةً بِالْوَلَايَةِ عَلَيْهَا تَبَعًا لِلْوَلَايَةِ عَلَى الْمُعْتَقَةِ. فَيَزَوِّجُهَا الْأَبُ ثُمَّ الْجَدُّ ثُمَّ بَقِيَّةُ الْأَوْلِيَاءِ عَلَى مَا فِي تَرْتِيبِهِمْ بِرِضَا الْعَتِيقَةِ. وَيَكْفِي سَكُوتُ الْبُكْرِ كَمَا قَالَه الرَّزْكَانِيُّ فِي تَكْمِلَتِهِ وَإِنْ خَالَفَ فِي دِيْبَاغِهِ. وَلَا يُعْتَبَرُ إِذْنُ الْمُعْتَقَةِ فِي ذَلِكَ فِي الْأَصَحِّ، لِأَنَّهُ لَا وِلَايَةَ لَهَا وَلَا إِجْبَارَ، فَلَا فَائِدَةَ لَهُ.

1706. Mengahwinkan 'atiqah i.e amah yang dimerdekakan bagi seorang perempuan apabila tidak kedapatan wali 'atiqah itu dari titihan oleh setiap orang yang mengahwinkan mu'tiqahnya selama dia masih hidup, dengan kewalian di atasnya kerana mengikutkan kewalian di atas mu'tiqah itu. Maka mengahwinkan 'atiqah itu bapa mu'tiqahnya kemudian datuknya kemudian baki wali-wali di atas apa yang pada susunan mereka, dengan redha 'atiqah itu. Memada diam anak dara sepertimana Zarkasyi katakan didalam Takmilah-nya sekalipun dia menyalahi pada Dībaj-nya. Tidak diiktibarkan izin mu'tiqah pada demikian itu pada yang paling sahih kerana tidak ada kewalian baginya dan tidak ada hak menggagahi. Maka tidak ada faedah untuknya.

فَإِذَا مَاتَتْ الْمُعْتَقَةُ زَوْجَ الْعَتِيقَةِ مِنْ لَهُ الْوَلَاءُ عَلَى الْمُعْتَقَةِ مِنْ عَصَبَاتِهَا، فَيَزَوِّجُهَا ابْنُهَا ثُمَّ ابْنُهُ ثُمَّ أَبُوهَا عَلَى تَرْتِيبِ عَصَبَةِ الْوَلَاءِ، إِذْ تَبَعِيَّةُ الْوَلَايَةِ انْقَطَعَتْ بِالمَوْتِ.

1707. Maka apabila mu'tiqah mati mengahwinan 'atiqahnya orang yang memiliki wala' di atas mu'tiqah itu, daripada 'asabah-'asabahnya, maka mengahwinkannya anak lelakinya kemudian anak lelaki bagi anak lelakinya kemudian bapanya di atas susunan 'asabah wala' kerana kewalian di atas jalan ikutan terputus dengan mati.

(ثُمَّ) إِنْ فُقِدَ الْمُعْتَقُ وَعَصَبَتُهُ زَوْجَ (الْحَاكِمِ) الْمَرْأَةِ الَّتِي فِي مَحَلِّ وِلَايَتِهِ لِحَبْرِ : { السُّلْطَانُ وَلِيُّ مَنْ لَا وَلِيَّ لَهُ } فَإِنْ لَمْ تَكُنْ فِي مَحَلِّ وِلَايَتِهِ فَلَيْسَ لَهُ تَزْوِيجُهَا وَإِنْ رَضِيَتْ كَمَا ذَكَرَهُ الرَّافِعِيُّ فِي آخِرِ الْقَضَاءِ عَلَى الْغَائِبِ. وَكَذَا يَزَوِّجُ الْحَاكِمُ إِذَا عَضَلَ النَّسَبُ الْقَرِيبَ وَلَوْ مُجْبِرًا وَالْمُعْتَقُ وَعَصَبَتُهُ، لِأَنَّهُ حَقٌّ عَلَيْهِمْ. فَإِذَا امْتَنَعُوا مِنْ وِفَائِهِ وَفَاءِ الْحَاكِمِ.

1708. (Kemudian) jika tak kedapatan mu'tiq dan 'asabahnya (hakim) mengahwinkan perempuan yang berada didalam tempat kekuasannya kerana khabar

“sultan adalah wali orang yang tidak ada wali baginya”. Maka jika dia tidak berada pada tempat kekuasaannya tidak boleh dia mengahwinkannya sekalipun dia redha sepertimana disebutkan Rafi’e pada akhir “hukuman ke atas orang yang ghaib”. Begitu juga hakim mengahwinkan apabila enggan titihan yang dekat walaupun yang mujbir, dan mu’tiq dan ‘asabahnya kerana ia hak di atas mereka. Maka bila mereka enggan menyempurnakannya hakim menyempurnakannya.

وَلَا تَنْتَقِلُ الْوَلَايَةَ لِلْأَبْعَدِ إِذَا كَانَ الْعَضْلُ دُونَ ثَلَاثِ مَرَّاتٍ. فَإِنْ كَانَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ زَوْجَ الْأَبْعَدِ بِنَاءً عَلَى مَنْعِ
وَلَايَةِ الْفَاسِقِ كَمَا قَالَ الشَّيْخَانِ. وَهَذَا فِيمَنْ لَمْ تَغْلِبْ طَاعَاتُهُ عَلَى مَعَاصِيهِ كَمَا ذَكَرُوهُ فِي الشَّهَادَاتِ. وَكَذَا
يُزَوِّجُ عِنْدَ غَيْبَةِ الْوَلِيِّ مَسَافَةَ الْقَصْرِ وَإِحْرَامَهُ وَإِرَادَتِهِ تَزْوُجَ مُوَلِّيَتِهِ وَلَا مُسَاوِي لَهُ فِي الدَّرَجَةِ،
وَالْمَجْنُونَةَ الْبَالِغَةَ عِنْدَ فُقْدِ الْمُجْبِرِ.

1709. Tidak berpindah kewalian itu kepada yang lebih jauh apabila enggan itu kurang dari tiga kali. Maka jika ianya tiga kali mengahwinkan yang lebih jauh kerana bina di atas bahawa kewalian orang fasik ditegah sepertimana dikatakan dua syeikh. Ini pada orang yang tidak menang ketaatannya di atas maksiatnya sepertimana mereka sebutkan pada saksi-saksi. Begitu juga dia mengahwinkan ketika wali ghaib kepada jarak qasar dan berihram dan hendak mengahwini anak waliannya dan tidak ada yang setaraf dengannya pada darjat, dan dia mengahwinkan perempuan gila yang baligh di sisi luput mujbirnya.

وَقَدْ جَمَعَ بَعْضُهُمُ الْمَوَاضِعَ الَّتِي يُزَوِّجُ فِيهَا الْحَاكِمُ فِي آيَاتِ فَقَالَ : وَيُزَوِّجُ الْحَاكِمُ فِي صُورِ أَنْتَ * مَنْظُومَةً
تُحْكِي عُقُودَ جَوَاهِرِ. عَدَمَ الْوَلِيِّ وَفُقْدَهُ وَنِكَاحَهُ * وَكَذَاكَ غَيْبَتَهُ مَسَافَةَ قَاصِرِ. وَكَذَاكَ إِعْمَاءَ وَحَبْسَ مَا نَع *
أُمَّةً لِمَحْجُورِ تَوَارِي الْقَادِرِ * إِحْرَامَهُ وَتَعَزُّزَ مَعَ عَضْلِهِ * إِسْلَامَ أُمِّ الْفَرْعِ وَهِيَ لِكَافِرِ.

1710. Sungguhnya sebahagian mereka menghimpunkan tempat-tempat yang mana hakim mengahwinkan padanya didalam beberapa bait maka katanya : hakim mengahwinkan pada beberapa keadaan datang ia dalam keadaan dinazamkan, menceritakan umpama ia simpulan permata-permata. Tidak ada wali, luputnya, nikahnya, seperti itu ghaibnya kepada jarak qasar, begitu juga pitamnya, tahanan yang menegah, dan amah bagi orang yang dihijir, menyorok wali yang kuasa, ihramnya, berkeras serta enggannya dan islamnya emak anak sedang dia milik kafir.

وَأَهْمَلِ النَّاطِمَ تَزْوِيجَ الْمَجْنُونَةِ الْبَالِغَةِ. وَإِنَّمَا يَحْصُلُ الْعَضْلُ مِنَ الْوَلِيِّ إِذَا دَعَتْ بِالْغَةِ عَاقِلَةٌ رَشِيدَةٌ كَانَتْ أَوْ
سَفِيهَةٌ إِلَى كُفَاءٍ وَامْتِنَعَ الْوَلِيُّ مِنْ تَزْوِيجِهِ. وَلَوْ عَيَّنَتْ كُفُؤًا وَأَرَادَ الْأَبُ أَوْ الْجَدُّ الْمُجْبِرُ كُفُؤًا غَيْرَهُ فَلَهُ ذَلِكَ
فِي الْأَصَحِّ، لِأَنَّهُ أَحْمَلُ نَظْرًا مِنْهَا.

1711. Nazim mengabaikan mengahwinkan perempuan gila yang baligh. Hanyalah terhasil enggan pada wali apabila perempuan baligh yang berakal yang cerdik atau yang safih menyeru kepada lelaki sepadan dan wali enggan dari mengahwinkannya. Kalau anak perempuan menentukan lelaki sepadan dan bapa atau datuk hendakkan lelaki sepadan yang lain, maka baginya demikian itu pada yang paling sah kerana dia lebih sempurna tilik fikir dari anak perempuannya.

وَحَكَى ابْنُ عَطِيَّةَ الْإِجْمَاعَ عَلَى ذَلِكَ. وَالتَّصْرِيحُ مَا يَقْطَعُ بِالرَّغْبَةِ فِي النِّكَاحِ كَأَرِيدُ أَنْ أَنْكِحَكَ، وَإِذَا انْقَضَتْ
عِدَّتُكَ نَكَحْتُكَ. وَذَلِكَ، لِأَنَّهُ إِذَا صَرَخَ تَحَقَّقَتْ رَغْبَتُهُ فِيهَا فَرُبَّمَا تَكْذِبُ فِي انْفِصَاءِ الْعِدَّةِ.

1712. Ibnu ‘Atiyah menghiyatkannya ijmak di atas demikian itu. Menjelaskan pinangan adalah lafaz yang putus dengan minat pada nikah seperti “aku nak mengahwini mu” dan “apabila habis idddah kamu aku kahwini kamu”. Demikian itu

kerana apabila dia menjelaskan terpastilah minatnya padanya maka terkadang dia berdusta pada habis iddahnya.

وَلَا يَجُوزُ تَعْرِيزُ لِرَجْعِيَّةٍ، لِأَنَّهَا زَوْجَةٌ أَوْ فِي مَعْنَى الزَّوْجَةِ، وَلِأَنَّهَا مَجْفُوءَةٌ بِالطَّلَاقِ فَقَدْ تَكْذِبُ انْتِقَامًا.
وَالْتَعْرِيزُ يَحْتَمِلُ الرَّغْبَةَ فِي النِّكَاحِ وَعَدَمَهَا كَقَوْلِهِ : أَنْتَ جَمِيلَةٌ. وَرَبُّ رَاغِبٌ فِيكَ وَمَنْ يَجِدُ مِثْلَكَ ؟

1713. Tidak harus menyindir pinangan kepada perempuan rajie kerana dia adalah isteri atau pada makna isteri dan kerana dia bebal dengan talak itu maka terkadang dia berdusta kerana marah. Sindiran menanggung minat pada nikah dan selainnya seperti katanya “kamu cantik” dan “ramai orang minat pada kamu” dan “siapa yang seumpama kamu?”.

(وَيَجُوزُ أَنْ يُعْرَضَ) لِغَيْرِ الرَّجْعِيَّةِ (بِنِكَاحِهَا قَبْلَ انْقِضَاءِ الْعِدَّةِ) ، سَوَاءً كَانَتْ عِدَّةً وَفَاءً أَمْ بَائِنًا، بِفَسْخِ
أَوْ طَلَاقٍ أَوْ رَدَّةٍ لِعُمُومِ، الْآيَةِ وَلِانْقِطَاعِ سُلْطَانَةِ الزَّوْجِ عَنْهَا.

1714. (Harus menyindir) bagi selain rajie'yah (dengan mengahwininya sebelum habis iddahnya), samaada ianya iddah wafat atau bain, dengan fasakh atau talak atau riddah, kerana umum ayat itu dan kerana putus penguasaan suami di atasnya.

تَنْبِيْهٌ : هَذَا كُلُّهُ فِي غَيْرِ صَاحِبِ الْعِدَّةِ الَّذِي يَحِلُّ لَهُ نِكَاحُهَا فِيهَا. أَمَّا هُوَ فَيَحِلُّ لَهُ التَّعْرِيزُ وَالتَّصْرِيحُ. وَأَمَّا
مَنْ لَا يَحِلُّ لَهُ نِكَاحُهَا فِيهَا كَمَا لَوْ طَلَّقَهَا بَائِنًا أَوْ رَجَعَهَا فَوَطَّنَهَا أَجْنَبِيًّا بِشُبُهَةِ فِي الْعِدَّةِ فَحَمَلَتْ مِنْهُ، فَإِنَّ
عِدَّةَ الْحَمْلِ تَقْدَمُ. وَلَا يَحِلُّ لِصَاحِبِ عِدَّةِ الشُّبُهَةِ أَنْ يَخْطُبَهَا، لِأَنَّهُ لَا يَجُوزُ لَهُ الْعَقْدُ عَلَيْهَا حِينَئِذٍ.

1715. Tanbih. Ini semuanya pada selain tuan iddah yang halal dia mengahwininya didalam iddah itu. Adapun dia maka halal baginya menyindir dan menjelaskan. Adapun orang yang tidak halal mengahwininya didalam iddahnya sepertimana kalau seorang mentalakkan isterinya sebagai bai'n maka menyetyubuhnya lelaki ajnabi dengan syubhah didalam iddah itu maka dia hamil darinya, maka iddah kandungan didulukan. Tidak halal bagi tuan iddah syubhah itu meminangnya kerana tidak harus dia akad di atasnya ketika itu.

وَحُكْمُ جَوَابِ الْمَرْأَةِ فِي الصُّورِ الْمَذْكُورَةِ تَصْرِيحًا وَتَعْرِيزًا حُكْمُ الْخُطْبَةِ فِيمَا تَقْدَمُ.

1716. Hukum perkenan perempuan pada rupa-rupa masaalah yang disebutkan itu, jelas dan sindir, adalah hukum peminangan pada apa yang telah lalu.

وَيَحْرُمُ عَلَى عَالِمٍ خُطْبَةً عَلَى خُطْبَةِ جَانِزَةٍ مِمَّنْ صَرَّحَ بِإِجَابَتِهِ، إِلَّا بِالْإِعْرَاضِ بِإِذْنِ أَوْ غَيْرِهِ مِنَ الْخَاطِبِ أَوْ
الْمُجِيبِ، لَخَبَرِ الشَّيْخَيْنِ. وَاللَّفْظُ لِلْبُخَارِيِّ : { لَا يَخْطُبُ الرَّجُلُ عَلَى خُطْبَةِ أَخِيهِ حَتَّى يَتْرَكَ الْخَاطِبُ قَبْلَهُ أَوْ
يَأْذَنَ لَهُ الْخَاطِبُ } وَالْمَعْنَى فِي ذَلِكَ مَا فِيهِ مِنَ الْإِيْدَاءِ.

1717. Haram pinangan di atas pinangan yang harus dari orang yang dijelaskan perkenannya melainkan dengan berpaling, dengan izin atau selainnya dari si peminang atau yang memperkenankan kerana khabar dua syeikh. Lafaz bagi Bukhari “tidak meminang seorang lelaki di atas pinangan saudaranya hingga peminang itu meninggalkan sebelumnya atau si peminang itu mengizinkannya”. Hikmah pada demikian itu adalah menyakitkan hati.

وَيَجِبُ ذِكْرُ عُيُوبِ مَنْ أُرِيدَ اجْتِمَاعٌ عَلَيْهِ لِمُنَاكِحَةٍ أَوْ نَحْوِهَا كَمُعَامَلَةٍ، وَأَخْذُ عِلْمٍ لِمُرِيدِهِ لِيَحْدَرَ، بَدَلًا
لِلنَّصِيحَةِ، سَوَاءً أَسْتَشِيرَ الدَّاكِرُ فِيهِ أَمْ لَا فَإِنَّ أُنْدَفَعَ بِدُونِهِ بِأَنْ لَمْ يُحْتَجَّ إِلَى ذِكْرِهَا أَوْ أُحْتَجَّ إِلَى ذِكْرِ
بَعْضِهَا حَرَمَ ذِكْرُ شَيْءٍ مِنْهَا فِي الْأَوَّلِ وَشَيْءٍ مِنَ الْبَعْضِ الْآخِرِ فِي الثَّانِي.

1718. Wajib menyebutkan 'aib orang yang hendak gauli kerana perkahwinan atau umpamanya seperti mu'amalah dan ambilan ilmu, kepada orang yang hendakkannya supaya dia berwaspada, sebagai pemberian nasihat samaada yang menyebutkan itu diminta nasihat padanya atau tidak. Maka jika tertolak tanpanya dengan bahawa tidak perlu menyebutkannya atau perlu kepada menyebutkan sebahagiannya haram suatu darinya pada yang pertama dan suatu dari sebahagian lagi pada yang kedua.

قَالَ فِي زِيَادَةِ الرَّوْضَةِ : وَالْغَيْبَةُ تَبَاحُ لِسِنَّةِ أَسْبَابِ وَذَكَرَهَا، وَجَمَعَهَا غَيْرُهُ فِي هَذَا الْبَيْتِ فَقَالَ : لَقَبٌ
وَمُسْتَفْتٍ وَفَسَقٌ ظَاهِرٌ وَالظُّلْمُ تَحْذِيرٌ مُزِيلُ الْمُنْكَرِ قَالَ الْعَزَالِيُّ فِي الْأَحْيَاءِ : إِلَّا أَنْ يَكُونَ الْمُنْظَاهِرُ
بِالْمَعْصِيَةِ عَالِمًا يَفْتَدَى بِهِ، فَنُتَمَعُّ غَيْبَتَهُ، لِأَنَّ النَّاسَ إِذَا اطَّلَعُوا عَلَى زَلَّتِهِ تَسَاهَلُوا فِي ارْتِكَابِ الذَّنْبِ
أَنْتَهَى.

1719. Katanya dialam Ziadah Raudhah : mengumpat itu diharuskan kerana enam sebab dan dia menyebutkannya. Seorang lain menghimpunkannya didalam bait ini maka katanya : gelaran dan diminta fatwa dan fasik yang terang-terangan dan zalim dan memberi amaran dan menghilangkan mungkar. Kata Ghazali didalam Ihya' : melainkan bahawa orang yang menunjuk-nunjuk dengan maksiat itu orang alim yang dicontohi maka ditegah mengumpatnya kerana manusia apabila memandang gelincirannya bermudah-mudah pada mengerjakan dosa. Intaha.

وَسَنَّ خُطْبَةً بِضَمِّ الْخَاءِ قَبْلَ خُطْبَةِ بَكْسِرِهَا، وَأُخْرَى قَبْلَ الْعَقْدِ لَخَبَرٍ : { كُلُّ كَلَامٍ لَا يُبْدَأُ فِيهِ بِحَمْدِ اللَّهِ فَهُوَ
أَقْطَعُ } أَيُّ عَنِ الْبَرَكَةِ. وَتَحْصُلُ السُّنَّةُ بِالْخُطْبَةِ قَبْلَ الْعَقْدِ مِنَ الْوَلِيِّ أَوْ الزَّوْجِ أَوْ أَجْنَبِيٍّ. وَلَوْ أَوْجَبَ وَلِيُّ
الْعَقْدِ فَخُطِبَ الزَّوْجُ خُطْبَةً قَصِيرَةً عَرَفًا فَقَبِلَ صَحَّ الْعَقْدُ مَعَ الْخُطْبَةِ الْفَاصِلَةِ بَيْنَ الْإِجَابِ وَالْقَبُولِ، لِأَنَّهَا
مُقَدِّمَةٌ الْقَبُولِ، فَلَا تَقْطَعُ الْوَلَاءَ كَالْإِقَامَةِ وَطَلَبِ الْمَاءِ وَالنَّيْمِ بَيْنَ صَلَاتِي الْجَمْعِ، لَكُنْهَا لَا تُسَنَّ، بَلْ يُسَنَّ
تَرْكُهَا كَمَا صَرَّحَ بِهِ ابْنُ يُونُسَ.

1720. Sunat khutbah sebelum pinangan dan satu lagi sebelum akad kerana khabar "setiap kata-kata yang tidak dimulakan padanya dengan pujian Allah maka ia putus" iaitu dari keberkatan. Terhasil sunat dengan khutbah sebelum akad dari wali atau suami atau ajnabi. Kalau wali mengijab maka suami berkhotbah dengan kutbah pendek pada 'uruf lalu dia melafazkan qabul sah akad itu serta khutbah yang menyelangi di antara ijab dan qabul itu kerana ia mukaddimah qabul maka ia tidak memutuskan turutan sama seperti qamat dan cari air dan tayammum di antara dua sembahyang jamak, akan tetapi ianya tidak sunat bahkan sunat meninggalkannya sepertimana dijelaskan Ibnu Yunus.

(وَالنِّسَاءُ) بِالنِّسْبَةِ إِلَى إِجْبَارِهِنَّ فِي التَّرْوِيجِ وَعَدَمِهِ (عَلَى ضَرْبَيْنِ) . الْأَوَّلُ (بَكْرٌ) تُجْبَرُ . (وَ) الثَّانِي
(النَّيْبُ) لَا تُجْبَرُ . (فَالْبِكْرُ) وَلَوْ كَبِيرَةً وَمَخْلُوقَةً بِلَا بَكَارَةٍ أَوْ زَالَتْ بِلَا وَطْءٍ كَسَقَطَةِ أَوْ حِدَّةٍ حَيْضٍ ()
يَجُوزُ (وَيَصِحُّ) لِلْأَبِ وَالْجَدِّ (أَبِي الْأَبِ وَإِنْ عَلَا عِنْدَ عَدَمِ الْأَبِ أَوْ عَدَمِ أَهْلِيَّتِهِ) (إِجْبَارُهَا عَلَى النِّكَاحِ) أَيُّ
تَرْوِيجُهَا لَخَبَرِ الدَّارِ قُطْنِي : { النَّيْبُ أَحَقُّ بِنَفْسِهَا وَالْبِكْرُ يَرْوِجُهَا أَبُوهَا } ، وَلِأَنَّهَا لَمْ تَمَارِسْ الرِّجَالَ بِالْوَطْءِ
فَهِيَ شَدِيدَةُ الْحَيَاءِ .

1721. (Perempuan-perempuan) dengan nisbah kepada digagahi pada mengahwinkannya dan tidaknya (di atas dua bentuk) pertamanya (dara) digagahi dia (dan), dan keduanya (janda) tidak digagahi dia. (Maka dara itu) walaupun tua dan yang dijadikan tanpa dara atau hilang daranya dengan selain setubuh seperti jatuh atau panas haid (harus) dan sah (bagi bapa dan datuk) bapa bagi bapa sekalipun terke atas di sisi tidak ada bapa atau tidak ada keahliannya (mengagahinya di atas nikah)

iaitu harus mengahwinkannya, kerana khabar Daruqutni “janda itu lebih berhak pada dirinya dan dara mengahwinkannya bapanya” dan kerana dia belum biasa dengan lelaki dengan setubuh maka dia sangat malu.

تَنْبِيْهٌ : لِتَرْوِيحِ الْأَبِّ أَوْ الْحَدِّ الْبِكْرَ بِغَيْرِ إِذْنِهَا شُرُوطٌ : الْأَوَّلُ أَنْ لَا يَكُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ ظَاهِرَةٌ. الثَّانِي : أَنْ يَرْوَجَهَا مِنْ كُفَاءٍ. الثَّلَاثُ : أَنْ يَرْوَجَهَا بِمَهْرٍ مِثْلِهَا. الرَّابِعُ : أَنْ يَكُونَ مِنْ نَفْدِ الْبَلَدِ. الْخَامِسُ : أَنْ لَا يَكُونَ الزَّوْجُ مُعْسِرًا بِالْمَهْرِ. السَّادِسُ : أَنْ لَا يَرْوَجَهَا بِمَنْ تَنْصَرَّرُ بِمُعَاشِرَتِهِ كَأَعْمَى أَوْ شَيْخِ هَرَمٍ. السَّابِعُ : أَنْ لَا يَكُونَ قَدْ وَجِبَ عَلَيْهَا نُسُكٌ ، فَإِنَّ الزَّوْجَ يَمْنَعُهَا لِكُونَ النُّسُكِ عَلَى التَّرَاحِي وَلِهَا عَرَضٌ فِي تَعْجِيلِ بَرَاءَةِ ذِمَّتِهَا. قَالَهُ ابْنُ الْعِمَادِ.

1722. Tanbih : untuk bapa atau datuk mengahwinkan anak dara tanpa izinnnya ada beberapa syarat. Pertamanya : tidak ada perseteruan yang jelas di antara dara itu dan di antaranya. Keduanya : dia mengahwinkannya dengan lelaki sepadan. Ketiganya : dia mengahwinkannya dengan mahar seumpama. Keempatnya : ianya dari duit tempatan. Kelimanya : suami itu tidak papa dengan maskahwin. Keenamnya : dia tidak mengahwinkannya dengan orang yang dia jadi susah sebab bergaul dengannya seperti orang buta atau lelaki yang sangat tua. Ketujuhnya : tidak telah wajib nusuk di atasnya kerana suami boleh menegahnyanya kerana keadaan nusuk itu di atas berlambatan dan baginya tujuan pada segera membebaskan zimmahnya. Mengatakannya Ibnu ‘Imad.

وَهَلْ هَذِهِ الشُّرُوطُ الْمَذْكُورَةُ شُرُوطٌ لِصِحَّةِ النِّكَاحِ بِغَيْرِ الْإِذْنِ أَوْ لِجَوَازِ الْإِقْدَامِ فَقَطْ؟ فِيهِ مَا هُوَ مُعْتَبَرٌ لِهَذَا وَمَا هُوَ مُعْتَبَرٌ لِذَلِكَ. فَالْمُعْتَبَرَاتُ لِلصِّحَّةِ بِغَيْرِ الْإِذْنِ أَنْ لَا يَكُونَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ وَلِيِّهَا عَدَاوَةٌ ظَاهِرَةٌ وَأَنْ يَكُونَ الزَّوْجُ كُفُوًا، وَأَنْ يَكُونَ مُوسِرًا بِحَالِ صَدَاقِهَا. وَمَا عَدَا ذَلِكَ شُرُوطٌ لِجَوَازِ الْإِقْدَامِ.

1723. Adakah syarat-syarat ini syarat-syarat sah nikah tanpa izin atau untuk harus maju kepadanya sahaja? Padanya apa yang diktibarkan untuk ini dan apa yang diiktibarkan untuk itu. Maka yang diiktibarkan untuk sahnya tanpa izin bahawa tidak ada di antara si dara dan di antara walinya perseteruan yang zahir, dan bahawa suami itu sepadan dan bahawa dia kaya dengan maskahwinnya yang tak bertempoh. Apa yang selain itu adalah syarat-syarat untuk harus maju kepadanya.

قَالَ الْوَلِيُّ الْعِرَاقِيُّ : وَيَنْبَغِي أَنْ يُعْتَبَرَ فِي الْإِجْبَارِ أَيْضًا انْتِفَاءُ الْعَدَاوَةِ بَيْنَهَا وَبَيْنَ الزَّوْجِ أَنْتَهَى. وَإِنَّمَا لَمْ يُعْتَبَرَ ظُهُورُ الْعَدَاوَةِ هُنَا كَمَا أُعْتَبِرَ ثُمَّ لِيُظْهِرَ الْفَرْقَ بَيْنَ الزَّوْجِ وَالْوَلِيِّ الْمُجْبِرِ، بَلْ قَدْ يُقَالُ : إِنَّهُ لَا حَاجَةَ لِمَا قَالَهُ، لِأَنَّ انْتِفَاءَ الْعَدَاوَةِ بَيْنَهَا وَبَيْنَ الْوَلِيِّ يَفْتَضِي أَنْ لَا يَرْوَجَهَا إِلَّا مِمَّنْ يَحْصُلُ لَهَا مِنْهُ حَظٌّ وَمَصْلَحَةٌ لِشَفَقَتِهِ عَلَيْهَا. أَمَّا مُجَرَّدُ كَرَاهَتِهَا لَهُ مِنْ غَيْرِ ضَرَرٍ فَلَا يُؤْتِرُ لِكِنْ يُكْرَهُ لَوْلِيَّهَا أَنْ يَرْوَجَهَا مِنْهُ كَمَا نَصَّ عَلَيْهِ فِي الْأَمِّ.

1724. Kata Wali Iraqi : sayugia diiktibarkan pada menggagahi itu juga ternafi perseteruan di antara dia dan di antara bakal suaminya. Intaha. Hanyalah tidak diiktibarkan zahir perseteruan disini sepertimana diktibarkan disana kerana jelas beza di antara suami dan wali mujbir, bahkan dikatakan : tidak ada hajat kepada apa yang dia katakannya kerana ternafi perseteruan di antara si dara dan di antara walinya menuntut bahawa walinya tidak mengahwinkan dia melainkan dengan orang yang terhasil keuntungan dan maslahat bagi dia darinya kerana kasih sayang walinya kepadanya. Adapun semata-mata benci si dara itu kepada bakal suaminya tanpa kemudharatan maka tidak berkesan, akan tetapi makruh walinya mengahwinkan dia dengannya sepertimana dia naskan didalam al Umm.

وَيُسْنُ اسْتِنْدَانُ الْبِكْرِ إِذَا كَانَتْ مُكَلَّفَةً لِحَدِيثِ مُسْلِمٍ : { وَالْبِكْرُ يَسْتَأْمِرُهَا أَبُوهَا } . وَهُوَ مَحْمُولٌ عَلَى النَّدْبِ تَطْبِيًّا لِخَاطِرِهَا . وَأَمَّا غَيْرُ الْمُكَلَّفَةِ فَلَا إِذْنَ لَهَا .

1725. Sunat minta izin anak dara apabila dia mukallaf kerana hadith muslim “dara itu bapanya meminta izinnya”. Lanya ditanggungkan di atas sunat kerana mengelokkan hatinya. Adapun yang tidak mukallaf maka tidak ada izin baginya.

وَيُسْنُ اسْتِنْفَاهُ الْمَرَاهِقَةَ وَأَنْ لَا تَرْوَجَ الصَّغِيرَةَ حَتَّى تَبْلُغَ . وَالسُّنَّةُ فِي الْاسْتِنْدَانِ لِوَلِيِّهَا أَنْ يُرْسِلَ إِلَيْهَا نِسْوَةَ ثِقَاتٍ يَنْظُرْنَ مَا فِي نَفْسِهَا . وَالْأُمَّ بِذَلِكَ أَوْلَى ، لِأَنَّهَا تَطَّلِعُ عَلَى مَا لَا يَطَّلِعُ عَلَيْهِ غَيْرُهَا .

1726. Sunat minta izin budak perempuan yang hampir baligh, dan bahawa tidak dikahwinkan budak kecil hingga dia baligh. Sunat pada minta izin bagi walinya bahawa dia mengutus kepadanya beberapa perempuan yang thiqah melihat apa yang ada didalam hatinya. Ibu terutama dengan demikian itu kerana dia nampak apa yang orang lain tidak nampak.

(وَالثَّيْبُ) الْبَالِغَةُ (لَا يَجُوزُ) وَلَا يَصَحُّ (تَرْوِجُهَا) وَإِنْ عَادَتْ بَكَارَتِهَا إِلَّا بِإِذْنِهَا لِخَبَرِ الدَّارِقُطِيِّ السَّابِقِ وَخَبَرِ : { لَا تَنْكَحُوا الْأَيَامِيَّ حَتَّى تَسْتَأْمِرُوهُنَّ } ، رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَقَالَ : حَسَنٌ صَحِيحٌ ، وَلِأَنَّهَا عَرَفَتْ مَقْصُودَ النِّكَاحِ فَلَا تُجْبَرُ ، بِخِلَافِ الْبِكْرِ . فَإِنْ كَانَتْ الثَّيْبُ صَغِيرَةً غَيْرَ مَجْنُونَةٍ وَغَيْرَ أَمَةٍ لَمْ تَرْوَجْ ، سِوَاءِ احْتِمَالَتْ الْوَطْءَ أَمْ لَا .

1727. (Janda) yang baligh (tak harus) dan tak sah (mengahwinkannya) sekalipun kembali daranya, melainkan dengan izinnya kerana khabar Daruqutni yang lalu itu dan khabar “jangan kamu kahwinkan janda-janda hinggakan kamu minta izin* dari mereka”, meriwayatkannya Turmizi dan katanya : hasan sahih, dan kerana dia tahu maksud perkahwinan maka tidak digagahi dia, bersalahan dara. Maka jika janda itu budak kecil yang tidak gila dan bukan amah tidak dikahwinkan dia samaada dia menanggung persetubuhan atau tidak.

(إِلَّا بَعْدَ بُلُوغِهَا وَإِذْنِهَا) ، لِأَنَّ إِذْنَ الصَّغِيرَةِ غَيْرُ مُعْتَبَرٍ فَاِمْتَنَعَ تَرْوِجُهَا إِلَى الْبُلُوغِ . أَمَّا الْمَجْنُونَةُ فَيَرْوَجُهَا الْأَبُ وَالْجَدُّ عِنْدَ عَدَمِهِ قَبْلَ بُلُوغِهَا لِلْمَصْلَحَةِ . وَأَمَّا الْأُمُّ فَلَسَيِّدُهَا أَنْ يَرْوَجَهَا . وَكَذَا الْوَلِيُّ السَّيِّدِ عِنْدَ الْمَصْلَحَةِ .

1728. (Melainkan selepas balighnya dan izinnya) kerana izin budak kecil tidak diiktibarkan maka tertegah mengahwinkannya hingga baligh. Adapun yang gila maka mengahwinkannya bapa dan datuknya di sisi tidak ada bapa sebelum balighnya kerana maslahat. Adapun amah maka bagi penghulunya mengahwinkannya. Begitu juga wali penghulunya di sisi ada maslahat.

تَتِمَّةٌ : لَوْ وَطِنَتْ الْبِكْرُ فِي قَبْلِهَا وَلَمْ تَزَلْ بَكَارَتِهَا كَأَنَّ كَانَتْ عَوْرَاءَ فَهِيَ كَسَائِرِ الْأَبْكَارِ . وَإِنْ كَانَ مُقْتَضَى تَعْلِيمِهِمْ بِمُمَارَسَةِ الرِّجَالِ خِلَافَهُ ، كَمَا أَنَّ قَضِيَّةَ كَلَامِهِمْ كَذَلِكَ إِذَا زَالَتْ بِذِكْرِ حَيَوَانَ غَيْرِ آدَمِيٍّ كَقَرْدٍ مَعَ أَنَّ الْأَوْجَةَ أَنَّهَا كَالثَّيْبِ . وَلَوْ خُلِقَتْ بِلَا بَكَارَةَ فَحُكْمُهَا حُكْمُ الْأَبْكَارِ كَمَا حَكَاهُ فِي زِيَادَةِ الرَّوْضَةِ عَنِ الصَّيْمَرِيِّ ، وَأَقْرَهُ .

1729. Tatimmah. Kalau disetubuhi anak dara pada qubulnya dan tidak hilang daranya seperti bahawa dia ghaura* maka dia seperti sekalian dara-dara, sekalipun kehendak mengajar mereka biasa dengan lelaki menyalahinya sepertimana bahawa kehendak kalam mereka seperti itu apabila ianya hilang dengan zakar haiwan yang selain anak adam seperti kera serta bahawa yang paling ada wajah bahawa dia seperti janda. Kalau dijadikan dia tanpa dara maka hukumnya hukum dara sepertimana dihikayatkan didalam Ziadah Raudhah dari Shaimuri dan dia mengakuinya.

وَتُصَدِّقُ الْمُكَلَّفَةَ فِي دَعْوَى الْبَكَارَةِ وَإِنْ كَانَتْ فَاسِقَةً . قَالَ ابْنُ الْمُقْرِي : بِلَا يَمِينٍ . وَكَذَا فِي دَعْوَى التَّيْبَةِ قَبْلَ الْعَقْدِ وَإِنْ لَمْ تَتَزَوَّجْ . وَلَا تُسْأَلُ الْوَطْءَ . فَإِنْ أَدَعَتْ التَّيْبَةَ بَعْدَ الْعَقْدِ وَقَدْ زَوَّجَهَا الْوَلِيَّ بغيرِ إِذْنِهَا نَطَقًا فَهُوَ الْمُصَدِّقُ بِمِيزَانِهِ لِمَا فِي تَصْدِيقِهَا مِنْ إِبْطَالِ النِّكَاحِ ، بَلْ لَوْ شَهِدَتْ أَرْبَعَ نِسْوَةٍ عِنْدَ الْعَقْدِ بِثبُوتِهَا لَمْ يَبْطُلْ لِحُجُوزِ إِزَالَتِهَا بِأَصْبَحٍ أَوْ نَحْوِهِ أَوْ أَنَّهَا خُلِقَتْ بِدُونِهَا كَمَا ذَكَرَهُ الْمَآوَرِدِيُّ وَالرُّوْيَانِيُّ ، وَإِنْ أَفْتَى ابْنُ الصَّلَاحِ بِخِلَافِهِ .

1730. Dibenarkan perempuan mukallaf pada dakwaan dara sekalipun dia fasik. Kata Ibnu Muqri : tanpa sumpah. Begitu juga pada dakwaan janda sebelum akad sekalipun dia belum kahwin, dan tidak ditanyakan tentang persetubuhan. Maka jika dia mendakwa janda selepas akad walhal walinya mengahwinkan dia tanpa izinnya dengan tuturan maka dia yang dibenarkan dengan sumpahnya kerana membenarkannya membatalkan nikah, bahkan kalau empat perempuan menyaksikan di sisi akad dengan jandanya tidak batal ia kerana harus hilangnya dengan jari atau umpamanya atau bahawa dia dijadikan tanpanya sepertimana disebutkan Mawardi dan Ruyani, sekalipun Ibnu Sholah memfatwakan yang bersalahan dengannya.

فَصْلٌ : فِي مُحَرَّمَاتِ النِّكَاحِ وَمُثَبَّاتِ الْخِيَارِ فِيهِ (وَالْمُحَرَّمَاتُ) عَلَى قِسْمَيْنِ : تَحْرِيمٌ مُؤَبَّدٌ وَتَحْرِيمٌ غَيْرُ مُؤَبَّدٍ ، وَمِنْ الْأَوَّلِ وَإِنْ لَمْ يَذْكُرْهُ الشَّيْخَانِ اخْتِلَافَ الْجِنْسِ ، فَلَا يَجُوزُ لِلْأَدَمِيِّ نِكَاحُ الْجَنِّيَّةِ كَمَا قَالَ ابْنُ يُونُسَ وَأَفْتَى بِهِ ابْنُ عَبْدِ السَّلَامِ خِلَافًا لِلْقَمُولِيِّ قَالَ تَعَالَى : { هُوَ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَجَعَلَ مِنْهَا زَوْجَهَا } .

1731. **Fasal pada perempuan-perempuan yang haram dikahwini** yang mensabitkan khiair. (**Perempuan-perempuan yang haram dikahwini**) di atas dua bahagian : haram selamanya dan haram tak selamanya. Daripada yang pertama itu sekalipun dua syeikh tidak menyebutkan adalah kelainan jenis, maka tidak harus bagi anak adam yang lelaki mengahwini perempuan jin sepertimana dikatakan Ibnu Yunus dan difatwakan oleh Ibnu Abdussalam, bersalahan Qamuli. Firman Allah taala “Dialah yang menjadikan kamu dari diri yang satu dan menjadikan darinya pasangannya”.

وَالْمُؤَبَّدُ (بِالنِّصِّ) الْقَطْعِي فِي الْآيَةِ الْكَرِيمَةِ الْآتِيَةِ عَنْ قُرْبِ (أَرْبَعِ عَشْرَةَ) وَلَهُ ثَلَاثَةٌ أَسْبَابٍ : قَرَابَةٌ وَرِضَاعٌ وَمَصَاهَرَةٌ ، وَقَدْ بَدَأَ بِالسَّبَبِ الْأَوَّلِ وَهُوَ الْقَرَابَةُ بِقَوْلِهِ : (سَبْعٌ) بِتَقْدِيمِ السِّينِ عَلَى الْمُوَحَّدَةِ ، أَيْ يَحْرُمُنِ (بِالنِّسْبِ) لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { حُرِّمَتْ عَلَيْكُمْ أُمَّهَاتُكُمْ وَبَنَاتُكُمْ وَأَخَوَاتُكُمْ } الْآيَةَ ،

1732. Yang selamanya (**dengan nas**) yang putus pada ayat yang mulia yang datang sebentar tadi (**empat belas**). Baginya tiga sebab : kerabat dan susuan dan semendaan. Sungguhnya dia mula dengan sebab pertama iaitu kerabat dengan katanya : (**tujuh orang**) iaitu haram mereka itu (**dengan titihan**) kerana firman Allah taala “diharamkan ke atas kamu emak-emak kamu dan anak-anak perempuan kamu dan saudara-saudara perempan kamu. . .”.

وَلَمَّا يَحْرُمُ بِالنِّسْبِ وَالرِّضَاعِ ضَابِطَانِ : الْأَوَّلُ تَحْرِيمُ نِسَاءِ الْقَرَابَةِ إِلَّا مَنْ دَخَلَتْ تَحْتَ وَالدِّ الْعُمُومَةِ أَوْ وَالدِّ الْخُؤُولَةِ . وَالثَّانِي يَحْرُمُ عَلَى الرَّجُلِ أَصُولُهُ وَفُصُولُهُ وَأَوَّلُ فَصْلٍ مِنْ كُلِّ أَصْلٍ بَعْدَ الْأَصْلِ الْأَوَّلِ . فَالْأَصُولُ الْأُمَّهَاتُ وَالْفُصُولُ الْبَنَاتُ ، وَفُصُولُ أَوَّلِ الْأَصُولِ الْأَخَوَاتُ وَبَنَاتُ الْأَخْتِ ، وَأَوَّلُ فَصْلٍ مِنْ كُلِّ أَصْلٍ بَعْدَ الْأَصْلِ الْأَوَّلِ الْعَمَّاتُ وَالْخَالَاتُ . وَالضَّابِطُ الْأَوَّلُ أَرْجَحُ كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ لِإِيجَازِهِ وَنَصِّهِ عَلَى الْإِنَاتِ ، بِخِلَافِ الثَّانِي .

1733. Bagi apa yang haram dengan titihan dan susuan ada dua dhabit :

- Pertamanya perempuan-perempuan kerabat melainkan orang yang masuk dibawah status anak bapa saudara atau anak bapa saudara sebelah emak.

- Keduanya : haram di atas lelaki oleh asal-asalnya dan fasal-fasalnya dan fasal bagi yang pertama daripada asal-asalnya, dan fasal yang pertama dari setiap asal selepas asal yang pertama. Maka asal-asal adalah emak-emak, dan fasal-fasal adalah anak-anak perempuan, dan fasal-fasal yang pertama dari asal-asal adalah saudara-saudara perempuan dan anak-anak perempuan saudara perempuan, dan fasal yang pertama dari setiap asal selepas asal yang pertama adalah emak saudara belah bapa dan emak saudara belah emak. Dhabit pertama itu lebih rajih sepertimana dikatakan Rafi'e kerana ringkasnya dan kerana ia menjurus kepada perempuan-perempuan, bersalahan dengan yang kedua.

(وَهِيَ) أَي السَّبْعُ مِنَ النَّسَبِ الْأَوَّلِ مِنْهَا (الْأُمُّ) أَي يَحْرُمُ الْعَقْدُ عَلَيْهَا . وَكَذَا يُقَدَّرُ فِي الْبَاقِي . وَضَابِطُ الْأُمِّ هِيَ كُلُّ مَنْ وَلَدَتْكَ فَهِيَ أُمُّكَ حَقِيقَةً ، أَوْ وَلَدَتْ مِنْ وَلَدِكَ ، ذَكَرًا كَانَ أَوْ أَنْثَى كَأُمِّ الْأَبِ (وَإِنْ عَلَتْ) وَأُمُّ الْأُمِّ كَذَلِكَ ، فَهِيَ أُمُّكَ مَجَازًا . وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ كُلُّ أَنْثَى يَنْتَهِي إِلَيْهَا نَسَبُكَ بِوَأَسِطَةٍ أَوْ بَعِيرِهَا .

1734. (lanya) iaitu tujuh orang dari titihan, yang pertama darinya (emak), iaitu haram akad di atasnya. Beginilah ditakdirkan pada yang tinggal lagi. Dhabit emak itu adalah setiap orang yang melahirkan kamu maka dia emak kamu yang sebenar, atau melahirkan orang yang melahirkan kamu, lelaki adalah dia atau perempuan seperti emak bapa (sekalipun terke atas) dan emak emak seperti demikian itu juga, maka dia emak kamu di atas jalan majaz. Jika kamu hendak kamu katakan : setiap perempuan yang sampai kepadanya titihan kamu, dengan perantaraan atau tanpanya.

(و) الثَّانِي (الْبِنْتُ) . وَضَابِطُهَا كُلُّ مَنْ وَلَدَتْهَا فَبِنْتُكَ حَقِيقَةً ، أَوْ وَلَدَتْ مِنْ وَلَدِهَا ، ذَكَرًا كَانَ أَوْ أَنْثَى كَبِنْتِ ابْنٍ وَإِنْ نَزَلَ وَبِنْتِ بِنْتِ (وَإِنْ سَفَلَتْ) فَبِنْتُكَ مَجَازًا . وَإِنْ شِئْتَ قُلْتَ : كُلُّ أَنْثَى يَنْتَهِي إِلَيْكَ نَسَبُهَا بِالْوِلَادَةِ بِوَأَسِطَةٍ أَوْ بَعِيرِهَا .

1735. Keduanya (anak perempuan). Dhabitnya setiap perempuan yang kamu lahirkan maka dia anak perempuan kamu pada hakikatnya, atau kamu lahirkan orang yang melahirkannya, lelaki adalah dia atau perempuan seperti anak perempuan bagi anak lelaki sekalipun dia terkebawah dan anak perempuan bagi anak perempuan (sekalipun dia terkebawah) maka dia anak perempuan kamu di atas jalan majaz. Jika kamu hendak kamu katakan : setiap perempuan yang sampai kepada kamu titihannya dengan kelahiran dengan perantaraan atau tanpanya.

(و) الثَّلَاثُ (الْأُخْتُ) . وَضَابِطُهَا كُلُّ مَنْ وَلَدَهَا أَبَوَاكَ أَوْ أَحَدَهُمَا ، فَأُخْتُكَ .

1736. Ketiganya (saudara perempuan). Dhabitnya setiap perempuan yang dilahirkan oleh dua ibu bapa kamu atau seorang dari keduanya, maka dia saudara perempuan kamu.

(و) الرَّابِعُ (الْخَالَةُ) . وَضَابِطُهَا كُلُّ أُخْتِ أَنْثَى وَلَدَتْكَ فَخَالَتُكَ حَقِيقَةً أَوْ بِوَأَسِطَةٍ كَخَالَةِ أُمِّكَ فَخَالَتُكَ مَجَازًا . وَقَدْ تَكُونُ الْخَالَةُ مِنْ جِهَةِ الْأَبِ كَأُخْتِ أُمِّ الْأَبِ . تَنْبِيْهُ : كَانَ الْأَوْلَى أَنْ يُوَجَّزَ الْخَالَةُ عَنِ الْعَمَّةِ لِيَكُونَ عَلَى تَرْتِيبِ الْآيَةِ .

1737. Keempatnya (khalah i.e emak saudara belah emak). Dhabitnya setiap saudara perempuan bagi perempuan yang melahirkan kamu, maka dia khalah kamu yang sebenar atau dengan perantaraan seperti khalah emak kamu maka dia khalah kamu di atas jalan majaz. Terkadang adalah khalah itu dari pihak bapa seperti saudara perempuan emak bapa. Tanbih adalah yang terutama mentakhirkan khalah dari 'ammah i.e emak saudara belah emak supaya ia di atas susunan ayat tersebut.

(و) الْخَامِسُ (الْعَمَّةُ) . وَضَابِطُهَا كُلُّ أُخْتٍ ذَكَرَ وَلَدَكَ بِهَا وَاسِطَةَ فَعَمَّتْكَ حَقِيقَةً، أَوْ بِوَاسِطَةِ كَعَمَّةِ أَبِيكَ فَعَمَّتْكَ مَجَازًا. وَقَدْ تَكُونُ الْعَمَّةُ مِنْ جِهَةِ الْأُمِّ كَأُخْتِ أَبِي الْأُمِّ.

1738. Kelimanya ('ammah). Dhabitnya setiap saudara perempuan bagi lelaki yang melahirkan kamu tanpa perantaraan maka dia 'ammah kamu yang sebenar atau dengan perantaraan seperti 'ammah bagi bapa kamu maka dia 'ammah kamu di atas jalan majaz. Terkadang 'ammah itu dari pihak emak seperti saudara perempuan bapa emak kamu.

(و) السَّادِسُ وَالسَّابِعُ (بِنْتُ الْأَخِ وَبِنْتُ الْأُخْتِ) مِنْ جَمِيعِ الْجِهَاتِ، وَبَنَاتُ أَوْلَادِهِمَا وَإِنْ سَقَلْنَ.

1739. Keenam dan ketujuhnya (anak perempuan saudara lelaki dan anak perempuan saudara perempuan) dari semua pihak, dan anak-anak perempuan bagi anak-anak kedua mereka sekalipun mereka terkebawah.

تَنْبِيْهٌ : عَلِمَ مِنْ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ أَنَّ الْبِنْتَ الْمَخْلُوقَةَ مِنْ مَاءِ زَنَاهُ سِوَاءِ أَتَّفَقَ أَنَّهَا مِنْ مَائِهِ أَمْ لَا تَحِلُّ لَهُ، لِأَنَّهَا أَجْنَبِيَّةٌ إِنْ لَا حُرْمَةَ لِمَاءِ الزَّانَا بِدَلِيلِ انْتِفَاءِ سَائِرِ أَحْكَامِ النَّسَبِ مِنْ إِرْثٍ وَغَيْرِهِ عَنْهَا، فَلَا تَبْعُضَ الْأَحْكَامُ كَمَا يَقُولُ الْمُخَالِفُ، فَإِنَّ مَنَعَ الْإِرْثِ إِجْمَاعٌ كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ : وَلَكِنْ يُخْرَهُ نِكَاحُهَا خُرُوجًا مِنْ خِلَافِ مَنْ حَرَّمَهَا. وَلَوْ أَرْضَعَتْ الْمَرْأَةُ بِلَبَنِ الزَّانِي صَغِيرَةً فَكَبَّتْهُ قَالَهُ الْمُتَوَلَّى.

1740. Tanbih. Diketahui dari kalam musannif bahawa anak perempuan seorang yang jadi dari air zinanya, samaada disepakatkan bahawa ia dari airnya atau tidak, adalah halal baginya, kerana dia perempuan ajnabi kerana tidak ada kehormatan bagi air zina dengan dalil ternafi sekalian hukum-hukum titihan darinya, daripada pusaka dan selainnya, maka tidak disetengah-setengahkan hukum-hukum sepertimana kata orang yang menyalahi, maka tegahan pusaka itu diijmakkan sepertimana kata Rafi'e. Akan tetapi makruh mengahwininya kerana keluar dari khilaf orang yang mengharamkannya. Kalau seorang perempuan menyusukan budak kecil dengan susu penzina maka dia seperti anak perempuannya. Mengatakannya Mutawalli.

وَيَحْرُمُ عَلَى الْمَرْأَةِ وَعَلَى سَائِرِ مَحَارِمِهَا وَلَدَهَا مِنْ زِنَا بِالْإِجْمَاعِ كَمَا أَجْمَعُوا عَلَى أَنَّهُ يَرِثُهَا . وَالْفَرْقُ أَنَّ الْإِبْنَ كَالْعَضْوِ مِنْهَا وَأَنْفَصَلَ مِنْهَا إِنْسَانًا، وَلَا كَذَلِكَ النُّطْفَةُ الَّتِي خَلَقَتْ مِنْهَا الْبِنْتُ بِالنِّسْبَةِ إِلَى الْأَبِ.

1741. Haram ditas seorang perempuan dan di atas sekalian mahram-mahramnya oleh anak lelakinya yang dari zina dengan ijmak sepertimana mereka ijmak di atas bahawa dia mewarisinya. Bezanya bahawa anak lelaki itu seperti satu anggota darinya dan bercerai darinya sebagai manusia, dan tidak seperti demikian itu air mani yang dijadikan anak perempuan darinya dengan nisbah kepada bapanya.

ثُمَّ شَرَعَ فِي السَّبَبِ الثَّانِي وَهُوَ الرِّضَاعُ بِقَوْلِهِ : (وَاتَّانَ بِالرِّضَاعِ وَهُمَا الْأُمُّ الْمُرْضِعَةُ وَالْأُخْتُ مِنَ الرِّضَاعِ) لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَأُمَّهَاتُكُمُ اللَّاتِي أَرْضَعْنَكُمْ وَأَخَوَاتُكُمُ مِنَ الرِّضَاعَةِ } . فَمَنْ أَرْضَعَتْ مِنْ امْرَأَةٍ صَارَتْ بِنَاتُهَا الْمَوْجُودَاتِ قَبْلَهُ وَالْحَادِثَاتِ بَعْدَهُ أَخَوَاتٍ لَهُ.

1742. Dia masuk pada sebab kedua iaitu susuan dengan katanya (Dua orang dengan susuan. Keduanya adalah emak yang menyusukan dan saudara perempuan dari susuan) kerana firman Allah taala "dan emak-emak kamu yang menyusukan kamu dan saudara-saudara perempuan kamu dari susuan". Maka siapa menyusu dari seorang perempuan jadilah anak-anak perempuannya yang ujud sebelum susuan itu dan yang baru selepasnya sebagai saudara-saudara perempuannya.

وَإِنَّمَا ذَكَرْتُ ذَلِكَ مَعَ وَضُوحِهِ، لِأَنَّ كَثِيرًا مِنْ جَهْلَةِ الْعَوَامِ يَظُنُّونَ أَنَّ الْأُخْتَ مِنَ الرَّضَاعِ هِيَ الَّتِي ارْتَضَعَتْ مَعَهُ دُونَ غَيْرِهَا وَيَسْأَلُونَ عَنْهُ كَثِيرًا.

1743. Aku hanya sebutkan demikian itu serta jelasnya kerana ramai dari orang-orang awam yang jahil menyangkakan bahawa saudara perempuan dari susuan adalah perempuan yang menyusukan bersamanya, tidak selainnya, dan mereka bertanya ramai orang tentangnya.

فَمَرْضِعَتُكَ وَمَنْ أَرْضَعَتْهَا أَوْ وَلَدَتْهَا أَوْ وَلَدَتْ أَبَا مِنْ رَضَاعٍ وَهُوَ الْفَحْلُ أَوْ أَرْضَعْتَهُ أَوْ أَرْضَعْتَ مَنْ وَلَدَكَ بِوَاسِطَةٍ أَوْ غَيْرِهَا أَمْ رَضَاعٍ. وَقَسَّ عَلَى ذَلِكَ الْبَاقِي مِنَ السَّبْعِ بِالرَّضَاعِ بِمَا ذَكَرَ.

1744. Maka perempuan yang menyusukan kamu dan perempuan yang menyusukannya atau melahirkannya atau melahirkan bapa susuan iaitu yang mana dia lelaki halal bagi ibu susuan, atau menyusukannya atau menyusukan orang yang melahirkan kamu dengan perantaraan atau tanpanya adalah emak susuan. Kiaskan di atas demikian itu baki tujuh orang yang haram dengan susuan dengan apa yang disebutkan itu.

لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: { يَحْرُمُ مِنَ الرَّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ الْوِلَادَةِ } ، وَفِي رِوَايَةٍ: { مِنَ النَّسَبِ } . وَفِي أُخْرَى: { حَرَّمُوا مِنَ الرَّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ } .

1745. kerana sabda nabi s.a.w.m “haram kerana susuan apa yang haram kerana kelahiran”, dan pada satu riwayat “dari titihan”. Pada satu riwayat yang lain “haramkanlah dari susuan apa yang haram dari titihan”.

وَلَا يَحْرُمُ عَلَيْكَ مَرْضِعَةٌ أَحِيكَ أَوْ أُخْتِكَ، وَلَوْ كَانَتْ أُمَّ نَسَبٍ حُرِّمَتْ عَلَيْكَ، لِأَنَّهَا أُمُّكَ أَوْ مَوْطُوعَةٌ أَبِيكَ، وَلَا مَرْضِعَةٌ نَافِلَتِكَ وَهُوَ وُلْدُ الْوَالِدِ، وَلَوْ كَانَتْ أُمَّ نَسَبٍ حُرِّمَتْ عَلَيْكَ، لِأَنَّهَا بِنْتُكَ أَوْ مَوْطُوعَةٌ ابْنِكَ، وَلَا أُمَّ مَرْضِعَةٍ وَلَدِكَ وَلَا بِنْتَ الْمَرْضِعَةِ، وَلَوْ كَانَتْ الْمَرْضِعَةُ أُمَّ نَسَبٍ كَانَتْ مَوْطُوعَتِكَ فَيَحْرُمُ عَلَيْكَ أُمُّهَا وَبِنْتُهَا.

1746. Tidak haram di atas kamu ibu susu saudara lelaki dan saudara perempuan kamu. Kalau dia emak titihan haram dia di atas kamu kerana dia emak kamu atau perempuan setubuhan bapa kamu. Tidak haram ibu susu cucu kamu iaitu anak bagi anak kamu, kalau dia ibu titihan diharamkan dia di atas kamu kerana dia anak perempuan kamu atau perempuan setubuhan anak lelaki kamu. Tidak haram emak ibu susu anak kamu dan tidak anak perempuan ibu susunya. Kalau ibu susu itu emak titihan adalah dia perempuan setubuhan kamu, maka haram di atas kamu emaknya dan anak perempuannya.

فَهَذِهِ الْأَرْبَعَةُ يَحْرُمْنَ فِي النَّسَبِ وَلَا يَحْرُمْنَ فِي الرَّضَاعِ فَاسْتَنْتَاهَا بَعْضُهُمْ مِنْ قَاعِدَةٍ: يَحْرُمُ مِنَ الرَّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ وَالْمُحَقَّقُونَ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ عَلَى أَنَّهَا لَا تُسْتَنْتَى لِعَدَمِ دُخُولِهَا فِي الْقَاعِدَةِ، لِأَنَّهَا إِنَّمَا يَحْرُمْنَ فِي النَّسَبِ لِمَعْنَى لَمْ يُوجَدَ فِيهِنَّ فِي الرَّضَاعِ كَمَا قَرَّرْتَهُ.

1747. Maka empat ini haram pada titihan dan tidak haram pada susuan. Maka sebahagian mereka mengecualikannya dari kaedah “haram dari susuan apa yang haram dari titihan”. Para muhakkik sepertimana didalam Raudhah berjalan di atas bahawa ia tidak dikecualikan kerana tidak masuknya pada kaedah itu, kerana mereka itu hanyalah haram pada titihan kerana ada makna yang tidak didapati pada mereka pada susuan sepertimana aku telah tetapkan.

وَلَا يَحْرُمُ عَلَيْكَ أُخْتُ أَحِيكَ، سِوَاءَ كَانَتْ مِنْ نَسَبٍ كَأَنَّ كَانَ لِزَيْدٍ أَخٍ لِأَبٍ وَأُخْتُ لَأُمِّ، فَلَاخِيهِ نِكَاحُهَا، أَمْ مِنْ رَضَاعٍ كَأَنَّ تَرْضَعُ امْرَأَةً زَيْدًا وَصَغِيرَةً أَجْنَبِيَّةً مِنْهُ، فَلَاخِيهِ لِأَبِيهِ نِكَاحُهَا، وَسِوَاءَ أَكَانَتْ الْأُخْتُ أُخْتُ أَحِيكَ

لَأَبِيكَ لِأُمِّهِ كَمَا مَتَّئْنَا أُمَّ أُخْتِ أَخِيكَ لِأُمِّكَ لِأَبِيهِ. مِثَالُهُ فِي النَّسَبِ أَنْ يَكُونَ لِأَبِي أَخِيكَ بِنْتُ مِنْ غَيْرِ أُمِّكَ فَلَا نِكَاحَهَا، وَفِي الرَّضَاعِ أَنْ تَرْتَضِعَ صَغِيرَةً بِلَبَنِ أَبِي أَخِيكَ لِأُمِّكَ فَلَا نِكَاحَهَا.

1748. Tidak haram di atas kamu saudara perempuan bagi saudara lelaki kamu, samaada dia dari titihan seperti bahawa Zaid punya saudara lelaki dari dan saudara perempuan dari ibu, maka boleh saudara lelakinya mengahwini saudara perempuannya. Atau dari susuan seperti seorang perempuan menyusukan Zaid dan budak perempuan kecil yang ajnabi dari Zaid maka bagi saudara lelaki Zaid mengahwininya. Samaada saudara perempuan itu saudara perempuan bagi saudara lelaki kamu dari bapa kamu dan ibunya sepertimana kami contohkan atau saudara perempuan bagi saudara lelaki kamu dari ibu kamu dan bapanya. Contohnya pada titihan bahawa bapa saudara lelaki kamu punya anak perempuan dari selain emak kamu maka boleh kamu mengahwininya, dan pada susuan bahawa budak perempuan kecil menyusu dengan susu bapa saudara lelaki kamu dari emak kamu maka boleh kamu mengahwininya.

ثُمَّ شَرَعَ فِي السَّبَبِ الثَّلَاثِ وَهُوَ الْمَصَاهِرَةُ بِقَوْلِهِ : (وَأَرْبَعٌ بِالْمَصَاهِرَةِ وَهِيَ أُمُّ الزَّوْجَةِ) بِوَاسِطَةٍ أَوْ بغيرِهَا مِنْ نَسَبٍ أَوْ رِضَاعٍ، سِوَاءٍ أَدْخَلَ بِهَا أُمَّ لَا، لِإِطْلَاقِ قَوْلِهِ تَعَالَى : { وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ }.

1749. Kemudian dia masuk pada sebab ketiga iaitu semendaan denGan katanya (**empat dengan semendaan iaitu emak isteri**) dengan perantaraan atau tanpanya, dari titihan atau susuan, samaada dia setubuh dengannya atau tidak kerana itlak firman Allah taala “dan emak isteri-isteri kamu”.

(وَالرَّبِيبَةُ إِذَا دَخَلَ بِالْأُمِّ) بِعَقْدٍ صَحِيحٍ أَوْ فَاسِدٍ، لِإِطْلَاقِ قَوْلِهِ تَعَالَى : { وَرَبَائِبُكُمُ اللَّاتِي فِي حُجُورِكُمْ مِنْ نِسَائِكُمُ اللَّاتِي دَخَلْتُمْ بِهِنَّ. فَإِنْ لَمْ تَكُونُوا دَخَلْتُمْ بِهِنَّ فَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ }. وَذِكْرُ الْحُجُورِ خَرَجَ مَخْرَجَ الْغَالِبِ فَلَا مَفْهُومَ لَهُ.

1750. (**dan anak tiri apabila dia setubuh dengan emaknya**) dengan akad yang sah atau yang fasid kerana itlak firman Allah taala “dan anak-anak tiri kamu yang pada ribaan kamu dari isteri kamu yang kamu setubuhi mereka. Maka jika kamu belum setubuh mereka maka tidak ada salah di atas kamu”. Menyebutkan ribaan di atas kebiasaan maka tidak ada mafhum baginya.

فَإِنْ قِيلَ لِمَ أُعِيدَ الْوَصْفُ إِلَى الْجُمْلَةِ الثَّانِيَةِ وَلَمْ يُعَدَّ إِلَى الْجُمْلَةِ الْأُولَى وَهِيَ وَأُمَّهَاتُ نِسَائِكُمْ مَعَ أَنَّ الصِّفَاتِ عَقَبَ الْجُمْلَةِ تَعُودُ إِلَى الْجَمِيعِ؟ أَجِيبُ بِأَنَّ نِسَائِكُمْ الثَّانِي مَجْرُورٌ بِحَرْفِ الْجَرِّ، وَنِسَائِكُمْ الْأَوَّلُ مَجْرُورٌ بِالْمُضَافِ، وَإِذَا اخْتَلَفَ الْعَامِلُ لَمْ يَجْزِ الْإِتْبَاعُ وَيَنْعَيْنُ الْقَطْعُ.

1751. Maka jika dikatakan : kenapa dikembalikan sifat itu kepada jumlah kedua dan tidak dikembalikan ia kepada jumlah pertama iaitu “Amehat nsaikm” serta bahawa sifat yang mengiringi jumlah-jumlah kembali kepada kesemuanya! Aku jawab dengan bahawa “nsaikm” yang kedua dijarkan dengan huruf jar dan “nsaikm” yang pertama dijarkan dengan mudhaf. Apabila berlainan ‘amil tidak harus ikutan i’rab dan tertentu putus.

تَنْبِيْهُ : قَضِيَّةُ كَلَامِ الشَّيْخِ أَبِي حَامِدٍ وَغَيْرِهِ أَنَّهُ يُعْتَبَرُ فِي الدُّخُولِ أَنْ يَقَعَ فِي حَيَاةِ الْأُمِّ، فَلَوْ مَاتَتْ قَبْلَ الدُّخُولِ وَوَطَنَهَا بَعْدَ مَوْتِهَا لَمْ تَحْرُمْ بِنْتُهَا، لِأَنَّ ذَلِكَ لَا يُسَمَّى دُخُولًا وَإِنْ تَرَدَّدَ فِيهِ الرَّوْيَانِيُّ.

1752. Tanbih. Kehendak kalam syeikh Abu Hamid dan selainnya bahawa diiktibarkan pada setubuh itu bahawa ia jatuh pada masa hidup si ibu. Maka kalau si ibu mati sebelum setubuh dan si suami menyetubuhinya selepas matinya tidak haram anak perempuannya, kerana demikian itu tidak dinamakan setubuh sekalipun Ruyani berbelah bagi padanya.

فَإِنْ قِيلَ : لِمَ لَمْ يَعْتَبَرُوا الدُّخُولَ فِي تَحْرِيمِ الْأَصُولِ وَاعْتَبَرُوا فِي تَحْرِيمِ الْبِنْتِ الدُّخُولَ؟ أُجِيبَ بِأَنَّ الرَّجُلَ يُبْتَلَى عَادَةً بِمُكَالَمَةِ أُمَّهَا عَقِبَ الْعَقْدِ لِتَرْتِيبِ أُمُورِهِ، فَحُرِّمَتْ بِالْعَقْدِ لِيَسْهُلَ ذَلِكَ بِخِلَافِ بِنْتِهَا.

1753. Maka jika dikatakan : kenapa mereka tidak iktibarkan setubuh itu pada mengharamkan asal dan mereka iktibarkan setubuh pada mengharamkan anak perempuan? Aku jawab dengan bahawa lelaki dibala pada adatnya dengan bercakap-cakap dengan emak isterinya mengiringi akad untuk dia menyusun urusannya maka diharamkan dia dengan akad supaya mudah demikian itu, bersalahan anak perempuannya.

تَنْبِيْهٌ : مَنْ حُرِّمَ بِالْوَطْءِ لَا يُعْتَبَرُ فِيهِ صِحَّةُ الْعَقْدِ كَالرَّبِيبَةِ، وَمَنْ حُرِّمَ بِالْعَقْدِ فَلَا بُدَّ فِيهِ مِنْ صِحَّةِ الْعَقْدِ.
نَعَمْ، لَوْ وَطِئَ فِي الْعَقْدِ الْفَاسِدِ حُرِّمَ بِالْوَطْءِ فِيهِ لَا بِالْعَقْدِ.

1754. Tanbih. Orang yang diharamkan dengan setubuh tidak diiktibarkan padanya sah akad seperti anak tiri, dan orang yang diharamkan dengan akad tidak dapat tidak padanya dari sah akad. Na'am, kalau dia disetubuh didalam akad yang fasid diharamkan dia dengan setubuh padanya, bukan dengan akad.

فَأَيُّهُ : الرَّبِيبَةُ بِنْتُ الزَّوْجَةِ وَبِنَاتُهَا وَبِنْتُ ابْنِ الزَّوْجَةِ وَبِنَاتُهَا ذَكَرَهُ الْمَاوَرِدِيُّ فِي تَفْسِيرِهِ، وَمِنْ هَذَا يُعْلَمُ تَحْرِيمُ بِنْتِ الرَّبِيبَةِ وَبِنْتِ الرَّبِيبِ، لِأَنَّهَا مِنْ بَنَاتِ أَوْلَادِ زَوْجَتِهِ. وَهِيَ مَسْأَلَةٌ نَفِيسَةٌ يَقَعُ السُّؤَالُ عَنْهَا كَثِيرًا.

1755. Faedah. Rabibah i.e anak perempuan tiri itu anak perempuan isteri dan anak perempuannya dan anak perempuan bagi anak lelaki isteri dan anak perempuannya. Menyebutkannya Mawardi didalam tafsirnya. Dari ini diketahui pengharaman anak perempuan rabibah itu dan anak perempuan rabbib, kerana dia daripada anak-anak perempuan bagi anak-anak isterinya. Ianya masaalah yang mahal yang banyak pertanyaan tentangnya.

وَكُلُّ مَنْ وَطِئَ امْرَأَةً بِمِلْكِ يَمِينِ حُرِّمَ عَلَيْهِ أُمَّهَاتُهَا وَبِنَاتُهَا وَحُرِّمَتْ هِيَ عَلَى آبَائِهِ تَحْرِيمًا مُؤَبَّدًا بِالْإِجْمَاعِ .
وَكَذَا الْمَوْطُوءَةُ الْحَيَّةُ بِشُبُهَةِ فِي حَقِّهِ كَأَنَّ ظَنُّهَا زَوْجَتَهُ أَوْ أُمَّتَهُ، يَحْرُمُ عَلَيْهِ أُمَّهَاتُهَا وَبِنَاتُهَا وَتَحْرُمُ هِيَ عَلَى آبَائِهِ وَأَبْنَائِهِ كَمَا يَثْبُتُ فِي هَذَا الْوَطْءِ النَّسَبِ، وَيُوجِبُ الْعِدَّةَ.

1756. Setiap lelaki yang menyetubuhi seorang perempuan dengan milik tangan kanan diharamkan ke atasnya emak-emak perempuan itu dan anak-anak perempuannya, dan haram dia ke atas bapa-bapa lelaki itu sebagai haram yang selam-lama dengan ijmak. Begitu juga perempuan hidup yang disetubuhi dengan syubhah pada hak si lelaki seperti bahawa dia sangkakannya isterinya atau amahnya, haram dia diatasnya emak-emaknya dan anak-anak perempuannya, dan haram perempuan itu ke atas bapa-bapanya dan anak-anak lelakinya, sepertimana sabit pada setubuhan ini oleh titihan dan ia mewajibkan 'iddah.

لَا الْمَرْئِيَّ بِهَا فَلَا يَثْبُتُ بِزَنَاهَا حُرْمَةُ مُصَاهَرَةٍ. فَلِلرَّائِي نِكَاحُ أُمِّ مَنْ زَنَى بِهَا وَبِنْتِهَا، وَلِابْنِهِ وَأَبِيهِ نِكَاحُهَا هِيَ وَبِنْتُهَا، لِأَنَّ اللَّهَ تَعَالَى أَمَّنَّ عَلَى عِبَادِهِ بِالنَّسَبِ وَالصَّهْرِ فَلَا يَثْبُتُ بِالزَّنَا كَالنَّسَبِ. وَلَيْسَتْ مُبَاشَرَةٌ كَلْمَسٍ وَقَبْلَةٌ بِشَهْوَةٍ كَوَطْءٍ، لِأَنَّهَا لَا تُوجِبُ الْعِدَّةَ فَكَذَا لَا تُوجِبُ الْحُرْمَةَ.

1757. Tidak, orang yang berzina dengannya, maka tidak sabit dengan zinya kehormatan semendaan. Maka boleh si penzina mengahwini emak perempuan yang dia berzina dengannya dan anak perempuannya, dan boleh anak lelakinya dan bapanya mengahwini perempuan itu, dia sendiri dan anak perempuannya kerana Allah taala membilang ni'mat titihan dan semendaan di atas hamba-hambanya maka tidak sabit ia dengan zina sama seperti titihan. Bertemu kulit seperti sentuh dan kucup dengan

syahwat bukanlah seperti setubuh kerana ia tidak mewajibkan 'iddah maka begitu juga ia tidak mewajibkan kehormatan.

(و) تَحْرُمُ (زَوْجَةُ الْأَبِ) . وَهُوَ مَنْ وَلَدَتْكَ بِوَاسِطَةِ أَوْ غَيْرِهَا أَبًا أَوْ جَدًّا مِنْ قَبْلِ الْأَبِ أَوْ الْأُمِّ وَإِنْ لَمْ يَدْخُلْ بِهَا لِإِطْلَاقِ قَوْلِهِ تَعَالَى : { وَلَا تَنْكِحُوا مَا نَكَحَ آبَاؤُكُمْ مِنَ النِّسَاءِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ } . قَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ فِي الْأُمِّ يَعْنِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ قَبْلَ عِلْمِكُمْ بِتَحْرِيمِهِ .

1758. Haram (isteri bapa). Bapa adalah orang yang melahirkan kamu dengan perantaraan atau tanpanya, bapa atau datuk, dari pihak bapa atau emak, sekalipun dia tidak setubuh dengannya kerana itlak firman Allah taala “dan jangan kamu kahwini apa yang bapa-bapa kamu kahwini, daripada perempuan-perempuan melainkan apa yang telah lalu”. Kata imam Syafi’e didalam al Umm : Dia maksudkan pada masa jahiliyah sebelum kamu tahukan haramnya.

(و) تَحْرُمُ (زَوْجَةُ الْإِبْنِ) . وَهُوَ مَنْ وَلَدْتَهُ بِوَاسِطَةِ أَوْ غَيْرِهَا، وَإِنْ لَمْ يَدْخُلْ وَلَدُكَ بِهَا، لِإِطْلَاقِ قَوْلِهِ تَعَالَى { وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ } .

1759. Haram (isteri anak lelaki). Dia adalah orang yang kamu lahirkan dengan perantaraan atau tanpanya, sekalipun anak kamu tidak setubuh dengannya, kerana itlak firman Allah taala “dan perempuan-perempuan halal bagi anak-anak kamu yang dari sulbi kamu”.

تَنْبِيْهٌ : لَا فَرْقَ فِي الْفَرْعِ وَالْأَصْلِ بَيْنَ أَنْ يَكُونَ مِنْ نَسَبٍ أَوْ رِضَاعٍ . أَمَّا النَّسَبُ فَلِلْأَيَّةِ، وَأَمَّا الرِّضَاعُ فَلِلْحَدِيثِ الْمَتَّقَمِ .

1760. Tanbih. Tidak ada beza pada fara' dan asal di antara dia dari titihan atau susuan. Adapun titihan maka kerana ayat itu, dan adapun susuan maka kerana hadith yang terdahulu itu.

فَإِنْ قِيلَ : إِنَّمَا قَالَ تَعَالَى : { وَحَلَائِلُ أَبْنَائِكُمُ الَّذِينَ مِنْ أَصْلَابِكُمْ } فَكَيْفَ حُرِّمَتْ حَلِيلَةُ الْإِبْنِ مِنَ الرِّضَاعِ ؟ أَجِيبُ بِأَنَّ الْمَفْهُومَ إِنَّمَا يَكُونُ حُجَّةً إِذَا لَمْ يَعَارِضْهُ مَنْطُوقٌ، وَقَدْ عَارِضَهُ هُنَا مَنْطُوقُ قَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { يَحْرُمُ مِنَ الرِّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ } .

1761. Maka jika dikatakan : Allah taala hanya kata “dan perempuan halal bagi anak kamu yang dari sulbi kamu” maka bagaimana haram perempuan halal bagi anak susuan? Aku jawab dengan bahawa mafhum hanyalah menjadi hujah apabila tidak dilawani manthuk, walhal disini melawannya manthuk sabda nabi s.a.w.m, “haram dari susuan apa yang haram dari titihan”.

فَإِنْ قِيلَ : فَمَا فَايِدَةُ التَّقْيِيدِ فِي الْآيَةِ حِينَئِذٍ؟ أَجِيبُ بِأَنَّ فَايِدَةَ ذَلِكَ إِخْرَاجُ حَلِيلَةِ الْمُتَبَنَّى، فَلَا يَحْرُمُ عَلَى الْمَرْءِ زَوْجَةَ مَنْ تَبَنَّا، لِأَنَّهُ لَيْسَ بِإِبْنٍ لَهُ .

1762. Maka jika dikatakan : maka ketika itu apa faedah kait pada ayat itu? Aku jawab dengan bahawa faedah demikian itu adalah mengeluarkan perempuan halal bagi anak angkat, maka tidak haram di atas seorang isteri anak angkatnya, kerana dia bukannya anaknya.

وَلَا تَحْرُمُ بِنْتُ زَوْجِ الْأُمِّ وَلَا أُمُّهُ وَلَا بِنْتُ زَوْجِ الْبِنْتِ وَلَا أُمُّهُ وَلَا أُمُّ زَوْجَةِ الْأَبِ وَلَا بِنْتُهَا وَلَا أُمُّ زَوْجَةِ الْإِبْنِ وَلَا بِنْتُهَا وَلَا زَوْجَةَ الرَّيْبِ وَلَا زَوْجَةَ الرَّابِّ .

1763. Tidak haram anak perempuan suami emak dan tidak emaknya, dan tidak anak perempuan suami anak perempuan dan tidak emaknya, dan tidak emak isteri bapa

dan tidak anak perempuannya, dan tidak emak isteri anak lelaki dan tidak anak perempuannya, dan tidak isteri anak tiri dan tidak isteri bapa tiri.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الثَّانِي ، وَهُوَ التَّحْرِيمُ غَيْرُ الْمُؤَيَّدِ بِقَوْلِهِ : (وَ) تَحْرُمُ (وَاحِدَةً مِنْ جِهَةِ الْجَمْعِ) فِي الْعِصْمَةِ (وَهِيَ الْأُخْتُ الرَّوَجَةُ) ، فَلَا يَتَأَبَّدُ تَحْرِيمُهَا ، بَلْ تَحُلُّ بِمَوْتِ أُخْتِهَا أَوْ بَيْنُونَتِهَا لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَأَنْ تَجْمَعُوا بَيْنَ الْأُخْتَيْنِ إِلَّا مَا قَدْ سَلَفَ } وَلِمَا فِي ذَلِكَ مِنْ قَطِيعَةِ الرَّحِمِ وَإِنْ رَضِيَتْ بِذَلِكَ فَإِنَّ الطَّبْعَ يَنْغَيِّرُ.

1764. Kemudian dia masuk pada bahagian yang kedua iaitu pengharaman yang tidak selamanya dengan katanya : (dan) haram (seorang perempuan dari pihak himpun) didalam penjagaannya (iaitu saudara perempuan isteri), maka tidak selamanya pengharamannya, bahkan dia halal dengan mati saudara perempuannya atau bainya kerana firman Allah taala “dan bahawa kamu himpunkan di antara dua saudara perempuan melainkan apa yang telah lalu dan kerana demikian itu memutuskan kasih sayang, sekalipun dia redha dengan demikian itu kerana jiwa seseorang itu berubah.

(وَلَا يُجْمَعُ بَيْنَ الْمَرْأَةِ وَعَمَّتِهَا وَلَا خَالَتِهَا) مِنْ نَسَبٍ أَوْ رِضَاعٍ وَلَوْ بِوَسِطَةِ الْخَبْرِ : { لَا تَنْكُحُ الْمَرْأَةَ عَلَى عَمَّتِهَا وَلَا الْعَمَّةَ عَلَى بِنْتِ أُخِيهَا وَلَا الْمَرْأَةَ عَلَى خَالَتِهَا وَلَا الْأَخَالََةَ عَلَى بِنْتِ أُخْتِهَا لَا الْكُبْرَى عَلَى الصَّغْرَى وَلَا الصَّغْرَى عَلَى الْكُبْرَى } رَوَاهُ التِّرْمِذِيُّ وَغَيْرُهُ وَصَحَّحُوهُ. وَلِمَا مَرَّ مِنَ التَّغْلِيلِ فِي الْأُخْتَيْنِ

1765. (Tidak boleh dihimpunkan di antara seorang perempuan dan ‘ammahnya) dari titihan atau susuan walaupun dengan perantaraan, kerana khabar “jangan kamu kahwini seorang perempuan di atas ‘ammahnya dan jangan ‘ammah di atas anak perempuan saudara lelakinya, dan jangan seorang perempuan di atas khalahnya dan jangan khalah di atas anak perempuan saudara perempuannya, tidak yang dewasa di atas yang kecil dan tidak yang kecil di atas yang dewasa”. Meriwayatkannya Turmizi dan selainnya dan mereka mengesahkannya, dan kerana ta’lil yang telah lalu pada dua saudara perempuan.

(وَيَحْرُمُ مِنْ) النِّسَاءِ بِسَبَبِ (الرِّضَاعِ مَا يَحْرُمُ) مِنْهُنَّ (مِنَ النَّسَبِ) وَهِيَ السَّبْعَةُ الْمُتَقَدِّمَةُ. وَقَدَّمْنَا أَنَّهُ يَحْرُمُ زَوْجَةَ وَالِدِهِ مِنَ الرِّضَاعِ وَزَوْجَةَ وَلَدِهِ كَذَلِكَ وَبِنْتِ زَوْجَتِهِ كَذَلِكَ . أَمَّا تَحْرِيمُ الْأُمِّ وَالْأُخْتِ مِنَ الرِّضَاعِ فَلِمَا مَرَّ. وَأَمَّا تَحْرِيمُ الْبَوَاقِي فَلِلْحَدِيثِ الْمَارِّ وَهُوَ : { يَحْرُمُ مِنَ الرِّضَاعِ مَا يَحْرُمُ مِنَ النَّسَبِ }.

1766. (Haram dari) perempuan-perempuan dengan sebab (susuan apa yang haram) dari mereka (kerana titihan), iaitu tujuh yang terdahulu. Telah kami dulukan bahawa haram isteri bapa dari susuan dan isteri anaknya seperti itu dan anak perempuan isterinya seperti itu. Adapun pengharaman emak dan saudara perempnan dari susuan maka kerana apa yang telah lalu. Adapun pengharaman yang baki maka kerana hadith yang lalu iaitu “haram dari susuan apa yang haram dari titihan.

تَنْبِيْهِ : مَنْ حُرِّمَ جَمْعُهُمَا بِنِكَاحِ حُرْمٍ أَيْضًا فِي الْوَطْءِ بِمِلْكٍ أَوْ مِلْكٍ وَنِكَاحٍ. وَلَهُ تَمَلُّكُهُمَا بِالْإِجْمَاعِ. فَإِنْ وَطِئَ وَاحِدَةً مِنْهُمَا وَلَوْ مُكْرَهًا حُرِّمَتْ الْأُخْرَى حَتَّى يُحْرَمَ الْأُولَى بِإِزَالَةِ مِلْكٍ أَوْ نِكَاحٍ أَوْ كِتَابَةٍ، إِذْ لَا جَمْعَ جِنْدٍ، بِخِلَافِ غَيْرِهَا كَحَيْضٍ وَرَهْنٍ وَإِحْرَامٍ وَرِدَّةٍ، لِأَنَّهَا لَا تُزِيلُ الْمَلِكَ وَلَا الْإِسْتِحْقَاقُ. فَلَوْ عَادَتْ الْأُولَى كَأَنَّ رُدَّتْ بَعِيْبَ قَبْلِ وَطْءِ الْأُخْرَى فَلَهُ وَطْءُ أَيْتُهُمَا شَاءَ بَعْدَ اسْتِبْرَاءِ الْعَائِدَةِ، أَوْ بَعْدَ وَطْئِهَا حُرِّمَتْ الْعَائِدَةُ حَتَّى يُحْرَمَ الْأُخْرَى.

1767. Tanbih. Orang yang haram menghimpunkank dua perempuan dengan perkahwinan haram ia juga pada setubuh dengan milik atau milik dan nikah. Boleh dia memilik keduanya dengan ijmak. Maka jika dia setubuh seorang dari keduanya walaupun denan paksaan diharamkan yang seorang lagi hingga dia mengharamkan

yang pertama itu dengan menghilangkan milik atau nikah atau kitabah, kerana tidak ada himpun ketika itu, bersalahan selainnya seperti haid dan gadai dan ihram dan riddah kerana ia tidak menghilangkan pemilikan dan tidak hak. Maka kalau yang pertama itu kembali seperti bahawa dia dipulangkan dengan 'aib sebelum setubuh yang seorang lagi maka boleh dia setubuh mana-mana dari kedua mereka yang dia hendak selepas mengistibra'kan yang kembali itu, atau selepas dia setubuh yang seorang lagi haram yang kembali itu hingga dia mengharamkan yang seorang lagi itu.

وَيُشْتَرَطُ أَنْ تَكُونَ كُلُّ مِنْهُمَا مُبَاحَةً عَلَى انْفِرَادِهَا. فَلَوْ كَانَتْ إِحْدَاهُمَا مَجُوسِيَّةً أَوْ نَحْوَهَا كَمَحْرَمٍ فَوَطَّئَهَا جَارَ لَهُ وَطَّءُ الْأُخْرَى. نَعَمْ لَوْ مَلَكَ أُمًّا وَبَنَتَهَا فَوَطَّئَ إِحْدَاهُمَا حَرَمَتْ الْأُخْرَى مُؤَبَّدًا كَمَا عَلِمَ مِمَّا مَرَّ.

1768. Disyaratkan bahawa kedua perempuan itu mubah ketika bersendirian. Maka kalau seorang dari keduanya majusi atau umpamanya seperti mahram maka dia menyetubuhinya harus dia setubuh yang seorang lagi. Na'am, kalau dia memiliki emak dan anak perempuannya lalu dia setubuh seorang dari keduanya haram yang seorang lagi selama-lama sepertimana diketahui dari apa yang telah lalu.

وَلَوْ مَلَكَ أُمَّةً ثُمَّ نَكَحَ مَنْ يَحْرُمُ الْجَمْعَ بَيْنَهَا وَبَيْنَهَا كَأَنْ نَكَحَ أُخْتَهَا الْحُرَّةَ أَوْ عَمَّتَهَا أَوْ خَالَتَهَا، أَوْ نَكَحَ امْرَأَةً ثُمَّ مَلَكَ مَنْ يَحْرُمُ الْجَمْعَ بَيْنَهَا وَبَيْنَهَا كَأَنْ مَلَكَ أُخْتَهَا، حَلَّتِ الْمَنْكُوحَةُ فِي الْمَسْأَلَتَيْنِ دُونَ الْمَمْلُوكَةِ، لِأَنَّ فِرَاشَ النِّكَاحِ أَقْوَى، إِذْ يَتَعَلَّقُ بِهِ الطَّلَاقُ وَالظُّهَارُ وَالْإِيلَاءُ وَغَيْرُهَا بِخِلَافِ الْمَلِكِ.

1769. Kalau dia memiliki seorang amah kemudian dia mengahwini orang yang haram himpun di antara dia dan di antaranya seperti bahawa dia mengahwini saudara perempuannya yang merdeka atau 'ammahnya atau khalahnya, atau dia mengahwini seorang perempuan kemudian dia memiliki orang yang haram himpun di antara dia dan di antaranya seperti bahawa dia memiliki saudara perempuannya, halal yang dikahwini pada dua masalah itu tidak yang dimiliki, kerana hampanan nikah lebih kuat, kerana bergantung dengannya talak dan zihar dan ila' dan selainnya, bersalahan pemilikan.

ثُمَّ شَرَعَ فِي مُثَبِّتَاتِ الْخِيَارِ بِقَوْلِهِ : (وَتَرَدُّ الْمَرْأَةُ) بِالْبِنَاءِ لِلْمَفْعُولِ، أَيِ يَثْبُتُ لِلزَّوْجِ خِيَارُ فَسُخِّ نِكَاحِهِ ، (بِخَمْسَةِ عَيُوبٍ) أَيِ بَوَاحِدٍ مِنْهَا، وَإِنْ أَوْهَمَتْ عِبَارَتُهُ أَنَّهُ لَا بَدَّ مِنْ اجْتِمَاعِهَا.

1770. Kemudian dia masuk pada perkara yang mensabitkan khiair dengan katanya (**ditolak perempuan**) iaitu sabit bagi suami khiair fasakh nikahnya (**dengan lima 'aib**) iaitu dengan satu daripadanya sekalipun ibaratnya mewahamkan bahawa tidak dapat tidak dari berhimpunnya.

أَشَارَ إِلَى الْأَوَّلِ بِقَوْلِهِ : (بِالْجُنُونِ) وَإِنْ تَقَطَّعَ وَكَانَ قَابِلًا لِلْعِلَاجِ. وَالْجُنُونُ زَوَالُ الشُّعُورِ مِنَ الْقَلْبِ مَعَ بَقَاءِ الْحَرَكَةِ وَالْقُوَّةِ فِي الْأَعْضَاءِ. وَاسْتَنْتَى الْمُتَوَلَّى مِنَ الْمُتَقَطَّعِ الْخَفِيفِ الَّذِي يَطْرَأُ فِي بَعْضِ الزَّمَانِ. وَأَمَّا الْإِعْمَاءُ بِالْمَرَضِ فَلَا يَثْبُتُ بِهِ خِيَارٌ كَسَائِرِ الْأَمْرَاضِ. وَمَحَلُّهُ كَمَا قَالَهُ الزَّرْكَشِيُّ فِيمَا تَحْصُلُ مِنْهُ الْإِفَاقَةُ كَمَا هُوَ الْعَالِبُ. أَمَّا الْمَأْيُوسُ مِنْ زَوَالِهِ فَكَالْجُنُونِ كَمَا ذَكَرَهُ الْمُتَوَلَّى. وَكَذَا إِنْ بَقِيَ الْإِعْمَاءُ بَعْدَ الْمَرَضِ فَيَثْبُتُ بِهِ الْخِيَارُ كَالْجُنُونِ. وَالْحَقُّ الشَّافِعِيُّ الْخَبَلُ بِالْجُنُونِ. وَالْإِصْرَاعُ نَوْعٌ مِنَ الْجُنُونِ كَمَا قَالَ بَعْضُ الْعُلَمَاءِ.

1771. Dia isyaratkan kepada yang pertama dengan katanya (**dengan gila**) sekalipun putus-putus dan adalah ia menerima rawatan. Gila adalah hilang perasaan dari hati serta kekal gerakkan dan kekuatan pada anggota. Mutawalli mengecualikan dari putus-putus yang ringan yang datang pada sesetengah masa. Adapun pitam dengan sebab sakit maka tidak sabit khiair dengannya seperti sekalian sakit-sakit. Tempatnya sepertimana kata Zarkasyi adalah pada kadaan yang terhasil siuman darinya sepertimana ia yang ghalib. Adapun yang tidak diharapkan hilangnya maka seperti gila sepertimana disebutkan Mutawalli. Begitu juga pitam selepas sakit maka

sabit khair dengannya sama seperti gila. Syafi'e sampuk menghubungkan dengan gila. Gila babi satu bagai dari gila sepertimana dikatakan sebahagian ulamak.

(و) الثَّانِي (الْجُدَامُ) وَهُوَ عَلَّةٌ يَحْمَرُّ مِنْهَا الْعُضْوُ ثُمَّ يَسْوَدُ ثُمَّ يَتَقَطَّعُ وَيَتَنَازَرُ. وَيَتَصَوَّرُ ذَلِكَ فِي كُلِّ عَضْوٍ، لَكِنَّهُ فِي الْوَجْهِ أَغْلَبُ.

1772. Keduanya (**kusta**) iaitu penyakit yang jadi merah anggota darinya kemudian jadi hitam kemudian putus-putus dan berjatuhan. Tergambarkan demikian itu pada setiap anggota, akan tetapi ia biasanya pada muka.

(و) الثَّلَاثُ (الْبَرَصُ) . وَهُوَ بِيَاضٌ شَدِيدٌ يَبْقَعُ الْجِلْدَ وَيُذْهِبُ دَمَوِيَّتَهُ. هَذَا إِذَا كَانَا مُسْتَحْكَمَيْنِ، بِخِلَافٍ غَيْرِهِمَا مِنْ أَوَائِلِ الْجُدَامِ وَالْبَرَصِ لَا يَثْبُتُ بِهِ الْخِيَارُ كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْجَوْنِيُّ. قَالَ : وَالْإِسْتِحْكَامُ فِي الْجُدَامِ يَكُونُ بِالتَّقَطُّعِ. وَتَرَدَّدَ فِيهِ وَجُورُ الْإِكْتِفَاءِ بِالسُّودَادِ. وَحَكَّمَ أَهْلُ الْمَعْرِفَةِ بِاسْتِحْكَامِ الْعِلَّةِ وَلَمْ يَشْتَرِطُوا فِي الْجُنُونِ الْإِسْتِحْكَامَ. قَالَ الزَّرْكَاشِيُّ : وَلَعَلَّ الْفَرْقَ أَنَّ الْجُنُونَ يُفْضِي إِلَى الْجِنَايَةِ.

1773. Ketiganya (**sopak**). Ia adalah putih terang yang bertompok pada kulit dan menghilangkan keadaan berdarahnya. Ini apabila keduanya kecap, bersalahan selain keduanya daripada awal kusta dan sopak itu, tidak sabit khair dengannya sepertimana dijelaskan Juwaini. Katanya : kukuh pada kusta adalah dengan putus-putus dagingnya. Dia berbelah bagi padanya dan mengharuskan memada dengan kehitaman. Ahli makrifah menghukumkan kukuh penyakit dan tidak mensyaratkan kukuh pada gila. Kata Zarkasyi : barangkali bezanya bahawa gila itu membawa kepada jenayah.

(و) الرَّابِعُ (الرَّتْقُ) وَهُوَ يَفْتَحُ الرَّاءَ وَالْمُتَنَاءَةَ الْفَوْقِيَّةَ أَنْسَادًا الْفَرْجُ بِاللَّحْمِ يَخْرُجُ الْبَوْلُ مِنْ ثَقْبَةٍ صَغِيرَةٍ كَأَحْلِيلِ الرَّجُلِ قَالَهُ فِي الْكِفَايَةِ. (و) الْخَامِسُ (الْقَرْنُ) وَهُوَ يَفْتَحُ الْقَافَ وَكَذَا الرَّاءَ عَلَى الْأَرْجَحِ أَنْسَادًا الْفَرْجَ بِعَظْمٍ عَلَى الْأَصْحِ وَقِيلَ بِالْحَمِّ، وَعَلَيْهِ فَالرَّتْقُ وَالْقَرْنُ وَاحِدٌ فَيَثْبُتُ لَهُ الْخِيَارُ بِكُلِّ مِنْهُمَا، لِأَنَّهُ يَحُلُّ بِمَقْصُودِ النِّكَاحِ كَالْبَرَصِ وَأَوْلَى، لِأَنَّ الْبَرَصَ لَا يَمْنَعُهُ بِالْكَلْبِيَّةِ بَلْ يَنْفَرُ مِنْهُ. وَلَيْسَ لِلرَّوْجِ إِجْبَارُهَا عَلَى شَقِّ الْمَوْضِعِ، فَإِنَّ شَقَّتَهُ وَأَمَكَنَ الْوَطْءَ فَلَا خِيَارَ وَلَا تَمَكَّنَ الْأَمَةَ مِنَ الشَّقِّ قَطْعًا إِلَّا بِإِذْنِ السَّيِّدِ.

1774. Keempat (**ratq**) iaitu tersumbat faraj dengan daging dan keluar kencing dai lubang kecil seperti lubang kencing lelaki. Mengatakannya didalam Kifayah. Kelimanya (**qarn**), iaitu tersumbat faraj dengan tulang di atas yang paling sahih. Dikatakan dengan daging. Di atasnya maka ratq dan qarn adalah satu. Maka sabit khair bagi suami dengan setiap satu daripadanya kerana ia mencederakan tujuan nikah, sama seperti sopak dan terutama kerana sopak tidak menegah keseluruhannya, bahkan dia liar hati darinya. Tidak boleh suami memaksa dia mengoyakkan tempat itu. Maka jika dia mengoyakkannya dan terbole setubuh maka tidak ada khair. Tidak dibenarkan amah mengoyakkannya dengan jazam, melainkan dengan izin penghulu.

(وَيَرُدُّ الرَّجُلُ أَيْضًا) بِالْبِنَاءِ لِلْمَفْعُولِ، أَيِ يَثْبُتُ لِلْمَرْأَةِ فَسُخٌ نِكَاحُهَا مِنْهُ ، (بِحَمْسَةِ عِيُوبٍ) أَيِ بِوَاحِدٍ مِنْهَا كَمَا مَرَّ وَأَشَارَ إِلَى ثَلَاثَةٍ مِنْهَا بِقَوْلِهِ : (بِالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَالْبَرَصِ) عَلَى مَا مَرَّ بَيْنَانًا وَتَحْرِيرًا فِي كُلِّ مِنْهَا.

1775. (**Ditolak lelaki juga**) iaitu sabit bagi perempuan fasakh nikahnya dari lelaki (**denganlima 'aib**) iaitu dengan satu darinya sepertimana telah lalu. Dia isyaratkan kepada tiga darinya dengan katanya (**dengan gila dan kusta dan sopak**) di atas apa yang telah lalu keterangan dan huraian setiap satu daripadanya.

(و) الرَّابِعُ (الْجَبُّ) وَهُوَ يَفْتَحُ الْجِيمَ قَطْعَ جَمِيعِ الذَّكْرِ مَعَ بَقَاءِ الْأُنْثِيِّينَ أَوْ لَمْ يَبْقَ مِنْهُ قَدْرُ الْحَشْفَةِ . أَمَّا إِذَا بَقِيَ مِنْهُ مَا يُوَلِّجُ قَدْرَهَا فَلَا خِيَارَ لَهَا عَلَى الْأَصْحِ . فَلَوْ تَنَازَعَا فِي إِمْكَانِ الْوَطْءِ بِهِ قَبْلَ قَوْلِهِ عَلَى الْأَصْحِ .

1776. Kempatnya (**terpotong zakar**) iaitu terpotong semua zakar serta kekal dua telur, atau tidak kekal darinya kadar hasyafah. Adapun apabila tinggal darinya apa yang boleh dia masukkan kadarnya maka tidak ada khiair bagi isteri di atas yang paling sah. Maka kalau keduanya berbalah pada terbolehnya setubuh dengannya diterima kata suami di atas yang paling sah.

وَحَرَجَ بِهِ الْخَصِيُّ، وَهُوَ مَنْ قَلَعَتْ أَنْثِيَاهُ وَبَقِيَ ذَكَرُهُ، فَلَا خِيَارَ بِهِ عَلَى الْأَصْحِ لِغُدْرَتِهِ عَلَى الْجِمَاعِ . قَالَ ابْنُ الْمُثَنَّى فِي شَرْحِ الْحَاوِي : وَيُقَالُ إِنَّهُ أَقْدَرُ عَلَيْهِ، لِأَنَّهُ لَا يَنْزِلُ فَلَا يَغْتَرِيهِ فَنُورٌ .

1777. Keluar dengannya oleh yang dikhasi iaitu orang yang dicabut dua telurnya dan kekal zakarnya, maka tidak ada khiair dengannya di atas yang paling sah kerana mempunyai di atas jimak. Kata Ibnu Mulaqqin didalam syara al Hawi : dikatakan bahawa dia lebih mampu di atasnya kerana dia tidak keluar mani maka tidak mendatanginya lemah dari jimak.

(و) الْخَامِسُ (الْعِنَّةُ) فِي الْمَكْلَفِ قَبْلَ الْوَطْءِ فِي قَبْلِهَا . وَهُوَ بِضَمِّ الْمُهْمَلَةِ وَتَشْدِيدِ النُّونِ عَلَّةٌ فِي الْقَلْبِ وَالْكَبِدِ أَوْ الدِّمَاغِ أَوْ الْأَلَةِ تَسْقُطُ الشَّهْوَةُ النَّاشِرَةُ لِلْأَلَةِ فَتَمْنَعُ الْجِمَاعَ . وَحَرَجَ بِقَيْدِ الْمَكْلَفِ الصَّبِيِّ وَالْمَجْنُونِ، فَلَا تَسْمَعُ دَعْوَى الْعِنَّةِ فِي حَقِّهِمَا، لِأَنَّ ذَلِكَ إِنَّمَا يَثْبُتُ بِإِقْرَارِ الزَّوْجِ أَوْ بِبَيْعِنِهَا بَعْدَ نَكْوَلِهِ وَإِقْرَارِهِمَا لِعَوٍّ .

1778. Kelimanya (**'unnah i.e mati pucuk**) pada mukallaf sebelum setubuh pada kubulnya. Ia adalah penyakit pada jantung dan hati atau otak atau alat kelamin yang menggugurkan syahwat yang menegangkan alat itu, maka ia menegah jimak. Keluar dengan kait mukallaf oleh kanak-kanak dan orang gila. Maka tidak didengar dakwaan 'unnah pada hak keduanya kerana demikian itu hanyalah sabit dengan pengakuan suami atau dengan sumpah isteri selepas suami enggan sumpah sedangkan pengakuan keduanya lagha.

وَبَقَيْدِ قَبْلِ الْوَطْءِ الْعِنَّةُ الْحَادِثَةُ بَعْدَهُ وَلَوْ مَرَّةً، بِخِلَافِ حَدُوثِ الْجَبِّ بَعْدَ الْوَطْءِ فَإِنَّهُ يَثْبُتُ بِهِ خِيَارُ الْفَسْخِ عَلَى الْأَصْحِ فِي الرِّوَاةِ . وَفَرَّقَ بِنَوْعِ زَوَالِ الْعِنَّةِ بِحُصُولِ الشِّفَاءِ وَعَوْدِ الدَّاعِيَةِ لِلِاسْتِمْتَاعِ فِيهِ مُتَرَجِّبَةً لِحُصُولِ مَا يَعْفُهَا، بِخِلَافِ الْجَبِّ لِيَأْسِهَا مِنْ تَوْفَعِ حُصُولِ مَا يَعْفُهَا .

1779. Dan keluar dengan kait sebelum setubuh oleh 'unnah yang baru jadi selepasnya walaupun sekali, bersalahan baru terjadi jabb itu selepas setubuh maka sabit khiair fasakh dengannya di atas yang paling sah didalam Raudhah. Dibezakan ia dengan kemungkinan hilang mati pucuk itu dengan terhasil sembuh dan kembali perkara yang menyeru kepada istimta' maka dia ada harapan untuk mendapatkan apa yang menenangkan nafsunya, bersalahan jabb kerana dia putus harap dari kemungkinan terhasil apa yang menenangkan nafsunya.

تَنْبِيْهُ : ثُبُوتُ الْخِيَارِ بِهَذِهِ الْعُيُوبِ قَالَ بِهِ جُمْهُورُ الْعُلَمَاءِ وَجَاءَتْ بِهِ الْأَثَارُ . وَصَحَّ ذَلِكَ عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ فِي الثَّلَاثَةِ الْأُولَى، وَهِيَ مُشْتَرَكَةٌ بَيْنَ الزَّوْجَيْنِ، رَوَاهُ الشَّافِعِيُّ وَعَوَّلَ عَلَيْهِ، لِأَنَّ مِثْلَهُ لَا يَكُونُ إِلَّا عَنْ تَوْقِيفٍ . وَفِي الصَّحِيحِ : { فَرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ فَرَارِكٌ مِنَ الْأَسَدِ } .

1780. Tanbih. Sabit khiair dengan 'aib-'aib ini mengatakannya jumbuh ulamak dan datang athar-athar dengannya. Sah demikian itu dari Umar r.a pada tiga yang pertama yang mana ia disyarikatkan di antara dua suami isteri, meriwayatkannya Syafi'e

dan dia berpegang di atasnya kerana seumpamanya semata-mata ujud dari ajaran syara'.

قَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ فِي الْأَمِّ : وَأَمَّا الْجُدَامُ وَالْبَرَصُ فَإِنَّهُ أَيْ كُلًّا مِنْهُمَا يُعْدِي الرَّوْجَ وَيُعْدِي الْوَلَدَ . وَقَالَ فِي مَوْضِعٍ آخَرَ : الْجُدَامُ وَالْبَرَصُ مِمَّا يَزْعُمُ أَهْلُ الْعِلْمِ بِالطَّبِّ وَالتَّجَارِبِ أَنَّهُ يُعْدِي كَثِيرًا ، وَهُوَ مَانِعٌ لِلْجَمَاعِ لَا تَكَادُ النَّفْسُ أَنْ تَطِيبَ أَنْ تَجَامَعَ مَنْ هُوَ بِهِ ، وَالْوَلَدُ فَلَمَّا يَسْنُمُ مِنْهُ وَإِنْ سَلِمَ أَذْرَكَ نَسْلَهُ .

1781. Didalam yang sahih “larilah dari orang yang berpenyakit kusta sebagai lari kamu dari singa”. Kata imam Syafi’e didalam al Umm: adapun kusta dan sopak maka setiap satu dari keduanya menjangkiti suami dan menjangkiti anak. Katanya pada tempat yang lain : kusta dan sopak itu daripada apa yang ahli ilmu perubatan dan uji kaji sangkakan bahawa ia kerap menjangkit, dan ianya perkara yang menegah jimak, hampir-hampir nafsu sesaorang tidak mahu berjimak dengan orang yang dengannya, dan anak-anak jarang yang selamat darinya dan jika dia selamat ia mengenai keturunannya.

فَأَنْ قِيلَ : كَيْفَ قَالَ الشَّافِعِيُّ إِنَّهُ يُعْدِي وَقَدْ صَحَّ فِي الْحَدِيثِ { لَا عَدْوَى } ؟ أُجِيبَ بِأَنْ مُرَادَهُ أَنْ يُعْدِيَ بِفِعْلِ اللَّهِ تَعَالَى لَا بِنَفْسِهِ . وَالْحَدِيثُ وَرَدَّ رَدًّا لِمَا يَعْتَقِدُهُ أَهْلُ الْجَاهِلِيَّةِ مِنْ نَسْبَةِ الْفِعْلِ لِغَيْرِ اللَّهِ تَعَالَى .

1782. Maka jika dikatakan: bagaimana Syafi’e katakan bahawa ia menjangkiti walhal sah didalam hadith “tidak ada jangkitan”? Aku jawab dengan bahawa kehendaknya bahawa ia menjangkiti dengan perbuatan Allah taala tidak dengan sendirinya, dan hadith itu datang menolak apa yang diiktikadkan ahli jahiliyah daripada menisbahkan perbuatan kepada selain Allah taala.

وَلَوْ حَدَّثَ بِالرَّوْجِ بَعْدَ الْعُقْدِ عَيْبٌ كَأَنَّ جَبَّ ذَكَرَهُ وَلَوْ بَعْدَ الدُّخُولِ وَلَوْ بِفِعْلِهَا ثَبَّتَ لَهَا الْخِيَارَ ، بِخِلَافِ حَدُوثِ الْعِنَّةِ بَعْدَ الدُّخُولِ كَمَا مَرَّتْ الْإِشَارَةُ إِلَيْهِ وَإِلَى الْفَرْقِ بَيْنَ الْجَبِّ وَالْعِنَّةِ .

1783. Kalau datang kepada suami selepas akad satu ‘aib seperti bahawa dipotong zakarnya walaupun selepas setubuh walaupun dengan perbuatannya sendiri sabit khiair bagi isteri, bersalahan kedatangan mati pucuk selepas setubuh sepertimana telah lalu isyarat kepadanya dan kepada beza di antara zakar yang terpotong dan mati pucuk.

وَلَوْ حَدَّثَتْ بِهَا عَيْبٌ تَخَيَّرَ الرَّوْجُ قَبْلَ الدُّخُولِ وَبَعْدَهُ كَمَا لَوْ حَدَّثَتْ بِهِ . وَلَا خِيَارَ لَوْلِيٍّ بِحَادِثٍ وَكَذَا بِمُقَارِنِ جَبِّ وَعِنَّةٍ لِلْعُقْدِ . وَيَتَخَيَّرُ بِمُقَارِنِ جُنُونِ الرَّوْجِ وَإِنْ رَضِيَ الرَّوْجَةَ بِهِ . وَكَذَا بِمُقَارِنِ جُدَامٍ وَبَرَصٍ فِي الْأَصْحَحِ لِلْعَارِ .

1784. Kalau baru ujud ‘aib pada isteri suami memilih, sebelum setubuh dan selepasnya, sepertimana kalau ianya baru ujud pada suami. Tidak ada khiair bagi wali dengan yang baru ujud, begitu juga dengan menyertai jabb dan ‘unnah dengan akad. Dia memilih dengan penyertaan gila suami, sekalipun isteri redha dengannya. Begitu juga dengan penyertaan sopak dan kusta pada yang paling sahih, kerana celanya.

وَالْخِيَارُ فِي الْفَسْخِ بِهَذِهِ الْعُيُوبِ إِذَا ثَبَّتَتْ يَكُونُ عَلَى الْفُورِ ، لِأَنَّهُ خِيَارٌ عَيْبٌ فَكَانَ عَلَى الْفُورِ كَمَا فِي الْبَيْعِ . وَيُسْتَرْطُ فِي الْفَسْخِ بِعَيْبِ الْعِنَّةِ وَكَذَا بَاقِي الْعُيُوبِ رَفَعَ إِلَى حَاكِمٍ ، لِأَنَّهُ مُجْتَهَدٌ فِيهِ فَأَشْبَهَ الْفَسْخَ بِالْإِعْسَارِ .

1785. Khiair pada fasakh dengan ‘aib-‘aib ini apabila ianya sabit adalah di atas segera, kerana ia khiair ‘aib maka adalah ia di atas segera sepertimana pada jualan. Disyaratkan pada fasakh dengan ‘aib mati pucuk begitu juga baki ‘aib-‘aib laporan kepada hakim kerana dia berijtihad padanya maka ia menyerupai fasakh dengan sebab papa.

وَتَثْبُتُ الْعِنَةَ بِإِفْرَارِ الزَّوْجِ أَوْ بِبَيْتَةِ عَلِيٍّ إِفْرَارِهِ، لِأَنَّهُ لَا مَطْلَعَ لِلشُّهُودِ عَلَيْهَا . وَتَثْبُتُ أَيْضًا بِبَيْمِنِهَا بَعْدَ نُكُولِهِ . وَإِذَا تَثَبَّتْ ضَرَبَ الْقَاضِي لَهُ سَنَةً كَمَا فَعَلَهُ عُمَرُ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، بِطَلْبِ الزَّوْجَةِ لِأَنَّ الْحَقَّ لَهَا . فَإِذَا تَمَّتْ رَفَعَتْهُ إِلَى الْقَاضِي . فَإِنْ قَالَ : وَطِنْتُ، حُلْفَ فَإِنْ نَكَلَ حُلْفَتْ وَاسْتَقَلْتُ بِالْفُسُخِ كَمَا يَسْتَقِلُّ بِالْفُسُخِ مَنْ وَجَدَ بِالْمَبِيعِ عَيْبًا .

1786. Sabit mati pucuk dengan pengakuan suami atau dengan keterangan di atas pengakuannya kerana saksi-saksi tidak dapat memandangnya. Sabit ia juga dengan sumpah isteri selepas suami enggan sumpah. Apabila ianya sabit qadhi menetapkan setahun sepertimana Umar r.a lakukan, dengan tuntutan isteri kerana hak itu miliknya. Maka apabila ia sempurna isteri itu mengangkatkannya kepada qadhi. Maka jika suami kata : aku telah setubuhi, disuruh dia bersumpah, maka jika dia enggan isteri bersumpah dan sendirilah dia dengan fasakh sepertimana sendirian dengan fasakh orang yang mendapati 'aib pada barang jualan.

خَاتِمَةٌ : حَيْثُ اخْتَلَفَ الزَّوْجَانِ فِي الإِصَابَةِ كَانَ المُصَدِّقُ نَافِيهَا أَخْذًا بِالأَصْلِ إِلا فِي مَسَائِلَ : الأُولَى : العَيْنِ كَمَا مَرَّ . الثَّانِيَّةُ : المَوْلَى وَهُوَ كَالعَيْنِ فِي أَكْثَرِ مَا ذَكَرَ . الثَّالِثَةُ : إِذَا ادَّعَتْ المُطَلَّقةُ ثَلَاثًا أَنَّ المُحَلَّلَ وَطِنَهَا وَفَارَقَهَا وَانْقَضَتْ عِدَّتُهَا، وَأَنْكَرَ المُحَلَّلُ الوَطْءَ، فَصَدَّقَ بِبَيْمِنِهَا لِحَلِّهَا لِالأَوَّلِ . الرَّابِعَةُ : إِذَا عَلِقَ طَلَّاقُهَا بَعْدَ الوَطْءِ فَادَّعَاهُ وَأَنْكَرْتَهُ صَدَّقَ بِبَيْمِنِهِ، لِأَنَّ الأَصْلَ بقاءَ النِّكَاحِ . وَذَكَرْتُ صُورًا أُخْرَى فِي شَرْحِ المِنْهَاجِ مَنْ أَرَادَهَا فَلْيُرَاجِعْهُ .

1787. Khatimah : sekira-kira berselisih dua suami isteri pada siapa yang betul adalah yang diperbenarkan orang yang menafikannya kerana berpegang dengan asal melainkan pada beberapa masaalah.

- Pertamanya mati pucuk sepertimana telah lalu.
- Keduanya orang yang melakukan ila' yang mana dia seperti yang mati pucuk pada kebanyakan apa yang disebutkan.
- Ketiganya : apabila seorang perempuan yang ditalak tiga mendakwa bahawa muhallil telah menyetubuhnya dan bercerai dengannya dan habis 'iddahnya, dan muhallil itu ingkarkan setubuh, maka dibenarkan dia dengan sumpahnya supaya dia halal bagi suaminya yang pertama.
- Keempatnya : apabila digantungkan talaknya dengan tidak ada setubuh maka suami mendakwa setubuh dan isteri ingkarkannya dibenarkan suami dengan sumpahnya kerana asalnya kekal nikah itu.

Aku sebutkan beberapa rupa masaalah yang lain didalam syarah Minhaj. Orang yang hendakkannya maka merujuklah kepadanya.

فَصْلٌ : فِي الصِّدَاقِ وَهُوَ بِفَتْحِ الصَّادِ أَشْهَرُ مِنْ كَسْرِهَا مَا وَجِبَ بِنِكَاحٍ أَوْ وَطْءٍ أَوْ تَقْوِيَتِ بَضْعِ قَهْرًا كَرِضَاعٍ وَرِجُوعِ شُهُودٍ .

1788. **Fasal pada maskahwin.** Ia adalah apa yang wajib dengan nikah atau setubuh atau meluputkan kemaluan perempuan di atas jalan paksaan seperti susuan dan rujuk oleh saksi.

وَالأَصْلُ فِيهِ قَبْلَ الإِجْمَاعِ قَوْلُهُ تَعَالَى : { وَآتُوا النِّسَاءَ صَدَقَاتِهِنَّ نِحْلَةً } أَي عَطِيَّةً مِنْ اللَّهِ مُبْتَدَأَةً . وَالمُخَاطَبُ بِذَلِكَ الأَزْوَاجِ عِنْدَ الأَكْثَرِينَ، وَقِيلَ الأُولِيَاءِ، لِأَنَّهُمْ كَانُوا فِي الجَاهِلِيَّةِ يَأْخُذُونَهُ . وَيُسَمَّوْنَهُ نِحْلَةً، لِأَنَّ المَرْأَةَ تَسْتَمْتَعُ بِالزَّوْجِ كَاسْتِمْتَاعِهِ بِهَا أَوْ أَكْثَرَ، فَكَانَتْ تَأْخُذُ الصِّدَاقَ مِنْ غَيْرِ مُقَابِلٍ . وَقَوْلُهُ تَعَالَى : { وَآتُوهُنَّ أَجُورَهُنَّ } وَقَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِمُرِيدِ التَّرْوِيجِ : { التَّمَسُّ وَلَوْ خَاتِمًا مِنْ حَدِيدٍ } رَوَاهُ الشَّيْخَانُ .

1789. Asal padanya sebelum ijmak firman Allah taala “dan berikanlah perempuan-perempuan itu maskahwin mereka sebagai pemberian” iaitu pemberian yang mulanya dari Allah. Yang ditujukan cakap dengan demikian itu adalah para suami di sisi kebanyakan ulamak dan dikatakan para wali kerana mereka itu pada masa jahiliyah mengambilnya, dan mereka menamakannya “nihlah”¹⁰⁹ kerana perempuan bersedap-sedap dengan suami sepertimana suami bersedap-sedap dengannya atau lebih lagi, maka seolah-olah dia mengambil maskahwin tanpa imbalannya. dan firman Allah taala “berikanlah mereka bayaran mereka” dan sabda nabi s.a.w.m kepada orang yang hendak berkahwin “carilah walaupun sebetuk cincin besi”. Meriwayatkannya dua syeikh.

(وَيُسْتَحَبُّ) لِلزَّوْجِ (تَسْمِيَةَ الْمَهْرِ) لِلزَّوْجَةِ (فِي) صُلْبِ (النِّكَاحِ) أَي الْعَقْدِ، { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يَخُلْ نِكَاحًا عَنْهُ }، وَلِأَنَّهُ أَدْفَعُ لِلْخُصُومَةِ، وَلِنَلَا يُشْبِهُ نِكَاحَ الْوَاهِبَةِ نَفْسَهَا لَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَيُؤْخَذُ مِنْ هَذَا أَنَّ السَّيِّدَ إِذَا زَوَّجَ عَبْدَهُ أُمَّتَهُ أَنَّهُ يُسْتَحَبُّ لَهُ ذِكْرُ الْمَهْرِ، وَهُوَ مَا فِي الرِّوَايَةِ تَبَعًا لِبَعْضِ نُسُخِ الشَّرْحِ الْكَبِيرِ، وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ إِذْ لَا ضَرَرَ فِي ذَلِكَ وَإِنْ خَالَفَ فِي ذَلِكَ بَعْضُ الْمُتَأَخِّرِينَ.

1790. (Sunat) bagi suami (menyebutkan mahar i.e maskahwin) bagi isteri (didalam) teras (nikah) iaitu akad “kerana nabi s.a.w.m tidak pernah mengosongkan satu nikah pun darinya” dan kerana ia menolak pertengkaran, dan supaya ia tidak menyerupai nikan perempuan yang menghibahkan dirinya kepada nabi s.a.w.m. Difaham dari ini bahawa seorang penghulu apabila mengahwinkan hambanya dengan amahnya bahawa dia menyebutkan maskahwin, yang mana ia apa yang didalam Raudhah kerana mengikut sebahagian naskah-naskah syarah Kabir, dan ianya yang muktamad kerana tidak ada mudharat pada demikian itu, sekalipun dia menyalahi sebahagian ulamak mutakhir pada demikian itu.

وَيُسْنُّ أَنْ لَا يَدْخُلَ بِهَا حَتَّى يَدْفَعَ إِلَيْهَا شَيْئًا مِنَ الصَّدَاقِ خُرُوجًا مِنْ خِلَافٍ مَنْ أَوْجَبَهُ . (فَإِنْ لَمْ يُسَمِّ) صَدَاقًا بِأَنَّ أُخْلِيَ الْعَقْدُ مِنْهُ (صَحَّ الْعَقْدُ) بِالْإِجْمَاعِ، لَكِنَّ مَعَ الْكِرَاهَةِ كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْمَأْوَرِدِيُّ وَالْمُتَوَلَّى وَغَيْرُهُمَا.

1791. Sunat bahawa dia tidak menyetubuhinya hingga dia menyerahkan suatu daripada maskahwin kepadanya kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya. (Maka jika dia tidak menyebutkan) maskahwin, dengan bahawa disunyikan akad itu darinya (sah akad itu) dengan ijmak akan tetapi serta karahah sepertimana dijelaskan Mawardi dan Mutawalli dan selain kedua mereka.

وَقَدْ تَجِبُ التَّسْمِيَةُ فِي صُورِ . الْأُولَى : إِذَا كَانَتْ الزَّوْجَةُ غَيْرَ جَائِزَةَ التَّصَرُّفِ أَوْ مَمْلُوكَةً لِعَبْدٍ غَيْرِ جَائِزِ التَّصَرُّفِ. الثَّانِيَّةُ : إِذَا كَانَتْ جَائِزَةَ التَّصَرُّفِ وَأَذِنَتْ لَوْلِيِّهَا أَنْ يَرْوِّجَهَا وَلَمْ تَفْوِضْ، فَرْوِّجَهَا هُوَ أَوْ وَكَيْلُهُ. الثَّالِثَةُ : إِذَا كَانَ الزَّوْجُ غَيْرَ جَائِزِ التَّصَرُّفِ.

1792. Terkadang wajib menyebutkannya pada beberapa rupa masaalah. Pertamanya: apabila isteri itu tidak harus tasarruf atau dimiliki orang yang tidak harus tasarruf. Keduanya: apabila dia harus tasarruf dan dia izinkan walinya mengahwinkannya dan tidak menyerahkan urusan maskahwin, maka wali itu mengahwinkannya dia atau wakilnya. Ketiganya: apabila suami tidak harus tasarruf.

وَحَصَلَ الْإِتِّفَاقُ فِي هَذِهِ الصُّورَةِ عَلَى أَقَلِّ مِنْ مَهْرٍ مِثْلِ الزَّوْجَةِ وَفِيهَا عَدَاهَا عَلَى أَكْثَرِ مِنْهُ. فَتَتَعَيَّنُ تَسْمِيَتُهُ بِمَا وَقَعَ الْإِتِّفَاقُ عَلَيْهِ، وَلَا يَجُوزُ إِخْلَاؤُهُ مِنْهُ.

¹⁰⁹. pemberian yang ditetapkan oleh ugama.

1793. Terhasil persepakatan pada rupa-rupa masaalah ini di atas yang paling rendah dari mahar seumpama bagi isteri itu dan pada apa yang selainnya di atas yang lebih banyak darinya. Maka tertentu menyebutkannya dengan apa yang jatuh sepakatan di atasnya dan tidak harus mensunyikan akad darinya.

وَإِذَا خَلَا الْعَقْدُ مِنَ التَّسْمِيَةِ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ مَفْوُضَةً اسْتَحَقَّتْ مَهْرَ الْمَثَلِ بِالْعَقْدِ. (و) إِنْ كَانَتْ مَفْوُضَةً بِأَنْ قَالَتْ رَشِيدَةً لَوْلِيهَا زَوْجِي بِلَا مَهْرٍ فَفَعَلَ (وَجِبَ الْمَهْرُ بِثَلَاثَةِ أَشْيَاءَ) أَيُّ بَوَاحِدٍ مِنْهَا.

1794. Apabila akad itu sunyi dari sebutan maskahwin maka jika dia bukan mufawwidhah dia berhak kepada mahar seumpama dengan akad. Jika dia mufawwidhah dengan bahawa seorang perempuan yang cerdik kata kepada walinya : kahwinkanlah aku tanpa mahar, maka dia lakukan (**wajib mahar dengan tiga perkara**) iaitu dengan satu daripadanya.

الأوّل : (أَنْ يَفْرِضَهُ) أَيُّ يَقْدِرَهُ (الزَّوْجُ عَلَى نَفْسِهِ) قَبْلَ الدُّخُولِ وَلَهَا حَبْسٌ نَفْسِهَا لِيَفْرِضَ لَهَا لِيَتَكُونَ عَلَى بَصِيرَةٍ مِنْ تَسْلِيمِ نَفْسِهَا. وَلَهَا بَعْدَ الْفَرَضِ حَبْسٌ نَفْسِهَا لِتَسْلِيمِ الْمَفْرُوضِ الْحَالِ كَالْمُسَمَى فِي الْعَقْدِ. أَمَّا الْمُوَجَّلُ فَلَيْسَ لَهَا حَبْسٌ نَفْسِهَا لَهُ كَالْمُسَمَى فِي الْعَقْدِ.

1795. Pertamanya : (**bahawa suami memfardhukannya**) iaitu mengkadarkannya (**ke atas dirinya**) sebelum setubuh. Boleh isteri menahan dirinya supaya suami mengkadarkan baginya, supaya dia jelas pada menyerahkan dirinya. Boleh dia selepas fardhu itu menahan dirinya supaya diserahkan apa yang difardhukan yang tak ditempokkan, sama seperti mahar yang disebutkan didalam akad. Adapun yang ditempokkan maka tidak boleh dia menahan diri untuknya sama seperti yang disebutkan didalam akad.

وَيُسْتَرْطُ رِضَاهَا بِمَا يَفْرِضُهُ الزَّوْجُ، لِأَنَّ الْحَقَّ لَهَا . فَإِنْ لَمْ تَرْضَ بِهِ فَكَأَنَّهُ لَمْ يَفْرِضْ. وَهَذَا كَمَا قَالَه الْأَدْرَعِيُّ إِذَا فَرَضَ دُونَ مَهْرِ الْمَثَلِ. أَمَّا إِذَا فَرَضَ لَهَا مَهْرَ مِثْلِهَا حَالًا مِنْ نَقْدِ الْبَلَدِ وَبَدَلَهُ لَهَا وَصَدَّقْتَهُ عَلَى أَنَّهُ مَهْرٌ مِثْلِهَا فَلَا يُعْتَبَرُ رِضَاهَا، لِأَنَّهُ عَبَثٌ.

1796. Disyaratkan redha isteri dengan apa yang suami fardhukan kerana hak itu miliknya. Maka jika dia tidak redha dengannya maka seolah-olah suami itu tidak memfardhukan. Ini sepertimana kata Azrai'e apabila dia memfardhukan kurang dari mahar seumpama. Adapun apabila dia memfardhukan baginya mahar seumpamanya dalam keadaan tunai dari duit tempatan dan dia memberikan mahar itu kepada isterinya dan isteri itu membenarkannya di atas bahawa ia maskahwin seumpamanya, maka tidak diiktibarkan redhanya kerana ia sia-sia.

وَلَا يُسْتَرْطُ عِلْمُ الزَّوْجَيْنِ حَيْثُ تَرَاضِيَا عَلَى مَهْرٍ بِقَدْرِ مَهْرِ الْمَثَلِ، لِأَنَّهُ لَيْسَ بَدَلًا عَنْهُ، بَلِ الْوَاجِبُ أَحَدُهُمَا. وَيَجُوزُ فَرَضُ مُوَجَّلٍ بِالْتَرَاضِي، وَفَوْقَ مَهْرِ الْمَثَلِ.

1797. Sekira-kira keduanya saling redha di atas satu mahar tidak disyaratkan tahu dua suami isteri akan mahar seumpama, kerana ia bukannya ganti darinya, bahkan wajib satu daripada keduanya. Harus fardhu yang ditempokkan dengan redha meredhai, dan yang lebih dari mahar seumpama.

وَالثَّانِي : مَا أَشَارَ إِلَيْهِ بِقَوْلِهِ : (أَوْ يَفْرِضُهُ الْحَاكِمُ) إِذَا امْتَنَعَ الزَّوْجُ مِنَ الْفَرَضِ لَهَا أَوْ تَنَارَعَا فِي قَدْرِ الْمَفْرُوضِ، كَمْ يَفْرِضُ، لِأَنَّ مَنْصِبَهُ فَضْلُ الْخُصُومَاتِ، وَلَكِنْ يَفْرِضُهُ الْحَاكِمُ حَالًا مِنْ نَقْدِ الْبَلَدِ كَمَا فِي قِيمِ الْمُتَلَفَاتِ، لَا مُوَجَّلًا وَلَا بَعِيرَ نَقْدِ الْبَلَدِ، وَإِنْ رَضِيَتْ الزَّوْجَةُ بِذَلِكَ، لِأَنَّ مَنْصِبَهُ الْإِلْزَامُ بِمَالِ حَالٍ مِنْ نَقْدِ الْبَلَدِ. وَلَهَا إِذَا فَرَضَهُ حَالًا تَأْخِيرُ الْقَبْضِ بَلْ لَهَا تَرْكُهُ بِالْكُلِّيَّةِ، لِأَنَّ الْحَقَّ لَهَا.

1798. Keduanya apa yang dia isyaratkan dengan katanya (**atau hakim memfardhukannya**) apabila suami enggan dari memfardhukannya atau kedua mereka berbantah pada kadar yang difardhukan, berapa yang difardhukan kerana jawatan hakim itu menyelesaikan perbalahan, walaubagaimanapun hakim memfardhukannya dalam keadaan tunai dari duit tempatan sepertimana pada nilai-nilai benda yang dibinasakan, tidak dalam keadaan ditempokan dan tidak dengan selain duit tempatan, sekalipun isteri redha dengan demikian itu, kerana jawatannya untuk melazimkan harta yang tunai dari duit tempatan. Boleh isteri apabila suami memfardhukan mahar yang tunai mentakhirkan terima serahan, bahkan boleh dia meninggalkannya sama sekali, kerana hak itu miliknya.

وَيَفْرَضُ مَهْرٌ مِثْلُ بِلَا زِيَادَةٍ وَلَا نَقْصٍ. وَيُسْتَرْطُ عِلْمُ الْحَاكِمِ بِمَهْرِ الْمِثْلِ حَتَّى لَا يَزِيدَ عَلَيْهِ وَلَا يَنْقُصَ عَنْهُ إِلَّا بِالتَّفَاوُتِ الْيَسِيرِ. وَلَا يَصِحُّ فَرَضُ أَجْنَبِيٍّ مِنْ مَالِهِ، لِأَنَّهُ خِلَافٌ مَا يَقْتَضِيهِ الْعَقْدُ. وَالْفَرَضُ الصَّحِيحُ كَالْمُسَمَّى فِي الْعَقْدِ فَيَتَشَطَّرُ بِطُلَاقٍ بَعْدَ عَقْدٍ وَقَبْلَ وَطْءٍ سِوَاءِ أَكَانَ الْفَرَضُ مِنَ الزَّوْجَيْنِ أَمْ مِنَ الْحَاكِمِ.

1799. Hakim memfardhukan mahar seumpama tanpa lebih dan kurang. Disyaratkan tahu hakim dengan mahar seumpama hingga dia tidak melebihi di atasnya dan tidak mengurangkan darinya, melainan dengan lebih kurang yang sedikit. Tidak sah fardhu ajnabi dari hartanya kerana ia menyalahi apa yang dikehendaki akad. Fardhu yang sah itu seperti mahar yang disebutkan didalam akad maka ia jadi setengah dengan talak selepas akad dan sebelum setubuh, samaada fardhu itu dari dua suami isteri atau dari hakim.

وَالثَّلَاثُ : مَا أَشَارَ إِلَيْهِ بِقَوْلِهِ : (أَوْ يَدْخُلُ بِهَا) بَأَنَّ يَطَّأَهَا وَلَوْ فِي حَيْضٍ أَوْ إِحْرَامٍ أَوْ دُبُرٍ، (فَيَجِبُ) لَهَا (مَهْرُ الْمِثْلِ) وَإِنْ أَدْنَتْ لَهُ فِي وَطْئِهَا بِشَرْطِ أَنْ لَا مَهْرَ، لِأَنَّ الْوَطْءَ لَا يَبَاحُ بِالإِبَاحَةِ لِمَا فِيهِ مِنْ حَقِّ اللَّهِ تَعَالَى. وَالْمُعْتَبَرُ فِي مَهْرٍ مِثْلِ الْمُفَوَّضَةِ أَكْثَرَ مِنْ مَهْرِ الْمِثْلِ مِنَ الْعَقْدِ إِلَى الْوَطْءِ، لِأَنَّ الْبُضْعَ دَخَلَ بِالْعَقْدِ فِي ضَمَانِهِ، وَافْتَرَنَ بِهِ الإِتْلَافَ فَوَجِبَ الأَكْثَرُ كَالْمَقْبُوضِ بِشِرَاءٍ فَاسِدٍ.

1800. Ketiganya : apa yang dia isyaratkan dengan katanya (**atau dia setubuhinya**) dengan bahawa dia menyetubuhinya walaupun pada haid atau ihram atau dubur (**maka wajib**) bagi isteri itu (**mahar seumpama**) sekalipun dia izinkannya pada menyetubuhinya dengan syarat bahawa tidak ada mahar, kerana setubuh tidak diharuskan dengan pengharusan kerana padanya hak Allah taala. Yang diktibarkan pada mahar seumpama bagi mufawwidhah adalah yang paling tinggi dari mahar seumpamanya mula dari akad hingga kepada setubuh, kerana kemaluan perempuan itu masuk didalam dhamannya dengan akad itu dan menyertainya¹¹⁰ pembinasaan maka wajib yang paling tinggi, seperti barang yang diterima serahan dengan belian yang fasid.

وَلَوْ طَلَّقَ الزَّوْجُ قَبْلَ فَرَضِ وَطْءٍ فَلَا شَطْرَ. وَإِنْ مَاتَ أَحَدُ الزَّوْجَيْنِ قَبْلَهُمَا وَجِبَ لَهَا مَهْرُ الْمِثْلِ، لِأَنَّهُ كَالْوَطْءِ فِي تَقْرِيرِ الْمُسَمَّى، فَكَذَا فِي إِجَابِ مَهْرِ الْمِثْلِ فِي التَّفْوِيضِ. وَهَلْ يُعْتَبَرُ مَهْرُ الْمِثْلِ هُنَا بِالأَكْثَرِ كَمَا مَرَّ أَوْ بِحَالِ الْعَقْدِ أَوْ الْمَوْتِ؟ أَوْجُهُ فِي الرُّوْضَةِ وَأَصْلُهَا بِلَا تَرْجِيحِ أَوْجُهَا أَوْلَاهَا، لِأَنَّ الْبُضْعَ دَخَلَ فِي ضَمَانِهِ بِالْعَقْدِ وَتَقَرَّرَ عَلَيْهِ بِالْمَوْتِ كَالْوَطْءِ.

1801. Kalau suami mentalakkan sebelum fardhu dan setubuh maka tidak ada setengah. Jika mati seorang dari dua suami isteri sebelum keduanya wajib baginya mahar seumpama kerana ia sep4rti setubuh pada penetapan mahar yang disebutkan, maka begitu juga pada mewajibkan mahar seumpama pada tafwidh. Adakah diiktibarkan mahar seumpama disini dengan yang paling tinggi sepertimana telah lalu

¹¹⁰. iaitu setubuh atau dhaman, tidak dengan akad.

atau dengan ketika akad atau mati? Beberapa wajah didalam Raudhah dan asalnya tanpa tarjih. Yang paling ada wajah darinya adalah yang pertamanya, kerana kemaluan perempuan itu masuk pada dhamannya dengan akad dan tetap di atasnya dengan mati sama seperti setubuh.

وَلَوْ قَتَلَ السَّيِّدُ أُمَّتَهُ أَوْ قَتَلَتْ نَفْسَهَا قَبْلَ دُخُولِ سَقَطِ مَهْرِهَا، بِخِلَافِ مَا لَوْ قَتَلَهَا أَجْنَبِيٌّ أَوْ قَتَلَتْ الْحُرَّةُ نَفْسَهَا قَبْلَ الدُّخُولِ لَا يَسْقُطُ مَهْرُهَا.

1802. Kalau penghulu membunuh amahnya atau amah itu membunuh dirinya sebelum setubuh gugur maharnya, bersalahan kalau membunuhnya ajnabi atau perempuan merdeka membunuh dirinya sebelum setubuh tidak gugur maharnya.

وَمَهْرُ الْمَثَلِ مَا يُرْعَبُ بِهِ فِي مِثْلِهَا عَادَةً . وَرُكْنُهُ الْأَعْظَمُ نَسَبٌ فِي النَّسَبِيَّةِ لِوُقُوعِ التَّفَاخُرِ بِهِ كَالْكَفَاءَةِ فِي النِّكَاحِ . وَظَاهِرُ كَلَامِ الْأَكْثَرِينَ اعْتِبَارُ ذَلِكَ فِي الْعَجَمِ كَالْعَرَبِ، وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ، لِأَنَّ الرَّغَبَاتِ تَخْتَلِفُ بِالنَّسَبِ مُطْلَقًا. فَيُرَاعَى أَقْرَبُ مَنْ تَنَسَّبَ إِلَيْهِ. فَأَقْرَبُهُنَّ أُخْتٌ لِأَبَوَيْنِ ثُمَّ لِأَبٍ ثُمَّ لِأَبَوَيْنِ ثُمَّ لِأَبٍ، لِأَنَّ الْمُدْلِيَّ بِجِهَتَيْنِ يُقَدَّمُ عَلَى الْمُدْلِيَّ بِجِهَةٍ. ثُمَّ بَنَاتُ الْأَعْمَامِ لِأَبَوَيْنِ ثُمَّ لِأَبٍ.

1803. Mahar seumpama itu apa yang digemari pada seumpama seorang perempuan itu pada adatnya. Rukunnya yang paling besar adalah titihan pada perempuan yang mempunyai titihan kerana berlaku rasa megah dengannya, sama seperti sepadanan pada nikah. Zahir kalam kebanyakan ulamak mengiktibarkan demikian itu pada orang 'ajam dan orang arab, yang mana ia yang muktamad kerana rasa-rasa gemar itu berlainan dengan titihan semata-mata maka dipelihara yang paling dekat orang yang dibangsakan perempuan itu kepadanya, maka yang paling dekat daripada mereka itu adalah saudara perempuan seibu sebapa kemudian sebapa kemudian anak perempuan saudara lelaki seibu sebapa kemudian sebapa kemudian emak saudara seibu sebapa kemudian sebapa kerana yang menjulur dengan dua pihak didulukan keats yang menjulur dengan satu pihak, kemudian anak perempuan bapa saudara seibu sebapa kemudian sebapa.

فَإِنْ تَعَدَّرَ اعْتِبَارُ نِسَاءِ الْعَصَبَةِ أُعْتِبِرَ بِذَوَاتِ الْأَرْحَامِ كَالْجَدَّاتِ وَالْأَخَالَاتِ، لِأَنَّهُنَّ أَوْلَى مِنَ الْأَجَانِبِ . وَيُقَدَّمُ مِنَ نِسَاءِ الْأَرْحَامِ الْأُمُّ ثُمَّ الْجَدَّاتُ ثُمَّ الْأَخَالَاتُ ثُمَّ بَنَاتُ الْأَخَوَاتِ ثُمَّ بَنَاتُ الْأَخْوَالِ.

1804. Maka jika teruzur dari mengiktibarkan perempuan-perempuan 'asabah diiktibarkan perempuan-perempuan zawil arham seperti nenek dan mak saudara belah emak kerana mereka itu terutama dari orang asing. Didulukan dari perempuan-perempuan zawil arham emak kemudian nenek kemudian mak saudara belah emak kemudian anak perempuan saudara perempuan kemudian anak perempuan bapa saudara belah emak.

وَالْمُرَادُ بِالْأَرْحَامِ هُنَا قَرَابَاتُ الْأُمِّ لَا ذَوُو الْأَرْحَامِ الْمَذْكُورُونَ فِي الْفَرَائِضِ، لِأَنَّ أُمَّهَاتِ الْأُمِّ لَسْنَ مِنَ الْمَذْكُورِينَ فِي الْفَرَائِضِ. وَيُعْتَبَرُ مَعَ مَا تَقَدَّمَ سِنَّ وَعَقْلٌ وَجَمَالٌ وَيَسَارٌ وَفَصَاحَةٌ وَبِكَارَةٌ وَثِيوبَةٌ. وَمَا اخْتَلَفَ بِهِ عَرَضٌ كَالْعِلْمِ وَالشَّرَفِ، لِأَنَّ الْمَهْوَرَّ تَخْتَلِفُ بِاخْتِلَافِ الصِّفَاتِ. وَيُعْتَبَرُ مَعَ ذَلِكَ الْبَلَدُ فَإِنْ كَانَ نِسَاءُ الْعَصَبَةِ بِلَدَيْنِ هِيَ فِي إِحْدَاهُمَا أُعْتِبِرَ بِعَصَبَاتِ بِلَدِهَا. فَإِنْ كُنَّ كُلُّهُنَّ بِبِلَدَةٍ أُخْرَى فَلَا اعْتِبَارَ بِهِنَّ لَا بِأَجْنَبِيَّاتِ بِلَدِهَا كَمَا قَالَهُ فِي الرَّوْضَةِ.

1805. Yang dikehendaki dengan arham disini adalah kerabat emak bukan zawil arham yang disebutkan pada faraidh, kerana emak-emak bagi emak bukan daripada orang-orang yang disebutkan pada faraidh. Diiktibarkan serta apa yang telah lalu itu umur dan 'iffah dan akal dan cantik dan kaya dan kefasihan dan dara dan janda, dan apa yang berlain-lainan tujuan dengannya seperti ilmu dan kemuliaan kerana mahar-

mahar itu berlain-lainan dengan berlainan sifat-sifat. Diiktibarkan serta demikian itu negeri i.e kawasan tempat tinggal. Maka jika perempuan-perempuan asabah itu pada dua negeri yang dia pada satu daripada keduanya diiktibarkan maharnya dengan 'asabah-'asabah negeri tempat tinggalnya. Maka jika mereka semuanya pada negeri yang lain maka iktibarkan ia dengan mereka itu bukan dengan perempuan ajnabi negerinya sepertimana dikatakan didalam Raudhah.

(وَلَيْسَ لِأَقَلِّ الصَّدَاقِ وَلَا لِأَكْثَرِهِ حَدٌّ) ، بَلْ ضَابِطُهُ كُلُّ مَا صَحَّ كَوْنُهُ مَبِيعًا عَوْضًا أَوْ مُعَوِّضًا صَحَّ كَوْنُهُ صَدَاقًا، وَمَا لَا فَلَا. فَلَوْ عَقِدَ بِمَا لَا يَنْمَوْلُ وَلَا يُفَابِلُ بِمَنْمَوْلٍ كَحَبْتِي حِنْطَةً لَمْ تَصِحَّ النَّسْمِيَّةُ وَيَرْجَعُ لِمَهْرِ الْمَثَلِ. وَكَذَا إِذَا أَصْدَقَهَا تَوْبًا لَا يَمْلِكُ غَيْرَهُ، فَلَا يَصِحُّ لِتَعَلُّقِ حَقِّ اللَّهِ تَعَالَى بِهِ فِي سِتْرِ الْعَوْرَةِ كَمَا قَالَهُ الزَّرْكَشِيُّ مُسْتَدَلًّا بِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِلَّذِي أَرَادَ التَّرْوِيحَ عَلَى إِزَارِهِ : { إِزَارُكَ هَذَا إِنْ أُعْطِيَتْهُ إِيَّاهَا جَلَسْتَ وَلَا إِزَارَ لَكَ } . وَهَذَا دَاخِلٌ فِي قَوْلِنَا: مَا صَحَّ مَبِيعًا صَحَّ صَدَاقًا.

1806. (Tidak ada had bagi serendah-rendah maskahwin dan setinggi-tingginya), bahkan dhabitnya setiap apa yang sah sebagai barang jualan, bayaran atau yang dibayar, sah keadaannya sebagai maskahwin, dan apa yang tidak maka tidak. Maka kalau dia mengakadkan dengan apa yang tidak dibilang harta dan tidak dibetuli dengan apa yang dibilang harta seperti dua butir gandum tidak sah sebutan mahar itu, dan dikembalikan ia kepada mahar seumpama. Begitu juga apabila dia memaharkan isterinya kain yang tidak dia tidak miliki selainnya maka tidak sah ia kerana bersangkut hak Allah taala dengannya pada menutup aurat, sepertimana dikatakan Zarkasyi hal keadaan dia berdalil dengan sabda nabi s.a.w.m kepada orang yang hendak berkahwin di atas kain pakainya "kain pakai kamu ini jika kamu berikannya kepada dia kamu duduk dan tidak ada kain pakai bagi kamu". Ini masuk pada kata kita : apa yang sah sebagai barang jualan sah sebagai maskahwin.

وَيَسُنُّ أَنْ لَا يَنْقُصَ الْمَهْرُ عَنْ عَشْرَةِ دَرَاهِمٍ خُرُوجًا مِنْ خِلَافِ أَبِي حَنِيفَةَ ، وَأَنْ لَا يَزِيدَ عَلَى خَمْسِمِائَةٍ دِرْهَمٍ كَأَصْدَقَةِ بَنَاتِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَزَوْجَاتِهِ. وَأَمَّا إِصْدَاقُ أُمَّ حَبِيبَةَ أَرْبَعِمِائَةِ دِينَارٍ فَكَانَ مِنَ النَّجَاشِيِّ إِحْرَامًا لَهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ.

1807. Sunat bahawa mahar itu tidak kurang dari sepuluh dirham kerana keluar dari khilaf Abu Hanifah dan bahawa ia tidak lebih di atas lima ratus dirham, seperti maskahwin anak-anak nabi s.a.w.m dan isteri-isterinya. Adapun memberikan maskahwin kepada Ummu Habibah empat ratus dinar maka adalah ia dari Najasyi sebagai layanannya memuliakan nabi s.a.w.m.

(وَيَجُوزُ أَنْ يَتَرَوَّجَهَا عَلَى مَنْفَعَةٍ مَعْلُومَةٍ) تُسْتَوْفَى بِعَقْدِ الْإِجَارَةِ كَتَعْلِيمٍ فِيهِ كُفْلَةٌ وَخِيَاطَةٌ تَوْبٌ وَكِتَابَةٌ وَنَحْوَهَا، إِذَا كَانَ يُحْسِنُ تِلْكَ الْمَنْفَعَةَ فَإِنْ لَمْ يَكُنْ يُحْسِنُهَا وَالتَّرَمُّ فِي الدِّمَةِ جَارٌ وَيَسْتَأْجِرُ لَهَا مَنْ يُحْسِنُهَا. وَإِنْ التَّرَمُّ الْعَمَلُ بِنَفْسِهِ لَمْ يَصِحَّ عَلَى الْأَصَحِّ لِعَجْزِهِ. وَخَرَجَ بِقَيْدِ الْمَعْلُومَةِ الْمَنْفَعَةِ الْمَجْهُولَةِ فَلَا يَصِحُّ أَنْ تَكُونَ صَدَاقًا، وَلَكِنْ يَجِبُ مَهْرُ الْمَثَلِ.

1808. (Harus dia mengahwininya di atas manfaat yang dimaklumi) yang boleh disempurnakan dengan akad sewaan seperti mengajar sesuatu yang berat dan menjahit kain dan menulis dan umpamanya apabila dia pandaikan manfaat itu. Maka jika dia tidak pandaikannya dan dia menyanggup didalam zimmahnya harus ia dan dia mengupah untuknya orang yang pandaikannya. Jika dia menyanggup kerja itu dengan dirinya sendiri tidak sah ia di atas yang paling sah kerana lemahnya. Keluar dengan kait yang dimaklumi oleh manfaat yang majhul maka tidak sah ia sebagai maskahwin, akan tetapi wajib mahar seumpama.

وَإِطْلَاقُ التَّعْلِيمِ فِيمَا تَقَدَّمَ شَامِلٌ لِمَا يَجِبُ تَعَلُّمُهُ كَالْفَاتِحَةِ وَغَيْرِهَا وَلِلْقُرْآنِ وَالْحَدِيثِ وَالْفِقْهِ وَالشَّعْرِ وَالْحَطِّ وَغَيْرِ ذَلِكَ مِمَّا لَيْسَ بِمُحَرَّمٍ وَلِتَعْلِيمِهَا هِيَ أَوْ وِلْدَانُهَا الْوَالِدِ عَلَيْهَا تَعْلِيمُهُ، وَكَذَا لِعَبْدِهَا عَلَى الْأَصْحَ فِي الرُّوَضَةِ، فَعَلَى هَذَا لَا يَتَعَدَّرُ تَعْلِيمُ غَيْرِهَا بِطُلَاقِهَا، أَمَّا إِذَا أَصْدَقَهَا تَعْلِيمَهَا بِنَفْسِهِ فَطُلُقَ قَبْلَ التَّعْلِيمِ بَعْدَ دُخُولِهِ أَوْ قَبْلَهُ تَعَدَّرَ تَعْلِيمُهُ، لِأَنَّهَا صَارَتْ مُحَرَّمَةً عَلَيْهِ لَا يَجُوزُ اخْتِلَاؤُهُ بِهَا.

1809. Itlak mengajar pada apa yang telah lalu itu melengkapi apa yang wajib dipelajari seperti fatihah dan selainnya dan Quran dan hadith dan fekah dan syair dan khat dan selain itu daripada apa yang tidak haram, dan melengkapi mengajarkan isteri itu sendiri atau anaknya yang wajib dia ajari. Begitu juga hambanya di atas yang paling sahah didalam Raudah. Maka di atas ini tidak teruzur mengajar selain isteri dengan sebab talaknya. Adapun apabila dia memaharkan isterinya dengan mengajarkannya dengan dirinya sendiri kemudian dia mentalakkan sebelum mengajar selepas setubuh atau sebelumnya teruzur dia mengajarnya kerana dia menjadi haram di atasnya tidak harus dia berkhalwat dengannya.

فَإِنْ قِيلَ : الْأَجْنَبِيَّةُ يَبَاحُ النَّظَرُ إِلَيْهَا لِلتَّعْلِيمِ ، وَهَذِهِ صَارَتْ أَجْنَبِيَّةً فَهَلَّا جَازَ تَعْلِيمُهَا ! أَجِيبَ بِأَنَّ كُلًّا مِنَ الرُّوَجِيِّنَ تَعَلَّقَتْ أَمَالُهُ بِالْآخِرِ وَحَصَلَ بَيْنَهُمَا نَوْعٌ وَدِ فَقَوِيَّتِ النَّهْمَةُ فَأَمْتَتَعَ التَّعْلِيمُ لِقُرْبِ الْفِتْنَةِ . بِخِلَافِ الْأَجْنَبِيِّ فَإِنَّ قُوَّةَ الْوَحْشَةِ بَيْنَهُمَا أَفْتَضَّتْ جَوَازَ التَّعْلِيمِ . وَقِيلَ الْمُرَادُ بِالتَّعْلِيمِ الَّذِي يَجُوزُ النَّظَرُ لَهُ هُوَ التَّعْلِيمُ الْوَالِدِ كَقِرَاءَةِ الْفَاتِحَةِ ، فَمَا هُنَا مَحَلُّهُ فِي غَيْرِ الْوَالِدِ وَرَجَّحَ هَذَا السُّبُكِيُّ . وَقِيلَ : التَّعْلِيمُ الَّذِي يَجُوزُ النَّظَرُ خَاصًّا بِالْأَمْرُدِ بِخِلَافِ الْأَجْنَبِيِّ . وَرَجَّحَ هَذَا الْجَلَالُ الْمَحَلِّيُّ . وَالْمُعْتَمَدُ الْأَوَّلُ .

1810. Maka jika dikatakan : perempuan ajnabi diharuskan pandang kepadanya untuk mengajarnya dan perempuan ini menjadi ajnabi maka hendaklah harus mengajarnya! Aku jawab dengan bahwa setiap dari dua suami isteri bergantung angan-angannya dengan yang seorang lagi dan terhasil di antara keduanya satu bentuk rasa kasih maka kuat tohmahan, maka tertegah mengajar kerana dekat fitnah itu. Bersalahan perempuan ajnabiah¹¹¹ maka kuat rasa liar hati di antara kedua mereka menuntut harus mengajarnya. Dikatakan yang dikehendaki dengan mengajar yang harus memandang untuknya adalah mengajarkan yang wajib seperti bacaan fatihah, maka apa yang disini tempatnya pada selain yang wajib. Subki mentarjihkan ini. Dikatakan mengajar yang mengharuskan pandang khas dengan amrud, bersalahan ajnabiah. Mentarjihkan ini Jalal Mahalli. Yang muktamad yang pertama.

تَنْبِيْهُ : أَفْهَمَ تَعْلِيمُهُمُ السَّابِقُ أَنَّهَا لَوْ لَمْ تَحْرُمْ الْخُلُوَّةَ بِهَا كَأَنَّ كَانَتْ صَغِيرَةً لَا تَشْتَهَى أَوْ صَارَتْ مُحَرَّمًا لَهُ بِرِضَاعٍ أَوْ نِكَاحٍ ثَانِيًا لَمْ يَتَعَدَّرَ التَّعْلِيمُ ، وَهُوَ كَذَلِكَ .

1811. Tanbih. 'Illat yang diberikan oleh mereka memahamkan bahawa kalau tidak haram khalwat dengannya seperti bahawa yang ditalakkan itu budak kecil yang belum diingini atau dia menjadi mahramnya dengan susuan atau dia mengahwininya kali kedua tidak teruzur mengajarnya, yang mana ia seperti itu.

فُرُوعٌ : لَوْ أَصْدَقَ زَوْجَتَهُ الْكِتَابِيَّةَ تَعْلِيمَ قُرْآنِ صَحَّ إِنْ تَوَقَّعَ إِسْلَامَهَا . وَإِلَّا فَلَا . وَلَوْ أَصْدَقَهَا تَعْلِيمَ التَّوْرَةِ أَوْ الْإِنْجِيلِ وَهِيَ كَافِرَةٌ ثُمَّ أَسْلَمَتْ أَوْ تَرَافَعَا إِلَيْنَا بَعْدَ التَّعْلِيمِ فَلَا شَيْءَ لَهَا سِوَاهُ أَوْ قَبْلَهُ وَجِبَ لَهَا مَهْرُ الْمَثَلِ . وَلَوْ أَصْدَقَ الْكِتَابِيَّةَ تَعْلِيمًا لِلشَّهَادَتَيْنِ فَإِنْ كَانَ فِي تَعْلِيمِهَا كُفْلَةٌ صَحَّ وَإِلَّا فَلَا كَمَا قَالَ الْأَذْرَعِيُّ .

1812. Cabangan-cabangan : kalau dia memaharkan isterinya yang kitabiah dengan mengajarnya quran sah ia jika diharapkan islamnya. Jika tidak maka tidak. Kalau dia memaharkannya dengan mengajarkan Taurat atau Injil dan kedua mereka itu kafir kemudian mereka islam, atau kedua mereka mengangkat kepada kita selepas

¹¹¹. sepertimana kata Bajrimi.

berlaku pengajaran itu maka tidak ada suatu bagi isteri itu selainnya, atau sebelumnya wajib baginya mahar seumpama. Kalau dia memaharkan perempuan kitabiah dengan mengajarkan dua syahadah maka jika mengajarkan dua kalimah itu berat sah ia. Jika tidak maka tidak, sepertimana dikatakan Azrai'e.

(وَيَسْقُطُ بِالطَّلَاقِ) وَبِكُلِّ فُرْقَةٍ وَجِدَتْ لَا مِنْهَا وَلَا بِسَبَبِهَا (قَبْلَ الدُّخُولِ) كَأَسْلَامِهِ وَرَدَّتْهِ وَلِعَانِهِ وَإِرْضَاعِ أُمِّهَا أَوْ أُمِّهَا لَهُ، (نِصْفُ الْمَهْرِ). أَمَّا فِي الطَّلَاقِ فَلِأَيَّةِ : { وَإِنْ طَلَّقْتُمُوهُنَّ مِنْ قَبْلِ أَنْ تَمْسُوهُنَّ }، وَأَمَّا الْبَاقِي فَبِالْقِيَاسِ عَلَيْهِ.

1813. (Gugur dengan talak) dan dengan setiap perceraian yang ujud bukan dari isteri dan bukan dengan sebab dia (sebelum setubuh), seperti islam suami dan riddahnya dan li'annya dan emaknya menyusukan isterinya atau emak isterinya menyusukan dia (oleh setengah mahar). Adapun pada talak maka kerana ayat "dan jika kamu talakkan mereka sebelum kamu sentuh mereka. . .", dan adapun yang tinggal lagi maka dengan kias di atasnya.

وَأَمَّا الْفُرْقَةُ الَّتِي وَجِدَتْ مِنْهَا قَبْلَ الدُّخُولِ كَأَسْلَامِهَا بِنَفْسِهَا أَوْ بِالتَّبَعِيَّةِ لِأَحَدِ أَبَوَيْهَا أَوْ فَسْخِهَا بِعَيْبِهِ أَوْ رَدَّتْهَا وَإِرْضَاعِهَا زَوْجَةً لَهُ صَغِيرَةً أَوْ وَجِدَتْ بِسَبَبِهَا كَفَسْخِهَا بِعَيْبِهَا تُسْقُطُ الْمَهْرُ الْمُسَمَّى ابْتِدَاءً أَوْ الْمَفْرُوضِ الصَّحِيحِ وَمَهْرِ الْمُتَمَلِّ فِي كُلِّ مَا ذَكَرَ، لِأَنَّهَا إِنْ كَانَتْ هِيَ الْفَاسِخَةُ فَهِيَ الْمُخْتَارَةُ لِلْفُرْقَةِ فَكَأَنَّهَا أَتَلَفَتْ الْمُعْوَضَ قَبْلَ التَّسْلِيمِ فَيَسْقُطُ الْعَوْضُ وَإِنْ كَانَ هُوَ الْفَاسِخُ بِعَيْبِهَا فَكَأَنَّهَا هِيَ الْفَاسِخَةُ.

1814. Adapun perceraian yang ujud kerana isteri sebelum setubuh seperti islamnya dengan dirinya sendiri atau dengan ikut seorang dari dua ibu bapanya, atau fasaknya dengan 'aib suami atau riddahnya dan dengan dia menyusukan isteri lain yang kecil bagi suaminya, atau ujud dengan sebabnya seperti fasakh suami dengan 'aibnya adalah menggugurkan mahar yang disebutkan mula-mula atau yang difardhukan yang sah, dan mahar seumpama pada setiap apa yang disebutkan, kerana isteri itu jika dia sendiri memfasakhkan maka dia memilih untuk bercerai maka seolah-olah dia membinasakan barang yang dibayari sebelum penyerahan maka gugurlah bayarannya, dan jika suaminya yang memfasakhkan dengan aibnya maka seolah-olah dia yang memfasakhkan.

تَنْبِيْهٌ : لَوْ ارْتَدَّ مَعًا فَهَلْ هُوَ كَرَدَّتْهَا فَيَسْقُطُ الْمَهْرُ أَوْ كَرَدَّتْهُ فَ يَنْتَصَفُ؟ وَجَهَان. صَحَّ الْأَوَّلُ الرَّوْيَانِيُّ وَالنَّسَائِيُّ وَالْأَدْرَعِيُّ وَغَيْرُهُمْ، وَصَحَّ الثَّانِي الْمَتَوَلِيُّ وَالْفَارِقِيُّ وَابْنُ أَبِي عَصْرُونَ وَغَيْرُهُمْ، وَهُوَ أَوْجَهُ.

1815. Tanbih. Kalau kedua mereka murtad serentak maka adakah ia seperti riddah isteri maka gugur mahar itu atau seperti riddah suami maka ia jadi setengah? Dua wajah. Ruyani dan Nasai'e dan Azrai'e dan selain mereka mengesahkan yang pertama, sementara Mutawalli dan Fariqi dan Ibnu Abi Ashrun dan selain mereka mengesahkan yang kedua, yang mana ia yang lebih ada wajah.

تَتِمَّةٌ : يَجِبُ لِمُطَلَّاقَةٍ قَبْلَ وَطْءٍ مُتَعَةً إِنْ لَمْ يَجِبْ لَهَا شَطْرُ مَهْرٍ بَانَ كَانَتْ مُفَوَّضَةً وَلَمْ يُفْرَضْ لَهَا شَيْءٌ . وَادَّعَى الْإِمَامُ فِيهِ الْإِجْمَاعَ.

1816. Tatimmah. Wajib mut'ah¹¹² bagi perempuan yang ditalakkan sebelum setubuh jika tidak wajib baginya setengah mahar dengan bahawa dia mufawwidhah dan belum dikadarkan sesuatu baginya. al Imam mendakwa ijmak padanya.

¹¹². sagu hati – sejumlah harta yang diberikan kepada perempuan yang ditalakkan dengan syarat-syaratnya.

لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ طَلَقْتُمْ النِّسَاءَ مَا لَمْ تَمْسُوهُنَّ أَوْ تَفْرِضُوا لَهُنَّ فَرِيضَةً وَمَتَّعُوهُنَّ }
 الْآيَةَ. وَيَجِبُ أَيْضًا لِمَوْطُوعَةٍ فِي الْأَطْهَرِ لِعُمُومِ قَوْلِهِ تَعَالَى : { وَلِلْمُطَلَّقاتِ مَتَاعٌ بِالْمَعْرُوفِ } ، وَلِأَنَّ جَمِيعَ
 الْمَهْرِ وَجِبَ فِي مُقَابَلَةِ اسْتِيفَاءِ مَنْفَعَةِ الْبُضْعِ فَخَلَا الطَّلَاقُ عَنِ الْجَبْرِ ، بِخِلَافِ مَنْ وَجِبَ لَهَا النَّصْفُ فَإِنْ
 بَضَعَهَا سَلِمَ لَهَا فَكَانَ النَّصْفُ جَائِزًا لِلْإِيحَاشِ .

1817. Demikian itu kerana firman Allah taala “tidak ada salah di atas kamu jika kamu talakkan perempuan selama kamu belum sentuh mereka atau belum kamu fadhukan bagi mereka satu fardhu dan kamu berikan mereka mut’ah. . .”. Wajib ia juga bagi perempuan yang disetubuhi pada yang paling zahir kerana umum firman Allah taala “dan bagi mereka yang ditalakkan mut’ah dengan yang baik” dan kerana semua mahar itu wajib pada membetuli penyempurnaan manfaat kemaluan perempnan maka sunyi talak itu dari tampungan, bersalahan orang yang wajib setengah mahar baginya maka kemaluannya selamat baginya maka adalah setengah itu penampung rasa liar hatinya.

قَالَ النَّوَوِيُّ فِي فَتَاوِيهِ : إِنَّ وُجُوبَ الْمُتْعَةِ مِمَّا يَغْفُلُ النِّسَاءُ عَنِ الْعِلْمِ بِهَا فَيُنْبَغِي تَعْرِيفُهُنَّ وَإِشَاعَةَ حُكْمِهَا
 لِيَعْرِفْنَ ذَلِكَ .

1818. Kata Nawawi didalam fatwa-fatwanya : bahawa wajib mut’ah itu daripada apa yang lalai kaum perempuan dari mengetahuinya maka sayugia memaklumkan mereka dan memasyhurkan hukumnya supaya mereka mengetahuinya.

وَفُرْقَةٌ لَا بِسَبَبِهَا بَأَنَّ كَانَتْ مِنَ الزَّوْجِ كَرِدَّتِهِ وَلِعَانِهِ كَطَّلَاقٍ فِي إِيْجَابِ الْمُتْعَةِ .

1819. Perceraian bukan dengan sebab isteri dengan bahawa ianya dari suami seperti riddahnya dan li’annya adalah seperti talak pada mewajibkan mut’ah.

وَيُسْنُ أَنْ لَا تَنْقُصَ عَنْ ثَلَاثِينَ دِرْهَمًا أَوْ مَا قِيمَتُهُ ذَلِكَ. فَإِنْ تَنَازَعَا فِي قَدْرِهَا قَدَّرَهَا الْقَاضِي بِاجْتِهَادِهِ
 بِحَسَبِ مَا يَلِيْقُ بِالْحَالِ ، مُعْتَبِرًا حَالَهُمَا مِنْ يَسَارِ الزَّوْجِ وَإِعْسَارِهِ وَنَسَبِهَا وَصِفَاتِهَا، لِقَوْلِهِ تَعَالَى : {
 وَمَتَّعُوهُنَّ عَلَى الْمَوْسِعِ قَدْرَهُ وَعَلَى الْمَقْتَرِ قَدْرَهُ } .

1820. Sunat bahawa ia tidak kurang dari tiga puluh dirham atau apa yang nalainya seperti itu. Maka jika mereka berbalah pada kadarnya qadhi mengkadarkannya dengan ijtihadnya dengan sekira-kira apa yang layak dengan keadaan, dengan dia mengiktibarkan keadaan kedua mereka daripada kaya suami dan papanya dan titihan isteri dan sifat-sifatnya kerana firman Allah taala “dan berilah mereka mut’ah, di atas yang kaya kadarnya dan di atas yang fakir kadarnya”.

ثُمَّ شَرَعَ فِي أَحْكَامِ الْوَلِيْمَةِ. وَاسْتِنَاقُهَا كَمَا قَالَ الْأَزْهَرِيُّ مِنَ الْوَلْمِ وَهُوَ الْاجْتِمَاعُ، لِأَنَّ الزَّوْجَيْنِ يَجْتَمِعَانِ.
 وَهِيَ تَقَعُ عَلَى كُلِّ طَعَامٍ يَتَّخَذُ لِسُرُورِ حَدِيثٍ مِنْ عُرْسٍ وَإِمْلَاقٍ وَغَيْرِهِمَا، لَكِنَّ اسْتِعْمَالَهَا مُطْلَقَةٌ فِي الْعُرْسِ
 أَشْهُرٌ .

1821. Kemudian dia masuk pada hukum-hukum walimah i.e kenduri. Ambilan lafaznya sepertimana kata Azhari adalah dari “وَلْمٌ” iaitu berhimpun, kerana berhimpun dua suami isteri. Ianya jatuh ke atas setiap makanan yang dibuat kerana kegembiraan yang baru datang, daripada kerja kahwin¹¹³ dan selainnya, akan tetapi penggunaannya semata-mata pada kerja kahwin lebih masyhur.

¹¹³ “العرس” setubuh dengan isteri, “املاق” akad diatas isteri.

(وَالْوَلِيمَةَ عَلَى الْعُرْسِ) الْعُرْسُ بِضَمِّ الْعَيْنِ مَعَ ضَمِّ الرَّاءِ وَإِسْكَانِهَا الْإِبْتِنَاءُ بِالزَّوْجَةِ (مُسْتَحَبَّةٌ) مُؤَكَّدَةٌ لِثُبُوتِهَا عَنْهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَوْلًا وَفِعْلًا، فِي الْبُخَارِيِّ : { أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَوْلَمَ عَلَى بَعْضِ نِسَائِهِ بِمَدِينٍ مِنْ شَعِيرٍ، وَأَنَّهُ أَوْلَمَ عَلَى صَفِيَّةَ بَتْمَرٍ وَسَمْنٍ وَأَقِطٍ } وَأَنَّهُ قَالَ لِعَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ عَوْفٍ وَقَدْ تَزَوَّجَ : { أَوْلَمَ وَلَوْ بِشَاةٍ } وَأَقْلَهَا لِلْمُتَمَكِّنِ شَاةً وَلِغَيْرِهِ مَا قَدَرَ عَلَيْهِ. قَالَ النَّشَائِيُّ : وَالْمُرَادُ أَقْلُ الْكَمَالِ شَاةً لِقَوْلِ التَّنْبِيهِ وَبِأَيِّ شَيْءٍ أَوْلَمَ مِنَ الطَّعَامِ جَازٌ.

1822. (Walimah i.e Kenduri kahwin itu), “عرس” dengan dhammah ‘ain serta dhammah ra’ dan sukunnya adalah setubuh isteri, (adalah sunat) muakkad kerana sabitnya dari nabi s.a.w.m dengan kata-kata dan perbuatan. Maka didalam Bukhari “bahawa nabi s.a.w.m membuat walimah di atas sebahagian isteri-isterinya dengan dua cupak gandum dan bahawa dia membuat walimah di atas Safiah dengan tamar dan minyak sapi dan keju” dan bahawa dia berkata kepada Abdul Rahman bin ‘Auf walhal dia berkahwin “buatlah walimah walaupun dengan seekor kambing”. Sekurang-kurangnya bagi yang mampu adalah seekor kambing dan bagi yang tidak mampu apa yang dia mampu. Kata Nasai’e : yang dikehendaki adalah sekurang-kurang sempurnanya seekor kambing kerana kata Tanbih : dengan apa-apa suatu dia buat walimah daripada makanan ianya harus.

تَنْبِيْهٌ : لَمْ يَتَعَرَّضُوا لَوْفَتِ الْوَلِيمَةِ، وَاسْتَنْبَطَ السُّبُكِيُّ مِنْ كَلَامِ الْبَغَوِيِّ أَنَّ وَقْتَهَا مُوسَعٌ مِنْ حِينِ الْعَقْدِ فَيَدْخُلُ وَقْتُهَا بِهِ وَالْأَفْضَلُ فِعْلُهَا بَعْدَ الدُّخُولِ { لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمْ يُؤَلِّمْ عَلَى نِسَائِهِ إِلَّا بَعْدَ الدُّخُولِ }. فَتَجِبُ الْإِجَابَةُ إِلَيْهَا مِنْ حِينِ الْعَقْدِ، وَإِنْ خَالَفَ الْأَفْضَلُ.

1823. Tanbih. Mereka tidak menyentuh waktu walimah itu. Subki mengambil faham dari kalam Bughawi bahawa waktunya meluas mula dari akad. Maka masuk waktunya dengan akad. Yang terafdhal melakukannya selepas setubuh, “kerana nabi s.a.w.m tidak membuat walimah di atas isteri-isterinya melainkan selepas setubuh”. Maka wajib memenuhi jemputan kepadanya mula dari masa akad sekalipun ia menyalahi yang terafdhal.

(وَالْإِجَابَةُ إِلَيْهَا وَاجِبَةٌ) عَيْنًا لَخَبَرِ الصَّحِيحَيْنِ : { إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ إِلَى الْوَلِيمَةِ فَلْيَأْتِهَا } ، وَخَبَرِ مُسْلِمٍ : { سُرُّ الطَّعَامِ طَعَامُ الْوَلِيمَةِ تُدْعَى لَهَا الْأَعْنِيَاءُ وَتُتْرَكُ الْفُقَرَاءُ وَمَنْ لَمْ يُجِبْ الدَّعْوَةَ فَقَدْ عَصَى اللَّهَ وَرَسُولَهُ } . قَالُوا : وَالْمُرَادُ وَلِيمَةُ الْعُرْسِ، لِأَنَّهَا الْمَعْهُودَةُ عِنْدَهُمْ. وَيُؤَيِّدُهُ مَا فِي الصَّحِيحَيْنِ مَرْفُوعًا : { إِذَا دُعِيَ أَحَدُكُمْ إِلَى وَلِيمَةِ عُرْسٍ فَلْيُجِبْ } .

1824. (Memenuhi jemputan kepadanya wajib) ‘ain kerana khabar dua kitab yang sahih “apabila seorang dari kamu dijemput kepada walimah maka hendaklah dia mendatanginya”, dan khabar Muslim “sejahat-jahat makanan itu makanan walimah yang dijemput orang-orang kaya kepadanya dan ditinggalkan orang fakir. Siapa yang tidak memenuhi jemputan maka sesungguhnya dia derhakakan Allah dan rasulnya”. Mereka kata : yang dikehendaki adalah walimah ‘urus kerana ia yang dimaklumi di sisi mereka. Menguatkannya apa yang didalam dua kitab yang sahih dalam keadaan marfu’ “apabila seorang kamu dijemput kepada walimah ‘urus maka hendaklah dia memenuhinya”.

وَأَمَّا غَيْرُهَا مِنْ الْوَلَائِمِ فَالْإِجَابَةُ إِلَيْهَا مُسْتَحَبَّةٌ، لِمَا فِي مُسْنَدِ أَحْمَدَ عَنِ الْحَسَنِ قَالَ : { دُعِيَ عُثْمَانُ بْنُ أَبِي الْعَاصِ إِلَى خِتَانٍ فَلَمْ يُجِبْ، وَقَالَ : لَمْ يَكُنْ يُدْعَى لَهُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ } .

1825. Adapun walimah-walimah selainnya maka memenuhinya sunat kerana apa yang didalam musnad Ahmad dari Hasan katanya “dijemput Uthman bin Abi al ‘Ash kepada majlis berkhatan maka dia tidak memenuhinya dan berkata : tidak pernah dijemput kepadanya pada masa rasulullah s.a.w.m”.

وَقَوْلُهُ : (إِلَّا لِعُذْرٍ) أَشَارَ بِهِ إِلَى أَكْثَرِ شُرُوطِ وُجُوبِ الإِجَابَةِ ، فَإِنَّ شُرُوطَهُ كَثِيرَةٌ . مِنْهَا أَنْ لَا يُحْصَى بِالِدَّعْوَةِ الأَغْنِيَاءُ لِعِفَاهِهِمْ لِحَبِيرٍ : { شَرُّ الطَّعَامِ } .

1826. Katanya (melainkan kerana uzur) dia isyaratkan dengannya kepada yang paling banyak daripada syarat-syarat wajib memenuhi jemputan, kerana syarat-syaratnya banyak. Daripadanya bahawa tidak dikhususkan jemputan dengan orang-orang kaya kerana kekayaan mereka, kerana khabar “sejahat-jahat makanan. . . ” itu.

وَمِنْهَا أَنْ يَكُونَ الدَّاعِي مُسْلِمًا . وَمِنْهَا أَنْ يَكُونَ المَدْعُوُّ مُسْلِمًا أَيْضًا . وَمِنْهَا أَنْ يَدْعُوهُ فِي اليَوْمِ الأوَّلِ ، فَتُسَنُّ الإِجَابَةُ فِي اليَوْمِ الثَّانِي وَتُكْرَهُ فِي الثَّالِثِ . وَمِنْهَا أَنْ يَكُونَ الدَّاعِي مُطْلَقَ التَّصَرُّفِ ، نَعَمْ إِنْ اتَّخَذَهَا الوَلِيُّ مِنْ مَالِهِ وَهُوَ أَبٌ أَوْ جَدٌّ فَالظَّاهِرُ كَمَا قَالَه الأَدْرَعِيُّ الوُجُوبُ . وَمِنْهَا أَنْ لَا يَدْعُوهُ لِخَوْفٍ مِنْهُ لَوْ لَمْ يَحْضُرْ أَوْ طَمَعًا فِي جَاهِهِ أَوْ إِعَانَتِهِ عَلَى بَاطِلٍ .

1827. Daripadanya bahawa pengundangnya muslim. Daripadanya bahawa yang diundang juga muslim. Daripadanya bahawa dia mengundangnya pada hari pertama, maka sunat memenuhi jemputan pada hari kedua dan makruh pada hari ketiga. Daripadanya bahawa yang mengundang itu mutlak tasarruf. Na'am, jika wali membuat walimah dari hartanya walhal dia bapa atau datuk maka yang zahir sepertimana kata Azrai'e adalah wajib memenuhinya. Daripadanya bahawa dia tidak menjemputnya kerana takutkannya kalau dia tidak hadir atau tamakkan pada kemegahannya atau bantuannya di atas perkara batil.

وَمِنْهَا أَنْ يُعَيِّنَ المَدْعُوُّ بِنَفْسِهِ أَوْ نَائِبِهِ لَا إِنْ نَادَى فِي النَّاسِ كَأَنْ فَتَحَ البَابَ وَقَالَ لِيَحْضُرَ مَنْ أَرَادَ . وَمِنْهَا أَنْ لَا يَعْذِرَ المَدْعُوُّ إِلَى الدَّاعِي وَيَرْضَى بِتَخْلُفِهِ . وَمِنْهَا أَنْ لَا يَسْبِقَ الدَّاعِي غَيْرُهُ فَإِنْ جَاءَ مَعًا أَجَابَ أَقْرَبُهُمَا رِحْمًا ثُمَّ دَارًا .

1828. Daripadanya bahawa dia menentukan orang yang dijemput dengan dirinya sendiri atau naibnya, tidak jika dia menyeru pada orang ramai seperti bahawa dia membuka pintu dan berkata : hendaklah hadir orang yang hendak. Daripadanya bahawa yang dijemput itu tidak minta uzur kepada yang menjemput dan dia redha dengan tidak hadirnya. Daripadanya bahawa tidak mendahului seorang pengundang itu oleh orang selainnya. Maka jika mereka datang serentak dia memenuhi undangan yang paling dekat daripada keduanya nisbah kasih sayang, kemudian rumah.

وَمِنْهَا أَنْ لَا يَدْعُوهُ مَنْ أَكْثَرَ مَالِهِ حَرَامٌ فَمَنْ كَانَ كَذَلِكَ كُرِهَتْ إِجَابَتُهُ ، فَإِنْ عَلِمَ أَنَّ عَيْنَ الطَّعَامِ حَرَامٌ حَرَمَتْ إِجَابَتُهُ ، وَإِلَّا فَلَا وَتَبَاحُ الإِجَابَةِ . وَلَا تَجِبُ إِذَا كَانَ فِي مَالِهِ شُبُهَةٌ ، وَلِهَذَا قَالَ الرَّزْكَسِيُّ : لَا تَجِبُ الإِجَابَةُ فِي زَمَانِنَا هَذَا أَنْتَهَى . وَلَكِنْ لَا بُدَّ أَنْ يَغْلِبَ عَلَى الظَّنِّ أَنَّ فِي مَالِ الدَّاعِي شُبُهَةٌ .

1829. Daripadanya bahawa tidak menjemputnya orang yang kebanyakan hartanya haram, maka orang yang seperti demikian itu makruh memenuhi undangannya. Maka jika dia tahu bahawa 'ain makanan itu haram haram memenuhi jemputannya. Jika tidak maka tidak, dan harus memenuhinya. Tidak wajib ia apabila ada syubhah pada hartanya. Kerana ini kata Zarkasyi : tidak wajib memenuhi undangan pada zaman kita ini. Intaha. Akan tetapi tidak dapat tidak bahawa kuat di atas sangkaannya bahawa ada syubhah pada harta pengundang itu.

وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ الدَّاعِي امْرَأَةً أجنبيَّةً وَليْسَ فِي مَوْضِعِ الدَّعْوَةِ مَحْرَمٌ لَهَا وَلَا لِلْمَدْعُوِّ ، وَإِنْ لَمْ يَخُلْ بِهَا . وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ الدَّاعِي ظَالِمًا أَوْ فَاسِقًا أَوْ شَرِيرًا أَوْ مُتَكَلِّفًا طَالِبًا لِلْمُبَاهَاةِ وَالفَخْرِ . قَالَه فِي الإِحْيَاءِ .

1830. Daripadanya bahawa pengundang itu bukan perempuan ajnabiah dan tidak ada pada tempat jemputan itu mahram baginya dan tidak bagi yang dijemput sekalipun dia tidak bersunyan dengannya. Daripadanya bahawa pengundang itu bukannya orang yang zalim atau fasik atau jahat perangai atau memberatkan dirinya kerana mencari kemegahan. Dia mengatakannya didalam lhya’.

وَمِنْهَا أَنْ يَكُونَ الْمَدْعُوُّ حُرًّا. فَلَوْ دَعَا عَبْدًا لَزِمْتَهُ إِنْ أَدِنَ لَهُ سَيِّدُهُ. وَكَذَا الْمَكَاتِبُ إِنْ لَمْ يَضُرَّ حُضُورَهُ بِكَسْبِهِ. فَإِنْ ضُرَّ وَأَدِنَ لَهُ سَيِّدُهُ فَوَجَّهَانَ، وَالْأَوْجَهُ عَدَمَ الْوُجُوبِ. وَالْمَحْجُورُ عَلَيْهِ فِي إِجَابَةِ الدَّعْوَى كَالرَّشِيدِ.

1831. Daripadanya bahawa yang diundang itu merdeka. Maka kalau dia mengundang hamba ia melaziminya jika penghulunya mengizinkannya. Begitu juga mukatab jika hadhirnya tidak memudharatkan usahanya. Maka jika ia memudharatkan dan penghulunya mengizinkannya maka dua wajah. Yang paling ada wajah tidak wajibnya. Orang yang dihijir pada memenuhi undangan sama seperti orang yang cerdas.

وَمِنْهَا أَنْ يَدْعُوَهُ فِي وَقْتِ الْوَلِيمَةِ وَقَدْ تَقَدَّمَ وَقْتُهَا. وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ الْمَدْعُوُّ قَاضِيًا. وَفِي مَعْنَاهُ كُلُّ ذِي وِلَايَةٍ عَامَّةٍ. وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ مَعْدُورًا بِمَرْخِصٍ فِي تَرْكِ الْجَمَاعَةِ. وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ هُنَاكَ مَنْ يَتَأَدَّى بِحُضُورِهِ أَوْ لَا يَلِيقُ بِهِ مُجَالَسَتُهُ كَالْأَرَادِلِ. وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ الْمَدْعُوُّ أَمْرَدٌ يُخَافُ مِنْ حُضُورِهِ رَيْبَةً أَوْ تُهْمَةً أَوْ قَالَةً.

1832. Daripadanya bahawa dia mengundangnya pada waktu walimah, telah lalu waktunya. Daripadanya bahawa yang diundang itu bukannya qadhi. Pada maknanya setiap orang yang punya kekuasaan umum. Daripadanya bahawa dia tidak diuzurkan dengan perkara yang merukhsahkan pada meninggalkan jamaah. Daripadanya bahawa tidak ada disana orang yang dia terganggu dengan hadhirnya atau tidak layak dia duduk semajlis dengannya seperti orang-orang yang lekeh. Daripadanya bahawa yang diundang itu bukannya amrud yang ditakuti kerana hadhirnya timbul tohmahan atau kata-kata yang tak baik.

وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ هُنَاكَ مُنْكَرٌ لَا يَزُولُ بِحُضُورِهِ كَشَرْبِ الْخَمْرِ وَالضَّرْبِ بِالْمَلَاهِي. فَإِنْ كَانَ يَزُولُ بِحُضُورِهِ وَجِبَ حُضُورُهُ لِلدَّعْوَةِ وَإِرَالَةَ الْمُنْكَرِ. وَمِنْ الْمُنْكَرِ فَرَشٌ غَيْرُ حَلَالٍ كَالْمَعْصُوبِ وَالْمَسْرُوقِ وَفَرَشٌ جُلُودِ النَّمُورِ وَفَرَشٌ الْحَرِيرِ لِلرِّجَالِ.

1833. Daripadanya bahawa tidak ada disana kemungkaran yang tidak hilang dengan kehadirannya seperti minum arak dan main alat-alat kelalaian. Maka jika ia hilang dengan kehadirannya wajib dia hadhir kerana dakwah dan menghilangkan mungkar. Daripada mungkar itu hamparan yang tidak halal seperti yang dirampas dan yang dicuri dan hamparan kulit harimau dan hamparan sutera bagi lelaki.

وَمِنْهَا أَنْ لَا يَكُونَ هُنَاكَ صُورَةٌ حَيَوَانٍ فِي غَيْرِ أَرْضٍ وَبَسَاطٍ وَمَحْدَّةٍ. وَالْمَرْأَةُ إِذَا دَعَتِ النِّسَاءَ فَكَمَا ذَكَرْنَا فِي الرِّجَالِ، قَالَهُ فِي الرُّوضَةِ.

1834. Daripadanya bahawa tidak ada disana gambar haiwan pada selain tanah dan hamparan dan bantal. Seorang perempuan apabila mengundang perempuan maka sepertimana kami sebutkan pada lelaki. Mengatakannya didalam Raudhah.

وَقِيَاسُ مَا مَرَّ عَنِ الْأَدْرَعِيِّ فِي الْأَمْرَدِ أَنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا خَافَتْ مِنْ حُضُورِهَا رَيْبَةً أَوْ تُهْمَةً أَوْ قَالَةً لَا تَجِبُ عَلَيْهَا الْإِجَابَةُ، وَإِنْ أَدِنَ الرَّوْجُ وَأَوْلَى خُصُوصًا فِي هَذَا الزَّمَانِ الَّذِي كَثُرَ فِيهِ اخْتِلَاطُ الْأَجَانِبِ مِنَ الرِّجَالِ وَالنِّسَاءِ فِي مِثْلِ ذَلِكَ مِنْ غَيْرِ مُبَالَأَةٍ بِكَشْفِ مَا هُوَ عَوْرَةٌ كَمَا هُوَ مَعْلُومٌ مُشَاهَدٌ. وَلَا بِنِ الْحَاجِّ الْمَالِكِيِّ

اعْتِنَاءَ زَائِدٍ بِالْكَالِمِ عَلَى مِثْلِ هَذَا وَأَشْبَاهِهِ بِاعْتِبَارِ زَمَانِهِ. فَكَيْفَ لَهُ بِزَمَانٍ حُرِقَ فِيهِ السِّيَاحُ وَزَادَ بَحْرُ
فَسَادِهِ وَهَاجَ.

1835. Kias apa yang telah lalu dari Azrai'e pada amrud bahawa seorang perempuan apabila takut tohmahan atau kata-kata yang tak baik kerana hadhirnya tidak wajib dia memenuhi jemputan, sekalipun suaminya izinkan, yang mana ia terutama, khususnya pada masa ini yang banyak padanya pergaulan lelaki-lelaki dan perempuan-perempuan ajnabi pada seumpama demikian itu tanpa peduli dengan terdedah apa yang ianya aurat sepertimana ianya dimaklumi lagi disaksikan. Bagi Ibnu al Haj al maliki pengamatan yang lebih di atas seumpama ini dengan iktibar zamannya. Maka bagaimana baginya dengan zaman yang diangkatkan rasa malu padanya dan bertambah besar lautan kerosakannya dan bergelora.

وَلَا تَسْقُطُ إِجَابَةُ بِصَوْمٍ. فَإِنْ شَقَّ عَلَى الدَّاعِي صَوْمٌ نَفَلٍ مِنَ الْمَدْعُوِّ فَالْفِطْرُ لَهُ أَفْضَلُ.

1836. Tidak gugur kewajiban memenuhi undangan dengan puasa. Maka jika menyulitkan pengundang puasa sunat dari yang diundang maka berbuka terafdhal baginya.

وَيَأْكُلُ الضَّيْفُ مِمَّا قُدِّمَ لَهُ بِلَا لَفْظٍ. وَلَا يَتَصَرَّفُ فِيهِ إِلَّا بِأَكْلِ. وَيَمْلِكُ الضَّيْفُ مَا التَّقَمَهُ بِوَضْعِهِ فِي فَمِهِ كَمَا
جَزَمَ بِهِ ابْنُ الْمُقْرِي. وَلِلضَّيْفِ أَخْذُ مَا يُعْلَمُ رِضًا الْمُضِيفِ بِهِ.

1837. Tetamu makan dari apa yang dihidangkan kepadanya tanpa lafaz. Tidak boleh dia tasarruf padanya melainkan dengan makan. Tetamu memiliki apa yang dia telan dengan meletakkannya didalam mulutnya sepertimana jazam Ibnu Muqri. Boleh tetamu mengambil apa yang dia tahu tuan rumah redha padanya.

وَيَحِلُّ نَثْرُ سَكَّرٍ وَغَيْرِهِ فِي الْإِمْلَاقِ، وَلَا يُكْرَهُ النَّثْرُ فِي الْأَصْحَاحِ وَيَحِلُّ التَّقَاطُءُ، وَلَكِنْ تَرَكَهُ أَوْلَى.

1838. Halal menaburkan gula-gula dan selainnya pada majlis akad nikah, dan tidak makruh menaburkannya pada yang paling sah. Halal memungutnya, tetapi meninggalkannya terutama.

وَيُسْنُ لِلضَّيْفِ وَإِنْ لَمْ يَأْكُلْ أَنْ يَدْعُوَ لِلْمُضِيفِ، وَأَنْ يَقُولَ الْمَالِكُ لِضَيْفِهِ وَبَعْضِهِ كَزَوْجَتِهِ وَوَالِدِهِ إِذَا رَفَعَ يَدَهُ
مِنَ الطَّعَامِ : كُلْ. وَيُكْرَهُ عَلَيْهِ مَا لَمْ يَتَحَقَّقْ أَنَّهُ اكْتَفَى مِنْهُ. وَلَا يَزِيدُ عَلَى ثَلَاثِ مَرَّاتٍ.

1839. Sunat bagi tetamu sekalipun dia tidak makan bahawa dia berdoa untuk tuan rumah yang menjamunya dan bahawa pemilik berkata kepada tetamunya dan selainnya seperti isteri dan anaknya apabila dia mengangkat tangannya dari makanan : makanlah. Dia mengulanginya selama mana dia tidak pasti bahawa dia cukup darinya. Tidak dia melebihi di atas tiga kali.

وَذُكِرَتْ فِي شَرْحِ الْمُنْهَاجِ وَغَيْرِهِ مَسَائِلُ مُهِمَّةٌ تَتَعَلَّقُ بِهَذَا الْفَصْلِ لَا بَأْسَ بِمُرَاجَعَتِهَا.

1840. Aku sebutkan didalam syarah Minhaj dan selainnya beberapa masaalah penting yang berkaitan dengan fasal ini, tidak salah merujuk kepadanya.

**+فَصْلٌ : فِي الْقَسْمِ وَالنُّشُورِ وَالْقَسْمُ بِفَتْحِ الْقَافِ وَسُكُونِ السِّينِ مَصْدَرُ قَسَمْتَ الشَّيْءَ وَأَمَّا بِالْكَسْرِ
فَالنَّصِيبُ وَالْقَسْمُ بِفَتْحِ الْقَافِ وَالسِّينِ الْيَمِينِ وَالنُّشُورُ هُوَ الْخُرُوجُ عَنِ الطَّاعَةِ.**

1841. Fasal pada "قسم" i.e giliran bermalam dan nusyuz. "قسم" dengan fathah qaf dan sukun sin masdhar "قسم". Adapun dengan kasrah maka habuan. "قسم" dengan fathah qaf dan sin sumpah. Nusyuz adalah keluar dari ketaatan.

وَيَجِبُ الْقِسْمُ لِزَوْجَتَيْنِ أَوْ زَوْجَاتٍ وَلَوْ كُنَّ إِمَاءً، فَلَا مَدْخَلَ لِإِمَاءٍ غَيْرِ زَوْجَاتٍ فِيهِ وَإِنْ كُنَّ مُسْتَوْلَدَاتٍ. قَالَ تَعَالَى: { فَإِنْ خِفْتُمْ أَنْ لَا تَعْدِلُوا فَوَاحِدَةً أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ }.

1842. Wajib gilir bagi dua isteri atau berapa isteri walaupun mereka itu amah. Maka tidak masuk padanya amah yang bukannya isteri sekalipun mereka itu mustauladah. Firman Allah taala "maka jika kamu takutkan tidak berlaku adil maka seorang atau apa yang tangan-tangan kanan kamu miliki".

وَقَدْ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الْأَوَّلِ، وَهُوَ الْقِسْمُ بِقَوْلِهِ: (وَالتَّسْوِيَةُ فِي الْقِسْمِ) فِي الْمَبِيتِ (بَيْنَ) الزَّوْجَتَيْنِ وَ (الزَّوْجَاتِ) الْحَرَائِرِ (وَاجِبَةٌ) عَلَى الزَّوْجِ ، وَلَوْ قَامَ بِهِمَا أَوْ بِهِنَّ عَذْرٌ كَمَرَضٍ وَحَيْضٍ وَرَثَقٍ وَقَرْنٍ وَإِحْرَامٍ، لِأَنَّ الْمُفْصُودَ الْأَنْسُ لَا الْوَطْءَ. وَلَا تَجِبُ التَّسْوِيَةُ بَيْنَهُمْ أَوْ بَيْنَهُنَّ فِي التَّمَتُّعِ بِوَطْءٍ وَغَيْرِهِ، لَكِنَّهَا تُسَنُّ.

1843. Sungguhnya dia masuk pada bahagian pertama iaitu giliran dengan katanya (**buat sama pada giliran**) pada bermalam (**di antara**) dua isteri dan (**isteri-isteri**) yang merdeka itu (**wajib**) di atas suami, walaupun berdiri uzur pada mereka itu seperti sakit dan haid dan tersumbat faraj dengan tulang atau daging dan ihram, kerana tujuannya adalah jinak hati bukan setubuh. Tidak wajib menyamakan di antara mereka itu pada tamattu' dan selainnya, akan tetapi ianya sunat.

وَخَرَجَ بِقَوْلِنَا: " الْحَرَائِرِ " مَا لَوْ كَانَ تَحْتَهُ حُرَّةٌ وَأَمَةٌ، فَلِلْحُرَّةِ لَيْلَتَانِ وَلِلْأَمَةِ لَيْلَةٌ، لِحَدِيثٍ فِيهِ مُرْسَلٌ.

1844. Keluar dengan kata kita "yang merdeka" oleh keadaan kalau ada dibawahnya seorang isteri merdeka dan seorang amah, maka bagi yang merdeka itu dua malam dan bagi amah itu satu malam, kerana hadith mursal padanya.

وَإِذَا قَامَ بِالزَّوْجَةِ نُشُورٌ وَإِنْ لَمْ يَحْصُلْ بِهِ إِثْمٌ كَمَجْنُونَةٍ بَأَنَّ خَرَجَتْ عَنْ طَاعَةِ زَوْجِهَا كَأَنَّ خَرَجَتْ مِنْ مَسْكَنِهِ بِغَيْرِ إِذْنِهِ أَوْ لَمْ تَفْتَحْ لَهُ الْبَابَ لِيَدْخُلَ أَوْ لَمْ تُكِنَّهُ مِنْ نَفْسِهَا لَا تَسْتَحِقُّ قِسْمًا، كَمَا لَا تَسْتَحِقُّ نَفَقَةً.

1845. Apabila berdiri nusyuz pada isteri sekalipun tidak terhasil dosa dengannya dengan bahawa dia keluar dari mentaati suaminya seperti dia keluar dari tempat tinggalnya tanpa izin suaminya atau tidak membuka pintu baginya untuk dia masuk atau tidak membenarkan suaminya pada dirinya tidak dia berhakkan gilir sepertimana dia tidak berhakkan nafkah.

وَاللِّزَّوْجِ إِعْرَاضٌ عَنْ زَوْجَاتِهِ بِأَنَّ لَا يَبِيتُ عِنْدَهُنَّ لِأَنَّ الْمَبِيتَ حَقُّهُ فَلَهُ تَرْكُهُ. وَيُسَنُّ أَنْ لَا يُعْطِلَهُنَّ بِأَنَّ يَبِيتَ عِنْدَهُنَّ وَيُحْصِنَهُنَّ، كَوَاحِدَةٍ لَيْسَ تَحْتَهُ غَيْرُهَا فَلَهُ الْإِعْرَاضُ عَنْهَا. وَيُسَنُّ أَنْ لَا يُعْطِلَهَا وَأَدْنَى دَرَجَاتِهَا أَنْ لَا يُخْلِيَهَا كُلَّ أَرْبَعِ لَيَالٍ عَنْ لَيْلَةٍ اعْتِبَارًا بِمَنْ لَهُ أَرْبَعُ زَوْجَاتٍ،

1846. Boleh suami berpaling dari isteri-isterinya dengan bahawa dia tidak bermalam di sisi mereka kerana bermalam itu haknya maka boleh dia meninggalkannya. Sunat dia tidak mengabaikan mereka dengan bahawa dia bermalam di sisi mereka dan membaikkan nafsu mereka, sama seperti seorang isteri yang tidak ada selain dia dibawahnya, maka boleh dia berpaling darinya. Sunat bahawa dia tidak mengabaikannya. Sekurang-kurang darjatnya bahawa dia tidak meninggalkannya pada setiap empat malam dari satu malam, kerana mengiktibarkan empat isteri.

وَالْأُولَى أَنْ يَدُورَ عَلَيْهِنَّ بِمَسْكَنِهِنَّ. وَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَدْعُوهُنَّ لِمَسْكَنِ إِحْدَاهُنَّ إِلَّا بِرِضَاهُنَّ وَلَا أَنْ يَجْمَعَهُنَّ بِمَسْكَنِ إِلَّا بِرِضَاهُنَّ وَلَا أَنْ يَدْعُوَ بَعْضًا لِمَسْكَنِهِ وَيَمْضِيَ لِبَعْضٍ آخَرَ لِمَا فِيهِ مِنَ التَّخْصِيصِ الْمُوحِشِ، إِلَّا بِرِضَاهُنَّ أَوْ بِفِرْعَةٍ أَوْ غَرَضٍ كَقُرْبِ مَسْكَنِ مَنْ يَمْضِي إِلَيْهَا دُونَ الْآخَرَى.

1847. Yang terutama bahawa dia berlegar di atas mereka pada tempat tinggal mereka. Tidak boleh dia memanggil mereka kepada tempat tinggal seorang dari mereka melainkan dengan redha mereka, dan tidak menghimpunkan mereka pada satu tempat tinggal melainkan dengan redha mereka, dan tidak memanggil sebahagian ketempat tinggalnya dan pergi kepada sebahagian yang lain kerana apa yang sabit padanya daripada pengkhususan yang meliarkan hati, melainkan dengan redha mereka atau dengan undi atau tujuan seperti dekat tempat tinggal isteri yang dia pergi kepadanya, tidak yang lain.

وَالأَصْلُ فِي الْقِسْمِ لِمَنْ عَمَلَهُ نَهَارًا اللَّيْلُ، لِأَنَّهُ وَقْتُ السُّكُونِ وَالنَّهَارُ قَبْلَهُ أَوْ بَعْدَهُ تَبَعٌ لِأَنَّهُ وَقْتُ الْمَعَاشِ . قَالَ تَعَالَى : { هُوَ الَّذِي جَعَلَ لَكُمُ اللَّيْلَ لِتَسْكُنُوا فِيهِ وَالنَّهَارَ مُبْصِرًا } . وَالأَصْلُ فِي الْقِسْمِ لِمَنْ عَمَلَهُ لَيْلًا كَحَارِسِ النَّهَارِ لِأَنَّهُ وَقْتُ سُكُونِهِ وَاللَّيْلُ تَبَعٌ، لِأَنَّهُ وَقْتُ مَعَاشِهِ . فَلَوْ كَانَ يَعْمَلُ تَارَةً بِالنَّهَارِ وَتَارَةً بِاللَّيْلِ لَمْ يَجْزُ أَنْ يَفْسِمَ لِوَاحِدَةٍ لَيْلَةً تَابِعَةً وَنَهَارًا مَتَّبِعًا وَالْآخَرَى عَكْسَهُ .

1848. Asal pada giliran bagi orang yang kerjanya siang adalah malam kerana ia waktu rehat dan siang sebelumnya atau selepasnya adalah pengikut, kerana ia waktu mencari kehidupan. Firman Allah taala “Dialah yang menjadikan malam bagi kamu untuk kamu berehat padanya dan siang terang untuk bekerja”. Dan asal pada giliran bagi orang yang kerjanya malam seperti jaga adalah siang kerana ia waktu rehatnya dan malam pengikut, kerana ia waktu mencari kehidupannya. Maka kalau dia bekerja sekali siang dan sekali malam tidak harus dia menggilir bagi seorang isteri malam sebagai pengikut dan siang sebagai yang diikuti dan bagi seorang lain ‘akasnya.

(وَ) مَنْ عَمَدَ قَسَمِهِ اللَّيْلُ (لَا يَدْخُلُ) نَهَارًا (عَلَى غَيْرِ الْمُقْسُومِ لَهَا لِغَيْرِ حَاجَةٍ) لِتَحْرِيمِهِ حِينَئِذٍ لِمَا فِيهِ مِنْ إِبْطَالِ حَقِّ صَاحِبَةِ النَّوْبَةِ . فَإِنْ فَعَلَ وَطَالَ مُكْتَنُهُ لَزِمَهُ لِصَاحِبَةِ النَّوْبَةِ الْقَضَاءُ بِقَدْرِ ذَلِكَ مِنْ نَوْبَةٍ الْمَدْخُولِ عَلَيْهَا . أَمَّا دُخُولُهُ لِحَاجَةٍ كَوَضْعِ مَتَاعٍ أَوْ أَخْذِهِ أَوْ تَسْلِيمِ نَفَقَةٍ أَوْ تَعْرِيفِ خَيْرٍ فَجَائِزٌ لِحَدِيثِ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهَا : { كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَطُوفُ عَلَيْنَا جَمِيعًا فَيَدْنُو مِنْ كُلِّ امْرَأَةٍ مِنْ غَيْرِ مَسِيْسٍ أَيْ وَطْءٍ حَتَّى يَبْلُغَ إِلَيَّ الَّتِي هُوَ يَوْمَهَا فَيَبِيتُ عِنْدَهَا } . وَلَا يَفْضِي إِذَا دَخَلَ لِحَاجَةٍ وَإِنْ طَالَ الزَّمَنُ، لِأَنَّ النَّهَارَ تَابِعٌ مَعَ وُجُودِ الْحَاجَةِ . وَلَهُ مَا سِوَى وَطْءٍ مِنْ اسْتِمْتَاعٍ لِلْحَدِيثِ السَّابِقِ .

1849. Orang yang atas gilirannya malam (tidak masuk) pada sianginya (ke atas selain orang yang digilirkan tanpa hajat) kerana haramnya ketika itu kerana ia membatalkan hak pemilik giliran itu. Maka jika dia buat dan lama diamnya lazim dia mengkadha bagi tuan giliran itu dengan kadar demikian itu dari giliran orang yang dia masuk ke atasnya. Adapun masuknya kerana hajat seperti meletakkan barang atau mengambilnya atau menyerahkan nafkah atau mendapatkan khabar maka harus kerana hadith Aisyah r.a “adalah rasulullah s.a.w.m berlegar di atas kami semua maka dia menghampiri setiap isterinya tanpa setubuh hingga dia sampai kepada isteri yang dia berada pada sianginya maka dia bermalam di sisinya”. Tidak dia kadha apabila dia masuk kerana hajat sekalipun lama masanya, kerana siang adalah pengikut serta ujud hajat. Boleh dia lakukan apa yang selain istimewa kerana hadith yang lalu itu.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ النَّهَارِ اللَّيْلُ فَيَحْرُمُ عَلَيْهِ وَلَوْ لِحَاجَةٍ عَلَى الصَّحِيحِ لِمَا فِيهِ مِنْ إِبْطَالِ حَقِّ ذَاتِ النَّوْبَةِ ، إِلَّا ، لِضَرُورَةٍ كَمَرَضِهَا أَمْخُوفٍ وَشِدَّةِ الطَّلُقِ وَخَوْفِ النَّهْبِ وَالْحَرِيقِ .

1850. Keluar dengan kait siang oleh malam maka haram ia di atasnya walaupun kerana hajat di atas yang sah kerana apa yang sabit padanya daripada membatalkan hak isteri yang punya giliran, melainkan kerana dharurat seperti isteri itu sakit dengan sakit yang ditakuti dan kuat sakit melahirkan anak dan takutkan perompak dan kebakaran.

ثُمَّ إِنْ طَالَ مُكْنُهُ عُرْفًا فَضَى مِنْ نَوْبَةِ الْمَدْخُولِ عَلَيْهَا مِثْلَ مُكْنِهِ، لِأَنَّ حَقَّ الْأَدَمِيِّ لَا يَسْقُطُ بِالْعُدْرِ، فَإِنْ لَمْ يَطُلْ مُكْنُهُ لَمْ يَفْضُ لِقَاتِهِ، وَيَأْتُمْ مَنْ تَعَدَّى بِالْمَدْخُولِ وَإِنْ لَمْ يَطُلْ مُكْنُهُ.

1851. Kemudian jika lama diamnya pada 'uruf dia mengkadha dari giliran orang yang dia masuk ke atasnya seumpama diamnya itu kerana hak anak adam tidak gugur dengan uzur. Maka jika tidak lama diamnya dia tidak mengkadha kerana sedikitnya. Berdosa orang yang melampau dengan masuknya sekalipun tidak lama diamnya.

وَلَوْ جَامَعَ مَنْ دَخَلَ عَلَيْهَا فِي نَوْبَةٍ غَيْرِهَا عَصَى وَإِنْ قَصَرَ الزَّمَنُ وَكَانَ لِضْرُورَةٍ . قَالَ الْإِمَامُ : وَاللَّائِقُ بِالتَّحْقِيقِ الْقَطْعُ بِأَنَّ الْجَمَاعَ يُوصَفُ بِالتَّحْرِيمِ وَيُصْرَفُ التَّحْرِيمُ إِلَى إِيقَاعِ الْمُعْصِيَةِ لَا إِلَى مَا وَقَعَتْ بِهِ الْمُعْصِيَةُ . وَحَاصِلُهُ أَنَّ تَحْرِيمَ الْجَمَاعِ لَا لِعَيْنِهِ، بَلْ لِأَمْرِ خَارِجٍ.

1852. Kalau orang yang masuk ke atas seorang isteri pada giliran isteri yang lain melakukan jimak dia maksiat, sekalipun singkat masanya dan adalah masuknya itu kerana dharurat. Kata al Imam : yang layak dengan yang yang tahkik adalah putus dengan bahawa jimak itu disifatkan dengan haram dan dipalingkan haram itu kepada menjatuhkan maksiat tidak kepada apa yang jatuh maksiat dengannya. Hasilnya bahawa pengharaman jimak itu bukan kerana 'ainnya, bahkan kerana perkara luaran.

وَيَقْضِي الْمُدَّةَ دُونَ الْجَمَاعِ، لَا إِنْ قَصُرَتْ. وَمَحَلُّ وَجُوبِ الْقَضَاءِ مَا إِذَا بَقِيََتْ الْمُظْلُومَةُ فِي نِكَاحِهِ. فَلَوْ مَاتَتْ الْمُظْلُومَةُ بِسَبَبِهَا فَلَا قَضَاءَ لِحُلُوصِ الْحَقِّ لِلْبَاقِيَاتِ. وَلَوْ فَارَقَ الْمُظْلُومَةَ تَعَدَّرَ الْقَضَاءُ.

1853. Dia mengkadha tempoh itu tidak jimaknya, tidak jika ianya singkat. Tempat wajib kadha itu apabila kekal isteri yang dizalimi itu didalam nikahnya. Maka kalau yang dizalimi itu mati maka tidak ada kadha kerana murni hak itu bagi isteri-isteri yang tinggal lagi. Kalau dia menceraikan yang dizalimi itu teruzur mengkadhanya.

أَمَّا مَنْ عَمَادُ قَسَمِهِ النَّهَارُ فَلَيْلُهُ كَنَهَارِ غَيْرِهِ وَنَهَارُهُ كَلَيْلِ غَيْرِهِ فِي جَمِيعِ مَا تَقَدَّمَ.

1854. Adapun orang yang asas gilirannya siang maka malamnya seperti siang orang lain dan siangnya seperti malam orang lain pada semua apa yang telah lalu.

هَذَا كُلُّهُ فِي الْمُقِيمِ . أَمَّا الْمُسَافِرُ فَعَمَادُ قَسَمِهِ وَقْتُ نُزُولِهِ ، لَيْلًا كَانَ أَوْ نَهَارًا قَلِيلًا كَانَ أَوْ كَثِيرًا . قَالَ فِي الرُّوضَةِ .

1855. Ini semuanya pada orang yang bermukim, adapun musafir maka asas gilirannya adalah waktu berhenti singgahnya, malam atau siang, sedikit atau banyak. Dia mengatakannya didalam Raudhah.

تَنْبِيهٌ : أَقَلُّ نَوْبِ الْقَسَمِ لِمُقِيمٍ عَمَلُهُ نَهَارًا لَيْلَةً . وَلَا يَجُوزُ تَبْعِيضُهَا لِمَا فِيهِ مِنْ تَشْوِيشِ الْعَيْشِ وَعَسْرِ ضَبْطِ أَجْزَاءِ اللَّيْلِ، وَلَا بِلَيْلَةٍ وَبَعْضِ أُخْرَى . وَأَمَّا { طَوَافُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى نِسَائِهِ فِي لَيْلَةٍ وَاحِدَةٍ } فَمَحْمُولٌ عَلَى رِضَاهُنَّ . أَمَّا الْمُسَافِرُ فَقَدْ مَرَّ حُكْمُهُ .

1856. Tanbih. Sekurang-kurang pusigan giliran bagi orang yang bermukim yang kerjanya siang adalah satu malam. Tidak harus mensetengahkannya kerana padanya mencelarukan kehidupan dan payah mendhabit jujuk-jujuk malam itu, dan tidak dengan satu malam dan sebahagian malam yang lain. Adapun berkeliling nabi s.a.w.m di atas isteri-isterinya pada sat malam” maka ditanggungkan ia di atas redha mereka itu. Adapun musafir maka telah lalu hukumnya.

وَأَمَّا مَنْ عَمَادُ قَسَمِهِ النَّهَارُ كَالْحَارِسِ فَظَاهِرُ كَلَامِهِ أَنَّهُ لَا يَجُوزُ لَهُ تَبْعِيضُهُ كَتَبْعِيضِ اللَّيْلِ مِمَّنْ يَقْسِمُ لَيْلًا وَهُوَ الظَّاهِرُ. وَيَحْتَمَلُ أَنَّهُ يَجُوزُ لِسَهْوَةِ الضَّبْطِ.

1857. Adapun orang yang asas gilirannya siang seperti penjaga maka zahir kalamnya bahawa tidak harus dia menyetengahkannya seperti menyetengahkannya malam dari orang yang gilirannya malam, yang mana ia yang zahir. Dihtimalkan bahawa ianya harus kerana mudah dhabitnya.

وَالِإِفْتِصَارُ عَلَى النَّيْلَةِ أَفْضَلُ مِنَ الزِّيَادَةِ عَلَيْهَا ائْتِدَاءً بِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَلِيَقْرَبَ عَهْدُهُ بِهِنَّ، وَيَجُوزُ لَيْلَتَيْنِ وَثَلَاثًا بِغَيْرِ رِضَاهُنَّ، وَلَا تَجُوزُ الزِّيَادَةُ عَلَيْهَا بِغَيْرِ رِضَاهُنَّ وَإِنْ تَفَرَّقْنَ فِي الْبِلَادِ لَيْلًا يُؤَدِّي إِلَى الْمُهَاجِرَةِ وَالْإِيْحَاشِ لِلْبَاقِيَاتِ بِطُولِ الْمَقَامِ عِنْدَ الضَّرَّةِ، وَقَدْ يَمُوتُ فِي الْمُدَّةِ الطَّوِيلَةِ فَيَفُوتَ حَقُّهُنَّ.

1858. Menghadkan di atas satu malam terafdhal dari lebih di atasnya kerana mengikut nabi s.a.w.m, dan supaya dekat masa dia dengan mereka itu. Harus dua dan tiga malam tanpa redha mereka itu. Tidak harus lebih di atasnya tanpa redha mereka sekalipun mereka terpisah-pisah pada beberapa tempat tinggal supaya ia tidak membawa kepada meninggalkan dan meliarkan hati isteri-isteri yang tinggal lagi dengan sebab lama diam di sisi madunya. Dan terkadang dia mati didalam tempoh yang panjang maka luput hak mereka.

وَتَجِبُ الْقُرْعَةُ لِلْإِبْتِدَاءِ بِوَاحِدَةٍ مِنْهُنَّ عِنْدَ عَدَمِ رِضَاهُنَّ تَحَرُّرًا عَنِ التَّرْجِيحِ مَعَ اسْتِوَائِهِنَّ فِي الْحَقِّ . فَيُبْدَأُ بِمَنْ حَرَجَتْ فُرْعَتُهَا. فَإِذَا مَضَتْ نُوبَتُهَا أَفْرَعُ بَيْنَ الْبَاقِيَاتِ، ثُمَّ بَيْنَ الْأَخِيرَتَيْنِ. فَإِذَا تَمَّتِ النُّوبَةُ رَاعَى التَّرْتِيبَ. وَلَا حَاجَةَ إِلَى إِعَادَةِ الْقُرْعَةِ. بِخِلَافِ مَا لَوْ بَدَأَ بِأَلَا قُرْعَةٍ فَإِنَّهُ يَفْرَعُ بَيْنَ الْبَاقِيَاتِ. فَإِذَا تَمَّتِ النُّوبَةُ أَفْرَعُ لِلْإِبْتِدَاءِ.

1859. Wajib undi untuk mula dengan seorang dari mereka di sisi tidak ujud redha mereka kerana mengelakkan dari memberatkan serta sama mereka itu pada hak ini. Maka dia mula dengan orang yang keluar undiannya. Maka apabila berlalu gilirannya diundi di antara yang tinggal lagi, kemudian di antara dua yang akhir. Maka apabila sempurna pusingan itu dia memelihara aturannya. Tidak ada hajat kepada ulang undian, bersalahan kalau dia mula tanpa undian, maka dia mengundi di antara yang tinggal lagi, maka apabila sempurna pusingan itu dia mengundi untuk mula.

(وَإِذَا أَرَادَ) الرُّوجُ (السَّفَرُ) لِنَقْلِهِ وَلَوْ سَفَرًا قَصِيرًا حَرَمَ عَلَيْهِ أَنْ يَسْتَصْحِبَ بَعْضُهُنَّ دُونَ بَعْضٍ وَلَوْ بِقُرْعَةٍ. فَإِنْ سَافَرَ بِبَعْضِهِنَّ وَلَوْ بِقُرْعَةٍ قَضَى لِلْمُتَخَلِّفَاتِ. وَلَوْ نَقَلَ بَعْضُهُنَّ بِنَفْسِهِ وَبَعْضُهُنَّ بِوَكِيلِهِ قَضَى لِمَنْ مَعَ الْوَكِيلِ.

1860. (Apabila) suami (hendak bermusafir) untuk berpindah walaupun safar yang pendek haram dia membawa bersamanya sebahagian mereka tidak sebahagian yang lain walaupun dengan undian. Maka jika dia bermusafir dengan sebahagian mereka walaupun dengan undian dia mengkadha bagi yang tak turut serta. Kalau sebahagian mereka berpindah dengan dirinya dan sebahagian mereka dengan wakilnya dia mengkadha bagi orang yang bersama wakilnya.

وَلَا يَجُوزُ أَنْ يَتْرُكَهُنَّ ، بَلْ يَنْقُلَهُنَّ أَوْ يُطَلِّقَهُنَّ لِمَا فِي ذَلِكَ مِنْ قَطْعِ أَطْمَاعِهِنَّ مِنَ الْوِقَاعِ، فَأَشْبَهَ الْإِيْلَاءَ، بِخِلَافِ مَا لَوْ أَمْتَنَعَ مِنَ الدُّخُولِ إِلَيْهِنَّ وَهُوَ حَاضِرٌ، لِأَنَّهُ لَا يَنْقَطِعُ رَجَاؤُهُنَّ.

1861. Tidak harus dia meninggalkan mereka, bahkan memindahkan mereka atau mentalakkan mereka kerana demikian itu memutuskan rasa tamak mereka dari setubuh, maka ia menyerupai ıla', bersalahan keadaan kalau dia enggan menyetubuhi mereka walhal dia hadir, kerana ia tidak memutuskan harapan mereka.

وَفِي بَاقِي الْأَسْفَارِ الطَّوِيلَةِ أَوْ الْقَصِيرَةِ الْمُبَاحَةِ إِذَا أَرَادَ اسْتِصْحَابَ بَعْضِهِنَّ (أَفْرَعَ بَيْنَهُنَّ) وَجُوبًا كَمَا أَفْتَضَاهُ إِبْرَادُ الرُّوَضَةِ وَأَصْلُهَا عِنْدَ تَنَازُعِهِنَّ.

1862. Pada baki safar-safar yang panjang atau pendek yang mubah apabila dia hendak membawa sekali sebahagian mereka (**dia mengundi di antara mereka**) di atas jalan wajib sepertimana dituntut kalam* Raudhah dan asalnya, di sisi mereka berebut.

(وَخَرَجَ بِالنِّسَاءِ تَخْرُجُ عَلَيْهَا) سَهْمٌ (الْفُرْعَةُ) لِمَا رَوَى الشَّيْخَانُ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { كَانَ إِذَا أَرَادَ سَفْرًا أَفْرَعُ بَيْنَ نِسَائِهِ فَأَيُّنَهُنَّ خَرَجَ سَهْمُهَا خَرَجَ بِهَا مَعَهُ } ، وَسَوَاءٌ كَانَ ذَلِكَ فِي يَوْمِهَا أَمْ فِي يَوْمٍ غَيْرِهَا . وَإِذَا خَرَجَتْ الْفُرْعَةُ لِصَاحِبَةِ النَّوْبَةِ لَا تَدْخُلُ نَوْبَتُهَا فِي مَدَّةِ السَّفَرِ ، بَلْ إِذَا رَجَعُ وَفِي لَهَا نَوْبَتُهَا . وَإِذَا خَرَجَتْ الْفُرْعَةُ لِوَاحِدَةٍ فَلَيْسَ لَهُ الْخُرُوجُ بِغَيْرِهَا ، وَلَهُ تَرْكُهَا .

1863. (**Dia keluar dengan isteri yang keluar**) saham (**undian itu di atasnya**) kerana apa yang dua syeikh riwayatkan bahawa nabi s.a.w.m “adalah dia apabila hendak bermusafir mengundi di antara isteri-isterinya maka siapa yang daripada mereka itu keluar sahamnya dia keluar dengannya bersamanya”, samaada demikian itu pada harinya atau pada hari selainnya. Apabila keluar undian pemilik giliran tidak masuk gilirannya pada tempoh safar itu, bahkan apabila dia kembali dia mencukupkan baginya gilirannya. Apabila keluar undian bagi seorang maka tidak boleh dia keluar dengan selainnya. Boleh dia meninggalkannya.

وَلَوْ سَافَرَ بِوَاحِدَةٍ أَوْ أَكْثَرَ مِنْ غَيْرِ فُرْعَةٍ عَصَى وَفَضَى . فَإِنْ رَضِيَ بِوَاحِدَةٍ جَازَ بِلَا فُرْعَةٍ وَسَقَطَ الْقَضَاءُ . وَلَهُنَّ الرُّجُوعُ قَبْلَ سَفَرِهَا . قَالَ الْمَاوَرِدِيُّ : وَكَذَا بَعْدَهُ مَا لَمْ يُجَاوِزْ مَسَافَةَ الْقَصْرِ أَيَّ يَصِلُ إِلَيْهَا .

1864. Kalau dia bermusafir dengan seorang atau lebih tanpa undian dia maksiat dan mengkadha. Maka jika mereka redha dengan seorang harus ia tanpa undian dan gugur kadha. Boleh mereka merujuk sebelum safarnya. Kata Mawardi : begitu juga selepasnya selama dia tidak melampaui jarak qasar, iaitu sampai kepadanya.

وَإِذَا سَافَرَ بِالْفُرْعَةِ لَا يَقْضَى لِلزَّوْجَاتِ الْمُتَخَلِّفَاتِ مَدَّةَ سَفَرِهِ ، لِأَنَّهُ لَمْ يَتَعَدَّ . وَالْمَعْنَى فِيهِ أَنَّ الْمُسْتِصْحَبَةَ وَإِنْ فَازَتْ بِصُحْبَتِهِ فَقَدْ لَحِقَهَا مِنْ تَعَبِ السَّفَرِ وَمَشَقَّتِهِ مَا يُقَابِلُ ذَلِكَ ، وَالْمُتَخَلِّفَةُ وَإِنْ فَاتَهَا حَظُّهَا مِنَ الزَّوْجِ فَقَدْ تَرَفَّهَتْ بِالرَّاحَةِ وَالْإِقَامَةِ ، فَتَقَابِلُ الْأَمْرَانَ فَاسْتَوِيَا .

1865. Apabila dia bermusafir dengan undian tidak dia kadha bagi isteri-isteri yang tinggal pada tempoh safarnya kerana dia tidak melampaui had. Hikmah padanya bahawa isteri yang dibawa bersama sekalipun dia dapat bersamanya maka sesungguhnya menghubunginya dari keletihan safar dan kepayahannya apa yang membetuli demikian itu, sementara yang tinggal sekalipun luput darinya habuannya dari si suami maka sesungguhnya dia bersenang-senang dengan rehat dan bermukim, maka disetentangkan dua perkara ini maka keduanya sama.

وَخَرَجَ بِالْأَسْفَارِ الْمُبَاحَةِ غَيْرِهَا . فَلَيْسَ لَهُ أَنْ يَسْتِصْحَبَ فِيهَا بَعْضَهُنَّ بِفُرْعَةٍ وَلَا بِغَيْرِهَا . فَإِنْ فَعَلَ عَصَى وَلَزِمَهُ الْقَضَاءُ لِلْمُتَخَلِّفَاتِ . وَخَرَجَ بِالزَّوْجَاتِ الْأِمَاءِ فَلَهُ أَنْ يَسْتِصْحَبَ بَعْضَهُمْ بِغَيْرِ فُرْعَةٍ .

1866. Keluar dengan safar-safar yang mubah oleh selainnya. Maka tidak boleh dia membawa bersama sebahagian mereka padanya dengan undi dan tidak dengan tanpanya. Maka jika dia buat dia maksiat dan lazimi dia mengkadha bagi yang tinggal. Keluar dengan isteri-isteri oleh amah maka boleh dia membawa bersama sebahagian mereka tanpa undi.

فَإِنْ وَصَلَ الْمُقْصِدَ وَصَارَ مُقِيمًا قَضَى مُدَّةَ الْإِقَامَةِ لِخُرُوجِهِ عَنِ حُكْمِ السَّفَرِ. هَذَا إِنْ سَاكَنَ الْمَصْحُوبَةَ. أَمَّا إِذَا اعْتَزَلَهَا مُدَّةَ الْإِقَامَةِ فَلَا يَقْضِي كَمَا جَزَمَ بِهِ فِي الْحَاوِي. وَلَا يَقْضِي مُدَّةَ الرَّجُوعِ كَمَا لَا يَقْضِي مُدَّةَ الذَّهَابِ.

1867. Maka jika dia sampai ketempat tujuan dan bermukim dia mengkadha tempoh bermukim itu kerana keluarnya dari hukum musafir. Ini jika dia duduk sekali dengan isteri yang dia bawa bersama. Adapun apabila dia mengasingkannya dalam tempoh bermukim itu maka dia tidak mengkadha sepertimana dijazamkan didalam al Hawi. Tidak dia mengkadha tempoh kembali sepertimana dia tidak mengkadha tempoh pergi.

تَنْبِيْهٌ : مَنْ وَهَبَتْ مِنَ الزَّوْجَاتِ حَقَّهَا مِنَ الْقَسَمِ لِغَيْرِهَا لَمْ يَلْزَمْ الزَّوْجَ الرَّضَا بِذَلِكَ، لِأَنَّهَا لَا تَمْلِكُ إِسْقَاطَ حَقِّهِ مِنَ الْإِسْتِمْتَاعِ. فَإِنْ رَضِيَ بِالْهَبَةِ وَوَهَبَتْ لِمَعِيْنَةٍ مِنْهُنَّ بَاتَ عِنْدَهَا لَيْلَتَيْهِمَا كَمَا فَعَلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَمَّا وَهَبَتْ سُودَةَ نَوْبَتَهَا لِعَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُمَا. وَإِنْ وَهَبَتْ لِلزَّوْجِ فَقَطَّ كَانَ لَهُ التَّخْصِيصُ لِوَاحِدَةٍ فَأَكْثَرَ، لِأَنَّهَا جَعَلَتْ الْحَقَّ لَهُ فَيَضَعُهُ حَيْثُ شَاءَ . وَلَوْ وَهَبَتْ لَهُ وَلِبَعْضِ الزَّوْجَاتِ أَوْ لَهُ وَلِلْجَمِيعِ قَسَمَ ذَلِكَ عَلَى الرُّءُوسِ، كَمَا بَحَثَهُ بَعْضُ الْمُتَأَخِّرِينَ.

1868. Tanbih. Isteri yang menghibahkan hak gilirannya kepada isteri yang lain tidak lazim suami redha dengan demikian itu kerana dia tidak berhak menggugurkan hak suami daripada istimta'. Maka jika dia redha dengan hibah itu dan isteri itu menghibahkan kepada isteri yang tertentu daripada mereka, dia bermalam di sisinya pada dua malam bagi kedua mereka sepertimana nabi s.a.w.m buat tatkala Saudah menghibahkan gilirannya kepada Aisyah r.anhuma. Jika dia menghibahkan kepada suami sahaja boleh suami itu mengkhususkan bagi seorang atau lebih, kerana dia menjadikan hak itu baginya maka boleh dia meletakkannya dimana-mana dia hendak. Kalau dia menghibahkan kepadanya dan kepada sebahagian isteri-isteri yang lain atau kepadanya dan kepada semua mereka dia membahagi-bahagikan demikian itu di atas kepala-kepala sepertimana dibahaskan sebahagian ulamak mutakhir.

وَلَا يَجُوزُ لِلْوَاهِبَةِ أَنْ تَأْخُذَ عَلَى الْمَسَامَحَةِ بِحَقِّهَا عَوْضًا لَا مِنَ الزَّوْجِ وَلَا مِنَ الضَّرَائِرِ، لِأَنَّهُ لَيْسَ بِعَيْنٍ وَلَا مَنَفَعَةٍ، لِأَنَّ مَقَامَ الزَّوْجِ عِنْدَهَا لَيْسَ بِمَنْفَعَةٍ مَلَكَتْهَا عَلَيْهِ.

1869. Tidak harus bagi isteri yang menghibahkan itu mengambil bayaran di atas tolak ansurnya, tidak dari suami dan tidak dari madhu-madhunya kerana ia bukannya 'ain dan bukan manfaat kerana menetap suami di sisinya bukanlah manfaat yang dia miliki di atas suaminya itu.

وَقَدْ اسْتَنْبَطَ السُّبُكِيُّ مِنْ هَذِهِ الْمَسْأَلَةِ وَمِنْ خُلْعِ الْأَجْنَبِيِّ جَوَازَ النَّزُولِ عَنِ الْوِطَائِفِ . وَالَّذِي اسْتَفَرَّ عَلَيْهِ رَأْيُهُ أَنْ أَخَذَ الْعَوْضَ بِهِ جَائِزٌ وَأَخَذَهُ حَلَالٌ لِإِسْقَاطِ الْحَقِّ لَا لِتَعَلُّقِ حَقِّ الْمَنْزُولِ لَهُ بَلْ يَبْقَى الْأَمْرُ فِي ذَلِكَ إِلَى نَظَرِ الْوَظِيْفَةِ يَفْعَلُ مَا فِيهِ الْمَصْلَحَةُ شَرْعًا، وَبَسَطَ ذَلِكَ. وَهَذِهِ مَسْأَلَةٌ كَثِيرَةٌ الْوُقُوعِ فَاسْتَفِدَّهَا.

1870. Sungguhnya Subki mengambil dari masaalah ini dan dari tebus talak ajnabi akan harus turun dari jawatan. Apa yang tetap di atasnya pendapatnya bahawa mengambil bayaran dengan sebabnya adalah harus, dan ambilannya halal kerana menggugurkan hak bukan kerana berta'luk hak orang yang dia turun kerananya, bahkan kekal urusan pada demikian itu kepada penyelia jawatan itu,* dia melakukan apa yang ada masalah padanya pada syara'. Subki membentangkan demikian itu. Masaalah ini banyak berlaku maka ambil faedahlah darinya.

وَلِلْوَاهِبَةِ الرَّجُوعِ مَتَى شَاءَتْ، فَإِذَا رَجَعْتَ خَرَجَ فَوْرًا، وَلَا تَرْجِعْ فِي الْمَاضِي قَبْلَ الْعِلْمِ بِالرَّجُوعِ. وَإِنْ بَاتَ الرَّوْجُ فِي نُوْبَةٍ وَاحِدَةٍ عِنْدَ غَيْرِهَا ثُمَّ ادَّعَى أَنَّهَا وَهَبَتْ حَقَّهَا وَأَنْكَرْتَ لَمْ يُقْبَلْ قَوْلُهُ إِلَّا بِبَيِّنَةٍ.

1871. Boleh isteri yang menghibah itu rujuk bila dia hendak. Maka apabila dia merujuk suami keluar dengan segera. Tidak boleh dia rujuk pada yang telah berlalu sebelum diketahui rujuknya. Jika suami bermalam pada giliran seorang di sisi orang lain kemudian suami itu mendakwa bahawa dia hibahkan haknya dan dia ingkar, tidak diterima kata suami itu melainkan dengan keterangan.

(وَإِذَا تَزَوَّجَ) حُرٌّ أَوْ عَبْدٌ فِي دَوَامِ نِكَاحِهِ (جَدِيدَةً) وَلَوْ مُعَادَةً بَعْدَ الْبَيْنُونَةِ (خَصَّهَا) كُلُّ مِنْهُمَا وَجُوبًا (بِسَبْعِ لَيَالٍ) مُتَوَالِيَةً بِلَا قَضَاءٍ لِلْبَاقِيَّاتِ، (إِنْ كَانَتْ بَكْرًا) عَلَى خَلْقَتِهَا أَوْ زَالَتْ بِغَيْرِ وَطْءٍ، (وَبِثَلَاثِ) لَيَالٍ مُتَوَالِيَةٍ بِلَا قَضَاءٍ لِلْبَاقِيَّاتِ (إِنْ كَانَتْ ثَيِّبًا) لِحَبْرِ ابْنِ حَبَّانَ فِي صَحِيحِهِ : { سَبْعٌ لِلْبَكْرِ وَثَلَاثٌ لِلثَّيِّبِ }.

1872. (Apabila) seorang merdeka atau hamba (berkahwin) pada berterusan nikahnya (dengan isteri yang baru) walaupun yang dinikahi semula selepas talak *bain* setiap dari mereka (menghususkannya) di atas jalan wajib (dengan tujuh malam) berturut-turut tanpa kadha bagi isteri-isteri yang baki, (jika dia dara) di atas kejadiannya atau ianya hilang dengan selain setubuh (dan dengan tiga) malam berturut-turut tanpa kadha bagi isteri-isteri yang baki (jika dia janda) kerana khabar Ibnu Hibban didaam sahihnya "tujuh bagi dara dan tiga bagi janda".

وَالْمَعْنَى فِي ذَلِكَ زَوَالُ الْحِشْمَةِ بَيْنَهُمَا. وَلِهَذَا سَوَّى بَيْنَ الْحُرَّةِ وَالْأَمَةِ، لِأَنَّ مَا يَتَعَلَّقُ بِالطَّبْعِ لَا يَخْتَلِفُ بِالرِّقِّ وَالْحُرِّيَّةِ كَمُدَّةِ الْعِنَّةِ وَالْإِيْلَاءِ. وَزَيْدٌ " لِلْبَكْرِ "، لِأَنَّ حَيَاءَهَا أَكْثَرُ.

1873. Hikmah pada demikian itu hilang malu di antara kedua mereka. Kerana ini disamakan di antara yang merdeka dan amah, kerana apa yang bersangkutan dengan sifat semulajadi tidak berlainan dengan kehambaan dan kemerdekaan seperti tempoh mati pucuk dan 'ila'. Dilebihkan ia pada dara kerana malunya lebih kuat.

وَالْحِكْمَةُ فِي الثَّلَاثِ وَالسَّبْعِ أَنَّ الثَّلَاثَ مُعْتَفَرَةٌ فِي الشَّرْعِ وَالسَّبْعَ عَدَدُ أَيَّامِ الدُّنْيَا وَمَا زَادَ عَلَيْهَا تَكَرَّرٌ. فَإِنَّ فَرْقَ ذَلِكَ لَمَّا يُحْسَبُ، لِأَنَّ الْحِشْمَةَ لَا تَزُولُ بِالمُفَرَّقِ، وَأَسْتَأْنَفَ وَقَضَى الْمُفَرَّقِ لِلْأُخْرِيَّاتِ.

1874. Hikmah pada tiga dan tujuh itu bahawa tiga diampuni pada syara' dan tujuh bilangan hari-hari didunia, dan apa yang lebih di atasnya adalah ulangan. Maka jika dia cerai-ceraikan demikian itu nescaya ia tidak dikira kerana rasa malu tidak hilang dengan yang tercerai-cerai. Dia mulakan semula dan mengkadha yang tercerai-cerai itu bagi isteri yang lain.

تَثْبِيهٌ : دَخَلَ فِي الثَّيِّبِ الْمَذْكُورَةِ مَنْ كَانَتْ ثُبُوبُهَا بِوَطْءِ حَلَالٍ أَوْ حَرَامٍ أَوْ وَطْءِ شُبْهَةٍ، وَخَرَجَ بِهَا مَنْ حَصَلَتْ ثُبُوبُهَا بِمَرَضٍ أَوْ وَثْبَةٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ.

1875. Tanbih. Masuk pada janda yang disebutkan itu orang yang jandanya dengan setubuh yang halal atau haram atau setubuh syubhah. Keluar dengannya orang yang terhasil jandanya dengan sakit atau melompat atau umpama demikian itu.

1933. Kata seorang kepada isterinya : Allah mentalakkan kamu, dan kepada penghutangnya : Allah melupuskan hutang kamu, dan kepad amahnya : Allah memerdekakan kamu, adalah jelas pada talak dan lupus hutang dan memerdekakan, kerana Allah tidak mentalakkan dan tidak melupuskan hutang dan tidak memerdekakan. Isteri itu tertalak dan penghutang itu lupus hutangnya dan amah itu merdeka. Bersalahan kalau dia kata “Allah menjualkan kamu atau Allah membeli balik kamu, maka ianya kinayah kerana sighth-sighth itu disini sangat kuat kerana tersendirinya dengan menyampaikan maksud, bersalahan dua sighth jual dan beli balik.

(وَالْكَنَايَةُ كُلُّ لَفْظٍ اِحْتَمَلَ الطَّلَاقَ وَغَيْرَهُ) وَلَا يُخَالَفُ هَذَا قَوْلُ الْبَعْوِيِّ فِي تَهْذِيبِهِ هِيَ كُلُّ لَفْظٍ يُنْبِئُ عَنِ الْفُرْقَةِ وَإِنْ دَقَّ وَلَا قَوْلُ الرَّافِعِيِّ هِيَ مَا اِحْتَمَلَ مَعْنَيْنِ فَصَاعِدًا وَهِيَ فِي بَعْضِ الْمَعَانِي أَظْهَرَ لِرُجُوعِ ذَلِكَ كُلِّهِ إِلَى مَعْنَى وَاحِدٍ. (وَتَفْتَقِرُ) فِي وُقُوعِ الطَّلَاقِ بِهَا (إِلَى النِّيَّةِ) إِجْمَاعًا، إِذْ اللَّفْظُ مُتَرَدِّدٌ بَيْنَ الطَّلَاقِ وَغَيْرِهِ فَلَا بُدَّ مِنْ نِيَّةٍ تُمَيِّزُ بَيْنَهُمَا.

1934. (Kinayah itu setiap lafaz yang menanggung talak dan selainnya). Ini tidak menyalahi kata Bughawi didalam Tahzibnya “ianya setiap lafaz yang mengkhabarkan tentang perceraian sekalipun ianya sukar difaham”, dan tidak kata Rafi’e “ianya apa yang menanggung dua makna maka lebih, dan ia lebih zahir pada sebahagian makna-maknanya kerana kembali demikian itu semuanya kepada makna yang satu. (dan ia perlu) pada jatuh talak dengannya (kepada niat) dengan ijmak, kerana lafaz itu berbelah bagi di antara talak dan selainnya, maka tidak dapat tidak dari niat yang membezakan di antara kedua-duanya.

وَالْفَاظُهَا كَثِيرَةٌ لَا تَكَادُ تَنْحَصِرُ. ذَكَرَ الْمُصَنِّفُ بَعْضَهَا فِي بَعْضِ النُّسخِ بِقَوْلِهِ : (مِثْلُ أَنْتِ خَلِيَّةٌ) أَيِ خَالِيَّةٍ مِنِّي. وَكَذَا يُقَدَّرُ الْجَارُ وَالْمَجْرُورُ فِيمَا بَعْدَهُ. (وَ) أَنْتِ (بِنَّةٌ) بِمُنْتَأَاةٍ قَبْلَ آخِرِهِ أَيِ مَقْطُوعَةِ الْوَصْلَةِ مَأْخُودَةٌ مِنَ الْبِتِّ وَهُوَ الْقَطْعُ.

1935. Lafaz-lafaznya banyak hampir-hampir tidak terhingga. Musannif sebutkan sebahagiannya pada sebahagian naskah-naskah dengan katanya (seumpama “kamu sendiri”) iaitu sendiri dari ku. Begitu juga ditakdirkan jar majrur ini pada apa yang selepasnya, (dan) kamu (putus) iaitu putus hubungan, diambil dari “البت” iaitu putus.

تَنْبِيْهُ : تَنْكِيرُ الْبِنَّةِ جَوْرُهُ الْفِرَاءُ. وَالْأَصْحَحُّ وَهُوَ مَذْهَبُ سِيبَوَيْهِ أَنَّهُ لَا يُسْتَعْمَلُ إِلَّا مُعْرِفًا بِاللَّامِ.

1936. Tanbih. Menakirahkan “البنّة” diharuskan Farra’. Yang paling sahih iaitu mazhab Sibawaih bahawa ia tidak digunakan melainkan dengan dimakrifahkan dengan lam.

(وَ) أَنْتِ (بَائِنٌ) مِنْ الْبَيْنِ وَهُوَ الْفِرَاقُ. تَنْبِيهٌ : قَوْلُهُ بَائِنٌ هُوَ اللَّغَةُ الْفُصْحَى وَالْقَلِيلُ بَائِنَةٌ. (وَ) أَنْتِ (حَرَامٌ) أَيُّ مُحْرَمَةٌ عَلَيَّ مَمْنُوعَةٌ لِلْفُرْقَةِ.

1937. (dan) kamu (**bain**) dari “بين” iaitu cerai. Tanbih. Katanya “بائِنٌ” adalah lughah yang fasih, yang sedikit “بانئضة”. (dan) kamu (**haram**) iaitu diharamkan di atas ku lagi yang ditegah, kerana perceraian.

(وَ) أَنْتِ (كَالْمَيْتَةِ) أَيُّ فِي التَّحْرِيمِ شَبَّهَ تَحْرِيمَهَا عَلَيْهِ بِالطَّلَاقِ كَتَّحْرِيمِ الْمَيْتَةِ. وَأَعْرَبِي بِمُعْجَمَةٍ ثُمَّ رَأَى أَيُّ صِيرِي غَرِيبَةً بِلَا زَوْجٍ. وَأَمَّا أَعْرَبِي بِالْمُهْمَلَةِ وَالزَّايِ فَذَكَرَهُ الْمُصَنِّفُ بِمَعْنَاهُ كَمَا سَيَأْتِي.

1938. (dan) kamu (**seperti mayat**) iaitu pada haram. Dia serupakan haram isterinya di atas dirinya dengan sebab talak seperti haramnya mayat. Dan “daganglah kamu” iaitu jadilah kamu perempuan dagang tanpa suami. Adapun “bujanglah kamu” maka musannif menyebutkannya dengan maknanya sepertimana akan datang.

(وَاسْتَبْرَيْ رَحِمَكَ) أَيُّ، لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ. وَسَوَاءٌ فِي ذَلِكَ الْمُدْخُولُ بِهَا وَغَيْرُهَا. (وَتَقَعِي) أَيُّ أَسْتُرِي رَأْسَكَ بِالْقِنَاعِ، لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ. وَالْقِنَاعُ بِكَسْرِ الْقَافِ وَالْمِقْتَعَةُ بِكَسْرِ الْمِيمِ مَا تُعْطَى بِهِ الْمَرْأَةُ رَأْسَهَا وَمَحَاسِنَهَا.

1939. (dan pastikan rahim kamu kosong) iaitu kerana aku telah mentalakkan kamu. Sama pada demikian itu yang disetubuhi dan selainnya. (dan pakailah tudung kepala) iaitu tutupilah kepala kamu dengan tudung kepala kerana aku telah mentalakkan kamu. “قِنَاعٌ” dan “مِقْتَعَةٌ” apa yang perempuan tutupi kepalanya dengannya dan kecantikkannya.

(وَابْعُدِي) أَيُّ مَنِي، لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ . (وَادْهَبِي) أَيُّ عَنِّي، لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ. وَهَمَّا بِمَعْنَى أَعْرَبِي بِالْمُهْمَلَةِ وَالزَّايِ. (وَالْحَقِي بِأَهْلِكَ) بِكَسْرِ الْهَمْزَةِ وَفَتْحِ الْحَاءِ وَقِيلَ بِالْعَكْسِ. وَجَعَلَهُ الْمُطَرِّزِيُّ خَطَأً. أَيُّ لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ، سَوَاءٌ أَكَانَ لَهَا أَهْلٌ أَمْ لَا.

1940. (dan jauhlah kamu) iaitu dari aku kerana aku telah mentalakkan kamu. (dan pergilah kamu) dari aku kerana aku telah mentalakkan kamu. Keduanya dengan makna “bujanglah kamu”. (dan hubungilah keluarga kamu). Muttarizi menjadikannya kesilapan iaitu kerana aku telah mentalakkan kamu, sama sahaja dia mempunyai keluarga atau tidak.

(وَمَا أَشْبَهَ ذَلِكَ) مِنْ أَلْفَافِ الْكِنَايَاتِ كَ تَجَرَّدِي، وَتَزَوَّدِي، أَيُّ اسْتَعْدِي لِلْحُقُوقِ بِأَهْلِكَ، وَلَا حَاجَةَ لِي فِيكَ، أَيُّ لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ، وَدُوقِي أَيُّ مَرَارَةَ الْفِرَاقِ وَحَبْلِكَ عَلَيَّ غَارِبِكَ، أَيُّ خَلَيْتُ سَبِيلَكَ كَمَا يُخَلِّي الْبَعِيرُ فِي الصَّحْرَاءِ وَزَمَامُهُ عَلَيَّ غَارِبِهِ، وَهُوَ مَا تَقَدَّمَ مِنَ الظَّهْرِ وَارْتَفَعَ مِنَ الْعُنُقِ لِيُرَاعَى كَيْفَ شَاءَ،

1941. (dan apa yang meyerupai demikian itu) daripada lafaz-lafaz kinayah seperti “sunyiilah kamu” dan “berbekallah kamu” iaitu siapkan bekalan kamu untuk menghubungi keluarga kamu, dan “tidak ada hajat bagi ku pada kamu” iaitu kerana aku telah mentalakkan kamu, dan “rasalah kamu” iaitu kepahitan perceraian, dan “tali kamu di atas goh kamu” dan “aku biarkan jalan kamu seperti mana dibiarkan unta dipadang dan tali tambatannya di atas gohnya -ianya apa yang lalu daripada belakang yang meninggi dari tengkok- untuk ia mencari makan bagaimana ia hendak,

وَلَا أُنَدُّهُ سَرَبِكَ مِنَ النَّدِّهِ وَهُوَ الزَّجْرُ، أَيُّ لَا أَهْتَمُّ بِشَأْنِكَ، لِأَنِّي طَلَّقْتُكَ. وَالسَّرَبُ بِفَتْحِ السِّينِ وَسُكُونِ الرَّاءِ الْمُهْمَلَتَيْنِ الْإِبِلُ وَمَا يُرَاعَى مِنَ الْمَالِ أَمَّا بِكَسْرِ السِّينِ فَأَلْجَمَاعَةُ مِنَ الظُّبَاءِ وَالْبَقَرِ. وَيَجُوزُ كَسْرُ السِّينِ هُنَا.

1942. dan “aku tidak halau kumpulan kamu”, “أندة” daripada “نده” iaitu halau, iaitu aku tidak ambil perhatian dengan urusan kamu kerana aku telah mentalakkan kamu. “سرب” dengan fathah sin dan sukun ra’ unta dan apa yang dipelihara daripada harta. Adapun dengan kasrah sin maka sekumpulan kijang dan lembu. Harus kasrah sin disini.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ شَبَهَ مَا ذَكَرَ مَا لَا يُشْبِهُهُ مِنَ الْأَلْفَافِ نَحْوُ : بَارَكَ اللَّهُ لِي فِيكَ وَأَطْعَمَنِي وَاسْقَيْنِي وَزَوَّدَنِي وَقَوْمِي وَأَفْعَدِي وَنَحْوُ ذَلِكَ، فَلَا يَقَعُ بِهِ طَلَّاقٌ وَإِنْ نَوَاهُ، لِأَنَّ اللَّفْظَ لَا يَصْلُحُ لَهُ.

1943. Keluar dengan kata menyerupai apa yang disebutkan apa lafaz-lafaz yang tidak menyerupainya umpama “Allah berkati aku pada kamu” dan “berilah aku makan” dan “berilah aku minum” dan “siapkanlah bekalan ku” dan “bangunlah kamu” dan duduklah kamu” dan umpama itu, maka tidak jatuh talak dengannya sekalipun dia niatkannya kerana lafaz itu tidak sesuai untuknya.

(فَإِنْ نَوَى بِجَمِيعِ ذَلِكَ) أَبِي بَلْفَظٍ مِنْ أَلْفَافِهِ (الطَّلَاقِ) فِيهِ (وَقَعَ) إِنْ افْتَرَنَ بِكُلِّ اللَّفْظِ كَمَا فِي الْمِنْهَاجِ كَأَصْلِهِ. وَقِيلَ : يَكْفِي افْتِرَانَهَا بِأَوَّلِهِ وَيَنْسَحِبُ مَا بَعْدَهُ عَلَيْهِ. وَرَجَّحَهُ الرَّافِعِيُّ فِي الشَّرْحِ الصَّغِيرِ وَصَوَّبَهُ الزَّرْكَشِيُّ. وَالَّذِي رَجَّحَهُ ابْنُ الْمُقْرِي وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ أَنَّهُ يَكْفِي افْتِرَانَهَا بِبَعْضِ اللَّفْظِ، سَوَاءً أَكَانَ مِنْ أَوَّلِهِ أَوْ وَسْطِهِ أَوْ آخِرِهِ، إِذَا الِئْمِينُ إِنَّمَا تُعْتَبَرُ بِتَمَامِهَا.

1944. (Maka jika dia niatkan talak dengan semua itu) iaitu dengan satu lafaz daripada lafaz-lafaznya jatuhlah ia jika ia menyertai seluruh lafaz itu sepertimana didalam Minhaj seperti asalnya. Dikatakan : memadaai besertanya dengan awalnya dan tertarik apa yang selepasnya ke atasnya. Rafi’e mentarjihkannya didalam Syarah Saghir sementara Zarkasyi membilangnya betul. Yang ditarjihkan Ibnu Muqri yang mana ia yang muktamad bahawa tidak memadaai penyertaannya dengan sebahagian lafaz samaada ia awalnya atau tengahnya atau akhirnya kerana sumpah hanyalah diiktibarkan dengan sempurnanya.

تَنْبِيْهٌ : اللَّفْظُ الَّذِي يُعْتَبَرُ قَرْنُ النَّيَةِ بِهِ هُوَ لَفْظُ الْكِنَايَةِ كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْمَاوَرِدِيُّ وَالرُّوْيَانِيُّ وَالْبُنْدُنِيْجِيُّ، لَكِنْ مَثَلٌ لَهُ الرَّافِعِيُّ تَبَعًا لِحَمَاعَةٍ بِقَرْنِهَا بِأَنَّ مِنْ أَنْتِ بَائِنٌ مَثَلًا، وَصَوَّبَ فِي الْمُهَمَّاتِ الْأَوَّلِ، لِأَنَّ الْكَلَامَ فِي الْكِنَايَاتِ. وَالْأَوْجَهُ الْإِكْتِفَاءُ بِمَا قَالَهُ الرَّافِعِيُّ، لِأَنَّ أَنْتِ وَإِنْ لَمْ يَكُنْ جُزْءًا مِنَ الْكِنَايَةِ فَهُوَ كَالْجُزْءِ مِنْهَا، لِأَنَّ مَعْنَاهَا الْمَقْصُودَ لَا يَتَأَدَّى بِدُونِهِ.

1945. Tanbih. Lafaz yang diiktibarkan penyertaan niat dengannya adalah lafaz kinayah sepertimana dijelaskan Mawardi dan Ruyani dan Bandaniji, akan tetapi Rafi’e membuat contoh baginya kerana mengikut sekumpulan ulamak dengan penyertaannya dengan “kamu” dari “kamu bain” sebagai contoh. Isnawi membilang betul didalam Muhimmat akan yang pertama kerana bicara ini adalah pada lafaz-lafaz kinayah. Yang paling ada wajah memadaai dengan apa yang dikatakan Rafi’e kerana “kamu” sekalipun bukannya satu juzuk dari kinayah maka ia seperti juzuknya kerana makna lafaz kinayah yang dimaksudkan tidak tertunai tanpanya.

(وَإِنْ لَمْ يَنْوَ) بِلَفْظٍ مِنْ أَلْفَافِ الْكِنَايَاتِ الْمَذْكُورَةِ (لَمْ يَقَعِ) طَلَّاقٌ لِعَدَمِ قَصْدِهِ.

1946. (Jika dia tidak niat) dengan satu lafaz daripada lafaz-lafaz kinayah yang disebutkan itu (tidak jatuh) talak kerana tidak ada kasad kepadanya.

وَإِشَارَةٌ نَاطِقٌ وَإِنْ فَهَمَهَا كُلُّ أَحَدٍ بِطَلَّاقٍ كَأَنَّ قَالَتْ لَهُ زَوْجَتُهُ طَلَّقْتَنِي فَأَشَارَ بِيَدِهِ أَنْ أَدْهَبِي لَعُو، لَا يَقَعُ بِهِ شَيْءٌ، لِأَنَّ عَدْوْلَهُ عَنِ الْعِبَارَةِ إِلَى الْإِشَارَةِ يُفْهَمُ أَنَّهُ غَيْرُ قَاصِدٍ لِلطَّلَاقِ. وَإِنْ قَصَدَهُ بِهَا فَهِيَ لَا تَقْصُدُ لِلْفَهْمِ إِلَّا نَادِرًا.

1947. Isyarat orang yang boleh bertutur sekalipun setiap orang memahaminya sebagai talak seperti bahawa isterinya kata kepadanya : talakkan aku maka, dia isyarat dengan tangannya yang maknanya pergilah kamu, adalah lagha, tidak jatuh sedikit pun talak dengannya, kerana berpalingnya dari ibarat kepada isyarat memahamkan bahawa dia tidak bermaksud talak. Dan sekalipun dia maksudkan talak dengannya maka ia tidak dimaksudkan untuk memberi faham melainkan nadir.

وَيُعْتَدُ بِإِشَارَةِ أُخْرَسٍ ، وَلَوْ قَدَرَ عَلَى الْكِتَابَةِ كَمَا صَرَّحَ بِهِ الْإِمَامُ فِي الْعُقُودِ كَالْبَيْعِ وَفِي الْأَقْرَابِ وَفِي الدَّعَاوَى وَفِي الْحُلُولِ كَالطَّلَاقِ وَالْعَنْقِ . وَاسْتَنْتَى فِي الدَّقَائِقِ شَهَادَتَهُ وَإِشَارَتَهُ فِي الصَّلَاةِ ، فَلَا يُعْتَدُ بِهَا وَلَا يَحْتَسِبُ بِهَا فِي الْحَلْفِ عَلَى عَدَمِ الْكَلَامِ . فَإِنْ فَهِمَ طَلَّاقَهُ مَثَلًا بِإِشَارَتِهِ كُلُّ أَحَدٍ مِنْ فِطْنٍ وَغَيْرِهِ فَصَرِيحَةٌ لَا تَحْتَاجُ لِنِيَّةٍ ، وَإِنْ اخْتَصَّ بِطَلَّاقِهِ بِإِشَارَتِهِ فَطُنُونٌ فَكِنَايَةٌ تَحْتَاجُ إِلَى النِّيَّةِ .

1948. Diambil kira isyarat orang bisu walaupun dia mampu menulis sepertimana dijelaskan Imam pada akad-akad seperti jual dan pada pengakuan dan pada dakwaan dan pada merombak seperti talak dan memerdekakan hamba. Dikecualikan didalam Daqaiq saksiannya dan isyaratnya didalam sembahyang, maka tidak dikira dengannya dan tidak batal sumpah dia dengannya pada sumpah di atas tidak bercakap. Maka jika difahami talaknya sebagai contoh oleh setiap orang daripada orang yang cerdik dan selainnya maka jelas, tidak perlu kepada niat. Jika khusus orang-orang cerdik dengan talaknya dengan isyarat maka kinayah, perlu ia kepada niat.

تَمَّتْ : لَوْ قَالَ لِرُؤُوجَتِهِ : إِنْ أَبْرَأْتَنِي مِنْ دَيْنِكَ فَأَنْتِ طَالِقٌ فَأَبْرَأْتَهُ بِرَاءَةً صَحِيحَةً وَقَعَ الطَّلَاقُ بَيْنًا ، بِخِلَافِ مَا لَوْ قَالَ لِغَيْرِهَا إِنْ أَبْرَأْتَنِي مِنْ دَيْنِكَ فَرُؤُوجَتِي طَالِقٌ فَأَبْرَأْتَهُ بِرَاءَةٍ صَحِيحَةٍ وَقَعَ الطَّلَاقُ رَجْعِيًّا ، لِأَنَّهُ تَغْلِيْقٌ مَحْضٌ .

1949. Tatimmah : kalau dia kata kepada isterinya : jika kamu lepaskan aku dari hutang mu maka kamu tertalak, maka si isteri itu melepaskannya sebagai lepas yang sah jatuh talak bain, bersalahan keadaan kalau dia kata kepada orang lain : jika kamu lepaskan aku dari hutang mu maka isteri ku tertalak, maka dia melepaskannya sebagai lepas hutang yang sah jatuh talak raj'ie kerana ia ta'lik yang semata-mata.

وَلَوْ قَالَ لِرُؤُوجَتِهِ : إِنْ دَخَلْتُ الدَّارَ وَوَجَدْتُ فِيهِ شَيْئًا مِنْ مَتَاعِكَ وَلَمْ أَكْسِرْهُ عَلَى رَأْسِكَ فَأَنْتِ طَالِقٌ فَوَجَدَ فِي الْبَيْتِ هُونًا لَهَا لَمْ تَطْلُقْ كَمَا جَزَمَ بِهِ الْخَوَارِزْمِيُّ وَرَجَحَهُ الزَّرْكَاشِيُّ لِلِاسْتِحَالَةِ . وَقِيلَ : تَطْلُقُ فَبَيْلَ مَوْتِهِ أَوْ مَوْتِهَا لِلْيَأْسِ .

1950. Kalau dia kata kepada isterinya : jika kamu masuk rumah itu dan kamu dapati suatu padanya dari barang kamu dan aku tidak memecahkannya di atas kepala kamu maka kamu tertalak, maka dia menemui lesungnya didalam rumah itu tidak dia tertalak sepertimana jazam Khawarizmi dan ditarjihkan Zarkasyi kerana mustahilnya. Dikatakan tertalak dia sejurus sebelum mati suami atau matinya kerana putus asa.

وَلَوْ قَالَ لِرُؤُوجَتِهِ : إِنْ قَبِلْتُ صِرَّتَكَ فَأَنْتِ طَالِقٌ فَقَبَلَهَا مَيْتَةً لَمْ تَطْلُقْ . بِخِلَافِ تَغْلِيْقِهِ بِتَقْبِيلِ أُمِّهِ فَإِنَّهَا تَطْلُقُ بِتَقْبِيلِهَا لَهَا مَيْتَةً إِذْ قَبِلَتْهُ الرُّؤُوجَةُ قَبْلَهُ شَهْوَةً وَلَا شَهْوَةً بَعْدَ الْمَوْتِ وَالْأُمُّ لَا فَرْقَ فِيهَا بَيْنَ الْحَيَاةِ وَالْمَوْتِ ، لِأَنَّ قَبْلَتَهَا قَبْلَةٌ شَفَقَةٌ وَكِرَامَةٌ .

1951. Kalau dia kata kepada isterinya : jika aku kucup madu kamu maka kamu tertalak, maka dia mengucupnya dalam keadaan dia mati tidak tertalak istri itu. Bersalahan menta'likkannya dengan kucup ibunya, maka isterinya tertalak dengan mengucup mayatnya kerana kucup isteri itu kucupan syahwat dan tidak ada syahwat selepas mati sedang emak tidak ada beza padanya di antara hidup dan mati kerana kucupannya kucupan kasih sayang dan memuliakan.

أَكْرَمَنَا اللَّهُ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى وَجَمِيعَ أَهْلِنَا وَمَشَائِخِنَا وَأَصْحَابِنَا وَالْمُسْلِمِينَ بِالنَّظَرِ إِلَى وَجْهِهِ الْكَرِيمِ.

1952. Semoga Allah subhanahu wa taala memuliakan kami dan semua keluarga kami dan guru-guru kami dan sahabat-sahabat kami dan kaum muslimin dengan memandang kepada wajahNya yang mulia.

فَصَلِّ. وَالتَّرْجَمَةُ بِالْفَصْلِ سَاقِطَةٌ فِي أَكْثَرِ النُّسخِ، وَهُوَ فِي الطَّلَاقِ السُّنِّيِّ وَغَيْرِهِ . وَفِيهِ اصطِلَاحَانِ : أَحَدُهُمَا وَهُوَ أَضْبُطٌ يَنْقَسِمُ إِلَى سُنِّيٍّ وَبِدْعِيٍّ، وَثَانِيَهُمَا وَهُوَ أَشْهُرُ يَنْقَسِمُ إِلَى سُنِّيٍّ وَبِدْعِيٍّ وَلَا وَلَا . وَسَيُعْلَمُ ذَلِكَ مِنْ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ.

1953. **Fasal.** Terjemah dan fasal gugur pada kebanyakan naskah-naskah. Ianya pada talak yang sunat dan selainnya. Padanya dua istilah. Satu daripada keduanya iaitu yang lebih terdhabit terbahagi kepada yang jenis sunat dan jenis bid'ah. Yang kedua daripada dua itu iaitu yang lebih masyhur terbahagi kepada yang jenis sunat dan bid'ah dan yang tidak sunat dan tidak bid'ah. Akan diketahui demikian itu dari kalam musannif.

فَأَيُّدَةٌ : يَنْقَسِمُ الطَّلَاقُ إِلَى الْأَحْكَامِ الْخَمْسَةِ : وَاجِبٌ كَطَّلَاقِ الْحَكَمِ فِي الشَّقَاقِ، وَمَنْدُوبٌ كَطَّلَاقِ زَوْجَةٍ حَالِهَا غَيْرُ مُسْتَقِيمٍ كَأَنْ تَكُونَ غَيْرَ عَفِيفَةٍ، وَحَرَامٌ كَالطَّلَاقِ الْبِدْعِيِّ كَمَا سَيَأْتِي، وَمَكْرُوهٌ كَطَّلَاقِ مُسْتَقِيمَةِ الْحَالِ ، وَعَلَيْهِ حَمْلٌ : { أْبْعَضُ الْحَلَالِ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الطَّلَاقُ } . وَأَشَارَ الْإِمَامُ إِلَى الْمُبَاحِ بِطَّلَاقِ مَنْ لَا يَهْوَاهَا الزَّوْجُ وَلَا تَسْمَحُ نَفْسُهُ بِمَوْتِهَا مِنْ غَيْرِ اسْتِمْتَاعٍ بِهَا.

1954. **Faedah.** Terbahagi talak kepada hukum-hukum yang lima: wajib seperti talak hakam pada perbalahan, dan sunat seperti talak isteri yang kelakuannya tidak betul seperti bahawa dia bukan perempuan baik nafsu, dan haram seperti talak bid'ah sepertimana akan datang, dan makruh seperti talak perempuan yang betul kelakuannya, yang di atasnya ditanggungkan "halal yang paling dimurkai Allah taala adalah talak". al Imam isyaratkan kepada yang harus dengan talak isteri yang suaminya tidak inginkannya dan tidak dia berlapang hati dengan menyarannya tanpa istimta' dengannya.

(وَالنِّسَاءُ فِيهِ) أَي فِي حُكْمِ الطَّلَاقِ (ضَرْبَانِ ضَرْبٌ فِي طَلَّاقِهِنَّ سُنَّةٌ) أَي لَا تَحْرِيمَ فِيهِ (وَبِدْعَةٌ) أَي حَرَامٌ. (وَهِنَّ ذَوَاتُ الْحَيْضِ).

1955. (Kaum perempuan padanya) iaitu pada hukum talak (dua bahagian. Satu bahagian pada talak mereka itu sunat) iaitu tidak ada haram padanya, (dan bid'ah) iaitu haram. (Mereka itu perempuan-perempuan berhaid).

وَأَشَارَ إِلَى الْقِسْمِ الْأَوَّلِ بِقَوْلِهِ (فَالْسُّنَّةُ) أَي السُّنِّيُّ (أَنْ يُوقَعَ الطَّلَاقُ) عَلَى مَنْدُوحٍ بِهَا لَيْسَتْ بِحَامِلٍ وَلَا صَغِيرَةٍ وَلَا آيسَةٍ (فِي طَهْرٍ غَيْرِ مُجَامِعٍ فِيهِ) وَلَا فِي حَيْضٍ قَبْلَهُ. وَذَلِكَ لِاسْتِعْقَابِهِ الشَّرُوعَ فِي الْعِدَّةِ وَعَدَمِ النَّدَمِ فِيمَنْ ذَكَرَتْ. وَقَدْ قَالَ تَعَالَى : { إِذَا طَلَّقْتُمُ النِّسَاءَ فَطَلِّقُوهُنَّ لِعَدَّتِهِنَّ } أَي فِي الْوَقْتِ الَّذِي يَشْرَعُنَّ فِيهِ فِي الْعِدَّةِ.

1956. Dia isyaratkan kepada bahagian pertama ini dengan katanya : (maka sunat) iaitu talak jenis sunat (bahawa seorang menjatuhkan talak) ke atas perempuan yang disetubuhi yang tidak hamil dan bukan yang kecil dan bukan yang putus asa dari haid (pada ketika sucinya hal keadaan dia tidak menjimak padanya) dan tidak pada haid sebelumnya. Demikian itu kerana talak ini mengiringkan masuk pada iddah dan tidak ada sesal pada orang yang aku sebutkan itu. Sungguh Allah taala berkata "apabila

kamu talakkan isteri-isteri kamu maka talakkanlah mereka untuk iddah mereka”, iaitu pada waktu yang padanya mereka masuk kepada iddah.

وَأَشَارَ إِلَى الْقِسْمِ الثَّانِي بِقَوْلِهِ (وَالْبِدْعَةُ أَنْ يُوقَعَ الطَّلَاقُ) عَلَى مَدْخُولِ بِهَا (فِي الْحَيْضِ أَوْ فِي طَهْرٍ جَامِعِهَا فِيهِ) وَهِيَ مَمَّنْ تَحْبَلُ ، أَوْ فِي حَيْضٍ قَبْلَهُ ، وَإِنْ سَأَلْتَهُ طَلَاقًا بِلَا عَوَضٍ أَوْ اخْتَلَعَهَا أَجْنَبِيٌّ. وَذَلِكَ لِمُخَالَفَتِهِ فِيمَا إِذَا طَلَّقَهَا فِي حَيْضٍ، لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { فَطَلِّقُوهُنَّ لِعِدَّتِهِنَّ } ، وَزَمَنَ الْحَيْضِ لَا يُحْسَبُ مِنَ الْعِدَّةِ. وَمِثْلُهُ النَّفَاسُ.

1957. Dia isyaratkan kepada bahagian kedua dengan katanya (**talak bid'ah itu bahawa dia menjatuhkan talak**) ke atas isteri yang telah disetubuhi (**pada haidnya atau pada suci yang dia menjimaknya padanya**) walhal dia bunting, atau pada haid sebelumnya, sekalipun isteri itu meminta talak darinya tanpa bayaran atau menebus talaknya seorang ajnabi. Demikian itu, kerana ia menyalahi pada keadaan apabila dia mentalakkannya pada haid kerana firman Allah taala “maka talakkanlah mereka untuk iddah mereka”, yang mana masa haid itu tidak dikira dari iddah. Seumpamanya nifas.

وَالْمَعْنَى فِي ذَلِكَ تَضَرُّرُهَا بِطُولِ مُدَّةِ التَّرْبِصِ وَلِأَدَانِهِ إِلَى النَّدَمِ فِيمَنْ تَحْبَلُ إِذَا ظَهَرَ حَمْلُهَا ، فَإِنَّ الْإِنْسَانَ قَدْ يُطَلِّقُ الْحَائِلَ دُونَ الْحَامِلِ ، وَعِنْدَ النَّدَمِ قَدْ لَا يُمْكِنُهُ التَّدَارُكُ فَيَتَضَرَّرُ هُوَ وَالْوَلَدُ.

1958. Hikmah pada demikian itu adalah kemudharatan isteri itu dengan lama tempoh menunggu-nunggu dan kerana ia membawa kepada sesal pada isteri yang hamil apabila zahir hamilnya, kerana manusia itu mentalakkan yang tak hamil tidak yang hamil, dan di sisi sesalnya maka terkadang tidak dapat dia mendapatkan semula, maka kemudharatanlah dia dan anaknya.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ الْإِيْقَاعِ تَعْلِيقِ الطَّلَاقِ ، فَلَا يَحْرُمُ فِي الْحَيْضِ ، لَكِنْ إِنْ وَجِدْتَ الصِّفَةَ فِي الطَّهْرِ سُمِّيَ سُنِّيًّا وَإِنْ وَجِدْتَ فِي الْحَيْضِ سُمِّيَ بَدْعِيًّا. وَيَتَرْتَّبُ عَلَيْهِ أَحْكَامُ الْبِدْعِيِّ ، لِأَنَّ لَهُ لَا إِمَّ فِيهِ بِاتِّفَاقِ الْأَصْحَابِ فِي كُلِّ الطَّرِيقِ كَمَا قَالَهُ فِي الرَّوَائِدِ. نَعَمْ إِنْ أَوْقَعَ الصِّفَةَ فِي الْحَيْضِ بِاخْتِيَارِهِ فَيُنَبِّغِي كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ أَنَّهُ يَأْتُمُّ بِإِيْقَاعِهِ فِي الْحَيْضِ كَأَنْشَانِهِ الطَّلَاقِ فِيهِ.

1959. Keluar dengan kait menjatuhkan oleh menta'likkan talak maka tidak haram ia pada haid akan tetapi jika didapati sifat itu pada suci dinamakan ia talak sunat dan jika didapati ia ada haid dinamakan ia talak bid'ah, dan tersusun di atasnya hukum-hukum talak bid'ah, melainkan bahawa tidak ada dosa padanya dengan sepakatan ashab Syafi'e pada setiap jalan-jalan sepertimana dikatakan didalam Zawaid. Na'am, jika dia menjatuhkan sifat itu pada haid dengan pilihannya maka sayugia sepertimana kata Rafi'e bahawa dia berdosa dengan sebab dia menjatuhkannya pada haid itu sama seperti dia memperjadikan talak padanya.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ الطَّلَاقِ فِي السُّنِّيِّ وَالْبِدْعِيِّ الْفُسُوخُ فَإِنَّهَا لَا تَنْقَسِمُ إِلَى سُنِّيٍّ وَلَا إِلَى بَدْعِيٍّ ، قَالَ فِي الرَّوْضَةِ : ، لِأَنَّهَا شَرَعَتْ لِدَفْعِ مَضَارِّ زَانِدَةٍ فَلَا يَلِيقُ بِهَا تَكْلِيفُ مُرَاقَبَةِ الْأَوْقَاتِ ،

1960. Keluar dengan kait “talak” pada keadaan sunat dan bid'ah oleh fasakh, maka ia tidak terbahagi kepada sunat dan dan tidak kepada bid'ah. Katanya didalam Raudhah : kerana ia disyariatkan untuk menolak kemudharatan yang bertambah, maka tidak layak dengannya untuk memerhatikan waktu-waktu.

وَبَقَيْدِ قَوْلِهِ فِي الْحَيْضِ مَا إِذَا وَافَقَ قَوْلُهُ : (أَنْتِ) زَمَنَ الطَّهْرِ (وَطَلِيقٌ) زَمَنَ الْحَيْضِ فَهَلْ يَكُونُ سُنِّيًّا أَوْ بَدْعِيًّا ، وَهِيَ مَسْأَلَةٌ عَرِيزَةٌ النَّقْلُ ذَكَرَهَا ابْنُ الرَّفْعَةِ فِي غَيْرِ مَطْنَتَيْهَا فِي بَابِ الْكُفَّارَاتِ وَنَقَلَ فِيهَا عَنْ ابْنِ شَرِيحٍ وَأَفْرَهُ أَنَّهُ قَالَ : يُحْسَبُ لَهَا الزَّمَنُ الَّذِي وَقَعَ فِيهِ قَوْلُهُ أَنْتِ فَقَطْ قَرَاءً ، وَيَكُونُ الطَّلَاقُ سُنِّيًّا. قَالَ :

وَهُوَ مِنْ بَابِ تَرْتِيبِ الْحُكْمِ عَلَى أَوَّلِ أَجْزَائِهِ، لِأَنَّ الطَّلَاقَ لَا يَقَعُ بِقَوْلِهِ أَنْتِ بِمُفْرَدِهِ اتِّفَاقًا، وَإِنَّمَا يَقَعُ بِمَجْمُوعِ قَوْلِهِ أَنْتِ طَالِقٌ أَنْتَهَى.

1961. Keluar dengan kait katanya “pada haid” oleh keadaan apabila katanya “kamu” muafakat dengan masa suci dan “talak” dengan masa haid maka adakah ianya jenis sunat atau jenis bid’ah? Yang mana ianya masalah yang kuat nakalannya. Menyebutkannya Ibnu Rif’ah pada selain tempatnya, pada bab kifar, dia nakalkan padanya dari Ibnu Syurair dan dia mengakuinya bahawa dia berkata : dikirakan bagi masalah ini masa yang jatuh padanya katanya “kamu” sahaja sebagai bacaan*, dan adalah talak itu sunat. Katanya: ia dari bab menyusun hukum di atas awal juzuk-juzuknya kerana talak tidak jatuh dengan katanya “kamu” sendiri sahaja dengan ittifaq, hanyalah jatuh ia dengan himpunan katanya “kamu tertalak”.

تَنْبِيهَاتٌ : أَحَدُهَا : قَضِيَّةٌ تَقْيِيدُ الْمُصَنِّفِ بِالْجَمَاعِ قَصْرُ الْحُكْمِ عَلَيْهِ وَلَيْسَ مُرَادًا، بَلْ لَوْ اسْتَدَخَلَتْ مَاءَهُ الْمُحْتَرَمَ كَانَ الْحُكْمُ كَذَلِكَ. وَكَذَا الْوَطْءُ فِي الدُّبْرِ عَلَى الْأَصَحِّ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ لِثُبُوتِ النَّسَبِ وَوُجُوبِ الْعِدَّةِ بِهِ.

1962. Beberapa Tanbih. Satu daripadanya : kehendak dari musannif mengkaitkan dengan “jimak” adalah terhad hukum ini di atasnya sedangkan ia bukan yang dikehendaki, bahkan kalau isteri memasukkan air suami yang dihormati adalah hukumnya seperti demikian itu. Begitu juga setubuh pada dubur di atas yang paling sah sepertimana didalam Raudhah kerana sabit titihan dan wajib iddah dengannya.

التَّنْبِيهُ الثَّانِي : ظَاهِرُ كَلَامِهِ حَصْرُ الْبِدْعِيِّ فِيمَا ذَكَرَهُ، وَلَيْسَ مُرَادًا بَلْ بَقِيَ مِنْهُ قِسْمٌ آخَرَ مَذْكُورٌ فِي الرَّوْضَةِ، وَهُوَ فِي حَقِّ مَنْ لَهُ زَوْجَتَانِ وَقَسَمَ لِأَحَدِهِمَا ثُمَّ طَلَّقَ الْآخَرَ قَبْلَ الْمَيْبِتِ عِنْدَهَا.

1963. Tanbih kedua. Zahir kalamnya terhad yang bid’ah itu pada apa yang dia sebutkan walhal ia bukan yang dikehendaki, bahkan kekal darinya satu bahagian lagi yang disebutkan didalam Raudhah, iaitu pada hak orang yang punya dua isteri dan dia menggilir bagi seorang dari kedua mereka kemudian dia mentalakkan yang seorang lagi sebelum bermalam di sisinya.

وَلَوْ نَكَحَ حَامِلًا مِنْ زَنًا ثُمَّ دَخَلَ بِهَا ثُمَّ طَلَّقَهَا نَظَرَ إِنْ لَمْ تَحْضُ فَبِدْعِيٍّ، لِأَنَّهَا لَا تَشْرَعُ فِي الْعِدَّةِ إِلَّا بَعْدَ الْوَضْعِ وَالنَّفَاسِ. وَإِلَّا فَإِنْ طَلَّقَهَا فِي الطَّهْرِ فَسُنِّيٌّ أَوْ فِي الْحَيْضِ فَبِدْعِيٍّ كَمَا يُؤْخَذُ مِنْ كَلَامِهِمْ. وَأَمَّا الْمَوْطُوءَةُ بِشِبْهَةِ إِذَا حَبِلَتْ مِنْهُ ثُمَّ طَلَّقَهَا طَاهِرًا فَإِنَّهُ بِدْعِيٌّ.

1964. Kala dia mengahwini perempuan hamil dari zina kemudian dia setubuh dengannya kemudian dia talakkannya ditilik jika dia tidak berhaid maka talak bid’ah, kerana ia tidak masuk pada ‘iddah melainkan selepas melahirkan anak dan nifas. Jika tidak maka jika dia mentalakkannya pada suci maka talak sunat atau pada haid maka talak bid’ah sepertimana difaham dari kalam mereka. Adapun yang disetubuhi dengan syubhah apabila dia bunting darinya kemudian dia mentalakkannya dalam keadaan suci maka ianya bid’ah.

التَّنْبِيهُ الثَّلَاثُ : يُسْتَنْبَى مِنَ الطَّلَاقِ فِي الْحَيْضِ صُورٌ : مِنْهَا الْحَامِلُ إِذَا حَاضَتْ فَلَا يَحْرُمُ طَلَّاقُهَا، لِأَنَّ عِدَّتَهَا بِالْوَضْعِ. وَمِنْهَا مَا لَوْ كَانَتْ الزَّوْجَةُ أَمَةً وَقَالَ لَهَا سَيِّدُهَا إِنْ طَلَّقَكَ الرَّوْجُ الْيَوْمَ فَأَنْتِ حُرَّةٌ فَسَأَلَتْ الزَّوْجَ الطَّلَاقَ لِأَجْلِ الْعَتَقِ فَطَلَّقَهَا لَمْ يَحْرُمِ، فَإِنْ دَوَّمَ الرَّقَّ أَضْرَبُ بِهَا مِنْ تَطْوِيلِ الْعِدَّةِ وَقَدْ لَا يَسْمَحُ بِهِ السَّيِّدُ بَعْدَ ذَلِكَ أَوْ يَمُوتُ فَيَدُومُ أَسْرُهَا بِالرَّقِّ، قَالَهُ الْأَدْرَعِيُّ بَحْتًا وَهُوَ حَسَنٌ. وَمِنْهَا طَلَّاقُ الْمُتَحَيِّرَةِ فَلَيْسَ بِسُنِّيٍّ وَلَا بِدْعِيٍّ. وَمِنْهَا طَلَّاقُ الْحَكَمِيِّ فِي صُورَةِ الشَّقَاقِ. وَمِنْهَا طَلَّاقُ الْمَوْلَى إِذَا طُولِبَ وَإِنْ تَوَقَّفَ فِيهِ الرَّافِعِيُّ. وَمِنْهَا مَا لَوْ طَلَّقَهَا فِي الطَّهْرِ طَلَّقَهُ ثُمَّ طَلَّقَهَا فِي الْحَيْضِ ثَانِيَةً. وَمِنْهَا مَا لَوْ خَالَعَهَا عَلَى عَوْضٍ،

لِإِطْلَاقِ قَوْلِهِ تَعَالَى : { فَلَا جُنَاحَ عَلَيْهِمَا فِيمَا افْتَدَتْ بِهِ } وَلِحَاجَتِهَا إِلَى الْخَلَاصِ بِالْمُفَارَقَةِ مِنْ حَيْثُ افْتَدَتْ بِالْمَالِ.

1965. Tanbih ketiga : dikecualikan dari talak pada haid beberapa rupa masalah. Daripadanya perempuan hamil apabila dia berhaid maka tidak haram mentalakkannya kerana iddahnya dengan melahirkan anak. Daripadanya keadaan kalau isteri itu amah dan kata penghulunya kepadanya: jika suami kamu talakkan kamu hari ini maka kamu merdeka maka dia meminta suaminya mentalakkannya demi merdekanya maka suaminya mentalakkannya tidak haram, kerana berterusan kehambaan lebih memudharatkannya dari panjang iddah. Terkadang penghulu itu tidak bermurah hati dengannya selepas itu atau dia mati maka teruslah dia tertawan sebagai kehambaan. Mengatakannya Azrai'e dengan bahasan yang mana ianya elok. Daripadanya talak perempuan mutahayyirah maka ia bukannya sunat dan bukan bid'ah. Daripadanya talak dua hakam pada rupa masalah perbalahan. Daripadanya talak maula* apabila dia menuntut sekalipun Rafi'e berdiam diri padanya. Daripadanya keadaan kalau dia mentalakkannya pada suci satu talak kemudian dia mentalakkannya pada haid kali kedua. Daripadanya keadaan isteri menebus talaknya di atas bayaran kerana itlak firman Allah taala "maka tidak ada salah di atas keduanya pada apa yang isteri tebus dengannya, dan kerana hajatnya kepada bebas dengan perceraian sekira-kira dia menebus dengan harta.

وَهَذَا لَيْسَ بِسُنَّةٍ وَلَا بِدْعَةٍ وَهُوَ وَارِدٌ عَلَى قَوْلِ الْمُصَنِّفِ (وَضَرَبَ لَيْسَ فِي طَلَاقِهنَّ سُنَّةٌ وَلَا بِدْعَةٌ) عَلَى الْمَشْهُورِ مِنَ الْمَذْهَبِ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ . (وَهِنَّ أَرْبَعٌ) الْأُولَى (الصَّغِيرَةُ) الَّتِي لَمْ تَحْضُ (وَ) الثَّانِيَةُ (الْأَيْسَةُ) ، لِأَنَّ عِدَّتَهُمَا بِالْأَشْهُرِ فَلَا ضَرَرَ يَلْحَقُهُمَا . (وَ) الثَّلَاثَةُ (الْحَامِلُ) الَّتِي ظَهَرَ حَمْلُهَا ، لِأَنَّ عِدَّتَهَا بِوَضْعِهَا فَلَا تَخْتَلِفُ الْمُدَّةُ فِي حَقِّهَا وَلَا نَدَمٌ بَعْدَ ظُهُورِ الْحَمْلِ . (وَ) الرَّابِعَةُ (الْمُخْتَلِعَةُ الَّتِي لَمْ يَدْخُلْ بِهَا) إِذْ لَا عِدَّةَ عَلَيْهَا .

1966. Ini bukannya sunat dan bukan bid'ah dan ianya datang ke atas kata musannif (**satu baagian tidak ada sunat pada talak mereka dan tidak ada bid'ah**) di atas masyhur pada mazhab sepertimana didalam Raudhah. (**lanya empat**). Pertamanya (**perempuan kecil**) yang belum berhaid. Keduanya (**perempuan yang putus asa dari haid**) kerana iddah kedua mereka dengan bulan maka tidak ada kemudharatan yang menghubungi mereka. Ketiganya (**perempuan hamil**) yang zahir kandungannya kerana iddahnya dengan melahirkannya maka tidak berlainan tempohnya pada hak dia dan tidak ada sesalan selepas zahir kandungannya. Kempatnya (**perempuan yang menebus talak yang dia tidak setubuhinya**) kerana tidak ada iddah di atasnya.

تَتَمَّةٌ : مَنْ طَلَّقَ بِدْعِيًّا سَنَّ لَهُ الرَّجْعَةَ ثُمَّ بَعْدَهَا إِنْ شَاءَ طَلَّقَ بَعْدَ تَمَامِ طَهْرٍ ، لِخَبَرِ الصَّحِيحِينَ : { أَنَّ ابْنَ عَمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ مَا طَلَّقَ زَوْجَتَهُ وَهِيَ حَائِضٌ فَذَكَرَ ذَلِكَ عُمَرُ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ : مُرُهُ فَايْرَاجُهَا ثُمَّ لِيُطَلِّقَهَا طَاهِرًا } أَيُّ قَبْلَ أَنْ يَمْسَهَا إِنْ أَرَادَ كَمَا صَرَّحَ بِذَلِكَ فِي بَعْضِ رَوَايَاتِهِمَا .

1967. Tatimmah. Siapa yang mentalakkan dengan talak bid'ah sunat dia rujuk kemudian selepasnya jika dia hendak dia mentalakkan selepas sempurna suci, kerana khabar dua kitab yang sahih "bahawa Ibnu Umar r.anhuma mentalakkan isterinya yang sedang berhaid maka Umar menyebutkan demikian itu kepada nabi s.a.w.m, maka katanya : suruhlah dia merujuknya kemudian mentalakkannya dalam keadaan suci" iaitu sebelum dia menyentuhnya jika dia hendak sepertimana dijelaskan demikian itu pada sebahagian riwayat bagi kedua mereka.

وَلَوْ قَالَ لِحَائِضٍ مَمْسُوسَةٍ أَوْ نَفْسَاءَ أَنْتِ طَالِقٌ لِلْبِدْعَةِ وَقَعَ الطَّلَاقُ فِي الْحَالِ ، أَوْ أَنْتِ طَالِقٌ لِلسَّنَةِ فَيَقَعُ الطَّلَاقُ حِينَ تَطْهَرُ. وَلَوْ قَالَ لِمَنْ فِي طَهْرٍ لَمْ تَمَسَّ فِيهِ أَنْتِ طَالِقٌ لِلسَّنَةِ وَقَعَ فِي الْحَالِ، وَإِنْ مُسَّتْ فِيهِ فَحِينَ تَطْهَرُ بَعْدَ الْحَيْضِ أَوْ لِلْبِدْعَةِ وَقَعَ فِي الْحَالِ إِنْ مُسَّتْ فِيهِ أَوْ حَيْضَ قَبْلَهُ. وَلَوْ قَالَ : أَنْتِ طَالِقٌ طَلْقَةً حَسَنَةً أَوْ أَحْسَنَ الطَّلَاقِ أَوْ أَفْضَلَهُ أَوْ أَعْدَلَهُ أَوْ أَجْمَلَهُ فَكَالسَّنَةِ، أَوْ طَلْقَةً قَبِيحَةً أَوْ أَفْجَحَ الطَّلَاقِ أَوْ أَسْمَجَهُ أَوْ أَفْحَشَهُ فَكَالْبِدْعَةِ. وَقَوْلُهُ لَهَا طَلَّقْتُكَ طَلِاقًا كَالْتَلَّجِ أَوْ كَالنَّارِ يَقَعُ الطَّلَاقُ فِي الْحَالِ وَيُلْعَوُ التَّشْبِيهُ الْمَذْكُورُ.

1968. Kalau dia kata kepada isterinya yang berhaid yang disetubuhinya atau yang bernifas : kamu tertalak bid'ah jatuh talak pada masa itu juga, atau kamu tertalak sunat maka jatuh talaknya ketika dia suci. Kalau dia kata kepada isterinya yang didalam suci yang tidak disetubuhinya padanya : kamu tertalak sunnah jatuh ia pada masa itu juga, jika dia disetubuhi padanya maka ketika dia suci selepas haid itu, atau talak bid'ah jatuh ia pada masa itu juga jika dia disetubuhinya padanya atau pada haid sebelumnya. Kalau dia kata : kamu tertalak satu talak yang elok atau seelok-elok talak atau terafdhalnya atau teradilnya atau tercantiknya maka seperti sunat, atau talak yang keji atau sekeji-keji talak atau maka seperti talak bid'ah. Kata suami kepadanya : aku talakkan kamu satu talak yang seperti salju atau seperti api jatuh talak itu pada masa itu juga dan dilagahkan penyerupaan yang disebutkan.

فَصَلِّ : فِيمَا يَمْلِكُهُ الزَّوْجُ مِنَ الطَّلَاقِ وَفِي الْإِسْتِنَاءِ وَالتَّغْلِيْقِ وَالْمَحَلِّ الْقَابِلِ لِلطَّلَاقِ وَشُرُوطِ الْمُطَلِّقِ . وَقَدْ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الْأَوَّلِ وَهُوَ عَدَدُ الطَّلَاقِ بِقَوْلِهِ :

1969. **Fasal** pada apa yang dimiliki suami daripada kali-kali talak dan pada pengecualian dan ta'lik dan tempat yang menerima talak dan syarat orang yang mentalakkan. Dia masuk pada bahgian pertama iaitu bilangan talak dengan katanya :

(وَيَمْلِكُ الْحُرُّ) عَلَى زَوْجَتِهِ سِوَاءَ أَكَانَتْ حُرَّةً أَوْ أَمَةً (ثَلَاثَ طَلَاقَاتٍ) ، لِأَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ { سئل عَنْ قَوْلِهِ تَعَالَى : { الطَّلَاقُ مَرَّتَانِ } فَأَيُّنَ الثَّلَاثَةِ ؟ فَقَالَ : { أَوْ تَسْرِيحٌ بِإِحْسَانٍ } . وَإِنَّمَا لَمْ يَعْتَبَرُوا رِقَّ الزَّوْجَةِ ، لِأَنَّ الْإِعْتِبَارَ فِي الطَّلَاقِ بِالزَّوْجِ لِمَا رَوَى الْبَيْهَقِيُّ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : { الطَّلَاقُ بِالرِّجَالِ وَالْعِدَّةُ بِالنِّسَاءِ } .

1970. (Lelaki merdeka memiliki) di atas isterinya samaada dia merdeka atau amah (tiga kali talak) kerana nabi s.a.w.m “ditanya tentang firman Allah taala “talak itu dua kali maka darimana yang ketiga? Maka katanya : “atau melepaskan dengan baik”. Mereka tidak mengiktibarkan kehambaan pada isteri hanyalah kerana iktibar pada talak itu dengan suami kerana apa yang diriwayatkan Baihaqi bahawa nabi s.a.w.m berkata “talak itu diiktibarkan dengan lelaki dan iddah dengan perempuan”.

وَلَا يَحْرُمُ جَمْعُ الطَّلَاقَاتِ { لِأَنَّ عُوَيْمِرَ الْعَجْلَانِيَّ لَمَّا لَاعَنَ امْرَأَتَهُ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَلَّقَهَا ثَلَاثًا قَبْلَ أَنْ يُخْبِرَهُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنَّهَا تَبِينُ بِاللِّعَانِ } مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ . فَلَوْ كَانَ إِيقَاعُ الثَّلَاثِ حَرَامًا لَنَهَاهُ عَنْ ذَلِكَ لِيَعْلَمَهُ هُوَ وَمَنْ حَضَرَهُ .

1971. Tidak haram menghimpunkan talak-talak “kerana Uwaimir al ‘ajalan tatkala meli’an isterinya di sisi nabi s.a.w.m mentalakkannya tiga talak sebelum nabi s.a.w.m mengkhabarkanya bahawa isterinya itu putus selama-lama dengan sebab li’an”, disepakatkan di atasnya. Maka kalau menjatuhkan tiga itu haram nescaya nabi menegahnya dari demikian itu supaya dia dan orang yang hadir mengetahuinya.

(وَ) يَمْلِكُ (الْعَبْدُ طَلْقَتَيْنِ) فَقَطْ وَإِنْ كَانَتْ زَوْجَتُهُ حُرَّةً لِمَا رَوَى الدَّارِقُطْنِيُّ مَرْفُوعًا : { طَلَاقُ الْعَبْدِ طَلْقَتَانِ } وَالْمَكَاتِبُ وَالْمَبْعُوضُ وَالْمُدَبَّرُ كَالْقَيْنِ . وَإِنَّمَا لَمْ يَعْتَبَرُوا حُرِّيَّةَ الزَّوْجَةِ لِمَا مَرَّ .

1972. (Hamba) memiliki (dua talak) sahaja sekaliun isterinya merdeka kerana apa yang diriwayatkan Daruqutni dalam keadaan marfu' "talak hamba itu dua talak". Mukatab dan muba'ad dan mudabbar sama seperti hamba tulen. Mereka tidak mengiktibarkan kemerdekaan isteri kerana apa yang telah lalu.

تَنْبِيْهٌ : قَدْ يَمْلِكُ الْعَبْدُ ثَالِثَةً كَدَمِيٍّ طَلَّقَ زَوْجَتَهُ طَلْقَتَيْنِ ثُمَّ انْتَحَقَ بِدَارِ الْحَرْبِ وَاسْتُرِقَّ ثُمَّ أَرَادَ نِكَاحَهَا فَإِنَّهَا تَحِلُّ لَهُ عَلَى الْأَصْحَاحِ، وَيَمْلِكُ عَلَيْهَا الثَّالِثَةَ، لِأَنَّهَا لَمْ تَحْرُمَ عَلَيْهِ بِالطَّلْقَتَيْنِ، وَطَرِيَانُ الرَّقِّ لَا يَمْنَعُ الْحُلَّ السَّابِقَ بِخِلَافِ مَا لَوْ طَلَّقَهَا طَلْقَةً ثُمَّ اسْتُرِقَّ فَإِنَّهَا تَعُودُ لَهُ بِطَلْقَةٍ فَقَطْ، لِأَنَّهُ رَقٌّ قَبْلَ اسْتِيفَاءِ عَدَدِ الْعَبِيدِ.

1973. Tanbih. Terkadang hamba memiliki tiga talak seperti zimmi yang mentalakkan isterinya dua talak kemudian dia memasuki negeri harbi dan diperhambakan kemudian dia hendak mengahwini isterinya maka isterinya halal baginya di atas yang paling sah, dan dia memiliki di atasnya talak yang ketiga kerana si istei itu tidak haram di atasnya dengan dua talak dan kedatangan kehambaan itu tidak menegah halal yang terdahulu, bersalahan keadaan kalau dia mentalakkanya satu talak kemudian dia diperhambakan maka isterinya kembali kepadanya dengan satu talak sahaja kerana dia menjadi hamba sebelum sempurna bilangan talak bagi hamba.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الثَّانِي وَهُوَ الْإِسْتِثْنَاءُ بِقَوْلِهِ : (وَيَصِحُّ الْإِسْتِثْنَاءُ فِي الطَّلَاقِ) لِيُفَوِّعَهُ فِي الْقُرْآنِ وَالسُّنَّةِ وَكَلَامِ الْعَرَبِ. وَهُوَ الْإِخْرَاجُ بِإِلَّا أَوْ إِحْدَى أَخَوَاتِهَا.

1974. Kemudian dia masuk pada bahagian kedua iaitu istithna i.e pengecuaian dengan katanya (sah istithna pada talak) kerana jatuhnya didalam Quran dan sunnah dan kalam arab. Ia adalah mengeluarkan dengan "melainkan" atau satu daripada saudara-saudaranya.

وَلِصِحَّتِهِ شُرُوطٌ خَمْسَةٌ : وَهِيَ (إِذَا وَصَلَهُ بِهِ) أَيِّ بِالْيَمِينِ وَنَوَاهُ قَبْلَ فَرَاعِهِ وَقَصَدَ بِهِ رَفَعَ حُكْمَ الْيَمِينِ وَتَلَفَّظَ بِهِ مُسْمَعًا بِهِ نَفْسَهُ وَلَمْ يَسْتَعْرِقْ.

1975. Bagi sahnya lima syarat. Iaitu (apabila dia menyambungkan istithna dengannya) iaitu dengan sumpah dan meniatkannya sebelum selesainya dan bermaksud mengangkat hukum sumpah dengannya dan berlafaz dengannya dengan mendengarkannya kepada dirinya dan tidak menghabisi.

فَلَوْ انْفَصَلَ زَانِدًا عَلَى سَكْتَةِ التَّنْفُسِ ضَرَّ أَمَا لَوْ سَكَتَ لِتَنَفُّسٍ، أَوْ انْقِطَاعِ صَوْتِ فَاتِنَهُ لَا يَضُرُّ، لِأَنَّ ذَلِكَ لَا يُعَدُّ فَاصِلًا بِخِلَافِ الْكَلَامِ الْأَجْنَبِيِّ وَلَوْ يَسِيرًا أَوْ نَوَاهُ بَعْدَ فَرَاعِ الْيَمِينِ ضَرَّ، بِخِلَافِ مَا إِذَا نَوَاهُ قَبْلَهَا، لِأَنَّ الْيَمِينِ إِنَّمَا تُعْتَبَرُ بِتَمَامِهَا، وَذَلِكَ صَادِقٌ بِأَنَّ يَنْوِيهِ أَوْلَهَا أَوْ آخِرَهَا أَوْ مَا بَيْنَهُمَا، أَوْ لَمْ يَقْصِدْ بِهِ رَفَعَ حُكْمَ الْيَمِينِ أَوْ قَصَدَ بِهِ رَفَعَ الْيَمِينِ وَلَمْ يَتَلَفَّظْ بِهِ، أَوْ تَلَفَّظَ بِهِ وَلَمْ يَسْمَعْ بِهِ نَفْسَهُ عِنْدَ اعْتِدَالِ سَمْعِهِ أَوْ اسْتَعْرِقَ الْمُسْتَنْثَى مِنْهُ ضَرَّ. وَالْمُسْتَعْرِقُ بَاطِلٌ بِالْإِجْمَاعِ كَمَا قَالَهُ الْإِمَامُ وَالْإِمْدِيُّ. فَلَوْ قَالَ : أَنْتِ طَالِقٌ ثَلَاثًا إِلَّا ثَلَاثًا لَمْ يَصِحَّ الْإِسْتِثْنَاءُ وَطَلَّقْتَ ثَلَاثًا.

1976. Maka kalau ia terpisah lebih di atas diam bernafas ia memudharatkan. Adapun kalau dia diam untuk bernafas atau putus suara maka ia tidak memudharatkan kerana demikian itu tidak dikira sebagai yang menceraikan. Bersalahan kalam ajnabi walaupun sedikit. Atau dia niatkan istithna selepas selesai sumpah, ia memudharatkan. Bersalahan keadaan apabila dia niatkannya sebelumnya kerana sumpah hanyalah diiktibarkan dengan sempurnanya. Demikian itu terbenar dengan bahawa dia niatkannya pada awalnya atau pada akhirnya atau di antara keduanya atau dia tidak bermaksud mengangkat hukum sumpah dengannya, atau dia bermaksud mengangkat sumpah dengannya dan tidak berlafaz dengannya, atau berlafaz dengannya dan tidak mendengarkan dirinya di sisi sederhana pendengaran, atau ia

menghabisi mustathna minhu, ia memudharatkan. Yang dihabisi itu batil dengan ijmak sepertimana dikatakan Imam dan Amudi. Maka kalau dia kata : kamu tertalak tiga melainkan tiga, tidak sah istithna dan tertalak dia tiga.

وَيَصِحُّ تَقْدِيمُ الْمُسْتَنْثَى عَلَى الْمُسْتَنْثَى مِنْهُ كَأَنْتِ إِلاَّ وَاحِدَةً طَالِقٌ ثَلَاثًا . وَالْإِسْتِثْنَاءُ يُعْتَبَرُ مِنَ الْمَلْفُوظِ لِأَنَّ مِنَ الْمَمْلُوكِ . فَلَوْ قَالَ : أَنْتِ طَالِقٌ خَمْسًا إِلاَّ ثَلَاثًا وَقَعَ طَلَقَتَانِ . وَلَوْ قَالَ : أَنْتِ طَالِقٌ ثَلَاثًا إِلاَّ نِصْفَ طَلْقَةٍ وَقَعَ ثَلَاثًا ، لِأَنَّهُ إِذَا اسْتَنْثَى مِنْ طَلْقَةٍ بَعْضَ طَلْقَةٍ بَقِيَ بَعْضُهَا وَمَتَى بَقِيَ كَمَلَتْ .

1977. Sah mendulukan mustathna di atas mustathna minhu seperti: kamu melainkan satu tertalak tiga. Istithna itu diiktibarkan dari yang dilafazkan bukan dari yang dimiliki. Maka kalau dia kata: kamu tertalak lima melainkan tiga jatuh dua talak. Kalau dia kata : kamu tertalak tiga melainkan setengah talak jatuh tiga kerana apabila dia mengecualikan dari satu talak akan sebahagian talak kekal sebahagiannya dan bila ia kekal sempurnalah ia.

تَنْبِيْهٌ : يُطْلَقُ الْإِسْتِثْنَاءُ شَرْعًا عَلَى التَّغْلِيْقِ بِمَشِيئَةِ اللَّهِ تَعَالَى كَقَوْلِهِ أَنْتِ طَالِقٌ إِنْ شَاءَ اللَّهُ تَعَالَى ، أَوْ إِنْ لَمْ يَشَأْ اللَّهُ تَعَالَى طَلَاكَ ، وَقَصْدُ التَّغْلِيْقِ بِالْمَشِيئَةِ فِي الْأَوَّلَى وَبِعَدْمِهَا فِي الثَّانِيَةِ قَبْلَ فِرَاقِ الطَّلَاقِ ، لَمْ يَخْنَثْ ، لِأَنَّ الْمَعْلُوقَ عَلَيْهِ مِنْ مَشِيئَةِ اللَّهِ تَعَالَى وَعَدْمِهَا غَيْرُ مَعْلُومٍ . فَإِنْ لَمْ يَقْصِدْ بِالْمَشِيئَةِ التَّغْلِيْقَ بِأَنْ سَبَقَ إِلَى لِسَانِهِ لِتَعَوُّدِهِ بِهَا كَمَا هُوَ الْأَدَبُ أَوْ قَصْدَهَا بَعْدَ الْفِرَاقِ مِنَ الطَّلَاقِ أَوْ قَصْدَ بِهَا التَّيْرُكَ أَوْ أَنْ كُلَّ شَيْءٍ بِمَشِيئَةِ اللَّهِ تَعَالَى أَوْ لَمْ يَعْلَمْ هَلْ قَصْدَ التَّغْلِيْقِ أَمْ لَا خَنْثٌ . وَكَذَا إِنْ أَطْلَقَ كَمَا هُوَ قَضِيَّةٌ كَلَامِهِمْ .

1978. Tanbih. Diturunkan istithna pada syara' di atas ta'lik dengan kehendak Allah taala seperti katanya : kamu tertalak jika Allah taala hendak, atau jika Allah taala tidak hendakkan talak kamu, dan dia kasadkan ta'lim dengan kehendak Allah pada yang pertama itu dan dengan tidak adanya pada yang kedua sebelum selesai talak itu, tidak batal sumpah dia kerana yang dita'likkan di atasnya itu daripada kehendak Allah taala dan tidak adanya tidak diketahui. Maka jika dia tidak bermaksud menta'likkan dengan kehendak itu dengan bahawa terlanjar lidahnya kerana ia menjadi adatnya sepertimana ianya adab atau dia maksudkannya selepas selesai dari talak atau dia bermaksud mengambil berkat dengannya atau bahawa setiap suatu itu terjadi dengan kehendak Allah taala atau tidak dia tahu adakah dia maksudkan ta'lik atau tidak batal sumpah dia, begitu juga jika dia mengitlak sepertimana ia kehendak kalamnya.

وَكَذَا يَمْنَعُ التَّغْلِيْقُ بِالْمَشِيئَةِ ائْتِقَادَ نِيَّةٍ وَضُوءٍ وَصَلَاةٍ وَصَوْمٍ وَغَيْرِهَا عِنْدَ قَصْدِ التَّغْلِيْقِ وَائْتِقَادَ تَغْلِيْقٍ وَائْتِقَادَ عِتْقٍ وَائْتِقَادَ يَمِينٍ وَائْتِقَادَ نَذْرِ وَائْتِقَادَ كُلِّ تَصَرُّفٍ غَيْرِ مَا ذَكَرَ مِمَّا حَقَّهُ الْجُزْمُ كَبَيْعٍ وَإِفْرَارٍ وَإِجَارَةٍ .

1979. Begitu juga ta'lik dengan kehendak Allah menegah terjadi niat wudhuk dan sembahyang dan puasa dan selainnya di sisi kasad menta'likkan, dan menegah terjadi ta'lik dan terjadi memerdekakan hamba dan terjadi sumpah dan terjadi nazar dan terjadi setiap tasarruf selain apa yang disebutkan daripada apa yang haknya jazam seperti jual dan pengakuan dan kelulusan.

وَلَوْ قَالَ : يَا طَالِقُ إِنْ شَاءَ اللَّهُ وَقَعَ طَلْقَةٌ فِي الْأَصْحَحِ نَظْرًا لِصُورَةِ النَّدَاءِ الْمُشْعِرِ بِحُصُولِ الطَّلَاقِ حَالَتَهُ ، وَالْحَاصِلُ لَا يُعْلَقُ ، بِخِلَافِ " أَنْتِ طَالِقٌ " ، فَإِنَّهُ كَمَا قَالَ الرَّافِعِيُّ قَدْ يُسْتَعْمَلُ عِنْدَ الْقُرْبِ مِنْهُ وَتَوَقُّعِ الْحُصُولِ ، كَمَا يُقَالُ لِلْقَرِيبِ مِنَ الْوُصُولِ أَنْتِ وَاصِلٌ ، وَلِلْمَرِيضِ الْمُتَوَقِّعِ شِفَاؤَهُ أَنْتِ صَحِيحٌ ، فَيُنْتَظَمُ الْإِسْتِثْنَاءُ فِي مِثْلِهِ .

1980. Kalau dia katakan : wahai yang tertalak jika Allah kehendaki, jatuh satu talak pada yang paling sahih kerana memandang kepada rupa seruan yang menyedarkan terhasil talak ketika seruan itu, dan sesuatu yang terhasil tidak dita'likkan,

bersalahan “kamu orang yang tertalak”, maka ianya sepertimana kata Rafi’e terkadang digunakan di sisi dekat dengan talak dan di sisi dijangkakan terhasil talak sepertimana dikatakan kepada yang dekat sampai : kamu sampai, dan kepada orang sakit yang dijangkakan sembuh : kamu sihat, maka tersusun istithna pada seumpamanya.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الثَّلَاثِ وَهُوَ التَّعْلِيْقُ بِقَوْلِهِ : (وَيَصِحُّ تَعْلِيْقُهُ) أَي الطَّلَاقُ قِيَاسًا عَلَى الْعِتْقِ (بِالصَّفَةِ) ، فَتَطْلُقُ عِنْدَ وُجُودِهَا. فَإِذَا قَالَ لَهَا : أَنْتَ طَالِقٌ فِي شَهْرٍ كَذَا أَوْ فِي عَرَّتِهِ أَوْ فِي رَأْسِهِ أَوْ فِي أَوَّلِهِ وَقَعَ الطَّلَاقُ مَعَ أَوَّلِ جُزْءٍ مِنَ اللَّيْلِ الْأَوَّلَى مِنْهُ، أَوْ : أَنْتَ طَالِقٌ فِي نَهَارِ شَهْرٍ كَذَا أَوْ أَوَّلِ يَوْمٍ مِنْهُ فَتَطْلُقُ بِأَوَّلِ فَجْرِ يَوْمٍ مِنْهُ، أَوْ : أَنْتَ طَالِقٌ فِي آخِرِ شَهْرٍ كَذَا أَوْ سَخِّهِ فَتَطْلُقُ بِآخِرِ جُزْءٍ مِنَ الشَّهْرِ، إِنْ عَلَّقَ بِأَوَّلِ آخِرِهِ طَلَّقْتَ بِأَوَّلِ الْيَوْمِ الْآخِرِ مِنْهُ، لِأَنَّهُ أَوَّلُ آخِرِهِ. وَلَوْ عَلَّقَ بِآخِرِ أَوَّلِهِ طَلَّقْتَ بِآخِرِ الْيَوْمِ الْأَوَّلِ مِنْهُ، لِأَنَّهُ آخِرُ أَوَّلِهِ،

1981. Kemudian dia masuk pada bahagian ketiga iaitu ta’lik dengan katanya : (sah menta’likkannya) iaitu talak kerana kias di atas memerdekakan hamba (dengan sifat) maka dia tertalak di sisi ujudnya. Maka apabila suami kata kepada isterinya : kamu tertalak pada bulan sekian atau pada ghurrahnya¹¹⁵ atau pada kepalanya atau pada awalnya, jatuh talak beserta jujuk yang awal daripada malam yang pertama darinya, atau : kamu tertalak pada siang bulan sekian atau awal hari darinya, maka dia tertalak dengan awal fajar siang darinya, atau : kamu tertalak pada akhir bulan sekian¹¹⁶ maka dia tertalak dengan akhir jujuk daripada bulan itu. Kalau dia menta’likkan dengan akhir hari awalnya tertalak dia dengan akhir siang hari pertama darinya, kerana ia akhir hari pertamanya.

وَلَوْ عَلَّقَ بِأَنْتِصَافِ الشَّهْرِ طَلَّقْتَ بِغُرُوبِ شَمْسِ الْخَامِسِ عَشَرَ وَإِنْ نَقَصَ الشَّهْرُ، لِأَنَّهُ الْمَفْهُومُ مِنْ ذَلِكَ . وَلَوْ عَلَّقَ بِنِصْفِ نِصْفِهِ الْأَوَّلِ طَلَّقْتَ بِطُلُوعِ فَجْرِ الثَّامِنِ، لِأَنَّ نِصْفَ نِصْفِهِ سَبْعَ لَيَالٍ وَنِصْفَ سَبْعَةِ أَيَّامٍ وَنِصْفَ، وَاللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ فَيَقَابِلُ نِصْفَ لَيْلَةٍ بِنِصْفِ يَوْمٍ وَيَجْعَلُ ثَمَانِي لَيَالٍ وَسَبْعَةَ أَيَّامٍ نِصْفًا وَسَبْعَ لَيَالٍ وَثَمَانِيَةَ أَيَّامٍ نِصْفًا.

1982. Kalau dia ta’likkan dengan masuk setengah bulan itu dia tertalak dengan tenggelam matahari hari kelima belas sekalipun bulan itu kurang, kerana ia yang difaham dari demikian itu. Kalau dia menta’likkan dengan setengah setengahnya yang pertama dia tertalak dengan terbit fajar hari kelapan, kerana setengah setengahnya adalah tujuh malam dan setengah dan tujuh siang dan setengah, dan malam itu mendului siang maka disetentangkan setengah malam dengan setengah siang dan dijadikan lapan malam dan tujuh siang sebagai setengah, dan tujuh malam dan lapan siang sebagai setengah.

وَلَوْ عَلَّقَ بِمَا بَيْنَ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ طَلَّقْتَ بِالْغُرُوبِ إِنْ عَلَّقَ نَهَارًا وَبِالْفَجْرِ إِنْ عَلَّقَ لَيْلًا، إِذْ كُلُّ مِنْهُمَا عِبَارَةٌ عَنْ مَجْمُوعِ جُزْءٍ مِنَ اللَّيْلِ وَجُزْءٍ مِنَ النَّهَارِ، إِذْ لَا فَاصِلَ بَيْنَ الزَّمَانَيْنِ.

1983. Kalau suami menta’likkan dengan apa yang di antara malam dan siang tertalak isteri dengan ghurub matahari jika dia menta’likkan dengan siang, dan dengan fajar jika dia menta’likkan dengan malam kerana setiap dari keduanya ibarat dari himpunan satu jujuk daripada malam dan satu jujuk daripada siang kerana tidak ada yang menceraikan di antara dua masa itu.

¹¹⁵. ghurrah satu bulan itu tiga hari tiga malam pada setiap awal bulan.

¹¹⁶. “سلخ الشهر” – akhir bulan.

وَقَوْلُهُ : (وَالشَّرْطُ) مَجْرُورٌ عَطْفًا عَلَى الصِّفَةِ قَالَ فِي الْمَطْلَبِ، وَقَدْ أُسْتُوْنِسَ لِحَوَازِ تَعْلِيْقِ الطَّلَاقِ بِالشَّرْطِ بِقَوْلِهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ {المُؤْمِنُونَ عِنْدَ شُرُوطِهِمْ}. انْتَهَى.

1984. Katanya (dan syarat) dijarkan kerana 'ataf ke atas "sifat". Katanya didalam al Matlab : sesungguhnya ia digemari kerana harus menta'likkan talak dengan syarat dengan sabda nabi s.a.w.m "orang beriman itu di sisi syarat mereka". Intaha.

وَأَدْوَاتُ التَّعْلِيْقِ بِالشَّرْطِ وَالصِّفَاتِ : إِنْ وَهِيَ أُمَّ الْبَابِ نَحْوُ إِنْ دَخَلْتَ الدَّارَ فَأَنْتِ طَالِقٌ ، وَمَنْ يَفْتَحِ الْمِيْمَ كَمَنْ دَخَلَتْ مِنْ نِسَائِي الدَّارَ فَهِيَ طَالِقٌ، وَإِذَا وَمَتَى وَمَتَى مَا بَزِيَادَةِ مَا، وَكُلَّمَا نَحُو كُلَّمَا دَخَلْتَ الدَّارَ وَاحِدَةً مِنْ نِسَائِي فَهِيَ طَالِقٌ، وَأَيُّ كَأَيِّ وَقْتٍ دَخَلْتَ الدَّارَ فَأَنْتِ طَالِقٌ.

1985. Alat-alat untuk menta'likkan talak dengan syarat dan sifat adalah

- "إِنْ" i.e jika, yang mana ia ibu bab ini, umpama "jika kamu masuk rumah itu maka kamu tertalak",
- dan "مَنْ" i.e siapa seperti "siapa dari kalangan isteri-isteri ku memasuki rumah itu maka dia tertalak",
- dan "إِذَا" dan "مَتَى" dan "مَتَى مَا" dengan tambahan "مَا" i.e bila,
- dan "كُلَّمَا" i.e setiap kali, umpama "setiap kali masuk rumah itu seorang dari isteri-isteri aku maka dia tertalak",
- dan "أَيُّ" i.e mana-mana, seperti mana-mana waktu kamu masuk rumah itu maka kamu tertalak.

وَمِنْ الْأَدْوَاتِ إِذْ مَا عَلَى رَأْيِ سَبِيْبِيهِ وَمَهْمَا وَهِيَ بِمَعْنَى مَا، وَمَا الشَّرْطِيَّةُ ، وَإِذَا مَا وَأَيًّا مَا كَلِمَةً، وَأَيَّانَ وَهِيَ كَمَتَى فِي تَعْمِيْمِ الْأَزْمَانِ، وَأَيْنَ وَحَيْثُمَا لِتَعْمِيْمِ الْأَمَكْنَةِ وَكَيْفَ وَكَيْفَمَا لِتَعْلِيْقِ عَلَى الْأَحْوَالِ.

1986. Daripada adat-adatnya adalah "إِذَا مَا" i.e bila-bila di atas pendapat Sibawaih, dan "أَيَّانَ" yang ianya dengan makna "مَا", dan "مَا" syarat dan "إِذَا مَا" dan "أَيَّانَ" satu kalimah¹¹⁷, dan "أَيَّانَ" yang mana ia seperti "مَتَى" i.e bila-bila pada meratai masa-masa dan "أَيْنَ" dan "حَيْثُمَا" i.e dimana-mana untuk meratai tempat-tempat dan "كَيْفَ" dan "كَيْفَمَا" i.e bagaimana cara untuk menta'likkan di atas keadaan-keadaan.

وَفِي فَتَاوَى الْعَرَالِي أَنْ التَّعْلِيْقَ يَكُونُ بِلَا فِي بَلَدٍ عَمَّ الْعُرْفُ فِيهَا ، كَقَوْلِ أَهْلِ بَغْدَادَ : أَنْتِ طَالِقٌ لَا دَخَلْتَ الدَّارَ. وَيَكُونُ التَّعْلِيْقُ أَيْضًا بِلَوْ كَ: أَنْتِ طَالِقٌ لَوْ دَخَلْتَ الدَّارَ، كَمَا قَالَهُ الْمَاوَرِدِيُّ.

1987. Didalam fatawa Ghazali bahawa mentalikkan itu adalah dengan "لَا" i.e jangan pada tempat yang umum 'uruf padanya seperti kata penduduk Baghdad "kamu tertalak jangan kamu masukki rumah itu", dan adalah ta'lik juga dengan "لَوْ" i.e kalau seperti "kamu tertalak kalau kamu masuki rumah itu" sepertimana dikatakan Mawardi.

وَهَذِهِ الْأَدْوَاتُ لَا تَقْتَضِيْنَ الْوُقُوعَ بِالْوَضْعِ فَوْرًا فِي الْمُعْلَقِ عَلَيْهِ وَلَا تَرَخِيًّا إِنْ عُلِقَ بِمُثَبَّتٍ كَالدُّخُولِ فِي غَيْرِ خُلْعٍ. أَمَّا فِيهِ فَإِنَّهَا تُفِيدُ الْفَوْرِيَّةَ فِي بَعْضِ صَيَغِهِ كَأَنَّ وَإِذَا، كَأَنَّ صُمْتُ أَوْ إِذَا صُمْتُ لِي أَلْفَا فَأَنْتِ طَالِقٌ. وَكَذَا تُفِيدُ الْفَوْرَ فِي التَّعْلِيْقِ بِالمَشِيْنَةِ نَحْوُ : أَنْتِ طَالِقٌ إِنْ أَوْ إِذَا شُنْتُ.

1988. Alat-alat ini dengan hantarannya tidak menuntut jatuh di atas jalan segera pada yang dita'likkan di atasnya dan tidak di atas jalan berlambatan jika dia menta'likkan dengan suatu yang muthbat seperti "masuk" pada selain tebus talak. Adapun pada khulu' maka ia memberi faedah segera pada sebahagian sighthanya seperti "jika" dan "bila" seperti "jika kamu puasa atau apabila kamu menjamin bagi aku seribu maka kamu tertalak. Begitu juga ia memberi faedah segera pada ta'lik dengan kehendak umpama "kamu tertalak jika atau apabila kamu hendak".

¹¹⁷. kata Bajirimi : "إِذَا مَا" dan "أَيَّانَ" mubtada dan katanya "kalimah" khabar.

وَلَا تَقْتَضِي هَذِهِ الْأَدْوَاتُ تَكَرُّرًا فِي الْمُعَلَّقِ عَلَيْهِ، بَلْ إِذَا وُجِدَ مَرَّةً وَاحِدَةً فِي غَيْرِ نَسْيَانٍ وَلَا إِكْرَاهٍ انْحَلَّتْ الْيَمِينُ، وَلَمْ يُؤْتَرْ وَجُودُهَا تَانِيًا إِلَّا فِي كُلِّمَا، فَإِنَّ التَّغْلِيْقَ بِهَا يُفِيدُ التَّكَرُّرَ. فَلَوْ قَالَ مَنْ لَهُ عَيْدٌ وَتَحْتَهُ أَرْبَعٌ نِسْوَةٌ إِنْ طَلَّقْتُ وَاحِدَةً فَعَبْدٌ مِنْ عِبِيدِي حُرٌّ، أَوْ ثِنْتَيْنِ فَعَبْدَانِ أَوْ ثَلَاثًا فثَلَاثَةٌ أَوْ أَرْبَعَةً فَأَرْبَعَةٌ، وَطَلَّقَ أَرْبَعًا مَعًا أَوْ مُرْتَبًا عَشْرَةَ، وَاحِدٌ بِطَلَّاقِ الْأُولَى وَاثْنَانِ بِطَلَّاقِ الثَّانِيَةِ وَثَلَاثَةٌ بِطَلَّاقِ الثَّلَاثَةِ وَأَرْبَعَةٌ بِطَلَّاقِ الرَّابِعَةِ. وَمَجْمُوعُ ذَلِكَ عَشْرَةٌ.

1989. Adat-adat ini tidak menuntut ulangan pada apa yang dita'likkan di atasnya bahkan apabila ia didapati sekali pada selain lupa dan paksaan terungkailah sumpah itu, dan tidak berkesan ujudnya kali kedua melainkan pada "setiap kali". Maka ta'lik dengannya berfaedah ulangan. Maka kalau orang yang punya hamba dan ada dibawahnya empat isteri berkata : jika aku talakkan seorang maka seorang dari hamba-hamba ku merdeka, atau dua orang maka dua hamba, atau tiga orang maka tiga hamba atau empat orang maka empat hamba, dan dia mentalakkan empat isterinya serentak atau berturutan merdeka sepuluh orang, seorang dengan talak pertama, dua orang dengan talak kedua, tiga orang dengan talak ketiga dan empat orang dengan talak keempat. Himpunan demikian itu sepuluh.

وَلَوْ عَلَّقَ بِكُلِّمَا فَخَمْسَةٌ عَشْرَ، لِأَنَّهَا تَقْتَضِي التَّكَرُّرَ كَمَا مَرَّ، لِأَنَّ فِيهَا أَرْبَعَةَ أَحَادٍ وَاثْنَيْنِ مَرَّتَيْنِ وَثَلَاثَةَ وَأَرْبَعَةَ، فَيَعْنِقُ وَاحِدٌ بِطَلَّاقِ الْأُولَى، وَثَلَاثٌ بِطَلَّاقِ الثَّانِيَةِ لِأَنَّهُ صَدَقَ عَلَيْهِ طَلَّاقٌ وَاحِدَةً وَطَلَّاقٌ ثِنْتَيْنِ، وَأَرْبَعَةٌ بِطَلَّاقِ الثَّلَاثَةِ لِأَنَّهُ صَدَقَ عَلَيْهِ طَلَّاقٌ وَاحِدَةً وَطَلَّاقٌ ثَلَاثًا، وَسَبْعَةٌ بِطَلَّاقِ الرَّابِعَةِ لِأَنَّهُ صَدَقَ عَلَيْهِ طَلَّاقٌ وَاحِدَةً وَطَلَّاقٌ ثِنْتَيْنِ غَيْرِ الْأُولَيَيْنِ وَطَلَّاقٌ أَرْبَعَةَ. وَمَجْمُوعُ ذَلِكَ خَمْسَةٌ عَشْرَ.

1990. Kalau dia menta'likkan dengan "setiap kali maka lima belas orang hamba kerana ia menuntut berulang seperti mana telah lalu, kerana padanya ada empat satu-satu dan dua dua kali dan tiga dan empat¹¹⁸, maka merdeka seorang hamba dengan talak pertama, dan merdeka tiga hamba dengan talak yang kedua kerana terbenar di atasnya¹¹⁹ oleh talak seorang isteri dan talak dua orang isteri, dan merdeka empat hamba dengan talak ketiga kerana terbenar di atasnya oleh talak seorang dan talak tiga orang, dan merdeka tujuh hamba dengan talak keempat kerana terbenar di atasnya oleh talak seorang dan talak dua orang selain dua orang yang pertama dan talak empat orang. Himpunan demikian itu lima belas.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الرَّابِعِ وَهُوَ الْمَحَلُّ بِقَوْلِهِ : (وَلَا يَقَعُ الطَّلَاقُ) الْمُعَلَّقُ (قَبْلَ النِّكَاحِ) بَعْدَ وَجُودِهِ لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { لَا طَلَّاقَ إِلَّا بَعْدَ نِكَاحٍ } . صَحَّحَهُ التِّرْمِذِيُّ.

1991. Kemudian dia masuk pada bahagian keempat iaitu tempat dengan katanya (**tidak jatuh talak**) yang dita'likkan (**sebelum nikah**) selepas ujudnya kerana sabda nabi s.a.w.m "tidak ada talak melainkan selepas nikah". Mengesahkannya Turmizi.

ثُمَّ شَرَعَ فِي الْقِسْمِ الْخَامِسِ وَهُوَ شُرُوطُ الْمُطَلَّقِ بِقَوْلِهِ : (وَأَرْبَعٌ لَا يَقَعُ طَلَّاقُهُمْ) بِتَنْجِيْزٍ وَلَا تَغْلِيْقٍ . الْأَوَّلُ (الصَّبِيُّ) وَالثَّانِي (الْمَجْنُونُ ، وَ) الثَّلَاثُ (النَّائِمُ) لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { رَفَعَ الْقَلَمُ عَنْ ثَلَاثٍ : عَنْ الصَّبِيِّ حَتَّى يَبْلُغَ وَعَنْ الْمَجْنُونِ حَتَّى يَفِيْقَ وَعَنْ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيْقِظَ } . صَحَّحَهُ أَبُو دَاوُدَ وَعَيْزَةُ . وَحَيْثُ ارْتَفَعَ عَنْهُمْ الْقَلَمُ بَطَلَ تَصَرُّفُهُمْ.

1992. Kemudian dia masuk pada bahagian kelima iaitu syarat-syarat orang yang mentalakkan dengan katanya (**empat tidak jatuh talak mereka**) dengan dia meluluskan

¹¹⁸ لِأَنَّ فِيهَا صِفَةَ الْوَاحِدَةِ أَرْبَعُ مَرَّاتٍ وَصِفَةَ الْإِثْنَيْنِ مَرَّتَيْنِ وَصِفَةَ الثَّلَاثَةِ مَرَّةً وَاحِدَةً وَصِفَةَ الْأَرْبَعَةِ كَذَلِكَ.

¹¹⁹ . iaitu terbenar diatas talak yang kedua...

dan tidak dengan menta'likkan. Pertamanya (**kanak-kanak**) keduanya (**orang gila dan**) ketiganya (**orang tidur**) kerana sabda nabi s.a.w.m “diangkatkan pena dari tiga : dari kanak-kanak hingga dia baligh dan dari orang gila hingga dia siuman dan dari orang tidur hingga dia sedar”. Mengesahkannya Abu Daud dan selainnya. Sekira-kira terangkat pena dari mereka batal tasarruf mereka.

نَعَمْ لَوْ طَرَأَ الْجُنُونُ مِنْ سُرْرٍ تَعَدَّى بِهِ صَحَّ تَصَرُّفُهُ، لِأَنَّهُ لَوْ طَلَّقَ فِي هَذَا الْجُنُونِ وَقَعَ طَلَّاقُهُ عَلَى الْمَذْهَبِ الْمَنْصُوصِ فِي كُتُبِ الشَّافِعِيِّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ كَمَا قَالَهُ فِي الرَّوْضَةِ. وَالْمُبْرَسَمُ وَالْمَعْتُوهُ وَهُوَ النَّاقِصُ الْعَقْلِ كَمَا فِي الصَّحَاحِ كَالْمَجْنُونِ.

1993. Na'am, kalau mendatang gila kerana mabuk yang dia melampau dengannya sah tasarrufnya kerana kalau dia mentalakkan pada gila ini jatuh talaknya di atas mazhab yang dinaskan didalam kitab-kitab Syafi'e radhiallahu anhu sepertimana Nawawi katakan didalam Raudhah. Orang yang sakit otak dan orang yang kurang akal seperti orang gila.

(وَ) الرَّابِعُ (الْمَكْرَهَ) بِفَتْحِ الرَّاءِ عَلَى طَلَّاقِ زَوْجَتِهِ ، لَا يَقَعُ طَلَّاقُهُ، خِلَافًا لِأَبِي حَنِيفَةَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، لِقَوْلِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { رَفَعَ عَنْ أُمَّتِي الْخَطَأَ وَالنِّسْيَانَ وَمَا اسْتَكْرَهُوا عَلَيْهِ } ، وَلِخَبَرِ : { لَا طَلَّاقَ فِي إِغْلَاقِ } أَيِ إِكْرَاهِهِ. رَوَاهُ أَبُو دَاوُدَ وَالْحَاكِمُ وَصَحَّ إِسْنَادُهُ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ.

1994. Keempatnya (**orang yang dipaksa**) di atas mentalakkan isterinya, tidak jatuh talaknya, bersalahan Abu Hanifah r.a kerana sabda nabi s.a.w.m “diangkatkan dari umat ku kesilapan dan lupa dan apa yang mereka dipaksa di atasnya” dan kerana khabar “tidak ada talak pada ighlaq” iaitu paksaan. Meriwayatkannya Abu Daud dan Hakim dan dia mengesahkan isnadnya di atas syarat Muslim.

فَإِنْ ظَهَرَ مِنَ الْمَكْرَهِ قَرِينَةٌ اخْتِيَارٌ مِنْهُ لِلطَّلَاقِ كَأَنْ أُكْرِهَ عَلَى ثَلَاثِ طَلَّاقَاتٍ فَطَلَّقَ وَاحِدَةً أَوْ عَلَى طَلَّاقٍ صَرِيحٍ فَكُنِيَ وَنَوَى أَوْ عَلَى تَغْلِيْقٍ فَفَجَزَّ أَوْ بِالْعَكْسِ لِهَذِهِ الصُّورِ وَقَعَ الطَّلَاقُ فِي الْجَمِيعِ، لِأَنَّ مُخَالَفَتَهُ تُشْعِرُ بِاخْتِيَارِهِ فِيمَا أَتَى بِهِ.

1995. Maka jika zahir dari orang yang dipaksa itu karenah pilihan dari dirinya untuk talak seperti bahawa dia dipaksa di atas talak tiga maka dia mentalakkan satu atau di atas talak yang jelas maka dia membuat kinayah dan berniat atau di atas menta'likkan maka dia meluluskan atau dengan 'akas rupa-rupa masaalah ini, jatuh talak pada semuanya kerana tidak menurutinya akan paksaan itu memahamkan pilihannya pada apa yang dia datangkan.

وَشَرَطُ حُصُولِ الْإِكْرَاهِ قُدْرَةُ الْمَكْرَهِ بِكُسْرِ الرَّاءِ عَلَى تَحْقِيقِ مَا هَدَدَ بِهِ الْمَكْرَهَ بِفَتْحِهَا تَهْدِيدًا عَاجِلًا ظَلَمًا بَوْلَايَةً أَوْ تَغْلِبَ، وَعَجَزُ الْمَكْرَهِ بِفَتْحِ الرَّاءِ عَنْ دَفْعِ الْمَكْرَهِ بِكُسْرِهَا بِهَرَبٍ أَوْ غَيْرِهِ كَاسْتِغَاثَةٍ بَغَيْرِهِ، وَظَنُّهُ أَنَّهُ إِنْ اِمْتَنَعَ مِنْ فِعْلٍ مَا أُكْرِهَ عَلَيْهِ حَقَّقَ فِعْلٌ مَا حَوَّفَهُ بِهِ، لِأَنَّهُ لَا يَتَحَقَّقُ الْعَجْزُ إِلَّا بِهَذِهِ الْأُمُورِ الثَّلَاثَةِ

1996. Syarat terhasil paksaan adalah kuasa yang memaksa di atas menyungguhkan apa yang dia ancam dengannya akan orang yang dipaksa sebagai ancaman yang tak bertempoh di atas jalan zalim dengan kekuasaan atau samseng, dan lemah yang dipaksa dari menolak yang memaksa dengan lari atau selainnya seperti meminta tolong dari orang lain, dan sangkaannya bahawa jika dia enggan dari melakukan apa yang dia dipaksa di atasnya orang yang memaksa akan menyungguhkan apa yang dia takuti dengannya, kerana tidak terpasti lemah melainkan dengan perkara-perkara yang tiga ini.

فَخَرَجَ بِعَاجِلٍ مَّا لَوْ قَالَ : لَأَفْتَنَّكَ عَدَا، فَلَيْسَ بِإِكْرَاهٍ، وَبِظُلْمًا مَّا لَوْ قَالَ وَلِيَّ الْقِصَاصِ لِلْجَائِي : طَلَّقَ زَوْجَتَكَ وَإِلَّا افْتَصَصْتُ مِنْكَ، لَمْ يَكُنْ إِكْرَاهًا.

1997. Maka keluar dengan “tak bertempoh” oleh keadaan kalau dia kata : aku akan bunuh kamu esok, maka ia bukannya paksaan, dan dengan “di atas jalan zalim” keadaan kalau wali qisas berkata kepada penjenayah : talakkan isteri kamu jika tidak aku ambil qisas dari kamu, ianya bukanlah paksaan.

وَيَحْصُلُ الْإِكْرَاهُ بِتَخْوِيفٍ بِضَرْبٍ شَدِيدٍ أَوْ حَبْسٍ طَوِيلٍ أَوْ إِتْلَافٍ مَالٍ أَوْ نَحْوِ ذَلِكَ مِمَّا يُؤْتِرُ الْعَاقِلُ لِأَجْلِهِ الْأُقْدَامَ عَلَى مَا أَكْرَهَ عَلَيْهِ.

1998. Terhasil paksaan itu dengan menakutkan dengan pukul yang kuat atau penjara yang lama atau pembinaan harta atau umpama demikian itu daripada apa yang kerananya seorang berakal memilih untuk maju ke atas apa yang dia dipaksa di atasnya.

وَيَخْتَلِفُ الْإِكْرَاهُ بِاخْتِلَافِ الْأَشْخَاصِ وَالْأَسْبَابِ الْمُكْرَهِ عَلَيْهَا فَقَدْ يَكُونُ الشَّيْءُ إِكْرَاهًا فِي شَخْصٍ دُونَ آخَرَ وَفِي سَبَبٍ دُونَ آخَرَ، فَأَلْإِكْرَاهُ بِإِتْلَافِ مَالٍ لَا يَضِيقُ عَلَى الْمُكْرَهِ بِفَتْحِ الرَّاءِ كَخَمْسَةِ دَرَاهِمٍ فِي حَقِّ الْمُوسِرِ لَيْسَ بِإِكْرَاهٍ عَلَى الطَّلَاقِ، لِأَنَّ الْإِنْسَانَ يَتَحَمَّلُهُ وَلَا يُطَلِّقُ بِخِلَافِ الْمَالِ الَّذِي يَضِيقُ عَلَيْهِ، وَالْحَبْسُ فِي الْوَجْهِ إِكْرَاهٌ وَإِنْ قُلَّ كَمَا قَالَهُ الْأَدْرَعِيُّ، وَالضَّرْبُ الْيَسِيرُ فِي أَهْلِ الْمُرَوَاتِ إِكْرَاهٌ.

1999. Berlainan paksaan dengan berlainan individu-individu dan sebab-sebab yang dipaksa di atasnya. Maka terkadang suatu perkara itu paksaan pada seorang tidak orang yang lain dan pada satu sebab tidak sebab yang lain. Maka paksaan dengan pembinaan harta yang tidak menyempitkan orang yang dipaksa seperti lima belas dirham pada hak orang kaya bukannya paksaan di atas talak, kerana manusia menanggungnya dan tidak mentalakkan, bersalahan harta yang menyempitkannya. Penjara pada orang bangsawan adalah paksaan sekalipun sedikit sepertimana dikatakan Azrai'e. Pukul yang sedikit pada orang yang bermalu adalah paksaan.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ طَلَاقِ زَوْجَتِهِ فِيمَا تَقَدَّمَ مَا إِذَا أَكْرَهَهُ عَلَى طَلَاقِ زَوْجَةٍ نَفْسِهِ، بِأَنَّ قَالَ لَهُ : طَلَّقِ زَوْجَتِي وَإِلَّا قَتَلْتُكَ، فُطِّقَهَا وَقَعَ عَلَى الصَّحِيحِ، لِأَنَّهُ أَبْلَغُ فِي الْإِذْنِ كَمَا قَالَهُ فِي الرِّوَاةِ.

2000. Keluar dengan kait “talak isterinya” pada apa yang telah lalu oleh keadaan apabila dia memaksanya di atas mentalakkan isteri dirinya dengan bahawa dia kata kepadanya : talakkan isteri aku jika tidak aku bunuh kamu, maka dia mentalakkannya jatuh ia di atas yang sah, kerana ia lebih mendalam pada izin sepertimana dikatakan didalam Raudhah.

تَتِمَّةٌ : لَوْ قَالَ لِزَوْجَتِهِ إِنْ طَلَّقْتُكَ فَأَنْتِ طَالِقٌ قَبْلَهُ ثَلَاثًا فَطَلَّقَهَا طَلْقَةً أَوْ أَكْثَرَ وَقَعَ الْمُنْجَرُّ فَقَطُّ وَلَا يَقَعُ مَعَهُ الْمُعْلَقُ لِزِيَادَتِهِ عَلَى الْمَمْلُوكِ. وَقِيلَ : لَا يَقَعُ شَيْءٌ، لِأَنَّهُ لَوْ وَقَعَ الْمُنْجَرُّ لَوَقَعَ الْمُعْلَقُ قَبْلَهُ بِحُكْمِ التَّغْلِيْقِ، وَلَوْ وَقَعَ الْمُعْلَقُ لَمْ يَقَعِ الْمُنْجَرُّ، وَإِذَا لَمْ يَقَعِ الْمُنْجَرُّ لَمْ يَقَعِ الْمُعْلَقُ.

2001. Tatimmah. Kalau dia kata kepada isterinya : jika aku talakkan kamu maka kamu tertalak sebelumnya tiga talak, maka dia mentalakkannya satu talak atau lebih jatuh yang lulus itu sahaja dan tidak jatuh bersamanya yang dita'likkan kerana lebihnya di atas apa yang dia miliki. Dikatakan : tidak jatuh sesuatu kerana kalau jatuh yang lulus itu nescaya jatuh yang dita'likkan sebelumnya dengan hukum ta'lik, dan kalau jatuh yang di'likkan itu tidak jatuh yang lulus itu, dan apabila tidak jatuh yang lulus itu tidak jatuh yang dita'likkan.

وَهَذِهِ الْمَسْأَلَةُ تُسَمَّى السُّرِّيغِيَّةَ مَنْسُوبَةً لِابْنِ سُرِّيغٍ وَجَرَى عَلَيْهَا كَثِيرٌ مِنَ الْأَصْحَابِ. وَالْأَوَّلُ هُوَ مَا صَحَّحَهُ الشَّيْخَانِ وَهُوَ الْمُعْتَمَدُ. وَقَالَ الشَّيْخُ عَزَّ الدِّينُ : لَا يَجُوزُ التَّقْلِيدُ فِي عَدَمِ الْوُقُوعِ. وَقَالَ ابْنُ الصَّبَّاحِ : وَدِدْتُ لَوْ مُحِيتْ هَذِهِ الْمَسْأَلَةُ وَابْنُ سُرِّيغٍ بَرِيءٌ مِمَّا نُسِبَ إِلَيْهِ فِيهَا.

2002. Ini masalah dinamakan suraijiah, dibangsakan kepada Ibnu Suraij, dan berjalan di atasnya ramai ashab Syafi'e. Yang pertama adalah yang ditashihkan dua syeikh yang mana ia yang muktamad. Kata syeikh Izzuddin : tidak harus taqlid pada tidak jatuhnya. Kata Ibnu Shabbagh : aku suka kalau masalah ini dihapuskan dan Ibnu Suraij bebas dari apa yang dibangsakan dia kepadanya pada masalah ini.

وَلَوْ عَلَّقَ الطَّلَاقَ بِمُسْتَحِيلٍ عُرْفًا كَصُعُودِ السَّمَاءِ وَالطَّيْرَانِ أَوْ عَقْلًا كَالْجَمْعِ بَيْنَ الضَّدَّيْنِ أَوْ شَرَعًا كَسُنْحِ صَوْمِ رَمَضَانَ لَمْ تَطْلُقْ، لِأَنَّهُ لَمْ يَنْجَزِ الطَّلَاقَ، وَإِنَّمَا عَلَّقَهُ عَلَى صِفَةٍ لَمْ تَوْجَدْ. وَالْيَمِينُ فِيمَا ذَكَرَ مُنْعَدَّةٌ حَتَّى يَخْنُثَ بِهَا الْمُعْلَقُ عَلَى الْحَلْفِ.

2003. Kalau dia menta'likkan talak dengan perkara mustahil pada 'uruf seperti naik kelangit dan terbang atau pada akal seperti himpun di antara dua yang bertentangan atau pada syara' seperti dinasakhkan puasa ramadhan tidak tertalak isterinya kerana dia tidak meluluskan talak, cuma dia menta'likkannya di atas sifat yang tidak ujud. Sumpah pada apa yang disebutkan terjadi, hinggakan batal sumpah dengannya orang yang menta'likkan di atas sumpahnya.

وَلَوْ قَالَ : لَزَوْجَتِهِ إِنْ كَلَّمْتِ زَيْدًا فَأَنْتِ طَالِقٌ ، فَكَلَّمْتِ حَائِطًا مَثَلًا وَهُوَ يَسْمَعُ لَمْ يَخْنُثْ فِي أَصْحَ الْوُجْهِينِ، لِأَنَّهَا لَمْ تُكَلِّمَهُ.

2004. Kalau dia kata kepada isterinya : jika kamu bercakap dengan Zaid maka kamu tertalak, maka dia bercakap dengan pagar sebagai contoh dan Zaid mendengar, tidak batal sumpah dia pada yang paling sah dari dua wajah, kerana isteri itu tidak bercakap dengannya.

وَلَوْ قَالَ لَهَا : إِنْ كَلَّمْتِ رَجُلًا فَأَنْتِ طَالِقٌ، فَكَلَّمْتِ أَبَاهَا أَوْ أَحَدًا مِنْ مَحَارِمِهَا طَلَّقْتَ لَوْجُودِ الصِّفَةِ. فَإِنْ قَالَ : قَصَدْتُ مَنَعَهَا مِنْ مُكَالَمَةِ الْأَجَانِبِ قَبْلَ مِنْهُ، لِأَنَّهُ الظَّاهِرُ.

2005. Kalau dia kata kepada isterinya : jika kamu bercakap dengan lelaki maka kamu tertalak, maka dia bercakap dengan bapanya atau seorang dari mahram-mahramnya tertalak dia kerana ujud sifat itu. Maka jika dia berkata : aku bertujuan menegahannya dari bercakap dengan lelaki ajnabi, diterima katanya kerana ia yang zahir.

وَفُرُوعُ الطَّلَاقِ لَا تَنْحَصِرُ، وَفِي هَذَا الْقَدْرِ كِفَايَةٌ لِمَنْ وَفَّقَهُ اللَّهُ لِهَذَا الْمُخْتَصَرِ الَّذِي عَمَّ نَفْعُهُ فِي الْوُجُودِ، وَنَفَعَ اللَّهُ تَعَالَى بِهِ وَرَحِمَ مُؤَلِّفَهُ وَشَارِحِيهِ. آمِينَ.

2006. Cabangan-cabangan talak tidak terhad, dan kadar ini cukup bagi orang yang Allah taufikkan kepada mukhtasar ini yang rata manfaatnya pada yang ujud. Moga Allah taala memberi manfaat dengannya dan mengasihi pengarangnya dan dua pensyarahnya. Amin.

فَصْلٌ : فِي الرَّجْعَةِ ، بِفَتْحِ الرَّاءِ أَفْصَحَ مِنْ كَسْرِهَا عِنْدَ الْجَوْهَرِيِّ وَالْكَسْرُ أَكْثَرُ عِنْدَ الْأَزْهَرِيِّ. وَهِيَ لُغَةٌ الْمَرْءِ مِنَ الرَّجُوعِ، وَشَرَعًا رَدُّ الْمَرْأَةِ إِلَى النِّكَاحِ مِنْ طَّلَاقٍ غَيْرِ بَائِنٍ فِي الْعِدَّةِ عَلَى وَجْهِ مَخْصُوصٍ كَمَا يُؤْخَذُ مِمَّا سَبَقَتْ.

2007. **Fasal pada rujuk.** “رجعة” pada lughah adalah kali dari “رجوع” i.e kembali. Dan pada syara' : memulangkan perempuan kepada nikah dari talak yang tidak putus

selamanya didalam 'iddah di atas wajah yang khusus sepertimana difaham dari apa yang akan datang.

وَالْأَصْلُ فِيهَا قَبْلَ الْإِجْمَاعِ قَوْلُهُ تَعَالَى : { وَبُعُولَتُهُنَّ أَحَقُّ بِرَدِّهِنَّ فِي ذَلِكَ } أَي فِي الْعِدَّةِ { إِنْ أَرَادُوا إِصْلَاحًا } أَي رَجَعَهُ كَمَا قَالَهُ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ، وَقَوْلُهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : { أَتَانِي جِبْرِيْلُ فَقَالَ : رَاجِعْ حَفْصَةَ فَإِنَّهَا صَوَّامَةٌ قَوَّامَةٌ وَإِنَّهَا زَوْجَتُكَ فِي الْجَنَّةِ }.

2008. Asal padanya sebelum ijmak firman Allah taala "dan suami-suami mereka itu lebih berhak memulangkan mereka pada demikian itu" iaitu pada 'iddah "jika mereka hendak berbaik-baik" iaitu rujuk sepertimana dikatakan Syafi'e r.a, dan sabda nabi s.a.w.m "datang Jibril kepada aku maka katanya : rujuklah Hafsa itu maka ia sangat kuat puasa dan mendirikan ibadat dan sesungguhnya dia isteri kamu disyurga".

أَرْكَانُهَا ثَلَاثَةٌ : مَحَلٌّ وَصِيغَةٌ وَمُرْتَجِعٌ. وَأَمَّا الطَّلَاقُ فَهُوَ سَبَبٌ لَا رُكْنَ. وَبَدَأَ الْمُصَنِّفُ بِشُرُوطِ الرُّكْنِ الْأَوَّلِ وَهُوَ مَحَلٌّ بِقَوْلِهِ : (وَشُرُوطٌ) صَحَّةِ (الرَّجْعَةِ أَرْبَعَةٌ) ، وَتَرَكَ خَامِسًا وَسَادِسًا كَمَا سَتَعْرِفُهُ. الْأَوَّلُ (أَنْ يَكُونَ الطَّلَاقُ دُونَ الثَّلَاثِ) فِي الْحَرِّ وَدُونَ اثْنَيْنِ فِي الرَّقِيقِ. وَلَوْ قَالَ كَمَا فِي الْمِنْهَاجِ : لَمْ يَسْتَوْفِ عَدَدَ الطَّلَاقِ لَشِمِلَ ذَلِكَ. أَمَّا إِذَا اسْتَوْفَى ذَلِكَ فَإِنَّهُ لَا سُلْطَةَ لَهُ عَلَيْهَا.

2009. Rukun-rukunnya tiga : tempat dan sifah dan yang dirujuk. Adapun talak maka ia sebab bukan rukun. Musannif mula dengan syarat-syarat rukun yang pertama iaitu tempat dengan katanya (**syarat-syarat**) sah (**rujuk itu empat**), dia meninggalkan yang kelima dan keenam sepertimana akan kamu tahu. Pertamanya (**bahawa talak itu kurang dari tiga**) pada yang merdeka dan kurang dari dua pada hamba. Kalau dia kata sepertimana didalam Minhaj : tidak dicukupkan bilangan talak nescaya ia meliputi demikian itu. Adapun apabila suami mencukupkan demikian itu maka tidak ada kuasa baginya di atas isterinya.

(وَ) الثَّانِي (أَنْ يَكُونَ) الطَّلَاقُ (بَعْدَ الدُّخُولِ بِهَا) . فَإِنْ كَانَ قَبْلَهُ فَلَا رَجْعَةَ لَهُ لِيَبْتِنُونَهَا. وَكَالْوَطْءِ اسْتِنْدِحَالِ الْمَنِيِّ الْمُحْتَرَمِ.

2010. Keduanya : bahawa adalah talak itu (**selepas setubuh dengannya**). Maka jika ia sebelumnya maka tidak ada rujuk baginya kerana putusnya selama-lama. Seperti setubuh adalah memasukkan mani yang dihormati.

(وَ) الثَّلَاثُ (أَنْ لَا يَكُونَ الطَّلَاقُ بِعَوَضٍ) مِنْهَا أَوْ مِنْ غَيْرِهَا. فَإِنْ كَانَ عَلَى عَوَضٍ فَلَا رَجْعَةَ كَمَا تَقَدَّمَ تَوْجِيهَهُ فِي الْخُلْعِ.

2011. Ketiganya (**bahawa talak itu tidak dengan bayaran**) dari isteri atau dari selainnya. Maka jika ia di atas bayaran maka tidak ada rujuk sepertimana terdahulu ditumpukan pada khulu'.

(وَ) الرَّابِعُ (أَنْ تَكُونَ) الرَّجْعَةُ (قَبْلَ انْقِضَاءِ الْعِدَّةِ) . فَإِذَا انْقَضَتْ فَسَيَأْتِي فِي كَلَامِ الْمُصَنِّفِ فِي الْفَصْلِ بَعْدَهُ، مَعَ أَنَّ هَذَا الْفَصْلَ سَاقِطٌ مِنْ بَعْضِ النُّسخِ.

2012. Keempatnya (**bahawa adalah**) rujuk itu (**sebelum selesai iddah**). Maka bila ia selesai maka akan datang pada kalam musannif pada fasal selepasnya, serta bahawa fasal ini gugur pada sebahagian naskhah-naskhah.

وَالْخَامِسُ : كَوْنُ الْمُطَلَّاقَةِ قَابِلَةً لِلْحَلِّ لِلْمَرَّاجِعِ . فَلَوْ أَسْلَمَتِ الْكَافِرَةُ وَاسْتَمَرَ زَوْجُهَا وَرَاجَعَهَا فِي كُفْرِهِ لَمْ يَصِحَّ، أَوْ ارْتَدَّتِ الْمُسْلِمَةُ لَمْ تَصِحَّ مُرَاجَعَتُهَا فِي حَالِ رَدَّتِهَا، لِأَنَّ مَقْصُودَ الرَّجْعَةِ الْحُلَّ وَالرَّادَةُ تَنَافِيهِ. وَكَذَا لَوْ ارْتَدَّ الزَّوْجُ أَوْ ارْتَدَّتْ مَعًا. وَضَابِطُ ذَلِكَ انْتِقَالُ أَحَدِ الزَّوْجَيْنِ إِلَى دِينٍ يَمْنَعُ دَوَامَ النِّكَاحِ.

2013. Kelimanya : keadaan perempuan yang ditalakkan boleh dihalalkan bagi yang merujuk. Maka kalau perempuan kafir memeluk islam dan suaminya berterusan kufur dan dia merujuknya pada kufurnya tidak sah ia, atau seorang muslimah murtad tidak sah merujuknya pada ketika riddahnya, kerana tujuan rujuk itu menghalalkan sedang riddah menafikannya. Begitu juga kalau suami murtad atau kedua mereka murtad bersama-masama. Dhabit demikian itu : perpindahan seorang dari dua suami isteri kepada ugama yang menegah kekal nikah.

وَالسَّادِسُ : كَوْنُهَا مُعَيَّنَةً. فَلَوْ طَلَّقَ إِحْدَى زَوْجَتَيْهِ وَأَيُّهُمَ ثُمَّ رَاجَعَ أَوْ طَلَّقَهُمَا جَمِيعًا ثُمَّ رَاجَعَ إِحْدَاهُمَا لَمْ تَصِحَّ الرَّجْعَةُ إِذْ لَيْسَتْ الرَّجْعَةُ فِي أَحْتِمَالِ الْإِبْهَامِ كَالطَّلَاقِ لِشَبْهَةِهَا بِالنِّكَاحِ، لَا يَصِحُّ مَعَ الْإِبْهَامِ. وَلَوْ تَعَيَّنَتْ وَنُسِبَتْ لَمْ تَصِحَّ رَجْعَتُهَا أَيْضًا فِي الْأَصَحِّ.

2014. Keenam : keadaan yang dirujuk itu tertentu. Maka kalau dia mentalakkan seorang dari dua isterinya dan kesamaran, kemudian dia merujuk atau dia mentalakkan kedua-duanya sekali kemudian dia merujuk seorang dari mereka tidak sah rujuk itu kerana tidak ada rujuk pada ihtimal kesamaran sama seperti talak kerana kesamaannya dengan nikah, tidak sah ia serta kesamaran. Kalau dia tertentu dan dilupakan tidak sah merujuknya juga pada yang paling sah.

تَتَمَّةٌ : لَوْ عُلِقَ طَلَاقُهَا عَلَى شَيْءٍ وَشَكَكَ فِي حُصُولِهِ فَرَجَعَ ثُمَّ عَلِمَ أَنَّهُ كَانَ حَاصِلًا فِي صِحَّةِ الرَّجْعَةِ وَجِهَانٍ. أَصَحُّهُمَا كَمَا قَالَهُ شَيْخُ النَّوَوِيِّ الْكَمَالُ سَلَّارٌ فِي مُخْتَصَرِ الْبَحْرِ إِنَّهَا تَصِحُّ.

2015. Tatimmah. Kalau seorang mentalakkan talak isterinya di atas sesuatu dan dia syak pada terhasilnya maka dia merujuk kemudian dia tahu bahawa ianya telah terhasil maka pada sah rujuk itu dua wajah. Paling sah dari keduanya sepertimana kata syekh Nawawi kamal sallar didalam mukhtasar al Bahr bahawa ianya sah.

فَصْلٌ : فِي بَيَانِ مَا يَتَوَقَّفُ عَلَيْهِ حُلُّ الْمُطَّلَقَةِ . (وَإِذَا طَلَّقَ الْحُرُّ امْرَأَتَهُ) بِغَيْرِ عَوَضٍ مِنْهَا، حُرَّةٌ كَانَتْ أَوْ أَمَةً، طَلَّقَهُ (وَاحِدَةً أَوْ ثَنَتَيْنِ) بَعْدَ وَطْؤِهَا وَلَوْ فِي الدُّبْرِ بِنَاءٍ عَلَى أَنَّهُ يُوجِبُ الْعِدَّةَ وَهُوَ الْأَصَحُّ، وَكَذَا لَوْ اسْتَدَخَلَتْ مَاءَهُ الْمُحْتَرَمَ، فَإِنَّ الرَّجْعَةَ تَثَبَّتْ بِهِ عَلَى الْمُعْتَمَدِ.

2016. **Fasal** pada keterangan apa yang terhenti di atasnya menghalalkan perempuan yang ditalakkan. (**Apabila seorang merdeka mentalakkan isterinya**) tanpa bayaran darinya, merdeka isteri itu atau amah, talak (**satu atau dua**) selepas dia menyetyubuhinya walaupun pada dubur kerana bina di atas bahawa ia mewajibkan 'iddah yang mana ia yang paling sah, begitu juga kalau isteri itu memasukkan airnya yang dihormati, maka sesungguhnya sabit rujuk dengannya di atas yang muktamad.

(فَلَهُ مَرَجَعَتُهَا) بِغَيْرِ إِذْنِهَا وَإِذْنِ سَيِّدِهَا (مَا لَمْ تَنْقُضِ عِدَّتَهَا)، لِقَوْلِهِ تَعَالَى: { فَبَلَّغْ أَجَلَهنَّ فَلَا تَغْضُلُوهُنَّ أَنْ يَنْكِحْنَ أَزْوَاجَهُنَّ } وَلَوْ كَانَ حَقُّ الرَّجْعَةِ بَاقِيًا لَمَا كَانَ يُبَاحُ لَهُنَّ النِّكَاحُ.

2017. Maka boleh dia merujuknya) tanpa izinnya dan izin penghulunya (selama tidak terhabis iddahnya) kerana firman Allah taala "maka mereka sampai tempohan mereka maka janganlah kamu halang mereka dari mengahwini suami-suami yang mentalakkan mereka". Kalaulah hak rujuk itu kekal nescaya tidak diharuskan nikah bagi mereka.

تَنْبِيْهُ : يَرُدُّ عَلَيْهِ مَا إِذَا خَالَطَ الرَّجْعِيَّةَ مُخَالَطَةَ الْأَزْوَاجِ بِلَا وَطْءٍ، فَإِنَّ الْعِدَّةَ لَا تَنْقُضِي. وَلَا رَجْعَةَ لَهُ بَعْدَ الْأَفْرَاءِ أَوْ الْأَشْهُرِ كَمَا فِي الرَّوْضَةِ وَالْمِنْهَاجِ وَأَصْلِيهِمَا. وَإِنْ خَالَفَ فِي ذَلِكَ بَعْضُ الْمُتَأَخِّرِينَ. وَدَخَلَ فِي

كَلَامِهِ مَا إِذَا وَطِنَتْ بِشُبُهَةِ فَحَمَلَتْ ثُمَّ طَلَّقَهَا فَإِنَّ لَهُ الرَّجْعَةَ فِي عِدَّةِ الْحَمْلِ عَلَى الْأَصَحِّ مَعَ أَنَّهَا لَيْسَتْ فِي عِدَّتِهِ وَلَكِنْ لَمْ تَنْقُضْ عِدَّتُهَا.

2018. Tanbih. Didatangkan ke atasnya keadaan apabila seorang bergaul dengan perempuan rajie sebagai pergaulan suami isteri tanpa setubuh, maka iddah tidak terhabis dan tidak ada rujuk baginya selepas beberapa kali suci atau selepas bulan-bulan sepertimana didalam Raudhah dan Minhaj dan asal keduanya, sekalipun sebahagian ulamak mutakhir menyalahi pada demikian itu. Masuk pada kalamnya keadaan apabila seorang perempuan disetubuhi dengan syubhah maka dia hamil kemudian suaminya mentalakkannya maka boleh suami itu rujuk didalam iddah hamil itu di atas yang paling sahih serta bahawa dia bukannya didalam iddah suaminya itu, akan tetapi tidak terhabis iddahnya.

وَشُرْطُ فِي الْمُرْتَجِعِ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّانِي الْإِخْتِيَارُ وَأَهْلِيَّةُ النِّكَاحِ بِنَفْسِهِ، وَإِنْ تَوَقَّفَ عَلَى إِذْنٍ، فَتَصِحُّ رَجْعَةُ سَكْرَانَ وَسَفِيهِ وَمُحْرِمٍ، لَا مَجْنُونٍ وَمُكْرَهٍ وَلَوْلِيٍّ مَنْ جُنَّ وَقَدْ وَقَعَ عَلَيْهِ طَلَاقُ رَجْعَةٍ حَيْثُ، يُرْوَجُّهُ بِأَنْ يَحْتَاجَ إِلَيْهِ.

2019. Syarat orang yang merujuk iaitu rukun kedua adalah pilihan dan keahlian nikah dengan dirinya sendiri sekalipun ia terhenti di atas izin, maka sah rujuk orang mabuk dan safih dan muhrim, tidak yang gila dan yang dipaksa, dan sah ia bagi wali orang yang gila walhal jatuh di atasnya talak rajie sekira-kira dia boleh mengahwinkannya dengan bahawa dia perlu kepadanya.

وَشُرْطُ فِي الصِّيغَةِ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّلَاثُ لَفْظٌ يُشْعَرُ بِالْمُرَادِ بِهِ. وَفِي مَعْنَاهُ مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ. وَذَلِكَ إِمَّا صَرِيحٌ وَهُوَ رَدُّكَ إِلَيَّ وَرَجَعْتُكَ وَارْتَجَعْتُكَ وَأَمْسَكْتُكَ لِشَهْرَتِهَا فِي ذَلِكَ وَوُرُودِهَا فِي الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَفِي مَعْنَاهَا سَائِرٌ مَا أُسْتَقْبَلَتْ مِنْ مَصَادِرِهَا كَأَنَّتِ مُرَاجَعَةٌ، وَمَا كَانَ بِالْعَجْمِيَّةِ وَإِنْ أَحْسَنَ الْعَرَبِيَّةِ. وَإِمَّا كِنَايَةً كَتَرَوَجُّكَ وَنَكَحْتُكَ.

2020. Disyaratkan pada sighthah iaitu rukun ketiga lafaz yang memahamkan apa yang dikehendaki dengannya. Pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman. Demikian itu samaada yang jelas iaitu “aku pulangkan kamu kepada ku” dan “aku rujuk kamu” dan “aku tahan kamu” kerana masyhurnya pada demikian itu dan datangnya didalam Kitab dan sunnah, pada maknanya sekalian apa yang dipecahkan dari masdharnya seperti “kamu orang yang dirujuk”, dan apa yang ianya dengan bahasa ‘ajam sekalipun dia pandai bahasa arab. Dan samaada kinayah seperti “aku mengahwini kamu” dan “aku nikahi kamu”.

وَيُشْتَرَطُ فِيهَا تَنْجِيزٌ وَعَدَمُ تَأْقِيتٍ. فَلَوْ قَالَ : رَاجَعْتُكَ إِنْ شِئْتَ فَقَالَتْ : شِئْتُ، أَوْ رَاجَعْتُكَ شَهْرًا لَمْ تَحْصُلِ الرَّجْعَةُ.

2021. Disyaratkan padanya meluluskan dan tidak mewaktukan. Maka kalau dia kata : aku rujuk kamu jika kamu hendak, maka katanya : aku hendak, atau aku rujuk kamu sebulan, tidak terhasil rujuk.

وَسُنَّ إِشْهَادُ عَلَيْهَا خُرُوجًا مِنْ خِلَافٍ مَنْ أُوجِبَهُ. وَإِنَّمَا لَمْ يَجِبْ لِأَنَّهَا فِي حُكْمِ اسْتِدَامَةِ النِّكَاحِ السَّابِقِ. وَإِنَّمَا وَجِبَ الْإِشْهَادُ عَلَى النِّكَاحِ لِإِتْبَاتِ الْفِرَاشِ وَهُوَ ثَابِتٌ هُنَا.

2022. Sunat mengadakan saksi di atasnya kerana keluar dari khilaf orang yang mewajibkannya. Ianya tidak wajib hanyalah kerana rujuk itu pada hukum mengekalkan nikah yang terdahulu dan hanyalah wajib mengadakan saksi di atas nikah kerana mensabitkan hamparan, yang mana ianya sedia sabit disini.

تَنْبِيْهٌ : قَدْ عَلِمَ مِمَّا تَفَرَّرَ أَنَّ الرَّجْعَةَ لَا تَحْصُلُ بِفِعْلِ غَيْرِ الْكِتَابَةِ وَإِشَارَةِ الْأَخْرَسِ الْمُفْهِمَةِ كَوَطْءٍ وَمُقَدَّمَاتِهِ وَإِنْ نَوَى بِهِ الرَّجْعَةَ لِعَدَمِ دَلَالَتِهِ عَلَيْهَا.

2023. Tanbih. Sungguh telah diketahui dari apa yang telah tetap bahawa rujuk tidak terhasil dengan perbuatan selain tulisan dan isyarat orang bisu yang difahami seperti setubuh dan mukaddimahnya sekalipun dia niatkan rujuk dengannya kerana tidak ada petunjuk ke atasnya.

(فَإِذَا انْقَضَتْ عِدَّتُهَا) بِوَضْعِ حَمْلٍ أَوْ أَقْرَاءٍ أَوْ أَشْهُرٍ (كَانَ لَهُ) إِعَادَةُ (نِكَاحِهَا بِعَقْدٍ جَدِيدٍ) بِشُرُوطِهِ الْمُتَقَدِّمَةِ فِي بَابِهِ، لِيَبَيِّنُوتَهَا حِينَئِذٍ. وَحَلَفَتْ فِي انْقِضَاءِ الْعِدَّةِ بِغَيْرِ أَشْهُرٍ مِنْ أَقْرَاءٍ أَوْ وَضَعٍ إِذَا أَنْكَرَهُ الزَّوْجُ، فَتَصَدَّقَ فِي ذَلِكَ إِنْ أُمِّكِنَ وَإِنْ خَالَفَتْ عَادَتَهَا، لِأَنَّ النِّسَاءَ مُؤْتَمَنَاتٌ عَلَى أَرْحَامِهِنَّ.

2024. (Maka apabila habis iddahnya) dengan melahirkan kandungan atau suci atau bulan (boleh suami) ulang (menikahnya dengan akad yang baru) dengan syarat-syaratnya yang terdahulu pada babnya, kerana putusannya selama-lama ketika itu. Dia bersumpah pada habis iddahnya dengan selain bulan, daripada suci atau melahirkan kandungan apabila suami ingkarkannya, maka dibenarkan dia pada demikian itu jika terbole, sekalipun dia menyalahi adatnya, kerana perempuan dipercayai di atas rahim-rahim mereka.

وَخَرَجَ بِانْقِضَاءِ الْعِدَّةِ غَيْرُهُ كَنَسَبٍ وَاسْتِيلَادٍ فَلَا يُقْبَلُ قَوْلُهَا إِلَّا بِبَيِّنَةٍ، وَبِغَيْرِ الْأَشْهُرِ انْقِضَاؤُهَا بِالْأَشْهُرِ، وَبِالْإِمْكَانِ مَا إِذَا لَمْ يُمْكِنَ أَوْ غَيْرُهُ، فَيُصَدَّقُ بِمِثْلِهِ.

2025. Keluar dengan habis iddah oleh selainnya seperti titihan dan jadi ummu walad maka, tidak diterima katanya melainkan dengan keterangan, dan dengan selain bulan oleh habisnya dengan bulan, dan dengan terbole oleh keadaan bila ia tidak mungkin atau selainnya, maka dibenarkan suami dengan sumpahnya.

وَيُمْكِنُ انْقِضَاؤُهَا بِوَضْعِ لَتَامٍ بِسِتَّةِ أَشْهُرٍ وَلَحْظَتَيْنِ مِنْ جِنِّ إِمْكَانِ اجْتِمَاعِهِمَا بَعْدَ النِّكَاحِ، وَلِمُصَوَّرِ بِمِائَةِ وَعِشْرِينَ يَوْمًا وَلَحْظَتَيْنِ، وَلِمُضْعَةٍ بِثَمَانِينَ يَوْمًا وَلَحْظَتَيْنِ.

2026. Terbole habis iddah dengan melahirkan kandungan yang sempurna dengan enam bulan dan dua lahzah mula dari ketika terbole berhimpun kedua mereka selepas nikah, dan dengan melahirkan yang berbentuk dengan seratus dua puluh hari dan dua lahzah, dan melahirkan mudghah dengan lapan puluh hari dan dua lahzah.

وَبِأَقْرَاءٍ لِحُرَّةٍ طَلَّقَتْ فِي طَهْرٍ سَبْقَ بَحِيضٍ بِاثْنَيْنِ وَثَلَاثِينَ يَوْمًا وَلَحْظَتَيْنِ، وَفِي حَيْضٍ بِسَبْعَةِ وَأَرْبَعِينَ يَوْمًا وَلَحْظَةٍ، وَلِغَيْرِ حُرَّةٍ طَلَّقَتْ فِي طَهْرٍ سَبْقَ بَحِيضٍ بِسِتَّةِ عَشَرَ يَوْمًا وَلَحْظَتَيْنِ، وَفِي حَيْضٍ بِأَحَدِي وَثَلَاثِينَ يَوْمًا وَلَحْظَةٍ.

2027. Terbole habis iddah dengan suci bagi perempuan merdeka yang tertalak pada suci yang didului dengan haid dengan tiga puluh dua hari dan dua lahzah, dan pada haid dengan empat puluh tujuh hari dan satu lahzah, dan bagi perempuan yang tidak merdeka yang tertalak pada suci yang didului dengan haid dengan enam belas hari dan dua lahzah, dan pada haid dengan tiga puluh satu hari dan satu lahzah.

(وَ) إِذَا انْقَضَتْ عِدَّتُهَا ثُمَّ جَدَّدَ نِكَاحَهَا (تَكُونُ مَعَهُ عَلَى مَا بَقِيَ) لَهُ (مِنْ) عَدَدِ (الطَّلَاقِ)، لِمَا رَوَى الْبَيْهَقِيُّ عَنْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّهُ أَفْتَى بِذَلِكَ، وَوَافَقَهُ عَلَيْهِ جَمَاعَةٌ مِنَ الصَّحَابَةِ وَلَمْ يَظْهَرْ لَهُمْ مُخَالَفٌ.

2028. Apabila habis iddahnya kemudian dia mengahwininya semula (adalah dia bersamanya di atas apa yang baki) baginya (daripada) bilangan (talak) kerana apa

yang diriwayatkan Baihaqi dari Umar r.a bahawa dia berfatwa dengan demikian itu sementara sekumpulan sahabat menyetujuinya dan tidak zahir seorang pun yang menyalahi mereka.

(فَإِنْ طَلَّقَهُمَا) أَي الْحُرِّ (ثَلَاثًا) أَوْ الْعَبْدُ وَلَوْ مُبَعَّضًا طَلَّقَتَيْنِ مَعًا أَوْ مُرْتَبًا قَبْلَ الدُّخُولِ أَوْ بَعْدَهُ فِي نِكَاحٍ أَوْ أَنْكَحَةٍ (لَمْ تَحَلَّ) أَي الْمُطَلَّقَةُ (لَهُ إِلَّا بَعْدَ وُجُودِ خَمْسَةِ أَشْيَاءَ) فِي الْمُدْخُولِ بِهَا وَعَلَى وُجُودِ مَا عَدَا الْأَوَّلِ مِنْهَا فِي غَيْرِهَا:

2029. (Maka jika mentalakkannya tiga talak) oleh suami yang merdeka atau hamba walaupun muba'ad dengan dua talak, serentak atau berturutan, sebelum setubuh atau selepasnya, pada satu nikah atau beberapa nikah, (tidak halal) yang ditalakkan itu (baginya melainkan selepas ujud lima perkara) pada yang disetubuhi dan di atas ujud apa yang selain yang pertama darinya pada yang tidak disetubuhi.

الأَوَّلُ (انْقِضَاءُ عِدَّتِهَا مِنْهُ) أَي الْمُطَلَّقِ (وَ) الثَّانِي (تَرْوِجُهَا بِغَيْرِهِ) وَلَوْ عَبْدًا أَوْ مَجْنُونًا (وَ) الثَّلَاثُ (دُخُولُهَا بِهَا وَإِصَابَتُهَا) بِدُخُولِ حَشْفَةٍ أَوْ قَدْرِهَا مِنْ مَقْطُوعِهَا، وَلَوْ كَانَ عَلَيْهَا حَائِلٌ كَانَ لَفَّ عَلَيْهَا خَرْقَةً. فَإِنَّهُ يَكْفِي تَغْيِيبُهَا فِي قُبُلِهَا خَاصَّةً لَا فِي غَيْرِهِ كَدُبْرِهَا كَمَا لَا يَحْصُلُ بِهِ التَّحْصِينُ. وَسَوَاءٌ أَوْلَجَ هُوَ أَمْ نَزَلَتْ عَلَيْهِ فِي يَقْظَةٍ أَوْ نَوْمٍ أَوْ أَوْلَجَ فِيهَا وَهِيَ نَائِمَةٌ. (وَ) الرَّابِعُ (بَيْنُونَتُهَا مِنْهُ) أَي الزَّوْجِ الثَّانِي بِطَّلَاقٍ أَوْ فُسْخٍ أَوْ مَوْتٍ. (وَ) الْخَامِسُ (انْقِضَاءُ عِدَّتِهَا مِنْهُ) لِاسْتِبْرَاءِ رَحِمِهَا لِاحْتِمَالِ عُلوِّهَا مِنْ أَنْزَالِ حَصَلٍ مِنْهُ.

2030. Pertamanya (habis iddahnya dari dia) iaitu dari yang mentalakkan. Keduanya (berkahwinnya dengan orang lain), walaupun hamba atau gila. Ketiganya (setubuh orang itu dengannya dan mengenakannya) dengan masuk hasyafah atau kadarnya dari yang putus hasyafah, walau ada lapik di atasnya seperti bahawa dia membalutkan potongan kain di atasnya, maka memada meghaibkannya pada khusus pada kubulnya, tidak pada selainnya seperti duburnya sepertimana tidak terhasil hukum muhsan dengannya, dan samaada dia yang memasukkan atau isteri itu turun ke atasnya, pada masa sedar atau tidur, atau dia memasukkan pada isterinya walhal dia tidur. Keempatnya (putus dia selamanya darinya) iaitu dari suami yang kedua dengan talak atau fasakh atau mati. Kelimanya (habis iddahnya darinya) kerana mengistibra'kan rahimnya kerana ihtimal lekat anaknya dari inzal yang terhasil dari suami itu.

تَنْبِيْهٌ : يُشْتَرَطُ انْتِشَارُ الْأَلَةِ وَإِنْ ضَعْفَ الْإِنْتِشَارُ وَاسْتَعَانَ بِأَصْبُعِهِ أَوْ أُصْبِعِهَا، بِخِلَافِ مَا لَمْ يَنْتَشِرْ لِشَلَلٍ أَوْ عَنَةٍ أَوْ غَيْرِهِ. فَالْمَعْتَبَرُ الْإِنْتِشَارُ بِالْفِعْلِ لَا بِالْقُوَّةِ عَلَى الْأَصْحِ كَمَا أَفْهَمَهُ كَلَامُ الْأَكْثَرِينَ وَصَرَّحَ بِهِ الشَّيْخُ أَبُو حَامِدٍ وَصَاحِبَا الْمُهَدَّبِ وَالْبَيَّانِ وَغَيْرُهُمْ، حَتَّى لَوْ أَدْخَلَ السَّلِيمُ ذَكَرَهُ بِأَصْبُعِهِ بِلَا انْتِشَارٍ لَمْ يُحَلِّ كَالطِّفْلِ. فَمَا قِيلَ إِنَّ الْإِنْتِشَارَ بِالْفِعْلِ لَمْ يَقُلْ بِهِ أَحَدٌ مَمْنُوعٌ.

2031. Tanbih. Disyaratkan tegang alatnya sekalipun lemah tegangnya dan dia membantukan dengan jarinya atau jari isterinya, bersalahan keadaan ia tidak tegang kerana lasar atau mati pucuk atau selainnya. Maka yang diiktibarkan adalah tegang yang sebenar, tidak dengan takdir di atas yang paling sah sepertimana difahamkan kalam kebanyakan ulamak dan dijelaskan syeikh Abu Hamid dan tuan kitab Muhazzab dan al Bayan dan selain mereka, hinggakan kalau orang yang normal memasukkan zakarnya dengan jarinya tanpa tegang tidak dia menghalalkan, sama seperti kanak-kanak. Maka apa yang dikatakan bahawa tegang dengan sebenar itu tidak dikatakan seorang pun adalah tertegah.

وَلَا بُدَّ أَيْضًا مِنْ صِحَّةِ النِّكَاحِ، فَلَا يُحَلَّلُ الْوَطْءُ فِي النِّكَاحِ الْفَاسِدِ وَلَا مِلْكِ الْيَمِينِ وَلَا وَطْءِ الشُّبْهَةِ، لِأَنَّهُ تَعَالَى عَلَّقَ الْحِلَّ بِالنِّكَاحِ وَهُوَ إِنَّمَا يَتَنَاوَلُ النِّكَاحَ الصَّحِيحَ بِدَلِيلٍ مَا لَوْ حَلَفَ لَا يَنْكِحُ لَا يَحْتُثُ بِمَا ذَكَرَ.

2032. Tidak dapat tidak juga dari sah nikahnya, maka tidak menghalalkan oleh setubuh pada nikah fasid dan tidak pada milik tangan kanan dan tidak pada setubuh syubhah, kerana Allah taala menta'likkan halal itu dengan nikah yang mana ia hanya mencapai nikah yang sah dengan dalil kalau dia bersumpah tidak bernikah tidak batal sumpah dia dengan apa yang disebutkan itu.

وَكَوْنُ الزَّوْجِ مِمَّنْ يُمَكِّنُ جَمَاعَهُ، لَا طِفْلًا لَا يَتَأْتَى مِنْهُ ذَلِكَ، أَوْ يَتَأْتَى مِنْهُ وَهُوَ رَقِيقٌ لِأَنَّ نِكَاحَهُ إِنَّمَا يَتَأْتَى بِالْإِجْبَارِ وَقَدْ مَرَّ أَنَّهُ مُمْتَنِعٌ. فَلْيُحَذَرْ مِمَّا وَقَعَ لِبَعْضِ الرُّؤَسَاءِ وَالْجُهَّالِ مِنَ الْحَيْلَةِ لِدَفْعِ الْعَارِ مِنْ إِنْكَاحِهَا مَمْلُوكَةَ الصَّغِيرِ ثُمَّ بَعْدَ وَطْئِهِ يُمْلِكُهَا لَهَا لِيَنْفَسِحَ النِّكَاحُ. وَقَدْ قِيلَ: إِنْ بَعْضَ الرُّؤَسَاءِ فَعَلَ ذَلِكَ وَأَعَادَهَا فَلَمْ يُؤْفَقِ اللَّهُ بَيْنَهُمَا وَتَفَرَّقَا.

2033. Dan tak dapat tidak juga keadaan suami itu daripada orang yang boleh menjimak, bukannya kanak-kanak lelaki yang tidak terdatang demikian itu darinya, atau terdatang ia darinya walhal dia hamba, kerana nikah hamba hanya datang dengan paksaan. Sungguh telah lalu bahawa ianya tertegah. Maka awaslah dari apa yang berlaku pada sebahagian ketua-ketua dan orang-orang jahil daripada helah untuk menolak malu daripada mengahwinkan isteri yang ditalak tiga dengan hamba miliknya yang kecil kemudian selepas setubuhnya dia memilikkan hamba itu bagi isterinya supaya nikah itu terfasakh. Sungguh dikatakan : bahawa sebahagian ketua-ketua melakukan demikian itu dan mengulanginya maka Allah tidak mentaufikkan di antara kedua mereka dan mereka bercerai berai.

وَإِنَّمَا حُرِّمَتْ عَلَيْهِ إِلَى أَنْ تَحَلَّلَ تَنْفِيرًا مِنَ الطَّلَاقِ الثَّلَاثِ وَلِقَوْلِهِ تَعَالَى: { فَإِنْ طَلَّقَهَا } أَيِ الثَّلَاثَةِ { فَلَا حِلَّ لَهُ مِنْ بَعْدِ حَتَّى تَنْكِحَ زَوْجًا غَيْرَهُ }.

2034. Haram dia ke atasnya hingga dia menjadi jalal hanyalah untuk meliarkan dari talak tiga dan kerana firman Allah taala "maka jika dia mentalakkannya" iaitu tiga "maka tidak halal dia baginya selepas itu hingga dia berkahwin suami lain".

تَتِمَّةٌ: يَكْفِي وَطْءُ مُحْرِمٍ بِنُسْكَ وَخَصِيٍّ، وَلَوْ كَانَ صَانِمًا أَوْ كَانَتْ حَائِضًا أَوْ صَانِمَةً أَوْ مُظَاهِرًا مِنْهَا أَوْ مُعْتَدَةً مِنْ شُبْهَةٍ وَقَعَتْ فِي النِّكَاحِ الْمُحَلَّلِ أَوْ مُحْرَمَةً بِنُسْكَ، لِأَنَّهُ وَطْءُ زَوْجٍ فِي نِكَاحٍ صَحِيحٍ. وَيَشْتَرِطُ فِي تَحْلِيلِ الْبِكْرِ الْإِفْتِضَاضُ كَمَا قَالَ الشَّيْخَانِ. وَتَحِلُّ كِتَابِيَّةٌ لِمُسْلِمٍ بِوَطْءِ مَجُوسِيٍّ أَوْ وَثِيٍّ فِي نِكَاحِ نَقْرَهُمْ عَلَيْهِ.

2035. Tatimmah. Memada setubuh dari orang yang ihram dengan nusuk dan lelaki yang dikhasi, walaupun lelaki itu puasa atau adalah isteri itu berhaid atau puasa atau diziharkan darinya atau beriddah dari setubuh syubhah yang jatuh pada nikah muhallil itu, atau berihram dengan nusuk, kerana ia persetubuhan suami pada nikah yang sah. Disyaratkan pada menghalalkan dara pecah daranya sepertimana dikatakan dua syeikh. Halal perempuan kitabi bagi Muslim dengan setubuh majusi atau wathani pada nikah yang kita tetapkan mereka di atasnya.

وَلَوْ نَكَحَ الزَّوْجُ الثَّانِي بِشَرْطِ أَنَّهُ إِذَا وَطَّئَهَا طَلَّقَهَا أَوْ فَلَا نِكَاحَ بَيْنَهُمَا، وَشَرْطُ ذَلِكَ فِي صُلْبِ الْعَقْدِ لَمْ يَصِحَّ النِّكَاحُ، لِأَنَّهُ شَرْطٌ يَمْنَعُ دَوَامَ النِّكَاحِ فَأَشْبَهَ التَّأْقِيتَ.

2036. Kalau suami kedua berkahwin dengan syarat bahawa apabila dia menyetubuhinya dia mentalakkannya atau maka tidak ada nikah di antara kedua

mereka dan disyaratkan demikian itu pada teras akad tidak sah nikah itu kerana ia syarat yang menegah berpanjangan nikah maka ia serupa mewaktukan.

وَلَوْ تَوَاطَأَ الْعَاقِدَانِ عَلَى شَيْءٍ مِنْ ذَلِكَ قَبْلَ الْعَقْدِ ثُمَّ عَقَدَا بِذَلِكَ الْقَصْدِ بِلَا شَرْطٍ كُرْهًا.

2037. Kalau dua yang berakad mencapai persetujuan di atas suatu dari demikian itu sebelum akad kemudian keduanya berakad dengan kasad itu tanpa syarat dimakruhkan ia.

وَلَوْ نَكَحَهَا بِشَرْطِ أَنْ لَا يَطَّأَهَا أَوْ أَنْ لَا يَطَّأَهَا إِلَّا نَهَارًا أَوْ إِلَّا مَرَّةً مَثَلًا لَمْ يَصَحَّ النِّكَاحُ إِنْ كَانَ الشَّرْطُ مِنْ جِهَتِهَا لِمُنَافَاتِهِ مَقْصُودَ الْعَقْدِ، فَإِنْ وَقَعَ الشَّرْطُ مِنْهُ لَمْ يَضُرَّ، لِأَنَّ الْوَطْءَ حَقٌّ لَهُ فَلَهُ تَرْكُهُ وَالتَّمَكِينُ حَقٌّ عَلَيْهَا فَلَيْسَ لَهَا تَرْكُهُ.

2038. Kalau dia mengahwininya dengan syarat bahawa dia tidak menyetyubuhnya atau dia tidak menyetyubuhnya melainkan siang atau melainkan sekali sebagai contoh tidak sah nikah itu jika syarat itu dari pihak isteri kerana berlawanannya dengan tujuan akad. Maka jika syarat itu jatuh dari suami tidak memudharatkan kerana setubuh itu haknya maka boleh dia meninggalkannya dan penyerahan tubuh itu hak ke atas isteri maka tidak boleh dia meninggalkannya.

وَيُقْبَلُ قَوْلُ الْمُطَلَّاقَةِ ثَلَاثًا فِي التَّحْلِيلِ بِيَمِينِهَا عِنْدَ الْإِمْكَانِ. وَلِلْأَوَّلِ تَرْوِيحُهَا وَإِنْ ظَنَّ كَذِبَهَا، لَكِنْ يُكْرَهُ. فَإِنْ قَالَ: هِيَ كَاذِبَةٌ مُنَعٌ مِنْ تَرْوِيحِهَا، إِلَّا إِنْ قَالَ بَعْدَهُ: تَبَيَّنَ لِي صِدْقُهَا.

2039. Diterima kata perempuan yang ditalakkan tiga pada tahlil dengan sumpahnya di sisi teboleh. Bagi suami pertama berkahwin dengannya sekalipun dia sangkakan dustanya, tetapi makruh. Maka jika dia kata: dia dusta ditegah dia dari mengahwininya, melainkan jika dia kata selepasnya: ternyata bagi ku benarnya.

وَلَوْ حَرَمْتُ عَلَيْهِ زَوْجَتَهُ الْأُمَّةَ بِإِزَالَةِ مَا يَمْلِكُهُ عَلَيْهَا مِنَ الطَّلَاقِ ثُمَّ اشْتَرَاهَا قَبْلَ التَّحْلِيلِ لَمْ يَحِلَّ لَهُ وَطُؤُهَا لِظَاهِرِ الْقُرْآنِ.

2040. Kalau haram di atas seorang akan isterinya yang amah dengan dia menghilangkan apa yang dia miliki di atasnya, dariada talak, kemudian dia membelinya sebelum dihalalkan tidak halal dia menyetyubuhnya kerana zahir Quran itu.

فَصَلِّ: فِي الْإِيْلَاءِ وَهُوَ لُغَةٌ الْحَلْفِ قَالَ الشَّاعِرُ وَأَكْذَبُ مَا يَكُونُ أَبُو الْمُثَنَّى إِذَا آلَى يَمِينًا بِالطَّلَاقِ وَشَرَعًا حَلْفُ زَوْجٍ يَصِحُّ طَلَّاقُهُ عَلَى امْتِنَاعِهِ مِنْ وَطْءِ زَوْجَتِهِ مُطْلَقًا أَوْ فَوْقَ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ كَمَا سَيَأْتِي.

2041. **Fasal pada ijila'.** Ia pada lughah : sumpah. Kata penyair: aku dustakan keadaan Abu Muthanna apabila dia bersumpah satu sumpah dengan talak. Dan pada syara' : sumpah suami yang sah talaknya di atas enggan setubuh isterinya semata-mata atau lebih empat bulan sepertimana akan datang.

وَالْأَصْلُ فِي ذَلِكَ قَوْلُهُ تَعَالَى: { لِلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ } الْآيَةُ وَإِنَّمَا عُدِّي فِيهَا بِمَنْ وَهُوَ إِنَّمَا يُعَدَّى بِعَلَى لِأَنَّهُ ضَمَّنَ مَعْنَى الْبُعْدِ، كَأَنَّهُ قَالَ: لِلَّذِينَ يُؤْلُونَ مُبْعِدِينَ أَنْفُسَهُمْ مِنْ نِسَائِهِمْ.

2042. Asal pada demikian itu firman Allah taala “bagi orang-orang yang bersumpah tidak setubuh isterinya menunggu-nunggu empat bulan”. Hanyalah dita’addikan “يؤلون” padanya dengan “من” sedang ia hanya dita’addikan dengan “على” kerana ia dikandung makna jauh, seolah-olah dia berkata : bagi orang-orang yang bersumpah tidak akan setubuh isteri yang menjauhkan diri mereka dari isteri mereka.

وَهُوَ حَرَامٌ لِلْإِيْدَاءِ. وَأَرْكَانُهُ سِتَّةٌ : خَالِفٌ وَمَخْلُوفٌ بِهِ، وَمَخْلُوفٌ عَلَيْهِ، وَمُدَّةٌ وَصِيْعَةٌ، وَرَوْجَانٌ. وَالْمُصَنَّفُ ذَكَرَ بَعْضَهَا بِقَوْلِهِ : (وَإِذَا حَلَفَ) أَي الرُّوْحُ بِاسْمٍ مِنْ أَسْمَائِهِ تَعَالَى أَوْ صِفَةٍ مِنْ صِفَاتِهِ أَوْ بِالتَّزَامِ مَا يَلْزَمُ بِنَدْرٍ أَوْ تَغْلِيْقٍ طَلَاقٍ أَوْ عَتَقٍ (أَنْ لَا يَطَأَ رَوْجَتَهُ) الْحَرَّةُ أَوْ الْأَمَةُ وَطَنًا شَرْعِيًّا فَهُوَ مُوَلٌّ . فَلَا إِيْلَاءَ بِحَلْفِهِ عَلَى امْتِنَاعِهِ مِنْ تَمَتُّعِهِ بِهَا بِغَيْرِ وَطْءٍ وَلَا مِنْ وَطْئِهَا فِي دُبُرِهَا أَوْ فِي قُبُلِهَا فِي نَحْوِ حَيْضٍ أَوْ إِحْرَامٍ.

2043. Ianya haram kerana menyakiti. Rukun-rukunnya enam. Yang bersumpah dan yang disumpah dengannya dan yang disumpah di atasnya dan tempoh dan sighthan dan dua suami isteri. Musannif menyebutkan sebahagiannya dengan katanya: **(apabila bersumpah)** suami dengan satu nama dari nama-nama Allah taala atau satu sifat dari sifat-sifatNya atau dengan melazimi apa yang lazim dengan nazar, atau dengan menta'likkan talak atau memerdekakan hamba, **(bahawa dia tidak akan menyetyubuhi isterinya)** yang merdeka atau amah sebagai setubuh syar'ie maka dia seorang yang melakukan ijla'. Maka tidak ada dengan ijla' di atas enggannya dari tamattu' dengan isterinya dengan selain setubuh dan tidak dari setubuh pada duburnya atau pada kubulnya pada umpama haid atau ihram.

ثُمَّ أَشَارَ إِلَى الْمُدَّةِ بِقَوْلِهِ : (مُطْلَقًا) بِأَنْ يُطْلَقَ كَقَوْلِهِ : وَاللَّهِ لَا أَطُوكُ، (أَوْ مُدَّةً تَزِيدُ عَلَى أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ) كَقَوْلِهِ وَاللَّهِ لَا أَطُوكُ خَمْسَةَ أَشْهُرٍ، أَوْ قَيْدًا بِمُسْتَبْعِدِ الْحُصُولِ فِيهَا كَقَوْلِهِ : وَاللَّهِ لَا أَطُوكُ حَتَّى يَنْزِلَ السَّيِّدُ عَيْسَى عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ أَوْ حَتَّى أَمُوتَ أَوْ تَمُوتِي أَوْ يَمُوتَ فَلَانٌ، (فَهُوَ مُوَلٌّ) لَضَرَرِهَا بِمَنْعِ نَفْسِهِ مِمَّا لَهَا فِيهِ حَقُّ الْعُقَابِ.

2044. Kemudian dia isyaratkan kepada tempohnya dengan katanya: **(semata-mata)** dengan bahawa dia mengitlakkan seperti katanya: demi Allah tidak aku talakkan kamu, **(atau dalam tempoh yang lebih di atas empat bulan)** seperti katanya : demi Allah tidak aku setubuhi kamu lima bulan, atau dia menta'likkannya dengan apa yang dibilang jauh terhasil pada tempoh itu seperti katanya : demi Allah tidak aku setubuhi kamu hingga turun nabi Isa a.s, atau hingga aku mati, atau kamu mati atau si pulan mati,, **(maka dia melakukan ijla')** kerana kemudharatan isteri itu dengan sebab suaminya menahan dirinya dari perkara yang menjadi miliknya yang sabit padanya hak baik nafsu.

وَخَرَجَ بِقَيْدِ الرُّوْحَةِ أَمْتُهُ فَلَا يَصِحُّ الْإِيْلَاءُ مِنْهَا وَبِقَيْدِ الزِّيَادَةِ عَلَى أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ، مَا إِذَا حَلَفَ لَا يَطُوهَا مُدَّةً وَسَكَتَ، أَوْ لَا يَطُوهَا أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ، فَإِنَّهُ لَا يَكُونُ مُوَلِّيًّا فِيهِمَا. أَمَّا الْأَوَّلُ : فَلِتَرَدُّ اللَّفْظُ بَيْنَ الْقَلِيلِ وَالْكَثِيرِ. وَأَمَّا الثَّانِي : فَليَصْبِرْهَا عَنِ الرُّوْحِ هَذِهِ الْمُدَّةَ.

2045. Keluar dengan kait "isteri" oleh amahnya maka tidak sah ijla' darinya, dan dengan kait "lebih di atas empat bulan" oleh keadaan apabila dia bersumpah tidak menyetyubuhinya dalam satu tempoh dan dia diam atau dia tidak menyetyubuhinya empat bulan, maka dia bukan orang yang melakukan ijla' pada keduanya. Adapun yang pertama maka kerana berbelah bagi lafaz itu di antara sedikit dan banyak. Adapun yang kedua maka kerana isteri dapat sabar dari suaminya pada tempoh ini.

فَإِذَا قَالَ : وَاللَّهِ لَا أَطُوكُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ، فَإِذَا مَضَتْ، فَ: وَاللَّهِ لَا أَطُوكُ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ. فَلَيْسَ بِمُوَلٍّ لِانْتِفَاءِ فَائِدَةِ الْإِيْلَاءِ، وَلَكِنَّهُ يَأْتِمُّ لَكِنْ إِتِمُّ الْإِيْدَاءِ لَا إِتِمُّ الْإِيْلَاءِ. قَالَ فِي الْمَطْلَبِ : وَكَأَنَّهُ دُونَ إِتِمِّ الْمُوَلِيِّ. وَيَجُوزُ أَنْ يَكُونَ فَوْقَهُ لِأَنَّ ذَلِكَ تَقْدِيرٌ فِيهِ عَلَى رَفْعِ الضَّرَرِ، بِخِلَافِ هَذَا فَإِنَّهُ لَا رَفْعَ لَهُ إِلَّا مِنْ جِهَةِ الرُّوْحِ بِالْوَطْءِ.

2046. Maka apabila dia kata : demi Allah tidak aku setubuhi kamu empat bulan, maka apabila ia berlalu maka : demi Allah tidak aku setubuhi kamu empat bulan, maka dia bukannya orang yang melakukan ijla' kerana ternafi faedah ijla', akan tetapi dia berdosa akan tetapi dosa menyakiti bukan dosa ijla'. Katanya didalam Matlab : seolah-

olah ianya kurang dari dosa orang yang melakukan ijlā'. Harus bahawa ia melebihinya kerana yang itu isteri kuasa padanya di atas mengangkatkan kemudharatan, bersalahan yang ini kerana ia tidak boleh diangkatkan melainkan dari pihak suami dengan setubuh.

هَذَا إِذَا أَعَادَ حَرْفَ الْقَسَمِ. فَلَوْ قَالَ: وَاللَّهِ لَا أَطُوكَ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ، فَإِذَا مَضَتْ فَد: لَا أَطُوكَ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ كَانَ مُوَلِيًّا لِأَنَّهَا يَمِينٌ وَاحِدَةٌ اشْتَمَلَتْ عَلَى أَكْثَرِ مِنْ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ. وَلَوْ قَالَ: وَاللَّهِ لَا أَطُوكَ خَمْسَةَ أَشْهُرٍ فَإِذَا مَضَتْ فَوَاللَّهِ لَا أَطُوكَ سِتَّةَ أَشْهُرٍ. فَيُلَاحِظُ أَنَّ لِكُلِّ مِنْهُمَا حُكْمَهُ.

2047. Ini apabila dia mengulangi huruf sumpah, maka kalau dia kata : demi Allah tidak aku setubuhi kamu empat bulan, maka apabila ia berlalu maka : tidak aku setubuhi kamu empat bulan, adalah dia melakukan ijlā' kerana ia sumpah yang satu yang melengkapkan lebih dari empat bulan. Kalau dia kata : demi Allah tidak aku setubuhi kamu lima bulan, maka apabila ia berlalu maka : demi Allah tidak aku setubuhi kamu enam bulan, maka dua ijlā' bagi setiap satunya hukumnya.

وَشَرَطُ فِي الصِّيغَةِ لَفْظٌ يُشْعِرُ بِالْإِيْلَاءِ وَفِي مَعْنَاهُ مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ. وَذَلِكَ إِذَا صَرِيحٌ كَتَغْيِبِ حَشْفَةٍ بِفَرْجٍ وَوَطْءٍ وَجَمَاعٍ، كَقَوْلِهِ: وَاللَّهِ لَا أَغَيِّبُ حَشْفَتِي بِفَرْجِكَ أَوْ لَا أَطُوكَ أَوْ لَا أَجَامِعُكَ. فَإِنْ قَالَ: أَرَدْتُ بِالْوَطْءِ الْوَطْءَ بِالْقَدَمِ، وَبِالْجَمَاعِ الْاجْتِمَاعَ لَمْ يُقْبَلْ فِي الظَّاهِرِ، وَيُذَيَّنُ.

2048. Disyaratkan pada sighthaf lafaz yang memahamkan ijlā' dan pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman. Demikian itu samaada lafaz yang jelas seperti meghaibkan hasyafah pada faraj dan setubuh dan jimak seperti katanya : demi Allah tidak aku ghaibkan hasyafah ku pada faraj kamu, atau tidak aku setubuhi kamu, atau tidak aku jimak kamu. Maka jika dia kata : aku kehendaki dengan "وطء" i.e jijak jijak dengan tapak kaki dan dengan "جماع" berhimpun, tidak diterima katanya pada yang zahir dan dia diserahkan agama.

وَإِذَا كِنَايَةً كَمَلَامَسَةٍ وَمُبَاضَعَةٍ وَمُبَاشَرَةٍ، كَقَوْلِهِ: وَاللَّهِ لَا أَمَسُكَ أَوْ لَا أَبَاضَعُكَ أَوْ لَا أَبَاشِرُكَ فَيَفْتَقِرُ إِلَى نِيَّةِ الْوَطْءِ لِعَدَمِ اشْتِهَارِهَا فِيهِ. وَلَوْ قَالَ: إِنَّ وَطْئَكَ فَعَبْدِي حُرٌّ فَرَالَ مَلِكُهُ عَنْهُ بِمَوْتٍ أَوْ بغيرِهِ، زَالَ الْإِيْلَاءُ لِأَنَّهُ لَا يَلْزَمُهُ بِالْوَطْءِ بَعْدَ ذَلِكَ شَيْءٌ.

2049. Dan samaada lafaz kinayah seperti jamah menjamah dan bermain kemaluan dan bersentuhan kulit, seperti katanya : demi Allah tidak aku jamah kamu atau tidak aku main kemaluan kamu atau tidak aku bersentuhan kulit dengan kamu, maka ia perlu kepada niat setubuh kerana tidak masyhurnya pada setubuh. Kalau dia kata : jika aku setubuhi kamu maka hamba ku merdeka, maka hilang miliknya dari hamba itu dengan mati atau selainnya hilang ijlā' itu kerana tidak melaziminya sesuatu dengan setubuh selepas demikian itu.

وَلَوْ قَالَ: إِنَّ وَطْئَكَ فَصَرَّتْكَ طَالِقٌ فَمَوْلٍ مِنَ الْمُخَاطَبَةِ. فَإِنْ وَطِئَ فِي مُدَّةِ الْإِيْلَاءِ أَوْ بَعْدَهَا طَلَقَتْ الضَّرَّةُ لَوْجُودِ الْمُعَلَّقِ عَلَيْهِ وَرَوَالِ الْإِيْلَاءِ إِذْ لَا يَلْزَمُهُ شَيْءٌ بِوَطْئِهَا بَعْدُ. وَلَوْ قَالَ: وَاللَّهِ لَا أَطُوكَ سَنَةً إِلَّا مَرَّةً مَثَلًا فَمَوْلٍ إِنْ وَطِئَ وَبَقِيَ مِنَ السَّنَةِ أَكْثَرُ مِنْ الْأَشْهُرِ الْأَرْبَعَةِ لِحُصُولِ الْحَنْثِ بِالْوَطْءِ بَعْدَ ذَلِكَ. بِخِلَافِ مَا لَوْ بَقِيَ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ فَأَقْلٌ، فَلَيْسَ بِمَوْلٍ، بَلْ حَالِفٌ.

2050. Kalau dia kata : jika aku setubuhi kamu maka madu kamu tertalak maka dia melakukan ijlā' mula dari menunjukan cakap itu, maka jika dia setubuh pada tempoh ijlā' atau selepasnya tertalak madunya kerana ujud yang dita'likkan di atasnya dan hilang ijlā' itu kerana tidak melaziminya suatu dengan dia menyeturubuhinya selepas itu. Kalau dia kata : demi Allah tidak aku setubuh kamu setahun melainkan sekali sebagai contoh maka dia melakukan ijlā' jika dia setubuh dan tinggal dari tahun itu lebih dari empat bulan kerana terhasil batal sumpah dengan setubuh selepas itu, bersalahan

keadaan kalau tinggal empat bulan maka kurang, maka dia bukan orang yang melakukan iila', bahkan orang yang bersumpah.

(وَيُؤَجَّلُ لَهُ) بِمَعْنَى يُمَهِّلُ الْمَوْلَى وَجُوبًا (إِنْ سَأَلَتْ) زَوْجَتُهُ (ذَلِكَ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ) ، سِوَاءَ الْحُرِّ وَالرَّقِيقِ فِي الزَّوْجِ وَالزَّوْجَةِ مِنْ حِينِ الْإِيْلَاءِ فِي غَيْرِ رَجْعِيَّةٍ . وَابْتِدَاؤُهُ فِي رَجْعِيَّةٍ أَلَى مِنْهَا مِنْ حِينِ الرَّجْعَةِ .

2051. (Ditempokkan dia) dengan makna ditangguhkan yang melakukan iila' jalan wajib (jika) isterinya (meminta demikian itu selama empat bulan), sama yang merdeka dan hamba pada suami dan isteri, mula dari ketika iila' pada selain perempuan raji'e. Permulaannya pada yang raji'e yang suaminya meng iila' kannya didalam tempoh rujuk adalah dari ketika rujuk.

وَيَقْطَعُ الْمُدَّةَ رِدَّةً بَعْدَ دُخُولِ وَلَوْ مِنْ أَحَدِهِمَا وَبَعْدَ الْمُدَّةِ لَارْتِفَاعِ النِّكَاحِ أَوْ اخْتِلَالِهِ بِهَا فَلَا يُحْسَبُ زَمْنُهَا مِنَ الْمُدَّةِ، وَمَنْعٌ وَطْعٌ بِالزَّوْجَةِ حَسِيٍّ أَوْ شَرَعِيٍّ غَيْرِ نَحْوِ حَيْضِ كَنْفَاسٍ، وَذَلِكَ كَمَرَضٍ وَجُنُونٍ وَنُسُوزٍ وَتَلْبَسٍ بِفَرَضٍ نَحْوِ صَوْمٍ كَاغْتِكَافٍ، وَإِحْرَامٍ فَرَضِينَ لِامْتِنَاعِ الْوَطْعِ مَعَهُ بِمَنْعٍ مِنْ قِبَلِهَا وَتَسْتَأْنَفُ الْمُدَّةَ بِزَوَالِ الْقَاطِعِ وَلَا تُبْنَى عَلَى مَا مَضَى.

2052. Memutuskan tempoh itu oleh riddah selepas masuk walaupun pada seorang dari dua mereka dan selepas tempoh itu kerana terangkat atau kerana cedera nikah dengannya maka tidak dikira masanya dari tempoh itu, dan perkara yang menegah setubuh pada isteri yang jenis hissi atau syari'e selain umpama haid seperti nifas, demikian itu seperti sakit dan gila dan nusyuz, dan bersepakai dengan fardhu umpama puasa dan iktikaf fardhu dan ihram fardhu kerana tertegah persetubuhan bersama suami dengan sebab perkara yang menegah dari pihaknya. Dimulakan tempoh itu dengan hilang yang memutuskannya dan tidak dibina ia di atas apa yang telah lalu.

تَنْبِيْهٌ : مَا ذَكَرَهُ الْمُصَنِّفُ مِنْ تَوْقُفِ التَّأْجِيلِ عَلَى سُؤْلِهَا مَمْنُوعٌ فَهُوَ مُخَالَفٌ لِقَوْلِ الْإِمَامِ الشَّافِعِيِّ وَالْأَصْحَابِ . فَقَدْ قَالَ الْإِمَامُ الشَّافِعِيُّ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ فِي الْأَمِّ كَمَا فِي الْمَطْلَبِ مَا نَصَّهُ : وَمَنْ حَلَفَ لَا يَقْرُبُ امْرَأَتَهُ أَكْثَرَ مِنْ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ فَتَرَكَتَهُ امْرَأَتُهُ وَلَمْ تُطَالِبْهُ حَتَّى مَضَى الْوَقْتُ الَّذِي حَلَفَ عَلَيْهِ فَقَدْ خَرَجَ مِنْ حُكْمِ الْإِيْلَاءِ ، لِأَنَّ الْيَمِينَ سَاقِطَةٌ عَنْهُ . ا هـ . فَلَوْ كَانَ التَّأْجِيلُ مُتَوَقَّفًا عَلَى طَلِبِهَا لَمَا حُسِبَتْ الْمُدَّةُ .

2053. Tanbih. Apa yang disebutkan musannif daripada terhenti pemberian tempoh itu di atas permintaannya adalah tertegah maka dia menyalahi pendapat imam Syafi'e dan ashabnya. Maka kata imam Syafi'e r.a didalam al Umm sepertimana didalam Matlab apa yang nasnya : siapa yang bersumpah tidak akan mendekati isterinya lebih dari empat bulan maka isterinya membiarkan dia dan tidak menuntutnya hingga berlalu waktu yang dia sumpah di atasnya maka sungguh dia keluar dari hukum iila', kerana sumpah itu gugur darinya. Intaha. Maka kalau tempohan itu terhenti di atas tuntutananya tentu tidak dikira tempoh itu

وَصَرَّحَ الْأَصْحَابُ بِضَرْبِ الْمُدَّةِ بِنَفْسِهَا سِوَاءَ عَلِمَتْ ثُبُوتَ حَقِّهَا فِي الطَّلَبِ وَتَرَكَتَهُ قَصْدًا أَمْ لَمْ تَعْلَمْ حَتَّى انْقَضَتْ الْمُدَّةُ وَلَا تَحْتَاجُ إِلَى ضَرْبِ الْقَاضِي لِثُبُوتِهَا بِنَصِّ الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ ، حَتَّى قَالَ فِي الرَّوْضَةِ لَوْ أَلَى ثُمَّ غَابَ أَوْ أَلَى وَهُوَ غَائِبٌ حُسِبَتْ الْمُدَّةُ .

2054. Ashab Syafi'e menjelaskan dengan isteri itu sendiri mengenakan tempoh itu, sama sahaja dia tahukan sabit haknya pada menuntut dan dia meninggalkannya dengan sengaja atau dia tidak tahu hingga habis tempoh itu, dan tidak dia perlu kepada penetapan qadhi kerana sabitnya dengan nas Quran, hinggakan katanya didalam Raudhah : kalau seorang melakukan iila' kemudian ghaib atau dia melakukan iila' sedang dia ghaib dikira tempoh itu.

(ثُمَّ) إِذَا مَضَتْ الْمُدَّةُ وَلَمْ يَطَأْ مِنْ غَيْرِ مَآعٍ بِالزَّوْجَةِ (يُخَيَّرُ) الْمَوْلَى بِطَلَبِهَا (بَيْنَ الْفَيْئَةِ) بَأَنْ يُوَلِّجَ الْمَوْلَى حَشْفَتَهُ أَوْ قَدْرَهَا مِنْ مَقْطُوعِهَا بِقَبْلِ الْمَرْأَةِ، وَسَمِيَ الْوَطْءُ فَيْئَةً لِأَنَّهُ مِنْ فَاءٍ إِذَا رَجَعَ، (وَالتَّكْفِيرِ) لِلْيَمِينِ إِنْ كَانَ حَلْفُهُ بِاللَّهِ تَعَالَى عَلَى تَرْكِ وَطْئِهَا (أَوْ الطَّلَاقِ) لِلْمَحْلُوفِ عَلَيْهِ.

2055. (Kemudian) apabila berlalu tempoh itu dan dia tidak menyetubuhi tanpa ada penghalang pada isterinya (**diberi pilih**) yang melakukan iila' itu dengan tuntutan isterinya (**di antara kembali**) dengan dia memasukkan hasyafahnya atau kadarnya dari yang putus hasyafah pada kubul isterinya. Dinamakan setubuh sebagai "فَيْئَةٌ" i.e kembali kerana ia dari "فاء" apabila seorang kembali. (**dan membayar kifarat**) sumpah jika dia bersumpah dengan "Allah" taala di atas meninggalkan setubuhnya, (**atau mentalakkan**) yang disumpah di atasnya.

تَنْبِيْهُ : كَيْفِيَّةُ الْمُطَالِبَةِ أَنَّهَا تُطَالِبُهُ أَوَّلًا بِالْفَيْئَةِ الَّتِي امْتَنَعَ مِنْهَا فَإِنْ لَمْ يَفِئْ طَالِبَتْهُ بِطَّلَاقِ لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { فَإِنْ فَاءُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَحِيمٌ وَإِنْ عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ }.

2056. Tanbih. Kaifiat tuntutan itu bahawa dia menuntutnya mula-mula dengan kembali yang suami itu enggan darinya, maka jika dia tidak kembali dia menuntutnya dengan talak kerana firman Allah taala "maka jika mereka kembali maka sesungguhnya Allah maha pengampun maha penyayang, dan jika mereka berazam untuk talak maka sesungguhnya Allah maha mendengar maha tahu".

وَلَوْ تَرَكَتْ حَقَّهَا كَانَ لَهَا الْمُطَالِبَةُ بَعْدَ ذَلِكَ لِتَجَدُّدِ الضَّرَرِ. وَلَيْسَ لِسَيِّدِ الْأُمَّةِ مُطَالِبَتُهُ لِأَنَّ التَّمَتُّعَ حَقَّهَا وَيَنْتَظِرُ بُلُوغَ الْمَرْأَةِ وَلَا يُطَالِبُ وَلِيَّهَا لِذَلِكَ. وَمَا ذَكَرْتَهُ مِنَ التَّرْتِيبِ بَيْنَ مُطَالِبَتِهَا بِالْفَيْئَةِ وَالطَّلَاقِ هُوَ مَا ذَكَرَهُ الرَّافِعِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ تَعَالَى تَبَعًا لظَاهِرِ النَّصِّ وَإِنْ كَانَ فَضِيَّةَ كَلَامِ الْمَنْهَاجِ أَنَّهَا تَرَدَّدَ الطَّلَبُ بَيْنَهُمَا.

2057. Kalau isteri meninggalkan haknya boleh dia menuntut selepas itu kerana kemudharatan itu berterusan timbul. Tidak boleh penghulu amah menuntutnya kerana tamatu' itu haknya. Ditunggu baligh murahiqah dan tidak menuntut walinya kerana demikian itu. Apa yang aku sebutkan daripada aturan di antara tuntutan dengan kembali dan talak adalah apa yang Rafi'e rahimahullah taala disebutkan kerana mengikut zahir nas sekalipun kehendak kalam Minhaj bahawa dia boleh membuat tuntutan di antara keduanya.

فَإِنْ كَانَ الْمَانِعُ بِالزَّوْجِ وَهُوَ طَبِيعِيٌّ كَمَرَضٍ فَتَطَالِبُهُ بِالْفَيْئَةِ بِاللِّسَانِ بَأَنْ يَقُولَ : إِذَا قَدَرْتُ فُئْتُ، ثُمَّ إِنْ لَمْ يَفِئْ طَالِبَتْهُ بِطَّلَاقِ. أَوْ شَرَعِيٌّ كَأِحْرَامِ وَصَوْمٍ وَاجِبٍ فَتَطَالِبُهُ بِالطَّلَاقِ لِأَنَّهُ الَّذِي يُمَكِّنُهُ لِحُرْمَةِ الْوَطْءِ فَإِنْ عَصَى بِوَطْءٍ، لَمْ يُطَالِبْ لِإِحْلَالِ الْيَمِينِ.

2058. Maka jika penghalang itu pada suami dan ianya semulajadi seperti sakit maka dia menuntutnya kembali dengan lidah dengan bahawa dia kata : apabila aku kuasa aku kembali. Kemudian jika dia tidak kembali dia menuntutnya dengan talak. Atau penghalang itu yang jenis syarak seperti ihram dan puasa wajib maka dia menuntutnya dengan talak kerana ia yang terbole pada suami kerana haram setubuhnya. Maka jika dia maksiat dengan setubuh tidak dia dituntut kerana terombak sumpah itu.

(فَإِنْ امْتَنَعَ) مِنْهُمَا أَيُّ : الْفَيْئَةِ وَالطَّلَاقِ، (طَلَّقَ عَلَيْهِ الْحَاكِمُ) طَلْفَةً نَبَايَةَ عَنْهُ لِأَنَّهُ لَا سَبِيلَ إِلَى دَوَامِ إِضْرَارِهَا وَلَا إِجْبَارَ عَلَى الْفَيْئَةِ لِأَنَّهَا لَا تَدْخُلُ تَحْتَ الْإِجْبَارِ، وَالطَّلَاقُ يَقْبَلُ النِّبَايَةَ فَنَابَ الْحَاكِمُ عَنْهُ عِنْدَ الْإِمْتِنَاعِ، فَيَقُولُ : أَوْقَعْتُ عَلَى فَلَانَةٍ عَلَى فَلَانٍ طَلْفَةً كَمَا حَكِي عَنْ الْإِمْلَاءِ أَوْ حَكَمْتُ عَلَيْهِ فِي زَوْجَتِهِ بِطَلْفَةٍ.

2059. (Maka jika dia enggan) dari keduanya iaitu kembali dan talak (**hakim mentalakkan di atasnya**) satu talak sebagai ganti darinya, kerana tidak ada jalan pada berterusan memudharatkannya dan tidak ada paksaan di atas kembali kerana ia tidak masuk dibawah paksaan sedangkan talak menerima gantian maka hakim menggantikan darinya di sisi dia enggan. Maka dia kata : aku jatuhkan ke atas si pulan satu talak, sertimana dihiyakan dari al Imla', atau : aku hukuman di atasnya pada isterinya dengan satu talak.

تَنْبِيهٌ : يُشْتَرَطُ حُضُورُهُ لِيَثْبُتَ امْتِنَاعُهُ كَالْعَضْلِ، إِلَّا إِنْ تَعَدَّرَ. وَلَا يُشْتَرَطُ لِلطَّلَاقِ حُضُورُهُ عِنْدَهُ.

2060. Tanbih. Disyaratkan hadirnya supaya sabit engganannya sama seperti orang yang degil, melainkan jika teruzur. Tidak disyaratkan bagi talak hadirnya di sisi talak itu.

وَلَا يَنْفُذُ طَلَاقُ الْقَاضِي فِي مُدَّةِ إِمهَالِهِ وَلَا بَعْدَ وَطْئِهِ أَوْ طَلَاقِهِ. وَإِنْ طَلَّقَا مَعًا وَقَعَ الطَّلَاقَانِ. وَإِنْ طَلَّقَ الْقَاضِي مَعَ الْفَيْئَةِ لَمْ يَقَعْ الطَّلَاقُ، لِأَنَّهَا الْمَفْصُودَةُ. وَإِنْ طَلَّقَ الزَّوْجُ بَعْدَ طَلَاقِ الْقَاضِي وَقَعَ الطَّلَاقُ إِنْ كَانَ طَلَاقُ الْقَاضِي رَجْعِيًّا.

2061. Tidak lulus talak qadhi pada tempoh penangguhan itu dan tidak selepas suami setubuh atau mentalakkan. Jika kedua mereka mentalakkan serentak jatuh dua talak. Jika qadhi mentalakkan serentak dengan kembali tidak jatuh talak itu kerana setubuh itu yang dimaksudkan. Jika suami mentalakkan selepas talak qadhi jatuh talaknya jika talak qadhi itu talak raj'ie.

تَمَّتْ : لَوْ اخْتَلَفَ الزَّوْجَانِ فِي الْإِبْلَاءِ أَوْ فِي انْقِضَاءِ مُدَّتِهِ بِأَنْ ادَّعَتْهُ عَلَيْهِ فَأَنْكَرَ صِدْقَ بَيَمِينِهِ لِأَنَّ الْأَصْلَ عَدَمُهُ. وَلَوْ اعْتَرَفَتْ بِالوَطْءِ بَعْدَ الْمُدَّةِ وَأَنْكَرَهُ سَقَطَ حَقُّهَا مِنَ الطَّلَبِ عَمَلًا بِاعْتِرَافِهَا. وَلَمْ يَقْبَلْ رُجُوعُهَا عَنْهُ لِاعْتِرَافِهَا بِوُصُولِ حَقِّهَا إِلَيْهَا.

2062. Tatimmah. Kalau dua suami isteri berselisih pada ijla' atau pada terhabis tempohnya dengan bahawa isteri mendakwa suami di atas ijla' maka suami ingkar, dibenarkan suami dengan sumpahnya kerana asal tidak adanya. Kalau isteri mengaku dengan setubuh selepas tempoh itu dan suami ingkarkannya gugur hak isteri itu dari membuat tuntutan kerana mengamalkan pengakuannya. Tidak diterima rujuknya kerana dia mengakui sampai haknya kepadanya.

وَلَوْ كَرَّرَ يَمِينَ الْإِبْلَاءِ مَرَّتَيْنِ فَأَكْثَرَ وَأَرَادَ بغيرِ الْأُولَى التَّأْكِيدَ لَهَا وَلَوْ تَعَدَّدَ الْمَجْلِسُ وَطَالَ الْفَصْلُ صِدْقَ بَيَمِينِهِ كَنْظِيرِهِ فِي تَعْلِيْقِ الطَّلَاقِ. وَفَرَقَ بَيْنَهَا وَبَيْنَ تَنْجِيزِ الطَّلَاقِ بِأَنَّ التَّنْجِيزَ إِشَاءٌ وَإِقَاعٌ وَالْإِبْلَاءُ وَالتَّعْلِيْقُ مُتَعَلِّقَانِ بِأَمْرٍ مُسْتَقْبَلٍ فَالتَّأْكِيدُ بِهِمَا أَلْيَقُ.

2063. Kalau seorang mengulang sumpah ijla' dua kali atau lebih dan dia hendakkan dengan selain yang pertama akan ta'kid yang pertama walaupun berbilang majlis dan lama perceraian dibenarkan dia dengan sumpahnya seperti yang sebandingnya pada ta'lik talak. Dibezakan di antara ijla' dan di antara meluluskan talak dengan bahawa meluluskan talak adalah menjadikan dan menjatuhkan sementara ijla' dan ta'lik bersangkutan dengan perkara masa depan maka ta'kid pada keduanya lebih layak.

أَوْ أَرَادَ الْإِسْتِنَافَ تَعَدَّدَتِ الْإِيمَانُ وَإِنْ أَطْلَقَ وَلَمْ يَرِدْ تَأْكِيدًا وَلَا اسْتِنَافًا فَوَاحِدَةٌ إِنْ اتَّحَدَ الْمَجْلِسُ حَمَلًا عَلَى التَّأْكِيدِ. وَإِلَّا، تَعَدَّدَتِ لِبُعْدِ التَّأْكِيدِ مَعَ اخْتِلَافِ الْمَجْلِسِ.

2064. Atau dia hendak memulakan jadi berbilang sumpah itu. Jika dia mengitlak dan tidak hendakkan ta'kid dan tidak memulakan maka satu jika satu majlisnya kerana

menanggungkan di atas ta'kid. Jika tidak, berbilang ia kerana jauh ta'kid serta berlainan majlis.

فَصَلِّ فِي الظَّهَارِ . هُوَ لَعْنَةٌ مَأخُودٌ مِنَ الظَّهْرِ لِأَنَّ صُورَتَهُ الْأَصْلِيَّةَ أَنْ يَقُولَ لِزَوْجَتِهِ أَنْتِ عَلَيَّ كَظَهْرِ أُمِّي . وَخَصُّوا الظَّهْرَ دُونَ غَيْرِهِ لِأَنَّهُ مَوْضِعُ الرَّكُوبِ وَالْمَرْأَةُ مَرْكُوبُ الزَّوْجِ . وَكَانَ طَلَاقًا فِي الْجَاهِلِيَّةِ كَالْإِيلَاءِ فَغَيَّرَ الشَّرْعُ حُكْمَهُ إِلَى تَحْرِيمِهَا بَعْدَ الْعُودِ وَلِزُومِ الْكُفَّارَةِ كَمَا سَيَأْتِي . وَحَقِيقَتُهُ الشَّرْعِيَّةُ تَشْبِيهُ الزَّوْجِ زَوْجَتَهُ فِي الْحُرْمَةِ بِمَحْرَمِهِ كَمَا يُؤْخَذُ مِمَّا سَيَأْتِي .

2065. **Fasal pada zihar.** “ظهار” pada lughah diambil dari “ظهر” i.e belakang tubuh kerana rupanya yang asal adalah bahawa seorang berkata kepada isterinya : kamu di atas aku seperti belakang tubuh emak ku. Mereka mengkhususkan belakang tidak selainnya kerana ia tempat tunggang dan perempuan itu tunggangan suami. Adalah ia talak pada jahiliyah seperti iila' maka syara' mengubah hukumnya kepada perempuan itu selepas “kembali”¹²⁰ dan lazim kifarat sepertimana akan datang. Hakikatnya pada syarak : penyerupaan suami akan isterinya pada haram dengan perempuan mahramnya sepertimana difaham dari apa yang akan datang.

وَالْأَصْلُ فِيهِ قَبْلَ الْإِجْمَاعِ آيَةٌ : { وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ } . وَهُوَ مِنَ الْكِبَائِرِ قَالَ اللَّهُ تَعَالَى : { وَإِنَّهُمْ لَيَقُولُونَ مُنْكَرًا مِنَ الْقَوْلِ وَزُورًا } .

2066. Asal padanya sebelum ijmak ayat “orang-orang yang menziharkan isteri-isteri mereka”. Ianya daripada dosa-dosa besar, firman Allah taala “dan sesungguhnya mereka mengatakan kemungkaran daripada kata-kata, dan dosa”.

فَأَيُّهَا : سُورَةُ الْمُجَادَلَةِ فِي كُلِّ آيَةٍ مِنْهَا اسْمُ اللَّهِ تَعَالَى ، مَرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ أَوْ ثَلَاثًا ، فَلَيْسَ فِي الْقُرْآنِ سُورَةٌ تُشَابِهُهَا . وَهِيَ نِصْفُ الْقُرْآنِ عَدَدًا وَعَشْرُهُ بِاعْتِبَارِ الْأَجْزَاءِ .

2067. Faedah. Surah Mujadalah pada setiap ayat daripadanya ada nama Allah taala, sekali atau dua kali atau tiga kali. Maka tidak ada didalam Quran satu surah yang menyerupainya. Ianya setengah Quran nisbah bilangan dan satu persepuluhnya dengan iktibar juzuk-juzuknya.

وَأَرْكَانُ الظَّهَارِ أَرْبَعَةٌ : صِغَةُ وَمُظَاهَرٍ وَمُظَاهَرٍ مِنْهَا وَمُشَبَّهٍ بِهِ . وَكُلُّهَا تُؤْخَذُ مِنْ قَوْلِهِ : (وَالظَّهَارُ أَنْ يَقُولَ) أَيِّ وَصِيغَتِهِ وَهُوَ الرُّكْنُ الْأَوَّلُ أَنْ يَقُولَ : (الرَّجُلُ) أَيُّ الزَّوْجِ وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّانِي (لِزَوْجَتِهِ) أَيُّ الْمُظَاهَرِ مِنْهَا وَهُوَ الرُّكْنُ الثَّلَاثُ : (أَنْتِ عَلَيَّ) أَوْ مِنِّي أَوْ مَعِي أَوْ عِنْدِي (كَظَهْرِ أُمِّي) ، أَيُّ مَرْكَبِي مِنْكَ حَرَامٌ كَمَرْكَبِي مِنْ أُمِّي ، وَهَذَا هُوَ الْمُشَبَّهُ بِهِ وَهُوَ الرُّكْنُ الرَّابِعُ . فَقَدْ حَصَلَ مِنْ كَلَامِ الْمُصَنِّفِ جَمِيعُ الْأَرْكَانِ وَلَكِنْ لَهَا شُرُوطٌ .

2068. Rukun-rukun zihar itu empat : sighthan dan orang yang menzihar dan orang yang diziharkan dan apa yang diserupakan dengannya. Semuanya difahami dari katanya (**Zihar itu bahawa berkata**) iaitu sighthannya yang mana ia rukun pertama bahawa berkata (**seorang lelaki**) iaitu suami yang mana ia rukun kedua (**kepada isterinya**) iaitu orang yang diziharkan yang mana ia rukun ketiga : (**kamu di atas aku**) atau dari aku atau bersama ku atau di sisi ku (**seperti belakang ibu ku**) iaitu tunggangan ku dari kamu haram seperti tunggangan ku dari ibu ku, yang mana ia apa yang diserupakan dengannya iaitu rukun keempat. Maka sesungguhnya terhasil dari kalam musannif semua rukun-rukunnya, akan tetapi baginya beberapa syarat lain.

¹²⁰. kembali pada kata-kata adalah menyalahinya dan membatalkannya.

فَشُرِّطَ فِي الصَّيغَةِ لَفْظٌ يَشْعُرُ بِالظَّهَارِ. وَفِي مَعْنَاهُ : مَا مَرَّ فِي الضَّمَانِ . وَذَلِكَ إِمَّا صَرِيحٌ كَأَنْتَ أَوْ رَأْسُكَ أَوْ يَدُكَ أَوْ لَوْ بَدُونِ عَلَيَّ كَظَهَرَ أُمِّي أَوْ كَيْدَهَا، أَوْ كِنَايَةٌ كَأَنْتَ كَأُمِّي أَوْ كَعَيْنِهَا أَوْ غَيْرَهَا مِمَّا يَذْكَرُ لِلْكَرَامَةِ كَرَأْسِهَا.

2069. Maka disyaratkan pada sighthaf lafaz yang menyedarkan zihar. Pada maknanya apa yang telah lalu pada dhaman. Demikian itu samaada lafaz yang jelas seperti “kamu atau kepala kamu atau tangan kamu” walaupun tanpa “di atas aku” “seperti belakang ibu ku atau seperti tangannya”, atau kinayah seperti “kamu seperti ibu ku atau seperti matanya” atau selainnya daripada apa yang disebutkan untuk memuliakan seperti kepalanya.

وَشُرِّطَ فِي الْمُظَاهِرِ كَوْنُهُ زَوْجًا يَصِحُّ طَلَاقُهُ وَلَوْ عَبْدًا أَوْ كَافِرًا أَوْ حَصِيًّا أَوْ مَجْبُوبًا أَوْ سَكْرَانًا . فَلَا يَصِحُّ مِنْ غَيْرِ زَوْجٍ وَإِنْ نَكَحَ مَنْ ظَاهَرَ مِنْهَا، وَلَا مِنْ صَبِيٍّ وَمَجْنُونٍ وَمُكْرَهٍ.

2070. Disyaratkan pada yang menziharkan keadaannya suami yang sah talaknya walaupun dia hamba atau kafir atau orang yang dikhasi atau yang majbub atau mabuk. Maka tidak sah ia dari selain suami sekalipun dia mengahwini perempuan yang dia ziharkan, dan tidak dari kanak-kanak dan orang gila dan yang dipaksa.

وَشُرِّطَ فِي الْمُظَاهِرِ مِنْهَا كَوْنُهَا زَوْجَةً، وَلَوْ أَمَةً أَوْ صَغِيرَةً أَوْ مَجْنُونَةً أَوْ رَتْقَاءَ أَوْ قَرْنَاءَ أَوْ رَجِيئَةً ، لَا أَجْنَبِيَّةً وَلَوْ مُخْتَلَعَةً أَوْ أَمَةً، كَالطَّلَاقِ. فَلَوْ قَالَ لِأَجْنَبِيَّةٍ : إِنْ نَكَحْتُكَ فَأَنْتَ عَلَيَّ كَظَهَرَ أُمِّي، أَوْ قَالَ السَّيِّدَ لِأَمَتِهِ : أَنْتَ عَلَيَّ كَظَهَرَ أُمِّي، لَمْ يَصِحَّ.

2071. Disyaratkan pada orang yang diziharkan keadaannya isteri walaupun amah atau kecil atau gila atau tersumbat kemaluan dengan daging atau tulang, bukannya perempuan ajnabi walaupun yang menebus talak atau amah, sama seperti talak. Maka kalau seorang kata kepada perempuan ajnabi: jika aku kahwini kamu maka kamu di atas aku seperti belakang ibu ku, atau kata penghulu kepada amahnya : kamu di atas ku seperti belakang ibu ku, tidak sah ia.

وَشُرِّطَ فِي الْمُسْتَبَّهِ بِهِ كَوْنُهُ كُلِّ أَنْثَى مَحْرَمٍ أَوْ جُزْءٍ أَنْثَى مَحْرَمٍ بِنَسَبٍ أَوْ رِضَاعٍ أَوْ مُصَاهَرَةٍ لَمْ تَكُنْ حَلًّا لِلزَّوْجِ كَبِنْتِهِ وَأُخْتِهِ مِنْ نَسَبٍ وَمَرْضِعَةٍ أَبِيهِ أَوْ أُمِّهِ وَزَوْجَةِ أَبِيهِ الَّتِي نَكَحَهَا قَبْلَ وِلَادَتِهِ أَوْ مَعَهَا فِيمَا يَظْهَرُ، بِخِلَافِ غَيْرِ الْأُنْثَى مِنْ ذَكَرٍ وَخُنْثَى لِأَنَّهُ لَيْسَ مَحَلَّ النِّمَاحِ، وَبِخِلَافِ مَنْ كَانَتْ حَلَالَةً كَزَوْجَةِ ابْنِهِ، وَبِخِلَافِ أَزْوَاجِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَنَّ تَحْرِيمَهُنَّ لَيْسَ لِلْمَحْرَمِيَّةِ بَلْ لِشَرَفِهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ. وَأَمَّا أُخْتُهُ مِنَ الرِّضَاعِ فَإِنْ كَانَتْ وِلَادَتُهَا قَبْلَ إِرْضَاعِهِ فَلَا يَصِحُّ التَّشْبِيهُ بِهَا، وَإِنْ كَانَتْ بَعْدَهُ صَحَّ. وَكَذَا إِنْ كَانَتْ مَعَهُ فِيمَا يَظْهَرُ.

2072. Disyaratkan pada orang yang diserupakan dengannya keadaannya setiap perempuan mahram atau satu jujuk dari perempuan mahram, dengan titihan atau susuan atau semendaan yang asalnya tidak halal bagi suami itu seperti anak perempuannya dan saudara perempuannya dari titihan dan ibu susu bapanya atau emaknya dan isteri bapanya yang dikahwininya sebelum dia lahir atau serentak dengan kelahirannya pada yang paling zahir, bersalahan selain perempuan daripada lelaki dan khunsa kerana dia bukan tempat tamattu', dan bersalahan perempuan yang asalnya halal baginya seperti isteri anak lelakinya, dan bersalahan isteri-isteri nabi s.a.w.m kerana pengharaman mereka bukan kerana sifat mahram bahkan kerana kemuliaan nabi s.a.w.m. Adapun saudara perempuannya dari susuan maka jika lahirnya sebelum dia menyusu maka tidak sah penyerupaan dengannya dan jika ia selepasnya sah ia. Begitu juga jika ia serentak dengannya pada apa yang zahir.

تَنْبِيهٌ : يَصِحُّ تَأْقِيتُ الظَّهَارِ ، كَأَنْتِ عَلَيَّ كَظَهَرِ أُمِّي ، كَأَنْتِ عَلَيَّ كَظَهَرِ أُمِّي . فَلَوْ قَالَ : أَنْتِ عَلَيَّ كَظَهَرِ أُمِّي خَمْسَةَ أَشْهُرٍ ، كَانَ ظَهَارًا مُوقَّتًا وَإِبْلَاءً لِامْتِنَاعِهِ مِنْ وَطْئِهَا فَوْقَ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ . وَيَصِحُّ تَعْلِيْقُهُ لِأَنَّهُ يَتَعَلَّقُ بِالتَّحْرِيمِ فَأَشْبَهَ الطَّلَاقَ . فَلَوْ قَالَ : إِنْ ظَاهَرْتَ مِنْ ضَرْبِكَ فَأَنْتِ عَلَيَّ كَظَهَرِ أُمِّي ، فَظَاهَرَ مِنْهَا فَمُظَاهَرَ مِنْهُمَا عَمَلًا بِمُقْتَضَى التَّنْجِيزِ وَالتَّعْلِيقِ .

2073. Tanbih. Sah mewaktukan zihar, seperti : kamu di atas aku seperti belakang ibu ku sehari, kerana memenangkan sumpah. Maka kalau dia kata : kamu di atas aku seperti belakang ibu ku lima bulan, adalah ia zihar yang diwaktukan dan iila' kerana dia enggan dari menyetyubuhnya lebih dari empat bulan. Sah menta'likkannya kerana ia berkaitan dengan pengharaman maka ia menyerupai talak. Maka kalau dia kata : jika aku ziharkan madu kamu maka kamu di atas aku seperti belakang ibu ku, maka dia seorang yang menziharkann kedua-duanya kerana mengamalkan kehendak meluluskan dan menta'likkan.

(فَإِذَا قَالَ (الْمُظَاهِرُ) ذَلِكَ وَلَمْ يُتْبِعْهُ بِالطَّلَاقِ) بِأَنْ يُمَسِّكَهَا بَعْدَ ظَهَارِهِ زَمَنَ إِمْكَانِ فُرْقَةٍ وَلَمْ يَفْعَلْ (صَارَ عَانِدًا) ، لِأَنَّ تَشْبِيْهَهَا بِالْأَمِّ مَثَلًا يَفْتَضِي أَنْ لَا يُمَسِّكَهَا زَوْجَةً . فَإِنْ أَمْسَكَهَا زَوْجَةً بَعْدُ عَادَ فِيمَا قَالَ ، لِأَنَّ الْعَوْدَ لِلْقَوْلِ مُخَالَفَتُهُ . يُقَالُ : قَالَ فُلَانٌ قَوْلًا ثُمَّ عَادَ لَهُ وَعَادَ فِيهِ ، أَيْ خَالَفَهُ وَنَقَضَهُ . وَهُوَ قَرِيبٌ مِنْ قَوْلِهِمْ عَادَ فِي هَيْبَتِهِ .

2074. (Maka apabila) orang yang menziharkan (mengatakan demikian itu dan tidak dia mengikutkannya dengan talak) seperti bahawa dia menahan isterinya selepas ziharnya dalam masa yang boleh berlaku perceraian dan dia tidak lakukan (jadilah dia seorang yang kembali) kerana menyerupakan isteri dengan ibu sebagai contoh menuntut bahawa dia tidak menahannya sebagai isteri maka jika dia menahannya sebagai isteri selepas itu dia kembali pada apa yang dia katakan, kerana kembali bagi kata-kata adalah menyalahinya. Dikatakan “ قَالَ فُلَانٌ قَوْلًا ثُمَّ عَادَ لَهُ وَعَادَ فِيهِ ” i.e kata si pulan satu kata-kata kemuduaian dia kembali padanya, iaitu menyalahinya dan membatalkannya. Ianya dekat dengan kata mereka “ عَادَ فِي هَيْبَتِهِ ” i.e dia kembali pada hibahnya.

تَنْبِيهٌ : هَذَا فِي الظَّهَارِ الْمُؤَبَّدِ أَوْ الْمُطَّلَقِ وَفِي غَيْرِ الرَّجْعِيَّةِ ، لِأَنَّهُ فِي الظَّهَارِ الْمُوقَّتِ إِنَّمَا يَصِيرُ عَانِدًا بِالْوَطْءِ فِي الْمُدَّةِ كَمَا سَيَأْتِي ، لَا بِالْإِمْسَاكِ ، وَالْعَوْدُ فِي الرَّجْعِيَّةِ إِنَّمَا هُوَ بِالرَّجْعَةِ .

2075. Tanbih. Ini pada zihar yang selama-lama atau yang mutlak dan pada selain perempuan raji'e, kerana dia pada zihar yang diwaktukan hanyalah menjadi kembali dengan setubuh pada tempoh itu seperti mana akan datang, tidak dengan menahan, dan kembali pada perempuan raji'e hanyalah ia dengan rujuk.

وَاسْتَنْبِي مِنْ كَلَامِهِ مَا إِذَا كَرَّرَ لَفْظَ الظَّهَارِ وَقَصَدَ بِهِ التَّأْكِيدَ فَإِنَّهُ لَيْسَ بِعَوْدٍ عَلَى الْأَصْحَحِ مَعَ تَمَكُّنِهِ بِالْإِتْيَانِ بِلَفْظِ الطَّلَاقِ بَدَلِ التَّأْكِيدِ .

2076. Dikecualikan dari kalamnya keadaan apabila dia mengulangi lafaz zihar dan bertujuan menta'kidkan dengannya, maka ia bukannya kembali di atas yang paling sahih serta terbolehdia mendatangkan lafaz talak ganti dari ta'kid itu.

وَمَا تَقَدَّمَ مِنْ حُصُولِ الْعَوْدِ بِمَا ذُكِرَ مَحَلُّهُ إِذَا لَمْ يَتَّصِلْ بِالظَّهَارِ فُرْقَةً بِسَبَبٍ مِنْ أَسْبَابِهَا . فَلَوْ اتَّصَلَتْ بِالظَّهَارِ فُرْقَةً بِمَوْتِ مِنْهُمَا أَوْ مِنْ أَحَدِهِمَا ، أَوْ فَسَخِ نِكَاحِ بِسَبَبِهِ أَوْ بِسَبَبِهَا أَوْ بِإِنْفِسَاخِ كَرْدَةٍ قَبْلَ الدُّخُولِ ، أَوْ فُرْقَةٍ بِسَبَبِ طَّلَاقِ بَائِنٍ أَوْ رَجْعِيٍّ وَلَمْ يُرَاجِعْ ، أَوْ جُنَّ الزَّوْجُ عَقَبَ ظَهَارِهِ ، فَلَا عَوْدَ .

2077. Apa yang terdahulu daripada terhasil kembali dengan apa yang disebutkan itu tempatnya apabila tidak bersambung dengan zihar itu perceraian dengan

satu sebab daripada sebab-sebabnya. Maka kalau bersambung dengan zihar oleh perceraian dengan sebab mati dari kedua mereka atau seorang dari mereka, atau fasakh nikah dengan sebabnya atau dengan sebab isterinya atau dengan terfasakhnya seperti riddah sebelum setubuh, atau perceraian dengan sebab talak bain atau raji'e dan dia tidak merujuk, atau suami itu gila mengiringi ziharnya, maka tidak ada kembali.

وَلَوْ رَاجَعَ مَنْ طَلَّقَهَا عَقِبَ ظَهَارِهِ أَوْ ارْتَدَّ بَعْدَ دُخُولِ مُتَّصِلًا ثُمَّ أَسْلَمَ بَعْدَ رُدِّهِ فِي الْعِدَّةِ صَارَ عَائِدًا بِالرَّجْعَةِ وَإِنْ لَمْ يُمَسِّكْهَا عَقِبَ الرَّجْعَةِ، بَلْ طَلَّقَهَا لَا بِالْإِسْلَامِ، بَلْ هُوَ عَائِدٌ بَعْدَهُ إِنْ مَضَى بَعْدَ الْإِسْلَامِ زَمَنٌ يَسَعُ الْفُرْقَةَ. وَالْفَرْقُ أَنْ مَقْصُودَ الرَّجْعَةِ الْإِسْتِبَاحَةُ وَمَقْصُودُ الْإِسْلَامِ الرَّجُوعُ إِلَى الدِّينِ الْحَقِّ فَلَا يَحْصُلُ بِهِ إِمْسَاكٌ وَإِنَّمَا يَحْصُلُ بَعْدَهُ.

2078. Kalau orang yang mentalakkannya rujuk mengiringi ziharnya atau murtad selepas setubuh hal keadaan bersambung, kemudian dia memeluk islam selepas riddahnya didalam iddah itu jadilah dia orang yang kembali dengan rujuknya itu, sekalipun dia tidak menahan isterinya mengiringi rujuk itu bahkan dia mentalakkannya, tidak dengan islam bahkan dia kembali selepasnya jika berlalu selepas islamnya masa yang muat percerian. Bezanya bahawa yang dimaksudkan dari rujuk adalah pengharusan dan yang dimaksudkan dari islam adalah rujuk kepada ugama sebenar, maka tidak terhasil tahanan dengannya, hanya ia terhasi selepasnya.

{ وَإِذَا صَارَ عَائِدًا (لَزِمَتْهُ الْكُفَّارَةُ) لِقَوْلِهِ تَعَالَى : { وَالَّذِينَ يُظَاهِرُونَ مِنْ نِسَائِهِمْ ثُمَّ يَعُودُونَ لِمَا قَالُوا } الْآيَةَ. وَهَلْ وَجِبَتْ الْكُفَّارَةُ بِالظَّهَارِ وَالْعُودِ، أَوْ بِالظَّهَارِ وَالْعُودِ شَرْطًا، أَوْ بِالْعُودِ فَقَطْ لِأَنَّهُ الْجُزْءُ الْأَخِيرُ؟ أَوْجُهُ، ذَكَرَهَا فِي أَصْلِ الرُّوضَةِ بِلا تَرْجِيحٍ. وَالْأَوَّلُ : هُوَ ظَاهِرُ الْآيَةِ الْمُوَافِقُ لِتَرْجِيحِهِمْ أَنَّ كُفَّارَةَ الْيَمِينِ تَجِبُ بِالْيَمِينِ وَالْحَنْثُ جَمِيعًا.

2079. Apabila dia kembali (melazimi dia kifarat) kerana firman Allah taala "orang-orang yang menziharkan isteri mereka kemudian kembali kepada apa yang mereka katakan". Adakah wajib kifarat itu dengan zihar dan kembali atau dengan zihar, dan kembali itu syarat, atau dengan kembali sahaja kerana ia jujuk yang akhir? Bebrapa wajah. Dia sebutkannya didalam asal Raudhah tanpa tarjih. Yang pertama itu adalah zahir ayat yang muafakat dengan pentarjihan mereka bahawa kifarat sumpah wajib dengan sumpah dan batal sumpah sekali.

وَلَا تَسْقُطُ الْكُفَّارَةُ بَعْدَ الْعُودِ بِفُرْقَةٍ لِمَنْ ظَاهَرَ مِنْهَا بِطَلَّاقٍ أَوْ غَيْرِهِ لِاسْتِقْرَارِهَا بِالْإِمْسَاكِ. وَلَوْ قَالَ لِرُوجَاتِهِ الْأَرْبَعِ : أَنْتَنِّي عَلَى كَظْهَرِ أُمِّي، فَمُظَاهَرٌ مِنْهُنَّ. فَإِنْ أَمْسَكْتَهُنَّ زَمَنًا يَسَعُ طَلَّاقَهُنَّ فَعَائِدٌ مِنْهُنَّ. فَيَلْزِمُهُ أَرْبَعُ كُفَّارَاتٍ. فَإِنْ ظَاهَرَ مِنْهُنَّ بِأَرْبَعِ كَلِمَاتٍ صَارَ عَائِدًا مِنْ كُلِّ وَاحِدَةٍ مِنَ الثَّلَاثِ الْأُولَى، وَلِزِمَهُ ثَلَاثُ كُفَّارَاتٍ. وَأَمَّا الرَّابِعَةُ فَإِنْ فَارَقَهَا عَقِبَ ظَهَارِهَا فَلَا كُفَّارَةَ عَلَيْهِ فِيهَا. وَإِلَّا فَعَلَيْهِ كُفَّارَةٌ.

2080. Tidak gugur kifarat selepas kembali dengan sebab bercerai dengan orang yang dia ziharkannya dengan talak atau selainnya kerana tetap kifarat itu dengan menahannya. Kalau dia kata kepada isterinya yang empat : kamu semua di atas aku seperti belakang ibu ku, maka dia menziharkan semua mereka. Maka jika dia menahan mereka dalam satu tempoh yang memuatkan perbuatan mentalakkan mereka maka dia orang yang kembali kepada mereka itu, maka melaziminya empat kifarat. Maka jika dia menziharkan mereka dengan empat kalimah jadilah dia kembali dari setiap seorang dari tiga yang pertama, dan melaziminya tiga kifarat. Adapun yang keempat maka jika dia menceraikannya mengiringi ziharnya maka tidak ada kifarat di atasnya padanya. Jika tidak maka di atasnya kifarat.

(وَالْكَفَّارَةُ) مَاخُوذَةٌ مِنَ الْكُفْرِ وَهُوَ السَّتْرُ لِسِتْرِهَا الدَّنْبُ تَخْفِيفًا مِنَ اللَّهِ تَعَالَى > وَسَمِيَ الزَّرَاعُ كَافِرًا لِأَنَّهُ يَسْتُرُ الْبَذْرَ. وَتَنْقَسِمُ الْكَفَّارَةُ إِلَى نَوْعَيْنِ : مُخَيَّرَةٌ فِي أَوَّلِهَا وَمَرْتَبَةٌ فِي آخِرِهَا وَهِيَ كَفَّارَةُ الْيَمِينِ ، وَمَرْتَبَةٌ فِي كُلِّهَا وَهِيَ كَفَّارَةُ الْقَتْلِ وَالْجَمَاعِ فِي نَهَارِ رَمَضَانَ وَالظَّهَارِ.

2081. (كَفَّارَةٌ) i.e kifarat diambil dari "كُفْرٌ" iaitu menutup kerana ia menutup dosa di atas jalan keringanan dari Allah taala. Dinamakan orang yang menanam dengan "كافر" kerana dia menutupi benih. Kifarat terbahagi kepada dua bagai, diberi pilihan pada awalnya dan disusun pada akhirnya iaitu kifarat sumpah, dan yang disusun pada semuanya iaitu kifarat bunuh dan jimak pada siang ramadhan dan zihar.

وَالكَلَامُ الآنَ فِي كَفَّارَةِ الظَّهَارِ. وَخصَالُهَا ثَلَاثَةٌ : الْأَوَّلُ (عِنَقُ رَقَبَةٍ) لِلآيَةِ الْكَرِيمَةِ . وَلِلرَّقَبَةِ الْمُجْرَنَةِ فِي الْكَفَّارَةِ أَرْبَعَةٌ شُرُوطٌ. ذَكَرَ الْمُصَنِّفُ مِنْهَا شَرْطَيْنِ. الشَّرْطُ الْأَوَّلُ : مَا ذَكَرَهُ بِقَوْلِهِ (مُؤْمِنَةٌ) وَلَوْ بِإِسْلَامِ أَحَدِ الْأَبْوَيْنِ أَوْ تَبَعًا لِلسَّابِي أَوْ الدَّارِ. قَالَ تَعَالَى فِي كَفَّارَةِ الْقَتْلِ { فَتَحْرِيرُ رَقَبَةٍ مُؤْمِنَةٍ } . وَالْحَقُّ بِهَا غَيْرُهَا قِيَاسًا عَلَيْهَا، أَوْ حَمَلًا لِإِطْلَاقِ آيَةِ الظَّهَارِ عَلَى الْمُقَيَّدِ فِي آيَةِ الْقَتْلِ، كَحَمَلِ الْمُطَّلَقِ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى { وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ } عَلَى الْمُقَيَّدِ فِي قَوْلِهِ تَعَالَى : { وَأَشْهَدُوا ذَوِي عَدْلٍ مِنْكُمْ } .

2082. Bicara sekarang ini pada kifarat zihar. Perkara-perkaranya tiga. Pertamanya (**memerdekakan hamba**) kerana ayat yang mulia itu. Bagi hamba yang memada pada kifarat empat syarat. Musannif menyebutkan daripadanya dua syarat. Pertamanya apa yang dia sebutkan dengan katanya (**yang beriman**) walaupun dengan islam satu daripada dua ibu bapanya atau di atas jalan ikut orang yang menawannya atau negeri. Firman Allah taala pada kifarat bunuh "maka memerdekakan hamba yang beriman". Dihubungkan dengannya akan selainnya kerana kias di atasnya atau kerana menanggungkan itlak ayat zihar itu di atas yang muqayyad pada ayat bunuh, sama seperti menanggungkan yang mutlak pada firman Allah taala "dan adakanlah dua saksi daripada lelaki-lelaki kamu" di atas yang dikaitkan pada firman Allah taala "dan adakanlah saksi yang adil dari kalangan kamu".

الشَّرْطُ الثَّانِي مَا ذَكَرَهُ بِقَوْلِهِ : (سَلِيمَةٌ مِنَ الْغُيُوبِ الْمُضَرَّةِ بِالْعَمَلِ) إِضْرَارًا بَيْنًا لِأَنَّ الْمُقْصُودَ تَكْمِيلَ حَالِهِ لِيَتَفَرَّغَ لَوْطَانِيفِ الْأَحْرَارِ. وَإِنَّمَا يَحْصُلُ ذَلِكَ إِذَا اسْتَقَلَّ بِكِفَايَةِ نَفْسِهِ. وَالْأَفْصِيرُ كَلًّا عَلَى نَفْسِهِ أَوْ عَلَى غَيْرِهِ.

2083. Syarat kedua apa yang dia sebutkan dengan katanya (**yang selamat dari 'aib-'aib yang memudharatkan kerja**) sebagai mudharat yang jelas kerana tujuannya adalah menyempurnakan keadaannya supaya dia lapang untuk aktiviti orang merdeka. Demikian itu hanyalah terhasil apabila dia tersendiri dengan kecukupan dirinya, jika tidak maka jadilah ia beban di atas dirinya atau di atas orang lain.

تَنْبِيْهُ : قَالَ الْأَصْحَابُ : مُلَاحَظَةُ الشَّافِعِيِّ فِي الْعَيْبِ هُنَا مَا يَضُرُّ بِالْعَمَلِ تَظْيِيرُ مُلَاحَظَتِهِ فِي عَيْبِ الْأَضْحِيَّةِ مَا يُنْقِصُ اللَّحْمَ لِأَنَّهُ الْمُقْصُودُ فِيهَا وَفِي عَيْبِ النِّكَاحِ مَا يُخْلُ بِمَقْصُودِ الْجَمَاعِ وَفِي عَيْبِ الْمُبِيعِ مَا يُخْلُ بِالْمَالِيَّةِ، فَاعْتَبِرْ فِي كُلِّ مَوْضِعٍ مَا يَلِيْقُ بِهِ.

2084. Tanbih. Kata ashab Syafi'e : perhatian Syafi'e pada aib disini adalah apa yang memudharatkan kerja, sebanding perhatiannya pada aib korban apa yang mengurangkan daging kerana ia yang dimaksudkan padanya, dan pada 'aib nikah apa yang mencederakan maksud jimak dan pada 'aib barang jualan apa yang mencederakan keadaannya sebagai harta. Maka diiktibarkan pada setiap tempat apa yang layak dengannya.

فَيُجْزَى صَغِيرٌ وَلَوْ ابْنٌ يَوْمَ حُكْمٍ بِإِسْلَامِهِ لِإِطْلَاقِ الْآيَةِ الْكَرِيمَةِ وَلِأَنَّهُ يُرْجَى كِبَرُهُ كَالْمَرِيضِ يُرْجَى بُرُوءُهُ، وَأَقْرَعٌ وَهُوَ مَنْ لَا نَبَاتَ بِرَأْسِهِ، وَأَعْرَجٌ يُمَكِّنُهُ تَتَابُعُ الْمَشْيِ بِأَنْ يَكُونَ عَرَجُهُ غَيْرَ شَدِيدٍ، وَأَعْوَرٌ لَمْ يُضْعَفْ عَوْرُهُ بَصَرَ عَيْنِهِ السَّلِيمَةِ، وَأَصَمٌّ وَهُوَ فَاقِدُ السَّمْعِ، وَأَخْرَسٌ إِذَا فَهَمَتْ إِشَارَتُهُ وَيَفْهَمُ بِالْإِشَارَةِ، وَفَاقِدُ أَنْفِهِ وَفَاقِدُ أُذُنَيْهِ وَفَاقِدُ أَصَابِعِ رِجْلَيْهِ.

2085. Maka memada yang kecil walaupun bayi berumur sehari yang dihukumkan Islamnya kerana itlak ayat yang mulia itu dan kerana dia diharapkan menjadi dewasa sama seperti orang sakit yang diharapkan sembuh, dan orang yang botak iaitu yang tidak ada rambut kepala, dan yang capek yang boleh berturut-turut berjalan dengan bahawa capeknya tidak kuat, dan yang buta sebelah mata yang butanya tidak melemahkan pandangan matanya yang sihat, dan yang pekak iaitu orang yang luput pendengaran, dan yang bisu apabila difahami isyaratnya dan dia faham isyarat, dan yang luput dua telinganya dan yang luput jari-jari dua kakinya.

وَلَا يُجْزَى زَمَنٌ وَلَا فَاقِدُ رِجْلٍ أَوْ خِنْصِرٍ وَبِنَصْرِ مَنْ يَدٍ أَوْ فَاقِدُ أُنْمَلَتَيْنِ مِنْ غَيْرِهِمَا، وَلَا فَاقِدُ أُنْمَلَةٍ إِبْهَامٍ لَتَعْتَظَلْ مَنْفَعَةُ الْيَدِ. وَلَا يُجْزَى هَرَمٌ عَاجِزٌ وَلَا مَرِيضٌ لَا يُرْجَى بُرُوءَهُ. فَإِنْ بَرِيَ بَانَ الْإِجْرَاءُ عَلَى الْأَصْح.

2086. Tidak memada yang lumpuh dan tidak yang luput satu kaki atau kelingking dan jari manis dari satu tangan atau yang luput dua ruas jari dari selain keduanya, dan tidak yang luput satu ruas jari dari ibu jari kerana hilang manfaat tangan. Tidak memada yang sangat tua yang lemah dan tidak yang sakit yang tidak diharapkan sembuh. Maka jika dia sembuh ternyata memada di atas yang paling sah.

الشَّرْطُ الثَّلَاثُ : كَمَالُ الرَّقِّ فِي الْإِعْتَاقِ عَنِ الْكُفَّارَةِ، فَلَا يُجْزَى شِرَاءٌ قَرِيبٌ يَعْتِقُ عَلَيْهِ بِمَجْرَدِ الشِّرَاءِ بِأَنْ كَانَ أَصْلًا أَوْ قَرْعًا بِنَيْبَةِ عِتْقِهِ عَنِ كُفَّارَتِهِ لِأَنَّ عِتْقَهُ مُسْتَحَقٌّ بِجِهَةِ الْقَرَابَةِ فَلَا يَنْصَرَفُ عَنْهَا إِلَى الْكُفَّارَةِ، وَلَا عِتْقُ أُمِّ وَوَلَدٍ لِاسْتِحْقَاقِهَا الْعِتْقَ، وَلَا عِتْقُ ذِي كِتَابَةٍ صَحِيحَةٍ لِأَنَّ عِتْقَهُ يَقَعُ بِسَبَبِ الْكِتَابَةِ . وَيُجْزَى مُدَبَّرٌ وَمُعَلَّقٌ عِتْقُهُ بِصِفَةٍ.

2087. Syarat ketiga : sempurna kehambaan pada memerdekakan hamba dari kufarat. Maka tidak memada membeli kerabat yang merdeka di atasnya dengan semata-mata beli dengan bahawa kerabat itu asal atau fara'nya dengan niat memerdekakannya kerana merdekanya dihakkan dengan pihak kerabat maka tidak ia terpalang darinya kepada kufarat, dan tidak memerdekakan ummu walad kerana dia berhak merdeka, dan tidak memerdekakan yang punya kitabah yang sah kerana merdekanya jatuh dengan sebab kitabah. Memada yang ditadbir dan yang digantungkan merdekanya dengan sifat.

الشَّرْطُ الرَّابِعُ : خُلُوُّ الرَّقَبَةِ عَنِ شَوْبِ الْعَوْضِ . فَلَوْ أَعْتَقَ عَبْدَهُ عَنِ كُفَّارَتِهِ بِعَوْضٍ يَأْخُذُهُ مِنَ الرَّقِيقِ كَ: أَعْتَقْتُكَ عَنِ كُفَّارَتِي عَلَى أَنْ تَرُدَّ عَلَيَّ أَلْفًا، أَوْ عَلَى أَجْنَبِيٍّ كَ : أَعْتَقْتُ عَبْدِي هَذَا عَنِ كُفَّارَتِي بِأَلْفٍ لِي عَلَيْكَ. فَقِيلَ : لَمْ يُجْزِ ذَلِكَ الْإِعْتَاقُ عَنِ كُفَّارَتِهِ.

2088. Syarat keempat : sunyi hamba itu dari campuran bayaran. Maka kalau dia memerdekakan hambanya dari kufarat dengan bayaran yang dia ambil dari hamba itu seperti: aku merdekakan kamu dari kufarat ku di atas bahawa kamu berikan aku seribu, atau di atas seorang asing seperti : aku merdekakan hamba ku ini dari kufarat ku dengan seribu bagi ku di atas kamu. Maka dikatakan: tidak memada perbuatan memerdekakan itu dari kufaratnya.¹²¹

¹²¹. tidak memada dari kufarat serta merdekanya dengan bayaran itu.